LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2015

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN SIRI 1

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2015

Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Siri 1

Untuk Mengetahui Tindakan-Tindakan Yang Telah/Sedang/Akan Diambil Oleh Pihak Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan Terhadap Isu-Isu Yang Dilaporkan Dalam Laporan Ini, Mohon Baca Laporan Maklum Balas Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Tahun 2015 Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2015 Siri 1

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KANDUNGAN

KANDUNGAN

Muka Surat

ix	**KATA PENDAHULUAN**
xiii	**INTISARI LAPORAN**
	BAHAGIAN I
	PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
3	1. Pendahuluan
	JABATAN PERDANA MENTERI
	Agensi Pengurusan Bencana Negara
3	2. Pengurusan Pembinaan Dan Pembaikan Rumah Mangsa Banjir
	JABATAN PERDANA MENTERI / KEMENTERIAN DALAM NEGERI
	Jabatan Pertahanan Awam Malaysia
35	3. Pengurusan Perolehan Bekalan Dan Perkhidmatan
	KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
58	4. Pengurusan Tindakan Guaman Sivil Terhadap Syarikat
	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
75	5. Kawalan Gudang Berlesen Minuman Keras Dan Rokok
	KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH
95	6. Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Di Negeri Sabah
	KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH/ JABATAN KERJA RAYA
113	7. Projek Pembinaan Kampus UNIKL Malaysian Institute Of Aviation Technology (MIAT) Subang, Selangor
	KEMENTERIAN KERJA RAYA / JABATAN KERJA RAYA
132	8. Projek Membina Jalan Baru Dari Lebuh Raya Seremban-PD-FR5 Di Pasir Panjang Dan Menaik Taraf FRS Dari Pasir Panjang Ke Linggi, Negeri Sembilan (Seksyen 1)
	KEMENTERIAN KERJA RAYA / KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
150	9. Pengurusan Projek Pembinaan Semula Kuarters Jabatan Kebajikan Masyarakat

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
168 10. Projek Sambungan ERL Dari KLIA Ke klia2

KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR/
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Jabatan Perkhidmatan Pembetungan
194 11. Projek Pembentungan Di Bawah Fasa Pembersihan Sungai Program "River Of Life"

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
215 12. Pengurusan Aktiviti Rawatan Ortopedik
243 13. Pengurusan Perkhidmatan Syarikat Kawalan Keselamatan Swasta Di Hospital

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA / KEMENTERIAN KERJA RAYA
260 14. Projek Pembinaan Hospital Tampin Baharu, Negeri Sembilan

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
291 15. Pengurusan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal

Jabatan Perumahan Negara
322 16. Pembinaan Program Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 2, Selangor

KEMENTERIAN PERTAHANAN
345 17. Pengurusan Projek Jiwa Murni Di Negeri Sarawak

KEMENTERIAN DALAM NEGERI / KEMENTERIAN KERJA RAYA
Jabatan Penjara Malaysia
361 18. Pengurusan Projek Pembinaan Penjara Reman (Tegar), Johor Bahru, Johor

KEMENTERIAN DALAM NEGERI
378 Jabatan Imigresen Malaysia
19. Pelaksanaan Sistem Imigresen Malaysia (mylMMs)

401 KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
426 20. Pengurusan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Di Sekolah
21. Pengurusan Program Rancangan Makanan Tambahan

BAHAGIAN II
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN

453
453 22. Pendahuluan
488 23. Malaysia Convention & Exhibition Bureau
517 24. Pengurusan Perbadanan Kota Buku
534 25. Pengurusan Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.
571 26. Pengurusan Malaysian Agrifood Corporation Berhad
27. Pengurusan Sepang International Circuit Sdn. Bhd.

603 **PENUTUP**

KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti Kementerian/Jabatan serta pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Dewan Rakyat. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 4 jenis pengauditan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;

1.2. Pengauditan Pematuhan - untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan Persekutuan telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;

1.3. Pengauditan Prestasi - untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan Persekutuan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif/ matlamat yang ditetapkan; dan

1.4. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan - untuk menilai sama ada pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan dengan teratur.

2. Laporan saya mengenai pelaksanaan aktiviti Kementerian/Jabatan Persekutuan dan pengurusan syarikat Kerajaan bagi tahun 2015 Siri 1 mengandungi 2 bahagian seperti berikut:

Bahagian I : Pelaksanaan Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan

Bahagian II : Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan

3. Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan untuk menilai sama ada aktiviti Kerajaan Persekutuan telah diuruskan dengan cekap, berhemat dan selaras dengan objektif aktiviti berkenaan. Pengauditan tersebut melibatkan pelbagai aktiviti seperti program, perolehan, pengurusan hasil, pembinaan, keselamatan dan syarikat. Laporan ini mengandungi perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan terhadap 20 program/aktiviti/projek di bawah 19 Kementerian/Jabatan Persekutuan, pengurusan 5 syarikat Kerajaan dan pengurusan terhadap prestasi kewangan dan pengawasan syarikat Kerajaan. Pada umumnya,

terdapat kelemahan seperti kerja/bekalan/perkhidmatan tidak mengikut spesifikasi/tidak berkualiti/tidak sesuai; kelewatan tidak munasabah; *improper payment*; pembaziran; kelemahan pengurusan aset Kerajaan, keselamatan dan kelemahan pungutan hasil. Kelemahan tersebut adalah disebabkan oleh kecuaian dalam mematuhi peraturan/prosedur yang ditetapkan oleh Kerajaan; kurang teliti semasa merancang program/aktiviti/projek dan menetapkan skop serta spesifikasi tender; tidak memantau dengan kerap dan teliti kerja kontraktor/perunding; kurang kemahiran dalam pengurusan projek; kurang memberi perhatian terhadap keberhasilan/impak sesuatu program/aktiviti/projek dan kekurangan peruntukan untuk perolehan/penyenggaraan aset.

4. Seperti mana tahun yang lalu, Ketua Jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan dalam Laporan ini untuk tujuan pengesahan. *Exit Conference* bersama dengan Ketua Setiausaha Kementerian/ Ketua Jabatan/Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Kerajaan telah diadakan yang turut dihadiri oleh wakil Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Kementerian Kewangan Malaysia dan kontraktor. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Kerajaan berkenaan, saya telah mengemukakan 78 syor untuk memperbaiki kelemahan yang telah dikenal pasti.

5. *Auditor General's Dashboard* yang dilaksanakan mulai 31 Mei 2013 telah mencapai matlamat GTP 2.0 di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) iaitu Memerangi Rasuah. Ia memaparkan isu dan status terkini tindakan Laporan Ketua Audit Negara. Mekanisme ini berjaya membantu Kementerian/Jabatan/Syarikat menyalurkan maklum balas dengan cepat dan pantas. Ini membuktikan komitmen dan keprihatinan Kementerian/Jabatan/Syarikat khususnya Kerajaan dalam menjelaskan kedudukan terkini isu Laporan Ketua Audit Negara serta merupakan saluran pemberitahuan kepada pihak awam berhubung status tindakan yang telah diambil.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.

(TAN SRI HJ. AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
20 April 2016

INTISARI LAPORAN

INTISARI

BAHAGIAN I – PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

JABATAN PERDANA MENTERI

Agensi Pengurusan Bencana Negara

1. Pengurusan Pembinaan Dan Pembaikan Rumah Mangsa Banjir

a. Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada asalnya merupakan sebuah agensi peneraju utama (National Focal Point) dalam pengurusan bencana negara. Mulai 26 Ogos 2015, Kerajaan telah menubuhkan Agensi Pengurusan Bencana Negara (APBN) yang mengambil alih sepenuhnya semua fungsi dan tanggungjawab MKN sebelum ini. APBN bertanggungjawab untuk menyelaras pengurusan bencana negara serta membentuk dan memastikan segala dasar dan mekanisme pengurusan bencana negara dipatuhi dan dilaksanakan di setiap peringkat pengurusan bencana. Pengurusan bencana negara dilaksana berpandukan kepada Arahan Majlis Keselamatan Negara No. 20 iaitu Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara yang mengandungi rangka kerja strategi, arahan, pelan tindakan, hala tuju dan dasar dalam pengurusan bencana negara. Segala peruntukan dan perbelanjaan bagi pengurusan bencana diuruskan menggunakan Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN). Pada akhir tahun 2014, sebanyak 5 buah Negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak dan Sabah telah dilanda bencana banjir besar yang menyebabkan berlaku kehilangan nyawa, kerosakan dan kehilangan rumah serta kesusahan kepada semua mangsa banjir terlibat. Bagi membantu mangsa bencana memulakan kehidupan pasca banjir, Kerajaan Persekutuan menerusi MKN telah memperuntukkan dana berjumlah RM500 juta kepada KWABBN. Objektif pemberian dana ini adalah sebagai bantuan untuk maksud imbuhan kehilangan dan kerosakan yang dialami oleh mangsa bencana.

b. Pengauditan yang dijalankan di 5 negeri yang terlibat dalam bencana banjir besar (Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak dan Sabah) antara bulan September hingga November 2015 bagi projek pembinaan RKB dan kerja pembaikan rumah mangsa banjir mendapati proses awal bagi pemilihan penerima bantuan, verifikasi, pelantikan kontraktor, pelaksanaan dan pengesahan kerja pembinaan/pembaikan serta prosedur pembayaran telah dibuat selaras dengan arahan Kerajaan untuk ia dilaksanakan dengan kadar yang segera (fast track). Bagaimanapun masih terdapat beberapa perkara yang boleh memberi kesan terhadap kecekapan dan keberkesanan projek seperti berikut:

i. prestasi keseluruhan projek pembinaan RKB adalah kurang memuaskan. Sejumlah 557 (40%) dari 1,395 unit RKB belum siap dibina menyebabkan mangsa banjir masih menetap di rumah transit, khemah dan sebagainya;

ii. beberapa maklumat penerima RKB dan kerja pembaikan rumah mangsa banjir di dalam sistem ePASCA BANJIR tidak dikemas kini menyebabkan kurangnya keyakinan terhadap integriti data dan kebolehpercayaan kepada sistem;

iii. seramai 54 penerima RKB dan kerja pembaikan rumah tidak memenuhi syarat kelayakan. Antara syarat yang tidak dipatuhi adalah seperti keadaan rumah yang tidak bersifat *total loss*, kediaman yang tidak diduduki, rumah sewa, rumah kedai dan penerima tidak bermastautin;

iv. seramai 36 mangsa banjir tidak mendapat sebarang bantuan projek pembinaan RKB atau kerja pembaikan rumah sungguhpun rumah-rumah berkenaan telah musnah atau mengalami kerosakan akibat banjir. Perkara ini memerlukan tindakan dan perhatian sewajarnya oleh pihak yang bertanggungjawab;

v. pelaksanaan projek pembinaan RKB dan kerja pembaikan rumah yang kurang berkesan. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah dari segi pematuhan kepada reka bentuk yang ditetapkan; ketidakupayaan kontraktor melaksanakan kerja-kerja yang ditawarkan; status projek terbengkalai dan kesesuaian keadaan tapak projek;

vi. pelaksanaan kerja pembaikan di luar skop kerja melibatkan 109 buah rumah. Antara skop kerja yang dimaksudkan adalah seperti kerja pembaikan stor dan bangsal; pembinaan garaj dan dinding baru; kerja mengecat pagar batu; penggantian bumbung yang tidak terjejas akibat banjir dan kerja pemasangan gril, kipas, kabinet serta siling; dan

vii. sebanyak 17 buah rumah yang telah siap dibina dan dibaiki belum diduduki atau dimanfaatkan oleh penerima bantuan atas faktor ketidaksediaan untuk berpindah, masalah penyediaan bekalan utiliti dan penyerahan rasmi belum dijalankan.

c. Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa akan datang, Kerajaan mendapat *best value for money* atas perbelanjaan yang dilakukan dan objektif Kerajaan untuk memberi bantuan segera kepada mangsa banjir tercapai, adalah disyorkan kepada APBN untuk mengambil tindakan terhadap perkara seperti yang berikut:

i. Prosedur Operasi Standard (SOP) yang khusus dan komprehensif untuk program pasca banjir perlu disediakan segera oleh APBN bagi projek pembinaan RKB dan kerja pembaikan rumah termasuk kaedah permohonan, pemilihan, verifikasi serta pengemaskinian maklumat ke dalam sistem ePASCA BANJIR. Penyediaan SOP ini penting bagi memastikan setiap pihak yang terlibat lebih memahami fungsi dan tanggungjawab masing-masing;

ii. APBN perlu mengkaji semula proses/kaedah pemilihan penerima bantuan agar ia dapat dilaksanakan dengan lebih telus, terbuka serta melibatkan semua pihak termasuk mangsa banjir sendiri; dan

iii. APBN perlu mengambil tindakan dengan menyelaraskan penempatan penerima bantuan ke RKB yang telah disiapkan dengan kadar yang segera.

[muka surat : 3 – 34]

JABATAN PERDANA MENTERI / KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Jabatan Pertahanan Awam Malaysia
2. Pengurusan Perolehan Bekalan Dan Perkhidmatan

a. Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) merupakan agensi pertahanan awam yang ditubuhkan pada tahun 1952 melalui Ordinan Pertahanan Awam 1951. Antara fungsi JPAM adalah menggubal dasar yang sesuai mengenai Pertahanan Awam; mengelola dan menyenggara Angkatan Pertahanan Awam melalui perkhidmatan sokongan dan logistik; melatih dan mendidik orang ramai mengenai Pertahanan Awam supaya mereka dapat menerima dan memberi tindak balas yang sewajarnya kepada program yang penting bagi keselamatan diri mereka; mengubah dan menyusun jenis latihan yang sesuai bagi Angkatan Pertahanan Awam mengikut keadaan semasa; menyediakan khidmat bantuan kecemasan dan talian 999 di seluruh Negara; dan melakukan tugas menyelamat dan menyelia mangsa bencana dan kemalangan di seluruh negara. JPAM yang sebelum ini di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) mulai 29 Julai 2015. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 sejumlah RM368.14 juta telah dibelanjakan oleh JPAM untuk perbelanjaan mengurus dan sejumlah RM40.54 juta di bawah peruntukan pembangunan.

b. Pengauditan yang dijalankan di KDN, Ibu Pejabat Pertahanan Awam (IPPA) serta 4 Pejabat Negeri Pertahanan Awam (PNPA) di Terengganu, Johor, Kedah dan Sarawak antara bulan Jun hingga September 2015 mendapati KDN dan JPAM antaranya telah membuat pelantikan Jawatankuasa Pembukaan dan Penilaian Sebut Harga/Tender; keahlian Jawatankuasa Sebut Harga/Tender; dan mendokumenkan keputusan mesyuarat rundingan harga dengan teratur. Bagaimanapun, secara keseluruhan pengurusan perolehan bekalan dan perkhidmatan JPAM adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberikan perhatian antaranya seperti yang berikut:

i. kelemahan perancangan menyebabkan berlakunya pecah kecil dalam pengurusan perolehan bernilai RM5.80 juta;

ii. kelewatan menandatangani kontrak antara 93 hingga 554 hari dan kelewatan mengemukakan bon pelaksanaan antara 4 hingga 70 hari bernilai RM0.65 juta;

iii. tiga jenis peralatan yang dibekalkan terdiri daripada 1,010 pasang kasut getah, 8 *jet ski* dan 64 *surf board* bernilai RM0.84 juta tidak mengikut spesifikasi; dan

iv. peralatan yang diagih oleh IPPA/PNPA tidak bersamaan dengan rekod terimaan di PNPA/PDPA. Selain itu, peralatan antaranya seperti *inflatable boat 12'*, *commander signal baton*, topi keselamatan, generator set, pakaian kalis api, *breathing apparatus* dan *surf board* yang dibeli melebihi 250 hari tidak digunakan dan tidak diujilari.

c. Bagi memastikan pengurusan perolehan bekalan dan perkhidmatan di JPAM dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan cekap serta Kerajaan mendapat *best value for money* terhadap perbelanjaan yang telah dilakukan, adalah disyorkan pihak KDN dan JPAM mempertimbangkan perkara yang berikut:

i. JPAM dan semua PTJ di bawah kawalannya perlu memastikan setiap perolehan dan penerimaan dibuat mengikut prosedur kewangan dan kawalan dalaman yang ditetapkan. Tindakan tatatertib hendaklah diambil terhadap pegawai yang terbukti telah memecah kecilkan perolehan;

ii. KDN dan JPAM perlu mengambil perhatian yang serius berhubung pengurusan dan pentadbiran kontrak bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan melicinkan urusan yang berhubung kait dengan pelaksanaan sesuatu perolehan; dan

iii. JPAM perlu memastikan semua rekod harta modal dan inventori diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini serta pengurusan stor dilaksanakan dengan teratur supaya aset dan inventori dapat dikawal dengan baik.

[muka surat : 35 – 57]

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

3. Pengurusan Tindakan Guaman Sivil Terhadap Syarikat

a. Tindakan Guaman Sivil terhadap syarikat adalah tindakan undang-undang yang difailkan di mahkamah sivil terhadap syarikat bagi tujuan mendapatkan penghakiman/perintah supaya syarikat menjelaskan tunggakan cukai. Tindakan guaman sivil dilaksanakan apabila tindakan pemungutan biasa yang dibuat oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) gagal untuk memungut cukai terhutang. Tunggakan cukai pendapatan syarikat (jumlah bersih Akaun Belum Terima) bagi tahun berakhir 2013 adalah berjumlah RM4.766 bilion (56.55%) daripada keseluruhan tunggakan cukai berjumlah RM8.429 bilion manakala jumlah tunggakan cukai pendapatan syarikat pada akhir tahun 2014 berjumlah RM4.365 bilion (53.08%) daripada RM8.224 bilion.

b. Pengauditan yang dijalankan di Cawangan Cheras, Cawangan Wangsa Maju dan Cawangan Pembayar Cukai Besar di Jalan Tuanku Abdul Halim, Kuala Lumpur antara bulan Mei hingga Julai 2015 terhadap 312 saman syarikat mendapati LHDNM telah mengambil tindakan positif dengan melaksanakan pemencaran fail guaman sivil syarikat kepada semua cawangan mulai Januari 2014 bagi

membolehkan tindakan segera diambil terhadap kes-kes berkenaan. Bagaimanapun, semakan yang dijalankan di 3 Cawangan LHDNM mendapati pengurusan guaman sivil masih kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan yang ditemui daripada pelaksanaan pengurusan guaman sivil seperti yang berikut:

i. pengukuran prestasi Unit Undang-undang Syarikat yang dimulakan pada tahun 2014 tidak dapat dibuat dengan tepat kerana statistik pencapaian prestasi yang dikeluarkan oleh ketiga-tiga cawangan adalah berbeza dengan statistik yang dikemukakan oleh Jabatan Pungutan Hasil (JPH);

ii. ketidakpatuhan terhadap Prosedur Kerja melibatkan:

- kelewatan mendaftar 140 saman (44.9%) daripada 312 saman di mahkamah antara 10 hingga 880 hari melibatkan tunggakan berjumlah RM113.94 juta;
- kelewatan penyerahan 108 saman (34.6%) daripada 312 saman kepada syarikat antara 2 hingga 128 hari melibatkan tunggakan berjumlah RM95.50 juta;
- tindakan tidak diambil selepas penghakiman diperolehi melibatkan 29 kes dengan jumlah tuntutan RM12.44 juta;
- 17 Notis Tuntutan (5.4%) daripada 312 notis lewat diserah antara 5 hingga 1361 hari melibatkan tuntutan berjumlah RM79.10 juta serta 32 Notis Tuntutan (10.3%) masih belum diserah kepada syarikat sehingga tarikh akhir pengauditan pada 1 Julai 2015 dengan tempoh antara 100 hingga 885 hari melibatkan tuntutan cukai berjumlah RM5.56 juta;
- tindakan penggulungan tidak dimulakan terhadap 3 syarikat yang gagal menjelaskan baki tuntutan tunggakan cukai berjumlah RM326,051; dan

iii. tiada tindakan diambil terhadap kegagalan 7 syarikat mematuhi Jadual Ansuran melibatkan baki ansuran berjumlah RM634,810 serta pengemukaan cek tak laku bagi bayaran ansuran melibatkan amaun berjumlah RM941,763.

c. Bagi mempertingkatkan lagi tahap pengurusan guaman sivil syarikat, adalah disyorkan supaya LHDNM mempertimbangkan perkara yang berikut:

i. JPH perlu memastikan data yang dikeluarkan adalah sama dengan statistik di cawangan agar pelaporan yang tepat dapat dikemukakan;

ii. LHDNM perlu meningkatkan kecekapan pengurusan saman dari aspek penyerahan saman dan Notis Tuntutan kepada syarikat; dan

iii. LHDNM hendaklah melaksanakan pemantauan bayaran ansuran secara berkesan dan tindakan yang lebih tegas dilaksanakan agar syarikat menjelaskan tunggakan cukai mengikut jadual yang telah ditetapkan.

[muka surat : 58 – 74]

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

4. Kawalan Gudang Berlesen Minuman Keras Dan Rokok

a. Gudang berlesen adalah gudang yang menempatkan barang dagangan import yang ditangguhkan pembayaran duti kastam sehingga ianya dibawa keluar untuk dieksport atau dijual di pasaran tempatan. Lesen di bawah Seksyen 65, Akta Kastam 1967 perlu diperoleh daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sebelum sesebuah gudang berlesen itu memulakan operasi. Kemudahan gudang berlesen telah diperluaskan untuk membolehkan pengusaha menggunakan kemudahan ini sebagai satu pusat penyimpanan dan pengedaran dalam negara dan juga perdagangan antarabangsa. Antara aktiviti yang dibenarkan di dalam gudang berlesen adalah penggudangan barang yang dikenakan duti kastam dan barangan lain yang dikawal pemindahan/pergerakannya; pecah pukal; pembungkusan semula; penandaan semula; jual beli; penggabungan; dan perdagangan *entreport* (iaitu aktiviti mengimport barang untuk diproses atau disimpan dan dieksport semula). Prestasi pungutan hasil JKDM melalui Gudang Berlesen Awam (GBA) dan Gudang Berlesen Persendirian (GBP) bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 adalah berjumlah RM3.922 bilion. Setakat 31 Disember 2015, sebanyak 64 (18.1%) daripada 353 pelesen GBA/GBP yang terlibat dengan penyimpanan minuman keras dan rokok.

b. Pengauditan yang dijalankan di Unit Pengurusan dan Kawalan Gudang, Cawangan Fasilitasi Perdagangan dan Perindustrian, Bahagian Perkastaman, Ibu Pejabat JKDM; Cawangan/Unit Perindustrian, Pejabat Kastam Negeri; serta 43 (67.2%) buah gudang berlesen awam dan persendirian yang menyimpan minuman keras dan rokok di 5 negeri (WP Kuala Lumpur, Perlis, Johor, Sabah dan Sarawak) pada bulan Mei hingga September 2015 mendapati pada umumnya pengurusan kawalan gudang berlesen awam dan persendirian (minuman keras dan rokok) JKDM adalah memuaskan. Lawatan Audit mendapati 26 (96.3%) daripada 27 GBA/GBP telah menjalankan aktiviti yang dibenarkan, barangan berduti disimpan dalam kawasan yang dilesenkan serta barangan disusun dan dilabelkan dengan teratur. Selain itu, kesemua 5 JKDM Negeri yang dilawati telah mengawal pemindahan barangan berduti kritikal antara gudang berlesen dan ke Pulau Bebas Cukai (Langkawi dan Tioman) dengan teratur. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti yang berikut:

   i. JKDM WPKL dan Perlis tidak menetapkan nilai jaminan bank yang betul bagi 3 GBP mengakibatkan sejumlah RM14.06 juta duti barangan tidak dilindungi bagi memelihara kepentingan hasil Kerajaan;

   ii. sebanyak 6 GBP mempunyai barangan berduti yang disimpan melebihi tempoh 2 tahun tanpa kelulusan perlanjutan dan tiada tuntutan duti berjumlah RM2.10 juta dibuat;

   iii. pemindahan barangan berduti tidak mematuhi prosedur yang ditetapkan;

- sebanyak 4 GBP di Perlis tidak mematuhi syarat tambahan iaitu menyedia dan menyerahkan penyata imbangan bulanan (mengandungi butir-butir pengeksportan dan bukti pembayaran dari pengimport di Thailand); dan
- keempat-empat GBP di Johor yang terlibat dalam aktiviti pembekalan bekalan kapal yang mempunyai nilai duti berjumlah RM20.27 juta untuk tempoh 3 tahun tidak dapat disahkan sama ada pemindahan barangan berduti dari pelabuhan ke kapal telah diiringi oleh Pegawai Kastam bagi tujuan memeterai stor-stor kapal; dan

iv. kurang pemantauan oleh JKDM Negeri di mana:

- sebanyak 41 (95.3%) daripada 43 pelesen tidak mengemukakan Penyata Stok Tahunan yang disahkan oleh Juruaudit Bertauliah kepada JKDM;
- pemeriksaan fizikal 100% setahun sekali bagi tempoh 3 tahun hanya dilaksanakan sebanyak 68 (54.8%) daripada 124 kali; dan
- satu GBP daripada 26 GBA/GBP yang dilawati mempunyai barangan berduti yang telah tamat tempoh melibatkan duti berjumlah RM238,433.

c. Bagi memastikan pengurusan kawalan gudang berlesen (minuman keras dan rokok) dapat dilaksanakan secara teratur dan berkesan, adalah disyorkan supaya JKDM memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap perkara seperti yang berikut:

i. Ibu Pejabat JKDM hendaklah memantau secara bulanan supaya pelesen gudang berlesen persendirian mempunyai jaminan bank yang mencukupi bagi melindungi hasil Kerajaan dan menguatkuasakan PTK Bil. 53 terkini sebelum atau pada 30 Jun 2016;

ii. Pengarah Kastam Negeri hendaklah membuat tuntutan duti/cukai kepada GBP yang mempunyai barangan berduti yang disimpan melebihi 2 tahun tanpa kelulusan tempoh perlanjutan sebelum atau pada 30 Jun 2016;

iii. Pengarah Kastam Negeri hendaklah memastikan prosedur pemindahan barangan berduti dipatuhi khususnya di Negeri Kedah dan Perlis bagi syarat tambahan urus niaga dengan pengimport Thailand dan Negeri Selangor, Pulau Pinang dan Johor bagi pemindahan bekalan berduti ke kapal bagi mengelakkan berlakunya ketirisan hasil Kerajaan;

iv. Ibu pejabat JKDM hendaklah mengemas kini PTK Bil. 53 sebelum akhir tahun 2016 supaya syarikat yang disyaki berlaku ketidakpatuhan dan pelanggaran syarat lesen sahaja perlu mengemukakan penyata stok yang disahkan oleh Juruaudit Bertauliah; dan

v. semua Pengarah Kastam Negeri hendaklah memastikan program pemeriksaan fizikal 100% setahun sekali dilaksanakan.

[muka surat : 75 – 94]

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

5. Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Di Negeri Sabah

a. Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) telah mula dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia sejak tahun 1974 di bawah Skim *Accelerated Rural Water Supply* dalam Rancangan Malaysia Kedua (RMKe-2). Objektif utama Program BALB adalah untuk menyediakan kemudahan bekalan air bersih dan terawat agar taraf kesihatan dan kualiti hidup masyarakat di kawasan luar bandar dapat dipertingkatkan, seterusnya merangsang pembangunan ekonomi, industri, pertanian dan juga pelancongan serta memperluaskan liputan bekalan air di kawasan luar bandar di seluruh negara. Bagi Negeri Sabah, pelaksanaan Program BALB di bawah Bidang Keberhasilan Negara (NKRA) - Meningkatkan Pembangunan Luar Bandar telah bermula sejak tahun 2010 iaitu di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) 1.0 (tahun 2010 hingga 2012) dan GTP 2.0 (tahun 2013 hingga 2015). Di bawah GTP 1.0 dan GTP 2.0 sebanyak 184 projek BALB dengan peruntukan berjumlah RM2.001 bilion telah dan sedang dilaksanakan.

b. Pengauditan yang dijalankan di KKLW, JANS serta 12 projek BALB yang melibatkan 11 daerah iaitu Keningau, Kota Kinabalu, Semporna, Kudat, Kota Belud, Tuaran, Sipitang, Kinabatangan, Kuala Penyu, Bongawan dan Membakut mendapati secara amnya prestasi pelaksanaan Program BALB di Negeri Sabah adalah baik kerana sasaran penyediaan akses kepada kemudahan bekalan air bersih dan terawat kepada masyarakat di kawasan luar bandar telah dicapai melebihi 90% daripada jumlah yang disasarkan. Prestasi perbelanjaan program juga di tahap baik dengan 96.7% daripada peruntukan telah dibelanjakan dengan sewajarnya. Selain itu, sebanyak 169 (98.8%) projek di bawah GTP 1.0 disiapkan dalam tempoh pelaksanaan kerja yang ditetapkan. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit terhadap 12 projek mendapati kelemahan yang berikut:

   i. Laporan Awalan bagi satu projek (Projek Bekalan Air Mukim Tulid/Lanas/Sook, Negeri Sabah) tidak disediakan dengan lengkap dan menyeluruh kerana jajaran paip tidak mengambil kira satu kampung di Mukim Sook;

   ii. Projek BALB Sistem Retikulasi Tahun 2011/2012 Negeri Sabah - Zon 6a(3), Kota Belud tidak siap dalam tempoh yang ditetapkan. Bayaran ganti rugi tertentu dan ditetapkan bagi tempoh 16 Julai 2014 hingga 15 Oktober 2015 (tarikh CPC dikeluarkan) berjumlah RM584,005 belum dikutip daripada kontraktor;

   iii. ketiadaan koordinasi antara unit di KKLW menyebabkan pelaksanaan Projek BALB Di Kawasan Kinabatangan, Sabah Tahun 2012 tergendala di mana kerja-kerja pemasangan paip dihentikan sementara disebabkan oleh kerja-kerja naik taraf jalan di bawah Program Jalan Luar Bandar (JALB);

   iv. Projek BALB-Retikulasi di Pulau Gaya termasuk tangki takungan khidmat (berkapasiti 5 juta liter air) yang menyasarkan 2,441 buah rumah telah siap tetapi belum beroperasi secara optimum kerana penyambungan dan

pemasangan paip ke kampung-kampung dihentikan berdasarkan Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Bersepadu Pulau Gaya, Kota Kinabalu Bil. 02/2012 yang memutuskan status kampung di Pulau Gaya adalah tidak sah; dan

v. prestasi penyambungan meter oleh pengguna bagi 5 projek BALB-Retikulasi yang telah siap dan beroperasi berada di tahap yang rendah iaitu hanya 38.4% berbanding jumlah liputan rumah yang disasarkan oleh KKLW (hanya 3,032 jumlah penyambungan meter daripada 7,901 bilangan rumah yang disasarkan).

c. Bagi memastikan isu yang dibangkitkan dapat ditambah baik dengan cekap dan berkesan, pihak Audit mengesyorkan agar pihak yang terlibat mengambil langkah-langkah penambahbaikan seperti yang berikut:

i. KKLW perlu membuat penilaian *outcome* terhadap projek-projek yang telah dilaksanakan di bawah Program BALB di Negeri Sabah bagi mengenal pasti sama ada kemudahan yang disediakan telah digunakan oleh rakyat secara optimum dan Kerajaan mendapat *best value for money* atas perbelanjaan;

ii. KKLW/JANS hendaklah mengambil tindakan proaktif dan punitif terhadap kontraktor dan perunding sebagaimana klausa kontrak dan peruntukan undang-undang; dan

iii. KKLW bersama Agensi Pelaksana yang terlibat secara langsung hendaklah memperluaskan skop Program BALB dengan menyambungkan bekalan air terus ke rumah bagi masyarakat luar bandar dari kategori miskin tegar.

[muka surat : 95 – 112]

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH / JABATAN KERJA RAYA

6. Projek Pembinaan Kampus UniKL Malaysian Institute Of Aviation Technology (MIAT) Subang, Selangor

a. Projek Kampus UniKL Malaysian Institute Of Aviation Technology (MIAT) Subang, Selangor adalah projek Kerajaan Persekutuan yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Kampus ini merupakan kampus tambahan kepada kampus sedia ada di Jenderam Hulu, Dengkil, Selangor. Objektif projek pembinaan kampus ini adalah untuk menyediakan latihan teknikal dalam bidang penerbangan dan aeroangkasa di samping memberi pendedahan kepada para pelajar tentang pesawat hidup (live aircraft) yang boleh beroperasi secara amali dan realistik bagi memenuhi keperluan pembangunan industri penerbangan negara. Projek ini dilaksanakan atas tanah seluas 21.33 ekar yang terletak di Lot PT40446, Persiaran A, Off Jalan Lapangan Terbang Subang, Subang, Selangor. Jabatan Kerja Raya (JKR) telah dilantik sebagai agensi pelaksana bagi pihak pelanggan iaitu Majlis Amanah Rakyat (MARA), Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW). Kementerian Kewangan Malaysia telah bersetuju

untuk menawarkan kontrak ini kepada Syarikat Nadi Cergas Sdn. Bhd. secara rundingan terus. Kontrak pembinaan ini bernilai RM130 juta dan perlu disiapkan dalam tempoh 24 bulan dari tarikh pemilikan tapak pada 18 Februari 2013.

b. Pengauditan yang dijalankan di Cawangan Kerja Bangunan Am 1, JKR dan Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan, JKR serta jabatan pelanggan, iaitu Bahagian Binaan Dan Selenggara, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur antara bulan Ogos hingga November 2015 mendapati pengurusan Projek Pembinaan Kampus UniKL MIAT Subang dari segi pelaksanaan pada umumnya adalah baik. Antaranya ialah kontrak telah ditandatangani dalam tempoh masa yang ditetapkan, bayaran interim dan bayaran pendahuluan adalah teratur, urusan Bon Pelaksanaan serta polisi insurans telah mematuhi peraturan dan syarat kontrak. Dari segi pemantauan, mekanisme pemantauan telah diwujudkan oleh JKR dengan baik bagi memantau kerja pihak kontraktor. Projek ini juga telah mengambil kira hasil makmal pengurusan nilai selaras dengan hasrat Kerajaan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan seperti yang berikut:

   i. kegagalan kontraktor menyiapkan projek dalam tempoh lanjutan yang ditetapkan;

   ii. isu tapak untuk pembinaan *taxiway* masih belum selesai akibat daripada perpindahan tapak pembinaan yang boleh menyebabkan objektif pembinaan projek tidak dapat dicapai sebagaimana dirancang;

   iii. kelewatan memuktamadkan rundingan harga; dan

   iv. terdapat reka bentuk pembinaan yang tidak sesuai, kerja pembinaan yang kualitinya tidak memuaskan dan kerja elektrik yang kurang sempurna.

c. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan, adalah disyorkan supaya tindakan berikut diambil:

   i. JKR hendaklah memastikan kontraktor mematuhi keperluan pihak berkuasa yang berkenaan dan memperoleh *Certificate of Compliance and Completion*;

   ii. pihak MARA terus berbincang dengan MAB dan berusaha menyelesaikan masalah perolehan tapak *taxiway* dengan pihak yang lebih berkuasa supaya kemudahan *taxiway* dapat diperoleh dan objektif pembinaan dapat dicapai; dan

   iii. JKR perlu memastikan kontraktor memperbaiki semua kecacatan supaya bangunan dapat berfungsi dengan sempurna.

[muka surat : 113 – 131]

KEMENTERIAN KERJA RAYA / JABATAN KERJA RAYA

7. Projek Membina Jalan Baru Dari Lebuh Raya Seremban-PD-FR5 Di Pasir Panjang Dan Menaik Taraf FR5 Dari Pasir Panjang Ke Linggi, Negeri Sembilan (Seksyen 1)

a. Projek Membina Jalan Baru Dari Lebuh Raya Seremban-PD-FR5 Di Pasir Panjang Dan Menaik Taraf FR5 Dari Pasir Panjang Ke Linggi, Negeri Sembilan (Seksyen 1) adalah projek di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) dengan kos siling asal berjumlah RM160 juta. Tujuan projek ini adalah bagi mengatasi kesesakan jalan raya di Teluk Kemang, Port Dickson terutamanya pada musim perayaan dan cuti sekolah memandangkan Port Dickson merupakan pusat pelancongan utama. Selain itu, penduduk setempat menggunakan jalan yang sama untuk ke Lukut dan Linggi kerana tiada jalan alternatif yang lain. Pelanggan bagi projek ini ialah Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) telah dilantik sebagai agensi pelaksana. Skop kerja bagi projek ini adalah membina jalan *Arterial A* dan *mainline* dari CH7700 ke CH8579 serta menaik taraf laluan FR5 dari Pasir Panjang ke Linggi. Jarak keseluruhan jalan baru dan naik taraf adalah 22.6 km. Projek membina jalan *Arterial B* dilaksanakan dalam kontrak berasingan sebagai Seksyen 2. Projek ini bermula pada bulan Februari 2005 dan sepatutnya siap pada bulan Ogos 2007 iaitu selama 2 tahun 6 bulan. Kontraktor yang dilantik ialah Hartajaya-Benteng Timur-AMR Jeli JV Sdn. Bhd. (HBA-JV). Kemajuan kerja kontraktor ini tidak memuaskan menyebabkan ia telah ditamatkan melalui Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor pada 23 Disember 2009 dengan kemajuan kerja 64.6%. Bagaimanapun, kontraktor yang sama telah dilantik semula untuk menyambung baki kerja tetapi prestasi kemajuan kerja masih tidak memuaskan dengan peningkatan hanya 3.6% dan telah ditamatkan pada 9 Mei 2013. Akhirnya, Kerajaan telah melantik kontraktor penyelamat iaitu Seroja Anggerik Development Sdn. Bhd. pada 27 Mac 2014 dan projek dapat disiapkan pada 28 Disember 2015.

b. Pengauditan terhadap Projek Membina Jalan Baru Dari Lebuh Raya Seremban-PD-FR5 Di Pasir Panjang Dan Menaik Taraf FR5 Dari Pasir Panjang Ke Linggi, Negeri Sembilan (Seksyen 1) yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2015 mendapati pengurusan projek ini adalah tidak memuaskan kerana mengambil tempoh masa yang lama untuk disiapkan melebihi 10 tahun dan pembinaan jambatan tidak mengikut lukisan pembinaan. Bagaimanapun, peraturan lain berkaitan pentadbiran kontrak telah dipatuhi seperti kontrak telah ditandatangani dalam tempoh masa yang ditetapkan, bayaran pendahuluan adalah teratur dan urusan Bon Pelaksanaan telah mematuhi syarat kontrak. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti yang berikut:

   i. penyiapan projek telah mengambil masa yang lama iaitu melebihi 10 tahun yang sepatutnya disiapkan dalam tempoh 2 tahun 6 bulan;

   ii. pelantikan semula kontraktor yang sama bagi kontrak kedua adalah tidak wajar kerana tidak mematuhi keputusan oleh Jawatankuasa Projek Sakit JKR;

iii. kelewatan sehingga 1 tahun 10 bulan (setakat tarikh *exit conference* pada 16 Februari 2016) dalam penyediaan Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor bagi kontrak pertama dan kontrak kedua; dan

iv. pembinaan jambatan tidak mengikut lukisan pembinaan dan masalah *relocation utilities* tidak diuruskan dengan cekap.

c. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan, adalah disyorkan supaya JKR mengambil tindakan seperti yang berikut:

i. JKR perlu membina pembahagi jalan dan lampu isyarat di persimpangan Jalan Kg. Sungai Sekawang, CH17050 untuk menjamin keselamatan pengguna jalan ini;

ii. JKR hendaklah memantau dengan teliti mutu kerja dan tempoh penyiapan projek yang dilaksanakan oleh kontraktor supaya tidak berlaku kerugian di pihak Kerajaan sekiranya berlaku kemungkiran oleh kontraktor atau projek ditamatkan. Penilaian ke atas kerja kontraktor juga perlu dibuat dengan tepat agar penyediaan Perakuan Muktamad Kontrak dapat dibuat dengan segera dan tuntutan Kerajaan dapat dibuat dengan lebih awal; dan

iii. JKR perlu memastikan kontraktor membaiki semua kecacatan sebelum penyerahan jalan kepada KKR untuk menjamin keselamatan pengguna jalan raya termasuk menyediakan laporan ujian *International Roughness Index* (IRI).

[muka surat : 132 – 149]

KEMENTERIAN KERJA RAYA / KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

8. Pengurusan Projek Pembinaan Semula Kuarters Jabatan Kebajikan Masyarakat

a. Pada 21 Disember 2012, Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah meluluskan projek pembinaan semula kuarters di 9 institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan kos berjumlah RM100 juta secara tender terbuka. Kelulusan ini adalah dalam *Rolling Plan* Ketiga di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10). Projek pembinaan semula kuarters ini adalah bertujuan untuk menyediakan kuarters untuk kegunaan kakitangan JKM yang melibatkan pembinaan 132 unit kuarters baharu dan kerja meroboh serta membina semula 181 unit kuarters sedia ada. Pada 22 Mei 2013, KPWKM telah mengemukakan permohonan penambahan skop kerja terhadap projek pembinaan ini. Penambahan skop ini adalah melibatkan penambahan sebanyak 33 unit kuarters yang menjadikan bilangan keseluruhan unit kuarters yang akan dibina adalah sebanyak 346 unit dan kemudahan lif untuk 17 blok kuarters bagi kuarters di 9 institusi JKM. Permohonan ini telah diluluskan oleh UPE pada 4 Jun 2013. Bagaimanapun, kelulusan ini adalah

tertakluk kepada syarat kos projek tidak melebihi peruntukan sejumlah RM100 juta. Dengan ini, setelah perubahan skop diluluskan oleh UPE dengan kos projek RM100 juta, KPWKM memutuskan untuk membina semula kuarters hanya di 4 institusi JKM iaitu Rumah Seri Kenangan (RSK) Bedong, Kedah; Rumah Kanak-Kanak (RKK) Taman Bakti Kepala Batas, Pulau Pinang; RSK Tanjung Rambutan, Perak dan RKK Tengku Ampuan Fatimah, Kuantan, Pahang. Selain itu, UPE juga bersetuju supaya KPWKM meneruskan pembinaan hanya bagi Taman Sinar Harapan (TSH) Tampoi, Johor Bahru pada tahun 2015.

b. Pengauditan terhadap projek pembinaan semula kuarters di RSK Bedong dan RSK Tanjung Rambutan telah dijalankan antara bulan Jun hingga September 2015. Secara keseluruhan, pengurusan projek pembinaan semula kuarters di RSK Bedong dan RSK Tanjung Rambutan adalah memuaskan kerana kemajuan kerja sebenar di tapak bagi RSK Bedong adalah 97% pada 18 Ogos 2015 dan bagi RSK Tanjung Rambutan adalah 55% pada 7 September 2015. Kemajuan kerja kedua-dua projek ini adalah selaras dengan kemajuan kerja mengikut jadual yang diluluskan oleh JKR. Selain itu, pengurusan perolehan telah mematuhi peraturan yang telah ditetapkan dan setiap isu yang dibangkitkan semasa kerja pembinaan telah diambil tindakan oleh kontraktor bagi memastikan projek ini dapat dilaksanakan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan pembinaan bagi kedua-dua projek pembinaan semula kuarters ini yang perlu diambil perhatian seperti yang berikut:

a. Projek Pembinaan Semula Kuarters Di RSK Bedong

i. perancangan yang kurang teliti di peringkat penyediaan Senarai Kuantiti (BQ) dan lukisan tender yang mana terdapat perbezaan kuantiti cerucuk di BQ dengan kuantiti cerucuk di lukisan tender. Dengan ini, lukisan pembinaan yang baharu dan Perjanjian Tambahan telah disediakan;

ii. *Independent Checker* tidak boleh dilantik sehingga Perjanjian Tambahan ditandatangani; dan

iii. berdasarkan Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa Kedua (EOT 2), kelewatan kemajuan kerja oleh pihak ketiga dalam memula dan menyiapkan kerja fizikal penanaman kabel elektrik bawah tanah menyebabkan kerja pembinaan jalan, kerja luaran lain dan aktiviti Pengujian dan Pentauliahan (Testing And Commissioning) bagi sistem elektrik serta mekanikal berkaitan tidak dapat disiapkan seperti perancangan asal.

b. Projek Pembinaan Semula Kuarters Di RSK Tanjung Rambutan

i. kelewatan selama 26 hari bagi mengemukakan lukisan pembinaan kepada kontraktor dan keputusan penentuan *platform level* lewat diputuskan selama 29 hari;

ii. perancangan kurang teliti menyebabkan:

- keputusan pertukaran jenis cerucuk daripada *spun pile* kepada *reinforce concrete* (RC) *pile* dan kaedah penanaman cerucuk yang asal daripada *Hydraulic Jack In Pile* kepada *Hydraulic Hammer* dan kembali kepada *Hydraulic Jack In Pile* yang mana proses pelantikan kontraktor telah dilakukan semula;
- pertambahan kuantiti *item work below lowest floor finish* yang melibatkan *pile caps, column stump* dan *RC Wall* yang mengakibatkan kontraktor memerlukan tempoh masa yang lama bagi menyiapkan kerja pertambahan kuantiti; dan
- pertukaran cara pembinaan daripada *precast* kepada *in situ* yang mana semasa Senarai Kuantiti (BQ) dan lukisan tender disediakan, item seperti tiang, *beam*, dinding dan lantai adalah *precast*. Bagaimanapun, lukisan pembinaan yang diterima pada 26 Mei 2014 adalah menggunakan *in situ* iaitu perbezaan item seperti rasuk *in situ* tingkat satu, tiang *in situ* dan kerja *sher wall in situ*. Adalah didapati juga semua lantai *precast* sama ada *half slab* dan *hollow core slab* telah ditukar kepada *in situ slab* dan pindaan tangga daripada *precast* kepada *in situ*.

iii. keputusan lukisan pertukaran reka bentuk asas kuarters lewat diterima selama 32 hari oleh kontraktor menyebabkan kontraktor memohon penangguhan penghantaran besi tetulang.

c. Bagi memastikan perkara yang dibangkitkan tidak berulang dalam pelaksanaan projek lain, adalah disyorkan supaya JKR memberi pertimbangan kepada perkara yang berikut:

i. perancangan yang teliti hendaklah dilaksanakan semasa reka bentuk dan kaedah pembinaan bagi mengelakkan berlakunya perubahan dan pindaan major semasa pembinaan sedang dilaksanakan dan memastikan pentadbiran kontrak dipatuhi sepenuhnya; dan

ii. kenderaan bagi *preliminaries* hendaklah ditempatkan di tapak projek kerana pengurusan pembinaan di tapak projek adalah lebih utama dan perlu diberi perhatian dari semasa ke semasa.

[muka surat : 150 – 167]

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

9. Projek Sambungan ERL Dari KLIA Ke klia2

a. Pada peringkat awal, Express Rail Link (ERL) merupakan perkhidmatan kereta api laju menghubungkan Kuala Lumpur (KL) Sentral dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) bagi jarak 57 km yang juga mempunyai 3 stesen iaitu Stesen Bandar Tasik Selatan, Putrajaya dan Salak Tinggi dengan kos pembinaan berjumlah RM2.4 bilion. Terdapat 2 jenis perkhidmatan yang disediakan iaitu ERL Ekspres dan ERL Transit. Projek Sambungan ERL dari KLIA ke klia2

(Projek Sambungan ERL) dengan jarak 2.16 km dilaksanakan untuk menghubungkan terminal utama KLIA selaras dengan pembukaan klia2 serta menjadikan ERL sebagai pengangkutan awam utama ke klia2. Projek sambungan ini dibiayai oleh Kementerian Pengangkutan (Kementerian) yang dilaksanakan oleh Express Rail Link Sdn. Bhd. (ERLSB) berjumlah RM100 juta secara reka dan bina melalui kaedah perolehan secara rundingan terus. Pengendalian Operasi Keretapi adalah tertakluk kepada Akta Keretapi 1991 dan selepasnya adalah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010. Melalui perjanjian konsesi pada 25 Ogos 1997, ERLSB diberi hak untuk mengendalikan operasi ERL dari KL Sentral ke KLIA. Pada 2 Mei 2014 ERLSB mendapat kelulusan bagi meneruskan perkhidmatannya ke klia2. Pegawai Penguasa/*Superintendent Officer* (SO) bagi Projek ini ialah Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pengangkutan dan ERLSB sebagai pihak Pelaksana. Projek ini telah dimulakan pada 15 Julai 2011 dan telah siap pada 28 September 2013 berbanding sepatutnya siap pada 31 Oktober 2012 dan mula beroperasi pada 2 Mei 2014.

b. Pengauditan yang dijalankan di Kementerian Pengangkutan Malaysia, Unit Perancang Ekonomi/*Economic Planning Unit* (EPU), Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) dan di pejabat ERLSB di KL Sentral serta lawatan tapak di Stesen ERL klia2 di Sepang antara bulan Januari 2015 hingga April 2015 mendapati Projek Sambungan ERL telah siap dibina dan digunakan pada 2 Mei 2014. Ini sejajar dengan pembukaan operasi klia2 serta mencapai matlamatnya untuk menghubungkan sistem pengangkutan awam antara KLIA dan klia2. Penyambungan ini telah meningkatkan jumlah penumpang yang menggunakan ERL dari 6.44 juta penumpang pada tahun 2013 kepada 9.23 juta penumpang (peningkatan sebanyak 43.2%) pada tahun 2014. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusannya yang menyebabkan Kerajaan tidak mendapat *best value for money* atas perbelanjaannya. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti yang berikut:

   i. rundingan harga tidak dilaksanakan terlebih dahulu sebelum mengemukakan anggaran kos projek untuk kelulusan Majlis Ekonomi/*Economic Council* (EC);

   ii. Perjanjian Konsesi Tambahan masih tidak dimuktamadkan sehingga kini walaupun perkhidmatan ERL ke klia2 telah beroperasi semenjak 2 Mei 2014;

   iii. tuntutan pampasan oleh ERLSB berjumlah RM2.90 bilion masih belum dimuktamadkan. Kaedah pengiraan pampasan tidak menguntungkan Kerajaan dan tidak menjamin kepentingan Kerajaan; dan

   iv. ERLSB telah membentangkan kos projek dalam Makmal Pengurusan Nilai /*Value Management* (VM) berjumlah RM129 juta iaitu melebihi kos yang diluluskan oleh EC sejumlah RM100 juta. Dengan ini, matlamat serta tujuan Pengurusan Nilai untuk menghasilkan penjimatan tidak tercapai.

c. Bagi memastikan segala kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek yang lain, adalah disyorkan supaya pihak Kementerian mengambil tindakan terhadap perkara yang berikut:

   i. rundingan harga hendaklah dilaksanakan bagi memastikan Kerajaan memperoleh harga yang munasabah dan mendapat *best value for money*;

   ii. memastikan Perjanjian Konsesi Tambahan dimuktamadkan dengan kadar segera supaya kepentingan kedua pihak terpelihara di samping memastikan formula pengiraan pampasan yang dibuat, menguntungkan kedua-dua pihak dan tidak merugikan Kerajaan;

   iii. memastikan komponen kos yang dikemukakan kepada Makmal Pengurusan Nilai adalah kos yang telah diluluskan oleh EC serta lebih komprehensif dan terperinci; dan

   iv. pihak Kementerian sewajarnya mengambil tindakan penyelesaian muktamad terhadap isu caj perkhidmatan dan mendapatkan persetujuan bagi memastikan kepentingan semua pihak terpelihara.

[muka surat : 168 – 193]

KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR / KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Jabatan Perkhidmatan Pembetungan

10. Projek Pembetungan Di Bawah Komponen Pembersihan Sungai Program "River Of Life"

a. Kerajaan Malaysia telah melancarkan Program Transformasi Ekonomi (Economic Transformation Program [ETP]) pada 25 September 2010. ETP merupakan sebuah rancangan ekonomi yang fokus, komprehensif serta suatu inisiatif yang berdaya maju untuk mengubah Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Pencapaian ETP disasarkan melalui pelaksanaan 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (*National Key Economic Area* [NKEA]). Program Sungai Nadi Kehidupan (*River of Life* [ROL]) merupakan satu daripada 9 Projek Permulaan (*Entry Point Project* [EPP]) di bawah NKEA *Greater Kuala Lumpur / Klang Valley* (GKL / KV). Program ROL ini telah dilaksanakan sejak tahun 2011 dengan matlamat untuk mengubah kawasan-kawasan tertentu di Kuala Lumpur yang menghadap ke Sungai Klang menjadi pusat komersial dan warisan yang memberi nilai ekonomi yang tinggi kepada negara. Liputan program ROL merangkumi kawasan di bawah bidang kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS). Program ROL ini melibatkan 3 fasa projek dengan peruntukan berjumlah RM4 bilion.

b. Pengauditan yang dijalankan di Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) dari bulan Ogos 2015 hingga 15 November 2015 mendapati pada umumnya pengurusan projek pembetungan dari segi teknikal adalah memuaskan dari aspek reka bentuk, penyediaan pelan, lukisan dan spesifikasi, kajian *Hazard and*

Operability (HAZOP) dan penyediaan pasukan serta program pengurusan projek yang mematuhi kriteria yang ditetapkan. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan yang menjejaskan kecekapan dan keberkesanan projek seperti yang berikut:

i. kelewatan untuk memindah milik tanah kepada Pihak Berkuasa Negeri dan merizabkan tanah untuk tujuan pembetungan bagi Loji Rawatan Kumbahan (LRK) yang dinaiktaraf;

ii. isu *Time-at-Large* berikutan kelewatan JPP mengeluarkan perakuan selepas tamat kontrak;

iii. ketiadaan mekanisme pengesahan kualiti efluen yang jelas di dalam kontrak menyebabkan tiada jaminan untuk pematuhan kualiti efluen selepas tempoh pengujian dan pentauliahan;

iv. LRK yang dinaiktaraf tidak mematuhi piawaian kualiti efluen walaupun selepas kerja-kerja fizikal disiapkan dan kerja diperakukan siap; dan

v. Fasiliti Rawatan Sementara semasa kerja-kerja menaik taraf gagal mematuhi kualiti efluen yang ditetapkan.

c. Berdasarkan kelemahan yang dibangkitkan, pihak-pihak yang terlibat adalah disyorkan supaya mengambil tindakan terhadap perkara yang berikut:

i. JPP perlu memastikan kualiti efluen bagi semua LRK di kawasan tadahan ROL tidak menjejaskan pencapaian objektif program ROL berkaitan kualiti air;

ii. JPP perlu mengenal pasti tanah rizab pembetungan yang masih belum diserah milik kepada PTP dan proses penukaran nama perlu disegerakan;

iii. syarat kontrak dari aspek pematuhan efluen perlu dimasukkan dengan jelas sebagai salah satu syarat kontrak di peringkat pengujian dan pentauliahan; dan

iv. JPP perlu memantau dan mengambil tindakan sewajarnya ke atas kerja-kerja penyenggaraan oleh Kontraktor di dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi memastikan semua parameter reka bentuk LRK disahkan.

[muka surat : 194 – 214]

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

11. Pengurusan Aktiviti Rawatan Ortopedik

a. Bidang ortopedik adalah berkaitan sistem muskuloskeletal yang meliputi pembedahan tulang belakang, sendi, ligamen, tendon dan saraf. Antara aktiviti rawatan ortopedik meliputi rawatan pembedahan seperti patah tulang, amputasi, *diabetic foot*, kecederaan tulang belakang dan pertukaran sendi. Perkhidmatan ortopedik terdapat di semua 136 hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) manakala 22 hospital menyediakan perkhidmatan ortopedik dengan sub-kepakaran seperti *Paediatric; Spine; Joint Arthroplasty; Oncology; Advanced Trauma; Upper*

Limb And Hand; Foot And Ankle dan *Sport Medicine*. Objektif aktiviti rawatan ortopedik adalah untuk menawarkan perkhidmatan yang komprehensif, berkesan, moden dan kos efektif serta meningkatkan piawaian kualiti terhadap pesakit yang memerlukan. Jabatan Ortopedik di hospital KKM mendapat bekalan peralatan untuk aktiviti rawatan ortopedik melalui 3 kaedah perolehan iaitu melalui *Approved Product Purchase List* (APPL), tender dan pembelian terus. Bagi perolehan APPL, Kerajaan telah melantik syarikat konsesi Pharmaniaga Logistics Sdn. Bhd. (PLSB) untuk mengagihkan bekalan alat implan dan prostesis di hospital bagi tempoh 1 Disember 2009 hingga 30 November 2019. Bagi pesakit yang tidak memenuhi kriteria pemberian bekalan implan dan prostesis percuma tetapi tidak berkemampuan, mereka boleh memohon bantuan kewangan daripada Tabung Bantuan Perubatan (TBP). Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, Jabatan Ortopedik di semua hospital telah menerima peruntukan berjumlah RM923.68 juta dan telah membelanjakan sejumlah RM962.82 juta (104.2%).

b. Pengauditan yang dijalankan di KKM serta 5 hospital [Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), Kuantan; Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang; Hospital Sungai Buloh (HSB); Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB), Ipoh dan Hospital Sultanah Bahiyah (HSBYH), Alor Setar] pada bulan Mei hingga Ogos 2015 mendapati prestasi perbelanjaan Jabatan Ortopedik di 5 hospital yang dilawati adalah baik kerana semua peruntukan telah dibelanjakan sepenuhnya. Bagaimanapun, secara keseluruhannya pengurusan aktiviti rawatan ortopedik di hospital yang dilawati adalah kurang memuaskan dan antara kelemahan yang perlu diberi perhatian oleh KKM adalah seperti yang berikut:

   i. hospital yang dilawati kekurangan kakitangan Pakar Ortopedik dan Jururawat antara 7% hingga 67% kerana jawatan kosong tidak diisi dan fasiliti yang tidak mencukupi seperti peralatan perubatan;

   ii. bayaran deposit komponen *External Fixator* (EF) tidak dapat ditentukan sama ada dilaksanakan sebelum pesakit discaj dari hospital;

   iii. sebanyak 876 komponen EF bernilai RM241,116 tidak disahkan kuantitinya;

   iv. sebanyak 91 permohonan kos peralatan bernilai RM1.69 juta di mana setiap permohonan yang melebihi RM10,000 telah diluluskan tanpa pengesahan Jawatankuasa Implan Dan Prostesis; dan

   v. sebanyak 2,010 stok bekalan implan bernilai RM328,440 di HTAA dan HSBYH yang tidak digunakan masih lagi disimpan di Stor Unit Dewan Bedah Ortopedik.

c. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang pada masa hadapan, adalah disyorkan supaya KKM dan hospital yang dilawati mempertimbangkan langkah-langkah seperti yang berikut:

   i. memastikan kekosongan jawatan untuk Pakar Ortopedik diisi sepenuhnya bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan ortopedik dan menarik minat Pegawai Perubatan yang baru berkhidmat mengikuti program sub-kepakaran Ortopedik;

ii. meningkatkan koordinasi dan pemantauan semua pihak yang berkepentingan bagi memastikan senarai produk implan APPL terkini dan sesuai dengan trend semasa penggunaannya serta memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat; dan

iii. mengkaji semula keberkesanan pelaksanaan prosedur pengesahan permohonan bantuan peralatan melebihi RM10,000 menerusi Jawatankuasa Implan Dan Prostesis agar proses kelulusan TBP lebih cepat dan teratur.

[muka surat : 215 – 242]

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

12. Pengurusan Perkhidmatan Syarikat Kawalan Keselamatan Swasta Di Hospital

a. Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) telah melantik syarikat kawalan keselamatan swasta (SKKS) bagi meningkatkan kawalan keselamatan harta benda, pesakit, anggota bertugas dan orang awam di hospital. Perolehan perkhidmatan SKKS dibuat melalui kaedah tender terbuka dan sebut harga. Tiga jenis perkhidmatan yang disediakan di bawah kontrak SKKS iaitu pengawal tanpa bersenjata, bersenjata dan perkhidmatan transit wang tunai (CIT). Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, Kementerian telah menawarkan kontrak melalui tender terbuka berjumlah RM271.02 juta melibatkan 45 SKKS di 69 hospital dengan nilai kontrak antara RM0.50 juta hingga RM17.05 juta. Selain itu, kontrak bernilai RM13.75 juta telah ditawarkan melalui sebut harga kepada 53 SKKS di 66 hospital melibatkan nilai antara RM0.27 juta hingga RM0.49 juta. Tempoh perkhidmatan SKKS adalah antara satu hingga dua tahun. Sehingga tahun 2015, sebanyak 85 SKKS telah dilantik di 135 hospital dengan nilai kontrak keseluruhan berjumlah RM284.77 juta. Sebanyak 8 hospital di 5 negeri telah dilawati oleh pasukan Audit melibatkan nilai kontrak keseluruhan berjumlah RM81.74 juta.

b. Pengauditan yang dijalankan di Bahagian Perolehan Dan Penswastaan Kementerian dan 8 hospital [Hospital Melaka (HM); Hospital Alor Gajah (HAG); Hospital Tuanku Jaafar (HTJ); Hospital Tuanku Ampuan Najihah (HTAN); Hospital Putrajaya (HPj); Hospital Serdang (HSdg); Hospital Umum Sarawak (HUS)/Pusat Jantung Hospital Umum Sarawak (PJHUS) dan Hospital Rajah Charles Brooke Memorial (HRCBM)] antara bulan Jun hingga September 2015 mendapati pengurusan perkhidmatan SKKS adalah memuaskan dalam aspek tindakan terhadap kontraktor yang tidak mematuhi syarat perjanjian. Bagaimanapun, pengurusan perkhidmatan SKKS adalah kurang memuaskan khususnya berkenaan dengan pengurusan perjanjian kontrak dan pematuhan, pengurusan dan pemotongan bayaran, penalti seperti yang berikut:

i. percanggahan antara perjanjian kontrak dan Surat Setuju Terima (SST);

ii. ketidakpatuhan terhadap pra-syarat lantikan pengawal keselamatan seperti had umur yang ditetapkan; menjalani pemeriksaan kesihatan tahunan; lulus tapisan keselamatan; lulus ujian air kencing; menjalani kursus *Certified Security Guard*

(CSG); penyediaan alat dan kelengkapan; dan penggunaan perkhidmatan *CIT* oleh pihak ketiga tanpa kelulusan;

iii. pembayaran, pemotongan terhadap kualiti perkhidmatan dan penalti dikenakan kurang teratur di 5 hospital iaitu HAG, HTJ, HSdg, HUS dan PJHUS telah menyebabkan lebihan bayaran berjumlah RM235,895; dan

iv. 54 kes kelewatan menjelaskan bayaran perkhidmatan melibatkan amaun berjumlah RM8.08 juta antara 10 hingga 207 hari di 3 hospital iaitu HM, HAG dan HPj.

c. Selaras dengan usaha meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam serta memastikan pengurusan syarikat kawalan keselamatan swasta di hospital beroperasi dengan teratur dan cekap serta mencapai objektif yang ditetapkan, Kementerian disyorkan mengambil tindakan seperti yang berikut:

i. meningkatkan penyelarasan pengurusan kontrak antara Kementerian, JKN dan hospital bagi meneliti ketepatan perjanjian kontrak dan SST. Ini bagi memastikan terma yang dinyatakan selari antara satu sama lain bagi mengelakkan pertikaian antara kontraktor dan pihak hospital. Selain itu, semua perjanjian kontrak hendaklah menggunakan *template* perjanjian yang seragam;

ii. mengadakan *roadshow* bagi memberi panduan mengenai kaedah pemotongan yang tepat kepada pihak hospital. Kementerian juga perlu memastikan tiada lebihan bayaran kepada kontraktor berlaku di hospital selain daripada sampel yang diaudit. Bagi kes lebihan bayaran, siasatan menyeluruh perlu dilakukan oleh Kementerian dan tindakan surcaj boleh dikenakan kepada pegawai yang menyebabkan lebihan bayaran dan kerugian kepada Kerajaan;

iii. memastikan pra-syarat lantikan pengawal keselamatan seperti mematuhi had umur yang ditetapkan, menjalani pemeriksaan kesihatan tahunan, lulus tapisan keselamatan, lulus ujian air kencing dan menjalani kursus *Certified Security Guard* (CSG) dipatuhi. Ini bagi menentukan pengawal keselamatan yang diambil berkhidmat adalah bebas daripada rekod jenayah masa lampau serta sihat, cergas dari segi fizikal dan mental; dan

iv. menyemak pematuhan terhadap perjanjian kontrak oleh semua SKKS dan mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor yang gagal mematuhi perjanjian.

[muka surat : 243 – 259]

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA / KEMENTERIAN KERJA RAYA

13. Projek Pembinaan Hospital Tampin Baharu, Negeri Sembilan

a. Projek pembinaan Hospital Tampin baharu telah dirancang di bawah RMKe-9 dan dilaksanakan pada tahun 2009 bagi menggantikan hospital sedia ada yang telah beroperasi sejak tahun 1920. Pemilihan kontraktor telah dibuat secara Tender Terhad oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dan pelaksanaan projek secara Reka dan

Bina oleh Fajarbaru Builders Sdn. Bhd. (Fajarbaru). JKR pada 5 Februari 2009 telah mengeluarkan tawaran berjumlah RM138.39 juta bagi pembinaan hospital ini kepada Fajarbaru. Projek ini melibatkan kontrak bagi kerja Mereka, Membina, Menyiapkan, Melengkapkan, Mentauliah Dan Menyenggara Hospital Tampin, Negeri Sembilan yang meliputi pembinaan bangunan hospital, asrama jururawat, kuarters kakitangan dan tempat meletak kenderaan. Pemilik projek ialah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan JKR bertindak sebagai agensi pelaksana manakala Pengarah Cawangan Kerja Kesihatan, JKR merupakan Pengarah Projek. Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan Fajarbaru telah ditandatangani pada 10 Jun 2009 meliputi tempoh pelaksanaan projek selama 36 bulan. Melalui projek Reka dan Bina, kontraktor dan perunding bertanggungjawab sepenuhnya terhadap reka bentuk dan penyeliaan projek.

b. Pengauditan yang dijalankan di Cawangan Kerja Kesihatan, JKR; Cawangan Ukur Bahan, JKR; Bahagian Perancangan, KKM; Bahagian Pembangunan, KKM; Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM; Unit Sumber Perubatan, KKM; Hospital Tampin (baharu dan lama); Hospital Kluang (lama) dan Hospital Permai (lama) antara bulan April hingga Jun 2015 mendapati Hospital Tampin baharu telah dapat memberi kemudahan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik dan selesa kepada penduduk di Daerah Tampin dan sekitarnya. Selain itu, kemudahan kakitangan juga telah disediakan seperti asrama jururawat dan kuarters. Bagaimanapun, pelaksanaan projek ini adalah kurang memuaskan kerana objektif projek belum tercapai, kurang kecekapan dalam pelaksanaan projek dan pentadbiran kontrak yang tidak teratur. Antara kelemahan yang ditemui dan perlu diberi perhatian adalah seperti yang berikut:

   i. prestasi kontraktor yang dilantik adalah tidak memuaskan kerana projek lewat disiapkan selama 150 hari selepas lanjutan masa (Extension of Time - EOT) selama 344 hari (31.4% dari tempoh asal penyiapan projek) diluluskan dan kontraktor telah dikenakan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (Liquidated and Ascertained Damages - LAD) berjumlah RM3.84 juta untuk kelewatan tersebut;

   ii. kontraktor yang dilantik gagal dalam penilaian teknikal telah menjejaskan tempoh penyiapan projek;

   iii. projek ini tidak mencapai objektif sepenuhnya kerana satu daripada dua Dewan Bedah yang dibina masih tidak dapat digunakan walaupun projek telah diserahkan kepada KKM pada 3 Oktober 2013 (2 tahun 3 bulan);

   iv. pentadbiran kontrak adalah kurang cekap kerana EOT 1 dan EOT 2 lewat diluluskan antara 28 hari dan 207 hari; Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap (Certificate of Non Completion - CNC) lewat dikeluarkan selama 173 hari daripada tarikh akhir penyiapan yang dibenarkan dalam kontrak; dan penyerahan projek kepada KKM lewat selama 3 bulan. Selain itu, Sijil Perakuan Siap Kerja (Certificate of Practical Completion - CPC) telah dikeluarkan walaupun projek sebenarnya tidak siap ke tahap memenuhi fungsi pembinaan

sepenuhnya dan ketiadaan tindakan untuk memperakukan Pendudukan Separa telah menyebabkan Kerajaan mengalami kerugian kerana dengan kaedah perakuan pendudukan separa, LAD berdasarkan nilai bahagian yang belum disiapkan secara praktikal masih boleh dikenakan sehingga dua Dewan Bedah tersebut boleh berfungsi dan digunakan secara praktikal;

v. kualiti pembinaan adalah kurang memuaskan dan terdapat kes reka bentuk yang tidak sesuai disebabkan perunding yang bertanggungjawab tidak menyelia mutu kerja dengan baik atau tidak menjalankan tanggungjawab dengan sempurna serta pihak JKR sebagai agensi pelaksana tidak memastikan semua kehendak KKM diambil kira dalam penyediaan Kehendak Kerajaan (Government's Requirements). Antara kerja pembinaan yang kurang berkualiti adalah berlakunya sebanyak 1,182 keretakan pada keseluruhan dinding Kompleks Hospital. Selain itu, reka bentuk tangki air yang tidak sesuai telah mengakibatkan sampel air dalam tangki air Blok A dan Blok B mengandungi peratusan bakteria *Total Coliform* yang melanggar parameter piawaian yang dibenarkan bagi air terawat; dan

vi. bayaran Perkhidmatan Penyenggaraan Kejuruteraan Fasiliti (Facility Engineering Maintenance Services - FEMS) dan Perkhidmatan Penyenggaraan Kejuruteraan Biomedikal (*Biomedical Engineering Maintenance Services* - BEMS) untuk Hospital Tampin baharu adalah tidak teratur kerana perkhidmatan tersebut tidak disediakan oleh Medivest Sdn. Bhd. dan masih di bawah tanggungjawab kontraktor.

c. Bagi memastikan pengurusan projek pembinaan yang dilaksanakan secara Reka dan Bina dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan cekap serta Kerajaan mendapat *best value for money* serta memantapkan lagi pengurusan projek akan datang, adalah disyorkan supaya pihak yang bertanggungjawab mengambil tindakan seperti yang berikut:

i. Kementerian Kewangan perlu mempertimbangkan untuk mengkaji semula Pekeliling Perbendaharaan mengenai Garis Panduan Penilaian Tender supaya penender untuk projek *Turnkey* atau Reka dan Bina yang gagal dalam Penilaian Peringkat Kedua atau Ketiga oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal tidak diteruskan untuk pertimbangan Lembaga Perolehan Agensi. Ini adalah selaras dengan Garis Panduan tersebut yang menetapkan penender yang gagal dalam penilaian Peringkat Pertama tidak boleh diteruskan ke peringkat kedua dan selanjutnya;

ii. KKR perlu mempertingkatkan koordinasi dengan agensi pengguna/pelanggan bagi memastikan kerja/obligasi kontraktor dapat dilaksanakan mengikut Jadual Kerja Terperinci yang disediakan dengan Kaedah Aliran Kritikal;

iii. KKR melaporkan kepada pihak berkuasa dan lembaga profesional berkaitan terhadap kerja yang tidak menepati spesifikasi kontrak/tidak sesuai/berkualiti rendah yang menjejaskan penyampaian perkhidmatan serta melaksanakan

Audit Forensik oleh pasukan pakar terhadap kualiti binaan Kompleks Hospital Tampin yang mengalami keretakan serius pada dinding;

iv. KKR perlu menubuhkan jawatankuasa siasatan terhadap pegawai yang didapati cuai dalam pentadbiran kontrak sehingga mengakibatkan Kerajaan mengalami kerugian dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang bertanggungjawab membuat bayaran untuk perkhidmatan sokongan hospital sedangkan perkhidmatan tersebut tidak disediakan oleh Medivest; dan

v. KKM perlu mengoptimumkan penggunaan peralatan dan kemudahan hospital termasuk peralatan dan kemudahan sedia ada di hospital lama untuk mengelakkan pembaziran serta mewujudkan suasana kerja yang kondusif.

[muka surat : 260 - 290]

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
14. Pengurusan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal

a. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) telah ditubuhkan pada 1 Julai 2007 di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672). Akta 672 ini telah diluluskan oleh Parlimen pada 17 Julai 2007, diwartakan pada 30 Ogos 2007 dan dikuatkuasakan pada 1 September 2011 bagi mengintegrasikan sistem Pengurusan Sisa Pepejal di peringkat nasional. Akta ini memberikan kuasa eksekutif kepada Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan tanggungjawab mengenai Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam. JPSPN memainkan peranan dalam menyediakan dasar, strategi dan perancangan pengurusan sisa pepejal bersepadu selain bertanggungjawab menggubal peraturan-peraturan sebagaimana terkandung dalam Akta 672 serta menetapkan standard, spesifikasi dan prosedur kerja. Jabatan juga bertanggungjawab melaksanakan penswastaan penuh pengurusan sisa pepejal, melulus dan memberi lesen perkhidmatan dan kemudahan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Peruntukan yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) bagi butiran Projek 00500 - Program Pengurusan Sisa Pepejal berjumlah RM1.416 bilion. Sejumlah RM250.61 juta diperuntukkan bagi projek insinerator, pengambilan balik tanah, kajian kemungkinan dan lain-lain perbelanjaan kemudahan pengurusan sisa pepejal. Sejumlah RM1.165 bilion (82.30%) daripada peruntukan tersebut adalah merupakan peruntukan bagi 47 projek Tapak Pelupusan Sisa Pepejal (TPS). Skop kerja program TPS adalah terdiri daripada membina tapak pelupusan baru, menaik taraf tapak pelupusan yang tidak sanitari dan penutupan selamat tapak pelupusan. Perolehan program ini dilaksanakan secara rundingan terus (Reka dan Bina), tender terbuka dan tender terhad.

b. Pengauditan yang dijalankan terhadap 12 (25.5%) daripada 47 projek TPS pada bulan Oktober hingga Disember 2015 mendapati, secara keseluruhannya,

pengurusan TPS adalah kurang memuaskan. Daripada 47 projek tapak pelupusan sisa pepejal yang dilaksanakan di bawah RMKe-10, sejumlah 33 (70.2%) telah siap, 9 masih dalam pembinaan, 4 dalam proses penilaian tender dan 1 dalam perancangan. Dari segi prestasi kewangan, dari sejumlah RM1.416 bilion peruntukan bagi Pengurusan Sisa Pepejal di bawah RMKe-10, sejumlah RM1.024 bilion (72.38%) telah berjaya dibelanjakan. Lawatan fizikal terhadap 12 daripada 47 projek mendapati beberapa kelemahan yang perlu diambil perhatian seperti yang berikut:

i. 3 projek telah mendapat kelulusan Kebenaran Merancang (KM) dan Pelan Pembangunan (PP), 6 projek telah mendapat pengecualian KM dan PP. Dua projek masih dalam proses pengecualian KM dan PP daripada PBT. Manakala 1 projek lagi iaitu TPS Jalan Klias Lama, Beaufort, Sabah masih dalam proses tender;

ii. kontrak bagi 5 projek yang bernilai antara RM10.40 juta hingga RM49.90 juta telah lewat ditandatangani antara 1 hingga 5 bulan dan ini boleh menjejaskan kepentingan pihak Kerajaan; dan

iii. sejumlah RM25.26 juta denda lewat *Liquidated Ascertained And Damages* (LAD) telah dipulangkan kepada 7 kontraktor bagi 7 projek setelah JPSPN meluluskan lanjutan masa yang meliputi tempoh denda lewat tersebut. Pihak JPSPN telah menggunakan format Perakuan Pengecualian Bayaran Gantirugi Tertentu Dan Ditetapkan Mengikut SPP Bil. 8/1995. Bagaimanapun Perenggan 14, SPP Bil. 8/1995 berkaitan pengecualian bayaran gantirugi LAD telah dibatalkan melalui Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 8 Mac 2011.

c. Bagi memastikan pengurusan tapak pelupusan sisa pepejal dilaksanakan secara teratur dan berkesan adalah disyorkan supaya JPSPN mempertimbangkan tindakan seperti yang berikut:

i. JPSPN hendaklah mematuhi kehendak Pekeliling dan KPKR yang disediakan oleh pihak Kerajaan;

ii. peraturan dan *Standard Operating Procedure* (SOP) di setiap peringkat selepas pelaksanaan projek hendaklah disediakan terutamanya di peringkat pengeluaran CPO, pelantikan operator dan penyerahan kepada PBT agar pemilikan projek dapat ditentukan segera; dan

iii. perancangan yang rapi hendaklah disediakan oleh JPSPN sebelum sesuatu projek TPS dilaksanakan terutamanya dari segi pemilikan tanah yang melibatkan tanah milik individu serta PBT hendaklah dilibatkan diperingkat awal perancangan projek.

[muka surat : 291 – 321]

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Jabatan Perumahan Negara

15. Pembinaan Program Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 2, Selangor

a. Program Perumahan Rakyat (PPR) adalah satu program Kerajaan untuk penempatan semula setinggan dan menyediakan tempat kediaman bagi golongan berpendapatan rendah. Jabatan Perumahan Negara (JPN)/Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah agensi pelaksana utama bagi projek-projek PPR di seluruh Malaysia**.** Pembinaan PPR Lembah Subang 2 yang dibina di atas sebahagian Lot 14191, Mukim Damansara, Selangor yang meliputi kawasan seluas 17.65 ekar telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Selangor pada 19 Disember 2000. Ia bertujuan untuk menyediakan perumahan bagi penempatan semula setinggan dan golongan berpendapatan rendah yang lain, khususnya di Daerah Petaling. Pembinaan PPR Lembah Subang 2 dijangka akan membantu seramai 2,500 orang penduduk di kawasan Lembah Subang untuk memiliki rumah. Pada 4 Mac 2002, tawaran bagi kerja pembinaan PPR Lembah Subang 2 telah dibuka secara tender terbuka reka dan bina (design & built) kepada kontraktor berwibawa. Pada 15 Januari 2003, Surat Setuju Terima Tawaran yang bernilai RM69.52 juta telah dikeluarkan kepada Syarikat Am Rich Constructions & Development Sdn. Bhd. (ARCD). Pembinaan PPR Lembah Subang ini telah disiapkan sepenuhnya pada 29 April 2009 iaitu selepas diluluskan sebanyak 8 lanjutan masa selama 1,550 hari (52 bulan). Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) selama 24 bulan bermula daripada 29 April 2009 hingga 29 April 2011.

b. Pengauditan yang dijalankan di KPKT, JPN dan PPR Lembah Subang 2 antara bulan November 2014 hingga Februari 2015 mendapati secara keseluruhannya, Pengurusan Projek PPR Lembah Subang 2 yang dilaksanakan oleh JPN adalah tidak memuaskan. Pengauditan yang dijalankan mendapati pembinaan PPR Lembah Subang 2 tidak diuruskan dengan baik yang menyebabkan projek ini lewat disiapkan selama 4 tahun 8 bulan daripada tarikh sepatutnya siap. Beberapa kelemahan ditemui seperti yang berikut:

   i. kelemahan semasa merancang pembinaan, pemilihan tapak dan pengurusan perolehan/pemilihan kontraktor;

   ii. kelemahan semasa menjalankan pemantauan pembinaan;

   iii. masalah koordinasi antara pihak Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MBPJ) dan JPN; dan

   iv. kelemahan semasa melaksanakan pemilihan dan pengagihan rumah PPR kepada pembeli yang layak.

c. Bagi mengatasi masalah ini berlaku kepada projek-projek yang akan datang adalah disyorkan supaya pihak yang berkenaan:

i. membuat perancangan yang lebih baik dan teratur supaya tidak mengganggu kelancaran projek yang akan datang dan meningkatkan kualiti pembinaan rumah PPR dengan mengambil kira kepentingan keselamatan, keselesaan dan kepuasan pengguna/penghuni pada masa akan datang;

ii. memastikan proses permohonan dan kelulusan lanjutan masa yang diberikan kepada kontraktor adalah adil dan berpatutan sebelum atau pada tarikh penyiapan kerja yang dibenarkan di dalam kontrak selaras dengan syarat kontrak/pekeliling/arahan yang berkuat kuasa; dan

iii. memuktamadkan senarai tawaran pembeli beberapa bulan sebelum projek siap dan mengeluarkan surat tawaran sebaik sahaja Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) projek pembinaan PPR diperolehi.

[muka surat : 322 - 344]

KEMENTERIAN PERTAHANAN

16. Pengurusan Projek Jiwa Murni Di Negeri Sarawak

a. Projek Jiwa Murni (PJM) di Negeri Sarawak dilaksanakan oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM) melalui Rejimen Askar Jurutera DiRaja (RAJD) secara usaha sama dengan syarikat yang dilantik oleh pihak Kerajaan. RAJD melaksanakan kerja-kerja pembinaan di tapak manakala bahan bina, jentera dan tenaga kerja dibekalkan oleh kontraktor. Penglibatan RAJD dalam PJM di Negeri Sarawak telah bermula sejak tahun 2009 untuk membina dan menaik taraf jalan-jalan (6 projek), pembaikan cerun (1 projek), membina jambatan (3 projek) dan membina rumah panjang (1 projek) di kawasan pedalaman Negeri Sarawak yang tersisih daripada pembangunan negara. Pelaksanaan PJM di Negeri Sarawak melibatkan kerjasama antara agensi Kerajaan dan swasta iaitu Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kerajaan Negeri Sarawak, kontraktor dan penduduk tempatan. JPM melalui Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) menyediakan garis panduan dan peruntukan. Kerajaan Negeri melalui Wakil Rakyat dan Pejabat Daerah memainkan peranan mengenal pasti keperluan dan lokasi projek. Penglibatan penduduk tempatan adalah sebagai sub kontraktor untuk mewujudkan perasaan *sense of belonging* terhadap PJM di Negeri Sarawak. Objektif projek adalah untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat khususnya di kawasan pedalaman, menyediakan infrastruktur luar bandar dengan kos yang lebih murah, cepat dan berimpak tinggi, meningkatkan kemudahan jalan darat yang menghubungkan kawasan pedalaman serta memendekkan masa perjalanan. Di samping itu, PJM di Negeri Sarawak juga memudahkan penyediaan infrastruktur asas seperti bekalan air terawat dan elektrik serta meningkatkan pendapatan penduduk dengan pembukaan tanah untuk aktiviti ekonomi pertanian secara komersial seperti penanaman getah dan kelapa sawit. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 30 Jun 2015, ATM telah melaksanakan 11 PJM di Negeri Sarawak melibatkan kos kontrak berjumlah RM253.98 juta. Pihak RAJD adalah pelaksana dan pemantau PJM di Negeri Sarawak. Kaedah perolehan PJM di Negeri Sarawak adalah secara rundingan terus di antara Bahagian Pembangunan, Kementerian

Pertahanan Malaysia (KEMENTAH) dengan pihak kontraktor dan telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Projek Jiwa Murni telah mendapat tempat pertama dalam pertandingan Anugerah Inovasi Perdana Menteri Tahun 2015.

b. Pengauditan yang dijalankan di KEMENTAH serta 8 projek iaitu di Bahagian Kapit, Miri dan Limbang, Sarawak antara bulan September hingga Disember 2015 mendapati pelaksanaan PJM di Negeri Sarawak telah berjaya menyediakan kemudahan jalan darat yang menghubungkan kawasan pedalaman dan memendekkan masa perjalanan. Secara keseluruhannya pengurusan PJM di Negeri Sarawak adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang perlu diberi perhatian oleh KEMENTAH seperti yang berikut:

   i. kualiti kerja kurang memuaskan seperti bahu jalan dan longkang tidak dibina, permukaan jalan berlubang, tidak rata dan becak di beberapa bahagian di Jalan dari Pekan Belaga Ke Mejawah, Belaga Jalan Dari Long Lopeng Ke Ba'kelalan, Lawas dan Jalan Dari Miri Ke Marudi;

   ii. penyenggaraan jalan kurang memuaskan seperti garisan jalan pudar, rumput di bahu jalan dan tumbuhan liar tidak dipotong;

   iii. prosedur bagi pengambilan, penentuan pampasan dan proses timbang tara tidak dilaksanakan menyebabkan pampasan tanah dan tanaman belum dibayar kepada pemilik tanah;

   iv. aspek keselamatan jalan kurang memuaskan seperti gradien jalan tinggi, curam dan jalan berselekoh; cerun di tepi jalan tidak dilindungi dengan rumput dan perabot jalan tidak disenggara dengan baik di beberapa bahagian di Jalan dari Pekan Belaga Ke Mejawah, Belaga dan Jalan dari Long Lopeng Ke Ba'kelalan, Lawas ; dan

   v. kerb jambatan reput dan retak di Jambatan Pa'Dappur dan Jambatan Pa'Kelapang, Bario.

c. Bagi meningkatkan prestasi pengurusan PJM di Negeri Sarawak dan mencapai objektif yang ditetapkan, adalah disyorkan supaya KEMENTAH dan Kerajaan Negeri Sarawak mengambil tindakan seperti yang berikut:

   i. KEMENTAH hendaklah melaksanakan kerja penyenggaraan jalan dengan sempurna bagi projek yang masih dalam tempoh tanggungan kecacatan dan menetapkan jadual penyenggaraan jalan dalam kontrak serta mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab untuk menyenggara jalan selepas tamat tempoh tanggungan kecacatan secara berterusan; dan

   ii. Kerajaan Negeri Sarawak dan KEMENTAH hendaklah melaksanakan proses pengambilan tanah dengan teratur dan peruntukan pampasan disediakan selaras dengan ketetapan Kanun Tanah Negeri (Bab 81) 1958.

[muka surat : 345 - 360]

KEMENTERIAN DALAM NEGERI / KEMENTERIAN KERJA RAYA

Jabatan Penjara Malaysia

17. Pengurusan Projek Pembinaan Penjara Reman (Tegar) Johor Bahru, Johor

a. Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Penjara Malaysia (JPM) telah memohon peruntukan untuk pembinaan Penjara Reman (Tegar) Johor Bahru di Kangkar Pulai, Mukim Pulai, Daerah Johor Bahru dengan keluasan tanah seluas 50 ekar daripada Kementerian Kewangan pada 5 Oktober 2006. Permohonan ini bertujuan bagi menggantikan Penjara Reman Johor Bahru di Jalan Ayer Molek (Penjara Ayer Molek). Projek ini telah dilaksanakan dalam 2 fasa disebabkan kekangan peruntukan. Pihak Kementerian Kewangan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM50 juta bagi pelaksanaan Projek Penjara Reman (Tegar) Johor Bahru Fasa I (Projek Fasa I) yang telah dimulakan pada bulan April 2009 dan telah siap pada bulan April 2011. Bagaimanapun, Projek Fasa I belum digunakan kerana hanya dapat menampung 300 orang banduan berbanding keperluan banduan pada ketika itu seramai 726 orang. Kementerian Kewangan pada bulan Januari 2011 telah meluluskan peruntukan berjumlah RM160 juta bagi pembinaan Projek Penjara Reman (Tegar) Johor Bahru Fasa II (Projek Fasa II) sebagai tambahan kepada Projek Fasa I. Syarikat Intrasegi Sdn. Bhd. dan Syarikat Tegas Setuju Sdn. Bhd. (ITTSB) telah dilantik secara rundingan terus dan projek ini dilaksanakan secara reka dan bina. Projek ini merangkumi kompleks penjara yang dilengkapi dengan sistem keselamatan moden bagi menampung kapasiti sehingga 1,200 orang banduan, kuarters kakitangan dan kemudahan lain. Projek ini bermula pada bulan Julai 2013 dan dijangka siap pada akhir bulan Januari 2016.

b. Pengauditan yang dijalankan di Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Cawangan Keselamatan (JKR CKS), Kementerian Dalam Negeri, Ibu Pejabat Jabatan Penjara Malaysia, Penjara Ayer Molek, Johor Bahru dan Tapak Projek Penjara Reman (Tegar) Johor Bahru antara bulan Jun hingga September 2015 mendapati pengurusan pembinaan projek ini adalah baik kerana keseluruhan pelaksanaan projek telah dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan; mekanisme pemantauan telah dilaksanakan oleh JKR terhadap kerja pihak kontraktor; pentadbiran kontrak telah diuruskan dengan teratur; dan bayaran kemajuan projek telah dibuat berdasarkan kerja sebenar di tapak. Bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang perlu diambil perhatian oleh pihak KDN/JKR seperti yang berikut:

   i. perubahan kaedah perolehan Projek Fasa II menyebabkan Kerajaan terpaksa membayar ganti rugi sejumlah RM3.68 juta kepada perunding; dan

   ii. semua kerosakan aset dan peralatan Projek Fasa I yang diserahkan kepada kontraktor hendaklah diambil tindakan pembaikan sebelum Projek Fasa II disiapkan serta dibuat pengujian dan pentauliahan.

c. Bagi memastikan Projek Pembinaan Penjara Reman (Tegar) Johor Bahru Fasa II dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan meningkatkan lagi kecekapan serta keberkesanan pengurusan projek lain pada masa akan datang, adalah disyorkan pihak KDN/JKR mengambil tindakan seperti yang berikut:

i. KDN/JKR perlu memastikan kaedah perolehan projek dimuktamadkan sebelum memulakan sesuatu proses pelantikan kontraktor/perunding; dan

ii. JKR perlu memastikan sesi pengujian dan pentauliahan dilaksanakan oleh pihak kontraktor terhadap aset dan peralatan Projek Fasa I yang tidak digunakan sejak tahun 2011 sebelum penyerahan siap Projek Fasa II.

[muka surat : 361 - 377]

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Jabatan Imigresen Malaysia
18. Pelaksanaan Sistem Imigresen Malaysia (myIMMs)

a. MyIMMs adalah sistem teknologi maklumat Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) yang dibangunkan bagi menyokong operasi JIM dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada orang awam, agensi luar dan *stakeholders.* MyIMMs merangkumi 3 komponen utama iaitu aplikasi, rangkaian dan pusat data. Ketiga-tiga komponen ini membolehkan pengguna melaksanakan proses kemasukan, pemprosesan, pengesahan, penghantaran dan penyimpanan maklumat dari pejabat Imigresen ke pangkalan data dan sebaliknya. Ketiga-tiga komponen utama myIMMs ini dipasang di semua pejabat Imigresen di seluruh negara, di semua Pejabat Attache' Imigresen di luar negara dan juga boleh diakses oleh agensi luar. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), telah meluluskan pelantikan HeiTech Padu Berhad secara rundingan terus bagi kontrak myIMMs bernilai RM29.90 juta. Kontrak telah ditandatangani pada 1 November 2010 di antara Kerajaan Malaysia dengan HeiTech Padu Berhad bagi tempoh satu tahun mulai 1 Mac 2010 hingga 28 Februari 2011.

b. Pengauditan yang dijalankan di Ibu Pejabat JIM Putrajaya, 6 Pejabat Cawangan JIM (Johor Bahru, Shah Alam, Kuching, Seberang Prai, Tawau dan Sandakan) serta pejabat Atase JIM di Jakarta, Indonesia; Dhaka, Bangladesh; dan Kathmandu, Nepal antara bulan April hingga November 2015 mendapati secara keseluruhannya pengurusan myIMMs adalah kurang memuaskan dari aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan yang boleh menjejaskan pencapaian objektif yang telah ditetapkan. Antara kelemahan yang dikenal pasti seperti yang berikut:

a. Pengurusan Kontrak

i. tempoh Perjanjian lebih awal dari kelulusan rundingan terus Kementerian Kewangan Malaysia dan pengeluaran Surat Setuju Terima (SST); dan

ii. pembayaran sejumlah RM22.64 juta tidak disokong dengan dokumen yang lengkap.

b. Pelaksanaan Projek myIMMs

i. sistem dan peralatan biometrik bernilai RM10.30 juta tidak dipasang dan digunakan tetapi bayaran penuh telah dibuat;

ii. 3 daripada 7 sistem permohonan dan pembayaran Visa dan Pas yang terdapat di dalam sistem aplikasi *eServices* tidak diguna pakai;

iii. agensi *Link-Up* tidak dipasang sepenuhnya tetapi bayaran penuh telah dibuat;

iv. Ujian Penerimaan Pengguna (UAT) dan Ujian Penerimaan Sementara (PAT) tidak dibuat secara menyeluruh seperti yang ditetapkan dalam perjanjian;

v. Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan (BCP) tidak memuaskan walaupun bayaran penuh dibuat; dan

vi. data myIMMs kurang tepat dan integriti data diragui.

c. Pengurusan Pekerja Asing

Pengurusan permohonan pekerja asing tidak memuaskan dan tidak mematuhi dasar atau peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan.

c. Bagi memastikan segala kelemahan myIMMs diperbaiki dan dapat menyokong operasi JIM dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada orang awam, agensi luar dan *stakeholders*, adalah disyorkan supaya pihak terlibat mengambil langkah seperti yang berikut:

i. KDN hendaklah merancang dengan teliti dan mengambil kira *lesson learnt* daripada kegagalan pembangunan sistem terdahulu sebelum sesuatu sistem dibangunkan bagi menjamin keberkesanan pengurusan projek dalam mencapai objektif yang ditetapkan serta perolehan sistem yang memberi *best value for money*;

ii. KDN dan JIM hendaklah melaksanakan projek mengikut terma kontrak yang telah dipersetujui dan dalam tempoh yang ditetapkan bagi memastikan sistem dapat dibangunkan mengikut spesifikasi yang dikehendaki dan mencapai objektif yang telah ditetapkan;

iii. JIM hendaklah menyelenggara dan mengemas kini dokumen pembangunan sistem bagi memastikan pelaksanaan migrasi data pada masa hadapan dapat dibuat dengan teratur dan menyeluruh; dan

iv. KDN hendaklah mengkaji semula keperluan sistem tapisan oleh pengendali di negara sumber bagi mengelakkan pertindihan proses kerja dan memastikan perjanjian rasmi ditandatangani di antara Kerajaan dan pengendali bagi menjamin keselamatan sistem dan maklumat Kerajaan.

[muka surat : 378 - 400]

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

19. Pengurusan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Di Sekolah

a. Kementerian Pendidikan Malaysia (Kementerian) telah menswastakan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (PKK) kepada Kontraktor yang mempunyai lesen, permit atau kebenaran yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi melaksanakan perkhidmatan kawalan keselamatan tanpa senjata api. Antara tujuan penyediaan perkhidmatan ini ialah untuk mewujudkan persekitaran sekolah yang aman dan tenteram secara berterusan serta meyakinkan pihak sekolah, ibu bapa dan pelajar sesuai dengan tuntutan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif di semua sekolah di bawah kawalannya. Secara umumnya perkhidmatan PKK adalah untuk membekalkan pengawal keselamatan dan peralatan atau alat kelengkapan yang mencukupi untuk melaksanakan perkhidmatan kawalan keselamatan di kawasan sekolah/asrama; membuat rondaan dan melaporkan perkhidmatan kepada Kerajaan. Bagi merealisasikan perkhidmatan PKK, Kementerian/Jabatan Pendidikan Negeri telah melaksanakan tender PKK ke institusi/sekolah dengan menawarkan 947 kontrak bernilai RM2.858 bilion bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015.

b. Pengauditan yang dijalankan di BPPA Kementerian, JPN, PPD serta 59 premis di negeri Melaka, Kedah, Perlis, Kelantan dan Selangor antara bulan Julai hingga Oktober 2015 mendapati Kementerian telah berjaya menyediakan PKK di premis-premis yang dilawati. Kementerian juga telah melaksanakan beberapa penambahbaikan selepas teguran Audit pada tahun 2012. Antara penambahbaikan tersebut adalah menetapkan tempoh pembaharuan lesen agensi persendirian, menyenaraikan dokumen yang diperlukan bagi proses pembayaran, laporan pemeriksaan kesihatan perlu dijalankan setiap tahun bagi pekerja yang berumur antara 55 hingga 60 tahun, menetapkan tempoh Kontraktor mengemukakan sijil lulus tapisan keselamatan dan kewajipan PK menghadiri kursus *Certified Security Guards* (CSG). Selain itu, tiada isu berulang di 5 daripada 9 premis yang telah dilawati pada tahun 2012. Bagaimanapun, secara keseluruhannya pengurusan PKK di 59 premis yang diaudit adalah kurang memuaskan kerana masih terdapat kelemahan seperti yang berikut:

   i. syarat PK untuk menjalani ujian air kencing tidak dinyatakan dalam perjanjian Kementerian;

   ii. *clocking* tidak dilaksanakan dalam tempoh 2 jam, *clocking* tidak dilaksanakan pada semua lokasi yang ditetapkan dan *clocking* pada waktu yang sama bagi beberapa point;

   iii. peralatan tidak dibekalkan/cukup seperti yang dinyatakan dalam perjanjian antaranya seperti *point watchman clock*, lampu picit, baju hujan, wisel, *walkie talkie* dan baju pemantul cahaya; *alarm system* yang dipasang tidak berfungsi mengikut objektif pemasangannya;

iv. terdapat peralatan yang rosak antaranya lampu picit, *walkie talkie*, monitor CCTV, kamera CCTV, baju hujan, *watchman clock* dan pembesar suara dan tiada rekod berkenaan tarikh mula kerosakan disimpan; dan

v. denda dan pemotongan berjumlah RM0.18 juta tidak dikenakan terhadap Kontraktor yang tidak mematuhi kontrak.

c. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan membolehkan Kerajaan mendapat *best value for money* terhadap perkhidmatan ini adalah disyorkan supaya pihak terlibat mengambil langkah seperti yang berikut:

i. Kementerian perlu menambah baik kontrak PKK bagi mematuhi Surat Pekeliling Agensi Persendirian Bil. 1 Tahun 2006, KDN yang menetapkan keperluan lulus ujian air kencing dan tapisan keselamatan kepada semua pengawal keselamatan;

ii. Kementerian perlu memastikan setiap syarat kontrak dipatuhi oleh Kontraktor dan tindakan mengenakan denda/pemotongan perlu dikuatkuasakan daripada membenarkan isu berulang terus berlaku; dan

iii. pendedahan prosedur penyemakan terhadap dokumentasi PKK oleh pihak sekolah perlu dititikberatkan sebelum diperakukan untuk tujuan pembayaran bagi mengelakkan berlakunya *improper payment.*

[muka surat : 401 - 425]

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

20. Pengurusan Program Rancangan Makanan Tambahan

a. Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) bertujuan untuk membantu meningkatkan taraf pemakanan murid daripada golongan ibu bapa atau penjaga yang berada di bawah Paras Garis Kemiskinan Nasional (PGK) agar dapat memberi tumpuan sepenuhnya dalam usaha pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Kementerian telah diperuntukkan sejumlah RM758.48 juta bagi tahun 2013 hingga 2015 untuk pelaksanaan program RMT. Syarat kelayakan bagi permohonan bantuan program RMT ialah pendapatan bulanan keluarga di antara RM460 hingga RM630 atau RM110 hingga RM130 per kapita bagi tahun 2013. Manakala bagi tahun 2014 dan 2015, pendapatan bulanan keluarga di antara RM520 hingga RM660 atau RM130 hingga RM140 per kapita. Program ini dilaksanakan sepanjang 190 hari persekolahan dalam setahun. Bilangan murid yang menerima bantuan program RMT bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 adalah seramai 1,665,954 orang yang melibatkan 21,936 buah sekolah rendah.

b. Pengauditan yang dijalankan di 40 buah sekolah rendah kategori bandar meliputi 4 negeri (Johor, Kelantan, Kedah dan Sabah) pada bulan Julai hingga Oktober 2015 mendapati pengurusan program RMT telah mencapai objektif yang ditetapkan seperti menu mengandungi kalori dan nutrien yang mencukupi dan telah memupuk budaya sopan santun serta disiplin murid. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh

Kementerian, program RMT telah membantu perkembangan kesihatan dan pembelajaran murid. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu ditambah baik bagi memastikan kecekapan program RMT seperti yang berikut:

i. pengagihan peruntukan program RMT oleh JPN ke sekolah lewat di antara 14 hingga 97 hari yang sepatutnya diagihkan dalam tempoh 7 hari selepas waran peruntukan diterima daripada Kementerian;

ii. baki terkumpul peruntukan program RMT sehingga tahun 2014 berjumlah RM0.26 juta iaitu di antara RM172 hingga RM19,984 dan menyebabkan baki di Kumpulan Wang Kerajaan (KWK) terus meningkat dan prestasi perbelanjaan program RMT tidak menggambarkan jumlah sebenar;

iii. KPI hanya ditetapkan bagi agihan waran peruntukan program RMT manakala penetapan KPI bagi pencapaian program RMT secara keseluruhan khususnya dalam memenuhi dan mencapai objektif program tidak ditetapkan iaitu sumbangan RMT kepada pertumbuhan badan/kesihatan dan kemajuan akademik murid;

iv. sekolah yang dilawati ada merekodkan berat dan tinggi murid pada awal dan akhir tahun serta pencapaian purata pelajaran murid sepanjang tahun. Bagaimanapun, maklumat yang direkodkan ini tidak digunakan untuk tujuan analisis pencapaian program berkaitan;

v. pendapatan bulanan ibu bapa/penjaga tidak disahkan oleh Ketua Kampung/ Penghulu/Pegawai bagi ibu bapa/penjaga yang tidak mempunyai slip gaji dan pendapatan tidak diperincikan;

vi. hidangan makanan program RMT tidak mengikut menu yang ditetapkan dan boleh menjejaskan kandungan kalori dan nutrien makanan terhadap murid; dan

vii. kelemahan pemantauan program RMT di peringkat Kementerian, JPN, PPD dan sekolah.

c. Bagi mengatasi masalah yang dibangkitkan dan untuk meningkatkan kecekapan dalam pengurusan program RMT, adalah disyorkan supaya Kementerian/JPN/ PPD/sekolah mengambil tindakan seperti yang berikut:

i. menetapkan KPI dan menilai pencapaian program RMT setiap tahun. Bagi maklumat tinggi, berat dan pencapaian akademik yang dikumpulkan perlu dianalisis sewajarnya dan peraturan berkaitan diwujudkan;

ii. mengkaji semula menu yang ditetapkan dan membuat penambahan menu bagi mengikut kesesuaian penduduk setempat bagi menggalakkan murid makan serta perubahan menu perlu mendapat kelulusan dan kandungan nutriennya perlu dinilai; dan

iii. meningkatkan pemantauan dan penyeliaan terhadap pengurusan program RMT dengan menyeragamkan kriteria pemantauan, kekerapan dan agenda Mesyuarat Jawatankuasa RMT.

[muka surat : 426 - 450]

BAHAGIAN II – PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

21. Malaysia Convention & Exhibition Bureau

a. Malaysia Convention & Exhibition Bureau (MyCEB) ditubuhkan pada 13 Ogos 2009 di bawah Akta Syarikat 1965. MyCEB adalah sebuah syarikat berhad menurut jaminan (company limited by guarantee) yang ditubuhkan di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (KPK) dan merupakan syarikat yang tidak beroreintasikan keuntungan. Selaras dengan pelaksanaan *Economic Transformation Programe* (ETP) di bawah program *National Key Economics Areas* (NKEA) bagi sektor pelancongan, MyCEB telah diberi mandat dan tanggungjawab untuk mengendalikan dua *Entry Point Project* (EPP) iaitu EPP 7 - *International Major Events* dan EPP 10 - *Business Events*. Di bawah kedua-dua EPP ini, MyCEB bertanggungjawab untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi utama (world leading destination) bagi galakan penganjuran acara/program antarabangsa (major events) dalam bentuk sukan, hiburan antarabangsa dan seni (art) serta acara/program perniagaan (business events) iaitu mesyuarat, konvensyen, insentif dan pameran. Aktiviti MyCEB adalah menjalankan promosi, mengenal pasti potensi dan menyokong tawaran acara antarabangsa dan acara perniagaan bagi memastikan ianya dilaksanakan di Malaysia. Selain itu, MyCEB akan menyediakan sokongan acara dan pemasaran terhadap acara-acara berbentuk *home grown* dan *home events* bagi mengukuhkan lagi tarikan Malaysia sebagai tempat pilihan untuk acara-acara antarabangsa di rantau ini. MyCEB juga bertindak untuk menyelaraskan dan memudahkan proses pembidaan bagi kedua-dua EPP ini. Sehingga bulan September 2015, sejumlah RM253.93 juta peruntukan telah disalurkan kepada MyCEB. Dana ini digunakan bagi memperkukuhkan dan memperluaskan aktiviti MyCEB dalam usaha untuk meningkatkan lagi bilangan delegasi dan pelancong luar Negara seterusnya dapat memberi sumbangan terhadap pendapatan kasar Negara.

b. Pengauditan yang dijalankan terhadap aspek kewangan, aktiviti utama dan tadbir urus korporat bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 antara bulan Mei hingga September 2015 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan adalah baik di mana syarikat berjaya mencatat lebihan pendapatan selepas cukai selama 3 tahun berturut-turut berjumlah RM5.95 juta, RM12.5 juta dan RM1.58 juta. Aktiviti pengurusan promosi yang dilaksanakan secara meluas telah berjaya menarik dan meningkatkan bilangan delegasi dan bilangan pelancong berdasarkan rekod yang dicatatkan. Semakan Audit mendapati pada umumnya MyCEB telah mematuhi peraturan yang ditetapkan berkenaan tadbir urus korporat bagi pelantikan Ahli Lembaga Pengarah dan kekerapan mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan yang perlu diberi perhatian seperti yang berikut:

   i. pengurusan aktiviti dana *subvention* adalah kurang teratur. Terdapat kelemahan dalam pengurusan bantuan kewangan kepada penganjur melalui dana *subvention* seperti yang berikut:

- pembayaran yang tidak teratur kepada penganjur;
- pembayaran dana *subvention* yang masih belum selesai selepas tarikh tamat perjanjian/*memorandum of understanding*; dan
- perbezaan kadar pengiraan perbelanjaan antara EPP7 dan EPP10.

ii. pelantikan konsultan/perkhidmatan perunding pembinaan *booth* di pameran perniagaan yang kurang mematuhi amalan pengurusan perolehan yang baik;

iii. pengurusan bayaran agensi perhubungan awam bagi kerja-kerja pengiklanan dan pemasaran kurang memuaskan seperti tiada invois pihak ketiga dan kadar pembayaran komisen yang tidak seragam;

iv. pengurusan perbelanjaan yang kurang teratur seperti pesanan tempatan lewat dikeluarkan, dokumen nota hantaran yang tiada maklumat lengkap dan pengurusan kad korporat yang kurang teratur; dan

v. pengurusan perolehan yang kurang teratur seperti pembayaran pendahuluan projek melebihi 50% dan perancangan pembikinan video yang kurang teliti.

c. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan di dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang, adalah disyorkan pengurusan MyCEB mempertimbangkan perkara yang berikut:

i. pengurusan aktiviti dana *subvention* diperkemaskan lagi bagi memastikan matlamat dan objektif pemberian dana ini tercapai;

ii. pengurusan MyCEB perlu memantau lebih terperinci di dalam pengurusan perbelanjaan dan perolehan selaras dengan peraturan yang ditetapkan. Dokumen sokongan yang lengkap diperoleh sebelum pembayaran dibuat bagi memastikan kesempurnaan kerja yang dilaksanakan oleh pihak ketiga dan akauntabiliti terhadap penggunaan geran. Pengurusan perolehan dibuat mengikut kaedah perolehan yang telah diluluskan untuk mendapatkan manfaat *best value for money*; dan

iii. penggunaan kemudahan kad korporat oleh kakitangan yang layak menggunakannya mengikut peraturan dan prosedur yang diluluskan. Kawalan dalaman yang mencukupi diwujudkan bagi memastikan kakitangan yang gagal mengisytiharkan perbelanjaan disekat dari terus menggunakan kad korporat sehingga pengisytiharan dibuat. Perkara ini penting bagi memastikan proses bayaran kad korporat yang teratur dan mengelakkan penyalahgunaan kemudahan kad korporat.

[muka surat : 453 - 487]

22. Pengurusan Perbadanan Kota Buku

a. Perbadanan Kota Buku (PKB) telah ditubuhkan pada 6 Julai 2011 di bawah Akta Syarikat 1965. PKB ialah sebuah syarikat berhad menurut jaminan yang ditubuhkan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dan tidak mempunyai modal saham. PKB telah diberi mandat sebagai pemangkin pembangunan industri perbukuan bagi merealisasikan Dasar Buku Negara yang menyarankan agar ditubuhkan sebuah Pusat Buku iaitu pusat sehenti bagi menghimpunkan pembaca, penulis dan penerbit dan membantu mereka menjalankan aktiviti berkaitan perbukuan. Operasi teras PKB adalah berdasarkan 4 aktiviti utama iaitu Akademi Kota Buku, Hak Cipta Dan Harta Intelek, Penyelidikan Dan Runding Cara serta Penerbitan Digital. Kerajaan telah menyalurkan dana dalam bentuk geran berjumlah RM30 juta melalui peruntukan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi tempoh tahun 2011 hingga 2014. Penyaluran geran secara berperingkat ini digunakan bagi menampung operasi PKB dan penganjuran aktiviti berkaitan perbukuan sebagai galakan kepada industri perbukuan tanah air.

b. Pengauditan yang dijalankan terhadap aspek kewangan, aktiviti utama dan tadbir urus korporat bagi tempoh tahun 2012 hingga 2015 yang dijalankan antara bulan Jun 2015 hingga Oktober 2015 mendapati secara umumnya PKB telah melaksanakan aktiviti syarikat selaras dengan mandat yang diberikan. Prestasi kewangan syarikat berada pada tahap memuaskan dengan lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan bagi 3 tahun berturut-turut disumbangkan oleh lain-lain pendapatan di mana 83.28% hingga 88.56% dijana daripada pelunasan geran. Bagi prestasi aktiviti, PKB kurang aktif dalam penyertaan/pelaksanaan aktiviti perbukuan di mana dalam tempoh 4 tahun (2012 hingga bulan Ogos 2015), PKB hanya menganjurkan dan menyertai 97 aktiviti dengan perbelanjaan berjumlah RM4.77 juta. Penjualan e-Book melalui platform penerbitan digital juga kurang mendapat sambutan di mana hanya 249 karya digital telah dilanggan dengan kutipan hasil berjumlah RM1,495 sahaja bagi tempoh 3 tahun (2013 hingga 2015). Beberapa perkara yang perlu diberi perhatian oleh pengurusan PKB seperti yang berikut:

   i. pengurusan PKB kurang memberi perhatian terhadap keberhasilan/impak sesuatu aktiviti/program yang dianjurkan/disertai;

   ii. kelulusan Lembaga Pengarah bagi 2 penyertaan pameran buku antarabangsa tidak dapat disahkan; dan

   iii. Pelan Strategik syarikat masih belum dimuktamadkan, tiada Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi mengukur pencapaian syarikat dan tiada Manual Operasi Standard (SOP) berkaitan aktiviti utama syarikat disediakan.

c. Bagi memantapkan keupayaan dan tadbir urus organisasi serta memastikan penubuhan PKB mencapai objektifnya, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan terhadap perkara yang berikut:

i. Lembaga Pengarah PKB perlu memantau projek/aktiviti utama yang dilaksanakan dari semasa ke semasa dengan rapi bagi memastikan objektif penubuhan syarikat dapat dicapai;

ii. pengurusan PKB perlu memastikan setiap keputusan serta pelaksanaan aktiviti telah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah PKB; dan

iii. Lembaga Pengarah serta pengurusan PKB perlu memastikan perancangan strategik jangka pendek dan jangka panjang syarikat dimuktamadkan bagi menentukan hala tuju syarikat ini.

[muka surat : 488 -516]

23. Pengurusan Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.

a. Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd. (MDeC) yang diperbadankan pada bulan Jun 1996 bermatlamat untuk menyediakan pelan utama pembangunan Koridor Raya Multimedia Malaysia (MSC Malaysia) serta mengawasi pelaksanaannya. Peranan utama MDeC adalah untuk meningkatkan nilai MSC Malaysia secara keseluruhannya dari segi kemahiran tenaga pekerja, imbangan pembayaran, membantu meningkatkan keluaran negara kasar per kapita dan e-Perniagaan. Pada 19 Oktober 2011, MDeC telah diberi mandat untuk merealisasikan Program Transformasi Digital yang dikenali sebagai Digital Malaysia (DM) secara menyeluruh dalam aspek ekonomi. Berikutan daripada itu, MDeC telah diberi mandat oleh pihak Kerajaan melalui Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No. 2) (Pindaan) (No. 2) (Pindaan) 2014 untuk membangun, menyelaras dan menggalakkan ekonomi digital Malaysia, industri ICT dan penggunaan ICT yang meluas di Malaysia. Selain itu, MDeC telah diberi kuasa untuk melaksanakan 5 projek di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara/*National Key Economic Area* (NKEA) iaitu yang melibatkan Projek Penggerak Ekonomi/*Entry Point Project* (EPP) 2 – *Foreign Outsourcing Market*; EPP3 – *Malaysia As Data Centre*; *Sri-Upskilling and Upgrading Workforce for Business Services*; *Integrated Content Development Programme* (ICON) dan *Creative Industry Life-Long Learning Programme* (CILLP). MDeC telah menerima peruntukan mengurus dan pembangunan daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM202.95 juta pada tahun 2012, RM229.67 juta pada tahun 2013, RM259.86 juta pada tahun 2014 dan RM269.20 juta pada tahun 2015. Peruntukan pembangunan yang diterima adalah untuk melaksanakan projek dan pemberian dana kepada industri untuk merealisasikan inisiatif-inisiatif MSC Malaysia, DM serta NKEA.

b. Pengauditan yang dijalankan terhadap aspek kewangan, aktiviti utama dan tadbir urus korporat bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 antara bulan Julai hingga Oktober 2015 mendapati pada umumnya, MDeC telah menjalankan aktiviti utamanya selaras dengan mandat yang diberikan. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan MDeC adalah memuaskan di mana MDeC telah berjaya mencatat keuntungan bersih sebelum cukai bagi tahun kewangan 2012, 2013 dan 2014

masing-masing sejumlah RM41.64 juta, RM58.62 juta dan RM28.33 juta. Namun begitu, margin keuntungan kasar menurun bagi tahun 2014 berbanding tahun sebelumnya iaitu daripada 6.4% kepada 4.2%. Sementara itu, prestasi dan pengurusan aktiviti; pengurusan tadbir urus serta pengurusan kewangan MDeC adalah pada tahap yang baik. Secara umumnya, MDeC telah berjaya mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dengan baik. Tambahan lagi, program MSC Malaysia, DM dan NKEA telah mencapai objektif yang ditetapkan. Namun, terdapat kelemahan yang telah dikenal pasti iaitu proses pra-permohonan untuk mendapat status MSC Malaysia sehingga penilaian ke atas penerimaan permohonan dan dokumen sokongan telah mengambil masa yang lama iaitu sehingga 29 bulan.

c. Bagi memastikan pengurusan aktiviti MDeC dijalankan dengan lebih teratur, adalah disyorkan supaya pihak pengurusan MDeC memastikan tempoh bagi meluluskan sesebuah syarikat untuk mendapat status MSC Malaysia dipecahkan kepada 2 peringkat iaitu sebelum dokumen yang lengkap diterima dan selepas dokumen lengkap diterima daripada pemohon. Pengasingan tempoh ini dapat memudahkan pihak pengurusan MDeC untuk mengenal pasti punca kelewatan yang wujud sekiranya ada.

[muka surat : 517 - 533]

24. Pengurusan Malaysian Agrifood Corporation Berhad

a. Malaysian Agrifood Corporation Berhad (MAFC) dimiliki sepenuhnya oleh Khazanah Nasional Berhad dan telah ditubuhkan pada 22 Mac 2006 dengan modal dibenarkan berjumlah RM600 juta serta modal berbayar berjumlah RM430.50 juta. Objektif utama MAFC adalah untuk menggerakkan perniagaan rangkaian bekalan makanan di Malaysia dengan menggunakan teknologi dan sistem logistik yang moden serta amalan terbaik selaras dengan piawaian keselamatan makanan antarabangsa. MAFC juga membantu penyusunan semula untuk menjadikan sektor pertanian sebagai sektor yang moden, berdaya maju dan dinamik selaras dengan hasrat Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) bagi menjadikan sektor pertanian sebagai salah satu teras dalam pembangunan ekonomi negara. MAFC juga turut menitikberatkan keperluan untuk melindungi alam sekitar dalam sektor pertanian dengan cara melindungi sumber semula jadi dan mengoptimumkan penggunaan tanah, air dan tenaga. Aktiviti utama MAFC adalah menghasilkan sayuran tanah tinggi yang segar dan selamat untuk dimakan dengan menggunakan kaedah perladangan dengan persekitaran yang terkawal (Controlled Environment Farms) di atas 2 bidang tanah di Cameron Highlands, iaitu di Lembah Bertam dan di Tanah Rata. Produk yang dihasilkan dan dipasarkan dikenali dengan jenama *Lushious*. Di samping itu, MAFC juga menyediakan perkhidmatan bilik sejuk dan logistik melalui anak syarikatnya iaitu CCN Sdn. Bhd. di Puchong, Selangor.

b. Pengauditan yang dijalankan terhadap aspek kewangan, aktiviti utama dan tadbir urus korporat bagi tempoh tahun 2012 hingga 2015 antara bulan Julai hingga Oktober 2015 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan MAFC adalah

kurang memuaskan. Syarikat telah mencatatkan kerugian terkumpul berjumlah RM447.84 juta pada tahun 2014 dan aliran tunai dari aktiviti operasi adalah negatif bagi tempoh 3 tahun berturut-turut (2012 - 2014). Namun begitu, kerugian bersih selepas cukai telah berkurang pada tahun 2014 iaitu sejumlah RM1.45 juta menjadikan kerugian selepas cukai berjumlah RM18.49 juta. Secara umumnya, MAFC telah mematuhi peraturan yang telah ditetapkan berkenaan tadbir urus korporat bagi pelantikan Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif. Bagaimanapun terdapat beberapa aspek prestasi dan pengurusan aktiviti, pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat yang perlu diberi perhatian seperti yang berikut:

i. bilangan pengedar/peruncit yang mengedarkan produk MAFC tidak meningkat sejak tahun 2012;

ii. *Collaboration Agreement on Highland Agriculture* dan *Research Collaboration Agreement* bagi pajakan tanah *Malaysian Agricultural Research and Development Institute* (MARDI) di Tanah Rata masih belum disediakan walaupun MOU telah ditandatangani pada tahun 2008 (7 tahun);

iii. pengurusan aktiviti di Lembah Bertam seperti yang berikut:
   - tanah di Lembah Bertam seluas 195.3 hektar yang diperolehi dengan harga RM68.6 juta tidak diusahakan secara optimum. Hanya 20 hektar (10.24%) telah diusahakan manakala baki tanah seluas 175.3 hektar (89.76%) masih terbiar;
   - beberapa cerun di ladang Lembah Bertam tidak disenggara dengan sempurna dan terdedah kepada risiko tanah runtuh; dan
   - status pencapaian peserta mengikut tahap bagi program *Agropreneur* tidak dapat ditentukan berbanding tempoh yang ditetapkan.

iv. kerja penanaman sayuran di beberapa plot di Lembah Bertam dan Tanah Rata mengalami kelewatan dan tidak mengikut *crop calendar*;

v. tiga bidang tanah pajakan di Lanchang tidak digunakan untuk sebarang aktiviti penanaman dan terbiar sehingga tarikh lawatan Audit; dan

vi. pengurusan rekod syarikat dan dokumen kewangan serta aset dan stor adalah kurang memuaskan.

c. Bagi memastikan objektif penubuhan MAFC dicapai dan memantapkan keupayaan tadbir urus organisasi, adalah disyorkan pihak pengurusan MAFC memberi pertimbangan dan mengambil tindakan terhadap perkara yang berikut:

i. memperbanyakkan promosi serta kesedaran kepada pengguna berhubung produk MAFC bagi memperluaskan pasaran terhadap produk MAFC sekali gus meningkatkan pendapatan syarikat;

ii. penggunaan tanah secara optima di Lembah Bertam dan di Lanchang;

iii. *Collaboration Agreement on Highland Agriculture* dan *Research Collaboration Agreement* antara pihak MAFC dan MARDI perlu dimeterai dengan segera; dan

iv. pengurusan MAFC perlu meningkatkan pemantauan dan kawalan dalaman agar semua prosedur yang ditetapkan terutama berhubung proses perolehan dan perbelanjaan dipatuhi.

[muka surat : 534 - 570]

25. Pengurusan Sepang International Circuit Sdn. Bhd.

a. Sepang International Circuit Sdn. Bhd. (SIC) ditubuhkan pada 23 Januari 1998 merupakan syarikat milik penuh Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB). Modal dibenarkan adalah berjumlah RM50 juta manakala modal berbayar adalah berjumlah RM10 juta. Pada 1 Februari 2002, YAB Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan telah bersetuju supaya Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) mengambil alih SIC daripada MAHB. Pengambilalihan SIC sepenuhnya oleh MKD telah dibuat melalui satu perjanjian Penjualan Saham SIC pada 22 April 2009. Tujuan SIC ditubuhkan adalah untuk mengembangkan industri sukan bermotor di Malaysia dan mempromosikan industri pelancongan negara. Keluasan litar sepang ini adalah 303 hektar dengan panjang litar 5.543 km dan litar ini boleh memuatkan seramai 130,000 penonton pada satu-satu masa. Litar Antarabangsa Sepang juga dilengkapi dengan kemudahan seperti Sepang Circuit Shoppe, Muzium Automotif, restoran dan pusat perubatan. Litar ini telah dibuka secara rasminya pada 9 Mac 1999. SIC telah menganjurkan perlumbaan F1 sejak tahun 1999 dan telah memeterai 2 kontrak penganjuran F1 dengan Formula One Administration Limited (FOA). FOA adalah merupakan pemegang hak eksklusif penganjuran F1. Tempoh kontrak pertama adalah selama 12 tahun (1999 hingga 2010). Selepas tamat tempoh pertama, kontrak ini telah diperbaharui sebanyak dua kali iaitu tahun 2011 hingga 2015 (5 tahun) dan 2016 hingga 2018 (3 tahun). Manakala penganjuran *Motocycle Grand Prix* (MotoGP) telah dibuat bagi tempoh 8 tahun bermula dari tahun 1999 hingga 2006 dengan Dorna Sport S.L. Kerajaan melalui Kementerian Kewangan Malaysia telah menyalurkan geran kewangan kepada SIC bagi pembayaran yuran hak penganjuran dan hak penyiaran sebagai komitmen Kerajaan untuk penganjuran F1 dan MotoGP. Manakala yuran lain seperti yuran hak pengiklanan, yuran pengurusan *airtime* dan yuran hak hospitaliti ditanggung sepenuhnya oleh SIC. Jumlah keseluruhan perbelanjaan untuk penganjuran F1 dan MotoGP adalah berjumlah RM2.540 bilion untuk tempoh tahun 1999 hingga 2012 di mana pembiayaan Kerajaan adalah berjumlah RM1.880 bilion (73.9%) daripada jumlah perbelanjaan keseluruhan.

b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga November 2015 mendapati prestasi kewangan SIC adalah baik di mana SIC telah mencatat keuntungan bersih selepas cukai bagi 3 tahun berturut-turut iaitu RM44.54 juta, RM17.15 juta dan RM8.47 juta masing-masing bagi tahun 2012, 2013 dan 2014. Bagaimanapun, keuntungan syarikat telah mengalami penurunan ketara sejumlah RM8.68 juta

(50.6%) pada tahun 2014 berbanding tahun 2013. Aktiviti pengurusan acara dan tadbir urus syarikat telah dilaksanakan dengan teratur serta pelaksanaan polisi dan prosedur syarikat telah memperoleh pengiktirafan Sijil ISO 2001: 9008. Selain daripada itu, bilangan penonton perlumbaan MotoGP telah meningkat pada tahun 2015 berbanding tahun 2014 dan 2013. Bagaimanapun, terdapat pengurusan aktiviti, perolehan dan kewangan yang perlu diberi perhatian oleh Ahli Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan seperti yang berikut:

i. bilangan penonton perlumbaan F1 telah mengalami trend penurunan bagi tempoh 2 tahun iaitu antara 4,298 dan 7,143 orang untuk tempoh tahun 2014 dan 2015 berbanding tahun 2013;

ii. aktiviti pemasaran seperti penganjuran konsert yang dilaksanakan masih belum mampu menarik lebih ramai peminat F1 walaupun peruntukan tambahan dana bagi tujuan pemasaran dan promosi berjumlah RM10 juta telah diberikan;

iii. perbezaan bayaran berjumlah RM112,400 dan RM24,313 bagi perkhidmatan produksi konsert F1 dan *creative and design agency* berbanding jumlah dalam kontrak dan Surat Setuju Terima serta jumlah komisen yang dibayar tidak disertakan dengan dokumen sokongan berjumlah RM94,700;

iv. perbezaan butiran dalam kontrak perjanjian sewaan dengan butiran di invois dan sebut harga;

v. perkhidmatan produksi konsert FI belum dimuktamadkan walaupun kerja telah selesai dilaksanakan;

vi. kelewatan kelulusan Jawatankuasa Perolehan dalam meluluskan perolehan perkhidmatan;

vii. pesanan belian lewat dikeluarkan;

viii. kelewatan menandatangani perjanjian perkhidmatan sewaan LED Giant Screen;

ix. tiada butiran terperinci kos dan klausa penalti/denda/potongan dimasukkan dalam perjanjian;

x. tiada prosedur mengenai penggunaan kad kredit peribadi bagi membuat pembelanjaan rasmi syarikat dan perbelanjaan Ketua Pegawai Eksekutif tidak disemak oleh Bahagian Sumber Manusia; dan

xi. aset tidak disenaraikan dalam Daftar Aset dan aset tidak dilabelkan.

c. Bagi memantapkan pengurusan perolehan, kewangan dan aktiviti syarikat, adalah disyorkan supaya pihak pengurusan SIC yang terlibat mengambil tindakan terhadap perkara yang berikut:

i. merangka pelan strategi pemasaran yang lebih efektif bagi menarik lebih ramai penonton antarabangsa hadir menyaksikan perlumbaan F1. SIC juga hendaklah

menilai semula penganjuran konsert supaya bajet untuk penganjuran konsert digunakan bagi tujuan promosi pemasaran; dan

ii. meningkatkan kawalan dalaman bagi setiap proses perolehan, pembayaran dan pengurusan aset.

[muka surat : 571 - 599]

BAHAGIAN I
PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

BAHAGIAN I

PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

1. PENDAHULUAN

Selain daripada menjalankan pengauditan kewangan, Jabatan Audit Negara dikehendaki juga di bawah Seksyen 6, Akta Audit 1957 mengaudit aktiviti Kementerian/Jabatan untuk menentukan sama ada ia dilaksanakan dengan cara yang teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Bagi memenuhi kehendak peruntukan Akta tersebut, 20 aktiviti di 19 Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan telah dipilih untuk dilaporkan bagi Siri 1. Hasil daripada pengauditan itu telah dibincangkan dengan pihak pengurusan Kementerian/Jabatan yang terlibat sebaik sahaja pengauditannya selesai dijalankan dan 20 aktiviti tersebut dilaporkan secara terperinci termasuk syor-syor Audit bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan.

JABATAN PERDANA MENTERI

2. AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA

- **PENGURUSAN PEMBINAAN DAN PEMBAIKAN RUMAH MANGSA BANJIR**

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada asalnya merupakan sebuah agensi peneraju utama (National Focal Point) dalam pengurusan bencana negara. Mulai 26 Ogos 2015, Kerajaan telah menubuhkan Agensi Pengurusan Bencana Negara (APBN) yang mengambil alih sepenuhnya semua fungsi dan tanggungjawab MKN sebelum ini. APBN bertanggungjawab untuk menyelaras pengurusan bencana negara serta membentuk dan memastikan segala dasar dan mekanisme pengurusan bencana negara dipatuhi dan dilaksanakan di setiap peringkat pengurusan bencana.

2.1.2. Pengurusan bencana negara di laksana berpandukan kepada Arahan Majlis Keselamatan Negara No. 20 iaitu Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara yang mengandungi rangka kerja strategi, arahan, pelan tindakan, hala tuju dan dasar dalam pengurusan bencana negara. Segala peruntukan dan perbelanjaan bagi pengurusan bencana diuruskan menggunakan Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN).

2.1.3. Pada akhir tahun 2014, sebanyak 5 buah Negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak dan Sabah telah dilanda bencana banjir besar yang menyebabkan berlaku kehilangan nyawa, kerosakan dan kehilangan rumah serta kesusahan kepada semua mangsa banjir yang terlibat. Bagi membantu mangsa bencana memulakan kehidupan pasca banjir, Kerajaan Persekutuan menerusi MKN telah memperuntukkan dana berjumlah RM500 juta kepada KWABBN. Objektif pemberian dana ini adalah sebagai bantuan untuk maksud imbuhan kehilangan dan kerosakan yang dialami oleh mangsa bencana. Butiran lanjut mengenai sumber peruntukan bagi projek pemulihan pasca banjir adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.1
SUMBER PERUNTUKAN PROJEK PEMULIHAN PASCA BANJIR

SUMBER PERUNTUKAN	JUMLAH (RM Juta)
Tabung Bencana Negara	100
Kumpulan Wang Luar Jangka (Peruntukan Tambahan Khas)	210
Pindah Peruntukan (Tambahan):	
Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin	100
Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan Untuk Golongan Berpendapatan Rendah Sabah Dan Sarawak	40
Kumpulan Wang Amanah Dana Automotif	50
JUMLAH KESELURUHAN	**500**

Sumber : Kementerian Kewangan Malaysia

2.1.4. Untuk membantu semua mangsa banjir, Kerajaan melalui Mesyuarat Khas Pelan Tindakan Pasca Banjir Bil. 1/2015 telah mengarahkan MKN, APBN, Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) seperti Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR), Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH), GIATMARA dan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) untuk melaksanakan projek pembinaan Rumah Kekal Baru (RKB) serta kerja pembaikan rumah mangsa banjir yang terlibat.

2.1.5. Pihak Kerajaan melalui kerjasama dengan JKR, MKN dan APBN telah bersetuju untuk membina 2 jenis RKB (Sebuah/Bertiang) bernilai RM55,000 seunit. Manakala pihak JAKOA pula telah melaksanakan projek RKB menggunakan skim Program Bantuan Rumah (PBR) yang bernilai RM42,000 seunit. Bagi kerja pembaikan rumah mangsa banjir, pihak Kerajaan telah menetapkan RM10,000 sebagai kos maksimum bagi sebuah rumah. Jumlah peruntukan keseluruhan yang diluluskan bagi setiap projek terlibat adalah berjumlah RM246 juta. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.2
PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN BAGI
PROJEK PEMBINAAN RKB DAN KERJA PEMBAIKAN RUMAH MANGSA BANJIR

PERIHAL PROJEK	JUMLAH (RM Juta)
Pembinaan • Projek RKB (JKR/MKN) – RM170.53 juta • Projek RKB (JAKOA) – RM15 juta	185.53
Pembaikan Rumah Mangsa Banjir (5 Agensi Pelaksana KKLW)	61.20
JUMLAH KESELURUHAN	**246.73**

Sumber : APBN

2.1.6. Kerajaan juga melalui kerjasama pelbagai Kementerian/Jabatan/Agensi telah menetapkan beberapa kriteria bagi memenuhi syarat kelayakan projek RKB dan kerja pembaikan rumah mangsa banjir. Inisiatif penetapan garis panduan ini adalah penting bagi memastikan bahawa hanya mangsa banjir yang layak sahaja akan diberikan bantuan supaya matlamat peruntukan dapat dicapai secara berkesan. Syarat kelayakan bantuan projek RKB dan kerja pembaikan rumah yang ditetapkan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.3
SYARAT KELAYAKAN PENERIMA BANTUAN
PROJEK PEMBINAAN RKB DAN KERJA PEMBAIKAN RUMAH MANGSA BANJIR

SYARAT KELAYAKAN	
LAYAK	**TIDAK LAYAK**
Warganegara	Penyewa (kecuali setelah mendapat kebenaran tuan tanah/Pejabat Daerah)
Ketua Isi Rumah (KIR)	
Berumur 18 tahun ke atas	Rumah tanpa penghuni
Tempoh bencana yang disahkan	Premis perniagaan
Rumah kediaman mangsa banjir yang musnah sepenuhnya (total loss)	Struktur bukan rumah: • Pondok • Dusun • *Homestay* • Garaj
Pemilik bermastautin	
Mangsa disahkan oleh MKN atau Agensi yang dilantik	
Pemilik yang telah membayar deposit tanah (syarat tambahan)	
Pemilik yang menduduki tanah rizab (syarat tambahan)	
Rumah yang berinsurans (syarat tambahan)	

Nota: Sumber Rujukan:
– Syarat Umum Ditetapkan Oleh MKN/Minit Mesyuarat Khas Pelan Tindakan Pasca Banjir
– Syarat Khusus Ditetapkan Oleh KKR
– Keputusan Jemaah Menteri Pada 27.03.2015
– Kelulusan Timbalan Perdana Menteri Malaysia Pada 11.05.2015

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan adalah bagi menilai sama ada projek pembinaan RKB dan kerja pembaikan rumah mangsa banjir telah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan.

2.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan tertumpu kepada perancangan, pelaksanaan dan pemantauan kerja-kerja pembinaan dan pembaikan rumah mangsa banjir bagi tahun 2014 hingga 2015 di 5 negeri yang terlibat. Antara fokus utama pengauditan seperti perancangan awal persediaan projek; proses verifikasi rumah mangsa banjir; pemilihan/kelayakan penerima bantuan; urusan pelantikan kontraktor; penyenggaraan sistem maklumat mangsa banjir; pelaksanaan, pengesahan dan pemantauan kerja pembinaan/ pembaikan; serta penggunaan kemudahan yang telah disediakan/dibaiki. Sebanyak 342 (24.52%) daripada 1,395 unit RKB dan 691 (12.46%) daripada 5,544 unit rumah (kerja pembaikan) telah dipilih sebagai sampel Audit. *Exit Conference* bersama Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri (JPM), Timbalan Ketua Setiausaha KKR dan KKLW, Ketua Pengarah APBN serta Timbalan Setiausaha MKN telah diadakan pada 11 April 2016. Turut hadir dalam mesyuarat ini adalah wakil dari Agensi Pelaksana (KESEDAR, KETENGAH, JAKOA, FELCRA dan GIATMARA) serta Agensi Pusat (Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Jabatan Peguam Negara).

2.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan seperti laporan verifikasi, baucar bayaran, perakuan siap kerja, inden, laporan kemajuan kerja dan *Bill Of Quantity* (BQ). Pemeriksaan dan lawatan tapak dibuat ke atas RKB yang dibina, bahagian rumah yang dibaiki serta tapak rumah asal. Sesi temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab, ketua kampung, kontraktor, mangsa banjir yang terlibat serta mangsa banjir yang tidak menerima bantuan juga telah dilaksanakan. Di samping itu, analisis data juga telah dilaksanakan terhadap data daripada sistem ePASCA BANJIR.

2.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan di 5 negeri yang terlibat dalam bencana banjir besar (Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak dan Sabah) antara bulan September hingga November 2015 bagi projek pembinaan RKB dan kerja pembaikan rumah mangsa banjir mendapati proses awal bagi pemilihan penerima bantuan, verifikasi, pelantikan kontraktor, pelaksanaan dan pengesahan kerja pembinaan/pembaikan serta prosedur pembayaran telah dibuat selaras dengan arahan Kerajaan untuk ia dilaksanakan dengan kadar yang segera (fast track). Bagaimanapun masih terdapat beberapa perkara yang boleh memberi kesan terhadap kecekapan dan keberkesanan projek seperti yang berikut:

i. prestasi keseluruhan projek pembinaan RKB adalah kurang memuaskan. Sejumlah 557 (40%) dari 1,395 unit RKB belum siap dibina menyebabkan mangsa banjir masih menetap di rumah transit, khemah dan sebagainya;

ii. beberapa maklumat penerima RKB dan kerja pembaikan rumah mangsa banjir di dalam sistem ePASCA BANJIR tidak dikemas kini menyebabkan kurangnya keyakinan terhadap integriti data dan kebolehpercayaan kepada sistem;

iii. seramai 54 penerima RKB dan kerja pembaikan rumah tidak memenuhi syarat kelayakan. Antara syarat yang tidak dipatuhi adalah seperti keadaan rumah yang tidak bersifat *total loss*, kediaman yang tidak diduduki, rumah sewa, rumah kedai dan penerima tidak bermastautin;

iv. seramai 36 mangsa banjir tidak mendapat sebarang bantuan projek pembinaan RKB atau kerja pembaikan rumah sungguhpun rumah-rumah berkenaan telah musnah atau mengalami kerosakan akibat banjir. Perkara ini memerlukan tindakan dan perhatian sewajarnya oleh pihak yang bertanggungjawab;

v. pelaksanaan projek pembinaan RKB dan kerja pembaikan rumah yang kurang berkesan. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah dari segi pematuhan kepada reka bentuk yang ditetapkan; ketidakupayaan kontraktor melaksanakan kerja-kerja yang ditawarkan; status projek terbengkalai dan kesesuaian keadaan tapak projek;

vi. pelaksanaan kerja pembaikan di luar skop kerja melibatkan 109 buah rumah. Antara skop kerja yang dimaksudkan adalah seperti kerja pembaikan stor dan bangsal; pembinaan garaj dan dinding baru; kerja mengecat pagar batu; penggantian bumbung yang tidak terjejas akibat banjir dan kerja pemasangan gril, kipas, kabinet serta siling; dan

vii. sebanyak 17 buah rumah yang telah siap dibina dan dibaiki belum diduduki atau dimanfaatkan oleh penerima bantuan atas faktor ketidaksediaan untuk berpindah; masalah penyediaan bekalan utiliti dan penyerahan rasmi belum dilaksanakan.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta ulasan daripada pihak Kementerian/Jabatan/Agensi yang terlibat adalah seperti perenggan berikut:

2.5.1. Prestasi Pencapaian Projek Pembinaan RKB Dan Kerja Pembaikan Rumah Mangsa Banjir

2.5.1.1. Prestasi Fizikal Projek

a. Bencana banjir telah melanda kawasan yang terlibat mulai 14 Disember 2014 hingga 26 Disember 2014. Ekoran daripada kejadian berkenaan, pihak Kerajaan telah menetapkan bahawa sebanyak 1,395 buah rumah yang musnah sepenuhnya (total loss) akan diberikan bantuan RKB. Manakala sebanyak 5,544 buah rumah yang rosak akibat banjir akan diberi bantuan kerja pembaikan. Kedua-dua projek ini perlu dibuat secara *fast track* bagi memastikan kesemua 275,964 mangsa banjir dapat kembali kepada kehidupan asal mereka dengan segera. Semakan Audit terhadap prestasi keseluruhan projek pembinaan RKB dan kerja pembaikan rumah setakat 30 Mac 2016 mendapati beberapa perkara seperti yang berikut:

i. sebanyak 5,435 (98%) dari 5,544 buah rumah telah siap dibaiki;

ii. sebanyak 838 (60%) dari 1,395 RKB telah siap dibina. Semakan Audit mendapati Negeri Terengganu telah mencatatkan pencapaian 100% manakala Negeri Perak telah mencatat pencapaian 45%; dan

iii. prestasi pencapaian keseluruhan pembinaan RKB yang kurang memuaskan telah menyebabkan seramai 557 orang mangsa serta keluarga masih menetap di rumah transit, khemah dan sebagainya.

JADUAL 2.4
PENCAPAIAN KESELURUHAN PROJEK
PEMBINAAN RKB DAN KERJA PEMBAIKAN RUMAH SETAKAT 18 APRIL 2016

NEGERI	PEMBINAAN RKB (UNIT)			KERJA PEMBAIKAN RUMAH (UNIT)		
	LAYAK	SIAP	(%)	LAYAK	SIAP	(%)
Kelantan	1101	646	59	1,469	1,360	93
Terengganu	16	16	100	178	178	100
Pahang	184	134	73	2,557	2,557	100
Perak	94	42	45	1,295	1,295	100
Sabah	0	0	0	45	45	100
JUMLAH (Unit)	**1,395**	**838**	**60**	**5,544**	**5,435**	**98**

Sumber : APBN dan JAKOA

b. Antara faktor utama prestasi pembinaan RKB yang kurang memuaskan adalah disebabkan oleh prosedur pengambilan tanah dari Kerajaan Negeri yang terlibat serta status pemilikan tanah ke atas penerima bantuan. Semakan Audit selanjutnya mendapati kelewatan memulakan projek adalah berpunca daripada kesukaran mendapatkan kontraktor kerja yang bersedia untuk membina RKB dengan yang telah ditetapkan.

c. Terdapat juga beberapa projek RKB yang terbengkalai disebabkan oleh masalah kewangan/dalaman Kontraktor. Selain itu, faktor cuaca, halangan akses ke tapak binaan, kesukaran mendapat bekalan bahan binaan dan kekurangan tenaga buruh menyebabkan RKB telah lewat disiapkan.

Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 18 April 2016

Seperti mana yang telah dilaporkan di dalam laporan tersebut, terdapat beberapa isu yang telah menyumbang kepada kelewatan projek iaitu lokasi pembinaan di kawasan terpencil dan pendalaman. Ini mengakibatkan kesukaran untuk menghantar bahan ke tapak bina termasuk laluan hanya boleh dilalui oleh kenderaan pacuan 4 roda dan lori kecil. Selain itu juga, faktor cuaca juga menyumbang kepada kelewatan ini di samping kekurangan bekalan binaan di pasaran. Kesemua faktor ini telah menyumbang kepada kelewatan RKB yang dibangkitkan di dalam laporan tersebut. Tempoh pembinaan 75 hari adalah bagi tapak projek yang telah sedia untuk dimasuki (platform ready). Manakala tapak-tapak yang mempunyai masalah akses, infra dan keadaan masalah tanah yang memerlukan rawatan (soil treatment), tempoh masa yang lebih panjang diperlukan.

Maklum Balas APBN Yang Diterima Pada 20 April 2016

Kedudukan prestasi pembinaan RKB yang rendah adalah disebabkan oleh:

i. isu pemilikan tanah penerima di mana penerima bantuan tidak mempunyai hak milik tanah yang sah/belum memperolehi hak milik tetap dari Pejabat Tanah dan Jajahan;

ii. isu tapak tanah yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri yang tidak ekonomi untuk dibangunkan seperti kedudukan bercerun atau lembah menyebabkan kos infrastruktur terlalu tinggi malahan kosnya lebih tinggi daripada kos pembinaan rumah tersebut;

iii. APBN terpaksa menggunakan tanah-tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan yang disedia oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG), FELDA dan KESEDAR; dan

iv. proses pengambilan balik tanah persendirian mengambil masa yang panjang.

2.5.1.2. Prestasi Kewangan

Pihak MKN telah meluluskan peruntukan projek pembinaan RKB dan kerja pembaikan rumah berjumlah RM246.73 juta di bawah KWABBN kepada Kementerian/Jabatan/Agensi yang terlibat bagi menjalankan maksud tersebut. Segala prosedur pembayaran terhadap kemajuan kerja yang dilaksanakan oleh Kontraktor akan di caj terus ke KWABBN. Semakan Audit terhadap prestasi kewangan projek setakat 8 Januari 2016 mendapati sejumlah RM75.95 juta (31%) bagi kedua-dua projek telah selesai dibelanjakan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.5
PERBELANJAAN PROJEK PEMBINAAN
RKB DAN KERJA PEMBAIKAN RUMAH SETAKAT 8 JANUARI 2016

AGENSI	PEMBINAAN RKB (RM Juta)	PEMBAIKAN (RM Juta)
MKN	7.55	1.78
JKR	26.03	-
JAKOA	14.55	2.23
GIATMARA	-	18.96
KESEDAR	-	2.82
KETENGAH	-	1.08
FELCRA	-	0.95
JUMLAH	**48.13**	**27.82**
JUMLAH KESELURUHAN	**75.95**	

Sumber : Agensi Pelaksana

Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 18 April 2016

Pihak JKR memang melakukan pembayaran dari semasa ke semasa kepada pihak kontraktor yang berkenaan berdasarkan kemajuan kerja di tapak, namun pihak kontraktor lebih berminat membuat tuntutan secara pukal apabila projek siap sepenuhnya.

Pada pendapat Audit, matlamat Kerajaan dalam membantu mangsa banjir untuk kembali kepada kehidupan asal dengan segera tidak dapat dicapai. Pelaksanaan projek pembinaan RKB yang kurang cekap dan berkesan adalah berpunca daripada faktor luar kawalan Agensi Pelaksana seperti proses pengambilan tanah, halangan ke tapak projek dan sebagainya.

2.5.2. Penyelenggaraan Maklumat Penerima Bantuan Dalam Sistem ePASCA BANJIR

2.5.2.1. Sistem ePASCA BANJIR merupakan pusat maklumat mangsa dan bantuan banjir yang telah dibangunkan untuk mengintegrasikan pelbagai maklumat penerima bantuan dan berperanan sebagai pemudah cara dalam menyalurkan pelbagai informasi kepada mangsa banjir dengan lebih berkesan dan sistematik.

2.5.2.2. Selain itu, sistem ini juga dapat mengatasi sebarang isu dan masalah pertindihan maklumat serta ketidakseragaman dalam menyalurkan bantuan oleh Agensi dan Badan Bukan Kerajaan (NGO). Sehingga 8 Januari 2016, seramai 172,981 orang mangsa banjir telah direkodkan dalam sistem dengan kos keseluruhan bantuan berjumlah RM249 juta.

2.5.2.3. Senarai nama mangsa banjir yang direkodkan dalam sistem tersebut perlu disahkan sebagai mangsa banjir oleh semua Agensi Pelaksana yang terlibat seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat serta Pejabat Tanah dan Jajahan/Daerah. Semakan dan analisis Audit terhadap data penerima bantuan RKB dan kerja pembaikan rumah dalam sistem ePASCA BANJIR mendapati beberapa maklumat yang tidak dikemas kini seperti berikut:

a. Penerima RKB Dan Pembaikan Tidak Didaftarkan Dalam Sistem ePASCA BANJIR

Kerajaan telah menetapkan beberapa syarat kelayakan mangsa banjir untuk mendapatkan bantuan projek pembinaan RKB atau kerja pembaikan rumah. Mengikut sistem ePASCA BANJIR setakat 19 April 2016, seramai 172,834 orang mangsa banjir telah didaftarkan. Semakan Audit ke atas sampel penerima yang telah mendapat RKB di semua Agensi mendapati seramai 116 penerima bantuan tidak didaftarkan ke dalam sistem tersebut manakala seramai 155 penerima bantuan pembaikan juga tidak didaftarkan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.6
PENERIMA BANTUAN TIDAK DIDAFTARKAN KE DALAM SISTEM ePASCA BANJIR

NAMA AGENSI	BILANGAN PENERIMA TERLIBAT (KIR)
PROJEK PEMBINAAN RKB	
MKN	11
JAKOA	62
JKR	43
JUMLAH KESELURUHAN (RKB)	**116**

NAMA AGENSI	BILANGAN PENERIMA TERLIBAT (KIR)
KERJA PEMBAIKAN RUMAH	
MKN	16
JAKOA	2
GIATMARA	81
KESEDAR	31
KETENGAH	11
FELCRA	14
JUMLAH KESELURUHAN (PEMBAIKAN)	155

Sumber : Sistem ePASCA BANJIR

Maklum Balas APBN Yang Diterima Pada 20 April 2016

Sistem ePASCA BANJIR merupakan inisiatif Unit Pemulihan Pasca Banjir sebagai salah satu langkah penambahbaikan dalam menyalurkan bantuan kepada mangsa banjir untuk kegunaan akan datang. Sistem ini bukanlah sistem yang boleh dijadikan sumber utama dalam mendapatkan maklumat berkenaan penyaluran bantuan kepada mangsa banjir kerana sistem ini masih dalam fasa pembangunan dan proses memuat naik data maklumat mangsa banjir sedang dilakukan. Penggunaan sistem ini masih dalam tempoh percubaan dan reliability data adalah tidak konklusif.

Semasa penyaluran bantuan kepada mangsa bencana tahun 2014-2015, pengumpulan data dan profiling mangsa dilaksanakan secara manual oleh Pejabat Daerah di setiap negeri dan juga Jabatan Kebajikan Masyarakat di setiap negeri. Data ini kemudiannya disahkan oleh MKN selaku focal point pengurusan bencana ketika itu. Data-data yang telah disahkan ini dimuat naik ke dalam sistem secara berperingkat bagi melihat keupayaan sistem dalam mencapai objektif pembangunannya. Untuk makluman, sistem ini dibangunkan secara in-house oleh Pegawai Teknologi Maklumat di Unit Pemulihan Pasca Banjir ketika itu.

Maklum Balas KKLW Yang Diterima Pada 15 April 2016

Senarai nama penerima di bawah Jawatankuasa Pembaikan Rumah Pasca Banjir bagi pelaksanaan Fasa 1 dan Fasa 2 telah dikemukakan kepada MKN dan disalinkan ke Unit Pemulihan Pasca Banjir untuk pengesahan dan rekod senarai penerima.

b. Penerima RKB Dan Pembaikan Tidak Dikategorikan Sebagai Penerima Bantuan Wang Ehsan RM500

Semua mangsa banjir sepatutnya telah menerima bantuan wang ehsan sejumlah RM500 seorang bagi setiap Ketua Isi Rumah (KIR). Mengikut sistem ePASCA BANJIR sehingga 6 April 2016, seramai 138,343 orang KIR yang telah disahkan oleh pihak bertanggungjawab seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pejabat Tanah dan Jajahan/Daerah dan MKN telah menerima wang tersebut.

Bagaimanapun, semakan Audit terhadap rekod sistem ePASCA BANJIR dengan sampel penerima yang dipilih di bawah tanggungjawab Agensi terlibat mendapati 164 penerima RKB dan 490 penerima bantuan kerja

pembaikan rumah tidak dikategorikan sebagai penerima bantuan wang ehsan. Ini menyebabkan pihak Audit tidak dapat mengesahkan bahawa penerima bantuan projek pembinaan RKB dan kerja pembaikan rumah berkenaan adalah mangsa banjir yang sebenarnya. Selain itu, kesan dari ketidakseragaman penyelenggaraan maklumat ini telah menyebabkan pihak Audit tidak dapat mengesahkan bahawa mangsa banjir tersebut telah menerima bantuan wang ehsan atau sebaliknya. Butiran lanjut adalah adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.7
PENERIMA BANTUAN TIDAK DIKATEGORIKAN
SEBAGAI PENERIMA BANTUAN WANG EHSAN RM500

NAMA AGENSI	BILANGAN PENERIMA TERLIBAT (KIR)
PROJEK PEMBINAAN RKB	
MKN	6
JAKOA	58
JKR	100
JUMLAH KESELURUHAN (RKB)	**164**
KERJA PEMBAIKAN RUMAH	
MKN	4
JAKOA	110
GIATMARA	142
KESEDAR	38
KETENGAH	145
FELCRA	51
JUMLAH KESELURUHAN (PEMBAIKAN)	**490**

Sumber : Sistem ePASCA BANJIR

Maklum Balas APBN Yang Diterima Pada 20 April 2016

Bagi proses penyaluran wang ihsan RM500, setiap MKN Negeri akan mendapatkan senarai mangsa banjir daripada JKM bagi mangsa yang berpindah ke pusat pemindahan. Manakala bagi mangsa yang tidak berpindah ke pusat pemindahan, senarai diperoleh dari Pejabat Daerah yang berkaitan. Senarai yang telah disahkan oleh Pejabat Daerah dan JKM ini akan disemak kali pertama oleh MKN Negeri sebelum dikemukakan kepada MKN Ibu Pejabat bagi tujuan penyaluran bantuan. MKN Ibu Pejabat pula akan membuat semakan berdasarkan senarai tersebut di mana senarai yang tidak lengkap dan diragui akan dikembalikan kepada pihak negeri untuk dilengkapkan dan disahkan oleh Pejabat Daerah. Bagi proses RKB dan Baik Pulih Rumah (BPR) pula, MKN Negeri akan mendapatkan maklumat mangsa bencana yang rumahnya mengalami kerosakan atau total loss untuk dipanjangkan kepada KKR dan KKLW. Agensi pelaksana KKR dan KKLW akan membuat verifikasi di tapak bagi melihat sama ada penerima layak untuk menerima bantuan RKB dan BPR. Beberapa kemungkinan penerima tersebut tidak menerima bantuan wang ihsan RM500 adalah seperti berikut:

i. penerima tidak hadir semasa majlis penyerahan bantuan wang ihsan yang diadakan dan wakil adalah tidak dibenarkan untuk mengambil bantuan bagi pihak penerima yang sah;

ii. semasa proses kemasukan data oleh JKM/Pejabat Daerah bagi tujuan agihan bantuan wang ihsan, berlaku kesilapan memasukkan maklumat penerima dan hasil semakan oleh MKN, maklumat yang tidak lengkap akan ditolak dan dikembalikan untuk pengesahan oleh JKM/Pejabat Daerah; dan

iii. jumlah keseluruhan senarai yang diterima bagi tujuan agihan bantuan wang ihsan seluruh negara adalah seramai 297,091 penerima. Penerima yang telah diluluskan untuk bantuan oleh MKN adalah seramai 275,964 dan penerima yang hadir ke majlis agihan bantuan adalah seramai 229,155 penerima di mana seramai 45,018 mangsa banjir tidak hadir ke majlis agihan tersebut.

c. Perbezaan Rekod Nombor Kad Pengenalan Dengan Nama Penerima

Nama penerima dan nombor kad pengenalan merupakan perkara yang sangat penting dalam menentukan ketepatan maklumat. Untuk itu, sistem ePASCA BANJIR perlu sentiasa dikemas kini bagi memastikan integriti data boleh dipercayai. Semakan Audit terhadap sampel penerima yang dipilih bagi semua Agensi mendapati 5 nama penerima RKB dan 441 nama penerima bantuan pembaikan adalah berbeza dengan nombor kad pengenalan yang telah didaftarkan dalam sistem ePASCA BANJIR. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan ketepatan maklumat bagi semua penerima berkenaan. Perbezaan ini juga menunjukkan sistem berkenaan tidak dikemas kini oleh pihak APBN. Bilangan penerima yang berkenaan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.8
PENERIMA BANTUAN MEMPUNYAI REKOD NAMA DAN NO. KAD PENGENALAN YANG BERBEZA

NAMA AGENSI	BILANGAN PENERIMA TERLIBAT (KIR)
PROJEK PEMBINAAN RKB	
MKN	3
JKR	2
JUMLAH KESELURUHAN (RKB)	**5**
KERJA PEMBAIKAN RUMAH	
GIATMARA	223
KESEDAR	63
KETENGAH	53
FELCRA	102
JUMLAH KESELURUHAN (PEMBAIKAN)	**441**

Sumber : Sistem ePASCA BANJIR

Maklum Balas APBN Yang Diterima Pada 20 April 2016

Sampel Audit merupakan penerima RKB dan BPR yang berdaftar dalam sistem ePASCA BANJIR. Bagaimanapun, telah berlaku kesilapan semasa memuat naik senarai ini daripada MKN ke dalam sistem ePASCA BANJIR. APBN sedang melaksanakan pengemaskinian terhadap senarai ini dan dijangka selesai sebelum 31 Julai 2016.

d. Jenis Bantuan Yang Diterima Tidak Dikategorikan Dalam Sistem ePASCA BANJIR

Objektif Sistem ePASCA BANJIR adalah sebagai pusat maklumat mangsa dan jenis bantuan yang diterima oleh setiap mangsa. Untuk itu semua jenis bantuan yang diterima perlu dikategorikan ke dalam sistem tersebut. Semakan Audit terhadap sampel penerima yang dipilih mendapati jenis bantuan ke atas 18 orang penerima yang menerima bantuan RKB dan 192 orang penerima bantuan pembaikan tidak dikategorikan ke dalam sistem. Ini menunjukkan objektif sistem yang ditetapkan oleh APBN sendiri tidak tercapai. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.9
JENIS BANTUAN DITERIMA TIDAK DIKATEGORIKAN DALAM SISTEM ePASCA BANJIR

NAMA AGENSI	BILANGAN PENERIMA TERLIBAT (KIR)
PROJEK PEMBINAAN RKB	
MKN	13
JKR	5
JUMLAH KESELURUHAN (RKB)	**18**
KERJA PEMBAIKAN RUMAH	
GIATMARA	172
KESEDAR	7
KETENGAH	2
FELCRA	11
JUMLAH KESELURUHAN (PEMBAIKAN)	**192**

Sumber : Sistem ePASCA BANJIR

Maklum Balas APBN Yang Diterima Pada 20 April 2016

Sampel Audit (MKN) merupakan senarai nama terkini daripada JAKOA yang diterima pada 17 Februari 2016. Semakan Audit dibuat sebelum tarikh tersebut dan sememangnya senarai ini tiada dalam sistem ePASCA BANJIR pada tarikh tersebut. Walau bagaimanapun, APBN telah memuat naik senarai ini ke dalam sistem ePASCA BANJIR sebaik sahaja menerima senarai berkenaan. Pihak JAKOA juga telah mengambil tindakan membina RKB tersebut.

e. Penerima Bantuan Yang Tidak Disahkan Oleh MKN/Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)

Untuk memastikan maklumat penerima bantuan yang ada dalam sistem ePASCA BANJIR adalah betul, maklumat berkenaan perlu disahkan dengan JPN. Semakan Audit mendapati 98 orang penerima RKB tidak disahkan maklumatnya dengan JPN manakala 44 orang penerima bantuan pembaikan tidak disahkan dengan pihak JPN menyebabkan kesahihan maklumat yang ada dalam sistem diragui ketepatannya. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.10
PENERIMA BANTUAN TIDAK DISAHKAN OLEH MKN/JPN

NAMA AGENSI	BILANGAN PENERIMA TERLIBAT (KIR)
PROJEK PEMBINAAN RKB	
JKR	98
JUMLAH KESELURUHAN (RKB)	**98**
KERJA PEMBAIKAN RUMAH	
GIATMARA	39
FELCRA	5
JUMLAH KESELURUHAN (PEMBAIKAN)	**44**

Sumber : Sistem ePASCA BANJIR

Maklum Balas APBN Yang Diterima Pada 20 April 2016

Keseluruhan penerima bantuan telah disahkan oleh MKN. APBN tidak terlibat dalam proses pengesahan tersebut. Berdasarkan garis panduan penyaluran bantuan bencana, pengesahan JPN bukanlah kriteria utama. Pengesahan dari JPN hanya akan dibuat di peringkat pentadbiran apabila maklumat/data senarai penerima diragui.

Maklum Balas KKLW Yang Diterima Pada 15 April 2016

Mesyuarat Jawatankuasa Pembaikan Rumah Pasca Banjir KKLW Bil.2/2015 yang dianggotai oleh Kementerian, Agensi Pelaksana, MKN, UPPB/APBN telah memutuskan bahawa hanya senarai nama yang telah disahkan oleh MKN Negeri/Putrajaya atau yang telah dikemukakan kepada MKN Putrajaya sahaja yang akan diverifikasi untuk pelaksanaan pembaikan rumah. KKLW dan Agensi Pelaksana di bawahnya tidak mempunyai kuasa untuk mengesahkan senarai nama penerima yang terlibat.

2.5.2.2. Antara faktor yang menyumbang kepada integriti data yang tidak tepat adalah tiada penyelarasan antara APBN dengan semua Agensi pelaksana dari segi kaedah dan kekerapan memasukkan serta mengemas kini data. Selain itu, keadaan ini berlaku kerana APBN tidak mempunyai Prosedur Operasi Standard (SOP) yang jelas bagi menerangkan tanggungjawab setiap Agensi yang terlibat dalam urusan kemasukan/pengemaskinian data mangsa banjir.

Pada pendapat Audit, tujuan pembangunan dan penggunaan sistem ePASCA BANJIR sebagai pusat maklumat bagi semua mangsa banjir adalah amat baik khususnya dari segi memudahkan penyelarasan dan keputusan bantuan. Namun, sistem tersebut tidak dapat dimanfaatkan sewajarnya dalam meningkatkan kecekapan proses bantuan jika datanya tidak kemaskini. Proses pengemaskinian data hendaklah dilakukan sebaik sahaja menerima kelulusan senarai mangsa banjir daripada MKN dan tindakan APBN mengemas kini data telah diambil selepas teguran Audit dibuat. Semakan dengan JPN adalah penting untuk menjamin ketepatan semua maklumat mangsa banjir.

2.5.3. Pengurusan Pemberian Bantuan – Syarat Kelayakan Penerima

2.5.3.1. Kerajaan melalui Mesyuarat Khas Pelan Tindakan Pasca Banjir Bil.1/2015 telah menetapkan beberapa syarat kelayakan untuk mendapatkan bantuan projek pembinaan RKB dan kerja pembaikan rumah dan syarat yang dimaksudkan adalah seperti **Jadual 2.3** (Perenggan 2.1.6.). Semakan Audit mendapati beberapa perkara seperti yang berikut:

a. Keadaan Rumah Asal Penerima Bantuan Projek Pembinaan RKB Tidak Musnah Sepenuhnya (Total Loss)

Salah satu syarat kelayakan utama untuk mendapatkan bantuan projek pembinaan RKB adalah keadaan rumah mangsa banjir yang bersifat *total loss.* Semakan dan lawatan fizikal Audit mendapati seramai 51 orang mangsa banjir telah menerima bantuan projek pembinaan RKB walaupun rumah mangsa tidak musnah sepenuhnya akibat bencana banjir.

Semakan dan hasil temu bual Audit bersama pegawai Agensi Pelaksana mendapati penerima tersebut telah diberikan bantuan atas alasan rumah lama telah usang atau tidak ekonomi untuk dibaiki [Beyond Economic Repair (BER)]. Di samping itu, terdapat juga bantuan RKB diberi kepada pemilik rumah yang musnah akibat kejadian ribut. Penemuan ini adalah tidak selaras dengan pemahaman definisi sebenar *total loss* yang digariskan oleh Kerajaan bagi bantuan pasca banjir. Kesan daripada situasi ini boleh mengakibatkan mangsa yang layak di tempat lain tidak berpeluang mendapat bantuan RKB serta mendapat manfaat daripadanya. Butiran lanjut dan keadaan lokasi yang dimaksudkan adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 2.11
KEADAAN RUMAH ASAL PENERIMA BANTUAN PROJEK PEMBINAAN RKB

KEADAAN RUMAH ASAL PENERIMA BANTUAN PROJEK PEMBINAAN RKB	BILANGAN RKB (UNIT) TERLIBAT
Rumah Tidak Musnah Sepenuhnya (Total Loss) (**Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.4)**	32
Rumah Musnah Sebahagian	3
Rumah Musnah Kerana Ribut	1
Rumah Musnah Sebahagian Akibat Tanah Runtuh (**Gambar 2. 5** hingga **Gambar 2.8)**	12
JUMLAH	**48**

GAMBAR 2.1

Kg. Bukit Merah, Tanah Merah, Kelantan - Syarat Kelayakan Tidak Dipatuhi (Kediaman Asal Tidak Bersifat Total Loss) (13.10.2015)

GAMBAR 2.2

Kg. Padang Kijang, Tanah Merah, Kelantan - Syarat Kelayakan Tidak Dipatuhi (Kediaman Asal Tidak Bersifat Total Loss) (15.10.2015)

GAMBAR 2.3

GAMBAR 2.4

Kg.Bukit Gading, Tanah Merah, Kelantan
- Syarat Kelayakan Tidak Dipatuhi
(Rumah Sewa Tidak Bersifat Total Loss)
(15.10.2015)

GAMBAR 2.5

GAMBAR 2.6

Felda Neram 2, Kemaman, Terengganu
- Syarat Kelayakan Tidak Dipatuhi
Keadaan Rumah Tidak Bersifat Total Loss (Cerun Runtuh)
(07.10.2015)

GAMBAR 2.7

GAMBAR 2.8

Felda Neram 2, Kemaman, Terengganu
- Syarat Kelayakan Tidak Dipatuhi
Keadaan Rumah Tidak Bersifat Total Loss (Cerun Runtuh)
(07.10.2015)

Maklum Balas APBN Yang Diterima Pada 20 April 2016

Verifikasi dibuat berdasarkan perakuan mangsa banjir dan pengesahan mangsa banjir oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP). Rumah yang mengalami kerosakan tetapi tidak dikategorikan sebagai total loss, namun tidak ekonomi untuk dibaiki mendapat RKB telah diluluskan oleh Jawatankuasa Khas Pembinaan RKB dan BPR Tanah Merah di Peringkat MKN yang dipengerusikan oleh Setiausaha MKN.

b. Penerima Bantuan Kerja Pembaikan Rumah Tidak Mematuhi Syarat Kelayakan

Pihak Kerajaan telah menetapkan beberapa syarat penting berkaitan kelayakan mangsa banjir untuk mendapatkan bantuan kerja pembaikan

rumah [berdasarkan **Jadual 2.3** (Perenggan 2.1.6.)]. Selain itu, pihak KKLW juga telah menggariskan beberapa kriteria yang menerangkan tentang tahap kerosakan dan komponen rumah mangsa banjir yang perlu dibaiki.

Semakan dan lawatan fizikal Audit yang dijalankan ke atas sampel yang dipilih mendapati 15 penerima bantuan pembaikan rumah tidak memenuhi syarat kelayakan yang telah ditetapkan walaupun kerja pembaikan telah selesai dilaksanakan. Faktor yang menyumbang kepada penemuan ini adalah disebabkan oleh mekanisme pengesahan/verifikasi penerima bantuan dan pemantauan yang kurang cekap. Kesan daripada situasi ini boleh mengakibatkan mangsa yang layak di tempat lain tidak berpeluang mendapat bantuan tersebut serta mendapat manfaat daripadanya. Butiran lanjut adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 2.12
PENERIMA BANTUAN KERJA PEMBAIKAN RUMAH YANG TIDAK LAYAK

SYARAT KELAYAKAN BANTUAN YANG TIDAK DIPATUHI	BILANGAN RUMAH TERLIBAT (Unit)
Rumah Tidak Berpenghuni (**Gambar 2. 9** dan **Gambar 2.10**)	5
Rumah Sewa	3
Rumah Kedai (**Gambar 2. 11** dan **Gambar 2.12**)	5
Pemilik Tidak Bermastautin	2
JUMLAH	**15**

GAMBAR 2.9

Kg. Teladas, Kemaman, Terengganu
- Syarat Kelayakan Tidak Dipatuhi
(Kediaman Tidak Berpenghuni)
(08.09.2015)

GAMBAR 2.10

Kg. Kelola, Jerantut, Pahang
- Syarat Kelayakan Tidak Dipatuhi
(Kediaman Tidak Berpenghuni)
(26.11.2015)

GAMBAR 2.11

Jln. Jedok, Tanah Merah, Kelantan
- Syarat Kelayakan Tidak Dipatuhi
(Kediaman Berstatus Rumah Kedai)
(15.10.2015)

GAMBAR 2.12

Jln. Tmn. Hiburan, Tanah Merah, Kelantan
- Syarat Kelayakan Tidak Dipatuhi
(Kediaman Berstatus Rumah Kedai)
(15.10.2015)

Maklum Balas APBN Yang Diterima Pada 20 April 2016

Verifikasi dibuat berdasarkan perakuan mangsa banjir dan pengesahan mangsa banjir oleh JKKKP. Rumah yang mengalami kerosakan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Khas Pembinaan RKB dan BPR Tanah Merah di Peringkat MKN yang dipengerusikan oleh Setiausaha MKN.

Maklum Balas KKLW Yang Diterima Pada 15 April 2016

Kementerian menerima nama yang diperakukan oleh MKN dan disalurkan kepada Agensi Pelaksana. Proses semakan dan verifikasi dijalankan bersama Ketua Kampung sebagai orang yang paling mengenali penduduk kampung yang terlibat. Semasa proses tersebut berlangsung Ketua Kampung telah mengesahkan penama adalah penduduk kampung dan layak untuk menerima bantuan.

Pada pendapat Audit, pihak Agensi Pelaksana yang terlibat dengan proses pemilihan/verifikasi mangsa banjir tidak diberi penerangan yang jelas berkaitan dengan syarat kelayakan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pelan Tindakan Pasca Banjir sehingga menyebabkan pemilihan tidak mengikut kriteria.

c. Mangsa Banjir Tidak Menerima Bantuan

Kerajaan telah menetapkan kriteria ke atas mangsa banjir yang memiliki rumah berkeadaan musnah sepenuhnya (total loss) atau rosak akibat bencana banjir serta memenuhi semua syarat lain yang telah ditetapkan adalah layak untuk menerima bantuan projek pembinaan RKB atau kerja pembaikan rumah. Ini bagi memastikan semua mangsa banjir yang terjejas akibat banjir dapat kembali kepada kehidupan pasca banjir dengan segera. Semakan dan lawatan fizikal Audit di lokasi yang berkaitan mendapati beberapa perkara seperti yang berikut:

i. Seramai 21 Ketua Isi Rumah (KIR) mangsa banjir di Jajahan Kuala Krai dan 4 KIR mangsa banjir di Jajahan Gua Musang, Kelantan yang rumahnya telah musnah sepenuhnya akibat banjir tidak mendapat bantuan RKB. Lawatan Audit selanjutnya mendapati 4 KIR di Jajahan Kuala Krai dan 1 KIR masing-masing di Jajahan Tanah Merah dan Gua Musang yang rumahnya mengalami kerosakan akibat banjir tidak mendapat bantuan kerja pembaikan.

ii. Perkara ini berlaku adalah disebabkan oleh kekangan bilangan pegawai Agensi Pelaksana bagi menjalankan proses pengesahan/verifikasi ke atas keseluruhan mangsa banjir di kawasan setempat. Selain itu, definisi syarat kelayakan dan prosedur bantuan yang kurang jelas/berbeza disebabkan oleh faktor kesegeraan (ad-hoc) telah mengakibatkan penyaluran bantuan oleh Agensi Pelaksana ke atas mangsa banjir tidak dilaksanakan secara menyeluruh. Kesannya, masih terdapat beberapa mangsa yang tinggal di dalam khemah atau mendiami rumah transit. Butiran lanjut adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 2.13
MANGSA BANJIR YANG TIDAK MENDAPAT BANTUAN PROJEK PEMBINAAN RKB / KERJA PEMBAIKAN RUMAH

NEGERI	JAJAHAN	LOKASI	BILANGAN MANGSA BANJIR (KIR)
PROJEK PEMBINAAN RKB			
Kelantan	Kuala Krai	Kampung Karangan (**Gambar 2.17**)	2
		Kampung Pemberian	8
		Kampung Laloh	7
		Kampung Pahi (**Gambar 2.18**)	1
		Kampung Kemubu	1
		Kampung Chenulang (**Gambar 2.13** dan **Gambar 2.14**)	1
		Kampung Manek Urai Lama	1
	Gua Musang	Kampung Bertam Baru (**Gambar 2.15** dan **Gambar 2.16**)	4
JUMLAH KESELURUHAN (RKB)			**25**
KERJA PEMBAIKAN RUMAH			
Kelantan	Kuala Krai	Kampung Pemberian (**Gambar 2.20**)	1
		Kampung Manjor	2
		Kampung Pahi	1
	Gua Musang	Kampung Setawar	1
	Tanah Merah	Kampung Kusial Baru (**Gambar 2.19**)	1
JUMLAH KESELURUHAN (KERJA PEMBAIKAN)			**6**

GAMBAR 2.13

GAMBAR 2.14

Kg. Chenulang, Kuala Krai, Kelantan
- Mangsa Layak Tidak Diberi Bantuan
(Mangsa Merupakan Penyewa Telah Menetap Di Dalam Khemah)
(10.12.2015)

GAMBAR 2.15

GAMBAR 2.16

Kg. Bertam Baru, Gua Musang, Kelantan
- Mangsa Layak Tidak Diberi Bantuan
(Rumah Asal Mangsa Berada di Kawasan Rizab Sungai Dan Telah Menetap Di Dalam Khemah)
(15.12.2015)

GAMBAR 2.17

Kg. Karangan, Kuala Krai, Kelantan
- Mangsa Layak Tidak Diberi Bantuan
(Mangsa Menduduki Rumah Transit NGO)
(04.11.2015)

GAMBAR 2.18

Kg. Pahi, Kuala Krai, Kelantan
- Mangsa Layak Tidak Diberi Bantuan
(Rumah Mangsa Telah Musnah. Mangsa Menduduki Rumah Transit NGO)
(04.11.2015)

GAMBAR 2.19

Kg. Kusial Baru, Tanah Merah, Kelantan
- Mangsa Layak Tidak Diberi Bantuan
(02.11.2015)

GAMBAR 2.20

Kg. Pemberian, Kuala Krai, Kelantan
- Mangsa Layak Tidak Diberi Bantuan
(04.11.2015)

2.5.3.2. Pengurusan pemberian bantuan projek pembinaan RKB dan kerja pembaikan rumah yang kurang cekap/berkesan adalah disebabkan oleh ketiadaan SOP dalam proses penentuan kelayakan mangsa banjir. Kesannya, berlaku kepelbagaian mekanisme pemilihan/pengesahan/verifikasi yang diamalkan oleh Agensi pelaksana menyebabkan ketidakseragaman rantaian arahan (value chain of command) berkaitan proses pemilihan penerima oleh pegawai atasan Agensi pelaksana kepada pihak yang bertanggungjawab (ketua kampung/penghulu/ahli jawatankuasa).

Maklum Balas APBN Yang Diterima Pada 20 April 2016

MKN tidak menerima rekod permohonan dari penerima tersebut dan juga tiada perakuan serta pengesahan dari pengerusi JKKKP mahupun Pejabat Tanah dan Jajahan berkenaan.

Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 18 April 2016

Pengesahan senarai mangsa banjir adalah di bawah tanggungjawab MKN dan APBN selaku 'the custodian' pengurusan bencana. Pemilihan mangsa dan pengesahan mangsa banjir dilaksanakan oleh Pejabat Tanah dan Daerah/Jajahan beserta dengan pihak MKN pada peringkat awalnya sebelum diambil alih oleh pihak APBN. Pihak JKR tidak terlibat di dalam proses pemilihan ini. Proses verifikasi adalah dibuat oleh pihak Pejabat Tanah dan APBN. Pihak JKR hanya melawat tapak bagi menentukan lokasi untuk pembinaan.

Maklum Balas KKLW Yang Diterima Pada 15 April 2016

Kementerian hanyalah Agensi Pelaksana dan tidak mempunyai kuasa untuk menerima dan mengesahkan senarai nama di luar daripada senarai yang telah disahkan oleh MKN.

Pada pendapat Audit, ketiadaan SOP oleh pihak APBN dalam proses penentuan kelayakan mangsa banjir ini menyebabkan pemilihan penerima bantuan tidak dapat dipastikan sama ada ia dibuat berdasarkan prioriti/keperluan sebenar serta memastikan tiada mangsa yang layak tercicir daripada mendapat bantuan yang ditetapkan.

2.5.4. Pelaksanaan Projek Pembinaan RKB Dan Kerja Pembaikan Rumah

2.5.4.1. Kerajaan telah menetapkan bahawa setiap kerja pembinaan RKB dan pembaikan rumah perlu dijalankan dengan segera bagi membantu semua mangsa banjir yang diluluskan. Dua reka bentuk rumah yang diluluskan iaitu RKB Sebuah dan Bertiang telah diguna pakai oleh JKR, MKN dan APBN. Manakala pihak JAKOA pula telah diberi kelulusan untuk membina RKB mengikut reka bentuk PBR. Butiran lanjut adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.21

Jabatan Kerja Raya (JKR)
- Contoh RKB Sebuah Berkeluasan 800 Kaki Persegi
Tahun 2015

GAMBAR 2.22

Jabatan Kerja Raya (JKR)
- Contoh RKB Bertiang Berkeluasan 660 Kaki Persegi
Tahun 2015

GAMBAR 2.23

Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)
- Contoh RKB Sebuah (PBR) Berkeluasan 600 Kaki Persegi
Tahun 2015

2.5.4.2. Semakan Audit mendapati proses awal bagi pemilihan penerima bantuan, verifikasi, pelantikan kontraktor, pelaksanaan pembinaan RKB dan kerja pembaikan adalah selaras dengan arahan Kerajaan supaya ianya dilaksanakan dengan kadar segera (fast track).

2.5.4.3. Secara keseluruhannya, pelaksanaan projek pembinaan RKB dan kerja pembaikan rumah adalah memuaskan. Prosedur pengesahan akhir dan pembayaran terhadap kemajuan kerja pembinaan RKB dan pembaikan rumah telah dibuat dengan kadar yang segera. Selain itu, kualiti pembinaan RKB dan kerja pembaikan rumah berada pada tahap yang memuaskan. Bagaimanapun terdapat beberapa perkara yang memerlukan tindakan penambahbaikan seperti yang berikut:

a. Pembinaan RKB Tidak Mengikut Reka Bentuk Yang Diluluskan

i. Lawatan fizikal Audit di Jajahan Tanah Merah, Kelantan pada 14 Oktober 2015 mendapati 3 RKB yang sepatutnya dibina menggunakan reka bentuk rumah sebuah yang berkeluasan 800 kaki persegi tetapi telah siap dibina menggunakan reka bentuk rumah bertiang yang hanya berkeluasan 660 kaki persegi. Keadaan ini adalah berpunca daripada tindakan pemantauan dan pengesahan akhir yang kurang berkesan oleh Agensi pelaksana terhadap prestasi kerja Kontraktor yang dilantik. Kesan daripada situasi ini boleh mengakibatkan sesuatu kerja tersebut tidak disempurnakan dengan memuaskan mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak berkenaan dan penerima bantuan mendapat rumah yang kurang keluasan dari yang sepatutnya. Butiran lanjut adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.24

Kg. Panjang, Tanah Merah, Kelantan
- RKB Tidak Mengikut Reka Bentuk Yang Diluluskan
(14.10.2015)

GAMBAR 2.25

Kg. Padang Kijang, Tanah Merah, Kelantan
- RKB Tidak Mengikut Reka Bentuk Yang Diluluskan
(14.10.2015)

Maklum Balas APBN Yang Diterima Pada 20 April 2016

Terdapat 2 pelan yang dikeluarkan oleh pihak JKR iaitu rumah bawah dan rumah jenis bertiang. Pembinaan RKB tersebut adalah mengambil kira kesesuaian tapak bina serta permohonan oleh tuan rumah dan setiap perubahan tidak melibatkan sebarang pertambahan kos. Kelulusan pindaan reka bentuk juga telah dibuat oleh Bahagian Pembangunan Keselamatan, MKN. Perubahan reka bentuk tersebut juga tidak menjejaskan struktur bangunan dan pihak pengurusan berpendapat ada kewajaran dan boleh diterima.

Pada pendapat Audit, kaedah pemantauan dan penyelarasan komunikasi yang tidak berkesan oleh MKN terhadap pelaksanaan kerja kontraktor telah menyebabkan berlakunya pembinaan tidak mengikut pelan sebenar RKB (Sebuah) yang ditetapkan dan penerima bantuan mendapat rumah yang lebih kecil dari yang sepatutnya.

b. Kelewatan Pelaksanaan Projek Pembinaan RKB

Pihak JKR telah menetapkan bahawa projek pembinaan RKB perlu disiapkan dalam tempoh 11 minggu. Manakala pihak JAKOA dan MKN pula masing-masing telah menetapkan tempoh pembinaan RKB perlu disiapkan dalam masa 16 dan 7 minggu. Semakan Audit terhadap pelaksanaan projek pembinaan RKB oleh Agensi pelaksana mendapati beberapa perkara seperti yang berikut:

i. Sebanyak 171 (41%) daripada 422 sampel RKB bagi semua Agensi pelaksana yang terlibat telah mengalami kelewatan di antara 1 hingga 3 bulan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.14
KELEWATAN PROJEK PEMBINAAN RKB

NEGERI	BILANGAN RUMAH (UNIT) & AGENSI YANG TERLIBAT					
	JKR (11 Minggu)		JAKOA (16 Minggu)		MKN (7 Minggu)	
	SAMPEL	LEWAT	SAMPEL	LEWAT	SAMPEL	LEWAT
Terengganu	16	12	-	-	-	-
Kelantan	147	22	99	25	19	19
Pahang	66	11	55	10	-	-
Perak	20	20	68	52	-	-
JUMLAH	**249**	**65**	**154**	**87**	**19**	**19**
PERATUS KELEWATAN (%)	**26.10**		**56.49**		**100.00**	

ii. Pembinaan RKB (JKR) di Chenulang, Jajahan Kuala Krai, Kelantan masih belum dimulakan disebabkan oleh keadaan tapak projek yang disediakan oleh Kerajaan Negeri. Kawasan berkenaan telah mempunyai banyak bebanan (encumbrances) seperti pencerobohan dan tapak tersebut bersifat cerun dan berbukit. Keadaan ini mengakibatkan pertambahan kerja infrastruktur bernilai RM3.33 juta.

Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 18 April 2016

Penerima bantuan diluluskan oleh APBN dan ianya dibina di atas tanah hak milik persendirian individu tersebut. Terdapat kekangan di tapak bina dari segi keadaan tanah dan rupa bentuk (bercerun) yang memerlukan JKR mengambil tindakan proaktif dengan melakukan kerja-kerja rawatan tanah, pembaikan cerun dan sebagainya seperti membina longkang saliran dan menanam rumput bagi kawasan yang bercerun bagi memastikan keselamatan tapak. RKB tersebut telah siap dibina pada Disember 2015 dan selamat diduduki.

iii. Pembinaan 29 RKB (JKR) di Bertam Baru juga telah mengalami kelewatan disebabkan oleh kewujudan halangan laluan kereta api dan sungai bagi tujuan membawa bahan binaan ke tapak projek. Jarak lokasi yang jauh di antara pejabat Jurutera Jajahan dengan tapak projek serta keadaan perjalanan yang mencabar telah menyumbang kepada faktor *triple handling* dan peningkatan kos pengangkutan.

Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 18 April 2016

Pemantauan dan penyeliaan JKR adalah mengikut situasi semasa dan kesesuaian keadaan tapak serta permintaan end user. Projek pembinaan RKB ini adalah projek one-off dan memerlukan rumah dibina segera dalam situasi darurat. Tapak-tapak bina adalah pendalaman/terpencil dengan keadaan tanah milik individu yang bermasalah dan berselerak dalam daerah/jajahan yang besar telah menyukarkan pemantauan dan penyeliaan JKR.

iv. 2 Kontraktor di Daerah Temerloh, Pahang telah menolak pembinaan RKB (JKR) setelah SST baru dikeluarkan atas alasan harga kontrak terlalu rendah dan perubahan lokasi RKB baru semasa pembinaan. Manakala 2 projek pembinaan RKB di Kuala Krai, Kelantan telah terbengkalai disebabkan oleh masalah kewangan kontraktor. Keadaan ini menyebabkan penerima bantuan tersebut masih mendiami rumah transit dan rumah sementara.

Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 18 April 2016

Projek pembinaan RKB ini adalah projek one-off dan memerlukan rumah dibina segera dalam situasi darurat. Pemilihan kontraktor terhad kepada senarai yang disediakan oleh BPKU, KKR dan diluluskan oleh JKKPB terdiri daripada Kontraktor G1, G2 dan G3 tempatan dengan sumber yang terhad (kewangan dan tukang). Masalah dalam pembinaan RKB yang menyebabkan kelewatan projek adalah disebabkan kekurangan bahan binaan dan ketiadaan pekerja di tapak, pertindahan nama dengan senarai mangsa banjir di bawah peruntukan NGO/Kerajaan Negeri dan belum mempunyai milikan tanah yang sah (bergeran), pertukaran kontraktor kerana ketidakupayaan kontraktor asal dan masalah pembinaan atas tanah rizab Kerajaan.

Maklum Balas APBN Yang Diterima Pada 20 April 2016

Melalui surat Kementerian Kewangan Malaysia rujukan S/K.KEW/PK/JPM/OE1/05 Jld.8 SK.1(SEM) (2) bertarikh 27 April 2015 telah menyatakan projek pembaikan dan pembinaan perlu disiapkan sebelum Hari Raya Aidilfitri. Oleh itu, tempoh tersebut adalah bersesuaian dengan kehendak merujuk surat MOF tersebut. Semasa pembinaan, terdapat kesukaran mendapat bahan binaan dan kekurangan aliran tunai kontraktor di mana pihak MKN dimaklumkan cuma kontraktor tertentu dikenal pasti melaksanakan kerja-kerja tersebut secara aktif. Daripada maklumat hasil taklimat yang dilakukan jelas kontraktor-kontraktor yang nama tidak bergerak secara aktif dalam melaksanakan kerja-kerja. Tindakan sewajarnya telah diambil kepada Kontraktor yang lewat menyiapkan rumah tersebut.

Maklum Balas KKLW Yang Diterima Pada 15 April 2016

Mesyuarat Jemaah Menteri telah memutuskan bahawa pembinaan RKB adalah di bawah pelaksanaan KKR. Walau bagaimanapun, sehingga April 2015, tiada kerja-

kerja pembinaan RKB dimulakan. YAB Timbalan Perdana Menteri melalui surat kelulusan Bil. UPPB:600-2/3(24) bertarikh 12 Mei 2015 telah bersetuju supaya RKB bagi komuniti Orang Asli dilaksanakan oleh JAKOA. Pada Jun 2015, JAKOA telah melantik 43 kontraktor bagi pembinaan 241 unit RKB dengan pecahan 99 unit di Kelantan, 74 unit di Pahang dan 68 unit di Perak. Sehingga 29 Februari 2016, sebanyak 128 unit telah disiapkan manakala 113 unit masih dalam pelaksanaan. Kelewatan projek adalah berpunca daripada faktor lokasi projek di pedalaman, kekurangan bahan binaan dan keadaan cuaca yang tidak menentu.

Pendapat Audit, pelbagai faktor kelewatan projek pembinaan RKB telah menyebabkan objektif Kerajaan untuk membantu mangsa banjir mendapatkan RKB dengan kadar segera pada umumnya tidak tercapai.

2.5.5. Skop Kerja Pembaikan

2.5.5.1. Para 3.2.11 dalam Minit Mesyuarat Pelan Tindakan Pasca Banjir Bil.1/2015 bertarikh 27 Januari 2015 telah menetapkan 8 buah komponen asas yang akan dinilai dan dipertimbangkan untuk diberi bantuan pembaikan berdasarkan formula tertentu. Penetapan formula ini adalah penting bagi memastikan keseragaman komponen yang diberikan dengan nilai pembaikan yang sewajarnya (best value for money). Kos siling pembaikan yang ditetapkan bagi sebuah rumah ialah RM10,000 dan butiran lanjut berkaitan skop komponen asas yang boleh dibaiki adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.15
SKOP KOMPONEN ASAS PEMBAIKAN RUMAH MANGSA BANJIR

JENIS KOMPONEN PEMBAIKAN	
Bumbung	Tandas dan tangki septik
Dinding	Pendawaian elektrik dan *fittings*
Lantai	Perpaipan dalaman dari meter ke rumah
Dapur	Lain-lain (Pintu, tingkap dan longkang)

Nota: (*) – Syarat Khusus Ditetapkan Dalam Mesyuarat Pelan Tindakan Pasca Banjir Bil.1/2015

a. Kerja Pembaikan Rumah Di Luar Skop

Semakan dan lawatan fizikal Audit yang dijalankan terhadap 109 sampel kediaman penerima bantuan mendapati berlaku kerja pembaikan di luar skop komponen yang diluluskan. Kerja-kerja tersebut menunjukkan proses verifikasi sebelum kerja dilaksanakan telah dijalankan dengan kurang berkesan. Kesan daripada tindakan ini boleh menyebabkan objektif peruntukan bantuan kerja pembaikan yang disalurkan berdasarkan skop kerja yang diluluskan tidak akan tercapai. Butiran lanjut dan keadaan fizikal pembaikan yang dimaksudkan adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 2.16
KERJA PEMBAIKAN DI LUAR SKOP KOMPONEN ASAS

AGENSI PELAKSANA	BILANGAN KEDIAMAN RUMAH (UNIT)	KERJA-KERJA LUAR SKOP	IMPLIKASI KEWANGAN / KOS KERJA (RM)
JAKOA	43	Kerja mengecat	108,325.00
		Membaiki pagar	
		Membaiki tangga	
		Memasang kipas baru	
		Membina tandas baru	
APBN	15	Memasang siling/mozek	26,578.00
		Memasang tiang/lantai simen baru (**Gambar 2.26**)	
		Membekal kabinet baru (**Gambar 2.27**)	
		Kerja Mengecat pagar dan dinding rumah (**Gambar 2.28**)	
		Memasang *grill*/dinding baru	
		Membina garaj/anjung	
GIATMARA	32	Membina stor/bilik/dinding/tandas baru (**Gambar 2.29**)	74,029.01
		Membaiki bangsal/tangga	
		Memasang siling	
		Kerja mengecat	
FELCRA	4	Membaiki tangga	1,950.00
KESEDAR	12	Memasang siling	31,290.40
		Membaiki tuku/ *jack-up* tuku	
		Membaiki *apron* konkrit (kaki lima)	
KETENGAH	3	Membuat binaan baru	5,570.80
JUMLAH	**109**		**247,743.21**

GAMBAR 2.26

Kg. Berchang, Tanah Merah, Kelantan
- Kerja Pembaikan Luar Skop (Bina Tiang/Lantai Simen)
(14.10.2015)

GAMBAR 2.27

Tanah Merah, Kelantan
- Kerja Pembaikan Luar Skop (Membekal Kabinet Baru)
(Sumber : MKN)

GAMBAR 2.28

Tanah Merah, Kelantan
- Kerja Pembaikan Luar Skop (Kerja Mengecat Pagar)
(Sumber : MKN)

GAMBAR 2.29

Kg. Simpang Tebing Tinggi, Jerantut, Pahang
- Kerja Pembaikan Luar Skop (Bina Stor)
(25.11.2015)

Maklum Balas APBN Yang Diterima Pada 20 April 2016

Pembaikan dibuat adalah berdasarkan kepada skop kerja asal tetapi ia juga bergantung kepada keperluan membaiki komponen yang berkaitan serta keperluan tambahan tuan rumah.

Maklum Balas KKLW Yang Diterima Pada 15 April 2016

Kelapan-lapan komponen pembaikan rumah yang telah digariskan termasuk lain-lain komponen adalah dengan memberi keutamaan kepada komponen asas rumah yang utama seperti tangga, bumbung/siling, lantai rumah, dapur, tandas, pintu, tingkap, longkang, pendawaian, perpaipan dan pendawaian elektrik. Keutamaan kepada komponen-komponen ini perlu dibaiki terlebih dahulu atas faktor-faktor keselamatan, keutuhan struktur asas rumah dan bagi memastikan komponen-komponen pembaikan yang lain dapat disempurnakan dan tidak rosak.

Pada pendapat Audit, kerja-kerja pembaikan yang berada di luar skop menggambarkan bahawa ianya tidak berdasarkan kepada prioriti/keperluan sebenar.

b. Kerja Pembaikan Bumbung Bagi Rumah Yang Tidak Ditenggelami Banjir

Komponen bumbung merupakan salah satu dari 8 item yang dibenarkan untuk dibaiki/ditukar oleh Agensi pelaksana. Peruntukan ini telah disediakan khusus untuk rumah yang terjejas disebabkan oleh banjir. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati 26 kerja pembaikan bumbung telah dilaksanakan ke atas rumah kediaman yang tidak ditenggelami air dan keadaan bumbungnya tidak terjejas oleh bencana banjir. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.17
KERJA PEMBAIKAN BUMBUNG BAGI RUMAH YANG TIDAK DITENGGELAMI BANJIR

AGENSI PELAKSANA	LOKASI	BILANGAN KEDIAMAN RUMAH (UNIT)	IMPLIKASI KEWANGAN / KOS KERJA (RM)
JAKOA	Lambok, Gua Musang, Kelantan	3	4,800.00
	Setawar, Gua Musang, Kelantan	4	5,540.00
	Pasir Linggi, Gua Musang, Kelantan	1	TM*
MKN	Padang Kijang, Tanah Merah, Kelantan (**Gambar 2.31** dan **Gambar 2.32**)	4	1,530.00*
	Batas Baru, Tanah Merah, Kelantan (**Gambar 2.33**)	1	1,412.00
	Bukit Panau, Tanah Merah, Kelantan	1	TM*
	Lorong Tok Ayah, Tanah Merah, Kelantan	1	TM*
	Jln. Jedok, Tanah Merah, Kelantan	1	TM*
	Lubok Rotan, Tanah Merah, Kelantan	1	TM*
	Tanah Merah, Kelantan	2	TM*
GIATMARA	Kg. Simpang Tebing Tinggi, Jerantut, Pahang (**Gambar 2.30**)	2	11,532.80
	Kg. Lubok Payung, Jerantut, Pahang	3	12,067.04
	Labu Tembeling Tengah, Jerantut, Pahang	1	1,841.10
	Kg. Kelola, Jerantut, Pahang	1	8,454.90
JUMLAH		**26**	**47,177.84**

Nota - (TM): Tiada Maklumat
(*): Tiada Salinan BQ

GAMBAR 2.30

Kg. SimpangTebingTinggi, Jerantut, Pahang
- Kerja Bumbung Rumah Yang Tidak Ditenggelami Banjir
(25.11.2015)

GAMBAR 2.31

Kg. Padang Kijang, Tanah Merah, Kelantan
- Kerja Bumbung Rumah Yang Tidak Ditenggelami Banjir
(18.10.2015)

GAMBAR 2.32

Kg. Padang Kijang, Tanah Merah, Kelantan
- Kerja Bumbung Rumah Yang Tidak Ditenggelami Banjir
(18.10.2015)

GAMBAR 2.33

Kg. Batas Baru, Tanah Merah, Kelantan
- Kerja Bumbung Rumah Yang Tidak Ditenggelami Banjir
(18.10.2015)

Maklum Balas APBN Yang Diterima Pada 20 April 2016

Faktor hujan lebat yang berterusan berserta angin kencang/ribut semasa kejadian banjir tersebut telah menyebabkan kerosakan kepada rumah penerima tersebut. Faktor tersebut adalah wajar bagi bantuan baik pulih rumah diberikan kepada penerima. Faktor kemanusiaan juga diambil kira atas pembaikan rumah mangsa banjir tersebut.

Maklum Balas KKLW Yang Diterima Pada 15 April 2016

Pembaikan bumbung bagi rumah yang tidak tenggelam dibuat kerana bumbung-bumbung berkenaan disahkan telah rosak/tercabut berdasarkan proses verifikasi yang dilaksanakan. Bencana banjir bukan hanya melibatkan aliran air sungai yang melimpah tetapi unsur-unsur alam lain yang turut mempengaruhi kerosakan rumah seperti angin/ribut. Keutamaan kepada komponen-komponen ini perlu dibaiki terlebih dahulu atas faktor-faktor keselamatan, keutuhan struktur asas rumah dan bagi memastikan komponen-komponen pembaikan yang lain disempurnakan dan tidak rosak.

Pada pendapat Audit, perkara ini berlaku disebabkan oleh ketiadaan definisi sebenar kerosakan akibat banjir.

c. Kerja Pembinaan Baru Menggunakan Peruntukan Kerja Pembaikan Rumah

Segala peruntukan yang diluluskan bagi kerja pembaikan rumah mangsa banjir hendaklah berdasarkan kepada 8 buah komponen asas dengan kos siling pembaikan yang ditetapkan bagi sebuah rumah ialah RM10,000. Setiap kerja pembaikan yang dilaksanakan hendaklah disebabkan oleh kerosakan akibat bencana banjir. Bagaimanapun, semakan dan lawatan fizikal Audit di lokasi berkaitan mendapati berlaku kerja pembinaan baru telah dilaksanakan menggunakan peruntukan kerja pembaikan rumah. Semakan selanjutnya mendapati semua kerja berkenaan telah disenaraikan di dalam *Bill of Quantities* (BQ). Butiran lanjut dan keadaan kerja pembinaan yang dimaksudkan adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 2.18
KERJA PEMBINAAN BARU MENGGUNAKAN PERUNTUKAN KERJA PEMBAIKAN RUMAH

NEGERI	BILANGAN KERJA BINAAN BARU MENGGUNAKAN WANG PEMBAIKAN RUMAH	GAMBAR
Kelantan	8	(**Gambar 2.34** dan **Gambar 2.35**)
Pahang	2	(**Gambar 2.36** dan **Gambar 2.37**)
JUMLAH	**10**	

GAMBAR 2.34

GAMBAR 2.35

Kg. Bechah Peleting, Tanah Merah, Kelantan
- Kerja Binaan Baru Menggunakan Wang Pembaikan Rumah (Garaj Baru)
(Sumber: MKN)

GAMBAR 2.36

Kg. Tembeling Tengah, Jerantut, Pahang
- Kerja Binaan Baru Menggunakan Wang Pembaikan Rumah (Dinding Baru)
(26.11.2015)

GAMBAR 2.37

Kg. Tembeling Tengah, Jerantut, Pahang
- Kerja Binaan Baru Menggunakan Wang Pembaikan Rumah (Bilik Baru)
(26.11.2015)

2.5.5.2. Selain itu, analisis Audit juga mendapati amalan pihak Agensi pelaksana untuk memaksimumkan kos pembaikan sebuah rumah kepada RM10,000 telah menyumbang kepada penemuan ini. Ketiadaan SOP untuk

menentukan komponen pembaikan yang perlu diberikan prioriti untuk dibaiki telah menyebabkan berlakunya proses kerja yang kurang jelas dan kepelbagaian mekanisme pemilihan/pengesahan/verifikasi telah diamalkan oleh Agensi pelaksana. Kesannya, berlaku ketidakseragaman rantaian arahan (value chain of command) berkaitan proses penentuan komponen pembaikan oleh pegawai atasan Agensi pelaksana kepada pihak yang bertanggungjawab (pegawai teknikal/ketua kampung/penghulu/ahli jawatankuasa).

Maklum Balas APBN Yang Diterima Pada 20 April 2016

Pembaikan dibuat adalah berdasarkan kepada skop kerja asal tetapi ia juga bergantung kepada keperluan tambahan tuan rumah.

Pada pendapat Audit, binaan baru menggunakan peruntukan pembaikan rumah adalah tidak wajar dan tidak mengikuti prioriti/keperluan sebenar. Kelemahan ini berlaku kerana ketiadaan SOP dalam mekanisme pelaksanaan projek (spesifikasi kerja) dan kelayakan mangsa banjir.

2.5.6. Penggunaan Kemudahan RKB

2.5.6.1. Matlamat penyediaan RKB kepada penerima bantuan yang diluluskan adalah sebagai insentif kepada mangsa untuk meneruskan kehidupan pasca banjir. Setiap RKB yang siap perlu diserahkan kepada penerima dengan kadar segera dan penerima perlu mengambil tindakan untuk membayar deposit utiliti supaya RKB tersebut dapat diduduki dengan selesa dan segera. Semakan Audit mendapati beberapa perkara seperti yang berikut:

a. Kemudahan RKB Disediakan Tidak Diduduki

Matlamat penyediaan RKB kepada penerima bantuan yang diluluskan adalah sebagai insentif kepada mangsa untuk meneruskan kehidupan pasca banjir. Setiap RKB juga disediakan kemudahan yang lengkap seperti bilik, tandas, dapur dan kelengkapan elektrik. Bagaimanapun, lawatan fizikal Audit pada bulan September hingga November 2015 di kawasan sampel RKB yang terlibat mendapati sejumlah 17 RKB di 4 Negeri telah diserahkan kepada penerima/Agensi berkaitan tetapi tidak diduduki oleh penerima. Butiran lanjut serta keadaan RKB yang dimaksudkan adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 2.19
KEMUDAHAN RKB DISEDIAKAN TIDAK DIGUNAKAN

NEGERI	BILANGAN RUMAH KEDIAMAN (UNIT)	SEBAB TIDAK DIGUNAKAN / DIDUDUKI
Perak	1	Penerima tidak bersetuju untuk berpindah selepas RKB siap atas sebab peribadi.
Pahang	1	Penerima tidak bersetuju untuk berpindah selepas RKB siap atas sebab peribadi.

NEGERI	BILANGAN RUMAH KEDIAMAN (UNIT)	SEBAB TIDAK DIGUNAKAN / DIDUDUKI
Kelantan	5	Penerima tidak mampu membayar deposit air dan bekalan elektrik belum disediakan (**Gambar 2.38** dan **Gambar 2.39**)
Terengganu	10	Penghuni tidak sedia berpindah sebab RKB lebih kecil daripada rumah sedia ada. (**Gambar 2.40** dan **Gambar 2.41**)
JUMLAH	**17**	

GAMBAR 2.38

GAMBAR 2.39

Kg. Sat Hilir dan Kg. Panjang, Tanah Merah, Kelantan
- Kemudahan RKB (MKN) Telah Disiapkan Tetapi Tidak Dididuduki/Dimanfaatkan
(Masalah Kewangan Untuk Pembayaran Deposit Utiliti)
(13.10.2015 dan 14.10.2015)

GAMBAR 2.40

GAMBAR 2.41

Felda Neram 2, Kemaman, Terengganu
- Kemudahan RKB (JKR) Telah DisiapkanTetapi Tidak Dididuduki/Dimanfaatkan
(Perbezaan Saiz RKB Dan Keadaan Rumah Asal Yang Masih Selamat Dididuduki)
(13.01.2016)

Maklum Balas APBN Yang Diterima Pada 20 April 2016

Satu perbincangan telah diadakan dengan pihak TNB dan hasil perbincangan tersebut, rumah penerima yang terlibat telah mendapat bekalan elektrik.

Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 18 April 2016

Penyerahan rasmi telah dibuat oleh KKR namun urusan perpindahan bukan di bawah tanggungjawab KKR.

b. Penerima Bantuan Projek Pembinaan RKB Masih Belum Ditempatkan Di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Galas, Jajahan Gua Musang, Kelantan

Semakan Audit di Jajahan Gua Musang mendapati seramai 37 orang penerima bantuan RKB telah diluluskan oleh MKN dan APBN. Pihak Audit juga telah dimaklumkan bahawa kesemua penerima tersebut akan ditempatkan di PPR Galas, Jajahan Gua Musang, Kelantan yang mana ia telah siap dibina oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB). Bagaimanapun, sesi lawatan fizikal Audit pada 19 Oktober 2015 di lokasi berkaitan mendapati kesemua penerima berkenaan masih belum menetap di kediaman berkenaan kerana ia belum dibuka untuk tujuan penempatan orang awam walaupun telah lama disiapkan. Butiran lanjut adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.42

GAMBAR 2.43

Projek Perumahan Rakyat (PPR) Galas, Gua Musang, Kelantan
- 37 Penerima Bantuan RKB Masih Belum Ditempatkan Di PPR Gua Musang Yang Telah Siap Sejak Tahun 2013 (19.10.2015)

2.5.6.2. Hasil temu bual Audit bersama para penerima bantuan mendapati antara faktor kemudahan RKB yang tidak dapat digunakan adalah disebabkan oleh kesediaan penerima untuk berpindah. Perbezaan saiz RKB dan keadaan rumah asal yang masih boleh diduduki telah menyebabkan penerima bantuan kurang bersedia untuk berpindah. Selain itu, masalah peribadi penerima bantuan dan kekangan dana yang mencukupi untuk membayar deposit utiliti juga menjadi faktor penyumbang kepada RKB tidak diduduki dengan segera.

Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 18 April 2016

Penerima bantuan bukan di bawah tanggungjawab KKR. Senarai nama penerima telah dimasukkan dalam KKR hanya untuk memaklumkan supaya tidak dibina RKB kerana mangsa telah dimasukkan dalam senarai MKN sebagai mangsa yang akan diberikan rumah PPR Gua Musang yang telah siap dibina oleh KPKT.

Pada pendapat Audit, kelemahan dalam urusan penempatan mangsa banjir ke RKB yang telah disiapkan menyebabkan matlamat asal pembinaan RKB belum dicapai dan rumah yang telah siap masih belum diduduki walaupun penerima bantuan telah dikenal pasti. RKB yang tidak diduduki atas faktor kesediaan penerima bantuan untuk berpindah menunjukkan tiada keperluan mendesak oleh mereka yang terlibat.

2.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa akan datang, Kerajaan mendapat *best value for money* atas perbelanjaan yang dilakukan dan objektif Kerajaan untuk memberi bantuan segera kepada mangsa banjir tercapai, adalah disyorkan kepada APBN untuk mengambil tindakan terhadap perkara seperti yang berikut:

2.6.1. Prosedur Operasi Standard (SOP) yang khusus dan komprehensif untuk program pasca banjir perlu disediakan segera oleh APBN bagi projek pembinaan RKB dan kerja pembaikan rumah termasuk kaedah permohonan, pemilihan, verifikasi serta pengemaskinian maklumat ke dalam sistem ePASCA BANJIR. Penyediaan SOP ini penting bagi memastikan setiap pihak yang terlibat lebih memahami fungsi dan tanggungjawab masing-masing;

2.6.2. APBN perlu mengkaji semula proses/kaedah pemilihan penerima bantuan agar ia dapat dilaksanakan dengan lebih telus, terbuka serta melibatkan semua pihak termasuk mangsa banjir sendiri; dan

2.6.3. APBN perlu mengambil tindakan dengan menyelaraskan penempatan penerima bantuan ke RKB yang telah disiapkan dengan kadar yang segera.

JABATAN PERDANA MENTERI / KEMENTERIAN DALAM NEGERI

3. JABATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA

- PENGURUSAN PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) merupakan agensi pertahanan awam yang ditubuhkan pada tahun 1952 melalui Ordinan Pertahanan Awam 1951. Fungsi JPAM adalah seperti yang berikut:

- menggubal dasar yang sesuai mengenai Pertahanan Awam;
- mengelola dan menyenggara Angkatan Pertahanan Awam melalui perkhidmatan sokongan dan logistik;
- melatih dan mendidik orang ramai mengenai Pertahanan Awam supaya mereka dapat menerima dan memberi tindak balas yang sewajarnya kepada program yang penting bagi keselamatan diri mereka;
- mengubah dan menyusun jenis latihan yang sesuai bagi Angkatan Pertahanan Awam mengikut keadaan semasa;
- menyediakan khidmat bantuan kecemasan dan talian 999 di seluruh Negara; dan
- melakukan tugas menyelamat dan menyelia mangsa bencana dan kemalangan di seluruh negara.

3.1.2. JPAM yang sebelum ini di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) mulai 29 Julai 2015. Sehingga bulan Ogos 2015, JPAM mempunyai seramai 887,378 orang anggota di seluruh negara di mana seramai 1,265 orang anggota merupakan anggota tetap yang terdiri daripada Skim Perkhidmatan Keselamatan Dan Pertahanan Awam, guna sama, kader dan sokongan manakala selebihnya merupakan anggota sukarelawan. Anggota sukarelawan terdiri daripada Anggota Sukarela Tugas Operasi (ASTO), Anggota Sukarela Tugas Pejabat (ASTP), Siswa-Siswi Pertahanan Awam (SISPA) dan Pasukan Institusi Pertahanan Awam (PISPA). JPAM mempunyai sebanyak 15 Pejabat Negeri Pertahanan Awam (PNPA), 105 Pejabat Daerah Pertahanan Awam (PDPA) dan 5 pusat latihan di seluruh negara.

3.1.3. Bagi memastikan JPAM dapat menjalankan fungsi dan peranannya dengan berkesan, JPAM turut memperlengkapkan Jabatannya dengan pelbagai kemudahan dan keperluan. Oleh itu, ia perlu melaksanakan perolehan yang bersesuaian dan

merangkumi perolehan bekalan dan perkhidmatan. Perolehan bekalan merangkumi barangan/peralatan yang dibekalkan bagi melaksanakan sesuatu program, aktiviti atau projek Kerajaan seperti pakaian, peralatan dan kelengkapan pejabat. Manakala perolehan perkhidmatan ditafsirkan sebagai khidmat tenaga manusia atau kepakaran untuk melaksanakan dan menyiapkan sesuatu program/aktiviti/projek.

3.1.4. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, sejumlah RM368.14 juta telah dibelanjakan oleh JPAM untuk perbelanjaan mengurus dan sejumlah RM40.54 juta di bawah peruntukan pembangunan.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan perolehan bagi bekalan dan perkhidmatan di JPAM telah diuruskan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

3.3. SKOP PENGAUDITAN

3.3.1. Pengauditan tertumpu kepada pengurusan perolehan bekalan dan perkhidmatan bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 yang meliputi perancangan, pembelian, penerimaan, pengagihan, penggunaan, penyelenggaraan rekod, penyimpanan dan bayaran kepada kontraktor/pembekal.

3.3.2. Pengauditan telah dijalankan di KDN, Ibu Pejabat Pertahanan Awam (IPPA) dan 4 PNPA yang dipilih berdasarkan zon dan jumlah agihan peralatan yang tertinggi. Pengauditan juga telah dijalankan di 17 PDPA iaitu PDPA Kuala Terengganu, Besut, Dungun dan Hulu Terengganu di Terengganu; PDPA Johor Bahru, Kluang, Batu Pahat, Pontian dan Mersing di Johor; PDPA Kota Setar, Pendang, Kulim dan Langkawi di Kedah; dan PDPA Kuching, Bau, Samarahan dan Miri di Sarawak.

3.3.3. Pengauditan telah dijalankan terhadap 200 pembelian terus yang melibatkan 137 perolehan bekalan dan 63 perolehan perkhidmatan berjumlah RM2.67 juta, 32 sebut harga dan 4 tender bagi perolehan bekalan masing-masing berjumlah RM10.85 juta dan RM13.55 juta. Bagi rundingan terus pula satu perolehan bekalan dan satu perolehan perkhidmatan berjumlah RM3.43 juta telah disemak.

3.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan dengan pengurusan perolehan bekalan dan perkhidmatan. Selain itu, pemeriksaan fizikal turut dilakukan dan temu bual dengan pegawai yang berkaitan telah diadakan. *Exit Conference* yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha,

Kementerian Dalam Negeri telah diadakan pada 8 Mac 2016 yang turut dihadiri oleh Ketua Pengarah JPAM, wakil daripada Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Peguam Negara dan Bahagian Audit Dalam JPM serta Setiausaha Bahagian Audit Dalam KDN.

3.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan di KDN, IPPA dan 4 PNPA (Terengganu, Johor, Kedah dan Sarawak) antara bulan Jun hingga September 2015 mendapati KDN dan JPAM antaranya telah membuat pelantikan Jawatankuasa Pembukaan dan Penilaian Sebut Harga/Tender; keahlian Jawatankuasa Sebut Harga/Tender; dan mendokumenkan keputusan mesyuarat rundingan harga dengan teratur. Bagaimanapun, secara keseluruhannya pengurusan perolehan bekalan dan perkhidmatan JPAM adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberikan perhatian antaranya seperti yang berikut:

i. kelemahan perancangan menyebabkan berlakunya pecah kecil dalam pengurusan perolehan bernilai RM5.80 juta;

ii. kelewatan menandatangani kontrak antara 93 hingga 554 hari dan kelewatan mengemukakan bon pelaksanaan antara 4 hingga 70 hari bernilai RM0.65 juta;

iii. tiga jenis peralatan yang dibekalkan terdiri daripada 1,010 pasang kasut getah, 8 jet ski dan 64 *surf board* bernilai RM0.84 juta tidak mengikut spesifikasi; dan

iv. peralatan yang diagih oleh IPPA/PNPA tidak bersamaan dengan rekod terimaan di PNPA/PDPA. Selain itu, peralatan antaranya seperti *inflatable boat 12'*, *commander signal baton*, topi keselamatan, generator set, pakaian kalis api, *breathing apparatus* dan *surf board* yang dibeli melebihi 250 hari tidak digunakan dan tidak diujilari.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan maklum balas KDN dan JPAM adalah seperti perenggan berikut:

3.5.1. Prestasi Pengurusan Perolehan Bekalan Dan Perkhidmatan

3.5.1.1. Prestasi Kewangan

a. Analisis ke atas peruntukan dan perbelanjaan mengurus JPAM bagi tahun 2013 hingga 2015 mendapati sejumlah RM379.49 juta telah diperuntukkan manakala sejumlah RM368.14 juta (97%) telah dibelanjakan.

b. Bagi peruntukan pembangunan, adalah didapati sejumlah RM43.53 juta telah diperuntukkan pada tahun 2013 hingga 2015 dan RM40.54 juta (93.1%) telah dibelanjakan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA 2015

TAHUN	PERUNTUKAN MENGURUS (RM Juta)	PERBELANJAAN MENGURUS		PERUNTUKAN PEMBANGUNAN (RM Juta)	PERBELANJAAN PEMBANGUNAN	
		(RM Juta)	(%)		(RM Juta)	(%)
2013	126.47	126.23	99.8	10.53	10.53	100
2014	121.57	121.42	99.9	17.35	14.69	84.7
2015	131.45	120.49	91.7	15.65	15.32	97.9
JUMLAH	**379.49**	**368.14**	**97.0**	**43.53**	**40.54**	**93.1**

Sumber : Bahagian Kewangan, IPPA

c. Analisis Audit selanjutnya mendapati bagi tahun 2013 hingga 2015 sejumlah RM30.62 juta (76.2%) daripada RM40.18 juta perolehan bekalan telah dibelanjakan manakala RM8.32 juta (78.2%) daripada RM10.64 juta perolehan perkhidmatan telah dibelanjakan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.2
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN BAGI
BEKALAN DAN PERKHIDMATAN DI PERINGKAT IBU PEJABAT
BAGI TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA 2015

KOD OBJEK	27000		29000	
TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)
2013	13.86	13.30	3.79	2.99
2014	13.87	13.30	3.79	2.99
2015	12.45	4.02	3.06	2.34
JUMLAH	**40.18**	**30.62**	**10.64**	**8.32**

Sumber : Bahagian Kewangan, IPPA
Nota : 27000 – Perolehan Bekalan
29000 – Perolehan Perkhidmatan

Pada pendapat Audit, pencapaian kewangan JPAM pada tahun 2013 hingga 2015 secara umumnya adalah baik kerana perbelanjaan yang dilakukan telah melebihi 80% daripada jumlah peruntukan.

3.5.2. Pengurusan Perolehan

Perolehan Kerajaan perlu dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus baik (good governance practices) dengan mematuhi prinsip perolehan iaitu akauntabiliti awam, ketelusan, nilai faedah yang terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama. Sebanyak 4 tender dan 2 rundingan terus perolehan bekalan dan perkhidmatan bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 telah disemak di Bahagian Perolehan KDN dan mendapati ianya telah dilaksanakan dengan teratur. Bagaimanapun semakan Audit terhadap perolehan pembelian terus dan sebut harga mendapati perkara yang berikut:

3.5.2.1. Perancangan Perolehan

a. Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan (1PP) Perolehan Kerajaan (PK) 4, perubahan dan perlanjutan tempoh kontrak bekalan dan perkhidmatan boleh diluluskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga. Penambahan kuantiti dibenarkan dengan syarat jumlah kuantiti tidak melebihi 50% daripada kuantiti asal dan penambahan harga baharu hendaklah tidak melebihi RM750,000.

b. Pada 14 Julai 2014, KDN telah meluluskan permohonan cadangan perolehan peralatan operasi dan latihan berjumlah RM5 juta bagi 14 item peralatan operasi dan latihan melalui peruntukan tambahan di bawah anggaran Belanja Pembangunan kepada JPAM. Semakan Audit mendapati JPAM telah membuat penambahan kuantiti terhadap 8 daripada 14 item perolehan peralatan operasi dan latihan berjumlah RM658,135 **dalam tempoh satu hingga 42 hari dari tarikh Surat Setuju Terima (SST)**. Penambahan kuantiti dalam tempoh yang singkat menunjukkan tiada perancangan yang teliti berhubung dengan perolehan sebut harga yang dilaksanakan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.3
PENAMBAHAN KUANTITI BAGI PEROLEHAN
PERALATAN OPERASI DAN LATIHAN

ITEM	SURAT SETUJU TERIMA						TEMPOH PENAMBAHAN KUANTITI (Hari)
	ASAL			TAMBAHAN			
	KUANTITI	TARIKH	JUMLAH (RM)	KUANTITI	TARIKH	JUMLAH (RM)	
Peralatan Menyelamat	103	19.09.2014	362,560	26	30.10.2014	91,520	41
Peralatan Menangkap Ular	104	19.09.2014	290,160	26	30.10.2014	72,540	41
Commander Signal Baton	840	19.09.2014	250,992	214	31.10.2014	63,943	42
Surf Board Rescue	54	19.09.2014	313,200	10	31.10.2014	58,000	42
Generator Set (5KVA)	94	19.09.2014	343,100	30	31.10.2014	109,500	42
Chain Saw 18' dan 23'	64	24.10.2013	122,172	32	01.11.2013	61,086	8
Self Contained Breathing Apparatus	44	24.10.2013	286,000	22	01.11.2013	143,000	8
Ubat-ubatan	105	06.11.2013	279,426	22	06.11.2013	58,546	1
JUMLAH						**658,135**	

Pada pendapat Audit, kelemahan perancangan JPAM dalam menguruskan perolehan menyebabkan pembaziran sumber dan risiko berlakunya pecah kecil perolehan.

Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Dan JPAM Yang Diterima Pada 17 Mac 2016

JPAM telah menerima peruntukan pembangunan sejumlah RM5 juta pada 14 Julai 2014 daripada KDN. Jabatan tidak pernah merancang untuk memecah kecil perolehan ini. JPAM telah membuat perancangan bagi perolehan di bawah peruntukan tambahan walaupun pada dasarnya bilangan peralatan yang diperlukan adalah tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan sebenar Jabatan di peringkat PNPA dan PDPA keseluruhannya. Perancangan tersebut telah diluluskan oleh KDN dan telah dilaksanakan mengikut tatacara perolehan secara sebut harga.

Bagaimanapun, terdapat lebihan peruntukan (penjimatan berikutan harga yang ditawarkan pembekal lebih rendah berbanding harga anggaran) dari proses sebut harga bagi perolehan peralatan tersebut. Bagi mengelakkan peruntukan tidak dibelanjakan, Jawatankuasa Sebut Harga telah bersetuju dan memutuskan penambahan kuantiti dilakukan bagi mencapai perbelanjaan optimum. Keputusan tersebut mengambilkira faktor bahawa sesetengah peralatan yang ditambah kuantiti sememangnya diperlukan oleh Jabatan dan tidak boleh didapati di pasaran tempatan. Jabatan juga mempunyai kekangan masa bagi melaksanakan proses tender di samping terdapat keperluan bagi peralatan tambahan tersebut.

Pihak pengurusan memandang berat teguran Audit dan telah mengarahkan perancangan yang lebih teliti dibuat. Ini termasuk kursus kepada kakitangan kewangan serta kajian pasaran yang perlu dilaksanakan sebelum perolehan dibuat.

3.5.2.2. Pecah Kecil Perolehan

Sehingga bulan Februari 2014, perolehan pembelian terus boleh dibuat melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga RM50,000 bagi setiap jenis item dengan mana-mana pembekal yang berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan sama ada bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera. Selepas bulan Februari 2014, nilai pembelian terus dikurangkan kepada RM20,000. Bagi nilai perolehan melebihi RM20,000 hingga RM500,000 perolehan perlu dibuat melalui sebut harga. Kementerian/Jabatan adalah dilarang memecah kecilkan nilai bekalan bagi mengelakkan pelawaan secara sebut harga. Perolehan bekalan melebihi RM500,000 hendaklah dipelawa secara tender. Setiap jenis item adalah ditafsirkan sebagai sesuatu barangan/perkhidmatan yang mempunyai fungsi yang sama dan/atau boleh diperoleh daripada satu punca bekalan. Semakan Audit mendapati perkara yang berikut:

i. **Pembelian terus berjumlah RM62,800 telah dipecah kecilkan di PNPA Sarawak.** Perolehan tersebut sepatutnya dibuat melalui sebut harga. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.4
PECAH KECIL PEROLEHAN MELALUI PEMBELIAN TERUS

PERKARA	TARIKH PERMOHONAN PEROLEHAN	BAUCAR			JUMLAH (RM)
		NO.	TARIKH	AMAUN (RM)	
Bekalan Bantal Dan Tilam	22.02.2013	B0601	20.03.2013	39,560	62,800
Bekalan Selimut, Cadar, Tilam Dan Sarung Bantal	22.02.2013	B0597	20.03.2013	23,240	

Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Dan JPAM Yang Diterima Pada 17 Mac 2016

PNPA Sarawak membuat tafsiran item-item yang dibeli tidak melebihi RM50,000 per item (setiap jenis item) pada ketika perolehan itu dilakukan. Peraturan ini ada dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan Perenggan 173.1. "Pembelian setiap jenis item yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga RM50,000".

Pihak pengurusan memandang serius teguran Audit dan telah mengeluarkan surat amaran kepada semua Pusat Tanggung Jawab (PTJ) supaya memberi penekanan kepada tatacara perolehan mengikut peraturan kewangan semasa.

ii. **Bagi 6 perolehan melalui sebut harga berjumlah RM2,711,535 didapati JPAM telah membuat penambahan kuantiti antara satu hingga 21 hari menyebabkan nilai perolehan melebihi RM500,000 dipecah kecilkan. Perolehan tersebut sepatutnya dilaksanakan secara tender dan diputuskan oleh Lembaga Perolehan.** Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.5
PECAH KECIL PEROLEHAN SECARA SEBUT HARGA MELALUI PENAMBAHAN KUANTITI

SST ASAL			SST KUANTITI TAMBAHAN			TEMPOH PENAMBAHAN KUANTITI (Hari)	JUMLAH KESELURUHAN (RM)
TARIKH	AMAUN (RM)	KUANTITI (Unit)	TARIKH	AMAUN (RM)	KUANTITI (Unit)		
JPAM 46/2014 - Pembekalan *Portable Pump*							
09.10.2014	498,000	12	30.10.2014	249,000	6	21	747,000
JPAM 38/2013 - Membekal *Cot Stretcher Ambulance*							
24.10.2013	362,670	33	01.11.2013	175,840	16	7	538,510
JPAM 54/2014 - Membekal Dan Menghantar *Inflatable Boat 12', 32'* Dan *Rigid Boat*							
30.10.2014	495,000	8	02.11.2014	170,000	4	3	665,000
JPAM - 47/2013 - Pembekalan Set Pakaian Kalis Api							
06.11.2013	395,500	70	06.11.2013	107,350	19	1	502,850
JPAM 50/2013 - Membekal Trauma Bag							
06.11.2013	460,600	245	06.11.2013	229,360	122	1	689,960
JPAM 55/2014 Membekal Peralatan Pertolongan Cemas							
30.10.2014	499,765	147 unit	02.11.2014	225,440	86 unit	3	725,205
JUMLAH	**2,711,535**			**1,156,990**			**3,868,525**

iii. Semakan Audit juga mendapati berlaku kes pecah kecil perolehan melalui pembekal yang sama iaitu melibatkan 6 sebut harga berjumlah RM1.87 juta. Perolehan tersebut sepatutnya dilaksanakan melalui perolehan secara tender. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.6
PECAH KECIL PEROLEHAN MELALUI SEBUT HARGA

PEMBEKAL	NO. SEBUT HARGA / PERKARA	AMAUN ASAL (RM)	AMAUN TAMBAHAN (RM)	JUMLAH (RM)
SMSR Resources	X140033/ Membekal Jaket Keselamatan	265,050	67,500	977,550
	X140037/ Membekal *Jet Ski*	300,000	100,000	
	X140038/ Membekal *All Terrain Multipurpose Vehicle*	210,000	35,000	
Simfoni Kreatif Enterprise	X140027/ Pembekalan Set Baju Lebah	174,500	TB	888,900
	X140026/ Membekal Peralatan Melawan Kebakaran	113,000	TB	
	X140024/ Membekal Topi Keselamatan	485,000	116,400	
JUMLAH				**1,866,450**

Nota: TB - Tidak Berkenaan

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan melalui pembelian terus dan sebut harga adalah kurang memuaskan kerana berlakunya kelemahan perancangan dan pecah kecil perolehan.

Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Dan JPAM Yang Diterima Pada 17 Mac 2016

Perancangan perolehan telah dibuat dan telah diluluskan oleh KDN. Bagaimanapun, terdapat lebihan peruntukan dari proses sebut harga bagi perolehan peralatan tersebut. Bagi mengelakkan peruntukan pembangunan tidak dibelanjakan, Jawatankuasa Sebut Harga telah bersetuju dan memutuskan penambahan kuantiti dilakukan bagi mencapai perbelanjaan optimum. JPAM tidak pernah merancang untuk memecah kecilkan perolehan ini. Sebut harga ini dikeluarkan secara berasingan di atas justifikasi peralatan ini adalah berbeza fungsi.

3.5.3. Pentadbiran Kontrak

Berdasarkan 1PP PK 4, agensi dikehendaki mengambil perhatian berkenaan pengurusan dan pentadbiran kontrak bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan melicinkan urusan yang berhubung kait dengan pelaksanaan sesuatu perolehan. Semakan Audit terhadap pengurusan pentadbiran kontrak mendapati perkara seperti yang berikut:

3.5.3.1. Kontrak Lewat Ditandatangani

1PP PK 4 menetapkan kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas SST dikeluarkan. Semakan Audit mendapati 7 kontrak telah lewat ditandatangani antara 93 hingga 554 hari. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.7
KONTRAK LEWAT DITANDATANGANI

NO. KONTRAK/ TEMPOH KONTRAK	PERKARA	AMAUN (RM Juta)	TARIKH SST/ TARIKH AKHIR TANDATANGAN KONTRAK	TARIKH TANDATANGAN KONTRAK	TEMPOH KELEWATAN (Hari)
KDN/PL/JPAM/4/2013 (10.06.13 – 09.06.15)	Pembekalan Pakaian Seragam Operasi No.4	2.92	06.06.2013/ 05.10.2013	12.06.2014	250
	Penambahan Kuantiti 50%	1.46	26.07.2013/ 25.11.2013	23.04.2015	514
KDN/PL/JPAM/2/2014 (23.10.14 – 22.10.15)	Pembekalan Kenderaan Pacuan 4 Roda	1.40	23.10.2014/ 22.02.2015	26.05.2015	93
KDN/PL/JPAM/3/2013 (10.06.2013 - 09.06.2015)	Pembekalan Pakaian Seragam Operasi No. 3	2.99	06.06.2013/ 05.10.2013	12.06.2014	250
	Penambahan Kuantiti	1.49	25.07.2013/ 24.11.2013	01.06.2015	554
KDN/PL/JPAM/1/2013 (1.05.2013 - 31.12.2013) (1.01.2014 - 31.12.2014)	Pembekalan *Combat Boot All Leather*	5.87	19.04.2013/ 18.08.2013	24.01.2014	159
	Penambahan Kuantiti	2.93	26.7.2013/ 25.11.2013	02.01.2015	403

Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Dan JPAM Yang Diterima Pada 17 Mac 2016

Didapati punca kelewatan bagi kontrak-kontrak tersebut tidak dapat disempurnakan dalam tempoh masa berkaitan adalah disebabkan kepada perkara yang berikut:

i. kelewatan pihak syarikat dalam mengembalikan SST pendua serta penyerahan Bon Pelaksanaan yang melebihi dari tempoh 14 hari yang ditetapkan turut menjadi faktor kelewatan penyediaan dokumen kontrak;

ii. penyediaan pindaan kepada dokumen kontrak yang telah disemak oleh Penasihat Undang-Undang melibatkan perbincangan semula fasal-fasal yang dibuat pindaan bersama pihak syarikat bagi memastikan persetujuan berkaitan terma-terma kontrak diputuskan sebelum kontrak ditanda tangan;

iii. kelewatan pihak syarikat dalam mengembalikan dokumen kontrak yang telah ditandatangani untuk tindakan selanjutnya turut menjadi faktor kelewatan dokumen kontrak ini disempurnakan. Tindakan susulan berkaitan perkara ini dilakukan dengan menghubungi syarikat melalui panggilan telefon bagi memastikan pihak syarikat mengemukakan dokumen yang dikehendaki dengan kadar segera; dan

iv. kelewatan pihak syarikat untuk menyerahkan Bon Pelaksanaan Tambahan yang melebihi dari tempoh 14 hari yang ditetapkan turut menjadi faktor kelewatan penyediaan dokumen kontrak.

Bagi memperkemaskan pentadbiran kontrak, beberapa penambahbaikan berkaitan tadbir urus telah diambil;

i. mengemas kini garis masa pentadbiran kontrak;
ii. menyediakan template deraf kontrak yang standard bagi item-item yang melibatkan bekalan, perkhidmatan, penyelenggaraan dan sewaan; dan
iii. bagi memantau pengurusan perolehan, 1 sistem telah dibangunkan secara in-house.

3.5.3.2. Bon Pelaksanaan

Bon pelaksanaan ialah suatu bentuk jaminan yang perlu dikemukakan oleh kontraktor bagi melindungi kepentingan Kerajaan dan memastikan kontraktor melaksanakan semua obligasi di bawah sesuatu kontrak. AP 176.2 (a) menetapkan perolehan melebihi RM200,000 hendaklah dikemukakan bersama bon pelaksanaan. Berdasarkan SST, bon pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh SST ditandatangani manakala tempoh jaminan bon pelaksanaan adalah 12 bulan selepas tamat kontrak. Semakan mendapati perkara yang berikut:

i. Semakan mendapati **16 bon pelaksanaan telah lewat dikemukakan** antara 4 hingga 70 hari dari tarikh yang sepatutnya. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.8
KELEWATAN MENGEMUKAKAN BON PELAKSANAAN

PERKARA	NILAI KONTRAK (RM)	BON PELAKSANAAN			TEMPOH LEWAT (Hari)
		JUMLAH (RM)	TARIKH SST/ TARIKH AKHIR KEMUKA	TARIKH KEMUKA	
Pembekalan Baju T-Oren Berkolar Lengan Panjang Dan Kolar Bulat Lengan Pendek	448,000	11,200	23.08.2013/ 06.09.2013	30.10.2013	54
Pembekalan *T- Shirt* Oren Kolar Bulat Lengan Pendek & Berkolar Lengan Panjang	446,250	11,156	11.07.2014/ 25.07.2014	03.10.2014	70
Membekal Peralatan *Surf Board Rescue*	313,200	7,830	19.09.2014/ 03.10.2014	10.11.2014	38
Membekal Jaket Keselamatan	265,050	6,626	09.10.2014/ 23.10.2014	12.12.2014	50
Membekal *Jet Ski*	300,000	7,500	09.10.2014/ 23.10.2014	02.12.2014	40
Membekal *Inflatable Boat* 12', *Boat* 32' Dan *Rigid Boat*	495,000	12,375	30.10.2014/ 13.11.2014	16.01.2015	64
Membekal *All Terrain Multipurpose Vehicle*	210,000	5,250	09.10.2014/ 23.10.2014	02.12.2014	40
Pembekalan Kenderaan Ambulans Untuk Operasi Dan Menyelamat	2,490,000	373,500	24.04.2013/ 08.05.2013	20.05.2013	12
Pembekalan Peralatan *Self Contained Breathing Apparatus*	286,000	7,150	24.10.2013/ 7.11.2013	12.11.2013	5
Membekal *Cot Stretcher Ambulance*	538,510	9,066	24.10.2013/ 07.11.2013	29.11.2013	22
Membekal Generator Set 5 KVA	343,100	8,577	19.09.2014/ 03.10.2014	07.10.2014	4
Membekal Peralatan Pertolongan Cemas	499,765	12,494	30.10.2014/ 14.11.2014	19.12.2014	35

PERKARA	NILAI KONTRAK (RM)	BON PELAKSANAAN			TEMPOH LEWAT (Hari)
		JUMLAH (RM)	TARIKH SST/ TARIKH AKHIR KEMUKA	TARIKH KEMUKA	
Membekal Set Pakaian Kalis Api	395,500	9,887	6.11.2013/ 20.11.2013	28.11.2013	8
Membekal *Commander Signal Baton*	250,992	6,274	19.09.2014/ 3.10.2014	16.10.2014	13
Pembekalan *Combat Boot All Leather*	5,875,600	146,890	19.04.2013/ 03.05.2013	15.05.2013	12
Membekal *High Visibility Rain Jacket*	477,400	11,935	18.06.2013/ 02.07.2013	09.07.2013	7
JUMLAH		**647,710**			

Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Dan JPAM Yang Diterima Pada 17 Mac 2016

JPAM telah mengambil tindakan susulan mengenai status penghantaran bon kepada pihak pembekal secara lisan melalui telefon. Bagaimanapun, tiada tindakan susulan melalui surat menyurat dibuat. Walaupun berlaku kelewatan, pihak syarikat tetap menyerahkan bon tersebut kepada pihak JPAM. Bagi melindungi kepentingan Kerajaan, Jabatan juga tidak membuat apa-apa pembayaran selagi bon tersebut tidak diterima.

Pihak JPAM telah melaksanakan penambahbaikan dengan:

i. prosedur kerja berkaitan pemantauan kontrak iaitu membuat tindakan susulan melalui surat secara berkala di samping panggilan telefon kepada syarikat bagi sebarang kelewatan penyerahan dokumen;

ii. memperkemaskan penguatkuasaan terhadap prosedur dan menyatakan secara jelas pelaksanaan bon semasa mengeluarkan SST kepada pembekal; dan

iii. mengemas kini semua maklumat kontrak melalui Sistem MyJPAM (dilancarkan pada Disember 2015) bagi memastikan pemantauan yang lebih sistematik dilaksanakan di peringkat Jabatan.

ii. Sebanyak 13 bon pelaksanaan bernilai RM0.12 juta mempunyai **tempoh jaminan kurang daripada 12 bulan** selepas tarikh tamat kontrak. Semakan Audit selanjutnya ke atas SST mendapati tempoh jangka masa bon pelaksanaan tidak dinyatakan di dalam SST dan ini merupakan faktor yang telah menyebabkan pembekal gagal mematuhi syarat yang telah ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.9
TEMPOH SAH LAKU BON PELAKSANAAN TIDAK SERAGAM

PEMBEKAL	PERKARA	BON PELAKSANAAN		
		JUMLAH (RM)	TEMPOH SAH LAKU	TEMPOH KONTRAK
Artabara Technik Sdn. Bhd.	Membekal Trauma Beg	11,515	06.11.2013 - 03.11.2014	04.11.2013 - 03.11.2014

PEMBEKAL	PERKARA	BON PELAKSANAAN		
		JUMLAH (RM)	TEMPOH SAH LAKU	TEMPOH KONTRAK
Simfoni Kreatif Enterprise	Membekal Set Pakaian Kalis Api	9,888	04.11.2013 - 03.11.2014	04.11.2013 - 03.11. 2014
Armada Putih Sdn. Bhd.	Pembekalan T-Shirt Oren Kolar Bulat Lengan Pendek & Berkolar Lengan Panjang	11,156	01.08.2014 - 31.07.2015	10.08.2014 - 31.07.2015
Agasthis Group Sdn. Bhd.	Membekal Dan Menghantar Peralatan *Surf Board Rescue*	7,830	01.10.2014 - 30.09.2015	01.10.2014 - 30.09.2015
SMSR Resources	Membekal Dan Menghantar Jaket Keselamatan	6,626	13.10.2014 - 12.10.2015	13.10.2014 - 12.10.2015
SMSR Resources	Membekal Dan Menghantar *Jet Ski*	7,500	13.10.2014 - 12.10.2015	13.10.2014 - 12.10.2015
Yusfa Technic Supply & Services Enterprise	Membekal Dan Menghantar *Inflatable Boat 12", Boat 32"* Dan *Rigid Boat*	12,375	01.11.2014 - 31.10.2015	01.11.2014 - 31.10.2015
SMSR Resources	Membekal Dan Menghantar *All Terrain Multipurpose Vehicle*	5,250	13.10.2014 - 12.10.2015	13.10.2014 - 12.10.2015
Multi Resq Resources	Pembekalan Peralatan Menyelamat Dan Penambahan Pembekalan Peralatan Menyelamat	9,064	01.10.2014 - 30.09.2015	01.10.2014 - 30.09.2015
Pandan Niaga Sdn. Bhd.	Pembekalan *Portable Pump*	12,450	14.10.2014 - 12.10.2015	01.10.2014 - 30.9.2015
Anis Pharmacy Sdn. Bhd.	Pembekalan Ubat-Ubatan Dan Penambahan Kuantiti 50% Pembekalan Ubat-Ubatan	6,986	12.11.2013 - 11.11.2014	04.11.2013 - 03.11.2014
Pandan Niaga Sdn. Bhd.	Pembekalan Peralatan *'Self Contained Breathing Apparatus'* Dan Kelengkapannya	7,150	04.11.2013 - 03.11.2014	01.11.2013- 31.10.2014
Maha Astana Resources Sdn. Bhd.	Membekal *Cot Stretcher Ambulance*	9,067	29.11.2013 - 31.10.2014	01.11.2013 - 31.10.2014
JUMLAH		**116,857**		

Pada pendapat Audit, pengurusan pentadbiran kontrak adalah kurang memuaskan kerana berlaku kelewatan menandatangani perjanjian dan penyerahan bon pelaksanaan.

Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Dan JPAM Yang Diterima Pada 17 Mac 2016

Didapati terdapat sesetengah bank yang mengguna pakai tarikh kontrak sebagai tempoh jaminan bon pelaksanaan. Untuk makluman, pihak Jabatan tidak akan mengeluarkan Surat Pelepasan (Letter of Discharge) kepada pembekal sehingga satu tahun selepas tarikh tamat kontrak. Selain itu, Jabatan juga telah memperkemaskan prosedur dengan menyatakan secara jelas tempoh jaminan bon pelaksanaan semasa mengeluarkan SST kepada pembekal.

3.5.4. Penerimaan Dan Pengagihan

1PP Pengurusan Aset (AM) 2.2 dan 1PP (AM) 6.2 antaranya menyatakan aset dan barang stor yang diterima perlu dibuat pemeriksaan dengan teliti bagi memastikan ia menepati spesifikasi yang ditetapkan serta diterima dalam keadaan yang baik, sempurna dan selamat untuk digunakan. Semua peralatan yang diterima hendaklah mengikut spesifikasi dan kuantiti yang ditetapkan bagi mengelakkan kerugian kepada pihak Kerajaan. Manakala bekalan peralatan hendaklah dihantar mengikut tempoh yang ditetapkan.

3.5.4.1. Peralatan Tidak Mengikut Spesifikasi

i. IPPA telah membeli sebanyak 1,010 pasang kasut getah dengan nilai RM68,680 pada tahun 2014 melalui sebut harga. Berdasarkan spesifikasi, kasut yang dibekalkan mestilah berwarna oren dan perkataan "HAK KERAJAAN MALAYSIA" bersaiz kecil dicetak di sebelah tepi bahagian atas dalam kasut tersebut. Pemeriksaan Audit mendapati **kasut getah yang dibekalkan berwarna kuning** dan bukannya berwarna oren serta tidak dicetak dengan perkataan "HAK KERAJAAN MALAYSIA". Kasut getah berwarna oren memerlukan tempahan khas selaras dengan warna korporat JPAM manakala kasut getah berwarna kuning merupakan barangan sedia ada di pasaran. JPAM sepatutnya mengambil tindakan menolak pembekalan yang tidak menepati spesifikasi yang telah ditetapkan sepertimana yang dinyatakan di dalam SST. **JPAM sepatutnya menuntut semula perbezaan harga yang telah dibayar dengan harga sebenar kasut getah yang dibekalkan.** Butiran lanjut adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 3.1

GAMBAR 3.2

Ibu Pejabat JPAM
- Kasut Getah Berwarna Kuning Dan Bukan Oren Serta Tiada Label Hak Milik Kerajaan
(19.05.2015)

ii. Semakan juga mendapati sebanyak 64 unit *surf board* bernilai RM371,200 dan 8 unit *jet ski* bernilai RM400,000 turut tidak mengikut spesifikasi dari segi warna yang telah ditetapkan iaitu berwarna oren JPAM. Butiran lanjut adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 3.10
PERALATAN DIBEKALKAN TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI

PERKARA	NO. KONTRAK	SPESIFIKASI SEPERTI DALAM KONTRAK	SPESIFIKASI YANG DIBEKALKAN
Membekal *Surf Board Rescue*	JPAM 38/2014	• Berwarna Oren	• Berwarna Merah • **Gambar 3.3** dan **3.4**
Membekal *Jet Ski*	JPAM 49/2014	• Berwarna Oren • **Gambar 3.5**	• Berwarna Hitam Dan Putih • **Gambar 3.6**

GAMBAR 3.3

GAMBAR 3.4

PDPA Langkawi
- Surf Board Yang Dibekalkan Tidak Mengikut Spesifikasi.
Surf Board Yang Dibekalkan Sepatutnya Berwarna Oren Bukan Berwarna Merah
(27.08.2015)

GAMBAR 3.5



Ibu Pejabat JPAM
- Disediakan Oleh Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi Sebut Harga Pada Ogos 2014 Untuk Kegunaan Perolehan

GAMBAR 3.6

Ibu Pejabat JPAM
- Jet Ski Yang Dibekalkan Tidak Mengikut Spesifikasi.
Jet Ski Yang Dibekalkan Sepatutnya
Berwarna Oren Bukan Berwarna Hitam Dan Putih
(21.05.2015)

Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Dan JPAM Yang Diterima Pada 17 Mac 2016

Pihak pengurusan Jabatan telah bersetuju bahawa pembekalan kasut getah dibuat mengikut warna yang melambangkan Jabatan dan telah dipersetujui oleh pihak pembekal sebagaimana kontrak perjanjian. Bagaimanapun, pihak pembekal tidak dapat membekalkan kasut tersebut mengikut spesifikasi warna yang dikehendaki Jabatan. Berikutan keperluan mendesak Jabatan ketika bencana banjir yang berlaku pada tahun 2014, Jawatankuasa Sebut Harga JPAM bersetuju untuk menerima pembekalan kasut getah yang berwarna kuning mengambil kira faktor keselamatan anggota JPAM yang bertugas di samping memastikan operasi bantuan kecemasan kepada orang ramai tidak tergendala. Kasut getah yang telah diterima juga telah dicop dengan perkataan 'HAK KERAJAAN MALAYSIA' .

Pada pendapat Audit, peralatan yang tidak mengikut spesifikasi boleh menjejaskan hasrat jabatan untuk meningkatkan imej korporat.

3.5.4.2. Kuantiti Agihan Peralatan Tidak Bersamaan Dengan Rekod

a. Kuantiti agihan peralatan yang diterima di setiap PNPA hendaklah sama dengan jumlah yang dibekalkan oleh Stor IPPA. Semakan Audit mendapati kuantiti item yang dibekalkan tidak bersamaan dengan kuantiti item yang direkod dan diterima oleh pihak PNPA dengan perbezaan 10 item bernilai RM1.02 juta. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.11
PERBEZAAN BAKI ITEM YANG DIBEKALKAN DARI IPPA KEPADA PNPA

ITEM	REKOD IPPA	PEMERIKSAAN FIZIKAL DI PDPA	PERBEZAAN BAKI	
			Kuantiti	RM
PNPA Johor				
Pakaian Kalis Api	5	2	3	16,950
Portable Pump	1	0	1	41,500
Combat Boot All Leather	2,875	488	2,387	350,626
PNPA Kedah				
Ubat-ubatan	6	0	6	15,967
Combat Boot All Leather	2,685	2,569	116	17,039
Kenderaan Pacuan 4 Roda	1	0	1	100,000
PNPA Sarawak				
Jaket Keselamatan	203	0	203	45,675
Portable Pump	1	0	1	41,500
Jet Ski	1	0	1	50,000
ATV	1	0	1	35,000
Boat 12'	1	0	1	30,000
Rigit Boat	1	0	1	80,000
Kenderaan Pacuan 4 Roda	2	0	2	200,000
JUMLAH				**1,024,257**

b. Pihak Audit turut membuat semakan kuantiti agihan peralatan yang dilaksanakan oleh pihak PNPA kepada PDPA dan berdasarkan pemeriksaan fizikal mendapati bakinya adalah tidak bersamaan dengan rekod PNPA sebanyak 12 item bernilai RM28,902. Manakala rekod agihan di PNPA Johor ke PDPA tidak dapat disahkan kerana rekod kuantiti agihan peralatan tidak dikemukakan untuk pengauditan. Perbezaan kuantiti peralatan antaranya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.12
PERBEZAAN BAKI PERALATAN YANG DIBEKALKAN DARI PNPA KEPADA PDPA

PDPA	PERALATAN		REKOD PNPA	PEMERIKSAAN FIZIKAL DI PDPA	PERBEZAAN BAKI	
					Kuantiti	(RM)
PNPA Johor						
Pontian	*Helmet* Penyelamat		2	0	2	1,920
Johor Bahru	*Helmet* A&D - Petzl		1	0	1	450
	Trauma Bag		5	3	2	3,760
Batu Pahat	*Elbow Pad*		1	0	1	140
	Knee Pad		1	0	1	140
	Helmet A&D - Petzl		1	0	1	450
	Half Harnest - Petzl		1	0	1	690
Kluang	*Half Harnest* - Petzl		1	0	1	690
Mersing	*Elbow Pad*		1	0	1	140
	Knee Pad		1	0	1	140
	Helmet A&D - Petzl		1	0	1	450
	Half Harnest - Petzl		1	0	1	690
	Topi Keselamatan		6	5	1	970
	Trauma Bag		3	2	1	1,880
PNPA Kedah						
Langkawi	Baju Hujan		7	6	1	360
	Peralatan Menangkap Ular	Cangkuk	1	0	1	480
PNPA Sarawak						
Samarahan	Pakaian Kalis Api		2	0	2	11,300
	Baju Lebah		2	0	2	1,398
Bau	Peralatan Menangkap Ular	Sangkar	1	0	1	500
		Penjerut	1	0	1	890
		Penyepit	1	0	1	920
Miri	Kasut Keselamatan Getah		10	2	8	544
JUMLAH						**28,902**

c. JPAM telah membuat perolehan membekal dan menghantar set pingat dan anak pingat. Pingat merupakan penghargaan terhadap pengorbanan yang telah dilakukan oleh anggota Pertahanan Awam dalam melaksanakan tugas. Kesemua pingat tersebut disimpan di stor Bahagian Pengurusan Angkatan dan hanya bahagian tersebut yang mempunyai kuasa untuk mengeluarkan pingat kepada pegawai yang sepatutnya menerima. Pemeriksaan Audit mendapati pingat tersebut disimpan di dalam kabinet besi yang berkunci. Bagaimanapun, didapati keadaan stor Bahagian Pengurusan Angkatan IPPA tidak disenggara dengan baik. Pingat tidak disusun dengan kemas dan kad petak tidak disediakan seperti gambar berikut:

GAMBAR 3.7

Bahagian Pengurusan Angkatan IPPA
- Pingat Yang Disediakan Untuk Dianugerahkan Kepada Anggota JPAM
(12.06.2015)

GAMBAR 3.8

Stor Bahagian Pengurusan Angkatan IPPA
- Pingat Disimpan Di Dalam Kabinet Besi
(12.06.2015)

GAMBAR 3.9

GAMBAR 3.10

Stor Bahagian Pengurusan Angkatan IPPA
- Stor Tidak Diurus Dengan Baik Dan Berselerak
(12.06.2015)

d. Semakan selanjutnya mendapati baki fizikal pingat berbeza dengan baki mengikut rekod di Bahagian Pengurusan Angkatan IPPA. Penyelenggaraan rekod yang tidak lengkap dan kemas kini boleh melemahkan kawalan dan mendatangkan risiko kepada kehilangan pingat tersebut. Maklumat lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.13
PERBEZAAN BAKI ANTARA REKOD DAN BAKI PEMERIKSAAN FIZIKAL PINGAT DI BAHAGIAN PENGURUSAN ANGKATAN IPPA

PERKARA	BAKI (Unit)		
	REKOD	FIZIKAL	PERBEZAAN LEBIHAN/(KURANGAN)
Bintang Panglima Gagah Pertahanan Awam (B.P.G) (Kelas I)	3	4	1
Bintang Panglima Setia Pertahanan Awam (B.P.S) (Kelas II)	4	10	6
Bintang Panglima Pertahanan Awam (B.G.A) (Kelas III)	4	11	7
Bintang Gagah Berani Pertahanan Awam (B.G.P)	96	95	(1)
Pingat Cemerlang Pertahanan Awam (P.C.P)	232	206	(26)
Pingat Bakti Pertahanan Awam (P.B.P)	282	240	(42)
Pingat Setia Kelas I Pertahanan Awam (P.S.P.1)	25	39	14
Pingat Setia Kelas II Pertahanan Awam (P.S.P.2)	35	43	8
Pingat Setia Kelas III Pertahanan Awam (P.S.P.3)	85	32	(53)
Pingat Setia Pertahanan Awam (P.S.P)	269	267	(2)
Pingat Am Pertahanan Awam (P.A.P) Biru	41	140	99
Pingat Perkhidmatan Pertahanan Awam (P.P.P)	408	345	(63)

Pada pendapat Audit, urusan penerimaan dan pengeluaran stok pingat adalah kurang memuaskan.

Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Dan JPAM Yang Diterima Pada 17 Mac 2016

Rekod pengagihan telah dilaksanakan melalui Sistem Pengurusan Stor (SPS). Bagaimanapun, pihak PNPA tidak mengemas kini rekod penerimaan di dalam sistem.

Bahagian Pengurusan Angkatan mengambil makluman teguran pihak Audit berkaitan pengurusan stor pingat. Tindakan telah diambil yang mana stor Bahagian Pengurusan Angkatan telah dikemas kini melibatkan:

i. Stok bagi Bintang dan Pingat Pertahanan Awam adalah bersamaan dengan penerimaan dan pengeluaran semasa;

ii. Penyelenggaran dan susun atur stor Bahagian Pengurusan Angkatan telah diselenggara dengan baik; dan

iii. Kad Petak telah dikemas kini setelah mengambil kira penerimaan dan pengeluaran semasa.

3.5.5. Penggunaan

1PP (AM) 2.4 antaranya menyatakan semua aset Kerajaan hendaklah digunakan dan dikendalikan dengan cekap, mahir dan teratur bagi tujuan mengurangkan pembaziran, menjimatkan kos, mencapai jangka hayat, mencegah penyalahgunaan dan mengelakkan kehilangan. Semakan Audit terhadap penggunaan aset yang dibeli adalah seperti yang berikut:

3.5.5.1. Aset Dibeli Tidak Digunakan

Pemeriksaan Audit di PNPA Terengganu, Johor, Kedah dan Sarawak mendapati peralatan seperti *breathing apparatus*, *cot stretcher*, *generator set*, *commander signal baton*, *portable pump*, *inflatable boat*, *jet ski* dan ATV telah diterima tetapi masih belum dipasang/diujilari dan digunakan. Peralatan tersebut telah diterima oleh IPPA antara bulan Julai 2013 hingga Mei 2015 dan telah diagihkan kepada PNPA dan PDPA yang terlibat. Jangka masa kebanyakan peralatan berada dalam simpanan PNPA dan PDPA adalah melebihi 250 hari. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan tarikh sebenar peralatan tersebut diterima oleh pihak PNPA dan PDPA kerana masalah dokumen yang tidak lengkap. Contoh peralatan yang berkaitan adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 3.11

PNPA Terengganu
- Inflatable Boat 12' Berharga RM30,000 Seunit
Yang Diterima Masih Belum Digunakan
(02.08.2015)

GAMBAR 3.12

- PNPA Sarawak
- Commander Signal Baton Berharga RM298 Seunit
Yang Diterima Masih Belum Digunakan
(07.09.2015)

GAMBAR 3.13

PDPA Bau, Sarawak
- Topi Keselamatan Berharga RM970 Seunit
Yang Diterima Masih Belum Digunakan
(08.09.2015)

GAMBAR 3.14

- PNPA Johor
- Generator Set 5 KVA Berharga RM3,650 Seunit
Yang Diterima Masih Belum Digunakan
(16.08.2015)

GAMBAR 3.15

PDPA Kluang, Johor
- Kasut Getah Berharga RM68 Seunit
Yang Diterima Masih Belum Digunakan
(17.08.2015)

GAMBAR 3.16

PNPA Johor
- Baju Hujan Berharga RM360 Seunit
Yang Diterima Masih Belum Digunakan
(18.08.2015)

GAMBAR 3.17

PDPA Johor Bahru, Johor
- Pakaian Kalis Api Berharga RM5,650 Seunit
Yang Diterima Masih Belum Digunakan
(18.08.2015)

GAMBAR 3.18

PNPA Kedah
- Surf Board Berharga RM5,800 Seunit
Yang Diterima Masih Belum Digunakan
(23.08.2015)

GAMBAR 3.19

PDPA Kota Setar, Kedah
- Breathing Apparatus Berharga RM6,500 Seunit
Yang Diterima Masih Belum Digunakan
(24.08.2015)

GAMBAR 3.20

PDPA Pendang, Kedah
- Cot Stretcher Berharga RM10,990 Seunit
Yang Diterima Masih Belum Digunakan
(24.08.2015)

Pada pendapat Audit, peralatan yang tidak dipasang/diujilari dan digunakan boleh menyebabkan pembaziran kerana JPAM tidak dapat memanfaatkan tempoh jaminan yang diberi oleh pembekal sekiranya peralatan yang rosak atau gagal berfungsi hanya dapat dikesan selepas tempoh jaminan luput.

Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Dan JPAM Yang Diterima Pada 17 Mac 2016

Pihak PNPA dan PDPA tidak menggunakan sepenuhnya peralatan baru yang diagihkan kerana peralatan lama masih boleh digunakan. Arahan Jabatan telah dikeluarkan supaya setiap peralatan perlu dipasang dan diuji serta digunakan. Surat Arahan dari Bahagian Khidmat Pengurusan dan salinan Standard Operation Procedure untuk menggunakan sepenuhnya peralatan dalam operasi harian serta pengujian berkala telah dikeluarkan pada 8 Januari 2016.

3.5.6. Penyimpanan

3.5.6.1. Berdasarkan 1PP (AM) 2.4 dan 1PP (AM) 6.4 antaranya menyatakan aset/barang-barang stor hendaklah disimpan di tempat yang selamat dan sesuai serta sentiasa di bawah kawalan pegawai bertanggungjawab dan aset/barang-barang stor yang sangat menarik atau bernilai tinggi perlu disimpan di tempat yang berasingan/mempunyai kawalan keselamatan yang lebih ketat. Aset/barang-barang stor juga hendaklah ditempatkan serta disusun dengan teratur dan sistematik bagi memudahkan pemeriksaan, pengesanan dan perekodan.

3.5.6.2. Pemeriksaan ke atas stor di PDPA mendapati kebanyakan stor di PDPA adalah kecil, sempit dan tidak dapat menampung penyimpanan bekalan stok dan aset. Selain itu, di PDPA Kulim mendapati keadaan pejabat tersebut terlalu uzur dan berisiko untuk dihuni. Adalah didapati struktur bangunan telah reput, berlaku kebocoran terutamanya di kawasan stor penyimpanan peralatan dan telah berlaku runtuhan siling. Butiran lanjut adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 3.21

PDPA Kluang, Johor
- Keadaan Stor Yang Sempit Menyebabkan Peralatan Disimpan Di Dalam Ruangan Pejabat
(17.08.2015)

GAMBAR 3.22

PDPA Pontian, Johor
- Peralatan Disusun Sehingga Mencecah Siling Kerana Masalah Stor Yang Sempit
(18.08.2015)

GAMBAR 3.23

PDPA Besut, Terengganu
- Keadaan Stor Yang Sempit
(05.08.2015)

GAMBAR 3.24

PDPA Besut, Terengganu
- Keadaan Stor Yang Sempit
(05.08.2015)

GAMBAR 3.25

GAMBAR 3.26



PDPA Kulim, Kedah
- Keadaan Siling Stor Bocor
(25.08.2015)

GAMBAR 3.27

GAMBAR 3.28

PDPA Kulim, Kedah
- Keadaan Siling Pejabat Runtuh
(25.08.2015)

Pada pendapat Audit, stor yang kecil dan sempit menyebabkan peralatan tidak dapat disimpan dengan baik dan selamat. Di samping itu, keadaan pejabat yang uzur akan memberi kesan terhadap motivasi kakitangan dalam melaksanakan tugasan serta menjejaskan imej Jabatan.

Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Dan JPAM Yang Diterima Pada 17 Mac 2016

Kekangan ruangan pejabat merupakan masalah yang tidak dapat dielakkan. Di samping itu, PNPA telah mengambil tindakan membaik pulih bangunan bersebelahan pejabat Kulim untuk keselamatan kakitangan dan anggota. PDPA Kulim telah pun beroperasi di bangunan baru mulai bulan Disember 2015.

3.5.7. Pemantauan

3.5.7.1. JPAM hendaklah memastikan pengurusan perolehan bekalan dan perkhidmatan dipantau secara berterusan supaya perolehan yang dilaksanakan dapat membantu meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan. Pemantauan juga bertujuan memastikan urusan pentadbiran kontrak dilaksanakan dan syarat dalam kontrak dipatuhi serta dikuatkuasakan untuk menjaga kepentingan Kerajaan.

3.5.7.2. Semakan Audit mendapati di peringkat IPPA dan PNPA beberapa mesyuarat telah diadakan untuk memantau aktiviti yang berkaitan dengan perolehan Jabatan antaranya seperti Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA), Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan JPAM, Mesyuarat Pengurusan JPAM, Mesyuarat Pegawai Operasi JPAM, Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU) dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK).

3.5.7.3. Semakan Audit terhadap maklum balas minit mesyuarat mendapati setiap isu yang dibincangkan telah diambil maklum/tindakan. Isu berbangkit yang memerlukan perhatian dan tindakan IPPA akan dipanjangkan oleh pihak PNPA melalui Pengarah Negeri semasa menghadiri mesyuarat di peringkat IPPA.

3.5.7.4. Walaupun pemantauan secara berterusan diadakan melalui pelbagai mesyuarat di semua peringkat, pihak Audit mendapati masih wujud kelemahan yang perlu diberikan perhatian. Kelemahan yang masih berlaku antaranya kegagalan dalam pematuhan syarat kontrak dan pengurusan rekod berkaitan aset/stor juga kurang memuaskan.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pengurusan perolehan adalah memuaskan kerana masih wujud kelemahan dalam perolehan.

Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Dan JPAM Yang Diterima Pada 17 Mac 2016

Lawatan dan pemverifikasi stok dan stor di semua PNPA telah dijalankan pada setiap hujung tahun mulai bulan Oktober hingga Disember. Pemeriksaan bersilang oleh pegawai di IPPA dan PNPA telah dilaksanakan di semua stor ibu pejabat dan pejabat-pejabat negeri.

JPAM telah melaksanakan penambahbaikan dengan:

i. kursus berkaitan pelaksanaan naziran pemeriksaan aset, pentadbiran kontrak, tatacara pengurusan stor akan terus diperkukuhkan bagi mengelakkan pemantauan yang tidak berkualiti di masa hadapan;

ii. didapati kekangan ruang di premis Jabatan menyebabkan tiada stor transit bagi penyimpanan peralatan yang sering digunakan. Kebanyakan peralatan disimpan semula ke dalam stor simpanan dan menyebabkan kuiri terhadap pengoperasian peralatan Jabatan. Pewujudan stor transit ini telah dirancang dan akan dilaksanakan secepat mungkin; dan

iii. jabatan juga telah mengenal pasti beberapa PNPA yang bermasalah dari segi pengurusan stor dan mendapati anggota yang ditugaskan bagi menjaga urusan stor sering bersilih ganti kerana anggota tersebut merupakan sukarelawan JPAM. Suatu perancangan khusus bagi menempatkan pegawai yang lebih accountable telah dirancang di peringkat IPPA bagi mengatasi masalah ini.

Pihak pengurusan memandang berat teguran Audit ini dan telah mengarahkan pemantauan yang lebih teliti dibuat.

3.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan perolehan bekalan dan perkhidmatan di JPAM dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan cekap serta Kerajaan mendapat *best value for money* terhadap perbelanjaan yang telah dilakukan, adalah disyorkan pihak KDN dan JPAM mempertimbangkan perkara yang berikut:

3.6.1. JPAM dan semua PTJ di bawah kawalannya perlu memastikan setiap perolehan dan penerimaan dibuat mengikut prosedur kewangan dan kawalan dalaman yang ditetapkan. Tindakan tatatertib hendaklah diambil terhadap pegawai yang terbukti telah memecah kecilkan perolehan;

3.6.2. KDN dan JPAM perlu mengambil perhatian yang serius berhubung pengurusan dan pentadbiran kontrak bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan melicinkan urusan yang berhubung kait dengan pelaksanaan sesuatu perolehan; dan

3.6.3. JPAM perlu memastikan semua rekod harta modal dan inventori diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini serta pengurusan stor dilaksanakan dengan teratur supaya aset dan inventori dapat dikawal dengan baik.

KEMENTERIAN KEWANGAN

4. LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
- PENGURUSAN TINDAKAN GUAMAN SIVIL TERHADAP SYARIKAT

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Tindakan Guaman Sivil terhadap syarikat adalah tindakan undang-undang yang difailkan di mahkamah sivil terhadap syarikat bagi tujuan mendapatkan penghakiman/perintah supaya syarikat menjelaskan tunggakan cukai. Tindakan guaman sivil dilaksanakan apabila tindakan pemungutan biasa yang dibuat oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) gagal untuk memungut cukai terhutang.

4.1.2. Sebelum Julai 2013, terdapat 4 Cawangan LHDNM yang mengendalikan fail guaman sivil syarikat iaitu Cawangan Pungutan Kuala Lumpur, Cawangan Pungutan Miri, Cawangan Pungutan Kota Kinabalu dan Cawangan Pungutan Kuching. Pada 1 Julai 2013, pemencaran fail syarikat telah dibuat ke Jabatan Cukai Korporat (JCK) [yang kemudian telah diubah nama pada 2 Januari 2015 kepada Cawangan Pembayar Cukai Besar (PCB)]. Mulai 1 Januari 2014, tanggungjawab pengendalian fail guaman sivil syarikat telah diperluas ke semua Cawangan LHDNM.

4.1.3. Tindakan guaman sivil terbahagi kepada 2 peringkat iaitu Tindakan Sebelum Penghakiman (TSP1) dan Tindakan Selepas Penghakiman (TSP2). TSP1 bermula daripada penerimaan kes yang dicadangkan oleh Unit Pemungutan sehingga pengeluaran Surat Tuntutan. TSP2 pula bermula apabila syarikat masih gagal menjelaskan cukai selepas pengeluaran Surat Tuntutan. Sekiranya syarikat masih gagal menjelaskan cukai, tindakan penggulungan akan dilaksanakan. Ringkasan proses tindakan guaman sivil terhadap syarikat adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.1
PROSES TINDAKAN GUAMAN SIVIL TERHADAP SYARIKAT



4.1.4. Tunggakan cukai pendapatan syarikat (jumlah bersih Akaun Belum Terima) bagi tahun berakhir 2013 adalah berjumlah RM4.766 bilion (56.55%) daripada keseluruhan tunggakan cukai berjumlah RM8.429 bilion manakala jumlah tunggakan cukai pendapatan syarikat pada akhir tahun 2014 berjumlah RM4.365 bilion (53.08%) daripada RM8.224 bilion. Perincian tunggakan cukai syarikat bagi tahun 2013 dan 2014 mengikut usia tunggakan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.1
TUNGGAKAN CUKAI PENDAPATAN SYARIKAT
BAGI TAHUN BERAKHIR 2013 DAN 2014

BIL.	USIA TUNGGAKAN	TAHUN 2013 (RM Bilion)	TAHUN 2014 (RM Bilion)
1.	Kurang daripada 12 bulan	1.169	0.386
2.	12 bulan hingga 36 bulan	2.158	1.735
3.	Lebih 36 bulan hingga 72 bulan	0.461	1.062
4.	Lebih 72 bulan	0.978	1.182
JUMLAH		**4.766**	**4.365**

Sumber : Jabatan Pungutan Hasil LHDNM

4.1.5. LHDNM telah mengeluarkan 1,265 saman terhadap syarikat bernilai RM269.29 juta pada tahun 2013 dan 3,392 saman berjumlah RM396.31 juta pada tahun 2014 sebagai salah satu usaha mengutip tunggakan cukai pendapatan syarikat bagi meningkatkan hasil negara. Perincian saman yang dikeluarkan mengikut cawangan dan jabatan di LHDNM pada tahun 2013 dan 2014 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.2
DATA LAPORAN SAMAN (SYARIKAT) YANG DIDAFTARKAN SEBELUM PENGHAKIMAN BAGI TAHUN 2013 DAN 2014

BIL.	CAWANGAN/ JABATAN	2013		2014	
		BIL. SAMAN	JUMLAH TUNTUTAN (RM)	BIL. SAMAN	JUMLAH TUNTUTAN (RM Juta)
1.	Alor Setar	-	-	54	5.62
2.	Bukit Mertajam	-	-	37	8.86
3.	Cheras	-	-	199	6.97
4.	Ipoh	-	-	106	18.88
5.	Johor Bahru	-	-	13	2.32
6.	KL Bandar	-	-	28	4.29
7.	Klang	-	-	103	4.32
8.	Kluang	-	-	133	14.69
9.	Kota Bharu	-	-	254	16.58
10.	Kota Kinabalu	123	28.45	277	51.46
11.	Kuala Terengganu	-	-	189	24.87
12.	Kuantan	-	-	9	1.25
13.	Kuching	99	29.87	73	27.92
14.	Melaka	-	-	1	0.03
15.	Muar	-	-	121	3.93
16.	Petaling Jaya	-	-	85	7.84
17.	Pulau Pinang	-	-	15	10.30
18.	Seremban	-	-	34	1.54
19.	Shah Alam	-	-	221	7.54
20.	Sungai Petani	-	-	14	1.60
21.	Taiping	-	-	6	0.14
22.	Teluk Intan	-	-	6	0.07
23.	Temerloh	-	-	2	0.33
24.	Wangsa Maju	-	-	95	15.08
25	W. Persekutuan K.L	731	84.26	-	-
26.	Bintulu	-	-	6	0.39
27.	Labuan	-	-	10	0.51
28.	Miri	-	-	3	0.22
29.	Sandakan	-	-	29	3.83
30.	Tawau	-	-	57	12.69
31.	Jalan Duta	-	-	254	9.73
32.	Cukai Korporat/CPCB	312	126.71	958	132.51
JUMLAH		**1,265**	**269.29**	**3,392**	**396.31**

Sumber : Jabatan Pungutan Hasil LHDNM

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan aktiviti guaman sivil terhadap syarikat dilaksanakan dengan cekap, teratur dan mengikut peraturan yang ditetapkan.

4.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan hanya melibatkan pengurusan guaman sivil terhadap syarikat dan dijalankan di tiga buah cawangan iaitu Jabatan Cukai Korporat (JCK)/ Cawangan Pembayar Cukai Besar (CPCB), Cawangan Wangsa Maju dan Cawangan Cheras. Sejumlah 312 saman syarikat yang didaftarkan pada tahun 2013 dan 2014 telah dipilih sebagai sampel untuk diaudit.

4.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Semakan Audit dibuat terhadap data dan dokumen cukai yang terdiri daripada fail fizikal dan Sistem Taksir Sendiri Syarikat (STSC). Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai LHDNM yang berkaitan telah diadakan bagi mendapatkan penjelasan lanjut. *Exit Conference* telah diadakan pada 7 Mac 2016 bersama dengan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM serta dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan LHDNM, wakil-wakil daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Jabatan Peguam Negara, Unit Audit Dalam MOF dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

4.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan di Cawangan Cheras, Cawangan Wangsa Maju dan Cawangan Pembayar Cukai Besar di Jalan Tuanku Abdul Halim, Kuala Lumpur antara bulan Mei hingga Julai 2015 terhadap 312 saman syarikat mendapati LHDNM telah mengambil tindakan positif dengan melaksanakan pemencaran fail guaman sivil syarikat kepada semua cawangan mulai Januari 2014 bagi membolehkan tindakan segera diambil terhadap kes-kes berkenaan. Bagaimanapun, semakan yang dijalankan di 3 Cawangan LHDNM mendapati pengurusan guaman sivil masih kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan yang ditemui daripada pelaksanaan pengurusan guaman sivil seperti yang berikut:

a. pengukuran prestasi Unit Undang-undang Syarikat yang dimulakan pada tahun 2014 tidak dapat dibuat dengan tepat kerana statistik pencapaian prestasi yang dikeluarkan oleh ketiga-tiga cawangan adalah berbeza dengan statistik yang dikemukakan oleh Jabatan Pungutan Hasil (JPH).

b. ketidakpatuhan terhadap Prosedur Kerja melibatkan:

   i. kelewatan mendaftar 140 saman daripada 312 saman (44.9%) di mahkamah antara 10 hingga 880 hari melibatkan tunggakan berjumlah RM113.94 juta;

ii. kelewatan penyerahan 108 saman daripada 312 saman (34.6%) kepada syarikat antara 2 hingga 128 hari melibatkan tunggakan berjumlah RM95.50 juta;

iii. tindakan tidak diambil selepas penghakiman diperolehi melibatkan 29 kes dengan jumlah tuntutan RM12.44 juta;

iv. 17 Notis Tuntutan daripada 312 notis (5.4%) lewat diserah antara 5 hingga 1361 hari melibatkan tuntutan berjumlah RM79.10 juta serta 32 Notis Tuntutan (10.3%) masih belum diserah kepada syarikat sehingga tarikh akhir pengauditan pada 1 Julai 2015 dengan tempoh antara 100 hingga 885 hari melibatkan tuntutan cukai berjumlah RM5.56 juta;

v. tindakan penggulungan tidak dimulakan terhadap 3 syarikat yang gagal menjelaskan baki tuntutan tunggakan cukai berjumlah RM326,051; dan

c. tiada tindakan diambil terhadap kegagalan 7 syarikat mematuhi Jadual Ansuran melibatkan baki ansuran berjumlah RM634,810 serta pengemukaan cek tak laku bagi bayaran ansuran melibatkan amaun berjumlah RM941,763.

Penjelasan lanjut mengenai penemuan Audit dan maklum balas daripada LHDNM adalah seperti perenggan berikut:

4.5.1. Pencapaian Prestasi Di Unit Undang-Undang Sivil Syarikat

Sebelum tahun 2014, Unit Undang-undang di setiap cawangan LHDNM hanya menguruskan fail individu. Bermula pada Januari 2014, pemencaran fail syarikat dilakukan di setiap cawangan LHDNM (pemencaran fail syarikat di JCK/CPCB bermula Julai 2013). Justeru itu, pegawai-pegawai LHDNM telah diagihkan ke setiap cawangan selari dengan penambahan tugas di cawangan LHDNM. Berikut adalah bilangan pegawai yang menguruskan aktiviti guaman sivil syarikat di ketiga-tiga cawangan LHDNM sehingga tarikh pengauditan:

JADUAL 4.3
BILANGAN PEGAWAI DI UNIT UNDANG-UNDANG SIVIL (SYARIKAT) CAWANGAN CHERAS, CAWANGAN WANGSA MAJU DAN CAWANGAN PEMBAYAR CUKAI BESAR (CPCB) SETAKAT JULAI 2015

CAW. CHERAS		CAW. WANGSA MAJU		CPCB	
JAWATAN/GRED	BIL. PEGAWAI	JAWATAN/GRED	BIL. PEGAWAI	JAWATAN/GRED	BIL. PEGAWAI
Ketua Penolong Pengarah/ G52	1	Ketua Penolong Pengarah/ G52	1	Ketua Penolong Pengarah/ G48	1
Penolong Pengarah/ G44	1	Pegawai Eksekutif/ G44	1	Pegawai Eksekutif/ G44	2
Pegawai Eksekutif/ G41	1	Pegawai Eksekutif/ G41	1	Pegawai Eksekutif/ G41	3
Pen. Pegawai Eksekutif/ G31	-	Pen. Pegawai Eksekutif/ G31	1	Pen. Pegawai Eksekutif/ G31	5
Pembantu Tadbir/ G22	-	Pembantu Tadbir/ G22	1	Pembantu Tadbir/ G22	4
Pembantu Tadbir/ G21	6	Pembantu Tadbir/ G21	2	Pembantu Tadbir/ G21	8
Pembantu Am/ G2	1	Pembantu Am/ G2	1	Pembantu Am/ G2	3
Pembantu Am/ G1	3	Pembantu Am/ G1	2	Pembantu Am/ G1	3
JUMLAH	13	JUMLAH	10	JUMLAH	29

Sumber : Unit Undang-Undang Cawangan Cheras, Cawangan Wangsa Maju Dan CPCB

Memo LHDNM (LHDNM.01/12.4/353/53-3) bertarikh 22 Julai 2014 menetapkan sasaran untuk tindakan pemfailan saman ke mahkamah bagi tahun 2014 adalah 100% daripada bilangan Penyata Kedudukan Tunggakan Cukai (Borang X/C 18) yang diterima oleh Unit Undang-Undang daripada Unit Pungutan Cawangan. Semakan Audit mendapati perkara yang berikut:

a. Jumlah penerimaan Borang X/C 18 di Cawangan Cheras dan Wangsa Maju merangkumi fail pendapatan syarikat, pendapatan selain syarikat dan Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT). Oleh itu, pengukuran prestasi khusus bagi pengurusan guaman sivil syarikat di kedua-dua cawangan tersebut sukar untuk dilakukan kerana pengasingan Borang X/C 18 tidak dibuat mengikut jenis fail. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati sasaran yang ditetapkan di Cawangan Cheras tidak tercapai memandangkan jumlah saman yang didaftarkan adalah kurang daripada jumlah borang yang direkodkan walaupun cawangan telah melaksanakan satu *task force* pada akhir tahun 2014 dengan menggunakan tenaga kerja unit lain di cawangan bagi membantu Unit Undang-Undang. *Task force* ini terpaksa dilakukan kerana penerimaan fail syarikat adalah melebihi kapasiti pegawai di Unit Undang-Undang (syarikat). Sasaran di Cawangan Wangsa Maju pula telah mencapai sasaran kerana saman yang didaftarkan melebihi daripada jumlah penerimaan Borang X/C 18. Perinciannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.4
PENCAPAIAN PRESTASI CAWANGAN CHERAS DAN CAWANGAN WANGSA MAJU TAHUN 2014

CAWANGAN	PENERIMAAN BORANG X/C 18 (PENDAPATAN SELAIN SYARIKAT, CKHT & SYARIKAT) (A)	TINDAKAN PEMFAILAN SAMAN (B)		PERBEZAAN (A-B)	PERATUS PENCAPAIAN (%)
		PENDAPATAN SELAIN SYARIKAT & CKHT	SYARIKAT		
Cheras	3,432	2,895	226	311	90.94
Wangsa Maju	1,648	1,519	197	68	104.13

Sumber : Unit Undang-Undang Cawangan Cheras Dan Cawangan Wangsa Maju

Maklum Balas LHDNM pada 28 Mac 2016

Mulai tahun 2015, Ibu Pejabat LHDNM telah menetapkan sasaran ke atas pengemukaan X/C18 yang diasingkan mengikut jenis fail C, OG dan SG bagi setiap cawangan. Rujukan memo LHDNM 'Penetapan Sasaran Tindakan Guaman Sivil (X/C 18) Tahun 2015' bertarikh 18.02.2015.

Senario pemfailan saman melebihi X/C18 yang diterima boleh berlaku sekiranya cawangan mempunyai baki X/C18 dari tahun lepas dan saman difailkan dalam tahun diaudit.

Pada asasnya Cawangan Cheras cuba untuk mematuhi sasaran yang telah ditetapkan. Semasa pemencaran fail dilakukan pada 01/01/2014 sebanyak 24,352 fail akan dipencarkan ke cawangan Cheras dengan kekuatan pegawai sebanyak

25 pegawai yang akan diterima. Pegawai-pegawai tersebut pula adalah dikhususkan untuk ditempatkan di Unit Pungutan Syarikat dan Unit Bayaran Balik Syarikat. Tiada sebarang pertambahan pegawai untuk Unit Undang-Undang. Namun demikian, hanya 9 pegawai sahaja yang dihantar ke Cawangan Cheras pada tarikh 01/01/2014.

Disebabkan fail-fail yang dipencarkan ke cawangan Cheras, juga merangkumi kes-kes untuk tindakan guaman sivil, 2 orang pegawai dari Unit Pungutan Syarikat di pinjamkan untuk membantu menggerakkan kes-kes guaman sivil di Unit Undang-undang. Hasilnya, sebanyak 271 X/C 18 berjaya didaftarkan dan sebanyak 226 saman berjaya difailkan untuk kes-kes syarikat.

Task force dan gunasama pekerja-pekerja telah dilakukan untuk membantu mencapai sasaran yang diperlukan. Namun, sasaran masih tidak dapat dicapai tanpa pertambahan pegawai. Walau bagaimanapun, pendaftaran X/C18 di cawangan Cheras menunjukkan peningkatan yang amat signifikan dari tahun ke tahun bermula dari tahun 2010 seperti yang berikut:

Tahun	*Sasaran X/C18*	*Penfailan Saman*
2010	*65*	*140*
2011	*140*	*175*
2012	*554*	*516*
2013	*2,117*	*1,062*
2014	*3,424*	*3,121*

LHDNM telah mewujudkan sebanyak 500 perjawatan Pegawai Eksekutif Gred 41 pelbagai bidang. Dari jumlah tersebut, sebanyak 36 perjawatan PE (Perundangan) Gred 41 telah diwujudkan untuk agihan ke semua Jabatan/PPN/Cawangan. JPI telah membuat pelantikan 3 Pegawai Eksekutif (Perundangan) Gred 41 di Cawangan Cheras berkuatkuasa 1 April 2016 bagi mengisi kekosongan perjawatan.

b. Semakan Audit mendapati CPCB tidak mencapai sasaran yang ditetapkan kerana hanya mendaftar saman sebanyak 1,360 berbanding 2,696 iaitu 50.45% daripada jumlah penerimaan Borang X/C 18 di CPCB pada tahun 2014 seperti jadual berikut:

JADUAL 4.5
PENCAPAIAN PRESTASI CPCB TAHUN 2014

CAWANGAN	PENERIMAAN BORANG X/C 18 (SYARIKAT) (A)	TINDAKAN PEMFAILAN SAMAN (B)	PERBEZAAN (A-B)	PERATUS PENCAPAIAN (%)
CPCB	2,696	1,360	1336	50.45

Sumber : Unit Undang-Undang CPCB

Maklum Balas LHDNM pada 28 Mac 2016

Pihak cawangan telah berusaha untuk mencapai sasaran pencapaian saman yang ditetapkan. Namun dengan keadaan tenaga kerja yang tidak mencukupi, sasaran

tersebut tidak dapat dicapai. Merujuk kepada norma kerja semasa kemampuan pegawai adalah seperti yang berikut:

Kemampuan Penyediaan Kes/Sehari	*Bilangan Penyedia*	*Produktiviti Sehari*	*Produktiviti Setahun (220 hari)*
2 kes	*3*	*6 kes*	*1,320 kes*

Pada masa yang sama, pihak cawangan menumpukan kepada kutipan RM. Kes-kes tidak akan diteruskan saman sekiranya pembayar cukai telah hadir untuk membuat perundingan penyelesaian. Tambahan, pihak cawangan juga telah mula untuk memberi tumpuan tindakan saman bagi kes-kes di bawah seksyen 75A yang dilihat lebih berkesan untuk meningkatkan kutipan hasil. Tindakan mengambil masa yang lebih panjang untuk diselesaikan kerana semakan yang lebih terperinci melibatkan semakan peratus pegangan saham setiap pengarah syarikat yang layak.

Penumpuan penyedia saman bukan sahaja kepada pendaftaran saman. Penyedia-penyedia saman tersebut juga perlu mengfokuskan kepada tindakan selepas pendaftaran dan di antaranya ialah tugas untuk agihan kes bagi serahan saman, mengemaskini kes semasa sebutan di mahkamah, tindakan permohonan ansuran sekiranya ada dan juga pengesahan dengan pihak audit sekiranya ada rayuan pindaan sehinggalah kes tersebut selesai atau diambil penghakiman.

Pemantauan Unit Undang-Undang Cawangan oleh Jabatan Sivil dan Pendakwaan secara rasminya adalah bermula daripada tahun 2015. Sungguhpun begitu, Jabatan Sivil dan Pendakwaan (dikenali sebagai Jabatan Undang-Undang sebelum 1 November 2015) telah 2 kali menetapkan sasaran iaitu pada tahun 2014 bagi tindakan pre judgement dan tahun 2015 bagi tindakan pre serta post judgement. Dalam tempoh 2 tahun tersebut, Jabatan Sivil dan Pendakwaan melihat tempoh tersebut sebagai tempoh peralihan dalam membuat penentuan yang tepat bagi menetapkan sasaran yang realistik.

Sepanjang 2 tahun tersebut, bilangan kes yang difailkan di mahkamah meningkat berbanding tahun sebelumnya seperti berikut:

TINDAKAN/TAHUN	*2013*	*2014*	*2015*
Sebelum Penghakiman (Pre Judgement)	*23,353 kes*	*32,770 kes*	*35,666 kes*
Selepas Penghakiman (Post Judgement)	*4,995 kes*	*6,481 kes*	*7,436 kes*

Penetapan sasaran tahunan terkini telah dibuat berdasarkan kekuatan struktur Unit Undang-Undang di setiap cawangan. Penetapan sasaran tersebut telah dimaklumkan kepada Cawangan di Mesyuarat bersama Ketua Penolong Pengarah Unit Pungutan dan Unit Undang-Undang pada 27 Januari 2016. Arahan berhubung sasaran 2016 akan dikeluarkan pada bulan Mac 2016.

c. Semakan Audit selanjutnya mendapati data pendaftaran saman yang disediakan di ketiga-tiga cawangan berbeza dengan data yang diberikan oleh JPH seperti jadual berikut:

JADUAL 4.6
PERBEZAAN DATA SAMAN DIFAILKAN PADA TAHUN 2014 DI ANTARA CAWANGAN DENGAN JABATAN PUNGUTAN HASIL (JPH)

CAWANGAN	PENDAFTARAN SAMAN TAHUN 2014 CAWANGAN (A)		PENDAFTARAN SAMAN TAHUN 2014 JPH (B)		PERBEZAAN (A-B)	
	BIL. SAMAN	JUMLAH TUNTUTAN (RM Juta)	BIL. SAMAN	JUMLAH TUNTUTAN (RM Juta)	BIL. SAMAN	JUMLAH TUNTUTAN (RM Juta)
Cheras	226	7.95	199	6.97	27	0.98
Wangsa Maju	197	17.16	95	15.08	102	2.08
CPCB	1,360	148.64	958	132.51	402	16.13
JUMLAH	**1,783**	**173.75**	**1,252**	**154.56**	**531**	**19.19**

Sumber: Unit Undang-undang Cawangan Cheras, Wangsa Maju dan CPCB

Maklum Balas LHDNM pada 28 Mac 2016

Perbezaan statistik berlaku disebabkan kaedah dan kriteria mendapat statistik yang berbeza di antara JPH dan cawangan di mana JPH mengira tindakan saman difailkan oleh cawangan berdasarkan kepada maklumat yang diinput dalam sistem manakala cawangan mengambil kira tindakan saman difailkan berdasarkan buku rekod statistik cawangan untuk tujuan pemantauan walaupun terdapat saman yang belum dikemas kini dalam sistem. Terdapat juga kes yang telah dikemaskini dalam sistem tetapi tidak direkod dalam buku rekod cawangan.

Perbezaan saman di jadual 4.6 sukar dikenal pasti kerana pangkalan data sistem tidak menyimpan rekod terdahulu. Sistem akan overwrite medan berkaitan mengikut status tindakan kemas kini yang terakhir. Terdapat juga pemindahan fail secara besar-besaran/ pemindahan secara manual antara cawangan sepanjang tahun 2015 menyebabkan berlakunya perbezaan data.

Laporan penentuan statistik hendaklah menggunakan data yang dijana oleh sistem melalui JPH. Perkara ini adalah merujuk kepada memo-memo berkenaan yang telah dikeluarkan oleh JPH:

a. Pencapaian Pendaftaran Saman Sehingga Jun 2013 – Tarikh 12 Julai 2013;

b. Pengemukaan Laporan Akaun Belum Terima dan Guaman Sivil Cawangan Secara Manual Kepada Jabatan Pungutan Hasil bertarikh 19 Mei 2014. Oleh itu, statistik rekod manual cawangan adalah untuk kegunaan dan pemantauan cawangan sahaja.

4.5.2. Pematuhan Kepada Prosedur Kerja

4.5.2.1. Pendaftaran Saman di Mahkamah

Manual Prosedur Kerja Guaman Sivil Syarikat (MPKGS) yang dikeluarkan pada bulan Jun 2014 menetapkan bahawa Unit Undang-Undang perlu mendaftar saman di mahkamah dalam tempoh 30 hari dari tarikh Borang X/C 18 diterima. Semakan Audit terhadap 312 saman mendapati 140 saman (44.9%) telah lewat didaftarkan ke mahkamah antara 10 hingga 880 hari dengan tunggakan cukai berjumlah RM113.94 juta. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.7
KELEWATAN MENDAFTAR SAMAN DI MAHKAMAH

CAWANGAN	TAHUN DAFTAR	BIL. KES MENGIKUT TEMPOH KELEWATAN			JUMLAH TUNGGAKAN CUKAI (RM Juta)
		KURANG 90 HARI	90 – 365 HARI	MELEBIHI 365 HARI	
Cheras	2013	6	12	2	1.02
	2014	12	4	1	1.62
Wangsa Maju	2013	24	7	-	5.90
	2014	8	5	-	3.70
CPCB	2013	19	16	3	45.09
	2014	9	11	1	56.61
JUMLAH		**78**	**55**	**7**	**113.94**

Maklum Balas LHDNM pada 28 Mac 2016

Kelewatan mendaftar saman yang berlaku adalah kerana bilangan pegawai yang terhad. Selain itu kelewatan juga berlaku disebabkan untuk permohonan taksiran kurangan, permohonan untuk ansuran dan penyelesaian oleh cawangan membantu. Norma kerja bagi penyedia saman adalah penyediaan 2 kes dalam sehari. Dengan kekuatan bilangan penyedia sedia ada, ia tidak dapat menanggung bebanan bilangan kes untuk diambil tindakan.

Jabatan Sivil dan Pendakwaan mulai memantau Unit Undang-Undang pada tahun 2015 iaitu selepas tempoh pelaksanaan audit ini yang meliputi saman guaman sivil yang didaftarkan pada tahun 2013 dan 2014.

Sebelum pemantauan tersebut, Jabatan Sivil dan Pendakwaan telah membuat lawatan berkala ke cawangan pada tahun 2014, untuk memaklumkan penetapan sasaran pemfailan saman bagi cawangan serta mendapatkan maklumbalas cawangan berkenaan sebarang masalah/ kekangan yang dihadapi. Sasaran tersebut kemudian dimaklumkan secara rasmi melalui memo bertarikh 22 Julai 2014. Laporan statistik yang diperolehi dari cawangan menunjukkan sasaran yang ditetapkan telah dicapai dengan peningkatan 40.32% iaitu 32,770 saman didaftarkan di Mahkamah pada tahun 2014 berbanding 23,353 saman yang didaftarkan pada tahun 2013. Setakat 28 Mac 2016, 23 kes telah diselesaikan dan syarikat telah menjelaskan keseluruhan tuntutan.

Sebagai langkah memastikan tindakan pendaftaran saman di Mahkamah adalah lebih sistematik, efisien dan seragam, cadangan pembangunan satu sistem MySaman (Slot Sivil) dikemukakan kepada Jabatan Teknologi Maklumat bagi kegunaan Unit Undang-Undang Cawangan. Pembangunan Sistem tersebut telah mendapat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT pada 15 Disember 2015.

4.5.2.2. Penyerahan Saman Kepada Syarikat

Manual Prosedur Kerja Guaman Sivil Syarikat (MPKGS) yang dikeluarkan pada bulan Jun 2014 menetapkan Penghantar Notis perlu membuat serahan saman kepada syarikat dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan saman daripada mahkamah. Semakan Audit terhadap 312 laporan penyerahan saman

mendapati 108 daripadanya (34.6%) telah lewat diserah kepada syarikat antara 2 hingga 128 hari melibatkan tunggakan cukai berjumlah RM95.50 juta. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.8
KELEWATAN PENYERAHAN SAMAN KEPADA SYARIKAT

CAWANGAN	TAHUN DAFTAR	BIL. KES MENGIKUT TEMPOH KELEWATAN			JUMLAH TUNGGAKAN CUKAI (RM Juta)
		1- 9 HARI	10-30 HARI	MELEBIHI 30 HARI	
Cheras	2013	12	7	-	0.88
	2014	4	9	6	1.69
Wangsa Maju	2013	13	3	2	2.72
	2014	14	10	1	3.46
CPCB	2013	8	6	2	25.19
	2014	7	1	3	61.56
JUMLAH		**58**	**36**	**14**	**95.50**

Maklum Balas LHDNM pada 28 Mac 2016

Kekurangan Penghantar Notis menyebabkan saman tidak dapat diserahkan dalam tempoh yang ditetapkan. Pemencaran fail yang dilakukan tidak melibatkan pertambahan perjawatan Penghantar Notis.

Norma kerja bagi penghantar notis adalah sebanyak 2 percubaan serahan kes dalam sehari. Walau bagaimanapun terdapat kes-kes yang gagal cubaan serahan kali pertama dan memerlukan beberapa kali cubaan serahan. Ini menyumbang kepada berlakunya kelewatan serahan.

Selain itu, tugas serahan Penghantar Notis adalah tidak terhad kepada saman sivil sahaja. Penghantar Notis juga terpaksa melakukan serahan saman jenayah, saman selepas penghakiman dan notis untuk kebankrapan serta penggulungan syarikat. Penghantar notis juga perlu untuk membuat penghantaran/pengambilan dokumen di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan juga Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM).

Jabatan Sivil dan Pendakwaan berusaha meningkatkan kompetensi Penghantar Notis dengan memberikan latihan sewajarnya kepada mereka melalui kursus berikut:

a. Kursus Persediaan Saksi & Penghantar Notis yang telah diadakan pada 3 – 4 Julai 2013 di Akademi Percukaian Malaysia, Bangi; dan

b. Kursus Integriti & Amalan Akauntabiliti pada 14 Mei 2014 di Akademi Percukaian Malaysia, Kuching.

Jabatan Sivil dan Pendakwaan juga telah merangka Kursus Latihan Berkala bagi Penghantar Notis yang akan diadakan di Akademi Percukaian Malaysia, Bangi pada bulan Mac dan Ogos tahun ini. Walaupun penyerahan tidak dilakukan dalam tempoh 14 hari, penyerahan dapat dilakukan sebelum tarikh sebutan di mahkamah.

4.5.2.3. Tindakan Selepas Penghakiman Diperoleh

Semakan Audit mendapati tiada tindakan menghantar Surat Tuntutan diambil oleh LHDNM terhadap syarikat setelah penghakiman diperoleh sehingga tarikh akhir pengauditan melibatkan 29 kes syarikat (tempoh sehingga 1,732 hari) dengan tuntutan berjumlah RM12.44 juta. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.9
TIADA TINDAKAN DIAMBIL SELEPAS PENGHAKIMAN DIPEROLEHI

CAWANGAN	TAHUN DAFTAR	BIL. KES MENGIKUT TEMPOH KELEWATAN			JUMLAH TUNTUTAN (RM Juta)
		KURANG 365 HARI	366 – 730 HARI	MELEBIHI 730 HARI	
Cheras	2013	5	6	-	0.71
	2014	-	1	-	0.28
Wangsa Maju	2013	-	8	1	0.60
	2014	3	2	-	1.75
CPCB	2013	1	1	-	8.00
	2014	1	-	-	1.10
JUMLAH		**10**	**18**	**1**	**12.44**

Maklum Balas LHDNM pada 28 Mac 2016

Norma kerja bagi penghantar notis adalah sebanyak 2 percubaan serahan kes dalam sehari. Walau bagaimanapun terdapat kes-kes yang gagal cubaan serahan kali pertama dan memerlukan beberapa kali cubaan serahan. Ini menyumbang kepada berlakunya kelewatan serahan.

Selain itu, kelewatan tindakan disebabkan keadaan dimana kes telah diambil tindakan penggulungan di bawah suit yang lain, tindakan penggulungan oleh pihak ketiga, permohonan ansuran dan penyelesaian cawangan membantu.

Untuk memastikan tindakan diambil terhadap penghakiman yang diperolehi, Jabatan Sivil dan Pendakwaan telah menubuhkan Jawatankuasa Penentuan Kes Untuk Penguatkuasaan Penghakiman. Perkara ini dimaklumkan kepada Cawangan melalui memo Timbalan Ketua Pengarah Eksekutif (Dasar) bertarikh 22 September 2015.

Pada 17 Februari 2016, Pejabat Pengarah Negeri Wilayah Persekutuan Putrajaya (PPN Putrajaya) telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Penentuan Kes untuk Penguatkuasaan Penghakiman (JPKPP) Bil 1/2016 membincangkan tindakan yang bersesuai untuk diambil terhadap kes selepas penghakiman bagi cawangan di bawah seliaan PPN Putrajaya termasuk Cheras dan Wangsa Maju.

Cawangan Cheras dan Wangsa Maju telah masing-masing menyenaraikan 12 kes dan 10 kes yang berpotensi untuk diteruskan dengan tindakan perlaksanaan melibatkan debit tinggi. Pemantauan yang lebih terperinci akan diteruskan terhadap kes-kes tersebut dan perkembangan terkini akan dimaklumkan pada Mesyuarat JPKPP akan datang.

Jabatan Sivil dan Pendakwaan juga akan mengadakan task force pada 2 Mac 2016 ke cawangan Cheras melibatkan Peguam Hasil bagi mengenalpasti tindakan yang wajar diambil terhadap kes-kes selepas penghakiman berdebit tinggi serta memberi tunjuk ajar secara hands-on pengendalian tindakan penggulungan syarikat bagi kes-kes syarikat. Pemantauan Khas terhadap cawangan Cheras juga akan dijalankan bagi memastikan tindakan selepas penghakiman diambil dalam tempoh yang ditetapkan.

Bagi menangani persoalan kekangan pegawai di Unit Undang Undang, Jabatan Sivil dan Pendakwaan telah menyediakan satu kertas kajian perjawatan dan penstrukturan semula Unit Undang-Undang untuk pertimbangan pihak pengurusan atasan. Proses untuk tindakan selepas penghakiman bagi kes syarikat adalah panjang iaitu melibatkan 22 tindakan.

4.5.2.4. Penyerahan Notis Tuntutan Kepada Syarikat

Manual Prosedur Kerja Guaman Sivil Syarikat (MPKGS) yang dikeluarkan pada bulan Jun 2014 menetapkan Notis Tuntutan perlu diserah kepada syarikat dalam tempoh 3 bulan dari tarikh Surat Tuntutan dan Penghakiman Bersih dihantar kepada syarikat. Semakan Audit mendapati perkara yang berikut:

a. Kelewatan Penyerahan Notis Tuntutan Kepada Syarikat

Sejumlah 17 Notis Tuntutan (5.4%) lewat diserah kepada syarikat dengan kelewatan antara 5 hari hingga 1,361 hari melibatkan tuntutan cukai berjumlah RM79.10 juta. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.10
NOTIS TUNTUTAN LEWAT DISERAH KEPADA SYARIKAT

CAWANGAN	TAHUN DAFTAR	BIL. KES MENGIKUT TEMPOH KELEWATAN			JUMLAH TUNTUTAN (RM Juta)
		KURANG 180 HARI	180 – 365 HARI	MELEBIHI 365 HARI	
Cheras	2013	-	1	-	0.03
	2014	-	-	-	-
Wangsa Maju	2013	-	1	3	0.10
	2014	1	-	1	2.22
CPCB	2013	1	4	2	35.86
	2014	-	1	2	40.89
JUMLAH		**2**	**7**	**8**	**79.10**

b. Notis Tuntutan Tidak Diserah Kepada Syarikat

Sejumlah 32 Notis Tuntutan (10.3%) masih belum diserah sehingga tarikh akhir pengauditan dengan tempoh antara 100 hari hingga 855 hari yang melibatkan tuntutan cukai berjumlah RM5.56 juta. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.11
NOTIS TUNTUTAN TIDAK DISERAH KEPADA SYARIKAT

CAWANGAN	TAHUN DAFTAR	BIL. KES MENGIKUT TEMPOH KELEWATAN			JUMLAH TUNTUTAN (RM Juta)
		KURANG 180 HARI	180 – 365 HARI	MELEBIHI 365 HARI	
Cheras	2013	-	3	4	0.40
	2014	1	-	1	0.23
Wangsa Maju	2013	2	8	3	1.25
	2014	3	3	-	1.76
CPCB	2013	1	-	3	1.92
	2014	-	-	-	-
JUMLAH		7	14	11	5.56

Maklum Balas LHDNM pada 28 Mac 2016

Kelewatan penyerahan Notis Tuntutan dan Notis Tuntutan Tidak Diserah Kepada Syarikat adalah kerana bilangan pegawai yang terhad. Selain daripada itu, kelewatan tindakan disebabkan keadaan kes dalam rundingan, penyelesaian ansuran, rayuan ansuran, permohonan pindaan taksiran dan penyelesaian oleh cawangan membantu.

Jawatankuasa Perjawatan & Struktur Organisasi LHDNM telah dibentuk untuk menjalankan kajian lanjut berhubung perjawatan dan struktur organisasi di seluruh Jabatan/ Negeri/ Cawangan/ Cawangan Siasatan LHDNM termasuklah menyemak dan meneliti keperluan sebenar perjawatan bagi setiap aktiviti di Cawangan.

Penyusunan semula struktur yang bersifat lean juga dititikberatkan dalam kajian ini bagi memastikan tugas dan kefungsian sesebuah Jabatan/ Negeri/ Cawangan/ Cawangan Siasatan lebih mantap dan fleksibel yang seterusnya meningkatkan kutipan hasil di setiap aktiviti teras yang menjadi penyumbang utama KPI LHDNM.

Perancangan pelaksanaan inisiatif kajian ini akan dibuat pada 1 Januari 2017 yang melibatkan semua peringkat di Jabatan/ Negeri/ Cawangan/ Cawangan Siasatan LHDNM.

4.5.2.5. Pelaksanaan Tindakan Penggulungan

Pekeliling Operasi Bil. 15 Tahun 2010 yang berkuat kuasa pada 8 November 2010 menerangkan penggunaan Senarai Pemantauan Guaman Sivil kes syarikat dalam ReMS agar tindakan guaman sivil terhadap syarikat tidak melampaui tempoh masa yang ditetapkan. Notis Tuntutan yang dikeluarkan kepada syarikat pula menyatakan bahawa tindakan seterusnya akan diambil sekiranya syarikat gagal menjelaskan baki tuntutan dalam tempoh 21 hari dari tarikh Notis Tuntutan dikemukakan. Selain itu, MPKGS telah menetapkan petisyen penggulungan syarikat akan dilaksanakan apabila syarikat masih gagal menjelaskan baki tuntutan selepas Notis Tuntutan dikeluarkan.

Semakan Audit mendapati tindakan penggulungan tidak dimulakan terhadap tiga syarikat yang gagal menjelaskan baki tuntutan selepas Notis Tuntutan dikeluarkan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.12
TINDAKAN PENGGULUNGAN TIDAK DILAKSANAKAN TERHADAP SYARIKAT

CAWANGAN	TAHUN DAFTAR	BIL. KES MENGIKUT TEMPOH KELEWATAN			JUMLAH TUNTUTAN (RM)
		KURANG 180 HARI	181 - 365 HARI	MELEBIHI 365 HARI	
Cheras	2013	-	1	-	31,220
Wangsa Maju	2013	1	-	-	49,306
CPCB	2013	-	1	-	245,525
JUMLAH		**1**	**2**	**-**	**326,051**

Maklum Balas LHDNM pada 28 Mac 2016

Ketiadaan tindakan penggulungan dilakukan adalah kerana bilangan pegawai yang terhad dan terdapat kes yang telah digulungkan oleh pihak ketiga.

Tindakan guaman sivil bagi fail syarikat hanya dikendalikan oleh Cawangan selain daripada Cawangan Pungutan Kuala Lumpur selepas pemencaran fail-fail Cawangan Pungutan Kuala Lumpur dibuat bermula pada tahun 2013 dan disempurnakan pada tahun 2015. Jabatan Sivil dan Pendakwaan telah mengambil langkah proaktif dengan memberikan latihan amali dari semasa ke semasa kepada pegawai Unit Undang-Undang Cawangan yang tiada pengalaman dari segi penyediaan kertas kausa tindakan penggulungan.

Untuk memastikan tindakan pelaksanaan diambil terhadap penghakiman yang diperolehi (termasuk tindakan penggulungan syarikat), Jabatan Sivil dan Pendakwaan telah menubuhkan Jawatankuasa Penentuan Kes Untuk Penguatkuasaan Penghakiman. Perkara ini dimaklumkan kepada Cawangan melalui memo Timbalan Ketua Pengarah Eksekutif (Dasar) bertarikh 22 September 2015 (Lampiran D).

Jawatankuasa ini membincangkan tindakan pelaksanaan penghakiman yang bersesuaian termasuklah tindakan penggulungan syarikat yang boleh diambil terhadap sesuatu kes yang telah memperolehi penghakiman. 1 kes telah selesai digulung dan 2 kes dalam tindakan petisyen penggulungan.

Pada pendapat Audit, kelewatan dalam mengambil tindakan penggulungan adalah disebabkan oleh kurang pemantauan daripada pihak pengurusan. Keadaan ini mengakibatkan usaha pemungutan tunggakan tidak dapat dilaksanakan dengan segera.

4.5.3. Pematuhan Syarikat Terhadap Jadual Bayaran Ansuran

Notis Pemberhentian dikeluarkan oleh LHDNM kepada mahkamah untuk memberhentikan prosiding mahkamah terhadap syarikat apabila syarikat telah bersetuju untuk membuat bayaran ansuran mengikut jadual yang ditetapkan oleh LHDNM. Semakan Audit mendapati perkara yang berikut:

4.5.3.1. Jadual Bayaran Ansuran

Sejumlah 7 syarikat telah gagal mematuhi jadual bayaran ansuran yang ditetapkan dengan baki ansuran RM634,810 namun tiada tindakan yang dikenakan oleh LHDNM terhadap syarikat terbabit. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.13
KEGAGALAN SYARIKAT MEMATUHI JADUAL BAYARAN ANSURAN

CAWANGAN	2013			2014		
	BIL. SYARIKAT	TUNTUTAN ASAL (RM)	BAKI ANSURAN (RM)	BIL. SYARIKAT	TUNTUTAN ASAL (RM)	BAKI ANSURAN (RM)
Cheras	-	-	-	2	23,175	9,765
Wangsa Maju	1	27,315	9,115	2	136,019	48,158
CPCB	1	367,645	207,772	1	2,089,796	360,000
JUMLAH	**2**	**394,960**	**216,887**	**5**	**2,248,990**	**417,923**

Maklum Balas LHDNM pada 28 Mac 2016

Tindakan ke atas kes yang gagal mematuhi ansuran tidak dapat dibuat dengan berkesan kerana kekangan pegawai. Pemantauan terhadap kes-kes ansuran yang dibenarkan telah dibuat secara lebih dekat.

4.5.3.2. Cek Tidak Laku

Tiga syarikat bersetuju untuk membuat bayaran bagi menjelaskan tunggakan cukai secara ansuran tetapi telah mengemukakan cek tidak laku berjumlah RM941,763 kepada Cawangan CPCB. Walau bagaimanapun, tiada tindakan diambil oleh LHDNM terhadap syarikat terbabit.

Maklum Balas LHDNM pada 28 Mac 2016

Tindakan ke atas syarikat yang mengemukakan cek tidak laku tidak dapat dibuat dengan berkesan kerana kekangan pegawai. Pihak cawangan membuat semakan bayaran ansuran secara manual bagi setiap kes yang sedang di dalam bayaran ansuran. Pegawai perlu untuk membuka setiap fail dan lejer kes yang terlibat untuk membuat semakan. Buat masa ini tiada sebarang indikator yang memaklumkan kegagalan sesuatu bayaran yang diterima.

Bagi kes-kes cek tidak laku, bayaran tersebut tidak dikemaskini secara terus kerana ia akan disahkan tidak laku setelah ia ditolak oleh pihak bank. Pihak cawangan mengambil tindakan dengan menghubungi pembayar cukai setelah dapat mengesan transaksi cek tidak laku. Tindakan saman semula sedang diambil terhadap pembayar cukai.

Pada pendapat Audit, tindakan mahkamah perlu diteruskan terhadap syarikat yang gagal mematuhi jadual bayaran ansuran atau membuat bayaran ansuran dengan mengemukakan cek tak laku agar kelonggaran yang diberikan oleh LHDNM tidak diambil kesempatan oleh pihak yang tidak bertanggung jawab.

4.6. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan lagi tahap pengurusan guaman sivil syarikat, adalah disyorkan supaya LHDNM mempertimbangkan perkara yang berikut:

4.6.1. JPH perlu memastikan data yang dikeluarkan adalah sama dengan statistik di cawangan agar pelaporan yang tepat dapat dikemukakan;

4.6.2. LHDNM perlu meningkatkan kecekapan pengurusan saman dari aspek penyerahan saman dan Notis Tuntutan kepada syarikat; dan

4.6.3. LHDNM hendaklah melaksanakan pemantauan bayaran ansuran secara berkesan dan tindakan yang lebih tegas dilaksanakan agar syarikat menjelaskan tunggakan cukai mengikut jadual yang telah ditetapkan.

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

5. JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
- KAWALAN GUDANG BERLESEN MINUMAN KERAS DAN ROKOK

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Gudang berlesen adalah gudang yang menempatkan barang dagangan import yang ditangguhkan pembayaran duti kastam sehingga ianya dibawa keluar untuk dieksport atau dijual di pasaran tempatan. Lesen di bawah Seksyen 65, Akta Kastam 1967 perlu diperoleh daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sebelum sesebuah gudang berlesen itu memulakan operasi. Kemudahan gudang berlesen telah diperluaskan untuk membolehkan pengusaha menggunakan kemudahan ini sebagai satu pusat penyimpanan dan pengedaran dalam negara dan juga perdagangan antarabangsa. Antara aktiviti yang dibenarkan di dalam gudang berlesen adalah penggudangan barang yang dikenakan duti kastam dan barangan lain yang dikawal pemindahan/pergerakannya; pecah pukal; pembungkusan semula; penandaan semula; jual beli; penggabungan; dan perdagangan *entreport* (aktiviti mengimport barang untuk diproses atau disimpan dan dieksport semula).

5.1.2. Kawalan terhadap gudang berlesen yang dilaksanakan oleh JKDM terdiri daripada kawalan dokumentasi, kawalan fizikal, penguatkuasaan syarat-syarat pelesenan, keperluan insurans dan jaminan bank, pemeriksaan berkala dan mengejut, keperluan menyimpan rekod stok/inventori yang kemas kini dan amalan terbaik penggudangan mengikut prinsip-prinsip yang ditetapkan. Bahagian Perkastaman, JKDM bertanggungjawab memproses permohonan lesen baru bagi penubuhan Gudang Berlesen Awam (GBA), Gudang Berlesen Persendirian (GBP), Gudang Berlesen PEKEMA dan Gudang Berlesen Petroleum. Manakala bagi urusan pembaharuan lesen adalah di bawah bidang kuasa Pengarah Kastam Negeri (PKN). Kadar lesen bagi setiap gudang adalah RM2,400 bagi tempoh 2 tahun dan kadar ini telah dinaikkan kepada RM4,800 mulai 1 Julai 2014.

5.1.3. Prestasi pungutan hasil JKDM melalui GBA dan GBP bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 adalah berjumlah RM3.922 bilion seperti jadual berikut:

.

JADUAL 5.1
PRESTASI PUNGUTAN HASIL MELALUI GBA DAN GBP
BAGI TEMPOH TAHUN 2012 HINGGA 2014

JENIS HASIL	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Gudang Berlesen Awam (GBA)	1,625.13	1,078.03	1,155.83	3,858.99
Gudang Berlesen Persendirian (GBP)	18.08	21.49	23.79	63.36
JUMLAH	**1,643.21**	**1,099.52**	**1,179.62**	**3,922.35**

Sumber : Laporan Tahunan 2012, 2013 Dan 2014

5.1.4. Setakat 31 Disember 2015, sebanyak 64 (18.1%) daripada 353 pelesen gudang berlesen awam dan persendirian yang terlibat dengan penyimpanan minuman keras dan rokok seperti jadual berikut:

JADUAL 5.2
BILANGAN GBA DAN GBP YANG MENYIMPAN MINUMAN KERAS DAN ROKOK
SETAKAT 31 DISEMBER 2015

JENIS GUDANG	BILANGAN KESELURUHAN	BILANGAN YANG MENYIMPAN MINUMAN KERAS DAN ROKOK
Gudang Berlesen Awam (GBA)	211	7
Gudang Berlesen Persendirian (GBP)	142	57
JUMLAH	**353**	**64**

Sumber : Cawangan Fasilitasi Perdagangan Dan Perindustrian, Bahagian Perkastaman, JKDM

JADUAL 5.3
LOKASI GBA DAN GBP
YANG MENYIMPAN MINUMAN KERAS DAN ROKOK

NEGERI	JENIS GUDANG		JUMLAH GUDANG
	GBA	GBP	
Sabah	3	15	18
WP Kuala Lumpur	-	9	9
Johor	2	6	8
Selangor	-	6	6
Perlis	-	6	6
Sarawak	-	5	5
Kelantan	1	1	2
Pulau Pinang	-	2	2
Kedah	-	2	2
KLIA	-	2	2
Perak	-	2	2
Pahang	1	-	1
Negeri Sembilan	-	1	1
Melaka	-	-	-
Terengganu	-	-	-
JUMLAH	**7**	**57**	**64**

Sumber : Cawangan Fasilitasi Perdagangan Dan Perindustrian, Bahagian Perkastaman, JKDM

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan kawalan gudang berlesen awam dan persendirian (minuman keras dan rokok) di bawah seliaan JKDM dilaksanakan dengan teratur dan berkesan selaras dengan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan bagi mengelakkan ketirisan hasil Kerajaan.

5.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan terhadap pengurusan kawalan gudang berlesen awam dan persendirian yang menyimpan minuman keras dan rokok bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015. Semakan Audit dijalankan di Unit Pengurusan dan Kawalan Gudang, Cawangan Fasilitasi Perdagangan dan Perindustrian, Bahagian Perkastaman, Ibu Pejabat JKDM; Cawangan/Unit Perindustrian, Pejabat Kastam Negeri; dan 43 (67.2%) buah gudang berlesen awam dan persendirian yang menyimpan minuman keras dan rokok di 5 negeri iaitu WP Kuala Lumpur, Perlis, Johor, Sabah dan Sarawak. Daripada sampel GBA dan GBP tersebut, sebanyak 27 GBA/GBP telah dipilih untuk pemeriksaan fizikal Audit. Senarai gudang berlesen di negeri yang dipilih bagi tujuan semakan dokumen dan lawatan ke gudang adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 5.4
PENGAUDITAN GUDANG BERLESEN DI PERINGKAT NEGERI

NEGERI	BIL.	GUDANG BERLESEN		KOD STESEN	SEMAKAN DOKUMEN	LAWATAN AUDIT
		NAMA	JENIS			
WP Kuala Lumpur	1.	Caldbeck MacGregor (M) Sdn. Bhd.	GBP	W34	✓	✓
	2.	Asiaeuro Wines & Spirits Sdn. Bhd.	GBP	W44	✓	
	3.	Dynamic International Wines & Spirits Sdn. Bhd.	GBP	W3J	✓	✓
	4.	Fortier Wines & Spirits Sdn. Bhd.	GBP	W6L	✓	✓
	5.	Sunrise Wines & Spirits Sdn. Bhd.	GBP	W6T	✓	✓
	6.	Luen Heng F & B Sdn. Bhd.	GBP	W6U	✓	
	7.		GBP	W6V	✓	
	8.	Thai Seng Liquor Sdn. Bhd.	GBP	W7J	✓	
	9.	Tobacco Importers And Manufacturer's Sdn. Bhd.	GBP	W9R	✓	
Perlis	10.	Warisan Limpahan Sdn. Bhd.	GBP	R1B	✓	
	11.	AGM Duty Free (U) Sdn. Bhd.	GBP	R1D	✓	✓
	12.	Ocean Chandlers Sdn. Bhd.	GBP	R1E	✓	
	13.	Golden Diligence Sdn. Bhd.	GBP	R1F	✓	✓
	14.	Emas Kerajang Sdn. Bhd.	GBP	R1G	✓	✓
	15.	Gold Mine Maxim Sdn. Bhd.	GBP	R1H	✓	✓
Johor	16.	Holsten Marketing (M) Sdn. Bhd.	GBA	J1R	✓	✓
	17.		GBP	J11	✓	✓
	18.	Saudamaju Sdn. Bhd.	GBA	J42	✓	✓
	19.	Modern Warehouse & Transport Sdn. Bhd.	GBA	J46	✓	✓
	20.	Master Suppliers Sdn. Bhd.	GBP	J51	✓	✓
	21.	Air Biru Ship Suppliers Sdn. Bhd.	GBP	J52	✓	✓
	22.	Popular Venture Sdn. Bhd.	GBP	J53	✓	✓
	23.	Aksi Aktif Sdn. Bhd.	GBP	J69	✓	✓

NEGERI	BIL.	GUDANG BERLESEN		KOD STESEN	SEMAKAN DOKUMEN	LAWATAN AUDIT
		NAMA	JENIS			
Sabah	24.	Malaysian Airlines System Berhad	GBP	S23	✓	✓
	25.	Kwong Hin (Hup Kee) Sdn. Bhd.	GBP	S50	✓	
	26.	Fortunation Sdn. Bhd.	GBA	S55	✓	
	27.	Bondestiny Sdn. Bhd.	GBA	S56	✓	✓
	28.	Plaza Megah Venture Sdn. Bhd.	GBP	S57	✓	
	29.	Fila Corporation Sdn. Bhd.	GBP	S84	✓	
	30.		GBP	S85	✓	
	31.	Incomaster Sdn. Bhd.	GBP	S1A	✓	
	32.	Kinabalu Eagle Import & Export Sdn. Bhd.	GBP	S1G	✓	✓
	33.	Everich Resources Sdn. Bhd.	GBP	S2F	✓	
	34.	Chamber Dynasty Sdn. Bhd.	GBP	S2K	✓	✓
	35.	Borneo Ehsan Jaya Sdn. Bhd.	GBP	-	✓	
	36.	Sabah Ports Sdn. Bhd. (Sandakan)	GBA	S72	✓	✓
	37.	Lautan Mas Jaya Sdn. Bhd. (Sandakan)	GBP	S1K	✓	✓
	38.	Fortunation Sdn. Bhd. (Sandakan)	GBP	S1L	✓	✓
	39.	Suria Komited Sdn. Bhd. (Sandakan)	GBP	S1S	✓	
Sarawak	40.	Kahong Sdn. Bhd. (Kuching)	GBP	Y64	✓	✓
	41.	Camsoon Sdn. Bhd. (Bintulu)	GBP	Y1M	✓	✓
	42.	Kho Meng Say Sdn. Bhd. (Bintulu)	GBP	Y3H	✓	✓
	43.	Syarikat Jarum Edar Sdn. Bhd. (Miri)	GBP	Y1U	✓	✓

Sumber : Cawangan Fasilitasi Perdagangan Dan Perindustrian, Bahagian Perkastaman, JKDM

5.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail yang berkaitan. '*Walk through test*', temu bual dan perbincangan dengan Pegawai Kastam dan pemegang lesen gudang awam dan persendirian (minuman keras dan rokok) telah dilaksanakan untuk mendapatkan maklumat dan maklum balas. Selain daripada itu, analisis dibuat terhadap data-data berkaitan untuk menilai keberkesanan kawalan yang dijalankan dan tahap pematuhan pemegang lesen terhadap peraturan yang ditetapkan.

5.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan di Unit Pengurusan dan Kawalan Gudang, Cawangan Fasilitasi Perdagangan dan Perindustrian, Bahagian Perkastaman, Ibu Pejabat JKDM; Cawangan/Unit Perindustrian, Pejabat Kastam Negeri; serta 43 (67.2%) buah gudang berlesen awam dan persendirian yang menyimpan minuman keras dan rokok di 5 negeri (WP Kuala Lumpur, Perlis, Johor, Sabah dan Sarawak) pada bulan Mei hingga September 2015 mendapati pada umumnya pengurusan kawalan gudang berlesen awam dan persendirian (minuman keras dan rokok) JKDM adalah memuaskan. Lawatan Audit mendapati 26 (96.3%) daripada 27 GBA/GBP telah menjalankan aktiviti yang dibenarkan, barangan berduti disimpan dalam kawasan yang dilesenkan serta

barangan disusun dan dilabelkan dengan teratur. Selain itu, kesemua 5 JKDM Negeri yang dilawati telah mengawal pemindahan barangan berduti kritikal antara gudang berlesen dan ke Pulau Bebas Cukai dengan teratur. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti yang berikut:

i. JKDM WPKL dan Perlis tidak menetapkan nilai jaminan bank yang betul bagi 3 GBP mengakibatkan sejumlah RM14.06 juta duti barangan tidak dilindungi bagi memelihara kepentingan hasil Kerajaan;

ii. sebanyak 6 GBP mempunyai barangan berduti yang disimpan melebihi tempoh 2 tahun tanpa kelulusan perlanjutan dan tiada tuntutan duti berjumlah RM2.10 juta dibuat;

iii. pemindahan barangan berduti tidak mematuhi prosedur yang ditetapkan;
   - sebanyak 4 GBP di Perlis tidak mematuhi syarat tambahan iaitu menyedia dan menyerahkan penyata imbangan bulanan (mengandungi butir-butir pengeksportan dan bukti pembayaran dari pengimport di Thailand); dan
   - keempat-empat GBP di Johor yang terlibat dalam aktiviti pembekalan bekalan kapal yang mempunyai nilai duti berjumlah RM20.27 juta untuk tempoh 3 tahun tidak dapat disahkan sama ada pemindahan barangan berduti dari pelabuhan ke kapal telah diiringi oleh Pegawai Kastam bagi tujuan memeterai stor-stor kapal; dan

iv. kurang pemantauan oleh JKDM Negeri di mana:
   - sebanyak 41 (95.3%) daripada 43 pelesen tidak mengemukakan Penyata Stok Tahunan yang disahkan oleh Juruaudit Bertauliah kepada JKDM;
   - pemeriksaan fizikal setahun sekali secara 100% bagi tempoh 3 tahun hanya dilaksanakan sebanyak 68 (54.8%) daripada 124 kali; dan
   - satu GBP daripada 26 GBA/GBP yang dilawati mempunyai barangan berduti yang telah tamat tempoh melibatkan duti berjumlah RM238,433.

Penjelasan lanjut mengenai penemuan Audit dan maklum balas JKDM adalah seperti yang berikut:

5.5.1. Syarat Operasi Lesen GBA Dan GBP

Seksyen 65, Akta Kastam 1967 memberi kuasa mutlak kepada Ketua Pengarah Kastam untuk mengeluarkan lesen bagi menyimpan barangan yang dikenakan duti kastam dan barangan lain yang dikawal pemindahan atau pergerakannya dalam sesuatu tempat atau tempat yang dinyatakan dalam lesen itu. Antara syarat lesen gudang yang perlu dipatuhi adalah pelesen mempunyai jaminan bank yang mencukupi, menjalankan aktiviti yang dibenarkan dan mengekalkan struktur gudang seperti yang ditetapkan.

5.5.1.1. Jaminan Bank

a. PTK Bil. 53 (bertarikh 31 Disember 2013) menetapkan pemegang lesen GBA dikehendaki mengemukakan jaminan bank sebanyak 10% dari jumlah purata bulanan bagi tempoh setahun ke atas duti/cukai yang terlibat untuk barangan yang disimpan dalam gudang. Manakala pemegang lesen GBP hendaklah mengemukakan jaminan bank dengan kadar 100% dari duti/cukai yang dikira semasa mengikut anggaran simpanan penuh gudang.

b. Semakan Audit mendapati 40 (93.02%) daripada 43 GBA/GBP telah mengemukakan jaminan bank yang sah mengikut kadar duti/cukai yang ditetapkan. Bagaimanapun, sebanyak 3 GBP mempunyai jaminan bank yang tidak mencukupi (100% nilai duti/cukai) seperti jadual berikut:

JADUAL 5.5
JAMINAN BANK YANG TIDAK MENCUKUPI

BIL.	NEGERI	PELESEN	NILAI DUTI/CUKAI SEPATUTNYA (RM Juta)	JAMINAN BANK SEDIA ADA (RM Juta)	KEKURANGAN (RM Juta)
1.	Perlis	Emas Kerajang Sdn. Bhd.	15.00	1.50	13.50
2.	WP Kuala Lumpur	Luen Heng F & B Sdn. Bhd. (Taman Midah)	0.62	0.25	0.37
3.		Luen Heng F & B Sdn. Bhd. (Desa Tun Razak)	0.94	0.75	0.19
JUMLAH			**16.56**	**2.50**	**14.06**

Sumber : JKDM Negeri

c. Perkara ini berlaku kerana JKDM Negeri berkenaan masih mengamalkan PTK Bil. 53 (Edisi Tahun 2010 yang dibatalkan pada 31 Disember 2013) di mana pemegang lesen GBP hanya perlu mengemukakan jaminan bank sebanyak 10% dari jumlah purata bulanan bagi tempoh setahun ke atas duti/cukai yang terlibat untuk barangan yang disimpan dalam gudang.

Maklum Balas JKDM Yang Diterima Pada 9 Mac 2016 Dan 4 April 2016

a. JKDM Perlis

Bahagian Perkastaman/GST telah menghantar surat kepada pihak syarikat Emas Kerajang Sdn. Bhd. untuk menambah nilai jaminan bank berjumlah RM13.5 juta melalui surat nombor rujukan KE.RB(05)264/01-01-8(09) bertarikh 9 Mac 2016. Syarikat Emas Kerajang Sdn. Bhd. telah mengemukakan jaminan bank tambahan bernilai RM8.5 juta pada 31 Mac 2016.

b. JKDM WPKL

i. Cawangan Penggudangan WPKL telah menghantar surat kepada syarikat Luen Heng F & B Sdn. Bhd. untuk menambah nilai jaminan bank seperti yang dikehendaki melalui surat nombor rujukan KE.WB (25)264/03/361/10 (76) bertarikh 19 Januari 2016. Surat peringatan juga telah dihantar pada 12 Februari 2016 dan syor tindakan pembatalan lesen dihantar ke Ibu Pejabat sekiranya pihak syarikat gagal mengemukakan jaminan bank dalam tempoh satu bulan dari tarikh surat peringatan dikeluarkan.

ii. Pihak syarikat telah memaklumkan melalui surat bertarikh 18 Februari 2016 untuk menangguhkan sementara permintaan penambahan jaminan bank sebanyak RM560,000 disebabkan pihak syarikat dalam proses perpindahan ke gudang baru. Syarikat akan menambah jaminan bank berdasarkan jumlah stok di gudang baru.

iii. Satu sesi dialog berhubung dengan penambahan jaminan bank telah diadakan pada 22 Februari 2016 dengan pelesen-pelesen gudang berlesen persendirian.

iv. Bagaimanapun, semakan lanjut mendapati syarikat Luen Heng F&B Sdn. Bhd. ada mengemukakan jaminan bank berjumlah RM9.5 juta di JKDM Negeri Selangor selain daripada jaminan bank berjumlah RM1 juta di WP Kuala Lumpur. Jumlah keseluruhan jaminan bank tersebut adalah mencukupi untuk menanggung pembayaran melalui cek dan jaminan keselamatan hasil di Negeri Selangor dan WP Kuala Lumpur selaras dengan surat KE.HE(44)051/05 KLT.8 (33) bertarikh 23 Mei 2013.

5.5.1.2. Aktiviti Yang Dibenarkan Dalam Gudang Berlesen

a. Gudang berlesen hanya dibenarkan menjalankan beberapa aktiviti tertentu sahaja antaranya adalah pecah pukal dan pembungkusan semula. Setiap aktiviti yang dijalankan perlu mendapat kelulusan daripada JKDM.

b. Lawatan Audit mendapati 26 (96.3%) daripada 27 GBA/GBP telah menjalankan aktiviti penggudangan yang dibenarkan oleh JKDM kecuali GBP Chamber Dynasty Sdn. Bhd. di Kota Kinabalu, Sabah dengan tempoh sah lesen pada 7 Februari 2014 hingga 6 Februari 2016.

c. Lawatan Audit pada 8 September 2015 mendapati tiada aktiviti penggudangan dijalankan oleh pelesen tersebut dan premis kedai yang dilesenkan telah dijadikan sebuah restoran makanan. Selain itu, alamat surat menyurat restoran makanan tersebut menggunakan alamat premis yang dilesenkan sebagai GBP. Sewaktu lawatan Audit, JKDM telah cuba menghubungi pihak pelesen gudang tetapi tidak berjaya. Penjelasan lanjut adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 5.1

GBP Chamber Dynasty Sdn. Bhd., Kota Kinabalu - Premis Gudang Berlesen Dijadikan Restoran Makanan (08.09.2015)

GAMBAR 5.2

GBP Chamber Dynasty Sdn. Bhd., Kota Kinabalu - Penyata Akaun Bank Yang Menunjukkan Alamat Restoran Makanan Yang Sama Dengan Premis GBP (08.09.2015)

Maklum Balas JKDM Yang Diterima Pada 9 Mac 2016

JKDM Sabah telah membatalkan lesen GBP Chamber Dynasty Sdn. Bhd. melalui surat rujukan KE.SB(83)264/01-97(6) bertarikh 16 November 2015.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pematuhan terhadap syarat operasi lesen gudang adalah baik. Bagaimanapun, pihak JKDM tidak menetapkan nilai jaminan bank yang betul dan telah mengakibatkan sejumlah RM14.06 juta duti barangan tidak dilindungi bagi memelihara kepentingan hasil Kerajaan. Namun begitu, selepas teguran Audit, jaminan bank tambahan berjumlah RM8.5 juta telah dikemukakan oleh Syarikat Emas Kerajang Sdn. Bhd. di Perlis. Manakala bagi Syarikat Luen Heng F&B Sdn. Bhd., pihak JKDM WP Kuala Lumpur hanya menyedari bahawa syarikat ini juga mempunyai jaminan bank bernilai RM9.5 juta untuk menanggung pembayaran melalui cek dan jaminan keselamatan hasil di JKDM Negeri Selangor. Jumlah ini adalah mencukupi untuk menampung kekurangan jaminan bank untuk GBP ini di WP Kuala Lumpur.

5.5.2. Pengurusan Penyimpanan Barangan Berduti

Mengikut Akta Kastam 1967, barangan berduti yang mana pembayaran duti dan cukai yang ditangguhkan hendaklah disimpan di dalam gudang berlesen sehingga barangan dikeluarkan untuk penggunaan tempatan atau untuk dieksport semula. Semua bungkusan atau kontena yang dibawa masuk ke gudang berlesen hendaklah ditandakan dengan label nombor lot serta tarikh pengimportan pada barangan berduti dan ditempatkan atau disusun agar mudah untuk diperiksa. Selain itu, tempoh simpanan barangan berduti di dalam gudang berlesen adalah selama 2 tahun dari tarikh ianya diimport. Selepas tempoh tersebut, pemegang lesen dikehendaki membayar duti dan cukai ke atas barangan berkenaan.

5.5.2.1. Barangan Berduti Disimpan Dalam Kawasan Dilesenkan

a. Mengikut Seksyen 66(1) Akta Kastam 1967, semua barang-barang yang diimport apabila sampai hendaklah didepositkan dalam gudang kastam atau gudang berlesen atau sesuatu gudang yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Kastam. Seksyen 66(1)(a) Akta Kastam 1967 pula menerangkan bahawa Ketua Pengarah, jika berpuas hati bahawa atas sebab berat, kuantiti atau besarnya mana-mana barang itu atau kerana apa-apa sebab lain adalah tidak praktik disimpan dalam gudang kastam, boleh mengarahkan supaya barang-barang itu disimpan dalam mana-mana tempat lain di mana barang-barang sedemikian hendaklah ditafsirkan sebagai berada di bawah kawalan Kastam.

b. Seksyen 65(4) Akta Kastam 1967 menetapkan sekiranya terdapat kekurangan kuantiti barangan berduti yang sepatutnya berada di dalam gudang berlesen itu adalah dianggap telah memindahkan barangan tersebut

dan hendaklah membayar kepada JKDM duti kastam yang boleh dilevi ke atas barangan yang berkurangan itu.

c. Semakan dan lawatan Audit ke 27 GBA/GBP mendapati barangan berduti telah disimpan di kawasan yang telah dilesenkan kecuali satu GBA di JKDM Sandakan, Sabah. Lawatan Audit pada 9 September 2015 mendapati GBA Sabah Port Sdn. Bhd. menyimpan barangan berduti kritikal iaitu rokok kepunyaan GBP Lautan Mas Jaya Sdn. Bhd. yang bernilai RM1.4 juta untuk dieksport ke Filipina. Barangan berduti kritikal ini disimpan dalam kontena-kontena yang terletak dalam gudang berlesen dan juga di kawasan terbuka Pelabuhan Sandakan yang tidak dilesenkan tetapi masih berada di bawah kawalan pihak Kastam. Perkara ini berlaku disebabkan kekurangan ruang di dalam GBA Sabah Port Sdn. Bhd. Penjelasan lanjut adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 5.3

GAMBAR 5.4

GBA Sabah Port Sdn. Bhd., Sandakan
- Dua Lokasi Penyimpanan Gudang Berlesen
(09.09.2015)

GAMBAR 5.5

GBA Sabah Port Sdn. Bhd., Sandakan
- Barangan Berduti Ditempatkan Di Dalam Gudang
(09.09.2015)

GAMBAR 5.6

GBA Sabah Port Sdn. Bhd., Sandakan
- Barangan Berduti Ditempatkan Di Kawasan Terbuka
(09.09.2015)

d. Barangan berduti yang ditempatkan di kawasan terbuka Pelabuhan Sandakan boleh menyebabkan risiko kehilangan yang lebih tinggi. Semakan Audit mendapati pihak JKDM Sandakan telah mengeluarkan sebanyak 6 notis tuntutan duti import terhadap GBA Sabah Port Sdn. Bhd. berjumlah **RM1.09 juta** akibat daripada kehilangan barangan berduti kritikal yang disimpan di dalam kontena-kontena yang berada di kawasan terbuka. Perkara ini hanya diketahui apabila GBP Lautan Mas Jaya Sdn. Bhd. melaporkan kehilangan barangan berduti tersebut kepada JKDM Sandakan.

e. Lawatan Audit selanjutnya ke GBP Lautan Mas Jaya Sdn. Bhd. di Lot 6, Ka Shing Industrial Centre, Mile 7, Jalan Labuk, Sandakan yang terletak 15 km daripada Pelabuhan Sandakan mendapati gudang adalah kosong dan tidak digunakan. Penjelasan lanjut adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 5.7

GBP Lautan Mas Jaya Sdn. Bhd., Sandakan - Gudang Kosong Dan Tidak Digunakan (09.09.2015)

Maklum Balas JKDM Yang Diterima Pada 9 Mac 2016

a. JKDM Sabah telah mengarahkan GBA Sabah Port Sdn. Bhd. untuk membuat permohonan lesen di kawasan terbuka dengan mengemukakan pelan lakaran terbaru melalui surat rujukan KE.SB(83)264/01-89(09) bertarikh 11 Mei 2015. Selain itu, JKDM Sabah telah memaklumkan GBA Sabah Port Sdn. Bhd. supaya hanya meletakkan semua barang kritikal dalam kawasan yang dilesenkan sahaja melalui surat rujukan KE.SB(83)264/01-89(10) bertarikh 10 Feb 2016.

b. JKDM Sabah telah mengeluarkan 6 notis tuntutan duti import berjumlah RM1.09 juta kepada GBA Sabah Port Sdn. Bhd. bertarikh 2 September 2015 akibat daripada kehilangan barangan berduti kritikal yang disimpan dalam kontena-kontena yang berada di kawasan terbuka GBA Sabah Port Sdn. Bhd.. Perkara ini masih lagi belum diselesaikan oleh pihak GBA Sabah Port Sdn. Bhd. dan tuntutan tersebut telah diserahkan kepada Cawangan ABT/ Penguatkuasaan untuk tindakan lanjut.

c. Semasa pengauditan dijalankan, didapati GBP Lautan Mas Jaya Sdn. Bhd. tidak digunakan kerana tiada aktiviti penggudangan pada masa tersebut. Bagaimanapun, lawatan mengejut oleh Bahagian Penguatkuasaan, Sandakan mendapati ada aktiviti penyimpanan barangan kritikal (rokok) di dalam gudang tersebut.

5.5.2.2. Penyimpanan Barangan Berduti Melebihi Tempoh Dua Tahun

a. Mengikut PTK Bil. 53, tempoh simpanan barangan berduti di dalam premis yang dilesenkan adalah selama 2 tahun dari tarikh ianya diimport. Selepas tempoh tersebut, pemegang lesen dikehendaki membayar duti dan cukai ke atas barangan berkenaan. Bagaimanapun, sekiranya tuan punya barang memerlukan tempoh yang lebih lama, permohonan secara bertulis dengan menyatakan alasan yang munasabah hendaklah dikemukakan kepada PKN **selewat-lewatnya 30 hari sebelum** tempoh simpanan tamat.

b. Semakan Audit mendapati 8 (29.6%) daripada 27 gudang berlesen mempunyai barangan berduti yang melebihi tempoh simpanan 2 tahun. Dua daripada 8 gudang sahaja yang telah memohon dan mendapat kelulusan perlanjutan tempoh daripada PKN. Manakala bagi 6 GBP tiada permohonan lanjutan tempoh dibuat. Anggaran duti bagi barangan tersebut adalah berjumlah RM2.10 juta yang sepatutnya dibayar oleh pemegang lesen pada akhir tahun 2015. Butiran adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 5.6
BARANGAN BERDUTI YANG MELEBIHI TEMPOH SIMPANAN 2 TAHUN

BIL.	NEGERI	NAMA SYARIKAT	JUMLAH BARANGAN YANG MELEBIHI 2 TAHUN (Jenis)	TEMPOH SIMPANAN (Bulan)	DUTI TERLIBAT (RM Juta)
1.	Perlis	AGM Duty Free (U) Sdn. Bhd.	12	31 – 45	0.78
2.		Emas Kerajang Sdn. Bhd.	12	36 – 45	0.30
3.		Golden Diligence Sdn. Bhd.	8	31 – 41	0.11
4.	WP Kuala Lumpur	Fortier Wines & Spirits Sdn. Bhd.	46	25 – 61	0.64
5.		Luen Heng F&B Sdn. Bhd.	12	33 – 110	0.18
6.	Johor	Aksi Aktif Sdn. Bhd.	10	62 – 116	0.09
JUMLAH			**100**		**2.10**

Maklum Balas JKDM Yang Diterima Pada 9 Mac 2016 Dan 4 April 2016

a. JKDM Perlis

i. AGM Duty Free (U) Sdn. Bhd. – Permohonan lanjutan tempoh penyimpanan barang di gudang telah dibuat pada 6 Julai 2015 dan diluluskan oleh Bahagian Perkastaman, JKDM Perlis pada 27 Julai 2015.

ii. Emas Kerajang Sdn. Bhd. – Permohonan lanjutan tempoh penyimpanan barang di gudang telah dibuat pada 3 September 2015 dan diluluskan oleh pihak JKDM Perlis pada 22 September 2015.

iii. Golden Diligence Sdn. Bhd. – Permohonan lanjutan tempoh penyimpanan barang di gudang telah dibuat pada 6 Ogos 2015 dan 18 September 2015 dan diluluskan oleh pihak JKDM Perlis pada 18 Ogos 2015 dan 22 September 2015.

b. JKDM WPKL

i. Cawangan Penggudangan WPKL telah menghantar surat peringatan mengenai pembayaran duti ke atas stok melebihi 24 bulan kepada syarikat Fortier Wines & Spirits Sdn. Bhd. bertarikh 30 November 2015. Syarikat ini turut membuat surat permohonan lanjutan tempoh penyimpanan dagangan melebihi 24 bulan pada 15 Februari 2016 dan telah diluluskan oleh PKN WP Kuala Lumpur pada 22 Mac 2016.

ii. Bagi syarikat Luen Heng F&B Sdn. Bhd. pula, surat peringatan yang sama mengenai pembayaran duti ke atas stok melebihi 24 bulan telah pun dihantar pada 30 November 2015. Syarikat ini juga telah pun mengemukakan surat permohonan perlanjutan tempoh simpanan ke atas barang-barang yang disimpan melebihi 24 bulan pada 30 Disember 2015 dan telah menerima kelulusan perlanjutan dari PKN.

iii. Surat peringatan juga turut dihantar kepada syarikat-syarikat lain bagi memohon kelulusan perlanjutan tempoh penyimpanan barangan berduti.

c. JKDM Johor

Pemeriksaan 100% telah dijalankan pada 22 Februari 2016 dan mendapati barangan yang digudangkan telah tamat tempoh. Syarikat Aksi Aktif Sdn. Bhd. telah memohon untuk membuat pelupusan ke atas kesemua barangan yang terlibat pada 24 Februari 2016.

Pada pendapat Audit, secara umumnya kawalan terhadap pengurusan penyimpanan barangan berduti di gudang berlesen adalah memuaskan. Bagaimanapun, pihak JKDM tidak memastikan pemegang lesen memohon lanjutan tempoh untuk penyimpanan barangan yang melebihi tempoh 2 tahun tanpa bayaran duti/cukai. Sehingga akhir tahun 2015, JKDM sepatutnya boleh menuntut anggaran duti berjumlah RM2.10 juta daripada GBP yang tidak memohon lanjutan tempoh selewat-lewatnya 30 hari sebelum tempoh simpanan tamat.

5.5.3. Kawalan Terhadap Pemindahan Barangan Berduti

Borang Kastam No. 1 (K1) hendaklah digunakan bagi pemindahan barangan keluar yang melibatkan pembayaran duti *full consignment* atau pemindahan keluar kesemua barangan berduti berkenaan. Manakala Borang Kastam No. 9 (K9) hendaklah digunakan bagi pengeluaran sebahagian sahaja barangan atau *part consignment*. Setelah duti dibayar, Borang Kastam berkenaan hendaklah diendoskan sewajarnya dengan tarikh duti dibayar, amaun duti dibayar dan nombor resit. Sekiranya melibatkan pemindahan dari gudang berlesen ke gudang berlesen lain atau dari gudang berlesen untuk tujuan eksport semula, Borang Kastam No. 8 (K8) hendaklah digunakan. Selain itu, Borang Eksais No. 8 (E8) hendaklah dikemukakan bagi pemindahan dari gudang eksais ke gudang berlesen, Kedai Bebas Cukai (KBC), Pulau Bebas Cukai (PBC) dan eksport semula. Borang K8 dan E8 yang berkenaan hendaklah diendoskan sewajarnya.

5.5.3.1. Pemindahan Barangan Berduti Antara Gudang Berlesen

a. Pada 10 Januari 2014, Ibu Pejabat JKDM telah mengeluarkan arahan bahawa kelulusan pemindahan barangan kritikal melalui kemudahan Borang K8 dan E8 hendaklah diluluskan oleh Pengarah Kastam Negeri/Ketua Bahagian Perkastaman/Ketua Bahagian Cukai Dalam Negeri (kini dikenali Ketua Bahagian GST). Selain itu, pihak Urus Setia Bahagian Perkastaman Negeri hendaklah mengemukakan Penyata Bulanan Penggunaan Borang K8 dan E8 Barangan Kritikal ke Cawangan Risikan Ibu Pejabat selewat-lewatnya pada 10 hari bulan berikutnya.

b. Semakan Audit mendapati 5 JKDM Negeri yang dilawati telah mengawal pemindahan barangan kritikal antara gudang berlesen dengan teratur seperti yang berikut:

   i. kegunaan Borang K8 dan E8 telah diendoskan sewajarnya oleh Stesen Gudang Penerima; dan

   ii. pihak Urus Setia Bahagian Perkastaman Negeri telah mengemukakan Penyata Bulanan Penggunaan Borang K8 dan E8 Barangan Kritikal ke Cawangan Risikan Ibu Pejabat sebelum tarikh yang ditetapkan.

5.5.3.2. Pemindahan Barangan Kritikal Menggunakan Jalan Raya Dan Kereta Api Ke Thailand

a. Mulai tahun 2014, Ibu Pejabat JKDM telah mengeluarkan syarat tambahan kepada gudang berlesen yang terlibat dengan pemindahan/pengeksportan minuman keras dan rokok yang menggunakan jalan raya dan kereta api ke Thailand melalui Stesen Padang Besar dan Wang Kelian di Perlis, Bukit Kayu Hitam dan Durian Burung di Kedah. Antara syarat tambahan adalah:

   i. dagangan hendaklah dipastikan sebenarnya dieksport dan mengemukakan bukti pembayaran daripada syarikat pengimport di Thailand berserta lain-lain dokumen asal/salinan asal seperti invois, pesanan pembelian dan pesanan penghantaran sebelum sebarang pemindahan menggunakan Borang K8 boleh dibenarkan; dan

   ii. pihak pelesen dikehendaki menyimpan semua rekod transaksi bagi tujuan semakan JKDM pada bila-bila masa diperlukan. Di samping itu, pelesen perlu menyedia dan menyerahkan penyata imbangan bulanan (mengandungi butir-butir pengeksportan dan bukti pembayaran dari pengimport di Thailand) kepada PKN sebelum 10 hari bulan berikutnya.

b. Semakan Audit mendapati kesemua 4 daripada 6 pelesen GBP di Perlis iaitu syarikat Warisan Limpahan Sdn. Bhd., Golden Diligence Sdn. Bhd., Emas Kerajang Sdn. Bhd. dan Gold Mine Maxim Sdn. Bhd. yang berurus niaga dengan syarikat di Thailand telah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan tetapi tidak mengemukakan bukti pembayaran dan penyata imbangan bulanan kepada Stesen Kastam Padang Besar, Perlis sejak syarat tambahan dikenakan. Dengan itu, **pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada minuman keras dan rokok telah sebenarnya dieksport dan dibeli oleh syarikat pengimport daripada Thailand.**

Maklum Balas JKDM Yang Diterima Pada 9 Mac 2016

a. Tiga dari 4 buah GBP iaitu syarikat Warisan Limpahan Sdn. Bhd., Golden Diligence Sdn. Bhd. dan Gold Mine Maxim Sdn. Bhd. memiliki kelulusan

eksport daripada Ibu Pejabat JKDM Putrajaya manakala syarikat Emas Kerajang Sdn. Bhd. tidak memiliki surat kelulusan eksport (untuk jualan runcit sahaja).

b. Tindakan pembetulan telah dibuat dengan serta-merta dengan memaklumkan kepada pihak syarikat untuk mengikut prosedur tersebut dan menyediakan penyata imbangan bulanan melalui surat KE.RC(35)264/01 Klt.3/(01) bertarikh 10 Februari 2016.

c. Syarikat Gold Mine Maxim Sdn. Bhd. telah mengemukakan Penyata Imbangan bagi bulan Januari 2016 pada 15 Februari 2016.

5.5.3.3. Bekalan Kapal Oleh Gudang Berlesen Persendirian

a. Menurut Perintah Tetap Kastam Bilangan 38: Bekalan Kapal (PTK Bil. 38), adalah menjadi amalan antarabangsa untuk membenarkan penggunaan dan pembekalan barang (berduti dan tidak berduti) sebagai bekalan kapal semasa kapal berada di kawasan pelabuhan sesebuah negara. Perkara 10, PTK Bil. 38 (Prosedur Memindah Bekalan Kapal) menetapkan prosedur berikut hendaklah diikuti bagi maksud memindah bekalan berduti ke kapal-kapal:

   i. bagi barang-barang yang dipindah dari gudang-gudang berlesen, pengikraran hendaklah dibuat di dalam Borang K8 (pemindahan) dan bagi barang-barang selainnya diikrar dalam Borang K2 (eksport);

   ii. pemindahan barangan berduti dari pelabuhan ke kapal hendaklah diiringi oleh Pegawai Kastam bagi tujuan meterai stor-stor kapal;

   iii. perakuan penerimaan hendaklah dibuat oleh nakhoda kapal atau wakilnya ke atas Borang K8 atau K2 apabila borang-borang telah diterima di kapal dan dihantar kepada pegawai yang mengeluarkan bekalan stor tidak lewat dari hari kerja berikutnya; dan

   iv. sekiranya perakuan penerimaan tidak diterima bagi bekalan berduti yang telah dikeluarkan, maka pihak pembekal hendaklah diminta menjelaskan duti-duti yang terlibat.

b. Semakan Audit mendapati:

   i. daripada 43 GBA/GBP hanya 4 GBP di Negeri Johor iaitu syarikat Holsten Marketing (M) Sdn. Bhd., Master Supplier Sdn. Bhd., Air Biru Ship Suppliers Sdn. Bhd. dan Popular Venture Sdn. Bhd. terlibat dalam menjalankan aktiviti pembekalan bekalan kapal;

   ii. secara umumnya, prosedur pemindahan bekalan berduti ke kapal-kapal telah dipatuhi sepertimana di dalam Perkara 10 PTK Bil. 38;

   iii. namun begitu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan pemindahan barangan berduti dari pelabuhan ke kapal telah diiringi oleh Pegawai

Kastam bagi tujuan memeterai stor-stor kapal. Ini disebabkan JKDM tidak mempunyai mekanisme bagi memastikan Pegawai Kastam mengiringi barangan berduti untuk tujuan meterai stor-stor kapal. Sepanjang tahun 2013 hingga 2015, terdapat minuman keras dan rokok dengan duti terkorban berjumlah RM20.27 juta daripada aktiviti pembekalan bekalan kapal kepada kapal-kapal yang berlabuh di Jetty Batu Pahat, Pelabuhan Tanjung Pelepas, Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Langsat, Johor. Penjelasan lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 5.7
PEMBEKALAN BARANGAN BERDUTI KE KAPAL
UNTUK TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA 2015

BIL.	GUDANG BERLESEN	PELABUHAN	DUTI TERKORBAN (RM Juta)			
			2013	2014	2015	JUMLAH
1.	Holsten Marketing (M) Sdn. Bhd. (J1R & J11)	Jetty Batu Pahat (J11 & J2B)	4.86	0.62	0.33	5.81
		Pelabuhan Pasir Gudang (J15)	0.06	0.19	-	0.25
JUMLAH			**4.92**	**0.81**	**0.33**	**6.06**
2.	Master Suppliers Sdn. Bhd. (J51)	Pelabuhan Tanjung Pelepas (J33)	-	-	0.01	0.01
		Pelabuhan Pasir Gudang (J15)	0.03	-	-	0.03
JUMLAH			**0.03**	**-**	**0.01**	**0.04**
3.	Air Biru Ship Suppliers Sdn. Bhd. (J52)	Pelabuhan Tanjung Pelepas (J33)	2.94	3.93	1.31	8.18
		Pelabuhan Pasir Gudang (J15)	0.64	0.63	0.18	1.45
		Pelabuhan Tanjung Langsat (J76)	0.02	0.04	-	0.06
JUMLAH			**3.60**	**4.60**	**1.49**	**9.69**
4.	Popular Venture Sdn. Bhd. (J53)	Pelabuhan Tanjung Pelepas (J33)	2.55	-	-	2.55
		Pelabuhan Pasir Gudang (J15)	0.62	1.02	0.23	1.87
		Pelabuhan Tanjung Langsat (J76)	0.02	0.03	0.01	0.06
JUMLAH			**3.19**	**1.05**	**0.24**	**4.48**
JUMLAH KESELURUHAN			**11.74**	**6.46**	**2.07**	**20.27**

Maklum Balas JKDM Yang Diterima Pada 4 April 2016

JKDM Johor telah diarahkan untuk menubuhkan satu pasukan siasatan yang diketuai oleh Bahagian Penguatkuasaan untuk menyiasat kes yang melibatkan ketidakpatuhan kepada PTK Bil. 38 termasuk memastikan Pegawai Kastam mengiringi barangan berduti untuk tujuan pemindahan barangan berduti dari pelabuhan ke kapal.

5.5.3.4. Pemindahan Barangan Kritikal Ke Pulau Bebas Cukai

a. Mengikut PTK Bil. 53, bagi pemindahan melalui laut dari gudang berlesen ke PBC (Langkawi, Labuan dan Tioman) hendaklah menggunakan Borang

K8/E8 sehingga ke pelabuhan. Seterusnya, untuk pemindahan ke stesen import di PBC hendaklah menggunakan manifes dan diikrar menggunakan Borang K1 yang tidak melibatkan sebarang duti/cukai tetapi sebagai rujukan untuk barangan berduti yang dibawa masuk ke dalam PBC.

b. Semakan Audit mendapati pemindahan melalui laut dari gudang eksais/gudang berlesen ke Langkawi dan Tioman telah menggunakan Borang K8/E8 sehingga ke pelabuhan. Seterusnya, untuk pemindahan ke stesen import di Tanjung Lembong, Langkawi manifes digunakan dan diikrar melalui Borang K1. Manakala untuk pemindahan ke Tioman diikrar dalam Borang K2 (eksport) dan diendoskan dengan teratur.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya kawalan terhadap pemindahan barangan berduti adalah memuaskan. Bagaimanapun, ketidakpatuhan syarat tambahan oleh pelesen gudang yang berurus niaga dengan syarikat Thailand dan kegagalan Pegawai Kastam mengiringi pemindahan barangan kritikal yang mempunyai kadar duti yang tinggi ke kapal boleh mengakibatkan penyalahgunaan kemudahan yang telah diberikan oleh JKDM dan terdedah kepada berlakunya penyeludupan dan ketirisan hasil Kerajaan.

5.5.4. Pemantauan

5.5.4.1. Penyata Stok Bulanan

a. Mengikut PTK Bil. 53 Lampiran D, Penyata Stok Bulanan sepertimana yang telah ditetapkan (deskripsi barang, nombor lot, kuantiti barang, nilai barang, tarikh masuk, tarikh tamat simpanan, tarikh keluar dan baki barang) hendaklah dikemukakan kepada Pegawai Kastam yang mengawal gudang pada atau sebelum 10 hari bulan berikutnya.

b. Semakan Audit mendapati penyata stok bulanan yang disediakan oleh semua GBA/GBP yang disemak adalah mematuhi PTK Bil. 53.

5.5.4.2. Rekod Stok Tidak Disahkan Oleh Juruaudit Bertauliah

a. PTK Bil. 53 menetapkan pemeriksaan fizikal stok tahunan hendaklah dijalankan setiap tahun dan rekod stok yang disimpan hendaklah diaudit dan disahkan oleh seorang Juruaudit Bertauliah. Satu salinan laporan audit hendaklah diserahkan kepada Pegawai Kanan yang mengawal gudang.

b. Semakan Audit mendapati hanya GBA Modern Warehouse & Transport Sdn. Bhd. di Johor Bahru, Johor dan GBP Syarikat Jarum Edar Sdn. Bhd. di Miri, Sarawak daripada 43 gudang berlesen awam dan persendirian yang telah mendapatkan pengesahan Juruaudit Bertauliah sebagaimana ditetapkan oleh PTK Bil. 53.

Maklum Balas JKDM Yang Diterima Pada 4 April 2016

Sijil audit daripada Juruaudit Bertauliah merupakan satu kos tambahan kepada syarikat. Dari segi amalan, JKDM hanya meminta pemilik syarikat untuk mengemukakan sijil audit oleh Juruaudit Bertauliah sekiranya JKDM mengesyaki berlaku ketidakpatuhan atau perlanggaran syarat PTK Bil. 53. Bagi syarikat yang mematuhi segala perundangan, syarikat tidak dikehendaki untuk mengemukakan sijil tersebut. PTK Bil. 53 akan dikemas kini oleh JKDM.

5.5.4.3. Pemeriksaan Fizikal Stok

a. Pemeriksaan Fizikal Stok Oleh JKDM

i. PTK Bil. 53, Perkara 10.1.5. menetapkan pegawai yang mengawal gudang perlu membuat pengesahan penerimaan dan membuat semakan ke atas penyata bulanan stok. Selain itu, pemeriksaan fizikal setahun sekali secara 100% hendaklah dilakukan.

ii. Semakan Audit mendapati semua JKDM Negeri yang dilawati telah melaksanakan semakan ke atas penyata bulanan stok yang telah diserah oleh pelesen gudang masing-masing. Namun begitu, pemeriksaan fizikal setahun sekali secara 100% bagi tempoh 3 tahun hanya dilaksanakan sebanyak 68 (54.8%) daripada 124 kali bagi kelima-lima JKDM Negeri yang dilawati seperti jadual berikut:

JADUAL 5.8
PEMERIKSAAN FIZIKAL OLEH JKDM NEGERI

NEGERI	NAMA GUDANG BERLESEN	BILANGAN PEMERIKSAAN FIZIKAL			
		2013	2014	2015	JUMLAH
WP Kuala Lumpur	Caldbeck MacGregor (M) Sdn. Bhd.	-	1	1	2
	Asiaeuro Wines & Spirits Sdn. Bhd.	-	1	1	2
	Dynamic International Wines & Spirits Sdn. Bhd.	*	*	*	*
	Fortier Wines & Spirits Sdn. Bhd.	-	-	-	-
	Sunrise Wines & Spirits Sdn. Bhd.	-	-	-	-
	Luen Heng F & B Sdn. Bhd.	-	1	1	2
		-	1	1	2
	Thai Seng Liquor Sdn. Bhd.	-	-	1	1
	Tobacco Importers And Manufacturers Sdn. Bhd.	-	-	**	-
Perlis	Warisan Limpahan Sdn. Bhd.	1	1	-	2
	AGM Duty Free (U) Sdn. Bhd.	1	1	1	3
	Ocean Chandlers Sdn. Bhd.	1	1	***	2
	Golden Diligence Sdn. Bhd.	1	1	1	3
	Emas Kerajang Sdn. Bhd.	1	1	1	3
	Gold Mine Maxim Sdn. Bhd.	1	1	1	3
Johor	Holsten Marketing (M) Sdn. Bhd.	1	1	1	3
		1	1	1	3
	Saudamaju Sdn. Bhd.	1	-	1	2
	Modern Warehouse & Transport Sdn. Bhd.	-	1	1	2
	Master Suppliers Sdn. Bhd.	-	1	1	2
	Air Biru Ship Suppliers Sdn. Bhd.	1	-	1	2
	Popular Venture Sdn. Bhd.	-	1	1	2
	Aksi Aktif Sdn. Bhd.	-	1	1	2

NEGERI	NAMA GUDANG BERLESEN	BILANGAN PEMERIKSAAN FIZIKAL			
		2013	2014	2015	JUMLAH
Sabah	Malaysian Airlines System Berhad	TM	1	1	2
	Kwong Hin (Hup Kee) Sdn. Bhd.	TM	1	TM	1
	Sabah Ports Sdn. Bhd.	TM	TM	TM	TM
	Fortunation Sdn. Bhd.	TM	1	TM	1
	Bondestiny Sdn. Bhd.	TM	1	TM	1
	Plaza Megah Venture Sdn. Bhd.	TM	1	TM	1
	Fila Corporation Sdn. Bhd.	TM	TM	TM	TM
		TM	TM	TM	TM
	Incomaster Sdn. Bhd.	TM	1	TM	1
	Kinabalu Eagle Import & Export Sdn. Bhd.	TM	TM	TM	TM
	Everich Resources Sdn. Bhd.	TM	TM	TM	TM
	Chamber Dynasty Sdn. Bhd.	TM	1	1	2
	Borneo Ehsan Jaya Sdn. Bhd.	TM	1	TM	1
	Lautan Mas Jaya Sdn. Bhd. (Sandakan)	TM	1	TM	1
	Fortunation Sdn. Bhd. (Sandakan)	1	TM	TM	1
	Suria Komited Sdn. Bhd. (Sandakan)	TM	1	TM	1
Sarawak	Kahong Sdn. Bhd. (Kuching)	1	1	1	3
	Camsoon Sdn. Bhd. (Bintulu)	1	1	1	3
	Kho Meng Say Sdn. Bhd. (Bintulu)	1	1	1	3
	Syarikat Jarum Edar Sdn. Bhd. (Miri)	1	1	1	3
JUMLAH					68

Nota : TM - Tiada Maklumat
(*) - Syarikat Dibubarkan Pada Tahun 2012
(**) - Pemeriksaan Fizikal 100% Untuk Pematuhan Sahaja
(***) - Tiada Permohonan Baru Lesen

b. Pemeriksaan Fizikal Stok Oleh Pasukan Audit

Pemeriksaan fizikal stok oleh pihak Audit terhadap 27 GBA/GBP mendapati:

i. kuantiti barangan berduti adalah sama dengan rekod stok di semua GBA/GBP.

ii. barangan berduti yang masih baik dan boleh digunakan disimpan dalam 26 GBA/GBP kecuali satu GBP iaitu syarikat Kinabalu Eagle Import & Export Sdn. Bhd. di Kota Kinabalu, Sabah yang mempunyai barangan berduti rosak dan telah tamat tarikh luput dengan nilai duti sejumlah RM238,433. Menurut syarat GBP di Lampiran E, PTK Bil. 53 pengurangan duti atau cukai tidak dibenarkan atas mana-mana barangan berduti yang disimpan di dalam gudang berlesen melainkan ada bukti hingga memuaskan Ketua Pengarah Kastam bahawa barangan tersebut hilang, rosak atau musnah akibat kemalangan yang tidak dapat dielakkan. Jika barangan mempunyai tarikh luput, pemegang lesen hendaklah memastikan barangan tersebut dibawa keluar sebelum tarikh luput tersebut untuk mengelakkan dari kerosakan. Maklumat barangan berduti adalah seperti dalam jadual dan gambar berikut:

JADUAL 5.9
BARANGAN BERDUTI YANG ROSAK/TAMAT TARIKH LUPUT
DI GBP KINABALU EAGLE IMPORT & EXPORT SDN. BHD., KOTA KINABALU

BIL.	BARANG DAGANGAN	SEMAKAN FIZIKAL AUDIT (Karton)	DUTI TERLIBAT (RM)
1.	Bavaria Premium Beer (tin 500ml)	306	62,892
2.	Bavaria Premium Beer (botol 500ml)	194	50,500
3.	Bavaria Premium Beer (tin 330ml)	203	27,254
4.	Bavaria Premium Beer (tin 330ml)	198	26,583
5.	Bavaria Special Blend Beer (tin 500ml)	75	16,535
6.	Holland Import (tin 500ml)	160	32,725
7.	Holland Import (tin 330ml)	150	20,512
8.	Bavaria – Absinthe (tin 500ml)	14	1,432
JUMLAH			**238,433**

GAMBAR 5.8

GAMBAR 5.9

GBP Kinabalu Eagle Import & Export Sdn. Bhd., Kota Kinabalu
- Barangan Berduti Yang Rosak
(08.09.2015)

GAMBAR 5.10

GAMBAR 5.11



GBP Kinabalu Eagle Import & Export Sdn. Bhd., Kota Kinabalu
- Barangan Berduti Yang Tamat Tarikh Luput Pada Bulan April 2015
(08.09.2015)

Maklum Balas JKDM Yang Diterima Pada 9 Mac 2016

JKDM Sabah mengakui GBP Kinabalu Eagle Import & Export Sdn. Bhd. menyimpan barangan berduti yang rosak dan telah tamat tarikh luput. Cawangan Industri telah mengambil tindakan dengan memberi notis kepada syarikat untuk memohon pelupusan barangan berduti yang telah rosak dan tamat tempoh tersebut melalui surat rujukan KE.SB(83)264/01-75(37) bertarikh 15 Februari 2016.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pemantauan terhadap gudang berlesen adalah kurang memuaskan kerana rekod stok yang disemak oleh Juruaudit Bertauliah tidak diserahkan oleh pelesen, pemeriksaan fizikal setahun sekali secara 100% bagi tempoh 3 tahun hanya dilaksanakan sebanyak 68 (54.8%) daripada 124 kali dan satu GBP mempunyai barangan berduti yang telah tamat tempoh melibatkan duti berjumlah RM238,433.

5.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan kawalan gudang berlesen (minuman keras dan rokok) dapat dilaksanakan secara teratur dan berkesan, adalah disyorkan supaya JKDM memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap perkara seperti yang berikut:

5.6.1. Ibu Pejabat JKDM hendaklah memantau secara bulanan supaya pelesen gudang berlesen persendirian mempunyai jaminan bank yang mencukupi bagi melindungi hasil Kerajaan dan menguatkuasakan PTK Bil. 53 terkini sebelum atau pada 30 Jun 2016;

5.6.2. Pengarah Kastam Negeri hendaklah membuat tuntutan duti/cukai kepada GBP yang mempunyai barangan berduti yang disimpan melebihi 2 tahun tanpa kelulusan tempoh perlanjutan sebelum atau pada 30 Jun 2016;

5.6.3. Pengarah Kastam Negeri hendaklah memastikan prosedur pemindahan barangan berduti dipatuhi khususnya Negeri Kedah dan Perlis bagi syarat tambahan urus niaga dengan pengimport Thailand dan Negeri Selangor, Pulau Pinang dan Johor bagi pemindahan bekalan berduti ke kapal bagi mengelakkan berlakunya ketirisan hasil Kerajaan;

5.6.4. Ibu pejabat JKDM hendaklah mengemas kini PTK Bil. 53 sebelum akhir tahun 2016 supaya syarikat yang disyaki berlaku ketidakpatuhan dan pelanggaran syarat lesen sahaja perlu mengemukakan penyata stok yang disahkan oleh Juruaudit Bertauliah; dan

5.6.5. semua Pengarah Kastam Negeri hendaklah memastikan program pemeriksaan fizikal 100% setahun sekali dilaksanakan.

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

6. PROGRAM BEKALAN AIR LUAR BANDAR (BALB) DI NEGERI SABAH

6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1. Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) telah mula dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia sejak tahun 1974 di bawah Skim *Accelerated Rural Water Supply* dalam Rancangan Malaysia Kedua (RMKe-2). Objektif utama Program BALB adalah untuk menyediakan kemudahan bekalan air bersih dan terawat agar taraf kesihatan dan kualiti hidup masyarakat di kawasan luar bandar dapat dipertingkatkan seterusnya merangsang pembangunan ekonomi, industri, pertanian dan juga pelancongan serta memperluaskan liputan bekalan air di kawasan luar bandar di seluruh negara.

6.1.2. Bagi Negeri Sabah, pelaksanaan Program BALB di bawah Bidang Keberhasilan Negara (NKRA) - Meningkatkan Pembangunan Luar Bandar telah bermula sejak tahun 2010 iaitu di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) 1.0 (tahun 2010 hingga 2012) dan GTP 2.0 (tahun 2013 hingga 2015). Di bawah GTP 1.0 dan GTP 2.0, sebanyak 184 projek BALB dengan peruntukan berjumlah RM2.001 bilion telah dan sedang dilaksanakan.

6.1.3. Bagi tujuan pelaksanaan Program BALB di Negeri Sabah, Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW) bertindak sebagai penyedia peruntukan dan melaksanakan pemantauan berkala manakala Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) dilantik sebagai Pegawai Penguasa. Perunding yang mereka bentuk projek dipertanggungjawabkan sebagai wakil Pegawai Penguasa yang menjalankan pemantauan dan penyeliaan secara langsung terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dan seterusnya bertanggungjawab memperakui kemajuan kerja bagi tujuan pembayaran.

6.1.4. Program BALB terbahagi kepada 3 skop utama seperti jadual berikut:

JADUAL 6.1
SKOP UTAMA PROGRAM BALB

SKOP BALB	PERIHAL
Sistem Retikulasi	Penyambungan paip sistem retikulasi daripada paip utama Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) ke kampung dan rumah (sehingga *meter stand*) termasuk pembinaan tangki dan sistem *booster pump*. Selain itu, penggantian paip-paip lama dibenarkan dengan memberi pertimbangan secara *case by case* berdasarkan bilangan rumah, keperluan penduduk dan prospek pembangunan setempat.
Sistem Alternatif	Membina telaga tiub, telaga terbuka, sistem air graviti dan sebagainya bagi penduduk di luar bandar yang tiada kemudahan bekalan air melalui sistem retikulasi. Selain itu, sistem alternatif sedia ada dibaik pulih atau diubah suai bagi meningkatkan sistem bekalan air kepada penduduk setempat.
Naik Taraf/ Pembinaan Loji Baru	Menaik taraf kapasiti loji atau membina loji di kawasan luar bandar yang mempunyai masalah tekanan dan kapasiti air yang tidak mencukupi bagi memastikan sistem retikulasi yang dipasang dapat berfungsi dengan baik.

6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada Program BALB di Negeri Sabah telah dilaksanakan secara cekap, ekonomik dan teratur serta mencapai objektif yang ditetapkan iaitu bagi menyediakan kemudahan dan memperluaskan liputan bekalan air bersih dan terawat di kawasan luar bandar.

6.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek bagi Program BALB di Negeri Sabah yang dilaksanakan di bawah GTP 1.0 (tahun 2010 hingga 2012) dan GTP 2.0 (tahun 2013 hingga 2015). Pengauditan terperinci telah dijalankan terhadap 12 (6.7%) daripada 180 projek dengan nilai RM388.65 juta (19.4%) meliputi ketiga-tiga skop kerja BALB iaitu sistem retikulasi, sistem alternatif dan naik taraf/pembinaan loji baru. Lawatan dan pemeriksaan telah dibuat di 11 daerah iaitu Keningau, Kota Kinabalu, Semporna, Kudat, Kota Belud, Tuaran, Sipitang, Kinabatangan, Kuala Penyu, Bongawan dan Membakut. Butiran lanjut projek yang dipilih seperti jadual berikut.

JADUAL 6.2
SENARAI PROJEK YANG DIPILIH UNTUK PENGAUDITAN

BIL.	PROJEK	SKOP KERJA	KOS AKHIR PROJEK (RM Juta)
PROJEK DI BAWAH GTP 1.0 (2010 - 2012)			
1.	Bekalan Air Mukim Tulid/Lanas/Sook, Sook, Negeri Sabah	Pembinaan loji dan pemasangan paip retikulasi	98.97
2.	Pemasangan Paip Bekalan Air Ke Pulau Gaya Fasa 1	Pemasangan paip retikulasi	92.35
3.	Sistem Bekalan Air Mukim Nangka, Pinawantai, Matunggong, Sabah	Pemasangan paip retikulasi	41.72
4.	BALB Sistem Retikulasi Tahun 2011/2012 Negeri Sabah - Zon 6A(3), Kota Belud	Pembinaan loji, pemasangan paip retikulasi dan pembinaan sistem graviti	39.77
5.	Menaik Taraf Sistem Bekalan Air Topokon, Tuaran, Negeri Sabah	Pembinaan loji dan pemasangan paip retikulasi	23.01
6.	BALB Sistem Retikulasi Tahun 2011/2012 Negeri Sabah Zon 14B, Sipitang	Pemasangan paip retikulasi	22.54
7.	BALB Sistem Retikulasi Negeri Sabah (Zon 2B), Kuala Penyu	Pemasangan paip retikulasi	4.10
8.	Bekalan Air Kg. Monsuk, Bongawan	Pembinaan sistem graviti	0.35
9.	Bekalan Air Kg. Poring Tengah, Membakut	Pembinaan sistem graviti	0.24
10.	Bekalan Air Kg. Kitana, Membakut	Pembinaan sistem graviti	0.17
11.	Loji Bekalan Air Kg. Sg. Intan, Pemasangan Dan Menaiktaraf Paip Air Bagi Mengatasi Masalah Bekalan Air Di Daerah Semporna, Sabah	Pembinaan loji dan pemasangan paip retikulasi	47.72
12.	BALB Di Kawasan Kinabatangan, Sabah Tahun 2012	Pemasangan paip retikulasi dan pemuliharaan loji sedia ada	17.58
JUMLAH			**388.65**

6.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen yang berkaitan di KKLW dan JANS termasuk dokumen kontrak, minit-minit mesyuarat dan laporan kemajuan kerja. Selain itu temu bual dengan pegawai terlibat, kaji selidik dengan golongan sasaran dan pemeriksaan fizikal telah diadakan di daerah yang dipilih. *Exit Conference* yang dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha KKLW pada 12 Januari 2016 turut dihadiri oleh wakil Jabatan Peguam Negara, Setiausaha Persekutuan Sabah, wakil JANS, kontraktor dan konsultan.

6.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan di KKLW, JANS serta 12 projek BALB yang melibatkan 11 daerah iaitu Keningau, Kota Kinabalu, Semporna, Kudat, Kota Belud, Tuaran, Sipitang, Kinabatangan, Kuala Penyu, Bongawan dan Membakut mendapati secara amnya prestasi pelaksanaan Program BALB di Negeri Sabah adalah baik kerana sasaran penyediaan akses kepada kemudahan bekalan air bersih dan terawat kepada masyarakat di kawasan luar bandar telah dicapai melebihi 90% daripada jumlah yang disasarkan. Prestasi perbelanjaan program juga di tahap baik dengan 96.7% daripada peruntukan telah dibelanjakan dengan sewajarnya. Selain itu, sebanyak 169 (98.8%) projek di bawah GTP 1.0 disiapkan dalam tempoh pelaksanaan kerja yang ditetapkan. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit terhadap 12 projek mendapati kelemahan yang berikut:

i. Laporan Awalan bagi satu projek (Projek Bekalan Air Mukim Tulid/Lanas/Sook, Negeri Sabah) tidak disediakan dengan lengkap dan menyeluruh kerana jajaran paip tidak mengambil kira satu kampung di Mukim Sook;

ii. Projek BALB Sistem Retikulasi Tahun 2011/2012 Negeri Sabah - Zon 6a(3), Kota Belud tidak siap dalam tempoh yang ditetapkan. Bayaran gantirugi tertentu dan ditetapkan bagi tempoh 16 Julai 2014 sehingga 15 Oktober 2015 (tarikh CPC dikeluarkan) berjumlah RM584,005 belum dikutip daripada kontraktor;

iii. ketiadaan koordinasi antara unit di KKLW menyebabkan pelaksanaan Projek BALB Di Kawasan Kinabatangan, Sabah Tahun 2012 tergendala di mana kerja-kerja pemasangan paip dihentikan sementara disebabkan oleh kerja-kerja naik taraf jalan di bawah Program Jalan Luar Bandar (JALB);

iv. Projek BALB-Retikulasi di Pulau Gaya termasuk tangki takungan khidmat (berkapasiti 5 juta liter air) yang menyasarkan 2441 buah rumah telah siap tetapi belum beroperasi secara optimum kerana penyambungan dan pemasangan paip ke kampung-kampung dihentikan berdasarkan Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Bersepadu Pulau Gaya, Kota Kinabalu Bilangan 02/2012 yang memutuskan status kampung di Pulau Gaya adalah tidak sah; dan

v. prestasi penyambungan meter oleh pengguna bagi 5 projek BALB-Retikulasi yang telah siap dan beroperasi berada di tahap yang rendah iaitu hanya 38.4% berbanding jumlah liputan rumah yang disasarkan oleh KKLW (hanya 3,032 jumlah penyambungan meter daripada 7,901 bilangan rumah yang disasarkan).

Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui dan maklum balas Kementerian adalah seperti perenggan berikut:

6.5.1. Prestasi Program BALB Di Negeri Sabah

6.5.1.1. Pencapaian Sasaran Program BALB Di Negeri Sabah

a. Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW) mensasarkan sebanyak 117,798 buah rumah di kawasan luar bandar akan mendapat akses kepada bekalan air melalui Program BALB yang telah dirancang untuk dilaksanakan di bawah GTP 1.0 dan GTP 2.0.

b. Sehingga bulan Disember 2015, sebanyak 111,468 (94.6%) buah rumah telah disediakan akses bekalan air iaitu kurang 6,330 (5.4%) daripada bilangan buah rumah yang disasarkan. Butiran pencapaian sasaran bilangan rumah mendapat akses bekalan air melalui Program BALB di Negeri Sabah mengikut tahun adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.3
PENCAPAIAN SASARAN PROGRAM BALB DI NEGERI SABAH

TAHUN	BILANGAN RUMAH MENDAPAT AKSES		PERBEZAAN (b) – (a)
	SASARAN (a)	SEBENAR (b)	
2010	18,143	11,896	(6,247)
2011	18,063	19,225	1,162
2012	68,092	60,398	(7,694)
2013	8,000	12,799	4,799
2014	3,000	3,000	-
2015	2,500	4,150	1,650
JUMLAH	**117,798**	**111,468**	**(6,330)**

Sumber : Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW)

6.5.1.2. Prestasi Perbelanjaan Program BALB Di Negeri Sabah

Sumber peruntukan bagi pelaksanaan Program BALB di Negeri Sabah adalah menggunakan peruntukan pembangunan daripada KKLW. Sejumlah RM2.001 bilion telah diperuntukkan bagi tahun 2010 hingga 2015. Sejumlah RM1.994 bilion (99.6%) dari peruntukan tersebut telah dibelanjakan setakat bulan Disember 2015. Butiran peruntukan dan perbelanjaan bagi pelaksanaan Program BALB di Negeri Sabah dari tahun 2010 hingga 2015 seperti jadual berikut:

JADUAL 6.4
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROGRAM BALB DI NEGERI SABAH DARI TAHUN 2010 HINGGA 2015

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
2010	110.817	110.816	99.9
2011	737.490	737.490	100
2012	772.770	772.769	99.9
2013	190.000	189.996	99.9
2014	123.750	123.748	99.9
2015	66.250	59.279	89.4
JUMLAH	**2,001.077**	**1,994.100**	**99.6**

Sumber : Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah

6.5.1.3. Pencapaian Fizikal Projek

a. Sebanyak 171 projek telah dilaksanakan di bawah GTP 1.0 (tahun 2010 hingga 2012). Setakat bulan Disember 2015, sebanyak 169 (98.8%) projek disiapkan dalam tempoh pelaksanaan kerja yang ditetapkan, manakala 2 (1.2%) projek lagi disiapkan di luar tempoh pelaksanaan.

b. Mengikut 1PP PK4, prestasi fizikal projek yang lewat 20% daripada jadual asal dikategorikan sebagai projek sakit dan kontraktor tidak berupaya memperbaiki prestasi. Sebanyak 13 projek dilaksanakan di bawah GTP 2.0 (tahun 2013 hingga 2015). Setakat bulan Disember 2015, sebanyak 2 (15.4%) projek disiapkan dalam tempoh pelaksanaan kerja yang ditetapkan, manakala 11 (84.6%) projek lagi masih dalam pembinaan. Analisis Audit mendapati daripada 11 projek dalam pembinaan, 2 projek mendahului jadual, 3 projek ikut jadual dan 6 projek lewat jadual antara 0.24% hingga 15.06%. Projek-projek lewat jadual tersebut bagaimanapun masih belum dikategorikan sebagai projek sakit memandangkan kelewatan prestasi fizikal projek belum mencapai 20% dari jadual. Prestasi fizikal projek yang masih dalam pembinaan seperti jadual berikut:

JADUAL 6.5
PRESTASI FIZIKAL PROJEK DALAM PEMBINAAN DI BAWAH GTP 2.0

NAMA PROJEK	STATUS SETAKAT 31 DISEMBER 2015		
	JADUAL (%)	SEBENAR (%)	BEZA (%)
DAHULU JADUAL			
BALB Sistem Retikulasi Tahun 2015 Zon 4A	4.85	22.66	17.81
BALB Sistem Retikulasi Tahun 2015 Zon 4B	6.51	22.76	16.25
IKUT JADUAL			
Penambahbaikan Ke Atas Muka Sauk (Intake) Loji Air Pulau Banggi, Kudat, Sabah *	0.00	0.00	0.00
BALB Sistem Retikulasi Tahun 2015 Zon 1A *	0.00	0.00	0.00
BALB Sistem Retikulasi Tahun 2015 Zon 1B *	0.00	0.00	0.00

NAMA PROJEK	STATUS SETAKAT 31 DISEMBER 2015		
	JADUAL (%)	SEBENAR (%)	BEZA (%)
LEWAT JADUAL			
BALB Tahun 2014 Negeri Sabah Zon 3 Daerah Semporna	39.24	39.00	-0.24
BALB Di Kawasan Kinabatangan, Sabah Tahun 2012	99.00	97.00	-2.00
BALB Tahun 2014 Negeri Sabah Zon 1 Daerah Kota Belud, Membakut dan Ranau	94.46	79.40	-15.06
BALB Tahun 2014 Negeri Sabah Zon 3 Daerah Tawau	100.00	97.00	-3.00
BALB Sistem Retikulasi Tahun 2015 Zon 2A	5.73	0.00	-5.73
BALB Sistem Retikulasi Tahun 2015 Zon 2B	7.06	3.85	-3.21

Sumber : Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah
Nota : (*) – Projek Bermula Pada 21 Disember 2015

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi fizikal projek yang dilaksanakan bagi Program BALB di Negeri Sabah di bawah GTP 1.0 (2010 hingga 2012) dan GTP 2.0 (2013 hingga 2015) adalah baik.

6.5.2. Kajian Awal Oleh Perunding

a. KKLW telah melantik perunding untuk menjalankan siasatan tapak, menyediakan reka bentuk serta mendapatkan maklumat bilangan rumah di kawasan sasaran yang bakal menerima faedah dari projek yang dirancang. Laporan Awalan (Conceptual Report) digunakan sebagai asas pelaksanaan projek serta menentukan anggaran kos sesebuah projek.

b. Semakan Audit terhadap 12 projek terpilih mendapati Laporan Awalan bagi 11 projek telah disediakan dengan lengkap dan menyeluruh kecuali bagi Projek Bekalan Air Mukim Tulid/Lanas/Sook, Negeri Sabah. Adalah didapati Laporan Awalan yang disediakan oleh perunding bagi projek ini menyatakan reka bentuk jajaran paip meliputi 3 mukim iaitu Mukim Tulid, Lanas dan Sook yang mensasarkan sebanyak 67 buah kampung dengan 2,500 buah rumah. Semakan lanjut mendapati satu Arahan Perubahan Kerja (APK) bertarikh 21 Ogos 2013 telah diluluskan bagi tambahan jajaran kerja pemasangan paip ke Kampung Binuou Tengah, Mukim Sook yang pada awalnya tidak disenaraikan sebagai kawasan liputan dalam kajian awal perunding. Bagaimanapun, kerja pemasangan *meter stand* tidak diambil kira di dalam APK tersebut. Kesan daripada ini, penduduk kampung tersebut perlu menanggung kos pemasangan *meter stand* untuk memastikan penyambungan air ke rumah dapat dibuat.

c. Berdasarkan maklumat daripada Jabatan Air Daerah Sook, kos anggaran penyediaan *meter stand* yang ditanggung oleh penduduk kampung yang terlibat adalah RM1,300 setiap rumah. Bagaimanapun, bilangan sebenar rumah terlibat dan kos pemasangan *meter stand* tidak dapat dikemukakan kepada pihak Audit memandangkan kerja-kerja tersebut dilaksanakan oleh pihak luar.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 11 Januari 2016

Pada peringkat awal reka bentuk, Kg. Binuou Tengah tidak dimasukkan ke dalam pelaksanaan projek kerana lokasi kampung yang terletak jauh lebih kurang 60km dari Pekan Sook. Bagaimanapun, memandangkan terdapat permintaan daripada penduduk kampung tersebut, pemasangan paip telah dilaksanakan melalui Arahan Perubahan Kerja (APK) pada 21 Ogos 2013. Kementerian telah mengeluarkan waran peruntukan berjumlah RM337,132 kepada JANS pada 6 Julai 2015 bagi membiayai kos kerja-kerja penyambungan paip dan pemasangan meter stand ke 168 buah rumah termasuk Kg. Binuou Tengah. Kementerian berpendapat kajian awal oleh Perunding adalah baik. Bagaimanapun, Kementerian mengambil maklum tentang perkara ini dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya agar tidak berulang. Prestasi perkhidmatan Perunding bagi pelaksanaan projek juga akan dinilai sewajarnya dan dikemas kini dalam Sistem e-Perunding.

Pada pendapat Audit, kajian awal Perunding bagi projek ini adalah tidak menyeluruh kerana Kg. Binuou Tengah adalah bersebelahan dengan Kg. Seri Mananti yang dimasukkan dalam Laporan Awal perunding. Ini telah menyebabkan penduduk Kg. Binuou Tengah menanggung bebanan kos untuk mendapatkan bekalan air bersih daripada projek yang dilaksanakan.

6.5.3. Pelaksanaan Projek

Pelaksanaan projek pembangunan yang teratur dan kemas adalah sangat penting bagi memastikan penyediaan kemudahan yang berkualiti serta berada pada tahap piawaian yang boleh diterima. Pemeriksaan Audit yang telah dijalankan terhadap 12 sampel projek mendapati pelaksanaan kerja pembinaan oleh kontraktor adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian dan diambil tindakan penambahbaikan seperti perenggan berikut:

6.5.3.1. Bayaran Gantirugi Tertentu Dan Ditetapkan

a. Berdasarkan kontrak, tempoh pelaksanaan yang ditetapkan bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sistem Retikulasi Tahun 2011/2012 Negeri Sabah - Zon 6A(3), Kota Belud adalah selama 16 bulan iaitu bermula daripada tarikh milik tapak oleh kontraktor pada 2 September 2011 sehingga tarikh siap pada 1 Januari 2013. Lanjutan masa (Extension of Time [EOT]) sebanyak 3 kali telah diluluskan dan tarikh siap selepas mengambil kira EOT yang diluluskan adalah pada 28 Februari 2014.

b. Semakan Audit mendapati kontraktor gagal menyiapkan kerja selepas tamat EOT ke-3. JANS telah mengeluarkan perakuan kerja tidak siap pada 1 Mac 2014 dan kontraktor dikenakan bayaran Gantirugi Tertentu Dan Ditetapkan (Liquidated And Ascertained Damages [LAD]) berjumlah RM6,214 sehari mulai 1 Mac 2014. Jumlah LAD ini adalah pindaan daripada jumlah LAD asal (RM7,020 sehari) selepas mengambil kira Sijil Pendudukan Separa (Certificate of Partial Completion [CPO]) 1 yang dikeluarkan pada 31 Disember 2012. Bayaran LAD ini kemudiannya dikurangkan kepada RM729

sehari selepas mengambil kira sebahagian baki kerja yang telah disiapkan melalui CPO2 bertarikh 1 September 2014.

c. Semakan Audit mendapati LAD berjumlah RM851,318 telah dipotong melalui bayaran interim 23, 24 dan 25 bagi tempoh 1 Mac hingga 15 Julai 2014. Bagaimanapun, LAD bagi tempoh 16 Julai 2014 sehingga 15 Oktober 2015 (tarikh CPC dikeluarkan) masih belum dikutip daripada kontraktor. Berdasarkan kiraan Audit, LAD berjumlah RM584,005 belum dikenakan kepada kontraktor seperti jadual berikut:

JADUAL 6.6
JUMLAH LAD YANG BELUM DIKENAKAN

PERAKUAN	KADAR LAD/HARI (RM)	TEMPOH LAD (HARI)	JUMLAH LAD (RM)
Certificate of Non-Completion (CNC) bertarikh 28 Februari 2014	6,214	46 (16.07.2014 - 31.08.2014)	285,844
Certificate of Partial Occupation (CPO) 2 bertarikh 1 September 2014	729	409 (01.09.2014 – 15.10.2015)	298,161
JUMLAH			**584,005**

6.5.3.2. Penyelarasan Projek

a. Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Di Kawasan Kinabatangan, Sabah Tahun 2012 mula dilaksanakan pada 16 Mei 2013 dengan tempoh siap selama 12 bulan dan harga kontrak asal berjumlah RM17.58 juta. Skop projek ini terdiri daripada 9 laluan paip yang berbeza untuk 9 kampung dalam dua kawasan utama di bawah Parlimen Kinabatangan: 4 jajaran paip terletak di Daerah Kinabatangan dan 5 jajaran di Daerah Tongod (kawasan Pinangah). Lokasi jajaran paip seperti gambar rajah berikut:

GAMBAR RAJAH 6.1
LOKASI JAJARAN PAIP PROJEK BEKALAN AIR LUAR BANDAR (BALB) DI KAWASAN KINABATANGAN, SABAH TAHUN 2012



Sumber: Perunding Bumi Utama Sdn. Bhd.

b. Lawatan Audit ke tapak projek di kawasan Pinangah, Daerah Tongod mendapati kerja-kerja pemasangan paip telah dihentikan sementara disebabkan oleh kerja-kerja naik taraf Jalan Linuyukan – Pinangah dan Jalan Tongod – Pinangah yang mula dilaksanakan pada bulan Januari 2015 di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya Sabah (JKR Sabah). Kerja naik taraf jalan ini adalah projek di bawah Program Jalan Luar Bandar (JALB) di bawah perancangan dan pemantauan Unit JALB, Bahagian Infrastruktur, KKLW. Kerja naik taraf jalan ini turut menyebabkan paip air sepanjang 5km yang telah dipasang perlu dibuka semula dan dialihkan dari tapak projek untuk disesuaikan dengan jajaran JALB yang baru. Sebahagian paip yang telah dialihkan telah mengalami kerosakan dan tidak boleh digunakan. Kerja pemasangan paip juga dihentikan bagi mengelakkan kerosakan paip. Keadaan paip yang terlibat seperti gambar-gambar berikut:

GAMBAR 6.1

Jalan Linuyukan - Pinangah
- Kerja Pemasangan Paip Dihentikan Sementara Menunggu Penentuan Jajaran Jalan Baru
(20.04.2015)

GAMBAR 6.2

Jalan Linuyukan - Pinangah
- Paip-paip Terlibat Diletakkan Di Bahu Jalan Sementara Menunggu Penentuan Jajaran Jalan Baru
(20.04.2015)

GAMBAR 6.3

Jalan Tongod - Pinangah
- Paip Yang Telah Dibuka Semula Disimpan Di Kawasan Tangki R2
(20.04.2015)

GAMBAR 6.4

Jalan Tongod - Pinangah
- Paip Yang Ditanam Di Lereng Cerun Terdedah Selepas Kerja Naik Taraf Jalan Dimulakan
(20.04.2015)

GAMBAR 6.5

Jalan Tongod - Pinangah
- Paip Yang Dialihkan Dan Mengalami Kerosakan
(20.04.2015)

GAMBAR 6.6

Jalan Tongod - Pinangah
- Paip Yang Dialihkan Dan Mengalami Kerosakan
(20.04.2015)

c. Pihak Audit mendapati, ketiadaan koordinasi antara unit di bawah KKLW telah mengakibatkan projek ini tertangguh selama 573 hari. Dengan pembinaan jajaran baru JALB, projek BALB telah diluluskan 5 lanjutan masa (Extension Of Time [EOT]). Tarikh siap selepas mengambil kira EOT adalah pada 9 Januari 2016. Butiran EOT yang diluluskan seperti jadual berikut:

JADUAL 6.7
BUTIRAN EOT YANG DILULUSKAN BAGI PROJEK BEKALAN AIR LUAR BANDAR (BALB) DI KAWASAN KINABATANGAN, SABAH TAHUN 2012

EOT	SEBAB	JUMLAH (Hari)	TARIKH SIAP DITETAPKAN
1	*Delay of part of artists, tradesman or other engaged by Government in executing work not part of this contract.* - Kerja naik taraf Jalan Linuyukan - Pinangah oleh JKR	112	23.09.2014
2	*Relocation and realignment of pipeline to suit new JKR road alignment/boundary.* - Jalan Tongod Pinangah Fasa 3	73	17.12.2014
3	*Delay of part of artists, tradesman or other engaged by Government in executing work not part of this contract.* - Kerja naik taraf Jalan Linuyukan - Pinangah oleh JKR	57	12.02.2015
4	*Relocation and realignment of pipeline to suit new JKR road alignment/boundary.* - Jalan Tongod Pinangah Fasa 3	112	04.06.2015
5	*Realignment of pipeline to suit new JKR road alignment/boundary.* - Jalan Linuyukan – Pinangah, Fasa 2	219	09.01.2016
JUMLAH		**573**	

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 11 Januari 2016

Kementerian mengambil maklum mengenai perkara ini dan telah mengadakan mesyuarat bagi membincangkan isu pertindihan tapak projek BALB, Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dan JALB. Pada masa akan datang, Kementerian akan menyelaraskan senarai projek bersama Unit-unit di Bahagian Infrastruktur bagi mengelakkan perkara ini daripada berulang.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek BALB di Negeri Sabah adalah di tahap memuaskan. Bagaimanapun, penambahbaikan perlu dibuat terhadap pentadbiran kontrak dan koordinasi antara unit di KKLW.

6.5.4. Impak Projek BALB Di Negeri Sabah

Projek BALB hendaklah dimanfaatkan sepenuhnya bagi memastikan ianya mencapai tujuan dan objektif Program BALB itu sendiri. Projek yang telah siap hendaklah beroperasi dengan baik dan secara optimum serta kemudahan bekalan air dapat dinikmati oleh penduduk yang disasarkan. Lawatan dan semakan Audit yang dijalankan terhadap 9 daripada 12 sampel projek (6 projek BALB-Retikulasi dan 3 projek BALB-Alternatif [Sistem Bekalan Air Graviti]) yang telah siap dan boleh beroperasi mendapati perkara seperti yang berikut:

6.5.4.1. Projek BALB-Alternatif Beroperasi Dengan Baik

Semakan Audit terhadap 3 projek BALB-Alternatif yang dilaksanakan di Kampung Mansuk, Bongawan serta Kg. Kitana dan Kg. Poring Tengah, Membakut mendapati projek sistem bekalan air graviti telah siap sepenuhnya

dan telah digunakan oleh penduduk. Pembinaan sistem air graviti melalui Program BALB ini juga telah memberi manfaat kepada penduduk di kawasan sasaran seperti gambar berikut:

GAMBAR 6.7

Kampung Mansuk, Bongawan
- Punca Air Graviti Berfungsi Dengan Baik
(24.08.2015)

GAMBAR 6.8

Kampung Mansuk, Bongawan
- Sistem Bekalan Air Graviti Telah Beroperasi Dengan Memuaskan
(24.08.2015)

GAMBAR 6.9

Kampung Kitana, Membakut
- Punca Air Graviti Berfungsi Dengan Baik
(27.08.2015)

GAMBAR 6.10

Kampung Poring Tengah, Membakut
- Sistem Bekalan Air Graviti Telah Beroperasi Dengan Memuaskan
(27.08.2015)

6.5.4.2. Projek BALB-Retikulasi di Pulau Gaya Telah Siap Tetapi Belum Beroperasi Secara Optimum

a. Lawatan Audit ke Projek Pemasangan Paip Bekalan Air ke Pulau Gaya Fasa 1 mendapati projek telah diperaku siap pada 13 September 2013. Projek ini meliputi kerja pemasangan paip, penghantaran, paip agihan, tangki takungan khidmat (berkapasiti 5 juta liter air), kuarters pekerja dan kerja infra yang lain. Bilangan rumah yang disasarkan akan mendapat akses bekalan air selepas projek siap adalah sebanyak 2,441 buah rumah. *Testing and commissioning* yang dijalankan menunjukkan projek berupaya beroperasi sebagaimana reka bentuk. Namun begitu, setakat tarikh lawatan Audit pada April 2015, projek belum beroperasi secara optimum.

b. Semakan Audit mendapati JANS telah mengarahkan kontraktor untuk memberhentikan kerja penyambungan dan pemasangan paip ke Kampung Kasuapan, Lok Baru dan Lok Urai berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Bersepadu Pulau Gaya, Kota Kinabalu Bilangan 02/2012. Mesyuarat menyatakan kampung-kampung di Pulau Gaya berstatus kampung tidak sah dan akan dipindahkan ke kawasan

penempatan semula di Kampung Gusi, Kinarut. Mesyuarat turut memutuskan kemudahan air daripada projek ini hanya dibekalkan kepada pejabat Kerajaan iaitu Pejabat *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM), SK. Pulau Gaya dan SMK Pulau Gaya sahaja.

c. Lawatan Audit ke lokasi projek mendapati pihak kontraktor telahpun melaksanakan skop kerja yang dipersetujui di dalam kontrak kecuali kerja pemasangan paip agihan sepanjang 2.01km ke Kampung Kasuapan, Lok Baru dan Lok Urai. Lokasi jajaran paip yang tidak dipasang seperti gambar rajah berikut:

GAMBAR RAJAH 6.2
LOKASI JAJARAN PAIP YANG TIDAK DILAKSANAKAN



Sumber: Perunding BMSS

d. Setakat bulan Ogos 2015, bekalan air telah disambungkan kepada Pejabat ESSCOM. Bagaimanapun, tiada maklumat lanjut berkenaan penyambungan meter ke SK dan SMK Pulau Gaya. Gambar penyambungan meter oleh Pejabat ESSCOM seperti gambar berikut:

GAMBAR 6.11



ESSCOM, Pulau Gaya
- Meter Telah Disambung
(17.09.2015)

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 11 Januari 2016

Satu mesyuarat antara pihak JANS dan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah diadakan pada bulan Julai 2015 dan memutuskan kampung-kampung di Pulau Gaya (Kg. Lok Urai, Kg. Kasuapan, Kg. Pulau Gaya Tengah dan Kg. Pulau Gaya Asal) dibekalkan air bersih melalui tangki pukal yang ditempatkan di setiap kampung sementara menunggu proses penempatan semula dilaksanakan. Bagaimanapun, proses penyambungan tersebut hanya akan dibuat setelah menerima peruntukan daripada pihak ADUN N.17 Tanjung Aru dan disalurkan kepada pihak DBKK untuk tujuan pelaksanaan.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 14 April 2016

Sehingga 1 April 2016, pihak JANS memaklumkan bahawa pihak DBKK masih lagi belum menerima peruntukan daripada pihak ADUN N.17, Tanjung Aru bagi melaksanakan kerja-kerja pembekalan tangki pukal ke Kg. Lok Urai, Kg. Kasuapan, Kg. Pulau Gaya Tengah dan Kg. Pulau Gaya Asal. Pelaksanaan kerja-kerja pembekalan tangki pukal ini akan dilaksanakan dengan segera setelah peruntukan diterima kelak.

6.5.4.3. Prestasi Penyambungan Bekalan Air Oleh Penduduk Yang Disasarkan

a. Penyambungan bekalan air oleh penduduk boleh dijadikan sebagai indikator keberhasilan dan keberkesanan projek bagi menunjukkan penduduk luar bandar yang disasarkan tersebut telah beroleh manfaat daripada projek yang dilaksanakan.

b. Berdasarkan maklumat daripada JANS, pihak Audit mendapati prestasi penyambungan meter oleh pengguna bagi 5 projek BALB-Retikulasi yang telah siap dan beroperasi berada di tahap 38.4% berbanding jumlah liputan rumah yang disasarkan oleh KKLW. Lawatan Audit ke projek yang dipilih mendapati jumlah permohonan dan penyambungan bekalan air oleh penduduk adalah rendah meskipun projek telah disiapkan dan diuji boleh beroperasi seperti yang dirancang. Setakat bulan November 2015, jumlah penyambungan meter bagi 5 projek yang telah siap dan beroperasi seperti jadual berikut:

JADUAL 6.8
PRESTASI PENYAMBUNGAN METER OLEH PENGGUNA BERBANDING JUMLAH RUMAH YANG DISASARKAN

PROJEK	JUMLAH SASARAN RUMAH	JUMLAH PERMOHONAN SAMBUNGAN METER OLEH PENGGUNA	PERATUS (%)
BALB Topokon	2,500	1,205	48.2
BALB Kudat	1,596	75	4.7
BALB Sook	2,500	1,360	54.4
BALB Sipitang	994	302	30.4
BALB Kuala Penyu	311	90	28.9
JUMLAH	**7,901**	**3,032**	**38.4**

Sumber: Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) /Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)

c. Lawatan fizikal Audit ke 5 projek yang telah siap, hanya pengguna di kawasan Projek BALB Daerah Sook dan Topokon, Tuaran telah membuat penyambungan meter pengguna dengan jumlah penyambungan melebihi 40% daripada jumlah unit rumah yang disasarkan seperti gambar berikut:

GAMBAR 6.12

Kampung Binuou Tengah, Sook
- Pengguna Yang Telah Membuat Penyambungan Meter Dan Projek Telah Dimanfaatkan
(28.04.2015)

GAMBAR 6.13

Kampung Binuou Tengah, Sook
- Ujian Tekanan Air Yang Mencatat Tekanan Yang Sesuai
(28.04.2015)

d. Manakala 3 projek yang lain, jumlah penyambungan meter berada di tahap kurang daripada 40%. Projek BALB Kudat mempunyai peratusan penyambungan yang paling rendah iaitu hanya 4.7% (75 penyambungan meter dibuat berbanding 1,596 rumah yang disasarkan) seperti **Gambar 6.14** hingga **6.16**. Pihak Jabatan Air Daerah Kudat memaklumkan, pengguna yang disasarkan belum membuat penyambungan disebabkan tidak mampu membiayai kos pembayaran deposit meter (RM100 bagi geran tanah atas nama pemohon atau RM200 bagi geran tanah rizab kampung) serta kos penyambungan paip ke rumah. Lagipun, penduduk yang disasarkan ini telah mempunyai bekalan air alternatif yang sedia ada.

GAMBAR 6.14

Kg. Nangka/Kg. Sembayan/Kg. Pinampang, Kudat
- Pengguna Belum Membuat Penyambungan Meter Meskipun Meter Tapping/Stand Telah Disediakan
(29.04.2015)

GAMBAR 6.15

Kg. Nangka/Kg. Sembayan/Kg. Pinampang, Kudat
- Pengguna Belum Membuat Penyambungan Meter Meskipun Meter Tapping/Stand Telah Disediakan
(29.04.2015)

GAMBAR 6.16

Kg. Nangka/Kg. Sembayan/Kg. Pinampang, Kudat
- Bekalan Air Berupaya Beroperasi Tetapi Permohonan Penyambungan Air Masih Di Tahap Rendah
(29.04.2015)

e. Temu bual bersama 10 orang responden di kawasan liputan projek BALB Kudat bagi mengenal pasti sebab mereka kurang berminat untuk membuat penyambungan air mendapati responden tidak berkemampuan untuk menanggung kos penyambungan air yang tinggi selain penyambungan bekalan air akan meningkatkan kos sara hidup disebabkan perlu membuat bayaran bil bulanan. Responden turut memaklumkan bekalan air daripada sistem retikulasi tersebut masih belum diperlukan memandangkan bekalan air dari sumber alternatif sedia ada seperti perigi dan bekalan air graviti yang tidak melibatkan apa-apa kos masih beroperasi dengan baik. Persepsi penduduk terhadap tekanan air yang rendah turut mendorong penduduk kampung untuk tidak membuat permohonan penyambungan air.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 11 Januari 2016

Kempen kepada penduduk kampung sedang giat dilaksanakan oleh JANS di peringkat daerah. Secara umumnya, penduduk yang tidak menyambung bekalan air adalah disebabkan mereka tidak berkemampuan untuk membayar kos penyambungan paip dari meter point ke rumah. Penduduk juga mempunyai sumber air alternatif yang sedia ada dan percuma seperti telaga dan sumber air graviti.

Kementerian dan JANS mengambil maklum perkara ini dan akan mempergiatkan lagi kempen kesedaran penggunaan air terawat kepada penduduk.

Anggaran kos penyambungan bekalan air terawat dari meter point ke rumah adalah di antara RM1,000 hingga RM1,500 termasuk pemasangan kos paip dan tangki air. Kos ini juga termasuk deposit meter berjumlah RM100 (geran tanah atas nama pemohon) atau RM200 (geran tanah rizab kampung). Jumlah bil air pula bergantung kepada penggunaan, biasanya di antara RM20 hingga RM80 bagi setiap 3 bulan.

Kementerian mengambil maklum mengenai perkara ini dan sedang menyediakan Nota Jemaah Menteri berkenaan cadangan untuk memasukkan kos penyambungan air di dalam skop Program BALB bermula RMKe-11 yang melibatkan pembinaan paip (service pipe) sehingga ke stand pipe dalam kawasan rumah penduduk di kawasan luar bandar dan pengguna hanya perlu membiayai kos deposit meter. Bagaimanapun, ia adalah tertakluk kepada kelulusan Jemaah Menteri.

f. Selain itu, kelemahan aktiviti promosi dan program kesedaran oleh JANS kepada penduduk kampung turut menjadi punca 8 (80%) daripada 10 responden yang ditemu bual tidak mengetahui prosedur penyambungan yang perlu dipatuhi sebelum penyambungan meter diluluskan.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 11 Januari 2016

Jabatan Air Bahagian Kudat telah memberikan maklumat berkenaan prosedur penyambungan kepada JKKK Kampung dan membuat lawatan ke kampung-kampung untuk menerangkan perkara ini kepada penduduk yang terlibat. Satu siri dialog iaitu Program Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPPM) bersama Pengerusi JKKK kawasan N.4 Matunggong dan penduduk telah diadakan pada bulan Julai 2015 di Pejabat Daerah Matunggong yang turut dihadiri oleh Penolong Pegawai Daerah.

Bagaimanapun, program promosi dan hebahan ini akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa bagi memastikan lebih ramai penduduk membuat permohonan penyambungan penggunaan bekalan air terawat bagi menjamin kesihatan penduduk di kawasan terbabit.

JANS turut mengadakan Hari Bersama Pelanggan di setiap daerah bagi meningkatkan kesedaran berkaitan kepentingan penggunaan air terawat seperti gambar berikut:

GAMBAR 6.17

Hari Bertemu Pelanggan JANS

GAMBAR 6.18

Hari Bertemu Pelanggan JANS

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 14 April 2016

Pihak JANS memaklumkan bahawa kebanyakan permohonan penyambungan bekalan air oleh penduduk tidak disertakan bersama deposit penyambungan menyebabkan proses penyambungan tidak dapat dibuat sekaligus menyumbang kepada statistik penyambungan yang rendah meskipun projek telah disiapkan dan diuji boleh beroperasi seperti yang dirancang.

Pada pendapat Audit, *outcome* projek BALB-Retikulasi yang telah siap dan beroperasi tidak dapat dicapai sepenuhnya memandangkan sebanyak 61.6% rumah yang disasarkan masih belum menikmati kemudahan air bersih dan terawat dan penggunaannya tidak secara optimum.

6.5.5. Pemantauan Projek

a. Bagi memastikan projek berjalan dengan lancar, mekanisme pemantauan hendaklah diwujudkan dan pemantauan hendaklah dilakukan secara berkala. Di peringkat Kementerian, Unit BALB Sabah, Bahagian Infrastruktur adalah bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan Program BALB di Negeri Sabah bagi memastikan projek yang dirancang dilaksanakan mengikut jadual,

menepati skop dan spesifikasi kerja serta selaras dengan objektif sebenar projek.

b. Semakan Audit mendapati Unit BALB Sabah yang berpejabat di Putrajaya bertanggungjawab untuk memantau sebanyak 211 projek Program BALB di seluruh Negeri Sabah. Unit ini mempunyai 3 orang kakitangan diketuai oleh seorang KPSU gred M48 dengan dibantu oleh seorang PSU gred M44 dan seorang Pembantu Tadbir gred N17. JANS selaku agensi pelaksana dilantik sebagai Pegawai Penguasa (*Superintending Officer* [SO]) Projek. Pihak JANS di peringkat Daerah pula dilantik sebagai Wakil Pegawai Penguasa Utama projek bagi menyelaras, memudah cara dan menguatkuasa peraturan dan keperluan agensi Pihak Berkuasa Tempatan awam atau utiliti swasta serta memastikan konsep reka bentuk dan tempoh kontrak asal pelaksanaan projek dipatuhi. Bagi mengatasi kekangan sumber manusia di KKLW dan JANS, Perunding dilantik untuk melaksanakan pemantauan secara langsung di tapak projek melalui penyeliaan harian terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor.

c. Berdasarkan 12 sampel projek yang dipilih, kaedah pemantauan yang dilaksanakan adalah seperti Mesyuarat Pemantauan Projek, Mesyuarat Tapak dan Laporan Bulanan Kemajuan Projek. Manakala kekerapan pemantauan oleh setiap peringkat (KKLW/JANS/Perunding) seperti jadual berikut:

JADUAL 6.9
PEMANTAUAN PROJEK DI BAWAH PROGRAM BALB DI NEGERI SABAH

KEKERAPAN PEMANTAUAN	PENGLIBATAN		
	KKLW	JANS	PERUNDING
Harian	-	/	/
Mingguan	-	/	/
Bulanan	/	/	/
Mengikut Keperluan	/	/	/

Sumber: Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah
Nota: (/) - Terlibat; (-) - Tidak terlibat

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 11 Januari 2016

Unit BALB Sabah di Bahagian Infrastruktur hanya mempunyai seramai 3 orang kakitangan untuk memantau sebanyak 211 projek Program BALB di Negeri Sabah iaitu seorang KPSU M48, seorang PSU M44 dan seorang Pembantu Tadbir N17. Pembantu Tadbir ini juga diguna sama untuk projek BALB Negeri Sarawak. Kementerian berharap pertambahan bilangan pegawai/kakitangan dapat dipertimbangkan bagi membantu pelaksanaan dan pemantauan Program BALB memandangkan lokasi projek yang terletak jauh di pedalaman.

Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan telah diadakan dan dipatuhi sepenuhnya.

6.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan isu yang dibangkitkan dapat ditambah baik dengan cekap dan berkesan, pihak Audit mengesyorkan agar pihak yang terlibat mengambil langkah-langkah penambahbaikan seperti yang berikut:

6.6.1. KKLW perlu membuat penilaian *outcome* terhadap projek-projek yang telah dilaksanakan di bawah Program BALB di Negeri Sabah bagi mengenal pasti sama ada kemudahan yang disediakan telah digunakan oleh rakyat secara optimum dan Kerajaan mendapat *best value for money* atas perbelanjaan;

6.6.2. KKLW/JANS hendaklah mengambil tindakan proaktif dan punitif terhadap kontraktor dan perunding sebagaimana klausa kontrak dan peruntukan undang-undang; dan

6.6.3. KKLW bersama Agensi Pelaksana yang terlibat secara langsung hendaklah memperluaskan skop Program BALB dengan menyambungkan bekalan air terus ke rumah bagi masyarakat luar bandar dari kategori miskin tegar.

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH / JABATAN KERJA RAYA

7. PROJEK PEMBINAAN KAMPUS UNIKL MALAYSIAN INSTITUTE OF AVIATION TECHNOLOGY (MIAT) SUBANG, SELANGOR

7.1. LATAR BELAKANG

7.1.1. Projek Kampus UniKL Malaysian Institute Of Aviation Technology (MIAT) Subang, Selangor adalah projek Kerajaan Persekutuan yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Kampus ini merupakan kampus tambahan kepada kampus sedia ada di Jenderam Hulu, Dengkil, Selangor. Objektif projek pembinaan kampus ini adalah untuk menyediakan latihan teknikal dalam bidang penerbangan dan aeroangkasa di samping memberi pendedahan kepada para pelajar tentang pesawat hidup (live aircraft) yang boleh beroperasi secara amali dan realistik bagi memenuhi keperluan pembangunan industri penerbangan negara.

7.1.2. Projek ini dilaksanakan atas tanah seluas 21.33 ekar yang terletak di Lot PT40446, Persiaran A, Off Jalan Lapangan Terbang Subang, Subang, Selangor. Jabatan Kerja Raya (JKR) telah dilantik sebagai agensi pelaksana bagi pihak pelanggan iaitu Majlis Amanah Rakyat (MARA), Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW). Kementerian Kewangan Malaysia telah bersetuju untuk menawarkan kontrak ini kepada Syarikat Nadi Cergas Sdn. Bhd. secara rundingan terus. Kontrak pembinaan ini bernilai RM130 juta dan perlu disiapkan dalam tempoh 24 bulan dari tarikh pemilikan tapak pada 18 Februari 2013.

7.1.3. Skop kerja projek ini adalah pembinaan Hangar (pesawat B737 dan B747), Bengkel Sokongan (2 Tingkat), Blok Akademik dan Pentadbiran (3 Tingkat), Kemudahan Sokongan seperti *TNB Substation*, *Chiller Plant Room, Refuse Chamber, Guard House*, *Garage*, *Skid Tank*, *Fuel Farm*, *Hazardous Store*,*Toxic Waste Store* dan *Pump House.* Butiran mengenai kontrak pembinaan ini adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 7.1
BUTIRAN PROJEK

BUTIRAN	
Nombor Kontrak	JKR/IP/CKUB/23/2013
Pengarah Projek	Pengarah Kanan Cawangan Kerja Bangunan Am 1
Wakil Pengarah Projek Kerja Utama	Pengarah II, Cawangan Kerja Bangunan Am 1
Wakil Pengarah Projek Tapak	Pengurus Besar Kanan Pembinaan
Jenis Tender	Rundingan Terus
Kaedah Pelaksanaan	Reka Dan Bina

BUTIRAN	
Harga Asal Kontrak	RM130 Juta
Harga Kontrak Semasa	RM135.04 Juta
Tarikh Surat Setuju Terima	07.02.2013
Tarikh Kontrak ditandatangani	06.06.2013
Tarikh Milik Tapak	18.02.2013
Tarikh Siap Asal	17.02.2015
Tarikh Siap Semasa	18.12.2015
Jumlah EOT	2 (304 hari)

Sumber : Cawangan Kerja Bangunan Am 1, JKR

7.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan bagi menentukan sama ada pengurusan Pembinaan Kampus UniKL MIAT Subang telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat.

7.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Projek Pembinaan Kampus UniKL MIAT Subang sehingga tahun 2015. Pengauditan telah dijalankan di Cawangan Kerja Bangunan Am 1, JKR dan Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan, JKR serta jabatan pelanggan, iaitu Bahagian Binaan Dan Selenggara, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur.

7.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen projek serta menjalankan analisis terhadap data projek. Pemeriksaan fizikal serta temu bual dan perbincangan dengan pegawai terlibat juga telah diadakan. *Exit Conference* bersama Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya (KKR) Malaysia telah diadakan pada 16 Februari 2016 yang dihadiri oleh pihak pengurusan dan pegawai dari JKR, KKLW, MARA, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Peguam Negara.

7.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan di Cawangan Kerja Bangunan Am 1, JKR dan Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan, JKR serta jabatan pelanggan, iaitu Bahagian Binaan Dan Selenggara, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur antara bulan Ogos hingga November 2015 mendapati pengurusan Projek Pembinaan Kampus UniKL MIAT Subang dari segi pelaksanaan pada umumnya adalah baik. Antaranya ialah kontrak telah ditandatangani dalam tempoh masa yang ditetapkan, bayaran interim dan bayaran pendahuluan adalah teratur, urusan Bon Pelaksanaan serta polisi insurans telah mematuhi peraturan dan syarat kontrak. Dari segi pemantauan, mekanisme pemantauan telah diwujudkan oleh JKR dengan baik bagi memantau kerja pihak kontraktor. Projek ini juga telah

mengambil kira hasil makmal pengurusan nilai selaras dengan hasrat Kerajaan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan seperti yang berikut:

i. kegagalan kontraktor menyiapkan projek dalam tempoh lanjutan yang ditetapkan;

ii. isu tapak untuk pembinaan *taxiway* masih belum selesai akibat daripada perpindahan tapak pembinaan yang boleh menyebabkan objektif pembinaan projek tidak dapat dicapai sebagaimana dirancang;

iii. kelewatan memuktamadkan rundingan harga; dan

iv. terdapat reka bentuk pembinaan yang tidak sesuai, kerja pembinaan yang kualitinya tidak memuaskan dan kerja elektrik yang kurang sempurna.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta maklum balas KKR dan MARA adalah seperti perenggan berikut:

7.5.1. Prestasi Projek

7.5.1.1. Pengurusan Nilai

a. Berdasarkan Pekeliling UPE Bil. 3 Tahun 2009, Pengurusan Nilai bertujuan untuk mengenal pasti, menyediakan pilihan dan mengeluarkan komponen dan kos yang tidak menyumbang kepada nilai perkhidmatan, sistem dan projek tanpa menjejaskan objektif dan fungsi yang ditetapkan. Proses ini melibatkan semua *stakeholder* dan pakar yang berkaitan dengan projek, dengan memberi tumpuan kepada fungsi, kos dan kualiti. Pengurusan Nilai perlu dilaksanakan bagi program dan projek yang bernilai RM50 juta dan ke atas.

b. Makmal Pengurusan Nilai bagi projek ini telah diadakan pada 21 hingga 28 Januari 2011 yang turut disertai oleh wakil KKLW, Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri, MARA, UniKL dan JKR. Hasil daripada pelaksanaan Makmal Pengurusan Nilai ini, pengurangan kos yang telah dicapai adalah sejumlah RM20.22 juta (10%) iaitu daripada RM200 juta kepada RM179.78 juta yang melibatkan pembinaan bangunan sejumlah RM129.78 juta dan perolehan peralatan sejumlah RM50 juta.

c. Keputusan Makmal Pengurusan Nilai berkenaan telah dibincangkan semula pada 9 hingga 12 April 2011 berikutan pemindahan tapak pembinaan Kampus UniKL MIAT Subang dari Parcel A (sebahagian Lot 1210) ke Lot PT 40446. Skop komponen bangunan dan kos adalah sama seperti yang telah dipersetujui dalam Makmal Pengurusan Nilai yang telah diadakan pada 21 hingga 28 Januari 2011.

d. Hasil analisis Audit mendapati antara perkara yang dipersetujui selepas analisis Makmal Pengurusan Nilai yang telah diambil tindakan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 7.2
PERUBAHAN SKOP ASAL KERJA SELEPAS MAKMAL PENGURUSAN NILAI

BIL.	SKOP ASAL PROJEK	ANALISIS MAKMAL	SKOP SELEPAS MAKMAL	HASIL LAWATAN AUDIT
1.	Tapak Parcel A, seluas 20 ekar untuk pembinaan Kampus UniKL MIAT Subang seperti yang diluluskan di dalam UPE VM Lab 21-28.01.2011	• Mengenal pasti Tanah Sapura Lot PT40446, seluas 21.3 ekar • Mengoptimumkan penggunaan tanah • Perancangan pembangunan projek selari dengan kos yang telah dipersetujui di dalam UPE Lab 21-28.01.2011	• Pengambilan tanah Sapura di Lot PT 40446 sebagai tapak gantian untuk Kampus UniKL MIAT Subang • Mereka bentuk kegunaan tanah bagi memenuhi keperluan skop yang telah dipersetujui • Kos pelaksanaan projek dikekalkan	Sama seperti skop selepas makmal
2.	*Taxiway* untuk laluan pesawat keluar masuk ke Kampus UniKL MIAT Subang	• Mengenal pasti beberapa laluan alternatif • Lawatan ke tapak bagi mengenal pasti laluan yang paling sesuai • Mendapat kepastian kedudukan tanah bagi kegunaan *taxiway*	• Dua alternatif dikenal pasti bagi mereka bentuk laluan *taxiway*, iaitu laluan yang dikongsi dengan MAS atau laluan terus melalui tanah Permodalan Negeri Selangor Berhad	Masih belum diselesaikan

Sumber : Cawangan Kerja Bangunan Am 1

Pada pendapat Audit, projek ini telah mengambil kira hasil makmal pengurusan nilai selaras dengan hasrat Kerajaan bagi memastikan setiap projek adalah mencapai tahap nilai yang optimum iaitu *best value for money*. Namun begitu, isu laluan *taxiway* melalui dua alternatif yang dicadang masih belum diselesaikan setakat tarikh pengauditan.

7.5.1.2. Pencapaian Fizikal

Mengikut syarat kontrak, kontraktor perlu menyiapkan projek ini pada 17 Februari 2015. Namun, kontraktor tersebut telah diluluskan 2 lanjutan masa/ *Extension of Time* selama 304 hari iaitu sehingga 18 Disember 2015. Bagaimanapun, Perakuan Kerja Tidak Siap/*Certificate Of Non-Completion* (CNC) telah dikeluarkan kepada kontraktor pada 18 Disember 2015 kerana kontraktor ini belum memperoleh *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) pada tarikh tersebut. Kemajuan kerja pada tarikh tersebut adalah 99%. Butiran Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa yang dikeluarkan kepada kontraktor adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 7.3
PERAKUAN KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA YANG DILULUSKAN

LANJUTAN MASA	TEMPOH	TARIKH SIJIL PERAKUAN KELAMBATAN	BIL. HARI	SEBAB LANJUTAN MASA
1	17.02.2015 - 03.07.2015	30.01.2015	136	**Kelewatan memulakan kerja pemasangan paip air luaran akibat ketidakpastian jajaran yang patut dilalui.** Kerja pemasangan paip air luaran sepatutnya bermula pada 12.05.2014. Keputusan laluan paip bekalan air melalui jajaran sedia ada diputuskan dalam mesyuarat bertarikh 13.08.2014 dan disahkan dalam mesyuarat teknikal pada 14.08.2014.

LANJUTAN MASA	TEMPOH	TARIKH SIJIL PERAKUAN KELAMBATAN	BIL. HARI	SEBAB LANJUTAN MASA
2	04.07.2015 - 18.12.2015	07.07.2015	168	**Kelewatan menyiapkan 40% baki kerja paip air luaran disebabkan kelewatan dalam pengesahan dan kelulusan jajaran jalan masuk oleh pihak MARA serta pembinaan jalan masuk ke kampus MIAT.** Pembinaan jalan masuk baru melibatkan peningkatan kos RM4.87 juta. MARA telah mengemukakan pengesahan peruntukan serta arahan kepada JKR untuk melaksanakan pembinaan jalan masuk baru ke kampus UniKL-MIAT Subang melalui surat bertarikh 10.11.2014. Sepatutnya 40% baki kerja paip air luaran dimulakan pada 2.05.2015 tetapi tidak dapat dilaksanakan kerana kebenaran untuk memasuki kawasan tapak letak yang digunakan oleh Transmile masih belum diperoleh lagi. Pihak kontraktor juga diminta oleh pihak MARA untuk meminda jajaran jalan baru sehampir mungkin ke sempadan pagar Transmile dan Sapura Aero bagi memaksima kawasan pembangunan.
JUMLAH			304	

Sumber : Cawangan Kerja Bangunan Am 1

Pada pendapat Audit, kontraktor telah gagal menyiapkan projek dalam tempoh lanjutan masa yang dibenarkan. Tempoh menyiapkan projek ini sepatutnya boleh dipercepatkan sekiranya penentuan jajaran yang patut dilalui dibuat dengan lebih awal.

Maklum Balas Yang Diterima Daripada KKR Pada 24 Mac 2016

Pihak kontraktor telah mendapatkan CCC pada 8 Mac 2016 manakala Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan bagi projek ini pada 8 Mac 2016.

Punca EOT No.1

Pembinaan jalan masuk adalah di luar skop kontrak asal projek ini. Manakala peruntukan sejumlah RM800 ribu yang diluluskan semasa peringkat Value Management adalah bagi kerja-kerja menaik taraf jalan masuk sedia ada. Laluan paip air luaran adalah berpandukan jajaran jalan asal sepertimana termaktub dalam kontrak. Jalan asal merupakan jalan sub-standard yang dijadikan sebagai jalan sementara. lanya terletak di atas tanah pajakan MARA daripada MAHB. Sebahagian daripada jajaran jalan tersebut berada di atas tanah rizab Sungai Damansara. Manakala sebahagian kecilnya turut memasuki sempadan tanah milik Jabatan Perhutanan. Semasa Mesyuarat Tapak Bil. 4/2014 bertarikh 15 Julai 2013, JKR telah mencadangkan kepada pihak MARA agar jalan baru dibina atas faktor keselamatan kakitangan dan pelajar Kampus UniKL-MIAT, Subang. Perubahan jalan masuk turut memberi kesan kepada kerja-kerja pembinaan paip air luaran kerana laluan paip air tersebut perlu dibina selari dengan jalan masuk ke kampus. Bagi membolehkan jalan baru dibina, MARA perlu mendapatkan peruntukan sejumlah RM4.8 juta. Sementara itu, kajian serta reka bentuk awalan terhadap jajaran jalan baru turut dijalankan dalam tempoh kontrak ini. Semakan juga mendapati jajaran jalan baru telah tersedia dalam pelan pembangunan Malaysia Airports Sdn. Bhd. (MASB). Kerja-kerja pembinaan paip air luaran sepatutnya bermula pada 12 Mei 2014. Walau bagaimanapun, kerja berkenaan telah tertangguh kerana laluan paip bekalan air masih belum dimuktamadkan dan peruntukan pembinaan jalan masuk masih belum diperolehi. Keputusan telah

dibuat oleh JKR berdasarkan mesyuarat bertarikh 13 Ogos 2014 dan 14 Ogos 2014 bahawa laluan paip air adalah melalui jalan asal. EOT No.1 (17 Februari 2015 - 3 Julai 2015) sebanyak 136 hari telah dikemukakan atas kelewatan memuktamadkan laluan paip air luaran.

Punca EOT No. 2

Arahan pembinaan jalan masuk akhirnya dikeluarkan oleh MARA kepada JKR melalui surat bertarikh 10 November 2014 setelah peruntukan disahkan. Semasa Mesyuarat Tapak Bil. 11/2014 bertarikh 24 November 2014, Pengarah Projek telah mengarahkan agar pembinaan jalan baru dilaksanakan dan laluan paip bekalan air adalah berpandukan jajaran jalan baru tersebut. Sewaktu dalam tempoh EOT No. 1, pihak kontraktor hanya dapat menyiapkan 60% kerja-kerja pemasangan paip air luaran melalui jajaran jalan baru. Sementara baki 40% kerja pembinaan paip air luaran terpaksa dilaksanakan dalam fasa pembinaan jalan baru setelah mengambil kira tatacara pembinaan yang optimum dari segi masa dan kos akibat perubahan jalan terbabit. Reka bentuk jalan baru telah dilaksanakan berpandukan pelan pembangunan MASB. Beberapa siri perbincangan diadakan bagi menambah baik pelan berkenaan. Pembinaan jalan masuk turut melibatkan jajaran paip air, oleh itu jadual kerja pemasangan paip turut terjejas. EOT No. 2 (3 Julai 2015 hingga 18 Disember 2015) sebanyak 168 hari dikemukakan bagi menyiapkan baki kerja paip air luaran dan pembinaan jalan masuk utama.

Maklum Balas Yang Diterima Daripada MARA Pada 25 Mac 2016

MARA mengambil maklum atas kelewatan dalam menyiapkan projek ini dan sentiasa berusaha dalam memastikan perkara ini tidak berulang dengan membuat perancangan dengan lebih teliti.

7.5.1.3. Pembinaan *Taxiway*

a. Mengikut *Project Brief, Need Statement* dan *Schedule of Accommodation* yang disediakan untuk kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Siling Projek dan Jawatankuasa Kecil Piawaian dan Kos, Unit Perancang Ekonomi (JKPK UPE), UniKL MIAT yang sedia ada mempunyai bengkel dan hangar yang boleh menampung latihan penyenggaraan pesawat tetapi tidak mempunyai akses kepada pesawat hidup (live aircraft) kerana ia terasing dari mana-mana lapangan terbang serta tidak mempunyai landasan terbang sendiri.

b. Malaysian Industrial Group in High Technology (MiGHT) telah mengunjurkan keperluan seramai 10,000 orang tenaga kerja terlatih serta bertauliah untuk industri Aeroangkasa menjelang tahun 2015. Pelan strategik negara *National Aerospace Blueprint* bermatlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara aeroangkasa. Sehubungan dengan itu, UniKL MIAT Subang yang asalnya dicadangkan untuk menampung seramai 3,000 orang pelajar dapat melahirkan graduan-graduan yang akan mempunyai pengalaman membuat latihan amali penyenggaraan terhadap *live aircraft.* Pengalaman ini merupakan elemen yang paling penting sekali dalam mendapat pengiktirafan antarabangsa kerana ia memberi gambaran sebenar terhadap dunia

penyenggaraan pesawat dan pada masa yang sama akan meningkatkan tahap profesional pelajar.

c. Semakan Audit mendapati skop asal untuk pembinaan *taxiway* telah dikeluarkan dari kontrak projek ini kerana tapak untuk pembinaan *taxiway* masih belum dimuktamadkan setakat tarikh pengauditan walaupun sesi perbincangan bagi menyelesaikan isu ini telah beberapa kali diadakan sejak tahun 2011. Kos pengambilan tanah sekeliling untuk pembinaan *taxiway* adalah terlalu tinggi. Pihak MARA merancang untuk berkongsi *taxiway* dengan Hangar 4 milik pihak Malaysia Airlines Berhad (MAB) yang berdekatan. Namun, persetujuan daripada pihak MAB masih belum diperoleh.

d. Keadaan ini berlaku akibat daripada perpindahan tapak pembinaan. Tapak asal pembinaan adalah di Lot 1210 yang akan dipajak kecil oleh pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB). Terdapat dua parcel, iaitu Parcel A yang seluas 20 ekar dan Parcel B yang seluas 30 ekar. Laluan *taxiway* berdekatan yang sedia ada di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah akan dikongsi bersama untuk projek pembinaan ini. Bagaimanapun, Mesyuarat Majlis Ekonomi Bil. 7 Tahun 2011 bertarikh 14 Februari 2011 meluluskan pemindahan hak milik tanah Pangkalan Udara Kuala Lumpur, Sungai Besi yang diduduki oleh Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Tentera Darat Diraja Malaysia (TDM) dan Royal Selangor Flying Club kepada Syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB). Mesyuarat juga memutuskan Parcel A akan diserah kepada PDRM dan projek UniKL-MIAT dipindahkan ke tanah milik Syarikat Sapura.

Pada pendapat Audit, penyelesaian isu *taxiway* tidak ditangani dengan cekap dan berkesan oleh Kerajaan di mana setelah hampir 5 tahun mengadakan perbincangan mengenainya, tiada keputusan yang konkrit untuk penyelesaian. Sekiranya *taxiway* tidak dapat dibina, para pelajar tidak dapat pengalaman latihan amali penyenggaraan terhadap pesawat hidup (live aircraft). Fungsi Kampus UniKL MIAT Subang akan sama seperti Kampus UniKL MIAT yang sedia ada tanpa *added value.* Isu perolehan tanah untuk pembinaan *taxiway* ini adalah amat kritikal dan harus diselesaikan dengan secepat mungkin.

Maklum Balas Yang Diterima Daripada KKR Pada 24 Mac 2016

Merujuk surat dari MARA bertarikh 11 Mac 2016, MARA telah mendapat kebenaran dari Kementerian Kewangan untuk melantik kontraktor yang sama iaitu Nadi Cergas Sdn. Bhd. secara rundingan terus dengan kaedah pelaksanaan Reka dan Bina. Pihak MARA bersetuju dengan cadangan pembinaan apron tambahan iaitu apron MIAT bersambungan dengan sempadan apron Hangar 4 milik MAB/ Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dan JKR dilantik bagi menguruskan pembinaan apron tambahan ini.

Maklum Balas Yang Diterima Daripada MARA Pada 25 Mac 2016

Bagi mengatasi masalah dalam kemudahan taxiway ini, MARA telah mengadakan perbincangan dengan pihak Khazanah Nasional Berhad, Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) dan Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) bagi mendapatkan kebenaran masuk dan penggunaan laluan pesawat. Mesyuarat bersama Ketua Setiausaha Negara (KSN) yang diadakan pada 8 Januari 2016 dan Mesyuarat pada 19 Januari 2016 yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan) telah memberi kebenaran kepada MARA untuk menggunakan taxiway sedia ada yang digunakan oleh MAB sebelum ini dan apron Hangar 4 milik MAB tersebut. Permohonan kebenaran masuk dan penggunaan laluan tersebut telah dikemukakan kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) pada 28 Januari 2016. Pihak PTP telah menyatakan tiada halangan untuk memberi kebenaran kepada MARA untuk menggunakan taxiway sedia ada. Walau bagaimanapun, ianya tertakluk kepada kebenaran diberikan oleh Khazanah, MAHB dan PNSB. MARA telah berusaha dalam memastikan isu perolehan tanah untuk pembinaan taxiway ini diperoleh dengan pihak berkenaan iaitu dengan menulis surat memohon kebenaran laluan kepada Khazanah, MAHB dan PNSB. Mesyuarat antara MARA bersama Khazanah dan Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) pada 22 Mac 2016 telah membincangkan perkara akses kepada hangar MIAT. Mesyuarat bersetuju untuk membantu MARA dalam rundingan bersama PNSB bagi mendapatkan kebenaran laluan di atas tanah milik PNSB seterusnya menyediakan akses ke Hangar MIAT tersebut. MARA telah membuat rayuan kepada MRCB dan Khazanah untuk laluan sementara taxiway melalui Hangar 4. Ini bertujuan untuk membolehkan Kampus UniKL-MIAT Subang ini digunakan dengan kadar segera. Susulan yang dibuat dengan PNSB mendapati mereka sedang menyediakan opsyen kepada MARA mengenai penggunaan taxiway dan tanah PNSB. Memandangkan kemasukan pelajar dijangka pada bulan Julai 2016, pihak MARA akan membuat pelan jangka pendek dengan membenarkan pelajar menggunakan kemudahan pembelajaran live aircraft di Asia AeroTechnics Sdn. Bhd. (AAT). AAT merupakan anak syarikat milik penuh MARA.

7.5.2. Prestasi Kewangan

a. Siling peruntukan yang telah diluluskan adalah berjumlah RM150 juta. Manakala kos kontrak asal bernilai RM130 juta. Semakan Audit mendapati setakat Oktober 2015, sebanyak empat Arahan Perubahan Kerja (APK) telah diluluskan yang melibatkan penambahan skop kerja berjumlah RM5.04 juta. Selepas mengambil kira APK, nilai kontrak yang dilaraskan adalah berjumlah RM135.04 juta, iaitu penambahan kos sebanyak 3.87%. Kesemua APK telah ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa, iaitu Pengarah Projek. Butiran lanjut APK yang diluluskan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 7.4
ARAHAN PERUBAHAN KERJA

NO. APK	PERKARA	PENAMBAHAN/(PENGURANGAN) NILAI SKOP KERJA	
		(RM)	(%)
APK No. 1	Penambahan Kerja Pengubahsuaian Bilik Kuliah Untuk Tujuan Dewan Peperiksaan	110,000.00	0.08
APK No. 2	Kerja Ukur Tanah Bagi Pembinaan *Taxiway*	37,000.00	0.03
APK No. 3	Kerja Tambahan Skop ICT Di Pejabat Tapak	17,671.00	0.01
APK No. 4	Kerja Pembinaan Jalan Masuk Utama	4,870,385.60	3.75
JUMLAH BERSIH KURANGAN		**5,035,056.60**	**3.87**

Sumber : Cawangan Kerja Bangunan Am 1

Pada pendapat Audit, tahap prestasi kewangan bagi projek ini adalah baik walaupun terdapat peningkatan kos sebanyak 3.87%. Kelulusan APK berkenaan juga adalah selaras dengan peraturan semasa dan syarat kontrak yang ditandatangani.

7.5.3. Pelantikan Kontraktor

a. Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 2 Julai 2003 menyatakan bagi memastikan pelaksanaan projek secara rundingan terus tidak mengalami kelewatan, agensi dikehendaki memastikan rundingan dengan kontraktor mengenai skop kerja, reka bentuk, harga dan tempoh siap serta lain-lain dimuktamadkan dalam tempoh 6 bulan selepas Surat Niat dikeluarkan bagi nilai projek yang berjumlah melebihi RM10 juta. Tawaran melaksanakan projek ini secara rundingan terus akan terbatal secara automatik jika tempoh tersebut tidak dipatuhi.

b. Semakan Audit mendapati rundingan harga tidak dibuat dalam masa yang ditetapkan seperti yang dikehendaki oleh Surat Arahan Perbendaharaan. Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 29 Jun 2007 telah bersetuju untuk melantik Syarikat Nadi Cergas Sdn. Bhd. sebagai kontraktor secara rundingan terus untuk melaksanakan projek mengikut kaedah Reka dan Bina. Namun, Surat Niat dan Surat Setuju Terima tidak dikeluarkan kerana projek ini tergendala disebabkan oleh keadaan ekonomi yang tidak baik.

c. Lanjutan daripada itu, Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat bertarikh 12 Mei 2011 telah mengesahkan bahawa kelulusan pelantikan Syarikat Nadi Cergas Sdn. Bhd. sebagai kontraktor dikekalkan. Surat Niat telah dikeluarkan oleh JKR kepada kontraktor pada 15 Ogos 2011. Rundingan harga telah lewat dimuktamadkan selama 229 hari, iaitu pada 27 September 2012. Surat Setuju Terima telah dikeluarkan pada 7 Februari 2013. Butiran mengenai kelewatan pengeluaran surat niat dan rundingan harga adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 7.5
KELEWATAN MEMUKTAMADKAN RUNDINGAN HARGA

TARIKH SURAT NIAT (A)	TARIKH MUKTAMAD RUNDINGAN HARGA (B)	KELEWATAN MEMUKTAMADKAN RUNDINGAN HARGA (Hari) (B-A-180)
15.08.2011	27.09.2012	229

Sumber : Cawangan Kerja Bangunan Am 1

Pada pendapat Audit, proses memuktamadkan rundingan harga yang kurang cekap telah melambatkan pelaksanaan projek pembinaan.

Maklum Balas Yang Diterima Daripada KKR Pada 24 Mac 2016

Kelewatan rundingan harga adalah disebabkan oleh proses memuktamadkan reka bentuk dengan pihak MARA dan penutupan Non-Compliance Report (NCR) oleh kontraktor yang memakan tempoh selama 7 bulan. Disebabkan perubahan tapak projek, skop dan peruntukan oleh Kementerian Kewangan Malaysia melalui Surat Kementerian Kewangan Malaysia bertarikh 22 April 2011, dokumen pra-bida dikemukakan kepada kontraktor iaitu pada 24 Oktober 2011 dan cadangan kontraktor dikemukakan pada 17 Januari 2012. Laporan Penilaian Teknikal oleh semua Head of Design Team (HODT) JKR dan penyerahan NCR kepada kontraktor telah dibuat pada 2 Februari 2012. Reka bentuk telah dipersetujui oleh MARA untuk dijadikan asas rundingan harga pada 18 Julai 2012 dan rundingan harga dimuktamadkan pada 27 September 2012.

Maklum Balas Yang Diterima Daripada MARA Pada 25 Mac 2016

MARA mengambil maklum perkara ini dan berusaha dalam memastikan perkara ini tidak berulang lagi dengan membuat perancangan dengan lebih teliti.

7.5.4. Pentadbiran Kontrak

Bagi memastikan pembinaan sesuatu projek mencapai piawaian serta kualiti yang ditetapkan, pentadbiran kontrak hendaklah dilaksanakan dengan mengikut peraturan dan syarat-syarat kontrak yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati pentadbiran kontrak adalah teratur di mana kontrak telah ditandatangani dalam tempoh masa yang ditetapkan serta urusan bayaran pendahuluan, Bon Pelaksanaan, Polisi Insurans dan pembayaran interim kepada kontraktor telah mematuhi peraturan semasa dan syarat-syarat kontrak.

7.5.5. Pengurusan Pembinaan

7.5.5.1. Reka Bentuk Pembinaan Yang Kurang Sesuai

Reka bentuk yang dihasilkan mestilah sesuai dan memenuhi keperluan pengguna. Lawatan Audit ke tapak pembinaan pada 23 Oktober 2015 mendapati reka bentuk yang kurang sesuai di mana terdapat halangan tiang pada pintu masuk utama ke kaunter pertanyaan. Terdapat juga kedudukan paip air yang kurang sesuai di mana tiada saluran ke longkang disediakan yang mengakibatkan air melimpah ke lantai. Selain itu, terdapat juga bukaan pintu

yang tidak sesuai di laluan kafeteria dan laluan kenderaan di mana ia menghalang laluan dan juga membahayakan pejalan kaki di laluan tersebut. Keadaan tersebut adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 7.6
REKA BENTUK PEMBINAAN YANG KURANG SESUAI

LOKASI	PENEMUAN AUDIT
Blok Akademik & Pentadbiran	Kedudukan tiang berhadapan dengan kaunter pertanyaan adalah tidak sesuai **(Gambar 7.1)**.
	Kedudukan paip air pada tiang yang tiada salur pengaliran keluar air yang sesuai **(Gambar 7.2)**.
	Arah bukaan bagi empat pintu di laluan ke kafeteria tidak sesuai di mana laluan terhalang apabila pintu dibuka dan membahayakan pejalan kaki **(Gambar 7.3** dan **7.4)**.
Blok Hangar & Bengkel	Arah bukaan pintu bagi lapan pintu tidak sesuai di mana pintu menghalang laluan kenderaan dan membahayakan apabila dibuka **(Gambar 7.5** dan **7.6)**.

GAMBAR 7.1

Blok Akademik & Pentadbiran
- Kedudukan Tiang Berhadapan Dengan Kaunter Pertanyaan Adalah Tidak Sesuai
(23.10.2015)

GAMBAR 7.2



Blok Akademik & Pentadbiran
- Kedudukan Paip Air Pada Tiang Yang Tiada Salur Pengaliran Keluar Air Yang Sesuai
(23.10.2015)

GAMBAR 7.3



GAMBAR 7.4

Blok Akademik & Pentadbiran
- Arah Bukaan Bagi Empat Pintu Di Laluan Ke Kafeteria Tidak Sesuai Di Mana Laluan Terhalang Apabila Pintu Dibuka Dan Membahayakan Pejalan Kaki
(23.10.2015)

GAMBAR 7.5

GAMBAR 7.6

Blok Hangar & Bengkel
- Arah Bukaan Pintu Bagi Lapan Pintu Tidak Sesuai Di Mana Pintu Menghalang Laluan Kenderaan Dan Membahayakan Apabila Dibuka
(23.10.2015)

Maklum Balas Yang Diterima Daripada KKR Pada 24 Mac 2016

Kedudukan tiang pada lokasi tersebut merupakan keperluan teknikal dengan mengambil kira amalan piawai kejuruteraan dan kriteria reka bentuk yang perlu dipatuhi. Bagaimanapun, penambahbaikan dari aspek seni bina terhadap tiang tersebut telah dilaksanakan dengan menjadikan tiang tersebut sebagai featured column. Paip air pada tiang yang tiada salur pengaliran keluar air yang sesuai telah ditanggalkan. Arah bukaan pintu direka bentuk untuk mematuhi peraturan Bomba dan Uniform Building By Law.

7.5.5.2. Kualiti Kerja Kurang Memuaskan

Lawatan Audit di tapak juga mendapati kualiti kerja pembinaan yang kurang memuaskan seperti keretakan pada dinding dan lantai. Terdapat juga kesan resapan air pada dinding dan siling yang perlu diselesaikan oleh pihak kontraktor. Pembinaan pintu juga kurang memuaskan di mana terdapat kerangka pintu yang senget yang perlu diperbetulkan. Selain itu, lawatan Audit mendapati kedudukan penutup lurang yang tidak sekata dengan aras permukaan jalan. Ini akan mengakibatkan air bertakung. Butiran lanjut adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 7.7
KUALITI KERJA KURANG MEMUASKAN

LOKASI	PENEMUAN AUDIT
Blok Akademik & Pentadbiran	Terdapat keretakan pada dinding **(Gambar 7.7** dan **7.8).**
	Kerangka pintu tidak selari **(Gambar 7.9** dan **7.10).**
	Terdapat kebocoran pada *gutter* yang mengakibatkan kesan berlumut pada lantai laluan pejalan kaki **(Gambar 7.11** dan **7.12).**
	Terdapat kesan resapan air pada dinding **(Gambar 7.28).**
Makmal Komputer 2	Terdapat keretakan pada dinding **(Gambar 7.13** dan **7.14).**
Surau	Terdapat kesan resapan air pada dinding surau **(Gambar 7.15** dan **7.16).**
Infra	Kerja pembinaan bebendul pagar konkrit yang kurang memuaskan **(Gambar 7.17** dan **7.18).**
	Penutup lurang tidak sekata dengan permukaan jalan dan boleh mengakibatkan air bertakung **(Gambar 7.19** dan **7.20).**
	Penutup longkang tidak sekata dengan permukaan jalan **(Gambar 7.21** dan **7.22).**
Blok Hangar & Bengkel	Keretakan pada lantai **(Gambar 7.23** dan **7.24).**
	Keretakan pada dinding **(Gambar 7.25** dan **7.26).**
	Terdapat kesan air pada permukaan dinding **(Gambar 7.27).**

GAMBAR 7.7

GAMBAR 7.8

Blok Akademik & Pentadbiran
- Terdapat Keretakan Pada Dinding
(23.10.2015)

GAMBAR 7.9

GAMBAR 7.10



Blok Akademik & Pentadbiran
- Kerangka Pintu Tidak Selari
(23.10.2015)

GAMBAR 7.11

GAMBAR 7.12

Blok Akademik & Pentadbiran
- Terdapat Kebocoran Pada Gutter Yang Mengakibatkan Kesan Berlumut Pada Lantai Laluan Pejalan Kaki
(23.10.2015)

GAMBAR 7.13



GAMBAR 7.14



Makmal Komputer 2
- Terdapat Keretakan Pada Dinding
(23.10.2015)

GAMBAR 7.15

GAMBAR 7.16

Surau
- Terdapat Kesan Resapan Air Pada Dinding Surau
(23.10.2015)

GAMBAR 7.17

GAMBAR 7.18

Infra
- Kerja Pembinaan Bebendul Pagar Konkrit Yang Kurang Memuaskan
(23.10.2015)

GAMBAR 7.19

GAMBAR 7.20

Infra
- Penutup Lurang Tidak Sekata Dengan Permukaan Jalan. Ini Akan Mengakibatkan Air Bertakung
(23.10.2015)

GAMBAR 7.21



GAMBAR 7.22

Infra
- Penutup Longkang Tidak Sekata Dengan Permukaan Jalan
(23.10.2015)

GAMBAR 7.23



GAMBAR 7.24

Blok Hangar & Bengkel
- Keretakan Pada Lantai
(23.10.2015)

GAMBAR 7.25



GAMBAR 7.26



Blok Hangar & Bengkel
- Keretakan Pada Dinding
(23.10.2015)

GAMBAR 7.27

Blok Hangar & Bengkel
- Terdapat Kesan Air Pada Permukaan Dinding
(23.10.2015)

GAMBAR 7.28



Blok Akademik & Pentadbiran
- Terdapat Kesan Resapan Air Pada Dinding
(23.10.2015)

Maklum Balas Yang Diterima Daripada KKR Pada 24 Mac 2016

Semua kecacatan yang dibangkitkan telah dimasukkan dalam senarai kecacatan projek. Kerja pembaikan sedang dijalankan dan dijangka akan disiapkan dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan. Tempoh Tanggungan Kecacatan bermula dari tarikh 8 Mac 2016 hingga 8 Mac 2018.

7.5.5.3. Kerja Elektrikal Yang Kurang Sempurna

Kerja elektrikal adalah kerja yang antaranya melibatkan sistem voltan tinggi, sistem voltan rendah, sistem siaraya, sistem telekomunikasi dan sistem ICT. Lawatan Audit mendapati beberapa komponen peralatan elektrik yang tidak dipasang dengan sempurna dan tidak mengikut spesifikasi seperti sistem pembumian, peralatan pendawaian dan penggunaan bahan yang tidak sesuai. Keadaan semasa lawatan Audit adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 7.8
KERJA ELEKTRIKAL YANG KURANG SEMPURNA

LOKASI	PENEMUAN AUDIT
Blok Akademik & Pentadbiran	Penyambungan pada *earth electrode* tidak menggunakan kaedah *exothermic welding*. Sistem pembumian yang menggunakan skru tidak mengikut spesifikasi **(Gambar 7.29)**.
	Keperluan bilik suis tidak lengkap. Notis BAHAYA dan DILARANG MASUK tidak dilekatkan pada setiap pintu bilik suis. Perkara ini juga ditemui di 4 bilik suis dan bilik *Sub Switch Board* **(Gambar 7.30)**.

LOKASI	PENEMUAN AUDIT
Blok Akademik & Pentadbiran - Tangki Air	Tanda air masuk dan keluar tidak dilabelkan pada paip. Ini menyukarkan kerja-kerja penyenggaraan **(Gambar 7.31).**
Blok Akademik & Pentadbiran - Bilik *Distribution Board*	*Juntion box* tidak bertutup **(Gambar 7.32)**.
	Pemasangan *junction box* jenis 3 way *junction box* adalah tidak sesuai, sepatutnya menggunakan jenis 2 *way junction box* **(Gambar 7.33)**.
	Copper bridge tidak dipasang pada setiap sambungan antara *trunking* **(Gambar 7.34)**.
Blok Akademik & Pentadbiran - Bilik Kawalan	Kabel tidak dimasukkan sepenuhnya ke dalam *junction box* **(Gambar 7.35)**.
Blok Akademik & Pentadbiran - Bilik Juruteknik	Pelapik getah tidak dipasang di laluan keluar masuk kabel dari *trunking* ke *fire distribution board* **(Gambar 7.36)**.
Blok Akademik & Pentadbiran - Bilik *Riser* Elektrik	Litar skematik tidak dilekatkan di *distribution board* (DB). Perkara ini ditemui di semua DB di bangunan ini **(Gambar 7.37)**.
Blok Akademik & Pentadbiran - *Drying Room*	*Copper bush* tidak dipasang di antara konduit dan soket **(Gambar 7.38)**.
Blok Hangar - Bilik *Chiller Plant*	Tiada papan tanda nama di setiap pintu bilik *chiller plant* **(Gambar 7.39)**
Blok Akademik & Pentadbiran - *Avionic Holding*	*Copper bridge* tidak dipasang pada setiap sambungan antara *trunking*. Setiap sambungan antara *trunking* perlu dibumikan dengan berkesan bagi tujuan keselamatan. Perkara ini ditemui lebih dari 20 lokasi sepanjang pengauditan ini **(Gambar 7.40)**.

GAMBAR 7.29



Blok Akademik & Pentadbiran
- Penyambungan Pada Earth Electrode Tidak Menggunakan Kaedah Exothermic Welding. Sistem Pembumian Yang Menggunakan Skru Tidak Mengikut Spesifikasi
(23.10.2015)

GAMBAR 7.30



Blok Akademik & Pentadbiran
- Keperluan Bilik Suis Tidak Lengkap. Notis BAHAYA Dan DILARANG MASUK Tidak Dilekatkan Pada Setiap Pintu Bilik Suis
(23.10.2015)

GAMBAR 7.31



Blok Akademik & Pentadbiran (Tangki Air)
- Tanda Air Masuk Dan Keluar Tidak Dilabelkan Pada Paip. Ini Menyukarkan Kerja-Kerja Penyenggaraan
(23.10.2015)

GAMBAR 7.32



Blok Akademik & Pentadbiran
(Bilik Distribution Board)
- Juntion Box Tidak Bertutup
(23.10.2015)

GAMBAR 7.33



Blok Akademik & Pentadbiran
(Bilik Distribution Board)
- Pemasangan Junction Box Jenis 3 Way Junction Box Adalah Tidak Sesuai, Sepatutnya Menggunakan Jenis 2 Way Junction Box
(23.10.2015)

GAMBAR 7.34

Blok Akademik & Pentadbiran
(Bilik Distribution Board)
- Copper Bridge Tidak Dipasang Pada Setiap Sambungan Antara Trunking
(23.10.2015)

GAMBAR 7.35

Blok Akademik & Pentadbiran (Bilik Kawalan)
- Kabel Tidak Dimasukkan Sepenuhnya Ke Dalam Junction Box
(23.10.2015)

GAMBAR 7.36



Blok Akademik & Pentadbiran (Bilik Juruteknik)
- Pelapik Getah Tidak Dipasang Di Laluan Keluar Masuk Kabel Dari Trunking Ke Fire Distribution Board
(23.10.2015)

GAMBAR 7.37

Blok Akademik & Pentadbiran (Bilik Riser Elektrik)
- Litar Skematik Tidak Dilekatkan Di Distribution Board (DB)
(23.10.2015)

GAMBAR 7.38



Blok Akademik & Pentadbiran (Drying Room)
- Copper Bush Tidak Dipasang Di Antara Konduit Dan Soket
(23.10.2015)

GAMBAR 7.39

Blok Hangar (Bilik Chiller Plant)
- Tiada Papan Tanda Nama Di Setiap Pintu Bilik Chiller Plant
(23.10.2015)

GAMBAR 7.40

Blok Hangar (Bilik Avionic Holding)
- Copper Bridge Tidak Dipasang Pada Setiap Sambungan Antara Trunking. Setiap Sambungan Antara Trunking Perlu Dibumikan Dengan Berkesan Bagi Tujuan Keselamatan
(23.10.2015)

Pada pendapat Audit, terdapat sebahagian daripada kerja pembinaan masih kurang memuaskan dari segi reka bentuk dan kualiti pembinaan. Ia boleh menyebabkan kemudahan yang dibina tidak dapat berfungsi dengan baik, menyukarkan kerja-kerja penyenggaraan serta tidak menjamin keselamatan pengguna.

Maklum Balas Yang Diterima Daripada KKR Pada 24 Mac 2016

Semua kecacatan yang dibangkitkan telah dimasukkan dalam senarai kecacatan. Kontraktor bertanggungjawab sepenuhnya memastikan kesemua kecacatan dibaik pulih sepenuhnya dalam tempoh kecacatan projek. Mesyuarat Pemantauan Kecacatan Projek akan dilaksanakan secara berkala bagi memantau kemajuan kerja-kerja rektifikasi kecacatan yang direkodkan. Tempoh Tanggungan Kecacatan bermula dari tarikh 8 Mac 2016 hingga 8 Mac 2018.

7.5.6. Pemantauan

7.5.6.1. Bagi memastikan pelaksanaan projek ini berjalan dengan lancar dan memuaskan, pendekatan pemantauan yang telah dilakukan oleh JKR adalah seperti mengadakan Mesyuarat Tapak dan Mesyuarat Teknikal. Mesyuarat Tapak bertujuan memantau kemajuan kerja dan mengenal pasti masalah pelaksanaan projek. Mesyuarat Teknikal pula diadakan bertujuan untuk membincangkan dan menyelesaikan masalah teknikal berkaitan dengan kerja pembinaan. Semakan Audit mendapati perkara yang berikut:

a. Sepanjang tempoh pembinaan dari tahun 2013 hingga 2015 sebanyak 28 Mesyuarat Tapak telah dijalankan. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh JKR, kontraktor, MARA, UniKL-MIAT dan pihak lain yang terlibat. Antara perkara yang dibincangkan adalah Laporan Kemajuan Kerja, Laporan Bayaran Interim, isu dan masalah, status kelulusan PBT/Utiliti dan maklum balas pelanggan.

b. Mesyuarat Teknikal telah diadakan sebanyak 22 kali dari tahun 2013 hingga 2015. Mesyuarat ini dihadiri oleh JKR, kontraktor, MARA, UniKL-MIAT dan pihak lain yang terlibat. Isu-isu teknikal berkaitan dengan kerja pembinaan telah dibincangkan.

Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan yang telah diwujudkan melalui Mesyuarat Tapak dan Mesyuarat Teknikal secara berkala adalah baik dan mencukupi dalam memantau pelaksanaan projek.

7.6. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan, adalah disyorkan supaya tindakan berikut diambil:

7.6.1. JKR hendaklah memastikan kontraktor mematuhi keperluan pihak berkuasa yang berkenaan dan memperoleh *Certificate of Compliance and Completion*;

7.6.2. pihak MARA terus berbincang dengan MAB dan berusaha menyelesaikan masalah perolehan tapak *taxiway* dengan pihak yang lebih berkuasa supaya kemudahan *taxiway* dapat diperoleh dan objektif pembinaan dapat dicapai; dan

7.6.3. JKR perlu memastikan kontraktor memperbaiki semua kecacatan supaya bangunan dapat berfungsi dengan sempurna.

KEMENTERIAN KERJA RAYA / JABATAN KERJA RAYA

8. PROJEK MEMBINA JALAN BARU DARI LEBUH RAYA SEREMBAN-PD-FR5 DI PASIR PANJANG DAN MENAIK TARAF FR5 DARI PASIR PANJANG KE LINGGI, NEGERI SEMBILAN (SEKSYEN 1)

8.1. LATAR BELAKANG

8.1.1. Projek Membina Jalan Baru Dari Lebuh Raya Seremban-PD-FR5 Di Pasir Panjang Dan Menaik taraf FR5 Dari Pasir Panjang Ke Linggi, Negeri Sembilan (Seksyen 1) adalah projek di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) dengan kos siling asal berjumlah RM160 juta. Tujuan projek ini adalah bagi mengatasi kesesakan jalan raya di Teluk Kemang, Port Dickson terutamanya pada musim perayaan dan cuti sekolah memandangkan Port Dickson merupakan pusat pelancongan utama. Selain itu, penduduk setempat menggunakan jalan yang sama untuk ke Lukut dan Linggi kerana tiada jalan alternatif yang lain. Pelanggan bagi projek ini ialah Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) telah dilantik sebagai agensi pelaksana. Skop kerja bagi projek ini adalah membina jalan *Arterial A* dan *mainline* dari CH7700 ke CH8579 serta menaik taraf laluan FR5 dari Pasir Panjang ke Linggi. Jarak keseluruhan jalan baru dan naik taraf adalah 22.6 km. Projek membina jalan *Arterial B* dilaksanakan dalam kontrak berasingan sebagai Seksyen 2. Lokasi tapak projek seperti rajah berikut:

RAJAH 8.1
LOKASI TAPAK PROJEK



Sumber : JKR Cawangan Jalan

8.1.2. Projek ini bermula pada bulan Februari 2005 dan sepatutnya siap pada bulan Ogos 2007 iaitu selama 2 tahun 6 bulan. Kontraktor yang dilantik ialah Hartajaya-Benteng Timur-AMR Jeli JV Sdn. Bhd. (HBA-JV). Kemajuan kerja kontraktor ini tidak memuaskan menyebabkan ia telah ditamatkan melalui Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor pada 23 Disember 2009 dengan kemajuan 64.6%. Bagaimanapun, kontraktor yang sama telah dilantik semula untuk menyambung baki kerja tetapi prestasi kemajuan kerja masih tidak memuaskan dengan peningkatan hanya 3.6% dan telah ditamatkan pada 9 Mei 2013. Akhirnya, Kerajaan telah melantik kontraktor penyelamat iaitu Seroja Anggerik Development Sdn. Bhd. pada 27 Mac 2014 dan projek dapat disiapkan pada 28 Disember 2015. Butiran projek adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 8.1
BUTIRAN PROJEK

BUTIRAN	KONTRAK 1	KONTRAK 2	KONTRAK 3
Nama Kontraktor	Harta-Benteng Timur - AMR Jeli JV Sdn. Bhd.	Harta-Benteng Timur - AMR Jeli JV Sdn. Bhd.	Seroja Anggerik Development Sdn. Bhd.
Sumber Peruntukan	Kementerian Kerja Raya	Kementerian Kerja Raya	Kementerian Kerja Raya
Pengarah Projek/ Pegawai Penguasa	Pengarah Cawangan Jalan	Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Projek Timur	Pengurus Besar Kanan Pembinaan 4, Unit Projek Khas Cawangan jalan
Kos Asal Kontrak (RM Juta)	118.61	47.50	27.68
Kos Semasa Kontrak (RM Juta)	72.81	45.99	27.52
Jenis Kontrak	Reka Dan Bina	Konvensional Perunding	Konvensional Perunding
Kaedah Perolehan	Rundingan Terus	Rundingan Terus	Tender Terhad
Tarikh Surat Setuju Terima (SST)	05.01.2005	10.11.2011	27.03.2014
Tarikh Milik Tapak	14.02.2005	22.11.2011	28.04.2014
Tarikh Siap Asal (Sepatut)	12.08.2007	21.11.2012	27.04.2015
Tarikh Siap Semasa (Ikut Kontrak)	01.12.2009	21.03.2013	28.12.2015
Jumlah EOT (Hari)	3 (842)	1 (120)	1 (245)
Perakuan Kerja Tidak Siap	02.12.2009	22.03.2013	-
Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor	23.12.2009	09.05.2013	-
% Kemajuan Kerja	64.6	69.2	100.0

Sumber : JKR Cawangan Jalan Dan JKR Negeri Sembilan

8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan Projek Membina Jalan Baru Dari Lebuh Raya Seremban-PD-FR5 Di Pasir Panjang Dan Menaik taraf FR5 Dari Pasir Panjang Ke Linggi, Negeri Sembilan (Seksyen 1) telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

8.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini ditumpukan pada aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek Ini. Pengauditan telah dijalankan di pejabat JKR Cawangan Jalan, JKR Negeri Sembilan dan Pejabat Tapak di Port Dickson.

8.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen projek serta menjalankan analisis terhadap data projek. Selain itu, pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah diadakan. *Exit Conference* bersama Ketua Setiausaha KKR dan Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya telah diadakan pada 16 Februari 2016. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh wakil Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Peguam Negara dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

8.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan terhadap Projek Membina Jalan Baru Dari Lebuh Raya Seremban-PD-FR5 Di Pasir Panjang Dan Menaiktaraf FR5 Dari Pasir Panjang Ke Linggi, Negeri Sembilan (Seksyen 1) yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2015 mendapati pengurusan projek ini adalah tidak memuaskan kerana mengambil tempoh masa yang lama untuk disiapkan melebihi 10 tahun dan pembinaan jambatan tidak mengikut lukisan pembinaan. Bagaimanapun, peraturan lain berkaitan pentadbiran kontrak telah dipatuhi seperti kontrak telah ditandatangani dalam tempoh masa yang ditetapkan, bayaran pendahuluan adalah teratur dan urusan Bon Pelaksanaan telah mematuhi syarat kontrak. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti yang berikut:

i. penyiapan projek telah mengambil masa yang lama iaitu melebihi 10 tahun yang sepatutnya disiapkan dalam tempoh 2 tahun 6 bulan;

ii. pelantikan semula kontraktor yang sama bagi kontrak kedua adalah tidak wajar kerana tidak mematuhi keputusan oleh Jawatankuasa Projek Sakit JKR;

iii. kelewatan sehingga 1 tahun 10 bulan (setakat tarikh *Exit Conference* pada 16 Februari 2016) dalam penyediaan Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor bagi kontrak pertama dan kontrak kedua; dan

iv. pembinaan jambatan tidak mengikut lukisan pembinaan dan masalah *relocation utilities* tidak diuruskan dengan cekap.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta maklum balas Kementerian/JKR adalah seperti di perenggan berikut:

8.5.1. Pelantikan Kontraktor

8.5.1.1. Kontrak Pertama

a. Kerja Gagal Disiapkan

Kontrak pertama projek ini dengan Hartajaya-Benteng Timur-AMR Jeli JV Sdn. Bhd. (HBA-JV) bernilai RM118.61 juta dibuat melalui kaedah rundingan terus secara reka dan bina. Surat Setuju Terima (SST) telah ditandatangani pada 5 Januari 2005 dan projek sepatutnya siap pada 12 Ogos 2007 selama 30 bulan. Bagaimanapun, projek ini telah gagal disiapkan dan telah ditamatkan pada 23 Disember 2009 setelah 3 EOT diberi selama 842 hari dengan kemajuan kerja setakat 64.6%.

b. Kerja Di Luar Kontrak

Kontraktor HBA-JV telah meneruskan penyiapan baki kerja kontrak pertama yang telah ditamatkan meliputi tempoh 23 Februari 2010 hingga 16 Jun 2010. Mengikut peraturan kontrak pada umumnya, kerja pembinaan hanya boleh dimulakan dengan wujudnya ikatan perjanjian antara Kerajaan dengan pihak kontraktor, kecuali mendapat kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia. Semakan Audit mendapati Kementerian Kewangan Malaysia telah meluluskan permohonan kerja di luar kontrak pada 11 Jun 2010 bagi membenarkan kontraktor meneruskan baki kerja pembinaan sehingga 16 Jun 2010 dan sejumlah RM4.85 juta telah dibayar kepada kontraktor.

8.5.1.2. Kontrak Kedua

Kontrak kedua di antara Kerajaan Malaysia dengan kontraktor yang sama, iaitu HBA-JV telah ditandatangani pada 13 Mac 2012 dengan nilai kontrak berjumlah RM47.50 juta. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2009 menyatakan pelantikan kontraktor penyiap hendaklah dilaksanakan secara tender terhad di kalangan sekurang-kurangnya 5 kontraktor yang telah di senarai pendek dan dipilih oleh Jawatankuasa Projek Sakit (JKPS). Semakan Audit terhadap pelantikan kontraktor yang sama bagi kontrak kedua adalah seperti yang berikut:

a. Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat bertarikh 14 April 2011 telah meluluskan rayuan HBA-JV bagi menyiapkan baki kerja dan dilaksanakan secara kontrak berasingan dengan harga kontrak yang baru. Harga kontrak baru hendaklah menggunakan nilai baki kerja sebagaimana harga kontrak asal. Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan pada 10 November 2011 dengan tempoh penyiapan selama 12 bulan dari tempoh milik tapak iaitu pada 22 November 2011 hingga 21 November 2012. Berpandukan surat KKR bertarikh 5 April 2010 pelantikan semula kontraktor yang sama atas faktor berikut:

i. bagi mengelakkan sebarang kelewatan disebabkan prosedur dan amalan perolehan Kerajaan, maka penyerahan semula projek ini kepada kontraktor berkenaan adalah lebih menguntungkan Kerajaan dari segi masa kerana tempoh untuk memanggil semula tender dan penyiapan projek seterusnya akan memakan masa tidak kurang daripada 15 bulan.

ii. dari segi kos, jika ditender semula harga kontrak baru dijangka akan melebihi baki harga asal kontrak iaitu RM40.50 juta. Dijangka bahawa mengembalikan semula pelaksanaan projek ini kepada HBA-JV adalah opsyen yang paling cost effective dan menguntungkan Kerajaan.

b. Kronologi rayuan yang telah dibuat oleh HBA-JV untuk diberi peluang menyiapkan baki kerja kontrak yang telah ditamatkan seperti jadual berikut:

JADUAL 8.2
KRONOLOGI RAYUAN

BIL.	TARIKH	RUJUKAN SURAT	PERKARA
1.	03.01.2010	HBA/HQ-ft/030110/02	- HBA-JV memohon rayuan untuk meneruskan projek menyiapkan baki kerja.
2.	15.01.2010	TPM 100-3/1/1Jld.4(10)	- Penelitian semula rayuan HBA-JV dan memberi peluang untuk menyiapkan projek.
3.	11.02.2010	(29)dlm.JKR.CJ (BKUB)17/01/09-SPPL Jld.4	- Surat TKPKR kepada KSU Perbendaharaan memohon pertimbangan agar HBA-JV diberi peluang menyiapkan baki kerja kontrak yang telah ditamatkan.
4.	05.04.2010	KKR.MKRM(S)100-18/1/2 Jld.3( )	- Surat KKR kepada Kementerian Kewangan menyokong dan memohon kelulusan HBA-JV untuk melaksanakan semula projek ini. KPKR tiada kuasa untuk membatalkan Notis Penamatan Kontrak yang dikeluarkan pada 23.12.2009.
5.	31.05.2010	HBA.HQ-srh.PM.310510-57	- HBA-JV memohon rayuan agar memberi peluang menyiapkan baki kerja kontrak yang telah ditamatkan.
6.	24.06.2010	PPM(S)100-6/12	- Surat kepada Setiausaha Bahagian Perolehan, Kementerian Kewangan mengenai rayuan oleh HBA-JV dibawa kepada Jawatankuasa Tender I.
7.	30.11.2010	S/K.KEW/PK/K12/700/810209/157/51-3 JLD.2 SK.1(15)	- Surat dari Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan tidak meluluskan permohonan HBA-JV untuk menyiapkan baki kerja kontrak. Pelaksanaan projek selepas ini dilaksanakan secara tender terhad. Senarai nama syarikat yang menyertai tender terhad diputuskan oleh Jawatankuasa Projek Sakit JKR dan bayaran kepada HBA-JV perlu dibuat bagi kerja yang telah dilaksanakan sehingga tarikh pemberhentian kerja di tapak.
8.	14.04.2011	S/K.KEW/PK/K12/700/810209/157/51-3 JLD.2 SK.1(24)	- MOF telah mengeluarkan surat kebenaran untuk pelantikan semula kontraktor HBA-JV bagi meneruskan penyiapan kerja.

Sumber : JKR Cawangan Jalan Dan JKR Negeri Sembilan

c. Projek ini masih gagal disiapkan selepas peluang kedua diberi kepada kontraktor HBA-JV dengan satu lanjutan masa diberikan sehingga 21 Mac 2013. Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor telah dikeluarkan pada 9 Mei 2013 dengan kemajuan kerja sebanyak 69.2%. Berdasarkan draf perakuan kos penamatan yang disediakan mengikut terma-terma kontrak pertama dan kontrak kedua, Kerajaan telah menanggung kerugian sejumlah RM21.03 juta atas kegagalan kontraktor melaksanakan projek yang diberikan. Kerajaan dalam proses menuntut bayaran daripada kontraktor dan ia masih dalam proses mendapat pandangan Penasihat Undang-undang (PUU) KKR. Butirannya seperti jadual berikut:

JADUAL 8.3
ANGGARAN KOS PENAMATAN KONTRAK

BUTIRAN	JUMLAH (RM Juta)
Kos Penyiapan	132.99
(-) Jumlah Harga Kontrak Terlaras	(111.96)
ANGGARAN BAYARAN YANG PERLU DIBAYAR OLEH KONTRAKTOR	**21.03**

Sumber : JKR Cawangan Jalan

Pada pendapat Audit, pelantikan semula kontraktor yang sama adalah tidak wajar kerana ia tidak menepati ulasan dan keputusan oleh Jawatankuasa Projek Sakit (JKPS) JKR, khususnya prestasi kemajuan kerja kontraktor yang tidak memuaskan. Pelantikan kali kedua bagi kontraktor yang sama juga telah menyebabkan Kerajaan menanggung kerugian iaitu sejumlah RM21.03 juta.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 23 Mac 2016

Pelantikan kontraktor yang sama untuk kali kedua adalah mengikut surat daripada Kementerian Kewangan Malaysia kepada Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia bertarikh 14 April 2011. Berdasarkan Rayuan kontraktor yang dikemukakan kepada Menteri Kewangan pada 19 Januari 2011. Melalui surat Kementerian Kewangan bertarikh 30 November 2010, rayuan Kontraktor melalui surat bertarikh 14 Jun 2010 untuk menyiapkan baki kerja tidak diluluskan dan pelaksanaan projek adalah secara terhad dan senarai kontraktor diputuskan oleh Jawatankuasa Projek Sakit. Terdapat 6 siri mesyuarat Jawatankuasa Projek Sakit (JKPS) bagi projek ini yang telah dipengerusikan oleh KSU, KKR. Keputusan daripada siri mesyuarat tersebut sebanyak 12 kontraktor disenaraikan untuk tender terhad. Bagaimanapun keputusan JKPS untuk menyenaraikan 12 kontraktor telah dibatalkan dalam mesyuarat siri ke 6 setelah mendapat surat kelulusan MOF. Sehubungan dengan itu pihak JKR akur dengan keputusan Kementerian Kewangan dan harga kontrak ke-2 adalah berdasarkan baki kerja sebagaimana Kontrak 1 dan SST kontrak ke-2 dikeluarkan pada 10 November 2011.

Penyata Akaun untuk Kontrak 1 telah dihantar ke PUU untuk tindakan pada 12 Oktober 2015. Maklum balas PUU adalah pihaknya sedang menunggu tarikh mahkamah bersidang oleh kerana kontraktor mengemukakan saman balas (wrongful termination) dan mahkamah telah memutuskan konsilidasi kes dibenarkan.

8.5.1.3. Kontrak Ketiga

Kontrak ketiga bagi menyiapkan projek ini adalah di antara Kerajaan Malaysia dengan Seroja Anggerik Development Sdn. Bhd. telah ditandatangani pada 24 Julai 2014 dengan nilai kontrak berjumlah RM27.68 juta. Kementerian

Kewangan Malaysia melalui surat bertarikh 30 Julai 2013 mengambil maklum akan persetujuan cadangan KKR untuk melaksanakan baki projek ini secara tender terhad di kalangan 10 syarikat.

Semakan Audit mendapati perkara berkaitan pelantikan kontraktor telah dipatuhi seperti yang berikut:

i. Kementerian Kewangan Malaysia pada bulan Disember 2013 telah meluluskan perakuan Lembaga Perolehan 'A' KKR bagi menawarkan tender tersebut kepada Seroja Anggerik Sdn. Bhd. dengan harga tawaran berjumlah RM27.68 juta.

ii. Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan kepada Seroja Anggerik Sdn. Bhd. pada 27 Mac 2014 dan tempoh siap kerja adalah selama 12 bulan dari tempoh milik tapak iaitu daripada 28 April 2014 hingga 27 April 2015.

iii. Projek telah disiapkan pada 28 Disember 2015 dengan satu lanjutan masa selama 245 hari.

Pada pendapat Audit, penyediaan kontrak ketiga adalah mematuhi peraturan berkaitan pelantikan kontraktor yang ditetapkan.

8.5.2. Prestasi Projek

8.5.2.1. Pencapaian Fizikal

a. Mengikut syarat kontrak, kontraktor pertama iaitu HBA-JV perlu menyiapkan projek ini pada 12 Ogos 2007 dan kontraktor tersebut telah diluluskan 3 lanjutan masa/*Extension Of Time* (EOT) iaitu selama 842 hari sehingga 1 Disember 2009. Kontraktor ini telah gagal menyiapkan projek walaupun JKR telah mengeluarkan sebanyak 8 surat peringatan sehingga kontrak ditamatkan pada 23 Disember 2009. Kemajuan kerja pada tarikh tersebut adalah 65.6%. Tarikh siap kerja bagi kontrak kedua pula ialah pada 21 November 2011 dan kontraktor telah diluluskan satu EOT selama 120 hari sehingga 21 Mac 2013. Bagaimanapun, kontrak ini telah ditamatkan pada 9 Mei 2013 dengan hanya 3.6% peningkatan dalam kemajuan kerja kepada 69.2%. Bagi kontrak ketiga, tarikh siap asal projek ialah pada 27 April 2015 dan telah diberi satu EOT selama 245 hari sehingga 28 Disember 2015. Perakuan Siap Kerja/*Certificate Practical Completion* (CPC) telah dikeluarkan pada tarikh siap kerja semasa iaitu 28 Disember 2015.

b. Semakan Audit mendapati antara sebab EOT adalah kelewatan pengambilan balik tanah, kelewatan pengalihan kerja utiliti, melaksanakan kerja pembaikan Jambatan Sungai Menyala dan cuaca yang buruk. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 8.4
PERAKUAN KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA YANG DILULUSKAN

LANJUTAN MASA	TEMPOH	TARIKH SIJIL PERAKUAN KELAMBATAN	BIL. HARI	SEBAB LANJUTAN MASA
KONTRAK 1				
1	13.08.2007 - 01.06.2008	01.09.2006	294	• Kelewatan Pengambilan Tanah
2	02.06.2008 - 01.03.2009	22.10.2007	273	• Kelewatan Pengambilan Balik Tanah (Lot 415)
3	02.03.2009 - 01.12.2009	12.12.2008	21	• Kelewatan Dalam Memberikan Tapak (Lot 415)
			215	• Kelewatan Oleh Pihak-pihak Yang Ditugaskan Oleh Kerajaan Bagi Kerja-kerja Pengalihan Utiliti
			39	• Peruntukan Khas Bagi Peningkatan Harga Bahan-bahan Binaan (SPP 3/2008)
KONTRAK 2				
1	21.11.2012 - 21.03.2013	22.11.2012	62	• Cuaca Buruk *(Exceptionally Inclement Weather)*
			58	• Kerosakan Cerun Di: i. *Arterial* A (Ch 1800 – Ch 1900) ii. Pengkalan Kempas (Bypass Pakej B – Ch 4820 – Ch 5020)
KONTRAK 3				
1	02.04.2015 - 28.12.2015	02.04.2015	60	• Cuaca Hujan pada Bulan November Dan Disember mengganggu Pelaksanaan Kerja-kerja *Premix*
			65	• Melaksanakan Kerja-kerja Pembinaan Semula Bagi Item Yang Telah Rosak Atau Gagal
			120	• Melaksanakan Kerja-kerja Pembaikan Jambatan Sg. Menyala
JUMLAH (HARI)			**1,207**	

Sumber : JKR Cawangan Jalan Dan JKR Negeri Sembilan

Pada pendapat Audit, prestasi pencapaian fizikal projek tidak memuaskan kerana kerja bagi kontrak pertama dan kedua telah gagal disiapkan menyebabkan keseluruhan projek mengambil masa yang lama untuk disiapkan sehingga melebihi tempoh 10 tahun dan berlaku peningkatan kos sejumlah RM21.03 juta.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 23 Mac 2016

Punca EOT Bagi Kontrak 1

i. Terdapat kelewatan dalam pengambilan tanah untuk projek ini termasuklah pengambilalihan tanah LOT 415 (Junction 2) dan kawasan Lot 415 diserahkan sepenuhnya kepada kontraktor pada 22 Oktober 2007. Kelewatan pengambilan tanah bermula daripada EOT No. 1 hingga EOT No. 2.

ii. Bagi lanjutan masa yang diluluskan untuk EOT No. 3, terdapat sebahagian Lot 415 yang belum diserahkan, kelewatan pengalihan utiliti Telekom, TNB serta pengalihan paip air dan peningkatan harga bahan-bahan binaan (SPP3/2008).

iii. Sehubungan dengan itu, pengurusan EOT adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan. EOT yang dibenarkan kepada kontraktor adalah munasabah. KPTG memaklumkan borang H akan dikeluarkan pada 18 September 2007,

bagaimanapun kawasan ini hanya diserahkan sepenuhnya kepada kontraktor pada 22 Oktober 2007, Borang K-Akta Pengambilan Tanah 1960.

iv. Pengalihan utiliti melibatkan TNB dan TM yang melewatkan kerja-kerja penurapan jalan (pavement works) daripada 1 Julai 2008 sehingga 1 Februari 2009 di mana ianya adalah tarikh TNB dijadualkan memulakan kerja peralihan.

Punca EOT Bagi Kontrak 2

i. Cuaca buruk (exceptionally inclement weather) - Berdasarkan kepada data hujan dalam tempoh kontrak dari 22 November 2011 hingga 14 November 2012 adalah selama 62.5 hari mengikut rekod buku harian tapak. Hasil semakan berdasarkan rekod-rekod Jabatan Meteorologi Malaysia untuk 5 tahun berturut-turut didapati purata hujan 1 tahun adalah 185.04 hari. Oleh itu, EOT selama 62 hari adalah munasabah diluluskan.

ii. Kerosakan cerun - Kerosakan cerun di Arterial A (CH1800 – 1900) yang teruk telah menyebabkan kerja-kerja di tapak terhenti pada 20 April 2012. Kerja-kerja yang terjejas akibat kerosakan cerun tersebut adalah kerja pembinaan perparitan, pembinaan subbase dan roadbase yang tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual perancangan asal (CPM). Kerja-kerja membaik pulih cerun jalan di Pengkalan Kempas tersebut terpaksa dilakukan di luar tempoh kontrak yang tamat pada 21 November 2012 yang menyebabkan kelewatan penyiapan projek selama 58 hari.

Punca EOT Bagi Kontrak 3

i. Penghujung tahun 2014 iaitu bulan November dan Disember kawasan Port Dickson telah mengalami cuaca hujan lebat yang mana telah mengganggu kerja-kerja pembinaan jalan terutama sekali kerja premix. Kerja premix hanya boleh dilaksanakan apabila permukaan road base betul-betul kering.

ii. Terdapat kerja-kerja pembinaan semula yang terpaksa dilaksanakan oleh pihak kontraktor. Pembinaan semula perlu dibuat dengan membetulkan level mengikut reka bentuk sebenar dan pembinaan road base mengikut reka bentuk dan spesifikasi jalan sebenar.

iii. Pembaikan jambatan perlu dilaksanakan kerana terdapat kegagalan yang telah ditemui semasa pemeriksaan di tapak dibuat sebelum kerja-kerja pembinaan jalan diteruskan.

8.5.2.2. Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor Bagi Kontrak Pertama

a. Garis Panduan Untuk Urusan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor yang telah dikeluarkan oleh pejabat Ketua Pengarah Kerja Raya melalui surat bertarikh 4 Oktober 2006 dan Surat Arahan KPKR Bil. 8 Tahun 2013 menetapkan sekiranya kontraktor melakukan kemungkiran seperti mana terma yang dinyatakan dalam Fasal 51 Syarat-syarat Kontrak, adalah wajar Surat Amaran dikeluarkan kepada kontraktor. Sekiranya kemungkiran berlarutan atau berulang, Pegawai Penguasa (PP) hendaklah mengeluarkan Notis Untuk Tujuan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor (NUTPPKK).

Jika kemungkiran terus berlaku atau berulang, kontrak akan ditamatkan melalui pengeluaran Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor. Tempoh masa mengeluarkan NUTPPKK dan Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor adalah dalam tempoh 14 hari atau suatu tempoh yang munasabah.

b. Selain itu, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2009 menyatakan projek sakit didefinisikan sebagai projek yang kemajuan pelaksanaannya telah mengalami kelewatan melebihi 2 bulan atau 20% daripada tarikh atau jadual yang ditetapkan mengikut mana yang terdahulu dan kontraktor tidak berupaya memperbaiki prestasinya.

c. Semakan Audit mendapati kemajuan kerja kontraktor HBA-JV di tapak tidak memuaskan. Sebanyak 8 surat amaran bagi kemungkiran kerja kontraktor telah dikeluarkan kepada kontraktor antara bulan September 2007 hingga September 2009. Manakala NUTPPKK telah dikeluarkan kepada kontraktor pada 18 November 2009. Bagaimanapun, Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor dikeluarkan pada 23 Disember 2009, iaitu lewat 21 hari (35 hari tolak 14 hari yang dibenarkan) selepas NUTPPKK bertarikh 18 November 2009 dikeluarkan. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 8.5
SURAT AMARAN/NOTIS YANG TELAH DIKELUARKAN

BIL.	PERKARA	KEMAJUAN		TARIKH SURAT
		SEBENAR (%)	SEPATUT (MENGIKUT JADUAL) (%)	
1.	Surat amaran bagi kemungkiran kontraktor	54.4	71.9	12.09.2007
2.	Surat amaran bagi kemungkiran kontraktor	57.3	59.1	24.03.2008
3.	Surat amaran bagi kemungkiran kontraktor No. 3	58.0	61.4	17.04.2008
4.	Surat amaran kelewatan kerja	60.7	65.0	04.06.2008
5.	Surat amaran kelewatan kerja	63.5	83.1	28.01.2009
6.	Surat amaran kelewatan kerja No. 6	65.6	73.0	16.06.2009
7.	Surat Amaran Bagi Kemungkiran Kontraktor No. 7	65.6	75.9	31.07. 2009
8.	Surat Amaran Bagi Kemungkiran Kerja Kontraktor No. 8	65.6	89.7	17.09.2009
9.	Notis Untuk Tujuan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor	65.6	97.7	18.11.2009
10.	Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor	65.6	100.0	23.12.2009

Sumber : JKR Cawangan Jalan

d. Semakan Audit juga mendapati Laporan Projek Sakit telah dikeluarkan pada 25 Jun 2009 setelah Jawatankuasa Projek Sakit (JKPS) JKR berpendapat kontraktor gagal dalam melaksanakan obligasinya untuk menyiapkan kerja mengikut kontrak dan berpendapat kontraktor tidak akan dapat menyiapkan kerja dengan jayanya mengikut tempoh siap semasa pada 1 Disember 2009.

Pada pendapat Audit, proses penamatan pengambilan kerja kontraktor bagi kontrak pertama telah diambil tindakan dengan sewajarnya oleh pihak JKR.

8.5.3. Prestasi Kewangan

Kos kontrak asal projek ini bernilai RM118.61 juta. Semakan Audit mendapati sebanyak 60 perakuan bayaran interim telah disediakan termasuk 3 Perakuan Bayaran Khas Di Luar Kontrak berjumlah RM72.81 juta telah dibayar kepada kontraktor. Manakala sejumlah RM31.82 juta telah dibayar untuk kontrak kedua melalui 23 perakuan bayaran interim. Bagi kontrak ketiga pula, sejumlah RM16.16 juta telah dibayar dengan 15 perakuan bayaran interim kepada kontraktor. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 8.6
PEMBAYARAN YANG TELAH DIBUAT KEPADA KONTRAKTOR

KONTRAK	BAYARAN INTERIM	JUMLAH (RM Juta)
Kontrak 1	1 – 60	67.96
Bayaran Di Luar Kontrak	Perakuan Bayaran Khas Di Luar Kontrak Separa No. 1 – 3	4.85
Kontrak 2	1 – 23	31.82
Kontrak 3	1 – 15	16.16
JUMLAH		**120.79**

Sumber : JKR Cawangan Jalan Dan JKR Negeri Sembilan

Pada pendapat Audit, kesemua pembayaran interim adalah mematuhi prosedur kewangan yang ditetapkan.

8.5.4. Pentadbiran Kontrak

8.5.4.1. Tandatangan Kontrak

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 5 Tahun 2007, kontrak hendaklah ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. Semakan Audit mendapati SST telah dikeluarkan dan kontrak telah ditandatangani dalam tempoh masa yang ditetapkan. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 8.7
TEMPOH KONTRAK DITANDATANGANI

BIL. KONTRAK	KONTRAKTOR	TARIKH		TEMPOH (Hari)
		KONTRAK DITANDATANGANI	SST DIKELUARKAN	
1.	Hartajaya – Benteng Timur – AMR Jeli JV Sdn. Bhd	30.04.2005	05.01.2005	115 *
2.	Hartajaya – Benteng Timur – AMR Jeli JV Sdn. Bhd	13.03.2012	10.11.2011	124
3.	Seroja Anggerik Development Sdn. Bhd.	24.07.2014	27.03.2014	119

Nota : (*) - Tidak Berkaitan Dengan SPP Bil.5/2007

8.5.4.2. Bayaran Pendahuluan

a. Bayaran Pendahuluan adalah merupakan sejumlah wang yang dibayar kepada kontraktor yang memerlukan modal untuk melaksanakan kerja-kerja awalan. Mengikut SPP Bil. 5 Tahun 2007, jumlah yang boleh dimohon oleh kontraktor bagi kontrak kerja ialah 25% daripada nilai kontrak atau maksimum RM10 juta mengikut mana yang lebih rendah. Tempoh sah laku jaminan untuk Bayaran Pendahuluan mestilah meliputi tempoh kontrak atau ke satu tempoh lanjutan yang diluluskan. Sekiranya pihak kontraktor gagal melaksanakan kerja, Bayaran Pendahuluan yang belum dibayar balik hendaklah dituntut dari bank yang mengeluarkan jaminan tersebut.

b. Semakan Audit mendapati urusan Bayaran Pendahuluan adalah teratur. Bayaran pendahuluan telah dibayar kepada kontraktor berjumlah RM10 juta. Kutipan balik bayaran pendahuluan telah mula dibuat semasa kemajuan kerja mencapai 25%. Rekupmen sepenuhnya telah selesai semasa Bayaran Kemajuan Ke-41 pada bulan Julai 2008.

8.5.4.3. Bon Pelaksanaan

SPP Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan bahawa bagi kontrak kerja yang bernilai melebihi RM200,000, kontraktor perlu mengemukakan Bon Pelaksanaan sebanyak 5% daripada jumlah harga kontrak atau memilih Bon Pelaksanaan dalam bentuk Wang Jaminan Pelaksanaan. Tempoh sah laku Bon Pelaksanaan hendaklah meliputi tarikh kuat kuasa kontrak sehingga 12 bulan atau 24 bulan selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan mengikut mana-mana yang berkaitan. Jika berlaku kelewatan dalam penyiapan projek, tindakan serta-merta hendaklah diambil oleh agensi pelaksana, iaitu JKR untuk memastikan tempoh sah laku Bon Pelaksanaan dilanjutkan, tidak kira sama ada Kerajaan mengenakan ganti rugi tertentu atau ganti rugi ditetapkan atau EOT diluluskan. Semakan Audit mendapati urusan Bon Pelaksanaan bagi ketiga-tiga kontrak telah mematuhi peraturan.

8.5.4.4. Polisi Insurans

Mengikut syarat kontrak, kontraktor perlu mengambil Polisi Insurans Kerja dan Polisi Insurans Tanggungan Awam. Insurans Kerja perlu meliputi tempoh tamat kerja manakala Insurans Tanggungan Awam pula perlu meliputi sehingga tamat tempoh memperbaiki kecacatan, iaitu 3 bulan 14 hari selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi kontrak konvensional dan 3 bulan 28 hari bagi kontrak reka dan bina. Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya di perenggan 10.5.8 juga telah menyatakan bahawa tempoh liputan polisi insurans perlu dilanjutkan sehingga satu tarikh yang dijangka siap sekiranya berlaku kelambatan dan lanjutan masa. Semakan Audit mendapati polisi insurans bagi kontrak ketiga telah meliputi tempoh yang ditetapkan.

8.5.4.5. Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor

Mengikut Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya di perenggan 12.1.3, Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor hendaklah dibuat sebaik sahaja kontraktor baru dilantik. Semakan Audit mendapati Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor bagi kontraktor HBA-JV masih belum dikeluarkan sehingga *Exit Conference* bersama pihak KKR dan JKR dijalankan iaitu pada 16 Februari 2016 sedangkan kontraktor penyelamat telah dilantik pada 27 Mac 2014. Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor kali pertama telah dikeluarkan pada 23 Disember 2009 dan notis yang sama bagi kali kedua pada 9 Mei 2013 kepada kontraktor yang sama. Butirannya seperti jadual berikut:

JADUAL 8.8
KELEWATAN PENYEDIAAN PERAKUAN MUKTAMAD KONTRAK YANG DITAMATKAN PENGAMBILAN KERJA KONTRAKTOR

NOTIS PENAMATAN PENGAMBILAN KERJA KONTRAKTOR	TARIKH LANTIKAN KONTRAKTOR PENYELAMAT (A)	TARIKH AKHIR LAWATAN (B)	TEMPOH MASA DIAMBIL (C=B-A)
09.05.2013	27.03.2014	16.02.2016	691 Hari / 1 Tahun 10 Bulan

Pada pendapat Audit, Perakuan Muktamad Kontrak tidak disediakan dengan segera mengakibatkan tuntutan kerugian Kerajaan daripada kontraktor asal tidak boleh dituntut dengan lebih awal.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 23 Mac 2016

Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor untuk Kontrak No. 1 telah dihantar ke PUU KKR untuk tindakan pada 12 Oktober 2015. Pihak PUU KKR sedang menunggu tarikh mahkamah bersidang oleh kerana kontraktor mengemukakan saman balas (wrongful termination) dan mahkamah telah memutuskan konsilidasi kes dibenarkan.

Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor ke atas Kontrak No. 2 tidak boleh disediakan sehingga Senarai Kuantiti (BQ) Kontrak No. 3 bagi item kerja penyiapan baki kerja yang terbengkalai oleh Kontrak No. 2 dan kerja membaiki kerosakan ke atas kerja yang telah dilaksanakan di bawah oleh Kerja Kontrak No. 2 dimuktamadkan. Ini kerana item tersebut disediakan berdasarkan Anggaran Kuantiti Sementara (Provisional Quantities) serta terdapat kerja-kerja pembaikan kecacatan yang perlu dibuat ke atas Kontrak No. 2. Kerja-kerja kecacatan tersebut tidak dapat dipastikan semasa penyediaan Dokumen Tender bagi Kontrak No. 3. Perakuan Muktamad Kontrak No. 2 yang ditamatkan masih dalam penyediaan bersama-sama dengan Perakuan Muktamad Kontrak No. 3. Tarikh siap sebenar Kontrak No. 3 adalah pada 28 Disember 2015.

Pekeliling Bil. 8/2013 menyatakan kontrak yang ditamatkan kerja kontraktor dikeluarkan kepada kontraktor dan jika ada tuntutan hendaklah dituntut tidak lewat daripada 9 bulan selepas kontrak ditamatkan. Akta Kontrak menetapkan tuntutan hendaklah dibuat dalam tempoh 6 tahun daripada tarikh tuntutan sepatutnya dibuat.

8.5.5. Pengurusan Pembinaan

Setiap kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan dengan kemas dan pada tahap piawaian yang diterima pakai supaya jalan raya dan jambatan yang dibina boleh digunakan secara optimum, selamat dan kondusif. Lawatan Audit pada 17 Jun 2015 dan 18 Ogos 2015 ke tapak projek mendapati beberapa kelemahan seperti yang berikut:

8.5.5.1. Pembinaan Struktur Jambatan Tidak Mengikut Lukisan Pembinaan

Reka bentuk dan kualiti pembinaan merupakan aspek penting di dalam setiap projek pembinaan yang dilaksanakan. Pihak Audit mendapati dua aspek teknikal yang menunjukkan kualiti pembinaan yang kurang memuaskan kerana pembinaan struktur jambatan tidak mengikut lukisan pembinaan. Butiran lanjut adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 8.9
PEMBINAAN STRUKTUR JAMBATAN
TIDAK MENGIKUT LUKISAN PEMBINAAN

LOKASI	KEADAAN	TINDAKAN/MAKLUM BALAS
Pembinaan Jambatan Sg. Menyala	Pemasangan *bearing pad* yang tidak dibuat dengan kaedah yang betul telah menyebabkan kerosakan pada *bearing pad* tersebut (**Gambar 8.1** dan **8.2**).	Bearing pad telah dibaiki dan penambahbaikan yang dibuat bagi komponen *dowel* bar yang tidak dipasang
	Kaedah penambahbaikan bagi menggantikan komponen *dowel bar* yang tidak dipasang (**Gambar 8.3** dan **8.4**).	

GAMBAR 8.1

GAMBAR 8.2

Jambatan Sungai Menyala
- Pemasangan Bearing Pad Yang Tidak Dibuat Dengan Kaedah Yang Betul Telah Menyebabkan Kerosakan Pada Bearing Pad Tersebut
(18.08.2015)

GAMBAR 8.3

GAMBAR 8.4

Jambatan Sungai Menyala
- Kaedah Penambahbaikan Bagi Menggantikan Komponen Dowel Bar Yang Tidak Dipasang
(18.08.2015)

8.5.5.2. Pembinaan Jalan

Pemeriksaan Audit mendapati masalah *relocation utilities* yang lewat menyebabkan kerja pemadatan lapisan struktur jalan tidak dilaksanakan mengikut kehendak spesifikasi boleh menyebabkan ketahanan struktur jalan terjejas. Selain itu, kaedah penyemburan *prime coat* juga tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi yang boleh menyebabkan *prime coat* tersebut tidak dapat berfungsi sebagai pelekat *premix* dan lapisan kalis air di permukaan jalan dengan sepenuhnya. Terdapat juga pembinaan persimpangan yang tidak mengikut keperluan arahan teknik jalan iaitu pembahagi jalan dan lampu isyarat tidak dibina di kawasan tersebut. Keadaan ini boleh mendatangkan bahaya kepada pengguna jalan raya pada masa hadapan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 8.10
PENGURUSAN PEMBINAAN TIDAK MEMUASKAN

LOKASI	KEADAAN	TINDAKAN/MAKLIM BALAS
Simpang Pengkalan Kempas	Masalah pengalihan utiliti yang lewat menyebabkan kerja pemadatan lapisan struktur jalan tidak dapat dilaksanakan dengan kaedah yang betul mengakibatkan kualiti pembinaan jalan tidak mencapai tahap memuaskan (**Gambar 8.5** dan **8.7**)	- Masalah pengalihan utiliti telah selesai dan pembinaan jalan diteruskan (**Gambar 8.6**) - Masalah utiliti selesai dan jalan telah siap dibina sebagaimana yang direka bentuk (**Gambar 8.7**)
Jambatan Sungai Menyala	Kaedah penyemburan *prime coat* tidak sekata seperti kehendak spesifikasi akan menyebabkan peranan utama *prime coat* tidak berfungsi sebagai pelekat *premix* dan lapisan kalis air (**Gambar 8.9**)	Tapak telah dibersihkan dan *prime coat* telah disembur semula sebelum kerja *premix* dilaksanakan (**Gambar 8.10**)
Kampung Sungai Sekawang	Pembinaan persimpangan yang tidak mengikut keperluan arahan teknik di mana tiada pemasangan pembahagi jalan dan lampu jalan kerana persimpangan tersebut mempunyai 4 lorong (**Gambar 8.11**)	Persimpangan tersebut tiada dalam reka bentuk asal pembinaan. Bagaimanapun pihak pasukan projek telah membuat penambahbaikan di tapak dengan pembinaan fizikal *island* dan pemasangan lampu jalan (**Gambar 8.12**)

SEBELUM

GAMBAR 8.5

Simpang Pengkalan Kempas
- Masalah Pengalihan Utiliti Yang Lewat Menyebabkan Kerja Pemadatan Lapisan Struktur Jalan Tidak Dapat Dilaksanakan Dengan Kaedah Yang Betul Mengakibatkan Kualiti Pembinaan Jalan Tidak Mencapai Tahap Memuaskan
(17.06.2015 Dan 18.08.2015)

SELEPAS

GAMBAR 8.6

Simpang Pengkalan Kempas
- Masalah Pengalihan Utiliti Telah Selesai Dan Pembinaan Jalan Diteruskan
(Maklum Balas KKR Pada 26.02.2016)

SEBELUM

GAMBAR 8.7

Simpang Pengkalan Kempas
- Masalah Pengalihan Utiliti Yang Lewat Menyebabkan Kerja Pemadatan Lapisan Struktur Jalan Tidak Dapat Dilaksanakan Dengan Kaedah Yang Betul Mengakibatkan Kualiti Pembinaan Jalan Tidak Mencapai Tahap Memuaskan
(17.06.2015)

SELEPAS

GAMBAR 8.8

Simpang Pengkalan Kempas
- Masalah Utiliti Selesai Dan Jalan Telah Siap Dibina Sebagaimana Yang Direkabentuk
(Maklum Balas KKR Pada 26.02.2016)

SEBELUM

GAMBAR 8.9

Jambatan Sungai Menyala
- Kaedah Penyemburan Prime Coat Tidak Sekata Seperti Kehendak Spesifikasi Akan Menyebabkan Peranan Utama Prime Coat Tidak Berfungsi Sebagai Pelekat Premix Dan Lapisan Kalis Air
(18.08.2015)

SELEPAS

GAMBAR 8.10

Jambatan Sungai Menyala
- Tapak Telah Dibersihkan Dan Prime Coat Telah Disembur Semula Sebelum Kerja Premix Dilaksanakan
(Maklum Balas KKR Pada 26.02.2016)

SEBELUM

GAMBAR 8.11

Kampung Sungai Sekawang
- Pembinaan Persimpangan Yang Tidak Mengikut Keperluan Arahan Teknik Jalan Di Mana Tiada Pemasangan Pembahagi Jalan Dan Lampu Jalan Kerana Persimpangan Tersebut Mempunyai Empat Lorong
(18.08.2015)

SELEPAS

GAMBAR 8.12

Kampung Sungai Sekawang
- Persimpangan Tersebut Tiada Dalam Reka Bentuk Asal Pembinaan. Bagaimanapun Pihak Pasukan Projek Telah Membuat Penambahbaikan Di Tapak Dengan Pembinaan Fizikal Island Dan Pemasangan Lampu Jalan
(Maklum Balas KKR Pada 26.02.2016)

Pada pendapat Audit, pembinaan struktur jambatan tidak mengikut lukisan pembinaan yang ditetapkan. Selain itu, kualiti pembinaan jalan perlu dipertingkatkan lagi serta pembinaan persimpangan perlu mematuhi arahan teknik jalan untuk mengelakkan perkara yang tidak diingini seperti kemalangan dan kematian.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 23 Mac 2016

Pembinaan struktur jambatan telah dibuat mengikut lukisan pembinaan yang ditetapkan di mana pembaikan telah dibuat terhadap bearing pad dan penambahbaikan terhadap dowel yang tidak dipasang sebelum ini. Pengalihan utiliti telah selesai dan pembinaan jalan telah diteruskan dan disiapkan tanpa sebarang masalah. Jabatan telah mempertingkatkan kualiti pembinaan jalan dengan melaksanakan semula kerja-kerja pemyemburan prime coat sebagaimana kehendak spesifikasi pembinaan jalan dengan keputusan rate off spraying antara 0.5-1 Litre/Sqm. Keputusan di lokasi tersebut menunjukkan 0.658 Litre/Sqm. Persimpangan tersebut tiada dalam reka bentuk asal pembinaan. Bagaimanapun pihak pasukan projek telah membuat penambahbaikan di tapak dengan pembinaan fizikal island dan pemasangan lampu jalan.

8.5.6. Pemantauan

8.5.6.1. Mesyuarat Tapak

Mesyuarat Tapak adalah bertujuan untuk memantau kemajuan kerja dan mengenal pasti serta mencari penyelesaian terhadap sebarang masalah pelaksanaan projek. Semakan Audit mendapati sehingga ke tarikh pengauditan pada 21 Ogos 2015, sebanyak 68 mesyuarat tapak telah dijalankan sepanjang tempoh pembinaan projek ini. Pihak Audit juga mendapati semua perkara berbangkit berhubung projek pembinaan ini telah diambil tindakan penyelesaian sewajarnya.

Pada pendapat Audit, JKR telah mewujudkan mekanisme pemantauan dengan memuaskan melalui mesyuarat tapak yang diadakan secara berkala.

8.6. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan, adalah disyorkan supaya JKR mengambil tindakan seperti yang berikut:

8.6.1. JKR perlu membina pembahagi jalan dan lampu isyarat di persimpangan Jalan Kg. Sungai Sekawang, CH17050 untuk menjamin keselamatan pengguna jalan ini;

8.6.2. JKR hendaklah memantau dengan teliti mutu kerja dan tempoh penyiapan projek yang dilaksanakan oleh kontraktor supaya tidak berlaku kerugian di pihak Kerajaan sekiranya berlaku kemungkiran oleh kontraktor atau projek ditamatkan. Penilaian ke atas kerja kontraktor juga perlu dibuat dengan tepat agar penyediaan Perakuan Muktamad Kontrak dapat dibuat dengan segera dan tuntutan Kerajaan dapat dibuat dengan lebih awal; dan

8.6.3. JKR perlu memastikan kontraktor membaiki semua kecacatan sebelum penyerahan jalan kepada KKR untuk menjamin keselamatan pengguna jalan raya termasuk menyediakan laporan ujian *International Roughness Index* (IRI).

KEMENTERIAN KERJA RAYA / KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

9. PENGURUSAN PROJEK PEMBINAAN SEMULA KUARTERS JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

9.1. LATAR BELAKANG

9.1.1. Pada 21 Disember 2012, Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah meluluskan projek pembinaan semula kuarters di 9 institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan kos berjumlah RM100 juta secara tender terbuka. Kelulusan ini adalah dalam *Rolling Plan* Ketiga di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10). Projek pembinaan semula kuarters ini adalah bertujuan untuk menyediakan kuarters untuk kegunaan kakitangan JKM yang melibatkan pembinaan 132 unit kuarters baharu dan kerja meroboh serta membina semula 181 unit kuarters sedia ada.

9.1.2. Pada 22 Mei 2013, KPWKM telah mengemukakan permohonan penambahan skop kerja terhadap projek pembinaan ini. Penambahan skop ini adalah melibatkan penambahan sebanyak 33 unit kuarters yang menjadikan bilangan keseluruhan unit kuarters yang akan dibina adalah sebanyak 346 unit dan kemudahan lif untuk 17 blok kuarters bagi kuarters di 9 institusi JKM. Permohonan ini telah diluluskan oleh UPE pada 4 Jun 2013. Bagaimanapun, kelulusan ini adalah tertakluk kepada syarat kos projek tidak melebihi peruntukan sejumlah RM100 juta. Dengan ini, setelah perubahan skop diluluskan oleh UPE dengan kos projek RM100 juta, KPWKM memutuskan untuk membina semula kuarters hanya di 4 institusi JKM iaitu Rumah Seri Kenangan (RSK) Bedong, Kedah; Rumah Kanak-Kanak (RKK) Taman Bakti Kepala Batas, Pulau Pinang; RSK Tanjung Rambutan, Perak dan RKK Tengku Ampuan Fatimah, Kuantan, Pahang. Selain itu, UPE juga bersetuju supaya KPWKM meneruskan pembinaan hanya bagi Taman Sinar Harapan (TSH) Tampoi pada tahun 2015. Kedudukan terkini bagi projek TSH Tampoi masih dalam peringkat pengesahan brif dan kos projek. Projek pembinaan semula baki kuarters di 4 institusi JKM yang belum ditender perlu dimohon sebagai projek sambungan dalam RMKe-11. Kedudukan terkini bagi 4 projek ini adalah dalam proses permohonan Notis Perubahan (NOC) kepada UPE. Maklumat lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 9.1
STATUS PROJEK PEMBINAAN SEMULA KUARTERS DI 9 INSTITUSI JKM
SETAKAT 18 JUN 2015

INSTITUSI	ANGGARAN KOS PROJEK ASAL (RM Juta)	KOS MUKTAMAD * (ATDA) PROJEK SELEPAS PERUBAHAN SKOP (RM Juta)	KEMAJUAN KERJA FIZIKAL (%)	KEMAJUAN KEWANGAN (%)
RSK Bedong, Kedah	9.50	21.60	92.0	71.2
RKK Taman Bakti Kepala Batas, Pulau Pinang	9.50	15.36	30.0	26.8
RSK Tanjung Rambutan, Perak	9.50	21.72	48.0	29.6
RKK Tengku Ampuan Fatimah, Kuantan, Pahang	9.50	16.15	42.5	42.5
TSH Tampoi, Johor	14.00	Peringkat Pengesahan Brif Dan Kos Projek	Belum Mula	Belum Mula
Desa Bina Diri Mersing, Johor	9.50	NOC	Belum Mula	Belum Mula
Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak	9.50	NOC	Belum Mula	Belum Mula
Pusat Perkembangan Kemahiran Kebangsaan Serendah, Selangor	9.50	NOC	Belum Mula	Belum Mula
RSK Taiping, Perak	9.50	NOC	Belum Mula	Belum Mula
Keperluan Kos Perpindahan	10.00	0.68	-	-
JUMLAH	**100.00**	**75.51**	**-**	**-**

Sumber: Bahagian Pembangunan KPWKM Dan Jabatan Kerja Raya
Nota: *(ATDA) – As Tendered Detailed Abstract

9.1.3. Bagi projek pembinaan semula kuarters di RSK Bedong, ianya telah dilaksanakan di atas tanah seluas 2.61 ekar yang terletak di No. Lot 16, Mukim Semiling, Kedah. Manakala projek pembinaan semula di RSK Tanjung Rambutan telah dilaksanakan di atas tanah seluas 18.5 ekar yang terletak di No. Lot 36519, Mukim Hulu Kinta, Perak. Skop kontrak projek pembinaan semula kuarters bagi kedua-dua RSK ini merangkumi kerja pembinaan kuarters satu unit Banglo 2 tingkat Kelas D, 4 unit kuarters Kelas E, 32 unit kuarters Kelas G, satu unit rumah sampah, satu unit pondok pengawal, kerja luaran, kerja *Prime Cost* iaitu elektrikal, *Extra Low Voltage* (ELV), Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT), *Fire Fighting* dan *Lift System*. Manakala kerja *Provisional Sum* meliputi Pencawang Tenaga Nasional Berhad (TNB), *Sewerage Treatment Plant* (STP), *Signages,* Parkir Motosikal dan *Fencing and Gates.* Projek pembinaan semula kuarters ini adalah menggunakan kaedah *Industrialised Building System* (IBS).

9.1.4. Perancangan, pelaksanaan dan pemantauan bagi 2 projek pembinaan semula kuarters ini adalah di bawah Jabatan Kerja Raya (JKR). Objektif JKR bagi projek pembinaan adalah untuk menyerahkan produk dan melaksanakan perkhidmatan penyenggaraan yang menepati kualiti, masa dan kos yang ditetapkan bagi mencapai faedah aset yang optimum. Jurutera Daerah JKR Kuala Muda dan Sik, Kedah telah dilantik sebagai Pegawai Penguasa (PP) bagi projek pembinaan semula kuarters di RSK Bedong manakala Pengarah JKR Negeri Perak telah dilantik sebagai PP bagi projek pembinaan semula kuarters di RSK Tanjung Rambutan.

9.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan adalah untuk menilai sama ada pengurusan projek pembinaan semula kuarters di RSK Bedong, Kedah dan RSK Tanjung Rambutan, Perak yang sedang dalam pembinaan oleh JKR diurus dengan teratur dan cekap.

9.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek pembinaan semula kuarters di RSK Bedong, Kedah dan RSK Tanjung Rambutan, Perak. Pengauditan telah dijalankan di Bahagian Pembangunan, KPWKM; JKR Cawangan Kerja Bangunan Am 1 (CKBA); JKR Cawangan Kontrak Dan Ukur Bahan (CKUB); JKR Cawangan Kejuruteraan Awam Dan Struktur (Awam); JKR Cawangan Kejuruteraan Awam Dan Struktur (Struktur); JKR Cawangan Kejuruteraan Awam Dan Struktur (Mekanikal); JKR Cawangan Kejuruteraan Awam Dan Struktur (Elektrikal); JKR Negeri Kedah; JKR Daerah Kuala Muda Dan Sik; JKR Negeri Perak dan JKR Daerah Kinta. Pemilihan sampel terhadap RSK Bedong dan RSK Tanjung Rambutan adalah berdasarkan peratusan siap kerja iaitu 92% dan 48% masing-masing pada 18 Jun 2015.

9.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak dokumen, rekod dan fail yang berkaitan dengan projek pembinaan semula kuarters, temu bual dengan pegawai yang terlibat dengan pembinaan kuarters, analisis terhadap data yang dikemukakan dan lawatan fizikal ke tapak pembinaan kuarters. *Exit Conference* yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya (KKR) telah diadakan pada 16 Februari 2016 yang turut dihadiri oleh wakil daripada KPWKM, JKR, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Peguam Negara, JKM, Bahagian Audit Dalam KKR dan Bahagian Audit Dalam KPWKM.

9.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan terhadap projek pembinaan semula kuarters di RSK Bedong dan RSK Tanjung Rambutan telah dijalankan antara bulan Jun hingga September 2015. Secara keseluruhan, pengurusan projek pembinaan semula kuarters di RSK Bedong dan RSK Tanjung Rambutan adalah memuaskan kerana kemajuan kerja sebenar di tapak bagi RSK Bedong adalah 97% pada 18 Ogos 2015 dan bagi RSK Tanjung Rambutan adalah 55% pada 7 September 2015. Kemajuan kerja kedua-dua projek ini adalah selaras dengan kemajuan kerja mengikut jadual yang diluluskan oleh JKR. Selain itu, pengurusan perolehan telah mematuhi peraturan yang telah ditetapkan dan isu yang dibangkitkan semasa kerja pembinaan telah diambil tindakan oleh kontraktor bagi memastikan projek ini dapat dilaksanakan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan pembinaan bagi kedua-dua projek pembinaan semula kuarters ini yang perlu diambil perhatian seperti yang berikut:

a. Projek Pembinaan Semula Kuarters Di RSK Bedong

i. perancangan yang kurang teliti di peringkat penyediaan Senarai Kuantiti (BQ) dan lukisan tender yang mana terdapat perbezaan kuantiti cerucuk di BQ dengan kuantiti cerucuk di lukisan tender. Dengan ini, lukisan pembinaan yang baharu dan Perjanjian Tambahan telah disediakan;

ii. *Independent Checker* tidak boleh dilantik sehingga Perjanjian Tambahan ditandatangani; dan

iii. berdasarkan Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa Kedua (EOT 2), kelewatan kemajuan kerja oleh pihak ketiga dalam memula dan menyiapkan kerja fizikal penanaman kabel elektrik bawah tanah menyebabkan kerja pembinaan jalan, kerja luaran lain dan aktiviti Pengujian dan Pentauliahan (Testing And Commissioning) bagi sistem elektrik serta mekanikal berkaitan tidak dapat disiapkan seperti perancangan asal.

b. Projek Pembinaan Semula Kuarters Di RSK Tanjung Rambutan

i. kelewatan selama 26 hari bagi mengemukakan lukisan pembinaan kepada kontraktor dan keputusan penentuan *platform level* lewat diputuskan selama 29 hari;

ii. perancangan kurang teliti menyebabkan:

- keputusan pertukaran jenis cerucuk daripada *spun pile* kepada *reinforce concrete* (RC) *pile* dan kaedah penanaman cerucuk yang asal daripada *Hydraulic Jack In Pile* kepada *Hydraulic Hammer* dan kembali kepada *Hydraulic Jack In Pile* yang mana proses pelantikan kontraktor telah dilakukan semula;
- pertambahan kuantiti *item work below lowest floor finish* yang melibatkan *pile caps, column stump* dan *RC Wall* yang mengakibatkan kontraktor memerlukan tempoh masa yang lama bagi menyiapkan kerja pertambahan kuantiti; dan
- pertukaran cara pembinaan daripada *precast* kepada *in situ* yang mana semasa Senarai Kuantiti (BQ) dan lukisan tender disediakan, item seperti tiang, *beam*, dinding dan lantai adalah *precast*. Bagaimanapun, lukisan pembinaan yang diterima pada 26 Mei 2014 adalah menggunakan *in situ* iaitu perbezaan item seperti rasuk *in situ* tingkat satu, tiang *in situ* dan kerja *sher wall in situ*. Adalah didapati juga semua lantai *precast* sama ada *half slab* dan *hollow core slab* telah ditukar kepada *in situ slab* dan pindaan tangga daripada *precast* kepada *in situ.*

iii. keputusan lukisan pertukaran reka bentuk asas kuarters lewat diterima selama 32 hari oleh kontraktor menyebabkan kontraktor memohon penangguhan penghantaran besi tetulang.

Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang dibangkitkan dan maklum balas KKR adalah seperti yang berikut:

9.5.1. Prestasi Projek

9.5.1.1. Prestasi Fizikal

a. Projek pembinaan semula kuarters JKM di RSK Bedong, Kedah dan RSK Tanjung Rambutan, Perak telah dibangunkan di tapak asal kuarters sedia ada dan melibatkan kerja pra pembinaan. Kos kerja pra pembinaan di RSK Bedong adalah berjumlah RM313,000. Kerja pra pembinaan ini telah siap sepenuhnya pada 30 November 2013 dengan kelulusan Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa (EOT) sebanyak 3 kali yang melibatkan masa tambahan sebanyak 139 hari. Manakala, kos kerja pra pembinaan di RSK Tanjung Rambutan adalah berjumlah RM163,000. Kerja pra pembinaan ini telah siap sepenuhnya tanpa EOT pada 29 Julai 2013.

b. Bagi projek pembinaan semula kuarters di RSK Bedong, tarikh siap asal projek adalah pada 16 Mac 2015 iaitu selama 52 minggu. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tarikh siap asal projek ini telah dilanjutkan kepada 16 Jun 2015 dengan tempoh lanjutan masa selama 91 hari. Pelanjutan tersebut telah mengambil kira tempoh kelewatan di mana kemajuan kerja kontraktor telah terjejas disebabkan perbezaan kuantiti cerucuk *Micro Pile* di Senarai Kuantiti (BQ) dengan lukisan tender oleh pihak JKR. Maklumat lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 9.2
PERBEZAAN JUMLAH CERUCUK DI SENARAI KUANTITI DENGAN LUKISAN TENDER

PERKARA	JUMLAH CERUCUK DALAM SENARAI KUANTITI (BQ)	JUMLAH CERUCUK DALAM LUKISAN TENDER	PERBEZAAN
Point Cerucuk (point)	180 (90 point x 2 blok)	626 (313 point x 2 blok)	446
Kos Cerucuk (RM Juta)	1.24	4.19	2.95

Sumber: Cawangan Kerja Bangunan Am 1/JKR Daerah Kuala Muda Dan Sik

c. Bagi mengatasi masalah ini, kontraktor telah mencadangkan cerucuk *H - Pile* sebagai alternatif kepada *Micro Pile*. Di samping itu, kontraktor juga mencadangkan agar skop superstruktur juga menggunakan reka bentuk yang disediakan oleh kontraktor iaitu menggunakan *frame system* yang melibatkan sistem *reusable formwork*. Kontraktor memaklumkan dengan penggunaan reka bentuk superstruktur, kerja boleh dilaksanakan dengan segera tanpa pertambahan kos ke atas harga kontrak.

d. Pihak *Head Of Design Team* (HODT) Cawangan Kejuruteraan Awam, Struktur Dan Jambatan (CKASJ) di Ibu Pejabat JKR tiada halangan terhadap pertukaran tersebut tetapi perlu memastikan beban yang ditanggung

memenuhi keperluan reka bentuk seni bina. Sehubungan itu, CKASJ telah menetapkan supaya Perjanjian Tambahan ditandatangani di antara Kerajaan dan kontraktor; cadangan teknikal memenuhi keperluan teknikal jabatan sepenuhnya; kerja substruktur dan superstruktur dilaksanakan secara reka dan bina oleh kontraktor sepenuhnya di mana kontraktor mengambil tanggungjawab ke atas liabiliti reka bentuk dan penyeliaan pembinaan; tiada pertambahan kos ke atas harga kontrak asal termasuk kos reka bentuk dan penyeliaan, kerugian dan perbelanjaan serta kerja awalan; tiada Perubahan Kerja (VO) ke atas lain-lain skop kerja terutamanya kerja seni bina dan mekanikal/elektrikal dan kontraktor perlu mengemukakan Jaminan Reka Bentuk mengikut syarat dan jumlah yang ditetapkan selaras dengan Klausa 22 (*Design)* dalam Syarat-Syarat Kontrak.

e. Semakan Audit terhadap kerja projek pembinaan semula kuarters ini pada 16 Ogos 2015 mendapati kemajuan kerja sebenar di tapak adalah 97% yang mana selaras dengan kemajuan kerja mengikut jadual yang diluluskan. Kemajuan kerja sebenar di tapak ini adalah dengan kelulusan Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa (EOT) sebanyak 2 kali yang menyebabkan masa tambahan selama 110 hari. Kemajuan projek tersebut pada 18 Ogos 2015 adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 9.1

Tapak Pembinaan Kuarters Di RSK Bedong, Kedah - Rumah Banglo Kelas D (18.08.2015)

GAMBAR 9.2

Tapak Pembinaan Kuarters Di RSK Bedong, Kedah - Kuarters Kelas E & G (18.08.2015)

f. Bagi projek pembinaan semula kuarters di RSK Tanjung Rambutan, tarikh siap asal projek adalah pada 27 April 2015 iaitu selama 52 minggu. Semakan Audit terhadap kerja projek pembinaan semula kuarters ini pada 7 September 2015 mendapati kemajuan kerja sebenar di tapak adalah 55% selaras dengan kemajuan kerja mengikut jadual yang diluluskan. Berdasarkan Minit Mesyuarat Tapak Ke-7 pada 3 Ogos 2015, pihak Audit juga mendapati kerja tidak dapat diteruskan kerana kelewatan penghantaran komponen IBS oleh pembekal. Kemajuan kerja sebenar di tapak ini adalah dengan kelulusan EOT sebanyak 2 kali yang menyebabkan tambahan masa selama 233 hari. Kemajuan projek tersebut adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 9.3

Tapak Pembinaan Kuarters Di RSK Tanjung Rambutan, Perak - Rumah Banglo Kelas D (07.09.2015)

GAMBAR 9.4

Tapak Pembinaan Kuarters Di RSK Tanjung Rambutan, Perak - Kuarters Kelas E & G (07.09.2015)

Pada pendapat Audit, pencapaian fizikal bagi kedua-dua projek ini adalah baik di mana peratus pencapaian sehingga tarikh pengauditan adalah selari dengan jadual kemajuan kerja yang diluluskan.

Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 24 Mac 2016

Di RSK Bedong

Perakuan Siap Kerja (CPC) telah dikeluarkan pada 28 September 2015 dan Majlis Penyerahan kepada wakil Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah diadakan pada 26 Oktober 2015.

Cadangan reka bentuk baharu adalah kerana terdapat perbezaan jumlah cerucuk di senarai kuantiti dengan lukisan tender iaitu 446 points bernilai RM2,950,960. Cadangan reka bentuk baharu tersebut telah memberikan penjimatan kepada Kerajaan. Sekiranya menggunakan reka bentuk baharu seperti dalam Perjanjian Tambahan harga reka bentuk baharu adalah sebanyak RM1,414,037.50. Oleh itu, penjimatan adalah sebanyak RM2,780,942.50.

Di RSK Tanjung Rambutan

Satu lawatan tapak ke kilang pembekal IBS di Senawang telah diadakan oleh JKR Kinta dan JKR Perak pada 14 Februari 2015. Antara komitmen yang telah diberikan oleh pembekal IBS adalah seperti berikut:

i. Menjadualkan semula penghantaran IBS mengikut komponen yang berkaitan bagi membolehkannya dipasang di tapak. Ini dibuktikan dengan penghantaran yang kerap oleh pembekal IBS. Sebanyak 13 penghantaran telah dilakukan pada bulan Januari 2016.

ii. Kontraktor telah mengemukakan jadual penghantaran IBS yang baharu.

Bagi EOT1 terdapat penjimatan seperti yang berikut:

i. Penentuan platform level dipinda berdasarkan keadaan tapak dan melibatkan penjimatan kos tambak di tapak bina.

ii. Terdapat pertukaran spun pile ke RC Pile dengan melibatkan penjimatan sebanyak RM1,281,693.

Bagi EOT2 terdapat perubahan reka bentuk asas substruktur dan superstruktur kuarters Kelas G.

9.5.1.2. Prestasi Kewangan

a. Kos *As Tendered Detailed Abstract* (ATDA) yang telah diluluskan bagi projek pembinaan semula kuarters di RSK Bedong dan RSK Tanjung Rambutan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 9.3
MAKLUMAT TERPERINCI *AS TENDERED DETAILED ABSTRACT*

PERKARA	KOS ATDA (RM Juta)	
	RSK BEDONG	RSK TANJUNG RAMBUTAN
Harga Kontrak Pembinaan Semula Kuarters	18.69	19.66
Variation Of Prices	0.81	0.86
Contribution Fee To Local & Utility Authority		
• Tenaga Nasional Berhad / Syarikat Bekalan Air / Indah Water Konsortium / Telekom Malaysia	0.80	0.80
• *Soil Investigation / Land Survey*	0.10	0.10
Miscellaneous (Advertising & Documentation)	0.10	0.10
Lain-lain Kos		
• Kerja Meroboh	0.36	0.10
• Kerja Tanah	0.02	0.10
• Kerja Menaik Taraf	0.70	0.00
JUMLAH	**21.58**	**21.72**

Sumber: Cawangan Kerja Bangunan Am 1

b. Semakan Audit mendapati kerja pra pembinaan semula kuarters di RSK Bedong telah selesai dilaksanakan dengan perbelanjaan sebenar adalah berjumlah RM313,000 daripada lain-lain kos dan pembayaran telah dibuat sepenuhnya. Manakala, kerja pra pembinaan semula kuarters di RSK Tanjung Rambutan telah selesai dilaksanakan dengan perbelanjaan sebenar adalah sejumlah RM163,000 daripada lain-lain kos dan pembayaran juga telah dibuat sepenuhnya.

c. Semakan terhadap 3 (42.9%) daripada 7 bayaran interim bagi kerja pra pembinaan semula kuarters di RSK Bedong dan satu (100%) bayaran interim bagi kerja pra pembinaan semula kuarters di RSK Tanjung Rambutan mendapati perakuan bayaran interim telah diperakukan oleh Jurutera Daerah JKR/Pengarah JKR/Pegawai Inden. Bayaran interim tersebut telah dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

d. Bagi projek pembinaan semula kuarters di RSK Bedong setakat 18 Ogos 2015 mendapati sejumlah RM16.20 juta (86.7%) daripada Harga Kontrak Pembinaan Semula Kuarters telah dibayar kepada kontraktor berdasarkan peratus kemajuan kerja sebenar di tapak iaitu 97%. Sebanyak 20 bayaran interim telah dilaksanakan. Berdasarkan semakan terhadap 4 (20%) sampel daripada bayaran tersebut mendapati perakuan bayaran interim telah diperakukan oleh PP. Perakuan bayaran dan bayaran interim tersebut telah dibuat dalam tempoh masa yang ditetapkan.

e. Bagi projek pembinaan semula kuarters di RSK Tanjung Rambutan setakat 7 September 2015, sejumlah RM6.16 juta (31.3%) daripada Harga Kontrak Pembinaan Semula Kuarters telah dibayar kepada kontraktor berdasarkan peratus kemajuan kerja sebenar di tapak iaitu 55%. Sebanyak 15 bayaran interim telah dilaksanakan. Semakan terhadap 6 (40%) sampel daripada bayaran tersebut mendapati perakuan bayaran interim telah diperakukan oleh Jurutera Daerah yang telah diberi kuasa sebagai Wakil PP bagi kerja utama iaitu penyeliaan dan arahan keseluruhan kerja di bawah kontrak. Adalah didapati pihak JKR telah membuat penilaian dan pemantauan yang sewajarnya terhadap sampel bayaran interim yang mana nilai tuntutan oleh kontraktor bagi satu daripada 6 sampel tersebut telah diselaraskan dengan kemajuan kerja sebenar.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan bagi projek pembinaan semula kuarters ini adalah baik dan selari dengan pencapaian fizikal.

9.5.2. Pengurusan Pembinaan

9.5.2.1. Pentadbiran Kontrak

Bagi memastikan pembinaan sesuatu projek mencapai piawaian serta kualiti yang ditetapkan, pentadbiran kontrak hendaklah dilaksanakan dengan mengikut peraturan dan syarat-syarat kontrak yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap pentadbiran kontrak mendapati polisi insurans dan Skim Keselamatan Sosial Pekerja, keselamatan dan kesihatan di tapak projek pembinaan, Arahan Perubahan Kerja, Wang Jaminan Pelaksanaan, bayaran kemajuan projek dan Surat Amaran/Teguran telah mematuhi syarat-syarat kontrak yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang perlu diambil tindakan penambahbaikan seperti yang berikut:

a. Perjanjian Kontrak

i. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. Manakala Borang Perjanjian Inden Kerja (J.K.R. 58-Pin. 3/2008) menetapkan kerja hendaklah dimulakan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh Inden Kerja dikeluarkan. Semakan Audit terhadap pengurusan Borang Perjanjian Inden Kerja bagi RSK Bedong dan RSK Tanjung Rambutan mendapati kontraktor telah memulakan kerja dalam tempoh masa yang ditetapkan dan dokumen kontrak bagi projek pembinaan semula kedua-dua kuarters berkenaan juga telah ditandatangani dalam tempoh masa yang ditetapkan.

ii. Pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada Perjanjian Tambahan di RSK Bedong telah ditandatangani dalam tempoh masa yang ditetapkan kerana pihak JKR tidak menetapkan tempoh masa khusus bagi

penyediaan Perjanjian Tambahan tersebut. Ini kerana didapati Perjanjian Tambahan tersebut telah ditandatangani pada 22 Februari 2015 iaitu selama 9 bulan 5 hari dari tarikh surat daripada Cawangan Kontrak Dan Ukur Bahan (CKUB), Ibu Pejabat JKR bertarikh 19 Mei 2014 mengenai maklum balas cadangan pertukaran sistem cerucuk alternatif oleh kontraktor. Pihak Audit mendapati kontraktor tidak dapat melantik *Independent Checker* selagi Perjanjian Tambahan tidak ditandatangani.

Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 24 Mac 2016

Perjanjian Tambahan tidak mempunyai satu tempoh tertentu yang khusus ditetapkan oleh jabatan bagi tempoh penyediaannya tetapi perlu disediakan semasa kontrak masih berjalan.

Perjanjian Tambahan ini telah ditandatangani dalam tempoh kontrak. Sebelum Perjanjian Tambahan ini ditandatangani, HODT Struktur perlu meneliti reka bentuk yang disyorkan oleh kontraktor bagi memastikan reka bentuk yang disyorkan oleh kontraktor adalah menguntungkan Kerajaan. Persetujuan kontraktor telah juga diperolehi untuk menandatangani perjanjian ini dan Independent Checker (IC) boleh dilantik selepas perjanjian ini ditandatangani.

Perjanjian Tambahan ini dibuat untuk memudahkan urusan kontraktual kerana terdapat cadangan reka bentuk baru oleh kontraktor. Ia melibatkan persetujuan dari aspek reka bentuk dan kerja. Memandangkan terdapat perkara/isu teknikal khusus berkaitan dengan kerja reka bentuk cerucuk 2 blok bangunan kuarters ini, Laporan IC diperlukan oleh PP untuk mengesahkan kebolehterimaan cadangan reka bentuk oleh perunding tersebut.

b. Penyediaan Kerja Awalan (Preliminaries)

i. *Part A1*, *Preliminaries* dalam Dokumen Kontrak menetapkan semua butiran di dalam *preliminaries* hendaklah dibekalkan/dilaksanakan oleh kontraktor antaranya seperti papan tanda, pejabat tapak, peralatan pekerja, pagar keselamatan kawasan pembinaan, kenderaan dan peralatan, bekalan air dan elektrik serta rumah pekerja. Manakala, *Item A* dan *Item B Part A1*, *Preliminaries* dalam Dokumen Kontrak pula menyatakan pihak kontraktor perlulah menyediakan kenderaan bagi kegunaan PP dan kakitangannya bila diperlukan dari tarikh kontrak berkuat kuasa sehingga *Certificate Of Practical Completion* (CPC) dikeluarkan.

ii. Surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR) Bil. 3 Tahun 2010 - Garis Panduan Perolehan Khidmat Pengangkutan Dan Kemudahan Peralatan Melalui Kontrak Kerja menetapkan Logo JKR dan nama pejabat PP juga perlu dipaparkan di kedua-dua pintu hadapan kenderaan.

iii. Semakan Audit terhadap Penyediaan Kerja Awalan (Preliminaries) bagi projek pembinaan semula kuarters mendapati perkara seperti yang berikut:

- Bekalan 2 buah kenderaan bagi *preliminaries* untuk projek pembinaan semula kuarters di RSK Bedong dan di RSK Tanjung Rambutan telah memperoleh kelulusan daripada Jawatankuasa Perolehan Melalui Kontrak (JKPMK) pada 26 Julai 2013. Bagi kenderaan yang telah diluluskan, adalah didapati sebuah kenderaan di RSK Bedong dan sebuah kenderaan di RSK Tanjung Rambutan tidak ditempatkan di tapak projek. Maklumat lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 9.4
KENDERAAN BAGI *PRELIMINARIES* DI RSK BEDONG DAN DI RSK TANJUNG RAMBUTAN

KENDERAAN / PERALATAN	BIL. LULUS OLEH JKPMK	BIL. IKUT KONTRAK	PENERIMAAN MENGIKUT JENIS	PENEMPATAN	TARIKH TERIMA
DI RSK BEDONG					
Pacuan 4 Roda	2	2	Mitsubishi Pajero VGT 2.5 L (Diesel)	Cawangan Kejuruteraan Elektrik Ibu Pejabat JKR, Jalan Sultan Salahuddin WP. Kuala Lumpur	14.05.2014
			Mitsubishi Pajero VGT 2.5 L (Diesel)	JKR Daerah Kuala Muda Dan Sik	11.06.2014
DI RSK TANJUNG RAMBUTAN					
Pacuan 4 Roda	2	2	Pajero Sport	JKR Cawangan Kontrak Dan Ukur Bahan (CKUB) Ibu Pejabat JKR, Menara TIMA, WPKL	28.11.2014
			Hundyai Sante Fe 2.4	JKR Daerah Kinta	24.11.2014

Sumber: JKR Daerah Kuala Muda Dan Sik Dan JKR Daerah Kinta

Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 24 Mac 2016

Di RSK Bedong

Penempatan kenderaan tersebut telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Perolehan Melalui Kontrak (JKPMK) pada 26 Julai 2013 selaras Surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR) Bil. 3 Tahun 2010. Justifikasi kenderaan ditempatkan di Pejabat CKE dan CKUB adalah kerana pejabat tersebut adalah sebahagian daripada pasukan bagi projek ini. Pegawai CKE, CKUB juga perlu menghadiri lawatan tapak, mesyuarat teknikal dan mesyuarat projek bagi tujuan pemantauan untuk melancarkan lagi pelaksanaan projek ini dari semasa ke semasa.

Sebagai penambahbaikan jabatan telah mengeluarkan surat peringatan daripada KPKR bertarikh 22 Disember 2015 berhubung Garis Panduan Penggunaan Perkhidmatan Pengangkutan dan Kemudahan Peralatan Untuk Pengurusan Projek Melalui Kontrak Kerja.

Kedua-dua kenderaan yang di tempat di Pejabat Selia Tapak & CKE telah dipulangkan kepada pihak kontraktor.

Di RSK Tanjung Rambutan

Penempatan kenderaan tersebut telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Perolehan Melalui Kontrak (JKPMK) pada 26 Julai 2013 selaras dengan Surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR) Bil. 3 Tahun 2010. Justifikasi kenderaan ditempatkan di Pejabat CKE dan CKUB adalah kerana pejabat tersebut adalah sebahagian daripada pasukan projek bagi pelaksanaan projek ini. Pegawai CKE dan CKUB juga perlu menghadiri lawatan tapak, mesyuarat teknikal dan mesyuarat berkaitan projek bagi tujuan pemantauan untuk melancarkan lagi pelaksanaan projek ini dari semasa ke semasa.

- Pemeriksaan Audit terhadap kenderaan yang dibekalkan oleh kontraktor yang ditempatkan di JKR Daerah Kuala Muda dan Sik (**Gambar 9.5**), JKR Daerah Kinta (**Gambar 9.6**) dan Cawangan Kejuruteraan Ukur Bahan Ibu Pejabat JKR Menara TIMA, WPKL (**Gambar 9.7**) mendapati hanya logo JKR yang dipaparkan tetapi nama pejabat PP tidak dipaparkan di kedua-dua pintu hadapan kenderaan. Manakala kenderaan yang dibekalkan oleh kontraktor yang ditempatkan di Cawangan Kejuruteraan Elektrik Ibu Pejabat JKR, Jalan Sultan Salahuddin WPKL, logo JKR dan nama pejabat PP tidak dipaparkan di pintu hadapan kenderaan (**Gambar 9.8**).

GAMBAR 9.5

JKR Daerah Kuala Muda Dan Sik
- Kenderaan Yang Tidak Dipaparkan Dengan Nama Pejabat Pegawai Penguasa
(18.08.2015)

GAMBAR 9.6

JKR Daerah Kinta
- Kenderaan Yang Tidak Dipaparkan Dengan Nama Pejabat Pegawai Penguasa
(08.09.2015)

GAMBAR 9.7

Cawangan Kejuruteraan Ukur Bahan
Ibu Pejabat JKR Menara TIMA, WPKL
- Kenderaan Yang Tidak Dipaparkan Dengan Nama Pejabat Pegawai Penguasa
(06.10.2015)

GAMBAR 9.8

Cawangan Kejuruteraan Elektrik
Ibu Pejabat JKR, Jalan Sultan Salahuddin WPKL
- Kenderaan Yang Tidak Dipaparkan Dengan Logo JKR Dan Nama Pejabat Pegawai Penguasa
(06.10.2015)

Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 24 Mac 2016

Di RSK Bedong Dan Di RSK Tanjung Rambutan

Memandangkan kenderaan adalah kepunyaan kontraktor dan teguran secara lisan telah diberikan, bagaimanapun tiada tindakan yang diambil oleh kontraktor. JKR ambil maklum perkara ini dan akan dibuat penambahbaikan pada masa akan datang. Bagi kenderaan projek pembinaan semula kuarters di RSK Tanjung Rambutan tindakan penambahbaikan telah diambil di mana kenderaan telah diletakkan nama Pejabat PP.

c. Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa

i. Klausa 43, Kelambatan Dan Lanjutan Masa dalam Dokumen Kontrak menetapkan apabila jelas bahawa kemajuan kerja terlewat dan jika PP berpendapat kerja itu mungkin ditangguhkan atau telah ditangguhkan di luar Tarikh Siap ditetapkan sebelum ini, maka PP boleh meluluskan lanjutan masa yang sepatutnya dengan mengeluarkan Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa (EOT) dengan memberi lanjutan masa yang munasabah untuk menyiapkan kerja.

ii. Bagi kerja pra pembinaan semula kuarters di RSK Bedong, Pengarah JKR Negeri Kedah telah dilantik sebagai PP manakala, Jurutera Daerah, JKR Kuala Muda dan Sik telah dilantik sebagai wakil PP. Dengan ini, Pengarah JKR Negeri Kedah adalah bertanggungjawab untuk meluluskan setiap EOT bagi kerja pra pembinaan semula kuarters tersebut. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati sebanyak 3 EOT bagi kerja pra pembinaan semula kuarters telah diluluskan oleh wakil PP. Manakala bagi kerja pra pembinaan semula kuarters di RSK Tanjung Rambutan tiada EOT dikeluarkan kerana projek telah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

iii. Bagi projek pembinaan semula kuarters di RSK Bedong, Jurutera Daerah, JKR Kuala Muda dan Sik telah dilantik sebagai PP. Sebanyak 2 EOT semasa projek pembinaan semula kuarters telah diluluskan. EOT 1 telah diluluskan oleh Pengarah JKR Negeri Kedah yang mana bukan dilantik sebagai PP. *Maklum balas yang diterima didapati EOT No. 1 telah diluluskan semula oleh Jurutera Daerah selaku Pegawai Penguasa bagi kerja pembinaan semula dan bukan Pengarah JKR Kedah.* Manakala EOT 2 telah dipatuhi sepenuhnya yang mana diluluskan oleh Jawatankuasa Kelambatan Dan Lanjutan Masa (JKLM). Maklumat lanjut mengenai kelulusan EOT adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 9.5
EOT YANG DILULUSKAN
BAGI PROJEK PEMBINAAN SEMULA KUARTERS DI RSK BEDONG

EOT	TARIKH LULUS	KELULUSAN	TEMPOH	BIL. HARI	SEBAB
KERJA PRA PEMBINAAN					
No. 1	28.07.2013	PP (Jurutera Daerah) JKR Daerah Kuala Muda & Sik	14.07.2013 - 20.08.2013	37	Kelewatan pemilikan sebahagian tapak bina kepada kontraktor.
No. 2	08.09.2013	PP (Jurutera Daerah) JKR Daerah Kuala Muda & Sik	21.08.2013 - 05.10.2013	46	Kerja tambahan untuk pembaikan parit luar kawasan dan mengecat *transverse yellow bar* pada jalan utama.
No. 3	27.10.2013	PP (Jurutera Daerah) JKR Daerah Kuala Muda & Sik	06.10.2013 - 30.11.2013	56	Keadaan cuaca yang luar biasa iaitu hujan lebat tidak menentu.
PROJEK PEMBINAAN SEMULA KUARTERS					
No. 1	16.06.2015	Pengarah JKR Negeri Kedah	17.06.2015 - 16.08.2015	61	• Penambahbaikan seni bina yang diperoleh daripada *Head Of Design Team* (HODT) Arkitek. • Keperluan lantikan *Independent Checker* yang disyaratkan di dalam kontrak.
No. 2	10.08.2015	Pengarah JKR Negeri Kedah	17.08.2015 - 04.10.2015	49	• Kelewatan kemajuan kerja oleh pihak ketiga (Tenaga Nasional Berhad) dalam memula dan menyiapkan kerja fizikal penanaman kabel elektrik bawah tanah menyebabkan kerja pembinaan jalan dan kerja luaran lain berkaitan tidak dapat disiapkan seperti perancangan asal. • Kelewatan pelaksanaan aktiviti Pengujian Dan Pentauliahan (Testing And Commissioning) bagi sistem elektrik dan mekanikal disebabkan oleh kelewatan penyaluran bekalan elektrik oleh TNB.

Sumber: JKR Daerah Kuala Muda Dan Sik

iv. Semakan Audit mendapati sebanyak 2 EOT telah diluluskan bagi projek pembinaan semula kuarters di RSK Tanjung Rambutan. EOT 1 telah diluluskan oleh Pengarah JKR Negeri Perak yang dilantik sebagai PP dan EOT 2 juga telah dipatuhi sepenuhnya yang mana diluluskan oleh Jawatankuasa Kelambatan Dan Lanjutan Masa (JKLM). Maklumat lanjut mengenai kelulusan EOT adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 9.6
EOT YANG DILULUSKAN BAGI PROJEK PEMBINAAN SEMULA KUARTERS DI RSK TANJUNG RAMBUTAN

EOT	TARIKH LULUS	KELULUSAN	TEMPOH	BIL. HARI	SEBAB
No. 1	29.12.2014	PP (Pengarah JKR Negeri)	27.04.2015 - 19.07.2015	83	• Tarikh milik tapak adalah pada 28.04.2014 manakala penerimaan lukisan pembinaan yang lengkap adalah pada 23.05.2014. • Pertanyaan *platform level* pada 21.05.2014 telah diputuskan pada 18.06.2014 bagi memulakan kerja berkaitan seperti *setting out piling* dan juga bangunan apabila kerja tambak tanah tidak diperlukan di tapak tersebut. • Permohonan pengalihan 4 tiang elektrik kepada TNB pada 13.06.2014 tetapi pihak TNB hanya mengalihkan tiang tersebut pada 19.07.2014. • Proses kelulusan pelantikan *piling* kontraktor bagi pertukaran cerucuk (spun pile kepada RC pile) dan kaedah penanaman cerucuk (Hydraulic Jack In Pile kepada Hydraulic Hammer dan daripada Hydraulic Hammer ditukarkan kembali kepada Hydraulic Jack In Pile). • Kelulusan pertukaran reka bentuk asas kuarters pada 22.06.2014 dan hanya menerima lukisan terbaru pada 23.07.2014. Dengan ini penghantaran besi tetulang ditangguhkan.
No. 2	30.06.2015	Jawatankuasa Kelambatan dan Lanjutan Masa	19.07.2015 - 17.12.2015	151	• Kontraktor memerlukan tempoh masa yang panjang bagi menyiapkan kerja pertambahan kuantiti yang diluluskan. Pertambahan *Pile Caps* daripada 15 m^3 kepada 280.01 m^3; pertambahan *Column Stump* daripada 22 m^3 kepada 48.04 m^3 dan pertambahan *RC Wall* daripada 18 m^3 kepada 82.22 m^3. • Pertukaran cara pembinaan daripada *precast* kepada *in situ* yang mana semasa BQ dan lukisan tender disediakan item seperti tiang, *beam*, dinding dan lantai adalah *precast*. Bagaimanapun, lukisan pembinaan yang diterima pada 26.05.2014 adalah menggunakan *in situ* iaitu perbezaan item seperti rasuk *in situ* tingkat satu, tiang *in situ* dan kerja *sher wall in situ*. Manakala, didapati juga semua lantai *precast* sama ada *half slab* dan *Hollow core slab* telah ditukar kepada *in situ slab* dan pindaan tangga daripada *precast* kepada *in situ* melalui surat bertarikh 18.02.2015.

Sumber: JKR Daerah Kinta

Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 24 Mac 2016

Di RSK Bedong

Sebut harga pra pembinaan tidak tertakluk kepada syarat-syarat dalam kontrak kerana perolehan dilaksanakan secara berasingan melalui sebut harga. Had Kuasa Sebut harga bagi RM500,000 ke bawah Pegawai Penguasa adalah Jurutera Daerah. Dengan itu, kelulusan EOT adalah Jurutera Daerah selaku Pegawai Penguasa bagi kerja sebut harga.

Di RSK Tanjung Rambutan

Pegawai yang terlibat di dalam projek ini telah menjalankan tanggungjawab sebaiknya. Tetapi oleh kerana beban kerja semasa dan kekurangan kakitangan menyebabkan berlakunya punca kelewatan ini.

Bagi EOT 1, Lukisan Pembinaan keseluruhan projek telah dihantar pada 25 April 2014 kecuali Lukisan Pembinaan Kuarters Kelas G. Lukisan Pembinaan Kuarters Kelas G bagi substructure telah dihantar pada 21 Mei 2014 disebabkan terdapat perubahan pada reka bentuk superstruktur kerana reka bentuk kuarters Kelas G menggunakan kaedah Wall System dan merupakan rekabentuk IBS dalaman bagi menggantikan system Registrated Industrial System Provider (RISP). Oleh itu, reka bentuk itu perlu diverifikasi di peringkat Jabatan yang melibatkan pindaan bagi membolehkan kebolehkerjaan ditapak secara efektif.

Penentuan platform level dipinda berdasarkan keadaan tapak dan melibatkan penjimatan kos tambak dari aras 95m di lukisan kepada 93.5m di tapak bina. Pindaan platform level memerlukan kajian menyeluruh terhadap kerja civil.

Pengalihan tiang elektrik adalah di luar kawalan JKR kerana melibatkan pihak TNB.

Terdapat penjimatan pertukaran spun pile ke RC Pile.

Tempoh yang diambil untuk pengesahan jenis asas Kuarters Kelas D sama ada menggunakan pad footing seperti dalam lukisan kontrak atau cerucuk konkrit seperti dalam BQ. Pengesahan semula syor asas diperlukan sebelum dapat disahkan reka bentuk substruktur. Terdapat penjimatan dengan pembinaan pad footing.

Bagi EOT2 kelewatan berpunca daripada perubahan reka bentuk asas substruktur disebabkan terdapat perubahan pada reka bentuk superstruktur kuarters Kelas G.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan pentadbiran kontrak adalah memuaskan.

9.5.2.2. Reka Bentuk Pembinaan

Reka bentuk merupakan aspek penting di dalam setiap projek pembinaan yang dilaksanakan. Lawatan Audit pada 18 Ogos 2015 ke tapak projek pembinaan semula kuarters di RSK Bedong mendapati perkara seperti yang berikut:

a. Reka Bentuk Awam Dan Struktur

Reka bentuk pembinaan perlu mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dalam kontrak. Reka bentuk yang dihasilkan mestilah sesuai dan memenuhi keperluan pengguna. Pemeriksaan Audit bagi projek pembinaan semula kuarters di RSK Bedong mendapati 2 reka bentuk yang tidak sesuai adalah seperti gambar berikut:

SEBELUM

GAMBAR 9.9

Kuarters Kelas D Aras 1 Banglo Di RSK Bedong, Kedah - Ruang Antara Lantai Dan Railing Balkoni Yang Dibina Agak Luas Yang Boleh Mendatangkan Risiko Kemalangan (18.08.2015)

SELEPAS

GAMBAR 9.10



Kuarters Kelas D Aras 1 Banglo Di RSK Bedong, Kedah - Ruang Antara Lantai Dan Railing Balkoni Yang Dibina Agak Luas Telah Ditambahbaik (24.08.2015)

GAMBAR 9.11



Kuarters Kelas E/G Di RSK Bedong, Kedah - Railing Yang Rendah Di Kawasan Tangga Boleh Mendatangkan Risiko Kemalangan (Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 Menyatakan Ketinggian Hendaklah Tidak Kurang Dari Ketinggian 1 Meter) (18.08.2015)

GAMBAR 9.12



Kuarters Kelas E/G Di RSK Bedong, Kedah - Railing Yang Rendah Di Kawasan Tangga Telah Ditambah Ke 1,200mm Dari Aras Lantai (11.02.2016)

Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 24 Mac 2016

Ruang antara lantai dan railing balkoni yang dibina agak luas di kuarters kelas D aras 1 banglo telah dibuat penambahbaikan dan ketinggian railing di kuarters kelas E/G telah ditambah ke 1,200mm dari aras lantai.

9.5.3. Pemantauan

Pemantauan terhadap kerja pembinaan hendaklah sentiasa dilakukan secara berterusan bagi memastikan kerja yang dilaksanakan mengikut skop dan spesifikasi kerja serta disiapkan dalam masa yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap pemantauan yang dijalankan mendapati satu mesyuarat Pra Pembinaan di RSK Bedong dan di RSK Tanjung Rambutan telah dipatuhi sepenuhnya. Selain itu, Laporan Kemajuan Projek telah disediakan sebelum Mesyuarat Tapak dan sebanyak 7 Mesyuarat Tapak juga telah dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, pemantauan oleh pihak JKR terhadap kedua-dua projek ini adalah baik dan isu serta masalah yang dibangkitkan semasa pelaksanaan projek telah diambil tindakan sewajarnya supaya projek ini dapat dilaksanakan mengikut jadual.

9.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan perkara yang dibangkitkan tidak berulang dalam pelaksanaan projek lain, adalah disyorkan supaya JKR memberi pertimbangan kepada perkara yang berikut:

9.6.1. perancangan yang teliti hendaklah dilaksanakan semasa reka bentuk dan kaedah pembinaan bagi mengelakkan berlakunya perubahan dan pindaan major semasa pembinaan sedang dilaksanakan dan memastikan pentadbiran kontrak dipatuhi sepenuhnya; dan

9.6.2. kenderaan bagi *preliminaries* hendaklah ditempatkan di tapak projek kerana pengurusan pembinaan di tapak projek adalah lebih utama dan perlu diberi perhatian dari semasa ke semasa.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

10. PROJEK SAMBUNGAN ERL DARI KLIA KE klia2

10.1. LATAR BELAKANG

10.1.1. Pada peringkat awal, Express Rail Link (ERL) merupakan perkhidmatan kereta api laju menghubungkan Kuala Lumpur (KL) Sentral dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) bagi jarak 57 km yang juga mempunyai 3 stesen iaitu Stesen Bandar Tasik Selatan, Putrajaya dan Salak Tinggi dengan kos pembinaan berjumlah RM2.4 bilion. Terdapat 2 jenis perkhidmatan yang disediakan iaitu ERL Ekspres dan ERL Transit.

10.1.2. Projek Sambungan ERL dari KLIA ke klia2 (Projek Sambungan ERL) dengan jarak 2.16 km dilaksanakan untuk menghubungkan terminal utama KLIA selaras dengan pembukaan klia2 serta menjadikan ERL sebagai pengangkutan awam utama ke klia2. Projek sambungan ini dibiayai oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia (Kementerian) yang dilaksanakan oleh Express Rail Link Sdn. Bhd. (ERLSB) berjumlah RM100 juta secara reka dan bina melalui kaedah perolehan secara rundingan terus.

10.1.3. Pengendalian Operasi Keretapi adalah tertakluk kepada Akta Keretapi 1991 dan selepasnya adalah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010. Melalui Perjanjian Konsesi pada 25 Ogos 1997, ERLSB diberi hak untuk mengendalikan operasi ERL dari KL Sentral ke KLIA. Pada 2 Mei 2014 ERLSB mendapat kelulusan bagi meneruskan perkhidmatannya ke klia2.

10.1.4. Pegawai Penguasa/*Superintendent Officer* (SO) bagi Projek ini ialah Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pengangkutan Malaysia dan ERLSB sebagai pihak Pelaksana. Projek ini telah dimulakan pada 15 Julai 2011 dan telah siap pada 28 September 2013 berbanding sepatutnya siap pada 31 Oktober 2012 dan mula beroperasi pada 2 Mei 2014.

10.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Projek Sambungan ERL telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat.

10.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Projek Sambungan ERL dari tahun 2011 hingga 2014. Pemeriksaan Audit dijalankan di Kementerian Pengangkutan Malaysia, Unit Perancang Ekonomi/*Economic Planning*

Unit (EPU), Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) dan di pejabat ERLSB di KL Sentral serta lawatan tapak di Stesen ERL klia2 di Sepang.

10.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan Projek Sambungan ERL di Jabatan/Agensi berkaitan. Lawatan fizikal telah dijalankan pada 20 Mac 2015 dan 7 April 2015 serta temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab. Selain itu, pihak Audit juga telah mengedarkan borang soal selidik kepada pengguna perkhidmatan ERL di Terminal KLIA dan klia2 bagi mendapatkan maklum balas. *Exit Conference* telah diadakan pada 4 September 2015 bersama dengan Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pengangkutan Malaysia, pegawai-pegawai kanan Kementerian dan Ketua Unit Audit Dalam Kementerian serta Ketua Pegawai Eksekutif ERLSB. Turut hadir ialah wakil daripada Kementerian Kewangan Malaysia, wakil EPU, UKAS, Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

10.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan di Kementerian Pengangkutan Malaysia, EPU, UKAS dan di pejabat ERLSB di KL Sentral serta lawatan tapak di Stesen ERL klia2 di Sepang antara bulan Januari 2015 hingga April 2015 mendapati Projek Sambungan ERL telah siap dibina dan digunakan pada 2 Mei 2014. Ini sejajar dengan pembukaan operasi klia2 serta mencapai matlamatnya untuk menghubungkan sistem pengangkutan awam antara KLIA dan klia2. Penyambungan ini telah meningkatkan jumlah penumpang yang menggunakan ERL dari 6.44 juta penumpang pada tahun 2013 kepada 9.23 juta penumpang (peningkatan sebanyak 43.2%) pada tahun 2014. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusannya yang menyebabkan Kerajaan tidak mendapat *best value for money* atas perbelanjaannya. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti yang berikut:

i. rundingan harga tidak dilaksanakan terlebih dahulu sebelum mengemukakan anggaran kos projek untuk kelulusan Majlis Ekonomi/*Economic Council* (EC);

ii. perjanjian Konsesi Tambahan masih tidak dimuktamadkan sehingga kini walaupun perkhidmatan ERL ke klia2 telah beroperasi semenjak 2 Mei 2014;

iii. tuntutan pampasan oleh ERLSB berjumlah RM2.9 bilion masih belum dimuktamadkan. Kaedah pengiraan pampasan tidak menguntungkan Kerajaan dan tidak menjamin kepentingan Kerajaan; dan

iv. ERLSB telah membentangkan kos projek dalam Makmal Pengurusan Nilai/*Value Management* (VM) berjumlah RM129 juta iaitu melebihi kos yang diluluskan oleh EC sejumlah RM100 juta. Dengan ini, matlamat serta tujuan Pengurusan Nilai untuk menghasilkan penjimatan tidak tercapai.

Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui dan maklum balas Kementerian, UKAS dan ERLSB adalah seperti di perenggan berikut:

10.5.1. Prestasi Pengurusan Projek

10.5.1.1. Pencapaian Fizikal Projek

Berdasarkan Kontrak yang ditandatangani pada 10 Oktober 2011, kerja pembinaan adalah selama 16 bulan bermula 15 Julai 2011 hingga 31 Oktober 2012. Namun begitu, terdapat 2 kali pindaan terhadap tarikh siap projek iaitu yang terakhir pada 28 September 2013. Butiran pindaan tarikh penyiapan projek adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.1
PINDAAN TARIKH PENYIAPAN PROJEK

PINDAAN	TEMPOH PINDAAN	BIL. HARI	TARIKH SIJIL PENGAMBILALIHAN (TAKING OVER CERTIFICATE)	TARIKH SEPATUT SIAP	TARIKH SIAP SEBENAR	SEBAB PINDAAN
1	31.10.2012 - 26.03.2013	146	01.10.2013	31.10.2012	28.09.2013	i. Gas Direct Cooling (KLIA) Sdn. Bhd. lewat membuat keputusan berkenaan *diversion of chilled water pipes*. ii. Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) lewat membekal kuasa ke stesen ERL (jadual dibekalkan pada 01.12.2012).
2	26.03.2013 - 28.09.2013	186				i. Kelewatan penyerahan kawasan platform di tingkat 1 (Diserahkan kepada ERLSB pada 19.02.2013) dan *concourse/ticketing office* di tingkat 3 KLIA (Diserahkan pada 21.05.2013). ii. Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) hanya dapat membekalkan kuasa elektrik ke stesen ERL pada 19.02.2013. iii. Masalah aktiviti kerja pihak ketiga.

Sumber : Dokumen ERLSB

Pada pendapat Audit, walaupun terdapat gangguan yang berpunca dari kelewatan kerja pengalihan utiliti dan kelewatan penyerahan kawasan ERL oleh pihak ketiga (seperti dalam jadual), projek berjaya disiapkan mengikut jadual pindaan. Manakala sasaran asal projek telah tercapai iaitu untuk memulakan operasi ERL selari dengan bermulanya operasi klia2 iaitu pada 2 Mei 2014.

Maklum Balas ERLSB Melalui Kementerian Yang Diterima Pada 17 Mac 2016

Kelewatan penyiapan keseluruhan Kompleks klia2 yang mana pada asalnya dijadualkan siap pada tahun 2012. Kelewatan tersebut menyebabkan kebenaran masuk dan penyerahan kawasan ERL oleh kontraktor menjadi lewat. ERLSB

terpaksa memohon lanjutan masa dan menanggung kos tambahan. Bagaimanapun, ERLSB tidak menuntut sebarang perubahan kos (variation of cost) dan projek sambungan ERL dapat disiapkan selari dengan penyiapan Kompleks Terminal klia2 dan pembukaan operasi klia2.

10.5.1.2. Pencapaian Kewangan Projek

Peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia bagi Projek Sambungan ERL adalah berjumlah RM100 juta. Berdasarkan kepada kelulusan tersebut, Kerajaan akan membiayai kos pembinaan mengikut jadual pembayaran yang telah dipersetujui. Manakala pembayaran kerja yang telah dilaksanakan oleh kontraktor hendaklah dibuat di antara ERLSB dengan Kontraktor (Works Agreement) tanpa melibatkan Kementerian. Sehubungan itu, satu Perjanjian Pembiayaan antara Kementerian dan ERLSB telah ditandatangani pada 10 Oktober 2011. Semakan Audit terhadap Perjanjian Pembiayaan mendapati pindaan telah dibuat sebanyak 3 kali melalui Perjanjian Tambahan Pertama, Kedua dan Ketiga pada 20 Disember 2011, 1 Oktober 2012 dan 17 Jun 2013 masing-masingnya. Pindaan ini adalah bagi menyelaraskan pembayaran berdasarkan kemajuan kerja Kontraktor. Sehingga 31 Disember 2013, prestasi perbelanjaan projek tersebut telah mencapai RM100 juta (100%). Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.2
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN SETAKAT 31 DISEMBER 2013

TAHUN	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	PERATUSAN (%)
2011	45	45.0	100.0
2012	55	47.7	86.7
2013	-	7.3	100.0
JUMLAH	**100**	**100.0**	**100.0**

Sumber : Buku Vot dan SPPII

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan yang telah dibuat adalah sangat baik dan Kerajaan telah menyalurkan dana pembiayaan kepada ERLSB mengikut Perjanjian Pembiayaan.

10.5.1.3. Pencapaian *Outcome*

i. Prestasi Jumlah Penumpang

a. Berdasarkan minit mesyuarat pembentangan oleh Kementerian di Mesyuarat EC Bil. 10 Tahun 2011 bertarikh 14 Mac 2011, penyambungan operasi ERL ke klia2 antaranya adalah untuk mendapatkan kembali bahagian pasaran (market share) ERLSB yang telah terjejas akibat dari penawaran khidmat bas ulang-alik (shuttle bus) dari KL Sentral dan LCCT/KLIA, pembukaan semula Lapangan Terbang Subang dan pembukaan Maju Expressway (MEX).

b. Semakan Audit terhadap data penumpang (ridership) ERL sebelum perkhidmatan ERL ke klia2 mula beroperasi (Januari hingga April 2014), purata harian penumpang bagi ERL Ekspres dan Transit adalah seramai 19,221 penumpang sehari. Jumlah ini meningkat kepada purata 28,300 penumpang sehari dari bulan Mei hingga Disember 2014. Ini menunjukkan peningkatan purata sebanyak 9,079 (47.2%) penumpang sehari dalam tempoh 8 bulan semenjak pembukaan klia2. Butirannya adalah seperti jadual dan carta berikut:

JADUAL 10.3
PURATA HARIAN BILANGAN PENUMPANG BAGI TAHUN 2014

TEMPOH	BILANGAN PENUMPANG (Orang)		
	EKSPRES DAN TRANSIT	ANTARA TERMINAL KLIA/klia2	JUMLAH
Purata (Januari - April)	19,221	-	19,221
Purata (Mei - Disember) klia2 mula beroperasi	25,339	2,961	28,300
Purata (Januari - Disember)	23,299	1,974	25,274

Sumber : ERLSB

CARTA 10.1
PURATA HARIAN BILANGAN PENUMPANG BAGI TAHUN 2014



c. Komposisi destinasi penumpang ERL terdiri dari penumpang dari/ke KLIA, klia2 dan lain-lain stesen di sepanjang jajaran ERL. Bagi bulan Mei hingga Disember 2014 iaitu tempoh selepas sambungan ERL mula beroperasi, dari keseluruhan purata harian 28,300 penumpang, 11,701 (41.4%) daripadanya adalah penumpang dari/ke KLIA, 11,152 (39.4%) adalah merupakan penumpang dari/ke klia2 manakala purata 5,448 (19.3%) merupakan penumpang dari/ke lain-lain stesen.

d. Analisis data penumpang ERL dari tahun 2011 hingga 2015 menunjukkan berlaku peningkatan secara berterusan seramai 685,012 orang (16.6%), 543,076 orang (11.3%), 1,077,147 orang (20.1%), 2,798,537 orang (43.5%) dan 1,791,432 orang (19.4%). Peningkatan yang drastik berlaku pada tahun 2014 disebabkan oleh klia2 yang telah mula beroperasi pada bulan Mei 2014. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.4
PENINGKATAN BILANGAN PENUMPANG DARI TAHUN 2010 HINGGA 2015

TAHUN	BILANGAN PENUMPANG					
	2010	2011	2012	2013	2014	2015
Bilangan Penumpang (Orang)	4,134,853	4,819,865	5,362,941	6,440,088	9,238,625	11,030,057
Jumlah Peningkatan (Orang)	-	685,012	543,076	1,077,147	2,798,537	1,791,432
Peratus Peningkatan (%)	**-**	**16.6**	**11.3**	**20.1**	**43.5**	**19.4**

Sumber : ERLSB

Pada pendapat Audit, projek Sambungan ERL telah berjaya menghubungkan kedua-dua terminal KLIA dan klia2 serta menyumbang kepada peningkatan jumlah penumpang yang menggunakan ERL. Ini dapat meningkatkan penguasaan pasaran ERL selaras dengan sasaran Kementerian semasa pembentangan di mesyuarat EC.

ii. Prestasi Pendapatan ERL Sebelum Dan Selepas Operasi klia2

a. Tambang antara Terminal KLIA ke klia2 adalah sejumlah RM1 bagi kanak-kanak dan RM2 bagi dewasa. Manakala kadar tambang dari mana-mana destinasi dari/ke klia2 adalah sama seperti ke KLIA. Semakan terhadap Laporan Kewangan ERLSB yang diaudit bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2012, 30 Jun 2013 dan 30 Jun 2014 mendapati hasil kutipan tambang bagi perkhidmatan KLIA Ekspres dan KLIA Transit adalah RM85.50 juta, RM98.14 juta dan RM124.29 juta masing-masing. Hasil kutipan ERLSB telah menunjukkan peningkatan 14.8% dan 26.7% bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2013 dan 30 Jun 2014 berbanding tahun sebelumnya.

b. Semakan terhadap prestasi kutipan hasil sebelum dan selepas operasi klia2 bagi tahun 2014 mendapati sejumlah RM1.45 juta telah dikutip bagi penumpang yang menggunakan perkhidmatan transit antara KLIA dan klia2. Butirannya seperti jadual berikut:

JADUAL 10.5
MAKLUMAT KUTIPAN HASIL PERKHIDMATAN ERL BAGI TAHUN 2014

TEMPOH	ANTARA KL SENTRAL - KLIA/klia2 (RM Juta)	ANTARA TERMINAL KLIA - klia2 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Januari – Disember	149.50	1.45	150.95
Purata bagi 4 bulan *(Januari – April)**	9.56	-	9.56
Purata bagi 8 bulan *(Mei – Disember)***	13.91	0.18	14.09

Sumber: ***Rekod ERLSB***
Nota : ***(*) - Sebelum Operasi klia2***
(**) - Selepas Operasi klia2

Pada pendapat Audit, Projek Sambungan ERL ke klia2 telah menyumbang kepada peningkatan jumlah hasil ERLSB.

10.5.1.4. Penilaian Tahap Kepuasan Pengguna

a. Bagi menilai tahap kepuasan pengguna terhadap perkhidmatan dan kemudahan ERL, sebanyak 141 borang soal selidik telah diedarkan di Terminal klia2 dan KLIA. Sebanyak 102 (72.3%) borang soal selidik telah dikembalikan. Antara aspek yang dinilai adalah kadar tambang yang dikenakan; kemudahan stesen seperti ruang legar, kaunter tiket, mesin tiket elektronik dan kerusi menunggu; kemudahan tren seperti keselesaan, tempat duduk dan penyaman udara; ketepatan jadual masa tren; kekerapan tren; kebersihan serta tahap keselamatan stesen dan tren. Secara keseluruhan, soal selidik mendapati 52% responden berpendapat perkhidmatan ERL adalah baik, 44% berpendapat memuaskan dan 4% berpendapat tidak memuaskan. Butirannya adalah seperti carta berikut:

CARTA 10.2
TAHAP KEPUASAN PENGGUNA PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN ERL



Sumber: Soal Selidik

b. Hasil soal selidik juga mendapati 52.9% hingga 62.8% responden memberikan maklum balas yang baik mengenai kemudahan stesen, kemudahan tren, ketepatan masa perjalanan, kekerapan tren, kebersihan dan keselamatan tren manakala 46.1% responden berpendapat kadar

tambang yang dikenakan adalah sekadar memuaskan. Sebanyak 12.8% responden berpendapat kadar tambang yang ditetapkan adalah tidak memuaskan dan 6.9% responden berpendapat kekerapan tren adalah tidak memuaskan. Butiran lanjut seperti carta berikut:

CARTA 10.3
PERATUS PENDAPAT RESPONDEN MENGIKUT ASPEK PENILAIAN



c. Maklum balas responden juga mencadangkan beberapa perkara antaranya menambah kekerapan tren ketika waktu puncak, kadar tambang yang lebih murah, meningkatkan keselesaan di ruangan menunggu tren, menyediakan kemudahan pemegang bagi penumpang yang berdiri di dalam tren, mengasingkan kaunter perkhidmatan dan kaunter tiket.

Pada pendapat Audit, perkhidmatan ERL adalah baik kerana secara keseluruhannya pengguna perkhidmatan ERL berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan.

Maklum Balas ERLSB Melalui Kementerian Yang Diterima Pada 17 Mac 2015

a. ***Pihak ERLSB tidak dapat meningkatkan kekerapan keretapi pada masa ini disebabkan bilangan set keretapi yang terhad. Bagaimanapun, ERLSB sedang dalam proses pembelian set keretapi yang baru. Set keretapi baru dijangka beroperasi pada awal tahun 2017 dan kekerapan tren dapat ditingkatkan.***

b. ***Kadar tambang adalah kadar yang diluluskan oleh Kerajaan. Kadar tambang perjalanan sehala adalah lebih rendah sekiranya ia dibeli melalui Kad Konsesi/Kad Perjalanan/Kad Bulanan dan sebagainya.***

c. ERLSB menyediakan ruang menunggu yang dilengkapi penyaman udara di stesen terminal dan akan memasang kipas angin di stesen perantara (intermediate stations). ERLSB juga telah meningkatkan kapasiti tempat duduk di setiap stesen sebagai langkah penambahbaikan dan penyediaan kemudahan yang lebih baik kepada penumpang.

d. Kedudukan susur tangan semasa adalah bersebelahan tempat duduk. ERLSB mengkaji semula reka bentuk tersebut dan meminta pembekal keretapi yang baru untuk mengambil kira susur tangan tambahan untuk keretapi yang baru. Oleh itu, keretapi yang baru akan dilengkapi dengan lebih susur tangan.

e. ERLSB telah menyediakan 4 kaunter tiket dan 3 kiosk layan diri di stesen ERL klia2. Sebagai tambahan, ERLSB mempunyai 2 kaunter tiket di balai ketibaan lapangan terbang.

10.5.2. Pengurusan Pembinaan

10.5.2.1. Peringkat Awal Projek Sambungan ERL

a. Pada bulan Disember 2009, ERLSB telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian untuk tujuan penyambungan dengan kos yang dicadangkan berjumlah RM100 juta. Pada 7 Mac 2011, Kementerian telah mengemukakan 2 opsyen kepada EC untuk kelulusan bagi menjalankan projek penyambungan laluan ERL iaitu:

i. Opsyen 1:

Kos pembinaan akan ditanggung oleh Kerajaan sepenuhnya dengan mengekalkan tempoh konsesi sedia ada iaitu 30 tahun tambah 30 tahun dan tambang akan dikekalkan RM35 dari KL Sentral ke KLIA atau klia2. Bagaimanapun, RM2 akan dikenakan kepada penumpang dari/ke KLIA dan klia2. Tanah dan Stesen akan disediakan oleh MAHB tanpa dikenakan sebarang caj kepada ERLSB. Kos operasi dan penyenggaraan akan ditanggung oleh ERLSB bagi jajaran 2.16 km tersebut.

ii. Opsyen 2:

Kos projek menggunakan dana pinjaman dari Bank Pembangunan Malaysia Bhd. dengan tempoh konsesi selama 30 tahun tambah 30 tahun menjadi 60 tahun dan ditambah lagi 30 tahun. Tambang juga akan dikekalkan iaitu RM35 dari KL Sentral ke KLIA atau klia2. Bagaimanapun, sejumlah RM2 akan dikenakan kepada penumpang dari/ke KLIA dan klia2. Tanah dan Stesen akan disediakan oleh MAHB tanpa dikenakan sebarang caj kepada ERLSB. Kos operasi dan penyenggaraan akan ditanggung oleh ERLSB bagi jajaran 2.16 km tersebut.

b. Semakan Audit mendapati, pada 14 Mac 2011, EC telah meluluskan Projek Sambungan ERL mengikut opsyen 1 dengan caj tambang dikenakan sebanyak RM2 antara KLIA ke klia2 dan kos pembinaan daripada peruntukan Kerajaan berjumlah RM100 juta. EC berpendapat, tempoh tambahan 30 tahun dalam opsyen 2 adalah terlalu lama. Kerajaan juga memberi kelulusan caj tambang sejumlah RM2 bagi mengambil kira kos penyenggaraan dan operasi yang ditanggung oleh ERLSB.

c. Semakan selanjutnya mendapati, justifikasi RM2 yang ditentukan oleh ERLSB adalah berdasarkan kadar tambang bas dari Bangunan Terminal Utama, KLIA ke LCCT iaitu RM2.50. Sehubungan itu, ERLSB mencadangkan tambang permulaan sebanyak RM2 dikenakan kepada penumpang antara KLIA ke klia2 atau sebaliknya dan akan dinaikkan setiap 5 tahun. Bagaimanapun ianya tertakluk kepada Perjanjian Konsesi Tambahan yang masih belum dimuktamadkan.

Maklum Balas ERLSB Melalui Kementerian Yang Diterima Pada 17 Mac 2016

Tambang RM2 ini wajar dikenakan dengan mengambil kira justifikasi berikut:

a. tambang ini hanya dikenakan kepada penumpang baru dari KLIA ke klia2 atau klia2 ke KLIA. Tambang dari KL Sentral ke klia2 adalah kekal sama dengan tambang dari KLIA ke klia2; dan

b. tambang ini diperlukan untuk menampung sebahagian kos operasi dan penyenggaraan bagi jajaran ERL antara KLIA dan klia2.

Walaupun Draf Perjanjian Konsesi Tambahan masih belum dimuktamadkan, terma-terma utama perjanjian telah dipersetujui antara Kerajaan dan ERLSB. Draf perjanjian konsesi tambahan ini sedang dibincangkan dengan pihak ERLSB dengan mengambil kira perkara dasar yang telah dipersetujui secara prinsip oleh Kerajaan.

10.5.2.2. Penetapan Lokasi Jajaran ERL

Tapak tanah jajaran ERL dari KLIA ke klia2 di Sepang, Selangor dimiliki oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) yang mana tanah tersebut dipajakkan kepada Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) untuk kegunaan MAHB. Mengikut keputusan EC, tanah dan stesen untuk perkhidmatan ERL akan disediakan oleh MAHB tanpa dikenakan bayaran kepada ERLSB. Surat PTP bertarikh 9 Mei 2013 juga memaklumkan pihaknya tiada halangan dan membenarkan ERLSB beroperasi di laluan KLIA ke klia2. Semakan Audit mendapati, tapak tanah bagi pembinaan dan sambungan landasan tersebut telah disediakan oleh MAHB seperti mana yang diputuskan oleh EC. Jajaran ERL adalah seperti rajah berikut:

RAJAH 10.1
LOKASI JAJARAN ERL



Sumber: ERLSB

10.5.2.3. Perolehan Projek

i. Pelantikan Kontraktor

a. Perolehan secara rundingan terus hanya boleh dibuat setelah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Salah satu kriteria yang boleh dipertimbangkan adalah keperluan mendesak iaitu sekiranya perolehan tersebut tidak dibuat dengan segera maka akan memudaratkan dan menjejas perkhidmatan dan kepentingan awam.

b. Semakan Audit mendapati, Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat bertarikh 5 Julai 2011 telah meluluskan pelaksanaan Projek Sambungan ERL secara rundingan terus di mana Kementerian Pengangkutan Malaysia melantik ERLSB sebagai agensi pelaksana. Semakan Audit juga mendapati ERLSB telah melantik Konsortium Syarikat Pembenaan Yeoh Tiong Lay Sdn. Bhd. (SPYTL) – Seri Yakin Sdn. Bhd. sebagai Kontraktor Utama iaitu sebuah syarikat yang mempunyai pegangan saham yang sama (SPYTL) dengan ERLSB. Pelantikan secara rundingan terus dibuat dengan justifikasi projek tersebut perlu dilaksanakan secara *fast track* dan perlu disiapkan segera supaya ia dapat beroperasi selari dengan pembukaan klia2.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 17 Mac 2016

Projek ini perlu dilaksanakan secara fast track bagi memastikan ia dapat beroperasi selari dengan klia2. Konsortium Syarikat Pembenaan Yeoh Tiong Lay Sdn. Bhd. – Seri Yakin Sdn. Bhd. disyorkan untuk dilantik sebagai kontraktor utama berdasarkan kebolehan serta pengalaman kontraktor tersebut dalam melaksanakan projek yang sama pada tahun 1997. Selain itu, SPYTL-Seri Yakin merupakan sub-kontraktor bagi kerja-kerja penyenggaraan sivil dan trackwork di jajaran ERL sedia ada. Sehubungan itu, Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat bertarikh 17 Jun 2011 telah meluluskan projek ini dilaksanakan secara rundingan terus dengan Konsortium SPYTL-Seri Yakin dengan kos RM100 juta.

ii. Rundingan Harga

a. Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 26 Mac 2008 menetapkan rundingan harga perlu dilaksanakan bagi perolehan secara rundingan terus untuk memastikan Kerajaan mendapat harga yang munasabah, berpatutan dan memperoleh *best value for money*. Rundingan harga perlu dilaksanakan melalui Jawatankuasa Rundingan Harga yang dipengerusikan oleh Pegawai Pengawal atau pegawai yang dilantik serta dianggotai oleh 3 orang pegawai yang berkelayakan atau mempunyai pengalaman dan kemahiran teknikal mengenai perolehan yang berkenaan.

b. Semakan Audit mendapati, tiada sebarang penubuhan jawatankuasa bagi rundingan harga dibuat berkenaan perolehan tersebut. Penetapan RM100 juta adalah cadangan asal pihak ERLSB kepada Kementerian pada tahun 2009 yang berdasarkan *ball park figure* dan tidak mempunyai sebarang input elemen reka bentuk. Kos tersebut telah dijadikan asas untuk mendapatkan kelulusan EC pada 14 Mac 2011. Kertas Kerja yang dikemukakan untuk kelulusan EC menetapkan RM100 juta adalah merangkumi kerja-kerja sivil, kerja-kerja sistem dan *station fit out*. Lanjutan dari itu juga, Ketua Setiausaha Kementerian mohon kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk melantik Kontraktor secara rundingan terus. Seterusnya pada 5 Julai 2011, Kementerian Kewangan Malaysia telah meluluskan permohonan tersebut seperti mana cadangan yang dibuat oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 17 Mac 2016

Harga anggaran asal oleh Konsortium dan harga selepas Value Management adalah berjumlah RM129 juta dan RM117 juta masing-masingnya. Manakala harga diluluskan oleh EC untuk ditawarkan kepada ERLSB adalah berjumlah RM100 juta dengan sebarang pertambahan kos ditanggung oleh pihak ERLSB. Sehubungan itu, kos RM100 juta yang ditanggung oleh Kerajaan telah mencapai hasrat untuk best value for money.

Pada pendapat Audit, ketiadaan proses rundingan harga terhadap anggaran awal kos projek yang berjumlah RM100 juta boleh menyebabkan Kerajaan tidak mendapat harga yang berpatutan. Adalah wajar jika Kementerian mengkaji dan menjalankan proses rundingan harga bagi mendapatkan harga yang munasabah.

iii. Pelantikan Juru Perunding

a. Berdasarkan kepada kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia dan Perjanjian Pembiayaan, ERLSB hendaklah melantik *Independent Checking Engineers* (ICE) dengan kos ditanggung oleh ERLSB. ICE

akan bertindak sebagai pihak yang akan mengesahkan dokumen yang berkaitan dengan kemajuan pelaksanaan dan penyempurnaan projek. Perjanjian Perundingan dengan ICE yang dilantik telah ditandatangani pada 25 Julai 2011 dengan kos berjumlah RM190,800. Berdasarkan kepada skop kerja ICE yang telah ditandatangani, ICE hendaklah menyediakan perkhidmatan perunding bagi mengesahkan kemajuan kerja yang telah dilaksanakan oleh Kontraktor dan tuntutan bayaran pembiayaan oleh ERLSB. ICE juga adalah bertanggungjawab untuk memantau perkara seperti kerja sivil dan struktur, kerja landasan dan persemboyanan, komunikasi, elektrifikasi serta sistem *automatic fare collection.*

b. Bagi memastikan pembayaran dibuat berdasarkan kemajuan kerja sebenar, setiap tuntutan pembiayaan (disbursement request) oleh ERLSB kepada Kementerian perlu disokong dengan pengesahan oleh ICE sebagai perunding yang dilantik oleh ERLSB. Perakuan dan pengesahan kerja oleh ICE melalui Borang JKR 66 (PIN.1/2011) perlu dikemukakan kepada Kementerian sebelum pembayaran dibuat. Adalah didapati semua tuntutan pembiayaan oleh ERLSB telah diperakukan oleh ICE. Semakan Audit mendapati pengesahan bayaran dan kerja telah dibuat bagi 19 tuntutan bayaran melalui Borang Perakuan Bayaran Interim JKR66 serta Pengesahan Kemajuan Kerja oleh ICE yang telah dilantik.

Pada pendapat Audit, bayaran oleh Kementerian adalah berdasarkan kepada syor dan pengesahan kemajuan kerja oleh perunding yang dilantik oleh ERLSB.

10.5.3. Perjanjian Konsesi

10.5.3.1. Perjanjian Konsesi Tambahan Belum Dimuktamadkan

a. Pada peringkat awal, Kerajaan telah menandatangani satu perjanjian Konsesi dengan syarikat ERLSB pada 25 Ogos 1997 untuk mereka bentuk, membina, membiayai, menyenggara dan mengendalikan operasi ERL dari Kuala Lumpur ke KLIA dengan tempoh konsesi 30 tahun dan opsyen untuk memohon penambahan 30 tahun kepada Kerajaan. Mengikut Perjanjian Konsesi Para 18.3, sekiranya syarikat konsesi ingin melaksanakan penyambungan Sistem *Express Rail Link and Commuter Rail Service* (Sistem ERL-CRS), ia hendaklah mengemukakan cadangan untuk pertimbangan Kerajaan bagi projek penyambungan tersebut.

b. Semakan Audit mendapati projek penyambungan telah dicadang dan telah siap dilaksanakan. Bagaimanapun, perjanjian konsesi tambahan bagi projek sambungan tersebut masih di peringkat perbincangan dan belum dimuktamadkan walaupun operasi ERL telah bermula sejak 2 Mei 2014.

Perjanjian konsesi sedia ada hanyalah untuk jajaran dari KL Sentral ke KLIA dan tidak merangkumi sambungan jajaran 2.16 km dari KLIA ke klia2.

Pada pendapat Audit, penyediaan Perjanjian Konsesi Tambahan tidak teratur kerana belum dimuktamadkan sehingga kini dan ia boleh menjejaskan kepentingan Kerajaan sekiranya berlaku pertikaian pada masa akan datang.

Maklum Balas UKAS Melalui Kementerian Yang Diterima Pada 17 Mac 2016

Kerajaan secara prinsip telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh konsesi ERLSB bagi tempoh 30 tahun. Sehubungan itu, cadangan asal untuk menandatangani Perjanjian Konsesi Tambahan bagi projek sambungan ERL dari KLIA ke klia2 ini telah dimansuhkan. Terma-terma berkaitan projek sambungan ERL dari KLIA ke klia2 akan dimasukkan dalam perjanjian pelanjutan konsesi yang dijangka akan ditandatangani pada bulan September 2016.

Tidak dinafikan bahawa proses menggubal dan menyempurnakan perjanjian ini mengambil masa yang agak lama. Namun begitu, operasi dan perkhidmatan ERL oleh ERLSB dari KLIA ke klia2 telah dilesenkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) sejak mula beroperasi pada 2 Mei 2014. Terma di dalam lesen bagi memastikan perkhidmatan ERL antara KLIA dan klia2 beroperasi dengan baik dan selamat serta dipantau dan dikawal selia oleh SPAD dari masa ke semasa.

10.5.3.2. Struktur Kadar Tambang

a. Berdasarkan Perjanjian Konsesi, struktur kadar tambang yang telah ditetapkan akan disemak semula pada Tarikh Semakan Tambang (Fare Review Date) dengan Tempoh Tambang Yang Dipersetujui (Agreed Fare Periods) seperti **Jadual 10.6** dan **10.7**.

JADUAL 10.6
STRUKTUR KADAR TAMBANG BERDASARKAN PERJANJIAN KONSESI

SEMAKAN/TAHUN			ASAL (RM)	PERTAMA (RM)	KEDUA (RM)	KETIGA (RM)	KEEMPAT (RM)	KELIMA (RM)
			1999 - 2003	2004 - 2008	2009 - 2013	2014 - 2018	2019 - 2023	2024 - 2027
Ekspres			31.00	41.00	56.00	74.00	97.00	126.00
Transit	KLS	BTS	4.20	5.70	7.50	9.80	12.80	16.60
	KLS	PJ	9.50	12.30	16.00	20.60	26.50	34.10
	KLS	ST	12.50	16.20	20.90	26.90	34.60	44.60
	KLS	KLIA	31.00	41.00	56.00	74.00	97.00	126.00
	BTS	PJ	5.30	7.00	9.20	12.00	15.50	20.10
	BTS	ST	8.30	10.90	14.20	18.40	23.80	30.60
	BTS	KLIA	26.50	34.10	43.70	56.00	71.70	91.70
	PJ	ST	3.00	4.00	5.40	7.10	9.30	12.10
	PJ	KLIA	6.20	8.20	10.80	14.00	18.10	23.50
	ST	KLIA	3.20	4.20	5.70	7.50	9.80	12.80

Sumber: Rekod ERLSB
Nota: (*) - KLS – KL Sentral, BTS – Bandar Tasik Selatan, PJ – Putrajaya/Cyberjaya, ST – Salak Tinggi, KLIA – Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur

JADUAL 10.7
TARIKH SEMAKAN SEMULA TAMBANG DAN TEMPOH TAMBANG DIPERSETUJUI BERDASARKAN PERJANJIAN KONSESI

TEMPOH TAMBANG DIPERSETUJUI	TEMPOH	TARIKH TAMBANG DISEMAK SEMULA
Pertama	01.01.2004 - 31.12.2013	01.07.2003
Kedua	01.01.2009 - 31.12.2013	01.07.2008
Ketiga	01.01.2004 - 31.12.2018	01.07.2013
Keempat	01.01.2019 - 31.12.2023	01.07.2018
Kelima	01.01.2024 - 31.12.2027	01.07.2023

Sumber: ***Perjanjian Konsesi***

b. Semakan Audit mendapati pada 17 April 2002, Jemaah Menteri telah bersetuju dengan memutuskan kadar tambang ERL Ekspres adalah RM35 sehala bermula pada tahun 2002 manakala kadar *intermediate stations* dikekalkan seperti Perjanjian Konsesi. Keputusan Kerajaan ini telah dimaklumkan oleh EPU kepada ERLSB pada 17 Mei 2002. Semakan pada 12 Februari 2015 mendapati SPAD telah meluluskan kadar tambang baru pada 21 Januari 2015 seperti jadual berikut:

JADUAL 10.8
JADUAL KADAR TAMBANG PERKHIDMATAN ERL

PERKHIDMATAN KLIA TRANSIT							
STESEN		KL SENTRAL (RM)	BANDAR TASIK SELATAN (RM)	PUTRAJAYA/ CYBERJAYA (RM)	SALAK TINGGI (RM)	KLIA (RM)	klia2 (RM)
Bandar Tasik Selatan	D	6.50	-	-	-	-	-
	K	2.90	-	-	-	-	-
Putrajaya & Cyberjaya	D	14.00	8.00	-	-	-	-
	K	6.30	3.60	-	-	-	-
Salak Tinggi	D	18.30	12.40	4.70	-	-	-
	K	8.20	5.60	2.10	-	-	-
KLIA	D	55.00	38.40	9.40	4.90	-	-
	K	25.00	17.30	4.20	2.20	-	-
klia2	D	55.00	38.40	9.40	4.90	2.00	-
	K	25.00	17.30	4.20	2.20	1.00	-
PERKHIDMATAN KLIA EKSPRES							
KL Sentral – KLIA						55.00	-
KL Sentral – klia2						-	55.00

Sumber: ***Laman Web ERL***
Nota : ***(D) – Dewasa / (K) – Kanak-kanak***

c. Analisis Audit mendapati kadar kenaikan tambang berdasarkan konsesi berbanding dengan kadar semasa menunjukkan perbezaan sebanyak 34.5% hingga 53.1% seperti jadual berikut:

JADUAL 10.9
PERBEZAAN KADAR TAMBANG SEMASA DAN KADAR KONSESI

TAHUN/SEMAKAN			KADAR SEMASA	KADAR KONSESI	PERBEZAAN	
			(RM)	(RM)	(RM)	(%)
Ekspres			55.00	74.00	19.00	-
Transit	KLS	BTS	6.50	9.80	3.30	50.8
	KLS	PJ	14.00	20.60	6.60	47.1
	KLS	ST	18.30	26.90	8.60	47.0
	KLS	KLIA	55.00	74.00	19.00	34.5
	BTS	PJ	8.00	12.00	4.00	50.0
	BTS	ST	12.40	18.40	6.00	48.4
	BTS	KLIA	38.40	56.00	17.60	45.8
	PJ	ST	4.70	7.10	2.40	51.1
	PJ	KLIA	9.40	14.00	4.60	48.9
	ST	KLIA	4.90	7.50	2.60	53.1

Sumber: Laman web ERL dan Perjanjian Konsesi
Nota: KLS – KL Sentral, BTS – Bandar Tasik Selatan, PJ – Putrajaya/Cyberjaya, ST – Salak Tinggi, KLIA – Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur

Pada pendapat Audit, kadar tambang semasa yang dikenakan adalah lebih rendah dari kadar yang dipersetujui dalam Perjanjian Konsesi. Namun begitu, perkara ini akan memberi risiko beban kewangan kepada pihak Kerajaan untuk membayar pampasan kepada ERLSB.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 17 Mac 2016

Kementerian Pengangkutan Malaysia telah mengambil maklum akan perkara ini. Sehubungan itu, perkara ini telah dibincangkan dengan beberapa agensi serta pihak Kerajaan pada 5 November 2015 telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh konsesi ERL selama 30 tahun sebagai penyelesaian kepada isu tuntutan pampasan oleh ERLSB.

Selain itu, SPAD pada bulan Januari 2015 turut memberikan kebenaran untuk mengenakan tambang seperti mana yang telah ditetapkan dalam Kontrak. Sehubungan itu, Kementerian Pengangkutan Malaysia berpandangan bahawa isu berkaitan penetapan kadar tambang atau pampasan telah ditangani dan tidak lagi berbangkit.

10.5.3.3. Semakan Semula Kadar Tambang, Unjuran Dan Pampasan

a. Berdasarkan Perjanjian Konsesi, ERLSB boleh mengemukakan memorandum semakan semula kadar tambang kepada Kerajaan bagi mendapatkan kelulusan perubahan kadar tambang. Kadar tambang akan disemak semula pada Tarikh Semakan Tambang (Fare Review Date) dengan Tempoh Tambang Yang Dipersetujui (Agreed Fare Periods).

b. Semakan terhadap klausa 13.4, Perjanjian Konsesi mendapati perkara berikut, *"If, for any reason fares are reduced (other than by a decision of the*

Concession Company) or not permitted by the Minister to increase in accordance with Clause 13.1 although the Concession Company is eligible for an increase under the Scheme of Control set up in Annexure G3, then the Government shall pay to the Concession Company within ninety (90) days after the date of request for payment by the Concession Company (which date of request shall be the due date) an amount equal to the difference between the Actual Revenue and the Forecast revenue for each year in the relevant Agreed fares Period in which fares are reduced or not permitted to be increased".

c. Permohonan kenaikan tambang oleh ERLSB telah dibuat kepada Kerajaan supaya tambang dinaikkan dari RM35 kepada RM47 mengikut Perjanjian Konsesi pada 4 Ogos 2006. Selanjutnya pada 28 September 2011, ERLSB telah membuat permohonan kepada Kerajaan bagi kenaikan tambang yang kedua daripada RM47 kepada RM64. Bagaimanapun, Kerajaan tidak memberikan sebarang maklum balas terhadap kedua-dua permohonan ini. Semakan lanjut mendapati ERLSB telah mengemukakan tuntutan pampasan kepada Kerajaan kerana tidak meluluskan kadar tambang seperti Perjanjian Konsesi. Sehingga 12 Februari 2016, tuntutan pampasan yang telah dikemukakan oleh ERLSB adalah berjumlah RM2.9 bilion.

d. Semakan lanjut pada 12 Februari 2016 mendapati ERLSB telah mengemukakan cadangan penyelesaian tuntutan pampasan dengan melanjutkan tempoh konsesi bagi tempoh 30 tahun. Semakan juga mendapati Jemaah Menteri/Kerajaan telah bersetuju secara prinsip terhadap cadangan penyelesaian ini. Bagaimanapun, perkara ini masih belum dimuktamadkan di dalam Perjanjian Tambahan.

e. Semakan Audit mendapati pencapaian pendapatan sebenar hanya 11.5% hingga 13.7% bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 berbanding unjuran pendapatan yang telah dimeterai dalam perjanjian konsesi. Pencapaian ini adalah jauh lebih rendah daripada unjuran pendapatan yang dibuat. Perbandingan unjuran pendapatan dan pendapatan sebenar adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.10
PERBANDINGAN UNJURAN PENDAPATAN
DAN PENCAPAIAN SEBENAR BAGI TAHUN 2012, 2013 DAN 2014

TAHUN	UNJURAN PENDAPATAN (RM Juta)	PENCAPAIAN SEBENAR (RM Juta)	TAHAP PENCAPAIAN (%)
2012	741.10	85.50	11.5
2013	780.38	98.14	12.6
2014	905.31	124.30	13.7

Sumber : Laporan Kewangan Yang Diaudit Dan Perjanjian Konsesi

Pada pendapat Audit, unjuran pendapatan di dalam Perjanjian Konsesi adalah terlalu tinggi dan Kerajaan perlu membayar kadar perbezaan unjuran pendapatan dengan pendapatan sebenar yang akhirnya akan merugikan Kerajaan. Kadar tambang yang dinyatakan di dalam Perjanjian juga adalah tinggi dan boleh menyebabkan implikasi kewangan (pampasan) kepada Kerajaan. Adalah disyorkan supaya pihak Kerajaan mempertimbangkan semula kaedah pengiraan pampasan yang boleh menguntungkan kedua-dua pihak dan mengkaji secara mendalam sebelum sesuatu Perjanjian Konsesi Tambahan ditandatangani.

Maklum Balas UKAS Melalui Kementerian Yang Diterima Pada 17 Mac 2016

Sungguhpun formula pampasan kadar tambang yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi dilihat tidak adil kepada Kerajaan, pihak Jabatan Peguam Negara telah memberi nasihat bahawa formula yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi tersebut adalah mengikat Kerajaan. Dalam hubungan ini, pindaan formula pampasan kadar tambang hanya boleh dibuat sekiranya dipersetujui oleh kedua pihak. Isu pampasan kadar tambang ini boleh dianggap selesai kerana ERLSB telah bersetuju untuk tidak menuntut pampasan kadar tambang ini sekiranya Kerajaan bersetuju untuk melanjutkan tempoh konsesi ERLSB selama 30 tahun (2029-2059). Pada 6 November 2015, Jemaah Menteri telah bersetuju secara prinsip dengan cadangan penyelesaian ini dan meminta supaya perkara ini diambil kira dalam rundingan di peringkat JKAS. Formula pampasan kadar tambang yang dilihat tidak adil kepada Kerajaan juga akan dimansuh/dipinda atas persetujuan bersama dalam sesi rundingan tersebut. Rundingan Perjanjian Konsesi Tambahan ini dijangka dapat dimuktamadkan pada September 2016.

10.5.3.4 *Passenger Service Charge*

a. Jemaah Menteri pada 17 April 2002 telah membenarkan ERLSB mengenakan *Passenger Service Charge* (PSC) sejumlah RM1 bagi penumpang (outbound) penerbangan domestik dan RM5 bagi penumpang (outbound) penerbangan antarabangsa. Semakan terhadap maklumat PSC yang dikemukakan oleh ERLSB bagi tempoh tahun 2002 hingga bulan Jun 2015 mendapati pendapatan PSC adalah berjumlah RM583.66 juta dengan pecahan mengikut tahun seperti jadual berikut:

JADUAL 10.11
PENDAPATAN PSC ERLSB BAGI TEMPOH TAHUN 2002 HINGGA JUN 2015

TAHUN	PENDAPATAN PSC (RM)	PENINGKATAN/(PENURUNAN) BERBANDING TAHUN SEBELUM	
		(RM)	(%)
2002	9,978,865	-	-
2003	20,055,330	10,076,465	100.98
2004	25,507,014	5,451,684	27.18
2005	29,490,704	3,983,600	15.62

TAHUN	PENDAPATAN PSC (RM)	PENINGKATAN/(PENURUNAN) BERBANDING TAHUN SEBELUM	
		(RM)	(%)
2006	30,441,843	951,139	3.23
2007	34,493,777	4,051,934	13.31
2008	40,033,932	5,540,155	16.06
2009	44,921,603	4,887,671	12.21
2010	52,494,239	7,572,636	16.86
2011	58,095,870	5,601,631	10.67
2012	61,062,051	2,966,181	5.11
2013	69,964,196	8,902,145	14.58
2014	71,852,359	1,888,163	2.70
Januari - Jun 2015	35,269,566	(36,582,793)	(50.91)
JUMLAH	**583,661,349**	**-**	**-**

b. Jumlah pendapatan ERLSB menunjukkan peningkatan sejak tahun 2002 dan terus signifikan apabila operasi klia2 bermula. Bagaimanapun, ERLSB mencatatkan peningkatan dan penurunan untung/rugi bersih yang tidak menentu seperti di **Jadual 10.13**. Semakan terhadap Laporan Penyata Kewangan Yang Diaudit Bagi Tahun Kewangan Berakhir Disember 2002 hingga Jun 2014 mendapati jumlah pendapatan ERLSB adalah berjumlah RM1.70 bilion dengan pecahan seperti jadual berikut:

JADUAL 10.12
JUMLAH PENDAPATAN ERLSB
BAGI TEMPOH TAHUN KEWANGAN 2002 HINGGA 2014

TAHUN KEWANGAN	PENDAPATAN (RM)	LAIN-LAIN PENDAPATAN (RM)	JUMLAH (RM)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN) (%)
31.12.2002	35,022,321	13,840,526	48,862,847	-
31.12.2003	82,566,472	4,420,342	86,986,814	78.02
31.12.2004	106,241,270	6,472,506	112,713,776	29.58
30.06.2006	177,315,000	14,492,000	191,807,000	70.17
30.06.2007	109,962,000	10,553,000	120,515,000	(37.17)
30.06.2008	118,583,000	13,504,000	132,087,000	9.60
30.06.2009	111,092,000	11,241,000	122,333,000	(7.38)
30.06.2010	122,831,000	14,464,000	137,295,000	12.23
30.06.2011	134,425,000	27,852,000	162,277,000	18.20
30.06.2012	144,951,000	31,770,000	176,721,000	8.90
30.06.2013	162,823,000	25,276,000	188,099,000	6.44
30.06.2014	197,105,000	19,822,000	216,927,000	15.33
JUMLAH	**1,502,917,063**	**193,707,374**	**1,696,624,437**	

JADUAL 10.13
UNTUNG/(RUGI) ERLSB BAGI TEMPOH TAHUN KEWANGAN 2002 HINGGA 2014

TAHUN KEWANGAN	JUMLAH PENDAPATAN (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN SEBELUM CUKAI (RM)	CUKAI (RM)	UNTUNG/(RUGI) SELEPAS CUKAI BAGI TAHUN KEWANGAN (RM)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN) (%)
31.12.2002	48,862,847	(68,304,746)	266,278,000	246,836,101	-
31.12.2003	86,986,814	(73,930,016)	(4,722,000)	8,334,798	(96.62)
31.12.2004	112,713,776	(80,930,519)	(6,989,000)	24,794,257	197.48
30.06.2006	191,807,000	(136,594,000)	(17,606,000)	37,607,000	51.68
30.06.2007	120,515,000	(112,934,000)	18,644,000	26,225,000	(30.27)
30.06.2008	132,087,000	(102,610,000)	(26,843,000)	2,634,000	(89.96)
30.06.2009	122,333,000	(112,567,000)	(121,390,000)	(2,373,000)	(190.09)
30.06.2010	137,295,000	(134,417,000)	(13,958,000)	(11,080,000)	366.92
30.06.2011	162,277,000	(228,359,000)	11,847,000	(54,235,000)	389.49
30.06.2012	176,721,000	(237,223,000)	10,936,000	(49,566,000)	(8.61)
30.06.2013	188,099,000	(243,094,000)	11,537,000	(43,458,000)	(12.32)
30.06.2014	216,927,000	(243,430,000)	(3,168,000)	(29,671,000)	(31.72)
JUMLAH	**1,696,624,437**	**(1,774,393,281)**	**233,817,000**	**156,048,156**	

Pada pendapat Audit, jumlah pendapatan ERLSB menunjukkan peningkatan sejak tahun 2002 termasuk pendapatan dari PSC yang berjumlah RM0.58 bilion iaitu 34% daripada jumlah pendapatan keseluruhan. Namun ERLSB telah mencatatkan peningkatan dan penurunan untung/rugi bersih yang tidak menentu.

10.5.4. Pengurusan Nilai

a. Mengikut Pekeliling Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri, Bil. 3 Tahun 2009, menyatakan Pengurusan Nilai perlu dilaksanakan bagi projek yang bernilai melebihi RM50 juta bertujuan untuk mengenal pasti, menyediakan pilihan dan mengeluarkan komponen dan kos yang tidak menyumbang kepada nilai perkhidmatan, sistem dan projek tanpa menjejaskan objektif dan fungsi yang ditetapkan. Selain itu, Pengurusan Nilai adalah pendekatan pelbagai disiplin yang sistematik dan inovatif yang mengkaji keperluan sesuatu fungsi bagi mencapai nilai yang lebih baik dan kos yang optimum tanpa menjejaskan tahap prestasi projek. Proses ini melibatkan semua *stakeholder* dan pakar yang berkaitan dengan projek dengan memberi tumpuan kepada fungsi, kos dan kualiti. Bagi projek yang kompleks, Pengurusan Nilai perlu dilaksanakan di peringkat permulaan (pra reka bentuk) dan di peringkat reka bentuk konsep.

b. Semakan Audit mendapati, Makmal Pengurusan Nilai telah diadakan pada 18 hingga 21 April 2011 iaitu selepas kelulusan EC pada 14 Mac 2011 bertujuan membincangkan penjimatan kos. Kos projek yang dicadangkan oleh ERLSB pada 28 Julai 2009, telah dipersetujui oleh pihak Kementerian dan dikemukakan kepada EC tanpa melalui proses Pengurusan Nilai terlebih dahulu.

c. Semakan Audit selanjutnya mendapati kos projek yang dikemukakan ke Makmal Pengurusan Nilai pada 22 April 2011 tidak menyatakan secara spesifik kos bagi setiap item projek sebaliknya dikemukakan secara *lump sum.* Kos projek yang dibentangkan oleh ERLSB kepada Makmal Pengurusan Nilai adalah berjumlah RM129 juta bukannya RM100 juta yang diluluskan oleh EC. Makmal Pengurusan Nilai sepatutnya membincangkan penjimatan yang boleh dikurangkan dari kos yang diluluskan tetapi perkara ini berlaku sebaliknya di mana kos yang dikemukakan melebihi sejumlah RM29 juta daripada kos asal yang telah diluluskan.

Pada pendapat Audit, ketiadaan maklumat kos yang terperinci dan lengkap telah menjejaskan matlamat serta tujuan Pengurusan Nilai diadakan iaitu menghasilkan penjimatan daripada anggaran kos asal dengan mengeluarkan komponen dan kos yang tidak menyumbang kepada nilai perkhidmatan, sistem dan projek. Selain itu, semua faktor kenaikan kos yang dinyatakan perlu diambil kira dalam makmal Pengurusan Nilai yang dilaksanakan bagi membolehkan kelulusan yang diberikan oleh EC adalah berdasarkan kos projek komprehensif yang sepatutnya mengambil kira semua faktor dan kemungkinan.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 17 Mac 2016

Kos yang dibentangkan kepada EC masih tertakluk kepada semakan dan keputusan Makmal Pengurusan Nilai. Makmal Pengurusan Nilai seterusnya telah berjaya mengurangkan kos sejumlah RM12 juta daripada anggaran asal RM129 juta. Sehubungan itu, isu mengemukakan kos kepada Makmal Pengurusan Nilai sebelum dibentangkan kepada EC tidak timbul kerana kos akhir/siling untuk projek ini adalah tertakluk kepada kos Makmal Pengurusan Nilai manakala EC hanya memberikan keputusan dasar.

10.5.5. Pentadbiran Kontrak

Pentadbiran Kontrak dalam urusan bayaran Pendahuluan, Arahan Perubahan Kerja, Lanjutan Masa, Perakuan Siap Kerja, Bon Pelaksanaan serta Pembaikan Kecacatan bagi Projek ini telah mematuhi peraturan dan syarat kontrak.

10.5.6. Kemudahan Yang Disediakan

a. Kemudahan yang disediakan adalah berdasarkan *needs statement* yang dikeluarkan oleh ERLSB dan Kontraktor Utama yang berperanan melengkapkan (fitting out) stesen ERL termasuk kawasan *ticketing* dan platform. Antara kemudahan yang telah disediakan adalah seperti yang berikut:

i. menyediakan pejabat tiket yang dilengkapi dengan kaunter tiket termasuk semua peralatan berkaitan, ruang pejabat yang boleh memuatkan 2 *workstations,* kabinet, bilik *server*, bilik stor, bilik persalinan kakitangan, *pantry*, tandas dan bilik keselamatan;

ii. menyediakan papan tanda tunjuk arah dan papan maklumat yang mencukupi;

iii. bilik menunggu yang boleh memuatkan 60 orang penumpang;

iv. menyediakan kemudahan tandas dengan minimum 4 petak (cubicles) setiap satu (lelaki dan perempuan);

v. laluan Orang Kelainan Upaya (OKU) termasuk *ramp* dan *tactile tiles*;

vi. pintu akses (access gates) keluar masuk stesen secara automatik dan manual.

b. Lawatan fizikal Audit pada 7 April 2015 mendapati kemudahan yang disediakan adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 10.3

Stesen klia2
- Pejabat Tiket
(07.04.2015)

GAMBAR 10.4

Stesen klia2
- Kiosk Tiket
(07.04.2015)

GAMBAR 10.5



Stesen KLIA
- Papan Tunjuk Arah
(20.03.2015)

GAMBAR 10.6

Stesen klia2
- Access Gate Untuk Keluar Masuk Penumpang Di Platform
(07.04.2015)

GAMBAR 10.7

Stesen klia2
- Ruang Menunggu
(07.04.2015)

GAMBAR 10.8

Stesen klia2
- Laluan Tactile Tiles Di Stesen klia2 Dari AFC Gates
(07.04.2015)

Pada pendapat Audit, kemudahan telah disediakan dengan baik dan dapat digunakan.

10.5.7. Penyenggaraan ERL

a. Menurut Perjanjian Konsesi, syarikat konsesi hendaklah mengurus kos dan perbelanjaannya sendiri dan mengendalikan operasi tren dalam tempoh konsesi mengikut lesen yang diperoleh, objektif operasi, terma-terma dan syarat-syarat perjanjian konsesi dan syarat kelulusan laporan EIA. Keputusan EC menyatakan kos operasi dan penyenggaraan untuk jajaran sepanjang 2.16 km ke klia2 ditanggung oleh ERLSB.

b. Semakan Audit mendapati pengurusan operasi dan penyenggaraan kereta api telah dilaksanakan oleh anak syarikat milik penuh ERLSB yang berpusat di Depoh Salak Tinggi. Kerja-kerja penyenggaraan adalah merangkumi penyenggaraan stok kereta dan kawasan jajaran ERL dari KL Sentral hingga klia2 sejauh 59.36 km yang meliputi *preventive maintenance*, *corrective maintenance*, *condition monitoring* dan *overhaul*. Kos penyenggaraan bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 adalah berjumlah RM244.38 juta dan butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.14
PERBELANJAAN PENYENGGARAAN

TAHUN	KOS PENYENGGARAAN (RM Juta)
2012	77.83
2013	83.22
2014	83.33
JUMLAH	**244.38**

Sumber : Laporan Kewangan ERLSB Yang Diaudit

c. Lawatan fizikal pada 20 Mac 2015 dan 7 April 2015 mendapati pengurusan operasi dan penyenggaraan pihak ERLSB adalah memuaskan seperti gambar berikut:

GAMBAR 10.9

Depoh Salak Tinggi
- Depoh Penyenggaraan Rolling Stock
(20.03.2015)

GAMBAR 10.10

Depoh Salak Tinggi
- Rolling Stock Sedang Disenggara
(20.03.2015)

GAMBAR 10.11

Depoh Salak Tinggi
- Suspension Sedang Disenggara
(7.04.2015)

GAMBAR 10.12



Depoh Salak Tinggi
- Bilik Pemantauan Operasi
(7.04.2015)

10.5.8. Caj Perkhidmatan Stesen ERL Di klia2

a. Mesyuarat EC pada 14 Mac 2011 menetapkan bahawa tanah dan stesen ERL di klia2 akan disediakan oleh pihak Kerajaan tanpa dikenakan sebarang caj kepada ERLSB. MAHB selaku pemilik klia2 telah melantik syarikat usaha sama untuk menguruskan *Integrated Complex* klia2 termasuk kawasan stesen ERL yang terdiri dari kawasan platform di tingkat satu dan kawasan *concourse/ticketing office* di tingkat 2. Pada 23 Januari 2013, MAHB memaklumkan pihaknya telah menyediakan *platform* bernilai RM40 juta dan pada peringkat awal kadar sewa yang ditetapkan adalah RM7.50/kaki per segi (kps) sebulan telah dikurangkan kepada RM3/kps. Kadar tersebut termasuk kos pencucian kawasan, penyenggaraan lif, penghawa dingin, *escalator* dan lain-lain dikenakan kerana lokasi stesen ERL terletak di kawasan komersil utama. MAHB juga memohon pertimbangan Kementerian untuk mengenakan kadar sekurang-kurangnya RM3/kps kepada ERLSB.

b. Semakan Audit mendapati pihak syarikat usaha sama tersebut telah menukar kadar sewa kepada caj perkhidmatan sejumlah RM3/kps tidak termasuk kawasan platform di klia2. Pihak Audit juga mendapati tiada sebarang perjanjian dimeterai di antara ERLSB dan syarikat usaha sama tersebut bagi penggunaan kawasan *concourse/ticketing office* berkaitan. Semakan terhadap Penyata Tunggakan Caj Perkhidmatan yang dikemukakan oleh syarikat usaha sama

tersebut kepada ERLSB pada 30 Januari 2015 mendapati jumlah tunggakan terkumpul termasuk denda lewat bagi tempoh bulan Mei 2014 hingga Januari 2015 adalah berjumlah RM350,284.

c. Semakan dokumen di Bahagian Pembangunan, Kementerian mendapati KSU berpandangan perkara ini tidak perlu diangkat ke EC dan syarikat usaha sama tersebut tidak wajar mengenakan sebarang caj. Selain itu, ERLSB memaklumkan bahawa semasa perjumpaan antara ERLSB dan Kementerian pada 27 November 2014, pihak Kementerian bercadang untuk membincangkan perkara tersebut dengan semua pihak yang terlibat. Bagaimanapun, sehingga bulan Januari 2016 perkara ini masih belum dimuktamadkan.

d. ERLSB berpendapat stesen sepatutnya disediakan secara percuma kepada ERLSB dan kawasan *concourse/ticketing office* adalah merupakan kawasan berbayar yang merupakan sebahagian dari *railway corridor.* Bagaimanapun, MAHB pula berpandangan walaupun bayaran sewaan tidak dikenakan, ERLSB sewajarnya membayar caj perkhidmatan sebagaimana kaunter tiket ERL di Bangunan Terminal Utama, KLIA yang dikenakan sewaan. Selain itu, *ticketing office* ERL di klia2 terletak di kawasan komersil utama.

e. Susulan Audit pada 16 Januari 2016 di Bahagian Udara, Kementerian mendapati mesyuarat yang dijadualkan pada bulan Disember 2015 masih belum diadakan. Pihak Audit dimaklumkan mesyuarat berkenaan akan diadakan pada bulan Mac 2016.

Pada pendapat Audit, pihak Kementerian sewajarnya mengambil tindakan penyelesaian muktamad terhadap isu ini dan mendapatkan persetujuan bersama semua pihak bagi memastikan kepentingan Kerajaan sentiasa terpelihara.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 17 Mac 2016

Satu mesyuarat bagi membincangkan perkara ini telah diadakan pada 17 April 2015. Namun tiada sebarang keputusan yang diperoleh. Justeru, satu mesyuarat susulan yang akan dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian akan diadakan pada 31 Mac 2016 untuk memuktamadkan isu tersebut.

10.5.9. Pemantauan

a. Pemantauan pelaksanaan Projek Sambungan ERL melibatkan ERLSB sebagai pelaksana dan Kementerian sebagai Pegawai Penguasa. Bagi memastikan projek berjalan dengan lancar, ERLSB perlu memantau pelaksanaan projek dari semasa ke semasa. ERLSB bertanggungjawab dalam memastikan projek

dilaksanakan dengan cekap; kontraktor melaksanakan kerja dengan teliti dan kemahiran yang sewajarnya, kerja disiapkan mengikut jadual dan mematuhi peraturan pihak berkuasa.

b. Semakan Audit mendapati mesyuarat penyelarasan ada membincangkan status kemajuan projek dan telah diadakan sebanyak 10 kali dari tahun 2011 hingga 2013. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Kementerian dan telah dihadiri oleh MAHB, ERLSB dan SPAD. Manakala mesyuarat pelaksanaan projek yang dipengerusikan oleh pihak ERLSB telah diadakan sebanyak 35 kali dari bulan Mei 2011 hingga bulan September 2013 bertujuan untuk membincangkan kemajuan projek serta isu berbangkit. Selain itu, pemantauan juga telah dibuat oleh ERLSB dengan mengemukakan laporan kemajuan bulanan kepada Kementerian merangkumi status kemajuan kerja, status kelulusan pihak berkuasa dan masalah berbangkit.

Pada pendapat Audit, pemantauan bagi pelaksanaan projek klia2 telah diselia dan dipantau dengan memuaskan.

10.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan segala kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek yang lain, adalah disyorkan supaya pihak Kementerian mengambil tindakan terhadap perkara yang berikut:

10.6.1. rundingan harga hendaklah dilaksanakan bagi memastikan Kerajaan memperoleh harga yang munasabah dan mendapat *best value for money*;

10.6.2. memastikan Perjanjian Konsesi Tambahan dimuktamadkan dengan kadar segera supaya kepentingan kedua pihak terpelihara disamping memastikan formula pengiraan pampasan yang dibuat, menguntungkan kedua-dua pihak dan tidak merugikan Kerajaan;

10.6.3. memastikan komponen kos yang dikemukakan kepada Makmal Pengurusan Nilai adalah kos yang telah diluluskan oleh EC serta lebih komprehensif dan terperinci; dan

10.6.4. pihak Kementerian sewajarnya mengambil tindakan penyelesaian muktamad terhadap isu caj perkhidmatan dan mendapatkan persetujuan bagi memastikan kepentingan semua pihak terpelihara.

KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR / KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

11. JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN
- PROJEK PEMBETUNGAN DI BAWAH KOMPONEN PEMBERSIHAN SUNGAI PROGRAM "RIVER OF LIFE"

11.1. LATAR BELAKANG

11.1.1. Kerajaan Malaysia telah melancarkan Program Transformasi Ekonomi (Economic Transformation Program [ETP]) pada 25 September 2010. ETP merupakan sebuah rancangan ekonomi yang fokus, komprehensif serta suatu inisiatif yang berdaya maju untuk mengubah Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Pencapaian ETP disasarkan melalui pelaksanaan 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (National Key Economic Area [NKEA]). Program Sungai Nadi Kehidupan (River of Life [ROL]) merupakan satu daripada 9 Projek Permulaan (Entry Point Project [EPP]) di bawah NKEA *Greater Kuala Lumpur / Klang Valley* (GKL / KV).

11.1.2. Program ROL ini telah dilaksanakan sejak tahun 2011 dengan matlamat untuk mengubah kawasan-kawasan tertentu di Kuala Lumpur yang menghadap ke Sungai Klang menjadi pusat komersial dan warisan yang memberi nilai ekonomi yang tinggi kepada negara. Liputan program ROL merangkumi kawasan di bawah bidang kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) seperti **Gambarajah 11.1**. Program ROL ini melibatkan 3 fasa projek dengan peruntukan berjumlah RM4 bilion seperti dalam **Jadual 11.1**.

GAMBARAJAH 11.1
PETA LIPUTAN KAWASAN PROGRAM ROL



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

JADUAL 11.1
KOMPONEN PELAKSANAAN PROGRAM ROL

KOMPONEN	RINGKASAN PROJEK	PERUNTUKAN	
		(RM Bilion)	(%)
Pembersihan Sungai (Cleaning Phase)	• Membersihkan dan meningkatkan kualiti air sepanjang 110 km lembangan Sungai Klang daripada Kelas III-V (tidak sesuai untuk kegunaan rekreasi / bahaya untuk sentuhan badan) kepada Kelas IIB (sesuai untuk kegunaan rekreasi / tidak bahaya untuk sentuhan badan) dengan merujuk kepada Piawaian Interim Kualiti Air Kebangsaan Malaysia, Versi Kedua, Tahun 2004 (Interim National Water Quality Standard, Second Version, January 2004 [INWQS]). • Mengatasi masalah sampah sarap di sungai. • Mewujudkan persekitaran yang kondusif ke arah kesejahteraan hidup rakyat menjelang tahun 2020. • Menyediakan pelindungan tebatan banjir yang mencukupi ke kawasan projek sebagai sokongan untuk mencapai status *Greater Kuala Lumpur City*. • Liputan kawasan bagi fasa ini melibatkan Sungai Klang dan Sungai Gombak serta 6 anak sungai seperti **Gambarajah 11.2**.	3.00	75
Pengindahan Sungai (Beautification Phase)	• Pengindahan sepanjang 10.7 km koridor Sungai Klang dan Sungai Gombak meliputi 11 presint bermula daripada Kg. Puah hingga Brickfields. • Antara kawasan yang terlibat adalah Dataran Merdeka, Bangunan Sultan Abdul Samad dan Masjid Jamek.	1.00	25
Kemajuan Tanah (Land Development)	Pembangunan kawasan bersebelahan koridor sungai-sungai yang terlibat untuk merangsang pelaburan dan pembangunan ekonomi.	Pulangan (recoup)	
JUMLAH		**4.00**	**100**

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

GAMBARAJAH 11.2
LIPUTAN KAWASAN KOMPONEN PEMBERSIHAN SUNGAI



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

11.1.3. Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) telah mengenal pasti projek-projek pembetungan untuk dilaksanakan di bawah Komponen Pembersihan Sungai Program ROL. Inisiatif ini diterajui oleh JPP sebagai Agensi Pelaksana membabitkan 9 buah projek seperti **Jadual 11.2**. Objektif projek pembetungan ini adalah untuk:

a. memenuhi keperluan pembuangan kumbahan terawat daripada Loji Rawatan Kumbahan (LRK) mematuhi Standard A, Kategori 1 dengan merujuk kepada Jadual Kedua (Peraturan 7), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009;

b. meningkatkan nisbah liputan kawasan perkhidmatan pembetungan; dan

c. menyelesaikan isu-isu berkaitan operasi dan prestasi sistem pembetungan termasuk LRK bagi mencapai standard terkini Jabatan Alam Sekitar.

JADUAL 11.2
PROJEK PEMBETUNGAN DI BAWAH KOMPONEN PEMBERSIHAN SUNGAI PROGRAM ROL

NO. PROJEK	TAJUK PROJEK	KAEDAH PEROLEHAN	PERUNTUKAN (RM Juta)	NILAI KONTRAK (RM Juta)	STATUS KEMAJUAN FIZIKAL SETAKAT JULAI 2015 (%)
ROL 1	Kerja-Kerja Rasionalisasi 17 Buah Loji Rawatan Kumbahan di Setapak, Keramat & Wangsa Melawati.	Konvensional	95.88	85.37	75
ROL 2	Kerja-Kerja CCTV Dan Pemulihan Rangkaian Paip Pembetungan Awam Sedia Ada Di Kuala Lumpur, Selayang dan Ampang.	Konvensional	145.40	134.73	88
ROL 3	Kerja-kerja Menaiktaraf 16 Buah Loji Rawatan Kumbahan Awam Di Selayang, Selangor.	Reka Dan Bina	61.94	50.83	96.75
ROL 4	Loji Rawatan Kumbahan Serantau Dan Rangkaian Paip Pembetungan Di Batu, Jinjang Kepong, Kuala Lumpur.	Konvensional (LRK) Reka Dan Bina (Paip Pembetungan)	800.00	690.47	11.43
ROL 5	Kerja-kerja Rasionalisasi Dan Menaiktaraf Loji Rawatan Kumbahan Sedia Ada Di Bukit Antarabangsa.	Konvensional	50.00	44.68	91
ROL 6	Loji Rawatan Kumbahan Serantau Dan Rangkaian Paip Pembetungan Di Bunus, Kuala Lumpur.	Konvensional (LRK) Reka Dan Bina (Paip Pembetungan)	900.00	Dalam peringkat tender	8.73
ROL 7	Kerja-kerja Rasionalisasi 19 Buah Loji Rawatan Kumbahan Awam Di Selayang, Selangor.	Reka Dan Bina	149.06	118.50	36
ROL 8	Kajian Terhadap Loji Rawatan Kumbahan Awam Dan Persendirian Yang Terbengkalai Di Kuala Lumpur, Selayang Dan Ampang.	Tender Terhad	1.00	0.85	100
ROL 9	Projek Penyambungan Premis Di Seputeh, Ampang Hilir Dan Titiwangsa, Kuala Lumpur.	Reka Dan Bina	30.00	Dalam proses penyediaan dokumen tender	4
JUMLAH			**2,233.30**		

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Julai 2015

11.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada projek pembetungan di bawah Komponen Pembersihan Sungai Program ROL telah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

11.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek pembetungan di bawah Komponen Pembersihan Sungai program ROL sejak projek dimulakan pada 2012 hingga 15 November 2015. Pengauditan telah dijalankan di Ibu Pejabat JPP dan tapak-tapak projek yang dipilih. Bagi tujuan penilaian prestasi dan keberkesanan projek pembetungan, 3 projek telah dipilih iaitu ROL 1, ROL 3 dan ROL 5 dengan kos kontrak bernilai RM180.88 juta. Pemilihan dibuat berdasarkan kemajuan penyiapan projek yang telah mencapai kemajuan sebenar kerja fizikal melebihi 60%. Senarai projek yang diaudit dan dilawati adalah seperti **Jadual 11.3** berikut:

JADUAL 11.3
SENARAI PROJEK YANG DIAUDIT

TAJUK PROJEK	PAKEJ PROJEK	MAKLUMAT KONTRAK
ROL 1 – Projek Rasionalisasi 17 LRK di Setapak, Keramat dan Wangsa Melawati	**Pakej 1 : Zon B1, B2 & B4 (Taman Melati Dan Setapak)** Skop kerja rasionalisasi melibatkan penutupan kekal 7 LRK dan penukaran 1 LRK kepada stesen pam di kawasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.	• Tempoh : 10.01.2012 - 09.12.2014 • Nilai Kontrak : RM36.37 juta.
	Pakej 2 : Zon B3 (Keramat, Wangsa Melawati Dan Setapak) Skop kerja rasionalisasi melibatkan penutupan kekal 7 LRK dan penukaran 2 LRK kepada stesen pam di kawasan Majlis Bandaraya Ampang Jaya.	• Tempoh : 02.05.2013 - 01.11.2015 • Nilai Kontrak : RM49 juta
ROL 3 – Projek Kerja-Kerja Menaiktaraf 16 Loji Rawatan Kumbahan Awam di Selayang, Selangor	**Pakej B19 :** Kerja-Kerja Menaiktaraf 4 Loji Rawatan Kumbahan Di Negeri Selangor.	• Tempoh : 16.01.2012 - 15.07.2014 (30 bulan) • Nilai Kontrak : RM22.90 juta.
	Pakej B20 : Kerja-Kerja Menaiktaraf 5 Unit Loji Rawatan Kumbahan Sediada di Kuala Lumpur & Negeri Selangor.	• Tempoh : 06.05.2013 - 05.11.2015 (30 bulan) • Nilai Kontrak : RM6.37 juta.
	Pakej B21 : Kerja-Kerja Menaiktaraf 4 Loji Rawatan Kumbahan di Negeri Selangor.	• Tempoh : 30.07.2012 - 29.01.2015 (30 bulan) • Nilai Kontrak : RM8.13 juta.
	Pakej B22 : Kerja-Kerja Menaiktaraf 2 Loji Rawatan Kumbahan di Negeri Selangor.	• Tempoh : 30.07.2012 - 29.01.2015 (30 bulan) • Nilai Kontrak : RM13.42 juta.
ROL 5 – Projek Kerja-Kerja Rasionalisasi dan Menaiktaraf Loji Rawatan Kumbahan Sedia ada di Bukit Antarabangsa	TB	• Tempoh : 27.05.2013 - 26.05.2015 • Nilai Kontrak : RM44.68 juta.

Sumber: ***Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Julai 2015***
Nota: ***TB - Tidak Berkenaan***

11.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak dan menganalisis rekod, dokumen dan fail berkaitan di peringkat JPP dan pejabat tapak projek serta melaksanakan pengujian fizikal di lokasi LRK yang sedang dan telah siap dibina. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai JPP, perunding dan kontraktor yang berkaitan turut diadakan. Di samping itu, lawatan fizikal bersama pegawai JPP, perunding, kontraktor dan operator [Indah Water Konsortium (IWK)] juga telah dijalankan di lokasi projek. *Exit Conference* yang dipengerusikan oleh Ketua Audit Negara telah dijalankan pada 17 Mac 2016 bersama Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) dan JPP. Selain itu, wakil dari Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Alam Sekitar, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Peguam Negara turut hadir.

11.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan di Ibu Pejabat JPP dari bulan Ogos 2015 hingga 15 November 2015 mendapati pada umumnya pengurusan projek pembetungan dari segi teknikal adalah memuaskan dari aspek reka bentuk, penyediaan pelan, lukisan dan spesifikasi, kajian *Hazard and Operability* (HAZOP) dan penyediaan pasukan serta program pengurusan projek yang mematuhi kriteria yang ditetapkan. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan yang menjejaskan kecekapan dan keberkesanan projek seperti yang berikut:

i. kelewatan untuk memindah milik tanah kepada Pihak Berkuasa Negeri dan merizabkan tanah untuk tujuan pembetungan bagi LRK yang dinaiktaraf;

ii. isu *Time-at-Large* berikutan kelewatan JPP mengeluarkan perakuan selepas tamat kontrak;

iii. ketiadaan mekanisme pengesahan kualiti efluen yang jelas di dalam kontrak menyebabkan tiada jaminan untuk pematuhan kualiti efluen selepas tempoh pengujian dan pentauliahan;

iv. LRK yang dinaiktaraf tidak mematuhi piawaian kualiti efluen walaupun selepas kerja-kerja fizikal disiapkan dan kerja diperakukan siap; dan

v. Fasiliti Rawatan Sementara semasa kerja-kerja menaik taraf gagal mematuhi kualiti efluen yang ditetapkan.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta maklum balas KeTTHA adalah seperti perenggan berikut:

11.5.1. Prestasi Projek

11.5.1.1. Pencapaian Fizikal Projek

Mengikut laporan kemajuan kerja bulanan JPP, pihak Audit mendapati projek pembetungan ROL 1, ROL 3 dan ROL 5 telah dirancang untuk dilaksanakan bagi tempoh Januari 2012 hingga November 2015. Pencapaian keseluruhan peratusan kemajuan kerja sebenar projek-projek pembetungan ini berbanding yang ditetapkan setakat 15 November 2015 seperti **Jadual 11.4**.

JADUAL 11.4
PERATUSAN KESELURUHAN KEMAJUAN PROJEK PEMBETUNGAN ROL 1, ROL 3 DAN ROL 5 DI BAWAH KOMPONEN PEMBERSIHAN SUNGAI PROGRAM ROL SEHINGGA 15 NOVEMBER 2015

NO. PROJEK	TAJUK PROJEK	PAKEJ KERJA	TARIKH SIAP ASAL	LANJUTAN MASA		KEMAJUAN KERJA (%)		PERBEZAAN (%)	SEBAB KELEWATAN
				EOT 1	EOT 2	JADUAL	SEBENAR		
ROL 1	Rasionalisasi 17 LRK di Setapak, Keramat Dan Wangsa Melawati.	1	09.12.2014	23.12.2015	TB	97.85	84.23	-13.62	Kelewatan bagi kelulusan permit kerja DBKL di atas pertukaran daripada *open excavation* kepada *pipe jacking*.
		2	01.11.2015	TM	TB	99	77	-22	TM
ROL 3	Kerja-kerja Menaiktaraf 16 Buah Loji Rawatan Kumbahan Awam di Selayang, Selangor.	B19	15.07.2014	TB	TB	100	100	0	TB
		B20	05.11.2015	TM	TB	99	96.5	-2.5	TM
		B21	29.01.2015	TB	TB	100	100	0	TB
		B22	29.01.2015	TB	TB	100	100	0	TB
ROL 5	Kerja-Kerja Rasionalisasi Dan Menaiktaraf LRK Sedia ada di Bukit Antarabangsa.	TB	26.05.2015	05.10.2015	Dalam tindakan	99	96	-3	Permohonan Lanjutan Masa No. 2 masih dalam tindakan.

Sumber: ***Jabatan Perkhidmatan Pembetungan***
Nota: ***TM - Tiada Maklumat*** ***TB - Tidak Berkenaan***

a. ROL 1

Mengikut rekod JPP, pencapaian kemajuan kerja sebenar ROL 1 lewat daripada jadual yang ditetapkan. Pakej 1 lewat 13.62% manakala Pakej 2 lewat sebanyak 22%. Bagi Pakej 1, Perakuan Lanjutan Masa (EOT 1) selama 379 hari telah diluluskan sehingga 23 Disember 2015.

b. ROL 3

Mengikut rekod JPP, 3 daripada 4 pakej kerja iaitu Pakej B19, Pakej B21 dan Pakej B22 telah siap sepenuhnya dalam tempoh yang ditetapkan manakala Pakej B20 masih dalam pembinaan dengan kelewatan pencapaian kemajuan kerja sebanyak 2.5%.

Bagaimanapun, semakan Audit mendapati hanya 2 pakej kerja iaitu Pakej B19 dan Pakej B22 telah siap sepenuhnya dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 30 bulan berdasarkan Perakuan Siap Kerja yang telah dikeluarkan. Bagi Pakej B21, JPP telah mengeluarkan Perakuan Pendudukan Separa bagi 2 daripada 4 LRK iaitu GBK144 dan GBK189, manakala Perakuan Kerja Tidak Siap telah dikeluarkan untuk GBK103 dan GBK109.

c. ROL 5

Mengikut rekod JPP, peratusan kemajuan kerja sebenar bagi ROL 5 telah mencapai 96% iaitu lewat 3% dengan mengambil kira Perakuan Lanjutan Masa No. 1 yang telah diluluskan sebanyak 132 hari iaitu sehingga 5 Oktober 2015.

Pada pendapat Audit, pencapaian fizikal projek adalah memuaskan berdasarkan penyiapan kerja di dalam tempoh kontrak dan permohonan lanjutan masa yang munasabah.

Maklum Balas KeTTHA Yang Diterima pada 15 Januari 2016

Sijil Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa No. 1 untuk Pakej 2 telah dikeluarkan pada 24 November 2015 atas sebab-sebab kelewatan memiliki kebenaran memasuki LRK disebabkan isu yang dibangkitkan oleh IWK berkenaan pembinaan sludge drying bed selama 346 hari (sehingga 12 Oktober 2016).

11.5.1.2. Pencapaian Kewangan Projek

Mengikut waran peruntukan, JPP telah menerima RM287.46 juta bagi projek-projek pembetungan untuk dilaksanakan di bawah program ROL. Setakat 15 November 2015, jumlah perbelanjaan keseluruhan bagi ROL 1, ROL 3 dan ROL 5 adalah RM142 juta dengan peratusan perbelanjaan bagi setiap projek di antara 63% hingga 98%. Sehingga 15 November 2015, jumlah perbelanjaan RM142 juta tidak melebihi peruntukan yang diterima iaitu RM287.46 juta. Butiran pecahan perbelanjaan bagi setiap pakej kerja adalah seperti **Jadual 11.5**.

JADUAL 11.5
PRESTASI PERBELANJAAN MENGIKUT KEMAJUAN KERJA BAGI PAKEJ KERJA PROJEK SEHINGGA 15 NOVEMBER 2015

NO. PROJEK	TAJUK PROJEK	PAKEJ KERJA	KEMAJUAN KERJA SEBENAR (%)	PERBELANJAAN SEBENAR (%)
ROL 1	Rasionalisasi 17 LRK di Setapak, Keramat & Wangsa Melawati.	1	81.75	77.19
		2	72	63.15
ROL 3	Kerja-kerja Menaiktaraf 16 Buah Loji Rawatan Kumbahan Awam di Selayang, Selangor.	B19	100	86.9
		B20	87	83.42
		B21	100	95.47
		B22	100	97.61

NO. PROJEK	TAJUK PROJEK	PAKEJ KERJA	KEMAJUAN KERJA SEBENAR (%)	PERBELANJAAN SEBENAR (%)
ROL 5	Kerja-Kerja Rasionalisasi dan Menaiktaraf LRK Sedia ada di Bukit Antarabangsa.	TB	92.00	85.05

Pada pendapat Audit, secara umumnya pencapaian kewangan projek yang diaudit adalah memuaskan kerana prestasi perbelanjaan selari dengan pencapaian fizikal projek.

11.5.1.3. Pencapaian (Outcome) Projek

i. Fasa Pembersihan Sungai di bawah Program ROL telah mensasarkan kualiti air sungai kepada Kelas IIB berdasarkan Piawaian Interim Kualiti Air Kebangsaan Malaysia, Versi Kedua, Tahun 2004 (*Interim National Water Quality Standard, Second Version, January 2004* - [INWQS]) menjelang tahun 2020. Bagaimanapun, objektif projek pembetungan menetapkan pelepasan kualiti efluen mematuhi Standard A, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (*Enviromental Quality Act, 1974* – [EQA]). Butiran perbandingan di antara kualiti air sungai Kelas IIB dan kualiti efluen Standard A adalah seperti **Jadual 11.6** berikut:

JADUAL 11.6
PERBANDINGAN KUALITI AIR SUNGAI KELAS IIB INWQS DAN KUALITI EFLUEN STANDARD A EQA

PARAMETER	UNIT	KUALITI AIR SUNGAI KELAS IIB INWQS	KUALITI EFLUEN STANDARD A EQA
Temperature	°C	-	40
pH	-	6 - 9	6 - 9
Biochemical Oxygen Demand (BOD)	mg/L	3	20
Chemical Oxygen Demand (COD)	mg/L	25	120
Total Suspended Solids (TSS)	mg/L	50	50
Ammoniacal Nitrogen (AMN)	mg/L	0.3	10

ii. Semakan Audit mendapati projek pembetungan boleh mencapai objektif projek yang ditetapkan iaitu mematuhi pelepasan kualiti efluen Standard A, EQA. Namun, parameter kualiti pelepasan efluen Standard A seperti *Biochemical Oxygen Demand* (BOD), *Chemical Oxygen Demand* (COD) dan *Ammoniacal Nitrogen* (AMN) adalah bersamaan dengan tahap kualiti air Kelas V, INWQS iaitu lebih rendah daripada kualiti yang ditetapkan dalam Program ROL iaitu Kelas IIB. Oleh itu, objektif Program ROL berkaitan kualiti air sungai sukar untuk dicapai kerana perbezaan antara kualiti efluen yang dilepaskan oleh LRK dan kualiti air sungai yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, berdasarkan sampel Audit pencapaian (outcome) projek dari segi Kualiti Air Sungai adalah masih tidak memuaskan kerana kualiti efluen yang dilepaskan oleh LRK ke dalam sungai lebih rendah daripada kualiti air sungai Kelas IIB yang ditetapkan untuk Program ROL.

Maklum Balas KeTTHA Yang Diterima Pada 4 April 2016

KeTTHA berpandangan piawaian yang digunakan bagi mengukur kualiti air sungai dan kualiti pelepasan efluen loji rawatan kumbahan (LRK) adalah berbeza. Kualiti efluen LRK tidak setinggi kualiti air sungai kerana efluen LRK merupakan sebahagian daripada sumber air ke dalam sungai. Dengan adanya faktor pencairan dalam sungai, maka akan jadi pembaziran dari segi kewangan sekiranya kualiti efluen dirawat sehingga ke tahap kualiti air sungai.

Kualiti pelepasan efluen dari LRK pada masa kini adalah berdasarkan standard piawai yang telah ditetapkan di bawah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Bagaimanapun, kedua-dua LRK iaitu LRK Bunus dan LRK Jinjang-Kepong yang merupakan punca efluen utama ke dalam RoL (dalam pembinaan) telah direka bentuk untuk mencapai piawaian Modified A. Piawaian ini lebih tinggi daripada piawaian yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dengan tujuan untuk menyokong objektif keseluruhan RoL untuk mencapai kualiti air sungai kelas IIB dengan mengambil kira faktor pencairan dalam sungai (dillution factor).

Penetapan standard pelepasan efluen LRK yang lebih tinggi adalah berdasarkan kepada kajian bertajuk Water Quality Improvement Hydrological Assessment for the Klang River yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) pada 11 Mei 2011 hingga 10 Mei 2012.

KeTTHA juga ingin menegaskan bahawa pencemaran daripada kumbahan adalah berjumlah kira-kira 30 – 40 peratus manakala selebihnya datang daripada sumber-sumber lain (Non-Point Source) seperti bengkel haram, pasar basah, sisa industri dan pembuangan sampah ke dalam sungai yang mana ianya adalah di luar bidang kuasa KeTTHA.

Bagi tujuan penambahbaikan, KeTTHA juga telah bekerjasama dengan agensi-agensi lain seperti Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), JPS, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi melaksanakan aktiviti pemantauan kualiti secara bulanan, program komunikasi dengan komuniti, tindakan penguatkuasaan dan Public Outreach Program.

11.5.2. Status Tanah

i. Keputusan mesyuarat ke-55 Majlis Tanah Negara bertarikh 26 Oktober 1999 menetapkan semua tanah untuk tujuan pembetungan perlu dirizabkan di bawah Seksyen 62, Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 di mana Pesuruhjaya Tanah (PTP) sebagai Pegawai Pengawal dan Ketua Pengarah Pembetungan sebagai

Pegawai Penyelenggara. Bagi tanah berstatus Tanah Milik Persendirian (*Alienated Land*), pemilik tanah dikehendaki memindahmilik / menyerahbalik tanah kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk dirizabkan di bawah Seksyen 62, Kanun Tanah Negara (KTN) 1965.

ii. Semakan Audit ke atas 15 LRK yang dinaiktaraf mendapati 2 tanah di bawah status Tanah Kerajaan Negeri (State Land) masih belum dirizabkan mengikut Seksyen 62, KTN dan 2 tanah berstatus Tanah Milik Persendirian masih belum dipindahmilik / diserahbalik kepada Pihak Berkuasa Negeri seperti **Jadual 11.7**.

JADUAL 11.7
STATUS HAK MILIK TANAH LOJI RAWATAN KUMBAHAN YANG DINAIKTARAF YANG BELUM DIPINDAH MILIK KEPADA PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN

NO. ASET*	NAMA LRK	STATUS HAK MILIK TANAH
GBK106	Taman Cemerlang	Kerajaan Negeri Selangor
GBK143	Taman Gombak Ria	Kerajaan Negeri Selangor
GBK165	Taman Bukit Permata	Milik Persendirian
GBK112	Taman Seri Gombak	Milik Persendirian

Nota : (*) - Nombor Aset Yang Diberikan Oleh Indah Water Konsortium (IWK) Untuk LRK Awam Yang Diambil Alih

Pada pendapat Audit, tindakan perizaban dan pindah milik tanah untuk tujuan pembetungan oleh pihak JPP adalah tidak memuaskan. Kelewatan pewartaan tanah untuk tujuan pembetungan mempunyai implikasi perundangan yang boleh menjejaskan kepentingan Kerajaan.

Maklum Balas KeTTHA Yang Diterima Pada 4 April 2016

Proses perizaban tanah-tanah pembetungan mengambil masa yang lama dan di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri. Hasil daripada perbincangan dengan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) Persekutuan, pihak JKPTG akan menyelaraskan permohonan perizaban tanah-tanah pembetungan bersama Pihak-pihak Berkuasa Negeri bagi mempercepatkan proses perizaban tanah-tanah pembetungan sehingga pewartaan tanah untuk tujuan perkhidmatan pembetungan disempurnakan.

Bagi tujuan penambah baikkan, Pihak Kementerian akan:-

i. menubuhkan satu pasukan kerja dengan kerjasama jabatan-jabatan terlibat bagi semua tanah-tanah di bawah KeTTHA untuk menyelaras proses-proses berkaitan permohonan tanah sama ada bagi tujuan pemberimilikan atau perizaban;

ii. Bagi tanah-tanah persendirian, KeTTHA telah mengambil inisiatif dengan mengadakan perbincangan bersama pemilik-pemilik tanah persendirian untuk menyerah semula tanah-tanah pembetungan kepada kerajaan untuk proses perizaban; dan

iii. Dalam hal ini peruntukan undang-undang yang berkaitan akan diteliti bagi maksud tersebut.

11.5.3. Pentadbiran Kontrak

Semakan Audit terhadap 7 kontrak projek pembetungan mendapati penggunaan dokumen standard kontrak, tempoh pengeluaran surat setuju terima tender, bon pelaksanaan dan insurans adalah teratur dan memuaskan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan-kelemahan pentadbiran kontrak seperti yang berikut:

a. Kerja Di Luar Tempoh Kontrak (Time at-Large)

Syarat kontrak memperuntukkan apabila kontrak telah tamat tempoh, pihak JPP perlu mengeluarkan sama ada Perakuan Kerja Tidak Siap (Certificate of Non-Completion [CNC]) beserta Kadar Gantirugi Tertentu (Liquidated and Ascertained Damages [LAD]), Perakuan Siap Kerja (Certificate of Practical Completion [CPC]), Perakuan Pendudukan Separa (Certificate of Partial Occupation [CPO]) atau Perakuan Lanjutan Masa (Extension of Time [EOT]).

Semakan Audit mendapati 5 kontrak yang telah tamat tempoh, tetapi tiada sebarang perakuan dikeluarkan menyebabkan berlaku kerja di luar tempoh kontrak (Time at-Large). Butiran kontrak-kontrak tersebut adalah seperti **Jadual 11.8**.

JADUAL 11.8
SENARAI KONTRAK TIDAK SAH (TIME AT-LARGE)

PAKEJ PROJEK	TARIKH TAMAT KONTRAK	TARIKH PERAKUAN			TEMPOH *TIME AT-LARGE* SEHINGGA 15 NOVEMBER 2015 (Hari)	CATATAN
		CPC	CPO	CNC		
ROL 1 (Pakej 2)	01.11.2015	TM	TM	TM	14	• Kemajuan kerja 72%. • Sehingga selesai pengauditan, tiada perakuan yang menunjukkan sama ada kontrak dilanjutkan atau ditamatkan.
ROL 3 (Pakej B20)	05.11.2015	TM	TM	TM	10	• Kemajuan kerja 87%. • Sehingga selesai pengauditan, tiada perakuan yang menunjukkan sama ada kontrak dilanjutkan atau ditamatkan.
ROL 3 (Pakej B21)	29.01.2015	TB	29.06.2015	29.06.2015	151	• JPP telah mengeluarkan sijil-sijil perakuan pada 29.06.2015 iaitu: - 2 CPO untuk GBK144 dan GBK189. Namun, JPP telah memperakukan kerja telah siap pada 29.01.2015 dan telah mengambil milik dan menduduki LRK tersebut pada 30.01.2015. - 2 CNC untuk GBK103 dan GBK019.
ROL 3 (Pakej B22 – GBK112)	29.01.2015	04.03.2015	TB	TB	34	• Kontrak telah tamat pada 29.01.2015 dan tiada sebarang perakuan dikeluarkan. • Perakuan Siap Kerja hanya dikeluarkan pada 04.03.2015.

PAKEJ PROJEK	TARIKH TAMAT KONTRAK	TARIKH PERAKUAN			TEMPOH *TIME AT-LARGE* SEHINGGA 15 NOVEMBER 2015 (Hari)	CATATAN
		CPC	CPO	CNC		
ROL 5	05.10.2015	TM	TM	TM	40	• Perakuan Lanjutan Masa No.1 telah tamat pada 05.10.2015. • Lanjutan Masa No. 2 telah dikemukakan oleh kontraktor pada Ogos 2015. Namun, sehingga pengauditan selesai, Lanjutan Masa No. 2 belum diluluskan. • Sebab permohonan adalah untuk pengalihan paip pembetungan dan runtuhan dinding dalaman di tangki proses rawatan.

Nota: ***TM - Tiada Maklumat*** ***TB - Tidak Berkenaan***
- ***GBK112 Adalah Nombor Aset Yang Diberikan Oleh Indah Water Konsortium (IWK) Untuk LRK Awam Yang Diambil Alih***

Semakan Audit mendapati 5 kontrak adalah tidak sah antara 10 hingga 151 hari. Antara sebab yang menyumbang kepada *time at-large* adalah lewat meluluskan EOT dan CPC/CPO. **Sekiranya CPC tidak boleh dikeluarkan semasa kontrak tamat, JPP sepatutnya mengeluarkan CNC supaya kontraktor dikenakan LAD untuk tempoh tersebut.**

Bagi CNC yang telah dikeluarkan bagi ROL 3 (Pakej B21), LAD yang dinilai sehingga tarikh semakan Audit sehingga 15 November 2015 adalah sebanyak 290 hari dengan jumlah terkumpul berjumlah RM263,697 (RM909.30/hari).

Kerajaan tidak boleh mengambil tindakan berdasarkan kontrak kerana kontrak telah tamat. Kerajaan juga tidak boleh mengenakan LAD kerana CNC tidak dikeluarkan. Kelewatan mengeluarkan CNC akan menyebabkan LAD lewat dikenakan dan ini akan menyebabkan kerugian kepada Kerajaan.

Maklum Balas KeTTHA Yang Diterima Pada 15 Januari 2016

Bagi ROL 1 Pakej 2, Sijil Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa No. 1 untuk Pakej 2 telah dikeluarkan pada 24 November 2015 selama 346 hari (sehingga 12 Oktober 2016).

Bagi ROL 3 Pakej B20, Sijil Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa No. 1 telah dikeluarkan pada 15 Disember 2015 selama 95 hari (sehingga 10 Februari 2016).

Bagi ROL 5, Sijil Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa No. 2 telah dikeluarkan pada 23 November 2015 selama 185 hari (sehingga 7 April 2016).

Maklum Balas KeTTHA Yang Diterima Pada 4 April 2016

KeTTHA mengambil maklum akan kerja di luar tempoh kontrak (time at-large). Walau bagaimanapun, ingin dijelaskan bahawa kelewatan ini berlaku atas sebab-sebab berikut:

(i) Kontraktor gagal mengemukakan dokumen yang lengkap dan tepat bagi pertimbangan kelulusan EOT di peringkat Jabatan; dan

(ii) Kontraktor lewat mengemukakan permohonan EOT kepada Jabatan dan menyebabkan mesyuarat terpaksa diadakan di luar tempoh kontrak

Pihak Jabatan akan mengukuhkan proses kerja dalaman bagi memastikan isu kerja di luar tempoh kontrak tidak berulang lagi dan surat peringatan akan dikeluarkan kepada Kontraktor 3 bulan sebelum tamat kontrak bagi tujuan permohonan dan pertimbangan EOT.

Pada pendapat Audit, pentadbiran kontrak yang kurang cekap sehingga menyebabkan berlaku kerja di luar tempoh kontrak boleh menyebabkan implikasi perundangan yang boleh menjejaskan kepentingan Kerajaan.

b. Kualiti Efluen Tidak Mematuhi Piawaian

i. Mengikut Klausa 44, syarat kontrak menetapkan kerja-kerja pembetungan dianggap siap sekiranya Kerajaan boleh menggunakan fasiliti pembetungan tersebut mengikut keperluan yang ditetapkan. Salah satu keperluan kontrak adalah pematuhan kualiti efluen seperti yang berikut:

Contract Document Section 1.0 Government's Requirements item 11.0 (xiv) - STPs must be designed to produce an effluent quality that conforms to Category 1 Effluent Standard A or any other special requirements under the provision of the Environmental Quality Act (EQA). The requirement to comply with absolute standards, where no failures are permitted by law, means plants must be designed to produce average effluent qualities well below those permitted by the Standard figures.

ii. Kerja-kerja tersebut perlu melepasi keperluan pengujian dan pentauliahan seperti yang dinyatakan dalam dokumen kontrak termasuk mendapatkan kelulusan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Agensi Perakuan dan Pihak Berkuasa Tempatan (Klausa 37 syarat kontrak) serta diberikan kepada Kerajaan dalam keadaan yang layak untuk diduduki.

iii. Semakan Audit mendapati keperluan kontrak adalah tidak jelas dalam memenuhi kehendak Kerajaan berkaitan pematuhan efluen. Tiada mekanisme ditetapkan untuk mengukur dan menentukan pencapaian kualiti efluen di peringkat pengujian dan pentauliahan sebagai pengesahan pematuhan sebelum sebarang perakuan dikeluarkan dan penyerahan LRK.

iv. Semakan Audit terhadap Pakej B21 ROL 3 mendapati CPO bagi GBK144 dan GBK189 dan CNC bagi GBK103 dan GBK019 lewat dikeluarkan iaitu pada 29 Jun 2015 walaupun kontrak telah tamat pada 29 Januari 2015 dan tiada EOT dikeluarkan. Punca utama kelewatan perakuan ini adalah

disebabkan oleh kegagalan LRK yang dinaiktaraf mematuhi kualiti efluen selepas kerja-kerja fizikal LRK disiapkan. CNC telah dikeluarkan ke atas GBK103 dan GBK019 akibat daripada kualiti efluen yang masih terus gagal bagi LRK ini untuk mematuhi piawaian. Sekiranya CNC berlanjutan, maka baki bayaran projek dikhuatiri tidak boleh menampung nilai LAD. Tambahan pula, kontrak ini merupakan kontrak Reka dan Bina dan perlu mendapat Design Guarantee daripada kontraktor.

v. Semakan Audit selanjutnya mendapati walaupun CPO telah dikeluarkan untuk GBK144 dan GBK189, namun GBK144 masih belum diserahkan dan GBK189 lewat diserahkan disebabkan kualiti efluen tidak mematuhi piawaian. CPO ini telah dikeluarkan pada 29 Jun 2015, namun JPP telah memperakukan kerja telah siap pada 29 Januari 2015 dan telah mengambil milik dan menduduki LRK tersebut pada 30 Januari 2015. Perincian perakuan adalah seperti **Jadual 11.9**.

JADUAL 11.9
STATUS PERAKUAN DAN PENYERAHAN KEPADA OPERATOR BAGI LOJI RAWATAN KUMBAHAN YANG DINAIKTARAF

PAKEJ KERJA	NO. ASET LRK*	TAMAT KONTRAK ASAL	TARIKH SURAT PERAKUAN			PENYERAHAN KEPADA OPERATOR		
			CPO	CPC	CNC	TARIKH	STATUS	SEBAB BELUM / LEWAT SERAH
Pakej B21	GBK144 (Taman Greenwood Indah)	29.01.2015	29.06.2015	TB	TB	TB	Lewat dan belum serah	JPP memperakukan kerja telah siap pada 29.01.2015. Efluen tidak mematuhi standard. Kelulusan SPAN belum diperolehi sepenuhnya.
	GBK189 (Sunway Batu Caves Modul 1)	29.01.2015	29.06.2015	TB	TB	07.05.2015	Lewat	JPP memperakukan kerja telah siap pada 29.01.2015. Efluen tidak mematuhi standard.
	GBK103 (Taman Industri Bolton)	29.01.2015	TB	TB	29.06.2015	TB	Belum serah	Efluen tidak mematuhi standard. Kelulusan SPAN belum diperolehi sepenuhnya.
	GBK019 (Taman Sri Gombak 1)	29.01.2015	TB	TB	29.06.2015	TB	Belum serah	Efluen tidak mematuhi standard. Kelulusan SPAN belum diperolehi sepenuhnya.

Nota: (*) - Nombor Aset Yang Diberikan Oleh Indah Water Konsortium (IWK) Untuk LRK Awam Yang Diambil Alih

vi. Ketiadaan mekanisme yang jelas untuk menentukan pencapaian kualiti efluen menyebabkan pengesahan pematuhan kualiti efluen tidak dapat dijalankan dengan berkesan. Ini bermakna Kerajaan tidak boleh mendapat manfaat dari 3 LRK yang masih belum diserahkan walaupun bayaran kemajuan telah mencapai 95%.

Pada pendapat Audit Ketiadaan mekanisme pengesahan kualiti efluen yang jelas di dalam kontrak menyebabkan tiada jaminan untuk pematuhan kualiti efluen LRK terhadap piawaian yang ditetapkan selepas tempoh pengujian dan pentauliahan.

Maklum Balas KeTTHA Yang Diterima Pada 4 April 2016

Ingin dijelaskan bahawa anggaran masa 3 - 6 bulan perlu diperuntukkan untuk memastikan proses rawatan stabil (bacteria seeding & treatment process fine tuning) dan seterusnya mampu menghasilkan efluen yang mencapai piawaian yang telah ditetapkan di bawah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Jabatan akan meningkatkan tempoh endurance test dan persampelan influen dan efluen dari 7 hari kepada 30 hingga 60 hari mengikut kapasiti loji yang dinaiktaraf/dibina dan menggunakan kaedah persampelan efluen yang diseragamkan.

Selain itu, pihak Jabatan juga akan memastikan tempoh masa yang diperlukan untuk bacteria seeding dan treatment process fine tuning bagi menstabilkan proses rawatan kumbahan dimasukkan dalam terma dan syarat kontrak.

c. Tempoh Tanggungan Kecacatan

i. Mengikut syarat kontrak Klausa 44, Tempoh Tanggungan Kecacatan [*Defects Liability Period* (DLP)] bermula pada tarikh CPC / CPO dikeluarkan.

Semakan Audit mendapati bagi ROL 3 (Pakej B21), CPO untuk GBK144 dan GBK189 hanya dikeluarkan pada 29 Jun 2015 tetapi DLP telah bermula lebih awal (backdated) pada 29 Januari 2015. Ini menyebabkan DLP dipendekkan 5 bulan dan ini akan merugikan Kerajaan sekiranya pembaikan kecacatan tidak dapat disiapkan dalam tempoh tersebut.

ii. Mengikut syarat kontrak Klausa 47, tempoh DLP ialah 24 bulan daripada tarikh CPC / CPO dikeluarkan. Di antara tanggungjawab kontraktor di dalam tempoh DLP bagi LRK yang telah dinaiktaraf seperti syarat kontrak Klausa 14, *Government's Requirements* ialah kontraktor perlu menjalankan pensampelan dan pengujian untuk pengesahan prestasi sistem berdasarkan jaminan prestasi yang telah diberikan. Sampel air kumbahan mentah (influen) dan efluen perlu diambil dan diuji mengikut ketetapan berikut selepas CPC / CPO dikeluarkan:

a. satu kali seminggu untuk tempoh 8 minggu pertama;
b. seterusnya, satu kali setiap 2 minggu untuk 18 minggu berikutnya; dan
c. diikuti dengan satu kali sebulan untuk 26 minggu seterusnya.

iii. Semakan Audit terhadap rekod keputusan pensampelan efluen bagi LRK yang telah siap dinaiktaraf dan memperoleh CPC / CPO di bawah ROL 3 mendapati pensampelan dan pengujian influen dan efluen oleh kontraktor dalam tempoh DLP ini **tidak dilaksanakan mengikut ketetapan kontrak**. Pelaksanaan tanggungjawab penyenggaraan oleh kontraktor dalam tempoh DLP yang lemah berlaku kerana LRK telah diserahkan kepada operator selepas CPC / CPO dikeluarkan. Keadaan ini akan menyebabkan kerugian kepada Kerajaan kerana tiada pengesahan terhadap keseluruhan kualiti dan prestasi LRK yang telah dinaiktaraf seperti yang telah diberikan jaminan oleh kontraktor.

Pada pendapat Audit, ketiadaan pemantauan yang rapi dalam tempoh DLP menyebabkan Kerajaan tidak ada jaminan tentang kualiti dan prestasi LRK yang diserah.

Maklum Balas KeTTHA Yang Diterima Pada 4 April2016

Kementerian mengambil maklum akan penemuan audit. Untuk makluman, tiada bayaran akan dibuat oleh Jabatan bagi kerja-kerja yang tidak dilaksanakan oleh Kontraktor dalam tempoh DLP. Pada masa yang sama, LRK yang telah disempurnakan proses penyerahan kepada IWK selaku operator LRK ini juga akan melaksanakan ujian persampelan bagi memastikan LRK dalam keadaan yang baik.

Bagi kontraktor yang gagal memenuhi kehendak kontrak, surat peringatan bagi pakej B21 & B22 telah dikemukakan kepada kontraktor yang terbabit. Bagi projek-projek yang sedang berjalan dan akan bermula, pihak Jabatan akan mengadakan mesyuarat pemantauan sepanjang tempoh tanggungan kecacatan secara berkala (4 kali setahun) berkuat kuasa serta-merta dan memastikan kontraktor mengemukakan laporan pemantauan kecacatan secara bulanan kepada Kerajaan.

Jabatan juga mengeluarkan surat peringatan / amaran kepada kontraktor secara berterusan sehingga kerja-kerja tertangguh dilaksanakan. Untuk kontraktor yang mengingkari arahan dan enggan/gagal melaksanakan kerja-kerja persampelan dan pengujian sepanjang tempoh 52 minggu pertama dalam DLP, Jabatan tidak akan mempertimbangkan permohonan pelepasan bon pelaksanaan (5% dari nilai kontrak) oleh kontraktor dari tarikh CPC sehingga tempoh kerja-keja persampelan tamat sebagaimana dalam kontrak. Pihak Jabatan akan menggunakan Wang Jaminan Pelaksanaan / Bon Pelaksanaan (5% dari nilai kontrak) untuk menyiapkan kerja-kerja persampelan berbaki. Selain itu, Jabatan juga dalam proses melaporkan ketidakpatuhan kontraktor kepada CIDB untuk tindakan selanjutnya.

d. Pengendalian, Penyenggaraan Dan Kualiti Efluen Fasiliti Rawatan Sementara Sebelum Projek Disiapkan

a. Syarat kontrak Klausa 7 *Government's Requirements*, menetapkan kontraktor perlu mendapatkan Lesen Pelanggaran [*License to Contravene* (LTC)] daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) sebelum pembinaan Fasiliti Rawatan Sementara [*Temporary Treatment Facilities* (TTF)] dan kerja-kerja menaiktaraf dimulakan. Semakan Audit mendapati tiada permohonan LTC dibuat oleh kontraktor untuk semua projek pembetungan di bawah ROL 3 seperti yang ditetapkan di dalam kontrak. Keperluan permohonan LTC ini didapati tidak dikuatkuasakan oleh pihak JPP malahan sejak di awal peringkat bermulanya kontrak. Ketidakpatuhan kepada keperluan kontrak ini menyebabkan pencemaran yang tidak terkawal akibat daripada kegagalan efluen dan boleh mengakibatkan kompoun dikenakan kepada pemilik atau operator LRK.

b. Mengikut Klausa 50 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006, kontraktor perlu mempunyai permit untuk menjalankan perkhidmatan penyenggaraan sistem pembetungan iaitu termasuk loji rawatan kumbahan. Semakan Audit mendapati kontraktor bagi ROL 3 dan ROL 5 tidak mempunyai permit untuk menjalankan kerja-kerja penyenggaraan sistem pembetungan seperti yang telah ditetapkan oleh keperluan perundangan tersebut.

c. Mengikut Klausa 6 Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009, pengendalian sistem pengolahan kumbahan hendaklah diawasi oleh orang yang berwibawa. Semakan Audit mendapati pengendalian TTF bagi ROL 3 dan ROL 5 tidak diawasi oleh orang yang berwibawa seperti yang telah ditetapkan oleh JAS dalam keperluan perundangan tersebut.

d. Mengikut syarat kontrak Klausa 7 *Government's Requirements*, pelepasan efluen daripada TTF perlu mencapai *absolute standard* seperti yang telah ditetapkan oleh JAS iaitu tiada kegagalan dalam mana-mana parameter. Kualiti efluen yang perlu dipatuhi oleh TTF bagi ROL 3 dan ROL 5 seperti berikut (perinciannya di **Jadual 11.10**):

i. ROL 3 (kecuali GBK 215 di bawah Pakej B20) – Standard B, Kategori 3 dengan merujuk kepada item (ii), Jadual Kedua, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009.

ii. ROL 3 (GBK 215) – Standard B, Kategori 2 dengan merujuk kepada item (iii), Jadual Kedua, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009.

iii. ROL 5 – Standard A, Kategori 2 dengan merujuk kepada item (iii), Jadual Kedua (Peraturan 7), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009.

JADUAL 11.10
KUALITI EFLUEN BAGI *TEMPORARY TREATMENT FACILITIES*

PARAMETER	HAD PELEPASAN (MG/L)		
	STANDARD A, KATEGORI 2	STANDARD B, KATEGORI 2	STANDARD B, KATEGORI 3
Biochemical Oxygen Demand (BOD_5) pada 20□C	20	50	60
Chemical Oxygen Demand (COD)	120	200	240
Pepejal Terampai / Suspended Solids (SS)	50	100	120
Minyak dan Gris / Oil And Grease (O&G)	20	20	20
Nitrogen Ammonia / Ammoniacal Nitrogen (AMN)	20	50	60

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Pembetungan
Terminologi:
a) Kategori 2 merujuk kepada sistem rawatan kumbahan yang diluluskan selepas Guidelines for Developers: Sewage Treatment Plants Vol. IV, 2nd Edition (Januari 1999) sehingga penguatkuatkuasaan Peraturan baru (Disember 2009)
b) Kategori 3 merujuk kepada sistem rawatan kumbahan yang diluluskan sebelum Guidelines for Developers: Sewage Treatment Plants Vol. IV, 2nd Edition (Januari 1999)

e. Semakan Audit terhadap keputusan pemantauan kualiti efluen oleh kontraktor bagi projek ROL 3 mendapati 7 daripada 14 TTF iaitu di GBK143, GBK215, GBK112, GBK103, GBK019, GBK144 dan GBK189 tidak mencapai piawaian yang telah ditetapkan. TTF yang disediakan di AMA175 bagi projek ROL 5 juga menunjukkan prestasi pematuhan yang sama dan turut disahkan melalui pensampelan yang dijalankan oleh pihak JAS. Perincian parameter yang gagal mematuhi standard yang ditetapkan adalah seperti **Jadual 11.11**.

JADUAL 11.11
PARAMETER KUALITI EFLUEN *TEMPORARY TREATMENT FACILITIES*
YANG GAGAL MEMATUHI PIAWAIAN

NO. PROJEK	PAKEJ KERJA	NO. ASET*	NAMA LRK	PARAMETER KUALITI EFLUEN YANG GAGAL
ROL 3	B20	GBK143	Taman Gombak Ria	SS
		GBK215	Taman Mutiara Gombak	BOD, SS, O&G
	B21	GBK103	Taman Industri Bolton	BOD, COD, O&G
		GBK019	Taman Sri Gombak 1	BOD
		GBK144	Taman Greenwood Indah	BOD, COD, SS, O&G
		GBK189	Sunway Batu Caves (Modul 1)	BOD, COD, SS, O&G
	B22	GBK112	Taman Sri Gombak Fasa 3, 4 & 5	BOD
ROL 5	-	AMA175	Bukit Antarabangsa	BOD, COD, SS, AMN, O&G

Nota: (*) - Nombor Aset Yang Diberikan Oleh Indah Water Konsortium (IWK) Untuk LRK Awam Yang Diambil Alih

f. Lawatan Audit pada Oktober 2015 juga mendapati TTF di LRK Bukit Antarabangsa (AMA175) di bawah ROL 5 tidak dikendali dan disenggara dengan baik menyebabkan keadaan LRK yang kotor dan berbau busuk. Gambar berikut (**Gambar 11.3** hingga **Gambar 11.6**) menunjukkan keadaan TTF di tapak.

GAMBAR 11.3

TTF LRK Bukit Antarabangsa (AMA175)
- Keadaan Tangki SBR Yang Berbuih Dan Warna Air Kumbahan Menunjukkan Proses Rawatan Tidak Berfungsi Dengan Baik
(15.09.2015)

GAMBAR 11.4

TTF LRK Bukit Antarabangsa (AMA175)
- Hanya Satu Tangki Rawatan Berfungsi Dan Pengaliran Efluen Dijalankan Secara Berterusan Iaitu Tidak Mematuhi Konsep Rawatan Secara Batch
(15.09.2015)

GAMBAR 11.5

TTF LRK Bukit Antarabangsa (AMA175)
- Keadaan Effluen Di Disinfection Chamber Yang Keruh
(15.09.2015)

GAMBAR 11.6

TTF LRK Bukit Antarabangsa (AMA175)
- Efluen Di Titik Pelepasan Akhir Efluen Untuk Pensampelan Dipenuhi Buih
(15.09.2015)

g. Semakan selanjutnya mendapati tiada tindakan diambil oleh JPP terhadap kontraktor sama ada di dalam bentuk surat amaran, mengenakan denda atau keperluan mendapatkan LTC di atas kegagalan mencapai pematuhan efluen seperti yang telah ditetapkan.

Pada pendapat Audit, keperluan perundangan berkaitan permit dan orang yang berwibawa bagi tujuan pengendalian dan penyenggaraan sistem pembetungan perlu dinyatakan secara spesifik di dalam kontrak. Pihak JPP perlu memantau prestasi kontraktor berkaitan pengendalian dan penyenggaraan TTF bagi mengelakkan sebarang kacau ganggu kepada penduduk sekitar dan pencemaran kepada alam sekitar. Keperluan bagi mendapatkan LTC perlu dipatuhi sepenuhnya oleh kontraktor bagi mengelakkan risiko denda atau pun kompaun daripada JAS dan kerugian kepada Kerajaan ke atas nilai LTC yang telah termasuk di dalam nilai keseluruhan kontrak.

Maklum Balas KeTTHA Yang Diterima pada 4 April 2016

Pada pandangan Kementerian, keperluan bagi mendapatkan License to Contravene (LTC) perlu dipatuhi sepenuhnya oleh pihak kontraktor. Walau bagaimanapun, permohonan LTC tidak boleh dibuat sewenang-wenangnya dan boleh menggalakkan pihak-pihak berkaitan memohon LTC tanpa mengambil kira keperluan untuk menjaga alam sekitar. Permohonan LTC juga perlu disokong dengan bukti kerja-kerja penyelidikan dan penambahbaikan sedang dibuat untuk mengatasi pelanggaran kualiti efluen oleh LRK; dan

Untuk projek yang sedang berjalan dan akan datang, Jabatan akan memastikan TTF berfungsi dengan baik dan sekiranya LTC perlu dimohon akan semua keperluan yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar dipatuhi; dan

Jabatan juga akan memaklumkan kepada JAS setiap bulan bagi semua projek yang melibatkan kerja-kerja TTF untuk memastikan denda ke atas ketidakpatuhan efluen (LTC) berkuat kuasa sepanjang tempoh pelanggaran.

e. Latihan Kepada Operator

Tujuan utama kerja-kerja menaik taraf LRK adalah untuk meningkatkan standard pelepasan efluen bagi mematuhi keperluan terkini JAS. Memandangkan kawasan LRK yang dinaiktaraf adalah tetap dan terhad, reka bentuk LRK dibuat secara *design-to-suit* atau *retrofit* kepada keadaan loji sedia ada. Susun atur LRK yang dibina tidak mewakili susun atur optimum sesuatu loji dan ada sebahagiannya ditukarkan kepada sistem baru yang pemakaiannya hanya sesuai ke atas LRK yang dinaiktaraf. Sehubungan itu, latihan kepada operator adalah penting. Semakan Audit mendapati latihan kepada operator tidak meliputi keperluan pengendalian dan penyenggaraan LRK secara menyeluruh.

Pada pendapat Audit, latihan kepada operator yang dijalankan adalah tidak mencukupi untuk melatih operator bagi menjalankan pengendalian dan penyenggaraan LRK secara efektif dengan mengikut kehendak reka bentuk yang telah ditetapkan.

Maklum Balas KeTTHA Yang Diterima pada 21 Mac 2016

Latihan kepada pihak Operator (IWK) akan dijalankan oleh pihak kontraktor sebelum penyerahan loji dibuat dan latihan dari masa ke semasa kepada pihak IWK ketika tempoh DLP berlangsung.

11.6. SYOR AUDIT

Berdasarkan kelemahan yang dibangkitkan, pihak-pihak yang terlibat adalah disyorkan supaya mengambil tindakan terhadap perkara yang berikut:

11.6.1. JPP perlu memastikan kualiti efluen bagi semua LRK di kawasan tadahan ROL tidak menjejaskan pencapaian objektif program ROL berkaitan kualiti air;

11.6.2. JPP perlu mengenal pasti tanah rizab pembetungan yang masih belum diserah milik kepada PTP dan proses penukaran nama perlu disegerakan;

11.6.3. syarat kontrak dari aspek pematuhan efluen perlu dimasukkan dengan jelas sebagai salah satu syarat kontrak di peringkat pengujian dan pentauliahan; dan

11.6.4. JPP perlu memantau dan mengambil tindakan sewajarnya ke atas kerja-kerja penyenggaraan oleh Kontraktor di dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi memastikan semua parameter reka bentuk LRK disahkan.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

12. PENGURUSAN AKTIVITI RAWATAN ORTOPEDIK

12.1. LATAR BELAKANG

12.1.1. Bidang ortopedik adalah berkaitan sistem muskuloskeletal yang meliputi pembedahan tulang belakang, sendi, ligamen, tendon dan saraf. Antara aktiviti rawatan ortopedik meliputi rawatan pembedahan seperti patah tulang, amputasi, *diabetic foot*, kecederaan tulang belakang dan pertukaran sendi. Perkhidmatan ortopedik terdapat di semua 136 hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) manakala 22 hospital menyediakan perkhidmatan ortopedik dengan sub-kepakaran seperti *Paediatric; Spine; Joint Arthroplasty; Oncology; Advanced Trauma; Upper Limb And Hand; Foot And Ankle* dan *Sport Medicine*. Objektif aktiviti rawatan ortopedik adalah untuk menawarkan perkhidmatan yang komprehensif, berkesan, moden dan kos efektif serta meningkatkan piawaian kualiti terhadap pesakit yang memerlukan.

12.1.2. Jabatan Ortopedik di hospital KKM mendapat bekalan peralatan untuk aktiviti rawatan ortopedik melalui tiga kaedah perolehan iaitu melalui *Approved Product Purchase List* (APPL), tender dan pembelian terus. Bagi perolehan APPL, Kerajaan telah melantik syarikat konsesi Pharmaniaga Logistics Sdn. Bhd. (PLSB) untuk mengagihkan bekalan alat implan dan prostesis di hospital bagi tempoh 1 Disember 2009 hingga 30 November 2019. PLSB memperoleh bekalan alat implan dan prostesis tersebut daripada pembekal Skim Anak Angkat yang dipilih iaitu OSA Technology Sdn. Bhd. (OSA). Pembekal OSA merupakan pengeluar tunggal bekalan alat implan dan prostesis bertaraf Bumiputera. Di peringkat hospital, Jabatan Ortopedik melaksanakan perolehan secara pembelian terus bagi alat implan, prostesis dan komponen *External Fixator* (EF) yang tidak dapat dibekalkan oleh PLSB.

12.1.3. Mengikut Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 19/2008, kos bekalan alat implan dan prostesis perlu dibayar oleh semua pesakit kecuali pesakit ortopedik Kelas Ketiga yang dimasukkan ke hospital, kakitangan dan pesara Kerajaan, orang kurang upaya/cacat yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Orang Asli serta pelajar sekolah Kerajaan. Bagi pesakit yang tidak memenuhi kriteria pemberian bekalan alat implan dan prostesis percuma tetapi tidak berkemampuan, mereka boleh memohon bantuan kewangan daripada Tabung Bantuan Perubatan (TBP). Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, Jabatan Ortopedik di semua hospital telah menerima peruntukan berjumlah RM923.68 juta dan telah membelanjakan sejumlah RM962.82 juta (104.2%).

12.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan aktiviti rawatan ortopedik adalah teratur, cekap dan mencapai objektif yang ditetapkan.

12.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan, pemantauan serta penilaian terhadap pengurusan aktiviti rawatan ortopedik di hospital yang mempunyai sub-kepakaran bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015. Di peringkat KKM, pengauditan melibatkan Bahagian Perkembangan Perubatan (BPP), Bahagian Sumber Manusia (BSM), Bahagian Pengurusan Latihan (BPL) dan Bahagian Perolehan Dan Penswastaan (BP&P). Sebanyak 5 hospital yang memiliki sub-kepakaran telah dilawati iaitu Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), Kuantan; Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang; Hospital Sungai Buloh (HSB); Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB), Ipoh dan Hospital Sultanah Bahiyah (HSBYH), Alor Setar.

12.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod termasuk baucar bayaran, dokumen berkaitan kontrak konsesi APPL dan perolehan di luar APPL serta menganalisis maklumat di peringkat ibu pejabat KKM. Selain itu, pengauditan dijalankan menerusi kaedah seperti temu bual dan perbincangan dengan pegawai terlibat di hospital serta mengedarkan borang soal selidik kepada pesakit yang menerima rawatan dan kakitangan Jabatan Ortopedik. Di samping itu, lawatan fizikal juga dilaksanakan di premis perniagaan PLSB. *Exit Conference* bersama Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia dan pegawai-pegawai kanan Kementerian termasuk Ketua Perkhidmatan Ortopedik Kebangsaan, Pengarah Hospital dan Ketua Jabatan Ortopedik di hospital yang terlibat serta Ketua Unit Audit Dalam KKM telah diadakan pada 8 Januari 2016. Mesyuarat turut dihadiri oleh wakil-wakil dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

12.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan di KKM serta 5 hospital [Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), Kuantan; Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang; Hospital Sungai Buloh (HSB); Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB), Ipoh dan Hospital Sultanah Bahiyah (HSBYH), Alor Setar pada bulan Mei hingga Ogos 2015 mendapati prestasi perbelanjaan Jabatan Ortopedik di 5 hospital yang dilawati adalah baik kerana semua peruntukan telah dibelanjakan sepenuhnya. Bagaimanapun, secara keseluruhannya pengurusan aktiviti rawatan ortopedik di hospital dilawati adalah kurang memuaskan dan antara kelemahan yang perlu diberi perhatian oleh KKM adalah seperti yang berikut:

i. hospital yang dilawati kekurangan kakitangan Pakar Ortopedik dan Jururawat antara 7% hingga 67% kerana jawatan kosong tidak diisi dan fasiliti yang tidak mencukupi seperti peralatan perubatan;

ii. bayaran deposit komponen EF tidak dapat ditentukan sama ada dilaksanakan sebelum pesakit discaj dari hospital;

iii. sebanyak 876 komponen EF bernilai RM241,116 tidak disahkan kuantitinya;

iv. sebanyak 91 permohonan kos peralatan bernilai RM1.69 juta di mana setiap permohonan yang melebihi RM10,000 telah diluluskan tanpa pengesahan Jawatankuasa Implan Dan Prostesis; dan

v. sebanyak 2,010 stok bekalan implan bernilai RM328,440 di HTAA dan HSBYH yang tidak digunakan masih lagi disimpan di Stor Unit Dewan Bedah Ortopedik.

Penjelasan lanjut berhubung perkara yang ditemui dan maklum balas Kementerian adalah seperti perenggan berikut:

12.5.1. Prestasi Pengurusan Aktiviti Rawatan Ortopedik

12.5.1.1. Prestasi Kewangan

Mengikut Arahan Perbendaharaan (AP) 54, Pegawai Pengawal dikehendaki mengawal perbelanjaan sesuatu program dan aktiviti atau projek yang diperuntukkan di bawah kawalannya supaya tidak terlebih dibelanjakan. Adalah didapati semua hospital yang dilawati telah dapat mengawal perbelanjaan aktiviti rawatan ortopedik dengan baik di mana semua peruntukan telah dibelanjakan sepenuhnya seperti jadual berikut:

JADUAL 12.1
PRESTASI PERBELANJAAN BAGI AKTIVITI RAWATAN ORTOPEDIK

HOSPITAL	2013			2014			2015		
	PERUNTUKAN (RM Juta)	BELANJA		PERUNTUKAN (RM Juta)	BELANJA		PERUNTUKAN (RM Juta)	BELANJA	
		(RM Juta)	(%)		(RM Juta)	(%)		(RM Juta)	(%)
Tengku Ampuan Afzan	1.17	1.17	100	1.11	1.11	100	1.44	1.43	99.9
Tengku Ampuan Rahimah	1.18	1.18	100	2.27	2.25	99.1	1.83	1.82	99.3
Sungai Buloh	0.85	0.82	96.3	1.75	1.73	98.6	0.98	0.97	98.8
Raja Permaisuri Bainun	1.53	1.53	100	2.89	2.89	100	2.23	2.23	100
Sultanah Bahiyah	1.98	1.98	100	1.66	1.65	99.7	2.58	2.57	99.7

Sumber : Bahagian Akaun Hospital Dilawati

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan bagi aktiviti rawatan ortopedik di hospital yang dilawati secara keseluruhannya adalah baik kerana peruntukan telah dibelanjakan sepenuhnya.

12.5.1.2. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Untuk Menilai Kecekapan Pengurusan Aktiviti Rawatan Ortopedik

Mengikut Garis Panduan Pengukuhan Pelaksanaan Petunjuk Prestasi Utama (GPPPPPU), 3 KPI untuk menilai kecekapan pengurusan aktiviti rawatan ortopedik bagi semua sub-kepakaran (kecuali *Sport Medicine* mempunyai KPI yang berasingan) iaitu *percentage of non-urgent cases that were given an appointment for first consultation within ≤ 4 weeks at Ortho Clinic – Standard ≥ 90; percentage of patients with waiting time of ≤ 7 working day for fixation of long bone closed fracture (s) as decided by attending doctor – Standard ≥ 75 dan percentage of patients with waiting time ≤ 90 minutes to see the doctor at specialist clinic – Standard ≥ 90.*

Bagi sub-kepakaran *Sport Medicine*, terdapat 2 KPI digunakan untuk menilai kecekapan pengurusan aktiviti sub-kepakaran iaitu *percentage of new cases that were given appointment for first consultation within ≤ 4 weeks at sports medicine clinic - standard ≥ 70* dan *percentage of patients with waiting time of ≤ 90 minutes to see the doctor at sports medicine clinic - standard ≥ 70.*

Semakan Audit mendapati semua hospital yang dilawati telah mencapai KPI yang ditetapkan kecuali HTAR dan HSB. Antara faktor KPI berkenaan tidak dapat dicapai adalah seperti kekurangan Pegawai Perubatan menyebabkan pesakit menunggu lama melebihi 90 minit untuk mendapatkan rawatan dan berlaku perubahan ketara terhadap polisi aktiviti ortopedik di HTAR. Manakala di HSB pula mengalami masalah kekurangan komputer dan bilik konsultasi menyebabkan pesakit terpaksa menunggu lama untuk mendapatkan perkhidmatan konsultasi iaitu melebihi 90 minit. Selain itu, pertambahan bilangan pesakit yang mendadak turut mengakibatkan mereka terpaksa menunggu lebih tujuh hari bekerja untuk menjalani pembedahan tulang yang patah.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 31 Disember 2015 Dan 21 Mac 2016

Peratus pesakit menunggu tidak melebihi masa 90 minit telah dapat dicapai melebihi 90% memandangkan berlaku pertambahan bilangan Pegawai Perubatan di Jabatan Ortopedik, HTAR dan pengisian jawatan di setiap Jabatan diisi berdasarkan beban kerja yang ditetapkan. Manakala di HSB pula, kes baru telah ditetapkan hanya pada hari Rabu sahaja. Keadaan ini menyebabkan slot temu janji pesakit baru terhad dan seterusnya KPI "Pesakit Baru Untuk Mendapatkan Rawatan Konsultasi Kali Pertama Dalam Tempoh 4 Minggu" tidak dapat dicapai pada tahun 2013. Di samping itu, pertambahan pesakit dalaman yang mengalami kepatahan tulang dan perlu menjalani pembedahan bertambah dengan mendadak pada tahun 2014. Ini kerana kes semi-emergency seperti kepatahan tulang terpaksa dimasukkan ke dalam senarai kes elektif seperti Total Knee

Replacement, pembedahan Spina dan pembedahan Arthroscopy. Keadaan ini menyebabkan pesakit terpaksa menunggu lebih lama untuk menjalani pembedahan yang ditetapkan.

12.5.1.3. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Untuk Menilai Keberkesanan Dan Keselamatan Pengurusan Aktiviti Rawatan Ortopedik

Mengikut GPPPPPU bagi aktiviti rawatan ortopedik, 3 KPI digunakan untuk menilai keberkesanan dan keselamatan pengurusan aktiviti rawatan ortopedik bagi semua sub-kepakaran (kecuali *Sport Medicine* mempunyai KPI yang berasingan) di hospital bagi tempoh Januari 2013 hingga Julai 2015 iaitu *percentage of unplanned return to the operating room/theatre within ≤24 hours of surgery – standard <1%; percentage of surgical site infection in clean elective orthopaedic surgery – standard <3%* dan *percentage of unacceptable internal fixation of fracture requiring revision – standard <3%*.

Manakala bagi sub-kepakaran *Sport Medicine*, terdapat 7 KPI untuk menilai keberkesanan dan keselamatan pengurusan aktiviti sub-kepakaran berkenaan mulai Julai 2014 iaitu *percentage of post-operative sports surgery patients seen within ≤3 days for initiation of sports rehabilitation – standard ≥70%; percentage of inpatient rehabilitation patients referred for weight management programme seen within 7 working days from date of referral – standard ≥75%; incidence of septic arthritis within ≤2 weeks of intra or peri-articular injection – standard <1; percentage of patients who passed the single leg hop tests (shlt) at 1 year post-anterior cruciate ligament (ACL) reconstruction surgery – standard ≥75%; percentage of new cases with knee problems who have been assessed using the lysholm knee scoring scale – standard ≥70%; percentage of patients ≥18 years old screened for diabetes on first consultation in sports medicine clinic – standard ≥70%* dan *percentage of patients with acute musculoskeletal injury within ≤ 2 weeks after the first assessment in clinic.*

Semakan Audit mendapati semua hospital yang dilawati telah mencapai KPI yang ditetapkan. Selain itu, proses kerja di Dewan Bedah Ortopedik turut menekankan aspek kebersihan dewan bedah, pengurusan pesakit, tugas *scrubing*, *circulating* dan pembiusan pesakit sebelum pembedahan dilaksanakan.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya semua hospital telah mencapai KPI yang ditetapkan.

12.5.1.4. Kajian Kepuasan Pelanggan

Kajian kepuasan pelanggan telah dijalankan antara bulan Jun hingga Ogos 2015 di hospital dilawati melibatkan 250 orang kakitangan dan 250 orang awam. Kajian kepuasan pelanggan ini bertujuan untuk menilai tahap kepuasan kakitangan dan orang awam terhadap prestasi pengurusan aktiviti rawatan ortopedik. Semua responden di semua hospital dilawati telah memberi maklum balas terhadap soal selidik yang diedarkan. Analisis maklum balas yang diterima diringkaskan seperti yang berikut:

a. Tahap Kepuasan Kakitangan

Secara keseluruhannya, responden berpuas hati dengan prestasi pengurusan aktiviti rawatan ortopedik seperti garis panduan/*Standard Operating Policy* yang jelas (50.8%); peralatan dan stok bernilai tinggi disimpan di tempat selamat (56.4%); ruang kerja (lokasi pemasangan alat implan dan prostesis) bebas daripada infeksi (54.8%) dan alat implan dan prostesis yang dikeluarkan daripada stor utama untuk kegunaan disimpan di tempat bersesuaian (54.8%). Bagaimanapun, analisis juga menunjukkan terdapat 84 responden (33.6%) tidak berpuas hati dengan bilik rehat kakitangan yang disediakan kerana ia masih tidak mencukupi. Bagi keperluan sumber manusia pula, 86 responden (34.4%) tidak berpuas hati dengan sumber manusia sedia ada kerana ia masih belum mencukupi untuk menampung keperluan semasa. Selain itu, 102 responden (40.8%) tidak berpuas hati dengan peralatan dan mesin yang disediakan kerana bilangannya tidak mencukupi. Di samping itu, 81 responden (32.4%) tidak berpuas hati dengan peralatan dan mesin sedia ada kerana tidak sesuai dan terkini. Analisis yang dilakukan turut mendapati 9 responden (3.6%) mencadangkan perjawatan sedia ada ditambah bagi menampung keperluan semasa. Selain itu, 4 responden (2.0%) mencadangkan peralatan dan mesin ditambah supaya perkhidmatan rawatan ortopedik berjalan dengan lancar. Butiran lanjut adalah seperti jadual dan carta berikut:

JADUAL 12.2
MAKLUM BALAS KEPUASAN KAKITANGAN TERHADAP PENGURUSAN AKTIVITI RAWATAN ORTOPEDIK

PRESTASI PENGURUSAN AKTIVITI RAWATAN ORTOPEDIK	BERPUAS HATI		TIDAK BERPUAS HATI		BERKECUALI	
	MAKLUM BALAS	(%)	MAKLUM BALAS	(%)	MAKLUM BALAS	(%)
Bilik rawatan/konsultasi mencukupi dan lengkap	123	49.2	60	24.0	67	26.8
Bilik rehat kakitangan	107	42.8	84	33.6	58	23.2
Ruang kerja kondusif	115	46.0	65	26.0	67	26.8
Bilik perbincangan mencukupi	117	46.8	66	26.4	65	26.0
Penawaran kursus *Post Basic*/Sarjana Perubatan/Program Sub-Kepakaran mencukupi	110	44.0	51	20.4	77	30.8
Program laluan kerjaya	105	42.0	41	16.4	92	36.8
Garis Panduan/*Standard Operating Policy* jelas	127	50.8	24	9.6	70	28.0

PRESTASI PENGURUSAN AKTIVITI RAWATAN ORTOPEDIK	BERPUAS HATI		TIDAK BERPUAS HATI		BERKECUALI	
	MAKLUM BALAS	(%)	MAKLUM BALAS	(%)	MAKLUM BALAS	(%)
Sumber manusia mencukupi	76	30.4	86	34.4	84	33.6
Sumber kewangan mencukupi	68	27.2	72	28.8	102	40.8
Peralatan dan mesin mencukupi	61	24.4	102	40.8	86	34.4
Peralatan dan mesin sesuai serta terkini	75	30.0	81	32.4	90	36.0
Peralatan dan stok bernilai tinggi disimpan di tempat selamat	141	56.4	32	12.8	67	26.8
Ruang kerja (lokasi pemasangan alat implan dan prostesis) bebas daripada infeksi	137	54.8	31	12.4	66	26.4
Alat implan dan prostesis yang dikeluarkan daripada stor utama untuk kegunaan disimpan di tempat bersesuaian	137	54.8	27	10.8	67	26.8
Alat implan dan prostesis yang rosak dan hendak dilupuskan ditempatkan di lokasi yang sewajarnya	114	45.6	35	14.0	81	32.4
Bekalan implan dan postesis mengikut tempoh yang ditetapkan	118	47.2	29	11.6	84	33.6
Kuantiti stok implan dan postesis mencukupi semasa tempoh rawatan	117	46.8	37	14.8	76	30.4
Kualiti implan dan prostesis	117	46.8	27	10.8	87	34.8
Penggantian bekalan implan dan prostesis yang rosak/tidak memenuhi spesifikasi	105	42.0	29	11.6	97	38.8

Sumber : Soal Selidik Kepuasan Kakitangan Jabatan Audit Negara
Nota : Maklum Balas Di Atas Tidak Mengambil Kira Responden Yang Memberi Komen Tidak Berkaitan (TB)

CARTA 12.1
MAKLUM BALAS CADANGAN PENAMBAHBAIKAN OLEH KAKITANGAN TERHADAP PENGURUSAN AKTIVITI RAWATAN ORTOPEDIK



Sumber : Soal Selidik Kepuasan Kakitangan Jabatan Audit Negara

b. Tahap Kepuasan Orang Awam

Secara keseluruhannya, responden berpuas hati dengan prestasi pengurusan aktiviti rawatan ortopedik seperti layanan kakitangan Jabatan Ortopedik (71.6%), kualiti perkhidmatan rawatan yang diberikan (66.8%), papan informasi rawatan ortopedik ada disediakan dan mudah difahami (64%) dan tempoh rawatan susulan (53.2%). Bagaimanapun, analisis juga menunjukkan masih terdapat beberapa responden tidak berpuas hati terhadap perkhidmatan yang diberikan seperti tempoh menunggu untuk mendapatkan rawatan pembedahan kecemasan ortopedik (20%), tempoh menunggu untuk mendapatkan rawatan tidak kurang 90 minit (18.8%), ruang menunggu kondusif dan mencukupi (16.4%) serta tempoh rawatan susulan (14.4%). Bilangan dewan bedah ortopedik yang tidak mencukupi dan kekurangan Pakar Ortopedik menyebabkan tempoh menunggu untuk mendapatkan rawatan pembedahan kecemasan ortopedik serta perkhidmatan konsultasi terlalu lama. Analisis Audit turut mendapati seramai 11 (4.4%) responden mengesyorkan agar Wad Ortopedik dinaik taraf untuk keselesaan pesakit. Manakala seramai 5 (2%) responden lagi mencadangkan tempoh masa menunggu untuk mendapatkan rawatan dapat dikurangkan. Butiran lanjut adalah seperti jadual dan carta berikut:

JADUAL 12.3
MAKLUM BALAS KEPUASAN ORANG AWAM TERHADAP PENGURUSAN AKTIVITI RAWATAN ORTOPEDIK

TAHAP KEPUASAN PELANGGAN	BERPUAS HATI		TIDAK BERPUAS HATI		BERKECUALI	
	MAKLUM BALAS	(%)	MAKLUM BALAS	(%)	MAKLUM BALAS	(%)
Ruang Menunggu Kondusif Dan Mencukupi	113	45.2	41	16.4	84	33.6
Bilik Doktor Disediakan Untuk Satu Doktor Dengan Seorang Pesakit	103	41.2	35	14.0	95	38.0
Papan Tanda Petunjuk Arah Disediakan Dan Mudah Difahami	156	62.4	14	5.6	78	31.2
Papan Informasi Rawatan Ortopedik Disediakan Dan Mudah Difahami	160	64.0	25	10.0	63	25.2
Wad Ortopedik Kondusif Dan Mencukupi	105	42.0	46	18.4	76	30.4
Kemudahan Alat Fisioterapi Mencukupi	96	38.4	32	12.8	77	30.8
Kemudahan Alat Isokinetik Untuk Ahli Sukan Mencukupi	56	22.4	22	8.8	72	28.8
Alat Implan Dan Prostesis Berkualiti	75	30.0	25	10.0	65	26.0
Tempoh Menunggu Mendapatkan Rawatan (<90 minit)	122	48.8	47	18.8	75	30.0
Tempoh Menunggu Mendapatkan Ubat Di Kaunter	89	35.6	46	18.4	77	30.8
Tempoh Menunggu Untuk Memperoleh Bekalan Alat Implan & Prostesis Bagi Pembedahan Kecemasan Tidak Melebihi 1 Minggu	94	37.6	46	18.4	57	22.8
Tempoh Rawatan Susulan	133	53.2	36	14.4	66	26.4
Tempoh Menunggu Untuk Mendapatkan Rawatan Pembedahan Kecemasan Ortopedik	116	46.4	50	20.0	47	18.8
Kualiti Perkhidmatan Rawatan yang Diberi	167	66.8	27	10.8	50	20.0
Layanan Kakitangan Jabatan Ortopedik	179	71.6	27	10.8	38	15.2
Layanan Di Wad Pesakit Ortopedik	159	63.6	26	10.4	37	14.8
Tempoh Kelulusan Tabung Bantuan Perubatan	66	26.4	32	12.8	58	23.2

Sumber : Soal Selidik Kepuasan Orang Awam Jabatan Audit Negara
Nota : Maklum Balas Di Atas Tidak Mengambil Kira Responden Yang Memberi Komen Tidak Berkaitan (TB)

CARTA 12.2
MAKLUM BALAS CADANGAN PENAMBAHBAIKAN OLEH ORANG AWAM TERHADAP PENGURUSAN AKTIVITI RAWATAN ORTOPEDIK



Sumber : Soal Selidik Kepuasan Orang Awam Jabatan Audit Negara

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya kakitangan dan orang awam di hospital dilawati berpuas hati dengan prestasi pengurusan aktiviti rawatan ortopedik yang disediakan. Bagaimanapun, hospital terlibat perlu mempertimbangkan cadangan penambahbaikan yang diutarakan oleh kakitangan dan orang awam bagi meningkatkan lagi kecekapan dan kualiti perkhidmatan ortopedik.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 31 Disember 2015 Dan 21 Mac 2016

Selaras dengan keputusan Kerajaan bagi inisiatif penggunaan sumber manusia secara optimum yang berkuat kuasa 22 April 2015, urusan pengambilan kakitangan baru dan pertambahan jawatan baru dibekukan. Namun begitu, KKM melalui Bahagian Sumber Manusia bersedia untuk mengkaji permohonan perjawatan tambahan sekiranya terdapat keperluan pada masa akan datang. Sebarang kajian bagi pertambahan jawatan baru akan berdasarkan kepada dasar semasa Kerajaan iaitu melalui pengoptimuman sumber manusia melalui urusan penugasan semula atau tukar ganti jawatan. Cadangan penambahbaikan responden seperti yang dinyatakan Jabatan Audit Negara adalah selari dengan usaha-usaha yang telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak pengurusan dari semasa ke semasa seperti permohonan peralatan perubatan dikemukakan setiap

tahun meliputi peralatan dewan bedah, kemudahan rawatan fisioterapi, permohonan pertambahan perjawatan dibuat melalui ABM, penyediaan latihan yang berterusan berserta peluang menghadiri kursus luaran serta menyokong penuh permohonan pegawai sambung belajar ke peringkat lebih tinggi.

12.5.2. Kekosongan Jawatan Tidak Diisi

Perjawatan yang mencukupi dan memiliki kepakaran khusus amat penting dalam memastikan hospital dapat beroperasi dengan cekap dan berkesan. Semakan Audit mendapati perkara seperti yang berikut:

12.5.2.1. Perjawatan Jabatan Ortopedik

Struktur perjawatan di Jabatan Ortopedik terdiri daripada tiga kategori jawatan iaitu Pengurusan & Profesional (P&P), Paramedik & Auksiliari (P&A) dan Pelaksana. Bilangan jawatan diluluskan di semua Jabatan Ortopedik hospital sehingga tahun 2015 adalah sebanyak 3,693. Daripada 762 perjawatan yang diluluskan untuk P&P pada tahun 2015, sebanyak 276 jawatan adalah terdiri daripada Pakar Ortopedik. Sehingga bulan Jun 2015, terdapat sebanyak 246 (89.1%) jawatan Pakar Ortopedik telah diisi daripada 276 jawatan yang diluluskan. Bagi jawatan P&A pula untuk tempoh yang sama, sejumlah 1,283 (55%) jawatan yang diisi daripada keseluruhan 2,338 jawatan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 12.4
PERJAWATAN AKTIVITI ORTOPEDIK BAGI TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA 2015

NAMA JAWATAN	BIL. JAWATAN/TAHUN								
	2013			2014			2015		
	LULUS	ISI	KOSONG	LULUS	ISI	KOSONG	LULUS	ISI	KOSONG
Pengurusan Dan Profesional	712	213	499	718	241	477	762	803	*(41)
Paramedik Dan Auksiliari	2,600	2,323	277	2,600	2,320	280	2,338	1,283	1,055
Pelaksana	585	398	187	593	412	181	593	400	193
JUMLAH KESELURUHAN PERJAWATAN ORTOPEDIK	**3,897**	**2,934**	**963**	**3,911**	**2,973**	**938**	**3,693**	**2,486**	**1,207**

Sumber : Bahagian Sumber Manusia, KKM
Nota : (*) – Tiada Jawatan Kosong Yang Tidak Diisi Memandangkan Pengagihan Dan Penempatan Pegawai Perubatan Perlu Dilaksanakan Segera Di Atas Kepentingan Perkhidmatan

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 31 Disember 2015

Pertambahan jawatan baru bagi perkhidmatan ortopedik dipertimbangkan melalui Anggaran Belanja Mengurus tahunan Kementerian. Pertimbangan ini adalah berdasarkan faktor kemampuan kewangan dan keupayaan mengisi kekosongan jawatan sedia ada. Di samping itu selaras dengan keputusan Kerajaan bagi mengoptimumkan penggunaan sumber manusia mulai 22 April 2015, urusan pengambilan kakitangan baru dan pertambahan jawatan baru dibekukan.

12.5.2.2. Bilangan Pakar Ortopedik Dan Jururawat

Secara keseluruhannya, aktiviti sub-kepakaran ortopedik dibahagikan kepada 8 jenis perkhidmatan iaitu *Spine, Paediatric, Joint Arthroplasty, Oncology, Advanced Trauma, Upper Limb And Hand, Foot And Ankle* dan *Sports Medicine*. Manakala Pakar Ortopedik yang tiada sub-kepakaran melaksanakan aktiviti *General Orthopaedic*. Jururawat yang ditempatkan di Jabatan Ortopedik biasanya menjalankan tugas seperti *anaesthetic*, *scrub* dan *circulating.*

Semakan Audit mendapati hospital yang dilawati mengalami kekurangan Pakar Ortopedik dan Jururawat. Terdapat kekosongan jawatan tidak diisi antara 11% hingga 40% bagi Pakar Ortopedik dan 7% hingga 67% bagi Jururawat**.** Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 12.5
KEKOSONGAN JAWATAN PAKAR ORTOPEDIK DAN JURURAWAT PADA TAHUN 2015

HOSPITAL	JAWATAN	BIL. PERJAWATAN			KEKOSONGAN (%)
		LULUS	DIISI	KOSONG	
Tengku Ampuan Afzan	Pakar Ortopedik	10	7	3	30
	Jururawat	82	85	-	-
Tengku Ampuan Rahimah	Pakar Ortopedik	10	6	4	40
	Jururawat	95	95	-	-
Sungai Buloh	Pakar Ortopedik	10	6	4	40
	Jururawat	144	47	97	67
Raja Permaisuri Bainun	Pakar Ortopedik	13	10	3	23
	Jururawat	145	135	10	7
Sultanah Bahiyah	Pakar Ortopedik	9	8	1	11
	Jururawat	103	91	12	12

Sumber : Bahagian Sumber Manusia Di Hospital Yang Dilawati

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 31 Disember 2015 Dan 21 Mac 2016

Kekurangan Pakar Ortopedik di hospital KKM adalah kerana ramai Pegawai Perubatan/Pakar yang meletakkan jawatan/bersara/pencen dan wujud pertambahan hospital dari semasa ke semasa. Selain itu, Kementerian telah melaksanakan konsep Hospital Kluster iaitu kerjasama di antara hospital dengan aktiviti sub-kepakaran dengan hospital tanpa aktiviti sub-kepakaran. Ia melibatkan perkongsian kepakaran, peralatan, kemudahan dan peruntukan di antara hospital induk dengan dua buah hospital berhampiran dengannya. Sehingga 29 Februari 2016, pengisian keseluruhan jawatan Jururawat pelbagai gred di KKM adalah sebanyak 94.2%. Unjuran keperluan jururawat telah dibuat untuk mengisi baki kekosongan tersebut iaitu dengan melantik pelatih yang dikeluarkan oleh KKM sahaja.

12.5.2.3. Taburan Pakar Ortopedik Berbanding Bilangan Penduduk

Mengikut data daripada *National Specialist Registrar*, *Academy Of Medicine* Malaysia, didapati nisbah semasa bilangan Pakar Ortopedik yang memiliki sub-kepakaran kepada bilangan penduduk di Malaysia sehingga bulan Oktober 2015 adalah 1.6 Pakar Ortopedik bagi 100,000 orang penduduk. Sehingga bulan November 2015, terdapat 650 Pakar Ortopedik bertauliah di 55 buah hospital KKM, hospital swasta dan universiti di Malaysia. Semakan Audit mendapati nisbah bilangan Pakar Ortopedik di hospital yang dilawati kepada bilangan penduduk di daerah yang diliputi adalah berbeza-beza iaitu antara 0.4 hingga 1.6 bagi 100,000 orang penduduk. Semakan Audit selanjutnya mendapati bilangan Pakar Ortopedik sedia ada di HTAR dan HSB tidak mencukupi bagi daerah yang diliputi memandangkan kepadatan penduduk yang tinggi di samping peningkatan kejadian kemalangan dan kebanjiran pendatang asing. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 13.6
NISBAH BILANGAN PAKAR ORTOPEDIK KEPADA BILANGAN PENDUDUK

HOSPITAL	KAWASAN PENDUDUK YANG DILIPUTI	JUMLAH BIL. PENDUDUK DI KAWASAN DILIPUTI (Orang)	BIL. PAKAR ORTOPEDIK (Orang)	NISBAH PAKAR ORTOPEDIK BAGI 100,000 PENDUDUK
Tengku Ampuan Afzan	Kuantan, Pekan dan Rompin	760,400	10	1.3
Tengku Ampuan Rahimah	Klang	909,300	6	0.7
Sungai Buloh	40% daripada jumlah penduduk Negeri Selangor	2,320,040	10	0.4
Raja Permaisuri Bainun	Kinta	802,900	13	1.6
Sultanah Bahiyah	Padang Terap, Sik, Kuala Muda dan Kubang Pasu	851,000	9	1.1

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia Tahun 2014

Pada pendapat Audit, bilangan Pakar Ortopedik dan Jururawat sedia ada di hospital yang dilawati tidak mencukupi bagi menawarkan perkhidmatan aktiviti rawatan ortopedik yang cekap dan berkesan.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 31 Disember 2015 Dan 21 Mac 2016

Taburan Pakar yang tidak sekata berbanding bilangan penduduk adalah disebabkan oleh keperluan perkhidmatan rawatan ortopedik di lokasi baru semakin meningkat. Pada tahun 2010, terdapat 45 buah hospital yang mempunyai aktiviti (perkhidmatan) kepakaran ortopedik dan ianya bertambah pada tahun 2015, iaitu sebanyak 52 buah hospital dengan Pakar Ortopedik sedia ada tetapi hanya ada 22 buah hospital yang memiliki sub-kepakaran Ortopedik. Selain itu, ramai Pakar sedia ada yang meletakkan jawatan sedangkan kemasukan Pakar baru sangat terhad.

12.5.2.4 Jadual Klinik Dan Lawatan Pakar Ke Hospital Tiada Sub-Kepakaran

a. Jadual Klinik Ortopedik Bagi Aktiviti Sub-Kepakaran Hanya Diadakan Sekali Seminggu

Klinik Ortopedik biasanya menerima pendaftaran pesakit luar sama ada ia merupakan kes baru atau kes ulangan. Kekerapan temu janji bergantung kepada bilangan Pakar Ortopedik sedia ada mengikut aktiviti sub-kepakaran, bilangan bilik konsultasi, jadual pembedahan kecemasan dan elektif, jadual *on-call, ward round* serta jadual lawatan Pakar Ortopedik ke hospital lain. Temu janji sesuatu aktiviti sub-kepakaran disusun secara teratur bagi mengelak aktiviti klinikal lain seperti pembedahan dan lawatan Pakar Ortopedik ke hospital lain dibuat pada waktu yang sama.

Semakan Audit mendapati jadual Klinik Ortopedik di hospital yang dilawati telah disediakan secara sistematik dan tersusun. Semakan lanjut mendapati perkhidmatan *Hand* dan *Advanced Trauma* di HTAR hanya diadakan sekali seminggu sahaja kerana kekurangan Pakar Ortopedik. Selain itu, Pakar Ortopedik *Hand* terlibat dalam tugas membantu operasi pembedahan tangan rumit di HKL manakala Pakar Ortopedik *Advanced Trauma* juga menjalankan pembedahan *hip* dan *pelvis* di HKL, HSB serta Hospital Ampang. Selain itu di HSB pula, aktiviti sub-kepakaran *Spinal, Arthroplasty* dan *Scoliosis* juga diadakan sekali seminggu sahaja kerana kekurangan Pakar Ortopedik dalam sub-kepakaran terlibat.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 31 Disember 2015

Aktiviti sub-kepakaran Hand dan Advanced Trauma di HTAR hanya diadakan sekali seminggu sahaja kerana kekurangan Pakar dalam bidang berkenaan. Bagi menampung keperluan Pakar di hospital, Kementerian telah memperkenalkan kaedah parallel pathways bagi lepasan ijazah kedoktoran dengan memendekkan masa yang diambil untuk menghasilkan Pakar Ortopedik. Para lepasan ijazah kedoktoran boleh mendaftar dan menduduki peperiksaan Bahagian Satu semasa houseman. Sebaik sahaja Pegawai Perubatan lulus Bahagian Satu dalam bidang kepakaran Ortopedik, para lepasan ijazah kedoktoran perlu menjalani rotational posting/attachment dalam bidang kepakaran/sub-kepakaran tersebut untuk mendapat pendedahan dan pengalaman yang memadai agar memiliki pengalaman secukupnya sebagai pakar.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya penentuan jadual Klinik Ortopedik di hospital yang dilawati adalah teratur kecuali jadual Klinik Ortopedik bagi sub-kepakaran *Hand*, *Advanced Trauma* dan *Spinal* di HTAR dan HSB tidak dapat diadakan dengan kerap.

b. Tiada Pengganti Bagi Tugas Pakar Ortopedik Jika Ada Lawatan Pakar Yang Perlu Dibuat Ke Hospital Tiada Sub-Kepakaran

Hospital yang tidak mempunyai Pakar Ortopedik akan menerima lawatan Pakar Ortopedik dari hospital utama negeri atau hospital daerah berhampiran. Lazimnya, Pakar Ortopedik akan memberi perkhidmatan di klinik pakar atau menjalankan pembedahan di hospital tersebut. Bagaimanapun, terdapat kes pembedahan bagi hospital tanpa pakar terpaksa dilaksanakan di hospital pakar bergantung kepada fasiliti sedia ada dan kerumitan kes.

Semakan Audit mendapati penetapan jadual lawatan Pakar Ortopedik ke hospital berdekatan tanpa aktiviti sub-kepakaran adalah teratur. Bagaimanapun, beban tugas Pakar Ortopedik *Hand* dan *Advanced Trauma* di HTAR dan Pakar Ortopedik *Spinal* di HSB menjadi berat dengan adanya aktiviti klinikal lawatan Pakar Ortopedik ke hospital tanpa aktivti sub-kepakaran. Keadaan ini berlaku kerana tiada pengganti bagi tugas Pakar Ortopedik berkenaan sekiranya berlaku pembedahan kecemasan, pembedahan *minor* rumit atau kes rujukan yang perlu disegerakan. Manakala di HTAR, lawatan ke Hospital Tengku Ampuan Jemaah, Sabak Bernam diadakan secara bergilir-gilir oleh Pegawai Perubatan yang sedang menjalani kursus Sarjana. Ketiadaan pengganti sekurang-kurangnya seorang Pakar Ortopedik bagi aktiviti sub-kepakaran tertentu menyebabkan kes pembedahan *local* terpaksa dibatalkan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 12.7
LAWATAN PAKAR ORTOPEDIK KE HOSPITAL YANG TIADA SUB-KEPAKARAN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015

AKTIVITI SUB-KEPAKARAN	HOSPITAL DILAWATI	BIL. PESAKIT 2013 HINGGA 2015 (Orang)	KEKERAPAN LAWATAN SEBULAN (Kali)
Hospital Tengku Ampuan Afzan			
Arthroplasty	Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh	369	1
Paediatric		640	
Sport Medicine		51	
Foot And Ankle	Hospital Pekan	58	2 - 5
Hand And Upper Limb		20	
Paediatric	Hospital Muadzam Shah	67	1 - 2
Sport Medicine		17	
Hospital Tengku Ampuan Rahimah			
General Orthopaedic	Hospital Tengku Ampuan Jemaah, Sabak Bernam	1,995	2
Hand And Upper Limb	Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu	30	1
Hospital Sungai Buloh			
General Orthopaedic, Advanced Trauma dan *Spinal*	Hospital Tanjong Karang	2,521	2

AKTIVITI SUB-KEPAKARAN	HOSPITAL DILAWATI	BIL. PESAKIT 2013 HINGGA 2015 (Orang)	KEKERAPAN LAWATAN SEBULAN (Kali)
Hospital Raja Permaisuri Bainun			
Spinal	Hospital Kuala Kangsar	1,100	1
Sport Medicine	Hospital Sungai Siput	971	1
Foot And Ankle	Hospital Kampar	609	1
Arthroplasty dan *Advanced Trauma*	Hospital Batu Gajah	875	1
General Orthopaedic, Spine Foot And Ankle, Arthroplasty dan *Sport Medicine*	Hospital Cameron Highland	692	1
Hospital Sultanah Bahiyah			
Advanced Trauma, Paediatric, Arthroplasty, Spinal, General Orthopaedic, Sport Injury dan Foot And Ankle	Hospital Kuala Nerang	456	1
Paediatric, Arthroplasty, Spinal, General Orthopaedic, Sport Injury dan *Foot And Ankle*	Hospital Jitra	456	2

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 31 Disember 2015

Bagi menampung keperluan Pakar di hospital, Kementerian telah memperkenalkan kaedah parallel pathways bagi lepasan ijazah kedoktoran dengan memendekkan masa yang diambil untuk menghasilkan Pakar Ortopedik. Para lepasan ijazah kedoktoran boleh mendaftar dan menduduki peperiksaan Bahagian Satu semasa houseman. Sebaik sahaja Pegawai Perubatan lulus Bahagian Satu dalam bidang kepakaran Ortopedik, para lepasan ijazah kedoktoran perlu menjalani rotational posting/attachment dalam bidang kepakaran/sub-kepakaran tersebut untuk mendapat pendedahan dan pengalaman yang memadai agar memiliki pengalaman secukupnya sebagai pakar.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya penentuan jadual lawatan Pakar Ortopedik ke hospital yang tiada aktiviti sub-kepakaran di hospital dilawati adalah teratur. Bagaimanapun, cadangan mewujudkan hospital dengan aktiviti sub-kepakaran di daerah perlu dipertimbangkan bagi menjamin kualiti perkhidmatan kesihatan.

12.5.3. Peralatan Dewan Bedah Ortopedik

Setiap Dewan Bedah Ortopedik mempunyai kaunter resepsi, ruang menunggu, ruang pemulihan, bilik persalinan pakaian, bilik *scrub*, bilik *sterile*, bilik utiliti kotor dan stor unit. Dalam Dewan Bedah Ortopedik, peralatan asas yang kerap digunakan adalah *operating table, traction table, light surgical, hand drill* dan *saw drill*.

Semakan Audit mendapati 77 peralatan perubatan yang telah digunakan antara 5 hingga 28 tahun di dewan bedah ortopedik HTAA, HRPB dan HSBYH bernilai RM6.91 juta kerap mengalami kerosakan walaupun telah disenggara seperti **Jadual**

12.8 dan **Gambar 12.1** hingga **Gambar 12.10**. Perkara ini boleh mengakibatkan operasi pembedahan kurang lancar dan kos penyenggaraan/pembaikan semakin meningkat.

JADUAL 12.8
PERALATAN DEWAN BEDAH ORTOPEDIK

BIL.	PERALATAN/ KUANTITI	USIA ALAT (TAHUN)	AMAUN (RM)
Hospital Tengku Ampuan Afzan			
1.	*Operation Table* / 2	21	477,000
2.	*Arthroscopy Shaver System* / 1	15	514,000
3.	*Pneumatic Drill, Saw and Reamer* / 10	8 - 15	65,797
4.	*Electric Drill and Saw* / 2	10	84,906
5.	*Battery Operated Drill, Saw and Reamer* / 4	5 - 10	100,165
6.	*Autoclave Machine* / 1	21	302,100
7.	*Imagine Intesifier* / 2	7	371,000
8.	*Cast Cutter* / 3	15	11,660
JUMLAH KECIL			**1,926,628**
Hospital Raja Permaisuri Bainun			
1.	*Operating Table* / 1	17	400,000
2.	*Operating Table* / 1	26	400,000
3.	*Light Surgical* / 1	15	270,000
4.	*Light Surgical* / 1	13	270,000
5.	*Electrosurgical Bipolar* / 3	9 - 14	115,000
6.	*Arthroscopic Shaver System* / 1	12	300,000
7.	*Electrosurgical Bipolar* / 2	9 - 15	90,000
8.	*Warming Units Blood* / 3	28	45,000
9.	*Hand Drill Surgical* / 25	8 - 25	1,250,000
10.	*Tourniquets Pneumatic* / 2	13 - 14	90,000
11.	*Saws Bone Electrical* / 1	12	50,000
12.	*Warming Unit Patient Radiant* / 1	20	15,000
JUMLAH KECIL			**3,295,000**
Hospital Sultanah Bahiyah			
1.	*Saw Plaster Electric W.Vaccum* / 1	8	9,881
2.	*HD Arthroscopy System Complete Set* / 1	15	429,000
3.	*Operating Table* / 1	27	110,000
4.	*Radioluscent Operating Table* / 1	7	145,000
5.	*Spinal Operating Table Complete Unit-Spinal Frame* / 1	7	150,000
6.	*Table Operating Hydraulic Ortho With Accessories* / 1	7	133,150
7.	*Operating Table With Complete Accessories* / 2	10	658,600
8.	*70° Scope Direct View Arthroscope*.4.0mm / 1	7	24,000
9.	*30° Scope Direct View Arthroscope*.4.0mm / 1	7	24,000
JUMLAH KECIL			**1,683,631**
JUMLAH KESELURUHAN			**6,905,259**

GAMBAR 12.1

Dewan Bedah Ortopedik, HTAA
- Teknologi Peralatan Pneumatic Drill, Saw Dan Reamer Obsolete Dan Terlalu Bergantung Kepada Air Pressure
(04.06.2015)

GAMBAR 12.2

Dewan Bedah Ortopedik, HTAA
- Peralatan Autoclave Machine Kerap Rosak Dan Turut Digunakan Di Dewan Bedah Day Care
(04.06.2015)

GAMBAR 12.3

Dewan Bedah Ortopedik, HTAA
- Teknologi Peralatan Imagine Intesifier Obsolete Dan Kerap Rosak
(04.06.2015)

GAMBAR 12.4

Bilik Pemulihan, HRPB
- Artroscopic Shaver System Dan Lens Serta Kabel Peralatan Ini Kabur
(13.08.2015)

GAMBAR 12.5

Valleylab Dewan Bedah Ortopedik 3, HRPB
- Electrosurgical Bipolar Dan Sijil Tidak Ekonomi Dibaiki Dikeluarkan Pada Tahun 2011 Tetapi Masih Digunakan
(13.08.2015)

GAMBAR 12.6

Dewan Bedah Ortopedik 1, 2 Dan 3, HRPB
- Warming Units Blood Disenggara Setiap Tahun Dan Masih Digunakan
(13.08.2015)

GAMBAR 12.7

Dewan Bedah Ortopedik 1, 2 Dan 3, HRPB
- Electrosurgical Bipolar Disenggara Sebanyak 5 Kali Dan Masih Digunakan Lagi
(13.08.2015)

GAMBAR 12.8

Dewan Bedah Ortopedik, HSBYH
- Radioluscent Operating Table Tidak Stabil Dan Mudah Bergoyang Semasa Pembedahan Dijalankan
(25.08.2015)

GAMBAR 12.9

Dewan Bedah Ortopedik, HSBYH
- Spinal Operating Table Complete Unit Spinal Frame I Tidak Stabil Dan Mudah Bergoyang
(25.08.2015)

GAMBAR 12.10

Dewan Bedah Ortopedik, HSBYH
- Bahagian Dalam Alat 70º Scope Direct View Arthroscope Rosak
(25.08.2015)

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 31 Disember 2015

Memandangkan peruntukan sedia ada terhad, penggantian/menaik taraf peralatan perubatan terpaksa dilakukan secara berperingkat berdasarkan faktor keutamaan perkhidmatan, input daripada Ketua Perkhidmatan Ortopedik dan Jabatan Kesihatan Negeri serta mengambil kira peruntukan yang perlu diagihkan bagi disiplin perubatan lain. Pada tahun 2014 dan 2015, sejumlah RM26,719,384 peruntukan telah diluluskan untuk penggantian/perolehan peralatan perubatan bagi aktiviti rawatan ortopedik di hospital. Perancangan telah pun dibuat untuk penggantian peralatan perubatan seperti operating table pada tahun 2016.

Pada pendapat Audit, kebanyakan peralatan Dewan Bedah Ortopedik kecuali HTAR dan HSB memerlukan kerja penyenggaraan yang kerap dan ini mengganggu kelancaran operasi pembedahan.

12.5.4. Perolehan Bekalan Alat Implan/Prostesis

12.5.4.1. Proses Penilaian Teknikal Bekalan Alat Implan Di Bawah Konsesi APPL

Jawatankuasa Spesifikasi pada 10 Julai 2012 telah bersetuju dengan spesifikasi yang disediakan bagi 108 produk implan dan 15 produk *consumable item* di bawah APPL 2014 hingga 2017. Bagaimanapun, Laporan Penilaian Teknikal oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal APPL 2014 hingga 2017 (JPTA 2014 hingga 2017) pada 3 Oktober 2013 tidak menyokong produk implan di bawah APPL. Manakala JPTA 2014 hingga 2017 yang kedua dilantik menyokong produk implan APPL dengan penambahbaikan. Bagaimanapun, kedua-dua laporan tersebut tidak diambil kira oleh BP&P sebagai cadangan penambahbaikan untuk dimaklumkan kepada PLSB dalam kontrak APPL 2014 hingga 2017.

12.5.4.2. Penggunaan Produk Implan APPL 2014 Hingga 2017

KKM melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Konsesi Bil. 3 Tahun 2013 pada bulan Ogos 2013 telah memutuskan BPP meneliti semula senarai produk implan APPL 2014 hingga 2017 berdasarkan trend penggunaan dan kedudukan stok semasa. Kebanyakan produk implan APPL yang dibekalkan oleh PLSB adalah *slow moving item* dan PLSB memiliki banyak stok berkenaan di gudang yang boleh menampung keperluan hospital KKM untuk kontrak akan datang. Seterusnya, BPP pada bulan September 2013 telah mengesyorkan sebanyak 92 daripada 557 *subcodes* produk implan dipertimbangkan untuk semakan harga APPL 2014 hingga 2017. Manakala 17 produk implan lagi masih dikekalkan di bawah senarai APPL 2014 hingga 2017 tetapi tiada ikatan kontrak antara PLSB dengan pembekal OSA. Semakan Audit mendapati perkara seperti yang berikut:

a. Peratus pesanan produk implan APPL 2014 hingga 2017 di hospital yang dilawati adalah rendah iaitu antara 3% hingga 66% sahaja bagi tempoh 2013 hingga 2015 berbanding peratus pesanan produk implan di luar APPL. Pihak Audit dimaklumkan produk implan APPL seperti *plate* memiliki ukuran terlalu panjang yang mana ia tidak sesuai digunakan untuk merawat luka besar dan hospital terpaksa membeli instrumen baru jika ingin menggunakannya. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 12.9
PERATUS PESANAN PRODUK IMPLAN DI BAWAH SENARAI APPL DAN DI LUAR SENARAI APPL BAGI TEMPOH 2013 HINGGA 2015

HOSPITAL	*PERATUS PESANAN PRODUK IMPLAN	
	SENARAI APPL	LUAR SENARAI APPL
Tengku Ampuan Afzan	37	63
Tengku Ampuan Rahimah	66	34
Sungai Buloh	43	57
Raja Permaisuri Bainun	14	86
Sultanah Bahiyah	3	97

Nota : (*) - Peratus Pesanan Produk Implan APPL Dan Luar APPL Dikira Berdasarkan Kuantiti Produk Implan Dalam 150 Sampel Baucar Bayaran Bagi Setiap Hospital Yang Dilawati Bagi Tempoh Tahun 2013 Hingga 2015

b. Sebanyak 61 hingga 208 daripada 557 *subcodes* produk implan APPL bernilai RM0.29 juta tidak digunakan oleh HTAA, HSB, HRPB dan HSBYH. Pihak Audit dimaklumkan produk implan APPL terlibat tidak digunakan lagi kerana saiz yang terlalu panjang atau pendek, fungsi tidak seiring dengan perkembangan teknologi, latihan CME tidak disediakan, kadar kegagalan implan berfungsi adalah tinggi dan kegunaan implan hanya terhad untuk kes pembedahan/trauma biasa sahaja. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 12.10
PRODUK IMPLAN APPL TIDAK DIGUNAKAN SEHINGGA OGOS 2015

HOSPITAL	BIL. SUBCODES PRODUK IMPLAN APPL TIDAK DIGUNAKAN	AMAUN (RM)
Tengku Ampuan Afzan	76	60,175
Sungai Buloh	60	40,768
Raja Permaisuri Bainun	208	149,431
Sultanah Bahiyah	61	42,682
JUMLAH		**293,056**

c. Pada tahun 2015, Pakar Ortopedik di hospital yang dilawati telah membuat pesanan produk implan di luar senarai APPL seperti *cannulated cancellaous screw*, *interlocking nail system*, produk implan yang menggunakan bahan *titanium*, komponen *external fixator* dan produk implan yang memiliki ciri *stainless steel*. Berdasarkan analisis Audit terhadap 750 sampel baucar bayaran bagi tempoh 2013 hingga Ogos 2015, mendapati sebanyak 37,737 (52%) daripada 72,772 kuantiti produk implan di luar APPL mempunyai instrumen tambahan dan gabungan lebih daripada 1 jenis produk implan. Pihak Audit dimaklumkan oleh Unit Sumber Perubatan, BPP semua produk implan APPL tidak *customized* mengikut kompleksiti kes pembedahan/trauma kerana tiada input diterima daripada mana-mana Pakar Ortopedik berhubung senarai produk implan terkini yang kerap diguna pakai. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 12.11
PRODUK IMPLAN YANG DIPESAN DI LUAR SENARAI APPL

HOSPITAL	PRODUK IMPLAN LUAR APPL		
	KUANTITI (UNIT)	KUANTITI YANG MEMILIKI INSTRUMEN TAMBAHAN/ GABUNGAN MELEBIHI SATU JENIS IMPLAN	PERATUS YANG MEMILIKI INSTRUMEN TAMBAHAN/ GABUNGAN MELEBIHI SATU JENIS IMPLAN
Tengku Ampuan Afzan	4,388	3,738	85
Tengku Ampuan Rahimah	3,203	1,526	48
Sungai Buloh	2,412	169	7
Raja Permaisuri Bainun	34,007	9,522	28
Sultanah Bahiyah	28,762	22,782	79
JUMLAH	**72,772**	**37,737**	**52**

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 31 Disember 2015 Dan 21 Mac 2016

Produk implan tersebut telah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Penilaian Teknikal. Satu mesyuarat berhubung pembekalan produk implan APPL keluaran OSA telah diadakan pada 19 Februari 2016. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBhg. Dato' TKSU(K) dan dihadiri oleh pakar - pakar ortopedik daripada Hospital Tuanku Jaafar, Hospital Shah Alam, Hospital Sungai Buloh dan Hospital Serdang. Mesyuarat turut bersetuju supaya Bahagian

Perkembangan Perubatan mengkaji dan mengenal pasti keperluan produk implan untuk perolehan APPL bagi tempoh 2017 hingga 2019. Selain itu, OSA melalui mesyuarat tersebut telah memaklumkan bahawa pihaknya telah merancang untuk bekerjasama dengan syarikat luar negara bagi menambahkan pengeluaran produk implan berdasarkan teknologi terkini daripada jenis titanium dan locking plate. Syarikat juga memaklumkan bahawa pihaknya ada melaksanakan CME di beberapa hospital dan sentiasa bersedia untuk menawarkannya kepada pihak fasiliti kesihatan jika diperlukan. Penggunaan implan APPL kurang digunakan di HRPB memandangkan spesifikasinya yang berbeza berbanding implan terkini dan terdapat implan yang juga sudah outdated serta tidak digunakan lagi. Selain itu, OSA tidak menyediakan set instrumen tambahan bagi membolehkan implan APPL dapat digunakan.

HSB memaklumkan bahawa pesanan/pembelian produk di luar APPL dibuat bagi merawat kes kepatahan tulang yang rumit di mana ia tidak sesuai digunakan untuk merawat pesakit terlibat. Manakala HSBYH pula membeli alat yang murah dan berkualiti serta berteknologi terkini seperti locking implants bagi menampung bilangan pesakit yang layak memperoleh bantuan alat implan percuma. Kebanyakan Pakar Ortopedik kerap menggunakan 4.0mm cancellous screw berbanding dengan skru Malleolar Screw 4.5mm di bawah produk implan APPL. Bagaimanapun, Kementerian mengambil maklum mengenai sebarang penambahbaikan produk implan keluaran syarikat OSA yang perlu dilaksanakan bagi membolehkan ia dapat memenuhi kehendak pengguna selaras dengan perkembangan teknologi terkini.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya proses penyediaan Laporan Penilaian Teknikal adalah teratur. Kebanyakan produk implan APPL masih diperlukan lagi oleh Pakar Ortopedik di hospital KKM. Bagaimanapun, BP&P perlu memaklumkan setiap cadangan penambahbaikan kepada PLSB supaya mereka mengetahui keputusan terkini Kementerian dan seterusnya pengeluaran produk APPL adalah memenuhi kehendak semasa pengguna selaras dengan perkembangan teknologi terkini.

12.5.5. Pengurusan Kutipan Hasil Berkaitan Aktiviti Rawatan Ortopedik

Kutipan hasil yang berkaitan dengan aktiviti rawatan ortopedik adalah terdiri daripada deposit komponen *External Fixator* bagi warganegara tempatan dan bayaran set *External Fixator* lengkap bergantung kepada polisi hospital (berkuat kuasa mulai 1 Januari 2015 bagi warganegara asing).

12.5.5.1. Penetapan Tempoh Bayaran Deposit Peralatan *External Fixator* Tidak Dapat Disahkan

Mengikut surat Kementerian yang sama bertarikh 12 Januari 2001 menetapkan kutipan bayaran deposit peralatan *External Fixator* (EF) hendaklah dibuat sebelum pesakit discaj dari hospital.

Semakan Audit mendapati bayaran deposit peralatan EF oleh 278 pesakit di semua hospital dibuat dalam tempoh antara 10 hingga 210 hari. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada bayaran deposit tersebut diselesaikan pada, sebelum atau selepas pesakit discaj dari hospital. Ini adalah kerana hospital tidak menyediakan senarai pesakit yang meminjam peralatan berkenaan. Mengikut HTAA dan HRPB, penetapan tempoh bayaran deposit peralatan EF yang mengikut jenis kes pembedahan adalah sukar ditentukan memandangkan kompleksiti kes yang berbeza-beza. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 12.12
TEMPOH BAYARAN DEPOSIT PERALATAN *EXTERNAL FIXATOR*

HOSPITAL	TEMPOH BAYARAN DEPOSIT PERALATAN *EXTERNAL FIXATOR* (Hari)
Tengku Ampuan Afzan	10 - 33
Tengku Ampuan Rahimah	10 - 147
Sungai Buloh	10 - 210
Raja Permaisuri Bainun	10 - 28
Sultanah Bahiyah	10 - 56

Sumber : Rekod Pemasangan Alat External Fixator Di Dewan Bedah Ortopedik Dan Baucar Bayaran Deposit Alat External Fixator Di Hospital Yang Dilawati

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap kutipan bayaran deposit peralatan EF adalah tidak memuaskan kerana tiada mekanisme khusus diwujudkan bagi mengenal pasti pesakit yang masih belum menjelaskan bayaran sebelum discaj dari hospital. Pemantauan yang longgar mengakibatkan pengurusan kutipan bayaran deposit peralatan EF tidak dapat dilaksanakan dengan cekap.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 31 Disember 2015 Dan 21 Mac 2016

Tempoh deposit pesakit tidak dapat ditentukan kerana kompleksiti kes yang berbeza-beza. Pengutipan deposit alat EF akan dibuat dalam tempoh munasabah iaitu dari tarikh ia dipasang. Bagaimanapun, ia tertakluk kepada pengurusan sesuatu kes dari semasa ke semasa. Sekiranya ada pertambahan atau perubahan kadar deposit alat EF, tambahan kutipan deposit akan dibuat lagi. Selain itu, HRPB telah mengambil tindakan di mana Senarai Borang Pemasangan dan Surat Pengesahan Pembukaan telah diserahkan kepada Unit Hasil untuk tujuan pemantauan kutipan.

12.5.5.2. Pemantauan Pemulangan Peralatan *External Fixator*

Sebelum pemasangan peralatan EF, pesakit perlu didaftarkan sebagai pesakit dalam wad ortopedik terlebih dahulu. Seterusnya proses pemasangan peralatan EF dijalankan di Dewan Bedah Ortopedik. Proses pembukaan peralatan EF pula dikendalikan oleh Penolong Pegawai Perubatan (PPP) di Klinik Ortopedik.

Pesakit akan membawa borang pinjaman peralatan EF dan resit pembayaran untuk disahkan oleh PPP. Selepas itu, pesakit boleh mendapatkan bayaran balik deposit daripada Unit Hasil. Secara ringkasnya, tempoh peminjaman peralatan EF bermula dari proses pemasangan alat terlibat sehingga proses pemulangannya kepada PPP setelah rawatan selesai.

Semakan Audit mendapati maklumat tarikh pemasangan peralatan EF ada direkodkan oleh pihak Dewan Bedah Ortopedik dan maklumat tarikh pemulangannya juga direkodkan oleh PPP dalam borang peminjaman peralatan EF. Semakan lanjut mendapati tiada pemantauan untuk memastikan peralatan EF dikembalikan oleh pesakit selepas rawatan selesai. Pihak Audit dimaklumkan oleh HTAA tempoh peminjaman peralatan EF sukar ditetapkan memandangkan proses penyembuhan pesakit adalah berbeza-beza. Tempoh peminjaman peralatan EF di semua hospital adalah antara 10 hingga 508 hari seperti jadual berikut:

JADUAL 12.13
TEMPOH PEMINJAMAN PERALATAN *EXTERNAL FIXATOR*

HOSPITAL	TEMPOH PEMINJAMAN PERALATAN *EXTERNAL FIXATOR* (Hari)
Tengku Ampuan Afzan	11 - 367
Tengku Ampuan Rahimah	10 – 321
Sungai Buloh	10 - 478
Raja Permaisuri Bainun	10 - 319
Sultanah Bahiyah	10 - 508

Sumber : ***Rekod Pemasangan Alat External Fixator Di Dewan Bedah Ortopedik Dan Borang Peminjaman Alat External Fixator Di Klinik Ortopedik Hospital Yang Dilawati***

Pada pendapat Audit, tiada pemantauan dan koordinasi antara Dewan Bedah dengan Klinik Ortopedik terhadap tempoh peminjaman dan pemulangan peralatan EF yang mana ia boleh menjejaskan kelancaran operasi rawatan ortopedik.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 31 Disember 2015 Dan 21 Mac 2016

Tempoh penggunaan alat EF oleh pesakit adalah bergantung kepada tahap kepatahan dan proses pemulihan kepatahan. Tambahan pula, terdapat pesakit yang memerlukan tempoh masa lebih lama untuk pulih daripada kepatahan berkenaan. Justeru itu, Penyelia perlu menghubungi pesakit jika tempoh penggunaan alat EF melebihi 3 bulan. Selain itu, Penolong Pegawai Perubatan diminta untuk menjadi penyelaras bagi meneliti tempoh penggunaan alat EF dan memastikan ia dipulangkan oleh pesakit. Selain itu, Jabatan Ortopedik HRPB telah mewujudkan buku rekod penghantaran EF yang telah dibuka di klinik ortopedik dan bagi setiap kes berkenaan, ia akan dihantar ke Dewan Bedah Ortopedik dengan segera. Manakala HTAR pula telah mewujudkan Borang Pemantauan Pemasangan Dan Pembukaan Serta Pemulangan EF yang diselaraskan oleh Penyelia di Klinik Ortopedik.

12.5.5.3. Pemasangan Dan Pemulangan Komponen Alat *External Fixator*

Dewan Bedah Ortopedik biasanya merekodkan kuantiti dan jenis komponen alat *External Fixator* (EF) yang dipasang dalam satu buku log khas bagi membolehkan pemantauan dibuat sama ada oleh pihak Wad atau Klinik Ortopedik. Bagi memudahkan semakan dibuat terhadap kuantiti alat EF yang dikembalikan oleh pesakit, pihak Dewan Bedah Ortopedik akan mengemukakan satu salinan rekod kuantiti dan jenis komponen alat EF kepada Wad dan Klinik Ortopedik. Semasa pesakit mengembalikan alat EF yang dipinjamkan, PPP di Klinik Ortopedik akan mengesahkan kuantiti alat EF yang dikembalikan dengan rekod yang dikemukakan oleh Dewan Bedah Ortopedik sebelum proses pembukaannya dibuat.

Semakan Audit mendapati tiada mekanisme khusus disediakan untuk semua hospital bagi memastikan kuantiti komponen alat EF yang dipasang dan dipulangkan direkodkan dengan teratur dan kemas kini. Adalah didapati sebanyak 16 komponen alat EF bernilai RM2,104 telah dipasang kepada pesakit. Bagaimanapun, komponen peralatan tersebut tidak direkodkan ke dalam daftar pemasangan alat EF di Dewan Bedah. Manakala bagi tempoh yang sama, sebanyak 876 komponen alat EF bernilai RM0.24 juta yang dikembalikan melalui borang yang sama oleh pesakit tidak disahkan kuantitinya oleh PPP. Pemantauan yang longgar boleh mendatangkan risiko kerugian kepada hospital terlibat kerana terpaksa membeli semula komponen alat terlibat yang tidak mencukupi. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 12.14
KUANTITI KOMPONEN ALAT *EXTERNAL FIXATOR* YANG DIPASANG TERHADAP PESAKIT TIDAK DIREKODKAN DAN YANG DIKEMBALIKAN TIDAK DISAHKAN

HOSPITAL	KUANTITI KOMPONEN ALAT EF DIPASANG (UNIT)	*ANGGARAN KOS KOMPONEN ALAT EF DIPASANG (RM)	KUANTITI KOMPONEN ALAT EF DIKEMBALIKAN (UNIT)	*ANGGARAN KOS KOMPONEN ALAT EF DIKEMBALIKAN (RM)
Tengku Ampuan Afzan	-	-	281	37,710
Tengku Ampuan Rahimah	16	2,104	595	203,406
JUMLAH	**16**	**2,104**	**876**	**241,116**

Sumber : Rekod Pemasangan Alat External Fixator Di Dewan Bedah Ortopedik Dan Borang Peminjaman Alat External Fixator Di Klinik Ortopedik Hospital Yang Dilawati

Nota : (*) - Anggaran Kos Komponen Alat External Fixator Diperoleh Daripada Sebut Harga Pembekal Di Pasaran Luar

(-) - Tiada Kes Kuantiti Komponen Alat EF Dipasang Di Dewan Bedah Ortopedik Yang Tidak Direkodkan

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pengurusan pemasangan dan pemulangan komponen alat EF di hospital secara keseluruhannya adalah tidak memuaskan. Akibatnya hospital tidak dapat menentukan sama ada kuantiti alat EF yang dipulangkan oleh pesakit adalah bersamaan dengan yang dipasang terhadap anggotanya.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 31 Disember 2015 Dan 21 Mac 2016

HTAA mempunyai data pemasangan produk implan bagi 3 tahun mulai 2013 hingga 2015. Bagaimanapun, data tersebut tidak dinyatakan secara terperinci. Justeru itu bagi memastikan semua pesakit yang meminjam komponen alat EF memulangkannya, satu format borang alat EF berserta carta aliran pemasangannya telah disediakan untuk kegunaan pada masa hadapan. Selain itu, HTAR telah mewujudkan Borang Pemantauan Pemasangan Dan Pembukaan Serta Pemulangan EF yang diselaraskan oleh Penyelia di Klinik Ortopedik. Manakala di HRPB pula, Buku Rekod Penghantaran Dan Penerimaan Semula EF akan direkodkan semula di bin kad.

12.5.6. Pengesahan Permohonan Kos Rawatan Melebihi RM10,000 Di Bawah Tabung Bantuan Perubatan

12.5.6.1. Tabung Bantuan Perubatan (TBP) merupakan Kumpulan Wang Amanah yang diwujudkan di bawah Seksyen 10, Akta Acara Kewangan 1957 bertujuan untuk membantu membiayai kos rawatan perubatan kepada golongan tidak berkemampuan dan yang memerlukan rawatan berterusan. Antara konsep utama TBP adalah ia merupakan bantuan untuk rawatan perubatan yang perlu dilaksanakan dalam negara sahaja dan diberikan sebelum rawatan dijalankan. Bantuan rawatan perubatan adalah terdiri daripada peralatan perubatan dan peralatan untuk tujuan rehabilitasi yang meliputi pemulihan asas. Selain itu, syarat utama kelayakan permohonan TBP adalah warganegara Malaysia, pesakit miskin/kurang mampu yang disokong oleh Pegawai Kerja Sosial Perubatan (PKSP), pesakit yang dirujuk oleh hospital KKM dan pesakit yang berdaftar dengan e-Kasih di Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.

12.5.6.2. Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 19 Tahun 2008 pula menetapkan bagi memastikan ketelusan pemilihan serta kesesuaian implan yang akan digunakan, Jawatankuasa Implan Dan Prostesis yang dianggotai oleh Pengarah Hospital (Pengerusi), pakar yang memohon implan/prostesis untuk pesakit, pakar daripada disiplin lain dan pegawai JKSP (Urusetia) hendaklah ditubuhkan untuk mengesahkan permohonan implan/prostesis yang berharga melebihi RM10,000.

12.5.6.3. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Implan Dan Prostesis Hospital tidak ditubuhkan di hospital yang dilawati. Semakan lanjut mendapati 91 (37.1%) daripada 245 fail permohonan bantuan TBP yang diterima melibatkan permohonan kos peralatan melebihi RM10,000 dan kesemuanya berjumlah RM1.69 juta tidak disahkan oleh Jawatankuasa Implan Dan Prostesis. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 12.15
PERMOHONAN BANTUAN KOS PERALATAN MELEBIHI RM10,000 TIDAK DISAHKAN OLEH JAWATANKUASA

HOSPITAL	KOS PERALATAN	
	BILANGAN	(RM)
Tengku Ampuan Afzan	11	165,200
Tengku Ampuan Rahimah	9	201,000
Sungai Buloh	30	648,085
Raja Permaisuri Bainun	19	320,800
Sultanah Bahiyah	22	353,450
JUMLAH KESELURUHAN	**91**	**1,688,535**

Sumber : Fail Pesakit Tabung Bantuan Perubatan Di Hospital Dilawati

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 31 Disember 2015

Jawatankuasa Implan Dan Prostesis bagi kos rawatan melebihi RM10,000 tidak ditubuhkan di hospital berkenaan kerana didapati kurang praktikal disebabkan melibatkan Pengarah Hospital sebagai Pengerusi. Keadaan ini akan melambatkan proses permohonan TBP. Selepas teguran Audit dibuat, barulah semua hospital terlibat menubuhkan Jawatankuasa Implan Dan Prostesis masing-masing.

Pada pendapat Audit, kelulusan bantuan peralatan implan bernilai melebihi RM10,000 tanpa pengesahan Jawatankuasa Implan Dan Prostesis adalah tidak teratur dan tidak mematuhi pekeliling yang berkuat kuasa.

12.5.7. Pelupusan Stok Bekalan Alat Implan

1PP - KP 6.8 menetapkan pelupusan perlu dilaksanakan terhadap stok yang didapati rosak, luput tempoh penggunaan, tidak boleh digunakan, tidak diperlukan dan tidak bergerak. Semakan Audit mendapati sejumlah 2,010 stok bekalan implan yang bernilai RM328,440 di HTAA dan HSBYH yang tidak digunakan masih lagi disimpan di Stor Unit Dewan Bedah Ortopedik. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan maklumat tahun perolehan stok bekalan implan berkenaan. HTAA memaklumkan pelupusan stok bekalan *K-Nail Femur* dan *K-Nail Tibia* tidak dilaksanakan kerana kurang memahami prosedur pelupusan stok secara terperinci. Stok bekalan implan yang tidak digunakan jika terus dibiarkan di dalam stor boleh mengakibatkan berlakunya masalah ruang penyimpanan. Butiran lanjut adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 12.16
STOK BEKALAN IMPLAN YANG MASIH BELUM DILUPUSKAN

HOSPITAL	TAHUN PEROLEHAN	ITEM IMPLAN		ANGGARAN KOS PER ITEM (RM)	AMAUN (RM)
		JENIS	KUANTITI (UNIT)		
Tengku Ampuan Afzan	TM	K-Nail Femur	842	180	151,560
	TM	K-Nail Tibia	56	180	10,080
JUMLAH KECIL			**898**		**161,640**

HOSPITAL	TAHUN PEROLEHAN	ITEM IMPLAN		ANGGARAN KOS PER ITEM (RM)	AMAUN (RM)
		JENIS	KUANTITI (UNIT)		
Sultanah Bahiyah	TM	Kuntscher Nail	1,112	150	166,800
JUMLAH KECIL			**1,112**		**166,800**
JUMLAH KESELURUHAN			**2,010**		**328,440**

Sumber : Lawatan Fizikal Ke Stor Unit Dewan Bedah Ortopedik HTAA Dan HSBYH Pada 04.06.2015 Dan 26.08.2015
Nota : (TM) - Tiada Maklumat

GAMBAR 12.11

Stor Unit Dewan Bedah Ortopedik, HTAA
- Sebanyak 842 Unit K-Nail Femur Dan 56 Unit K-Nail Tibia Bernilai RM161,640 Masih Belum Dilupuskan Lagi
(04.06.2015)

GAMBAR 12.12



Stor Unit Dewan Bedah Ortopedik, HSBYH
- Sebanyak 1,112 Unit Kuntscher Nail Tibia Dan Femur Bernilai RM166,800 Belum Dilupuskan Lagi
(25.08.2015)

Pada pendapat Audit, pengurusan terhadap pelupusan stok bekalan implan di HTAA dan HSBYH adalah kurang cekap menyebabkan sebanyak 2,010 implan bernilai RM328,440 yang tidak digunakan lagi tidak diambil tindakan pelupusan awal.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 21 Mac 2016

Jawatankuasa Aset HTAA telah melupuskan sejumlah 788 batang K-Nail Femur dan K-Nail Tibia dengan cara menjualkannya tersebut kepada syarikat Mahkota Tyre Services pada 4 Februari 2016. Manakala di HSBYH pula, pelaksanaan pelupusan ini akan diselesaikan dalam tempoh terdekat memandangkan kelewatan adalah disebabkan oleh kerumitan dan masa yang lama untuk mengasingkan sebanyak 1,112 unit implan yang berjumlah RM166,800 mengikut saiz, diameter, panjang dan jenis.

12.6. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang pada masa hadapan, adalah disyorkan supaya KKM dan hospital yang dilawati mempertimbangkan langkah-langkah seperti yang berikut:

12.6.1. memastikan kekosongan jawatan untuk Pakar Ortopedik diisi sepenuhnya bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan ortopedik dan menarik minat Pegawai Perubatan yang baru berkhidmat mengikuti program sub-kepakaran Ortopedik;

12.6.2. meningkatkan koordinasi dan pemantauan semua pihak yang berkepentingan bagi memastikan senarai produk implan APPL terkini dan sesuai dengan trend semasa penggunaannya serta memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat; dan

12.6.3. mengkaji semula keberkesanan pelaksanaan prosedur pengesahan permohonan bantuan peralatan melebihi RM10,000 menerusi Jawatankuasa Implan Dan Prostesis agar proses kelulusan TBP lebih cepat dan teratur.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

13. PENGURUSAN PERKHIDMATAN SYARIKAT KAWALAN KESELAMATAN SWASTA DI HOSPITAL

13.1. LATAR BELAKANG

13.1.1. Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) telah melantik syarikat kawalan keselamatan swasta (SKKS) bagi meningkatkan kawalan keselamatan harta benda, pesakit, anggota bertugas dan orang awam di hospital. Perolehan perkhidmatan SKKS dibuat melalui kaedah tender terbuka dan sebut harga. Tiga jenis perkhidmatan yang disediakan di bawah kontrak SKKS iaitu pengawal tanpa bersenjata, bersenjata dan perkhidmatan transit wang tunai (CIT). Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, Kementerian telah menawarkan kontrak melalui tender terbuka berjumlah RM271.02 juta melibatkan 45 SKKS di 69 hospital dengan nilai kontrak antara RM0.50 juta hingga RM17.05 juta. Selain itu, kontrak bernilai RM13.75 juta telah ditawarkan melalui sebut harga kepada 53 SKKS di 66 hospital melibatkan nilai antara RM0.27 juta hingga RM0.49 juta. Tempoh perkhidmatan SKKS adalah antara satu hingga dua tahun. Sehingga tahun 2015, sebanyak 85 SKKS telah dilantik di 135 hospital dengan nilai kontrak keseluruhan berjumlah RM284.77 juta.

13.1.2. Lapan hospital di 5 negeri telah dilawati oleh pasukan Audit melibatkan 18 kontrak dengan nilai keseluruhan berjumlah RM81.74 juta seperti jadual berikut:

JADUAL 13.1
NEGERI, HOSPITAL DAN KONTRAK SKKS YANG DIAUDIT

NEGERI	HOSPITAL	NAMA SYARIKAT	RUJUKAN KONTRAK/ SEBUT HARGA	TEMPOH KONTRAK	NILAI KONTRAK (RM Juta)
Melaka	Melaka	Kawalan Keselamatan Anugerah Sdn. Bhd.	KKM-27/2013/K/ MELAKA (KS)	01.03.2013 - 01.03.2015	7.71
		Armoured Protection & Investigation Service (M) Sdn. Bhd.	KKM-3/2015/K/MELAKA (KS)	01.03.2015 - 01.03.2017	8.86
	Alor Gajah	Safe Force (M) Sdn. Bhd.	KKM(KS-A.GAJAH) 167/2011	03.12.2012 - 03.12.2014	1.58
		One M Secureforce Sdn. Bhd.	KKM-268/2014/K/ALOR GAJAH (KS)	03.12.2014 - 03.12.2016	1.93
Negeri Sembilan	Tuanku Jaafar	Freightwatch G Patomotoh Security Services Sdn. Bhd.	KKM(KS-SEREMBAN) 71/2012	15.07.2012 - 15.07.2014	6.56
		Freightwatch G Patomotoh Security Services Sdn. Bhd.	KKM-154/2014/K/ SEREMBAN (KS)	15.07.2014 - 15.07.2016	15.14
	Tuanku Ampuan Najihah	Syarikat Liberty Force Sdn. Bhd.	KKM (KS-K.PILAH) 45/2012	01.05.2012 - 01.05.2014	1.62
		Syarikat Kawal N.S Sdn. Bhd.	KKM-93/2014/K/K.PILAH (KS)	01.05.2014 - 01.05.2016	2.14
Selangor	Serdang	AHM Concultancy & Security Services Sdn. Bhd.	KKM(KS-SERDANG) 83/2012	01.08.2012- 01.08.2014	6.37
		Moza Security Sdn. Bhd.	KKM-183/2014/K/ SERDANG (KS)	01.08.2014 - 01.08.2016	8.25

NEGERI	HOSPITAL	NAMA SYARIKAT	RUJUKAN KONTRAK/ SEBUT HARGA	TEMPOH KONTRAK	NILAI KONTRAK (RM Juta)
Wilayah Persekutuan	Putrajaya	Cemerlang Protection Sdn. Bhd.	KKM65/2013/K/ PUTRAJAYA (KS)	01.06.2013 - 01.06.2015	3.70
		Cobra Force Sdn. Bhd.	KKM64/2015/K/ PUTRAJAYA (KS)	01.06.2015 - 01.06.2017	4.12
Sarawak	Umum Sarawak/ Pusat Jantung	SRT-EON Security Services Sdn. Bhd.	JKNSWK-1/2012 (HUS-KW)T(33/2012) *	19.07.2012 - 18.07.2014	4.87
		Freightwatch G Patomotoh Security Services Sdn. Bhd.	HUS/EP/110/B/K67/82/13	04.08.2013- 03.11.2013	0.47
		One Mission Security Services Sdn. Bhd.	JKNSWK-22/2013(HUS-KW)T(80/2013)	04.11.2013 - 03.11.2015	5.82
		Kawalan Keselamatan Sdn. Bhd.	JKNSWK-6/2013(P.J. HUS-KW)T (48/2013)**	01.07.2013 - 30.06.2015	2.19
	Raja Charles Brooke Memorial	SRT-EON Security Services Sdn. Bhd.	RCBM-01/2011	03.11.2011 - 02.11.2013	0.16
		Shelter Security Services Sdn. Bhd.	RCBM-02/2013	03.11.2013 - 02.11.2015	0.25
JUMLAH					81.74

Sumber : ***BPPs Dan Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak***
Nota : ***(*) - Kontrak Ditamatkan***
(**) - Kontrak Disambung Atas Dasar Bulan Ke Bulan

13.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan perkhidmatan SKKS di hospital telah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

13.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi pengurusan kontrak, pematuhan fasal dalam perjanjian kontrak, pembayaran, pemotongan, penalti/denda, pemantauan dan penyelenggaraan rekod/dokumen. Pengauditan telah dijalankan di Bahagian Perolehan Dan Penswastaan Kementerian dan 8 hospital yang dipilih iaitu Hospital Melaka (HM); Hospital Alor Gajah (HAG); Hospital Tuanku Jaafar (HTJ); Hospital Tuanku Ampuan Najihah (HTAN); Hospital Putrajaya (HPj); Hospital Serdang (HSdg); Hospital Umum Sarawak (HUS)/Pusat Jantung Hospital Umum Sarawak (PJHUS) dan Hospital Rajah Charles Brooke Memorial (HRCBM) meliputi tempoh tahun 2012 hingga 2015 khususnya terhadap kontrak yang masih berkuat kuasa.

13.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan di Bahagian Perolehan Dan Penswastaan Kementerian dan 8 hospital yang dipilih. Temu bual dan sesi perbincangan dengan pegawai yang terlibat di peringkat Kementerian, hospital dan SKKS juga telah diadakan. *Exit Conference* bersama Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan dan pegawai-pegawai kanan Kementerian termasuk pengarah Jabatan Kesihatan Negeri dan pengarah hospital yang terlibat telah diadakan pada 8 Januari 2016. Mesyuarat turut dihadiri oleh wakil daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Jabatan Peguam Negara (JPN) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

13.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan di Bahagian Perolehan Dan Penswastaan Kementerian dan 8 hospital [Hospital Melaka (HM); Hospital Alor Gajah (HAG); Hospital Tuanku Jaafar (HTJ); Hospital Tuanku Ampuan Najihah (HTAN); Hospital Putrajaya (HPj); Hospital Serdang (HSdg); Hospital Umum Sarawak (HUS)/Pusat Jantung Hospital Umum Sarawak (PJHUS) dan Hospital Rajah Charles Brooke Memorial (HRCBM)] antara bulan Jun hingga September 2015 mendapati pengurusan perkhidmatan SKKS adalah memuaskan dalam aspek tindakan terhadap kontraktor yang tidak mematuhi syarat perjanjian. Bagaimanapun, pengurusan perkhidmatan SKKS adalah kurang memuaskan khususnya berkenaan dengan pengurusan perjanjian kontrak dan pematuhan, pengurusan dan pemotongan bayaran dan penalti seperti yang berikut:

i. percanggahan antara perjanjian kontrak dan SST;

ii. ketidakpatuhan terhadap pra-syarat lantikan pengawal keselamatan seperti had umur yang ditetapkan; menjalani pemeriksaan kesihatan tahunan; lulus tapisan keselamatan; lulus ujian air kencing; menjalani kursus *Certified Security Guard* (CSG); penyediaan alat dan kelengkapan; dan penggunaan perkhidmatan CIT oleh pihak ketiga tanpa kelulusan;

iii. pembayaran, pemotongan terhadap kualiti perkhidmatan dan penalti dikenakan kurang teratur di 5 hospital iaitu HAG, HTJ, HSdg, HUS dan PJHUS telah menyebabkan lebihan bayaran berjumlah RM235,895; dan

iv. 54 kes kelewatan menjelaskan bayaran perkhidmatan melibatkan amaun berjumlah RM8.08 juta antara 10 hingga 207 hari di 3 hospital iaitu HM, HAG dan HPj.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan maklum balas Kementerian adalah seperti perenggan berikut:

13.5.1. Pengurusan Tender Dan Perjanjian Kontrak

13.5.1.1. Percanggahan Antara Perjanjian Kontrak Dan SST

Mengikut perjanjian kontrak pengawal peronda dikehendaki membuat rondaan, tinjauan dan pemerhatian serta membuat *clocking* setiap jam di tempat-tempat yang ditetapkan. Manakala dalam Lampiran 4, Jadual C kepada SST pula menetapkan peraturan pelaksanaan *clocking* atau *Guard Tour System* (GTS) dilaksanakan setiap dua jam atau sekurang-kurangnya 12 kali dalam tempoh 24 jam. Semakan Audit mendapati berlaku percanggahan terma berkaitan rondaan yang dinyatakan dalam perjanjian kontrak dan SST di HM, HAG dan HTJ. Percanggahan ini menyebabkan pelaksanaan *clocking* di 3 hospital berkenaan dibuat setiap dua jam iaitu mengikut terma dalam SST.

Pada pendapat Audit, perjanjian kontrak dan SST perlu diselaraskan.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 14 Mac 2016

Kerajaan yang diwakili oleh KKM dan syarikat kawalan keselamatan telah menandatangani Perjanjian Tambahan berkaitan pindaan pelaksanaan clocking atau Guard Tour System (GTS) daripada setiap satu jam kepada dua jam di HM pada 7 Januari 2016, di HAG pada 22 Disember 2015 dan di HTJ pada 8 Januari 2016.

13.5.1.2. Perkhidmatan Rondaan

Kontraktor dikehendaki membuat rondaan mengikut kekerapan yang ditetapkan dalam perjanjian kontrak. Semakan Audit terhadap perjanjian kontrak mendapati perkara seperti yang berikut:

a. Tiada Fasal Denda Terhadap Kegagalan Menjalankan Rondaan

Perjanjian kontrak di HM, HAG, HTJ, HTAN, HSdg dan HPj telah menetapkan rondaan mengikut selang waktu di lokasi/*checkpoint* tertentu tanpa menetapkan kaedah denda terhadap kegagalan menjalankan rondaan. Manakala bagi perjanjian kontrak di PJHUS dan HRCBM tiada fasal berkaitan rondaan dan denda. Di HM, HAG, HTAN dan HSdg walaupun fasal denda tidak dinyatakan dalam perjanjian kontrak, pihak hospital telah mengambil inisiatif mengenakan denda di bawah pemotongan kualiti. Butiran adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 13.2
KONTRAK TANPA FASAL RONDAAN/ DENDA

HOSPITAL	NAMA SYARIKAT	RUJUKAN KONTRAK/ SEBUT HARGA	TEMPOH KONTRAK	FASAL	
				RONDAAN	DENDA
HM	Armoured Protection & Investigation Service (M) Sdn. Bhd.	KKM-3/2015/K/MELAKA(KS)	01.03.2015 - 01.03.2017	✓	X
HAG	One M Secureforce Sdn. Bhd.	KKM-268/2014/K/ ALORGAJAH(KS)	03.12.2014 - 03.12.2016	✓	X
HTJ	Freightwatch G Patomotoh Security Services Sdn. Bhd.	KKM-154/2014/K/SEREMBAN (KS)	15.07.2014 - 15.07.2016	✓	X
HTAN	Syarikat Kawal N.S Sdn. Bhd.	KKM-93/2014/K/K.PILAH(KS)	01.05.2014 - 01.05.2016	✓	X
HSdg	Moza Security Sdn. Bhd.	KKM-183/2014/K/SERDANG (KS)	01.08.2014 - 01.08.2016	✓	X
HPj	Cobra Force Sdn. Bhd.	KKM64/2015/K/PUTRAJAYA (KS)	01.06.2015 - 01.06.2017	✓	X
HUS/ PJHUS	Kawalan Keselamatan Sdn. Bhd.	JKNSWK-6/2013(P.J.HUS-KW)T (48/2013)	01.07.2013 - 30.06.2015	X	X
HRCBM	Shelter Security Services Sdn. Bhd.	RCBM-02/2013	03.11.2013 - 02.11.2015	X	X

Sumber : BPPs Dan Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
Nota : ✓ - Dinyatakan Dalam Kontrak
X - Tidak Dinyatakan Dalam Kontrak

Pada pendapat Audit, fasal denda terhadap kegagalan menjalankan rondaan perlu dinyatakan dalam perjanjian kontrak bagi menjamin kepentingan Kerajaan.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 14 Mac 2016

KKM sedang dalam tindakan untuk melaksanakan semula fasal denda terhadap kegagalan menjalankan rondaan bagi kontrak perkhidmatan kawalan keselamatan yang baharu dengan mengambil kira best practices pelaksanaan oleh kementerian-kementerian lain. Di HM, kontraktor telah mempersetujui penetapan kadar terhadap kegagalan menjalankan rondaan pada sesi Mesyuarat Validasi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Swasta Bil.1/2016 pada 7 Januari 2016.

13.5.2. Pelaksanaan Perjanjian Kontrak

13.5.2.1. Pra-syarat Lantikan Pengawal Keselamatan

Secara amnya, antara syarat pelantikan seseorang pengawal keselamatan adalah warganegara Malaysia, sihat tubuh badan dan mental, berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak melebihi 55 tahun (sekiranya melebihi 56 hingga 65 tahun hendaklah disahkan tahap kesihatan oleh pegawai perubatan setiap tahun), lulus tapisan keselamatan, lulus ujian air kencing dan telah menjalani kursus *Certified Security Guard* (CSG).

a. Di HM, daripada 135 pengawal keselamatan, seramai 35 (25.9%) berumur melebihi 55 sehingga 65 tahun tidak menjalani pemeriksaan kesihatan tahunan (2 pengawal berumur melebihi 65 tahun iaitu masing-masing berumur 67 tahun dan 70 tahun). Selain itu, semua pengawal keselamatan tidak menjalani tapisan keselamatan, ujian air kencing dan tidak mempunyai sijil CSG.

b. Di HTAN, daripada 35 pengawal keselamatan, seramai 4 (11.4%) berumur melebihi 55 sehingga 65 tahun tidak menjalani pemeriksaan kesihatan tahunan manakala 2 (5.7%) pengawal berumur melebihi 65 tahun iaitu masing-masing berumur 66 tahun dan 67 tahun, 8 (22.9%) pengawal tidak menjalani tapisan keselamatan dan 26 (74.3%) pengawal tidak mempunyai sijil CSG.

c. Di HSdg, daripada 126 pengawal keselamatan, seramai 3 (2.4%) berumur melebihi 55 sehingga 65 tahun tidak menjalani pemeriksaan kesihatan tahunan, 60 (47.6%) tiada tapisan keselamatan, 98 (77.8%) tiada ujian air kencing dan 120 (95.2%) tidak mempunyai sijil CSG.

d. Maklumat terperinci adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 13.3
KETIDAKPATUHAN PRA-SYARAT LANTIKAN PENGAWAL KESELAMATAN

HOSPITAL	RUJUKAN KONTRAK/ SEBUT HARGA	JUMLAH PENGAWAL DISEDIAKAN/ KONTRAK	UMUR (56-65 TAHUN)	TIADA TAPISAN	TIADA UJIAN AIR KENCING	TIADA CSG
HM	KKM-3/2015/K/MELAKA (KS)	135/200	35* (25.9%)	135 (100%)	135 (100%)	135 (100%)
HTAN	KKM-93/2014/K/K.PILAH (KS)	35/47	6* (17.1%)	8 (22.9%)	-	26 (74.3%)
HSdg	KKM-183/2014/K/SERDANG (KS)	126/171	3 (2.4%)	60 (47.6%)	98 (77.8%)	120 (95.2%)

Sumber : Perjanjian Kontrak Dan Data Perjawatan SKKS
Nota : (*) – Termasuk Pengawal Berumur Melebihi 65 Tahun

GAMBAR 13.1

Pengawal Bersenjata Berumur 66 Tahun (17.06.2015)

GAMBAR 13.2

Pengawal Bersenjata Berumur 67 Tahun (17.06.2015)

Pada pendapat Audit, pematuhan kepada pra-syarat lantikan pengawal keselamatan adalah kurang memuaskan dan hendaklah dipatuhi bagi menjamin kualiti perkhidmatan.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 14 Mac 2016

Di HM, semua pengawal yang berumur antara 55 hingga 65 telah menjalani pemeriksaan kesihatan tahunan dan tiada lagi pengawal keselamatan melebihi had umur yang bertugas. Permohonan tapisan keselamatan telah dikemukakan kepada Kementerian Dalam Negeri dan semua pengawal telah menjalani ujian air kencing pada 10, 18 Disember 2015 dan 8 Januari 2016 dengan kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah Melaka Tengah. Manakala pelaksanaan CSG akan dibuat berdasarkan surat arahan Kementerian Dalam Negeri bertarikh 1 April 2015.

Di HTAN, kontraktor telah menamatkan perkhidmatan pengawal keselamatan yang berumur melebihi 65 tahun pada 25 Disember 2015 dan pengawal berumur melebihi 55 hingga 65 tahun yang tidak menjalani pemeriksaan kesihatan telah berhenti berkhidmat. Seramai 9 pengawal telah memperoleh sijil CSG dan selebihnya akan diusahakan secara berperingkat.

Di HSdg, semua pengawal berumur antara 55 hingga 65 tahun telah menjalani pemeriksaan kesihatan. Sehingga Januari 2016, seramai 80 pengawal telah lulus tapisan keselamatan, baki 46 pengawal masih dalam proses dan 24 pengawal telah menjalani kursus CSG.

13.5.2.2. Penyediaan Alat Dan Kelengkapan

Kontraktor dikehendaki menyediakan alat dan kelengkapan yang mencukupi seperti alat perhubungan *walkie talkie*, cotar, wisel dan peralatan *GTS/Clocking*. Pemeriksaan Audit di HM, HUS dan PJHUS mendapati peralatan *walkie talkie* yang dibekalkan tidak mencukupi di mana hanya 35 (50%), 4 (9%) dan 10 (59%) unit dibekalkan berbanding 70, 44 dan 17 unit *walkie talkie* yang patut dibekalkan sebagaimana yang dinyatakan dalam kontrak. Manakala di HTAN peralatan *walkie talkie* tidak dibekalkan langsung. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 13.4
PERALATAN PERHUBUNGAN *WALKIE TALKIE*
YANG DIBEKALKAN KEPADA PENGAWAL KESELAMATAN

HOSPITAL	RUJUKAN KONTRAK/ SEBUT HARGA	BIL. *WALKIE TALKIE*		
		KONTRAK	PEMERIKSAAN AUDIT	PERBEZAAN
HM	**KKM-3/2015/K/MELAKA (KS)**	**70**	**35**	**35**
HAG	KKM-268/2014/K/ALOR GAJAH (KS)	21	21	0
HTAN	**KKM-93/2014/K/K.PILAH (KS)**	**7**	**0**	**7**
HSdg	KKM-183/2014/K/SERDANG (KS)	49	49	0
HPj	KKM-64/2015/K/PUTRAJAYA (KS)	50	50	0
HUS	**JKNSWK-22/2013(HUS-KW)T(80/2013)**	**44**	**4**	**40**
PJHUS	**JKNSWK-6/2013(PJ.HUS-KW)T(48/2013)**	**17**	**10**	**7**
HRCBM	RCBM-02/2013	2	2	0

Sumber : Perjanjian Kontrak Dan Pemeriksaan Audit

Pada pendapat Audit, peralatan *walkie talkie* yang tidak mencukupi boleh menjejaskan keberkesanan perhubungan antara pengawal keselamatan dan pihak pengurusan hospital.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 14 Mac 2016

HUS dan PJHUS mengambil maklum teguran Audit dan telah mengarahkan pihak kontraktor untuk membekalkan peralatan walkie talkie secukupnya.

Di HM, kontraktor telah menyediakan sebanyak 70 unit walkie talkie pada 16 Februari 2016 bagi mematuhi syarat kontrak.

Di HTAN, wakie-talkie yang rosak telah diganti pada bulan November 2015. Pemantauan akan dijalankan secara berterusan untuk memastikan kontraktor membekalkan walkie talkie secukupnya.

13.5.2.3. Keselamatan Kaunter Hasil Dan Perkhidmatan Transit Wang Tunai (CIT)

a. Keselamatan Kaunter Kutipan Hasil

Bagi menepati ciri-ciri keselamatan kaunter kutipan hasil, pengawal keselamatan bersenjata hendaklah ditempatkan di kaunter hasil. Semakan Audit mendapati kelemahan seperti yang berikut:

i. Di HAG pengawal keselamatan tidak ditempatkan di kaunter hasil disebabkan tidak termasuk dalam skop *post*/lokasi yang perlu ditempatkan pengawal keselamatan dalam perjanjian kontrak KKM-268/2014/K/ALOR GAJAH (KS).

ii. Di HM mengikut perjanjian kontrak pengawal keselamatan bersenjata perlu ditempatkan di kaunter hasil. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit mendapati pengawal keselamatan tanpa senjata yang ditempatkan di kaunter hasil.

iii. Kaunter hasil yang terlibat adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 13.3



Tiada Pengawal Bersenjata Ditempatkan Di Kaunter Hasil Di HAG (10.06.2015)

GAMBAR 13.4



Pengawal Keselamatan Tidak Bersenjata Ditempatkan Di Kaunter Hasil Di HM (10.06.2015)

b. Perkhidmatan Transit Wang Tunai

Perkhidmatan transit wang tunai (CIT) ialah membawa wang tunai dari hospital ke bank diperincikan dalam kontrak dengan bilangan perkhidmatan dikehendaki sebulan dan harga *per run*. Pemeriksaan Audit mendapati di HAG, kontrak KKM(KS-A.GAJAH) 167/2011 yang dilaksanakan oleh syarikat Safe Force (M) Sdn. Bhd. berkuat kuasa mulai 3 Disember 2012 hingga 3 Disember 2014 sejumlah RM20,352 telah dinyatakan dalam harga kontrak untuk perkhidmatan CIT. Semakan Audit mendapati kontraktor gagal menyediakan perkhidmatan CIT pada tahun 2013 dan 2014 dan tugas memasukkan wang ke bank telah dilaksanakan oleh pegawai unit hasil. Bagaimanapun, tiada bayaran dibuat kepada kontraktor bagi perkhidmatan

CIT bagi tempoh berkenaan. Selain itu, perkhidmatan CIT bagi kontrak yang sedang berkuat kuasa KKM-268/2014/K/ALOR GAJAH (KS) mulai 3 Disember 2014 hingga 3 Disember 2016 oleh syarikat One M Secure Force Sdn. Bhd. telah dijalankan oleh pihak ketiga iaitu SRT-EON Security tanpa kelulusan Kementerian dan ini bertentangan dengan fasal dalam perjanjian kontrak.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 22 Disember 2015 Dan 14 Mac 2016

Di HAG langkah-langkah yang diambil adalah seperti mengkaji keperluan menempatkan pengawal bersenjata di kaunter berdasarkan perbandingan jumlah kutipan hasil harian dengan kos bayaran menempatkan pengawal bersenjata; cadangan pengubahsuaian kaunter hasil; dan memastikan keselamatan petugas di kaunter terbuka terjamin.

KKM juga telah bersetuju membenarkan syarikat One M Secure Force Sdn. Bhd. menggunakan pihak ketiga iaitu SRT-EON Security untuk menjalankan perkhidmatan transit wang tunai (CIT) di HAG melalui surat bertarikh 18 Disember 2015.

Di HM, 10 pengawal keselamatan telah diluluskan lesen menggunakan senjata api oleh Ibu Pejabat Polis Daerah Melaka Tengah pada 25 Februari 2016. Manakala baki pengawal keselamatan yang masih belum mendapat kelulusan lesen, KKM memberi tempoh sehingga 1 April 2016 kepada kontraktor untuk menyelesaikannya.

13.5.2.4. Kes Kehilangan Aset

Mengikut perjanjian, Kerajaan boleh memotong bayaran perkhidmatan sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan harta Kerajaan yang disebabkan kecuaian, kelalaian atau salah laku kontraktor. Semakan Audit mendapati perkara seperti yang berikut:

a. Di HAG, kontrak kawalan keselamatan menetapkan sebanyak 17 pos perlu ditempatkan pengawal keselamatan setiap masa secara statik seperti jadual berikut.

JADUAL 13.5
BILANGAN POS DAN BILANGAN PENGAWAL

BIL.	PERIHAL KAWASAN	BIL. PENGAWAL (Orang)
1.	Pondok Pengawal	1
2.	Pos A (Ketua Pengawal Dan Pengawal Keselamatan) (Pintu Masuk Utama)	4
3.	Pos B (Unit Kecemasan Dan Trauma)	2
4.	Pos C (Lobi Utama)	2
5.	Pos D (Wad 1 Lelaki)	2
6.	Pos E (Wad 2 Perempuan)	2
7.	Pos F (Wad 3 Mateniti)	2

BIL.	PERIHAL KAWASAN	BIL. PENGAWAL (Orang)
8.	Pos G (Kuarters Kakitangan)	2
9.	Pos H (Dewan Bersalin)	2
10.	Pos I (Asrama Jururawat)	2
11.	Pos J (Dapur/Stor Perubatan)	2
12.	Pos K (Farmasi/JPL/Pakar)	2
13.	Pos M (Bilik Kawalan CCTV)	2
14.	Pos N (Pintu Masuk Hemodialisis)	2
15.	Pos P (Parking - Kawalan Lalu Lintas)	1
16.	Pos Q (Pengunci Jam)	2
17.	Pos R (Dewan Bedah)	1

Sumber : Perjanjian Kontrak KKM-268/2014/K/ALOR GAJAH (KS)

b. Semakan Audit juga mendapati perjanjian tersebut tidak meliputi pos kawalan keselamatan bagi bangunan hospital lama yang terletak di Jalan Paya Datuk Alor Gajah. Selepas perpindahan ke hospital baharu, hospital lama ini telah dijadikan sebagai Pusat Hemodialisis di bawah seliaan JKN Melaka dan perkhidmatan kawalan keselamatan tidak disediakan. Satu kes kecurian telah berlaku pada 27 Januari 2015 melibatkan kehilangan 17 unit kompresor pendingin hawa yang keseluruhannya bernilai RM32,000. Laporan Awal KEW.PA-28 telah disediakan pada 28 Januari 2015. Butiran kehilangan aset alih Kerajaan seperti jadual berikut:

JADUAL 13.6
LAPORAN AWAL KEHILANGAN PENGHAWA DINGIN DI HOSPITAL ALOR GAJAH

BIL.	NOMBOR PENDAFTARAN ASET	JENAMA DAN MODEL	TARIKH PEMBELIAN	HARGA PEROLEHAN ASAL (RM)
1.	AGH01207	FUJITSU / AOA9AEHC	30.11.2003	2,000
2.	AGH01208	FUJITSU / AOY18ANE	30.11.2003	2,000
3.	AGH01220	FUJITSU / AOY18ANE	30.11.2003	2,000
4.	AGH01221	FUJITSU / AOY18ANE	30.11.2003	2,000
5.	AGH01211	FUJITSU / AOY18ANE	30.11.2003	2,000
6.	AGH01212	FUJITSU / AOY18ANE	30.11.2003	2,000
7.	AGH01214	FUJITSU / AOA9AEHC	30.11.2003	2,000
8.	AGH01217	FUJITSU / AOY18ANE	30.11.2003	2,000
9.	AGH01218	FUJITSU / AOY18ANE	30.11.2003	2,000
10.	AGH01219	FUJITSU / AOY18ANE	30.11.2003	2,000
11.	AGH01209	FUJITSU / AOY18ANE	30.11.2003	2,000
12.	AGH01215	FUJITSU / AOA9AEHC	30.11.2003	2,000
13.	AGH01671	YORK / YSL20C-AMMOB	12.03.2009	1,500
14.	AGH01672	YORK / YSL15C-AMPOH	12.03.2009	1,350
15.	AGH01673	YORK / YSL15C-AMPOH	12.03.2009	1,350
16.	AGH01674	YORK / YSL20C-AMHOB	12.03.2009	1,900
17.	AGH01692	YORK / YSL20C-AMMOB	12.03.2009	1,900
JUMLAH				**32,000**

Sumber : KEW.PA-28 HAG

c. Di HUS, sebanyak 13 unit kompresor pendingin hawa bernilai RM13,000 telah dilaporkan hilang. Kehilangan tersebut berlaku semasa perkhidmatan kontraktor One Mission Security Services Sdn. Bhd. (JKNSWK-22/2013(HUS-KW)T(80/2013). Mengikut siasatan oleh HUS kehilangan tersebut disebabkan kecuaian pihak kontraktor dan ganti rugi perlu dituntut daripada pihak tersebut. Butiran kehilangan aset alih adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 13.7
LAPORAN AKHIR KEHILANGAN PENGHAWA DINGIN DI HUS

BIL.	NOMBOR PENDAFTARAN ASET	RUJUKAN SURAT KELULUSAN	TARIKH KELULUSAN HAPUS KIRA	TARIKH HAPUS KIRA
1.	JKNSWK/150147/H/12/05	Bil.(07)dlm.KKM 57/7/SAR(211)	30.04.2015	29.05.2015
2.	JKNSWK/150119/H/08/84	Bil.(07)dlm.KKM-57/7/SAR(211)	30.04.2015	29.05.2015
3.	JKNSWK/150147/H/12/09	Bil.(07)dlm.KKM-57/7/SAR(211)	30.04.2015	29.05.2015
4.	JKNSWK/150119/H/08/85	Bil.(07)dlm.KKM-57/7/SAR(211)	30.04.2015	29.05.2015
5.	JKNSWK/150147/H/12/14	Bil.(07)dlm.KKM-57/7/SAR(211)	30.04.2015	29.05.2015
6.	JKNSWK/150147/H/12/07	Bil.(07)dlm.KKM-57/7/SAR(211)	30.04.2015	29.05.2015
7.	JKNSWK/150147/H/12/10	Bil.(07)dlm.KKM-57/7/SAR(211)	30.04.2015	29.05.2015
8.	JKNSWK/150147/H/12/06	Bil.(07)dlm.KKM-57/7/SAR(211)	30.04.2015	29.05.2015
9.	JKNSWK/150147/H/12/08	Bil.(07)dlm.KKM-57/7/SAR(211)	30.04.2015	29.05.2015
10.	JKNSWK/150119/H/08/87	Bil.(07)dlm.KKM-57/7/SAR(211)	30.04.2015	29.05.2015
11.	JKNSWK/150130/H/14/02	Bil.(07)dlm.KKM-57/7/SAR(212)	03.06.2015	09.06.2015
12.	JKNSWK/150130/H/14/01	Bil.(07)dlm.KKM-57/7/SAR(212)	03.06.2015	09.06.2015
13.	JKNSWK/150117/H/08/46	Bil.(07)dlm.KKM-57/7/SAR(212)	03.06.2015	09.06.2015

Sumber : KEW.PA-31 HUS

Pada pendapat Audit, kehilangan 17 unit kompresor pendingin hawa bernilai RM32,000 di HAG adalah disebabkan kegagalan pihak hospital dan Jabatan Kesihatan Negeri memastikan premis berkenaan tersenarai dalam kontrak perkhidmatan SKKS. Manakala bagi kehilangan 13 unit kompresor pendingin hawa bernilai RM13,000 di HUS adalah di bawah tanggungjawab kontraktor perkhidmatan SKKS dan HUS hendaklah menuntut ganti rugi dari pihak kontraktor.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 22 Disember 2015

HAG menjangkakan bangunan hospital lama tersebut akan diserah milik kepada pihak kedua semasa kontrak kawalan keselamatan bermula pada Disember 2014. Oleh itu, HAG tidak menempatkan pos pengawal di lokasi tersebut. Setelah kejadian kecurian, tindakan telah diambil berdasarkan Perjanjian Kontrak Fasal 6.3, iaitu menempatkan satu Pos di hospital lama dengan mengurangkan satu Pengawal Keselamatan di Pos A (Pos asal dua orang) tanpa melibatkan perbezaan kos dan bilangan pengawal keselamatan.

HUS telah membuat penilaian harga semasa 13 unit kompresor penghawa dingin tersebut setelah susut nilai. HUS telah memutuskan mengenakan denda ganti rugi sejumlah RM1,000 atas kehilangan kompresor pendingin hawa tersebut. Ganti rugi tersebut telah dituntut melalui pemotongan bayaran perkhidmatan bulan Julai 2015.

13.5.3. Pembayaran, Pemotongan Kualiti Perkhidmatan Dan Penalti

Bayaran perkhidmatan dinyatakan dalam klausa 4 dalam perjanjian kontrak tertakluk kepada pemotongan. Manakala klausa 10 pula menyatakan penalti dikenakan terhadap kegagalan menyediakan pengawal keselamatan. Pihak hospital akan membuat potongan terhadap perkara yang dinyatakan dalam klausa 4 dan klausa 10 dalam perjanjian sebelum bayaran muktamad dilakukan.

13.5.3.1. Bayaran Perkhidmatan

Tuntutan oleh pihak kontraktor pada kadar bayaran penuh berserta 6% cukai barangan dan perkhidmatan (selepas 1 April 2015) dan sebelum tarikh tersebut dinamakan cukai perkhidmatan pada kadar yang sama. Kementerian membenarkan kontraktor menuntut cukai perkhidmatan sebanyak 6% atas amaun tuntutan. Semakan Audit terhadap baucar bayaran bagi tempoh tahun 2012 hingga Jun 2015 mendapati perkara seperti yang berikut:

a. Penalti Dan Cukai Perkhidmatan 6% Tidak Ditolak Daripada Amaun Potongan Menyebabkan Lebihan Bayaran Berjumlah RM235,895

Analisis Audit terhadap 287 baucar bayaran bernilai RM49.16 juta bagi tempoh tahun 2012 hingga Jun 2015 di lapan hospital yang dilawati mendapati perkara seperti yang berikut:

i. Di HAG sejumlah RM475 cukai perkhidmatan 6% tidak ditolak daripada pelarasan bayaran bagi bulan Februari dan Mac 2013;

ii. Di HTJ, HSdg dan PJHUS cukai perkhidmatan tidak ditolak daripada amaun potongan masing-masing berjumlah RM8,530, RM49,199 dan RM1,536; dan

iii. Di HUS, cukai perkhidmatan tidak ditolak daripada amaun potongan berjumlah RM28,306 dan bayaran penuh pada bulan Mei 2015 yang tidak mengambil kira potongan berjumlah RM147,849 menyebabkan kesemua lebihan bayaran berjumlah RM176,155.

Keseluruhan amaun terlebih bayar kepada kontraktor adalah berjumlah RM235,895. Ini bermakna setiap amaun potongan pihak kontraktor memperoleh lebihan bayaran sebanyak 6% atas amaun tersebut. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 13.8
LEBIHAN BAYARAN PERKHIDMATAN KEPADA KONTRAKTOR

HOSPITAL	RUJUKAN KONTRAK/ SEBUT HARGA	TEMPOH BAYARAN	JUMLAH PATUT BAYAR (Berdasarkan Analisis Audit) (RM)	JUMLAH TELAH BAYAR (RM)	LEBIH BAYAR (RM)
HAG	KKM(KS-A.GAJAH) 167/2011	03.12.2012 - 03.12.2014	122,298.91	122,774.69	475.78
HTJ	KKM(KS-SEREMBAN)71/2012	15.07.2012 - 15.07.2014	10,024,416.67	10,030,891.22	6,474.55
	KKM-154/2014/K/SEREMBAN (KS)	15.07.2014 - 30.04.2015	5,881,423.89	5,883,478.87	2,054.98
HSdg	KKM(KS-SERDANG)83/2012	01.08.2012- 01.08.2014	6,438,797.64	6,446,536.57	7,738.93
	KKM-183/2014/K/SERDANG (KS)	01.08.2014 - 31.05.2015	2,471,357.59	2,512,817.21	41,459.62
HUS	JKNSWK-1/2012(HUS-KW)T (33/2012)	19.07.2012 - 03.08.2013	1,421,435.07	1,431,394.31	9,959.24
	HUS/EP/110/B/K67/82/13	04.08.2013- 03.11.2013	452,667.55	454,053.12	1,385.57
	JKNSWK-22/2013(HUS-KW)T (80/2013)	04.11.2013 - 30.04.2015	3,814,330.98	3,831,291.95	16,960.97
		01.05.2015- 31.05.2015	99,074.61	246,923.18	147,848.57
PJHUS	JKNSWK-6/2013(PJ.HUS-KW)T(48/2013)	01.07.2013 - 31.05.2015	1,907,640.74	1,909,177.60	1,536.86
JUMLAH			**32,633,443.65**	**32,869,338.72**	**235,895.07**

Sumber : Baucar Bayaran

Pihak Audit dimaklumkan oleh Unit Kewangan hospital berkenaan bahawa cukai perkhidmatan 6% tidak ditolak daripada amaun potongan sebaliknya dibayar penuh adalah disebabkan pegawai keliru terhadap cara pengiraan potongan dikenakan dan ia tidak ditegur sebelumnya.

Pada pendapat Audit, pengurusan bayaran perkhidmatan adalah kurang memuaskan kerana berlaku lebihan bayaran berjumlah RM235,895.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 22 Disember 2015 Dan 14 Mac 2016

HAG telah mengemukakan surat tuntutan bayaran balik kepada kontraktor bertarikh 17 November 2015.

Di HTJ, lebihan bayaran sejumlah RM8,529.53 telah dituntut semula melalui Baucar Bayaran B5484 dan B9667 masing-masing berjumlah RM5,898.25 dan RM2,631.28.

Di HUS, bagi kontrak JKNSWK-1/2012 (HUS-KW)T(33/2012) masih dalam siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Bagi kontrak HUS/EP/110/B/K67/82/13 pula, surat tuntutan bayaran balik telah dihantar. Manakala bagi kontrak JKNSWK-22/2013(HUS-KW)T(80/2013), semua bayaran terlebih bayar berjumlah RM0.22 juta telah dikutip balik melalui bayaran bank draft dan pemotongan yuran perkhidmatan bulan Disember 2014.

Di PJHUS, bayaran balik telah diterima melalui Resit No. A1037805.

Di HSdg, kontraktor telah menjelaskan tuntutan bayaran balik berjumlah RM7,738.93 melalui surat AHM/KKM (KS-Serdang) bertarikh 7 Januari 2016 dan resit pembayaran bertarikh 28 Januari 2016 telah dikeluarkan.

b. Potongan Dan Penalti Dua Kali Ganda (1+2) Dikenakan

i. Secara umumnya, perjanjian kontrak perkhidmatan SKKS menyatakan bahawa kontraktor boleh dikenakan potongan dan penalti atas ketidakhadiran pengawal keselamatan bertugas pada hari yang berkenaan mengikut kadar upah sejam bagi seorang pengawal keselamatan. Di HSdg fasal perjanjian perkhidmatan menetapkan pembayaran tidak akan dibuat bagi kegagalan menyediakan pengawal keselamatan (Klausa 4) di pos/lokasi yang ditetapkan dan penalti dikenakan (Klausa 10) pada kadar bersamaan harga sejam.

ii. Semakan Audit terhadap bayaran bagi kontrak rujukan KKM(KS-SERDANG)83/2012 yang berkuat kuasa pada 1 Ogos 2012 hingga 1 Ogos 2014 mendapati kegagalan kontraktor menyediakan pengawal keselamatan telah dikenakan potongan manakala penalti sebanyak dua kali ganda juga dikenakan atas amaun potongan tersebut. Potongan kualiti perkhidmatan juga dikenakan pada kadar dua kali ganda. Pihak Audit telah membuat pengiraan semula (melaraskan semula potongan kegagalan menyediakan pengawal dan penalti, pelarasan di bawah Perintah Gaji Minimum 2012 dan fi perkhidmatan eP yang tidak diambil kira) mendapati sejumlah RM7,739 telah terlebih bayar kepada kontraktor.

c. Fi Perkhidmatan eP Tidak Dikenakan

Mengikut 1PP-PK 5/2013, perolehan secara elektronik yang dibuat menggunakan perkhidmatan eP hendaklah dikenakan fi perkhidmatan eP antara 0.4% hingga 0.8% dan amaun ini hendaklah dikredit ke kod 75537 untuk dibayar kepada Commerce Dot Com Sdn. Bhd. Semakan Audit mendapati fi perkhidmatan eP di HSdg bagi dua kontrak rujukan KKM(KS-SERDANG)83/2012 dan KKM-183/2014/K/SERDANG (KS) tidak dikenakan sepanjang tempoh perkhidmatan SKKS tersebut sehingga bayaran pada bulan Mei 2015 (semasa lawatan Audit pada bulan Julai 2015). Berdasarkan pengiraan Audit, sejumlah RM61,851 telah terlebih bayar kepada kontraktor kerana fi perkhidmatan eP tidak ditolak daripada tuntuan bayaran perkhidmatan bagi tempoh bulan Ogos 2012 hingga Mei 2015.

Pada pendapat Audit, potongan dan penalti dua kali ganda (1+2) dikenakan terhadap ketidakhadiran pengawal keselamatan bertugas tidak selari dengan fasal yang dinyatakan dalam perjanjian kontrak. Pembayaran kepada kontraktor tanpa ditolak fi perkhidmatan eP adalah tidak teratur dan tidak mematuhi pekeliling semasa yang berkuat kuasa serta menyebabkan lebihan bayaran kepada kontraktor. Siasatan menyeluruh hendaklah dilakukan terhadap semua kontrak memandangkan semakan Audit adalah secara persampelan.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 14 Mac 2016

Di HSdg, kontraktor telah menjelaskan tuntutan bayaran balik sebanyak RM7,738.93 melalui surat AHM/KKM (KS-Serdang) bertarikh 7 Januari 2016 dan resit pembayaran rujukan HSDG 220/2/01 Jld. 2 (24) bertarikh 28 Januari 2016 telah dikeluarkan. Bayaran balik bagi kontrak KKM (KS-SERDANG) 183/2014 berjumlah RM41,459.62 telah dipotong pada 10 Mac 2016 melalui invois tuntutan bulan Februari 2016.

13.5.3.2. Kelewatan Menjelaskan Bayaran Perkhidmatan

Kontraktor hendaklah mengemukakan invois lengkap bersama dokumen-dokumen lain yang berkaitan kepada Kerajaan bagi tujuan menuntut bayaran atas perkhidmatan yang dilaksanakan setiap bulan. Hospital dikehendaki menjelaskan tuntutan dalam tempoh 14 hari dari tarikh dokumen-dokumen berkenaan diserahkan selaras dengan Arahan Perbendaraan 103(a). Pembayaran melalui sistem eP hanya boleh dilakukan sekiranya invois telah dicipta dalam sistem dan dipadankan dengan nota minta. Penentuan kelewatan bayaran dikira berdasarkan 14 hari selepas tarikh serahan dokumen tuntutan. Semakan Audit terhadap 287 baucar bayaran bernilai RM49.16 juta bagi perkhidmatan SKKS untuk tempoh tahun 2012 hingga Jun 2015 mendapati 53 (18.5%) kes kelewatan menjelaskan bayaran antara 10 hingga 207 hari di HM, HAG dan HPj melibatkan amaun berjumlah RM8.08 juta. Kelewatan ini meliputi 23 kes kelewatan antara 15 hingga 104 hari melibatkan sejumlah RM6.22 juta di HM; 23 kes kelewatan antara 10 hingga 207 hari berjumlah RM1.43 juta di HAG; dan 7 kes kelewatan antara 17 hingga 83 hari berjumlah RM0.36 juta di HPj.

Pada pendapat Audit, ketidakcekapan dalam proses bayaran menyebabkan berlakunya kelewatan bayaran perkhidmatan.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 22 Disember 2015

Kelewatan HM membuat bayaran adalah berpunca kontraktor lewat mengemukakan invois dan dokumen pembayaran yang lengkap; perbezaan nilai tuntutan menyebabkan pengiraan perlu disemak semula; invois yang

dikemukakan oleh kontraktor terlibat dalam transaksi factoring menyebabkan sebarang perubahan/pindaan amaun mengambil masa melebihi 14 hari untuk diselesaikan; kontrak rasmi lewat/belum diterima; dan permohonan AP 58(a) untuk kelulusan. HM secara pentadbiran telah meminta kontraktor untuk mengemukakan dokumen bayaran yang lengkap selewat-lewatnya dalam minggu pertama bulan berikutnya; mewujudkan Jawatankuasa Validasi Pembayaran Perkhidmatan SKKS bagi memastikan pengiraan dibuat adalah tepat dan dipersetujui bersama; dan memastikan pembayaran dibuat dalam tempoh 14 hari dari tempoh dokumen lengkap diterima.

Kelewatan HAG membuat bayaran disebabkan kontraktor gagal mengemukakan dokumen lengkap untuk pengiraan bayaran dan potongan; dan pebezaan nilai invois yang dikemukakan dengan pengiraan yang dibuat oleh HAG.

Di HPj, 7 kes kelewatan antara 17 hingga 83 hari berjumlah RM0.36 juta adalah disebabkan kelewatan konraktor mengemukakan invois dan dokumen pembayaran yang lengkap. HPj sentiasa memantau status kelewatan bil pembekal melalui Laporan BV342 dan mematuhi AP 103(a).

13.5.4. Pemantauan

Surat Kementerian Kesihatan Malaysia bertarikh 20 Disember 2013 menghendaki hospital mengemukakan penilaian prestasi SKKS bulanan kepada BPPs bagi tujuan pemantauan dan penilaian. Semakan Audit mendapati di peringkat Kementerian, BPPs ada membuat pemantauan melalui maklum balas Laporan Penilaian Prestasi Bulanan yang diterima daripada hospital terlibat. Selain itu, di peringkat hospital pemantauan telah diadakan melalui mesyuarat validasi secara bulanan dan secara *adhoc* mengikut keperluan. Unit Keselamatan di hospital juga melaksanakan pemeriksaan fizikal setiap hari dan mendokumenkan segala ketidakpatuhan kontraktor pada hari berkenaan serta kualiti perkhidmatan akan diberikan *rating*. Semakan Audit selanjutnya mendapati hanya HM, HTJ, HTAN dan HPj mengemukakan laporan penilaian prestasi bulanan kepada Kementerian manakala HAG, HSdg, HUS, PJHUS dan HRCBM tidak mengemukakan laporan tersebut. Pihak pengurusan hospital di HM dan HPj didapati telah mewujudkan inovasi pemantauan melalui aplikasi *WhatsApp* yang keahliannya terdiri daripada pengarah, ketua-ketua jabatan, Unit Keselamatan dan penyelia syarikat pengawal keselamatan. Sebarang ketidakpatuhan fasal dalam perjanjian kontrak akan dirakam dan dilaporkan melalui aplikasi tersebut dan seterusnya digunakan sebagai bukti semasa mesyuarat validasi untuk tindakan pemotongan bayaran.

Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan di peringkat Kementerian dan hospital adalah mencukupi. Bagaimanapun, pihak Kementerian perlu memastikan semua hospital mengemukakan Laporan Penilaian Prestasi Bulanan kepada BPPs untuk tujuan pemantauan dan penilaian.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 14 Mac 2016

Di peringkat Kementerian, pemantauan dijalankan oleh BPPS dan BKP (Unit Keselamatan) manakala di peringkat negeri oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan) dan di peringkat hospital dilaksanakan oleh Timbalan Pengarah (Pengurusan) dengan dibantu oleh Unit Pentadbiran/Keselamatan. Mesyuarat Penyelarasan TKSUP (P) dan TKSU(K) bersama SUB, Timbalan Pengarah (Pengurusan) Negeri/Hospital/Institusi Bil.1/2016 telah diadakan pada 28 hingga 31 Januari 2016 bagi menjelaskan kepentingan instrumen pemantauan SKKS di peringkat lapangan. Instrumen pemantauan telah diedarkan dan maklum balas telah diperolehi daripada PTJ yang terlibat.

13.6. SYOR AUDIT

Selaras dengan usaha meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam serta memastikan pengurusan syarikat kawalan keselamatan swasta di hospital beroperasi dengan teratur dan cekap serta mencapai objektif yang ditetapkan, Kementerian disyorkan mengambil tindakan seperti yang berikut:

13.6.1. meningkatkan penyelarasan pengurusan kontrak antara Kementerian, JKN dan hospital bagi meneliti ketepatan perjanjian kontrak dan SST. Ini bagi memastikan terma yang dinyatakan selari antara satu sama lain bagi mengelakkan pertikaian antara kontraktor dan pihak hospital. Selain itu, semua perjanjian kontrak hendaklah menggunakan *template* perjanjian yang seragam;

13.6.2. mengadakan *roadshow* bagi memberi panduan mengenai kaedah pemotongan yang tepat kepada pihak hospital. Kementerian juga perlu memastikan tiada lebihan bayaran kepada kontraktor berlaku di hospital selain daripada sampel yang diaudit. Bagi kes lebihan bayaran, siasatan menyeluruh perlu dilakukan oleh Kementerian dan tindakan surcaj boleh dikenakan kepada pegawai yang menyebabkan lebihan bayaran dan kerugian kepada Kerajaan;

13.6.3. memastikan pra-syarat lantikan pengawal keselamatan seperti mematuhi had umur yang ditetapkan, menjalani pemeriksaan kesihatan tahunan, lulus tapisan keselamatan, lulus ujian air kencing dan menjalani kursus *Certified Security Guard* (CSG) dipatuhi. Ini bagi menentukan pengawal keselamatan yang diambil berkhidmat adalah bebas daripada rekod jenayah masa lampau serta sihat, cergas dari segi fizikal dan mental; dan

13.6.4. menyemak pematuhan terhadap perjanjian kontrak oleh semua SKKS dan mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor yang gagal mematuhi perjanjian.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA / KEMENTERIAN KERJA RAYA

14. PROJEK PEMBINAAN HOSPITAL TAMPIN BAHARU, NEGERI SEMBILAN

14.1. LATAR BELAKANG

14.1.1. Projek pembinaan Hospital Tampin baharu telah dirancang di bawah RMKe-9 dan dilaksanakan pada tahun 2009 bagi menggantikan hospital sedia ada yang telah beroperasi sejak tahun 1920. Pemilihan kontraktor telah dibuat secara Tender Terhad oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dan pelaksanaan projek secara Reka dan Bina oleh Fajarbaru Builders Sdn. Bhd. (Fajarbaru).

14.1.2. JKR pada 5 Februari 2009 telah mengeluarkan tawaran berjumlah RM138.39 juta bagi pembinaan hospital ini kepada Fajarbaru. Projek ini melibatkan kontrak bagi kerja Mereka, Membina, Menyiapkan, Melengkapkan, Mentauliah Dan Menyenggara Hospital Tampin, Negeri Sembilan yang meliputi pembinaan bangunan hospital, asrama jururawat, kuarters kakitangan dan tempat meletak kenderaan.

14.1.3. Pemilik projek ialah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan JKR bertindak sebagai agensi pelaksana manakala Pengarah Cawangan Kerja Kesihatan, JKR merupakan Pengarah Projek. Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan Fajarbaru telah ditandatangani pada 10 Jun 2009 meliputi tempoh pelaksanaan projek selama 36 bulan. Melalui projek Reka dan Bina, kontraktor dan perunding bertanggungjawab sepenuhnya terhadap reka bentuk dan penyeliaan projek. Pelantikan perunding telah dibuat oleh Fajarbaru melibatkan 7 perunding seperti jadual berikut:

JADUAL 14.1
PERUNDING PROJEK PEMBINAAN HOSPITAL TAMPIN

SYARIKAT PERUNDING	BIDANG/SKOP KERJA
Akitek Mustapha Kamal	Arkitek
HTM Consultant Sdn. Bhd.	Sivil & Struktur
Vectorone Engineering Consultant	Mekanikal & Elektrik
Perunding Kos Putra Sdn. Bhd.	Ukur Bahan
Medi Konsep	Perubatan & Peralatan Perubatan
Oratis Services Sdn. Bhd.	Teknologi Maklumat
Ir Robert Ang Huck Koon	Pemeriksa Bebas (Sivil & Struktur)

14.1.4. Kompleks bangunan Hospital Tampin (lama) telah diserahkan kepada Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Negeri Sembilan, Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Tampin dan Pejabat Pergigian Daerah (PPD) Tampin pada tahun 2014.

14.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada projek pembinaan Hospital Tampin baharu telah dilaksanakan dengan baik, cekap dan teratur selaras dengan objektif yang ditetapkan serta menentukan penggunaan kompleks Hospital Tampin (lama) yang ditinggalkan.

14.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan terhadap projek pembinaan Hospital Tampin baharu bagi tempoh tahun 2008 hingga 2015. Pengauditan telah dijalankan di Cawangan Kerja Kesihatan, JKR; Cawangan Ukur Bahan, JKR; Bahagian Perancangan, KKM; Bahagian Pembangunan, KKM; Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM; Unit Sumber Perubatan, KKM; Hospital Tampin (baharu dan lama).

14.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan. Selain itu, lawatan, pemeriksaan dan temu bual pegawai juga telah diadakan di lokasi projek serta di hospital lama yang terpilih. *Exit Conference* bersama Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Kerja Raya (KKR) dan KSU KKM telah diadakan pada 10 Mac 2016. Mesyuarat ini juga turut dihadiri oleh wakil Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Peguam Negara (JPN), Kementerian Kewangan Malaysia dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU).

14.5. PENEMUAN AUDIT

Pada keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan di Cawangan Kerja Kesihatan, JKR; Cawangan Ukur Bahan, JKR; Bahagian Perancangan, KKM; Bahagian Pembangunan, KKM; Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM; Unit Sumber Perubatan, KKM; Hospital Tampin (baharu dan lama); Hospital Kluang (lama) dan Hospital Permai (lama) antara bulan April hingga Jun 2015 mendapati Hospital Tampin baharu telah dapat memberi kemudahan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik dan selesa kepada penduduk di Daerah Tampin dan sekitarnya. Selain itu, kemudahan kakitangan juga telah disediakan seperti asrama jururawat dan kuarters. Bagaimanapun, pelaksanaan projek ini **adalah kurang memuaskan kerana objektif projek belum tercapai, kurang kecekapan dalam pelaksanaan projek dan pentadbiran kontrak yang tidak teratur.** Antara kelemahan yang ditemui dan perlu diberi perhatian adalah seperti yang berikut:

i. prestasi kontraktor yang dilantik adalah tidak memuaskan kerana projek lewat disiapkan selama 150 hari selepas lanjutan masa (Extension of Time - EOT) selama 344 hari (31.4% dari tempoh asal penyiapan projek) diluluskan dan kontraktor telah dikenakan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (Liquidated and Ascertained Damages - LAD) berjumlah RM3.84 juta untuk kelewatan tersebut;

ii. kontraktor yang dilantik gagal dalam penilaian teknikal telah menjejaskan tempoh penyiapan projek;

iii. projek ini tidak mencapai objektif sepenuhnya kerana satu daripada dua Dewan Bedah yang dibina masih tidak dapat digunakan walaupun projek telah diserahkan kepada KKM pada 3 Oktober 2013 (2 tahun 3 bulan);

iv. pentadbiran kontrak adalah kurang cekap kerana EOT 1 dan 2 lewat diluluskan antara 28 hari dan 207 hari; Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap (Certificate of Non Completion - CNC) lewat dikeluarkan selama 173 hari daripada tarikh akhir penyiapan yang dibenarkan dalam kontrak; dan penyerahan projek kepada KKM lewat selama 3 bulan. Selain itu, Sijil Perakuan Siap Kerja (Certificate of Practical Completion - CPC) telah dikeluarkan walaupun projek sebenarnya tidak siap ke tahap memenuhi fungsi pembinaan sepenuhnya dan ketiadaan tindakan untuk memperakukan Pendudukan Separa telah menyebabkan Kerajaan mengalami kerugian kerana dengan kaedah perakuan pendudukan separa, LAD berdasarkan nilai bahagian yang belum disiapkan secara praktikal masih boleh dikenakan sehingga dua Dewan Bedah tersebut boleh berfungsi dan digunakan secara praktikal;

v. kualiti pembinaan adalah kurang memuaskan dan terdapat kes reka bentuk yang tidak sesuai disebabkan perunding yang bertanggungjawab tidak menyelia mutu kerja dengan baik atau tidak menjalankan tanggungjawab dengan sempurna serta pihak JKR sebagai agensi pelaksana tidak memastikan semua kehendak KKM diambil kira dalam penyediaan Kehendak Kerajaan (Government's Requirements). Antara kerja pembinaan yang kurang berkualiti adalah berlakunya sebanyak 1,182 keretakan pada keseluruhan dinding Kompleks Hospital. Selain itu, reka bentuk tangki air yang tidak sesuai telah mengakibatkan sampel air dalam tangki air Blok A dan Blok B mengandungi peratusan bakteria *Total Coliform* yang melanggar parameter piawaian yang dibenarkan bagi air terawat; dan

vi. bayaran Perkhidmatan Penyenggaraan Kejuruteraan Fasiliti (Facility Engineering Maintenance Services - FEMS) dan Perkhidmatan Penyenggaraan Kejuruteraan Biomedikal (Biomedical Engineering Maintenance Services - BEMS) untuk Hospital Tampin baharu adalah tidak teratur kerana perkhidmatan tersebut tidak disediakan oleh Medivest Sdn. Bhd. dan masih di bawah tanggungjawab kontraktor.

Penjelasan lanjut mengenai penemuan Audit dan maklum balas KKR dan KKM adalah seperti perenggan berikut:

14.5.1. Prestasi Projek Pembinaan

14.5.1.1. Pencapaian Fizikal Projek

a. Mengikut kontrak, projek ini hendaklah disiapkan dalam tempoh 36 bulan iaitu daripada 2 Mac 2009 hingga 1 Mac 2012. Manakala berdasarkan Buku

Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya (Edisi 3 Tahun 2010), JKR hendaklah menyerahkan projek/kerja kepada Kementerian pelanggan dalam tempoh 2 minggu daripada tarikh pengeluaran CPC.

b. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati perkara yang berikut:

i. projek tidak dapat disiapkan pada tarikh siap asal kontrak, iaitu pada 1 Mac 2012 dan Fajarbaru telah diluluskan dua EOT selama 344 hari (31.4% dari tempoh asal penyiapan projek) bermula 2 Mac 2012 hingga 8 Februari 2013.

ii. projek ini telah disahkan siap oleh JKR dengan mengeluarkan CPC pada 8 Julai 2013 dan Fajarbaru dikenakan LAD berjumlah RM3.84 juta untuk **kelewatan sebanyak 150 hari**.

iii. projek ini yang sepatutnya diserah kepada KKM pada 22 Julai 2013 (2 minggu selepas CPC dikeluarkan) hanya diserahkan pada 3 Oktober 2013, iaitu lewat 73 hari.

14.5.1.2. Prestasi Kewangan Projek

Nilai kontrak asal adalah berjumlah RM138.39 juta. Semakan Audit mendapati perubahan harga melalui Arahan Perubahan Kerja dan Pelarasan Harga Kontrak berjumlah RM88,971 dan RM1.5 juta (pengurangan) menyebabkan pengurangan nilai kontrak kepada RM136.98 juta. Sehingga 31 Disember 2015, sejumlah RM128.15 juta (93.55%) telah dibelanjakan dan baki berjumlah RM8.92 juta belum dibayar kepada kontraktor.

14.5.1.3. Pencapaian *Outcome* Projek

a. Pembinaan Hospital Tampin baharu bertujuan untuk menyediakan kemudahan perkhidmatan yang lebih selesa kepada pesakit dan kakitangan. Apabila projek ini siap, lebih 90,000 penduduk di Daerah Tampin, Kuala Pilah, Rembau dan Alor Gajah dapat menikmati kemudahan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik dan selesa. Perkhidmatan perubatan di Daerah Tampin menjadi lebih baik dengan pertambahan jumlah fasiliti perkhidmatan kesihatan di Hospital Tampin seperti rajah berikut:

RAJAH 14.1
FASILITI PERKHIDMATAN KESIHATAN, HOSPITAL TAMPIN

b. Semakan Audit terhadap pencapaian *outcome* projek mendapati perkara yang berikut:

i. penyiapan Hospital Tampin baharu telah memberi kemudahan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik dan selesa kepada penduduk di Daerah Tampin dan sekitarnya.

ii. kemudahan kakitangan juga telah disediakan seperti asrama jururawat dan kuarters.

iii. kedua-dua Dewan Bedah masih tidak boleh digunakan sehingga tarikh tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan (Defects Liability Period - DLP) pada 3 Oktober 2015 kerana masalah cat mengelupas yang berlaku berulang kali serta tahap kelembapan yang tinggi (relative humidity). Secara tidak langsung, Unit Rawatan Rapi dan Unit Rawatan Harian turut tidak digunakan. Proses pembaikan kerosakan di Dewan Bedah oleh Fajarbaru adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 14.1

GAMBAR 14.2

Dewan Bedah, Aras 1
- Proses Pembaikan Kerosakan Di Dewan Bedah Oleh Fajarbaru Kerana Cat Menggelupas (07.05.2015)

Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 11 April 2016

Kecacatan berlaku dan mula dilaporkan ke JKR bagi Operation Theatre, ICU/CCU dan Unit Rawatan Harian berdasarkan Laporan Kemajuan Pembaikan Medivest Sdn. Bhd. adalah pada 31 Disember 2013 iaitu 2 bulan selepas penyerahan dilaksanakan pada 3 Oktober 2013. Kecacatan yang dilaporkan itu juga merupakan kecacatan di Unit Rawatan Harian dan ianya hanya kecacatan minor yang tidak menjejaskan operasi ketika itu. Operation Theatre 1 sudah boleh diguna pakai sejak November 2015 manakala Operation Theatre 2 masih tidak boleh digunakan akibat dari tahap kelembapan yang tinggi (Relative Humidity) dan tidak stabil dan dijangka boleh diguna pakai pada Mei 2016. Kerja-kerja pembaikan bagi tahap kebisingan di Dewan Bedah 1 dan 2 telah dilaksanakan oleh kontraktor dan telah diterima oleh KKM.

Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 19 Januari 2016 dan 6 April 2016

Semasa penyerahan hospital pada 3 Oktober 2013, Dewan Bedah tidak boleh digunakan disebabkan bacaan tahap kebisingan melebihi piawaian JKR. Pada 1 Julai 2014, JKR menyatakan tahap kebisingan dewan bedah adalah munasabah

dan dewan bedah tersebut boleh digunakan. Namun begitu, pihak hospital mendapati beberapa kerosakan ke atas Dewan Bedah berkenaan seperti keretakan pada siling; kebocoran bumbung di Bilik Anestesiologi; cat mengelupas; air sampling di Dewan Bedah tidak mencapai piawaian; keputusan ujian microbiologi air count kali kedua yang dibuat melebihi had yang dibenarkan dan gangguan pada sistem penghawa dingin berpunca daripada Building Automation System.

14.5.1.4. Pelantikan Kontraktor

a. Pada bulan Januari 2008, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan Garis Panduan Penilaian Tender supaya proses penilaian tender dapat dilaksanakan dengan lebih teratur bagi menjamin ketelusan serta nilai faedah terbaik (best value for money) kepada Kerajaan.

b. Mengikut panduan ini, tender terbuka untuk kerja yang melebihi nilai RM50 juta atau tender terhad yang melebihi RM5 juta hendaklah diperakukan oleh Lembaga Perolehan dan Urus Setia Tender hendaklah mengemukakan perakuan tersebut kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk keputusan selanjutnya.

c. Bagi tender terhad, pemilihan syarikat hendaklah diluluskan oleh Lembaga Perolehan di kalangan sekurang-kurangnya 10 syarikat Bumiputera tempatan untuk kontrak kerja.

d. Sebelum Lembaga Perolehan membuat keputusan, tender kerja berasaskan Reka dan Bina (Design and Build) hendaklah dinilai oleh 2 jawatankuasa yang berasingan iaitu Jawatankuasa Penilaian Harga dan Jawatankuasa Penilaian Teknikal.

e. Secara umumnya, penilaian bagi perolehan kerja melebihi RM10 juta hendaklah dijalankan dalam 3 peringkat, iaitu:

i. Penilaian Peringkat Pertama - Penilaian Awal Untuk Spesifikasi Wajib

Penilaian berasaskan beberapa pra-syarat tender/tender terhad (sebagai contoh, tender terendah sehingga beberapa tender dalam lingkungan harga yang munasabah, kecukupan modal minimum dan prestasi kerja semasa yang memuaskan). Penender yang berjaya dalam penilaian peringkat pertama adalah layak dipertimbangkan (senarai pendek) untuk penilaian seterusnya.

ii. **Penilaian Peringkat Kedua - Penilaian Keupayaan Penender**

Penilaian untuk mengukur dan menentukan keupayaan penender melaksanakan dan menyiapkan projek yang ditender. Penilaian ini dibuat berasaskan satu sistem pemarkahan (point system) dan penentuan

markah dibuat secara objektif dan kuantitatif bagi setiap kriteria penilaian. Sistem pemarkahan ini mempunyai Nilai Keupayaan Minimum bagi melayakkan penender dipertimbangkan untuk diperakukan kepada Lembaga Tender untuk disetuju terima.

iii. **Penilaian Peringkat Ketiga - Tender Yang Paling Menguntungkan Untuk Diperakukan**

Penilaian yang melibatkan pelarasan harga tender untuk mengambil kira tempoh penyiapan kerja yang ditawarkan dan juga kesan pengurangan harga dan pemendekan tempoh penyiapan ke atas keupayaan penender bagi menentukan tender yang paling menguntungkan untuk diperakukan.

f. Selepas tawaran penender dinilai dan diperaku, Lembaga Perolehan adalah bertanggungjawab untuk mempertimbangkan dan memutuskan tender yang menguntungkan dengan mengambil kira unsur-unsur harga, perkhidmatan/ kegunaan barangan, kuantiti, kualiti, tempoh penyerahan/penyiapan dan faktor lain yang berkaitan.

g. Semakan Audit terhadap pelantikan kontraktor mendapati perkara berikut:

i. pelantikan kontraktor telah dibuat secara **tender terhad** oleh JKR. Fajarbaru merupakan salah satu daripada 8 penender yang disenarai pendek untuk dinilai. Berdasarkan laporan Jawatankuasa Penilaian Tender JKR, **Fajarbaru tidak layak dipertimbangkan** untuk projek ini kerana merupakan antara 5 penender yang **gagal dalam penilaian teknikal** dengan mendapat markah 284.91/500. Berdasarkan laporan penilaian tersebut, markah minimum adalah 300 markah dan sekiranya kurang daripada 300 markah, ia memerlukan banyak pindaan dan penambahbaikan kepada cadangan teknikal dan dianggap sangat lemah serta tidak boleh dipertimbangkan. Bagaimanapun, harga yang ditawarkan oleh Fajarbaru adalah 14.36% lebih rendah daripada anggaran Jabatan dan merupakan harga yang paling rendah di kalangan penender.

ii. Dengan itu, Jawatankuasa Penilaian Tender telah mengesyorkan Syarikat Pembinaan Mitrajaya Sdn. Bhd. layak dipertimbangkan dan paling menguntungkan untuk dilantik.

iii. Bagaimanapun, Lembaga Perolehan A JKR dalam mesyuarat bil. 26/2008 yang bersidang pada 5 November 2008 telah memilih Fajarbaru sebagai kontraktor bagi projek ini. Asas keputusan yang dibuat adalah kerana harga yang ditawarkan oleh Fajarbaru adalah paling rendah di kalangan penender.

Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 20 November 2015 dan 11 April 2016

Lembaga Perolehan tidak terikat untuk memperakukan penender yang disyorkan oleh Jawatankuasa Penilaian Tender. Sebagaimana dinyatakan dalam 1PP - PK 2, tertakluk kepada had kuasa yang ditetapkan, Lembaga Perolehan adalah bertanggungjawab mempertimbangkan dan menyetujukan terima tender berasaskan kepada prinsip, dasar dan peraturan Kerajaan. Keputusan Lembaga Perolehan JKR untuk mempertimbangkan petender terendah telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 15 Disember 2008.

Pada pendapat Audit, prestasi kontraktor yang dilantik adalah kurang memuaskan kerana projek lewat disiapkan selama 150 hari walaupun telah diberi lanjutan masa selama 344 hari (31.4% dari tempoh asal penyiapan projek). Akibat daripada kelewatan itu, kemudahan kesihatan yang baik dan selesa turut lewat dinikmati oleh penduduk tempatan dan kakitangan. Selain itu, projek ini tidak mencapai objektif sepenuhnya kerana sehingga kini, satu daripada dua Dewan Bedah yang dibina masih tidak boleh digunakan walaupun projek telah diserahkan kepada KKM pada 3 Oktober 2013. Sehubungan dengan itu, pemilihan kontraktor yang gagal dalam penilaian teknikal adalah tidak wajar kerana projek pembinaan hospital memerlukan kepakaran khas melibatkan pembinaan bangunan dan peralatan perubatan.

14.5.2. Pentadbiran Kontrak

Selain daripada pematuhan syarat-syarat yang termaktub dalam kontrak pembinaan, JKR memperjelaskan dengan lebih terperinci tatacara perolehan dan pentadbiran kontrak bagi melaksanakan projek Kerajaan dengan mengeluarkan Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya Edisi Ketiga (BPPKKR). Semakan Audit terhadap pentadbiran kontrak dari aspek pengurusan EOT, mengenakan LAD dan mengeluarkan CPC mendapati perkara yang berikut:

14.5.2.1. Lanjutan Masa

a. Mengikut Bab 10 (Kelambatan Dan Lanjutan Masa) BPPKKR, tarikh penyiapan kerja telah ditetapkan semasa permulaan projek dan adalah menjadi tanggungjawab kontraktor untuk memastikan projek dapat disiapkan mengikut tempoh yang dibenarkan dalam kontrak. Syarat kontrak ada menyatakan sebab yang membolehkan kontraktor mendapat lanjutan masa. Secara amnya, kontraktor akan diberikan lanjutan masa sekiranya dibuktikan bahawa Kerajaan telah menyumbang terhadap kelewatan penyiapan kerja kontraktor atau sebab kelambatan adalah di luar kawalan kontraktor. Sekiranya kontraktor didapati layak untuk mendapat lanjutan masa, maka Pengarah Projek perlulah meluluskan lanjutan masa itu sebelum berakhirnya tarikh penyiapan yang dibenarkan dalam kontrak. Jika Pengarah Projek

gagal berbuat demikian, maka adalah dikhuatiri masa bukan lagi menjadi teras (time is at large) kepada kontrak tersebut dan kontraktor hanya bertanggungjawab untuk menyiapkan kerja dalam tempoh yang munasabah.

b Sejajar dengan peruntukan syarat kontrak, Pengarah Projek adalah bertanggungjawab untuk menimbang serta meluluskan permohonan lanjutan masa daripada kontraktor. Demi memastikan proses pemberian lanjutan masa dilaksanakan dengan adil dan saksama dan tidak diluluskan sewenang-wenangnya oleh Pengarah Projek, satu Jawatankuasa Kelambatan Dan Lanjutan Masa (JKLM) ditubuhkan bagi semua projek Persekutuan di bawah kendalian JKR. Dengan adanya JKLM, Pengarah Projek hanya dibenarkan untuk meluluskan lanjutan masa sekali sahaja dan kelulusan lanjutan masa yang berikutnya hanya boleh dibuat oleh Pengarah Projek selepas mendapat perakuan daripada JKLM.

c. Semakan Audit terhadap kelulusan lanjutan masa untuk projek ini mendapati:

i. Tarikh siap asal kontrak adalah pada 1 Mac 2012 dan EOT 1 untuk 268 hari hanya diluluskan pada 30 Mac 2012 iaitu **lewat 28 hari**.

ii. Dengan kelulusan EOT 1, tarikh siap dipinda adalah pada 24 November 2012 dan EOT 2 untuk 76 hari hanya diluluskan pada 27 Jun 2013 iaitu **lewat selama 207 hari**.

iii. Dengan kelulusan lanjutan masa sebanyak 344 hari, tarikh siap semasa kontrak adalah 8 Februari 2013. Butiran berkenaan kelulusan EOT adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 14.2
BUTIRAN KELULUSAN LANJUTAN MASA

EOT	KRITERIA KELULUSAN	KLAUSA KONTRAK	DILULUSKAN (Hari)
1	• Permohonan pertukaran lampu Dewan Bedah oleh KKM - halogen kepada LED. • Kelewatan mendapatkan bahan *laminate* bagi *built-in furniture* dari negara pembekal Thailand – banjir luar biasa. • Kelewatan kelulusan bahan lantai *vinyl*. • Kelewatan kelulusan KKM memuktamadkan *mock-up bedhead panel*.	45.1(e) & 45.1 (a)(iv)	268
2	• Kelewatan penghantaran dan pengesahan *loaded drawing & 4-wall design* oleh kontraktor dan *Head of Design Team* (HODT Arkitek).	45.1(f)	76
JUMLAH			**344**

iv. Berdasarkan kriteria kelulusan EOT 1, kelewatan utama adalah berpunca daripada KKM yang lambat membuat keputusan pertukaran lampu, kemasan lantai dan *mock-up* yang sepatutnya boleh diputuskan lebih awal dengan perancangan yang teliti oleh KKM.

v. Bagi EOT 2, JKR tidak memainkan peranan yang sewajarnya dalam proses meluluskan permohonan lukisan oleh Fajarbaru sehingga mengambil tempoh masa yang lama dalam membuat keputusan.

Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 11 April 2016

Kelulusan EOT 1 di bawah had kuasa Pengarah Projek tanpa perlu merujuk kepada JKLM Peringkat KPKR/TKPKR. Bagaimanapun Pengarah CKK IPJKR telah mengambil inisiatif dengan membentuk JKLM peringkat CKK yang dipengerusikannya yang juga merupakan Pengarah Projek (PP/PD) bagi projek ini. WPP utama telah membuat permohonan EOT ini ke peringkat JKLM CKK pada 24 Februari 2012 iaitu sebelum tamat kontrak. Permohonan tersebut juga telah disemak oleh WPP Pakar Ukur Bahan Peringkat Cawangan untuk diteliti sebelum WPP utama memajukan permohonan ke JKLM peringkat PP. EOT 1 diluluskan mengikut Klausa 45.1(e) & 45.1(a)(iv) dan telah melanjutkan tarikh siap asal pada 1 Mac 2012 kepada tarikh siap yang baru pada 24 November 2012 (EOT selama 268 hari) dengan alasan permintaan pelanggan.

Bagi EOT 2, kontraktor telah membuat permohonan pada 8 November 2012 dan diterima oleh PP/WPP pada 19 November 2012. PP/WPP telah menimbangkan asas kelayakan dan bersetuju untuk dibawa ke JKLM peringkat CKK terlebih dahulu pada 20 Disember 2012 untuk diteliti sebelum dibawa ke JKLM Peringkat KPKR/TKPKR. JKLM Peringkat PCKK telah bersetuju pada 27 Disember 2012 untuk mengesyorkan EOT 2 ke JKLM Peringkat KPKR/TKPKR dengan mengesyorkan EOT 2 selama 192 hari pada 3 Januari 2013. JKLM Peringkat KPKR/TKPKR telah bersidang pada 18 Februari 2013 dan memutuskan untuk memohon penjelasan tambahan sebelum keputusan dibuat. PD telah mengemukakan maklumat tambahan ke Urus setia JKLM Peringkat KPKR/TKPKR pada 27 Februari 2013 hingga 20 Mei 2013. Mesyuarat JKLM bil. 8/2013 telah bersidang pada 14 Jun 2013 dan telah membuat keputusan meluluskan lanjutan masa selama 76 hari dengan telah mengambil kira prestasi semasa ditapak dan tempoh siap munasabah. Sijil Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa no. 2 telah diluluskan pada 27 Jun 2013. EOT 2 diluluskan mengikut fasal 45.1(f) dan telah melanjutkan tarikh siap pada 24 November 2012 kepada tarikh siap yang baru pada 8 Februari 2013. EOT ini diberikan adalah disebabkan oleh keperluan tempoh masa yang lebih panjang dan realistik bagi proses penghasilan lukisan Loaded dan 4 Wall Elevations semasa aktiviti Pembangunan Rekabentuk (Design Development) berbanding tempoh kontrak.

Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 11 November 2015 dan 11 April 2016

Permohonan pertukaran lampu Dewan Bedah daripada spesifikasi halogen kepada LED adalah kerana teknologi LED merupakan teknologi terkini manakala teknologi halogen akan obsolete di masa hadapan. Pertukaran ini dibuat berdasarkan kepada kemajuan kerja pembinaan pada bulan Jun 2011 (surat Technical Specification Adherence (TSA) diterima daripada JKR) yang masih awal iaitu 55.12%. Mengambilkira kepentingan Kerajaan, KKM berpendapat bahawa

urusan pertukaran lampu Dewan Bedah masih sempat dilaksanakan. Oleh itu, KKM berpendapat permohonan pihak user wajar diberi pertimbangan bagi mengelakkan hospital baharu dibekalkan dengan peralatan yang outdated. Semasa Technical Spesification Adherence (TSA) diuruskan, spesifikasi sistem lampu Dewan Bedah bagi projek yang sedang dalam perancangan telah ditukar kepada spesifikasi LED. Memandangkan projek ini dilaksanakan secara Reka dan Bina, keperluan peralatan dengan spesifikasi terkini boleh dipertimbangkan dan penyelarasan boleh dilakukan.

KKM telah menghadiri sesi mock-up bedhead panel pada 19 Oktober 2011 seperti tarikh yang ditetapkan oleh JKR. Laporan hasil pemerhatian mock-up telah dikemukakan kepada JKR pada 14 November 2011 dan KKM hanya memberi ulasan penilaian terhadap pemasangan mock-up tersebut. Pada ketika KKM dipanggil untuk penilaian mock-up, kerja pemasangan sebenar telah dilaksanakan oleh kontraktor secara menyeluruh. Sebagai tindakan penambahbaikan, KKM mencadangkan agar koordinasi di antara agensi pelaksana dengan Bahagian yang terlibat di KKM perlu diperkemas bagi mengelakkan perkara yang sama berulang. Dicadangkan Jawatankuasa EOT JKR perlu melibatkan wakil daripada KKM; dan penilaian mock-up dibuat sebelum pemasangan sebenar dilaksanakan.

14.5.2.2. Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap Dan Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan

a. Mengikut Bab 11 (Kerja Tidak Siap) BPPKKR, apabila penyiapan kerja didapati telah terlambat dan sebab kelambatan tidak melayakkan kontraktor mendapat lanjutan masa, maka kerugian atau ganti rugi yang dialami oleh Kerajaan akibat daripada kelambatan tersebut adalah ditanggung oleh kontraktor melalui Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD). Bagi maksud tersebut, Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap (Certificate of Non-Completion - CNC) hendaklah dikeluarkan terlebih dahulu untuk memaklumkan bahawa kontraktor akan dikenakan LAD. Pengarah Projek hendaklah mengeluarkan CNC pada tarikh akhir penyiapan yang dibenarkan dalam kontrak. Sekiranya CNC lewat dikeluarkan, maka masa bukan lagi menjadi teras (time is at large) kepada kontrak dan dengan itu kontraktor hanya bertanggungan untuk menyiapkan kerja dalam tempoh yang munasabah. Justeru itu, hak Kerajaan untuk mengenakan LAD akan terjejas.

b. Semakan Audit mendapati CNC telah dikeluarkan pada 1 Ogos 2013**, lewat selama 173 hari daripada tarikh akhir penyiapan yang dibenarkan dalam kontrak**. Bagaimanapun, Fajarbaru telah dikenakan LAD berjumlah RM3.84 juta (RM25,602 sehari) disebabkan kelewatan menyiapkan projek selama 150 hari dari tempoh yang ditetapkan iaitu pada 8 Februari 2013 hingga CPC dikeluarkan pada 8 Julai 2013.

Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 11 April 2016

Selaras dengan Klausa 45.1 Syarat-syarat Kontrak, EOT 1 dan EOT 2 diluluskan setelah PD dapat menganggarkan tempoh kelewatan. Tiada kerugian di pihak Kerajaan apabila CNC tidak dikeluarkan sebelum tarikh akhir penyiapan yang dibenarkan dalam kontrak. Implikasinya hanyalah PD tidak dapat mengenakan LAD ke atas kontraktor sehinggalah CNC dikeluarkan. Notis untuk mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap telah dikeluarkan dahulu pada 5 November 2012 iaitu sebelum tamatnya EOT 1 pada 24 November 2012. CNC dikeluarkan pada 5 Disember 2012 dan LAD dikenakan mulai 24 November 2012. CNC yang telah dikeluarkan pada 5 Disember 2012 dengan tarikh LAD berkuat kuasa pada 24 November 2012 adalah terpakai sehingga keputusan EOT 2 diluluskan pada 27 Jun 2013 dengan tempoh lanjutan masa sehingga 8 Februari 2013. Bayaran interim/penultimate telah dibuat kepada kontraktor selepas CPC dan potongan LAD berjumlah RM3.84 juta bermula 8 Februari 2013 hingga 8 Julai 2013. Oleh yang demikian CNC telah dikeluarkan pada 1 Ogos 2013 dengan jelas menyatakan tarikh pihak kontraktor telah gagal menyiapkan seperti Tarikh Siap Semasa atau dalam tempoh lanjutan masa yang telah dibenarkan di bawah Klausa 45.

14.5.2.3. Sijil Perakuan Siap Kerja Dan Tempoh Tanggung Kecacatan

a. Mengikut Bab 13 (Penyiapan Kerja, Penyerahan Kerja Dan Kecacatan) BPPKKR, **Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan apabila Pengarah Projek berpuas hati bahawa kerja telah mencapai penyiapan praktikal, iaitu apabila kesemua kerja siap sepenuhnya menurut peruntukan kontrak.** Dalam menentukan sama ada kerja telah mencapai penyiapan praktikal, Pengarah Projek mestilah berpuas hati bahawa kontraktor telah menyiapkan kerja dengan memenuhi kriteria berikut:

   i. semua kerja telah disiapkan menurut peruntukan kontrak;

   ii. kerja telah siap ke tahap memenuhi fungsi pembinaan dan boleh diduduki dengan selamat;

   iii. kerja tersebut telah siap dan terdapat hanya kecacatan yang sedikit sahaja;

   iv. pengujian dan pentauliahan ke atas perkara berkaitan telah diluluskan; dan

   v. semua keperluan utama perkhidmatan seperti jalan masuk, landskap, tempat letak kereta, longkang, pembentungan, sistem kelengkapan kebersihan, sistem bekalan air dan elektrik, pili bomba dan lif bomba seperti yang termaktub dalam kontrak sudah disiapkan.

b. Sekiranya kriteria penyiapan praktikal tidak dipenuhi, kerja yang tidak sempurna atau kerja yang cacat hendaklah dikenal pasti dan disenaraikan serta diserah kepada kontraktor untuk tindakannya. Proses ini hendaklah diulangi sehingga kriteria tersebut dipenuhi sebelum CPC dikeluarkan.

c. Bagaimanapun, sebelum penyiapan praktikal bagi keseluruhan kerja, Kerajaan boleh (di bawah klausa 44 (a) kontrak) mengambil milik dan menduduki mana-mana bahagian kerja yang telah siap (pendudukan separa). Untuk pendudukan separa, Pengarah Projek hendaklah mengambil kira perkara berikut:

   i. satu perakuan Pendudukan Separa dikeluarkan dalam masa 7 hari dari tarikh pemilikan dan perakuan ini hendaklah menyatakan nilai anggaran bagi bahagian kerja yang diambil milik dan diduduki;

   ii. Tempoh Tanggungan Kecacatan (Defects Liability Period - DLP) bagi bahagian yang diambil milik dan diduduki hendaklah bermula sama dengan tarikh penyiapan praktikal bagi seksyen atau bahagian tersebut;

   iii. LAD yang dinyatakan dalam kontrak perlu dikurangkan mengikut kadar jumlah nilai bahagian yang diambil milik dan diduduki berbanding dengan nilai kontrak;

   iv. peruntukan kontrak mengenai insurans dan pelepasan Bon Pelaksanaan adalah tidak berubah; dan

   v. Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (Certificate of Making Good Defects - CMGD) hendaklah dikeluarkan mengikut bahagian kerja yang diambil milik dan diduduki.

d. Selain itu, JKR hendaklah mengaturkan pemeriksaan bersama (oleh Kementerian, Pelanggan, Pengarah Projek, kontraktor dan pihak lain yang terlibat) supaya projek dapat diserahkan dalam tempoh dua minggu daripada tarikh CPC.

e. Kecacatan, kekecutan dan kerosakan lain yang mungkin kelihatan pada kerja dalam Tempoh Tanggung Kecacatan (Defect Liability Period - DLP) yang disebabkan oleh bahan atau mutu kerja yang tidak menepati kontrak, hendaklah diperbaiki oleh kontraktor atas perbelanjaan sendiri. Manakala tempoh DLP adalah ditetapkan dalam kontrak.

f. Semakan Audit mendapati perkara yang berikut:

   i. Sungguhpun CPC telah dikeluarkan pada 8 Julai 2013, **penyerahan projek kepada KKM hanya dibuat pada 3 Oktober 2013, iaitu lewat selama 3 bulan**.

   ii. CPC telah dikeluarkan walaupun projek tersebut sebenarnya tidak siap ke tahap memenuhi fungsi pembinaan sepenuhnya. Adalah didapati **dua Dewan Bedah masih tidak boleh berfungsi** kerana mengalami masalah kelembapan suhu, cat mengelupas dan keretakan pada dinding.

iii. **Kedua-dua Dewan Bedah tidak boleh berfungsi serta tidak boleh digunakan sejak Hospital Tampin baharu diserahkan kepada KKM sehingga tamat DLP pada 3 Oktober 2015**, iaitu selama 2 tahun.

iv. Selaras dengan BPPKKR, **Pengarah Projek sepatutnya mengenal pasti dan menyenaraikan kerja yang tidak sempurna atau kerja yang cacat untuk diserah kepada kontraktor untuk tindakan selanjutnya. Proses ini yang sepatutnya diulangi tidak diambil sehingga kriteria penyiapan praktikal dipenuhi sebelum CPC dikeluarkan**.

v. Untuk **menyelesaikan masalah kecacatan yang wujud dan belum diperbaiki semasa CPC dikeluarkan, Pengarah Projek telah mendapat persetujuan Fajarbaru untuk melanjutkan DLP selama tiga bulan**, iaitu 24 bulan selepas projek diserah kepada KKM pada 2 Oktober 2013 dan bukan 24 bulan selepas CPC dikeluarkan pada 8 Julai 2013. Sehubungan itu, pelanjutan DLP sehingga 3 Oktober 2015 dibuat tanpa sebarang perjanjian tambahan antara Kerajaan dengan Fajarbaru.

vi. **Pengarah Projek tidak mengambil tindakan untuk memperakukan Penduduk Separa dengan mengeluarkan Sijil Perakuan Penduduk Separa (Certificate of Partial Occupation - CPO) dengan mengambil milik projek pembinaan Hospital Tampin baharu tanpa melibatkan dua Dewan Bedah yang tidak boleh berfungsi**. Dengan kaedah ini, Fajarbaru adalah bertanggungjawab untuk memastikan Hospital Tampin baharu berfungsi sepenuhnya dalam masa terdekat kerana LAD berdasarkan nilai bahagian yang belum disiapkan secara praktikal masih boleh dikenakan sehingga dua Dewan Bedah tersebut boleh berfungsi dan digunakan secara praktikal.

Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 11 April 2016

Berdasarkan laporan yang telah dikemukakan PD telah berpuas hati bahawa kerja telah disiapkan pada 8 Julai 2013. Ketika hospital ini diserahkan didapati Dewan Bedah tersebut tidak digunakan oleh hospital. Kecacatan yang mula dilaporkan bagi Operation Theatre adalah pada 8 Januari 2014 yang merupakan kecacatan minor dan tidak berkaitan dengan kecacatan seperti yang dilaporkan. Kelewatan mengoperasi bagi tempoh anggaran 4 bulan dari hospital diserahkan merupakan perkara asas terjadinya kecacatan tersebut. Tiada bebanan terhadap suhu telah menyebabkan suhu di bilik Operation Theatre tiada circulation menyebabkan berlakunya kelembapan suhu dan menjadi kering serta telah menyebabkan spesifikasi cat sedia ada untuk Operation Theatre tidak lagi mampu mengawal suhu kering berpanjangan dan juga telah menyebabkan terjadi keretakan kepada kemasan dinding. Operation Theatre tersebut telah pun siap dibaiki dan digunakan pada November 2015. Pembaikan juga telah dilakukan berulang kali dengan mengekalkan spesifikasi sedia ada tetapi masalah tersebut masih lagi berlaku. Perkara ini telah dirujuk kepada pengeluar cat dengan mencadangkan

kaedah pembaikan di bilik Operation Theatre. Akhirnya spesifikasi sedia ada telah dipertingkatkan dengan menambah bahan pelembap di dalam cat bagi mengawal keadaan kering tersebut dan ianya berkesan. Operation Theatre 1 sudah boleh diguna pakai sejak November 2015 manakala Operation Theatre 2 masih tidak boleh digunakan akibat daripada tahap kelembapan yang tinggi (Relative Humidity) dan tidak stabil dan dijangka boleh digunakan pada Mei 2016.

Pihak hospital telah menyatakan melalui suratnya yang bertarikh 10 Januari 2014 akan memulakan operasi sepenuhnya di hospital baru pada 1 Februari 2014 dan menyatakan beberapa perkara tertentu untuk mengubahsuai daripada kontrak sedia ada. Antaranya adalah pengubahsuaian suhu bagi bilik di hospital. Perkara ini boleh menyebabkan sistem sedia ada yang telah berfungsi terjejas secara keseluruhan dan mungkin menyebabkan sistem lain yang berkaitan juga terganggu. Pihak hospital juga menyatakan beberapa perkara yang perlu dibaiki terlebih dahulu iaitu di Wad Pediatrik, Unit Dietetik dan Sajian, Unit Pengimejan dan Unit Patologi sahaja. Bagi OT, ICU/CCU dan Daycare tidak dibangkitkan masalah ketika itu.

CPC dan EOT yang diberikan adalah layak sejajar dengan Syarat - syarat Kontrak dan telah mengguna pakai peraturan sedia ada yang telah ditetapkan. Pelanjutan tempoh DLP melalui Perjanjian Tambahan tidak dibuat disebabkan Penasihat Undang-undang menyatakan bahawa Kontraktor telah menyiapkan kerja dan bangunan boleh berfungsi, maka pelanjutan tempoh pembaikan selama 3 bulan tidak memerlukan perjanjian tambahan. Pihak kontraktor telah bersetuju melaksanakan kerja pembaikan kecacatan dan menanggung semua kos dan perbelanjaan kerja kecacatan tersebut sepertimana Perakuan Serahan yang telah ditandatangani dan Undertaking Letter sebagai persetujuan bertarikh 11 September 2013. Oleh yang demikian pengeluaran Sijil Pendudukan Separa (CPO) adalah tidak diperlukan.

Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 19 Januari 2016

Kenyataan JKR bahawa kecacatan di Dewan Bedah berlaku disebabkan ketidaksediaan pihak KKM dan Hospital menerima untuk menduduki hospital ini dengan serta-merta adalah tidak berasas. Ini adalah kerana pihak hospital memerlukan sedikit masa untuk memindahkan perkhidmatan dari hospital lama ke hospital baharu. Dalam tempoh ini, pihak kontraktor bertanggungjawab bagi memastikan fasiliti berada dalam keadaan baik (in good working condition at all times) selaras dengan Klausa 52 Condition of Contract - Maintenance of Works and Services. Apabila CPC dikeluarkan, Dewan Bedah masih tidak dapat digunakan kerana tahap kebisingan (noise level) tidak mengikut piawaian JKR dan telah dimaklumkan kepada JKR untuk tindakan pembaikan. Terdapat juga kecacatan lain di Dewan Bedah yang menyebabkan fasiliti tersebut tidak dapat digunakan. Oleh kerana kecacatan ini (suhu dan humidity), Dewan Bedah tidak dapat digunakan sehingga hari ini kerana bacaan suhu melebihi 20ºC hingga 22ºC dan humidity masih melebihi julat 50% hingga 60%.

Pada pendapat Audit, pentadbiran kontrak bagi projek pembinaan Hospital Tampin baharu adalah kurang cekap kerana EOT 1 dan 2 lewat diluluskan antara 28 hari dan 207 hari; CNC lewat dikeluarkan selama 173 hari daripada tarikh akhir penyiapan yang dibenarkan dalam kontrak; dan penyerahan projek kepada KKM lewat selama 3 bulan. Selain itu, CPC telah dikeluarkan walaupun projek sebenarnya tidak siap ke tahap memenuhi fungsi pembinaan sepenuhnya dan ketiadaan tindakan untuk memperakukan Pendudukan Separa telah menyebabkan Kerajaan mengalami kerugian kerana dengan kaedah perakuan pendudukan separa, LAD berdasarkan nilai bahagian yang belum disiapkan secara praktikal masih boleh dikenakan sehingga dua Dewan Bedah tersebut boleh berfungsi dan digunakan secara praktikal.

14.5.3. Kualiti Pembinaan Dan Reka Bentuk Projek

Secara umumnya, kontraktor yang dilantik di bawah kontrak Reka dan Bina adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas reka bentuk selain tanggungjawab biasa terhadap pembinaan. Kontraktor dikehendaki menjamin bahawa reka bentuk, bahan, mutu dan hasil kerjanya adalah menepati kehendak Kerajaan. Selain itu, kontraktor juga adalah bertanggungjawab ke atas perunding yang dilantik dan dikehendaki memastikan perundingnya berkelayakan dan kompeten untuk memenuhi kehendak Kerajaan.

14.5.3.1. Kualiti Kerja Pembinaan

Setiap kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan dengan kemas dan pada tahap piawaian yang diterima pakai supaya bangunan yang dibina boleh digunakan secara optimum, selamat dan kondusif. Lawatan Audit pada 4 hingga 14 Mei 2015 mendapati perkara yang berikut:

a. Keretakan Dinding Bangunan

Hasil lawatan Audit dan semakan susulan oleh pegawai Hospital Tampin mendapati sebanyak 1,182 keretakan telah berlaku pada keseluruhan dinding Kompleks Hospital Tampin baharu. Keretakan boleh dilihat di kedua-dua bahagian dalam dan luar dinding, yang menunjukkan bahawa ia bukan keretakan di permukaan dinding sahaja. Keretakan yang paling panjang adalah di Bilik Rekod di Unit Pentadbiran dengan keretakan sepanjang 7.57 meter. Butiran lanjut adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 14.3
BILANGAN KERETAKAN DI HOSPITAL TAMPIN BAHARU

LOKASI	BIL. RETAK	LOKASI	BIL. RETAK
Asrama Juruarawat	41	Unit Haemodinamik	10
Farmasi Logistik	28	Unit ICU/CCU	7
Farmasi Pesakit Luar	13	Unit IT	1
Farmasi Pesakit Dalam	52	Unit Kejuruteraan	33

LOKASI	BIL. RETAK	LOKASI	BIL. RETAK
Haemodialisis	3	Unit Kenderaan	5
Jabatan Kecemasan	153	Unit Kerja Sosial	9
Klinik Pakar	8	Unit Khidmat Pelanggan	4
Koridor Hospital	144	Unit OT	8
Kuarters	162	Unit Patologi	62
Public Amenities	16	Unit Pengimejan	28
Tembok Pagar Hospital	1	Unit Pentadbiran	7
Unit CSSU	20	Unit Rehabilitasi	122
Unit *Daycare*	3	Wad Kenanga 2A/2C	58
Unit Dietetik & Sajian	56	Wad Melor 2B	35
Unit Forensik	66	Wad O&G	27
JUMLAH KERETAKAN : 1,182			

Sumber : Hospital Tampin (24 Jun 2015)

GAMBAR 14.3



Bilik Rekod, Unit Pentadbiran
- Keretakan Pada Dinding Sepanjang 7.57m
(14.05.2015)

GAMBAR 14.4

Bilik Rekod, Unit Pentadbiran
- Keretakan Masih Berlaku Walau Telah Dibaiki
(03.03.2016)

GAMBAR 14.5

Asrama Jururawat
- Keretakan Pada Dinding Asrama
(08.05.2015)

GAMBAR 14.6

Asrama Jururawat
- Keretakan Masih Berlaku Walau Telah Dibaiki
(03.03.2016)

GAMBAR 14.7



Asrama Jururawat
- Keretakan Pada Dinding Asrama
(08.05.2015)

GAMBAR 14.8

Laluan Utama Ke Dewan Bedah
- Keretakan Yang Berterusan
(03.03.2016)

Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 11 April 2016

Berdasarkan laporan oleh pembekal Henner bertarikh 21 September 2015, keretakan berlaku adalah berpunca dari kesan Shrinkage. Pengesahan kerja pembaikan keretakan telah dibuat oleh Perunding Arkitek dan Struktur. Keretakan tersebut adalah keretakan non-structural crack seperti yang dilaporkan oleh perunding struktur. Semakan rekod Laporan Pemeriksaan Bilik ke Bilik (Room to Room Inspection) mendapati tiada keretakan berlaku. Berdasarkan laporan perunding menyatakan ia bukanlah daripada kualiti kerja pembinaan yang rendah tetapi ianya adalah berpunca dari kualiti bahan blok batu bata CSR ataupun AAC (Autoclave Aerated Concrete) yang tidak lagi sesuai untuk kerja pembinaan yang akan datang. Pemilihan dinding AAC ini adalah ketetapan yang telah dipersetujui di peringkat perancangan sebelum kerja-kerja peringkat reka bentuk dilaksanakan. Komposisi pemilihan dinding jenis ini adalah bagi memenuhi dasar Kerajaan untuk sistem pemarkahan IBS (IBS Score). Pemilihan jenis dinding ini adalah berpandukan kepada spesifikasi sedia ada iaitu hanya mengambil kira parameter 'dry density' dan minimum kekuatan mampatan sahaja dan pemilihan tersebut telah menepati spesifikasi. Spesifikasi sedia ada perlu dinaik tarafkan bagi parameter-parameter lain kerana didapati ciri-ciri dinding ini mempunyai kekuatan muktamad tegangan yang rendah iaitu 0.44Mpa yang tidak dinyatakan di dalam spesifikasi sedia ada dan ia penyumbang kepada keretakan kerana toleransi terhadap pergerakan yang amat rendah. Kerja-kerja pembaikan oleh kontraktor utama telah siap pada 31 Januari 2016.

b. Kualiti Kerja Pembinaan Yang Kurang Memuaskan

Terdapat kualiti kerja pembinaan yang kurang memuaskan di lokasi lain yang dipilih. Bagaimanapun, pihak Fajarbaru telah mengambil tindakan pembaikan ke atas semua kualiti kerja pembinaan yang kurang memuaskan selepas teguran Audit. Butiran lanjut adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 14.4
KERJA PEMBINAAN YANG KURANG MEMUASKAN DAN TELAH DIAMBIL TINDAKAN

BIL.	LOKASI	KEADAAN FIZIKAL SEMASA LAWATAN AUDIT
1.	Unit C-04-02, C-02-04 dan C-04-01, Kuarters Blok C	Kerja pemasangan *skirting* yang tidak sempurna menyebabkan *skirting* tercabut. Adalah didapati dinding tidak di *hack* terlebih dahulu sebelum jubin dilepa dan pemasangan jubin selepas dinding dicat mengakibatkan ia mudah mengelupas dan tercabut dari tempat asalnya. **(Gambar 14.9)**
2.	Stor Alat Tulis dan laluan tangga bersebelah dengan Stor Ubat Utama	Permukaan dinding lembap dan ditumbuhi kulat kerana dinding tersebut dinaikkan hanya dengan satu lapisan dinding sedangkan Stor Ubat Utama dipasang dengan penyaman udara selama 24 jam setiap hari. **(Gambar 14.10)**
3.	Kuarters Blok B	Terdapat kesan resapan air pada siling yang menyebabkan plaster siling rosak dan lekang. **(Gambar 14.11)**
4.	Dapur, Jabatan Dietetik Dan Sajian	Lantai dapur (epoxy) tidak rata dan menakung air. **(Gambar 14.12)**
5.	Jabatan Kecemasan	Vinil koyak dan tanggal. Pihak Fajarbaru telah membaiki vinil yang rosak pada 31 Disember 2015.
6.	Kawasan Parkir	Premix yang dipasang lekang dan permukaannya tidak rata menyebabkan air bertakung ketika hujan serta mudah rosak. **(Gambar 14.13)**

BIL.	LOKASI	KEADAAN FIZIKAL SEMASA LAWATAN AUDIT
7.	Bilik *Server*	Bateri bagi sistem amaran kebakaran tidak berfungsi. Pihak Fajarbaru telah menukar bateri pada 31 Disember 2015.
8.	*Cooling Tower*	Terdapat takungan air pada lantai yang boleh menjadi tempat pembiakan nyamuk dan *handrail*, permukaan papan suis dan penanda aras tangki air juga didapati berkarat. **(Gambar 14.14)** Keretakan yang ketara pada permukaan lantai juga dikesan. **(Gambar 14.15)**
9.	Gelanggang Sepak Takraw	Lantai gelanggang tidak rata menyebabkan air bertakung di gelanggang dan mengakibatkan permukaan berlumut, pecah dan lekang. Pihak Fajarbaru telah membaiki lantai gelanggang pada 31 Disember 2015.
10.	Bilik Suis, Jabatan Perubatan Forensik	Terdapat kesan resapan air dalam bilik. **(Gambar 14.16)**

GAMBAR 14.9

Kuarters Blok C
- Skirting Yang Tercabut Kerana Dinding Tidak Di 'Hack' Sebelum Jubin Dilepa
(08.05.2015)

GAMBAR 14.10

Laluan Tangga Aras 1, Tangga 5
- Permukaan Dinding Lembap Dan Ditumbuhi Kulat
(12.05.2015)

GAMBAR 14.11

Kuarters Blok B
- Plaster Siling Yang Rosak Akibat Serapan Air
(08.05.2015)

GAMBAR 14.12

Dapur, Jabatan Dietetik Dan Sajian
- Lantai Yang Tidak Rata Menyebabkan Air Bertakung
Sumber: Hospital Tampin
(25.05.2015)

GAMBAR 14.13



Kawasan Parkir
- Premix Tanggal Menyebabkan Air Bertakung
(06.05.2015)

GAMBAR 14.14

Aras Bumbung, Cooling Tower
- Terdapat Air Bertakung Pada Lantai
(11.05.2015)

GAMBAR 14.15

Aras Bumbung, Cooling Tower
- Keretakan Yang Ketara Pada Permukaan Lantai
(11.05.2015)

GAMBAR 14.16

Bilik Suis, Jabatan Perubatan Forensik
- Kesan Resapan Air
(14.05.2015)

Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 11 April 2016

Kerja-kerja yang kurang memuaskan telah dibuat pembaikan oleh kontraktor pada bulan Januari 2016

14.5.3.2. Reka Bentuk Tidak Sesuai/Tidak Praktikal

Reka bentuk yang sempurna dengan mengambil kira fungsi dan kegunaannya serta ciri-ciri keselamatan akan memberi nilai tambah kepada sesuatu projek yang dilaksanakan. Sehubungan dengan itu, agensi pelaksana dalam Projek Reka dan Bina hendaklah memastikan semua kehendak pelanggan/pengguna telah diambil kira dalam penyediaan Kehendak Kerajaan (Government's Requirements) bagi mengelakkan berlakunya perubahan dalam skop kerja semasa pembinaan. Semakan Audit mendapati beberapa reka bentuk tidak sesuai atau tidak praktikal seperti yang berikut:

a. Reka Bentuk Tangki Air Yang Tidak Seragam

i. Pemasangan tangki air tidak seragam di antara Blok C dengan Blok A dan B di mana penutup tangki air di Blok A dan Blok B menggeleding akibat perubahan cuaca menyebabkan penutup tangki air mudah terbuka. Keadaan ini menyebabkan air bertakung pada sisi penutup dan menggalakkan pembiakan nyamuk aedes. Selain itu, kebersihan air dalam tangki menjadi lebih buruk apabila najis burung merpati masuk ke dalam tangki air kerana reka bentuk bumbung yang tidak sesuai dengan persekitaran yang terbuka. Keadaan tangki seperti gambar berikut:

GAMBAR 14.17

GAMBAR 14.18



Tangki Air Blok B
- Najis Burung Merpati Dan Air Bertakung Pada Sisi Penutup Tangki
(08.05.2015)

GAMBAR 14.19

GAMBAR 14.20

Tangki Air Blok C
- Jenis Tangki Yang Berbeza Daripada Tangki Blok A & B
(08.05.2015 & 12.05.2015)

ii. **Pejabat Kesihatan Daerah Tampin telah membuat pensampelan air daripada tangki air di Blok A, B dan C pada 20 Mei 2015. Sampel tersebut telah dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia dan keputusan analisis mendapati 4 (44.44%) daripada 9 sampel mengandungi bakteria *Total Coliform* terutama dalam tangki air Blok A dan Blok B yang melanggar parameter piawaian yang dibenarkan bagi air terawat. Kehadiran bakteria *Total Coliform* dalam air boleh menyebabkan wabak penyakit bawaan air seperti kolera, tiroid dan hepatitis A sekiranya air yang tercemar tersebut diminum secara terus dan berterusan.** Keputusan analisis pensampelan air oleh Jabatan Kimia Malaysia adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 14.5
KEPUTUSAN ANALISIS PENSAMPELAN AIR
DALAM TANGKI AIR KUARTERS HOSPITAL TAMPIN

LOKASI	DITANDA SEBAGAI	COLIFORM CFU/100ML
Tangki 1, Blok A	**TH 01**	**TNTC**
Tangki 2, Blok A	TH 02	<1
Tangki 3, Blok A	**TH 03**	**5**
Tangki 1, Blok B	**TH 04**	**TNTC**
Tangki 2, Blok B	TH 05	<1
Tangki 3, Blok B	**TH 06**	**3**
Tangki 1, Blok C	TH 07	<1
Tangki 2, Blok C	TH 08	<1
Tangki 3, Blok C	TH 09	<1

Sumber : Jabatan Kimia Malaysia
Nota : TNTC - Too Numerous To Count
>1 - Melanggar Parameter Piawaian Yang Dibenarkan Bagi Air Terawat

Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 20 November 2015 dan 11 April 2016

Pihak kontraktor telah memasang mengikut lukisan kerja dan bahan/peralatan yang telah diluluskan oleh pihak Perunding Mekanikal. Pemasangan tangki air yang tidak seragam adalah disebabkan oleh keperluan kapasiti air yang berbeza mengikut kelas rumah dan keperluan pihak Syarikat Air Negeri Sembilan. Berhubung masalah air bertakung pada sisi penutup tangki, pihak kontraktor telah mengambil tindakan dengan menebuk lubang di bibir penutup tangki tersebut bagi mengalirkan air dari bertakung. Kesemua 40 tangki telah dicuci oleh

kontraktor pada 7 November 2015 dan akan membuat pengisian semula dengan penambahbaikan yang telah dibuat pada bibir tangki air bagi mengelakkan kotoran dari tangki memasuki ke dalam air di dalam tangki tersebut. Kerja pembaikan telah dilaksanakan dan siap pada 31 Disember 2015.

Tangki air juga adalah sesuai di kawasan yang terbuka dan terdedah kepada cuaca seperti kelulusan yang telah diberikan. Berhubung masalah air bertakung pada sisi penutup tangki, ia terjadi akibat penutup tangki tidak ditutup dengan sempurna apabila ada pihak yang telah membuka penutup tersebut dan menutup dengan keadaan yang tidak betul dan tempoh yang lama menyebabkan penutup tersebut menggeleding dan tidak dapat ditutup kembali dengan keadaan yang sempurna. Tangki tersebut telah digunakan secara meluas di pasaran negara dan perkara tersebut tidak terjadi jika ditutup dengan sempurna kerana ruang berbibir pada tangki tersebut direka bentuk sebagai tapak penutup tangki dan tidak menyebabkan air bertakung.

b. Reka Bentuk Lain Yang Tidak Sesuai/Tidak Praktikal

Selain itu, terdapat beberapa reka bentuk yang tidak sesuai atau tidak praktikal di lokasi lain yang dipilih. Bagaimanapun, pihak Fajarbaru telah mengambil tindakan pembaikan ke atas semua (kecuali ruang suis di Jabatan Perubatan Forensik yang terlalu sempit) reka bentuk yang tidak sesuai selepas teguran Audit dan cadangan perunding. Butiran lanjut adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 14.6
REKA BENTUK YANG TIDAK SESUAI /TIDAK PRAKTIKAL

BIL.	LOKASI	KEADAAN FIZIKAL / PENEMUAN AUDIT
1.	Ruang Cucian Troli, Jabatan Bekalan Bahan Steril	Tiada *beam*/pemisah menyebabkan air bertakung dan melimpah keluar dari kawasan pencucian. **(Gambar 14.21)**
2.	Semua Ruang Solat Di Bangunan Hospital	Tiada *water trap* dibuat di tempat mengambil wuduk menyebabkan air mudah bertakung akibat limpahan air dari tempat wuduk. **(Gambar 14.22)**
3.	Kawasan Parkir	Ruang parkir OKU sempit dan sukar bagi pergerakan OKU. **(Gambar 14.23)**
4.	Semua Sistem Pembumian	Kaedah pemasangan sistem pembumian tidak sesuai kerana penyambungan pada *earth electrode* tidak menggunakan kaedah *exothermic welding*. **(Gambar 14.24)**
5.	Kuarters Blok A dan B	Kedudukan kipas siling di bawah lampu kalimantang menyebabkan suasana berbalam apabila kipas dan lampu dipasang serentak. **(Gambar 14.25)**
6.	Bilik *Hose Reel*, Aras 2	Kedudukan *Air Relief Valve* (ARV) lebih yang lebih rendah daripada gegelung hos mengakibatkan sistem tidak dapat beroperasi secara optimum. **(Gambar 14.26)**
7.	Asrama Jururawat	Tiada dinding/pagar penghalang bagi tujuan keselamatan pekerja. Saluran air keluar tidak dibuat bagi mengelakkan air memasuki ruang asrama di tingkat bawah sekiranya berlaku kebocoran paip/tangki air. Tiada penandaan arah anak panah pada paip air bagi kerja penyenggaraan. **(Gambar 14.27)**
8.	Taman Permainan, Kompleks Kuarters	Buaian dan lantai di bawah buaian tidak sesuai kerana boleh menyebabkan kemalangan ke atas kanak-kanak. **(Gambar 14.28)**
9.	Bilik Suis, Jabatan Perubatan Forensik	Ruang bilik suis terlalu sempit menyebabkan pintu papan agihan terpaksa ditanggalkan bagi memudahkan kerja senggara dijalankan. **(Gambar 14.29)**

GAMBAR 14.21

Ruang Cucian Troli, Jabatan Bekalan Bahan Steril
- Tiada Pemisah Menyebabkan Air Bertakung Dan Melimpah Keluar
(08.05.2015)

GAMBAR 14.22

Surau, Jabatan Bekalan Bahan Steril
- Tiada Floor Trap Menyebabkan Air Melimpah Bertakung
(07.05.2015)

GAMBAR 14.23

Petak Parkir OKU
- Saiz Petak Parkir Yang Kecil Dan Tidak Sesuai
(14.05.2015)

GAMBAR 14.24

Kompleks Hospital Tampin Baharu
- Penyambungan Earth Electrode, Sistem Pembuminan Tidak Menggunakan Kaedah Thermic Welding
(12.05.2015)

GAMBAR 14.25



Kuarters Blok A & B
- Kipas Dipasang Dekat Dengan Lampu
(08.05.2015)

GAMBAR 14.26

Bilik Hose Reel, Aras 2
- Kedudukan ARV Lebih Rendah Dari Gegelung Hos
(12.05.2015)

GAMBAR 14.27

Aras Tangki Air, Asrama Jururawat
- Tiada Dinding Penghalang Atau Handrail Dan Penandaan Arah Anak Panah Pada Paip Air
(11.05.2015)

GAMBAR 14.28

Taman Permainan Kuarters Pegawai
- Buaian dan Lantai Buaian Yang Tidak Sesuai
(08.05.2015)

GAMBAR 14.29

Bilik Suis, Jabatan Perubatan Forensik - Ruang Bilik Suis Terlalu Sempit (14.05.2015)

Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 11 April 2016

Keperluan ruang bilik suis adalah ditentukan oleh perunding arkitek yang dilantik dan telah disahkan pihak perunding elektrik melalui 4-wall drawing. Bilik tersebut telah memenuhi fungsi. Walaupun ruang tersebut sempit tetapi ianya masih mempunyai ruang untuk kerja-kerja penyelenggaraan.

Pada pendapat Audit, kualiti pembinaan adalah kurang memuaskan dan terdapat kes reka bentuk yang tidak sesuai disebabkan perunding yang bertanggungjawab tidak menyelia mutu kerja dengan baik atau tidak menjalankan tanggungjawab dengan sempurna serta pihak JKR sebagai agensi pelaksana tidak memastikan semua kehendak KKM diambil kira dalam penyediaan Kehendak Kerajaan (Government's Requirements).

Susulan Audit pada 3 Mac 2016 mendapati pembaikan keretakan dinding tidak dibuat dengan sempurna apabila keretakan dinding hanya dilepa dengan *skimcoat* dan didapati keretakan terus berlaku. Pembaikan lantai di Jabatan Diatetik dan Sajian, dan buaian di taman permainan kuarters pegawai masih belum dibuat oleh Fajarbaru.

14.5.4. Perkhidmatan Sokongan Hospital

14.5.4.1. Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2012 (Tatacara Perolehan Dan Pengurusan Projek Secara Reka Dan Bina), kontraktor hendaklah menyenggara keseluruhan kerja dan perkhidmatan yang disenaraikan dalam skop penyenggaraan yang terkandung dalam Kehendak Kerajaan/*Planned Preventive Maintenance* (PPM) sepanjang tempoh penyenggaraan selama 24 bulan dari tarikh CPC.

14.5.4.2. Semakan Audit terhadap penyenggaraan dan perkhidmatan sokongan Hospital Tampin baharu mendapati perkara berikut:

a. penyenggaraan Hospital Tampin baharu adalah di bawah tanggungjawab Fajarbaru sejak CPC dikeluarkan pada 8 Julai 2013 sehingga 7 Julai 2015.

b. Syarikat Medivest Sdn. Bhd. (Medivest) telah dilantik untuk melaksanakan Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) di Hospital Tampin baharu. Perjanjian konsesi PSH yang baru telah ditandatangani pada 11 Mac 2015

yang turut melibatkan semua hospital Kerajaan. PSH melibatkan 5 perkhidmatan iaitu Perkhidmatan Pendobian dan Linen (Linen and Laundry Services - LLS), Perkhidmatan Pencucian (Cleansing Services - CLS), Perkhidmatan Pengurusan Sisa Klinikal (Clinical Waste Management Services - CWMS), Perkhidmatan Penyenggaraan Kejuruteraan Fasiliti (Facility Engineering Maintenance Services - FEMS) dan Perkhidmatan Penyenggaraan Kejuruteraan Biomedikal (Biomedical Engineering Maintenance Services - BEMS).

c. untuk tempoh penyenggaraan di bawah tanggungjawab Fajarbaru, pihak Medivest hanya boleh mengenakan caj bagi pemantauan kerja penyenggaraan dan bukannya kos penyenggaraan FEMS dan BEMS.

d. bagaimanapun, pihak pengurusan Hospital Tampin telah membuat bayaran penuh bagi perkhidmatan FEMS dan BEMS untuk hospital baharu. Bagi tempoh bulan Februari 2014 (mula operasi hospital baharu) hingga Mac 2015, bayaran penuh berjumlah RM2.59 juta telah dibuat kepada Medivest. Berdasarkan analisis yang dibuat terhadap baucar bayaran sebelum dan selepas perpindahan hospital, didapati tiada sebarang perbezaan jumlah bayaran yang ketara. Ini menunjukkan Medivest masih mengambil kira caj perkhidmatan BEMS dan FEMS di hospital lama sedangkan perkhidmatan penyenggaraan tidak dibuat di Hospital Tampin baharu. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 14.7
BAYARAN PERKHIDMATAN BEMS DAN FEMS
SEBELUM DAN SELEPAS PERPINDAHAN HOSPITAL

PERKHIDMATAN	SEBELUM (SERAH PROJEK 03.10.2014) (RM)				SELEPAS (MULA OPERASI 06.02.2014) (RM)		
	JUL. 2013	NOV. 2013	DIS. 2013	JAN. 2014	FEB. 2014	MAC 2014	APR. 2014
BEMS	54,695	56,798	56,454	56,578	56,483	56,780	56,672
FEMS	124,783	127,015	127,075	127,014	126,678	126,884	126,569
JUMLAH	**179,478**	**183,813**	**183,529**	**183,529**	**183,161**	**183,664**	**183,241**

e. Menjadi tanggungjawab Medivest untuk membersihkan kawasan hospital bagi memastikan Hospital Tampin baharu berada dalam keadaan bersih dan selamat. Didapati persekitaran kawasan luar bangunan hospital tidak dibersihkan terutama di sekeliling dalam dan luar pagar yang berisiko berlaku kebakaran. Contoh kawasan luar bangunan hospital yang tidak dibersihkan adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 14.30

Kawasan Luar Hospital Tampin Baharu
- Kawasan Pagar Yang Semak Dan Daun Kering Tidak Dibersihkan
(14.05.2015)

GAMBAR 14.31

Kawasan Luar Hospital Tampin Baharu
- Dahan Pokok Yang Telah Kering
(14.05.2015)

GAMBAR 14.32

Kawasan Luar Hospital Tampin Baharu
- Rasuk Pagar Yang Telah Pecah
(14.05.2015)

Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 11 November 2015 dan 6 April 2016

Merujuk kepada Klausa 11.1C Perjanjian Konsesi tahun 1996, syarikat konsesi perlu menyediakan PSH kepada hospital-hospital gantian. Memandangkan syarikat konsesi telah melaksanakan perkhidmatan yang sepatutnya, maka pembayaran fi bulanan syarikat konsesi perlu dibayar mengikut Perjanjian Konsesi tahun 1996 tersebut sehingga perjanjian tambahan ditandatangani. KKM dalam proses akhir penyediaan perjanjian tambahan yang dijangka ditandatangani pada tahun 2015. Pelarasan fi bagi perkhidmatan FEMS dan BEMS akan dilaksanakan berpandukan kepada perjanjian tambahan. Pelarasan akan mengambil kira jumlah fi sebenar yang perlu dibayar mengikut perjanjian tambahan dengan menolak atau menambah kepada jumlah fi yang telah dibayar dan jumlah akhir akan mengambil kira pemotongan bayaran terhadap ketidakpatuhan kontrak oleh Medivest. Tindakan penambahbaikan telah dilaksanakan seperti penebangan pokok yang tumbang di pagar telah dibuat pada 4 Ogos 2015 dan pembersihan kawasan berhampiran pagar hospital telah dibuat mengikut jadual yang ditetapkan. Disebabkan terdapat beberapa pindaan ke atas draf perjanjian tambahan, perjanjian berkenaan dijangka akan ditandatangani selewat-lewatnya pada bulan Jun 2016.

Pada pendapat Audit, bayaran perkhidmatan BEMS dan FEMS untuk Hospital Tampin baharu adalah tidak teratur kerana perkhidmatan tersebut tidak disediakan oleh Medivest serta masih di bawah tanggungjawab kontraktor. Selain itu, pemotongan perlu dibuat terhadap bayaran bagi kerja pembersihan kawasan yang tidak dilaksanakan oleh Medivest.

14.5.5. Keadaan Hospital Tampin (Lama)

14.5.5.1. Secara amnya, aset Kerajaan sepatutnya diuruskan dan diselenggarakan dengan baik bagi memelihara dan memanjangkan jangka hayat aset, menjaga nilainya serta mengelakkan kerugian kepada Kerajaan akibat daripada kerosakan dan kehilangan aset.

14.5.5.2. Lawatan Audit ke Hospital Tampin (lama) mendapati perkara yang berikut:

a. Premis Hospital Tampin (lama) telah ditinggalkan tanpa perancangan yang teliti oleh pihak KKM. Keadaan premis yang ditinggalkan tanpa penyenggaraan yang berterusan secara tidak langsung akan menyebabkan premis tersebut menjadi usang. Keadaan hospital lama adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 14.33

GAMBAR 14.34

Bangunan Hospital Tampin (Lama)
- Bangunan Pentadbiran (Bangunan Warisan Kebangsaan) Dan Unit Hemodialisis
(06.05.2015)

b. Terdapat aset bernilai tinggi ditinggalkan dalam premis hospital lama semenjak berpindah ke hospital baharu pada bulan Februari 2014. Antara aset tersebut adalah 8 jenis peralatan bernilai RM0.59 juta yang masih boleh digunakan lagi seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 14.8
PERALATAN YANG DITINGGALKAN DAN MASIH BOLEH DIGUNAKAN

BIL	ASET / INVENTORI	NO. PENDAFTARAN	NILAI PEROLEHAN (RM)
1.	*Mesin X-Ray Statik*	JKNNS/070535/H/07/01	270,000
2.	*Autoclave - 2 Unit*	JKNNS/070512/H/09/01 & TPN-FMSTR-01-0003-TPN00807	167,000
3.	*Reverse Osmosis (RO) System*	JKNNS/070527/H/04/16	70,000
4.	*Automatic Floor Standing Processor*	JKNNS/070535/H/10/13	59,960
5.	*X-Ray Film Identification Printer*	JKNNS/070535/H/07/03	12,000
6.	*Kelida Lead Free Apron - 2 Unit*	JKNNS/070535/H/08/04	6,000
7.	*Positioning Blocks Kits*	JKNNS/070535/H/09/01	4,000
8.	*Kelida Mobile Lead Shield*	JKNNS/070535/H/08/03	3,780
JUMLAH			**592,740**

GAMBAR 14.35

Bangunan Hospital Tampin (Lama)
- Mesin X-Ray Statik Yang Ditinggalkan
(06.05.2015)

GAMBAR 14.36

Bangunan Hospital Tampin (Lama)
- Autoclave Yang Ditinggalkan
(06.05.2015)

GAMBAR 14.37

Bangunan Hospital Tampin (Lama)
- Reverse Osmosis (RO) System Yang Ditinggalkan
(06.05.2015)

c. Asrama Jururawat Hospital Tampin (lama) telah diambil alih dan dinaik taraf menjadi Pusat Latihan Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan dengan kos berjumlah RM470,000. Manakala PKD dan PPD Tampin tidak diperuntukkan bajet bagi tujuan pembangunan tersebut. Keadaan Asrama Jururawat Hospital Tampin (lama) adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 14.38

GAMBAR 14.39

Asrama Jururawat Hospital Tampin (Lama)
- Asrama Yang Telah Dibaik Pulih Menjadi Pusat Latihan JKN Negeri Sembilan
(06.05.2015)

d. Sebagai perbandingan, lawatan Audit telah dibuat ke Hospital Kluang (lama) pada 25 Mei 2015 dan Hospital Permai (lama) pada 25 Ogos 2015 bagi melihat status terkini keadaan bangunan hospital lama setelah berpindah ke bangunan baru. Hasil lawatan Audit adalah seperti yang berikut:

i. Keadaan Hospital Kluang (lama) yang ditinggalkan tanpa perancangan telah menyebabkan kerosakan premis yang serius berbanding semasa hospital tersebut ditinggalkan. Selain itu, berdasarkan keadaan dalam premis, terdapat kes kecurian kabel elektrik seperti ditunjukkan dalam gambar berikut:

GAMBAR 14.40

GAMBAR 14.41

Jabatan Pesakit Luar Dan Jabatan Kecemasan, Hospital Kluang (Lama)
- Kesan Kecurian Kabel Dalam Premis
(28.05.2015)

ii. Bagaimanapun, keadaan sebaliknya berlaku di Hospital Permai (lama) apabila kompleks hospital diambil alih oleh Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ). Adalah didapati JKNJ telah menempatkan Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (TPKN) Kesihatan Awam, TPKN Farmasi dan TPKN Keselamatan Makanan serta Bahagian Kesihatan Awam, Bahagian Perkhidmatan Farmasi dan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan di kompleks hospital lama. Dengan perancangan yang baik, bangunan hospital lama terus dapat digunakan dan menjimatkan kos penyewaan bangunan premis swasta oleh JKNJ. Keadaan Hospital Permai (lama) selepas diambil alih adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 14.42

Hospital Permai (Lama), Tampoi, Johor Bahru
- Pejabat TPKN (Kesihatan Awam) Dan Bahagian Kesihatan Awam JKNJ
(25.08.2015)

GAMBAR 14.43

Hospital Permai (Lama), Tampoi, Johor Bahru
- Kawasan Persekitaran Yang Terjaga Walaupun Masih Belum Digunakan Sepenuhnya
(25.08.2015)

Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 11 November 2015 dan 6 April 2016

KKM telah merancang untuk melaksanakan pembangunan Tapak Hospital Tampin (lama) melalui 2 strategi iaitu Pelan Jangka Pendek dan Pelan Jangka Panjang. Perancangan ini telah diselaraskan dengan perpindahan ke hospital baharu pada bulan Februari 2014. Mengikut Pelan Jangka Pendek, kerja-kerja naik taraf Hospital Tampin (lama) dijangka selesai pada tahun 2016 dan penggunaan kemudahan secara menyeluruh dijangka pada tahun 2017. PKD dan PPD Tampin akan mengemas kini Pelan Pengoperasian Hospital Tampin (lama) bagi membolehkan Perkhidmatan Kesihatan Awam dan Pergigian Tampin dijalankan pada tahun 2017.

Status terkini bagi 8 jenis peralatan yang ditinggalkan telah diambil tindakan antaranya ialah Automatic Floor Standing Processor telah dihantar untuk kegunaan Klinik Kesihatan Gemenceh; 2 unit mesin Autoclave iaitu Portable Autoclave Machine telah digunapakai oleh Klinik Kesihatan Gemas dan Static Autoclave Machine sedang dalam proses pelupusan; baki bagi 6 jenis peralatan iaitu Mesin X-ray Statik, X-ray Film Identification Printer, Positioning Blocks Kits, Kelida Mobile Lead Shield, Kelida Lead Free Apron dan Reverse Osmosis (RO) System masih berada di Hospital Tampin (lama) dan dalam usaha untuk pembaikan bagi kegunaan di masa hadapan. Manakala, Pelan Jangka Panjang adalah membina Klinik Kesihatan Tampin (Jenis 3) yang baharu dan projek ini telah dipohon di bawah Rolling Plan Kedua, RMKe-11 tahun 2016.

Pada pendapat Audit, tindakan segera perlu diambil oleh KKM dengan memberikan peruntukan agar kompleks bangunan Hospital Tampin lama dapat dimanfaatkan dengan pengambilalihan oleh PKD dan PPD. Keadaan perkhidmatan yang sesak di PKD dan PPD boleh diatasi dengan memanfaatkan bangunan kompleks lama Hospital Tampin. Sekiranya dibiarkan, Kerajaan akan menanggung kos pembaikan yang tinggi bagi membaik pulih bangunan yang ditinggalkan usang.

14.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan projek pembinaan yang dilaksanakan secara Reka dan Bina dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan cekap serta Kerajaan mendapat *best value for money* serta memantapkan lagi pengurusan projek akan datang, adalah disyorkan supaya pihak yang bertanggungjawab mengambil tindakan seperti yang berikut:

14.6.1. Kementerian Kewangan perlu mempertimbangkan untuk mengkaji semula Pekeliling Perbendaharaan mengenai Garis Panduan Penilaian Tender supaya penender untuk projek *Turnkey* atau Reka dan Bina yang gagal dalam Penilaian Peringkat Kedua atau Ketiga oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal tidak diteruskan untuk pertimbangan Lembaga Perolehan Agensi. Ini adalah selaras dengan Garis Panduan tersebut yang menetapkan penender yang gagal dalam penilaian Peringkat Pertama tidak boleh diteruskan ke peringkat kedua dan selanjutnya;

14.6.2. KKR perlu mempertingkatkan koordinasi dengan agensi pengguna/pelanggan bagi memastikan kerja/obligasi kontraktor dapat dilaksanakan mengikut Jadual Kerja Terperinci yang disediakan dengan Kaedah Aliran Kritikal;

14.6.3. KKR melaporkan kepada pihak berkuasa dan lembaga profesional berkaitan terhadap kerja yang tidak menepati spesifikasi kontrak/tidak sesuai/berkualiti rendah yang menjejaskan penyampaian perkhidmatan serta

melaksanakan Audit Forensik oleh pasukan pakar terhadap kualiti binaan Kompleks Hospital Tampin yang mengalami keretakan serius pada dinding;

14.6.4. KKR perlu menubuhkan jawatankuasa siasatan terhadap pegawai yang didapati cuai dalam pentadbiran kontrak sehingga mengakibatkan Kerajaan mengalami kerugian dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang bertanggungjawab membuat bayaran untuk perkhidmatan sokongan hospital sedangkan perkhidmatan tersebut tidak disediakan oleh Medivest; dan

14.6.5. KKM perlu mengoptimumkan penggunaan peralatan dan kemudahan hospital termasuk peralatan dan kemudahan sedia ada di hospital lama untuk mengelakkan pembaziran serta mewujudkan suasana kerja yang kondusif.

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

15. JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA - PENGURUSAN TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL

15.1. LATAR BELAKANG

15.1.1. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) telah ditubuhkan pada 1 Julai 2007 di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672). Akta 672 ini telah diluluskan oleh Parlimen pada 17 Julai 2007, diwartakan pada 30 Ogos 2007 dan dikuatkuasakan pada 1 September 2011 bagi mengintegrasikan sistem Pengurusan Sisa Pepejal di peringkat nasional. Akta ini memberikan kuasa eksekutif kepada Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan tanggungjawab mengenai Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam. JPSPN memainkan peranan dalam menyediakan dasar, strategi dan perancangan pengurusan sisa pepejal bersepadu selain bertanggungjawab menggubal peraturan-peraturan sebagaimana terkandung dalam Akta 672 serta menetapkan standard, spesifikasi dan prosedur kerja. Jabatan juga bertanggungjawab melaksanakan penswastaan penuh pengurusan sisa pepejal, melulus dan memberi lesen perkhidmatan dan kemudahan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

15.1.2. Sehingga 31 Disember 2015, hanya 6 Negeri dan 2 Wilayah Persekutuan yang menerima pakai Akta 672 iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Pahang, Kedah, Perlis, Melaka, Johor dan Negeri Sembilan. Bagi 7 negeri yang belum menerima pakai Akta tersebut, Pulau Pinang, Selangor dan Terengganu menolak untuk menerima pakai. Manakala Kelantan dan Perak masih dalam pertimbangan untuk menerima pakai. Sabah dan Sarawak pula hanya tertakluk kepada ordinan sahaja. Walaupun belum atau tidak menerima pakai Akta 672, JPSPN masih terus melaksanakan kerja-kerja menaik taraf Tapak Pelupusan Sisa Pepejal (TPS) berdasarkan kepada permohonan dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di 7 negeri berkenaan. Sehingga kini JPSPN mempunyai 168 kemudahan Pengurusan Sisa Pepejal di seluruh Malaysia.

15.1.3. Peruntukan yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) bagi butiran Projek 00500 - Program Pengurusan Sisa Pepejal berjumlah RM1.416 bilion. Sejumlah RM250.61 juta diperuntukkan bagi projek insinerator, pengambilan balik tanah, kajian kemungkinan dan lain-lain perbelanjaan kemudahan pengurusan sisa pepejal. Sejumlah RM1.165 bilion (82.30%) daripada peruntukan tersebut adalah merupakan peruntukan bagi 47 projek TPS. Skop kerja program TPS adalah terdiri daripada membina tapak pelupusan baru, menaik taraf tapak pelupusan yang tidak sanitari dan penutupan selamat tapak pelupusan. Perolehan program ini dilaksanakan secara rundingan terus (Reka dan Bina), tender terbuka dan tender terhad.

15.2. OBJEKTIF AUDIT

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan tapak pelupusan sisa pepejal yang melibatkan projek pembinaan baru, menaik taraf dan penutupan selamat telah dilaksanakan secara teratur, cekap, berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

15.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan bagi tempoh tahun 2011 hingga 2015. Pengauditan ini dijalankan di Ibu Pejabat Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Sebanyak 12 (25.5%) daripada 47 projek telah dipilih untuk tujuan sampel pengauditan ini yang melibatkan sejumlah RM411.25 juta (32.2%) daripada kos keseluruhan projek tersebut. Lawatan fizikal dijalankan ke atas 12 lokasi yang melibatkan 7 negeri iaitu Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perlis, Perak, Sabah dan Sarawak. Bagi tujuan perbandingan, lawatan fizikal juga telah dijalankan ke 3 tapak iaitu tapak pelupusan sisa pepejal Bukit Tagar, Selangor serta Stesen Pemindahan dan Tutup Selamat Sisa Pepejal di Taman Beringin, Kuala Lumpur.

15.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail berkaitan pengurusan tapak pelupusan sisa pepejal. Temu bual dengan pegawai-pegawai PBT yang berkaitan serta lawatan fizikal bersama-sama pegawai JPSPN, kontraktor serta pihak perunding ke lokasi TPS. *Exit Conference* bersama Ketua Setiausaha KPKT dan Ketua Pengarah JPSPN telah diadakan pada 11 Mac 2016 turut dihadiri oleh wakil daripada Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Kementerian Kewangan Malaysia, Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia, Unit Integriti dan Ketua Audit Dalam KPKT.

15.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan terhadap 12 (25.53%) daripada 47 projek TPS pada bulan Oktober hingga Disember 2015 mendapati, secara keseluruhannya, pengurusan TPS adalah kurang memuaskan. Daripada 47 projek tapak pelupusan sisa pepejal yang dilaksanakan di bawah RMKe-10, sejumlah 33 (70.21%) telah siap, 9 masih dalam pembinaan, 4 dalam proses penilaian tender dan 1 dalam perancangan. Dari segi prestasi kewangan, dari sejumlah RM1.416 bilion peruntukan bagi Pengurusan Sisa Pepejal di bawah RMKe-10, sejumlah RM1.024 bilion (72.38%) telah berjaya dibelanjakan. Lawatan fizikal terhadap 12 daripada 47 projek mendapati beberapa kelemahan yang perlu diambil perhatian seperti yang berikut:

i. 3 projek telah mendapat kelulusan Kebenaran Merancang (KM) dan Pelan Pembangunan (PP), 6 projek telah mendapat pengecualian KM dan PP. Dua projek masih dalam proses pengecualian KM dan PP daripada PBT. Manakala satu projek lagi iaitu TPS Jalan Klias Lama, Beaufort, Sabah masih dalam proses tender;

ii. kontrak bagi 5 projek yang bernilai antara RM10.40 juta hingga RM49.90 juta telah lewat ditandatangani antara 1 hingga 5 bulan dan ini boleh menjejaskan kepentingan pihak Kerajaan; dan

iii. sejumlah RM25.26 juta denda lewat (LAD) telah dipulangkan kepada 7 kontraktor bagi 7 projek setelah JPSPN meluluskan lanjutan masa yang meliputi tempoh denda lewat tersebut. Pihak JPSPN telah mengunakan format Perakuan Pengecualian Bayaran Gantirugi Tertentu Dan Ditetapkan Mengikut SPP Bil. 8/1995. Bagaimanapun Perenggan 14, SPP Bil. 8/1995 berkaitan pengecualian bayaran gantirugi LAD telah dibatalkan melalui Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 8 Mac 2011.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta maklum balas dari KPKT dan JPSPN adalah seperti yang berikut:

15.5.1. Prestasi Projek

15.5.1.1. Prestasi Kewangan

Bagi tempoh RMKe-10, Kementerian Kewangan Malaysia telah meluluskan dana sejumlah RM1,416.11 juta bagi Butiran Projek 00500 - Pengurusan Sisa Pepejal. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM1,024.97 juta (72.38%) telah dibelanjakan oleh JPSPN. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 15.1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN RMKe-10

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	BAKI PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (%)
2011	524.70	187.41	337.29	36
2012	352.41	352.40	0.01	100
2013	199.94	199.49	0.45	100
2014	183.22	161.01	22.21	88
2015	155.84	124.66	31.28	80
JUMLAH	**1,416.11**	**1,024.97**	**391.24**	**72.38**

Sumber : Rekod Di Bahagian Kewangan JPSPN

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan adalah memuaskan memandangkan sehingga 31 Disember 2015 peruntukan yang telah berjaya dibelanjakan berjumlah RM1,024.97 juta (72.38%).

15.5.1.2. Prestasi Fizikal

Bagi tempoh RMKe-10, sebanyak 47 projek telah dilaksanakan meliputi projek pembinaan tapak pelupusan sisa pepejal baru, menaik taraf tapak pelupusan sisa pepejal sedia ada dan penutupan selamat tapak pelupusan sisa pepejal. Prestasi fizikal bagi sampel 12 daripada 47 projek TPS adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 15.2
PRESTASI FIZIKAL 12 PROJEK TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL
(Sehingga 31 Mac 2016)

BIL.	KATEGORI PROJEK	BILANGAN PROJEK	BILANGAN PROJEK SIAP	PERATUS (%)
1.	Projek Pembinaan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Baru	3	2	66.67
2.	Projek Menaiktaraf Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sedia Ada	8	5	62.50
3.	Projek Penutupan Selamat Tapak Pelupusan	1	1	100
JUMLAH		**12**	**8**	**66.67**

Sumber : Maklumat Dari JPSPN

Pada pendapat Audit, prestasi fizikal bagi 12 projek yang dipilih sebagai sampel adalah memuaskan di mana hanya 8 (66.67%) projek yang telah siap dengan Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC), manakala 2 projek masih dalam proses mengeluarkan CPC, 1 projek dalam proses tender dan 1 projek sakit.

15.5.2. Perancangan Pembinaan

15.5.2.1. Penyediaan Pengurusan Nilai (Value Management)

a. Pengurusan Nilai adalah pendekatan pelbagai disiplin yang sistematik dan inovatif yang mengkaji keperluan fungsi sesuatu reka bentuk, produk, perkhidmatan, projek, fasiliti dan sistem bagi mencapai nilai yang lebih baik dan kos yang optimum tanpa menjejaskan tahap prestasi program dan projek. Proses ini melibatkan semua *stake holder* dan pakar yang berkaitan dengan projek dengan memberi tumpuan kepada fungsi, kos dan kualiti. Mengikut Pekeliling Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri Bil. 3 Tahun 2009, Pengurusan Nilai (Value Management) perlu dilaksanakan bagi program dan projek yang bernilai melebihi RM50 juta.

b. Semakan Audit mendapati 1 daripada 12 projek yang disemak iaitu TPS Belenggu, Temerloh yang bernilai RM88.10 juta dan telah melalui proses Pengurusan Nilai.

c. Bagi Projek TPS Belenggu Temerloh Pahang, Makmal Pengurusan Nilai telah dihadiri oleh wakil dari UPE, KPKT, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air (KeTTHA), Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Kerja Raya, Majlis Daerah Bera, Majlis Perbandaran Temerloh, Indah Water Konsortium (IWK),

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (PPSPPA) serta pihak Perunding. Semakan Audit mendapati kos projek selepas Pengurusan Nilai telah meningkat RM98.1 juta berbanding kos asalnya iaitu RM88.1 juta dengan pertambahan kos sebanyak 11.35%. JPSPN telah menerima laporan Makmal Pengurusan Nilai daripada UPE yang dibuat pada 10 Julai 2012 hingga 12 Julai 2012.

d. Bagaimanapun, surat JPSPN kepada UPE bertarikh 13 Ogos 2012 mengenai cadangan Makmal Pengurusan Nilai ini tidak dipertimbangkan kerana kontraktor telah dilantik lebih awal iaitu pada 16 Mei 2012 dan kerja di tapak telah bermula pada 28 Mei 2012. JPSPN mengambil maklum semua teguran dan akan diambil kira bagi projek yang belum ditender.

Maklum Balas JPSPN Yang Diterima Pada 7 April 2016

Pelantikan Sumur Mutiara Sdn. Bhd. sebagai kontraktor bagi TPS Belenggu secara rundingan terus telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia bertarikh 2 Jun 2010 dan Surat Niat telah dikemukakan kepada kontraktor melalui surat bertarikh 12 Julai 2010. Rundingan harga bagi projek ini telah diadakan pada 28 Februari 2012 setelah Kajian Impak Terperinci diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar pada 22 November 2011. Kos pembinaan yang diluluskan oleh Lembaga Perolehan 'A', KPKT adalah berjumlah RM88.10 juta bertarikh 23 Mac 2012. Memandangkan kos projek telah melebihi RM50 juta, mesyuarat Lembaga Perolehan 'A' pada 23 Mac 2013 telah memutuskan supaya JPSPN mengemukakan Notis Perubahan Siling (NOC) kepada pihak UPE, JPM bagi membolehkan pelantikan kontraktor dilaksanakan. Oleh yang demikian, pihak UPE, JPM bertarikh 16 Mei 2012 telah bersetuju supaya Surat Setuju Terima kepada kontraktor dikeluarkan dahulu bagi membolehkan kerja-kerja di tapak dilaksanakan mengikut perancangan. Surat Setuju Terima telah dikemukakan kepada Sumur Mutiara Sdn. Bhd. pada 16 Mei 2012 dan Makmal Pengurusan Nilai telah diadakan pada 10 Julai 2012 sehingga 12 Julai 2012.

Kos projek di bawah VM ini lebih tinggi berbanding kos anggaran asal kerana ia merangkumi skop yang lebih meluas termasuk kos pembinaan tapak pelupusan, pembinaan jambatan baru, pembinaan laluan sementara, perobohan jambatan sedia ada, pengalihan utiliti, pelarasan turun naik harga (VOP), sumbangan kepada penyedia perkhidmatan, pelbagai (ukur tanah, penyiasatan tanah, kajian DEIA) dan yuran perunding.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan Pengurusan Nilai ini tidak dapat membantu dalam mengenal pasti komponen yang terbaik dan pengurangan kos bagi projek ini.

15.5.2.2. Kebenaran Merancang Dan Pelan Pembangunan Daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Seksyen 20, Akta 172 Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 menyatakan tiada sebarang kemajuan boleh dilaksanakan melainkan dengan kebenaran. Akta 133, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 pula menyatakan, pembinaan bangunan perlu mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada PBT. Di Negeri Sarawak, mengikut Seksyen 8(2) dalam *Laws of Sarawak Chapter 8 of Buildings Ordinance 1994 Part II Planning And Development Control*, sebarang pembinaan bangunan hendaklah mengemukakan kepada PBT pelan dan spesifikasi mengikut kehendak Undang-undang Kecil di bawah Ordinan serta kepada mana-mana pihak berkuasa berkenaan, pelan dan spesifkasi berkaitan dengan keselamatan dan kebakaran, sistem pembetungan dan kumbahan untuk bangunan sebagaimana yang dikehendaki oleh peraturan. Semakan Audit terhadap 12 projek yang dilawati mendapati 3 projek telah mendapat kelulusan Kebenaran Merancang (KM) dan Pelan Pembangunan (PP), 6 projek telah mendapat pengecualian KM dan PP dan 2 projek masih dalam proses pengecualian KM dan PP daripada PBT. Manakala 1 projek iaitu TPS Jalan Klias Lama, Beaufort, Sabah masih dalam proses tender. Pihak Audit tidak dapat mengenal pasti tarikh KM dan PP dikemukakan serta tarikh KM dan PP diluluskan bagi 11 projek TPS kerana JPSPN tidak mengemukakan maklumat tersebut. Butiran lanjut adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 15.3
KEDUDUKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG DAN PELAN PEMBANGUNAN BAGI PROJEK TPS

BIL.	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	KAWASAN PBT	TEMPOH KONTRAK	STATUS PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (KM) / PELAN PEMBANGUNAN (PP)	
					BERDASARKAN MINIT MESYUARAT PENYELARASAN BAGI MENYELESAIKAN ISU KEBENARAN MERANCANG PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN JPSPN PADA 26.02.2016	BERDASARKAN DOKUMEN SOKONGAN
1.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Koh Foh, Jempol, Negeri Sembilan	14.70	Majlis Daerah Jempol	04.01.2012 - 06.11.2012	Majlis Daerah Jempol bersetuju untuk memberikan pengecualian KM secara bertulis 01.03.2016	Pengecualian KM telah diberikan oleh JPBD dengan pertimbangan pada 18.03.2016
2.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Sungai Udang, Melaka	49.90	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB)	01.11.2012 - 01.09.2014	MBMB telah memberi kelulusan KM dengan syarat tambahan pada 23.12.2015	Telah mendapat kelulusan KM pada 23.12.2015
3.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Krubong, Melaka	42.87	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB)	23.06.2011 - 22.06.2012	MBMB bersetuju untuk memberi pengecualian KM secara bertulis pada 01.03.2016	Telah mendapat pengecualian terus pada 01.03.2016
4.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Kayu Madang, Kota Kinabalu, Sabah	44.00	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	30.05.2012 - 28.05.2013	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu bersetuju untuk memberi pengecualian KM secara bertulis pada 29.02.2016	Telah mendapat pengecualian KM pada 29.02.2016
5.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sibuti, Miri, Sarawak	23.90	Majlis Daerah Subis	01.11.2011 - 18.12.2012	Mesyuarat bersetuju agar Majlis Bandaraya Miri perlu mengeluarkan pengecualian KM secara bertulis 01.03.2016.	Belum mendapat pengecualian dari Majlis Bandar Raya Miri tetapi dalam proses permohonan kelulusan KM daripada Majlis Daerah Subis

BIL.	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	KAWASAN PBT	TEMPOH KONTRAK	STATUS PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (KM) / PELAN PEMBANGUNAN (PP)	
					BERDASARKAN MINIT MESYUARAT PENYELARASAN BAGI MENYELESAIKAN ISU KEBENARAN MERANCANG PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN JPSPN PADA 26.02.2016	BERDASARKAN DOKUMEN SOKONGAN
6.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Jalan Kemunyang, Sibu, Sarawak	17.98	Majlis Perbandaran Sibu	11.10.2011 - 11.12.2012	Majlis Perbandaran Sibu bersetuju untuk memberi pengecualian KM secara bertulis pada 01.03.2016	Keputusan Kelulusan KM telah diperolehi pada 14 Julai 2011. Keputusan Pelan Pembangunan telah diluluskan pada 15 Ogos 2011.
7.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Belenggu Temerloh	88.10	Majlis Perbandaran Temerloh	28.05.2012 - 26.05.2013	Majlis Perbandaran Temerloh bersetuju untuk menghantar surat susulan pada 01.03.2016 berdasarkan surat pengecualian KM bertarikh 25.04.2012	Bersetuju memberi pengecualian terus kepada proses kelulusan pengecualian KM sebelum ini pada 02.03.2016.
8.	Projek Tutup Selamat Ulu Tualang, Temerloh, Pahang	31.50	Majlis Perbandaran Temerloh	24.08.2009 - 23.11.2011	Majlis Perbandaran Temerloh bersetuju untuk memberi pengecualian KM secara bertulis pada 01.03.2016	Bersetuju memberi pengecualian terus KM pada 02.03.2016.
9.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Padang Siding, Perlis	21.91	Majlis Perbandaran Kangar	11.03.2013 - 17.03.2014	Majlis Perbandaran Kangar bersetuju untuk memberikan pengecualian KM secara bertulis pada 01.03.2016	Dalam proses pengecualian KM dan PP.
10.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Rimba Emas, Perlis	51.13	Majlis Perbandaran Kangar	01.10.2013 - 31.07.2015	Majlis Perbandaran Kangar memaklumkan KM telah diluluskan pada 25.02.2015 dan akan memaklumkan secara bertulis kepada KPKT dalam masa terdekat	KM diluluskan dengan syarat melalui Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil. 4/2016 pada 25.02.2016
11.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Teluk Cempedak, Pulau Pangkor	10.47	Majlis Perbandaran Manjong	04.01.2012 - 06.11.2012	Majlis Perbandaran Manjung bersetuju untuk memberikan pengecualian KM secara bertulis pada 01.03.2016	Diberi pengecualian dibawah Seksyen 18 Akta 172 (Seksyen 18 – Penggunaan Tanah dan Bangunan)

Sumber : ***Maklumat Dari JPSPN***
Nota: ***KM - Kebenaran Merancang*** ***PP - Pelan Pembangunan***

GAMBAR 15.1

Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sungai Udang, Melaka - Struktur Bangunan LTP Dan Bangunan Pentadbiran Telah Mendapat Pengecualian KM Dari Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (25.11.2015)

GAMBAR 15.2

GAMBAR 15.3



Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Belenggu, Temerloh - Projek Ini Dikecualikan Daripada KM Dan PP Namun Terdapat Struktur Bangunan Seperti Bangunan Pentadbiran Dan Pump Room. Pembinaan Struktur Bangunan Tersebut Belum Mendapat Kelulusan Dari Majlis Perbandaran Temerloh (21.12.2015)

Maklum Balas JPSPN Yang Diterima Pada 7 April 2016

KPKT telah mengadakan mesyuarat bersama PBT pada 26 Februari 2016 dan bersama Majlis Bandaraya Miri (MCC) pada 8 Mac 2016. Kesemua PBT telah bersetuju untuk memberi Kebenaran Merancang (KM)/pengecualian KM bagi tapak-tapak TPS berkenaan.

Bagi Tapak pelupusan di Sibuti, Miri, perunding telah mengemukakan permohonan kelulusan Pelan Bangunan kepada Bomba pada 21 Mac 2016 dan 1 April 2016. Perunding juga telah mengemukakan permohonan SPA Sitting Approval kepada pihak Majlis Daerah Subis dan MCC pada 11 Mac 2016 dan 14 Mac 2016. Kelulusan SPA Sitting Approval telah diperolehi pada 18 Mac 2016.

TPS Padang Siding, Majlis Perbandaran Kangar (MPK) telah bersetuju secara lisan untuk memberi pengecualian KM di dalam mesyuarat yang telah diadakan pada 26 Februari 2016. Pengecualian KM secara bertulis akan diberikan setelah mesyuarat di peringkat MPK diadakan.

TPS Koh Foh terletak di luar kawasan operasi Majlis Daerah Jempol (MPJ). MPJ telah memaklumkan bahawa kawasan tapak ini adalah di luar kawasan operasi mereka dan JPSPN telah menghantar surat kepada JPBD Negeri Sembilan bertarikh 18 Mac 2016 telah memberikan pengecualian KM kepada TPS ini.

Pada pendapat Audit, perancangan di peringkat permohonan Kebenaran Merancang dan Pelan Pembangunan adalah kurang memuaskan. Pematuhan kepada kehendak dan peraturan yang telah ditetapkan oleh PBT yang berkaitan, dapat mengelakkan daripada berlakunya sebarang masalah terutamanya di peringkat penyerahan projek yang berkenaan.

15.5.3. Pengurusan Kontrak

15.5.3.1. Tandatangan Dokumen Kontrak

PK 4 2013 dan SPP Bil. 5/2007 menyatakan bahawa kontrak hendaklah ditandatangani selewat-lewatnya 4 bulan selepas Surat Setuju Terima (SST) ditandatangani. Semakan Audit terhadap 12 projek mendapati dokumen kontrak bagi 5 projek yang bernilai antara RM10.4 juta hingga RM49.9 juta telah lewat ditandatangani antara 1 hingga 5 bulan. Semakan lanjut mendapati antara sebab yang menyumbang kepada kelewatan ini adalah kelemahan pengurusan penyediaan dokumen seperti kelewatan mengemukakan lukisan pembinaan dan draf dokumen kontrak oleh konsultan dan proses pelarasan harga. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 15.4
TEMPOH MENANDATANGANI DOKUMEN KONTRAK

BIL.	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	TEMPOH KONTRAK	TARIKH SURAT SETUJU TERIMA DITANDATANGANI	TARIKH KONTRAK DITANDATANGANI	TEMPOH KELEWATAN (Bulan)
1.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Koh Foh, Jempol, Negeri Sembilan	14.70	04.01.2012 - 06.11.2012	23.12.2011	18.09.2012	5
2.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Sungai Udang, Melaka	49.90	01.11.2012 - 01.09.2014	02.08.2012	21.02.2013	2
3.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sibuti, Miri, Sarawak	23.90	01.11.2011 - 18.12.2012	21.10.2011	22.05.2012	3
4.	Projek Tutup Selamat Ulu Tualang, Temerloh, Pahang	31.50	24.08.2009 - 23.11.2011	13.01.2010	28.06.2010	1
5.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Teluk Cempedak, Pulau Pangkor	10.47	04.01.2012 - 06.11.2012	23.12.2011	11.06.2012	2

Sumber : Dokumen Kontrak

Maklum Balas JPSPN Yang Diterima Pada 4 Mac 2016

Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Koh Foh, Jempol, Negeri Sembilan

Walaupun SST dikeluarkan pada 23 Disember 2011, perunding hanya mengemukakan lukisan pembinaan pada 17 Jun 2012 walaupun telah berkali-kali diberi peringatan oleh SWCorp dan Jabatan.

Proses semakan Draf Dokumen Kontrak yang disediakan oleh kontraktor (tanpa Lukisan Kontrak) telah bermula pada 4 Mei 2012. Dokumen Kontrak yang lengkap berjaya dimuktamadkan serta ditandatangani pada 18 September 2012.

Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Sungai Udang, Melaka

Walaupun SST telah dikeluarkan pada 2 Ogos 2012, Kontraktor telah lewat memasuki tapak selama 3 bulan disebabkan kelewatan memperolehi Kelulusan Merancang daripada PBT terlibat.

Pihak perunding menyerahkan 3 salinan asal Dokumen Kontrak kepada pihak JPSPN pada 31 Januari 2013 dan ditandatangani pada 21 Februari 2013.

Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sibuti, Miri, Sarawak.

Setelah SST dikeluarkan pada 21 Oktober 2011, perunding mengemukakan Draf Pertama Dokumen Kontrak untuk semakan PPSPPA pada 25 Januari 2012. Setelah beberapa kali pembetulan dan dokumen-dokumen dilengkapkan, PPSPPA telah mengemukakan Dokumen Kontrak yang dimuktamadkan kepada JPSPN untuk ditandatangani pada 20 April 2012. Dokumen Kontrak ditandatangani pada 22 Mei 2012.

Projek Tutup Selamat Ulu Tualang, Temerloh, Pahang

Kelewatan pengeluaran SST yang baru ditandatangani telah menyebabkan kelewatan dalam menandatangani Dokumen Kontrak selama 46 hari yang sepatutnya ditandatangani pada 12 Mei 2010 kepada 28 Jun 2010. Kelewatan ini

juga disebabkan oleh kos projek ini RM483.08 juta perlu diselaraskan semula kepada 16 projek berkenaan.

Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Teluk Cempedak, Pulau Pangkor

Walaupun SST ditandatangani pada 23 Disember 2011, perunding hanya mengemukakan draf dokumen kontrak pada 29 Februari 2012. Pembetulan draf dokumen kontrak hanya diselesaikan pada 22 Mei 2012. Kontrak Dokumen telah ditandatangani pada 23 Mei 2012.

Pada pendapat Audit, pengurusan kontrak adalah kurang memuaskan. Dokumen kontrak yang tidak ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan boleh menjejaskan kepentingan pihak Kerajaan.

15.5.3.2. Kelulusan Tempoh Lanjutan Masa/*Extension Of Time* (EOT)

Mengikut dokumen kontrak klausa 43.1, kontraktor hendaklah memberi notis bertulis kepada Pegawai Penguasa (PP) sebab-sebab kelewatan berserta dokumen sokongan dengan menyatakan perkiraan tempoh kelewatan. PP boleh memperakukan kelewatan tersebut sekiranya ia didapati layak. Semakan Audit mendapati EOT diberikan selepas mendapat perakuan daripada Jawatankuasa Lanjutan Masa (JKLM). Semakan selanjutnya terhadap 12 projek mendapati sasaran bagi menyiapkan 12 projek tersebut adalah antara 10 hingga 53 bulan. Bagaimanapun sehingga 31 Disember 2015, 5 projek telah disiapkan setelah diluluskan 1 hingga 7 EOT yang melibatkan tempoh antara 3 hingga 28 bulan, 5 projek masih dalam pembinaan, 1 dalam proses tender dan 1 berstatus projek sakit. Ini adalah antara faktor yang menyumbang kepada projek lewat disiapkan boleh menjejaskan kepentingan pihak Kerajaan. Selain itu, LAD berjumlah RM25.25 juta (95.6%) telah dikembalikan sebaik sahaja Lanjutan Masa yang meliputi tempoh LAD itu diluluskan. Maklumat mengenai LAD adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 15.5
KEDUDUKAN LAD YANG DIKENAKAN KE ATAS 7 KONTRAKTOR

BIL.	NAMA PROJEK/KONTRAKTOR	KOS PROJEK (RM Juta)	TEMPOH KONTRAK ASAL	STATUS PROJEK SEHINGGA 31.12.2015	JUMLAH LAD YANG DIKENAKAN (RM Juta)	JUMLAH LAD YANG DIKEMBALIKAN (RM Juta) / TARIKH	BAKI (RM Juta)
1.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Koh Foh, Jempol, Negeri Sembilan **(CYPARK RESOURCES BHD.)**	14.70	04.01.2012 - 06.11.2012	Dalam Pembinaan	0.34	0.34 / 06.08.2014	-
					0.61	0.61 / 12.11.2015	-
2.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Krubong, Melaka **(SITEGES ENGINEERING SDN. BHD.)**	42.87	23.06.2011 - 27.12.2013	Siap	0.81	0.32 / 13.02.2013	0.49
3.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Kayu Madang, Kota Kinabalu Sabah **(LGB ENGINEERING SDN. BHD.)**	44.00	30.05.2012 - 15.11.2014	Dalam Pembinaan	0.50	0.50 / 14.05.2015	-

BIL.	NAMA PROJEK/KONTRAKTOR	KOS PROJEK (RM Juta)	TEMPOH KONTRAK ASAL	STATUS PROJEK SEHINGGA 31.12.2015	JUMLAH LAD YANG DIKENAKAN (RM Juta)	JUMLAH LAD YANG DIKEMBALIKAN (RM Juta) / TARIKH	BAKI (RM Juta)
4.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sibuti, Miri, Sarawak **(MASAMA SDN. BHD.)**	23.99	01.11.2011 - 18.12.2012	Siap	1.37	0.71 / 22.10.2015	0.66
5.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Jalan Kemunyang, Sibu, Sarawak **(SAMADO SDN. BHD.)**	17.98	11.10.2011 - 11.12.2012	Siap	0.88	0.88 / 27.07.2015	-
6.	Projek Tutup Selamat Ulu Tualang Pahang **(CYPARK RESOURCES BERHAD)**	31.50	24.08.2009 - 23.11.2014	Dalam Pembinaan	21.55	2.89 / 27.12.2012 2.51 / 08.04.2013 9.58 / 15.08.2014 6.57 / 21.04.2015	-
7.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Padang Siding, Perlis **(LGB Engineering SDN. BHD.)**	21.91	11.03.2013 - 17.03.2014	Dalam Pembinaan	0.34	0.34 / 12.11.2015	-
JUMLAH KESELURUHAN		**196.95**			**26.40**	**25.25**	**1.15**

Sumber : Dokumen Kontrak

Maklum Balas JPSPN Yang Diterima Pada 4 Mac 2016

Setiap EOT yang diberikan kepada kontraktor adalah bergantung kepada kuasa PP seperti yang disenaraikan dalam Syarat-syarat Kontrak (Condition of Contract) - Contract PWD Form 203 (Revised 2007 & 2010).

Kelewatan kelulusan EOT adalah disebabkan oleh tarikh siap sebenar sesuatu kerja bagi mengelakkan pengemukaan EOT oleh kontraktor dengan alasan yang sama.

Pemulangan LAD ini adalah berikutan daripada kelulusan EOT oleh JKLM bersesuaian dengan Klausa 43.1 di dalam COC.

Pada pendapat Audit, pengurusan lanjutan masa adalah baik. Bagaimanapun, tempoh EOT yang mencapai sehingga 28 bulan itu boleh berlarutan sekiranya tiada kawalan dan ini boleh menyumbang kepada projek lewat disiapkan. Dengan mematuhi syarat yang ditetapkan maka pemberian lanjutan masa dapat dilaksanakan dengan adil dan saksama oleh pegawai yang diberi kuasa seperti yang dinyatakan dalam kontrak serta tidak menjejaskan tempoh siap projek.

15.5.4. Pengurusan Aktiviti

Seksyen 34A(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan 1985), 1974 telah menetapkan bahawa laporan *Environmental Impact Assessment* (EIA) hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) sebelum menjalankan aktiviti yang diluluskan oleh PBT.

Berdasarkan kepada standard yang ditetapkan oleh *Japan International Coorporation Agency* (JICA), terdapat 4 tahap keperluan komponen yang ditetapkan untuk sesuatu TPS. Tahap yang dimaksudkan adalah Tahap 1 - C*ontrolled Tipping*, Tahap 2 - *Sanitary Landfill With Bund And Daily Cover Soil*, Tahap 3 - *Sanitary Landfill With Leachete Recirculation System* dan Tahap 4 - S*anitary Landfill With Leachate Treatment Facilities*. Kedudukan TPS Tahap 4 adalah seperti rajah berikut:

RAJAH 15.1
CONTOH KOMPONEN TAHAP 4 YANG DISEDIAKAN OLEH JPSPN UNTUK SATU TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL YANG LENGKAP

Sumber : TPS Sungai Udang, Melaka

15.5.4.1. Pelantikan Operator

Berdasarkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 24 Julai 2002, bagi pembinaan baru TPS, pelantikan operator bagi penyenggaraan tapak TPS tersebut dilakukan oleh pihak JPSPN, manakala bagi kerja menaik taraf TPS, pelantikan operator akan dilakukan oleh PBT sebaik sahaja projek siap dan diserahkan kepada PBT berkaitan. Semakan Audit terhadap 3 daripada 12 projek dilawati mendapati perkara yang berikut:

i. **TPS Krubong, Melaka**

Kos bagi projek TPS Krubong, Melaka adalah berjumlah RM42.9 juta. Projek ini telah siap dan telah dikeluarkan Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (CMGD) pada 26 Disember 2014 dengan jangka hayat beroperasi selama 5 tahun. Bagaimanapun, pada 1 April 2015, operasi TPS ini telah diberhentikan atas arahan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan aktiviti pengurusan sisa pepejal berserta dengan operatornya telah dipindahkan ke

Sungai Udang, Melaka. **Tapak ini hanya beroperasi selama 16 bulan berbanding 5 tahun yang dijangkakan**. Walaupun telah berhenti beroperasi, pengaliran *leachate* dari sel masih berterusan dan memerlukan operator untuk menyenggarakan *Leachate Treatment Plan* (LTP) bagi tujuan merawat *leachate* sehingga ke tahap yang diluluskan. Sehingga tarikh lawatan Audit pada 25 November 2015, pihak JPSPN belum melantik operator untuk tujuan menyenggara LTP memandangkan LTP sedia ada perlu untuk dibaiki terlebih dahulu sebelum diserahkan kepada operator. Akibatnya, kolam telah dipenuhi dengan *leachate* dan melimpah serta mengakibatkan pencemaran persekitaran. Resapan *leachate* yang mengandungi plumbum, sebatian organik nitrogen dan ammonia ke dalam tanah boleh mencemarkan sumber air di sekitar kawasan pelupusan sampah berkenaan seperti sungai, kolam dan longkang serta membawa kesan negatif kepada kesihatan manusia.

GAMBAR 15.4

Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Krubong, Melaka - Sebahagian Daripada Komponen LTP Yang Terbiar (25.11.2015)

GAMBAR 15.5

Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Krubong, Melaka - Sebahagian Daripada Komponen LTP Yang Memerlukan Baik Pulih Untuk Berfungsi (25.11.2015)

GAMBAR 15.6

Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Krubong, Melaka - Longkang Yang Dipenuhi Dengan Air Leachate Yang Tidak Dirawat (25.11.2015)

GAMBAR 15.7

Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Krubong, Melaka - Air Leachate Yang Telah Melimpah Keluar Daripada Kolam. Tindakan Sepatutnya Diambil Untuk Memindahkan Air Leachate Itu Ke Kolam Sementara Bagi Mengelakkan Limpahan (25.11.2015)

ii. **TPS Sibuti, Miri –** TPS ini telah siap sepenuhnya pada 4 November 2014 dengan kos berjumlah RM23.90 juta. Sehingga tarikh lawatan Audit, TPS belum diserahkan kepada Majlis Bandaraya Miri. Tempoh Memperbaiki

Kecacatan (DLP) adalah mulai 4 November 2014 hingga 3 November 2015. **Bagaimanapun sehingga tarikh lawatan Audit pada 16 Disember 2015, tiada sebarang penyerahan dilakukan kepada pihak PBT**. Tiada bukti menunjukkan *Testing and Commisioning* telah dilakukan terhadap *Leachate Treatment Plan* (LTP) sedangkan Perakuan Siap Kerja (CPC) telah dikeluarkan pada 4 November 2014. Antara sebab kelewatan penyerahan ini ialah pihak Majlis Bandaraya Miri belum bersedia untuk menerimanya kerana masih terdapat beberapa kecacatan di lokasi TPS tersebut yang perlu dibaiki oleh pihak kontraktor seperti yang ditunjukkan dalam gambar berikut:

GAMBAR 15.8

GAMBAR 15.9

Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sibuti, Miri
- Tahap Kemasan Pembaikan Oleh Kontraktor Yang Tidak Memuaskan
(16.12.2015)

GAMBAR 15.10

Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sibuti, Miri
- Lantai Yang Berlumut Akibat Kebocoran Pada Siling Bangunan
(16.12.2015)

GAMBAR 15.11



Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sibuti, Miri
- Siling Bangunan Bocor
(16.12.2015)

GAMBAR 15.12

Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sibuti, Miri
- Kolam Takungan Air Leachate Telah Penuh Kerana LTP Belum Beroperasi
(16.12.2015)

GAMBAR 15.13

Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sibuti, Miri
- Sampah Yang Tidak Terurus
Kerana Tiada Operator
(16.12.2015)

GAMBAR 15.14

Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sibuti, Miri
- Vent Gas Telah Roboh Akibat Di Hempap Buangan
Sisa Pepejal Kerana Tiada Pihak Yang
Menyenggarakan Kawasan Sel Ini
(16.12.2015)

iii. **TPS Belenggu, Temerloh** - TPS ini telah siap sepenuhnya pada 20 Ogos 2015 dengan kos berjumlah RM88.01 juta. Sehingga tarikh pengauditan pelantikan operator masih belum dilakukan oleh pihak JPSPN. Ini kerana kerana sehingga tarikh lawatan Audit pada 21 Disember 2015, bekalan elektrik belum lagi dibekalkan oleh TNB.

GAMBAR 15.15

GAMBAR 15.16

Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Belengu, Temerloh
- Pelantikan Operator Belum Dilakukan
(21.12.2015)

Maklum Balas JPSPN Yang Diterima Pada 7 April 2016

TPS Krubong, Melaka

Kerajaan Persekutuan bercadang untuk mengambil alih pengoperasian tapak-tapak pelupusan sedia ada di negeri-negeri yang menguatkuasa Akta 672 termasuk pengoperasian LTP. KPKT telah mengemukakan permohonan kelulusan lantikan operator secara rundingan terus kepada MOF pada 24 Mac 2016.

TPS Sibuti, Miri

Testing and Commisioning (T&C) telah dijalankan pada 8 hingga 9 April 2014, 14 hingga 15 April 2014, 3 Julai 2014 dan 13 Ogos 2014. KPKT juga telah membuat pemeriksaan lanjutan pada 28 Mac 2016 dan mendapati pihak kontraktor telah melaksanakan semua kerja pembaikan kecacatan yang terlibat. **Majlis Bandaraya Miri-*Miri City Council (MCC) telah menerima kunci daripada KPKT pada 16 Disember 2015. Sehingga kini MCC masih belum melantik operator bagi menjalankan pengoperasian.***

TPS Belenggu, Temerloh

Selepas beberapa pemeriksaan dibuat oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB), terdapat beberapa perkara yang perlu ditambah baik berdasarkan keperluan terkini TNB yang diselesaikan pada 20 Ogos 2015. Kelewatan pelantikan operator adalah disebabkan oleh kerja-kerja pembekalan elektrik oleh TNB yang lewat disiapkan. Walau bagaimanapun pihak TNB telah menyiapkan kerja-kerja pembekalan elektrik (kecuali pemasangan meter) ke tapak pada bulan Januari 2016 dan kerja-kerja pemasangan meter kini dalam tindakan TNB dan dijadualkan siap pada minggu kedua April 2016. Pada masa yang sama, pelantikan operator juga tidak dapat dibuat berikutan tiada kod bidang pelantikan operator untuk pengurusan kemudahan sisa pepejal. Bagaimanapun kelulusan kod bidang tersebut telah diperolehi daripada Kementerian Kewangan pada 15 Mac 2016. KPKT telah membuat permohonan kelulusan MOF untuk melaksanakan perolehan bagi lantikan operator secara rundingan terus pada 24 Mac 2016.

Pada pendapat Audit, perancangan bagi 3 projek tersebut adalah kurang memuaskan memandangkan sehingga tarikh lawatan Audit iaitu pada 25 November hingga 29 Disember 2015, operator masih belum dilantik. Pematuhan kepada garis panduan dan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang disediakan boleh mengelakkan daripada berlakunya kelewatan dalam pelaksanaan.

15.5.4.2.2. Kebocoran Air Larut Resap (Leachate) - TPS Sungai Udang, Melaka

i. Perenggan 13.8, Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya (Edisi 3), menyatakan adalah menjadi tanggungjawab kontraktor memperbaiki kerosakan dalam tempoh tanggungan kecacatan (DLP). Sementara itu, klausa 48.1a dalam kontrak antara pihak Kerajaan dengan Kontraktor BPJ - Berjaya Sdn. Bhd. mengenai kecacatan selepas kerja disiapkan menyatakan perkara berikut:

"*at any time during the defect liability period as stated in appendix here to (or if none) ..... Superintending Officer (SO) shall issue written instruction to the contractor to make good such defect, in perfection, shrinkages or any other fault whatsoever at the contractor's own cost ...*"

Kebocoran *leachate* yang berlaku di tebing tanah bersebelahan *intake sump* ketika lawatan Audit pada 25 November 2015 telah dibaiki oleh pihak operator iaitu SWM Environment Sdn. Bhd. walaupun ianya sepatutnya dilakukan oleh pihak kontraktor BPJ - Berjaya Sdn. Bhd. memandangkan tempoh kecacatan akan berakhir pada 11 November 2016. Perkara ini bercanggah dengan kehendak klausa 48.1a dalam kontrak antara pihak Kerajaan dengan Kontraktor BPJ - Berjaya Sdn. Bhd. Kedudukannya adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 15.17

GAMBAR 15.18

Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sungai Udang, Melaka
- Kebocoran Paip Air Leachate Di Kawasan Sel
(25.11.2015)

GAMBAR 15.19

Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sungai Udang, Melaka
- Lokasi Bocor Telah Siap Diperbaiki Dan
Kerja-Kerja Turfing Sedang Dilaksanakan
(26.01.2016)

GAMBAR 15.20

Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sungai Udang, Melaka
- Kerja-Kerja Turfing Sedang Dilaksanakan
(26.01.2016)

ii. Lawatan susulan Audit pada 26 Januari 2016 juga mendapati berlaku satu lagi kebocoran *leachate* di kawasan tebing tanah laluan saluran paip HDPE 300mm diameter dari *sub-cell* yang menghubungkan ke longkang parameter untuk tujuan pengaliran air hujan. Kebocoran ini menyebabkan limpahan *leachate* di dalam longkang parameter, laluan lori sampah di sel dan di kawasan LTP. Kedudukannya adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 15.21

Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sungai Udang, Melaka
- Kebocoran Baru Di Saluran Paip HDPE 300mm
Diameter Dari Sub Cell
(26.01.2016)

GAMBAR 15.22



Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sungai Udang, Melaka
- Limpahan Leachate Di Dalam Longkang
(26.01.2016)

GAMBAR 15.23

Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sungai Udang, Melaka - Limpahan Leachate Di Dalam Kawasan LTP (26.01.2016)

GAMBAR 15.24

Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sungai Udang, Melaka - Limpahan Leachate Di Kawasan Sel (26.01.2016)

Bagi mengatasi masalah tersebut, pihak Operator telah memasang *by pass pipe* dan memindahkan *leachate* ke sel yang belum digunakan sepenuhnya untuk dijadikan sebagai *holding pond*. Kedudukannya adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 15.25

Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sungai Udang, Melaka - Saluran Paip Yang Menyalurkan Leachate Ke Kawasan Sel (26.01.2016)

GAMBAR 15.26

Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sungai Udang, Melaka - Kawasan Sel Yang Telah Dijadikan Holding Pond Sementara (26.01.2016)

Maklum Balas JPSPN Yang Diterima Pada 7 April 2016

KPKT mengesahkan tindakan operator yang membuat reticulate system supaya kebocoran leachate tidak merebak ke longkang. KPKT telah menerima laporan penuh daripada pihak perunding berhubung isu kebocoran leachate. Setelah kajian terperinci dibuat, pihak perunding telah mengesahkan bahawa kerosakan yang berlaku adalah berpunca daripada kecuaian di peringkat pengoperasian oleh pihak operator walaupun projek masih dalam tempoh DLP.

Pada pendapat Audit, perkhidmatan yang diberikan oleh pihak kontraktor adalah kurang memuaskan memandangkan tiada jaminan kualiti bagi peralatan yang dibekalkan. Pematuhan kepada kontrak dan standard serta peraturan yang telah ditetapkan juga kerjasama yang baik antara kontraktor dan operator TPS dapat menyumbang kepada pengurusan TPS yang sempurna dan seterusnya dapat memberikan perkhidmatan yang memuaskan kepada pengguna.

15.5.4.3. Pengeluaran Sijil Pendudukan

15.5.4.3.1. Pengeluaran *Certificate Partial Of Occupation* (CPO) Bagi Projek TPS

i. Perenggan 13.5, Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Jabatan Kerja Raya (Edisi 3) menyatakan Kerajaan boleh atas persetujuan kontraktor secara bertulis mengambil milik/menduduki sebahagian kerja yang telah siap. Manakala berdasarkan kepada *The Technical Guideline For Sanitary Landfill, Design And Operation* (Revised Draft 2004) yang dikeluarkan oleh *Japan International Cooperation Agency* (JICA) pula menyatakan satu tapak pelupusan sanitari perlu disediakan dengan semua kemudahan bagi membolehkan ianya berfungsi dengan baik dan secara umumnya kemudahan tersebut perlu berfungsi secara bersepadu dan menyokong antara satu sama lain.

ii. Semakan Audit mendapati 5 projek telah dikeluarkan CPO sedangkan ianya belum berfungsi secara bersepadu dan menyokong antara satu sama lain. Pengeluaran CPO bagi sebahagian komponen utama TPS iaitu sel adalah untuk membolehkan kerja-kerja pembuangan sisa pepejal dilakukan walaupun projek belum selesai secara keseluruhan. Antara sebab CPO dikeluarkan adalah ketiadaan tempat pembuangan sampah *alternative/reserve* dan juga permintaan daripada PBT. Pengeluaran CPO bagi projek TPS ini mengakibatkan masalah bau, air leachate yang tidak dirawat, sel dipenuhi dengan sisa pepejal akibat daripada pembuangan yang tidak terkawal seterusnya fungsi asal TPS untuk memberi perkhidmatan sanitari secara menyeluruh, bersih dan terkawal tidak tercapai. Butirannya adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 15.6
PROJEK TPS YANG DIBERIKAN PERAKUAN PENDUDUKAN SEPARA/ *CERTIFICATE PARTIAL OCCUPATION* SEBELUM PROJEK SIAP SEPENUHNYA

BIL.	PROJEK	KONTRAKTOR	TARIKH CPO	ELEMEN/ KOMPONEN YANG DIBERIKAN CPO	TEMPOH DLP UNTUK CPO	KOS PROJEK (RM Juta)
1.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Koh Foh, Jempol, Negeri Sembilan	Cypark Resources Bhd.	18.06.2013	1 unit sel baru	18.06.2013 - 17.06.2014	14.70
2.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Krubong, Melaka	Siteges Engineering Sdn. Bhd.	04.02.2013		05.02.2013 - 04.02.2014	42.90
3.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Kayu Madang, Kota Kinabalu, Sabah	LGB Engineering Sdn. Bhd.	10.08.2013		11.08.2013 - 10.08.2014	41.00
4.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sibuti, Miri, Sarawak	Masama Sdn. Bhd.	30.08.2013		31.08.2013 - 30.08.2014	23.90
5.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Jalan Kemunyang, Sibu, Sarawak	Samado Sdn. Bhd.	19.06.2014		19.06.2014 - 18.06.2015	17.90

Sumber : Dokumen Dari JPSPN

GAMBAR 15.27

Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Koh Foh, Jempol, Negeri Sembilan
- Air Leachate Yang Terkumpul Dan Tidak Dirawat
(24.11.2015)

GAMBAR 15.28

Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Koh Foh, Jempol, Negeri Sembilan
- Sel Yang Dipenuhi Dengan Sampah Melebihi Level Yang Sepatutnya
(24.11.2015)

GAMBAR 15.29

Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Padang Siding, Perlis
- Sel Yang Dipenuhi Dengan Sampah Melebihi Level Yang Sepatutnya
(5 Meter Dari Paras Bumi)
(29.12.2015)

GAMBAR 15.30

Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sibuti, Miri
- Air Leachate Bertakung Akibat LTP Yang Belum Berfungsi
(16.12.2015)

Maklum Balas JPSPN Yang Diterima Pada 4 Mac 2016

Pemberian CPO adalah berdasarkan klausa 42.1 di dalam Condition Of Contract (COC) membolehkan sel di tapak pelupusan digunakan kerana keperluan yang mendesak oleh PBT untuk pelupusan sisa pepejal. Sekiranya CPO tidak dikeluarkan pada waktu berkenaan, KPKT khuatir akan berlakunya pembuangan sampah haram di kawasan lain. Namun bagi menghalang leachate yang terhasil daripada sel mengalir keluar tanpa dirawat, leachate tersebut dipam semula dari kolam ke dalam sel ataupun dikumpulkan di dalam leachate collection pond sehingga LTP berfungsi sepenuhnya.

Pada pendapat Audit, pematuhan kepada standard dan peraturan yang telah ditetapkan serta kerjasama yang baik antara pihak yang terlibat dengan pembinaan TPS ini boleh mengelakkan daripada berlakunya kelewatan serta dapat memelihara kepentingan pihak Kerajaan.

15.5.4.4. Prestasi Penutupan Selamat Tapak Pelupusan (Safe Closure)

i. Sehingga 31 Disember 2015, hanya 16 tapak telah dilaksanakan untuk projek penutupan selamat dan pemulihan. Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) akan dikeluarkan apabila keseluruhan 16 tapak telah sempurna ditutup selamat dan seterusnya tapak tersebut akan diserahkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk tujuan penyenggaraan. Sejumlah RM483.08 juta telah diperuntukan oleh Kementerian Kewangan Malaysia kepada KPKT bagi membiayai kos projek penutupan selamat dan pemulihan 16 tapak pelupusan sisa pepejal di Semenanjung Malaysia. Pada 17 November 2008, Kementerian Kewangan telah bersetuju supaya projek ini dilaksanakan oleh Cypark Resources Berhad (CRB) melalui kaedah Rundingan Terus secara Reka dan Bina. Tempoh kontrak bagi projek ini adalah 24 Ogos 2009 hingga 23 November 2011. Semakan Audit mendapati tarikh akhir lanjutan masa yang diluluskan bagi kontrak ini adalah pada 29 November 2014. Bagaimanapun sehingga Disember 2015, tiada bukti menunjukkan kontraktor dikenakan denda (LAD) atau lanjutan masa memandangkan Perakuan Siap Kerja belum dikeluarkan. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 15.7
PROJEK TPS YANG DIBERIKAN PERAKUAN PENDUDUKAN SEPARA / *CERTIFICATE PARTIAL OCCUPATION* (CPO) SEBELUM PROJEK SIAP

PROJEK	KONTRAKTOR	TARIKH CPO	ELEMEN/ KOMPONEN YANG DIBERIKAN CPO	TEMPOH DLP	CATATAN
Projek Tutup Selamat 16 Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Di Semenanjung Malaysia	Cypark Resources Berhad	1. Rimba Terjun, Pontian 10.06.2013	Keseluruhan Tapak	10.06.2013 - 09.06.2014	
		2. Chamang, Bentong 14.02.2014	Keseluruhan Tapak	14.02.2014 - 13.02.2014	
		3. Kubang Ikan, Kuala Terengganu 17.10.2013	Keseluruhan Tapak	17.10.2013 - 16.10.2014	
		4. Sua Betong, Port Dickson i. 11.12.2013 ii. 25.02.2015	Keseluruhan Tapak (Tidak Termasuk Pump Station	11.12.2013 - 10.12.2014	
			Pump Station	25.02.2015 - 24.02.2016	
		5. Kuala Perlis, Perlis 25.02.2014	Keseluruhan Tapak (Tidak Termasuk *Embankment*)	25.02.2014 - 24.02.2015	Masalah Mendapan Tanah
		6. Kuala Sawah, Seremban 21.01.2014	Keseluruhan Tapak	21.01.2014 - 20.01.2015	
		7. Batu Empat, Kota Tinggi 14.10.2014	Keseluruhan Tapak	14.10.2014 - 13.10.2015	
		8. Ulu Maasop, Kuala Pilah 07.01.2014	Fasa 1 dan Fasa 2A (Kecuali Mainhole)	07.01.2014 - 06.01.2015	Masih Belum Mendapat Keseluruhan CPO
		9. Ulu Tualang, Temerloh 11.02.2015	Keseluruhan Tapak	11.02.2015 - 10.02.2016	
		10. Mak Cili Paya, Kemaman 05.08.2013	Keseluruhan Tapak	05.08.2013 - 04.08.2014	

PROJEK	KONTRAKTOR	TARIKH CPO	ELEMEN/ KOMPONEN YANG DIBERIKAN CPO	TEMPOH DLP	CATATAN
		11. Gelugor, Kemaman i. 21.01.2013 ii. 14.04.2014	Fasa 1	21.11.2013 - 20.11.2014	
			Fasa 2	14.04.2014 - 13.04.2015	
		12. Kg. Mat Kilau, Jerantut	Masih Belum Memperoleh CPO	-	Masalah Pengambilalihan Tanah. Isu Masalah Pembinaan Telah Melebihi Had Sempadan
		13. Jalan Jabor, Jerangau Kuantan i. 05.03.2014 ii. 04.06.2014 iii. 06.02.2015	Fasa 1	05.03.2014 - 04.03.2015	
			Fasa 2	04.06.2014 - 03.06.2015	
			LTP	06.02.2015 - 05.02.2016	
		14. Pajam, Seremban i. 30.08.2013 ii. 06.09.2013	Fasa 1	30.08.2013 - 29.08.2015	Masih Belum Mendapat Keseluruhan CPO
			Pum Station	06.09.2013 - 05.09.2014	
		15. Ladang CEP 1, Kluang 14.05.2015	Fasa 1 dan Fasa 2	14.05.2015 - 13.05.2016	Masih Belum Mendapat Keseluruhan CPO
		16. Bukit Palong, Port Dickson 30.08.2013	Fasa 1	30.08.2013 - 29.08.2014	Masih Belum Mendapat Keseluruhan CPO

Sumber: JPSPN

ii. Walaupun keseluruhan 10 tapak yang telah ditutup selamat itu telah dikeluarkan CPO namun ianya belum boleh diserahkan kepada PBT kerana CPC belum dikeluarkan. Ini menyebabkan kawasan tersebut terbiar dan tidak dibersihkan. Lawatan Audit pada 21 Disember 2015 ke salah satu tapak yang telah ditutup selamat di Ulu Tualang, Temerloh, Pahang mendapati jalan masuk ke tapak projek telah rosak akibat aliran air hujan, kawasan sump ditutupi dengan rumput menjalar dan kawasan tapak projek menjadi semak. Keadaannya adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 15.31

GAMBAR 15.32

Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Ulu Tualang, Temerloh, Pahang - Penutupan Selamat Dan Pemulihan (21.12.2015)

GAMBAR 15.33

Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Ulu Tualang, Temerloh, Pahang
- Kerosakan Pada Jalan Masuk Akibat Hujan (21.12.2015)

GAMBAR 15.34

Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Ulu Tualang, Temerloh, Pahang
- Pagar Yang Dipenuhi Dengan Pokok Menjalar (21.12.2015)

Semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan peraturan atau prosedur disediakan oleh pihak JPSPN di peringkat penyerahan dan penyenggaraan bagi projek tutup selamat TPS. Oleh yang demikian, satu pendekatan perlu diambil oleh pihak JPSPN bagi membolehkan tapak yang telah ditutup selamat dan telah dikeluarkan CPO itu boleh disenggarakan secara berterusan agar keadaan persekitarannya sentiasa bersih dan terpelihara. Klausa dalam kontrak antara Cypark Resources Berhad dengan pihak Kerajaan perlu mengambil kira tanggungjawab penyenggaraan ke atas tapak tersebut oleh pihak Cypark Resources Berhad selagi CPC belum dikeluarkan.

Maklum Balas JPSPN Yang Diterima Pada 7 April 2016

Tarikh CPO bagi TPS Ulu Tualang adalah pada 11 Februari 2015 dan DLP bagi tapak ini telah tamat pada 11 Februari 2016. Sepanjang tempoh berkenaan penyenggaraan adalah di bawah tanggungjawab kontraktor. JPSPN mengakui terdapat kecacatan seperti yang dinyatakan, namun ianya tidak menjejaskan fungsi utama projek dan boleh diperbaiki dengan membuat kerja-kerja penyenggaraan. KPKT telah mengeluarkan CPC dengan tarikh siap projek pada 23 Disember 2015. Tempoh LAD yang dikenakan ialah selama 387 hari bermula 30 November 2014 sehingga 23 Disember 2015 dengan jumlah LAD RM6.99 juta.

KPKT telah mengenal pasti tapak-tapak projek yang akan diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan untuk tujuan penyenggaraan dan operasi. Permohonan kelulusan lantikan operator secara rundingan terus telah dikemukakan ke MOF pada 24 Mac 2016.

Pada pendapat Audit, penyediaan peraturan serta pematuhan *standard operating procedure* (SOP) boleh menyumbang kepada kesempurnaan projek ini.

15.5.4.5. Penamatan Kerja Kontraktor

15.5.4.5.1. Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Teluk Cempedak, Pulau Pangkor - Kontraktor; Perkasa Trading Sdn. Bhd. (Kos Projek RM10.4 juta)

i. Berdasarkan kepada Buku Panduan Pentadbiran Kerja Raya (Edisi 3) menyatakan apabila terbukti kontraktor gagal menyiapkan kerja, maka pengambilan kerja kontraktor perlu ditamatkan. Notis untuk tujuan penamatan pengambilan kerja kontraktor perlu dikeluarkan. Semakan Audit mendapati projek menaik taraf TPS Teluk Cempedak, Pulau Pangkor tidak dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan dan Notis Penamatan Pengambilan Kerja telah dikeluarkan pada 6 Februari 2014 kepada Perkasa Trading Sdn. Bhd. Pihak JPSPN dalam proses tender bagi melantik kontraktor baru untuk menyiapkan projek tersebut. Tapak projek tersebut telah ditinggalkan oleh kontraktor selama 22 bulan. Tujuan asal TPS ini adalah untuk menampung pembuangan *bottom ash* yang dihasilkan dari loji insinerator yang terletak bersebelahan dengan TPS ini. Akibat daripada kerja-kerja menaik taraf dihentikan, pembuangan *bottom ash* telah melimpah sehingga di luar kawasan insinerator. Keadaannya adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 15.35

Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Teluk Cempedak, Pulau Pangkor - Keadaan Bottom Ash Yang Melebihi Kapasiti Yang Sepatutnya (30.12.2015)

GAMBAR 15.36

Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Teluk Cempedak, Pulau Pangkor - Keadaan Bottom Ash Berhampiran Dengan Pantai (30.12.2015)

GAMBAR 15.37

GAMBAR 15.38

Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Teluk Cempedak, Pulau Pangkor - Kerja-Kerja Yang Sempat Dibuat (4%) Oleh Kontraktor (30.12.2015)

GAMBAR 15.39

Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Teluk Cempedak, Pulau Pangkor
- Tapak Projek Yang Telah Ditinggalkan Oleh Kontraktor
(30.12.2015)

GAMBAR 15.40



Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Teluk Cempedak, Pulau Pangkor
- Kawasan Pelupusan Sisa Pepejal Yang Berhampiran Dengan Kawasan Laut Yang Memerlukan Kerja-Kerja Penambakan
(30.12.2015)

JPSPN perlu mengambil tindakan untuk menyegerakan kerja menaik taraf TPS ini bagi mengelakkan berlakunya pencemaran yang berterusan terutamanya di perairan tersebut serta boleh menampung penghasilan *bottom ash* dari insinerator.

Maklum Balas JPSPN Yang Diterima Pada 7 April 2016

Tempoh pelantikan kontraktor penyelamat telah berlarutan disebabkan oleh kelulusan kaedah perolehan lantikan kontraktor penyelamat daripada tender terhad kepada rundingan terus yang lewat diterima daripada Kementerian Kewangan Malaysia iaitu pada 8 Oktober 2015. Mesyuarat Rundingan Harga untuk perlantikan kontraktor telah diadakan pada 18 Mac 2016. Berdasarkan keputusan mesyuarat, Jawatankuasa tidak bersetuju dengan tawaran harga yang dikemukakan dan meminta kontraktor mengemukakan semula cadangan tawaran harga yang baru. Kontraktor telah mengemukakan semula cadangan tawaran harga pada 1 April 2016 dan akan dibawa untuk keputusan Lembaga Perolehan KPKT.

15.5.4.5.2. Insinerator Di Pulau Pangkor

Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Siri 2 Tahun 2012, perenggan 15.5.3.1 menyatakan ".....Semakan Audit mendapati loji insinerator di Pulau Pangkor, direka bentuk dan dibina menggunakan ***double operation line***. Bagaimanapun, semasa beroperasi ia menggunakan satu *operation line* sahaja manakala satu *operation line* lagi dijadikan *standby*....."

Maklum balas JPSPN pada 11 Jun 2013

Insinerator rotary kiln rekaan XCNT merupakan teknologi tempatan yang baru walaupun secara teorinya mampu untuk melupuskan sisa pepejal tetapi masih

belum terbukti secara fizikal. Kementerian memutuskan adalah wajar pendekatan membina double operation line diambil dengan satu line sebagai standby bagi menangani sebarang kemungkinan berlaku kegagalan pada line yang sedang beroperasi.

Lawatan susulan Audit pada 30 Disember 2015 mendapati hanya *Line A* yang beroperasi, manakala *Line B* telah rosak selama 28 bulan bermula Ogos 2013. Kerosakan berlaku disebabkan komponen bagi 4 alat ganti iaitu Gas Cooler, *Bag House*, *Inverter* dan *Ash Conveyor* yang terlibat dengan proses pembakaran tidak dapat dibekalkan/diseliakan oleh Syarikat XCNT. Kerosakan loji insinerator adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 15.41

Loji Insinerator Pulau Pangkor
- Gas Cooler Line B Yang Rosak Telah Dibaiki Pada Januari 2015 Bagaimanapun Masih Tidak Dipasang Dengan Upper Chute Menyebabkan Ia Tidak Dapat Berfungsi
(30.12.2015)

GAMBAR 15.42

Loji Insinerator Pulau Pangkor
- Bag House Untuk Line B Yang Masih Belum Dibaiki
(30.12.2015)

GAMBAR 15.43

Loji Insinerator Pulau Pangkor
- Inverter Line B Yang Perlu Diganti
(30.12.2015)

GAMBAR 15.44

Loji Insinerator Pulau Pangkor
- Ash Conveyar Line B Yang Rosak Tetapi Belum Diganti
(30.12.2015)

Kebergantungan kepada satu *line* sahaja menyebabkan keupayaan insinerator berfungsi terbatas mengakibatkan berlakunya longgokan sampah yang melimpah. Keadaannya adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 15.45

Insinerator Pulau Pangkor
- Keadaan Terkini Insinerator Pulau Pangkor
(30.12.2015)

GAMBAR 15.46

Insinerator Pulau Pangkor
- Keadaan Sisa Pepejal Yang Tidak Terurus
(30.12.2015)

Maklum Balas JPSPN Yang Diterima Pada 4 Mac 2016 Dan 18 Mac 2016

Insinerator rotary kiln rekaan XCNT merupakan teknologi tempatan yang baru walaupun secara teorinya mampu untuk merawat sisa pepejal tetapi masih belum terbukti secara fizikal. Kementerian memutuskan adalah wajar pendekatan membina double operation line diambil dengan satu line sebagai standby bagi menangani sebarang kemungkinan berlaku kegagalan pada line yang sedang beroperasi.

Kerosakan yang berlaku di kedua-dua line adalah sama yang memerlukan penambahbaikan seperti Gas Cooler dan Air Duct Shield. Dalam memastikan pengoperasian loji tidak terhenti, pihak operator lebih memfokuskan kepada pembaikan di Line B memandangkan komponen yang rosak adalah komponen penting.

Pihak operator telah melakukan pelan pembaikan yang melibatkan pertukaran Cerobong dan beberapa komponen lain. Kesan dari pembaikan tersebut, loji insinerator perlu memberhentikan operasinya pada bulan Ogos hingga September 2015. Pelan pembaikan yang dicadangkan oleh Operator adalah merangkumi komponen di Line A dan B.

Setelah kerja-kerja pembaikan cerobong siap dilakukan, loji mula memproses sisa pepejal pada Oktober 2015. Bagaimanapun, keberkesanan pembakarannya menurun berikutan masih terdapat komponen yang belum dibaiki seperti Baghouse, Ash Conveyor dan komponen di Line B. Lanjutan daripada keadaan tersebut dan keupayaan yang ditunjukkan oleh operator dalam menyelesaikan masalah longgokan sisa pepejal di luar loji, JPSPN telah meminta Majlis Perbandaran Manjung untuk membersihkan sisa pepejal tersebut dengan mengangkutnya ke tanah besar. Pada masa yang sama, JPSPN dalam proses untuk meneliti dan menamatkan perkhidmatan operator tersebut. Notis Untuk Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor Telah Dikeluarkan pada 16 Mac 2016.

Pada pendapat Audit, penyenggaraan bagi insinerator di Pulau Pangkor adalah kurang memuaskan. Ini mengakibat kerosakan kerap berlaku dan objektif pembinaan iaitu untuk mengurangkan masalah pengurusan sisa pepejal di pulau-pulau peranginan dengan membina loji rawatan termal baru yang mengunakan teknologi tempatan tidak tercapai.

15.5.5. Lawatan Ke Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Di Bukit Tagar, Taman Beringin Dan Penutupan Selamat Di Taman Beringin

Bagi tujuan perbandingan, 3 Tapak Pelupusan telah dipilih untuk lawatan Audit iaitu Tapak Pelupusan Sanitari Bukit Tagar (TPSBT), Hulu Selangor, Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Taman Beringin, Kuala Lumpur dan Tutup Selamat Taman Beringin.

15.5.5.1. Projek Pembinaan Tapak Pelupusan Sanitari Bukit Tagar (TPSBT), Hulu Selangor

i. Tapak Pelupusan Sanitari Bukit Tagar (TPSBT) telah dibangunkan oleh KUB-Berjaya Enviro Sdn. Bhd. (KBE) dan direka sebagai Sanitary Landfill Level IV. Kos pembinaan keseluruhan projek ini adalah berjumlah RM201.36 juta. Keluasan keseluruhan TPSBT adalah 1,700 ekar di mana 700 ekar dibangunkan bagi tujuan pelupusan sisa pepejal yang meliputi 18 sel termasuk 1 *advance* sel dan jangka hayatnya melebihi 30 tahun. Lokasi TPSBT terletak di tengah-tengah ladang kelapa sawit yang kurang penduduk di Daerah Hulu Selangor. TPSBT mampu menampung sisa pepejal sebanyak 120 juta tan metrik setahun atau 1,400 tan metrik sehari dari kawasan Selangor dan Kuala Lumpur di bawah seliaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS). TPSBT mampu merawat 1,200 meter padu *leachate* sehari.

ii. Gas Metana yang terhasil dapat menjana kuasa elektrik 4.4MW yang dijual kepada TNB di bawah Skim *Feed-in-Tariff*. TPSBT berpotensi menghasilkan 10MW tenaga elektrik tertakluk kepada perjanjian dengan TNB. Selain daripada tenaga elektrik yang dihasilkan melalui janaan gas methane, pihak KBE juga sedang mengusahakan projek *Pilot Solar Farm* dalam mengoptimumkan penjanaan kuasa elektrik di mana panel solar ubah suai dipasang di kawasan sel yang telah ditutup selamat dan yang belum digunakan.

GAMBAR 15.47

GAMBAR 15.48

Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari
Sisa Pepejal Bukit Tagar, Hulu Selangor
- Kawasan Penghasilan Gas Metana Bagi Tujuan Penjanaan Kuasa Elektrik
(20.01.2016)

15.5.5.2. Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Taman Beringin, Kuala Lumpur

Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Taman Beringin ini telah beroperasi pada 1 April 2012. Ianya direka bentuk untuk menampung kapasiti sisa pepejal sebanyak 1,700 tan sehari dan berfungsi sebagai tempat pengumpulan dan pemindahan sisa pepejal yang dikutip dari kawasan sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Mesin Pemampat digunakan untuk memampat sisa pepejal ke dalam kontena dan seterusnya dihantar ke Bukit Tagar untuk pelupusan. Purata sisa pepejal yang dihantar ke stesen pemindahan ini ialah 2,400 tan sehari.

GAMBAR 15.49

Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Taman Beringin - Kawasan Mesin Pemampat (Compactor) (20.01.2016)

GAMBAR 15.50

Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Taman Beringin - Lori Kontena Membawa Muatan Sisa Pepejal Dihantar Ke Bukit Tagar Untuk Dilupuskan (20.01.2016)

15.5.5.3. Tutup Selamat Taman Beringin

i. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah melantik Cypark Resources Berhad (CRB) untuk menutup selamat tapak Pelupusan Sisa Pepejal Taman Beringin dan membina LTP dengan kapasiti 300m^3/hari. Tutup Selamat telah siap pada 28 Disember 2007 dan CRB telah dilantik untuk menjadi operator selama 2 tahun. Bagaimanapun, oleh kerana kos operasi yang amat tinggi terutamanya melibatkan kos penggantian sistem penapisan, DBKL tidak lagi mampu untuk membiayai operasi LTP berkenaan dan mengambil keputusan untuk tidak meneruskan lagi perkhidmatan CRB sebagai operator LTP pada 27 Disember 2009.

ii. DBKL telah mengambil langkah alternatif penyelesaian pada waktu berkenaan dengan mengitar semula (recyle) *leachate* yang dihasilkan daripada tapak pelupusan yang ditutup selamat bagi menghalang air *leachate* tersebut memasuki dan mencemari air Sungai Jinjang. Air *leachate* yang dihasilkan tidak dapat ditampung dan terus mengalir ke dalam longkang dan memasuki Sungai Jinjang tanpa rawatan ketika *overflow* terutamanya ketika musim hujan.

iii. Pada 1 April 2014, pihak DBKL telah menyerahkan Tapak Tutup Selamat ini kepada JPSPN. Pada 18 Disember 2015, JPSPN telah melantik Kontraktor

Kota Mewah Sdn. Bhd. bagi menjalankan kerja-kerja memasang dan membaiki peralatan LTP sedia ada serta menjadi operator kepada LTP tersebut. Kos kontrak adalah RM12.9 juta untuk tempoh 5 tahun 3 bulan.

GAMBAR 15.51

GAMBAR 15.52

Tapak Pelupusan Tutup Selamat Taman Beringin
- LTP Telah Dipenuhi Air Leachate
(20.01.2016)

Maklum Balas JPSPN Yang Diterima Pada 4 Mac 2016

Pembinaan LTP bagi tujuan merawat leachate daripada Tapak Pelupusan Sisa Pepejal yang ditutup selamat dilaksanakan oleh Cypark Resources Berhad. CRB dilantik oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Isu LTP tidak dioperasikan oleh DBKL kerana kos operational LTP tersebut terutama dari segi penyenggaraan Granular Activated Carbon dan Sand Filter yang agak mahal iaitu RM2 juta setahun menyebabkan DBKL terpaksa menamatkan pengoperasian LTP berkenaan. KPKT melalui JPSPN telah melantik syarikat Mewah Kota Sdn. Bhd. yang menggunakan sistem yang lebih murah iaitu Snowflake System dengan keputusan rawatan leachate adalah menepati standard pelepasan yang ditetapkan oleh JAS.

Surat Setuju Terima telah dikeluarkan pada 18 Disember 2015 dengan tempoh pemasangan sistem berkenaan mengambil masa selama 4 bulan. Pengoperasian adalah murah iaitu RM100,000 untuk tempoh masa selama 5 tahun.

Pada pendapat Audit, perancangan bagi projek TPS Bukit Tagar dan Stesen Pemindahan Taman Beringin adalah memuaskan, manakala projek Tutup Selamat di Taman Beringin adalah kurang memuaskan. Perancangan yang baik boleh menyumbang kepada pelaksanaan projek yang sempurna dan menghasilkan *outcome* yang optima sehingga boleh memberi opsyen kepada pengguna dalam penjanaan tenaga yang boleh dipelbagaikan.

15.5.6. Pemantauan

Semakan Audit mendapati Mesyuarat Tapak dilaksanakan pada setiap bulan sebagaimana yang telah ditetapkan dan *site diary* juga ada diselenggarakan.

Maklum Balas JPSPN Yang Diterima Pada 4 Mac 2016

Kehadiran pegawai JPSPN direkodkan dalam minit mesyuarat tapak.

Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan yang diwujudkan dapat memberi kesan yang baik ke atas pelaksanaan sesuatu aktiviti itu.

15.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan tapak pelupusan sisa pepejal dilaksanakan secara teratur dan berkesan adalah disyorkan supaya JPSPN mempertimbangkan tindakan seperti yang berikut:

15.6.1. JPSPN hendaklah mematuhi kehendak Pekeliling dan KPKR yang disediakan oleh pihak Kerajaan;

15.6.2. peraturan dan SOP di setiap peringkat selepas pelaksanaan projek hendaklah disediakan terutamanya di peringkat pengeluaran CPO, pelantikan operator dan penyerahan kepada PBT agar pemilikan projek dapat ditentukan segera; dan

15.6.3. perancangan yang rapi hendaklah disediakan oleh JPSPN sebelum sesuatu projek TPS dilaksanakan terutamanya dari segi pemilikan tanah yang melibatkan tanah milik individu serta PBT hendaklah dilibatkan diperingkat awal perancangan projek.

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

16. JABATAN PERUMAHAN NEGARA
- PEMBINAAN PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) LEMBAH SUBANG 2, SELANGOR

16.1. LATAR BELAKANG

16.1.1. Program Perumahan Rakyat (PPR) adalah satu program Kerajaan untuk penempatan semula setinggan dan menyediakan tempat kediaman bagi golongan berpendapatan rendah. Jabatan Perumahan Negara (JPN)/Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah agensi pelaksana utama bagi projek-projek PPR di seluruh Malaysia.

16.1.2. Pembinaan PPR Lembah Subang 2 yang dibina di atas sebahagian Lot 14191, Mukim Damansara, Selangor yang meliputi kawasan seluas 17.65 ekar telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Selangor pada 19 Disember 2000. Ia bertujuan untuk menyediakan perumahan bagi penempatan semula setinggan dan golongan berpendapatan rendah yang lain khususnya di Daerah Petaling. Pihak JPN telah dimaklumkan secara rasmi berkenaan keputusan MMK Negeri Selangor melalui surat Bil. (59) dlm.IPKSel(R)508 Jld. 3 bertarikh 26 Januari 2001. Pembinaan PPR Lembah Subang 2 dijangka akan membantu seramai 2,500 orang penduduk di kawasan Lembah Subang untuk memiliki rumah.

16.1.3. Komponen projek ini terdiri daripada 5 blok rumah pangsa 13 tingkat yang mempunyai sejumlah 1,580 unit rumah yang terbahagi kepada 4 blok masing-masing mempunyai 312 unit; dan satu blok dengan 332 unit termasuk 20 unit rumah untuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Selain itu, PPR Lembah Subang 2 juga dilengkapi dengan kemudahan dewan serbaguna (1 unit), surau (1 unit), rumah sampah (5 unit), padang permainan (2 unit), kedai (12 unit), dobi (1 unit), pejabat pengurusan (3 unit), bilik serbaguna (6 unit) serta tadika (4 unit).

16.1.4. Pada 4 Mac 2002, tawaran bagi kerja pembinaan PPR Lembah Subang 2 telah dibuka secara tender terbuka reka dan bina (design & built) kepada kontraktor berwibawa. Pada 15 Januari 2003, Surat Setuju Terima Tawaran yang bernilai RM69.52 juta telah dikeluarkan kepada Syarikat Am Rich Constructions & Development Sdn. Bhd. (ARCD). Pembinaan PPR Lembah Subang ini telah disiapkan sepenuhnya pada 29 April 2009 iaitu selepas diluluskan sebanyak 8 lanjutan masa selama 1,550 hari (52 bulan). Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) selama 24 bulan bermula daripada 29 April 2009 hingga 29 April 2011.

16.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan projek pembinaan dan pengagihan PPR Lembah Subang 2 telah dirancang, dilaksanakan dan dipantau serta diagihkan kepada golongan sasar dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

16.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan projek pembinaan PPR Lembah Subang 2 yang dirancang dan dilaksanakan dalam RMKe-9 dan RMKe-10 serta pengagihan rumah PPR kepada pembeli yang layak.

16.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Semakan Audit telah dibuat terhadap fail, rekod dan dokumen yang berkaitan dengan projek PPR Lembah Subang 2 di peringkat KPKT dan JPN. Di samping itu, pemeriksaan fizikal di lokasi pembinaan juga dijalankan dan menemu bual pegawai yang terlibat, perunding dan kontraktor yang berkaitan. *Exit Conference* telah diadakan pada 2 September 2015 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan dan dihadiri bersama Ketua Pengarah JPN, Penasihat Undang-Undang (KPKT), Ketua Unit Audit Dalam Kementerian serta pegawai-pegawai kanan KPKT/JPN.

16.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan di KPKT, JPN dan PPR Lembah Subang 2 antara bulan November 2014 hingga Februari 2015 mendapati secara keseluruhannya, Pengurusan Projek PPR Lembah Subang 2 yang dilaksanakan oleh JPN adalah tidak memuaskan. Pengauditan yang dijalankan mendapati pembinaan PPR Lembah Subang 2 tidak diuruskan dengan baik yang menyebabkan projek ini lewat disiapkan selama 4 tahun 8 bulan daripada tarikh sepatutnya siap. Beberapa kelemahan ditemui seperti yang berikut:

i. kelemahan semasa merancang pembinaan, pemilihan tapak dan pengurusan perolehan/pemilihan kontraktor;
ii. kelemahan semasa menjalankan pemantauan pembinaan;
iii. masalah koordinasi antara pihak MBPJ dan JPN; dan
iv. kelemahan semasa melaksanakan pemilihan dan pengagihan rumah PPR kepada pembeli yang layak.

Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang dibangkitkan adalah seperti perenggan berikut:

16.5.1. Pengurusan Kontrak

16.5.1.1. Pemilihan Tapak Projek

a. Tapak projek ini telah diluluskan oleh Mesyuarat EXCO Kerajaan Negeri Selangor yang bersidang pada 19 Disember 2000. Sebelum pembinaan, tapak ini merupakan bekas tapak pelupusan/pembuangan sisa pepejal Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang beroperasi selama 12 tahun iaitu mula digunakan mulai tahun 1985 dan ditutup selamat pada tahun 1997 (Sumber MBPJ melalui surat rujukan : MBPJ/161100/T/M13/1 Jld. 2 (1) bertarikh 29 Februari 2016).

b. Berdasarkan kepada faktor kesihatan dan persekitaran jangka panjang, tapak pelupusan sampah yang ditinggalkan atau yang ditutup selamat dan tapak-tapak tercemar lain tidak boleh digunakan untuk pembangunan perumahan. Pembangunan lain yang bersifat sementara boleh diambil kira untuk dibangunkan di tapak sisa pepejal seperti yang berikut:

   i. kawasan rekreasi;
   ii. padang golf;
   iii. kawasan penghasilan tenaga berasaskan biogas; dan
   iv. projek pertanian berteknologi fertigasi.

c. Bagaimanapun, Garis Panduan Perancangan Tapak Pelupusan Sisa Toksid dan Sisa Pepejal yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa (JPBD) bil. JPBD 8/97 para 9.11.4. menyatakan bahawa kawasan/taman perumahan yang berkepadatan rendah dan sederhana seperti rumah jenis banglo, berkembar, *town house* dan teres sahaja yang dibenarkan di kawasan seperti ini manakala kawasan/taman perumahan rumah berkepadatan tinggi seperti rumah kondominium, pangsapuri dan rumah kedai adalah tidak dibenarkan.

Pada pendapat Audit, tapak pembinaan yang telah diluluskan adalah tidak sesuai seperti yang dinyatakan dalam garis panduan yang berkaitan.

d. Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dilaksanakan bagi memastikan masalah yang berkemungkinan akan timbul dilihat secara proaktif dan dinilai daripada awal pelaksanaan projek. Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Pindaan) 1985 telah menyatakan keperluan undang-undang untuk EIA bagi aktiviti-aktiviti yang telah ditentukan. Mana-mana pihak yang berhasrat untuk menjalankan mana-mana aktiviti yang telah disenaraikan termasuk pembinaan mestilah menghantar laporan EIA kepada Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) sebelum mendapat apa-apa kelulusan daripada mana-mana pihak berkuasa yang relevan. Semakan Audit mendapati, kajian EIA bagi pembinaan projek ini tidak dilaksanakan sebelum memulakan pembinaan.

e. Bagi memenuhi amalan kejuruteraan, Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd. (IKRAM) telah dilantik oleh JPN untuk menjalankan kerja penyiasatan tanah bermula dari bulan Julai hingga Ogos 2001 yang tertumpu kepada kawasan tapak cadangan bangunan bagi menentukan dan mereka bentuk jenis asas yang akan digunakan. Laporan Awal Penyiasatan Tapak telah dikemukakan kepada JPN pada 17 Ogos 2001.

f. Pada 4 April 2006, Exco Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor (MTES) yang dipengerusikan oleh Menteri Besar Selangor telah memutuskan supaya semua kerja-kerja pembinaan PPR Lembah Subang 2 diberhentikan serta merta sehingga juruperunding yang dilantik oleh MBPJ selesai menjalankan kajian geoteknologi dan alam sekitar. Status kemajuan pembinaan sebenar semasa notis pemberhentian dikeluarkan adalah sebanyak 83% berbanding jadual sebanyak 87%.

g. Unit Perundingan Universiti Malaya (UPUM) telah dilantik untuk melaksanakan kajian tersebut untuk mengenal pasti tahap impak persekitaran, penilaian risiko dan perancangan pengurusan. Laporan Akhir Vol. 1 Kajian Penilaian Pencemaran Persekitaran Dan Geoteknikal telah dikeluarkan oleh UPUM pada bulan Ogos 2006 mendapati gas daripada tapak pelupusan berada pada tahap yang rendah dan tidak tetap serta tidak memberikan kesan kepada penduduk. Pihak UPUM juga mencadangkan sistem *bio-cover* sedalam 1.0 meter dilaksanakan di kawasan yang terdedah seperti taman permainan dan tempat letak kereta untuk memastikan keselamatan penduduk. Bagaimanapun, pihak MBPJ hanya memaklumkan kepada JPN bahawa arahan pemberhentian kerja tersebut akan terbatal sekiranya syarat-syarat dipatuhi melalui surat Bil. (11) dlm.MBPJ/060400/T/R2/J8/TKNL/LFKJ bertarikh 15 Januari 2008. Tindakan pemberhentian kerja oleh MTES dan MBPJ untuk melaksanakan siasatan/kajian tanah adalah selama 19 bulan.

Pada pendapat Audit, kegagalan pihak JPN melaksanakan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA) di peringkat awal pembinaan tidak mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Pindaan) 1985 serta telah mengakibatkan kelewatan selama 19 bulan.

Maklum Balas Jabatan Perumahan Negara Yang Diterima Pada 21 Mac 2016

Tapak projek yang telah dicadangkan oleh Kerajaan Negeri bagi pembinaan PPR Lembah Subang 2 dan dipersetujui oleh KPKT berdasarkan Laporan Awal Penyiasatan Tapak yang dilaksanakan oleh IKRAM yang dikeluarkan pada 19 Ogos 2001 dan tertumpu kepada aspek tapak cadangan bangunan. KPKT telah meneruskan pembinaan PPR Lembah Subang 2 memandangkan tiada pelaporan negatif ke atas tapak ini.

Bagi tindakan penambahbaikan projek-projek sedia ada dan akan datang KPKT, urusan pemilihan tapak projek-projek pembangunan adalah mengikuti Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Bilangan 2 Tahun 2009: Garis Panduan dan Peraturan Pemilihan Tapak, Perancangan Bangunan dan Keperluan Peralatan.

16.5.1.2. Pelantikan Kontraktor Utama Dan Perunding

a. Perolehan kerja ini telah dibuat secara tender terbuka reka dan bina (design & built) di kalangan kontraktor Bumiputera berwibawa. Tawaran bagi kerja pembinaan PPR Lembah Subang 2 hanya dikeluarkan pada 4 Mac 2002 dan ditutup pada 7 Mei 2002. Bagaimanapun, Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan kepada kontraktor yang terpilih iaitu Am Rich Constructions And Development Sdn. Bhd. pada 15 Januari 2003.

b. Kontraktor yang terpilih merupakan kontraktor yang berdaftar dengan PKK kelas A Bumiputera dan CIDB Gred G7. Butiran kontrak adalah seperti yang berikut:

(i)	No. Kontrak	:	JPN/3/5/1/2003
(ii)	Harga Kontrak Asal	:	RM69,519,000.00
(iii)	Tempoh Asal Kontrak	:	104 minggu
(iv)	Tarikh Milik Tapak	:	17 Februari 2003
(v)	Tarikh Siap Asal	:	30 Januari 2005
(vi)	Tarikh Tandatangan Kontrak	:	4 September 2003

c. Berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 2 Tahun 1995 perkara 5.7.2. menyatakan bahawa tempoh sahlaku tender yang minimum adalah 90 hari dari tarikh tender ditutup dan Agensi hendaklah memastikan supaya tempoh sahlaku tender tidak terlalu panjang kerana ini menyebabkan petender menaikkan harga tender mereka. Pihak Kementerian/Jabatan/Agensi juga tidak digalakkan untuk melanjutkan tempoh sahlaku tender seperti yang dinyatakan oleh perkara 5.7.3. SPP yang sama.

d. Mengikut Seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949, Menteri di setiap Kementerian adalah berkuasa menurunkan kuasa melalui Ordinan Perwakilan Kuasa 1956 kepada pegawai di bawah mereka untuk menandatangani kontrak mengikut nilai kontrak. Kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin selepas semua syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan selewat-lewatnya empat (4) bulan dari tarikh keluarnya Surat Setuju Terima (SPP Bil. 2 Tahun 1995 Perkara 14.2).

e. Semakan Audit mendapati pihak JPN telah lewat:

i. mengeluarkan SST selama 253 hari berbanding tempoh sah laku tender yang minima adalah selama 90 hari mulai daripada tarikh tawaran ditutup.

ii. proses menandatangani Dokumen Kontrak yang mengambil masa sehingga 232 hari (lewat 112 hari) iaitu melebihi 4 bulan selepas tarikh SST dikeluarkan.

Pada pendapat Audit, proses keseluruhan pelantikan kontraktor telah dilaksanakan dengan teratur. Walau bagaimanapun, kelewatan mengeluarkan SST dan kelewatan menandatangani kontrak adalah bertentangan dengan peraturan/pekeliling semasa.

Maklum Balas Jabatan Perumahan Negara Yang Diterima Pada 22 Mei 2015

Berdasarkan semakan, tempoh sahlaku tender yang dinyatakan dalam Borang Tender projek ini adalah 180 hari (6 bulan) dan bukannya tempoh minima 90 hari. Tempoh sahlaku tender telah dilanjutkan sehingga 28 Februari 2003 melalui persetujuan bersama pihak kontraktor pada 30 Oktober 2002 iaitu sebelum tamat tempoh sahlaku pada 17 November 2002. Lanjutan masa sahlaku diperlukan kerana keputusan Lembaga Perolehan A yang dibuat pada 11 Oktober 2002 perlu dimuktamadkan di peringkat Kementerian Kewangan. Ini adalah bagi memastikan tempoh sahlaku tender adalah mencukupi sebelum Surat Setuju Terima dikeluarkan. Dalam kes ini, tiada isu tambahan kos kepada pihak kontraktor berkaitan dengan lanjutan tempoh sahlaku tender.

Berhubung isu kelewatan menandatangani Dokumen Kontrak, pihak kontraktor didapati mengambil masa melebihi 4 bulan dalam mengemukakan draf Dokumen Kontrak dan cadangan pelarasan harga kontrak untuk semakan dan persetujuan KPKT.

Bagi mengelakkan kelewatan kontraktor dalam menyediakan Dokumen Kontrak dan seterusnya melewatkan proses tandatangan Dokumen Kontrak, pada masa kini pihak KPKT telah mengambil inisiatif dalam penyediaan sebahagian daripada Dokumen Kontrak iaitu hanya Dokumen Kontrak Jilid 1. Mulai tahun 2008, sebagai tindakan pencegahan, semakan reka bentuk telah dilaksanakan berdasarkan MS ISO 9001:2008 - Prosedur Penyemakan Reka Bentuk Projek.

f. Projek ini dilaksanakan secara Reka dan Bina (Design and Build) di mana Kerajaan telah melantik perunding bagi menyediakan reka bentuk dan lukisan serta memantau pelaksanaan kerja semasa tempoh pembinaan dan tempoh tanggungan kecacatan. Perunding Arkitek juga bertindak sebagai perunding utama. Butiran lanjut adalah seperti yang berikut:

JADUAL 16.1
SENARAI PERUNDING YANG TERLIBAT DENGAN PEMBINAAN PPR LEMBAH SUBANG 2

JENIS PERUNDING	MAKLUMAT PERUNDING
Sivil dan Struktur	**Irnaza Runding Sdn. Bhd.** 90-2, Persiaran Bayan Indah, Bayan Bay, 11900 Pulau Pinang
Mekanikal dan Elektrikal	**Irnaza Runding Sdn. Bhd.** 90-2, Persiaran Bayan Indah, Bayan Bay, 11900 Pulau Pinang
Arkitek	**Dr. A. Malek Architect** No. 83-2, Persiaran Bayan Indah, Bayan Bay, 11900 Pulau Pinang
Jurukur Bahan	**GKG Perunding** No. 45, Jalan Free School, 11600 Pulau Pinang

Pada pendapat Audit, proses keseluruhan pelantikan perunding telah dilaksanakan dengan teratur di mana perunding yang dilantik layak dari segi kelayakan dan kepakaran dalam bidang pembinaan.

16.5.1.3. Bon Pelaksanaan / Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP)

a. Bon pelaksanaan sejumlah 5% daripada jumlah harga kontrak merupakan suatu aku janji tidak bersyarat (unconditional undertaking) oleh sesuatu institusi kewangan yang dibenarkan oleh Perbendaharaan untuk membayar kepada Kerajaan suatu amaun tertentu atas tuntutan (on demand) sekiranya kontraktor tidak atau gagal mematuhi, memenuhi dan melaksanakan obligasinya di bawah kontrak. Tempoh sah laku bon pelaksanaan hendaklah dari tarikh kuat kuasa kontrak sehingga dua belas (12) bulan selepas tamat tempoh tanggungan kecacatan. Sekiranya kontraktor gagal mengemukakan bon pelaksanaan pada tarikh milik tapak, secara automatik kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) akan diguna pakai. Kontraktor yang memilih/dikenakan kaedah WJP akan dikenakan potongan sebanyak sepuluh peratus (10%) daripada bayaran kemajuan pertama dan seterusnya sehingga ia mencapai jumlah lima peratus (5%) daripada nilai keseluruhan kontrak.

b. Semakan Audit mendapati pihak kontraktor pada awalnya tidak mengemukakan bon pelaksanaan dan bersetuju memilih kaedah WJP dan dikenakan potongan sebanyak 10% daripada kemajuan pertama sehingga bayaran kemajuan ke-23. Bagaimanapun, pihak kontraktor telah mengemukakan bon pelaksanaan bernilai RM3.48 juta bertarikh 23 Julai 2005 bagi menggantikan WJP. Oleh demikian, pihak JPN telah memulangkan WJP pada 5 September 2005 kepada pihak kontraktor.

Pada pendapat Audit, urusan bon pelaksanaan/wang jaminan pelaksanaan telah mematuhi peraturan dan syarat kontrak yang ditetapkan.

16.5.1.4. Wang Pendahuluan

a. Berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 10 Tahun 2002 (Tambahan Keenam SPP Bil. 2 Tahun 1995) Kemudahan wang pendahuluan boleh diberikan kepada kontraktor kerja bekalan dan perkhidmatan pada kadar sehingga 25% daripada nilai kerja pembina (builder's work) atau maksimum RM10 juta (mana yang lebih rendah). Kontraktor dikehendaki mengemukakan Jaminan Bank atau Jaminan Insurans atau Jaminan Syarikat Kewangan yang sama nilainya dengan jumlah pendahuluan semasa membuat permohonan. Agensi hendaklah mendapatkan balik bayaran pendahuluan ini melalui potongan ke atas bayaran kemajuan dan tempoh pembayaran balik ini tidak boleh melebihi keseluruhan tempoh kontrak. Pegawai Penguasa hendaklah memastikan potongan bagi bayaran pendahuluan dapat diselesaikan selewat-lewatnya semasa projek siap pada tahap 75%.

b. Semakan Audit mendapati pihak kontraktor telah diberikan kemudahan wang pendahuluan sejumlah RM10 juta pada 20 Mei 2003 dan jumlah pendahuluan telah dikutip balik sepenuhnya oleh JPN melalui bayaran kemajuan.

Pada pendapat Audit, urusan pemberian dan kutipan balik wang pendahuluan telah mematuhi peraturan dan syarat kontrak yang ditetapkan.

16.5.2. Prestasi Projek

16.5.2.1. Prestasi Fizikal Projek

a. Mengikut syarat kontrak, Projek pembinaan PPR Lembah Subang 2 dimulakan pada 17 Februari 2003 dan tarikh penyiapan asal pada 30 Januari 2005. Semakan Audit mendapati, projek ini disiapkan pada 29 April 2009 selepas 8 EOT selama 1,550 hari (52 bulan) diluluskan. Maklumat terperinci mengenai EOT yang diluluskan adalah seperti jadual dan carta berikut:

JADUAL 16.2
EOT : PERMOHONAN DAN KELULUSAN JPN

BIL. EOT	PERMOHONAN		TARIKH SIAP ASAL	TARIKH SIAP BARU	KELULUSAN			CATATAN
	TARIKH	SEBAB KELEWATAN			TARIKH	SEBAB KELEWATAN	TEMPOH (HARI)	
1.	TM	Kerja tambahan penggalian dan pengeluaran sampah dari tapak bina Kekurangan tetulang besi dalam pasaran Kerja binaan Blok A & B tergendala disebabkan penangguhan kelulusan pelan Jalan dan Parit MPPJ	30.01.2005	31.12.2005	27.01.2005	Kerja tambahan penggalian dan pengeluaran sampah dari tapak bina Kekurangan tetulang besi dalam pasaran Kerja binaan Blok A & B tergendala disebabkan penangguhan kelulusan pelan Jalan dan Parit MPPJ	335	Ruj: (37)dlm.KPKT/07/G/864/5/89K-Jld.IV
2.	18.5.2005	Kelewatan kelulusan JPP bagi kerja-kerja pembinaan STP Kekurangan tenaga kerja akibat dari Operasi Khas Imigrasen, masalah pembaharuan dan pengendalian permit buruh asing	31.12.2005	30.11.2006	30.12.2005	Kelewatan kelulusan JPP bagi kerja-kerja pembinaan STP Kelewatan pengesahan aras platform oleh MBPJ menyebabkan kelewatan pembinaan Blok A & B serta kerja-kerja infrastruktur	334	

BIL. EOT	PERMOHONAN		TARIKH SIAP ASAL	TARIKH SIAP BARU	KELULUSAN			CATATAN
	TARIKH	SEBAB KELEWATAN			TARIKH	SEBAB KELEWATAN	TEMPOH (HARI)	
		Tempoh EOT 1 tidak mencukupi untuk projek blok A & B						
3.	14.11.2006	Arahan pemberhentian kerja oleh MB Selangor melalui MBPJ Kelewatan Kelulusan Pelan Loji Kumbahan Oleh JPP	30.11.2006	31.07.2007	**18.12.2006**	Kelewatan kelulusan Pelan Loji Rawatan Kumbahan (STP)	243	** Diluluskan Selepas Tempoh Kontrak Pelulus : TKP II, JPN Ruj: (38)dlm. KPKT/07/G/864/5/89K- Jld.IV
4.	30.06.2007	Kelewatan kelulusan Pelan Lanskap	31.07.2007	31.10.2007	**06.09.2007**	Kelewatan kelulusan Pelan Lanskap	92	Lulus = Pengarah PIMD Ruj: (15)dlm. KPKT/07/E/864/2/5/22 Jld.10
5.	17.10.2007	Kelewatan mendapat kelulusan Alamat/No. Unit & Nama Jalan dari MBPJ Kelewatan kelulusan pelan dan masalah penyambungan paip air dalaman oleh pihak SYABAS Kelewatan TNB menyambung bekalan elektrik ke tapak projek walaupun pencawang telah siap dibina pada 15/6/2007	31.10.2007	25.03.2008	17.10.2007	Kelewatan kelulusan pelan dan masalah penyambungan paip air dalaman oleh pihak SYABAS	146	Lulus = Pengarah PIMD Ruj: (32)dlm. KPKT/07/E/864/2/5/22 Jld.10
6.	**TM**	Kelewatan kelulusan pelan dan masalah penyambungan paip air dalaman oleh pihak SYABAS	25.03.2008	30.09.2008	**15.04.2008**	Kelewatan kelulusan pelan dan masalah penyambungan paip air dalaman oleh pihak SYABAS	189	Lulus : TSUB PIMD Ruj : (19)dlm. KPKT/07/E/864/2/5/22 Jld.11
7.	**25.11.2008**	Lewat kelulusan dari SYABAS, IWK, BOMBA, JAS & MBPJ	30.09.2008	31.12.2008	**01.12.2008**	Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 3 Tahun 2008 – Kemudahan Khas Para 31 (i) iaitu mempertimbangkan lanjutan masa selama 3 bulan tanpa kelayakkan menuntut kerugian dan perbelanjaan tambahan.	92	**Lulus**:Pengarah PIMD **Ruj**@82)dlm.KPKT/07/G/864/5/89K-Jld.IV
8.	19.12.2008	Lewat kelulusan dari SYABAS, IWK, & MBPJ	**31.12.2008**	**29.04.2009**	TIADA	Kelewatan Kelulusan Sistem Retikulasi Paip Air SYABAS Kelewatan kelulusan Sistem Kumbahan oleh IWK	119	Lulus : Pengarah PIMD Ruj : (100)dlm. KPKT/07/E/864/5/22 Jld.12
JUMLAH KESELURUHAN KELULUSAN EOT							**1,550**	

Sumber : Jabatan Perumahan Negara

Rujukan

TM : ***Tiada Maklumat***

: ***Tiada tarikh kelulusan di Sijil EOT***

: ***EOT diluluskan selepas Tarikh Siap Asal/Tempoh Kontrak***

: ***Permohonan EOT selepas tarikh siap asal/Tempoh Kontrak***

b. Dalam tempoh kontrak, apabila nyata penyiapan kerja akan tergendala, kontraktor hendaklah memberi notis bertulis menyatakan sebab-sebab kelewatan kepada Pengarah Projek (PP) dengan serta merta. Pihak PP perlu mengkaji sebab-sebab timbulnya kelewatan dan mengeluarkan Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa (EOT) sebaik sahaja tempoh kelambatan dapat ditentukan. Perakuan EOT hendaklah dikeluarkan kepada kontraktor sebelum berakhirnya tempoh siap kontrak (Rujukan: Perkara 3.1, Surat Arahan KPKR Bil. 3/2008 bertarikh 23 April 2008). Sekiranya didapati Kerajaan telah menyumbang terhadap kelewatan tersebut, pihak PP hendaklah mempertimbangkan permohonan kontraktor serta memberi suatu lanjutan masa yang adil dan berpatutan sebelum atau pada tarikh penyiapan kerja yang dibenarkan dalam kontrak. Bagaimanapun, jika didapati kontraktor tidak layak mendapat lanjutan masa, PP hendaklah memulakan proses pengeluaran Perakuan Kerja Tidak Siap.

c. Semakan Audit mendapati pihak kontraktor telah mengemukakan permohonan/notis tentang kelewatan kepada JPN dengan menyatakan justifikasi permohonan serta telah melanjutkan tempoh liputan polisi insurans, bon pelaksanaan dan jaminan wang pendahuluan. Bagaimanapun pihak Audit mendapati perkara yang berikut:

i. tiada tarikh kelulusan tercatat di perakuan bagi EOT 8. Oleh itu pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada kelulusan EOT ini diberi dalam tempoh kontrak atau sebaliknya;

ii. Pihak kontraktor telah membuat Permohonan EOT 7 selepas tamat tempoh kontrak iaitu 56 hari; dan

iii. pihak JPN telah meluluskan EOT 3, EOT 4, EOT 6 dan EOT 7 selepas tamat tempoh kontrak iaitu kelewatan 19 hari hingga 61 hari.

Pada pendapat Audit, kelewatan permohonan/kelulusan EOT yang diberi adalah bertentangan dengan peraturan/arahan/pekeliling yang berkuat kuasa.

d. Berdasarkan Jadual 16.2, sebahagian besar kelewatan pembinaan PPR Lembah Subang 2 adalah disebabkan oleh masalah komunikasi dan koordinasi antara MBPJ dan Jabatan/Agensi yang mengendalikan perkhidmatan seperti utiliti SYABAS, Indah Water Konsortium (IWK)/Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) sebanyak 1,223 hari (78.9%) daripada keseluruhan tempoh kelewatan seperti yang ditunjukkan jadual berikut:

JADUAL 16.3
ANALISIS KELEWATAN PEMBINAAN PPR LEMBAH SUBANG 2

SEBAB KELEWATAN	BIL. HARI	(%)
Kerja Tambahan	155	10.0
Masalah kekurangan besi di pasaran	80	5.3
Masalah MBPJ	526	33.9
Masalah JPP / IWK	243	15.7
Masalah Utiliti (Syabas, TNB, BOMBA)	454	29.2
SPP Bil. 3/2008 (Pelaksanaan Syarat Perubahan Harga Di Dalam Kontrak Binaan)	92	5.9
JUMLAH KELEWATAN	**1,550**	

Sumber : Jabatan Perumahan Negara

Maklum Balas KPKT Yang Diterima Pada 15 September 2015

i. Berhubung ketiadaan tarikh kelulusan dalam perakuan EOT 8, ianya tidak menjejaskan kesahihan EOT kerana tempoh tersebut dinyatakan dengan jelas di dalam perakuan iaitu 29 April 2009. Tambahan lagi surat edaran secara rasmi telah diedarkan secara rasmi pada 29 April 2009.

ii. Permohonan dan kelulusan EOT selepas tamat tempoh kontrak;

a. Permohonan EOT 7 lewat dikemukakan oleh kontraktor dan mengakibatkan kelewatan kelulusan. Pihak KPKT telah melakukan semakan seperti berikut:

- *Semakan di dalam buku Pengenalan Kontrak Binaan Reka dan Bina (Cetakan Tahun 2009) yang ditulis oleh Sr. Amran Bin Mohd. Majid (QS berdaftar dengan BQSM dan FISM serta berkelulusan Undang-Undang) menyatakan bahawa kegagalan kontraktor mengemukakan notis permohonan EOT tidak membawa padah kepada hak kontraktor untuk mendapatkan suatu EOT sekiranya didapati kontraktor benar-benar berhak untuk mendapatkan EOT yang saksama dan adil. Oleh itu kontraktor tidak semestinya mengemukakan notis permohonan EOT dalam tempoh kontrak untuk membolehkan sesuatu EOT diberikan. Pihak KPKT berpendapat bahawa notis permohonan EOT yang lewat daripada kontraktor adalah tidak menjadi isu dan masalah dalam prosedur pemberian EOT.*
- *Semakan dengan pihak JKR, isu berkaitan permohonan dan kelulusan EOT selepas tamat tempoh kontrak tidaklah menyebabkan "masa bukan lagi menjadi teras" kepada kontrak (time is at large). Ini kerana telah ada kelulusan EOT yang berikutnya di mana merangkumi tempoh kontrak keseluruhan iaitu sehingga Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.*
- *Semakan dalam syarat-syarat kontrak PWD BD Edisi 2002 klausa 45.1 berkaitan Kelambatan dan Lanjutan Masa menyatakan bahawa "sekiranya pada pendapat pegawai pengawal yang dinamakan dalam kontrak (PP), tarikh penyiapan kerja itu didapati mungkin akan terlewat atau telah lewat melebihi tarikh siap yang dinyatakan dalam kontrak atau tarikh siap lanjutan yang terdahulu, maka PP dalam seberapa segera perlu menilai dan memberikan EOT yang munasabah dan layak berdasarkan kepada syarat-syarat kontrak. Ini bermaksud PP boleh mengeluarkan perakuan lanjutan masa walaupun selepas tarikh tamat lanjutan masa terdahulu setelah membuat penilaian dalam tempoh yang munasabah.*

Kesimpulannya, pihak KPKT mengambil maklum terhadap teguran dan syor Audit dan berpendapat kelewatan permohonan EOT tidak bertentangan dengan sebarang tatacara pelaksanaan kontrak serta tidak menjejaskan penyiapan projek secara keseluruhan.

Berdasarkan maklumbalas pihak KPKT, pihak Audit berpendapat, kelewatan permohonan dan kelulusan EOT yang dibuat selepas tamat tempoh kontrak adalah adalah tidak mematuhi Prinsip Pemberian Lanjutan Masa serta peraturan/arahan/pekeliling yang berkuat kuasa.

e. Berikutan dengan kenaikan harga bahan binaan dan harga bahan api yang ketara telah berlaku sejak tahun 2007, Kerajaan telah bersetuju untuk mengkaji syarat perubahan harga semasa bagi memastikan projek Kerajaan

tidak terjejas dan dapat disiapkan mengikut jadual. SPP Bil. 3 Tahun 2008 bertujuan untuk memaklumkan mengenai syarat dan kaedah pengiraan perubahan harga (variation of price) di dalam kontrak kerja serta menjelaskan mengenai syarat perubahan harga khas yang diberikan kepada kontrak secara reka dan bina. Pihak Kementerian/Jabatan/Agensi hendaklah mengikat satu perjanjian tambahan (supplemental contract) bagi mengambilkira pemakaian peruntukan khas syarat-syarat perubahan harga mulai 1 Januari 2008 seperti yang ditetapkan di para 29 SPP Bil. 3 Tahun 2008. Antara kemudahan khas yang diberikan kepada kontraktor seperti yang dinyatakan di para 31 SPP ini adalah;

i. Bagi projek yang masih dalam pembinaan, pihak Kementerian/Jabatan/Agensi boleh mempertimbangkan lanjutan masa tidak lebih 3 bulan tanpa kelayakan menuntut kerugian dan perbelanjaan tambahan kecuali kos perlanjutan bon pelaksanaan dan polisi-polisi insurans;

ii. Kementerian/Jabatan/Agensi hendaklah membuat bayaran kemajuan interim yang lebih kerap iaitu 2 kali sebulan mengikut nilai kerja sebenar.

f. Semakan Audit mendapati, pihak JPN telah meluluskan EOT selama 3 bulan kepada kontraktor berdasarkan Syarat Kemudahan Khas di para 31(i) SPP Bil. 3 Tahun 2008 melalui EOT 7 (Ruj: (82) dlm.KPKT/07/G/864/5/89K-Jld.IV) bertarikh 1 Disember 2008. Bagaimanapun berdasarkan temu bual bersama Ketua Penolong Pengarah Kanan, Unit Kontrak Dan Ukur Bahan, Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek (PIMD) mendapati tiada perjanjian tambahan antara pihak JPN dan kontraktor dibuat seperti yang ditetapkan para 29, SPP Bil. 3 Tahun 2008.

Maklum Balas KPKT Yang Diterima Pada 13 April 2016

KPKT telah menyediakan Perjanjian Tambahan seperti yang termaktub di para 29 SPP Bil. 3 Tahun 2008 dan Perjanjian Tambahan tersebut telah ditandatangani oleh pihak JPN dan kontraktor (salinan perjanjian tambahan disertakan). Memandangkan perjanjian tersebut telah ditandatangani, KPKT berpendapat bahawa EOT 7 dan EOT 8 adalah sah dan betul.

KPKT berpendapat timbul salah faham terhadap temu bual di antara pihak Audit dan Ketua Penolong Pengarah Kanan, Unit Kontrak Dan Ukur Bahan [KPPK (UB)], Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek kerana telah disoal dan menjawab secara lisan serta tidak berkesempatan untuk menyemak secara terperinci sewaktu temu bual tersebut.

Pada pendapat Audit, berdasarkan maklumbalas pihak KPKT, kontraktor masih tidak layak diberikan EOT 7 kerana semakan selanjutnya terhadap Perjanjian Tambahan yang disertakan mendapati perjanjian tersebut telah ditandatangani pada 8 April 2009 iaitu lewat 190 hari dari tarikh EOT 7 mula berkuatkuasa sekaligus menjadikan EOT 7 dan EOT 8 adalah tidak sah

serta kontraktor wajar dikenakan Gantirugi yang Tertentu dan Ditetapkan (LAD) bernilai RM12,165 sehari selama 221 hari berjumlah RM2.69 juta.

16.5.2.2. Prestasi Kewangan

a. Kos asal pembinaan PPR Lembah Subang 2 yang dilaksanakan oleh kontraktor adalah berjumlah RM69.52 juta. Bagaimanapun, berdasarkan Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad, kos kontrak telah meningkat sejumlah RM2.49 juta (3.58%) kepada RM72.01 juta. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 16.4
SENARAI PERAKUAN PELARASAN JUMLAH HARGA KONTRAK (PPJHK) DAN ARAHAN PERUBAHAN KERJA (APK)

BIL. PPJHK	BIL. APK	BUTIRAN	KOS (RM)	TAMBAHAN/ KURANGAN (RM)
1.	1	Kerja-kerja penggalian dan pembuangan tanah/sampah daripada tapak bina projek ke tempat pembuangan sampah yang ditentukan kontrak	447,472	447,472
2.	2	Perubahan gred konkrit dari Gred 25 kepada Gred 30 untuk blok A & B	123,680	123,680
	3	Kerja-kerja tanah tambahan disebabkan penukaran aras platform	697,950	697,950
	4	Penambahan pelindung keselamatan motor bagi pemasangan lif	15,750	15,750
	5	1. Penambahan sistem *'hose reel'* untuk blok bagi meningkatkan tahap keselamatan penghuni (memenuhi keperluan JPN)	217,524	122,278
		2. Pelarasan Wang Peruntukan Sementara (WPS) Kerja-kerja pembuangan sampah daripada tapak bina (underground rubbish)	(95,246)	
3.	6	Pembinaan *conceal drain* menggantikan *open drain* (Keperluan MBPJ)	1,198,543	1,198,543
4.	7	Pembinaan dinding penahan konkrit tetulang	271,856	271,856
5.	8	*Metal deck roof* untuk *suction tank*	27,225	27,225
6.		1. Pelarasan Wang Peruntukan Sementara (WPS)		
		a. *Incoming Water Supply From JBA Water Main*	(251,781)	
		b. *Landscaping Works*	(21,320)	
		c. *Access Road*	159,850	
		d. *Additional Soil Investigation*	(100,000)	
		e. *Permanent Relocation Of Utilities*	(150,000)	
		2. Pelarasan Kerja-Kerja *Electrical Servisces*		
		a. *Earthing & Lighting Protection System*	(40,000)	
		b. *Testing & Commissioning*	(10,000)	
		3. Pelarasan Kerja-Kerja *Mechanical Services*		
		a. *Testing & Commisioning*	(5,000)	
		4. Perubahan Harga (VOP) – SPP Bil. 3 Tahun 2008	2,968	(415,283)
JUMLAH KESELURUHAN				**2,489,471**

Sumber : Jabatan Perumahan Negara

b. Semakan Audit mendapati sebanyak 8 APK berjumlah RM2.91 juta telah dikeluarkan manakala 6 PPJHK berjumlah RM2.49 juta telah diluluskan oleh pihak JPN.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan bagi projek PPR Lembah Subang 2 adalah memuaskan kerana jumlah peningkatan kos projek akibat daripada PPJHK dan APK adalah berjumlah RM3.0 juta iaitu 4.18% sahaja.

Maklum Balas Jabatan Perumahan Negara Yang Diterima Pada 22 Mei 2015

Berdasarkan Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad, kos kontrak telah meningkat sejumlah RM2.49 juta (4.00%) kepada RM72,008,470.91. Harga kontrak sebenar hanya akan dimuktamadkan selepas Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (CMGD) dikeluarkan. Berdasarkan kepada Jadual 4, terdapat perbezaan pada Arahan Perubahan Kerja (APK) no. 5 dan no. 6. Oleh yang demikian, terdapat sedikit perbezaan di antara pemerhatian Audit dengan semakan KPKT.

Pihak KPKT sentiasa peka dengan mengambil kira kehendak serta keperluan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) semasa menyediakan pelan-pelan pembinaan. Walau bagaimanapun, keperluan-keperluan PBT yang melibatkan pelarasan harga kontrak ini adalah melibatkan keperluan tambahan dan bukan ketetapan semasa kontrak ditandatangani.

16.5.3. Kualiti Pembinaan

16.5.3.1. Kerja Berkualiti Rendah / Kurang Sesuai

a. Setiap kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan dengan kemas pada tahap piawaian yang diterima pakai supaya bangunan yang dibina boleh digunakan secara optimum, selamat dan kondusif. Pemeriksaan Audit di tapak projek mendapati kerja pembinaan adalah berkualiti rendah iaitu lepaan dinding koridor yang tidak rata dan kurang berkualiti seperti ditunjukkan di gambar berikut:

GAMBAR 16.1

Lokasi : Blok B
26.02.2015

Dinding Koridor
- Lepaan Di Dinding Koridor Yang Tidak Rata Dan Kurang Berkualiti

Maklum Balas KPKT Yang Diterima Pada 22 Mei 2015

KPKT mengambil maklum akan teguran pihak Audit berhubung isu kualiti lepaan dinding koridor yang tidak rata dan akan memastikan kualiti binaan sentiasa berada di tahap optimum bagi projek PPR semasa dan akan datang.

b. Pihak kontraktor telah membina *water storage/suction tank* di setiap blok PPR Lembah Subang 2 sebagai tangki menyimpan air sebelum air tersebut dipam naik ke tangki air yang terletak di atas blok rumah PPR berkenaan. Bagaimanapun, pembinaan *suction tank* yang terlalu hampir dengan bangunan PPR boleh mengundang bahaya kepada penghuni terutama kanak-kanak yang tinggal di aras 1 dan 2 seperti yang ditunjukkan gambar berikut:

GAMBAR 16.2

GAMBAR 16.3

Lokasi : Blok A
26.02.2015
Pembinaan Suction Tank
- Pembinaan Water Storage/Suction Tank Yang Terlalu Hampir Dengan Bangunan PPR Boleh Mengundang Bahaya Kepada Penghuni Terutama Kanak-Kanak Yang Tinggal Di Aras 1 Dan 2

c. Lawatan susulan Audit pada 15 Februari 2016 mendapati kerja-kerja memasang jerajak (grille) di koridor Aras 1 yang berhampiran tangki air di setiap blok bagi melindungi tangki air dan juga sebagai langkah keselamatan kepada penduduk telah dipasang oleh pihak JPN seperti yang ditunjukkan di gambar berikut:

GAMBAR 16.4

Lokasi : Blok A
Lawatan Susulan Audit Pada 13.08.2015

Pembinaan Suction Tank
- Jerajak (Grille) Di Koridor Aras 1 Yang Berhampiran Tangki Air Di Setiap Blok Telah Dipasang Bagi Melindungi Tangki Air Dan Juga Sebagai Langkah Keselamatan Kepada Penduduk

Maklum Balas Jabatan Perumahan Negara Yang Diterima Pada 18 Januari 2016

Bagi pembinaan suction tank yang terlalu hampir dengan bangunan PPR, pihak JPN telah melantik syarikat DMA Services untuk menjalankan kerja-kerja pembaikan keseluruhan di PPR Lembah Subang 2 dengan jumlah kontrak sebanyak RM4.081 juta. Antara skop kerja yang terlibat adalah pemasangan jerejak (grille) di koridor Aras 1 yang berhampiran tangki air bagi melindungi tangki air dan juga sebagai langkah keselamatan kepada penduduk. Sehingga 31 Disember 2015, sebanyak RM1.97 juta telah dibayar kepada syarikat tersebut bagi kerja-kerja pembaikan yang telah dijalankan.

d. Semakan Audit mendapati pemasangan meter paip air PVC seperti yang ditunjukkan di gambar di atas terlalu rendah dan secara terbuka adalah kurang sesuai kerana PVC mudah rosak/patah menyebabkan ianya terdedah kepada risiko dirosakkan oleh individu terutama kanak-kanak/ remaja seperti yang ditunjukkan gambar berikut:

GAMBAR 16.5



GAMBAR 16.6

Lokasi : Blok B
26.02.2015

Pemasangan Paip/Meter Air

- Paip jenis PVC Dipasang Di Koridor/Laluan Secara Terbuka, Mudah Pecah/Rosak, serta Terdedah Kepada Bahaya Dirosakkan Oleh Individu Yang Tidak Bertanggungjawab

- Kedudukan Pemasangan Paip Air PVC Yang Rendah Dan Mudah Dicapai Oleh Kanak-Kanak Mengakibatkan Paip Tersebut Terdedah Kepada Risiko.

Maklum Balas Jabatan Perumahan Negara Yang Diterima Pada 22 Mei 2015

Pemasangan meter paip air PVC seperti yang ditunjukkan di gambar adalah berdasarkan kepada keperluan dan kelulusan pihak utiliti (SYABAS). Kedudukan meter tersebut adalah bagi memudahkan pembacaan meter oleh pekerja SYABAS. Walau bagaimanapun, pihak KPKT telah mengambil inisiatif dengan memasang pemegang paip (bracket) bagi mengukuhkan lagi struktur dan sistem perpaipan di kawasan tersebut seperti di gambar berikut.



GAMBAR 16.7

Lokasi : Blok B
13.08.2015

Pemasangan Paip/Meter Air
- Pemasangan Pemegang Paip (Bracket) Bagi Mengukuhkan Lagi Struktur Dan Sistem Perpaipan

Lawatan Audit pada 13 Ogos 2015 mendapati berlaku kebocoran paip air selepas pihak SYABAS menukar meter air. Ini menunjukkan bahawa penggunaan paip PVC adalah kurang sesuai kerana mudah rosak/patah serta kedudukan paip pvc tersebut juga yang rendah dan mudah dicapai oleh kanak-kanak serta terdedah kepada risiko walaupun selepas memasang pemegang paip (bracket). **Pada pendapat Audit penggunaan paip besi adalah lebih sesuai kerana ianya lebih tahan dan kukuh berbanding paip PVC seperti gambar berikut;**

GAMBAR 16.8

GAMBAR 16.9



Lokasi : Bok B
13.08.2015

Pemasangan Paip/Meter Air
- Masih Berlaku Kebocoran Paip Air Selepas Pihak SYABAS Menukar Meter Air

e. Bilik meter elektrik dan bilik *electrical riser* telah dibina sebelah menyebelah dan berhampiran dengan tangga dan lif. Setiap bilik tersebut telah dipasang dengan pintu kayu dan berkunci. Semakan Audit mendapati pemasangan kunci pintu bilik meter elektirk dan bilik *electrical riser* yang kurang sesuai dan senang dibuka. Arus elektrik adalah amat bahaya dan boleh mengakibatkan kehilangan nyawa seperti yang ditunjukkan gambar berikut:

GAMBAR 16.10

GAMBAR 16.11



Lokasi : Bok B
26.02.2015

Pintu Bilik Meter Elektrik Dan Bilik Electrical Riser
- Pemasangan Kunci Pintu Bilik Meter Elektrik Yang Kurang Sesuai Dan Senang Dibuka

Pada pendapat Audit kerja-kerja pembinaan adalah berkualiti rendah dan boleh membahayakan keselamatan penduduk terutamanya kanak-kanak.

Maklum Balas KPKT Yang Diterima Pada 22 Mei 2015

Bagi isu pemasangan kunci pintu bilik meter elektrik dan bilik electrical riser yang kurang sesuai dan senang dibuka, kerja-kerja mengganti pintu rintangan api 2 jam dan memasang palang pada pintu riser telah dimasukkan dalam tender sebagai langkah penambahbaikan terhadap isu keselamatan penduduk.

f. Lawatan Audit pada 15 Februari 2016 ke tapak pembinaan PPR Lembah Subang 2 mendapati kesan anai-anai telah mula kelihatan di dinding dan sesalur *kondiut* pendawaian elektrik unit kedai Blok B yang memerlukan tindakan segera pihak JPN seperti yang ditunjukkan gambar berikut:

GAMBAR 16.12

GAMBAR 16.13



Lokasi : Unit Kedai, Aras Bawah Blok B
15.02.2016

Sarang Anai-Anai
- Terdapat Laluan Anai-Anai Di Dinding Dan Di Kondiut Pendawaian Elektrik

16.5.4. Pengurusan Penjualan Rumah

a. Konsep asal projek PPR Lembah Subang 2 ialah rumah dan infrastruktur berkaitan dibina oleh KPKT dan akan diserahkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menguruskan penempatan penyewa. Bagaimanapun, Jemaah Menteri yang bermesyuarat pada 30 Mei 2012 telah menetapkan antaranya:

   i. Semua unit rumah PPR Lembah Subang 2 dijual dengan harga RM35,000 seunit berdasarkan syarat-syarat penjualan dan kelayakan yang ditetapkan oleh KPKT;

   ii. Pihak KPKT melantik ejen hartanah swasta melalui tender terhad untuk menguruskan penjualan rumah PPR Lembah Subang 2; dan

   iii. Hasil jualan 1,580 unit rumah PPR Lembah Subang 2 berjumlah RM55.3 juta (belum ditolak bayaran perkhidmatan ajen) dimasukkan ke dalam Tabung Amanah PPR Dimiliki, KPKT.

b. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 6 Jun 2012 mencadangkan supaya pemimpin-pemimpin tempatan di peringkat akar umbi dirunding bagi menentukan calon-calon yang layak untuk membeli 1,580 unit rumah pangsa PPR tersebut dan keputusan mengenai calon-calon pembeli adalah ditetapkan oleh satu jawatankuasa.

c. Lembaga Perolehan A KPKT yang bermesyuarat pada 5 November 2012 telah bersetuju melantik syarikat IM Global Property Consultants Sdn. Bhd. sebagai ejen hartanah untuk menguruskan penjualan rumah PPR Lembah Subang 2. Perjanjian telah ditandatangani pada 28 Februari 2013. Antara peranan ejen hartanah ini adalah menghantar surat tawaran, menguruskan hal-hal guaman dan pembiayaan serta mengadakan undian lot-lot rumah kepada pembeli yang berjaya.

d. Kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Pemilihan Pembeli Bagi Penjualan (JKPP) PPR Lembah Subang 2 untuk menimbang dan meluluskan permohonan daripada bakal pembeli berdasarkan syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan. Senarai nama pemohon diperolehi daripada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) melalui sistem pendaftaran terbuka. Senarai nama yang telah diperakukan oleh JKPP akan dihantar kepada ajen hartanah yang dilantik. JKPP dianggotai oleh pegawai-pegawai berikut:

Pengerusi : Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), JPN

Ahli :
(i) Setiausaha Bahagian Pembangunan, KPKT
(ii) Pegawai Pembangunan Negeri Selangor
(iii) Pegawai Eksekutif Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS)
(iv) Bahagian Perancangan dan Pembangunan Projek PPR (Urusetia)

e. Mesyuarat JKPP Bil 4 tahun 2012 pada 2 November 2012 telah memperakukan jumlah pemohon sehingga November 2012 seperti di jadual berikut:

JADUAL 16.5
JUMLAH PEMOHON SEHINGGA NOVEMBER 2012

JENIS PEMOHON	JUMLAH PEMOHON
Senarai Lama Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS)	415
Senarai Kem. Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM)	150
Senarai Setinggan LPHS	90
Senarai Juta Permai	361
Senarai Baru LPHS	500
JUMLAH	**1,516**

Sumber : Maklum Balas Jabatan Perumahan Negara

f. JKPP juga bersetuju untuk mempertimbangkan permohonan dalam tahun 2012 bagi memenuhi kekosongan bagi baki 64 unit lagi. Sehingga 8 Januari 2016, seramai 2,645 pemohon telah diberi surat tawaran oleh JPN melalui ejen hartanah. Kedudukan maklum balas tawaran pembelian PPR Lembah Subang 2 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 16.6
KEDUDUKAN MAKLUMBALAS TAWARAN PEMBELIAN PPR LEMBAH SUBANG 2 SEHINGGA 8 JANUARI 2016

KATEGORI	JUMLAH PEMOHON	TAWARAN		TIADA MAKLUM BALAS
		TERIMA	TOLAK	
Juta Permai Sdn Bhd (JPSB)	354	276	1	77
Ibu Bapa Tunggal (IBT)	60	7	-	53
Orang Kurang Upaya (OKU)	75	66	-	9
Senarai LPHS	1,803	516	6	1,281

KATEGORI	JUMLAH PEMOHON	TAWARAN		TIADA MAKLUM BALAS
		TERIMA	TOLAK	
Setinggan	262	95	5	162
Penjawat Awam	73	68	2	3
JKM	8	8	-	-
ADUN	2	2	-	-
Parlimen	8	8	-	-
JUMLAH	**2,645**	**1,046**	**14**	**1,585**

Sumber : Maklum Balas Jabatan Perumahan Negara

g. Semakan Audit mendapati tawaran dikeluarkan secara berperingkat di mana surat tawaran yang pertama dikemukakan kepada ejen hartanah pada 26 November 2012 yang melibatkan seramai 415 orang. Tawaran kedua dikeluarkan pada bulan Mac 2013 yang melibatkan pembeli daripada pemaju Juta Permai (M) Sdn. Bhd. (JPSB) seramai 354 orang, ibu bapa tunggal 60 orang dan orang kurang upaya (OKU) 75 orang. Tawaran ketiga dikeluarkan pada September 2013 kepada golongan bakal pembeli yang selebihnya menjadikan jumlah pemohon yang ditawarkan sebanyak 1,510 orang. Sehingga 8 Januari 2016, pihak JPN telah mengeluarkan surat tawaran kepada 2,645 orang pemohon. Bagaimanapun setelah rumah tersebut siap pada tahun 2012 sehingga 8 Januari 2016, hanya 26.8% atau 423 unit rumah telah diserahkan kunci kepada pembeli.

Maklum Balas KPKT Yang Diterima Pada 21 Mac 2016

Selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 30 Mei 2012, Kerajaan Negeri Selangor telah memutuskan agar penjualan PPR ini diuruskan oleh pihak JPN memandangkan telah terdapat isu penyewaan PPR Lembah Subang 1 yang telah mendatangkan masalah seperti tunggakan sewa dan kos penyenggaraan yang tinggi. Sehubungan dengan itu, pada 28 Februari 2013, JPN telah melantik IM Global Property Consultant Sdn. Bhd. sebagai ejen hartanah yang akan menguruskan penjualan PPR Lembah Subang 2.

Mengenai penawaran kepada pemohon, setelah semakan dibuat terhadap 1,516 nama pemohon adalah didapati bahawa terdapat pertindihan nama. Setelah semakan semula dibuat, senarai nama yang dimuktamadkan adalah sebanyak 1,510 pemohon. Surat tawaran kemudiannya dikeluarkan kepada pemohon secara berperingkat mengikut kategori pihak yang mengemukakan senarai nama tersebut untuk memudahkan urusan pengurusan penjualan dan penawaran kepada pemohon yang berjaya seperti urusan pembiayaan, kontrak perjanjian jual beli, sesi pemilikan kosong, pendaftaran utiliti. Selain itu, baki sebanyak 70 daripada 1,580 unit pula telah diperuntukkan kepada kuota penjawat awam berdasarkan keputusan yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Pembeli bil 1/2013 pada 4 Oktober 2013. Senarai penawaran kepada pembeli PPR Lembah Subang 2 adalah seperti di Jadual 16.6.

Daripada jumlah keseluruhan 1,046 pemohon yang menerima tawaran, sebanyak 423 pembeli telah menerima kunci dan selebihnya masih dalam proses undian, proses menandatangani perjanjian jual beli dan proses pinjaman bank. Sebagai langkah penambahbaikan pengurusan penjualan bagi projek-projek yang akan datang, pihak JPN akan mengeluarkan surat tawaran secara serentak kepada semua pemohon yang dimuktamadkan untuk memastikan penjualan dan pengisian dapat dilaksanakan dengan lebih efisyen.

16.5.5. Status Penjualan Rumah

a. Sehingga 8 Januari 2016, hanya 423 pemohon yang telah menerima kunci seperti jadual berikut:

JADUAL 16.7
STATUS PENJUALAN PPR LEMBAH SUBANG 2
SEHINGGA 8 JANUARI 2016

KATEGORI PEMOHON	JUMLAH PEMOHON	TAWARAN		TIADA MAKLUMBALAS	TERIMA KUNCI
		TERIMA	TOLAK		
Pembeli Juta Permai	354	276	1	77	241
Pemohon lain	2,291	770	13	1,508	182
JUMLAH	**2,645**	**1,046**	**14**	**1,585**	**423**

b. Semakan Audit mendapati 1,585 (59.9%) pemohon tidak memberi maklum balas terhadap surat tawaran yang dikeluarkan. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh pemohon terlibat tidak menerima surat tawaran kerana mereka telah berpindah, alamat yang diguna pakai tidak lengkap dan sebagainya.

Pada pendapat Audit kaedah penjualan rumah yang sedia ada belum memadai untuk memenuhi objektif penjualan PPR Lembah Subang 2.

Maklum Balas Jabatan Perumahan Negara Yang Diterima Pada 15 September 2015

Surat tawaran dikeluarkan kepada pemohon berdasarkan senarai nama dan alamat yang dikemukakan oleh LPHS dan agensi-agensi lain yang berkaitan. Bagaimanapun, pihak JPN menghadapi kekangan untuk memastikan bahawa alamat yang dibekalkan adalah alamat terkini memandangkan alamat yang digunakan adalah berdasarkan kepada maklumat yang telah dikemukakan oleh pihak LPHS serta agensi-agensi yang berkaitan. Bagi menyelesaikan masalah, pihak JPN juga telah mengambil inisiatif seperti yang berikut:

a. mengemukakan senarai nama tersebut kepada pihak LPHS untuk dipaparkan di laman web selama 14 hari sebagai rujukan dan tindakan selanjutnya.

b. membuat hebahan senarai nama tersebut di akhbar pada 19 Julai 2015.

c. memohon senarai nama baru termasuk senarai nama menunggu bagi menggantikan pemohon yang tidak memberikan maklum balas serta **pemohon yang menolak tawaran dalam tempoh tersebut.**

Maklum Balas KPKT Yang Diterima Pada 21 Mac 2016

Sehingga akhir bulan Februari 2016, sebanyak 534 unit rumah masih tidak dapat dijual. Sehubungan dengan itu, mulai 1 Mac 2016 pendaftaran terbuka bagi membantu pembeli rumah mendapat kemudahan pinjaman Kerajaan Persekutuan dan bagi peminjam yang 'non-bankable', kemudahan skim pinjaman menggunakan dana RM400 juta yang diumumkan oleh Kerajaan semasa pembentangan bajet 2016 akan digunakan. Skim ini kini di peringkat akhir untuk dilaksanakan mulai Jun 2016.

Setakat 16 Mac 2016, sebanyak 3,112 borang pendaftaran diterima oleh JPN termasuk melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS). Jawatankuasa pemilihan pembeli bagi penjualan PPR Lembah Subang 2 akan bersidang pada April 2016 untuk memproses pemilihan pembeli yang diterima setakat 31 Mac 2016.

Kesemua rumah PPR Lembah Subang 2 dijangka dapat ditawarkan selewat-lewatnya akhir Mei 2016.

16.5.6. Pertukaran Status Pemilikan Tanah

a. Pada awalnya projek ini merupakan projek perumahan kos rendah di bawah Majlis Tindakan Ekonomi Negeri (MTEN) untuk penempatan semula setinggan di kawasan Petaling Jaya. Projek ini dibangunkan di atas tapak pelupusan sisa pepejal yang diperolehi daripada Kerajaan Negeri Selangor. Apabila siap, projek ini akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk dijadikan PPR Disewa, dan hak milik tapak tidak perlu ditukar menjadi hak milik Kerajaan Persekutuan.

b. Bagaimanapun, selepas Kerajaan Persekutuan memutuskan supaya projek ini ditukar sebagai PPR Dimiliki, hak milik tanah tersebut perlu didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Oleh itu, penyerahan balik dan pemberimilikan semula tanah di bawah Seksyen 197 Kanun Tanah Negara (KTN) dan pemberimilikan semula tanah yang sama di bawah Seksyen 76 KTN untuk tujuan bangunan kediaman perlu diselesaikan.

c. Semakan Audit mendapati masa yang lama telah diambil untuk menyelesaikan isu tanah di mana Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor pada 16 Januari 2013 telah meluluskan penyerahan balik di bawah Seksyen 197 dan pemberimilikan semula di bawah Seksyen 76 KTN dengan syarat pemilik dikehendaki menyerah hak milik asal berserta bayaran premium tanah berjumlah RM3,359,220 untuk pengubahan syarat nyata tanah. Pentadbir Tanah Daerah (PTD) Petaling memaklumkan keputusan ini kepada JPN pada 28 Mei 2013 iaitu setelah empat bulan MMKN membuat keputusan. Manakala Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) pula membayar premium tanah pada 7 Oktober 2013. JPN menyerah hak milik asal kepada PTDP pada 30 Oktober 2013 untuk membuat pengubahan syarat nyata tanah sebelum hak milik sementara dikeluarkan. PTDP mengeluarkan hak milik sementara kepada

PTP pada 20 November 2013 dan memaklumkan kepada JPN pada 5 Februari 2014. Keseluruhan tempoh yang diambil untuk menyelesaikan proses pertukaran status hak milik tanah oleh MMKN adalah selama 12 bulan daripada tarikh kelulusan.

Pada pendapat Audit, koordinasi dan komunikasi yang baik dan berkesan antara Kerajaan Pusat dan Negeri adalah sangat penting dalam melaksanakan projek PPR. Kedua-dua pihak perlu menyelesaikan isu pemberimilikan tanah dengan seberapa segera supaya dapat diselesaikan dengan cepat dan teratur bagi menjaga imej Kerajaan.

Maklum Balas Jabatan Perumahan Negara Yang Diterima Pada 21 Mac 2016

Bagi urusan permohonan pemberimilikan hak milik, JPN sentiasa berinteraksi dan berkomunikasi dengan pihak Kerajaan Negeri serta semua agensi terlibat terutamanya Pejabat Tanah dan Daerah Petaling melalui surat-surat yang dikeluarkan sepanjang proses tersebut seperti:

a. ***Urusan mendapat CFO melalui "engagement" bersama dengan MBPJ.***
b. ***Sesi "engagement" dengan PTG Selangor / PTD Petaling dan SUK Negeri Selangor supaya premium tanah di bayar pada kadar nominal.***
c. ***Urusan pendaftaran hak milik tanah kepada PTP.***

16.6. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi masalah ini berlaku kepada projek-projek yang akan datang adalah disyorkan supaya pihak yang berkenaan:

16.6.1. membuat perancangan yang lebih baik dan teratur supaya tidak mengganggu kelancaran projek yang akan datang dan meningkatkan kualiti pembinaan rumah PPR dengan mengambil kira kepentingan keselamatan, keselesaan dan kepuasan pengguna/penghuni pada masa akan datang;

16.6.2. memastikan proses permohonan dan kelulusan lanjutan masa yang diberikan kepada kontraktor adalah adil dan berpatutan sebelum atau pada tarikh penyiapan kerja yang dibenarkan di dalam kontrak selaras dengan syarat kontrak/ pekeliling/arahan yang berkuat kuasa; dan

16.6.3. memuktamadkan senarai tawaran pembeli beberapa bulan sebelum projek siap dan mengeluarkan surat tawaran sebaik sahaja Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) projek pembinaan PPR diperolehi.

KEMENTERIAN PERTAHANAN

17. PENGURUSAN PROJEK JIWA MURNI DI NEGERI SARAWAK

17.1. LATAR BELAKANG

17.1.1. Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar, yang dahulunya dikenali sebagai NKRA Pembangunan Infrastruktur Asas Luar Bandar merupakan salah satu daripada 7 bidang NKRA. Matlamat NKRA Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar adalah untuk meningkatkan akses kepada jalan berturap atau jalan kelikir, meningkatkan akses kepada air bersih atau terawat, memastikan akses 24 jam kepada bekalan tenaga elektrik serta membina dan membaik pulih rumah bagi penduduk miskin di luar bandar.

17.1.2. Projek Jiwa Murni (PJM) di Negeri Sarawak dilaksanakan oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM) melalui Rejimen Askar Jurutera DiRaja (RAJD) secara usaha sama dengan syarikat yang dilantik oleh pihak Kerajaan. RAJD melaksanakan kerja-kerja pembinaan di tapak manakala bahan bina, jentera dan tenaga kerja dibekalkan oleh kontraktor. Penglibatan RAJD dalam PJM di Negeri Sarawak telah bermula sejak tahun 2009 untuk membina dan menaik taraf jalan-jalan (6 projek), pembaikan cerun (1 projek), membina jambatan (3 projek) dan membina rumah panjang (1 projek) di kawasan pedalaman Negeri Sarawak yang tersisih daripada pembangunan negara seperti **Peta 17.1**. PJM di Negeri Sarawak ini dijangka akan berterusan untuk beberapa tahun lagi pada masa akan datang. Pelaksanaan PJM di Negeri Sarawak melibatkan kerjasama antara agensi Kerajaan dan swasta iaitu Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kerajaan Negeri Sarawak, kontraktor dan penduduk tempatan. JPM melalui Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) menyediakan garis panduan dan peruntukan. Kerajaan Negeri melalui Wakil Rakyat dan Pejabat Daerah memainkan peranan mengenal pasti keperluan dan lokasi projek. Penglibatan penduduk tempatan adalah sebagai sub kontraktor untuk mewujudkan perasaan *sense of belonging* terhadap PJM di Negeri Sarawak.

PETA 17.1
LOKASI PROJEK JIWA MURNI DI NEGERI SARAWAK



17.1.3. Objektif projek adalah untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat khususnya di kawasan pedalaman, menyediakan infrastruktur luar bandar dengan kos yang lebih murah, cepat dan berimpak tinggi, meningkatkan kemudahan jalan darat yang menghubungkan kawasan pedalaman serta memendekkan masa perjalanan. Di samping itu, PJM di Negeri Sarawak juga memudahkan penyediaan infrastruktur asas seperti bekalan air terawat dan elektrik serta meningkatkan pendapatan penduduk dengan pembukaan tanah untuk aktiviti ekonomi pertanian secara komersial seperti penanaman getah dan kelapa sawit.

17.1.4. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 30 Jun 2015, ATM telah melaksanakan 11 PJM di Negeri Sarawak melibatkan kos kontrak berjumlah RM253.98 juta. Pihak RAJD adalah pelaksana dan pemantau PJM di Negeri Sarawak. Kaedah perolehan PJM di Negeri Sarawak adalah secara rundingan terus di antara Bahagian Pembangunan, Kementerian Pertahanan Malaysia (KEMENTAH) dengan pihak kontraktor dan telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

17.1.5. Projek Jiwa Murni telah mendapat tempat pertama dalam pertandingan Anugerah Inovasi Perdana Menteri Tahun 2015. Inovasi yang dilaksanakan adalah untuk menyediakan kemudahan infrastruktur seperti jalan darat dan jambatan secara *fast track* menggunakan kaedah pembinaan yang kreatif dan kos efektif di kawasan luar bandar Sarawak, Pahang, Terengganu dan Perak. ATM telah berjaya menyediakan 269.6 km jalan dan 45 buah jambatan kepada 108 kampung yang memberi faedah kepada seramai 92,100 penduduk dan menjimatkan masa pembinaan daripada 5 tahun kepada purata 2 tahun.

17.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan PJM di Negeri Sarawak telah diuruskan dengan teratur, cekap dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

17.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan PJM di Negeri Sarawak bagi tempoh tahun 2009 hingga Jun 2015. Sebanyak 8 (72.7%) projek bernilai RM248 juta (97.65%) daripada 11 projek bernilai RM253.98 juta telah dipilih sebagai sampel Audit iaitu di bahagian Kapit, Miri dan Limbang, Sarawak. Pengauditan juga dijalankan di Bahagian Pembangunan, Unit Darat dan Jabatan Arah Jurutera, KEMENTAH di Kuala Lumpur.

17.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak, mengkaji serta menganalisis data, laporan prestasi projek, dokumen, laporan, minit mesyuarat dan fail berkaitan dengan PJM di Negeri Sarawak. Lawatan fizikal Audit ke tapak projek telah dijalankan untuk menilai prestasi kemajuan projek dan mengukur kepatuhan terhadap spesifikasi yang ditetapkan. Selain itu, temu bual dan perbincangan juga telah diadakan dengan pegawai daripada KEMENTAH, perunding, kontraktor dan pengguna. *Exit Conference* yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian telah diadakan pada 5 Februari 2016 bersama wakil Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Peguam Negara, ICU dan Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak.

17.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan di KEMENTAH serta 8 projek iaitu di bahagian Kapit, Miri dan Limbang, Sarawak antara bulan September hingga Disember 2015 mendapati pelaksanaan PJM di Negeri Sarawak telah berjaya menyediakan kemudahan jalan darat yang menghubungkan kawasan pedalaman dan memendekkan masa perjalanan. Secara keseluruhannya pengurusan PJM di Negeri Sarawak adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang perlu diberi perhatian oleh KEMENTAH seperti yang berikut:

i. kualiti kerja kurang memuaskan seperti bahu jalan dan longkang tidak dibina, permukaan jalan berlubang, tidak rata dan becak di beberapa bahagian di Jalan Dari Pekan Belaga Ke Mejawah, Belaga Jalan Dari Long Lopeng Ke Ba'kelalan, Lawas dan Jalan Dari Miri Ke Marudi, Marudi;

ii. penyenggaraan jalan kurang memuaskan seperti garisan jalan pudar, rumput di bahu jalan dan tumbuhan liar tidak dipotong;

iii. prosedur bagi pengambilan, penentuan pampasan dan proses timbang tara tidak dilaksanakan menyebabkan pampasan tanah dan tanaman belum dibayar kepada pemilik tanah;

iv. aspek keselamatan jalan kurang memuaskan seperti gradien jalan tinggi, curam dan jalan berselekoh; cerun di tepi jalan tidak dilindungi dengan rumput dan perabot jalan tidak disenggara dengan baik di beberapa bahagian di Jalan Dari Pekan Belaga Ke Mejawah, Belaga dan Jalan Dari Long Lopeng Ke Ba'kelalan, Lawas; dan

v. kerb jambatan reput dan retak di Jambatan Pa'Dappur dan Jambatan Pa'Kelapang, Bario.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta maklum balas KEMENTAH adalah seperti perenggan berikut:

17.5.1. Prestasi Projek

17.5.1.1. Prestasi Fizikal

a. Pelaksanaan PJM di Negeri Sarawak telah berjaya memberi manfaat kepada penduduk tempatan di pedalaman dari aspek perhubungan, pengangkutan serta penyediaan kemudahan infrastruktur asas. Ini membolehkan mereka mengusahakan tanah secara komersial seperti pembukaan ladang kelapa sawit, getah, lada dan pisang yang dapat mempertingkatkan taraf sosioekonomi. Perkara tersebut dapat dijelaskan seperti gambar berikut:

GAMBAR 17.1

Jalan Dari Long Lopeng Ke Ba'kelalan
- Kemudahan Jalan Penghubung Telah Disediakan
(09.09.2015)

GAMBAR 17.2

Jalan Dari Miri Ke Marudi
- Kemudahan Jalan Penghubung
Telah Disediakan
(05.10.2015)

GAMBAR 17.3

Jalan Di Kampung Saeh, Bekenu
- Kemudahan Bekalan Elektrik Telah Disediakan Dan Pembukaan Ladang Kelapa Sawit Oleh Penduduk Tempatan
(07.10.2015)

GAMBAR 17.4

Jalan Dari Miri Ke Marudi
- Kemudahan Bekalan Elektrik Telah Disediakan Dan Pembukaan Kebun Getah Oleh Penduduk Tempatan
(05.10.2015)

GAMBAR 17.5

Jalan Dari Pekan Belaga Ke Mejawah, Belaga
- Pembukaan Kebun Lada Oleh Penduduk Tempatan
(03.09.2015)

GAMBAR 17.6

Jalan Dari Pekan Belaga Ke Mejawah, Belaga
- Pembukaan Kebun Pisang Oleh Penduduk Tempatan
(03.09.2015)

b. Pihak KEMENTAH telah menetapkan sasaran tempoh penyiapan bagi 11 projek adalah antara 6 hingga 24 bulan. Analisis Audit mendapati 9 projek berjaya disiapkan mengikut tempoh kontrak asal manakala 2 projek iaitu Menaiktaraf Jalan Balak Dari Long Lopeng Ke Ba'kelalan dan Menaiktaraf Jalan Dari Miri Ke Marudi disiapkan selepas diluluskan antara 1 hingga 2 lanjutan masa (EOT) yang melibatkan tempoh 6 hingga 11 bulan. Setakat 30 Jun 2015, sejumlah 100 buah rumah panjang/kampung dengan jumlah penduduk seramai 88,100 orang telah menikmati kemudahan perhubungan daripada PJM di Negeri Sarawak. Butiran lanjut mengenai prestasi pencapaian fizikal PJM di Negeri Sarawak adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 17.1
PENCAPAIAN FIZIKAL PROJEK SEHINGGA 30 JUN 2015

PROJEK	TEMPOH KONTRAK ASAL (Bulan)	EOT	TARIKH SIAP BARU SELEPAS LANJUTAN MASA	TEMPOH SIAP SEBENAR (Bulan)	MANFAAT	
		BIL. / TEMPOH (Bulan)			BILANGAN RUMAH PANJANG/KAMPUNG	JUMLAH PENDUDUK
Menaiktaraf Jalan Balak Dari Long Lopeng Ke Ba'kelalan	01.08.2010 - 01.04.2011 (8)	1 (6)	30.09.2011	14	23	8,000
Membina Jalan Dari Pekan Belaga Ke Mejawah, Belaga	16.08.2011 - 15.08.2013 (24)	0	15.08.2013	24	14	38,000

PROJEK	TEMPOH KONTRAK ASAL (Bulan)	EOT	TARIKH SIAP BARU SELEPAS LANJUTAN MASA	TEMPOH SIAP SEBENAR (Bulan)	MANFAAT	
		BIL. / TEMPOH (Bulan)			BILANGAN RUMAH PANJANG/KAMPUNG	JUMLAH PENDUDUK
Menaiktaraf Jalan Dari Miri Ke Marudi Sepanjang 52km, Marudi	16.08.2011 - 16.02.2013 (18)	2 (11)	16.01.2014	29	20	30,000
Membina Jalan Dari Ba'kelalan Ke Bario	09.01.2013 - 08.01.2015 (24)	0	15.01.2015	24	9	1,200
Membina Jambatan Di Sg. Kelulit Dan Sg. Trus, Bekenu	10.03.2011 - 10.10.2011 (7)	0	10.10.2011	7	5	2,000
Membina Tiga Buah Jambatan Di Pa'Dappur, Pa'Kelapang Dan Pa'Mada, Bario	13.02.2013 - 13.08.2014 (18)	0	31.12.2013	10	7	4,000
Pembaikan Cerun Di Jalan Long Lopeng Ke Ba'kelalan	08.05.2014 - 07.05.2015 (12)	0	24.01.2015	8	-	-
Membina Rumah Panjang 29 Pintu Di Kuala Tatau, Bintulu	15.05.2011 - 24.02.2012 (9)	0	24.02.2012	9	1	200
Menaiktaraf Jalan Dan Membina Jambatan Di Kampung Saeh, Bekenu	16.02.2011 - 15.10.2011 (8)	0	15.10.2011	8	13	3,000
Membina Jalan Rh. Satu, Kuala Mendalam, Batu Danau, Limbang	17.02.2011 - 16.10.2011 (8)	0	15.10.2011	8	5	1,200
Membina Jambatan Di Lusong Laku, Kapit	15.09.2011 - 30.03.2012 (6)	0	30.03.2012	6	3	500
JUMLAH					100	88,100

Sumber : Kementerian Pertahanan Malaysia

Pada pendapat Audit, PJM di Negeri Sarawak telah berjaya memberi manfaat kepada penduduk pedalaman Negeri Sarawak.

17.5.1.2. Pencapaian Kewangan Projek

Bagi tempoh tahun 2009 hingga 30 Jun 2015, peruntukan PJM di Negeri Sarawak berjumlah RM262.22 juta manakala perbelanjaan berjumlah RM253.98 juta (96.86%). Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 17.2
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN SEHINGGA 30 JUN 2015

PROJEK	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUSAN (%)
Menaiktaraf Jalan Balak Dari Long Lopeng Ke Ba'kelalan	40.97	40.97	100
Membina Jalan Dari Pekan Belaga Ke Mejawah, Belaga	61.20	61.20	100
Menaiktaraf Jalan Dari Miri Ke Marudi Sepanjang 52km, Marudi	65.89	65.89	100
Membina Jalan Dari Ba'kelalan Ke Bario	48.10	40.83	84.89
Membina Jambatan Di Sg. Kelulit Dan Sg. Trus, Bekenu	2.53	2.53	100
Membina Tiga Buah Jambatan Di Pa'Dappur, Pa'Kelapang Dan Pa'Mada, Bario	3.00	3.00	100
Pembaikan Cerun Di Jalan Long Lopeng Ke Ba'kelalan	9.78	9.51	97.24
Membina Rumah Panjang 29 Pintu Di Kuala Tatau	0.78	0.78	100
Menaiktaraf Jalan Dan Membina Jambatan Di Kampung Saeh, Bekenu	14.50	13.80	95.17
Membina Jalan Rh. Satu, Kuala Mendalam, Batu Danau, Limbang	12.80	12.80	100
Membina Jambatan Di Lusong Laku, Kapit	2.67	2.67	100
JUMLAH	**262.22**	**253.98**	**96.86**

Sumber : Kementerian Pertahanan Malaysia

Pada pendapat Audit, pencapaian kewangan PJM di Negeri Sarawak adalah baik dengan prestasi perbelanjaan sebanyak 96.86%.

17.5.2. Kualiti Kerja

Kualiti kerja pembinaan perlu dilaksanakan dengan kemas, sempurna dan mengikut tahap piawaian yang telah ditetapkan dalam spesifikasi kontrak. Pembinaan PJM di Negeri Sarawak menggunakan kaedah *Probase Soil Stabilizer* dan merangkumi lapisan permukaan jalan iaitu *protective layer*, *chipping mixed with soil sealant*, *treated soil base*, *approved imported earth* dan akhirnya dasar jalan sedia ada. Mengikut penjelasan jurutera KEMENTAH, jalan yang dibina sesuai digunakan oleh kenderaan termasuk muatan tidak melebihi 15 tan.

Semakan Audit mendapati PJM di Negeri Sarawak telah lulus dalam ujian *California Bearing Ratio* (CBR). Bagaimanapun, lawatan Audit selanjutnya mendapati kualiti kerja kurang memuaskan dan ada jalan yang tidak dibina bahu jalan serta longkang mengikut standard jalan JKR disebabkan peruntukan tidak mencukupi. Selain itu, kenderaan yang melebihi muatan (maksima 15 tan) melalui jalan tersebut juga mengakibatkan permukaan jalan berlubang, tidak rata dan becak seperti gambar berikut:

GAMBAR 17.7

Jalan Dari Pekan Belaga Ke Mejawah, Belaga
- Permukaan Jalan Tidak Rata
(02.09.2015)

GAMBAR 17.8

Jalan Dari Long Lopeng Ke Ba'kelalan
- Permukaan Jalan Becak
(09.09.2015)

GAMBAR 17.9

Jalan Dari Pekan Belaga Ke Mejawah, Belaga
- Kenderaan Melebihi 15 Tan
(03.09.2015)

GAMBAR 17.10

Jalan Dari Pekan Belaga Ke Mejawah, Belaga
- Jalan Tiada Bahu Jalan Dan Longkang
(02.09.2015)

Maklum Balas KEMENTAH Yang Diterima Pada 5 Februari 2016

Tujuan PJM di Negeri Sarawak ialah untuk menyediakan jalan perhubungan sementara di kawasan pedalaman. Spesifikasi pembinaannya masih mengutamakan ciri-ciri keselamatan dan ketahanan untuk menerima beban kenderaan yang tidak melebihi 15 tan. Ini tidaklah setanding dengan spesifikasi jalan yang dibina oleh JKR kerana kosnya lebih murah untuk disesuaikan dengan peruntukan kewangan yang sedikit bagi menjayakan projek ini. Sungguhpun begitu ia telah lulus dalam ujian CBR.

Jalan PJM di Negeri Sarawak ini berkualiti mengikut kelas dan spesifikasinya. Bagaimanapun, kerosakan yang berlaku disebabkan oleh penggunaan yang melebihi had reka bentuk projek; kenderaan yang melalui jalan ini melebihi had maksima yang dibenarkan iaitu 15 tan dan bar penghalang yang dibina oleh ATM bagi mengelakkan penggunaan jalan oleh kenderaan melebihi 15 tan telah dirosakkan oleh pengguna. Terdapat beberapa bahagian jalan PJM di Negeri Sarawak tidak mempunyai bahu jalan atau longkang. Ini kerana jalan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri bertindih dengan sempadan tanah milik persendirian yang tidak sepatutnya dicerobohi bagi pembinaan bahu jalan dan longkang. Pembaikan telah dibuat dalam tempoh tanggungan kecacatan pada 30 September 2014 bagi jalan Long Lopeng ke Ba'kelalan. Kerosakan ini berlaku secara berterusan disebabkan oleh penggunaan yang melebihi had reka bentuk projek.

Pada pendapat Audit, kualiti kerja yang kurang memuaskan boleh mengakibatkan Kerajaan menanggung kos penyenggaraan yang tinggi di masa hadapan.

17.5.3. Penyenggaraan Jalan

Jalan perlu disenggara supaya berada dalam keadaan yang baik, selamat dan selesa digunakan pada setiap masa. Dalam tempoh tanggungan kecacatan (DLP), penyenggaraan jalan adalah di bawah tanggungjawab kontraktor manakala selepas tamat DLP kerja penyenggaraan jalan hendaklah dibuat oleh pihak yang bertanggungjawab. Semakan Audit mendapati penyenggaraan projek yang masih dalam DLP adalah kurang memuaskan. Bagi penyenggaraan selepas tamat DLP, peruntukan berjumlah RM16.20 juta telah diberi kepada Kerajaan Negeri Sarawak pada 30 Mac 2015. Bagaimanapun, setakat tarikh pengauditan didapati penyenggaraan dan kerja pembaikan selepas tamat DLP belum dilaksanakan oleh JKR Sarawak. Ini menyebabkan keadaan permukaan jalan berlubang, becak, tidak rata, rumput tinggi di bahu jalan, tumbuhan liar tidak dipotong di tepi jambatan Bailey, garisan jalan pudar, longkang serta perabot jalan tidak disenggara. Butiran lanjut adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 17.3
PENYENGGARAAN JALAN KURANG MEMUASKAN

LOKASI	KEADAAN FIZIKAL JALAN
PROJEK YANG MASIH DALAM DLP	
Jalan dari Pekan Belaga ke Mejawah, Belaga	- Tumbuhan liar di tepi jambatan Bailey tidak dipotong **(Gambar 17.12)** - Longkang tidak disenggara **(Gambar 17.15)** - Vandalisme terhadap papan tanda jalan **(Gambar 17.17)**
Jalan dari Ba'kelalan ke Bario	- Garisan jalan pudar **(Gambar 17.14)**
Jalan dari Miri ke Marudi	- Permukaan jalan berlubang dan tidak rata **(Gambar 17.11)** - Rumput tinggi di bahu jalan tidak dipotong **(Gambar 17.13)** - Longkang tertimbus **(Gambar 17.16)**
PROJEK SELEPAS TAMAT DLP	
Jalan dari Long Lopeng ke Ba'kelalan	- Permukaan jalan berlubang dan tidak rata **(Gambar 17.18)** - Permukaan jalan becak **(Gambar 17.19)** - Tumbuhan liar di tepi jambatan Bailey tidak dipotong **(Gambar 17.23)** - Longkang tidak disenggara **(Gambar 17.24)** - Vandalisme terhadap papan tanda jalan **(Gambar 17.26)**
Jalan Rh. Satu, Kuala Mendalam, Limbang	- Permukaan jalan tidak rata **(Gambar 17.20)** - Rumput tinggi di bahu jalan tidak dipotong **(Gambar 17.21)** - Papan tanda jalan pecah dan warna tiang telah pudar serta berkarat **(Gambar 17.25)**
Jalan di Kampung Saeh, Bekenu	- Rumput tinggi di bahu jalan tidak dipotong **(Gambar 17.22)**

GAMBAR 17.11

Jalan Dari Miri Ke Marudi
- Permukaan Jalan Berlubang Dan Tidak Rata
(05.10.2015)

GAMBAR 17.12

Jalan Dari Pekan Belaga Ke Mejawah, Belaga
- Tumbuhan Liar Di Tepi Jambatan Bailey Tidak Dipotong
(02.09.2015)

GAMBAR 17.13

Jalan Dari Miri Ke Marudi
- Rumput Tinggi Di Bahu Jalan Tidak Dipotong
(05.10.2015)

GAMBAR 17.14

Jalan Dari Ba'kelalan Ke Bario
- Garisan Jalan Pudar
(08.09.2015)

GAMBAR 17.15

Jalan Dari Pekan Belaga Ke Mejawah, Belaga
- Longkang Tidak Disenggara
(03.09.2015)

GAMBAR 17.16

Jalan Dari Miri Ke Marudi
- Longkang Tertimbus
(06.10.2015)

GAMBAR 17.17

Jalan Dari Pekan Belaga Ke Mejawah, Belaga
- Vandalisme Terhadap Papan Tanda Jalan
(02.09.2015)

GAMBAR 17.18

Jalan Dari Long Lopeng Ke Ba'kelalan
- Permukaan Jalan Berlubang Dan Tidak Rata
(09.09.2015)

GAMBAR 17.19

Jalan Dari Long Lopeng Ke Ba'kelalan
- Permukaan Jalan Becak
(09.09.2015)

GAMBAR 17.20

Jalan Rh. Satu, Kuala Mendalam, Limbang
- Permukaan Jalan Tidak Rata
(01.10.2015)

GAMBAR 17.21

Jalan Rh. Satu, Kuala Mendalam, Limbang
- Rumput Tinggi Di Bahu Jalan Tidak Dipotong
(01.10.2015)

GAMBAR 17.22

Jalan Di Kampung Saeh, Bekenu
- Rumput Tinggi Di Bahu Jalan Tidak Dipotong
(07.10.2015)

GAMBAR 17.23

Jalan Dari Long Lopeng Ke Ba'kelalan
- Tumbuhan Liar Di Tepi Jambatan Bailey Tidak Dipotong
(10.09.2015)

GAMBAR 17.24

Jalan Dari Long Lopeng Ke Ba'kelalan
- Longkang Tidak Disenggara
(10.09.2015)

GAMBAR 17.25

Jalan Rh. Satu, Kuala Mendalam, Limbang
- Papan Tanda Jalan Pecah Dan Warna Tiang Telah Pudar Serta Berkarat
(01.10.2015)

GAMBAR 17.26

Jalan Dari Long Lopeng Ke Ba'kelalan
- Vandalisme Terhadap Papan Tanda Jalan
(09.09.2015)

Maklum Balas KEMENTAH Yang Diterima Pada 5 Februari 2016

Skop kerja penyenggaraan jalan tidak terdapat dalam spesifikasi dan jadual kadar (BQ) kontrak kerana kerja binaan PJM di Negeri Sarawak dilakukan oleh pihak ATM. Kerosakan permukaan jalan berlaku disebabkan oleh penggunaan yang tidak selaras dengan spesifikasi projek dan bukannya kerana kecacatan bahan binaan atau skop pembinaan. Skop penyenggaraan pemotongan rumput di bahu jalan dan tumbuhan liar di tepi jambatan Bailey juga tidak dinyatakan dalam kontrak.

Aksesori jalan seperti garisan jalan, longkang dan perabot tidak disenggara kerana kualiti jalan PJM di Negeri Sarawak adalah minima dan terdedah kepada faktor cuaca dan kepenggunaan yang melebihi had yang dibenarkan. Oleh itu garisan jalan yang dicat di atas permukaan jalan mudah pudar dan rosak selepas projek siap; dan longkang yang dibina mengikut spesifikasi kontrak adalah longkang tanah (earth drain) yang bersifat sementara. Sungguhpun kerja-kerja penyenggaraan longkang tidak termasuk dalam skop kontrak, tetapi kontraktor dengan suci hati telah membersihkan longkang di Jalan Belaga ke Mejawah dalam tempoh tanggungan kecacatan.

Tindakan Preventif:-

KEMENTAH akan memasukkan skop kerja penyenggaraan jalan dalam kontrak PJM di Negeri Sarawak pada masa hadapan tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan. Kerajaan Negeri Sarawak melalui suratnya kepada pihak ICU, JPM bertarikh 26 Mac 2015 telah bersetuju untuk mengambil alih Jalan Long Lopeng ke Ba'kelalan, Jalan Kuala Mendalam ke Mendamit, Limbang dan Jalan Kg. Saeh Bekenu, Miri untuk diselenggarakan. KEMENTAH melalui ICU, JPM telah menyerahkan jalan tersebut yang telah tamat tempoh tanggungan kecacatan kepada Kerajaan Negeri Sarawak pada 23 Julai 2015.

Maklum Balas JKR Sarawak Yang Diterima Pada 19 Februari 2016

Peruntukan RM16.2 juta yang telah disalurkan ke JKR Sarawak hanya digunakan untuk memperbaiki jalan dari segi aspek keselamatan seperti pemasangan papan tanda, guardrail dan memperbaiki bahagian jalan yang rosak teruk. Penyerahan jalan belum lagi dimuktamadkan dan hanya akan disempurnakan selepas joint inspection dilaksanakan dan peruntukan kos penyenggaraan tahunan berjumlah RM6,908,572 yang dipohon daripada ICU, JPM melalui surat rasmi ruj:PWD/RCEA4/001 (26) bertarikh 27 November 2015 diluluskan.

Pada pendapat Audit, kerja penyenggaraan yang kurang memuaskan menyebabkan kerosakan pada permukaan jalan dan bahu jalan serta mengundang bahaya kepada pengguna. Selain itu, Kerajaan akan menanggung kos penyenggaraan PJM di Negeri Sarawak yang tinggi untuk kerja pembaikan di masa hadapan.

17.5.4. Pampasan Tanah Dan Tanaman Kepada Pemilik Tanah

Pampasan tanah dan tanaman hendaklah dibayar kepada pemilik tanah apabila tanah mereka diambil oleh Kerajaan untuk tujuan pelaksanaan projek. Seksyen 5(3) dan (4) Kanun Tanah Negeri (Bab 81) 1958 memperuntukkan pengambilan balik hak adat Bumiputra dan prosedur bagi pengambilan, penentuan pampasan untuk mereka yang haknya diambil balik dan proses timbang tara bagi mereka yang tidak berpuas hati terhadap tawaran pampasan Penguasa Tanah dan Survei. Semakan Audit mendapati prosedur bagi pengambilan, penentuan pampasan dan proses timbang tara tidak dilaksanakan selaras dengan ketetapan Kanun Tanah Negeri. Ini menyebabkan pampasan tanah dan tanaman belum dibayar kepada pemilik tanah sedangkan tanah di sepanjang jalan PJM di Negeri Sarawak adalah tanah hak adat Bumiputra yang terdapat tanaman, kebun, kampung dan rumah panjang. Semakan selanjutnya juga mendapati jalan tidak dibina dengan bahu jalan dan longkang kerana ruang jalan yang sempit dan terhad. Perkara ini berlaku disebabkan pemilik tanah tidak bersetuju untuk menyerahkan tanah bagi melebarkan jalan kerana pampasan tanah dan tanaman tidak dibayar. Maklum balas mengenai senarai pemilik tanah hak adat Bumiputra di bahagian Limbang dan Kapit telah diperolehi daripada Jabatan Tanah dan Survei Sarawak. Keadaan jalan tanpa bahu jalan dan longkang seperti gambar berikut:

GAMBAR 17.27

Jalan Dari Long Lopeng Ke Ba'kelalan - Jalan Tidak Dibina Dengan Bahu Jalan Dan Longkang (09.09.2015)

GAMBAR 17.28

Jalan Dari Long Lopeng Ke Ba'kelalan - Jalan Tidak Dibina Dengan Bahu Jalan Dan Longkang (08.09.2015)

Maklum Balas KEMENTAH Yang Diterima Pada 5 Februari 2016

Peruntukan PJM di Negeri Sarawak yang telah diluluskan tidak merangkumi kos bagi bayaran pampasan kepada pemilik tanah di Negeri Sarawak. Pembinaan PJM di Negeri Sarawak hanya dapat dimulakan setelah memperoleh kebenaran State Planning Authority (SPA) Sarawak. Kerajaan Negeri Sarawak semasa Taklimat Pelaksanaan dan Impak PJM di Negeri Sarawak pada 20 Januari 2015 telah bersetuju supaya KEMENTAH meneruskan PJM di Negeri Sarawak dan isu-isu berkaitan pampasan akan diselesaikan oleh pihak Kerajaan Negeri.

Pada pendapat Audit, pampasan tanah dan tanaman hendaklah dibayar kepada pemilik tanah apabila tanah mereka diambil oleh Kerajaan untuk tujuan pelaksanaan projek.

17.5.5. Aspek Keselamatan Jalan

Mengikut kontrak, standard pembinaan jalan hendaklah mengutamakan aspek keselamatan dan keselesaan pengguna jalan sepanjang masa. Lawatan Audit mendapati gradien jalan tinggi, curam dan jalan berselekoh; cerun di tepi jalan tidak dilindungi dengan rumput; dan perabot jalan tidak disenggara dengan baik. Butiran lanjut adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 17.4
ASPEK KESELAMATAN JALAN

LOKASI	KEADAAN FIZIKAL
Jalan dari Long Lopeng ke Ba'kelalan	- Kawasan curam di tepi jalan tanpa *guardrail* **(Gambar 17.30)**
Jalan dari Pekan Belaga ke Mejawah, Belaga	- Kawasan curam di tepi jalan tanpa *guardrail* **(Gambar 17.29)** - Gradien jalan yang tinggi dan berselekoh tanpa *guardrail* **(Gambar 17.31)** - Cerun di tepi jalan tidak dilindungi dengan rumput **(Gambar 17.32)** - Tiada *reflector* jambatan dipasang, tiada *guardrail* dipasang di hujung jambatan dan jarak papan tanda jambatan dipasang terlalu dekat dengan jambatan **(Gambar 17.33)** - Warna *reflector* di jambatan telah pudar **(Gambar 17.34)**
Jalan dari Miri ke Marudi	- Papan tanda jalan hilang - Tiada *reflector* jambatan dipasang - Tiada *guardrail* dipasang di hujung jambatan
Tiga buah jambatan di Pa'Dappur, Pa'Kelapang dan Pa'Mada, Bario	- Tiada *reflector* jambatan dipasang - Tiada *guardrail* dipasang di hujung jambatan
Jalan di Kampung Saeh, Bekenu	- Papan tanda jalan hilang - Tiada *reflector* jambatan dipasang - Tiada *guardrail* dipasang di hujung jambatan
Jalan Rh. Satu, Kuala Mendalam, Limbang	- Papan tanda jalan hilang - Tiada *reflector* jambatan dipasang - Tiada *guardrail* dipasang di hujung jambatan

GAMBAR 17.29

Jalan Dari Pekan Belaga Ke Mejawah, Belaga
- Kawasan Curam Di Tepi Jalan Tanpa Guardrail
(03.09.2015)

GAMBAR 17.30

Jalan Dari Long Lopeng Ke Ba'kelalan
- Kawasan Curam Di Tepi Jalan Tanpa Guardrail
(09.09.2015)

GAMBAR 17.31

Jalan Dari Pekan Belaga Ke Mejawah, Belaga
- Gradien Jalan Yang Tinggi Dan Berselekoh Tanpa Guardrail
(03.09.2015)

GAMBAR 17.32

Jalan Dari Pekan Belaga Ke Mejawah, Belaga
- Cerun Di Tepi Jalan Tidak Dilindungi Dengan Rumput
(03.09.2015)

GAMBAR 17.33

Jalan Dari Pekan Belaga Ke Mejawah, Belaga
- Tiada Reflector Jambatan Dipasang, Tiada Guardrail Dipasang Di Hujung Jambatan Dan Jarak Papan Tanda Jambatan Dipasang Terlalu Dekat Dengan Jambatan
(03.09.2015)

GAMBAR 17.34

Jalan Dari Pekan Belaga Ke Mejawah, Belaga
- Warna Reflector Di Jambatan Telah Pudar
(03.09.2015)

Maklum Balas KEMENTAH Yang Diterima Pada 5 Februari 2016

Pemasangan guardrail, perlindungan cerun dan pemasangan reflector di jambatan tidak dinyatakan dalam spesifikasi kontrak. Bagaimanapun, kontraktor telah mengambil inisiatif dengan memasang reflector di jambatan Jalan Belaga ke Mejawah. Namun begitu, kontraktor tidak bertanggungjawab untuk mengganti warna reflector yang telah pudar kerana kecacatan tersebut adalah disebabkan faktor wear and tear. Papan tanda yang hilang adalah berkaitan dengan isu vandalisme. Kontraktor tidak bertanggungjawab untuk membuat penggantian yang disebabkan oleh vandalisme. Kementerian akur terdapat kesilapan pemasangan papan tanda di Jalan Belaga ke Mejawah yang dipasang terlalu dekat. Pihak ATM juga tidak bertanggungjawab untuk membuat pemeriksaan kualiti kerana ia tidak termasuk dalam skop kontrak.

Pada pendapat Audit, aspek keselamatan dan keselesaan pengguna perlu diberi keutamaan.

17.5.6. Kerb Jambatan Reput Dan Retak

Mengikut kontrak Membina Tiga Buah Jambatan Di Pa'Dappur, Pa'Kelapang Dan Pa'Mada, Bario, kerb bagi pembinaan jambatan jenis *Acrow Bridge 700* hendaklah menggunakan jenis kayu keras. Jambatan tersebut telah siap dibina pada 31 Disember 2013. Lawatan Audit pada 29 September 2015 (21 bulan selepas tarikh projek siap) mendapati kerb jambatan telah reput dan retak. Perkara ini menjejaskan perlindungan pada panel jambatan dan seterusnya menyebabkan jambatan mudah mengalami kerosakan. Mengikut penjelasan jurutera KEMENTAH, kerosakan ini disebabkan pemasangan kayu keras yang tidak berkualiti seperti gambar berikut:

SEBELUM

GAMBAR 17.35

Jambatan Pa'Kelapang, Bario
- Kayu Telah Reput
(29.09.2015)

SELEPAS

GAMBAR 17.36

Jambatan Pa'Kelapang, Bario
- Kerja Penggantian Kayu Telah Dilaksanakan
(Sumber KEMENTAH: 02.02.2016)

GAMBAR 17.37

Jambatan Pa'Dappur, Bario
- Kayu Telah Reput
(29.09.2015)

GAMBAR 17.38



Jambatan Pa'Dappur, Bario
- Kayu Yang Retak
(29.09.2015)

Maklum Balas KEMENTAH Yang Diterima Pada 5 Februari 2016

Kementerian telah mengambil tindakan untuk menukar kerb jambatan yang telah reput dan retak yang dibuat daripada kayu selangan batu dengan kayu belian. Kerja-kerja selesai pada 26 Oktober 2015.

Pada pendapat Audit, kontraktor tidak menggunakan kayu keras yang berkualiti menyebabkan kerb jambatan cepat reput dan retak.

17.6. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan prestasi pengurusan PJM di Negeri Sarawak dan mencapai objektif yang ditetapkan, adalah disyorkan supaya KEMENTAH dan Kerajaan Negeri Sarawak mengambil tindakan seperti yang berikut:

17.6.1. KEMENTAH hendaklah melaksanakan kerja penyenggaraan jalan dengan sempurna bagi projek yang masih dalam tempoh tanggungan kecacatan dan menetapkan jadual penyenggaraan jalan dalam kontrak serta mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab untuk menyenggara jalan selepas tamat tempoh tanggungan kecacatan secara berterusan; dan

17.6.2. Kerajaan Negeri Sarawak dan KEMENTAH hendaklah melaksanakan proses pengambilan tanah dengan teratur dan peruntukan pampasan disediakan selaras dengan ketetapan Kanun Tanah Negeri (Bab 81) 1958.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI / KEMENTERIAN KERJA RAYA

18. JABATAN PENJARA MALAYSIA

- PENGURUSAN PROJEK PEMBINAAN PENJARA REMAN (TEGAR) JOHOR BAHRU, JOHOR

18.1. LATAR BELAKANG

18.1.1. Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Penjara Malaysia (JPM) telah memohon peruntukan untuk pembinaan Penjara Reman (Tegar) Johor Bahru di Kangkar Pulai, Mukim Pulai, Daerah Johor Bahru dengan keluasan tanah seluas 50 ekar daripada Kementerian Kewangan pada 5 Oktober 2006. Permohonan ini bertujuan bagi menggantikan Penjara Reman Johor Bahru di Jalan Ayer Molek (Penjara Ayer Molek). Projek ini telah dilaksanakan dalam 2 fasa disebabkan kekangan peruntukan. Pihak Kementerian Kewangan Malaysia telah meluluskan peruntukan berjumlah RM50 juta bagi pelaksanaan Projek Penjara Reman (Tegar) Johor Bahru Fasa I (Projek Fasa I) yang telah dimulakan pada bulan April 2009 dan telah siap pada bulan April 2011. Bagaimanapun, Projek Fasa I belum digunakan kerana hanya dapat menampung 300 orang banduan berbanding keperluan banduan pada ketika itu seramai 726 orang.

18.1.2. Kementerian Kewangan Malaysia pada bulan Januari 2011 telah meluluskan peruntukan berjumlah RM160 juta bagi pembinaan Projek Penjara Reman (Tegar) Johor Bahru Fasa II (Projek Fasa II) sebagai tambahan kepada Projek Fasa I. Syarikat Intrasegi Sdn. Bhd. dan Syarikat Tegas Setuju Sdn. Bhd. (ITTSB) telah dilantik secara rundingan terus dan projek ini dilaksanakan secara reka dan bina. Projek ini merangkumi kompleks penjara yang dilengkapi dengan sistem keselamatan moden bagi menampung kapasiti sehingga 1,200 orang banduan, kuarters kakitangan dan kemudahan lain. Projek ini bermula pada bulan Julai 2013 dan dijangka siap pada akhir bulan Januari 2016.

18.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada pengurusan Projek Pembinaan Penjara Reman (Tegar) Johor Bahru, Johor telah diuruskan dengan teratur dan cekap.

18.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan projek dalam pembinaan bagi Projek Fasa II meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan oleh Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Cawangan

Keselamatan (JKR CKS), selaku Pengarah Projek dan KDN serta JPM. Di samping itu, pengauditan juga dijalankan terhadap Projek Fasa I yang telah siap meliputi aspek penyerahan dan penggunaannya.

18.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak kontrak, menganalisis data laporan projek, rekod dan dokumen berkaitan Projek Fasa II serta dokumen penyerahan dan penyenggaraan Projek Fasa I. Selain itu, temu bual bersama pegawai yang terlibat dan pemeriksaan fizikal di tapak projek turut diadakan. *Exit Conference* bersama Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya (KKR) telah diadakan pada 16 Februari 2016 serta turut dihadiri oleh wakil daripada Jabatan Kerja Raya (JKR), KDN, Jabatan Penjara Malaysia, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Bahagian Audit Dalam KKR dan Bahagian Audit Dalam KDN.

18.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan di Ibu Pejabat JKR CKS; KDN; Ibu Pejabat Jabatan Penjara Malaysia; Penjara Ayer Molek, Johor Bahru dan Tapak Projek Penjara Reman (Tegar) Johor Bahru antara bulan Jun hingga September 2015 mendapati pengurusan pembinaan projek ini adalah baik kerana keseluruhan pelaksanaan projek telah dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan; mekanisme pemantauan telah dilaksanakan oleh JKR terhadap kerja pihak kontraktor; pentadbiran kontrak telah diuruskan dengan teratur; dan bayaran kemajuan projek telah dibuat berdasarkan kerja sebenar di tapak. Bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang perlu diambil perhatian oleh pihak KDN/JKR seperti yang berikut:

i. perubahan kaedah perolehan Projek Fasa II menyebabkan Kerajaan terpaksa membayar ganti rugi sejumlah RM3.68 juta kepada perunding; dan

ii. semua kerosakan aset dan peralatan Projek Fasa I yang diserahkan kepada kontraktor hendaklah diambil tindakan pembaikan sebelum Projek Fasa II disiapkan serta dibuat pengujian dan pentauliahan.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang dibangkitkan dan maklum balas KKR adalah seperti yang berikut:

18.5.1. Prestasi Projek

18.5.1.1. Pencapaian Fizikal

a. Projek Fasa I

Projek Fasa I telah dilaksanakan secara reka dan bina oleh Syarikat Intrasegi Sdn. Bhd. dan Syarikat Tegas Setuju Sdn. Bhd. telah siap pada 4 April 2011. Tempoh tanggungan kecacatan adalah selama 2 tahun iaitu

bermula pada 5 April 2011 sehingga 4 April 2013. Pada 31 Julai 2013, ia telah diserahkan semula kepada kontraktor utama iaitu Syarikat Intrasegi Sdn. Bhd. dan Syarikat Tegas Setuju Sdn. Bhd. untuk pelaksanaan Projek Fasa II.

b. Projek Fasa II

i. Projek Fasa II telah dimulakan pada 30 Julai 2013 dan perlu disiapkan dalam tempoh 30 bulan iaitu sehingga 29 Januari 2016. Sehingga bulan Ogos 2015, kemajuan kerja fizikal adalah pada tahap 83% dan sama dengan kemajuan kerja mengikut jadual. Butiran lanjut kemajuan kerja fizikal keseluruhan dan kemajuan kerja fizikal mengikut skop kerja adalah seperti carta dan jadual berikut:

CARTA 18.1



Sumber : Jadual Ringkasan Projek Fasa II

JADUAL 18.1
KEMAJUAN KERJA MENGIKUT SKOP PROJEK PEMBINAAN PENJARA REMAN (TEGAR) JOHOR BAHRU FASA II SEHINGGA BULAN OGOS 2015

NO.	SKOP KERJA	KEMAJUAN KERJA		
		JADUAL (%)	SEBENAR (%)	[Awal/(Lewat)] (%)
Kompleks Penjara				
1.	Penambahan Blok Ruang Jumpa Banduan	100	94	(6)
2.	Penambahan Ruang Basuh Blok Dapur	82	82	0
3.	Blok Banduan 16a	60	85	25
4.	Blok Banduan 16b	84	90	6
5.	Blok Asingan	96	85	(11)
6.	Pusat Rawatan	55	89	34
7.	Bengkel Dan Dobi	61	91	30
8.	Pusat Pemulihan Insan	75	92	17
9.	Kantin Pegawai	100	94	(6)

NO.	SKOP KERJA	KEMAJUAN KERJA		
		JADUAL (%)	SEBENAR (%)	[Awal/(Lewat)] (%)
10.	Surau	100	97	(3)
11.	Menara Kawalan	82	61	(21)
Bangunan Luar Penjara				
1.	Banglo Kelas C	90	80	(10)
2.	Apartmen Kelas F	78	57	(21)
3.	Berek Bujang	89	97	8
4.	Dewan Serba Guna	100	97	(2)
5.	Garaj Kenderaan Dan Stor Pusat	44	69	25
6.	Tenaga Nasional Berhad *Sub Station*	100	97	(3)
7.	Kebuk Sampah	TM	TM	TM
8.	Tangki Air	90	97	(3)
9.	Rumah Pam Dan Tangki Sedut	98	82	(16)
10.	*Sewerage Treatment Plant*	97	96	(1)
11.	*Dry Basin*	100	99	(1)
12.	Taman Permainan	TM	TM	TM
13.	Gelanggang Takraw	TM	TM	TM
Kerja Sekitar Bangunan				
1.	Penyediaan Tapak Dan Kerja Tanah	100	100	0
2.	Kerja Saliran	7	88	81
3.	Tempat Letak Kereta Dan Kerja Jalan	3	12	9
4.	Laluan Pejalan Kaki Berbumbung	19	39	20
5.	*Perimeter Fencing And Gates*	7	0	(7)
6.	*Indoor And Outdoor Facilities*	TM	TM	TM
7.	*Soft And Hard Landscape*	0	2	2
8.	*Reinforced Concrete Wall*	100	100	0
KEMAJUAN KERJA KESELURUHAN		**83**	**83**	

Sumber : Laporan Kemajuan Kerja Mengikut Disiplin
Nota : TM – Tiada Maklumat Jadual Kemajuan Kerja Setakat Tarikh Pengauditan Pada September 2015

ii. Sehingga lawatan Audit pada awal bulan September 2015, prestasi keseluruhan pelaksanaan Projek Fasa II dari tahun 2013 hingga tarikh lawatan Audit adalah mengikut jadual yang ditetapkan.

iii. Semakan Audit terhadap laporan kemajuan kerja mendapati daripada 83% keseluruhan kemajuan kerja adalah termasuk kerja bagi Sistem Keselamatan Elektronik (ESS) yang lewat dilaksanakan iaitu kemajuan kerja sebenar 10% berbanding kemajuan kerja mengikut jadual yang sepatutnya 20%. Semakan Audit selanjutnya mendapati pihak JKR CKS telah mengeluarkan surat peringatan sehingga kali kelima pada 14 April 2015 kepada kontraktor utama berkaitan kegagalan pihak kontraktor mengemukakan borang kelulusan bahan dan jadual kerja *Critical Path Method* (CPM) yang lebih terperinci. Seterusnya pihak JKR CKS juga telah mengeluarkan surat peringatan pada 3 Julai 2015 kepada

kontraktor utama dan perunding ESS supaya dapat meningkatkan tahap kemajuan kerja bagi sistem ESS. Butiran lanjut mengenai status kemajuan kerja ESS sehingga bulan September 2015 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 18.2
STATUS KEMAJUAN KERJA ESS BERDASARKAN CPM
SEHINGGA BULAN SEPTEMBER 2015

BIL.	AKTIVITI	KEMAJUAN KERJA		CATATAN
		JADUAL (%)	SEBENAR (%)	
1.	*Delivery*	95	50	Sebahagian peralatan ESS telah dihantar
2.	*Conducting*	100	90	Hampir keseluruhan kerja *ducting* dan *conducting* telah disiapkan
3.	*Cabling*	100	50	Sebahagian kerja *cabling* telah disiapkan
4.	*Hardware Installation*	40	-	Peralatan masih belum dipasang dan *method statement* masih belum disahkan
5.	*System Installation*	5	-	Di peringkat permohonan kelulusan perisian dan dijangka bermula pada bulan Oktober 2015
6.	*System Integration*	TM	TM	TM
7.	*Inspection And Testing*	TM	TM	TM
8.	*Training*	TM	TM	TM
KEMAJUAN KESELURUHAN		**20**	**10**	

Sumber : Laporan Kemajuan Kerja ESS
Nota : TM – Tiada Maklumat Jadual Kemajuan Kerja Setakat Tarikh Pengauditan Pada September 2015

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pencapaian prestasi Projek Fasa II adalah baik kerana telah dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan kecuali prestasi pelaksanaan kerja ESS.

Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 21 Mac 2016

Pihak Perunding Arkitek telah menandatangani Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan atau Certificates of Completion and Compliance (CCC) pada 4 Februari 2016 dan telah diterima oleh pihak JKR pada 17 Februari 2016. Lanjutan daripada CCC yang dikeluarkan oleh Perunding Arkitek, Sijil Perakuan Siap Kerja atau Certificate Practical Completion (CPC) telah dikeluarkan pada 18 Februari 2016 menetapkan tarikh siap pada 4 Februari 2016 selaras dengan perakuan siap kerja dalam CCC.

18.5.1.2. Prestasi Kewangan

a. Sehingga bulan Ogos 2015, pencapaian kewangan yang dilaporkan mengikut Sistem Pengurusan Projek (SKALA) yang dibangunkan oleh JKR adalah sebanyak 65.6% berbanding 61.7% sehingga bayaran kemajuan kali

ke-21 berjumlah RM104.91 juta (65.6%) daripada nilai kontrak. Butiran lanjut adalah seperti carta berikut:

CARTA 18.2



Sumber : Laporan Kemajuan Bulan Ogos 2015

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan sehingga bulan Ogos 2015 adalah baik dan selari dengan pencapaian kemajuan kerja fizikal serta mengikut jadual.

Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 16 Februari 2016

Sehingga kini, bayaran kemajuan kerja telah mencapai sebanyak 78% daripada nilai kontrak.

18.5.2. Pengurusan Projek Pembinaan

Pengurusan projek pembinaan ditakrifkan sebagai perancangan keseluruhan, pengawalan dan koordinasi sesuatu projek daripada peringkat permulaan hingga peringkat penyiapan bagi memenuhi keperluan pelanggan dan memastikan projek tersebut disiapkan pada masa yang ditetapkan, dalam lingkungan kos dan juga kualiti kerja seperti yang diharapkan oleh pelanggan. Semakan Audit terhadap pengurusan projek pembinaan Projek Fasa II mendapati perkara seperti yang berikut:

18.5.2.1. Pengurusan Nilai (Value Management)

a. Berdasarkan Pekeliling Unit Perancang Ekonomi Bilangan 3 Tahun 2009, Pengurusan Nilai bertujuan untuk mengenal pasti, menyediakan pilihan dan mengeluarkan komponen dan kos yang tidak menyumbang kepada nilai perkhidmatan, sistem dan projek tanpa menjejaskan objektif dan fungsi yang ditetapkan. Pengurusan Nilai adalah pendekatan pelbagai disiplin yang sistematik dan inovatif yang mengkaji keperluan fungsi sesuatu reka bentuk, produk, perkhidmatan, projek, fasiliti dan sistem bagi mencapai nilai yang lebih baik dan kos yang optimum tanpa menjejaskan tahap prestasi program dan projek. Proses ini melibatkan semua *stakeholder* dan pakar yang berkaitan dengan projek, dengan memberi tumpuan kepada fungsi, kos dan kualiti. Pengurusan Nilai perlu dilaksanakan bagi program dan projek yang bernilai RM50 juta dan ke atas.

b. Bagi Projek Fasa II Makmal Pengurusan Nilai telah diadakan pada bulan November 2012 yang turut disertai oleh wakil KDN, JPM, JKR, Unit Perancang Ekonomi (EPU), kontraktor utama dan perunding projek. Hasil daripada pelaksanaan Makmal Pengurusan Nilai ini pengurangan kos yang telah dicapai adalah berjumlah RM76 juta (29%) iaitu daripada RM262 juta kepada RM186 juta dan kos projek yang telah diluluskan adalah berjumlah RM170 juta.

c. Hasil analisis Audit mendapati antara perkara yang dipersetujui selepas analisis Makmal Pengurusan Nilai telah diambil tindakan seperti pengurangan ruang Blok Pembangunan Insan, penangguhan pembinaan Apartmen Kelas D dan E serta pengurangan ruang Blok Asingan.

d. Garis Panduan Pelaksanaan Pengurusan Nilai yang dikeluarkan oleh EPU pada tahun 2011 menghendaki semua projek yang melalui pengurusan nilai perlu menjalani 2 peringkat awal iaitu Kajian Nilai (Value Assessment) dan Kajian Kejuruteraan (Value Engineering). Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada Kajian Kejuruteraan telah dilaksanakan kerana tiada laporan berkaitan dikemukakan untuk semakan Audit.

Pada pendapat Audit, projek ini telah mengambil kira hasil Makmal Pengurusan Nilai selaras dengan hasrat Kerajaan bagi memastikan setiap projek telah mencapai tahap nilai yang optimum iaitu *best value for money*.

18.5.2.2. Pelantikan Perunding Oleh Kontraktor

a. Mengikut konsep pelaksanaan projek pembinaan secara reka dan bina, kontraktor bertanggungjawab untuk merancang, mereka bentuk, membina dan menyiapkan, menyelia, melengkapkan, menguji, mentauliahkan dan

menyenggara keseluruhan kerja serta apa-apa perkhidmatan/peralatan selaras dengan kehendak Kerajaan. Penyeliaan projek dilaksanakan oleh perunding profesional yang dilantik oleh kontraktor manakala peranan dan tanggungjawab JKR adalah sebagai pengurus projek dan pentadbir kontrak. Ini adalah berbeza dengan konsep pelaksanaan secara konvensional di mana pelantikan perunding dibuat sendiri oleh JKR.

b. Merujuk surat daripada KDN kepada Pengarah JKR CKS bertarikh 14 Oktober 2010, Projek Fasa II ini dilaksanakan secara Tender Terhad (Konvensional Perunding). Oleh itu, pihak JKR telah memulakan langkah awal dengan mengadakan perbincangan dengan pihak perunding Projek Fasa I. Bagaimanapun, melalui surat bertarikh 21 Disember 2010, KDN telah memohon supaya pembinaan Projek Fasa II dilaksanakan secara Rundingan Terus (Reka dan Bina) dengan kontraktor Projek Fasa I. Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 25 Januari 2011 telah meluluskan permohonan KDN ini. Setelah kaedah pelaksanaan diubah maka proses pelantikan perunding adalah di bawah tanggungjawab kontraktor. Bagaimanapun, kontraktor tidak menyambung perkhidmatan perunding bagi bidang sivil dan struktur serta bidang mekanikal dan elektrik Projek Fasa I bagi Projek Fasa II.

c. Semakan Audit mendapati pihak JKR telah menerima notis guaman berkaitan tuntutan yang dibuat oleh perunding Projek Fasa I iaitu perunding bagi bidang sivil dan struktur serta bidang mekanikal dan elektrik bagi tuntutan bayaran ikhtisas berjumlah RM2,367,242 dan RM959,521 pada tahun 2011. *Mengikut maklum balas terkini daripada pihak JKR, Kerajaan telah membayar ganti rugi berjumlah RM2,517,329 dan RM1,164,207 kepada Perunding Sivil dan Struktur serta Perunding Mekanikal dan Elektrik.*

Pada pendapat Audit, perubahan kaedah perolehan Projek Fasa II telah menyebabkan Kerajaan terpaksa membayar ganti rugi berjumlah RM3.68 juta kepada pihak perunding.

Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 26 Februari 2016

Perolehan Projek Penjara Reman Tegar, Johor Bahru diluluskan untuk menggantikan Penjara Ayer Molek. Pelaksanaan projek ini terpaksa dilaksanakan secara berfasa disebabkan masalah peruntukan yang telah diluluskan ketika itu. Pelaksanaan Projek Fasa II diperlukan untuk dilaksanakan dengan secepat mungkin memandangkan Penjara Ayer Molek terpaksa diserahkan kepada Kerajaan Negeri Johor pada bulan Disember 2011. Sehubungan itu, Jabatan Penjara Malaysia amat berharap agar pihak JKR dapat menyegerakan pelaksanaan Projek Fasa II memandangkan Projek Fasa I tidak dapat beroperasi tanpa pelaksanaan Projek Fasa II.

Projek ini telah diwartakan sebagai Kawasan Dan Tempat Larangan 1959 dan kelulusan pelan merancang keseluruhan, pelan bangunan dan pelan infrastruktur telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan selaras Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL).

Pihak JKR telah mendapat arahan daripada pihak KDN supaya pelaksanaan Projek Penjara Reman Tegar, Johor Bahru dilaksanakan segera kerana peruntukan adalah di bawah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) dan untuk menggantikan Penjara Ayer Molek berdasarkan keputusan Pembangunan oleh Kerajaan Negeri. Keputusan Mesyuarat Pemantauan Projek RMKe-9, KDN telah memutuskan agar pelaksanaan Projek Fasa II dilaksanakan secara Tender Terhad setelah mengambil kira faktor keselamatan memandangkan bangunan penjara adalah rahsia yang diklasifikasikan di bawah Akta Rahsia Rasmi.

Pihak JKR telah memutuskan reka bentuk dilaksanakan secara Konvensional Perunding. Oleh yang demikian, perunding asal Projek Fasa I (Reka Dan Bina) telah dipanggil oleh JKR untuk merancang dan meneruskan reka bentuk untuk tujuan menyegerakan pemanggilan tender.

Surat KDN bertarikh 2 Jun 2010 kepada Pengurus Program (Pengarah CKS) mengesahkan peruntukan Projek Fasa II berjumlah RM157.9 juta dan pihak JKR diarahkan melaksanakan projek dengan segera. Pihak JKR dengan persetujuan pihak KDN telah mengambil tindakan proaktif dengan mengekalkan perunding sedia ada yang dilantik oleh kontraktor semasa pelaksanaan di Projek Fasa I bagi kesinambungan pelaksanaan dalam Projek Fasa II.

Berdasarkan Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding tahun 2006 yang dikeluarkan melalui Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 4 Disember 2006, Proses Lantikan Terus menetapkan penyediaan kertas perakuan pelantikan perunding dengan kaedah bayaran untuk pertimbangan dan kelulusan pihak berkuasa melulus oleh Agensi Pelaksana. Permohonan pelantikan Perunding bidang Ukur Bahan, Arkitek, Kejuruteraan Awam dan Struktur, Kejuruteraan Elektrik dan Mekanikal bagi projek di atas telah dikemukakan kepada Jawatankuasa Pelantikan Perunding Jabatan (JPPJ) melalui surat bertarikh 1 November 2010 dan 30 November 2010 oleh CKS. Proses lantikan perunding ini mengambil masa untuk mematuhi prosedur JKR.

Semasa proses melantik perunding di atas, pihak KDN telah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan untuk pelaksanaan secara Rundingan Terus (Reka Dan Bina). Perkara ini telah dimaklumkan kepada pihak JKR melalui surat KDN bertarikh 31 Januari 2011 bahawa permohonan tersebut telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada 25 Januari 2011.

Lanjutan kelulusan pelaksanaan secara Rundingan Terus (Reka Dan Bina) proses pelantikan perunding yang sedang berjalan telah ditarik balik sejajar dengan kaedah dan tanggungjawab bagi pelaksanaan projek reka dan bina, pemilihan dan pelantikan perunding adalah di bawah bidang kuasa kontraktor. Kontraktor telah melantik pasukan perunding yang sama di bawah Projek Fasa I kecuali Perunding Sivil dan Struktur serta Mekanikal dan Elektrik walaupun pada ketika itu perunding tersebut telah menyediakan lukisan dan dokumen tender.

Maklum Balas KDN Yang Diterima Pada 24 Mac 2016

Atas faktor keselamatan, KDN telah memutuskan agar pelaksanaan Projek Fasa II dibuat secara Tender Terhad dan pihak JKR selaku agensi pelaksana projek perlu mendapatkan kelulusan Kementerian Kewangan (MOF) bagi tujuan tersebut seperti yang dinyatakan oleh pihak KDN kepada JKR melalui surat bertarikh 14 Oktober 2010.

Walau bagaimanapun, selaras dengan permohonan Intrasegi Sdn. Bhd. – Tegas Setuju Sdn Bhd JV (ITTSB) kepada Menteri Dalam Negeri untuk meneruskan baki keseluruhan skop pembinaan Penjara Reman Tegar Johor Bahru melalui surat bertarikh 22 November 2010, pihak KDN telah memohon kepada MOF supaya pembinaan Projek Fasa II dilaksanakan secara Rundingan Terus (Reka Dan Bina) seperti yang dinyatakan dalam Minit Menteri Dalam Negeri bertarikh 30 November 2010.

Sebelum permohonan kepada MOF tersebut dikemukakan, KDN juga telah meminta pihak JKR untuk menangguhkan pengemukaan nama kontraktor ke MOF bagi tujuan perolehan projek secara Tender Terhad, sehingga satu pindaan atau perubahan yang akan dimaklumkan kelak. Sehubungan itu, KDN berpendapat tindakan penetapan kaedah perolehan dan pelaksanaan projek telah dibuat dengan teratur.

Perubahan kaedah perolehan dan pelaksanaan projek daripada Tender Terhad kepada Rundingan Terus (Reka Dan Bina) seperti mana kelulusan MOF, telah dibuat selaras dengan objektif Kementerian untuk memastikan projek dapat dimulakan dengan segera. Ini kerana pada dasarnya sebahagian besar reka bentuk projek telah pun dibuat oleh perunding sedia ada dalam Projek Fasa I. Pada hakikatnya, lukisan master pelan keseluruhan projek juga telah disediakan sebelum pelaksanaan Projek Fasa I dan Fasa II lagi, namun terpaksa dilaksanakan secara berfasa ekoran kekurangan peruntukan pada masa itu.

Tindakan awal JKR yang merancang dan meneruskan rundingan berhubung reka bentuk dengan perunding Fasa I pula dilihat sebagai usaha menyegerakan proses perolehan dan seterusnya memastikan projek dapat dilaksanakan dengan mengguna pakai sumber dan kepakaran perunding sedia ada.

Tambahan lagi, pihak ITTSB melalui suratnya juga telah mengesahkan bahawa reka bentuk terperinci skop keseluruhan penjara telah disiapkan dan kerja-kerja pembinaan boleh dimulakan pada bila-bila masa. Ini memberi gambaran kepada KDN bahawa kerja perundingan perancangan projek (bagi tujuan penyediaan dokumen tender) sebenarnya telah siap disediakan semasa perancangan Projek Fasa I dan perkhidmatan perunding berkenaan akan diteruskan dalam pelaksanaan Projek Fasa II.

Walau bagaimanapun, KDN akur dengan tindakan ITTSB yang menggugurkan khidmat perunding berkaitan untuk pelaksanaan Projek Fasa II dan ia adalah di luar bidang kuasa serta kawalan pihak Kerajaan (KDN dan JKR). Tindakan tersebut telah menyebabkan perunding berkenaan membuat tuntutan atas kerja yang telah dilaksanakan di luar kontrak Projek Fasa I mahupun Projek Fasa II.

Justeru, KDN mengambil maklum dan bersetuju dengan tindakan proaktif JKR dalam mengadakan perbincangan awal dengan pihak perunding selaras dengan keputusan terdahulu untuk melaksanakan projek secara Tender Terhad. Arahan supaya projek ini dilaksanakan secara Rundingan Terus (Reka Dan Bina) merupakan titik tolak (turning point) kepada perubahan kaedah pelaksanaan projek tersebut yang menyebabkan JKR terpaksa menarik balik proses pelantikan perunding bagi melaksanakan projek secara konvensional. Permohonan KDN ke MOF pula telah dibuat dengan dorongan faktor kesegeraan, dengan menjangkakan bahawa kontraktor ITTSB mengekalkan barisan perunding yang sama seperti mana Projek Fasa I.

18.5.3. Penyerahan Projek Fasa I

18.5.3.1. Semakan Audit mendapati pihak JPM telah menyerahkan keseluruhan aset dan peralatan Projek Fasa I pada 31 Julai 2013 seperti peralatan elektrik, kamera CCTV, penyaman udara, peralatan ICT dan peralatan dapur kepada kontraktor utama. Tujuan penyerahan ini bagi memudahkan kerja pembinaan dijalankan oleh kontraktor tanpa perlu kawalan keselamatan daripada pihak JPM. Berdasarkan kontrak perjanjian, tempoh tanggungan kecacatan bagi skop kerja ESS Projek Fasa I telah dilanjutkan daripada 24 bulan kepada 54 bulan iaitu sehingga tamat tempoh tanggungan kecacatan Projek Fasa II.

18.5.3.2. Semakan Audit terhadap dokumen serahan Projek Fasa I mendapati senarai aset, peralatan dan struktur bangunan telah disediakan. Bagaimanapun, perincian berkenaan dengan tanggungjawab penyenggaraan dan pembaikan dalam tempoh pelaksanaan Projek Fasa II tidak dinyatakan. Pemeriksaan Audit pada bulan September 2015 mendapati secara keseluruhannya aset dan peralatan masih berada di lokasinya dan pihak kontraktor telah mengambil langkah kawalan keselamatan terhadapnya seperti memastikan pintu tempat ia ditempatkan berkunci dan selamat daripada kecurian. **Namun begitu, kebolehgunaan aset dan peralatan ini tidak dapat dipastikan kerana terdapat aset dan peralatan yang tidak digunakan sejak tahun 2011**. Selain itu, terdapat juga struktur bangunan yang telah rosak dan perlu pembaikan segera supaya ia dapat digunakan selepas Projek Fasa II siap. Maklumat terperinci adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 18.3
STRUKTUR BANGUNAN PROJEK FASA I YANG MENGALAMI KEROSAKAN

STRUKTUR BAHAGIAN	KEADAAN SEMASA LAWATAN AUDIT
Permukaan jalan masuk ke kawasan pembinaan	Turapan jalan di jalan masuk ke tapak projek mengalami kerosakan seperti **Gambar 18.1**
Bangunan Pentadbiran	- Jubin lantai Aras 1 telah retak seperti **Gambar 18.3** - Siling luar di pintu keselamatan pecah seperti **Gambar 18.5**
Blok Penempatan Banduan	Bumbung blok penempatan banduan bocor seperti **Gambar 18.7**
Peralatan Dapur	Tidak digunakan sejak tahun 2011 dan telah berkarat seperti **Gambar 18.9**
Tandas	Pintu tandas rosak seperti **Gambar 18.11**

Sumber : Hasil Lawatan Audit

SEBELUM

GAMBAR 18.1

Pintu Masuk Penjara Reman (Tegar) Johor Bahru
- Terdapat Kerosakan Pada Permukaan Jalan Masuk Ke Kompleks Penjara
(08.09.2015)

SELEPAS

GAMBAR 18.2

Pintu Masuk Penjara Reman (Tegar) Johor Bahru
- Telah Dibaiki
(08.01.2016)

SEBELUM

GAMBAR 18.3

Pejabat Pentadbiran Fasa I
- Jubin Lantai Di Pejabat Pentadbiran Dan Kewangan Aras 1 Merekah Dan Tertanggal
(08.09.2015)

SELEPAS

GAMBAR 18.4



Pejabat Pentadbiran Fasa I
- Telah Dibaiki
(08.01.2016)

SEBELUM

GAMBAR 18.5

Pejabat Pentadbiran Fasa I
- Siling Luar Di Pintu Keselamatan Pecah
(08.09.2015)

SELEPAS

GAMBAR 18.6

Pejabat Pentadbiran Fasa I
- Telah Dibaiki
(08.01.2016)

SEBELUM

GAMBAR 18.7



Blok Penempatan Banduan Fasa I
- Bumbung Blok Penempatan Banduan Bocor
(08.09.2015)

SELEPAS

GAMBAR 18.8

Blok Penempatan Banduan Fasa I
- Telah Dibaiki
(08.01.2016)

SEBELUM

GAMBAR 18.9

Blok Dapur (Fasa I Dan II)
- Berlaku Pengaratan Pada Peralatan Kelengkapan Dapur
(03.09.2015)

SELEPAS

GAMBAR 18.10

Blok Dapur (Fasa I Dan II)
- Telah Dibaiki
(08.01.2016)

SEBELUM

GAMBAR 18.11

Pejabat Pentadbiran Fasa I
- Pintu Tandas Lelaki Aras Bawah Rosak
(08.09.2015)

SELEPAS

GAMBAR 18.12

Pejabat Pentadbiran Fasa I
- Telah Dibaiki
(08.01.2016)

Pada pendapat Audit, pihak JPM menghadapi risiko kebolehgunaan aset dan peralatan Projek Fasa I kerana terdapat aset dan peralatan yang tidak digunakan sejak tahun 2011.

Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 16 Mac 2016

Semua teguran Audit telah diambil tindakan pembaikan. Pihak JKR juga akan memantau serta memastikan pihak kontraktor melaksanakan kerja pembaikan ke atas kecacatan dan kerosakan peralatan serta kelengkapan bagi Projek Fasa I sebelum penyerahan Projek Fasa II kepada pihak pelanggan seperti yang dijanjikan oleh pihak kontraktor.

18.5.4. Pentadbiran Kontrak

Bagi memastikan pembinaan sesuatu projek mencapai piawaian serta kualiti yang ditetapkan, pentadbiran kontrak hendaklah dilaksanakan dengan mengikut peraturan dan syarat-syarat kontrak yang ditetapkan. Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Perolehan Kerajaan 2 Lampiran 2.26 – Garis Panduan Perolehan dan Pengurusan Projek Secara Reka Dan Bina (1PP – PK2 Lampiran 2.26), semakan Audit terhadap pengurusan pentadbiran kontrak Projek Fasa II yang meliputi perjanjian kontrak, bayaran pendahuluan, wang jaminan pelaksanaan dan

bon pelaksanaan, polisi insurans, bayaran kemajuan dan *Industrialised Building System* telah dilaksanakan mengikut peraturan dan syarat kontrak yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, aspek pentadbiran kontrak telah diuruskan dengan teratur mengikut peraturan yang ditetapkan.

18.5.5. Kualiti Pembinaan

Setiap kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan dengan kemas dan pada tahap piawaian yang diterima pakai supaya bangunan yang dibina boleh digunakan secara optimum, selamat dan kondusif. Semakan Audit berkaitan aspek kualiti pembinaan mendapati proses kelulusan bahan telah dipatuhi, ujian tahap kualiti proses pembinaan projek telah dilaksanakan serta lukisan pembinaan kerja sivil dan struktur telah disahkan oleh pemeriksa bebas. Bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang perlu diambil tindakan pembaikan awal oleh pihak kontraktor sebelum tarikh siap Projek Fasa II mengikut jadual iaitu pada bulan Januari 2016. Perkara yang perlu diambil tindakan penambahbaikan oleh kontraktor adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 18.4
PERKARA YANG PERLU DIAMBIL TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN OLEH KONTRAKTOR

BIL.	LOKASI	HASIL LAWATAN AUDIT
1.	Berek Bujang	- Tiada *point* lampu disediakan di balkoni berek bujang yang akan mengakibatkan kurang pencahayaan pada waktu malam seperti **Gambar 18.13** - Penyambungan pada *earth electrode* tidak menggunakan kaedah *exothermic welding*, hanya diikat menggunakan kabel seperti **Gambar 18.15** - Pintu bilik air tidak boleh ditutup seperti **Gambar 18.17**
2.	Berek Bujang Fasa II	Lubang laluan air di serambi di unit aras 2 tinggi menyebabkan air bertakung seperti **Gambar 18.19**
3.	Blok Dobi	Lubang laluan air tinggi menyebabkan air bertakung seperti **Gambar 18.21**
4.	Blok Pembangunan Insan	Pagar *anti climb* melengkung seperti **Gambar 18.23**

Sumber : Hasil Lawatan Audit Pada 3 September 201

SEBELUM

GAMBAR 18.13

Blok Berek Bujang
- Tiada Lampu Di Seluruh Kawasan Balkoni Berek Bujang
(03.09.2015)

SELEPAS

GAMBAR 18.14

Blok Berek Bujang
- Kontraktor Telah Membuat 'Mock Up' Pemasangan Lampu Di Balkoni Salah Satu Unit. JKR Akan Memastikan Keseluruhan Balkoni Disediakan Lampu Balkoni
(03.09.2015)

SEBELUM

GAMBAR 18.15

Blok Berek Bujang
- Penyambungan Pada Earth Electrode Tidak Menggunakan Kaedah Exothermic Welding, Hanya Diikat Menggunakan Kabel
(03.09.2015)

SELEPAS

GAMBAR 18.16

Blok Berek Bujang
- Pada Tarikh Lawatan Audit 03.09.2015 Kerja Penyambungan Belum Siap Sepenuhnya Dan Status Terkini Kerja Telah Disiapkan
(08.01.2016)

SEBELUM

GAMBAR 18.17



Blok Berek Bujang
- Pintu Bilik Air Tidak Boleh Ditutup
(08.09.2015)

SELEPAS

GAMBAR 18.18



Blok Berek Bujang
- Telah Dibaiki
(08.01.2016)

SEBELUM

GAMBAR 18.19

Berek Bujang
- Lubang Laluan Air Di Serambi Di Unit Aras 2 Tinggi Menyebabkan Air Bertakung
(08.09.2015)

SELEPAS

GAMBAR 18.20

Berek Bujang
- Telah Dibaiki
(08.01.2016)

SEBELUM

GAMBAR 18.21

Blok Dobi
- Lubang Laluan Air Tinggi Menyebabkan Air Bertakung
(08.09.2015)

SELEPAS

GAMBAR 18.22

Blok Dobi
- Telah Dibaiki
(08.01.2016)

SEBELUM

GAMBAR 18.23

Blok Pembangunan Insan
- Pagar Anti Climb Melengkung
(08.09.2015)

SELEPAS

GAMBAR 18.24

Blok Pembangunan Insan
- Telah Dibaiki
(08.01.2016)

Pada pendapat Audit, kualiti kerja pembinaan oleh pihak kontraktor secara keseluruhannya adalah memuaskan.

Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 3 Februari 2016

Semua teguran Audit telah diambil tindakan pembaikan.

18.5.6. Pemantauan

Pemantauan terhadap kerja pembinaan hendaklah sentiasa dilakukan secara berterusan bagi memastikan kerja yang dilaksanakan mengikut skop dan spesifikasi kerja serta disiapkan dalam masa yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati pihak JKR telah mewujudkan mekanisme pemantauan terhadap Projek Fasa II. Antara mekanisme pemantauan yang telah dilaksanakan adalah mengadakan mesyuarat tapak, mesyuarat teknikal, pemantauan terhadap *Non Conformance Report* (NCR) dan pemantauan terhadap aspek keselamatan serta alam sekitar.

Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 3 Februari 2016

Semua NCR tersebut telah diambil tindakan dan ditutup. Pihak JKR telah memantau perkara tersebut dengan rapi. Sehingga kini semua aspek keselamatan dan aspek alam sekitar dipatuhi dengan baik.

Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan yang berkesan telah diwujudkan oleh pihak JKR bagi memastikan kualiti pembinaan dan projek dapat disiapkan mengikut masa yang ditetapkan.

18.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan Projek Pembinaan Penjara Reman (Tegar) Johor Bahru Fasa II dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan meningkatkan lagi kecekapan serta keberkesanan pengurusan projek lain pada masa akan datang, adalah disyorkan pihak KDN/JKR mengambil tindakan seperti yang berikut:

18.6.1. KDN/JKR perlu memastikan kaedah perolehan projek dimuktamadkan sebelum memulakan sesuatu proses pelantikan kontraktor/perunding; dan

18.6.2. JKR perlu memastikan sesi pengujian dan pentauliahan dilaksanakan oleh pihak kontraktor terhadap aset dan peralatan Projek Fasa I yang tidak digunakan sejak tahun 2011 sebelum penyerahan siap Projek Fasa II.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

19. JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA
- PELAKSANAAN SISTEM IMIGRESEN MALAYSIA (myIMMs)

19.1. LATAR BELAKANG

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) adalah salah sebuah agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang bertanggungjawab ke atas pengeluaran dokumen perjalanan dan kawalan pergerakan keluar/masuk warganegara dan warga asing dari/ke Malaysia.

19.1.1. myIMMs

MyIMMs adalah sistem teknologi maklumat JIM yang dibangunkan bagi menyokong operasi JIM dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada orang awam, agensi luar dan *stakeholders.* MyIMMs merangkumi 3 komponen utama iaitu aplikasi, rangkaian dan pusat data. Ketiga-tiga komponen ini membolehkan pengguna melaksanakan proses kemasukan, pemprosesan, pengesahan, penghantaran dan penyimpanan maklumat dari pejabat Imigresen ke pangkalan data dan sebaliknya. Ketiga-tiga komponen utama myIMMs ini dipasang di semua pejabat Imigresen di seluruh negara, semua Pejabat Atase Imigresen di luar negara dan juga boleh diakses oleh agensi luar. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), telah meluluskan pelantikan HeiTech Padu Berhad **secara rundingan terus** bagi kontrak myIMMs bernilai RM29.9 juta. Kontrak telah ditandatangani pada 1 November 2010 di antara Kerajaan dengan HeiTech Padu Berhad bagi tempoh satu tahun mulai 1 Mac 2010 hingga 28 Februari 2011.

19.1.2. Komponen kos Projek myIMMs adalah seperti **Jadual 19.1** berikut:

JADUAL 19.1
KOMPONEN DAN KOS KONTRAK PELAKSANAAN PERALIHAN myIMMs

BIL.	PERKARA	KOS (RM Juta)
1.	Perkhidmatan Aplikasi – Kos Pembekalan, Pembangunan dan Perundingan myIMMs	6.00
2.	Perkhidmatan Pusat Data – Kos Pembekalan & Perundingan Menaik Taraf Perkakasan dan Sistem Kerangka Utama Pusat Data	11.70
3.	Perkhidmatan Pemulihan Bencana – Kos Langganan Perkhidmatan dan Fasiliti	1.90
4.	Perkhidmatan *Automated Fingerprint Identification System* (AFIS)	10.30
JUMLAH		**29.90**

Sumber: Perjanjian Pelaksanaan Peralihan Sistem Imigresen Malaysia (SIM), JIM

19.1.3. MyIMMs meliputi 2 jenis pembangunan aplikasi seperti jadual berikut:

JADUAL 19.2
JENIS PEMBANGUNAN myIMMs

JENIS PEMBANGUNAN	SISTEM	MODUL	
Penaiktarafan	i. Sistem Kawalan Imigresen	• Periksa Masuk dan Keluar Warganegara • Periksa Masuk dan Keluar Penduduk Tetap • Periksa Masuk dan Keluar Pelawat Asing • Periksa Masuk dan Keluar Anak Kapal Warganegara • Periksa Masuk dan Keluar Anak Kapal Penduduk Tetap • Periksa Masuk dan Keluar Anak Kapal Pelawat Asing	• Periksa Masuk dan Keluar Tentera Asing • Penyelenggaraan Notis Tolak Kemasukan (NTL – *Not to Land*) • Penyelenggaraan Memo Periksa Keluar • Pengeluaran VOA (*Visa on Arrival*) dan *Visa Granted on Arrival* • Pertanyaan • Statistik dan Laporan • Modul Kemasukan Maklumat Kad IMM26
	ii. Sistem Kutipan Hasil	-	
	iii. Sistem Keselamatan	-	
	iv. Sistem Pasport dan Dokumen Perjalanan	-	
	v. Sistem Permit Masuk dan Sijil Perakuan Taraf	-	
	vi. Sistem Kawalan Stok	-	
Baru	i. Sistem Visa Pas	• Modul Visa Pas • Modul Pekerja Asing	• Modul Pegawai Dagang • Modul Pengurusan Pekerja Asing
	ii. Sistem Penguatkuasaan Bersepadu	• Modul Penguatkuasaan • Modul PATI Depoh	• Modul PATI Sabah • Modul Penguatkuasaan Mudah Alih
	iii. Sistem Aplikasi eServices	• Pengurusan Kembara Kerap • Sistem Penguatkuasaan Bersepadu Mudah-alih • Sistem Pasport dan Dokumen Perjalanan	• Visa Pas • Pertanyaan • ePayment
	iv. Agensi *Link-up*	• Internet • Portal Pusat Sehenti	• Portal Pertanyaan • Extranet
	v. Kemudahan Biometrik	-	
	vi. Sistem Pengurusan Maklumat Bersepadu (MIS)	-	
	vii. Kemudahan Biometrik	• Sistem PATI • Sistem Penguatkuasaan • Sistem Kawalan • Sistem Pengembara Kerap • Sistem Kawalan Imigresen Malaysia (IMM) – Pendaftaran maklumat biometrik bagi pengembara tetap	• Sistem Kawalan IMM – Pendaftaran maklumat biometrik bagi pekerja asing dan majikan

Sumber: Perjanjian Pelaksanaan Peralihan SIM, JIM

19.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dilaksanakan untuk menilai sama ada pengurusan dan pelaksanaan myIMMs telah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

19.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan myIMMs bagi tempoh tahun 2011 hingga 2014. Aplikasi yang dipilih untuk diaudit adalah Modul Visa Pas, Modul Pekerja Asing, Modul Pengurusan Pekerja Asing, Sistem Kawalan Imigresen, dan Kemudahan Biometrik. Pemeriksaan Audit telah dijalankan di Ibu Pejabat JIM, Putrajaya serta 6 Pejabat Cawangan JIM iaitu Johor Bahru, Shah Alam, Kuching, Seberang Prai, Tawau dan Sandakan yang dipilih merupakan pintu masuk/keluar utama Malaysia bagi warganegara asing, warganegara dan penduduk tetap. Pengauditan juga telah dilaksanakan di pejabat Atase JIM di Jakarta, Indonesia; Dhaka, Bangladesh; dan Kathmandu, Nepal yang merupakan negara sumber pekerja asing tertinggi bagi menilai pengurusan pengeluaran Visa Dengan Rujukan (VDR) melalui myIMMs kepada pekerja asing dari negara tersebut untuk memasuki Malaysia.

19.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan meliputi semakan terhadap rekod dan dokumen berkaitan pengurusan perjanjian, pembangunan sistem, pengendalian dan pemantauan terhadap perubahan sistem, *walkthrough* sistem, temu bual dengan pegawai yang berkenaan, analisis terhadap data myIMMs mengikut skop pengauditan, dan pemeriksaan fizikal terhadap peralatan/aset di lokasi yang mengguna pakai myIMMs. *Exit Conference* bersama Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Ketua Pengarah Imigresen Malaysia serta Setiausaha Bahagian Audit Dalam KDN telah diadakan pada 10 Mac 2016. Wakil daripada MOF, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jabatan Peguam Negara turut hadir dalam mesyuarat ini.

19.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang telah dijalankan di Ibu Pejabat JIM Putrajaya; 6 Pejabat Cawangan JIM (Johor Bahru, Shah Alam, Kuching, Seberang Prai, Tawau dan Sandakan) serta pejabat Atase JIM di Jakarta, Indonesia; Dhaka, Bangladesh; dan Kathmandu, Nepal antara bulan April hingga November 2015, mendapati secara keseluruhannya pengurusan myIMMs adalah kurang memuaskan dari aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan yang boleh menjejaskan pencapaian objektif yang telah ditetapkan. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti yang berikut:

a. Pengurusan Kontrak

i. tempoh Perjanjian lebih awal dari kelulusan rundingan terus Kementerian Kewangan Malaysia dan pengeluaran Surat Setuju Terima (SST); dan

ii. pembayaran sejumlah RM22.64 juta tidak disokong dengan dokumen yang lengkap.

b. Pelaksanaan Projek myIMMs

i. sistem dan peralatan biometrik bernilai RM10.30 juta tidak dipasang dan digunakan tetapi bayaran penuh telah dibuat;

ii. 3 daripada 7 sistem permohonan dan pembayaran Visa dan Pas yang terdapat di dalam sistem aplikasi *eServices* tidak diguna pakai;

iii. agensi *Link-Up* tidak dipasang sepenuhnya tetapi bayaran penuh telah dibuat;

iv. Ujian Penerimaan Pengguna (UAT) dan Ujian Penerimaan Sementara (PAT) tidak dibuat secara menyeluruh seperti yang ditetapkan dalam perjanjian;

v. Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan (BCP) tidak memuaskan walaupun bayaran penuh dibuat; dan

vi. data myIMMs kurang tepat dan integriti data diragui.

c. Pengurusan Pekerja Asing

Pengurusan permohonan pekerja asing tidak memuaskan dan tidak mematuhi dasar atau peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Penjelasan lanjut mengenai penemuan Audit serta maklum balas KDN dan JIM adalah seperti perenggan berikut:

19.5.1. Prestasi Projek

19.5.1.1. Pencapaian Fizikal

Mengikut perjanjian, myIMMs hendaklah disiapkan dalam tempoh 1 tahun iaitu mulai 1 Mac 2010 hingga 28 Februari 2011. Bagaimanapun, pelanjutan masa telah diluluskan oleh MOF selama 3 bulan sehingga 31 Mei 2011. Namun sehingga 31 Mei 2011, prestasi pelaksanaan projek adalah sebanyak 96% sahaja. Tarikh sebenar projek siap adalah pada 13 Julai 2012 seperti *Final Acceptance Test* (FAT).

Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 12 Mac 2016

Projek myIMMs telah selesai sepenuhnya pada 13 Julai 2012. Punca kelewatan adalah:

- ***Kerja-kerja pembangunan hanya dapat dilaksanakan dalam tempoh 9 bulan sahaja sedangkan tempoh pembangunan adalah selama setahun;***
- ***Sistem Pengurusan Hasil, Sistem Pengurusan Stok dan Sistem Pengurusan ID Pengguna perlu dibangunkan semula bersesuaian dengan keperluan baru (pembangunan Sistem Visa);***
- ***Sistem Penguatkuasaan dan Depot telah diputuskan untuk dibuat pembangunan semula keseluruhannya menggunakan platform yang baru;***
- ***Syarikat mengambil masa yang lama untuk membuat migrasi data dari Sistem Visa Pas (SVP) yang dibangunkan oleh Guthrie Technologies Sdn. Bhd. kerana tidak ada sebarang dokumen sokongan yang boleh dirujuk;***

- ***Memberi laluan kepada pembangunan Sistem 6P (26.01.2011 sehingga 02.05.2012) dan integrasi dengan Sistem Kawalan Pintu Masuk dan Sistem Pekerja Asing di bawah myIMMs. Semua pintu masuk sebanyak 85 lokasi telah dipasang dengan Sistem Kawalan Pintu Masuk berintegrasi dengan Sistem Biometrik pada 1 Jun 2011;***
- ***Perubahan proses kerja yang banyak secara langsung perlu perubahan kepada sistem;***
- ***Proses migrasi data dari database Oracle ke DB2 hanya bermula pada Januari 2011 dan mengambil masa terlalu lama; dan***
- ***Data Sistem Visa Pas lama tidak berpusat dan jumlah table (fields melebihi 400).***

Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek ini gagal disiapkan dalam tempoh kontrak dan lanjutan masa disebabkan perancangan tidak dibuat dengan teliti sebelum memulakan projek.

19.5.1.2. Pencapaian Kewangan

Sejumlah RM21.24 juta (71.04%) daripada RM29.9 juta telah dibelanjakan sehingga 31 Mei 2011 manakala baki peruntukan sejumlah RM8.66 juta telah dibelanjakan sepenuhnya selepas tempoh pelanjutan perjanjian tamat iaitu antara bulan Ogos 2011 hingga Januari 2013.

Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 1 April 2016

Mulai 1 Jun 2011, syarikat telah dikenakan LAD kerana tidak dapat menyiapkan projek dalam tempoh masa yang ditetapkan. Pembayaran yang dibuat selepas 31 Mei 2011 tidak dibuat sepenuhnya setelah mengambil kira denda LAD sejumlah RM1,675,218.94 atas kelewatan menyiapkan projek.

19.5.2. Pengurusan Projek

Berdasarkan Panduan Pelaksanaan Pengurusan Projek ICT Sektor Awam yang dikeluarkan oleh MAMPU, pengurusan projek adalah satu pengurusan proses dan prosedur, sumber serta tahap kualiti dalam satu tempoh masa yang ditetapkan bagi menghasilkan satu atau lebih produk ICT. Semakan Audit mendapati struktur tadbir urus utama telah ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Pemandu Projek dan Jawatankuasa Teknikal Projek serta satu pasukan projek. Bagaimanapun, proses perolehan myIMMs telah dibuat sebelum mendapat kelulusan JTICT MAMPU dan kertas makluman tidak dikemukakan kepada JTICT MAMPU untuk pandangan teknikal mengenai komponen ICT.

Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 12 Mac 2016

Sistem pengkomputeran JIM adalah amat kritikal dan merupakan nadi utama Jabatan dalam memastikan semua fungsi utamanya berjalan dengan lancar terutamanya dalam mengawal pintu masuk Negara. Sehubungan itu, lanjutan daripada penamatan kontrak SIM yang gagal disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, MyIMMs yang dibangunkan oleh HeiTech Padu Berhad terpaksa roll back dengan kadar segera sebagai sistem penyelamat bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan dapat diteruskan dan mencegah krisis peringkat nasional bagi menjaga imej Negara.

Permohonan kelulusan MOF bagi pelaksanaan myIMMs dan permohonan rundingan terus telah diambil maklum oleh Mesyuarat Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK) Bil. 3 tahun 2009 bertarikh 30 November 2009. Permohonan tersebut dibuat selepas spesifikasi teknikal diluluskan oleh JPICT KDN dan semakan oleh PPICT, MAMPU pada 10 September 2009. Selain itu, Mesyuarat JITIK Bil. 1 tahun 2010 bertarikh 5 Mac 2010 juga telah mengambil maklum bahawa MOF telah meluluskan permohonan untuk melaksanakan myIMMs dengan Syarikat HeiTech Padu Berhad dengan anggaran kos RM30 juta melalui surat MOF bertarikh 28 Disember 2009.

19.5.3. Pengurusan Perjanjian

19.5.3.1. Tempoh Perjanjian

Mengikut Para 47.1 Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menyatakan tarikh kuat kuasa kontrak hendaklah dinyatakan sebagai tarikh SST ditandatangani oleh petender yang berjaya. Semakan Audit mendapati tempoh perjanjian lebih awal dari kelulusan rundingan terus MOF dan pengeluaran SST. Perjanjian telah ditandatangani pada 1 November 2010 bagi tempoh satu (1) tahun bermula 1 Mac 2010 hingga 28 Februari 2011. Bagaimanapun, MOF hanya memberi kelulusan pada 5 Mei 2010 dan SST dikeluarkan pada 11 Mei 2010 oleh KDN. Kelewatan ini menyebabkan kontraktor lambat memulakan pelaksanaan projek selama 3 bulan.

Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 12 Mac 2016

Kementerian Kewangan Malaysia telah meluluskan perolehan myIMMs secara rundingan terus dengan HeiTech Padu Berhad (HTP) melalui surat S/K.KEW/PK/M/210/000000/110/143 JLD 2 SJ 9.1 (12) bertarikh 28 Disember 2009. Oleh itu, perjanjian perolehan myIMMs yang telah ditandatangani bersama pihak Syarikat bagi tempoh 1 Mac 2010 hingga 28 Februari 2011 adalah dimeterai selepas mendapat keputusan Kementerian Kewangan Malaysia tersebut.

Perolehan Projek myIMMs merupakan kesinambungan kepada Projek Pembangunan Semula (SIM) oleh Multimedia Glory Systems Sdn. Bhd. (MGSSB) yang ditamatkan kerana gagal menyempurnakan projek SIM. Oleh itu, bagi

mengurangkan implikasi kesan penamatan kontrak Syarikat tersebut, projek mylMMs telah dilaksanakan secara segera berikutan terdapat keperluan yang amat mendesak terhadap isu keselamatan Negara. Tindakan segera terhadap pelaksanaan projek ini diperlukan bagi mengelakkan Negara terdedah kepada ancaman keselamatan terutama dalam mengawal kemasukan pelawat di pintu-pintu masuk Negara gagal secara keseluruhannya berikutan ketiadaan sistem pengkomputeran.

Pada pendapat Audit, KDN tidak membuat semakan semula terhadap tempoh kuat kuasa kontrak setelah kelulusan MOF diperolehi menyebabkan tempoh kontrak tidak diselaraskan.

19.5.3.2. Pembayaran Tanpa Dokumen Sokongan Yang Lengkap

Arahan Perbendaharaan (AP) 99(a) dan klausa 8(b) perjanjian menghendaki semua baucar bayaran disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap. Semakan Audit mendapati, 18 baucar bernilai RM22.64 juta tidak disokong dengan dokumen yang lengkap seperti yang telah dinyatakan dalam perjanjian. Antara dokumen yang tidak disertakan seperti Laporan Ujian Penerimaan Pengguna (UAT), Laporan Ujian Penerimaan Sementara (PAT), Laporan Ujian Penerimaan Akhir (FAT), Surat Akuan Penerimaan Akhir, Laporan *System Integration Test* (SIT), Dokumen Spesifikasi Keperluan Sistem, Dokumen *System Study, Database Design, Entity Relation Diagram*, *source code* dan sebagainya.

Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 12 Mac 2016

Pembayaran dibuat berdasarkan pengesahan perkhidmatan yang telah dilaksanakan. Dokumen sokongan yang berkaitan dengan setiap pembayaran ada disertakan.

Pada pendapat Audit, pembayaran yang telah dibuat adalah tidak sempurna kerana tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap dan tidak mematuhi terma kontrak dan peraturan kewangan sedia ada. Ini merupakan pembayaran tidak wajar (improper payment) yang boleh menyebabkan kerugian kepada Kerajaan.

19.5.3.3. Kemudahan Biometrik

Mengikut Klausa 3.6, Jadual 3A Perjanjian, kontraktor dikehendaki membangunkan kemudahan biometrik yang menepati piawaian antarabangsa bagi menyokong keperluan JIM membuat penyaringan dan pengesahan identiti warga asing dan warganegara Malaysia. Kemudahan biometrik digunakan dalam sistem-sistem JIM seperti Sistem Pati, Sistem Penguatkuasaan, Sistem

Kawalan, Sistem Pengembara Kerap, Sistem Kawalan IMM - Pendaftaran maklumat biometrik bagi pengembara kerap dan Sistem Kawalan IMM - Pendaftaran maklumat biometrik bagi pekerja asing dan majikan.

Semakan Audit mendapati, kemudahan biometrik myIMMs bernilai RM10.3 juta telah dibekalkan dan dibayar tetapi tidak dipasang dan diguna pakai di pintu-pintu masuk negara bagi tujuan penyaringan dan pengesahan identiti warga asing dan juga warganegara Malaysia. Sebaliknya semasa lawatan fizikal Audit mendapati kemudahan biometrik yang telah dipasang dan diguna pakai adalah *National Enforcement And Registration Biometric System* (NERS) yang telah dibangunkan oleh Nexbis Sdn. Bhd. di bawah perjanjian konsesi bernilai RM912 juta yang telah ditandatangani pada 20 Julai 2011 dan mula diguna pakai di pintu-pintu masuk negara pada 1 Jun 2011. Peralatan pengimbas cap jari NERS yang diguna pakai di pintu keluar/masuk adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 19.1

Pintu Keluar/Masuk Stulang Laut,
Jabatan Imigresen Johor, Johor Bahru, Johor
- Pengimbas Cap Jari Di Pintu Keluar/Masuk
(13.10.2015)

Mengikut maklumat yang diberi oleh pihak Bahagian Teknologi Maklumat dan Rekod (BTMR), JIM, perkakasan berkaitan iaitu pengimbas cap jari telah diagihkan ke semua Depot tahanan di seluruh negara tetapi tidak digunakan dan tidak ada rekod agihan dalam simpanan JIM. Semakan Audit ke Pusat Data JIM di Putrajaya mendapati *server* kemudahan biometrik yang ditempatkan di Pusat Data tersebut tidak digunakan. Gambar *server* biometrik adalah seperti yang berikut:

GAMBAR 19.2

Pusat Data JIM, Putrajaya
- Server Kemudahan Biometrik Yang Tidak Digunakan
(30.12.2015)

Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 1 April 2016

Mesyuarat Biometrik Warga Asing Melalui Nexbis Sdn. Bhd. bertarikh 16 Ogos 2010 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri telah memutuskan bahawa Nexbis dibenarkan menggunakan mana-mana teknologi selain daripada sistem Sagem Morpho yang dibangunkan dalam mylMMs bagi pengambilan biometrik menggunakan teknologi dermalog.

Server Biometrik Sagem akan digunakan untuk pembangunan aplikasi dalaman seperti Sistem E-Kursus, Sistem Pergerakan Kakitangan mulai 2 Mei 2016.

Pengimbas cap jari telah diagihkan kepada cawangan melalui surat no. Rujukan IM.101/HQ-D/1122/26 (41) bertarikh 16.11.2011 sebanyak 24 unit sagem reader telah digunakan di cawangan JIM untuk urus niaga pasport manakala 90 unit akan digunakan untuk pelaksanaan UIDM Versi 2 yang dijangka siap pada bulan Ogos 2016.

Pada pendapat Audit, perolehan kemudahan biometrik bernilai RM10.3 juta dalam perjanjian ini adalah satu pembaziran kepada Kerajaan kerana tidak digunakan walaupun sudah dibayar dan dibekalkan sepenuhnya oleh kontraktor. Bagaimanapun, pihak JIM tidak dapat mengemukakan bukti pengagihan peralatan pengimbas cap jari semasa lawatan Audit dijalankan. Pembaziran tersebut dapat dielakkan sekiranya klausa perolehan kemudahan biometrik digugurkan apabila KDN merancang untuk membuat perolehan sistem biometrik NERS.

19.5.3.4. Sistem Aplikasi *eServices*

Mengikut klausa 3.3.1.4 Visa Pas, Jadual 3A Perjanjian, kontraktor dikehendaki membangunkan sistem yang menyediakan kemudahan membuat permohonan dan pembayaran Visa dan Pas yang terpilih secara atas talian bagi memenuhi keperluan orang awam yang sentiasa berurusan dengan pihak IMM.

Semakan Audit mendapati, 7 sistem permohonan dan pembayaran Visa dan Pas di atas talian telah dibangunkan. Bagaimanapun, 3 sistem iaitu Permohonan Pas Pelajar, Permohonan Pekerja Asing dan Permohonan Pas Penggajian tidak diguna pakai oleh pihak JIM kerana diganti dengan sistem lain iaitu Pas Pelajar - *Education Malaysia Global Services* (EMGS), permohonan lanjutan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) pekerja asing - MyEG Services Bhd. dan Permohonan Pas Penggajian - TalentCorp Malaysia. Oleh itu, pelanggan-pelanggan JIM yang ingin berurusan bagi permohonan ketiga-tiga pas tersebut terpaksa hadir ke kaunter di Pejabat JIM.

Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 12 Mac 2016

Kemudahan permohonan Pas Pelajar, permohonan Pekerja Asing dan permohonan Pas Penggajian secara atas talian telah dibangunkan di dalam Projek myIMMs. Bagaimanapun perubahan dasar telah menyebabkan pembangunan sistem baru oleh kontraktor-kontraktor seperti yang berikut:

- ***Pas Pelajar - Education Malaysia Global Services (EMGS). Pekeliling Bil. 10 Tahun 2014 Prosedur Pengurusan Pas Pelajar Di Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia (IPT) memaklumkan keputusan Kerajaan mengenai langkah-langkah penambahbaikan berhubung pemberian kemudahan Pas Pelajar kepada pelajar antarabangsa di Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia (IPT). Berdasarkan keputusan Kerajaan pada 11 Januari 2012, Education Malaysia Global Services (EMGS) telah ditubuhkan sebagai sebuah Syarikat Berhad Mengikut Jaminan sebagai Pusat Sehenti bagi menguruskan kemasukan pelajar antarabangsa. Klausa 6.1.3 menyatakan bahawa permohonan Pas Pelajar hendaklah dikemukakan oleh IPTS ke Pusat Sehenti EMGS dan IPTA ke Pejabat Imigresen Negeri. Pihak EMGS telah membangunkan sistem atas talian bagi menguruskan permohonan pelajar warga asing termasuk permohonan pas pelajar dan telah diguna pakai pada 1 Januari 2014.***
- ***Permohonan Lanjutan PLKS Pekerja Asing - MyEG Services Bhd. (MyEG) telah diberi kebenaran untuk melaksanakan Proof of Concept (POC) penyeragaman pembaharuan pas lawatan kerja sementara (PLKS) untuk semua sektor Pekerja Asing menerusi perkhidmatan atas talian melalui Surat Arahan KDN (No. Rujukan KDN(S) : 03/1122/1 Jld. 3 (10) bertarikh 17 November 2014). Menerusi POC ini, pihak MyEG telah mengambil alih tugas Imigresen dari segi permohonan pembaharuan PLKS di Semenanjung Malaysia yang selama ini dibuat di kaunter-kaunter Imigresen.***
- ***Permohonan Pas Penggajian - Melalui Memorandum Persefahaman antara Kerajaan Malaysia dan Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp), Expatriate telah mengiktiraf TalentCorp untuk menyelaras hal-hal dasar serta memantau pelaksanaan inisiatif-inisiatif berkaitan golongan ekspatriat secara lebih terancang dan teratur. Memorandum ini selaras dengan Keputusan Majlis Ekonomi bertarikh 26 Oktober 2010. Pelaksanaan permohonan pas penggajian menggantikan eServices sedia ada merupakan salah satu bidang kerjasama dalam memorandum tersebut di mana dengan mengenal pasti dan mengesyorkan langkah-langkah penambahbaikan serta menyelaras pelaksanaan kemudahan-kemudahan bagi golongan ekspatriat. Sistem atas talian yang dibangunkan oleh TalentCorp telah diguna pakai di Jabatan Imigresen Malaysia bermula pada 23 April 2012.***

Pada pendapat Audit, pembangunan 3 sistem atas talian dalam perjanjian adalah satu pembaziran kepada Kerajaan kerana tidak digunakan walaupun sudah dibangunkan dan dibayar.

19.5.3.5. *Agency Link - Up*

Mengikut perkara 3.4.1 di Jadual 3A Perjanjian berkaitan *Agency Link Up*, kontraktor dikehendaki menyediakan perkhidmatan *extranet* yang akan digunakan untuk memberikan perkhidmatan melalui Portal Aplikasi yang bertujuan memudahkan pertukaran maklumat Keselamatan, Pasport dan Visa Pas di antara pihak JIM dengan agensi-agensi Kerajaan yang terpilih.

Semakan Audit mendapati, myIMMs tidak mempunyai kemudahan *Agency Link-Up* dengan Jabatan Pendaftaran Negara bagi memeriksa kesahihan data dan status hidup/mati majikan. Ini disebabkan pengujian sistem tidak dibuat dengan teliti mengikut perjanjian. Ketiadaan kemudahan *Agency Link-Up* menyukarkan penyemakan maklumat majikan semasa permohonan diproses dan kelulusan dibuat tanpa penyemakan secara menyeluruh maklumat majikan dan atas dasar budi bicara pegawai. Keadaan ini boleh membuka ruang dan peluang penyalahgunaan permohonan/pembaharuan PLKS oleh majikan/pihak tertentu.

Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 12 Mac 2016

Projek myIMMs telah melaksanakan Agency Link-Up dengan semua agensi yang terlibat. Penyemakan pemohon pasport menggunakan Agency Link-up kepada JPN telah dilakukan sepenuhnya sejak tahun 2011. Walau bagaimanapun, tiada keperluan lagi untuk membuat semakan status hidup/mati majikan oleh agensi melalui integrasi JIM-JPN.

19.5.3.6. Pengujian

Klausa 22.1(a) dan 22.1(b) Perjanjian myIMMs, menghendaki kontraktor menjalankan Ujian Penerimaan Pengguna/*User Acceptance Test* (UAT), Ujian Penerimaan Sementara/*Provisional Acceptance Test* (PAT) dan Ujian Penerimaan Akhir/*Final Acceptance Test* (FAT) selepas komponen yang berkaitan siap dipasang dan sedia untuk pengujian.

a. Ujian Penerimaan Pengguna (UAT)

Berdasarkan klausa 22.2 kepada perjanjian, UAT hendaklah dijalankan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Semakan Audit mendapati perkara yang berikut:

i. Kontrak tidak menyatakan dengan jelas bilangan pegawai yang menjalankan UAT;

ii. UAT hanya dilaksanakan oleh satu atau 2 orang pegawai Imigresen sahaja bagi setiap modul dan tidak meliputi setiap peringkat pengguna yang terlibat dengan modul tersebut;

iii. SAP ditandatangani oleh Kerajaan dan kontraktor walaupun terdapat masalah dan cadangan penambahbaikan, tidak disahkan oleh pegawai Imigresen dan tanpa laporan UAT; dan

iv. Tiada bukti pihak kontraktor telah melaksanakan *stress test.*

Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 12 Mac 2016

Pengujian telah dilaksanakan dengan teliti dan meliputi setiap peringkat pengguna yang terlibat dengan modul tersebut. Ujian UAT melibatkan wakil BTMR dan pengguna-pengguna mengikut modul bagi bahagian yang berkaitan.

Pengesahan ujian UAT ditandatangani oleh wakil pengguna seperti yang ditetapkan dalam Sijil Penerimaan UAT. Penambahbaikan/pembetulan ada dilakukan selepas UAT dan akan disahkan semasa pelaksanaan sesi pilot melalui Dokumen Pengesahan (PAT). Penambahbaikan ke atas prosedur pengujian sistem akan dibuat secara berterusan tertakluk kepada perubahan polisi, dasar dan keperluan pengguna.

Stress Test telah dibuat berskala kecil bersekali dengan UAT.

Pada pendapat Audit, UAT yang dilaksanakan oleh satu atau 2 orang pegawai Imigresen bagi setiap modul tidak dapat memberi maklum balas berkenaan myIMMs secara komprehensif. Selain itu, tiada laporan *stress test* disediakan bersekali dengan UAT. Ini adalah antara punca ketidaksempurnaan myIMMs kerana tidak memenuhi segala keperluan spesifikasi teknikal pengguna di setiap cawangan/lokasi JIM.

b. Ujian Penerimaan Sementara (PAT)

Berdasarkan klausa 22.3 kepada perjanjian, PAT hendaklah dijalankan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Semakan Audit mendapati, SAP Sementara yang telah ditandatangani oleh Kerajaan dan kontraktor menunjukkan ujian dilaksanakan tetapi tiada laporan PAT disertakan. Semakan lanjut mendapati modul myIMMs iaitu Sistem Visa & Pas, Sistem Pekerja Asing JIM, Sistem Pekerja Asing di KDN, Sistem Dagang, Sistem SDPKI, Sistem FTF dan SAP tidak mempunyai laporan PAT. Ujian yang tidak memuaskan mengakibatkan sistem tidak berfungsi dengan sempurna dan integriti data diragui.

Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 12 Mac 2016

Ujian Penerimaan Sementara (PAT) telah dilaksanakan dan telah disahkan melalui Surat Akuan Penerimaan Sementara yang ditandatangani oleh Kerajaan dan kontraktor.

Pada pendapat Audit, pengesahan Surat Akuan Penerimaan Sementara yang ditandatangani oleh Kerajaan dan kontraktor tanpa laporan PAT menunjukkan pengurusan dan pemantauan terhadap pelaksanaan pengujian sistem adalah lemah.

19.5.3.7. Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan

Arahan Ketua Pengarah MAMPU melalui surat bil. MAMPU.BPICT.700-4/2/11 (3) bertarikh 22 Januari 2010 menyatakan pelaksanaan pengurusan kesinambungan perkhidmatan di agensi-agensi Sektor Awam adalah penting bagi meminimumkan impak ke atas sistem penyampaian perkhidmatan agensi akibat daripada gangguan atau bencana di samping memastikan kesinambungan dalam sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

a. Perkhidmatan Pemulihan Bencana

Mengikut Klausa 4.5.10, Jadual 3B Perjanjian myIMMs, kontraktor dikehendaki menyediakan perkhidmatan pemulihan bencana kepada myIMMs yang terlibat dan memastikan kesinambungan perniagaan tidak terjejas.

Semakan Audit mendapati, pihak kontraktor telah menyediakan perkhidmatan pemulihan bencana di Pusat Pemulihan Bencana HeiTech Padu yang bertempat di Kelana Jaya. Bagaimanapun, pihak Audit dimaklumkan bahawa perkhidmatan pemulihan bencana tersebut hanya beroperasi selama 8 bulan bermula dari Julai 2010 sehingga Februari 2011 dengan kos sejumlah RM1.8 juta kerana JIM tidak mempunyai peruntukan untuk meneruskannya. Kegagalan JIM untuk meneruskan perkhidmatan pemulihan bencana boleh menyebabkan perkhidmatan utama JIM seperti kawalan masuk dan keluar pelawat asing dan juga warganegara ke dalam dan keluar negara terjejas sekiranya berlaku bencana.

Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 12 Mac 2016

Bermula pada tahun 2014, perkhidmatan pemulihan bencana telah dilaksanakan menggunakan DRC MAMPU di Petaling Jaya.

b. Ujian Pemulihan Bencana

Mengikut Klausa 4.4.13, Jadual 3B Perjanjian myIMMs, kontraktor dikehendaki melaksanakan ujian pemulihan bencana sebanyak 2 kali dan memastikan ujian pemulihan bencana berjaya dilaksanakan dalam tempoh yang dipersetujui oleh Kerajaan. Semakan Audit mendapati:

i. Ujian pemulihan bencana pertama telah dijalankan oleh kontraktor bersama Pasukan Pemulihan Bencana Bahagian Teknologi Maklumat dan Rekod (BTMR) JIM pada 10 hingga 13 November 2010 di Pusat Pemulihan Bencana HeiTech Padu, Kelana Jaya, Selangor; dan

ii. Ujian pemulihan bencana kedua tidak dilaksanakan oleh kontraktor, bagaimanapun bayaran berjumlah RM50,000 telah dibuat melalui baucar B0063 bertarikh 25 Ogos 2011. Pembayaran berkenaan adalah bagi 2 kajian iaitu *Business Impact Analysis and Risk Assessment* dan *Data Center Facility and Environmental Control Gap Analysis* yang sepatutnya dibuat sebelum pelaksanaan perkhidmatan pemulihan bencana tanpa melibatkan kos mengikut klausa 4.5.10, Jadual 3B.

Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 12 Mac 2016

Pihak JIM telah menghantar surat permohonan rebate berjumlah RM50,000 pada 19 Januari 2016 No. Rujukan IM101/HQ-D(s)/978/1/JLD.3(14) kepada pihak kontraktor bagi tuntutan ke atas "Kegagalan kontraktor melaksanakan ujian pemulihan kedua." Pihak kontraktor telah bersetuju untuk membayar balik tuntutan bayaran balik invois (1811001552) No. Rujukan HTP/PSG/JIM/LET/2016/0303(1) bertarikh 3 Mac 2016.

Pada pendapat Audit, pihak JIM hanya membuat tuntutan bayaran balik dari kontraktor setelah menerima laporan pemerhatian Audit.

c. Pelan Pemulihan Bencana IT

Mengikut Klausa 4.4.13, Jadual 3B Perjanjian myIMMs, kontraktor hendaklah menyediakan perkhidmatan pakar runding pemulihan bencana yang bertanggungjawab dalam menyemak dan mengkaji semula pelan pemulihan bencana IT.

Semakan Audit mendapati, kontraktor tidak menyemak dan mengkaji semula pelan pemulihan bencana IT sebelum melaksanakan perkhidmatan pemulihan bencana. Laporan Ujian Pemulihan Bencana JIM yang telah dilaksanakan pada 10 hingga 13 November 2010 di Pusat Pemulihan Bencana HeiTech Padu, Kelana Jaya menunjukkan tempoh pemulihan keseluruhan myIMMs mengambil masa yang sangat lama iaitu selama 67 jam dan 20 minit. Selain itu, *table Database 2* (DB2) tidak dibuat salinan (backup) di pusat data, media *offsite backup* yang kritikal tidak dihantar ke pusat pemulihan bencana dan fail data bagi konfigurasi *Server* Pekerja Asing dan Pembantu Rumah (FOWI) tidak berjaya dipulihkan. Tempoh pemulihan yang sangat lama serta beberapa masalah yang timbul semasa pengujian adalah disebabkan kegagalan pihak kontraktor menyemak, mengkaji semula dan melaksanakan penambahbaikan terhadap pelan pemulihan bencana IT sedia ada bagi memenuhi keperluan myIMMs yang baru dibangunkan.

Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 1 April 2016

Mulai tahun 2014, kaedah DRC yang digunakan ialah mirroring data di antara Pusat Data di JIM ke DRC MAMPU. Proses untuk memulihkan operasi seperti sediakala mengambil masa selama 4 jam.

Pihak JIM telah membuat semakan Pelan Pemulihan Bencana IT. Hasil dari semakan, perubahan versi adalah seperti yang berikut:

Volume	*Tahun*
Versi 3.5	*Januari 2007*
Versi 3.51	*Jun 2010*
Versi 3.6	*Ogos 2010*
Versi 4.0	*Disember 2010*
Versi 1.1	*2015*

Semua versi pelan pemulihan bencana IT telah diserahkan kepada pihak Audit kecuali versi 3.5 kerana ia tidak berkaitan dengan kontrak myIMMs

Pada pendapat Audit, pengurusan kesinambungan perkhidmatan myIMMs adalah tidak memuaskan memandangkan JIM gagal meneruskan perkhidmatan tersebut dan tempoh pemulihan bencana sangat lama. Selain itu, pemantauan yang kurang memuaskan serta kebergantungan JIM kepada kontraktor menyebabkan tuntutan bagi perkara yang tidak sepatutnya dibayar oleh JIM kepada kontraktor.

19.5.3.8. Integriti Data

a. Pelaporan

Mengikut Perkara 3.5 Jadual 3A, Perjanjian myIMMs, kontraktor dikehendaki membangunkan satu Sistem Pengurusan Maklumat Bersepadu (MIS) secara *real-time* yang merangkumi semua sistem dalam myIMMs.

i. Semakan Audit terhadap *eReporting* myIMMs bagi statistik cetakan pelekat PLKS mendapati perbezaan sebanyak 315 bilangan cetakan bagi statistik tahun 2013 dan 460 bagi tahun 2014 dalam laporan yang dijana pada 30 April 2015 dan 14 Januari 2016. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 19.3
PERBANDINGAN LAPORAN JANAAN myIMMs BAGI 2 HARI BERBEZA

TAHUN	BILANGAN CETAKAN PELEKAT PLKS JANAAN PADA 30.04.2015 (Helai)	BILANGAN CETAKAN PELEKAT PLKS JANAAN PADA 14.01.2016 (Helai)	PERBEZAAN (Helai)
2013	1,573,937	1,574,252	315
2014	2,161,892	2,162,352	460
JUMLAH	**3,735,829**	**3,736,604**	**775**

Sumber: Laporan Statistik eReporting myIMMs Dan Data myIMMs (MVP_STICKER) Bagi Tempoh 2013 - 2014

Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 1 April 2016

Jabatan mengakui bahawa terdapat kelemahan dalam modul e-reporting yang dibangunkan di dalam myIMMs. Pada masa ini, untuk mendapatkan statistik berkala dan adhoc yang lebih presentable dan grafikal pada bila-bila masa, projek sistem Data Analytic dengan kerjasama pihak MIMOS yang mendapat geran dari Kementerian Sains Dan Teknologi sedang diusahakan.

JIM telah bekerjasama dengan MIMOS pada 18 Mac 2015 untuk menyediakan statistik berkala yang lebih tepat dan dijangka akan siap pada Disember 2016.

ii. Analisis Audit mendapati laporan yang dijana melalui modul *eReporting* myIMMs tidak tepat kerana maklumat yang diperoleh berbeza dengan hasil analisis Audit terhadap data dari pangkalan data myIMMs. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 19.4
PERBANDINGAN ANTARA LAPORAN JANAAN myIMMs DAN HASIL ANALISIS AUDIT BAGI TEMPOH 2012 HINGGA 2014

NEGARA SUMBER	PERANGKAAN PLKS MENGIKUT WARGANEGARA BAGI SEKTOR PEMBINAAN, PEMBUATAN, PERKHIDMATAN, PERLADANGAN DAN PERTANIAN (Helai)					
	2013			2014		
	JANAAN myIMMs (A)	ANALISIS AUDIT (B)	PERBEZAAN (A – B)	JANAAN myIMMs (C)	ANALISIS AUDIT (D)	PERBEZAAN (C – D)
Indonesia	519,799	749,736	(189,936)	775,329	469,500	305,829
Nepal	238,426	281,450	(43,024)	306,378	204,918	101,460
Bangladesh	262,727	265,060	(2,333)	262,166	156,214	105,952
India	106,096	105,635	461	134,600	88,228	46,372
Myanmar	121,698	135,365	(13,667)	112,640	72,036	40,604
Pakistan	39,876	45,144	(5,268)	63,485	42,392	21,093
Thailand	32,900	33,447	(547)	40,109	25,268	14,841
Vietnam	35,837	39,453	(3,616)	31,444	20,289	11,155
Filipina	8,930	24,384	(15,454)	23,732	15,762	7,970
China	8,090	9,232	(1,142)	13,177	8,385	4,792
Kemboja	4,600	4,717	(117)	4,572	2,751	1,821
Sri Lanka	2,934	3,357	(423)	3,326	2,223	1,103
Laos	27	28	(1)	25	16	9
JUMLAH	**1,381,940**	**1,657,007**	**(275,067)**	**1,770,983**	**1,107,982**	**663,001**

Sumber: Laporan Statistik eReporting myIMMs Dan Data myIMMs (MVP_STICKER) Bagi Tempoh 2013 - 2014

Penjanaan maklumat dan statistik yang tidak tepat oleh myIMMs akan menyukarkan pengguna terutamanya di bahagian penguatkuasaan untuk melaksanakan tugas. Pihak Audit dimaklumkan melalui temu bual bersama pegawai Bahagian Penguatkuasaan, operasi penguatkuasaan terhadap pekerja asing yang bekerja melebihi tempoh pas adalah melalui aduan yang diterima sahaja.

Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 1 April 2016

Jabatan mengakui bahawa terdapat kelemahan dalam modul e-reporting yang dibangunkan di dalam myIMMs. Pada masa ini, untuk mendapatkan statistik berkala dan adhoc yang lebih presentable dan grafikal pada bila-bila masa, projek sistem Data Analytic dengan kerjasama pihak MIMOS yang mendapat geran dari Kementerian Sains Dan Teknologi sedang diusahakan.

JIM telah bekerjasama dengan MIMOS pada 18 Mac 2015 untuk menyediakan statistik berkala yang lebih tepat dan dijangka akan siap pada Disember 2016.

b. Migrasi Data

Mengikut perkara 4.4.8 di Jadual 3B - Skop Kerja Infrastruktur Perjanjian, kontraktor hendaklah memasang perkakasan storan IBM DS8700 dan melakukan data migrasi dari sub sistem storan lama kepada subsistem storan yang baru dan migrasi data yang berkaitan sistem jabatan ke storan baru sekiranya perlu. Semakan Audit terhadap Laporan Aktiviti Pengesahan Data (SVP dan myIMMs) yang dilaksanakan pada 1 Jun 2011 hingga 3 Jun 2011 bagi migrasi data mendapati data hilang, tidak lengkap dan tidak tepat.

Menurut penjelasan pihak BTMR JIM, data SIM tidak dapat dimigrasi ke myIMMs kerana data sistem tersebut tidak dapat diakses berikutan penamatan kontrak SIM. Perkara ini menyebabkan JIM tidak mempunyai rekod visa pas dan rekod keluar dan masuk warganegara Malaysia termasuk warga asing ke Malaysia antara bulan Oktober 2007 sehingga bulan Mac 2010.

Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 1 April 2016

Proses perpindahan data dari Sistem Visa Pas (SVP) ke myIMMs melibatkan proses migrasi data dan juga proses penukaran format data dari pangkalan data Oracle SVP ke pangkalan data DB2 myIMMs telah dilaksanakan oleh pihak kontraktor. Semasa migrasi dilaksanakan pihak kontraktor tidak dibekalkan dengan dokumen struktur pangkalan data SVP yang terperinci dan memberi kesan kepada proses pemetaan data.

Penambahbaikan yang dibuat bagi mengatasi masalah data adalah menyediakan fungsi record recovery facility yang dihadkan kepada pegawai tertentu sahaja. Skop bagi aktiviti arkib dan pemurnian data telah dimasukkan dalam cadangan projek SKIN yang akan menggantikan myIMMs.

Analisis Audit terhadap data Sistem Visa dan Pas myIMMs bagi tahun 2012 hingga 2014 mendapati pertindihan nombor pelekat PLKS yang sama bagi pekerja asing yang berlainan berdasarkan semakan nama pekerja dan dokumen perjalanan. Cetakan pelekat yang terlibat adalah pada masa yang berlainan. Mengikut maklum balas awal JIM, pertindihan disebabkan proses migrasi data dari sistem lama (SVP). Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 19.5
PERTINDIHAN NOMBOR PELEKAT PLKS

TAHUN	BILANGAN SAMPEL DIANALISIS (Helai)	BILANGAN PERTINDIHAN NOMBOR PELEKAT (Helai)	BILANGAN PEKERJA ASING TERLIBAT (Orang)	(%)
2012	277	151	303	54.5
2013	738	693	1,386	93.9
2014	16,964	311	622	1.8
JUMLAH	**17,979**	**1,155**	**2,311**	**6.4**

Sumber: Data myIMMs (MVP_STICKER) Bagi Tempoh 2012 - 2014

Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 1 April 2016

Bermula tahun 2015, sistem telah ditambah baik bagi menyemak nombor siri yang telah wujud sebelum boleh dicetak oleh pengguna. Pada masa yang sama pembetulan dan penambahbaikan data tahun sebelumnya dibuat melalui kaedah batch run dan mengikut kes. Skop bagi aktiviti arkib dan pemurnian data telah dimasukkan dalam cadangan projek SKIN yang akan menggantikan myIMMs.

Pada pendapat Audit, kegagalan migrasi data daripada sistem lama ke myIMMs dilakukan dengan sepenuhnya menyebabkan integriti data myIMMs meragukan, tidak munasabah, tidak kemas kini dan terdedah kepada risiko penyalahgunaan oleh pihak tertentu.

19.5.4. Pengurusan Pekerja Asing

Pengurusan pekerja asing di Bahagian Pengurusan Pekerja Asing KDN, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah dibuat menggunakan Sistem Pengurusan Pekerja Asing myIMMs. Manakala di peringkat JIM, Sistem Pekerja Asing myIMMs digunakan bagi kelulusan VDR dan PLKS pekerja asing. Analisis Audit terhadap data myIMMs mendapati perkara yang berikut:

19.5.4.1. Pemeriksaan Kesihatan Pekerja Asing

Pekeliling Imigresen Malaysia Bil. 45 Tahun 2005 menetapkan bahawa pekerja asing perlu mendapatkan pemeriksaan kesihatan semasa pertama kali tiba di Malaysia dalam tempoh sebulan dari tarikh ketibaan sebelum PLKS dikeluarkan. Pihak JIM hanya dibenarkan mengeluarkan pelekat PLKS bagi pekerja asing yang disahkan sihat sahaja. Analisis Audit mendapati, pada tahun 2014 seramai 3,527 daripada 699,018 pekerja asing di Semenanjung Malaysia diluluskan PLKS walaupun rekod kesihatan berstatus *unfit*. Sistem menyediakan kemudahan yang membolehkan pegawai penyelia/kanan *override* status *unfit* untuk membenarkan pekerja asing diluluskan PLKS.

Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 12 Mac 2016

Setiap pekerja asing yang memasuki Malaysia untuk diambil bekerja perlu lulus pemeriksaan kesihatan yang ditetapkan. Bagaimanapun, prosedur pemeriksaan kesihatan adalah berbeza untuk Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Situasi ini berlaku sekiranya pihak FOMEMA hanya mendaftar keputusan awal pemeriksaan asas kesihatan yang menunjukkan pekerja tersebut layak untuk bekerja. PLKS akan dikeluarkan oleh JIM setelah laporan awal ini diperolehi. Setelah keputusan terperinci diperolehi selepas beberapa bulan maklumat ini akan dihantar semula ke dalam myIMMs sekali lagi. Bagaimanapun pihak JIM tidak dapat membatalkan PLKS yang dikeluarkan kerana ianya tidak dapat dikesan melalui sistem kecuali melalui semakan semula.

Pengurusan memberi kuasa kepada Pegawai Penyelia/Kanan untuk meluluskan PLKS kepada pekerja asing yang unfit dalam sistem dalam kes-kes terpencil dan khas setelah mendapat kelulusan Jawatankuasa Rayuan Imigresen Malaysia (JKRIM).

Pada pendapat Audit, kelonggaran kawalan sistem yang membenarkan pekerja asing berstatus *unfit* bekerja boleh mengundang risiko kepada penularan wabak penyakit.

19.5.4.2. Kelulusan Lanjutan Pas Pekerja Asing

Mengikut Seksyen 11, Peraturan-peraturan Imigresen 1963, suatu pas lawatan boleh dikeluarkan oleh Pengawal kepada mana-mana orang selain daripada seorang imigran larangan yang memuaskan hati Pengawal bahawa ia ingin memasuki Persekutuan:

i. Atas urusan sosial atau lawatan profesional; atau
ii. Untuk bekerja sementara; atau
iii. Sebagai seorang pelancong;
iv. Sebagai anak tanggungan yang menyertai atau bersama dengan pemegang Pas Kerja di Sabah.

Analisis Audit mendapati sebanyak 8,975 permohonan lanjutan PLKS melalui sistem MyEG iaitu 1,940 pada tahun 2013 dan 7,035 pada 2014 telah diluluskan oleh pengendali MyEG secara automatik dan atas talian tanpa semakan dan kelulusan pegawai Imigresen.

Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 12 Mac 2016

Standard Operating Procedure (SOP) Pembaharuan PLKS Secara Online oleh MyEG tidak membenarkan kelulusan lanjutan atas talian dibuat secara auto approval. Pegawai Undang-undang JIM juga telah menasihatkan supaya transaksi ini dihentikan kerana ia menyalahi Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Imigresen 1963. Selain itu, Bengkel MyEG Performance Review yang telah diadakan oleh JIM pada Januari 2016 telah memutuskan supaya pihak MyEG memberhentikan transaksi auto approval dengan serta merta.

Pada pendapat Audit, kelulusan secara automatik oleh MyEG adalah tidak wajar dan menyalahi Peraturan – Peraturan Imigresen 1963.

19.5.4.3. Pengurusan Pengambilan Pekerja Asing Di Negara Sumber

a. Pengeluaran VDR di Pejabat Atase Imigresen Di Negara Sumber

Lawatan Audit ke Pejabat Atase Imigresen di Jakarta, Indonesia; Dhaka, Bangladesh; dan Kathmandu, Nepal mendapati urusan VDR bagi pengeluaran resit, cetakan pelekat di Pejabat Atase Imigresen dikendalikan oleh kakitangan warga tempatan. Bagaimanapun, kelulusan pengeluaran VDR dibuat oleh pegawai Imigresen. Dari segi kawalan dalaman setiap kakitangan diberi tahap capaian mengikut peranan masing-masing.

b. Pengendali Sistem Kawalan Yang Dilantik Oleh Kerajaan Malaysia

KDN telah melaksanakan dasar tapisan dan kawalan warga asing sebelum memasuki negara (di luar negara) di mana bakal pekerja asing perlu menjalani dasar tapisan dan kawalan melalui 4 pengendali yang dilantik dengan caj perkhidmatan yang telah ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 19.6
PENGENDALI SISTEM KAWALAN PENGAMBILAN PEKERJA ASING

BIL.	NAMA SYARIKAT	NAMA SISTEM	BUTIRAN
1.	S5 Systems Sdn. Bhd. (S5 Systems)	*Immigration Security Clearance Centre* (ISC)	• Pelaksanaan dimaklumkan oleh KDN melalui surat KDN (S):IM100/508/1-1 Jld. 3 (26) bertarikh 06.11.2014; • KDN telah memutuskan pelaksanaan ISC mulai daripada 04.05.2015; • Menjalankan tapisan terhadap warga asing yang ingin bekerja di Malaysia sahaja bagi memastikan individu tersebut tidak mempunyai sebarang rekod dalam pangkalan data Biometrik Senarai Syak (Bio-SL) atau Senarai Syak (SL), yang boleh dibuat pada bila-bila masa sebelum membuat sebarang pemeriksaan perubatan dan permohonan Visa Malaysia; • Individu yang berjaya diberi sijil ISC yang sah laku selama 6 bulan; • Telah beroperasi di Jakarta Indonesia tetapi belum beroperasi di Bangladesh dan Nepal; • Pekerja adalah warga tempatan; dan • Caj perkhidmatan sebanyak RM105 bagi tempoh 12 bulan bagi setiap bakal pekerja asing.
2.	Bestinet Sdn. Bhd.	*BioMedical* dan eVDR *Foreign Workers Centralised Management System* (FWCMS)	• Pelaksanaan diputuskan oleh KDN melalui surat KDN (S):IM 03/1122/20 Jld.3 (11) bertarikh 28.05.2015 dan berkuat kuasa secara menyeluruh mulai 15.06.2015 di semua negara sumber; • Menjalankan pemeriksaan (di negara asal) ke atas bakal pekerja asing dan melibatkan proses Pengesahan Kehadiran & Kelayakan (PKK), pendaftaran maklumat biometrik, demografik, maklumat waris, pemeriksaan kesihatan, dan penghantaran maklumat secara atas talian kepada pangkalan data JIM; • Majikan boleh membuat permohonan VDR secara atas talian bagi calon pekerja yang telah lulus pemeriksaan kesihatan proses kelulusan VDR oleh JIM dapat dilakukan dalam 24 jam dari tarikh permohonan dilakukan; • Beroperasi sepenuhnya di pusat-pusat kesihatan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia di negara sumber iaitu 64 di Indonesia, 39 di Nepal dan 4 di Bangladesh; • Pekerja adalah warga tempatan; dan • Caj perkhidmatan - USD$30 setiap bakal pekerja asing.

BIL.	NAMA SYARIKAT	NAMA SISTEM	BUTIRAN
3.	Kumpulan Rastamas	Pusat Hentian Setempat (OSC)	• Pelaksanaan OSC dimaklumkan oleh KDN melalui surat KDN (S):IM100/508/1-1 Jld. 3 (26) bertarikh 06.11.2014; • Bertanggungjawab menerima permohonan daripada orang awam dan agen; • Memastikan kerja-kerja penapisan dilaksanakan terlebih dahulu termasuk pemeriksaan dokumen seperti senarai semak, memproses kemasukan data melalui sistem Visa Luar Negara (VLN); • Memastikan pengurusan penghantaran pasport kepada pemohon diurus secara sistematik serta selamat; • Beroperasi sepenuhnya di Indonesia tetapi belum beroperasi di Bangladesh dan Nepal; • Pekerja adalah warga tempatan;dan • Caj perkhidmatan – RM100 setiap bakal pekerja asing.
4.	Ultra Kirana Sdn. Bhd.	Visa Luar Negara (VLN)	• Pelaksanaan OSC dimaklumkan oleh KDN melalui surat KDN (S):IM100/508/1-1 Jld. 3 (26) bertarikh 06.11.2014; • Beroperasi menerusi OSC sebagai sistem sokongan untuk memproses permohonan visa berkaitan; • Beroperasi sepenuhnya di Indonesia, Bangladesh dan Nepal; • Pekerja adalah warga tempatan; dan • Caj perkhidmatan – RM105 setiap bakal pekerja asing.

Semakan Audit mendapati, tiada sebarang kontrak rasmi dibuat antara Kerajaan dengan pengendali tersebut kecuali pengendali VLN. Sistem pengendali diintegrasikan dengan myIMMs untuk membuat semakan status pemohon sebelum meneruskan proses seterusnya. Sistem-sistem tersebut tidak melibatkan kos kepada Kerajaan tetapi setiap bakal pekerja asing dibebani dengan kos perkhidmatan sejumlah RM405.

Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 1 April 2016

Prestasi syarikat pengendali perlu dinilai terlebih dahulu sebelum sebarang kontrak dimeterai bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan memastikan syarikat pengendali mengekalkan prestasi yang baik sepanjang tempoh kontrak. Pada masa ini KDN dan JIM dalam proses menilai prestasi syarikat pengendali serta memperkemaskan draf perjanjian yang akan ditandatangani selepas urusan penilaian selesai dilaksanakan dan pihak Kerajaan berpuas hati dengan prestasi pelaksanaan oleh pihak pengendali.

KDN telah mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Draf Kontrak bagi Syarikat-syarikat Pengendali Sistem untuk Jabatan Imigresen Malaysia pada 16 Mac 2016 untuk membincangkan status semasa kontrak-kontrak yang terlibat dan tindakan susulan yang perlu diambil oleh bahagian/agensi yang berkaitan.

Pada masa ini, terdapat 10 draf kontrak yang telah diterima, disemak dan dalam tindakan bahagian/agensi yang berkenaan. Kesemua kontrak dijangka dapat dimuktamadkan dan ditandatangani pada bulan Julai 2016.

Pada pendapat Audit, perkhidmatan yang dikendalikan syarikat bagi pihak Kerajaan tanpa perjanjian boleh menjejaskan kepentingan Kerajaan. Selain itu, caj perkhidmatan yang dikenakan kepada bakal pekerja asing tidak mendapat kelulusan MOF.

c. Pertindihan Proses Kerja

Proses kemasukan dan verifikasi biometrik (cap jari asal) dan pengambilan gambar bakal pekerja asing yang dikendalikan oleh ISC bertindih dengan BioMedical. Perbezaannya hanya dari segi pengeluaran sijil ISC oleh S5 Systems Sdn. Bhd. dan sijil kesihatan oleh Bestinet Sdn. Bhd.

Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 12 Mac 2016

Objektif kedua-dua kaedah saringan adalah berbeza yang mana ISC lebih fokus terhadap saringan keselamatan manakala BioMedical lebih menjurus kepada saringan kesihatan dan kelayakan untuk bekerja:

*i. **ISC merupakan satu sistem biometrik untuk pengesahan latar belakang dan status bakal pekerja asing di negara sumber. Sistem ini akan menjadi pemeriksaan pertama dan utama yang perlu dilalui oleh setiap bakal pekerja asing sebelum sebarang proses permohonan bekerja dilakukan.***

*ii. **Sistem BioMedical membolehkan pemeriksaan ke atas bakal pekerja asing ke Malaysia di pusat perubatan berakreditasi di Negara-Negara Sumber dilakukan dan melibatkan proses Pengesahan Kehadiran & Kelayakan (PKK), pendaftaran maklumat biometrik, demografik, maklumat waris, pemeriksaan kesihatan, dan penghantaran maklumat secara atas talian kepada pangkalan data JIM. Modul ini akan memastikan pekerja yang tiba di Malaysia adalah layak dan bebas dari sebarang penyakit.***

Pada pendapat Audit, verifikasi biometrik bagi ISC dan BioMedical adalah sama kerana KDN tidak menyemak dengan teliti fungsi sistem yang dibangunkan oleh pengendali-pengendali tersebut.

19.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan segala kelemahan myIMMs diperbaiki dan dapat menyokong operasi JIM dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada orang awam, agensi luar dan *stakeholders*, adalah disyorkan supaya pihak terlibat mengambil langkah seperti yang berikut:

19.6.1. KDN hendaklah merancang dengan teliti dan mengambil kira *lesson learnt* daripada kegagalan pembangunan sistem terdahulu sebelum sesuatu sistem dibangunkan bagi menjamin keberkesanan pengurusan projek dalam mencapai objektif yang ditetapkan serta perolehan sistem yang memberi *best value for money*;

19.6.2. KDN dan JIM hendaklah melaksanakan projek mengikut terma kontrak yang telah dipersetujui dan dalam tempoh yang ditetapkan bagi memastikan sistem dapat dibangunkan mengikut spesifikasi yang dikehendaki dan mencapai objektif yang telah ditetapkan;

19.6.3. JIM hendaklah menyelenggara dan mengemas kini dokumen pembangunan sistem bagi memastikan pelaksanaan migrasi data pada masa hadapan dapat dibuat dengan teratur dan menyeluruh; dan

19.6.4. KDN hendaklah mengkaji semula keperluan sistem tapisan oleh pengendali di negara sumber bagi mengelakkan pertindihan proses kerja dan memastikan perjanjian rasmi ditandatangani di antara Kerajaan dan pengendali bagi menjamin keselamatan sistem dan maklumat Kerajaan.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

20. PENGURUSAN PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI SEKOLAH

20.1. LATAR BELAKANG

20.1.1. Kementerian Pendidikan Malaysia (Kementerian) telah menswastakan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (PKK) kepada Kontraktor yang mempunyai lesen, permit atau kebenaran yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi melaksanakan perkhidmatan kawalan keselamatan tanpa senjata api. Antara tujuan penyediaan perkhidmatan ini ialah untuk mewujudkan persekitaran sekolah yang aman dan tenteram secara berterusan serta meyakinkan pihak sekolah, ibu bapa dan pelajar sesuai dengan tuntutan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif di semua sekolah di bawah kawalannya. Secara umumnya perkhidmatan PKK adalah untuk membekalkan pengawal keselamatan dan peralatan atau alat kelengkapan yang mencukupi untuk melaksanakan perkhidmatan kawalan keselamatan di kawasan sekolah/asrama; membuat rondaan dan melaporkan perkhidmatan kepada Kerajaan.

20.1.2. Bagi merealisasikan perkhidmatan PKK, Kementerian/Jabatan Pendidikan Negeri telah melaksanakan tender PKK ke institusi/sekolah dengan menawarkan 947 kontrak bernilai RM2.858 bilion bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 20.1
STATUS PELAKSANAAN TENDER PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN INSTITUT/SEKOLAH BAGI TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA 2015

TAHUN	BILANGAN KONTRAK	NILAI KONTRAK (RM Bilion)
2013	581	1.975
2014	266	0.620
2015	100	0.263
JUMLAH	**947**	**2.858**

Sumber : Bahagian Perolehan Dan Pelupusan Aset (BPPA), KPM

20.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan PKK di sekolah telah dilaksanakan dengan teratur, berhemat, cekap serta mencapai objektif yang ditetapkan. Selain itu, pengauditan ini juga bertujuan memastikan isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 bagi tajuk yang sama telah diambil tindakan pembetulan, penambahbaikan dan pencegahan.

20.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap PKK di sekolah bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015. Aspek pengauditan meliputi prosedur pentadbiran kontrak, pelaksanaan, pembayaran, penguatkuasaan, penyelenggaraan rekod/dokumen dan pemantauan. Pemeriksaan rekod telah dilaksanakan di Bahagian Perolehan Dan Pengurusan Aset (BPPA), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). Pemeriksaan secara fizikal pula telah dijalankan di 40 Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dan 19 asrama meliputi 7 sekolah dan 2 asrama yang telah diaudit pada tahun 2012. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 20.2
PREMIS YANG DIAUDIT

BIL.	JPN	PPD	BIL. SEKOLAH	BIL. ASRAMA	JUMLAH
1.	Melaka	Jasin	5	1	6
		Melaka Tengah	1	-	1
		Alor Gajah	4	-	4
2.	Kedah	Kota Setar	5	2	7
		Kubang Pasu	1	1	2
3.	Perlis	-	4	3	7
4.	Kelantan	Pasir Puteh	4	3	7
		Tanah Merah	4	3	7
		Kota Bharu	2	2	4
5.	Selangor	Klang	2	-	2
		Petaling Perdana	4	2	6
		Sepang	4	2	6
JUMLAH			**40**	**19**	**59**

Sumber : Lawatan Audit

20.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan kontrak PKK serta menganalisis maklumat tersebut. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang terlibat di peringkat perancangan, pelaksanaan dan pemantauan di Kementerian, JPN, PPD dan sekolah telah dibuat. Pemeriksaan fizikal dijalankan bagi menentukan sama ada perkhidmatan yang dilaksanakan mengikut terma dan syarat kontrak. Selain itu, borang soal selidik turut diedarkan kepada pentadbir/guru dan pelajar sekolah bagi mengenal pasti tahap kepuasan terhadap PKK dan prestasi pengawal keselamatan (PK). *Exit Conference* bersama Ketua Setiausaha Kementerian (KSU) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah diadakan pada 23 Februari 2016. Wakil daripada Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Perkhidmatan Awam juga turut hadir dalam mesyuarat tersebut.

20.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan di BPPA Kementerian, JPN, PPD serta 59 premis di negeri Melaka, Kedah, Perlis, Kelantan dan Selangor antara bulan Julai hingga Oktober 2015 mendapati Kementerian telah berjaya menyediakan PKK di premis-premis yang dilawati. Kementerian juga telah melaksanakan beberapa penambahbaikan selepas teguran Audit pada tahun 2012. Antara penambahbaikan tersebut adalah menetapkan tempoh pembaharuan lesen agensi persendirian, menyenaraikan dokumen yang diperlukan bagi proses pembayaran, laporan pemeriksaan kesihatan perlu dijalankan setiap tahun bagi pekerja yang berumur antara 55 hingga 60 tahun, menetapkan tempoh Kontraktor mengemukakan sijil lulus tapisan keselamatan dan kewajipan PK menghadiri kursus *Certified Security Guards* (CSG). Selain itu, tiada isu berulang di 5 daripada 9 premis yang telah dilawati pada tahun 2012. Bagaimanapun, secara keseluruhannya pengurusan PKK di 59 premis yang diaudit adalah kurang memuaskan kerana masih terdapat kelemahan seperti yang berikut:

i. syarat PK untuk menjalani ujian air kencing tidak dinyatakan dalam perjanjian Kementerian;

ii. *clocking* tidak dilaksanakan dalam tempoh 2 jam, *clocking* tidak dilaksanakan pada semua lokasi yang ditetapkan dan *clocking* pada waktu yang sama bagi beberapa *point*;

iii. peralatan tidak dibekalkan/cukup seperti yang dinyatakan dalam perjanjian antaranya seperti *point watchman clock*, lampu picit, baju hujan, wisel, *walkie talkie* dan baju pemantul cahaya; *alarm system* yang dipasang tidak berfungsi mengikut objektif pemasangannya;

iv. terdapat peralatan yang rosak antaranya lampu picit, *walkie talkie*, monitor CCTV, kamera CCTV, baju hujan, *watchman clock* dan pembesar suara dan tiada rekod berkenaan tarikh mula kerosakan disimpan; dan

v. denda dan pemotongan berjumlah RM0.18 juta tidak dikenakan terhadap Kontraktor yang tidak mematuhi kontrak.

Penjelasan lanjut berhubung dengan kelemahan pengurusan PKK dan maklum balas Kementerian adalah seperti perenggan berikut:

20.5.1. Prestasi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan

20.5.1.1. Prestasi Perbelanjaan

Pembayaran terhadap PKK telah dilaksanakan di peringkat JPN/PPD dengan menggunakan peruntukan mengurus. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, Kementerian telah membelanjakan sejumlah RM3.051 bilion (95.7%) daripada peruntukan berjumlah RM3.189 bilion bagi tujuan tersebut. Butiran perbelanjaan mengurus mengikut negeri bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 seperti jadual berikut:

JADUAL 20.3
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PKK MENGIKUT NEGERI
BAGI TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA 2015

BIL.	NEGERI	PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN TAHUNAN						JUMLAH (RM Juta)	
		2013 (RM Juta)		2014 (RM Juta)		2015 (RM Juta)		(a)	(b)
		(a)	(b)	(a)	(b)	(a)	(b)		
1.	Pulau Pinang	28.54	27.90	53.73	48.67	51.29	50.85	133.56	127.42
2.	Pahang	57.44	56.93	114.33	107.68	101.51	98.81	273.28	263.42
3.	Perak	64.50	64.14	128.63	120.69	114.21	114.01	307.34	298.84
4.	Johor	83.20	79.72	144.25	135.10	132.08	132.02	359.53	346.84
5.	Kedah	48.69	47.61	98.00	88.02	89.74	89.87	236.43	225.50
6.	Kelantan	44.48	44.05	87.73	79.20	77.63	77.60	209.84	200.85
7.	Melaka	21.20	21.09	41.07	39.08	37.83	37.75	100.1	97.92
8.	Perlis	6.76	6.63	13.88	13.12	14.46	14.44	35.1	34.19
9.	W.P.Labuan	1.43	1.39	3.08	2.90	3.46	3.12	7.97	7.41
10.	Sabah	93.83	91.25	156.18	145.71	138.46	133.32	388.47	370.28
11.	Terengganu	39.85	39.01	75.84	71.54	64.50	62.27	180.19	172.82
12.	Sarawak	81.54	71.76	171.24	150.76	148.54	145.38	401.32	367.90
13.	Negeri Sembilan	28.41	28.10	59.54	56.50	54.98	54.92	142.93	139.52
14.	Ibu Pejabat/W.P. Kuala Lumpur/Putrajaya/ Selangor	91.10	88.82	174.69	161.10	147.48	148.87	413.27	398.79
JUMLAH		**690.97**	**668.4**	**1,322.19**	**1,220.07**	**1,176.17**	**1,163.23**	**3,189.33**	**3,051.70**
BELANJA (%)		**96.7**		**92.3**		**98.9**		**95.7**	

Sumber : Bahagian Kewangan, KPM
Nota : (a) – Peruntukan
(b) – Perbelanjaan

20.5.1.2. Prestasi Kutipan Denda Dan Pemotongan

Sebelum tahun 2013, tiada sebarang denda dan pemotongan dikuatkuasakan oleh Kementerian. Selaras dengan teguran Audit, Kementerian pada tahun 2013 telah mula mengenakan denda/pemotongan dan sejumlah RM10.73 juta telah berjaya dikutip oleh 11 PPD dan 1 JPN bagi tempoh tahun 2013 hingga bulan Oktober 2015. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 20.4
JUMLAH DENDA DAN PEMOTONGAN
BAGI TEMPOH 2013 HINGGA BULAN OKTOBER 2015

NEGERI	2013		2014		2015		JUMLAH (RM)
	DENDA (RM)	PEMOTONGAN (RM)	DENDA (RM)	PEMOTONGAN (RM)	DENDA (RM)	PEMOTONGAN (RM)	
Melaka	35,783	419,566	730,108	543,987	1,371,431	60,122	3,160,997
Kedah	-	68,052	-	146,196	-	162,179	376,427
Perlis	125,297	652	417,030	170	319,439	19,709	882,297
Kelantan	-	121,161	-	188,150	-	327,934	637,245
Selangor	1,995,870	279,743	1,622,952	425,250	981,711	367,921	5,673,447
JUMLAH	**2,156,950**	**889,174**	**2,770,090**	**1,303,753**	**2,672,581**	**937,865**	**10,730,413**

Sumber : JPN/PPD Yang Telah Dilawati

20.5.1.3. Prestasi Tindakan Penambahbaikan Kementerian

20.5.1.3.1. Selaras dengan pengauditan yang telah dijalankan pada tahun 2012, Kementerian telah mengambil beberapa langkah penambahbaikan dalam pengurusan PKK. Selain itu, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) juga telah mengesyorkan beberapa tindakan kepada Kementerian. Status pencapaian penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian dan tindakan atas syor PAC adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 20.5
STATUS PENAMBAHBAIKAN OLEH KEMENTERIAN DAN SYOR PAC

KEMENTERIAN/PAC	BILANGAN PENAMBAHBAIKAN/ SYOR	STATUS		
		TELAH DILAKSANAKAN	BELUM DILAKSANAKAN	MASIH DALAM TINDAKAN
Kementerian	12	11	1	-
PAC	6	3	1	2
JUMLAH	**18**	**14**	**2**	**2**
PENCAPAIAN (%)		**77.8**	**11.1**	**11.1**

Sumber : Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC)

JADUAL 20.6
PENAMBAHBAIKAN YANG BELUM DILAKSANAKAN DAN MASIH DALAM TINDAKAN

PENAMBAHBAIKAN/SYOR PAC	STATUS
PENAMBAHBAIKAN OLEH KEMENTERIAN	
Mengeluarkan Garis Panduan Penilaian Prestasi Kontraktor yang memerlukan setiap sekolah menghantar laporan prestasi perkhidmatan syarikat	Garis Panduan telah dikeluarkan tetapi belum dilaksanakan
SYOR PAC	
Tender PKK perlu dilaksanakan secara *prequalification* di mana hanya syarikat yang mempunyai keupayaan dan pengalaman dijemput mengambil bahagian dalam tender	Masih dalam tindakan
Harga yang ditawarkan perlu munasabah dengan mengambil kira faktor-faktor seperti bilangan pelajar, keluasan sekolah, jarak sekolah dari bandar, jumlah aset dan dasar gaji minimum	Masih dalam tindakan
Pembekalan alat seperti CCTV, *watchman clock* dan sebagainya diasingkan daripada PKK dan diserahkan kepada syarikat yang mempunyai kepakaran dalam perkara berkaitan	Belum dilaksanakan

Sumber : Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC)

20.5.1.3.2. Semakan Audit selanjutnya terhadap 9 premis yang telah diaudit pada tahun 2012, mendapati tiada isu berulang bagi 5 (55.6%) premis manakala 4 (44.4%) premis mempunyai antara satu hingga 3 isu berulang. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 20.7
ISU BERULANG BAGI PREMIS YANG TELAH DILAWATI PADA TAHUN 2012

PREMIS	a	b	c	d	e	JUMLAH ISU BERULANG
SMK Syed Alwi, Kangar, Perlis	/	/	/	-	-	3
SMK Seksyen 11, Shah Alam, Selangor	-	-	/	/	-	2
Asrama SMK Seksyen 11, Shah Alam, Selangor	/	-	/	/	-	3
Asrama SMK Seksyen 18, Shah Alam, Selangor	-	-	-	-	/	1

Nota :
a - Tapisan Keselamatan Tidak Dikemukakan
b - Pintu Utama Tidak Ditutup
c - Peralatan Tidak Cukup/Bekal
d - Denda Tidak Dikenakan
e - Rakaman Watchman Clock Tidak Mematuhi Syarat Perjanjian

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan dan tindakan penambahbaikan Kementerian adalah baik. Kementerian juga telah mula menguatkuasakan perjanjian kontrak dan mengenakan denda/pemotongan terhadap Kontraktor yang gagal dan tidak mematuhi spesifikasi/terma kontrak berbanding Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 di mana tiada denda/pemotongan dikenakan.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 11 Mac 2016

Garis Panduan Penilaian Prestasi Kontraktor

a. *Garis Panduan Penilaian Prestasi Kontraktor Perkhidmatan ruj. KP(BPPA)-600/0/8/1 (38) dan (45) yang berkuat kuasa pada 8 Januari 2013 telah memerlukan setiap sekolah di seluruh Malaysia menghantar laporan prestasi secara individu kepada KPM. Perkara ini telah menyebabkan KPM menghadapi kesukaran melaksanakan pemantauan prestasi secara strategik.*

b. *Bagi mengemas kini mekanisme penilaian prestasi kontraktor tersebut, KPM telah mengeluarkan Garis Panduan Penilaian Prestasi Kontraktor Perkhidmatan (Bekalan Makanan Bermasak/ Kebersihan Bangunan & Kawasan/Kawalan Keselamatan) KPM yang berkuat kuasa mulai 1 Mac 2016 bagi menggantikan Garis Panduan tersebut dengan beberapa instrumen penilaian diguna pakai seperti yang dinyatakan pada maklum balas Kementerian di perenggan pemantauan.*

Tender PKK perlu dilaksanakan secara prequalification di mana hanya syarikat yang mempunyai keupayaan dan pengalaman dijemput mengambil bahagian dalam tender

a. *Kaedah prequalification merupakan tatacara perolehan secara tender terhad di mana syarikat-syarikat akan melalui proses penilaian kemampuan kewangan dan teknikal, pengalaman dan lain-lain asas penilaian yang berkaitan terlebih dahulu sebelum dijemput mengambil bahagian dalam tender. Menurut PK 2/2013, sekiranya bilangan syarikat yang layak diperaku kepada Lembaga Perolehan melebihi 10 syarikat, maka perolehan hendaklah dibuat secara tender terbuka.*

b. *KPM melaksanakan tender PKK bagi 10,000 lebih buah sekolah di seluruh Malaysia. Penetapan syarat tender adalah berdasarkan keupayaan kewangan dan kelayakan teknikal petender termasuk:*

   i. *melepasi syarat-syarat ketat yang dikenakan oleh KDN untuk mendapatkan Lesen Menjalankan Urusan Agensi Persendirian;*

   ii. *mempunyai ibu pejabat/pejabat cawangan berdaftar di tempat perkhidmatan diperlukan;*

   iii. *kedudukan kewangan termasuk kekuatan modal dan keupayaan untuk menyediakan Bon Pelaksanaan (BP);*

   iv. *berupaya membekalkan peralatan-peralatan keselamatan; dan*

   v. *memastikan PK mengikuti kursus berkaitan perkhidmatan kawalan keselamatan.*

c. Berdasarkan syarat tersebut, bilangan syarikat yang layak menyertai tender didapati melebihi 10 syarikat maka perolehan dilaksanakan secara tender terbuka.

d. Selain itu, KPM juga telah menerima teguran daripada KDN pada Oktober 2014 yang mendakwa sesetengah syarikat mempunyai 10 buah kontrak kawalan keselamatan KPM dalam tangan. Sehubungan itu, KPM telah memastikan supaya semua petender yang berkelayakan mempunyai peluang yang sama dan tiada syarikat yang memenangi terlalu banyak tender. Justeru, pelaksanaan prequalification seperti kaedah tender terhad tidak sesuai dilaksanakan bagi tender PKK di KPM.

Harga yang ditawarkan perlu munasabah dengan mengambil kira faktor-faktor seperti bilangan pelajar, keluasan sekolah, jarak sekolah dari bandar, jumlah aset dan dasar gaji minimum

a. Merujuk kepada borang tender, asas kiraan nilai kontrak adalah berdasarkan kos seorang pengawal/ jam. Untuk makluman, Anggaran Harga Jabatan (AHJ) berdasarkan kos seorang pengawal/ jam telah pun mengambil kira dasar gaji minimum, kadar gaji/ overtime (OT) yang ditetapkan oleh Kementerian Sumber Manusia dan juga kos peralatan seperti CCTV, watchman clock, baju seragam dan lain-lain peralatan keselamatan seperti yang dinyatakan dalam kontrak.

b. Memandangkan KPM telah pun mematuhi dasar gaji minimum, maka semakan harga kontrak/ AHJ bagi mendapatkan harga yang dikatakan munasabah berdasarkan jumlah aset, jarak bandar dari sekolah, keluasan sekolah dan bilangan pelajar tidak timbul.

Pembekalan alat seperti CCTV, watchman clock dan sebagainya diasingkan daripada PKK dan diserahkan kepada syarikat yang mempunyai kepakaran dalam perkara berkaitan

a. KPM telah melaksanakan kajian pasaran dan membuat perbandingan kos antara:

i. kontrak sedia ada di mana pembekalan CCTV, watchman clock dan lain-lain peralatan keselamatan merupakan obligasi kontraktor PKK yang dilantik; dengan

ii. kontrak PKK dan pembekalan peralatan keselamatan diasingkan menjadi 2 kontrak yang berbeza.

b. Perbandingan kos perolehan PKK dan pembekalan peralatan keselamatan di satu buah sekolah sepanjang tempoh kontrak selama 36 bulan adalah seperti yang berikut:

Nilai Kontrak Termasuk Pembekalan Peralatan Keselamatan	Nilai Kontrak Tanpa Pembekalan Peralatan Keselamatan	Kos Perolehan CCTV dan Watchman Clock
RM438,497	RM420,394	RM35,405

c. Perbezaan kos antara terma kontrak sedia ada di mana pembekalan CCTV dan watchman clock merupakan obligasi kontraktor PKK serta terma kontrak

tanpa obligasi pembekalan CCTV dan watchman clock adalah lebih kurang RM18,000.

d. *Berdasarkan semakan harga pasaran, kos perolehan CCTV dan watchman clock daripada syarikat yang mempunyai kepakaran adalah dalam lingkungan kos RM35,000 untuk tempoh operasi selama 36 bulan. Lazimnya, perolehan CCTV dan watchman clock secara berasingan daripada kontrak PKK adalah termasuk kos pemasangan secara one-off serta kos operasi dan penyelenggaraan bagi satu tempoh kontrak yang panjang.*

e. *Justeru, jumlah pertambahan kos perolehan PKK dan pembekalan peralatan keselamatan di satu (1) buah sekolah sepanjang tempoh kontrak selama 36 bulan adalah sejumlah RM17,000 (4%).*

f. *Sekiranya perolehan CCTV dan watchman clock dilaksanakan secara berasingan, perkara ini akan melibatkan pengurusan dua kontrak yang berbeza, iaitu kontrak PKK dan kontrak pembekalan peralatan keselamatan. Secara tidak langsung ini akan meningkatkan beban tugas pihak sekolah dalam pemantauan kontrak dan pengesahan pelaksanaan kerja kontraktor.*

g. *Sehubungan itu, KPM berpandangan terma kontrak bagi pembekalan CCTV dan watchman clock wajar dikekalkan dalam kontrak PKK sedia ada memandangkan pelaksanaan perolehan CCTV dan watchman clock secara berasingan akan membebankan Kerajaan dari segi kewangan dan pentadbiran.*

4 (44.4%) premis mempunyai antara satu hingga 3 isu berulang

a. *Bagi SMK Syed Alwi, Kangar Perlis; SMK Seksyen 11, Shah Alam, Selangor; Asrama SMK Seksyen 11 Shah Alam Selangor; dan Asrama SMK Seksyen 18, Shah Alam, Selangor, pihak sekolah dan PPD yang terlibat telah mengeluarkan surat/notis arahan tuntutan bayaran balik/denda kepada syarikat tersebut. Bagi syarikat yang gagal membuat bayaran balik, penyelarasan semula kepada tuntutan bayaran bulanan akan dilaksanakan. Manakala bagi kontrak yang telah tamat, KPM telah mengeluarkan surat arahan penahanan Bon Pelaksanaan (BP) untuk mengenakan denda/ merampas keseluruhan BP tersebut.*

b. *Pihak sekolah juga telah mengambil langkah untuk memastikan kontraktor baharu sentiasa mematuhi skop perkhidmatan dan terma kontrak.*

c. *Denda sejumlah RM2,355.50 bagi clocking yang tidak dilaksanakan dengan sempurna telah dikenakan kepada syarikat baru di Asrama SMK Seksyen 18, Selangor.*

20.5.2. Pelaksanaan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan

Kontraktor hendaklah melaksanakan perkhidmatan, mengikut arahan Kerajaan, dari semasa ke semasa, sama ada secara lisan atau bertulis mulai tarikh kuat kuasa yang dinyatakan mengikut terma dan syarat dalam perjanjian. Semakan Audit terhadap pelaksanaan PKK mendapati perkara seperti yang berikut:

20.5.2.1. Syarat Pengambilan Pengawal Keselamatan

Klausa 2.1 Perjanjian menyatakan Kontraktor hendaklah mematuhi undang-undang yang dilaksanakan oleh mana-mana agensi Kerajaan yang berkenaan dengan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan, Peraturan-Peraturan Ejensi Persendirian 1970 dan Peraturan-Peraturan Pengambilan Ejensi Persendirian. Pekeliling Agensi Persendirian Bil. 4 Tahun 2010, KDN menyatakan antara syarat pengambilan pekerja dan pengawal oleh Syarikat Kawalan Keselamatan Persendirian adalah semua PK diwajibkan menjalani ujian air kencing dan hanya PK yang telah lulus ujian air kencing dibenarkan bekerja. Semakan Audit mendapati perkara ini tidak dinyatakan dalam perjanjian PKK di Kementerian.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 11 Mac 2016

a. KPM sentiasa mendapatkan nasihat dan pandangan KDN bagi menambah baik skop perkhidmatan/terma kontrak PKK.

b. KPM telah mengadakan beberapa perbincangan dengan KDN berkaitan keperluan mewajibkan ujian air kencing kepada PK seperti yang berikut:

i. Perbincangan pada 14 Januari 2015 di mana pihak KDN bersetuju dan memberikan komitmen bahawa KDN akan:

- *Mengeluarkan surat pengesahan bahawa ujian air kencing adalah termasuk dalam kelulusan tapisan keselamatan yang dilaksanakan oleh KDN; dan*
- *Menyatakan bahawa tanggungjawab pelaksanaan ujian air kencing adalah di bawah bidang kuasa KDN selaras dengan pekeliling tersebut.*

KPM telah menyusuli perkara ini dengan pihak KDN melalui surat ruj. KPMSP.400-9/2/1 (38) bertarikh 10 Ogos 2015 namun pihak KDN masih belum memberikan sebarang maklum balas; dan

ii. Dalam Bengkel Penambahbaikan Garis Panduan Perolehan Perkhidmatan KPM pada 26 hingga 29 Januari 2016, KPM menekankan kepada wakil KDN supaya ujian air kencing PK ditetapkan sebagai syarat wajib kelulusan Tapisan Keselamatan seperti yang dipersetujui dalam perbincangan KPM bersama KDN pada 14 Januari 2015.

c. Sebelum ini, KPM tidak memasukkan keperluan pelaksanaan ujian air kencing ke atas PK dalam dokumen tender dan dokumen kontrak bagi mengelakkan Pengarah JPN/ Pengetua/ Guru Besar dibebankan dengan tanggungjawab pelaksanaan ujian air kencing ke atas PK. Selain itu, tanggungjawab pelaksanaan air kencing bukanlah di bawah bidang tugas KPM memandangkan kewajipan pelaksanaan ujian air kencing adalah syarat yang ditetapkan di bawah pekeliling tersebut yang dikeluarkan oleh KDN.

d. Berdasarkan teguran audit dan semakan ke atas perjanjian PKK di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendapati pada Klausa 7.3(g)

berkaitan pelantikan pengawal menyatakan bahawa "Kontraktor hendaklah memastikan bahawa pengawal yang dilantik LULUS ujian air kencing dalam tempoh 14 hari dari tarikh mula perjanjian. Mana-mana pengawal yang didapati tidak lulus ujian air kencing dalam tempoh yang telah ditetapkan tidak dibenarkan berkhidmat dan perlu diganti dengan pengawal yang TELAH LULUS ujian air kencing dengan serta merta."

e. Selaras dengan pengesyoran audit mengenai keperluan untuk mewujudkan klausa ujian air kencing terhadap PK di dalam terma kontrak PKK KPM, penambahbaikan ini akan dilaksanakan bagi kontrak yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2017.

f. Penambahbaikan ini tidak dapat dilaksanakan lebih awal kerana tender bagi kontrak berkuat kuasa mulai April 2016 telah dilancarkan pada 22 Januari 2016.

20.5.2.2. *Watchman Clock*

Penggunaan *watchman clock* dalam PKK adalah bertujuan untuk memastikan rondaan dijalankan di lokasi dan mengikut tempoh ditetapkan dengan mengunci jam (watchman clock) sebagai bukti pelaksanaan. Surat Arahan penambahbaikan BPPA KPM bertarikh 18 Februari 2013 menyatakan rondaan perlu dilaksanakan setiap 2 jam dalam masa bertugas. Perjanjian PKK pula menyatakan PK perlu membuat kawalan kawasan dan membuat laporan bertulis mengenai rondaan di sekeliling kawasan premis dalam Buku Laporan Bertugas harian setiap 2 jam. Semakan Audit terhadap prestasi *clocking* yang dilaksanakan bagi tempoh bulan Januari hingga Jun 2015 mendapati *clocking* tidak dilaksanakan setiap 2 jam, *clocking* tidak dilaksanakan pada semua lokasi yang ditetapkan dan *clocking* pada waktu yang sama bagi beberapa lokasi. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 20.8
PRESTASI *CLOCKING* YANG DILAKSANAKAN OLEH PENGAWAL KESELAMATAN BAGI TEMPOH BULAN JANUARI HINGGA JUN 2015

BIL.	NEGERI	BIL. PREMIS DILAWATI	BILANGAN PREMIS		
			a	b	c
1.	Melaka	11	2	3	3
2.	Kedah	9	7	3	3
3.	Perlis	7	-	-	-
4.	Kelantan	18	14	14	13
5.	Selangor	14	3	2	4
JUMLAH		**59**	**26**	**22**	**23**

Nota:
a - Clocking Tidak Dilaksanakan Setiap 2 Jam
b - Clocking Tidak Dilaksanakan Pada Semua Lokasi
c - Clocking Dilaksanakan Pada Waktu Yang Sama Bagi Beberapa Lokasi (Analog Watchman Clock)

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 11 Mac 2016

a. Pihak PPD mengenal pasti bahawa terdapat PK yang beranggapan bahawa tugas utama mereka adalah untuk mengunci watchman clock di semua check point berbanding melaksanakan rondaan ke semua kawasan strategik dan berisiko di sekolah. Perkara ini menyumbang kepada purata tempoh masa menyelesaikan clocking yang singkat.

b. KPM telah memastikan bahawa skop perkhidmatan dan terma yang terkandung dalam dokumen kontrak menjelaskan tentang tugas dan peranan PK secara terperinci. Pihak sekolah, PPD dan JPN melalui taklimat, perbincangan dan surat-surat peringatan sentiasa memastikan kontraktor dan PK jelas tentang tugas dan peranan PK.

c. PPD dan sekolah juga telah melaksanakan pengujian kepada laluan rondaan bagi mengenal pasti purata tempoh rondaan ke semua check point watchman clock sebagai tanda aras ketika memberikan pengesahan kepada Borang PKK 3 - Laporan Pengesahan Pelaksanaan Kunci Jam Watchman Clock yang dilampirkan dalam tuntutan bayaran bulanan PKK.

d. Bagi memastikan pihak Kerajaan tidak mengalami sebarang kerugian terhadap setiap pelanggaran kontrak, KPM telah melaksanakan tindakan berikut:

i. Berdasarkan arahan KPM ruj. KPMSP.400-12/3/1 (27) dan (34) bertarikh 12 Februari 2016 dan 8 Mac 2016, PPD telah melaksanakan proses kutipan balik jumlah mulai Februari 2016. Pihak kontraktor diberi tempoh 14 hari daripada tarikh surat untuk menjelaskan jumlah denda. Sekiranya pihak kontraktor gagal berbuat demikian, JPN dan KPM akan mengutip jumlah denda daripada tuntutan bayaran yang belum dijelaskan atau daripada nilai BP; dan

ii. KPM telah mengeluarkan arahan penahanan BP kepada pihak bank/syarikat kewangan/syarikat insurans melalui surat ruj. KPMSP.400-6/1/2 Jld. 3 (69) hingga (80) bertarikh 4 Mac 2016 bagi 12 kontraktor yang telah tamat tempoh kontrak untuk memastikan kutipan semula jumlah denda/pemotongan diselesaikan sebelum BP dilepaskan.

Pada pendapat Audit, prestasi *clocking* yang dilaksanakan adalah kurang memuaskan kerana *clocking* tidak dilaksanakan seperti yang dinyatakan dalam perjanjian.

20.5.2.3. Peralatan Yang Digunakan

Lampiran Senarai Peralatan kepada perjanjian PKK telah menyenaraikan peralatan yang perlu dibekalkan oleh Kontraktor seperti *watchman clock*, *walkie talkie*, cotar, wisel, baju hujan, lampu suluh, CCTV dan lain-lain yang berkaitan. Semakan Audit terhadap peralatan yang digunakan dalam PKK mendapati perkara yang berikut:

20.5.2.3.1. Perbezaan Kuantiti Peralatan Berbanding Perjanjian

Semasa lawatan Audit di premis yang terlibat, didapati peralatan yang tidak dibekalkan/cukup seperti yang dinyatakan dalam perjanjian antaranya seperti *point watchman clock*, lampu picit, baju hujan, wisel, *walkie talkie* dan baju pemantul cahaya. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 20.9
PERALATAN TIDAK DIBEKALKAN/MENCUKUPI

PREMIS	PERALATAN											
	a	b	c	d	e	f	g	h	i	j	k	l
MELAKA												
SMK Tun Syed Zahiruddin, Jasin	-	-	-	-	-	-	-	<2	-	-	x10	-
SMK Jasin, Jasin	<2	x4	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
SMK Seri Bemban, Jasin	<2	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Asrama SMK Sungai Rambai, Jasin	<1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
KEDAH												
SMK Tajar, Alor Setar	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	x10	-
SMK Sultanah Asma, Alor Setar	-	-	<14	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Asrama SMK Sultanah Asma, Alor Setar	-	-	<14	-	-	-	-	-	-	-	-	-
SMK Tunku Anum Abdul Rahman, Kubang Pasu	-	-	-	<1	-	-	-	-	-	-	-	-
Asrama SMK Tunku Anum Abdul Rahman, Kubang Pasu	-	-	-	<1	-	-	-	-	-	-	-	-
SMK Seri Ampang, Alor Setar	-	-	-	x2	-	-	-	-	-	-	-	-
PERLIS												
SMK Putra, Kangar	-	-	-	-	<2	-	-	-	-	-	-	-
SMK Derma, Kangar	-	-	<1	-	<2	-	-	-	-	-	-	-
Asrama SMK Derma, Kangar	-	-	<1	-	<2	-	-	-	-	-	-	-
SMK Syed Alwi, Kangar**	-	-	-	-	<2	-	-	-	-	-	-	-
Asrama SMK Syed Alwi, Kangar	<1	-	-	-	<2	-	-	-	-	-	-	-
SMK Syed Hassan, Kangar	-	-	-	-	<2	-	-	-	-	-	-	-
Asrama SMK Syed Hassan, Kangar	-	-	-	-	<2	-	-	-	-	-	-	-
KELANTAN												
SMK Seri Aman, Pasir Puteh	-	<12	<2	-	<1	-	-	-	-	-	-	-
Asrama Seri Aman, Pasir Puteh	-	<12	<2	-	<1	<1	-	-	-	-	-	-
SMK Tok Janggut, Pasir Puteh	-	<12	<2	-	<1	-	-	-	-	-	-	-
SMK Sungai Petai, Pasir Puteh	-	<12	-	-	<1	-	-	-	<18	-	<220	-
SMK Cherang Ruku, Pasir Puteh	-	<12	-	-	<1	-	-	-	<18	-	<220	-
Asrama SMK Cherang Ruku, Pasir Puteh	-	<12	-	-	<1	<1	-	-	<18	-	<220	-
SMK Zainab I, Kota Bharu	-	<12	<2	-	<1	-	<2	-	-	<23	-	<12
Asrama SMK Zainab I, Kota Bharu	-	<12	<2	-	<1	<1	<2	-	-	<23	-	<12
SMK Kemahang, Tanah Merah	-	<12	-	-	<1	-	-	-	-	-	-	-
Asrama SMK Kemahang, Tanah Merah	-	<12	-	-	<1	<1	-	-	-	-	-	-
SMK Ipoh, Tanah Merah	-	<12	-	-	<1	-	-	-	x2	-	-	-
Asrama SMK Ipoh, Tanah Merah	-	<12	-	-	<1	<1	-	-	x2	-	-	-
SMK Tanah Merah (1), Tanah Merah	-	<12	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Asrama SMK Tanah Merah (1), Tanah Merah	-	<12	-	-	-	<1	-	-	-	-	-	-
SMK Dato Mahmud Paduka Raja(2), Tanah Merah	-	<12	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-

PREMIS	PERALATAN											
	a	b	c	d	e	f	g	h	i	j	k	l
SMK Ismail Petra, Kota Bharu, Kelantan, Tanah Merah	-	<12	-	-	<1	-	<2	-	-	-	-	-
Asrama SMK Ismail Petra, Kota Baharu	-	<12	-	-	<1	<1	<2	-	-	-	-	-
SELANGOR												
SMK Seksyen 11, Shah Alam**	-	-	<1	-	-	-	-	<1	-	<3	-	-
Asrama SMK Seksyen 11, Shah Alam**	-	-	<1	-	<1	-	-	<1	-	x4	-	-
SMK Seri Serdang, Serdang	-	-	-	-	-	-	-	<1	-	x1	-	x1
SMK Seri Kembangan, Serdang	-	x4	-	-	-	-	-	-	-	-	-	x1

Nota : (X) – Tiada Dilokasi; <Kurang Dibekalkan; -Tidak Berkenaan
(**) - Premis yang telah dilawati pada tahun 2012 dan mempunyai isu berulang

a - Point Watchman Clock
b - Wisel
c - Baju Hujan
d - Cctv
e - Walkie Talkie
f - Alarm
g - Cotar
h - Lampu Picit
i - Kon Keselamatan
j - Baju Pantul Cahaya
k - Pas Pelawat
l - First Aid Kit

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 11 Mac 2016

a. Pihak sekolah telah memastikan bahawa pihak kontraktor membekalkan peralatan yang mencukupi seperti yang dinyatakan dalam perjanjian seperti bukti bergambar yang dikemukakan kepada KPM melalui peringatan/amaran lisan dan bertulis sepanjang tempoh kontrak.

b. Bagi memastikan pihak Kerajaan tidak mengalami sebarang kerugian terhadap setiap pelanggaran kontrak, KPM telah melaksanakan tindakan berikut:

i. Berdasarkan pengesahan pelaksanaan kerja bagi PKK oleh pihak sekolah, PPD telah mengenakan denda/pemotongan daripada nilai bulanan kontrak terhadap kontraktor;

ii. Berdasarkan arahan KPM ruj. KPMSP.400-12/3/1 (27) dan (34) bertarikh 12 Februari 2016 dan 8 Mac 2016, sekiranya denda/pemotongan belum dikenakan bagi mana-mana pelanggaran skop perkhidmatan dan terma kontrak yang ditemui oleh pihak Audit, proses kutipan balik jumlah denda telah dilaksanakan oleh PPD bermula Februari 2016. Pihak kontraktor diberi tempoh 14 hari daripada tarikh surat untuk menjelaskan jumlah denda. Sekiranya pihak kontraktor gagal berbuat demikian, JPN dan KPM akan mengutip jumlah denda daripada tuntutan bayaran yang belum dijelaskan atau daripada nilai BP; dan

iii. Mengeluarkan arahan penahanan BP kepada pihak bank/syarikat kewangan/syarikat insurans melalui surat ruj. KPMSP.400-6/1/2 Jld. 3 (69) hingga (80) bertarikh 4 Mac 2016 bagi 12 kontraktor yang telah tamat tempoh kontrak sehingga 31 Januari 2016 bagi memastikan kutipan semula jumlah denda/pemotongan diselesaikan sebelum BP dilepaskan.

20.5.2.3.2. Pemasangan Sistem Penggera

Semakan Audit mendapati sistem penggera yang dipasang di 9 (47.4%) daripada 19 premis telah rosak/tidak digunakan mengikut objektif

pemasangannya. Antara masalah sistem penggera adalah lampu LED di alat pengesan tidak menyala, alat pengesan tiada di lokasi, suis utama penggera tidak dipasang pada punca kuasa dan pihak pentadbir/PK tidak tahu cara penggunaan penggera. Butiran lanjut adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 20.10
SISTEM PENGGERA YANG ROSAK ATAU TIDAK DIGUNAKAN

PREMIS	BUTIRAN
KELANTAN	
Asrama SMK Seri Aman, Pasir Puteh	• Lampu LED tidak menyala **(Gambar 20.1)** • *Alarm setting* tidak diaktifkan **(Gambar 20.2)**
Asrama SMK Tanah Merah (1), Tanah Merah	• Sistem penggera rosak sebab banjir dan tiada penggantian **(Gambar 20.3)**
Asrama SMK Cherang Ruku, Pasir Puteh	• Lampu LED tidak menyala **(Gambar 20.4)** • *Alarm setting* tidak diaktifkan
Asrama SMK Tok Janggut, Pasir Puteh	• Lampu LED tidak menyala **(Gambar 20.5)** • *Alarm setting* tidak diaktifkan
Asrama SMK Ismail Petra, Kota Baharu	• *Alarm setting* tidak diaktifkan **(Gambar 20.6)**
Asrama SMK Zainab 1, Kota Bharu	• Lampu LED tidak menyala dan alat pengesan telah tercabut dari tempat asal **(Gambar 20.7)** • Alat pengesan tiada di lokasi (ditanggalkan semasa pemasangan langsir dan tidak dipasang semula) **(Gambar 20.8)**
SELANGOR	
Asrama SMK Seksyen 11, Shah Alam	• Sistem penggera rosak **(Gambar 20.9)**
SMK Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang	• *Alarm setting* tidak diaktifkan **(Gambar 20.10)**
Asrama SMK Seri Sepang, Sepang	• *Alarm setting* tidak diaktifkan **(Gambar 20.11)** • Lampu LED tidak menyala **(Gambar 20.12)**

GAMBAR 20.1

Asrama SMK Seri Aman, Pasir Puteh, Kelantan
Lampu LED Tidak Menyala
(27.09.2015)

GAMBAR 20.2

Asrama SMK Seri Aman, Pasir Puteh, Kelantan
Alarm Setting Tidak Diaktifkan
(27.09.2015)

GAMBAR 20.3

Asrama SMK Tanah Merah (1), Tanah Merah, Kelantan
Sistem Penggera Rosak Akibat Banjir
Dan Tiada Penggantian
(28.09.2015)

GAMBAR 20.4

Asrama SMK Cherang Ruku, Pasir Puteh, Kelantan
Lampu LED Tidak Menyala
(28.09.2015)

GAMBAR 20.5

Asrama SMK Tok Janggut, Pasir Puteh, Kelantan
Lampu LED Tidak Menyala
(29.09.2015)

GAMBAR 20.6

Asrama SMK Ismail Petra, Tanah Merah, Kelantan
Alarm Setting Tidak Diaktifkan
(30.09.2015)

GAMBAR 20.7



Asrama SMK Zainab 1, Kota Bharu, Kelantan
Lampu LED Tidak Menyala Dan Pengesan
Telah Tercabut Dari Tempat Asal
(30.09.2015)

GAMBAR 20.8

Asrama SMK Zainab 1, Kota Bharu, Kelantan
Alat Pengesan Tiada Di Lokasi
(30.09.2015)

GAMBAR 20.9

Asrama SMK Seksyen 11, Shah Alam, Selangor
Sistem Penggera Rosak
(27.10.2015)

GAMBAR 20.10

SMK Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang, Selangor
Alarm Setting Tidak Diaktifkan
(29.10.2015)

GAMBAR 20.11

Asrama SMK Seri Sepang, Sepang, Selangor
Alarm Setting Tidak Diaktifkan
(29.10.2015)

GAMBAR 20.12



Asrama SMK Seri Sepang, Sepang, Selangor
Lampu LED Tidak Menyala
(29.10.2015)

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 11 Mac 2016

a. Semakan dengan pihak sekolah mendapati terdapat Pentadbir Sekolah dan PK yang mengakui tidak tahu cara penggunaan sistem penggera yang dibekalkan oleh kontraktor;

b. Pihak kontraktor yang berjaya dilantik telah diarahkan untuk memberikan latihan secukupnya kepada pihak sekolah tentang tatacara penggunaan CCTV dan sistem penggera. Arahan ini dibuat semasa penyerahan SST kepada kontraktor diadakan; dan

c. Pihak sekolah telah memastikan bahawa pihak kontraktor membekalkan peralatan yang mencukupi seperti yang dinyatakan dalam perjanjian seperti bukti bergambar yang dikemukakan kepada KPM melalui peringatan/amaran lisan dan bertulis sepanjang tempoh kontrak.

20.5.2.3.3. Peralatan Rosak Dan Tiada Penggantian

Pemeriksaan Audit pada Ogos hingga September mendapati peralatan yang rosak semasa pengauditan dijalankan antaranya lampu picit, *walkie talkie*, *monitor CCTV*, kamera CCTV, baju hujan, *watchman clock* dan pembesar suara. Bagaimanapun, tiada rekod berkenaan tarikh kerosakan sebenar disimpan. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 20.11
PERALATAN ROSAK DAN TIADA PENGGANTIAN

SEKOLAH	PERALATAN YANG ROSAK
MELAKA	
SMK Jasin, Jasin	Lampu pada jam tidak menyala dan waktu yang ditunjukkan di jam adalah 9.41 pagi (Waktu Sebenar 11.40 Pagi) **(Gambar 20.13)**
SMK Tun Syed Zahiruddin, Jasin,	1 unit lampu picit rosak **(Gambar 20.14)**
SMK Sungai Rambai, Jasin	Monitor CCTV di pondok pengawal rosak **(Gambar 20.15)**
SMK Paya Rumput, Melaka Tengah	1 unit baju hujan
SMK Ade Putra, Alor Gajah	1 unit pembesar suara
KEDAH	
• SMK Tunku Anum Tun Abdul Rahman, Kubang Pasu • Asrama SMK Tunku Anum Tun Abdul Rahman, Kubang Pasu	1 unit lampu picit
	Digital *watchman clock*
SMK Keat Hwa, Alor Setar	1 point CCTV rosak **(Gambar 20.16)**
	1 pasang baju hujan
SMK Tun Sharifah Rodziah, Alor Setar	Monitor CCTV rosak **(Gambar 20.17)**
	2 unit *walkie talkie*
SMK Seri Ampang, Alor Setar	2 pasang baju hujan rosak **(Gambar 20.18)**
	2 unit lampu picit
	2 unit *walkie talkie*
PERLIS	
SMK Syed Hassan, Kangar	Lampu pada jam tidak menyala dan waktu yang ditunjukkan di jam adalah 1.40 petang (Waktu Sebenar 2.20 petang) **(Gambar 20.19)**
	Walkie talkie
Asrama SMK Syed Hassan, Kangar	*Walkie talkie*

SEKOLAH	PERALATAN YANG ROSAK
Asrama SMK Derma, Kangar	1 unit lampu picit rosak **(Gambar 20.20)**
	Monitor CCTV rosak **(Gambar 20.21)**
Asrama SMK Syed Alwi, Kangar	Monitor CCTV rosak **(Gambar 20.22)**
	1 unit lampu picit rosak **(Gambar 20.23)**
SMK Putra, Kangar	1 pasang baju hujan koyak **(Gambar 20.24)**
KELANTAN	
SMK Sungai Petai, Pasir Puteh	2 point CCTV rosak **(Gambar 20.25)**
SMK Cherang Ruku, Pasir Puteh	*Walkie Talkie* rosak **(Gambar 20.26)**
SMK Zainab I, Kota Bharu	*Walkie Talkie*
SMK D'Mahmud Paduka Raja (2), Tanah Merah	• Waktu yang ditunjukkan di jam adalah 10.27 pagi (Waktu Sebenar 1.21 petang) **(Gambar 20.27)** • Lampu picit • 1 point CCTV rosak **(Gambar 20.28)**
Asrama SMK Ismail Petra, Tanah Merah	2 unit lampu picit rosak **(Gambar 20.29)**
SELANGOR	
SMK Shahbandaraya, Shah Alam	1 point CCTV rosak **(Gambar 20.30)**
SMK Seksyen 11, Shah Alam	• Monitor CCTV rosak **(Gambar 20.31)** • *Walkie talkie*
Asrama SMK Seksyen 11, Shah Alam	• 2 point CCTV rosak **(Gambar 20.32)**
Asrama SMK Seksyen 18, Shah Alam	Monitor CCTV rosak **(Gambar 20.33)**
SMK Seri Sepang, Sepang	1 unit lampu picit dan *charger* rosak **(Gambar 20.34)**

Nota : (*) - Premis Yang Pernah Dilawati Pada Tahun 2012 Dan Mempunyai Isu Berulang

GAMBAR 20.13

SMK Jasin, Jasin, Melaka
Lampu Pada Jam Tidak Menyala Dan Waktu Yang Ditunjukkan Di Jam Adalah 9.41 Pagi (Waktu Sebenar 11.40 Pagi)
(24.08.2015)

GAMBAR 20.14

SMK Tun Syed Zahiruddin, Jasin, Melaka
1 Unit Lampu Picit Rosak
(25.08.2015)

GAMBAR 20.15

SMK Sungai Rambai, Jasin, Melaka
Monitor CCTV Rosak
(25.08.2015)

GAMBAR 20.16



SMK Keat Hwa, Alor Setar, Kedah
1 Point CCTV Rosak
(07.09.2015)

GAMBAR 20.17

SMK Tun Sharifah Rodziah, Alor Setar, Kedah
Monitor CCTV Rosak
(07.09.2015)

GAMBAR 20.18

SMK Seri Ampang, Alor Setar, Kedah
2 Unit Baju Hujan Rosak
(08.09.2015)

GAMBAR 20.19



SMK Syed Hassan, Kangar, Perlis
Lampu Pada Jam Tidak Menyala Dan Waktu Yang Ditunjukkan Di Jam Adalah 1.40 Petang (Waktu Sebenar 2.20 petang)
(10.09.2015)

GAMBAR 20.20

Asrama SMK Derma, Kangar, Perlis
1 Unit Lampu Picit Rosak
(09.09.2015)

GAMBAR 20.21

Asrama SMK Derma, Kangar, Perlis
Monitor CCTV Rosak
(09.09.2015)

GAMBAR 20.22

Asrama SMK Syed Alwi, Kangar, Perlis
Monitor CCTV Rosak
(10.09.2015)

GAMBAR 20.23

Asrama SMK Syed Alwi, Kangar, Perlis
1 Unit Lampu Picit Rosak
(10.09.2015)

GAMBAR 20.24

SMK Putra, Kangar, Perlis
Baju Hujan Koyak
(09.09.2015)

GAMBAR 20.25



SMK Sungai Petai, Pasir Puteh, Kelantan
2 point CCTV Rosak
(28.09.2015)

GAMBAR 20.26

SMK Cherang Ruku, Pasir Puteh, Kelantan
Walkie Talkie Rosak
(28.09.2015)

GAMBAR 20.27

SMK Dato' Mahmud Paduka Raja (2), Tanah Merah, Kelantan
Waktu Yang Ditunjukkan Di Jam Adalah
10.27 Pagi
(Waktu Sebenar 1.21 Petang)
(28.09.2015)

GAMBAR 20.28

SMK Dato' Mahmud Paduka Raja (2), Tanah Merah, Kelantan
1 Point CCTV Rosak
(28.09.2015)

GAMBAR 20.29

Asrama SMK Ismail Petra, Tanah Merah, Kelantan
2 Unit Lampu Picit Rosak
(30.09.2015)

GAMBAR 20.30



SMK Shahbandaraya, Klang, Selangor
1 Point CCTV Rosak
(26.10.2015)

GAMBAR 20.31

SMK Seksyen 11, Shah Alam, Selangor
Monitor CCTV Rosak
(27.10.2015)

GAMBAR 20.32

Asrama SMK Seksyen 11, Shah Alam, Selangor
2 Point CCTV Rosak
(27.10.2015)

GAMBAR 20.33



Asrama SMK Seksyen 18, Shah Alam, Selangor
Monitor CCTV Rosak
(27.10.2015)

GAMBAR 20.34

SMK Seri Sepang, Sepang, Selangor
1 Unit Lampu Picit Dan Charger Rosak
(29.10.2015)

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 11 Mac 2016

a. Pihak sekolah telah memastikan bahawa pihak kontraktor membekalkan peralatan yang berfungsi dengan sempurna seperti bukti bergambar yang dikemukakan kepada KPM melalui peringatan/ amaran lisan dan bertulis sepanjang tempoh kontrak.

b. Bagi memastikan pihak Kerajaan tidak mengalami sebarang kerugian terhadap kegagalan kontraktor menyediakan peralatan yang berfungsi dengan sempurna sepanjang masa, KPM telah melaksanakan tindakan berikut:

i. Berdasarkan pengesahan pelaksanaan kerja bagi PKK oleh pihak sekolah, PPD telah mengenakan denda/pemotongan daripada nilai bulanan kontrak terhadap kontraktor;

ii. Berdasarkan arahan KPM ruj. KPMSP.400-12/3/1 (27) dan (34) bertarikh 12 Februari 2016 dan 8 Mac 2016, sekiranya denda/pemotongan belum dikenakan bagi mana-mana pelanggaran skop perkhidmatan dan terma kontrak, proses kutipan balik jumlah denda telah dilaksanakan oleh PPD bermula Februari 2016. Pihak kontraktor diberi tempoh 14 hari daripada tarikh surat untuk menjelaskan jumlah denda. Sekiranya pihak kontraktor gagal berbuat demikian, JPN dan KPM akan mengutip jumlah denda daripada tuntutan bayaran yang belum dijelaskan atau daripada nilai BP; dan

iii. KPM telah mengeluarkan arahan penahanan BP kepada pihak bank/ syarikat kewangan/ syarikat insurans melalui surat ruj. KPMSP.400-6/1/2 Jld. 3 (69) hingga (80) bertarikh 4 Mac 2016 bagi 12 kontraktor yang telah tamat tempoh kontrak sehingga 31 Januari 2016 bagi memastikan kutipan semula jumlah denda/pemotongan diselesaikan sebelum BP dilepaskan.

20.5.2.3.4. Pemasangan CCTV

Mengikut kontrak Para 4.1 Lampiran 1, Skop Dan Spesifikasi Perkhidmatan bagi kontrak yang ditandatangani mulai tahun 2015 (bagi perjanjian PKK di Melaka dan Kedah) menyatakan minimum jumlah kamera yang perlu dipasang adalah 6 unit dan monitor hendaklah dipasang di pos/pondok pengawal dan di bilik/pejabat pentadbir. Semakan Audit mendapati 2 premis

di Melaka dan 4 premis di Kedah hanya dibekalkan satu unit monitor dan 2 premis hanya dipasang 4 unit kamera. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 20.12
PREMIS YANG PERLU DIPASANG 6 KAMERA CCTV DAN 2 UNIT MONITOR

PREMIS	MONITOR YANG DIBEKALKAN (unit)	KAMERA YANG DIBEKALKAN (unit)
MELAKA		
SMK Sungai Rambai, Jasin	1	6
Asrama SMK Sungai Rambai, Jasin	1	6
KEDAH		
SMK Tajar, Alor Setar	1	6
SMK Sultanah Asma, Alor Setar **(Gambar 20.35)**	1	4
Asrama SMK Sultanah Asma, Alor Setar **(Gambar 20.36)**	1	4
SMK Keat Hwa, Alor Setar	1	6

GAMBAR 20.35

SMK Sultanah Asma, Alor Setar, Kedah
CCTV Hanya Dipasang Dengan 4 Unit Kamera
(06.09.2015)

GAMBAR 20.36



Asrama SMK Sultanah Asma, Alor Setar, Kedah
CCTV Hanya Dipasang Dengan 4 Unit Kamera
(06.09.2015)

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 11 Mac 2016

a. ***KPM telah mengedarkan surat pemakluman ruj. KPMSP.400-12/3/2 bertarikh 6 Julai 2015 kepada semua Bahagian dan JPN supaya mengambil perhatian serius berkenaan pematuhan kontraktor kepada skop perkhidmatan dan terma kontrak, pengesahan pelaksanaan kerja dan pematuhan terhadap peraturan kewangan dan akaun dalam semua urusan perolehan dan pengurusan PKK.***

b. ***KPM telah mengeluarkan surat pemakluman ruj. KPMSP.400-12/3/1 (27) bertarikh 29 Januari 2016 kepada sekolah-sekolah, PPD dan JPN yang terlibat supaya pihak sekolah mengeluarkan surat peringatan kepada kontraktor yang tidak membekalkan kamera CCTV dan monitor mengikut terma kontrak. Sekiranya tiada tindakan daripada pihak kontraktor, pihak sekolah hendaklah mengesyorkan kepada Pusat Pembayar/PPD untuk mengenakan denda terhadap kontraktor tersebut.***

c. ***PPD telah mengadakan lawatan ke sekolah yang terlibat dan mendapati bahawa pihak kontraktor telah membekalkan monitor dan CCTV seperti terma kontrak.***

Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan PKK bagi peralatan yang dibekalkan dan digunakan bagi tujuan PKK adalah kurang memuaskan kerana masih terdapat isu peralatan kurang/tidak dibekalkan dan peralatan rosak.

20.5.3. Denda Dan Pemotongan

Klausa 12.1 Perjanjian menyatakan jika perkhidmatan yang dilaksanakan tidak mengikut terma dan syarat perjanjian, Kerajaan boleh mengambil tindakan mengenakan denda dengan jumlah 20% daripada jumlah bulanan nilai perjanjian bagi premis terlibat. Manakala klausa 12.2 menyatakan tanpa menjejaskan klausa 12.1, jika didapati mana-mana pekerja Kontraktor tidak hadir bertugas mengikut terma-terma dan syarat dalam perjanjian, Kerajaan boleh mengenakan denda dengan jumlah yang sama banyak dengan gaji sejam setiap pekerja yang tidak hadir tersebut. Semakan Audit terhadap baucar bayaran bagi tempoh bulan Januari hingga Jun 2015 melibatkan 59 premis yang dilawati mendapati sejumlah RM183,403 denda tidak dikenakan kepada Kontraktor atas perkhidmatan yang tidak dilaksanakan/tidak mengikut perjanjian dan bayaran penuh telah dijelaskan. Antara ketidakpatuhan adalah PK tidak hadir bekerja, tidak membuat rondaan setiap dua jam dan Kontraktor tidak membekalkan bilangan peralatan yang mencukupi atau tidak mengikut bilangan spesifikasi yang ditetapkan dalam perjanjian.

Pada pendapat Audit, penguatkuasaan denda dan pemotongan masih pada tahap kurang memuaskan kerana terdapat denda yang tidak dikenakan kepada Kontraktor atas perkhidmatan yang tidak dilaksanakan/tidak mengikut perjanjian.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 11 Mac 2016

a. ***PPD mempunyai kekangan bilangan pegawai untuk melaksanakan semakan baucar bayaran dan borang pengesahan kerja dengan teliti di samping menyelesaikan penyemakan terhadap tuntutan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan.***

b. ***Semakan dengan pihak PPD mendapati, sebagai contoh, selain menyemak tuntutan pembayaran, seorang pegawai di PPD Jasin turut melaksanakan tugas Unit Pentadbiran PPD yang merangkumi perolehan dan pengurusan aset, urusan kenaikan pangkat pegawai PPD dan pentadbir sekolah, hal perjawatan dan perkhidmatan, urusan pentadbiran seperti kuarters, HRMIS dan lain-lain tugas.***

c. ***Perkara tersebut menyumbang kepada kesilapan (human error) yang menyebabkan terdapat kenaan denda dan pemotongan yang tidak dilaksanakan.***

d. ***Semakan dengan pihak PPD selaku Pusat Pembayar mendapati:***

   i. ***PPD telah melaksanakan tindakan berdasarkan surat arahan daripada KPM ruj. KPMSP.400-12/3/1 (27) bertarikh 12 Februari 2016 dengan***

mengeluarkan notis tuntutan bayaran balik denda/pemotongan berjumlah RM149,907.02 (81.7%) daripada RM183,403 kepada kontraktor. Daripada jumlah tersebut, PPD Kota Setar dan PPD Kubang Pasu telah menerima bayaran balik sejumlah RM28,003.13 (18.7%);

ii. ***16 baucar bayaran dengan jumlah denda dan pemotongan sejumlah RM33,496.32 (18.3%) daripada RM183,403 masih diteliti oleh PPD Kota Bahru dan notis tuntutan bayaran balik akan dikemukakan kepada kontraktor terlibat; dan***

iii. ***Sekiranya pihak kontraktor gagal melaksanakan bayaran balik masa 14 hari daripada tarikh notis, PPD akan melaksanakan penyelarasan terhadap tuntutan bayaran yang masih belum dijelaskan kepada kontraktor atau menahan BP bagi proses rampasan BP berdasarkan jumlah denda/ pemotongan yang perlu dikenakan.***

Justeru, KPM telah mengeluarkan arahan penahanan BP kepada pihak bank/syarikat kewangan/ syarikat insurans melalui surat ruj. KPMSP.400-6/1/2 Jld. 3 (69) hingga (80) bertarikh 4 Mac 2016 bagi 12 kontraktor yang telah tamat tempoh kontrak bagi memastikan kutipan semula jumlah denda/pemotongan yang merupakan obligasi kontrak/tuntutan terhadap kontraktor diselesaikan sebelum BP dilepaskan.

20.5.4. Analisis Maklum Balas Guru/Pentadbir Sekolah Dan Pelajar

Pihak Audit telah mengedarkan 200 soal selidik kepada guru/pentadbir sekolah dan 600 pelajar di 40 buah sekolah yang dilawati bagi mengukur tahap kepuasan mereka terhadap PKK. Soal selidik meliputi etika pengawal; pelaksanaan perkhidmatan dan pematuhan kepada peraturan PKK. Sebanyak 198 (99%) borang soal selidik guru/pentadbir sekolah dan 593 (98.8%) pelajar telah diterima dan hasil analisis maklum balasnya adalah seperti yang berikut:

20.5.4.1. Maklum Balas Guru/Pentadbir Sekolah

a. 96.4% guru/pentadbir berpuas hati terhadap etika pengawal yang bertugas seperti berdisiplin, menjaga kebersihan dan bersikap profesional; dan

b. 75.7% guru/pentadbir berpuas hati terhadap kualiti perkhidmatan dan keselamatan kawasan sekolah/asrama daripada pencerobohan dan kecurian.

20.5.4.2. Maklum Balas Pelajar

a. 75.8% pelajar berpuas hati terhadap tingkah laku PK seperti tidak merokok, sopan, tidak tidur semasa menjalankan tugas dan menjaga kawalan keluar masuk sekolah; dan

b. 65.3% pelajar berpuas hati terhadap kualiti keselamatan diri dan harta benda dengan PKK di sekolah.

20.5.4.3. Berdasarkan kaji selidik yang dibuat, terdapat beberapa cadangan yang diberikan oleh guru dan pelajar. Antara cadangan yang diberikan adalah seperti yang berikut:

- menambahkan bilangan CCTV;
- menaik taraf pondok pengawal;
- memperbanyakkan kursus PK berkenaan situasi sekolah;
- memastikan Kontraktor/wakil tinggal berdekatan dengan sekolah bagi memudahkan perbincangan sekiranya terdapat masalah;
- tidak melibatkan guru dalam pengawalan keselamatan sekolah; dan
- memendekkan masa syif PK agar mereka dapat rehat yang mencukupi untuk mengurangkan masalah PK tertidur semasa bertugas.

Pada pendapat Audit, berdasarkan maklum balas daripada guru/pentadbir sekolah dan pelajar, perkhidmatan kawalan keselamatan adalah memuaskan, bagaimanapun pihak Kementerian perlu mengkaji cadangan yang dikemukakan oleh guru/pentadbir dan pelajar.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 11 Mac 2016

KPM mengambil maklum dapatan soal selidik yang dilaksanakan oleh pihak Audit dan sentiasa melaksanakan penambahbaikan dari masa ke semasa untuk meningkatkan mutu perkhidmatan PKK di sekolah-sekolah khususnya dan seluruh KPM amnya.

KPM sedang mengkaji pelbagai aspek dalam spesifikasi dan skop perkhidmatan PKK bagi memastikan aktiviti kawalan keselamatan dijalankan dengan teratur dan mencapai matlamat mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat dan kondusif untuk proses pengajaran dan pembelajaran (P&P).

20.5.5. Pemantauan

Pemantauan terhadap aktiviti kawalan keselamatan hendaklah dilakukan secara berterusan bagi memastikan aktiviti kawalan keselamatan dijalankan dengan teratur dan mencapai matlamat mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat dan kondusif untuk proses pembelajaran. Bagi memastikan keadaan ini berlaku, Kementerian melalui Garis Panduan Penilaian Prestasi Kontraktor Perkhidmatan bertarikh 20 Disember 2012 telah memaklumkan mengenai mekanisme penilaian prestasi Kontraktor yang lebih teratur dan seragam. Mekanisme penilaian prestasi perkhidmatan dipecahkan kepada 3 kaedah iaitu Borang Penilaian Prestasi Perkhidmatan, Borang Kaji Selidik Kepuasan Pelanggan dan Mesyuarat Laporan Prestasi Kontraktor Perkhidmatan. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat memastikan ketiga-tiga mekanisme yang telah ditetapkan dilaksanakan di PPD yang

dilawati kerana tiada sebarang dokumen berkaitan dikemukakan semasa pengauditan. Berdasarkan minit mesyuarat BPPA bertarikh 26 November 2015 garis panduan ini akan dilaksanakan secara percubaan mulai bulan Februari 2016 dan sepenuhnya mulai bulan April 2016.

Pada pendapat Audit, kaedah pemantauan yang dilaksanakan adalah memuaskan, bagaimanapun garis panduan yang telah berkuat kuasa tidak dilaksanakan.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 11 Mac 2016

a. Maklum balas Kementerian adalah seperti yang dinyatakan pada perenggan maklum balas berkenaan Garis Panduan Penilaian Prestasi Kontraktor (a) dan (b).

b. Antara instrumen penilaian diguna pakai adalah:

i. Laporan Penilaian Prestasi Perkhidmatan yang diisi dan dilengkapkan oleh Institusi Pendidikan/ sekolah secara bulanan dan dihantar ke PPD/ Institusi Induk dan dibincangkan semasa Mesyuarat Laporan Prestasi Kontraktor Perkhidmatan di peringkat PPD/ Institusi Induk;

ii. Rumusan Laporan Penilaian Prestasi Kontraktor Perkhidmatan yang disediakan oleh PPD/ Institusi Induk berdasarkan laporan yang dikemukakan oleh Institusi Pendidikan/ sekolah dan dibincangkan semasa Mesyuarat Laporan Prestasi Kontraktor Perkhidmatan di peringkat JPN/ Institusi Induk; dan

iii. Mesyuarat Laporan Prestasi Kontraktor dicadangkan diadakan 2 kali setahun di peringkat PPD, JPN/ Institusi Induk dan BPPA, KPM.

20.6. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan membolehkan Kerajaan mendapat *best value for money* terhadap perkhidmatan ini adalah disyorkan supaya pihak terlibat mengambil langkah seperti yang berikut:

20.6.1. Kementerian perlu menambah baik kontrak PKK bagi mematuhi Surat Pekeliling Agensi Persendirian Bilangan 1 Tahun 2006, KDN yang menetapkan keperluan lulus ujian air kencing dan tapisan keselamatan kepada semua pengawal keselamatan.

20.6.2. Kementerian perlu memastikan setiap syarat kontrak dipatuhi oleh Kontraktor dan tindakan mengenakan denda/pemotongan perlu dikuatkuasakan daripada membenarkan isu berulang terus berlaku; dan

20.6.3. pendedahan prosedur penyemakan terhadap dokumentasi PKK oleh pihak sekolah perlu dititikberatkan sebelum diperakukan untuk tujuan pembayaran bagi mengelakkan berlakunya *improper payment.*

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

21. PENGURUSAN PROGRAM RANCANGAN MAKANAN TAMBAHAN

21.1. LATAR BELAKANG

21.1.1. Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) bertujuan untuk membantu meningkatkan taraf pemakanan murid daripada golongan ibu bapa atau penjaga yang berada di bawah Paras Garis Kemiskinan Nasional (PGK) agar dapat memberi tumpuan sepenuhnya dalam usaha pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Antara lain objektif program adalah seperti yang berikut:

a. memberi makanan tambahan yang berzat dan seimbang kepada murid untuk membantu mengatasi pelbagai masalah dari segi pertumbuhan badan dan kekurangan tenaga; dan

b. untuk memupuk budaya sopan santun, disiplin dan timbang rasa serta amalan berkaitan kebersihan diri, makanan dan alam sekitar.

21.1.2. Kementerian telah diperuntukkan sejumlah RM758.48 juta bagi tahun 2013 hingga 2015 untuk pelaksanaan program RMT. Syarat kelayakan bagi permohonan bantuan program RMT ialah pendapatan bulanan keluarga di antara RM460 hingga RM630 atau RM110 hingga RM130 per kapita bagi tahun 2013. Manakala bagi tahun 2014 dan 2015, pendapatan bulanan keluarga di antara RM520 hingga RM660 atau RM130 hingga RM140 per kapita. Program ini dilaksanakan sepanjang 190 hari persekolahan dalam setahun.

21.1.3. Bilangan murid yang menerima bantuan program RMT bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 adalah seramai 1,665,954 orang yang melibatkan 21,936 buah sekolah rendah. Maklumat jumlah sekolah dan penerima keseluruhan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 21.1
JUMLAH MURID DAN SEKOLAH YANG MENERIMA BANTUAN RMT
BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015

NEGERI	2013		2014		2015		JUMLAH KESELURUHAN	
	BIL. SEKOLAH	JUMLAH MURID	BIL. SEKOLAH	JUMLAH MURID	BIL. SEKOLAH	JUMLAH MURID	SEKOLAH	MURID
Perlis	74	4,765	74	5,245	74	4,806	222	14,816
Kedah	544	45,456	546	45,151	543	44,197	1,633	134,804
Pulau Pinang	244	10,472	252	13,470	253	13,098	749	37,040
Perak	852	50,547	852	60,000	853	52,412	2,557	162,959
Selangor	650	25,624	650	32,589	608	32,393	1,908	90,606
W.P. Kuala Lumpur	152	3,475	162	5,085	171	5,538	485	14,098
W.P. Putrajaya	-	-	4	192	7	216	11	408

NEGERI	2013		2014		2015		JUMLAH KESELURUHAN	
	BIL. SEKOLAH	JUMLAH MURID	BIL. SEKOLAH	JUMLAH MURID	BIL. SEKOLAH	JUMLAH MURID	SEKOLAH	MURID
Negeri Sembilan	349	11,597	349	14,468	329	12,082	1,027	38,147
Melaka	236	10,300	236	10,815	237	10,756	709	31,871
Johor	859	20,202	874	30,739	907	28,426	2,640	79,367
Pahang	538	30,893	536	34,798	527	33,451	1,601	99,142
Terengganu	350	33,856	346	34,710	352	32,899	1,048	101,465
Kelantan	410	74,585	411	76,343	418	72,963	1,239	223,891
Sarawak	956	77,252	956	76,940	964	73,918	2,876	228,110
Sabah	1,064	138,267	1,064	138,267	1,056	130,471	3,184	407,005
W.P. Labuan	15	686	15	829	17	710	47	2,225
JUMLAH	**7,293**	**537,977**	**7,327**	**579,641**	**7,316**	**548,336**	**21,936**	**1,665,954**

Sumber : Bahagian Kewangan Dan Jabatan Pendidikan Negeri

21.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan program RMT telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan memenuhi keperluannya ke arah mencapai objektif yang ditetapkan.

21.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan program RMT di 40 buah sekolah rendah kategori bandar meliputi 4 negeri iaitu Johor, Kelantan, Kedah dan Sabah bagi tahun 2013 hingga 2015 seperti **Jadual 21.2**. Tumpuan pengauditan diberikan terhadap aspek pencapaian; pemilihan murid; proses bayaran; pengendalian hidangan; dan pemantauan program RMT.

JADUAL 21.2
SENARAI SEKOLAH YANG DILAWATI DI NEGERI JOHOR, KELANTAN, KEDAH DAN SABAH

NEGERI	BIL. SEKOLAH	TARIKH LAWATAN	BILANGAN PENERIMA RMT		
			2013	2014	2015
Johor	10	03.08.2015 – 05.08.2015	262	311	317
Kelantan	10	17.08.2015 – 19.08.2015	1,293	1,504	1,433
Kedah	10	07.09.2015 – 09.09.2015	522	592	515
Sabah	10	29.09.2015 – 01.10.2015	839	889	584

Sumber : Jabatan Pendidikan Negeri, Kementerian Pendidikan Malaysia

21.4. METODOLOGI

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan di peringkat Bahagian Kewangan Kementerian, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah yang dipilih. Selain itu, temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang terlibat juga diadakan. Pemeriksaan fizikal telah dibuat bagi menentukan program RMT telah dilaksanakan mengikut syarat, skop dan

kriteria yang telah ditetapkan. Sejumlah 443 borang soal selidik juga telah diedarkan kepada murid, guru dan pembekal makanan program RMT untuk mendapatkan maklum balas berkaitan pelaksanaan, masalah dan tahap kepuasan program RMT. *Exit Conference* bersama Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KSU) telah diadakan pada 23 Februari 2016. Wakil daripada Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Peguam Negara turut hadir dalam mesyuarat ini.

21.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan di 40 buah sekolah rendah kategori bandar meliputi 4 negeri (Johor, Kelantan, Kedah dan Sabah) pada bulan Julai hingga Oktober 2015 mendapati pengurusan program RMT telah mencapai objektif yang ditetapkan seperti menu mengandungi kalori dan nutrien yang mencukupi dan telah memupuk budaya sopan santun serta disiplin murid. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Kementerian, program RMT telah membantu perkembangan kesihatan dan pembelajaran murid. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu ditambah baik bagi memastikan kecekapan program RMT seperti yang berikut:

i. pengagihan peruntukan program RMT oleh JPN ke sekolah lewat di antara 14 hingga 97 hari yang sepatutnya diagihkan dalam tempoh 7 hari selepas waran peruntukan diterima daripada Kementerian;

ii. baki terkumpul peruntukan program RMT sehingga tahun 2014 berjumlah RM0.26 juta iaitu di antara RM172 hingga RM19,984 dan menyebabkan baki di Kumpulan Wang Kerajaan (KWK) terus meningkat dan prestasi perbelanjaan program RMT tidak menggambarkan jumlah sebenar;

iii. KPI hanya ditetapkan bagi agihan waran peruntukan program RMT manakala penetapan KPI bagi pencapaian program RMT secara keseluruhan khususnya dalam memenuhi dan mencapai objektif program tidak ditetapkan iaitu sumbangan RMT kepada pertumbuhan badan/kesihatan dan kemajuan akademik murid;

iv. sekolah yang dilawati ada merekodkan berat dan tinggi murid pada awal dan akhir tahun serta pencapaian purata pelajaran murid sepanjang tahun. Bagaimanapun, maklumat yang direkodkan ini tidak digunakan untuk tujuan analisis pencapaian program berkaitan;

v. pendapatan bulanan ibu bapa/penjaga tidak disahkan oleh Ketua Kampung/ Penghulu/Pegawai bagi ibu bapa/penjaga yang tidak mempunyai slip gaji dan pendapatan tidak diperincikan;

vi. hidangan makanan program RMT tidak mengikut menu yang ditetapkan dan boleh menjejaskan kandungan kalori dan nutrien makanan terhadap murid; dan

vii. kelemahan pemantauan RMT di peringkat Kementerian, JPN, PPD dan sekolah.

Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang diaudit dan maklum balas Kementerian adalah seperti perenggan berikut:

21.5.1. Prestasi Program RMT

21.5.1.1. Prestasi Pencapaian Kewangan

a. Sehingga 30 September 2015, Bahagian Kewangan telah mengagihkan sejumlah RM758.48 juta ke JPN dan sejumlah RM720.63 juta (95.0%) telah dibelanjakan seperti jadual berikut:

JADUAL 21.3
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN KESELURUHAN PROGRAM RMT SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2015

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
		(RM Juta)	(%)
2013	197.02	194.67	98.8
2014	288.15	275.30	95.5
2015	273.31	250.66	91.7
JUMLAH	**758.48**	**720.63**	**95.0**

Sumber : Bahagian Kewangan, Kementerian Pendidikan Malaysia

b. Semakan Audit di 4 negeri yang dilawati mendapati, sehingga 30 September 2015, sejumlah RM377.72 juta telah diagihkan dan sejumlah RM366.95 juta (97.1%) telah dibelanjakan seperti jadual berikut:

JADUAL 21.4
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROGRAM RMT DI NEGERI JOHOR, KELANTAN, KEDAH DAN SABAH SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2015

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
		(RM Juta)	(%)
NEGERI JOHOR			
2013	9.08	8.92	98.2
2014	14.22	12.74	89.6
2015	10.50	10.45	99.5
JUMLAH	**33.80**	**32.11**	**95.0**
NEGERI KELANTAN			
2013	24.75	24.74	99.9
2014	35.69	35.67	99.9
2015	34.61	34.56	99.8
JUMLAH	**95.05**	**94.97**	**99.9**
NEGERI KEDAH			
2013	15.61	15.53	99.5
2014	21.67	19.81	91.4
2015	23.72	21.05	88.8
JUMLAH	**61.00**	**56.39**	**92.4**

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
		(RM Juta)	(%)
NEGERI SABAH			
2013	53.54	52.73	98.5
2014	72.78	72.28	99.3
2015	61.55	58.47	95.0
JUMLAH	**187.87**	**183.48**	**97.7**
JUMLAH KESELURUHAN	**377.72**	**366.95**	**97.1**

Sumber : Bahagian Kewangan, Kementerian Pendidikan Malaysia

21.5.1.2. Agihan Peruntukan Ke JPN/PPD Dan Sekolah

Berdasarkan Surat Pekeliling Kewangan Bil. 1 Tahun 2013 (SPK 1/2013), Bahagian Kewangan akan menurunkan waran peruntukan kepada JPN berdasarkan senarai murid yang layak pada minggu kedua bulan Januari yang juga merupakan KPI bagi bahagian tersebut. Seterusnya JPN hendaklah mengagihkan peruntukan ke Akaun Kumpulan Wang Kerajaan (KWK) sekolah atau Akaun Khas PPD (bagi sekolah yang tidak mempunyai KWK) dalam tempoh 7 hari selepas waran peruntukan diterima dan satu salinan surat agihan hendaklah dihantar ke sekolah/PPD berkenaan. Semakan Audit mendapati:

a. Bahagian Kewangan telah mengagihkan waran peruntukan ke JPN dalam tempoh yang ditetapkan iaitu pada 7 Januari 2013, 6 Januari 2014 dan 5 Januari 2015. Bagaimanapun, bagi sampel 4 Negeri yang di periksa, didapati hampir keseluruhan pengagihan peruntukan program RMT oleh JPN ke sekolah lewat di antara 14 hingga 97 hari. Butiran lanjut adalah seperti jadual yang berikut:

JADUAL 21.5
TEMPOH WARAN PERUNTUKAN DIAGIHKAN

NEGERI	NO. WARAN	TARIKH WARAN KE JPN (A)	TARIKH WARAN DITERIMA DI JPN (B)	TARIKH SEPATUTNYA PERUNTUKAN DIAGIHKAN (C)	NO. WARAN/ BAUCAR BAYARAN	TARIKH WARAN/ BAUCAR BAYARAN JPN KE PPD SEKOLAH (D)	TEMPOH KELEWATAN (HARI) E = (D) – (C)	NO. BAUCAR BAYARAN	TARIKH BAUCAR BAYARAN PPD KE SEKOLAH (F)	TEMPOH KELEWATAN (HARI) (G) = (F) – (C)
TAHUN 2013										
Johor	00029	07.01.2013	11.01.2013	18.01.2013	B0609	22.03.2013	63	TB	TB	TB
					B0613					
					B0627					
					B0628					
					B0692	25.03.2013	65			
					B0698					
Kelantan	TM	07.01.2013	TM	TM	TM	TM	TM	TM	TM	TM
Kedah	TM	07.02.2013	TM	TM	TM	TM	TM	TM	TM	TM
Sabah	00045	07.01.2013	10.01.2013	17.01.2013	W0197	14.01.2013	-	B0110	20.02.2013	37
								B0088		
								B0107		
								B0078	21.02.2013	38
								B0080		
								B0082		

NEGERI	NO. WARAN	TARIKH WARAN KE JPN (A)	TARIKH WARAN DITERIMA DI JPN (B)	TARIKH SEPATUTNYA PERUNTUKAN DIAGIHKAN (C)	NO. WARAN/ BAUCAR BAYARAN	TARIKH WARAN/ BAUCAR BAYARAN JPN KE PPD SEKOLAH (D)	TEMPOH KELEWATAN (HARI) E = (D) – (C)	NO. BAUCAR BAYARAN	TARIKH BAUCAR BAYARAN PPD KE SEKOLAH (F)	TEMPOH KELEWATAN (HARI) (G) = (F) – (C)
								B0087		
								B0099		
								B0101		
								B0111		
TAHUN 2014										
Johor	00029	06.01.2014	06.01.2014	13.01.2014	B0056	05.02.2014	23	TB	TB	TB
					B0129	06.02.2014	24			
Kelantan	00035	06.01.2014	06.01.2014	13.01.2014	W0048	19.01.2014	TB	B0079	20.02.2014	38
								B0109	25.02.2014	43
								B0117		
								B0143	26.02.2014	44
								B0142		
								B0144		
								B0149		
Kedah	00017	06.01.2014	07.01.2014	14.01.2014	B1239	17.02.2014	34	TB	TB	TB
					B1247					
					B1258	18.02.2014	35			
					B1464	24.02.2014	41			
Sabah	00045	06.01.2014	08.01.2014	15.01.2014	W0412	16.01.2014	TB	B0031	12.02.2014	27
								B0023		
								B0039		
								B0046	13.02.2014	28
								B0052		
								B0053		
								B0058		
								B0065		
								B0069		
								B0070		
TAHUN 2015										
Johor	00029	05.01.2015	06.01.2015	13.01.2015	B0036	27.01.2015	14	TB	TB	TB
					B0072	29.01.2015	16			
					B0092	04.02.2015	22			
					B0096	04.02.2015	22			
Kelantan	00035	05.01.2015	06.01.2015	13.01.2015	W0872	25.03.2015	TB	B0622	09.04.2015	86
								B0623		
								B0709	13.04.2015	90
								B0713		
								B0731	20.04.2015	97
								B0732		
								B0733		
Kedah	00017	05.01.2015	06.01.2015	13.01.2015	B2568	26.03.2015	72	TB	TB	TB
					B2630	29.03.2015	75			
					B2637					
					B2660					
					B2661					
					B2662					
					B2719					
					B2840	01.04.2015	78			
					B2724	02.04.2015	79			

NEGERI	NO. WARAN	TARIKH WARAN KE JPN (A)	TARIKH WARAN DITERIMA DI JPN (B)	TARIKH SEPATUTNYA PERUNTUKAN DIAGIHKAN (C)	NO. WARAN/ BAUCAR BAYARAN	TARIKH WARAN/ BAUCAR BAYARAN JPN KE PPD SEKOLAH (D)	TEMPOH KELEWATAN (HARI) E = (D) – (C)	NO. BAUCAR BAYARAN	TARIKH BAUCAR BAYARAN PPD KE SEKOLAH (F)	TEMPOH KELEWATAN (HARI) (G) = (F) – (C)
Sabah	00045	05.01.2015	06.01.2015	13.01.2015	W0036	07.01.2015	TB	B0012	02.02.2015	20
								B0017		
								B0023		
								B0024		
								B0044		
								B0049		
								B0053		
								B0054		
								B0058		

Sumber : Bahagian Kewangan, JPN, PPD Dan Sekolah Yang Dipilih Di Kementerian Pendidikan Malaysia
Nota : TB – Tidak Berkenaan (JPN Mengagihkan Waran Terus Ke Akaun KWK Sekolah)
TM – Tiada Maklumat Berikutan Sistem eSPKB Boleh Diakses Untuk 2014 Dan 2015 Sahaja

b. Berdasarkan kajian program RMT yang dilaksanakan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian pada tahun 1983, antara perkara yang dikaji ialah berkaitan peruntukan dan hasil kajian mendapati bahawa peruntukan lewat diagihkan. Sehingga 2013, iaitu 30 tahun selepas kajian pertama program RMT dijalankan, peruntukan masih lewat diagihkan ke sekolah. Kelewatan menerima peruntukan di sekolah boleh menyebabkan program RMT tergendala jika pembekal makanan RMT enggan membekalkan makanan dan bayaran perkhidmatan lewat dilakukan kepada pembekal makanan.

c. Semakan Audit selanjutnya mendapati setelah menerima waran daripada Kementerian, pihak JPN akan memohon semula jumlah peruntukan yang diperlukan dari PPD/sekolah walaupun anggaran peruntukan tahun semasa telah dikemukakan kepada JPN pada tahun sebelumnya.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 14 Mac 2016

Bahagian Kewangan

KPM akur dengan teguran pihak Audit. Surat peringatan kepada semua JPN bertarikh 1 Mac 2016 berhubung perkara ini dan lain-lain teguran yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh semua JPN telah dikeluarkan.

Surat Pekeliling Kewangan (SPK) Bil.1/2013 – Rancangan Makanan Tambahan di Sekolah Rendah (para 9) menetapkan bahawa JPN hendaklah mengemukakan bilangan murid yang layak ke Bahagian Kewangan KPM selewat-lewatnya pada minggu ketiga bulan Disember tahun semasa (Tahun 1 hingga Tahun 5) dan selewat-lewatnya pada minggu keempat bulan Januari berikutnya bagi murid Tahun 1 dan kes kecicir an permohonan (Tahun 2 hingga 6).

JPN Johor

Kelewatan berlaku disebabkan proses kerja yang panjang daripada tempoh penerimaan waran dan tempoh pemprosesan bayaran penyaluran ke sekolah-sekolah. Unit Hal Ehwal Murid hanya akan menyediakan borang penyaluran untuk

diproses di Unit Akaun setelah waran dikunci masuk. Semakan semula aliran kerja berkaitan akan dibuat bagi mempercepatkan pengagihan peruntukan ke sekolah. Sebagai langkah pencegahan, Unit HEM akan menyediakan Borang Penyaluran RMT ke Unit Akaun pada atau sebelum 5 Januari setiap tahun.

JPN Kelantan

Pihak sekolah gagal menghantar data pelajar yang layak menerima RMT dalam masa yang ditetapkan oleh pihak JPN iaitu 2 minggu persekolahan sesi baru dibuka. Bagaimanapun, kelewatan ini tidak menjejaskan kualiti penyediaan RMT kerana di sekolah masih ada baki peruntukan daripada tahun-tahun sebelumnya yang boleh digunakan untuk membayar perkhidmatan tersebut kepada pembekal.

Mulai tahun 2016, peruntukan RMT diperturunkan terus ke Akaun Sekolah (KWK) tanpa melalui pihak PPD melalui surat bertarikh 25 Januari 2016. Dokumen bagi tahun 2013 untuk semakan audit tidak dapat dikemukakan kerana semua dokumen kewangan yang telah ditutup dan tidak aktif bagi tahun 2013 ditumpang simpan di SMK Padang Enggang, Kota Bharu. Fail ini didapati musnah akibat banjir besar yang melanda negeri Kelantan pada tahun 2014 apabila lokasi di SMK Padang Enggang ditenggelami banjir sedalam 1 meter.

JPN Kedah

Mesyuarat telah diadakan pada 21 Januari 2016 di antara JPN Kedah dan semua PPD bagi menjelaskan dan membincangkan isu-isu yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit. Dalam mesyuarat tersebut, semua PPD telah diingatkan berhubung perkara ini dan lain-lain isu dan teguran oleh Audit untuk tindakan PPD dan sekolah.

JPN Sabah

Agihan Peruntukan JPN Sabah ke PPD dan seterusnya ke sekolah telah di turunkan dalam tempoh 14 hari dari tarikh waran diterima.

21.5.1.3. Pemantauan Baki Peruntukan Program RMT Di KWK

Berdasarkan SPK 1/2013, baki RMT bagi sesuatu tahun hendaklah dibawa ke tahun hadapan dan hanya boleh digunakan sebagai sebahagian daripada peruntukan bayaran makanan program RMT tahun semasa. Semakan Audit di Buku Tunai KWK bagi Subsidiari RMT, mendapati baki terkumpul peruntukan program RMT sehingga tahun 2014 di 40 buah sekolah yang dilawati berjumlah RM0.26 juta iaitu di antara RM172 hingga RM19,984 seperti jadual berikut:

JADUAL 21.6
BAKI PERUNTUKAN PROGRAM RMT DI NEGERI JOHOR, KELANTAN, KEDAH DAN SABAH PADA 31 DISEMBER 2014

NEGERI	BIL. SEKOLAH	BAKI PERUNTUKAN (RM)
Johor	10	12,537
Kelantan	10	127,701
Kedah	10	36,324
Sabah	10	82,792
JUMLAH	**40**	**259,354**

Sumber : Lejar Subsidiari KWK Sekolah

a. Semakan selanjutnya mendapati pada tahun 2014, JPN Kedah mengagihkan peruntukan program RMT dengan mengambil kira baki akhir tahun sebelumnya di KWK sekolah dan peruntukan diagihkan berdasarkan keperluan semasa. Bagaimanapun, di JPN Johor, JPN Kelantan dan JPN Sabah, peruntukan 100% telah diagihkan berdasarkan jumlah murid dan hari persekolahan tanpa mengambil kira kedudukan baki yang ada. Keadaan ini menyebabkan baki di KWK sekolah akan terus meningkat dan prestasi perbelanjaan program RMT tidak menggambarkan jumlah sebenar.

b. Berdasarkan Para 27 SPK 1/2013, pihak sekolah hendaklah menyediakan Laporan Prestasi Perbelanjaan RMT setiap bulan. Laporan prestasi berkenaan hendaklah dikemukakan kepada PPD/JPN empat kali setahun. JPN hendaklah mengemukakan laporan prestasi perbelanjaan suku tahun kepada Bahagian Kewangan Kementerian setiap suku tahun iaitu selewat-lewatnya pada 15 April, 15 Julai, 15 Oktober dan 15 Disember bagi tujuan pemantauan baki peruntukan program RMT. Semakan Audit mendapati:

    i. 12 buah sekolah telah menyediakan laporan ini secara suku tahun dan daripada jumlah tersebut, hanya 4 buah sekolah telah mengemukakan laporan tersebut kepada PPD berkenaan iaitu SK Lundang, Kota Bharu, Kelantan, SK Wan Sulaiman Sidiq, SK Taman Aman dan SK Taman Rakyat di Alor Setar, Kedah;

    ii. 12 buah sekolah tidak pernah menyediakan laporan ini;

    iii. 16 buah sekolah menyediakan laporan ini secara tidak konsisten; dan

    iv. maklumat yang telah dikemukakan oleh sekolah kepada PPD tidak dikemukakan kepada JPN dan Kementerian.

c. Analisis Audit selanjutnya mendapati kaedah agihan baki peruntukan hanya berdasarkan kepada jumlah murid dan hari persekolahan tanpa mengambil kira baki yang ada tidak menjamin bahawa peruntukan program RMT digunakan secara optimum. Tambahan pula, kedudukan penyediaan dan penghantaran laporan prestasi perbelanjaan oleh pihak sekolah yang tidak mematuhi peraturan yang ada dan kurangnya pemantauan rapi oleh pihak JPN/ PPD sendiri menyebabkan objektif pemantauan sukar dicapai.

Pada umumnya, keseluruhan prestasi pencapaian kewangan bagi program RMT pada tahun 2013 hingga 30 September 2015 adalah baik kerana telah mencapai 95.0%. Bagaimanapun, proses agihan peruntukan program RMT adalah kurang cekap sehingga berlaku kelewatan agihan dan lebihan berterusan baki peruntukan.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 14 Mac 2016

Bahagian Kewangan

Surat Pekeliling Kewangan (SPK) Bil.1/2013 – Rancangan Makanan Tambahan di Sekolah Rendah (para 15, 16 dan 17) menetapkan bahawa baki peruntukan tahun semasa hendaklah dibawa ke tahun berikutnya dan akan dikira sebagai sebahagian daripada peruntukan bantuan RMT tahun tersebut.

JPN Johor

JPN Johor akur kepada SPK Bil.1/2013 di mana baki di 10 buah sekolah sehingga 2014 berjumlah RM12,537.30. Baki tersebut adalah kerana:

i. lebihan bulan puasa;
ii. lebihan ketidakhadiran murid ke sekolah berdasarkan pesanan harian; dan
iii. lebihan dari cuti-cuti peristiwa atau cuti umum.

Kesemua sekolah mengambil maklum bahawa baki RMT bagi sesuatu tahun hendaklah dibawa ke tahun hadapan dan hanya boleh digunakan sebagai sebahagian daripada peruntukan bayaran makanan program RMT tahun semasa. Untuk tahun 2016, sekolah menggunakan kaedah baki akhir tahun ke Unit HEM dan Unit Akaun bagi tujuan pemantauan dan proses agihan tahun akan datang.

JPN Johor menyalurkan RMT ke sekolah berdasarkan 100% jumlah murid dan hari persekolahan tanpa mengambil kira baki di KWK. Sebagai langkah pembetulan, Unit HEM JPN akan mengambil kira baki di KWK sekolah dalam proses penyaluran RMT tahun semasa. Untuk tujuan penambahbaikan, mesyuarat bersama Penyelia RMT pada 28 Februari 2016 telah menetapkan bahawa sekolah-sekolah perlu melaporkan baki akhir tahun ke Unit HEM dan Unit Akaun setelah tamat sesi persekolahan setiap tahun.

Lapan buah sekolah tidak menyediakan Laporan Prestasi Perbelanjaan RMT kerana tiada format pelaporan. Unit HEM JPN telah mengeluarkan surat berserta lampiran format pelaporan kepada semua Guru Besar Sekolah untuk menghantar Laporan Prestasi Perbelanjaan RMT mulai 2016. Sebagai langkah penambahbaikan, mesyuarat bersama Penyelia RMT pada 28 Februari 2016 memutuskan sekolah-sekolah perlu menghantar laporan prestasi ke PPD sebelum 5hb setiap suku tahun dan Unit Akaun, SKPP JPNJ memantau penerimaan laporan prestasi sebelum 10hb untuk dimajukan kepada Bahagian Kewangan KPM.

Bermula 2016, Unit Bantuan JPN telah menghantar dokumen penurunan peruntukan RMT ke Unit Akaun JPN dalam masa yang ditetapkan untuk tindakan selanjutnya. Mulai pertengahan tahun 2015, peruntukan RMT diturunkan mengguna pakai kaedah top up.

JPN Kelantan

JPN Kelantan menurunkan peruntukan 100% berdasarkan jumlah murid kerana mengambil kira bayaran bulan Januari tahun semasa dapat dibayar menggunakan baki sedia ada sebelum peruntukan tahun semasa diturunkan.

Peruntukan telah diturunkan dengan mengambil kira baki di sekolah mulai tahun 2016. Surat siaran juga telah dikeluarkan kepada semua sekolah supaya

menyediakan laporan prestasi perbelanjaan untuk dikemukakan kepada PPD. JPN juga telah memaklumkan kepada semua sekolah yang tidak mengemukakan laporan tersebut supaya mengambil tindakan segera.

Penambahbaikan telah dibuat untuk memastikan peruntukan dapat diturunkan dalam tempoh yang ditetapkan. Bagi perkara-perkara Tiada Maklumat (TM), dokumen-dokumen berkaitan bagi tahun 2013 telah musnah ditenggelami banjir besar di Kelantan pada tahun 2014.

JPN Kedah

Mesyuarat telah diadakan pada 21 Januari 2016 di antara JPN Kedah dan semua PPD bagi menjelaskan dan membincangkan isu-isu yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit. Dalam mesyuarat tersebut, semua PPD telah diingatkan berhubung perkara ini dan lain-lain isu dan teguran oleh Audit untuk tindakan PPD dan sekolah. Bermula 2016, Unit Bantuan JPN telah menghantar dokumen penurunan wang RMT ke Unit Akaun dalam masa yang ditetapkan untuk tindakan selanjutnya.

JPN Sabah

Tindakan pembetulan telah dijalankan sejak tahun 2015 bagi mengurangkan baki di KWK Sekolah.

21.5.1.4. Pencapaian *Outcome*

Key Performance Indicator (KPI) adalah satu sistem pengukuran yang mudah, berkesan dan membantu organisasi menjelaskan dan mengawal tahap kemajuan sesuatu proses perkhidmatan yang disampaikan kepada pelanggan selaras dengan misi dan visi sesebuah organisasi. Pemantapan prestasi boleh dilaksanakan dengan membandingkan pencapaian masa lalu dengan prestasi semasa serta menyasarkan prestasi pada masa akan datang. Semakan Audit mendapati:

a. Pencapaian KPI Program RMT

i. Program RMT diselia oleh Bahagian Kewangan dan penetapan KPI bagi pencapaian program RMT secara keseluruhan khususnya dalam memenuhi serta mencapai objektif program tidak ditetapkan iaitu sumbangan RMT kepada pertumbuhan badan/kesihatan dan kemajuan akademik murid. Bagaimanapun, KPI bagi agihan waran peruntukan kepada semua JPN bagi program RMT iaitu selewat-lewatnya minggu kedua bulan Januari setiap tahun ada ditetapkan.

ii. Sebanyak 21 daripada 40 buah sekolah yang dilawati telah merekodkan berat dan tinggi murid pada awal dan akhir tahun serta pencapaian purata pelajaran murid sepanjang tahun. Bagaimanapun, maklumat yang direkodkan ini tidak digunakan untuk tujuan analisis pencapaian program berkaitan secara berkala setiap tahun. Selain itu, semakan juga mendapati tiada arahan jelas dikeluarkan oleh Kementerian mengenai tujuan dan keperluan merekodkan maklumat berkaitan. Ini adalah kerana

Kementerian tidak menetapkan dengan jelas *outcome* program RMT, indikator pengukuran dan sasaran yang hendak dicapai setiap tahun.

b. Kajian Penilaian Program RMT

i. Bagi menilai keberkesanan sesuatu program atau aktiviti Kerajaan, penilaian terhadap program dan aktiviti berkaitan perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa. Selaras dengan keperluan tersebut, program RMT yang diperuntukkan sekitar RM200 juta hingga RM250 juta setahun, telah melalui 4 penilaian semenjak tahun 1983 seperti jadual berikut:

JADUAL 21.7
PENILAIAN PROGRAM RMT YANG TELAH DILAKSANAKAN

TAHUN	DIJALANKAN OLEH	OBJEKTIF PENILAIAN
1983	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian	Memperoleh maklumat dan data mengenai status pelaksanaan RMT serta keperluan-keperluannya untuk memperkukuhkan pelaksanaannya bagi mencapai objektif program secara lebih berkesan.
1996	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian	Menyemak dan mengesan keselarasan aktiviti program RMT dalam mencapai matlamatnya.
2006	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian	Menilai semula pelaksanaan program RMT dan membuat syor penambahbaikan.
2007	Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Bahagian Sekolah Kementerian	Keberkesanan kos makanan program RMT.

Sumber : Kementerian Pendidikan Malaysia

ii. Secara keseluruhannya, penilaian dan kajian tersebut telah merumuskan bahawa RMT adalah program yang berfaedah dalam membantu perkembangan kesihatan dan pembelajaran murid. Selain itu, program ini telah berjaya membentuk nilai-nilai murni di kalangan murid. Antara penemuan bagi 2 kajian terakhir yang dijalankan pada tahun 2006 dan 2007 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 21.8
PENEMUAN DAN SYOR HASIL KAJIAN RMT TAHUN 2006 DAN 2007

TAHUN KAJIAN	PENEMUAN	SYOR
2006	▪ Makanan yang diberikan kepada kumpulan sasar adalah berzat dan seimbang. ▪ RMT berjaya menerapkan pendidikan kesihatan dan pemakanan kepada kumpulan sasar. ▪ Semua sekolah mematuhi syarat pemilihan pelajar. ▪ RMT berjaya meningkatkan tahap kesihatan murid khususnya daripada segi daya fizikal, daya tahan dan daya konsentrasi semasa belajar serta menarik minat murid untuk hadir ke sekolah. ▪ Pemantauan RMT di peringkat sekolah adalah kurang memuaskan. Beban tugas guru terlalu banyak menyebabkan kebanyakan guru RMT tidak memberikan komitmen sepenuhnya terhadap program RMT.	▪ JPN/PPD perlu merancang jadual aktiviti pemantauan secara berkala dan mengadakan satu mekanisme pemantauan. ▪ Menyediakan pegawai khusus untuk mengendalikan semua bantuan program di sekolah supaya tidak membebankan guru. ▪ Kriteria pemilihan murid RMT diselaraskan dengan kriteria kelayakan murid Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) bagi memudahkan program bantuan secara keseluruhan.

TAHUN KAJIAN	PENEMUAN	SYOR
2007	▪ Kehadiran murid RMT adalah lebih rendah berbanding murid tanpa RMT. ▪ Peningkatan ketinggian murid adalah lebih rendah berbanding murid tanpa RMT. ▪ Peningkatan status sahsiah kebersihan diri dan amalan baik murid RMT adalah lebih baik berbanding dengan murid tanpa RMT. ▪ Tiada arahan atau prosedur yang mengehendaki sekolah menyimpan rekod khas tentang perkembangan (tinggi/berat/akademik) murid RMT. ▪ Peranan untuk mengesan keberkesanan proses dan penilaian impak program berkenaan ke atas kualiti murid kurang diutamakan. ▪ Sebahagian menu yang ditetapkan oleh Kementerian kurang digemari oleh murid.	▪ Aspek pemantauan pelaksanaan program yang rapi dan sistematik oleh pihak PPD/JPN perlu dijalankan bagi menjamin keberkesanan program RMT. ▪ Pemilihan menu mesti disesuaikan dengan keperluan dan kebiasaan setempat.

Sumber : Kementerian Pendidikan Malaysia

iii. Selain itu, semakan fizikal Audit semasa program RMT dilaksanakan, didapati amalan baik seperti membasuh tangan, membaca doa makan, beratur semasa mengambil makanan dan meletakkan pinggan, mangkuk dan cawan yang kotor di tempat yang disediakan telah diterapkan terhadap murid program RMT seperti gambar berikut:

GAMBAR 21.1

SK Kampong Melayu, Kluang, Johor
- Murid RMT Meletakkan Pinggan Dan Cawan Kosong Di Tempat Yang Disediakan
(03.08.2015)

GAMBAR 21.2

SK Kampong Sireh, Kota Bharu, Kelantan
- Murid RMT Membaca Doa Sebelum Makan
(04.08.2015)

GAMBAR 21.3

SK Wan Sulaiman Sidiq, Alor Setar, Kedah
- Murid RMT Beratur Dan Mengambil Cip Nama Kehadiran
(07.09.2015)

GAMBAR 21.4

SK St. Catherine (M), Kota Kinabalu, Sabah
- Murid RMT Beratur Mengambil Makanan
(01.10.2015)

Pada pendapat Audit, kajian yang dilaksanakan oleh Kementerian dan agensi luar untuk menambahbaikkan program RMT adalah amalan baik yang perlu diteruskan. Bagaimanapun, ketiadaan penilaian *outcome* boleh mengakibatkan keberkesanan program tidak dapat dicapai.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 14 Mac 2016

Bahagian Kewangan

Penyeliaan program RMT oleh Bahagian Kewangan adalah terhad kepada aspek kewangan program RMT manakala pelaksanaan dan aspek pencapaian objektif program adalah di peringkat JPN. Bagaimanapun, dalam Mesyuarat Exit Conference yang diadakan pada 23 Februari 2016, mesyuarat telah memutuskan bahawa pelaksanaan RMT serta kajian ke atasnya termasuk aspek pemantauan, objektif dan KPI program RMT, akan dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian dan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP).

Mesyuarat susulan ke atas Laporan Audit Terhadap Pengurusan Program RMT KPM telah diadakan pada 29 Februari 2016 di mana pelaksanaan kajian berhubung penilaian outcome program RMT akan dibuat oleh pihak BPPDP memandangkan kajian terakhir adalah pada tahun 2006.

JPN Johor

Mulai tahun 2016, 10 buah sekolah yang telah diaudit dan sekolah yang terlibat dengan bantuan RMT telah membuat penambahbaikan dengan merekodkan berat, ketinggian dan pencapaian murid. Selain itu, JPN Johor juga telah mengeluarkan surat peringatan kepada semua sekolah melalui PPD.

JPN Kelantan

Pihak sekolah telah mengambil tindakan segera dengan memastikan guru RMT dengan kerjasama guru kelas merekodkan berat, ketinggian dan pencapaian murid dan dicatat dalam buku rekod kehadiran RMT.

JPN Kedah

Mesyuarat telah diadakan pada 21 Januari 2016 di antara JPN Kedah dengan semua PPD bagi menjelaskan dan membincangkan isu-isu yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit. Dalam mesyuarat tersebut, semua PPD telah diingatkan berhubung perkara ini dan lain-lain isu dan teguran oleh Audit untuk tindakan PPD dan sekolah.

21.5.2. Pelaksanaan Program RMT

21.5.2.1. Jawatankuasa Program RMT

Berdasarkan SPK 1/2013, Jawatankuasa program RMT perlu diwujudkan di sekolah-sekolah dan pihak sekolah bertanggungjawab ke atas pengurusan pemilihan dan pelantikan pembekal makanan program RMT serta memantau menu dan kualiti makanan yang disediakan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Guru Besar, GPK HEM sebagai Timbalan Pengerusi dan 2 guru dilantik sebagai AJK kecil iaitu Guru Penyelia Kesihatan dan Guru Penyelia Kebajikan.

Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Program RMT telah diwujudkan di semua sekolah yang dilawati, ahli jawatankuasa telah dilantik dan mesyuarat berkaitan program RMT telah diadakan bagi membincangkan pelaksanaan program RMT.

21.5.2.2. Permohonan Program RMT

Berdasarkan SPK 1/2013, ibu bapa/penjaga perlu mengembalikan borang permohonan program RMT yang lengkap dan disertakan dengan dokumen sokongan kepada guru program RMT. Seterusnya pemilihan murid yang layak bagi program RMT akan dibuat melalui Jawatankuasa Bantuan Peringkat Sekolah. Senarai murid yang layak akan dikemukakan kepada PPD untuk semakan dan dikemukakan ke JPN untuk pengesahan dan kelulusan. Semakan Audit mendapati:

a. Data eKasih Sebagai Asas Pemilihan Murid RMT

Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009 bagi Pengurusan Rancangan Makanan Tambahan di Sekolah telah membangkitkan isu berkaitan murid yang tidak layak tetapi menerima bantuan program RMT. Kementerian dalam maklum balasnya telah menyatakan bahawa mulai tahun 2011, data dalam Sistem Bank Data Kemiskinan Nasional (eKasih) akan digunakan sebagai asas dalam penyaluran bantuan program RMT. Bagaimanapun, berdasarkan maklum balas Kementerian kepada Minit Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 19 Januari 2011, ia tidak dapat dilaksanakan berikutan terdapat banyak rungutan dan aduan dalam penggunaan data eKasih dalam menentukan penerima bantuan program RMT menyebabkan terdapat murid miskin tercicir daripada senarai penerima bantuan. Oleh itu, pemilihan murid bagi program RMT masih dibuat secara manual dan juga melalui senarai data eKasih yang diluluskan.

b. Pengesahan Pendapatan Keluarga

Semakan Audit mendapati, pendapatan bulanan ibu bapa/penjaga yang tidak mempunyai slip gaji, tidak disahkan oleh Ketua Kampung/ Penghulu/Pegawai. Pengesahan pendapatan hanya dibuat melalui perakuan ibu bapa/penjaga bahawa maklumat yang dikemukakan adalah benar dan jika tidak akan disabitkan kesalahan rasuah di bawah Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Semakan Audit juga mendapati tiada rekod membuktikan semakan fizikal secara rawak oleh pihak sekolah dijalankan terhadap latar belakang keluarga pemohon program RMT sebelum pemilihan murid dijalankan. Bagaimanapun, berdasarkan borang soal selidik yang diedarkan kepada guru RMT mendapati 59.0% maklum balas yang dikemukakan, Jawatankuasa Program RMT ada membuat pemantauan/lawatan ke rumah murid-murid yang telah menerima bantuan program RMT.

c. Perkiraan Sumber Pendapatan

Berdasarkan Bahagian C, Borang Permohonan Program RMT, pendapatan keluarga tidak memperincikan kenyataan pendapatan sama ada ia termasuk lain-lain bantuan (zakat/barang/tunai/subsidi) yang diterima daripada lain-lain badan contohnya Majlis Agama Islam Negeri dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Lawatan fizikal Audit dan temu bual bersama ibu bapa/penjaga murid mendapati bantuan lain ada diterima daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pusat Zakat Negeri.

Pada pendapat Audit, proses pemilihan murid pada umumnya adalah baik, namun kaedah pengesahan pendapatan ibu bapa yang tidak mempunyai slip gaji dan kaedah perkiraan pendapatan keluarga tidak menjamin bahawa murid terpilih adalah mereka yang benar-benar layak dan memerlukan program RMT.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 14 Mac 2016

Bahagian Kewangan

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 12 Januari 2011 bersetuju bahawa walaupun sistem eKASIH telah dilaksanakan untuk mengesan penduduk miskin dan miskin tegar tetapi ia masih di fasa permulaan dan belum dibuat secara holistik. Oleh itu, sebarang bentuk bantuan daripada Kerajaan tidak boleh dibuat berdasarkan data eKASIH semata-mata, sebaliknya hendaklah berdasarkan sesuatu kumpulan sasaran yang berkenaan.

Data penerima bantuan RMT yang layak adalah berdasarkan murid Miskin Tegar mengikut Paras Garis Kemiskinan (PGK) Nasional berdasarkan data eKASIH (Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) JPM), Data Murid Orang Asli (DMOA) yang disahkan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan Data Sedia Ada (perakuan sekolah) yang dibuat secara manual. Data Sedia Ada (perakuan sekolah) yang dibuat secara manual ini adalah merupakan data pelajar Miskin Tegar yang layak menerima bantuan RMT yang dipilih oleh Jawatankuasa Bantuan Sekolah.

KPM akur dengan teguran pihak Audit. Surat peringatan kepada semua JPN bertarikh 1 Mac 2016 berhubung perkara ini dan lain-lain teguran yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh semua JPN telah dikeluarkan.

Surat siaran pelaksanaan program RMT tahun 2016 adalah meliputi Borang Permohonan Program RMT bagi tahun 2016 yang telah ditambah baik dengan memperincikan kenyataan pendapatan sama ada ia termasuk lain-lain bantuan (tunai/bukan tunai) yang diterima daripada agensi/badan-badan lain. Borang Permohonan Program RMT akan ditambah baik dengan keperluan pengesahan oleh Ketua Kampung/Penghulu/Pegawai Kumpulan A bagi ibu bapa/penjaga yang tidak mempunyai slip gaji.

Surat Pekeliling Kewangan (SPK) Bil.1/2013 – Rancangan Makanan Tambahan di Sekolah Rendah sedang ditambah baik mengambil kira teguran pihak Audit dan akan dikeluarkan sebelum 31 Mac 2016.

21.5.3. Menu Program RMT

Kementerian dengan kerjasama Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menetapkan 20 jenis menu hidangan bagi program RMT seperti di SPK 1/2013. Hidangan yang dicadangkan mengambil kira kepelbagaian jenis makanan dan keseimbangan daripada segi kumpulan makanan untuk keperluan kalori dan nutrien murid program RMT. Pihak sekolah dicadangkan memilih 5 menu secara bergilir-gilir. Menu yang dicadangkan ialah seperti jadual berikut:

JADUAL 21.9
MENU HIDANGAN PROGRAM RMT DI SEKOLAH

MAKANAN					BUAH-BUAHAN		MINUMAN
Nasi Ayam	Bihun Goreng	Nasi Goreng Cina	Roti Canai Telur	Capati/Tose	Betik	Jambu Batu	Soya
Nasi Lemak	Nasi Kerabu	Lontong	Roti Telur dan Kacang Panggang	Ayam Panggang dan Kentang	Tembikai	Pisang	Coklat/Milo
Bubur Nasi	Soto	Bihun Sup	Sandwich Sardin	Bijirin Sarapan Pagi	Limau Oren	Belimbing	Susu
Mee Rebus	Nasi Paprik	Makaroni Sup	Yong Tau Foo	Kuih Muih	Oren	Epal Merah	Malta/Horlick

Sumber : SPK 1/2013, Kementerian Pendidikan Malaysia

21.5.3.1. Hidangan Makanan Program RMT Tidak Mengikut Menu Yang Ditetapkan

Semakan Audit secara sampel terhadap laporan pemantauan harian program RMT di sekolah dan senarai menu yang dikemukakan oleh pihak sekolah kepada pembekal makanan program RMT pada tahun 2013 hingga 2015 dan pemeriksaan secara fizikal mendapati menu yang dihidangkan tidak tersenarai di dalam SPK 1/2013 seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 21.10
KETIDAKPATUHAN MENU PROGRAM RMT OLEH PIHAK SEKOLAH

NEGERI	BIL. SEKOLAH	BIL. HIDANGAN	JENIS HIDANGAN
Johor	3	7	▪ Nasi campur ▪ Bihun tomyam ▪ Roti canai dan kuah sardin ▪ Roti dan sup ayam ▪ Ayam goreng
Kelantan	8	29	▪ Nasi gulai ayam ▪ Nasi ayam goreng ▪ Nasi ayam pedas ▪ Nasi ayam merah ▪ Nasi ayam kicap ▪ Nasi impit dan sate ▪ Mee goreng ▪ Roti canai ▪ Roti dan gulai ayam ▪ Ayam goreng ▪ Air teh O

NEGERI	BIL. SEKOLAH	BIL. HIDANGAN	JENIS HIDANGAN
Kedah	10	27	▪ Nasi goreng dan ayam goreng ▪ Nasi putih dan ayam masak merah ▪ Nasi putih dan ayam masak merah ▪ Nasi putih dan ayam kicap ▪ Nasi putih dan ayam masak kurma ▪ Nasi putih dan rendang ayam ▪ Nasi putih dan kari ayam ▪ Nasi goreng dan telur mata ▪ Nasi lemak dan daging masak kicap ▪ Nasi tomato ▪ Nasi merah dan ayam masak sambal ▪ Nasi putih, ayam kicap dan sayur ▪ Mee goreng ▪ Sandwich dan sosej ▪ Burger ayam/daging ▪ Ayam goreng ▪ Air teh ▪ Air sirap ▪ Air sirap bandung
Sabah	5	20	▪ Nasi campur ▪ Nasi dan ayam masak kicap ▪ Nasi kuning dan telur sos ▪ Nasi campur (nasi, ayam/ikan dan sayur hijau) ▪ Nasi, sayur dan ayam goreng ▪ Mee kari ▪ Mee goreng ▪ Mee goreng dan telur rebus ▪ Rojak ▪ Roti canai dan kuah kari ▪ Roti/Bun ▪ Bubur kacang (campuran) ▪ Ayam goreng ▪ Biskut marie ▪ Air kordial oren ▪ Air minuman kotak ▪ Air sirap

Sumber : Menu Harian, Laporan Pemantauan Harian Program RMT Dan Semakan Fizikal Audit

GAMBAR 21.5

SK Kampong Melayu, Kluang, Johor
- Hidangan Roti Canai Kosong Dan Sebiji Nugget. Sepatutnya Roti Canai Telur
(03.08.2015)

GAMBAR 21.6

SK Bunut Payong, Kota Bharu, Kelantan
- Hidangan Nasi Putih Dan Gulai Ayam
(17.08.2015)

GAMBAR 21.7

SK Penambang, Kota Bharu, Kelantan
- Hidangan Nasi Putih Dan Ayam Kicap
(18.08.2015)

GAMBAR 21.8

SK Sultan Ismail 1, Kota Bharu, Kelantan
- Hidangan Nasi Putih, Kari Ayam Dan Air Teh O
(19.08.2015)

GAMBAR 21.9

SK Taman Aman, Alor Setar, Kedah
- Hidangan Nasi Putih, Timun Dan Ayam Masak Merah
(07.09.2015)

GAMBAR 21.10



SK Seberang Perak Baru, Alor Setar, Kedah
- Senarai Menu Yang Dikemukakan Kepada Pembekal RMT Iaitu Nasi Putih Dan Ayam Masak Merah
(07.09.2015)

GAMBAR 21.11

SK Taman Uda, Alor Setar, Kedah
Hidangan Nasi Putih Dan Ayam Masak Kicap
(08.09.2015)

GAMBAR 21.12



SK Taman Intan, Sg. Petani, Kedah
- Senarai Menu Yang Dikemukakan Kepada Pembekal RMT Iaitu Mee/Maggi Goreng
(09.09.2015)

GAMBAR 21.13

SK Sacred Heart, Kota Kinabalu, Sabah
- Hidangan Nasi Kuning Dan Ayam Masak Sos Tiram
(30.09.2015)

GAMBAR 21.14

SK Inanam Laut, Kota Kinabalu, Sabah
- Hidangan Mee Goreng
(01.10.2015)

21.5.3.2. Pembekal Makanan Tidak Mematuhi Menu Program RMT

a. Semakan Audit terhadap laporan harian RMT di sekolah mendapati pembekal makanan RMT tidak mengikut menu yang ditetapkan oleh sekolah dan tiada amaran bertulis dikemukakan terhadap pembekal makanan RMT. Maklumat lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 21.11
KETIDAKPATUHAN MENU PROGRAM RMT OLEH PEMBEKAL

NEGERI	BIL. SEKOLAH	BIL. HIDANGAN	MENU SEPATUTNYA	MENU YANG DIHIDANG
Johor	7	20	▪ Nasi ayam ▪ Nasi goreng cina ▪ Bihun goreng Singapura ▪ Bihun sup ▪ Mee rebus ▪ Yong tau fu ▪ Lontong ▪ Bubur nasi ▪ Soto ▪ Air soya ▪ Malta ▪ Milo	▪ Nasi putih dan ayam kari ▪ Nasi goreng dan ayam goreng ▪ Nasi ayam masak kicap ▪ Nasi ayam masak lemak ▪ Nasi ayam masak merah ▪ Mee goreng ▪ Mee goreng dan nuget ▪ Mee kari ▪ Mee sup ▪ Kuey teow goreng ▪ Kuey teow goreng dan sosej ▪ Roti ▪ Roti sosej ▪ Ayam goreng ▪ Air bandung ▪ Air kotak ▪ Air teh susu
Kelantan	8	37	▪ Nasi paprik ▪ Nasi lemak ▪ Nasi kerabu ▪ Nasi ayam ▪ Bubur ayam ▪ Makaroni sup ▪ Bihun goreng Singapura ▪ Bijirin sarapan pagi ▪ Roti telur/kacang panggang ▪ Sandwich sardin ▪ Roti telur ▪ Air soya	▪ Nasi dan tomyam ayam ▪ Nasi dan ayam kicap ▪ Nasi dan gulai ayam ▪ Nasi berlauk ▪ Nasi hujan panas dan kurma ayam ▪ Nasi ayam pedas ▪ Nasi berlauk ikan ▪ Nasi minyak dan gulai ayam ▪ Nasi gulai ayam kurma ▪ Nasi goreng kampung ▪ Mee goreng ▪ Kuey teow goreng ▪ Roti dan gulai ayam/daging ▪ Roti bersalut sosej goreng ▪ Roti jala ▪ Roti bakar dan jagung manis ▪ Kentang dan sosej ▪ Burger ▪ Hot dog ▪ Pizza ▪ Ayam goreng ▪ Air barli ▪ Air teh O
Kedah	7	21	▪ Nasi ayam ▪ Nasi lemak ▪ Nasi goreng cina ▪ Bihun goreng Singapura ▪ Bihun sup ▪ Bubur nasi ▪ Susu ▪ Air soya ▪ Air minuman coklat	▪ Nasi putih dan ayam kurma ▪ Nasi putih dan lauk ayam ▪ Nasi putih dan kurma telur ▪ Nasi putih dan ayam masak kicap ▪ Nasi minyak dan ayam masak merah ▪ Nasi minyak dan telur goreng ▪ Nasi tomato ▪ Nasi himpit dan kuah kacang ▪ Mee goreng ▪ Mee goreng dan telur goreng ▪ Mi kuah ▪ Mi bandung ▪ Bihun hailam ▪ Kuey teow goreng dan telur ▪ Burger ▪ Roti/bun ▪ Ayam goreng ▪ Air milo O ▪ Air mangga ▪ Air sirap ▪ Air sirap bandung

NEGERI	BIL. SEKOLAH	BIL. HIDANGAN	MENU SEPATUTNYA	MENU YANG DIHIDANG
Sabah	3	4	▪ Nasi paprik ▪ Nasi lemak ▪ Bihun goreng Singapura	▪ Nasi kuning dan telur sos ▪ Mee kari ▪ Mee goreng ▪ Air sirap

Sumber : Laporan Harian RMT Di Sekolah
Nota : TM - Tiada Laporan Harian Dan Jadual Menu Sekolah

b. Semakan Audit selanjutnya terhadap Minit Mesyuarat Jawatankuasa Program RMT di sekolah mendapati antara perkara yang dibincangkan dalam agenda mesyuarat ialah isu berkaitan dengan menu program RMT. Walaupun terdapat 20 menu yang dicadangkan dalam SPK 1/2013 dan ditukar pada setiap hari/menu, didapati murid tidak menggemari makanan yang dihidangkan. Hasil temu bual dengan guru mendapati, berikutan menu yang tidak digemari murid, ia akan menjejaskan pemakanan murid program RMT ini kerana mereka tidak akan makan atau tidak hadir ke sekolah.

Pada pendapat Audit, menu yang ditetapkan tidak semestinya dapat disesuaikan dengan latar belakang murid yang mengikuti program RMT. Apa yang penting, menu yang dihidangkan tidak menjejaskan keperluan kalori dan nutrien murid.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 14 Mac 2016

Bahagian Kewangan

KPM akur dengan teguran pihak Audit. Surat peringatan kepada semua JPN bertarikh 1 Mac 2016 berhubung dengan perkara ini dan lain-lain teguran audit yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh semua JPN telah dikeluarkan.

Kementerian mengambil perhatian cadangan menambah menu bagi program RMT mengikut kesesuaian daerah/negeri untuk menggalakkan murid makan. Exit Conference Laporan Audit Terhadap Pengurusan Program RMT KPM yang diadakan pada 23 Februari 2016 telah memutuskan bahawa aspek pelaksanaan RMT mengenai penetapan KPI bagi pencapaian program RMT secara keseluruhannya khusus dalam pencapaian objektif program termasuk pemantauan dan kajian dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian dan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP).

Tindakan pembetulan juga telah dilaksanakan di sekolah-sekolah yang terlibat.

JPN Johor

JPN telah mengedarkan SPK Bil.1/2013 kepada semua sekolah rendah di Johor supaya mematuhi segala arahan dan menu yang dicadangkan untuk bekalan makan RMT Johor. Pihak sekolah telah memberikan teguran kepada pengusaha kantin sekolah supaya mematuhi menu yang diarahkan sepertimana dalam perjanjian di SPK Bil.1/2013. Maklumat terkini yang diperoleh daripada pihak sekolah adalah seperti yang berikut:

i. SK Kampong Melayu

Pihak sekolah telah membuat penambahbaikan selepas dapatan audit pada minggu terakhir audit iaitu pada 6 Ogos 2015 dan telah bertindak mengikut menu yang disenaraikan dalam SPK Bil.1/2013 bermula pada 9 Ogos 2015.

ii. SK Batu 3

Guru RMT telah dimaklumkan untuk membuat Laporan Harian RMT dan 10 menu telah dipilih dan memastikan pihak kantin menyediakan makanan mengikut menu yang telah ditetapkan. Pada tahun awal tahun 2015, pihak kantin telah mengikut menu RMT yang telah ditetapkan.

iii. SK Perempuan Bandar

Mulai tahun 2016, makanan yang diberikan adalah mengikut menu RMT yang telah ditetapkan. Pihak sekolah telah memastikan laporan harian dicatat oleh guru RMT yang bertugas dan Jadual Menu Makanan RMT telah disenaraikan.

iv. SK Temenggong Ibrahim

Pihak sekolah telah memastikan pengusaha kantin mengikut menu yang ditetapkan di dalam SPK Bil.1/2013

v. SK Tengku Mariam

Pihak pengurusan sekolah telah mengambil tindakan dan akur pada menu yang telah ditetapkan. Guru RMT telah membuat pemantauan dan memastikan pihak kantin menyediakan menu yang betul mengikut senarai menu yang telah ditetapkan.

vi. SK Convent

Pengusaha kantin telah ditamatkan perkhidmatan dan tidak disambung lanjutan tempoh perkhidmatan pada tahun 2015 kerana tidak akur pada arahan pihak pentadbir dan telah menggunakan khidmat pengusaha kantin yang baru.

JPN Kelantan

Sekolah telah mengambil tindakan mematuhi menu program RMT. Selain itu, pihak sekolah telah mengambil tindakan memaklumkan kepada pembekal RMT supaya mematuhi menu yang telah dipersetujui daripada senarai menu yang telah ditetapkan.

JPN Kedah

Bagi JPN Kedah, mesyuarat telah diadakan pada 21 Januari 2016 di antara JPN Kedah dan semua PPD bagi menjelaskan dan membincangkan isu-isu yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit. Dalam mesyuarat tersebut, semua PPD telah diingatkan berhubung perkara ini dan lain-lain isu dan teguran oleh Audit untuk tindakan PPD dan sekolah.

21.5.4. Pemantauan Program RMT

Sistem pemantauan yang mantap dan komprehensif akan dapat memastikan pengurusan program RMT diuruskan dengan cekap dan teratur bagi mencapai objektifnya. Berdasarkan SPK 1/2013, Jawatankuasa RMT sekolah hendaklah bertanggungjawab memantau pelaksanaan program RMT setiap hari dan

memastikan pelaksanaannya mengikut garis panduan dan peraturan yang ditetapkan. JPN/PPD juga perlu membuat pemantauan mengikut garis panduan RMT dan peraturan yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati perkara yang berikut:

21.5.4.1. Pemantauan Di Sekolah

a. Guru RMT yang bertugas telah melaksanakan pemantauan program RMT di sekolah dan merekodkan ke dalam borang pemantauan harian. Selain itu, Mesyuarat Jawatankuasa RMT telah diadakan di antara 1 hingga 4 kali pada setiap tahun di 40 buah sekolah yang dilawati. Bagaimanapun, SPK 1/2013 tidak menetapkan kekerapan dan agenda mesyuarat serta format dan kriteria pemantauan menyebabkan berlaku ketidakseragaman. Sebagai contoh, isu menu yang tidak digemari oleh murid, pembekal makanan lewat menyediakan makanan, murid lewat hadir ke sekolah, rekod berkaitan berat dan tinggi murid serta peringatan berkaitan pemeriksaan kesihatan dan suntikan T.Y.2 tidak dibangkitkan dalam mesyuarat jawatankuasa RMT.

b. Bagi ujian rasa terhadap makanan yang dihidangkan oleh pembekal makanan RMT, ia telah dijalankan oleh Guru RMT yang bertugas dan didapati 24 (60%) daripada 40 buah sekolah yang dilawati pada tahun 2015 telah merekodkan hasil ujian rasa terhadap makanan dalam borang pemantauan harian.

21.5.4.2. Pemantauan Oleh Kementerian/JPN/PPD

a. Berdasarkan SPK 1/2013, kekerapan pemantauan/bilangan sekolah yang perlu dipantau dalam tempoh setahun tidak dinyatakan dalam garis panduan tersebut. JPN/PPD menjalankan pemantauan berdasarkan jadual pemantauan yang disediakan pada setiap tahun.

b. Berdasarkan 40 borang soal selidik yang diedarkan kepada 40 buah sekolah yang dilawati, didapati 82.0% responden di sekolah (guru RMT) menyatakan Kementerian tidak pernah membuat pemantauan program RMT di sekolah mereka. Manakala di antara 2.6% hingga 51.3% responden menyatakan JPN/PPD ada membuat pemantauan sekurang-kurangnya setahun sekali. Manakala 5.1% responden menyatakan PPD tidak pernah menjalankan pemantauan di sekolah mereka.

c. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat berkaitan program RMT di Kementerian mendapati isu yang dibincangkan hanyalah berkaitan dengan peruntukan kewangan RMT. Isu-isu lain berkaitan dengan pelaksanaan program RMT tidak dibincangkan. Temu bual bersama pegawai di JPN, PPD dan sekolah mendapati isu-isu yang berbangkit khasnya berkaitan menu dan pelaksanaannya tidak dibincangkan dalam mesyuarat berkaitan.

Pada pendapat Audit, pemantauan program RMT adalah kurang berkesan kerana isu/masalah berkaitan pelaksanaan program RMT tidak dibincangkan dalam mesyuarat dan kekerapan pemantauan tidak ditetapkan.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 22 Februari 2016

Kementerian mengambil perhatian kriteria pemantauan serta menetapkan kekerapan dan agenda mesyuarat. Selain itu, Kementerian mengambil perhatian cadangan mengenai kekerapan pemantauan/bilangan sekolah yang perlu dipantau dalam tempoh setahun oleh pihak JPN/PPD berdasarkan jadual pemantauan yang disediakan pada setiap tahun. Penyeliaan program RMT oleh Bahagian Kewangan adalah terhad kepada aspek kewangan program RMT manakala pelaksanaan dan aspek pencapaian objektif program adalah di peringkat JPN. Setakat ini, pihak JPN dan PPD telah mematuhi arahan KPM untuk membuat pemantauan ke sekolah yang terlibat RMT mengikut surat siaran KPM bertarikh 24 Oktober 2013.

Surat Pekeliling Kewangan (SPK) Bil.1/2013 – Rancangan Makanan Tambahan di Sekolah Rendah sedang ditambah baik mengambil kira teguran pihak Audit dan akan dikeluarkan sebelum 31 Mac 2016.

21.6. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi masalah yang dibangkitkan dan untuk meningkatkan kecekapan dalam pengurusan program RMT, adalah disyorkan supaya Kementerian/JPN/PPD/sekolah mengambil tindakan seperti yang berikut:

21.6.1. menetapkan KPI dan menilai pencapaian program RMT setiap tahun. Bagi maklumat tinggi, berat dan pencapaian akademik yang dikumpulkan perlu dianalisis sewajarnya dan peraturan berkaitan diwujudkan;

21.6.2. mengkaji semula menu yang ditetapkan dan membuat penambahan menu bagi mengikut kesesuaian penduduk setempat bagi menggalakkan murid makan serta perubahan menu perlu mendapat kelulusan dan kandungan nutriennya perlu dinilai; dan

21.6.3. meningkatkan pemantauan dan penyeliaan terhadap pengurusan program RMT dengan menyeragamkan kriteria pemantauan, kekerapan dan agenda Mesyuarat Jawatankuasa RMT.

BAHAGIAN II
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN

BAHAGIAN II
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN

22. PENDAHULUAN

Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk memeriksa, menyiasat dan mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar adalah dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan atau negeri atau Agensi Kerajaan. Satu perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 telah diwartakan pada 30 Oktober 2013 bagi membolehkan Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap syarikat tersebut. Selain daripada membuat analisis terhadap prestasi kewangan syarikat serta pengawasan syarikat oleh Kementerian Kewangan Malaysia, pengauditan turut dilakukan terhadap pengurusan bagi 5 syarikat iaitu Malaysia Convention & Exhibition Bureau, Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd., Perbadanan Kota Buku, Malaysian Agrifood Corporation Berhad dan Sepang International Circuit Sdn. Bhd. Hasil daripada pengauditan yang dilakukan adalah seperti di perenggan 23 hingga 27.

KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

23. MALAYSIA CONVENTION & EXHIBITION BUREAU

23.1. LATAR BELAKANG

23.1.1. Malaysia Convention & Exhibition Bureau (MyCEB) ditubuhkan pada 13 Ogos 2009 di bawah Akta Syarikat 1965. MyCEB adalah sebuah syarikat berhad menurut jaminan (company limited by guarantee) yang ditubuhkan di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (KPK) dan merupakan syarikat yang tidak berorientasikan keuntungan. Selaras dengan pelaksanaan *Economic Transformation Programe* (ETP) di bawah program *National Key Economics Areas* (NKEA) bagi sektor pelancongan, MyCEB telah diberi mandat dan tanggungjawab untuk mengendalikan dua *Entry Point Project* (EPP) iaitu EPP 7- *International Major Events* dan EPP 10- *Business Events*.

23.1.2. Di bawah kedua-dua EPP ini, MyCEB bertanggungjawab untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi utama (world leading destination) bagi galakan penganjuran acara/program antarabangsa (major events) dalam bentuk sukan,

hiburan antarabangsa dan seni (art) serta acara/program perniagaan (business events) iaitu mesyuarat, konvensyen, insentif dan pameran. Aktiviti MyCEB adalah menjalankan promosi, mengenal pasti potensi dan menyokong tawaran acara antarabangsa dan acara perniagaan bagi memastikan ianya dilaksanakan di Malaysia. Selain itu, MyCEB akan menyediakan sokongan acara dan pemasaran terhadap acara-acara berbentuk *home grown* dan *home events* bagi mengukuhkan lagi tarikan Malaysia sebagai tempat pilihan untuk acara-acara antarabangsa di rantau ini. MyCEB juga bertindak untuk menyelaraskan dan memudahkan proses pembidaan bagi kedua-dua EPP ini.

23.1.3. Sebagai syarikat yang terlibat dalam aktiviti yang tidak bermotifkan keuntungan, MyCEB menjalankan aktivitinya melalui sumber kewangan yang disalurkan oleh KPK. Sehingga bulan September 2015, sejumlah RM253.93 juta peruntukan telah disalurkan kepada MyCEB. Dana ini digunakan bagi memperkukuhkan dan memperluaskan aktiviti MyCEB dalam usaha untuk meningkatkan lagi bilangan delegasi dan pelancong luar Negara seterusnya dapat memberi sumbangan terhadap pendapatan kasar Negara.

23.1.4. Berdasarkan *Articles of Association*, satu Lembaga Pemegang Amanah (LPA) hendaklah ditubuhkan bagi menjaga dan melindungi segala kepentingan MyCEB dan memastikan urusan operasi syarikat adalah mengikut objektif yang ditetapkan. Antara tanggungjawabnya adalah melantik Ahli Lembaga Pengarah. MyCEB yang mempunyai 2 orang Ahli Lembaga Pemegang Amanah iaitu Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sebagai Pengerusi dan Timbalan Ketua Pengarah, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) sebagai ahli. Kedua-dua ahli LPA juga merupakan ahli Lembaga Pengarah MyCEB.

23.1.5. MyCEB mempunyai 9 orang Ahli Lembaga Pengarah yang mewakili sektor awam dan swasta. Lembaga Pengarah MyCEB terdiri daripada 3 wakil Kerajaan dan 5 yang lain terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif dan wakil dari sektor swasta. Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan merupakan Pengerusi, Lembaga Pemegang Amanah dan juga Pengerusi Lembaga Pengarah MyCEB. Peranan dan fungsi Lembaga Pengarah akan dibantu oleh beberapa jawatankuasa seperti Jawatankuasa Eksekutif dan Jawatankuasa Audit yang dilantik oleh Lembaga Pengarah. Pengurusan syarikat MyCEB diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh 73 pegawai dan kakitangan.

23.1.6. Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki penuh oleh Kerajaan, MyCEB perlu mematuhi undang-undang yang ditetapkan oleh Akta Syarikat 1965, *Memorandum & Article of Association*, peraturan-peraturan lain yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa. Juruaudit yang bertanggungjawab mengaudit Penyata Kewangan MyCEB bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah Tetuan Ahmad Abdullah & Goh.

23.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada:

23.2.1. prestasi kewangan MyCEB adalah baik atau sebaliknya dan menentukan faktor yang menyumbang kepada prestasi tersebut;

23.2.2. pengurusan aktiviti MyCEB telah dilaksanakan dengan teratur, berhemat dan selaras dengan objektif yang ditetapkan; dan

23.2.3. pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat MyCEB adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

23.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi aspek kewangan syarikat, pelaksanaan aktiviti utamanya dan tadbir urus korporat MyCEB bagi tempoh tahun 2012 hingga bulan September 2015. Pengauditan telah dilaksanakan di pejabat MyCEB serta maklumat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Analisis prestasi kewangan dijalankan berdasarkan kepada Penyata Kewangan bagi tahun 2012, 2013, dan 2014 yang telah diaudit.

23.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini telah dilaksanakan dengan menyemak dokumen, fail dan rekod MyCEB. Selain itu, pihak Audit juga telah mengadakan perbincangan dan temu bual dengan pegawai MyCEB yang bertanggungjawab serta analisis terhadap data kewangan dan operasi syarikat. *Exit Conference* juga telah diadakan pada 09 Mac 2016 bersama Ketua Setiausaha KPK, Ketua Pegawai Operasi MyCEB, pegawai-pegawai MyCEB, pegawai-pegawai KPK, Ketua Unit Audit Dalam KPK dan wakil daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia serta Jabatan Peguam Negara turut hadir bersama.

23.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan terhadap aspek kewangan, aktiviti utama dan tadbir urus korporat bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 antara bulan Mei hingga September 2015 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan adalah baik di mana syarikat berjaya mencatat lebihan pendapatan selepas cukai selama 3 tahun berturut-turut berjumlah RM5.95 juta, RM12.5 juta dan RM1.58 juta. Aktiviti pengurusan promosi yang dilaksanakan secara meluas telah berjaya menarik dan meningkatkan bilangan delegasi dan bilangan pelancong berdasarkan rekod yang dicatatkan. Semakan Audit mendapati pada umumnya MyCEB telah mematuhi peraturan yang ditetapkan berkenaan tadbir urus korporat bagi pelantikan Ahli Lembaga Pengarah dan kekerapan mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan yang perlu diberi perhatian seperti yang berikut:

a. pengurusan aktiviti dana *subvention* adalah kurang teratur. Terdapat kelemahan dalam pengurusan bantuan kewangan kepada penganjur melalui dana *subvention* seperti yang berikut:

   i. pembayaran yang tidak teratur kepada penganjur;

   ii. pembayaran dana *subvention* yang masih belum selesai selepas tarikh tamat perjanjian/*memorandum of understanding*; dan

   iii. perbezaan kadar pengiraan perbelanjaan antara EPP7 dan EPP10.

b. pelantikan konsultan/perkhidmatan perunding pembinaan *booth* di pameran perniagaan yang kurang mematuhi amalan pengurusan perolehan yang baik;

c. pengurusan bayaran agensi perhubungan awam bagi kerja-kerja pengiklanan dan pemasaran kurang memuaskan seperti tiada invois pihak ketiga dan kadar pembayaran komisen yang tidak seragam;

d. pengurusan perbelanjaan yang kurang teratur seperti pesanan tempatan lewat dikeluarkan, dokumen nota hantaran yang tiada maklumat lengkap dan pengurusan kad korporat yang kurang teratur; dan

e. pengurusan perolehan yang kurang teratur seperti pembayaran pendahuluan projek melebihi 50% dan perancangan pembikinan video yang kurang teliti.

Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan dan aktiviti MyCEB serta maklum balas daripada KPK dan MyCEB adalah seperti perenggan berikut:

23.5.1. Prestasi Kewangan

23.5.1.1. Analisis Pendapatan Dan Perbelanjaan

a. Prestasi kewangan MyCEB adalah baik bagi tahun kewangan 2012, 2013, dan 2014 di mana syarikat telah mencatatkan lebihan pendapatan tahunan selepas cukai masing-masing berjumlah RM5.95 juta, RM12.51 juta, RM1.58 juta. MyCEB tidak mempunyai sebarang sumber pendapatan utama sebaliknya menguruskan geran yang diterima daripada Kerajaan. Jumlah pendapatan tahunan MyCEB adalah antara RM42.51 juta hingga RM82.41 juta. Pendapatan MyCEB pada tahun 2013 telah meningkat sejumlah RM33.68 juta (69%) menjadi RM82.41 juta berbanding tahun 2012. Bagaimanapun, pada tahun 2014, jumlah pendapatan MyCEB telah menurun sejumlah RM20.82 juta (25%) menjadi RM61.59 juta.

b. Pendapatan utama yang direkodkan adalah penerimaan geran Kerajaan dan yuran penyertaan dari syarikat-syarikat swasta bagi program promosi di luar Negara di mana ia menyumbang antara 94.2% hingga 97.8% setahun bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014. Geran Kerajaan yang diterima telah dibahagikan kepada geran pembangunan dan mengurus. Selain itu, MyCEB

turut menjana lain-lain pendapatan dari faedah pelaburan simpanan tetap dan tuntutan insurans. Pendapatan ini menunjukkan peningkatan setiap tahun daripada RM1.45 juta pada tahun 2012 kepada RM3.45 juta pada tahun 2014. Kedudukan kewangan MyCEB bagi tempoh tahun kewangan 2012 hingga 2014 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 23.1
KEDUDUKAN PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF MYCEB BAGI TEMPOH TAHUN KEWANGAN 2012 HINGGA 2014

BUTIRAN	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
Pendapatan	47.28	80.59	58.14
Lain-lain Pendapatan	1.46	1.82	3.45
Jumlah Pendapatan	**48.74**	**82.41**	**61.59**
Jumlah Perbelanjaan	**(42.40)**	**(69.45)**	**(59.14)**
Lebihan Sebelum Cukai	**6.34**	**12.96**	**2.45**
Cukai	(0.39)	(0.45)	(0.87)
Lebihan/(Kurangan) Selepas Cukai	**5.95**	**12.51**	**1.58**

Sumber : Penyata Kewangan Tahun 2012, 2013 Dan 2014 Yang Diaudit

c. Semua perbelanjaan MyCEB menggunakan dana geran yang diterima daripada Kerajaan. Perbelanjaan MyCEB terbahagi kepada dua kategori iaitu perbelanjaan pembangunan dan mengurus. Perbelanjaan MyCEB bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah antara RM42.4 juta hingga RM69.4 juta. Bagi tempoh ini, perbelanjaan pembangunan merupakan perbelanjaan tertinggi yang mewakili 81.7% daripada keseluruhan perbelanjaan manakala baki 18.3% merupakan perbelanjaan mengurus. Perbelanjaan pembangunan terdiri daripada aktiviti pembidaan dan pemasaran iaitu *Convention and Incentive, Trade Show, Bidding Expences, Travelling, Event Particiption Fees, Subvention dan Market Research.* Analisis Audit mendapati pada tahun 2012, perbelanjaan pembangunan menunjukkan peningkatan sejumlah RM25.87 juta (76.4%) menjadi RM59.75 juta berbanding perbelanjaan tahun 2013. Bagaimanapun, pada tahun 2014 perbelanjaan pembangunan telah menurun menjadi RM47.56 juta iaitu penurunan 20.4% berbanding tahun 2013.

d. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada aktiviti operasi dan pentadbiran. Adalah didapati perbelanjaan mengurus mencatat trend peningkatan berterusan daripada RM8.52 juta pada tahun 2012 kepada RM9.65 juta pada tahun 2013 seterusnya RM11.57 juta pada tahun 2014. Analisis selanjutnya bagi tempoh 2012 hingga 2014 mendapati nisbah perbelanjaan mengurus yang meningkat dari setahun ke setahun sebanyak 13.3% hingga 20% dan elemen terbesar daripada perbelanjaan ini adalah gaji dan elaun. Butiran lanjut analisis perbelanjaan MyCEB adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 23.2
PERBELANJAAN MYCEB BAGI TEMPOH 2012 HINGGA 2014

PERKARA	TAHUN			JUMLAH (RM Juta)
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	
Perbelanjaan Pembangunan	33.88	59.75	47.56	**141.19**
Perbelanjaan Mengurus	8.52	9.65	11.57	**29.74**
JUMLAH	**42.4**	**69.4**	**59.13**	**170.93**

Sumber : Penyata Kewangan Tahun 2012, 2013 Dan 2014 Yang Diaudit

23.5.1.2. Analisis Nisbah

Sebagai syarikat yang ditubuhkan menurut jaminan dan tidak berorientasikan keuntungan serta bergantung sepenuhnya kepada penerimaan geran Kerajaan, tahap prestasi kewangan MyCEB hanya di analisis melalui nisbah semasa. Analisis dilaksanakan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2012, 2013 dan 2014. Hasil analisis yang telah dijalankan seperti jadual berikut:

JADUAL 23.3
ANALISIS NISBAH BAGI TAHUN KEWANGAN 2012, 2013 DAN 2014

NISBAH SEMASA	TAHUN	ASET SEMASA (RM Juta) (a)	LIABILITI SEMASA (RM Juta) (b)	NISBAH SEMASA (a/b)
	2012	90.13	2.03	44.40 : 1
	2013	106.35	2.17	49.01 : 1
	2014	107.23	1.95	54.98 : 1

Tahap kecairan MyCEB bagi tempoh 3 tahun adalah baik. Analisis Audit mendapati peningkatan kadar nisbah semasa adalah disebabkan oleh peningkatan aset semasa iaitu simpanan tetap dalam institusi kewangan di mana peningkatan antara 10.5% hingga 18.7% daripada jumlah aset semasa. Simpanan tetap dari tahun 2012 hingga 2014 masing-masing berjumlah RM80 juta, RM95 juta dan RM105 juta.

Sumber : Penyata Kewangan MyCEB Yang Diaudit

23.5.1.3. Prestasi Aliran Tunai

Penyata aliran tunai memberikan maklumat berkaitan keupayaan syarikat untuk menjana atau menggunakan aliran tunai daripada aktiviti operasi, pelaburan dan pembiayaan serta penggunaan untuk menampung perbelanjaan. Kedudukan aliran tunai MyCEB bagi tahun kewangan 2012, 2013 dan 2014 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 23.4
PENYATA ALIRAN TUNAI MYCEB
BAGI TAHUN KEWANGAN 2012, 2013 DAN 2014

BUTIRAN/TAHUN	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pengoperasian			
Lebihan Sebelum Cukai	6.34	12.96	2.45
Pelarasan	0.43	0.62	0.69
Peningkatan/(Penurunan) Modal Kerja	-	0.24	(0.20)

BUTIRAN/TAHUN	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
Pengurangan Modal Kerja	(1.38)	(0.70)	(0.75)
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pengoperasian	**5.39**	**13.12**	**2.18**
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pelaburan			
Aliran Keluar Tunai	(0.84)	(1.19)	(0.28)
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pelaburan	**(0.84)**	**(1.19)**	**(0.28)**
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pembiayaan			
Aliran Masuk/(Keluar) Tunai	34.59	4.15	(0.89)
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pembiayaan	**34.59**	**4.15**	**(0.89)**
Penambahan Bersih Dalam Tunai Dan Persamaan Tunai	**39.14**	**16.08**	**1.02**
Tunai Dan Persamaan Tunai Awal Tahun	**50.01**	**89.15**	**105.23**
Tunai Dan Persamaan Tunai Akhir Tahun	**89.15**	**105.23**	**106.25**

Sumber : Penyata Kewangan Tahun 2011, 2012 Dan 2013 Yang Diaudit

a. Secara keseluruhannya, didapati aliran tunai MyCEB adalah stabil bagi tempoh tiga tahun berturut-turut. Aliran tunai MyCEB telah mencatatkan baki sejumlah RM89.15 juta pada tahun 2012 dan meningkat sebanyak 19.1% menjadi RM106.25 juta pada tahun 2014.

b. Analisis Audit selanjutnya mendapati MyCEB berkemampuan menjana aliran tunai dari aktiviti operasinya hanya melalui sumber pendapatan geran dari Kerajaan. Pada tempoh tiga tahun ini, MyCEB telah mengalami defisit aliran tunai daripada aktiviti pelaburan di mana penggunaan tunai dijana bagi membiayai perolehan aset-aset pejabat. Pada tahun 2014, berlaku defisit dalam aktiviti pembiayaan berjumlah RM0.89 juta. Ini adalah kerana pada tahun berkenaan, jumlah perbelanjaan melebihi jumlah peruntukan yang diterima. Pada akhir tahun kewangan 2014, MyCEB mempunyai tunai dan persamaan tunai berjumlah RM106.25 juta yang terdiri daripada baki tunai di tangan dan di bank berjumlah RM1.25 juta dan simpanan tetap berjumlah RM105.0 juta. Daripada jumlah tunai yang dimiliki oleh MyCEB sehingga 31 Disember 2014, sejumlah RM43.70 juta daripadanya, merupakan komitmen yang telah diluluskan oleh MyCEB bagi pemberian dana *subvention* sehingga tahun 2021.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhan prestasi kewangan MyCEB bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 adalah baik. MyCEB bergantung sepenuhnya kepada geran Kerajaan dalam melaksanakan aktiviti dan program utamanya serta semua perbelanjaan operasi syarikat. Pengurangan terimaan geran tahunan dari Kerajaan, berkemungkinan boleh memberi kesan dan menjejaskan pelaksanaan aktiviti utama MyCEB.

23.5.2. Prestasi Aktiviti dan Pengurusan Aktiviti

a. Pelaksanaan acara dan program oleh Bahagian *Business Events* (BE) dan *Malaysia Major Events* (MME) adalah bagi mencapai objektif NKEA dan EPP sektor pelancongan iaitu menambah jumlah pendapatan Negara kasar sejumlah RM67.0 billion dengan sasaran pencapaian sehingga RM168 billion pada tahun 2020. Sumber kewangan MyCEB adalah dari Kementerian melalui peruntukan dari program *NKEA*. Di samping itu, MyCEB juga menerima geran daripada Kementerian untuk melaksanakan program dan aktiviti Kempen *Visit Malaysia Year 2014.*

23.5.2.1. Prestasi Aktiviti

23.5.2.1.1. Pencapaian *Key Performance Indicator* (KPI)

a. Pencapaian objektif program *NKEA Tourism* adalah berasaskan KPI yang ditetapkan oleh PEMANDU melalui EPP 7 dan EPP 10. Melalui KPI ini, ia dijadikan sebagai mekanisme penyeliaan berkala dan pengukuran pencapaian *NKEA Tourism bagi* setiap tahun. Pada tahun 2012, PEMANDU telah menetapkan KPI bagi EPP 7 berdasarkan jumlah pendapatan yang diterima daripada penganjuran acara/program antarabangsa, manakala KPI bagi EPP 10 adalah berdasarkan bilangan acara perniagaan dengan bilangan minimum 650 perwakilan setiap acara. Bagaimanapun, bagi mengembangkan dan memperluaskan lagi segmen acara antarabangsa dan perniagaan, mulai tahun 2013, KPI bagi kedua-dua EPP ini telah berubah dan ditetapkan berdasarkan kepada bilangan delegasi/pelancong antarabangsa yang hadir bagi setiap EPP.

b. Mengikut Laporan Prestasi KPI bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, secara keseluruhannya, MyCEB telah berjaya mencapai KPI yang ditetapkan di mana pencapaian MyCEB untuk kedua-dua EPP adalah baik dan melepasi KPI yang ditetapkan. Kejayaan mencapai sasaran yang ditetapkan adalah disebabkan oleh komitmen secara langsung oleh MyCEB untuk bekerjasama dengan persatuan industri dan penganjur acara untuk membangunkan industri melalui penganjuran acara/program menarik bertaraf dunia.

c. Daripada analisis keputusan KPI, pencapaian prestasi EPP 7 dan EPP 10 telah merekodkan peratusan antara 102% hingga 189.21%. Bagaimanapun, KPI bagi kedua-dua EPP tahun 2015 (sehingga bulan November) masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan. Sehingga tempoh ini, pencapaian KPI masing-masing adalah hanya 61% dan 78%. Berdasarkan maklum balas MyCEB, pencapaian KPI tahun 2015 masih belum melepasi sasaran yang ditetapkan antara lainnya kerana pengurangan terimaan geran yang menyebabkan program dan aktiviti

yang telah dirancang tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 23.5
PENCAPAIAN KPI BAGI TEMPOH TAHUN 2012 HINGGA 2015

KPI	TAHUN	PENGUNJUNG		PERBEZAAN (c=b-a)	PENCAPAIAN (%)	BIL. PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN) (%)
		SASARAN (a)	PENCAPAIAN (b)				
EPP 7- MALAYSIA MAJOR EVENTS							
Jumlah Pendapatan Daripada Acara Antarabangsa (RM Juta)	* 2012	900	916	16	101.7	-	-
Bilangan Pelancong Antarabangsa Yang Hadir Bagi Acara Antarabangsa	2013	56,800	97,211	40,411	171.5	-	-
	2014	63,400	119,959	56,559	189.2	16,148	40
	# 2015	95,000	58,051	(36,949)	61.0	(19,610)	(34.6)
EPP 10-BUSINESS EVENTS							
Bilangan Acara Yang Di Adakan Dengan Bilangan Minimum 650 Perwakilan Setiap Acara.	* 2012	45	45	-	100.0	-	
Jumlah Hari Perwakilan Bagi Acara Pelancongan Perniagaan	2013	195,000	289,867	94,867	148.6	-	-
	2014	230,000	362,280	132,280	157.5	37,413	39.4
	# 2015	370,000	288,301	(81,699)	78.0	(50,581)	(38.2)

Sumber : Laporan KPI Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan
Nota : (*) - Pencapaian KPI Bagi Tahun 2012 Untuk EPP 7 Diukur Berdasarkan Jumlah Pendapatan Dan EPP 10 Berdasarkan Bilangan Acara
(#) - Sehingga Bulan November 2015

d. Seterusnya, pihak Audit membuat analisis terhadap kesan pencapaian KPI bagi mengukur impak ekonomi yang diperoleh hasil daripada pelaksanaan acara/program EPP 7 dan EPP 10. Berdasarkan statistik di atas, adalah di dapati peningkatan bilangan pelancong luar negara setiap tahun antara 16,000 hingga 37,000 orang dengan peratusan peningkatan sehingga 40%. Bagaimanapun, perbandingan data tahun 2015 dengan tahun 2014 menunjukkan penurunan yang ketara terhadap bilangan pelancong iaitu antara 19,000 hingga 50,000 orang.

e. Pencapaian KPI sepanjang tempoh ini telah memberi kesan positif terhadap pendapatan kasar Negara yang disumbangkan melalui sektor pelancongan. Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, pencapaian EPP ini telah mencatatkan sumbangan dengan anggaran sejumlah RM5.98 bilion kepada sektor pelancongan dan peningkatan masing-masing berjumlah RM494.03 juta (37%) sehingga RM947.32 juta (51.8%). Bagaimanapun, pada tahun 2015, kesan daripada penurunan kehadiran bilangan pelancong turut memberi impak ekonomi yang ketara. Pada tahun 2015, pendapatan sejumlah RM1.75 bilion direkodkan dengan penurunan berjumlah RM1.03 bilion (37%) berbanding tahun 2014. Butiran lanjut adalah seperti jadual dan carta berikut:

JADUAL 23.6
ANGGARAN IMPAK EKONOMI YANG DIPEROLEH DARIPADA PENCAPAIAN KPI

TAHUN	IMPAK EKONOMI (RM Juta)		JUMLAH (RM Juta)	JUMLAH PENINGKATAN (PENURUNAN) (RM Juta)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN) (%)
	EPP- 7	EPP-10			
2012	91.99	1,242	1,333.99	-	-
2013	476.02	1,352	1,828.02	494.03	37.0
2014	898.34	1,877	2,775.34	947.32	51.8
*2015	412.36	1,337	1,749.36	(1,025.98)	(37.0)
JUMLAH	**1,878.71**	**5,808**	**7,686.71**		

Sumber : Laporan Pencapaian Program/Aktiviti EPP 7 Dan EPP 10
Nota : Sehingga Bulan November 2015

CARTA 23.1
ANGGARAN IMPAK EKONOMI DARIPADA PENCAPAIAN KPI



Sumber: Laporan Pencapaian Program/Aktiviti EPP 7 dan EPP 10, MyCEB

Pada pendapat Audit, MyCEB berjaya mencapai KPI yang telah ditetapkan oleh KPK dan PEMANDU bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014. Namun pada tahun 2015, MyCEB tidak mencapai KPI yang ditetapkan.

Maklum Balas MyCEB Yang Diterima Pada 15 April 2016

KPI yang telah ditetapkan (tidak dikurangkan) pada tahun 2015 (EPP7 dan EPP10) adalah berbentuk stretched KPI. Cabaran pengendalian bajet yang amat terhad selepas melalui process budget optimization telah mengurangkan pemberian dana subvention kepada pihak penganjur acara-acara antarabangsa. Oleh yang demikian, sasaran pencapaian pada bulan September 2015 adalah kurang memberangsangkan. Sehingga 31 Disember 2015, pencapaian EPP7 adalah 66,495 pengunjung antarabangsa berbanding sasaran KPI 95,000 pengunjung antarabangsa (bersamaan dengan pencapaian 70% dari KPI yang telah ditetapkan). Manakala bagi EPP10, pencapaian adalah berjumlah 334, 493 hari perwakilan delegasi antarabangsa berbanding sasaran KPI iaitu 370,000 hari perwakilan delegasi antarabangsa bersamaan 90% pencapaian.

23.5.2.1.2. Prestasi Pembidaan (Bidding)

a. Pembidaan merupakan salah satu daripada aktiviti utama MyCEB iaitu untuk meyakinkan penganjur untuk memilih Malaysia berbanding negara lain sebagai destinasi utama bagi melaksanakan acara/program perniagaan dan antarabangsa. Kebiasaannya tempoh pelaksanaan sesuatu acara/program dari tarikh pembidaan dilaksanakan adalah antara 1 hingga 3 tahun bagi acara antarabangsa dan 1 hingga 7 tahun bagi acara perniagaan.

b. Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2015, pengurusan MyCEB telah melaksanakan 956 aktiviti pembidaan di luar negara yang terdiri daripada 76 acara antarabangsa dan 880 acara perniagaan. Daripada jumlah ini, sebanyak 62 acara antarabangsa (EPP 7) dan 574 acara perniagaan (EPP 10) masing-masing telah berjaya dibida. Adalah didapati peratusan pencapaian pembidaan bagi setiap EPP antara 63.7% hingga 81.6% daripada sasaran yang dirancang berjaya menghasilkan impak ekonomi yang dianggarkan berjumlah RM4,140.40 juta melalui pelaksanaan acara/program tersebut.

c. Antara faktor yang menyumbang terhadap prestasi kejayaan pembidaan adalah tarikan Malaysia sebagai destinasi terbaik seperti kemudahan teknologi dan kebudayaan, kemudahan dan infrastruktur bagi penganjuran acara/program yang lengkap dan bertaraf antarabangsa, kemudahan penginapan kelas tinggi yang mencukupi, akses kemudahan pengangkutan udara dan darat yang baik, sokongan kewangan dan penajaan daripada pihak Kerajaan dan swasta serta persatuan dan kelab tempatan yang kompeten, aktif dan dikenali di luar negara. Butiran lanjut berkaitan sasaran dan pencapaian pembidaan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 23.7
PERBANDINGAN SASARAN DENGAN PENCAPAIAN PEMBIDAAAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2012 HINGGA 2015

TAHUN	EPP 7- ACARA ANTARABANGSA				TAHUN	EPP 10- ACARA PERNIAGAAN			
	BIL. BIDAAN	PENCAPAIAN ACARA	PENCAPAIAN (%)	ANGGARAN IMPAK EKONOMI MENGIKUT PENCAPAIAN (RM Juta)		BIL. BIDAAN	PENCAPAIAN ACARA	PENCAPAIAN (%)	ANGGARAN IMPAK EKONOMI MENGIKUT PENCAPAIAN (RM Juta)
2012	11	10	91.0	181.42	**2012**	214	135	63.1	634
2013	23	16	70.0	223.00	**2013**	176	134	76.1	789
2014	22	19	86.3	175.15	**2014**	227	152	67	970
2015	20	17	85.0	269.83	**2015**	263	140	53.2	898
JUMLAH	**76**	**62**	**81.6**	**849.40**	**JUMLAH**	**880**	**561**	**63.7**	**3,291**

Sumber : Laporan Pencapaian Pembidaan Acara Antarabangsa Dan Perniagaan

d. Bagaimanapun, berdasarkan laporan MyCEB, terdapat juga beberapa faktor sasaran bidaan yang tidak berjaya mengikut EPP masing-masing. Bagi bidaan acara/program EPP 7, antara faktornya adalah kadar persembahan (right fee) yang tinggi terutamanya untuk membawa artis-artis antarabangsa ke Malaysia; kekurangan tempat acara/program yang sesuai mengikut kriteria yang ditetapkan oleh penganjur; kadar pertukaran mata wang asing yang tinggi untuk tujuan pembidaan dan keadaan situasi semasa yang kurang baik serta isu kapal terbang (MH370 dan MH17). Manakala bagi EPP10 pula, adalah disebabkan tarikan destinasi oleh negara-negara lain yang lebih baik daripada Malaysia (destination appeal), kemampuan kewangan negara pembida yang lebih baik dan persatuan-persatuan tempatan yang memasuki bidaan kurang dikenali dan tidak aktif.

Pada pendapat Audit, pencapaian bidaan telah berjaya menyumbang kepada impak ekonomi dalam industri pelancongan. Bantuan dan sokongan daripada sektor Kerajaan dan swasta akan dapat meningkatkan lagi prestasi dan pencapaian pembidaan.

23.5.2.1.3. Prestasi Dana *Subvention*

a. Dana *subvention* merupakan satu bentuk bantuan kewangan yang disalurkan kepada penganjur tempatan atau antarabangsa yang bersetuju terhadap penganjuran acara/program antarabangsa (International Major Events) atau acara perniagaan (Business Events) di Malaysia. Pemberian dana *subvention* dibuat secara bayaran balik (reimbursement basis) dengan terma dan syarat yang ditetapkan bertujuan untuk membantu penganjur membiayai sebahagian daripada kos acara/program. Bantuan dana *subvention* ini merupakan kos tertinggi daripada keseluruhan perbelanjaan dengan peratusan antara 27% hingga 47.9%.

b. Analisis Audit terhadap pencapaian dana ini bagi tempoh tahun 2012 hingga September 2015, mendapati Jawatankuasa Penilaian *Subvention* telah meluluskan pemberian dana *subvention* berjumlah RM139.29 juta untuk pelaksanaan acara/program di bawah EPP 7 dan EPP 10. Kelulusan pemberian dana ini meliputi tempoh pelaksanaan acara/program dari tahun 2012 hingga 2021.

c. Sehingga 30 September 2015, sejumlah RM83.77 juta (60.1%) daripada jumlah bantuan yang diluluskan, telah disalurkan kepada penganjur. Manakala baki dana sejumlah RM55.52 juta masih disimpan dan akan

disalurkan selepas penganjur mengemukakan dokumen bukti perbelanjaan walaupun acara/program masih belum dilaksanakan. Berdasarkan maklum balas MyCEB, baki dana yang ada sehingga kini adalah kerana acara/program masih belum dilaksanakan atau telah dibatalkan atau penganjur belum membuat tuntutan perbelanjaan walaupun acara/program telah selesai. Sebahagian baki dana yang dikenal pasti tidak dituntut bagi tempoh tertentu, akan digunakan untuk tujuan bantuan kepada penganjur yang lain.

d. Berdasarkan data yang dikemukakan, didapati jumlah kelulusan bantuan dana bagi kedua-dua EPP adalah meningkat setiap tahun. Analisis Audit menunjukkan peningkatan jumlah kelulusan antara lainnya disebabkan pertambahan dan peningkatan bilangan acara/program yang dilaksanakan di Malaysia. Bagaimanapun, bagi tahun 2015 (sehingga bulan September), jumlah dana *subvention* yang diluluskan hanya berjumlah RM29.62 juta. Berdasarkan maklum balas MyCEB, penurunan kelulusan dana ini disebabkan oleh pengurangan terimaan geran dari KPK. Prestasi dana subvention adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 23.8
KELULUSAN DAN PERBELANJAAN *DANA SUBVENTION*
BAGI TEMPOH TAHUN 2012 HINGGA 2015

TAHUN	EPP7 (RM Juta)			EPP10 (RM Juta)			JUMLAH (RM Juta)		
	LULUS	SALUR	BAKI	LULUS	SALUR	BAKI	LULUS	SALUR	BAKI
2012	14.17	13.09	1.08	21.42	17.41	4.01	35.59	30.50	5.09
2013	16.83	16.09	0.74	14.38	2.86	11.52	31.21	18.95	12.26
2014	29.48	22.57	6.91	13.39	2.22	11.17	42.87	24.79	18.08
*2015	13.90	8.35	5.55	15.72	1.18	14.54	29.62	9.53	20.09
JUMLAH	74.38	60.10	14.28	64.91	23.67	41.24	139.29	83.77	55.52

Sumber : ***Laporan Subvention List EPP 7 Dan EPP 10 Oleh Bhg. Kewangan***
Nota : ***(*) - Sehingga Bulan September 2015***

23.5.2.1.4. Pencapaian Kewangan MyCEB

a. Bagi tempoh tahun 2011 hingga bulan Disember 2015, MyCEB telah menerima keseluruhan peruntukan berjumlah RM268.38 juta bagi melaksanakan acara/program EPP 7 dan EPP 10. Bagi pencapaian mengikut tahun pula, MyCEB telah menerima peningkatan jumlah peruntukan yang disalurkan dari tahun 2011 hingga 2013. Pada tahun 2011, peruntukan yang diterima berjumlah RM32.38 juta dan telah meningkat sejumlah RM14.04 juta (43.3%) pada tahun 2012 dan RM33.3 juta (71.7%) pada tahun 2013 masing-masing menjadi RM46.41 juta dan RM79.71 juta. Bagaimanapun, pada tahun 2014, jumlah peruntukan yang disalurkan telah menurun sejumlah RM22.15 juta (27.8%) iaitu kepada RM57.5 juta. Bagi tahun 2015, sejumlah RM52.35 juta peruntukan diterima dengan penurunan sejumlah

RM5.2 juta (9.0%) daripada tahun 2014. Daripada jumlah peruntukan ini, Bahagian BE telah menerima peruntukan terbesar berjumlah RM169.04 juta bagi mengendalikan acara/program yang berkaitan EPP 10. Manakala baki peruntukan sejumlah RM99.34 juta telah diperuntukkan kepada Bahagian MME bagi mengendalikan acara/program EPP7.

b. MyCEB telah membelanjakan sejumlah RM259.05 juta (96.5%) daripada keseluruhan yang diterima. Daripada jumlah tersebut, Bahagian BE dan MME telah membelanjakan peruntukan masing-masing berjumlah RM163.54 juta (96.7%) dan RM95.51 juta (96.1%). Perbandingan Audit antara peruntukan dengan perbelanjaan sebenar mendapati bagi tahun 2014 dan 2015, MyCEB telah berbelanja melebihi had peruntukan yang diterima masing-masing berjumlah RM2.45 juta dan RM13.7 juta. Ini adalah kerana baki peruntukan yang telah diterima oleh MyCEB dari KPK untuk tahun sebelumnya telah digunakan juga pada tahun 2014 dan 2015. Kedudukan pencapaian kewangan acara/program MyCEB adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 23.9
PENCAPAIAN KEWANGAN MYCEB
BAGI TEMPOH TAHUN 2011 HINGGA 2015

TAHUN	BAHAGIAN	PERUNTUKAN DITERIMA (RM Juta)	PERUNTUKAN DIBELANJAKAN (RM Juta)	BAKI PERBELANJAAN (RM Juta)
2011	BE	30.63	18.61	**12.02**
	MME	1.74	1.67	**0.07**
2012	BE	27.53	29.56	**(2.03)**
	MME	18.88	13.22	**5.66**
2013	BE	50.58	43.77	**6.81**
	MME	29.12	26.13	**2.99**
2014	BE	33.91	35.16	**(1.25)**
	MME	23.65	24.85	**(1.2)**
2015	BE	26.39	36.44	**(10.05)**
	MME	25.96	29.64	**(3.68)**
JUMLAH		**268.39**	**259.05**	

Sumber : Laporan Perbelanjaan Bahagian Kewangan, MyCEB

23.5.3. Pengurusan Aktiviti MyCEB

23.5.3.1. Pengurusan Dana *Subvention*

Salah satu aktiviti utama MyCEB bagi memastikan misi syarikat tercapai ialah pemberian dana *subvention* dan penyertaan promosi MyCEB di pameran perniagaan. Kelulusan jumlah pemberian dana kepada penganjur oleh

Jawatankuasa Pelulus antaranya berdasarkan bilangan delegasi/pengunjung antarabangsa yang hadir ke acara/program yang dilaksanakan.

Bagi memastikan pengurusan dana *subvention* dilaksanakan dengan teratur, setiap pemberian dana akan dibuat perjanjian/*memorandum of understanding* (MOU) *Subvention Support*. Pihak Audit telah membuat semakan terhadap 51 fail dana *subvention* dan fail pelantikan syarikat konsultan dan khidmat perunding bagi pembinaan booth di pameran perniagaan luar negara. Hasil semakan Audit mendapati secara keseluruhannya, pengurusan aktiviti syarikat adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti yang berikut:

a. Pembayaran Yang Tidak Teratur Kepada Penganjur

i. Klausa 5.5, Perjanjian menyatakan penganjur bersetuju bahawa MyCEB mempunyai budi bicara mutlak untuk mengurangkan dan menyemak semula dana *subvention* yang akan disediakan untuk penganjur sekiranya penganjur tidak dapat memenuhi obligasi yang ditetapkan oleh MyCEB. Salah satu syarat yang ditetapkan bagi pembayaran penuh dana *subvention* adalah komitmen atau keperluan penganjur untuk mencapai bilangan minimum pelancong antarabangsa yang hadir.

ii. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Pelulus telah meluluskan bantuan dana *subvention* kepada 30 penganjur antara RM100,000 hingga RM3,000,000 dengan kehadiran bilangan pelancong antarabangsa antara 2,000 hingga 25,000 orang bagi setiap acara. Kehadiran bilangan pelancong ini merupakan salah satu komitmen penganjur apabila bersetuju menerima bantuan dana ini.

iii. Semakan Audit mendapati MyCEB telah membuat bayaran bantuan dana *subvention* kepada 8 penganjur walaupun tidak mencapai bilangan kehadiran pelancong antarabangsa. Daripada 8 bayaran kepada penganjur yang diluluskan, MyCEB telah membuat bayaran dana *subvention* kepada penganjur yang tidak mencapai bilangan minimum pelancong antarabangsa di antara 1.0% hingga 82%. Perkara ini berlaku antaranya disebabkan tiada prosedur yang jelas mengenai pembayaran yang boleh dibuat sekiranya berlaku perbezaan kehadiran pelancong antarabangsa antara yang diluluskan dengan sebenar. Prosedur pembayaran dana *subvention* boleh ditambah baik dengan memasukkan prosedur berkaitan perbezaan bilangan pelancong antarabangsa. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 23.10
BAYARAN KEPADA PENGANJUR YANG TIDAK MENCAPAI KRITERIA BILANGAN PELANCONG ANTARABANGSA

NAMA ACARA	JUMLAH PENUH DANA SUBVENTION YANG DIBAYAR	BILANGAN PELANCONG ANTARABANGSA		PERBEZAAN BILANGAN PENGUNJUNG (c=a-b)	(%) BEZA
		DALAM PERJANJIAN (a)	SEBENAR (b)		
FC Barcelona Asia Tour 2013	800,000	8,000	7,100	900	11.0
Tropest South East Asia 2014	580,000	2,250	1,214	1,036	46.0
Temptation Reloaded Shah Rukh Khan Live In Malaysia	831,000	2,500	2,393	107	4.3
Future Music Festival Asia 2014	3,000,000	25,000	24,716	284	1.0
Good Vibes Festival 2014	600,000	2,500	1,163	1,337	53.4
FISE	1,000,000	4,550	3,204	1,346	30.0
Kids Golf World Championship	620,000	2,000	396	1,604	80.0
WWE Live in Malaysia	1,300,000	5,000	901	4,099	82.0

Sumber: ***Fail Acara/Program***
Nota : ***Tempoh Sehingga Bulan September 2015***

Pada pendapat Audit, MyCEB mempunyai asas pertimbangan untuk menyemak semula jumlah dana *subvention* yang diluluskan untuk penganjur sekiranya tidak memenuhi syarat-syarat perjanjian.

Maklum Balas MyCEB Yang Diterima Pada 15 April 2016

Setiap proses pembayaran kepada penganjur adalah berteraskan apa yang tertera di dalam klausa perjanjian. Di dalam setiap perjanjian, MyCEB mempunyai hak mutlak untuk membayar, mengurang dan menukar kadar pemberian dana subvention berdasarkan pencapaian KPI bilangan pengunjung antarabangsa. Pembayaran kepada penganjur acara-acara 1 hingga 8 telah dibuat berdasarkan faktor-faktor yang berikut:

- ***Return-on-Objective (ROO) yang telah dicapai dengan menaikkan profil negara sebagai hub penganjuran acara antarabangsa yang utama di rantau Asia Tenggara.***
- ***PR Value yang telah diperolehi dari laporan media/promosi yang dijalankan di dalam dan luar negara dari masa pengumuman penganjuran acara sehingga selepas penganjuran acara.***
- ***Acara-acara 1 hingga 8 adalah acara-acara yang baru yang belum dipentaskan di rantau Asia. Pihak MyCEB juga perlu mengambil kira risiko tinggi yang diambil oleh setiap penganjur.***
- ***Acara-acara ini adalah acara yang pertama kali (inaugural event di Malaysia) dipentaskan di Asia Tenggara. Malaysia adalah satu-satunya negara di Asia Tenggara yang telah berjaya mendapatkan hak penganjuran selain dari UAE, UK, Germany dan Amerika.***

- ***Acara Kids Golf World Championship 2014 ini adalah acara yang menjurus kepada acara khas yang dapat menaikkan taraf keterampilan young and up-coming golfers di Malaysia. Acara ini adalah acara yang terulung bagi young golfers di Amerika dan Eropah. Faktor transfer of knowlege adalah faktor kejayaan utama acara ini. Acara ini juga merupakan acara one-of-a-kind di rantau Asia.***
- ***Acara FC Barcelona Asia Tour 2013, salah satu faktor utama yang diambil kira adalah tentang pertukaran venue acara. Pertukaran yang dibuat atas permintaan FC Barcelona ini hanya dapat dihebahkan di waktu pagi pada hari berlangsungnya acara tersebut.***
- ***Acara Future Music Festival Asia 2014 (FMFA) telah dibatalkan pada hari ketiga di atas faktor di luar kawalan pihak penganjur. Adalah didapati, sejumlah 24,216 pengunjung antarabangsa telah menghadiri hari pertama dan kedua FMFA ini. Walaupun hari ketiga dibatalkan, anggaran 1,174 orang pengunjung antarabangsa telah berada di Malaysia untuk menghadiri acara tersebut. Oleh jumlah ini melebihi KPI 25,000 yang telah ditetapkan.***
- ***Acara Good Vibes Festival 2014 adalah acara Future Music Festival Asia 2014 (FMFA). Acara ini adalah festival yang berlangsung selepas acara FMFA. Kesan daripada pembatalan saat akhir acara FMFA telah memberi impak penurunan jumlah pengunjung antarabangsa ke acara ini. Tambahan pula, berita tentang kemungkinan acara ini akan ditangguhkan atau ditunda kerana menghormati kepulangan jenazah MH17 pada pagi hari cara tersebut menyebabkan peratus pengunjung antarabangsa dan tempatan menurun.***
- ***Acara WWE Live in Malaysia telah mendapat liputan yang menyeluruh di Asia, Amerika dan Eropah. Keputusan pembayaran penuh dibuat adalah WWE Superstars telah mempromosi acara ini beberapa bulan sebelum acara berlangsung pada bulan Oktober 2014 dan liputan yang menyeluruh pasca acara melalui siaran pakej WWE oleh pihak penganjur juga telah memberi kesan positif kepada keseluruhan media value yang diperolehi.***

MyCEB telah mengenal pasti mekanisme khusus untuk menyokong pembayaran penuh kepada penganjur program/acara yang tidak mencapai KPI yang ditetapkan di dalam bantuan dana subvention. MME telah menambah baik prosedur Permohonan Subvention Support Programme berkuat kuasa April 2016.

b. Pembayaran Dana *Subvention* Yang Masih Belum Selesai Selepas Tarikh Tamat Perjanjian/*Memorandum of Understanding*

i. Berdasarkan klausa 6.1, MoU oleh Bahagian BE dan klausa 9.1, perjanjian oleh MME yang menetapkan jadual pembayaran dana *subvention* kepada penganjur adalah tidak lewat dari tarikh tamat perjanjian.

ii. Semakan Audit terhadap laporan *Subvention List EPP 7 & EPP 10* sehingga 30 September 2015 mendapati sejumlah RM17.27 juta merupakan baki bayaran dana *subvention* yang masih belum selesai

atau tidak dituntut oleh penganjur walaupun acara/program telah tamat dan melepasi tarikh perjanjian/MoU dari tahun 2011 hingga bulan Mei 2015. Adalah didapati, daripada jumlah tersebut sejumlah RM1.84 juta merupakan 14 acara/program antarabangsa (Major Events) yang telah tamat sejak tahun 2011 hingga 2013.

iii. Perkara ini berlaku kerana MyCEB belum mempunyai prosedur yang lengkap mengenai pemantauan yang perlu dibuat dalam tempoh perjanjian/MoU berkuat kuasa. Ia juga berlaku di sebabkan kekurangan pemantauan dan semakan berterusan oleh bahagian bertangungjawab. Pembayaran yang telah melebihi tempoh perjanjian/MoU tetapi tidak dibatalkan, turut menyebabkan komitmen pembayaran projek tidak dibatalkan. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada permohonan pelanjutan tempoh perjanjian/MoU daripada penganjur dan MyCEB tidak mengambil sebarang tindakan untuk menamatkan perjanjian/MoU berkenaan.

iv. Pembayaran yang masih belum selesai ini boleh memberi kesan kepada penguatkuasaan perjanjian/MoU dan mungkin akan merugikan MyCEB di mana komitmen dana yang tidak dituntut, boleh diberikan kepada acara/program lain. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 23.11
BAKI BAYARAN DANA SUBVENTION EPP 7 DAN EPP 10
YANG MASIH BELUM DITUNTUT SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2015

TAHUN	EPP 7		EPP 10	
	BIL. ACARA/ PROGRAM	JUMLAH (RM Juta)	BIL. ACARA/ PROGRAM	JUMLAH (RM Juta)
2011	2	0.014	-	-
2012	5	1.09	-	-
2013	7	0.74	-	-
2014	24	6.93	26	6.48
*2015	3	1.31	13	1.71
JUMLAH	41	9.08	39	8.19

Sumber : Subvention List EPP 7 & EPP 10
Nota : Acara/Program Berakhir Sehingga Bulan Mei 2015

Pada pendapat Audit, pengurusan MyCEB perlu membuat perancangan dan tindakan segera terhadap baki dana *subvention* yang tidak dituntut bagi tempoh yang lama.

Maklum Balas MyCEB Yang Diterima Pada 15 April 2016

MyCEB telah menggubal prosedur di mana surat peringatan akan dikeluarkan kepada penganjur satu bulan sebelum tarikh tamat kontrak acara berkaitan dengan baki tuntutan subvention. Jumlah keseluruhan baki dana subvention

adalah jumlah yang tidak dibayar disebabkan faktor-faktor seperti dana yang tidak dituntut kerana tiada dokumentasi lengkap dari pihak penganjur, acara telah dibatalkan selepas mendapat kelulusan Jawatankuasa Pelulus dan dana tidak dituntut secara sukarela oleh pihak penganjur. Jumlah dana yang tidak dituntut / dibayar berjumlah RM9.08 juta. Jumlah ini telah pun disalurkan semula ke dalam dana subvention semula. Manakala bagi EPP 10, jumlah dana yang tidak dituntut/dibayar bagi tahun 2014 berjumlah RM6.48 juta telah disalurkan semula ke dalam Dana Subvention MyCEB dan baki dana tahun 2015 berjumlah RM1.71 juta masih dalam proses pembayaran. Jumlah keseluruhan dana subvention disalurkan semula dalam Dana Subvention MyCEB adalah RM15.56 juta.

c. Perbezaan Kadar Pengiraan Perbelanjaan Antara EPP7 Dan EPP10

i. MyCEB diberi peranan dan mandat untuk mengendalikan dua EPP di bawah sektor pelancongan iaitu EPP 7 dan EPP 10. Sumbangan daripada pelaksanaan kedua-dua EPP ini sangat penting kerana ia berjaya menarik delegasi/pelancong antarabangsa yang mampu berbelanja besar. Perkara ini bagi memastikan pencapaian pelan *National Key Economic Areas* (NKEA) 2020 mencapai sebanyak 36 juta pelancong dengan jumlah pendapatan RM168 bilion.

ii. Berdasarkan data kehadiran bilangan delegasi/pelancong antarabangsa ke setiap acara perniagaan atau acara antarabangsa, ia dijadikan sebagai asas di dalam mencatat jumlah perbelanjaan pelancong. Seterusnya melalui formula yang telah ditetapkan, jumlah perbelanjaan pelancong akan dikira sebagai pendapatan negara yang menyumbang kepada impak ekonomi keseluruhan.

iii. Semakan Audit terhadap kadar pengiraan jumlah perbelanjaan pelancong per kapita adalah berbeza antara acara perniagaan dan acara antarabangsa. Semakan lanjut mendapati, kadar pengiraan yang digunakan bagi acara perniagaan adalah RM7,418 sehari, manakala kadar RM560 sehari digunakan bagi acara antarabangsa. Adalah didapati, terdapat perbezaan yang ketara sejumlah RM6,868.00 (92.4%) antara kedua-dua kadar. Perbezaan ini boleh memberi kesan kepada pengiraan jumlah perbelanjaan pelancong per kapita seterusnya kepada pengiraan impak ekonomi. Berdasarkan maklum balas MyCEB, kadar semasa yang diguna pakai oleh kedua-dua jenis acara telah disahkan oleh juruaudit yang dilantik oleh PEMANDU.

Pada pendapat Audit, MyCEB boleh mengkaji semula kadar yang diguna pakai dalam EPP 7 memandangkan kadar sedia ada adalah rendah dan kurang munasabah.

Maklum Balas MyCEB Yang Diterima Pada 15 April 2016

Kadar pengiraan RM560 sehari bagi EPP7 adalah berasaskan kepada kadar perbelanjaan pelancong sehari yang dikeluarkan oleh Tourism Malaysia. Manakala kadar pengiraan bagi acara perniagaan EPP10 (RM7,418/per tourist) adalah tiga kali lebih tinggi daripada pelancong biasa (leisure tourist) memandangkan pelancong perniagaan adalah terdiri daripada golongan profesional, berpendapatan tinggi dan kuasa beli yang tinggi. Perbezaan kadar pengiraan adalah berasaskan perbezaan profil dan 'length of stay' bagi pelancong untuk acara (sehari) berbanding pelancong MICE (seminggu). MyCEB dalam proses mengkaji semula kadar pengiraan jumlah perbelanjaan pelancong EPP 7 bagi Suku Tahun Kedua 2016. Proses mengkaji semula kadar pengiraan bagi EPP7 akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah MyCEB pada penghujung April 2016 untuk kelulusan melaksanakan kajian semula tersebut.

23.5.3.2. Pelantikan Konsultan/Perkhidmatan Perunding Bagi Pembinaan *Booth* Di Pameran Perniagaan Luar Negara

i. Berdasarkan peraturan Manual Perolehan Pelantikan Perunding menetapkan Agensi boleh melantik perunding (konsultan) sekiranya Agensi tidak mempunyai keupayaan dari segi kepakaran atau kakitangan sedia ada bagi melaksanakan sesuatu projek atau kajian. Selepas membuat pelantikan, Agensi bertanggungjawab menyediakan terma rujukan untuk memastikan konsultan yang dilantik memahami skop perkhidmatan yang akan dilaksanakan. Ini adalah termasuk memastikan kerahsiaan maklumat berkaitan perkhidmatan yang dilaksanakan tidak diberikan kepada mana-mana pihak atau untuk digunakan bagi kepentingan sendiri. Sebagai Agensi yang menerima peruntukan sepenuhnya daripada Kerajaan Persekutuan, Kementerian Kewangan telah menetapkan agar MyCEB melaksanakan perolehan Kerajaan mengikut peraturan semasa yang berkuat kuasa. Sehubungan ini, MyCEB juga tertakluk kepada peraturan Manual Pelantikan Perunding yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.

   MyCEB telah melantik sebuah syarikat pengendali perkhidmatan pameran, acara dan seni bina dalaman pada tahun 2012 melalui proses sebut harga sebagai konsultan dan perkhidmatan perunding berhubung kerja-kerja pembinaan *booth* dan pengurusan projek bagi aktiviti pameran perniagaan di luar negara. Mulai tahun 2013 sehingga Jun 2015, kontrak syarikat ini diperbaharui melalui kelulusan Ketua Pegawai Eksekutif. Bayaran fii konsultan dan khidmat perundingan setiap tahun adalah berbeza berdasarkan bilangan pameran perniagaan yang dilaksanakan perkhidmatan oleh syarikat ini.

ii. Syarikat ini bertanggungjawab untuk menyediakan spesifikasi mereka cipta *booth,* membuat penilaian harga tender sehingga kepada pemantauan kerja-

kerja pembinaan *booth* oleh kontraktor yang dilantik. Antara skop kerja lainnya adalah seperti yang berikut:

- menyediakan dokumen tender bagi MyCEB termasuk membuat penilaian terhadap *Bill Quantity* yang diperlukan, kertas kerja teknikal pembida dan menyiapkan laporan akhir tender;
- pemantauan dan kawalan di lokasi (site operation) pameran perniagaan dilaksanakan (8 hari setiap lokasi) termasuk membuat pemantauan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor;
- kawalan terhadap bajet, kualiti dan pengeluaran termasuk menyedia dan memantau rancangan kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor; dan
- *project Budgeting & Planning* bagi mengendalikan *MyCEB Trade Exhibitions Worldwide* termasuk menentukan dan menyemak bajet kos dan kadar bagi sesuatu projek seterusnya mencadangkan kepada MyCEB.

Semakan Audit terhadap surat pelantikan perkhidmatan dan baucar bayaran mendapati perkara seperti yang berikut:

a. Pelantikan Syarikat Konsultan Sebagai Kontraktor

i. Sepanjang tempoh syarikat dilantik sebagai konsultan dan perkhidmatan perunding, syarikat ini juga turut dipelawa dalam tawaran sebut harga bagi pemilihan kontraktor pembinaan *booth* seterusnya telah dipilih oleh Jawatankuasa Sebut Harga MyCEB sebagai kontraktor pembinaan *booth* di beberapa lokasi pameran perniagaan. Berdasarkan *List of Tenderer Bidding for Booth Construction & Design,* sepanjang tempoh tahun 2012 hingga Jun 2015, MyCEB telah membuat 30 kali perolehan pelantikan kontraktor secara sebut harga bagi melaksanakan kerja-kerja pembinaan *booth.* Adalah didapati 19 (63%) daripada 30 tawaran sebut harga turut disertai oleh syarikat konsultan berkenaan. Semakan selanjutnya mendapati, Jawatankuasa Sebut Harga telah meluluskan 8 daripada 19 perolehan tawaran sebut harga kepada syarikat konsultan sebagai kontraktor pembinaan *booth*. Di samping terlibat di dalam perkhidmatan bagi pembinaan *booth* di luar negara, MyCEB turut memilih syarikat berkenaan bagi melaksanakan perkhidmatan lain-lain untuk acara-acara rasmi MyCEB di dalam negara.

ii. Berdasarkan laporan kelulusan Jawatankuasa, antara cadangan pemilihan syarikat ini adalah harga tawaran sebut harga tidak melebihi bajet, mempunyai rekod pencapaian dan pengalaman yang

baik serta mengemukakan harga *Bill of Quantity* (BQ) yang lengkap. Butiran lengkap adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 23.12
SENARAI ACARA YANG MELIBATKAN SYARIKAT KONSULTAN DALAM TAWARAN SEBUT HARGA DAN KONTRAKTOR

BUTIRAN	TAHUN							
	2012		2013		2014		2015	
	SH	KONT.	SH	KONT.	SH	KONT.	SH	KONT.
NAMA PAMERAN PERDAGANGAN (TRADE SHOW)								
AIME,Melbourne	✓	✓	-	-	TM	-	✓	-
IT & CM, Shanghai	✓	✓	-	-	✓	✓	✓	-
IMEX, Frankfurt	TM	-	✓	-	✓	✓	✓	-
AIBTM, Chicago	TM	-	-	-	TM	-	TM	-
CIBTM, Beijing	✓	✓	-	-	✓	-	TM	-
IT & CMA Bangkok	TM	-	✓	✓	✓	-	TM	-
IMEX, Las Vegas	✓	-	✓	-	✓	-	TM	-
EIBTM, Barcelona	✓	✓	✓	-	✓	-	TM	-
PAICE,New Zealand	TM	-	-	-	-	-	TM	-
WOMEX AT Galicia Spain	-	-	-	-	✓	✓	TM	-
JUMLAH	**5**	**4**	**4**	**1**	**7**	**3**	**3**	**-**

Sumber : Baucar Bayaran Dan Kontrak Perjanjian
Nota : SH - Dipelawa Sebut Harga
KONT - Dipilih Sebagai Kontraktor
TM - Tiada Maklumat
TB - Tidak Berkaitan
(✓) - Penyertaan / Terpilih

Pada pendapat Audit, keputusan MyCEB untuk membuat pelawaan tawaran sebut harga sehingga kepada pemilihan syarikat sebagai kontraktor adalah bercanggah dengan amalan pengurusan perolehan yang terbaik. Ini kerana, syarikat juga merupakan konsultan dan perkhidmatan perunding bagi kerja-kerja pembinaan *booth* yang terlibat dalam penyediaan dan semakan dokumen sebut harga.

Maklum Balas MyCEB Yang Diterima Pada 15 April 2016

MyCEB telah melantik perunding (konsultan) bagi kerja-kerja pembinaan Booth di pameran perniagaan luar negara disebabkan MyCEB tidak mempunyai keupayaan dari segi kepakaran dan kakitangan sedia ada bagi melaksanakan projek tersebut. Dalam hal ini, MyCEB telah melantik REI pada tahun 2012 melalui proses sebut harga sebagai konsultan dan perkhidmatan perunding berhubung kerja-kerja pembinaan booth dan pengurusan projek bagi aktiviti pameran perniagaan di luar negara. Pemilihan konsultan tersebut dibuat setelah pihak pengurusan MyCEB meneliti dan mengambil keputusan bahawa konsultan tersebut adalah yang terbaik; berpengalaman; profesional; dan berpengetahuan luas tentang pembinaan booth bertaraf antarabangsa di luar negara.

Pelantikan telah dibuat oleh MyCEB mengikut Polisi Perolehan semasa syarikat yang terdiri daripada Jawatankuasa Pembuka Tender, Jawatankuasa Penilaian

Harga & Teknikal dan Jawatankuasa Tender yang terdiri daripada pegawai yang berbeza bagi setiap jawatankuasa. MyCEB menjemput pembida serta memberi keutamaan kepada pembida yang berdaftar di dalam MyCEB Industry Partner Programme (IPP) dan ianya menjadi platform menilai kualiti serta keupayaan pembida dalam memberikan perkhidmatan kepada MyCEB. MyCEB berpendapat dengan membuka peluang perniagaan kepada ahli IPP akan membangunkan kapasiti; kemampuan dan kepakaran ahli IPP ke peringkat antarabangsa. Sebagai Industy Partner, antara faedah yang dinikmati adalah mendapatkan peluang perniagaan daripada MyCEB mahupun rakan industri lain.

Syarikat konsultan telah dipelawa untuk menyertai sebut harga sebanyak 19 kali (63.3%) daripada 30 tawaran sebut harga. Daripada 19 tawaran perolehan, MyCEB hanya melulus dan melantik syarikat konsultan berkenaan sebanyak 8 kali (26.6%) sebagai kontraktor pembinaan booth. Statistik di atas menunjukkan bahawa MyCEB telah melaksana penilaian due diligence dalam proses pelantikan konsultan booth. Pelantikan konsultan telah dibuat secara objektif, dengan mengambil kira aspek 'value for money' serta tawaran terbaik oleh pembida dari aspek penilaian teknikal dan kewangan. MyCEB telah dan akan melaksanakan perkara berikut:

- ***Mengeluarkan 'Letter of Restriction' bertarikh 23 Mac 2016 kepada syarikat konsultan yang menghadkan daripada menyertai sebut harga bagi melaksanakan kerja-kerja pembinaan booth pada masa hadapan demi mengelakkan 'conflict of interest'.***
- ***Menambah baik Prosedur Perolehan sedia ada yang berkuat kuasa 1 Mac 2016 mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan. Bagi perolehan di bawah RM500,000, empat Jawatankuasa diwujudkan iaitu Jawatankuasa Pembuka Tender, Jawatankuasa Penilaian Harga, Jawatankuasa Penilaian Teknikal & Jawatankuasa Tender yang terdiri daripada pegawai MyCEB yang berasingan.***
- ***Melaksanakan dan mengikut perolehan Kerajaan mengikut peraturan semasa yang berkuat kuasa, merujuk kepada peraturan Manual Pelantikan Perunding yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.***

23.5.3.3. Pelantikan Agensi Perhubungan Awam Bagi Kerja-Kerja Pengiklanan Dan Pemasaran

Bagi tempoh tahun 2012 sehingga 2014, MyCEB telah melantik sebuah agensi perhubungan awam bagi melaksanakan perkhidmatan khidmat perunding hubungan awam serta kerja-kerja pengiklanan dan pemasaran Malaysia melalui media cetak, media elektronik dan media sosial. Agensi perhubungan awam akan dibayar *retainer fee* setiap bulan bagi kerja-kerja yang dilaksanakan. Semakan Audit terhadap pengurusan bayaran bagi perkhidmatan yang dilaksanakan oleh agensi perhubungan awam mendapati perkara yang berikut:

a. Tiada Invois Pihak Ketiga Di Lampirkan Pada Bayaran Komisen

i. Semakan Audit terhadap baucar bayaran kepada agensi perhubungan awam mendapati sebahagian perkhidmatan pengiklanan dan pemasaran *Business Tourism* tidak dilaksanakan oleh agensi sebaliknya ia dilaksanakan oleh pihak ketiga. Oleh yang demikian, agensi akan membuat tuntutan komisen daripada MyCEB berdasarkan kos perkhidmatan yang dicajkan oleh pihak ketiga kepada agensi.

ii. Bagaimanapun, semakan selanjutnya mendapati, tiada invois atau dokumen berkaitan daripada pihak ketiga dilampirkan bersama-sama invois daripada agensi bagi mengesahkan dan menyokong pembayaran komisen kepada agensi. Pengesahan pihak Audit dengan sebuah agensi Kerajaan yang melaksanakan perkhidmatan yang sama mendapati bayaran komisen akan diluluskan bersama invois dari pihak ketiga dan dijadikan asas pembayaran komisen dibuat. Butiran baucar bayaran adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 23.13
INVOIS PIHAK KETIGA TIDAK DILAMPIRKAN PADA BAYARAN

NOMBOR/TARIKH BAUCAR	JUMLAH INVOIS (RM)
12/11/045 / 09.11.2012	33,816.00
13/02/157 / 28.02.2013	2,967.73
13/03/152 / 29.03.2013	1,165.91
	1,165.91
	1,193.17
	1,227.53
	2,783.96
	1,209.86
13/03/153 / 29.03.2013	1,199.29
	1,182.26
	1,203.04
	1,182.26
	1,193.17
	1,023.11
	1,209.86
	1,209.86
	1,209.86
	1,058.08
	4,952.73
	5,341.91
13/04/122 / 18.04.2013	3,167.31
	4,525.04
	10,956.82
	3,086.43

NOMBOR/TARIKH BAUCAR	JUMLAH INVOIS (RM)
13/06/103 / 27.06.2013	1,209.86
	1,209.86
	1,192.48
	39,886.40
13/12/026 / 06.12.2013	2,382.93
JUMLAH	**135,112.63**

Sumber : Baucar Bayaran, MyCEB

Maklum Balas MyCEB Yang Diterima Pada 15 April 2016

MyCEB telah melantik agensi perhubungan awam bagi perkhidmatan pengiklanan dan pemasaran berdasarkan Prosedur Pembayaran MyCEB di bawah perenggan 12, di mana, pembayaran boleh dibuat sekiranya dokumen sokongan seperti invois, Pesanan Tempatan, Kos anggaran dan bukti kerja telah diselesaikan. Perjanjian perkhidmatan media adalah di antara MyCEB dan agensi yang dilantik dan bukan dengan pihak ketiga. Berdasarkan perjanjian yang dimeterai, MyCEB hanya bertanggung jawab dalam membuat pembayaran bagi perkhidmatan diberikan oleh agensi. Bagi tujuan penambah baikkan, MyCEB akan memastikan agensi media yang dilantik mengemukakan invois dari pihak ketiga untuk tujuan pembayaran komisen.

b. Kadar Komisen Yang Tidak Seragam

i. Pembayaran komisen kepada agensi perhubungan awam yang melaksanakan perkhidmatan pengiklanan dan pemasaran merupakan sebahagian daripada kos projek. Pembayaran komisen dibuat kerana agensi bertindak mendapatkan perkhidmatan kerja-kerja produksi dengan pihak ketiga untuk keperluan MyCEB. Pengiraan bayaran komisen adalah berdasarkan kos perkhidmatan yang dicajkan oleh pihak ketiga kepada agensi.

ii. Semakan Audit terhadap baucar bayaran agensi perhubungan awam mendapati kadar komisen yang dibayar kepada agensi adalah tidak seragam iaitu 12%, 15% dan 17.25%. Semakan lanjut terhadap surat pelantikan agensi oleh MyCEB juga mendapati tiada klausa yang diluluskan berkaitan penetapan kadar komisen yang sedang dipraktikkan. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan asas yang digunakan bagi menentukan kadar pembayaran komisen kepada agensi.

iii. Semakan pihak Audit dibuat terhadap sebuah agensi Kerajaan yang melaksanakan perkhidmatan yang sama. Adalah didapati agensi Kerajaan tersebut menggunakan satu kadar sahaja bagi bayaran komisen bagi memudahkan penyelarasan bayaran dan ianya dinyatakan di dalam perjanjian.

Pada pendapat Audit, ketiadaan asas penetapan kadar pembayaran komisen kepada agensi menyebabkan MyCEB boleh membuat lebihan bayaran.

Maklum Balas MyCEB Yang Diterima Pada 15 April 2016

MyCEB telah melantik agensi perhubungan awam sebagai agensi kreatif, pengiklanan & pemasaran dengan nilai kontrak tidak melebihi RM 4.0 juta untuk tempoh 2 tahun. Memandangkan nilai kontrak MyCEB adalah berskala kecil, maka kadar komisen yang dikenakan adalah berdasarkan amalan 4A atau 'AAAA' (17.25%). Sebagai langkah penjimatan, MyCEB melaksanakan rundingan dengan pihak agensi untuk mendapatkan kadar terendah dan terbaik berbanding amalan pasaran untuk kerja-kerja 'ad-hoc'.

23.5.4. Pematuhan Terhadap Peraturan Pengurusan Dan Kewangan Syarikat

Akta Syarikat 1965, pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan serta Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia telah memperincikan elemen penting yang perlu dipatuhi untuk memastikan tadbir urus korporat dan kewangan yang baik oleh syarikat. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab serta wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan dan kewangan syarikat.

Semakan Audit terhadap pengurusan kewangan dan perolehan MyCEB mendapati perkara yang berikut:

23.5.4.1. Pengurusan Kewangan Syarikat

Syarikat perlu mengawal dengan rapi kos operasi dan peraturan berkaitan dengan perbelanjaan syarikat supaya dapat mengurangkan kos operasi syarikat dan mengelakkan pembaziran. Perbandingan perlu dibuat dengan kos operasi syarikat lain yang terlibat dalam aktiviti yang sama sebagai penanda aras kecekapan syarikat. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan berlaku dalam pengurusan kewangan MyCEB seperti yang berikut:

a. Pengurusan Perbelanjaan

Semakan Audit terhadap pembelian *promotional items* telah dijalankan terhadap 65 baucar bayaran bagi tahun 2012 hingga bulan Jun 2015, mendapati antara jenis *promotional items* yang dibeli seperti batik sarung, batik *purse*, batik *shawl*, *proboscis monkey*, *lanyard*, *traditional instrument keychains*, magnet, *tea caddy* dan *tote bag*. *Promotional items* akan diberikan kepada para peserta delegasi mesyuarat, konvensyen, pameran dan insentif sebagai cenderahati dan tujuan promosi. Semakan Audit mendapati perkara yang berikut:

i. Pesanan Tempatan Lewat Di Keluarkan

- Para B, Prosedur Perolehan MyCEB menyatakan Pesanan Tempatan hendaklah disediakan pada masa barang atau perkhidmatan dipesan. Semakan Audit mendapati enam perkhidmatan secara pembelian terus berjumlah RM215,500 dikeluarkan Pesanan Tempatan antara tempoh 8 hingga 102 hari selepas tarikh Nota Hantaran dikemukakan oleh pembekal. Pemeriksaan lanjut terhadap baucar bernombor 13/11/046 bertarikh 14 November 2013 mendapati pesanan barang hanya diterima selepas 4 hari daripada tarikh Nota Hantaran. Perkara ini disebabkan kelemahan pemantauan terhadap prosedur yang diguna pakai. Ini boleh memberi kesan terhadap bajet bagi keperluan semasa sekiranya MyCEB mempunyai masalah aliran tunai kelak. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 23.14
PESANAN TEMPATAN LEWAT DIKELUARKAN

NOMBOR/TARIKH BAUCAR	TARIKH NOTA HANTARAN (b)	TARIKH PENERIMAAN BARANG	TARIKH PESANAN TEMPATAN (a)	LEWAT (HARI) (b-a)	JUMLAH (RM)
12/03/106 / 30.03.2012	05.03.2012	05.03.2012	13.03.2012	8	47,600
12/10/173 / 31.10.2012	26.09. 2012	26.09.2012	24.10.2012	28	47,600
13/02/122 / 26.02.2013	16.01.2013	16.01.2013	30.01.2013	14	37,800
13/03/154 / 29.03.2013	13.12.2012	13.12.2012	25.03.2013	102	27,500
13/11/046 / 14.11.2013	13.09.2013	17.09.2013	25.10.2013	42	51,000
13/05/063 / 17.05.2013	06.12.2012	06.12.2012	15.01.2013	37	4,000
JUMLAH					215,500

Sumber : Baucar Bayaran, MyCEB

- Pemeriksaan Audit selanjutnya terhadap 31 baucar bayaran mendapati Nota Hantaran yang dikemukakan oleh pembekal tidak dicatatkan nombor Pesanan Tempatan sebagai dokumen yang dirujuk. Perkara ini boleh mewujudkan risiko *promotional items* yang dihantar oleh pembekal tidak mengikut item dan spesifikasi yang dicatatkan dalam Pesanan Tempatan berkenaan kerana trend perolehan *promotional items* adalah sama dibuat.

Pada pendapat Audit, pengeluaran pesanan tempatan selepas penghantaran barang dibuat akan memberi kesan terhadap bajet semasa sekiranya MyCEB mempunyai masalah aliran tunai.

Maklum Balas MyCEB Yang Diterima Pada 15 April 2016

Mengikut amalan kaedah perolehan MyCEB pada masa itu, MyCEB akan memohon sebut harga daripada pembekal, menilai tawaran terbaik oleh pembekal daripada sebut harga yang dikumpulkan dan selepas itu mengeluarkan surat

setuju terima tawaran kepada pembekal sebagai satu proses lengkap perolehan. Surat setuju terima merupakan pengesahan kepada transaksi perolehan MyCEB.

Untuk tujuan penambahbaikan, pihak Pengurusan MyCEB telah menubuhkan Unit Perolehan di bawah Jabatan Kewangan dan Pentadbiran bermula Januari 2014, bagi memastikan pelaksanaan proses perolehan dapat dilakukan dengan lebih efektif. MyCEB juga telah menambah baik Prosedur Perolehan yang berkuat kuasa pada 1 Mac 2014 bagi memastikan pesanan tempatan hendaklah disediakan terlebih dahulu sebelum barang atau perkhidmatan dipesan. Di bawah, Klausa 5.4(i), Prosedur Perolehan MyCEB menyatakan bahawa "…. All purchasing to be done through issuance of Purchase Order ("PO") or Letter of Appointment ("LOA") to the vendors or suppliers".

ii. Pengesahan Bayaran Tanpa Maklumat Perakuan Penerimaan Yang Lengkap

- Berdasarkan Manual Prosedur Perakaunan MyCEB menyatakan pembayaran akan dibuat berdasarkan pengesahan oleh pegawai bertanggungjawab bahawa barang telah diterima dengan lengkap dan sempurna.

- Sebanyak 65 baucar bayaran telah disemak. Daripada semakan Audit mendapati sebanyak 6 baucar bayaran (9.2%) berjumlah RM170,330 dibuat pengesahan bayaran oleh Pegawai Bertanggungjawab pada Nota Hantaran yang tidak lengkap. Semakan terhadap nota hantaran tersebut mendapati maklumat-maklumat penting iaitu nama pegawai penerima, tandatangan, tarikh akuan penerimaan barang, pengesahan kuantiti dan kualiti pembelian tidak dicatatkan. Pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada penerimaan item/barang oleh bahagian yang bertanggungjawab adalah mengikut spesifikasi pesanan tempatan yang diluluskan kerana tiada maklumat penting di atas.

- Pemeriksaan silang Audit selanjutnya antara baucar bayaran dengan daftar keluar masuk inventori mendapati penerimaan *promotional item* bagi 6 Nota Hantaran yang tidak disahkan tersebut berjumlah RM78,800 tidak direkodkan di dalam daftar keluar masuk inventori. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 23.15
SENARAI NOTA PENGHANTARAN TANPA MAKLUMAT LENGKAP DAN TIDAK DIREKODKAN DALAM DAFTAR KELUAR MASUK INVENTORI

NOMBOR/TARIKH BAUCAR	NOMBOR/TARIKH NOTA HANTARAN	JUMLAH (RM)	PEREKODAN DALAM DAFTAR KELUAR MASUK INVENTORI
12/02/076 / 21.02.2012	00006477 / 03.01.2012	66,530	✓
12/05/084 / 30.05.2012	00004959 / 24.04.2012	25,000	✓

NOMBOR/TARIKH BAUCAR	NOMBOR/TARIKH NOTA HANTARAN	JUMLAH (RM)	PEREKODAN DALAM DAFTAR KELUAR MASUK INVENTORI
12/05/052 / 15.05.2012	6540-2 / 09.03.2012	28,000	X
	6540-3 / 27.03.2012		X
12/06/106 / 28.06.2012	- / 08.06.2012	4,050	X
14/03/105 / 24.03.2014	- / 27.06.2012	37,250	X
	18958 / 21.02.2014		X
14/09/122 / 17.09.2014	-	9,500	X
JUMLAH		**170,330**	

Sumber : ***Baucar Bayaran Dan Daftar Keluar Masuk Inventori***
Nota: ***(✓) - Direkodkan Dalam Daftar Keluar Masuk Inventori***
(X) - Tidak Direkodkan Dalam Keluar Masuk Daftar Inventori

Maklum Balas MyCEB Yang Diterima Pada 15 April 2016

MyCEB menyedari bahawa terdapat beberapa Nota Penghantaran yang tidak lengkap dan tidak direkodkan dalam daftar inventori berpandukan jadual yang dinyatakan kerana kelemahan pemantauan terhadap prosedur yang diguna pakai sebelum ini. Untuk tujuan penambahbaikan, pihak MyCEB telah mewujudkan Marketing Unit Procedure (Gift/Promotional Item Inventory Register Procedure) di mana pegawai berkenaan dipertanggungjawabkan untuk memahami dan mematuhi manual prosedur penerimaan barang yang ditetapkan. MyCEB juga telah mengemas kini daftar inventori penerimaan promotional item bagi kesemua 3 Nota Hantaran.

b. Pengurusan Kad Korporat

Berdasarkan SOP MyCEB bertarikh 1 Januari 2012 yang diguna pakai oleh semua pemegang kad korporat melalui kelulusan Ketua Pegawai Operasi, kad korporat *American Express* (AMEX) diperuntukkan kepada semua pegawai tertinggi MyCEB. Sehingga 30 September 2015, sebanyak 6 kad korporat AMEX telah diperuntukkan kepada kakitangan MyCEB yang layak.

Semakan Audit terhadap pengurusan kad korporat bagi tempoh tahun 2012 hingga 2015 mendapati perkara seperti yang berikut:

i. Tiada Had Penggunaan Maksimum Penggunaan Kad Kredit

- Semua kad kredit yang diperuntukkan kepada kakitangan MyCEB tidak mempunyai had maksimum penggunaan. Berdasarkan penjelasan dari MyCEB, perkara ini adalah kerana tujuan kad AMEX adalah sebagai kemudahan kepada kakitangan untuk membuat pembayaran yang lebih cepat dan efisien. Sebagai contohnya, bagi urusan di luar negara yang boleh memakan tempoh yang lama, kad AMEX digunakan untuk menanggung kos perjalanan yang tinggi seperti kos perbelanjaan makan, pengangkutan, dan penginapan.

- Sungguhpun tiada had penggunaan maksimum bagi kad kredit dinyatakan di polisi SOP namun para 5 ada menyebut had kredit tidak boleh melebihi kadar kecuali mendapat kebenaran dari Ketua Pegawai Eksekutif. Oleh yang demikian bagi memastikan penggunaan yang betul dan kawalan penggunaan kad kredit untuk tujuan rasmi sahaja maka sewajarnya elemen had penggunaan maksimum diwujudkan.

Maklum Balas MyCEB Yang Diterima Pada 15 April 2016

Mulai 29 Januari 2016 yang menyatakan had penggunaan maksimum keseluruhan lima (5) kad korporat MyCEB hanya berjumlah RM100,000 sebulan. Draf manual penggunaan kad kredit korporat akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah MyCEB pada Sidang Ke-2 Tahun 2016.

ii. Tiada Dokumen Sokongan Disertakan Di Penyata Akaun Bulanan

Semakan Audit terhadap 33 sampel Penyata Akaun Bulanan setiap pemegang kad mendapati 5 sampel berjumlah RM19,611.01 tidak dilampirkan dengan dokumen sokongan iaitu resit/invois/bil asal dan hanya Penyata Akaun Bulanan dikemukakan kepada Bahagian Kewangan. Butiran Penyata Akaun Bulanan yang disemak adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 23.16
MAKLUMAT PENYATA AKAUN BULANAN YANG TIDAK DI SOKONG DENGAN DOKUMEN SOKONGAN

NOMBOR PEMEGANG KAD	TARIKH PENYATA AKAUN	AMAUN (RM)	CATATAN
3762-803900-08401	31.12.2013	5,982.89	Resit *welcome dinner*, resit restauran dan makan (lodging) meraikan tetamu dan resit penginapan.
	30.11.2013	2,692.38	Tiada dokumen sokongan
3762-800956-91485	31.10.2013	1,603.10	Tiada resit makan meraikan tetamu.
		5,993.92	Tiada resit penginapan hotel di USA.
3762-803900-08427	31.10.2013	3,338.72	Tiada resit penginapan bagi Pengurus, Pembangunan Perniagaan di USA/Canada Sales Mission.
JUMLAH		**19,611.01**	

Sumber : Penyata Akaun Bulanan Kad Korporat Dari Tahun 2012 Hingga 2014

Maklum Balas MyCEB Yang Diterima Pada 15 April 2016

Sebahagian resit untuk transaksi yang dinyatakan oleh Jabatan Audit Negara telah dilampirkan seperti di lampiran yang dikemukakan. Walau bagaimanapun, sebahagian transaksi yang tidak dilampirkan dengan dokumen sokongan oleh pemegang kad, telah mendapat kelulusan Ketua Pegawai Eksekutif melalui Memorandum Kelulusan setelah teguran oleh Jabatan Audit Negara, dimana penggunaan kad kredit korporat adalah bagi tujuan rasmi MyCEB. Ianya selaras dengan SOP Kad Kredit Korporat di bawah Klausa 2 "Control Monitor" yang menyatakan "Where no documentation is available to support a particular transaction the cardhholder will be required to prove a declaration detailing the nature of the expense and that is business related."

Pada pendapat Audit, kaedah pemantauan dan pengurusan kad korporat sedia ada masih belum memadai. Bagi tujuan penambahbaikan, pengurusan MyCEB perlu mengkaji semula prosedur di bawah klausa 2 yang sedia ada.

23.5.4.2. Pengurusan Perolehan

Berdasarkan *Accounting Procedure Manual* bertarikh 18 April 2011 menetapkan 3 kaedah perolehan iaitu perolehan secara pembelian terus, sebut harga dan tender. Surat Kementerian Kewangan bertarikh 13 Januari 2014 telah menasihati MyCEB melaksanakan perolehan Kerajaan selaras dengan peraturan semasa yang berkuatkuasa memandangkan MyCEB menerima peruntukan dari Kerajaan Persekutuan. Berdasarkan peraturan perolehan Kerajaan menetapkan had nilai maksimum bayaran pendahuluan kepada pembekal perkhidmatan boleh diberi sehingga 15% daripada nilai kontrak atau maksimum RM50,000 mengikut mana yang lebih rendah. Semakan Audit dilaksanakan terhadap perolehan tahun 2012 hingga 2014 mendapati beberapa kelemahan berlaku dalam pengurusan perolehan MyCEB seperti yang berikut:

a. Pembayaran Pendahuluan Kepada Syarikat Melebihi Had Yang Ditetapkan

i. Semakan Audit mendapati bayaran pendahuluan kepada syarikat pembinaan *booth* atau khidmat perunding bagi acara/program promosi pameran perniagaan (trade show) di luar negara atau pengauditan tempat acara (venue audit) dibuat melebihi jumlah yang telah ditetapkan. Semakan terhadap baucar bayaran bagi tempoh 2013 hingga 2015 mendapati MyCEB telah membuat bayaran pendahuluan berjumlah 50% hingga 60% daripada kos keseluruhan iaitu RM41,500 hingga RM297,000.

ii. Semakan lanjut Audit mendapati pembayaran pendahuluan 50% hingga 60% adalah berdasarkan sebut harga yang dikemukakan kepada MyCEB. Ia juga merupakan terma bayaran yang termaktub surat pelantikan yang ditandatangani antara MyCEB dan syarikat. Antara sebab perkara ini berlaku adalah ketiadaan prosedur MyCEB yang lengkap dan jelas berkaitan bayaran pendahuluan walaupun telah dimaklumkan oleh surat Kementerian Kewangan Malaysia bahawa perolehan MyCEB adalah tertakluk kepada peraturan perolehan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa. Butiran bayaran adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 23.17
BAUCAR BAYARAN PENDAHULUAN SEBANYAK 50% HINGGA 60%

NO. BAUCAR/TARIKH	JUMLAH BAYARAN PENDAHULUAN (RM)	TARIKH ACARA	JUMLAH KOS KESELURUHAN (RM)
12/04/006 / 04.04.2012	81,000 (60%)	17.04.2012	135,000
12/06/015 / 13.06.2012	146,952 (60%)	19.06.2012	244,920
13/02/029 / 14.02.2013	270,985.80 (60%)	26.02.2013	451,643
13/10/107 / 12.10.2013	114,995.16 (60%)	15.10.2013	191,658
13/06/030 / 14.06.2013	245,211.07 (50%) 205,000 (50%)	TM	490,422 410,000
13/07/074 / 19.07.2013	75,000 (50%)	23.08.2013	150,000
13/09/092 / 13.09.2013	41,500 (50%)	TM	83,000
13/11/042 / 14.11.2013	184,080 (60%)	19.11.2013	306,800
14/04/090 / 17.04.2014	107,745 (60%)	15.04.2014	179,575
14/05/041 / 12.05.2014	297,000 (60%)	20.05.2014	495,000
14/0/156 / 18.07.2014	112,723.54 (50%)	TM	225,447
14/09/154 / 23.09.2014	238,878 (60%)	14.10.2014	398,130
15/01/130 / 23.01.2015	266,205 (60%)	24.02.2015	443,675
JUMLAH	**2,387,276**		**4,205,270**

Sumber : ***Baucar Bayaran***
Nota: ***TM - Tiada Maklumat***

Pada pendapat Audit, bayaran pendahuluan adalah belum mematuhi surat yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia terhadap pematuhan kepada prosedur perolehan. Prosedur MyCEB sedia ada boleh ditambah baik dengan memasukkan prosedur berkaitan bayaran pendahuluan (advance payment) selaras dengan surat arahan Kementerian Kewangan dan mematuhi prinsip-prinsip perolehan yang baik.

Maklum Balas MyCEB Yang Diterima Pada 15 April 2016

MyCEB menyedari bahawa kadar peratusan bayaran awal sebanyak 50 sehingga 60 peratus adalah berdasarkan amalan pasaran. Untuk tujuan penambahbaikan, pihak pengurusan MyCEB memasukkan prosedur berkaitan bayaran pendahuluan (advance payment) selaras dengan surat arahan Kementerian Kewangan Malaysia dan mematuhi prinsip perolehan yang baik.

b. Perancangan Pembikinan Video Yang Kurang Teliti

i. MyCEB telah meluluskan cadangan untuk membangunkan *Incentive* dan *Convention Video* sebagai salah satu mekanisme penting dalam pelan perniagaannya bagi aktiviti jualan dan pemasaran (sales and marketing). Pembangunan video yang akan dihasilkan ini akan dapat membantu mempromosikan Malaysia dalam acara perniagaan (business tourism) dan memperkenalkan MyCEB di peringkat antarabangsa. Cadangan

untuk membuat perolehan bagi pembangunan *Incentive* dan *Convention Video* bagi tempoh 3 minit telah diluluskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif pada 2 Januari 2013 dengan melibatkan peruntukan masing-masing berjumlah RM499,000.

ii. Perolehan telah dibuat secara tender terhad yang ditawarkan kepada 9 syarikat. Kesemua syarikat telah mengemukakan sebut harga masing-masing. Ahli Jawatankuasa Tender bersetuju untuk melantik sebuah agensi pengiklanan dan komunikasi kreatif dengan kontrak *Incentive Video* dan *Convention Video* masing-masing berjumlah RM490,422 dan RM410,000 Pemilihan agensi ini adalah berdasarkan markah penilaian tertinggi melalui penilaian dan semakan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Kewangan MyCEB. Surat Tawaran telah dikeluarkan oleh MyCEB pada 1 April 2013 dan perjanjian telah ditandatangani pada 9 April 2013 di antara MyCEB dan agensi tersebut.

iii. Semakan Audit mendapati bayaran pendahuluan berjumlah RM245,211 dan RM205,000 atau 50% daripada keseluruhan kos bagi setiap kos video telah dibayar pada 14 Jun 2013. Bagaimanapun, pada 14 Julai 2014, MyCEB telah meluluskan 2 tambahan kos (variation order) menjadikan kos *Incentive Video* dan *Convention Video* meningkat sejumlah RM84,750 atau 17.3% dan RM225,447 (55%). Ini menjadikan keseluruhan kos baru video masing-masing berjumlah RM575,173 dan RM635,447. Berdasarkan maklum balas MyCEB, peningkatan kos tersebut disebabkan oleh keperluan tambahan dan perubahan skop kerja yang dilakukan terhadap kedua-dua video tersebut.

iv. Semakan lanjut Audit mendapati MyCEB telah membuat bayaran keseluruhan berjumlah RM1,210,620 kepada agensi ini. Jumlah ini didapati melebihi peruntukan yang diluluskan sejumlah RM998,000 iaitu lebihan berjumlah RM212,620 atau 21.3%. Butiran pembayaran yang telah dilakukan oleh MyCEB seperti jadual berikut:

JADUAL 23.18
RINGKASAN PEMBAYARAN KEPADA
AGENSI PENGIKLANAN DAN KOMUNIKASI KREATIF

JENIS VIDEO	KOS ASAL (RM)	KENAIKAN (VO) (RM)	PENINGKATAN (%)	KOS SEMASA (RM)
INCENTIVE	490,422	84,750	17.3	575,173
CONVENTION	410,000	225,447	55.0	635,447
JUMLAH	**900,422**	**310,197**	**34.5**	**1,210,620**

Sumber: Baucar Bayaran, MyCEB

Pada pendapat Audit, peningkatan kos melebihi 50% disebabkan oleh perancangan yang kurang teliti dan telah memberi kesan kepada aliran tunai syarikat.

Maklum Balas MyCEB Yang Diterima Pada 15 April 2016

Pembikinan Video 'Incentive' dan 'Convention' ini merupakan kali pertama dilakukan oleh MyCEB sebagai salah satu mekanisme penting dalam pelan perniagaan MyCEB bagi aktiviti 'sales and marketing'. Tujuan utama pembikinan video ini adalah untuk membantu mempromosi Malaysia dalam acara perniagaan dan memperkenalkan MyCEB di peringkat antarabangsa. Berdasarkan Laporan Audit Negara, MyCEB telah meluluskan 2 tambahan kos (Variation Order) menjadikan kos Video 'Incentive' dan 'Convention' meningkat. Peningkatan kos tersebut disebabkan oleh keperluan tambahan dan berlaku perubahan skop kerja terhadap kedua-dua video tersebut. Perubahan skop kerja perlu dilaksanakan bagi memastikan hasil kedua-dua video tersebut di tahap kualiti antarabangsa untuk tujuan promosi yang lebih berkesan. Perubahan skop kerja pembikinan video itu juga telah dilakukan dengan mengambil kira trend pasaran terkini dan 'Unique Selling Point' (USP).

Perubahan skop kerja bagi Video Incentive adalah melibatkan Agency Cost (Account Servicing, Art Director, Copywriter, AV Producer); Production Cost (Film Equipments & Camera, Art Department, Wardrobes, Cast & Casting, Location/Studio Hire, Unit Transport, Post Production); dan Audio Cost (VO Recording & Mix, Music Composition). Manakala perubahan skop kerja bagi video convention pula melibatkan Agency Cost (Account Servicing, Art Director, Copywriter, AV Producer);Production Cost (Director Fees, Film Equipments & Camera, Art Department, Wardrobes, Cast & Casting, Location/Studio Hire, Unit Transport, Post Production, Flight, Hotel & Travelling); dan Audio Cost (VO Recording & Mix, Music Composition).

MyCEB mengambil maklum akan penemuan audit mengenai lebihan kos daripada peruntukan asal untuk pembikinan 2 video tersebut. Untuk tujuan penambahbaikan, MyCEB akan membuat perancangan yang lebih teliti dan komprehensif dalam menyediakan storyboard pembikinan video dengan mengambil kira jumlah bajet yang diluluskan dan mengikut polisi perolehan semasa MyCEB.

23.6. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang, adalah disyorkan pengurusan MyCEB mempertimbangkan perkara yang berikut:

23.6.1. pengurusan aktiviti dana *subvention* diperkemaskan lagi bagi memastikan matlamat dan objektif pemberian dana ini tercapai;

23.6.2. pengurusan MyCEB perlu memantau lebih terperinci di dalam pengurusan perbelanjaan dan perolehan selaras dengan peraturan yang ditetapkan. Dokumen sokongan yang lengkap diperoleh sebelum pembayaran dibuat bagi memastikan kesempurnaan kerja yang dilaksanakan oleh pihak ketiga dan akauntabiliti terhadap penggunaan geran. Pengurusan perolehan dibuat mengikut kaedah perolehan yang telah diluluskan untuk mendapatkan manfaat *best value for money*; dan

23.6.3. penggunaan kemudahan kad korporat oleh kakitangan yang layak menggunakannya mengikut peraturan dan prosedur yang diluluskan. Kawalan dalaman yang mencukupi diwujudkan bagi memastikan kakitangan yang gagal mengisytiharkan perbelanjaan disekat dari terus menggunakan kad korporat sehingga pengisytiharan dibuat. Perkara ini penting bagi memastikan proses bayaran kad korporat yang teratur dan mengelakkan penyalahgunaan kemudahan kad korporat.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

24. PENGURUSAN PERBADANAN KOTA BUKU

24.1. LATAR BELAKANG

24.1.1. Perbadanan Kota Buku (PKB) telah ditubuhkan pada 6 Julai 2011 di bawah Akta Syarikat 1965. PKB ialah sebuah syarikat berhad menurut jaminan yang ditubuhkan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dan tidak mempunyai modal saham. PKB mendapat kelulusan daripada Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan pada 4 Julai 2011 bagi mendaftarkan nama syarikat tanpa perkataan Berhad di bawah Seksyen 24 (1) Akta Syarikat 1965 dan tertakluk kepada syarat di bawah Seksyen 24(3) Akta Syarikat 1965 antaranya syarikat dilarang melantik pengarah baru tanpa mendapat kelulusan Menteri dan tidak dibenar untuk menubuhkan syarikat subsidiari atau memiliki pegangan saham melebihi 49% dalam syarikat lain. Berdasarkan klausa 9 dan 12 Memorandum dan Artikel PKB, liabiliti ahli adalah terhad di mana sekiranya syarikat dibubarkan kelak, setiap ahli akan menyumbang sejumlah RM100 atau sekiranya dipersetujui oleh Kerajaan Malaysia, Kerajaan akan menanggung bayaran berkaitan dan kos pembubaran.

24.1.2. Perbadanan Kota Buku telah diberi mandat sebagai pemangkin pembangunan industri perbukuan bagi merealisasikan Dasar Buku Negara yang menyarankan agar ditubuhkan sebuah Pusat Buku iaitu pusat sehenti bagi menghimpunkan pembaca, penulis dan penerbit dan membantu mereka menjalankan aktiviti berkaitan perbukuan. Operasi teras PKB adalah berdasarkan 4 aktiviti utama iaitu Akademi Kota Buku, Hak Cipta Dan Harta Intelek, Penyelidikan Dan Runding Cara serta Penerbitan Digital. Butiran lanjut adalah seperti huraian berikut:

JADUAL 24.1
AKTIVITI UTAMA PERBADANAN KOTA BUKU

AKTIVITI UTAMA	KETERANGAN AKTIVITI
Akademi Kota Buku	Pusat latihan kepada penggiat industri dengan mengetengahkan 20% latihan dalam bidang konvensional perbukuan dan 80% latihan dalam penghasilan kandungan buku masa depan.
Hakcipta Dan Harta Intelek	Mengaturkan pertemuan, seminar, persidangan dan latihan mengenai hak cipta dan harta intelek serta bekerjasama secara strategik dengan penulis, penerbit dan pemilik harta intelek dalam dan luar negara.
Penyelidikan Dan Runding Cara	Menguruskan kajian dan penyelidikan terhadap industri perbukuan Malaysia.
Penerbitan Digital	Sebuah portal bagi mengarkib buku secara elektronik (e-Book).

Sumber: Laman Sesawang Perbadanan Kota Buku

24.1.3. Kerajaan telah menyalurkan dana dalam bentuk geran berjumlah RM30 juta melalui peruntukan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi tempoh tahun 2011 hingga 2014. Penyaluran geran secara berperingkat ini digunakan bagi menampung operasi PKB dan penganjuran aktiviti berkaitan perbukuan sebagai galakan kepada industri perbukuan tanah air.

24.1.4. Komposisi Ahli Lembaga Pengarah PKB terdiri daripada 9 orang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif yang mewakili sektor awam dan swasta. Lembaga Pengarah menubuhkan 3 jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Kewangan Dan Audit, Jawatankuasa Perolehan Dan Tender serta Jawatankuasa Sumber Manusia bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan tugas.

24.1.5. Bagi melaksanakan fungsi syarikat, struktur korporat PKB diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh 29 kakitangan yang terdiri daripada 26 kakitangan berstatus tetap dan 3 kakitangan berstatus kontrak. Empat jabatan utama yang menjalankan fungsi syarikat adalah Jabatan Kewangan Dan Pentadbiran, Jabatan Usahaniaga Sosial, Jabatan Dagang dan Jabatan Harta Intelek Pembangunan Portal (HIPP). Struktur organisasi PKB adalah seperti **Carta 24.1**. Juruaudit yang dilantik oleh PKB bagi mengaudit penyata kewangannya bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 ialah Tetuan Azuddin & Co. manakala tiada juruaudit luar dilantik bagi melaksanakan fungsi Audit Dalaman syarikat.

CARTA 24.1
STRUKTUR ORGANISASI PERBADANAN KOTA BUKU SEHINGGA BULAN JULAI 2015



Sumber : Perbadanan Kota Buku

24.1.6. Sebagai sebuah syarikat berhad menurut jaminan yang mendapat geran daripada Kerajaan bagi menjalankan operasi syarikat, PKB perlu mematuhi Akta Syarikat 1965, Memorandum Dan Artikel Syarikat serta peraturan dan kontrak yang ditetapkan oleh pembiaya geran.

24.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada:

24.2.1. Prestasi kewangan PKB adalah baik atau sebaliknya dan menentukan faktor yang menyumbang kepada prestasi tersebut;

24.2.2. Pengurusan aktiviti PKB telah dilaksanakan dengan teratur serta mencapai objektif yang ditetapkan; dan

24.2.3. Pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat PKB adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

24.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi aspek kewangan, aktiviti utama dan tadbir urus korporat PKB bagi tempoh tahun 2012 hingga 2015. Analisis prestasi kewangan dijalankan berdasarkan kepada Penyata Kewangan tahun 2012, 2013 dan 2014 yang telah diaudit. Pengauditan telah dijalankan di pejabat PKB serta maklumat diperoleh daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

24.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen, fail dan rekod berkaitan serta menganalisis data maklumat syarikat dan mengadakan perbincangan serta temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab. Selain itu, pemeriksaan fizikal terhadap sampel aset turut dijalankan. *Exit Conference* bersama Pengerusi Lembaga Pengarah PKB, Ketua Pegawai Eksekutif PKB, wakil Kementerian Pendidikan Malaysia, wakil Jabatan Peguam Negara dan wakil Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia telah diadakan pada 29 Februari 2016.

24.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan terhadap aspek kewangan, aktiviti utama dan tadbir urus korporat bagi tempoh tahun 2012 hingga 2015 yang dijalankan antara bulan Jun 2015 hingga Oktober 2015 mendapati secara umumnya PKB telah melaksanakan aktiviti syarikat selaras dengan mandat yang diberikan. Prestasi kewangan syarikat berada pada tahap memuaskan dengan lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan bagi 3 tahun berturut-turut disumbangkan oleh lain-lain pendapatan di mana 83.28% hingga 88.56% dijana daripada pelunasan geran. Bagi prestasi aktiviti, PKB kurang aktif dalam penyertaan/pelaksanaan aktiviti perbukuan di mana dalam tempoh 4 tahun (2012 hingga bulan Ogos 2015), PKB hanya menganjurkan dan menyertai 97 aktiviti dengan perbelanjaan berjumlah RM4.77 juta. Penjualan e-Book melalui platform penerbitan digital juga kurang mendapat sambutan di mana hanya 249 karya digital telah dilanggan dengan kutipan hasil berjumlah RM1,495 sahaja bagi tempoh 3 tahun (2013 hingga 2015). Beberapa perkara yang perlu diberi perhatian oleh PKB seperti berikut:

i. pengurusan PKB kurang memberi perhatian terhadap keberhasilan/impak sesuatu aktiviti/program yang dianjurkan/disertai;

ii. kelulusan Lembaga Pengarah bagi 2 penyertaan pameran buku antarabangsa tidak dapat disahkan; dan

iii. Pelan Strategik syarikat masih belum dimuktamadkan, tiada Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi mengukur pencapaian syarikat dan tiada Manual Operasi Standard (SOP) berkaitan aktiviti utama syarikat disediakan.

Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan dan aktiviti PKB serta maklum balas daripada PKB dan KPM adalah seperti perenggan berikut:

24.5.1. Prestasi Kewangan

24.5.1.1. Analisis Pendapatan Dan Perbelanjaan

a. Penyata Pendapatan PKB bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 menunjukkan syarikat merekodkan peningkatan dalam lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan bagi tahun kewangan berkenaan. Pada tahun kewangan 2013, lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan adalah berjumlah RM0.38 juta berbanding RM0.18 juta pada tahun 2012 dengan peningkatan lebihan berjumlah RM0.20 juta (111%). Seterusnya bagi tahun kewangan 2014, PKB merekodkan sejumlah RM0.27 juta (71%) peningkatan dalam lebihan berbanding tahun sebelumnya menjadikan lebihan pada tahun 2014 berjumlah RM0.65 juta. Peningkatan lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan ini disumbang oleh peningkatan dalam lain-lain pendapatan bagi tiga tahun berturut-turut iaitu daripada RM1.59 juta pada tahun kewangan 2012 kepada RM4.22 juta bagi tahun kewangan 2014 meskipun pendapatan utama syarikat tidak menunjukkan perolehan yang signifikan. Kedudukan penyata pendapatan PKB bagi tahun kewangan 2012, 2013 dan 2014 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 24.2
PENYATA PENDAPATAN PERBADANAN KOTA BUKU
BAGI TAHUN KEWANGAN 2012, 2013 DAN 2014

BUTIRAN	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
Pendapatan	***0.00**	**0.15**	**0.17**
Kos Jualan	0.05	(1.24)	(1.06)
Kerugian Kasar	**(0.05)**	**(1.09)**	**(0.89)**
Lain-lain Pendapatan	**1.59**	**3.05**	**4.22**
Tolak : Perbelanjaan			
Kos Kakitangan	(0.27)	(0.56)	(1.02)
Perbelanjaan Pentadbiran	(0.90)	(0.70)	(0.90)
Sewa Pejabat	(0.01)	(0.02)	(0.18)
Susut Nilai Hartanah, Loji Dan Peralatan	(0.03)	(0.08)	(0.13)
Yuran Pemerbadanan	**(0.00)	-	-

BUTIRAN	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
Kerugian Atas Pelupusan Hartanah, Loji Dan Peralatan	-	-	(0.03)
Yuran Pengarah	(0.10)	(0.10)	(0.19)
Yuran Juruaudit	***(0.00)	****(0.00)	(0. 01)
Jumlah Perbelanjaan	**1.31**	**1.46**	**2.46**
Lebihan Sebelum Cukai	**0.23**	**0.50**	**0.87**
Cukai	(0.05)	(0.12)	(0.22)
Lebihan Bagi Tahun/Tempoh	**0.18**	**0.38**	**0.65**

Sumber : Penyata Kewangan Perbadanan Kota Buku Tahun 2012, 2013 Dan 2014 Yang Diaudit
Nota : (*) – RM7,000
(**) – RM9,760
( )- RM2,000***
(****) - RM3,000

b. Lain-lain pendapatan bagi PKB dijana melalui pelunasan geran, untung penempatan dana melalui perbankan Islam, perolehan hibah dan diskaun diterima daripada bayaran kepada syarikat pengurusan acara. Pelunasan geran dinyatakan dalam penyata pendapatan sebagai pendapatan lain bagi padanan kepada kos yang berkaitan di mana pelunasan geran ini menunjukkan peningkatan signifikan setiap tahun. Bagi tahun kewangan 2013, sejumlah RM2.71 juta dilunaskan daripada perolehan geran berbanding RM1.37 juta pada tahun 2012. Seterusnya bagi tahun kewangan 2014, sejumlah RM3.52 juta geran dilunaskan oleh PKB bagi membiayai aktiviti syarikat dengan peningkatan berjumlah RM0.81 juta (30%) berbanding tahun sebelumnya. Pecahan lain-lain pendapatan PKB adalah seperti carta berikut:

CARTA 24.2
TREND LAIN-LAIN PENDAPATAN PERBADANAN KOTA BUKU BAGI TAHUN KEWANGAN 2012, 2013 DAN 2014



Pendapatan Lain (RM)/Tahun	2012	2013	2014
Pelunasan Geran	1,374,770	2,705,250	3,517,348
Untung Penempatan Dana	206,277	344,254	693,672
Hibah	17,635	5,154	11,836
Diskaun Diterima	-	-	812

Sumber : Penyata Kewangan Perbadanan Kota Buku Tahun 2012, 2013 Dan 2014 Yang Diaudit

c. Perbelanjaan syarikat juga mencatatkan peningkatan setiap tahun antara 74% hingga 117% bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014. Antara item perbelanjaan yang menunjukkan peningkatan adalah kos kakitangan, belanja pentadbiran, sewa pejabat dan yuran pengarah.

25.5.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Butiran Penyata Kedudukan Kewangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2012, 2013 dan 2014 digunakan untuk membuat analisis terhadap nisbah kewangan syarikat. Bagaimanapun, analisis Audit bagi nisbah kewangan PKB tertumpu kepada nisbah kecairan (nisbah semasa) yang mengukur keupayaan sesebuah entiti perniagaan untuk membayar hutang jangka pendek tepat pada waktunya. Keupayaan entiti perniagaan tersebut melaksanakan tanggungjawab tersebut bergantung kepada kecukupan wang tunai dan aset lain yang boleh ditukar kepada tunai sebelum tanggungan (liabiliti) semasa tersebut matang. Hasil analisis adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 24.3
ANALISIS NISBAH KECAIRAN PERBADANAN KOTA BUKU
BAGI TAHUN KEWANGAN 2012, 2013 DAN 2014

	TAHUN	ASET SEMASA (RM Juta) (a)	LIABILITI SEMASA (RM Juta) (b)	NISBAH SEMASA (a/b)
NISBAH SEMASA	2012	6.95	7.05	0.98:1
	2013	10.53	10.30	1.02:1
	2014	23.16	22.58	1.03:1
Bagi tahun kewangan 2012 hingga 2014, kecairan PKB berada pada tahap sederhana di mana nisbah kecairan mencapai tahap minimum iaitu 1:1. Senario ini disumbang oleh peningkatan dalam deposit dan penempatan (aset semasa) berjumlah RM10 juta dan RM22 juta selaras dengan peningkatan dalam geran Kerajaan (liabiliti semasa) berjumlah RM10.05 juta dan RM22.40 juta masing-masing pada tahun 2013 dan 2014.				

Sumber : Penyata Kewangan Perbadanan Kota Buku Tahun 2012, 2013 Dan 2014 Yang Diaudit

24.5.1.3. Prestasi Aliran Tunai

Penyata Aliran Tunai memberikan maklumat berkaitan keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada operasinya serta penggunaan untuk menampung keperluan perbelanjaan. Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, PKB merekodkan peningkatan defisit aliran tunai daripada aktiviti operasi di mana defisit ini meningkat daripada RM2.43 juta pada tahun 2013 kepada RM3.77 juta pada tahun 2014. Bagi aktiviti pelaburan, PKB hanya merekodkan pulangan positif aliran tunai pada tahun 2013 berjumlah RM0.11 juta dengan pengurangan jumlah pembelian hartanah, loji dan peralatan pada tahun tersebut berbanding tahun 2012 dan 2014. Aktiviti pembiayaan PKB merekodkan pulangan positif aliran tunai bagi tiga tahun berturut-turut kerana menerima geran daripada Kerajaan. Pada akhir tahun kewangan 2014, syarikat mempunyai tunai dan persamaan tunai berjumlah RM22.22 juta yang terdiri daripada deposit berjumlah RM22.0 juta serta tunai di tangan dan bank berjumlah RM0.22 juta.

Manakala pada akhir tahun kewangan 2012 dan 2013, tunai dan persamaan tunai syarikat masing-masing berjumlah RM6.75 juta dan RM10.21 juta. Secara keseluruhannya, aliran tunai PKB masih menunjukkan kedudukan yang positif bagi 3 tahun berturut-turut. Kedudukan aliran tunai PKB bagi tahun kewangan 2012, 2013 dan 2014 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 24.4
KEDUDUKAN ALIRAN TUNAI PERBADANAN KOTA BUKU
BAGI TAHUN KEWANGAN 2012, 2013 DAN 2014

BUTIRAN	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Operasi			
Lebihan Sebelum Cukai	0.23	0.50	0.87
Pelarasan	(1.55)	(2.96)	(4.04)
Modal Kerja	0.02	0.08	(0.41)
Cukai Dibayar	-	(0.05)	(0.19)
Tunai Bersih Daripada Aktiviti Operasi	**(1.30)**	**(2.43)**	**(3.77)**
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan			
Aliran Masuk Tunai	0.02	0.25	0.39
Aliran Tunai Keluar	(0.31)	(0.14)	(0.48)
Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pelaburan	**(0.29)**	**0.11**	**(0.09)**
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pembiayaan			
Aliran Masuk Tunai	8.34	5.78	15.87
Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pembiayaan	**8.34**	**5.78**	**15.87**
Penambahan Bersih Dalam Tunai Dan Persamaan Tunai	**6.75**	**3.46**	**12.01**
Tunai Dan Persamaan Tunai Awal Tahun	**0**	**6.75**	**10.21**
Tunai Dan Persamaan Tunai Akhir Tahun	**6.75**	**10.21**	**22.22**

Sumber : Penyata Kewangan Perbadanan Kota Buku Tahun 2012, 2013 Dan 2014 Yang Diaudit

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan PKB bagi tahun kewangan 2012, 2013 dan 2014 berada pada tahap memuaskan. Bagaimanapun, PKB perlu lebih proaktif menjana pendapatan daripada aktiviti utama syarikat. Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan bagi tiga tahun berturut-turut disumbangkan oleh lain-lain pendapatan di mana 83.28% hingga 88.56% dijana daripada pelunasan geran. Nisbah kecairan juga berada pada tahap sederhana dan syarikat ini beroperasi dengan hanya menggunakan dana geran daripada Kerajaan. Secara keseluruhannya PKB mempunyai baki tunai dan persamaan tunai yang kukuh pada tahun 2014 iaitu berjumlah RM22.22 juta.

Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 10 Mac 2016

Aliran pendapatan baru (revenue stream) telah dikenal pasti dan disesuaikan dengan Pelan Strategik 5 tahun yang akan siap pada suku kedua 2016. Ia juga disesuaikan dengan perkembangan semasa pembangunan Kompleks Kota Buku.

24.5.2. Prestasi Dan Pengurusan Aktiviti

Perbadanan Kota Buku secara khususnya menyediakan prasarana kepada penerbit, pembaca dan penulis berkaitan aktiviti perbukuan. Aktiviti utama syarikat berada di bawah seliaan Jabatan Usahaniaga Sosial, Dagang dan Harta Intelek Pembangunan Portal (HIPP). Aktiviti yang dijalankan antaranya penyertaan pameran buku dalam dan luar negara, program galakan membaca, penerbitan digital dan mengadakan bengkel/kursus sebagai galakan kepada industri perbukuan tanah air.

24.5.2.1. Prestasi Aktiviti

a. Penggunaan Geran Kerajaan

Perbadanan Kota Buku telah diluluskan peruntukan geran berjumlah RM30 juta yang disalurkan melalui peruntukan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Pemberian geran ini disalurkan secara berperingkat bermula pada tahun 2011 hingga 2014. Sehingga bulan Oktober 2015, PKB telah menggunakan sejumlah RM13.78 juta (45.9%) daripada RM30 juta geran yang telah diterima. Adalah didapati penggunaan geran bagi tempoh tahun 2011 hingga 2015 menunjukkan trend peningkatan sungguhpun peratusan penggunaan geran bagi tempoh tersebut adalah minimum iaitu antara 13.6% hingga 27.6%. Setakat bulan Oktober 2015, baki geran adalah berjumlah RM16.21 juta. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 24.5
PENYALURAN GERAN KEPADA PERBADANAN KOTA BUKU DAN PERBELANJAAN SEBENAR BAGI TEMPOH TAHUN 2011 HINGGA BULAN OKTOBER 2015

TAHUN GERAN DITERIMA	JUMLAH GERAN		BAKI GERAN (RM)	PENGGUNAAN GERAN
	DITERIMA (RM)	DIBELANJAKAN (RM)		
2011	1,000,000	-	1,000,000	Aktiviti perbukuan dan perbelanjaan operasi syarikat
2012	7,346,600	1,374,770	6,971,830	
2013	5,782,200	2,705,250	10,048,780	
2014	15,871,200	3,517,348	22,402,632	
Oktober 2015	-	*6,188,264	16,214,368	
JUMLAH	**30,000,000**	**13,785,632**		

***Sumber :** Fail Penerimaan Geran Yang Diselenggara Bahagian Kewangan Dan Maklumat Penggunaan Geran Di Penyata Kewangan Yang Diaudit Tahun 2011 Hingga 2014*
Nota :(*) - Angka Berdasarkan Lejar Am Perbadanan Kota Buku Sehingga Bulan Oktober 2015

b. Perbelanjaan Aktiviti

i. Sebagai langkah penggalakan industri perbukuan di Malaysia, PKB telah menyertai pelbagai aktiviti dalam dan luar negara serta menganjurkan kursus/bengkel perbukuan. Antara aktiviti yang disertai adalah pameran buku tempatan dan antarabangsa, pesta buku kanak-kanak dan lawatan kerja. Manakala kursus/bengkel yang dianjurkan oleh PKB antaranya

adalah bengkel penulisan dan illustrasi buku bergambar kanak-kanak, bengkel teknik bercerita, bengkel penulisan sastera dan pelbagai forum ilmiah. PKB telah menyertai sebanyak 46 aktiviti perbukuan dan menganjurkan 51 kursus/latihan dari tahun 2012 hingga bulan Ogos 2015 dengan perbelanjaan keseluruhan berjumlah RM4.77 juta.

ii. Analisis Audit mendapati penyertaan PKB dalam aktiviti perbukuan dan penganjuran kursus/bengkel menunjukkan trend peningkatan dari tahun 2012 hingga bulan Ogos 2015. Bagaimanapun, penganjuran kursus/bengkel pada tahun 2014 didapati menurun dengan hanya 5 kursus/bengkel diadakan berbanding 21 kursus/bengkel pada tahun 2013. Penurunan penganjuran kursus/bengkel ini disebabkan pihak pengurusan PKB sedang menstruktur semula jenis kursus yang ditawarkan dan pejabat PKB dalam proses pengubahsuaian. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 24.6
AKTIVITI DAN KURSUS/BENGKEL YANG DIANJURKAN/DISERTAI OLEH PERBADANAN KOTA BUKU BAGI TAHUN 2012 HINGGA BULAN OGOS 2015

TAHUN	BIL. PELAKSANAAN		JUMLAH AKTIVITI DAN KURSUS/ BENGKEL	JUMLAH PERBELANJAAN		JUMLAH KESELURUHAN PERBELANJAAN (RM)
	AKTIVITI	KURSUS/ BENGKEL		AKTIVITI (RM)	KURSUS/ LATIHAN (RM)	
2012	8	9	17	522,939	104,540	627,479
2013	8	21	29	685,337	435,351	1,120,688
2014	8	5	13	798,002	24,215	822,217
Ogos 2015	22	16	38	2,142,056	58,675	2,200,731
JUMLAH	**46**	**51**	**97**	**4,148,334**	**622,781**	**4,771,115**

Sumber : Data Yang Diselenggara Bahagian Kewangan, Perbadanan Kota Buku

iii. Bagi tempoh tahun 2012 hingga bulan Ogos 2015, sejumlah RM2.83 juta telah dibelanjakan oleh PKB bagi menyertai/mengadakan aktiviti perbukuan dalam negara, manakala sejumlah RM1.94 juta telah digunakan bagi membiayai aktiviti perbukuan di luar negara. Pada tahun 2013 dan 2014, perbelanjaan aktiviti perbukuan di luar negara adalah melebihi perbelanjaan dalam negara masing-masing sejumlah RM0.15 juta dan RM0.29 juta. Bagi tahun 2015, aktiviti perbukuan ditumpukan dalam negara selaras dengan keputusan Lembaga Pengarah untuk menyertai ekspo dan festival perbukuan yang diadakan di Malaysia sepanjang tahun 2015 memandangkan tiada peruntukan tambahan disalurkan oleh KPM. Butirannya adalah seperti carta berikut:

CARTA 24.3
PERBELANJAAN AKTIVITI PERBUKUAN YANG DISERTAI PERBADANAN KOTA BUKU BAGI TAHUN 2012 HINGGA BULAN OGOS 2015



Sumber : Data Yang Diselenggara Bahagian Kewangan, Perbadanan Kota Buku

c. Penjualan Penerbitan Digital – (e-Book)

Penerbitan digital merupakan sebuah portal yang berfungsi sebagai pusat sehenti dan menyediakan kemudahan akses untuk karya kesasteraan dalam bentuk digital. Antara kandungan penerbitan digital yang diarkibkan dalam platform ini ialah buku elektronik (e-Book). Berdasarkan rekod penjualan e-Book bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, sebanyak 249 karya dilanggan oleh pembeli dengan hasil kutipan berjumlah RM1,495. Penjualan e-Book bagi tahun 2014 didapati meningkat sebanyak 119 karya berbanding tahun sebelumnya iaitu hanya 41 karya dilanggan oleh pembeli memandangkan kelulusan projek pembangunan penerbitan digital diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada bulan Mei 2013. Melalui mesyuarat Lembaga Pengarah pada bulan November 2014 pula, Lembaga Pengarah menyatakan usaha perlu diteruskan oleh pengurusan PKB bagi meningkatkan sumbangan e-Book dalam industri. Butiran lanjut berkaitan hasil penjualan e-Book dari tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 24.7
PENJUALAN e-BOOK DARI TAHUN 2013 HINGGA 2015

BULAN	TAHUN					
	2013		2014		2015	
	JUALAN KARYA (JUDUL)	KUTIPAN HASIL JUALAN (RM)	JUALAN KARYA (JUDUL)	KUTIPAN HASIL JUALAN (RM)	JUALAN KARYA (JUDUL)	KUTIPAN HASIL JUALAN (RM)
Januari	-	-	11	82	6	29
Februari	-	-	23	125	1	2
Mac	-	-	9	45	1	5
April	-	-	17	91	-	-
Mei	-	-	5	29	3	35
Jun	-	-	10	69	-	-

BULAN	TAHUN					
	2013		2014		2015	
	JUALAN KARYA (JUDUL)	KUTIPAN HASIL JUALAN (RM)	JUALAN KARYA (JUDUL)	KUTIPAN HASIL JUALAN (RM)	JUALAN KARYA (JUDUL)	KUTIPAN HASIL JUALAN (RM)
Julai	-	-	6	27	3	5
Ogos	-	-	32	179	19	108
September	21	58	-	-	5	86
Oktober	10	36	1	10	3	54
November	1	3	33	168	2	36
Disember	9	75	13	61	5	77
JUMLAH	**41**	**172**	**160**	**886**	**48**	**437**

Sumber : Laporan ipay88 Dan eGHL

Pada pendapat Audit, PKB kurang aktif dalam penyertaan/pelaksanaan aktiviti perbukuan di mana dalam tempoh 4 tahun (2012 hingga bulan Ogos 2015), PKB hanya menganjurkan dan menyertai 97 aktiviti dengan perbelanjaan berjumlah RM4.77 juta. Penjualan e-Book melalui platform penerbitan digital juga dilihat kurang mendapat sambutan di mana hanya 249 karya digital dilanggan dengan kutipan hasil berjumlah RM1,495 bagi tempoh 3 tahun (2013 hingga 2015).

Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 10 Mac 2016

Projek pendigitalan adalah usaha teras PKB dalam mempertingkat kapasiti industri buku negara. Ia selaras dengan keperluan membina repositori Malaysiana. Namun demikian, untuk menjadi portal perbukuan yang berpengaruh, PKB perlu memiliki sehingga sekurang-kurangnya 10 ribu judul bagi memberikan impak pemasaran yang berkesan. Ini sedang diusahakan untuk tempoh 3 tahun akan datang.

Bagi tujuan memperkasa pembangunan repositori digital Malaysiana ini, Jabatan Harta Intelek, Perundingan dan Penyelidikan (HIPP) diwujudkan pada 2014. Usaha ini memerlukan kepakaran, pengalaman dan pendedahan yang sejajar dengan keperluan industri. Pada pandangan PKB, sekiranya projek platform digital ini dibangunkan secara organik, PKB akan memerlukan tempoh sehingga 18 bulan sebelum mampu berdiri secara ampuh. Sehubungan itu, PKB mengenal pasti kaedah pembangunan yang bersifat quantum leap. Antara lain, ia akan dilakukan dengan kaedah perolehan ekuiti dalam entiti sedia ada yang kini sedang giat dirundingkan.

Oleh kerana keterbatasan faktor di atas, kelulusan Lembaga Pengarah PKB telah diperoleh pada 12 Jun 2015 untuk mewujudkan skim outsourcing (online freelance editor) bagi mempercepat proses pendigitalan dan menambah repositori digital secara lebih berkesan.

24.5.2.2. Pengurusan Aktiviti

Pengurusan aktiviti ditumpukan kepada aktiviti utama yang dijalankan oleh PKB serta susulan terhadap isu Audit bagi pengauditan penyaluran dana yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara pada tahun 2012 dan Bahagian Audit Dalam KPM pada tahun 2013. Pengauditan difokuskan kepada pemberian geran Kerajaan digunakan secara optimum, pengurusan aktiviti bagi memastikan objektif sesuatu aktiviti adalah dicapai dan *outcome* daripada aktiviti yang memberi impak serta pematuhan kepada peraturan/akta yang berkaitan. Hasil penemuan Audit bagi pelaksanaan aktiviti perbukuan PKB diterangkan seperti yang berikut:

a. Pengurusan Geran Yang Diterima Daripada Kerajaan - Tiada Perjanjian/Terma Bagi Geran Yang Disalurkan Kepada Perbadanan Kota Buku

Berdasarkan amalan terbaik, pemberian geran hendaklah disokong dengan terma dan syarat yang menjelaskan objektif geran, penggunaan geran dan kaedah pemantauan geran. Adalah didapati KPM yang berperanan menyalurkan sejumlah RM30 juta dana geran kepada PKB tidak memeterai sebarang perjanjian dengan PKB bagi menyatakan dengan jelas syarat penggunaan geran dan mekanisme pemantauan yang perlu dipatuhi. Perkara ini juga menyebabkan tiada pemantauan daripada pihak KPM terhadap penggunaan geran serta pencapaian prestasi aktiviti dan kewangan PKB yang menggunakan dana geran tersebut untuk menjalankan operasi syarikat. Semakan Audit selanjutnya mendapati pada tahun 2013, PKB melalui khidmat Tetuan Sharifah & Associates telah menyediakan draf Perjanjian Induk antara Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan Perbadanan Kota Buku bagi memberi garis panduan rangka kerja, objektif dan tanggungjawab kedua-dua pihak. Bagaimanapun, draf perjanjian ini tidak dimuktamadkan.

Pada pendapat Audit, pengurusan geran di peringkat perancangan dan pemantauan adalah kurang memuaskan. Kelemahan dalam perancangan penggunaan geran mengakibatkan geran diurus mengikut budi bicara pelaksana iaitu PKB tanpa panduan yang jelas. Penyaluran geran berikutnya daripada pihak Kerajaan hendaklah menyatakan dengan jelas terma dan syarat penggunaan geran serta data penggunaan geran perlu dikemukakan kepada Kementerian berkaitan bagi tujuan pemantauan.

Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 10 Mac 2016

Draf Perjanjian antara KPM dan PKB akan dibawa untuk kelulusan Lembaga Pengarah PKB dalam mesyuarat berikutnya yang dijadualkan pada 19 April 2016 dan kemudiannya akan diserahkan kepada Pejabat Penasihat Undang-undang KPM untuk tujuan tindakan lanjut.

Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 26 Februari 2016

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mendapat kelulusan Jemaah Menteri pada 25 Ogos 2010 bagi menubuhkan Perbadanan Kota Buku (PKB) yang diwujudkan secara pentadbiran dengan kelulusan peruntukan geran permulaan sebanyak RM30 juta daripada Kerajaan untuk pengoperasian PKB.

Selaras dengan kedudukan peruntukan semasa, peruntukan geran permulaan sebanyak RM30 juta tersebut telah diturunkan secara berperingkat mulai tahun 2011 hingga 2014. Geran permulaan sebanyak RM30 juta adalah untuk menampung kos operasi dan pentadbiran berkaitan dengan aktiviti pengubahsuaian, pentadbiran dan promosi seperti keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri.

Bahagian Kewangan KPM telah mengemukakan memo bertarikh 10 Januari 2011 kepada Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) selaku urus setia PKB memaklumkan bahawa peruntukan Kerajaan yang disalurkan kepada PKB hendaklah diuruskan secara cekap oleh Lembaga Pengarah PKB melalui perancangan yang teliti ke atas aktiviti yang dapat menjana pendapatan PKB dan pemantauan ke atas perbelanjaan PKB. Sebarang cadangan perluasan skop dan aktiviti PKB yang melibatkan tambahan peruntukan hendaklah mendapat terlebih dahulu persetujuan Kementerian Kewangan sebelum dilaksanakan. PKB hendaklah mematuhi semua peraturan kewangan dan Pekeliling/Arahan Kerajaan yang berkuat kuasa semasa.

Draf Perjanjian Induk tersebut masih dalam tindakan penyediaan pihak Perbadanan Kota Buku (PKB). Perjanjian dijangka akan dapat ditandatangani pada 1 Julai 2016, setelah mendapat persetujuan Ahli Lembaga Pengarah PKB.

b. Penyertaan Aktiviti Perbukuan Di Luar Negara - Kelulusan Penuh Lembaga Pengarah Bagi Dua Penyertaan Pameran Buku Antarabangsa

The Blue Book: Intensifying Performance Management Practise menyarankan antara amalan terbaik bagi menjaga kepentingan syarikat adalah pihak pengurusan melaksanakan tindakan berdasarkan keputusan yang telah dibuat oleh Lembaga Pengarah syarikat manakala Seksyen 131B Akta Syarikat 1965 menyatakan semua hal ehwal syarikat perlu diurus di bawah arahan Lembaga Pengarah. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada 2 penyertaan pengurusan PKB dalam pameran buku antarabangsa telah mendapat kelulusan penuh Lembaga Pengarah PKB dan maklumat lanjut seperti yang berikut:

i. Tokyo International Book Fair 2014 (TIBF 2014)

PKB telah menyertai Tokyo International Book Fair 2014 (TIBF 2014) pada 2 hingga 5 Julai 2014 bersama *lead agency* iaitu Institut Terjemahan Buku Malaysia. Cadangan penyertaan TIBF 2014 telah dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah pada 5 Disember 2013 di bawah Cadangan Aktiviti 2014 dengan anggaran perbelanjaan berjumlah RM50,000. Lembaga Pengarah menyarankan agar objektif

aktiviti perlu jelas dan selaras dengan peranan PKB serta aktiviti yang dirancang perlu berdasarkan *Outcome Based Budgeting* yang mengambil kira pendapatan nilai media. Bagaimanapun, tiada kelulusan direkodkan dalam minit mesyuarat tersebut. Seterusnya, pada 18 Ogos 2014, pengurusan PKB telah membentangkan laporan penyertaan TIBF 2014 dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah dengan kos perbelanjaan sebenar berjumlah RM20,109.

Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 7 April 2016

Kelulusan Lembaga Pengarah telah diperoleh melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah bil. 2/2014 bertarikh 28 April 2014. Kertas cadangan aktiviti 2014 (pindaan) diluluskan. Tetapi sememangnya kelulusan ke Tokyo International Book Fair 2014 ini tidak dipohon secara individual. PKB akan memastikan semua kelulusan ke luar negara akan diminitkan dengan terang dan jelas serta akan membuat permohonan secara individual.

Pihak Audit mendapati penjelasan PKB mengenai cadangan belanjawan 2014 (pindaan) yang diluluskan melalui Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah bil. 2/2014 adalah tidak berkaitan memandangkan Lembaga Pengarah telah menangguhkan kelulusan belanjawan 2014 untuk dibentang semula dalam mesyuarat berikutnya. Bagaimanapun, Lembaga Pengarah bersetuju untuk meluluskan belanjawan operasi awalan sehingga bulan Mei 2014. Pihak Audit juga mendapati TIBF 2014 yang diadakan pada bulan Julai 2014 belum mendapat kelulusan penuh Lembaga Pengarah pada masa tersebut. Selain itu, cadangan belanjawan 2014 (pindaan) bagi tempoh bulan Jun hingga Disember 2014 telah diluluskan melalui minit mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 3/2014 pada 19 Jun 2014. Bagaimanapun, kelulusan penuh penyertaan TIBF 2014 serta kos berkaitan tidak diperincikan.

ii. Bologna Children's International Book Fair 2015 (BICBF 2015)

Bologna Children's International Book Fair 2015 (BICBF 2015) telah diadakan pada 30 Mac 2015 hingga 2 April 2015. Penyertaan PKB dalam BICBF 2015 adalah untuk menguruskan pelancaran buku terbitan terkini dari Malaysia dan sebagai agen yang mengaturkan pertemuan dengan penerbit yang menyertai BICBF 2015. Kertas cadangan penyertaan dalam BICBF 2015 telah disediakan oleh Jabatan Usahaniaga Sosial dengan anggaran kos berjumlah RM231,655. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada penyertaan PKB dalam BICBF 2015 telah mendapat kelulusan penuh Lembaga Pengarah sungguhpun pada bulan Jun 2015, PKB telah membentangkan laporan penyertaan BICBF 2015 kepada Lembaga Pengarah dengan implikasi kewangan berjumlah RM219,497.

Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 7 April 2016

Kelulusan Lembaga Pengarah telah diperoleh melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah bil. 5/2014 melalui Cadangan Aktiviti Tahun 2015. Kertas cadangan ini telah diluluskan tetapi sememangnya kelulusan ke Bologna Book Fair 2015 ini tidak dipohon secara individual. PKB akan memastikan semua kelulusan ke luar negara akan diminitkan dengan terang dan jelas serta akan membuat permohonan secara individual.

Pihak Audit mendapati kelulusan penyertaan BICBF 2015 oleh Lembaga Pengarah melalui cadangan aktiviti 2015 telah dibuat secara menyeluruh di bawah 1 (ii) Program Induk - program dan aktiviti yang menjadi teras PKB : penyertaan antarabangsa sebagai *Lead Agency* di 3 negara tanpa kos berkaitan. Cadangan belanjawan 2015 yang diminitkan dalam mesyuarat yang sama pula hanya menyenaraikan aktiviti antarabangsa dengan jumlah belanjawan keseluruhan RM5,099,300 tanpa memperincikan aktiviti serta kos berkaitan.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan aktiviti serta keputusan yang telah dibuat oleh Lembaga Pengarah perlu direkodkan dengan jelas dalam minit mesyuarat. Antaranya, perincian cadangan aktiviti bagi mendapatkan kelulusan Lembaga Pengarah, rasional bagi setiap keputusan, tindakan yang perlu diambil dan tempoh masa yang dipersetujui. Ini adalah bagi memastikan Lembaga Pengarah memperoleh maklumat mencukupi untuk membuat keputusan serta pengurusan syarikat dapat melaksanakan keputusan Lembaga Pengarah sebaiknya.

c. Aktiviti Dagangan Hak Cipta - Data Hak Cipta Tidak Diselenggara

Menerusi aktiviti dagangan hak cipta, PKB berperanan menguruskan perdagangan hak cipta dalam dan luar negara serta mempromosi hak cipta dan harta intelek para penulis dan penerbit ke tahap antarabangsa. Adalah didapati dalam tempoh 4 tahun (2012 hingga Ogos 2015), PKB telah menyertai 26 aktiviti perbukuan di luar negara antaranya *Tokyo International Book Fair* (Tokyo), *Bologna International Children's Book Fair* (Itali), *Asian Festival Of Children's Content* (Singapura) dan *Shanghai International Book Fair* (China) dengan perbelanjaan keseluruhan berjumlah RM1.94 juta. Berdasarkan laporan penyertaan projek yang dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah mendapati pengurusan PKB telah melaporkan perihal potensi dagangan hak cipta. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati tiada data rujukan diselenggara berkaitan dagangan hak cipta yang berjaya/*outcome* hasil daripada penyertaan PKB dalam aktiviti perbukuan luar negara tersebut. Hal ini berlaku kerana tiada penilaian *output dan outcome* dibuat oleh pengurusan PKB berkaitan kejayaan promosi dagangan hak cipta karya Malaysia serta Manual Operasi Standard tidak

diwujudkan bagi aktiviti utama PKB. Kesannya, Lembaga Pengarah dan pengurusan PKB tidak dapat menilai pencapaian kejayaan promosi dagangan hak cipta.

Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 10 Mac 2016

Semenjak penstrukturan semula pada 1 Mac 2014, PKB telah mewujudkan Unit Hak Cipta dengan seorang pegawai. Pegawai berkenaan telah diberikan pendedahan secara berperingkat bagi mempersiapkan PKB menjadi hab kandungan serantau. Sistem pengurusan hak cipta akan siap dibangunkan pada 30 Ogos 2016. Sistem ini akan membantu dalam pengurusan penilaian keberkesanan perdagangan hak cipta.

Perdagangan Hak Cipta PKB sedang diperkasa dengan kaedah Right Agency bagi membolehkan PKB mewakili sebilangan besar hak atas kandungan yang dipersembahkan di pameran antarabangsa yang diwakili. Proses perundingan berterusan ini akan menjadi saluran pendapatan baru bagi PKB pada masa hadapan.

Pada pendapat Audit, pengurusan PKB perlu menyelenggara data hak cipta bagi tujuan pemantauan pencapaian aktiviti dagangan hak cipta dan keberkesanan teknik promosi yang dijalankan.

d. Program Buku Dan Bazar - Bayaran Penuh Sewaan Tapak Aktiviti Dibuat Sebelum Pengesahan Acara Diadakan

i. Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 27 November 2014 telah meluluskan Cadangan Aktiviti 2015 untuk mengadakan 12 bazar buku secara bulanan dengan cadangan belanjawan berjumlah RM720,000. Pada 31 Januari 2015, pelancaran Buku Dan Bazar telah diadakan di Dataran Merdeka (Underground). Berdasarkan perancangan, program Buku Dan Bazar akan diadakan pada hujung minggu terakhir setiap bulan sepanjang tahun 2015 bermula dari bulan Februari.

ii. Berdasarkan terma dan syarat bayaran yang dinyatakan dalam *Venue Confirmation Form* bagi sewaan tapak Dataran Merdeka (Underground), sebanyak 50% deposit (non refundable) perlu dibayar semasa pengesahan kos tempat dibuat dan baki 50% bayaran perlu dibuat dalam masa 7 hari sebelum tarikh acara diadakan. Semakan Audit mendapati *Venue Confirmation Form* telah ditandatangani antara PKB dan Inti Megah Network Marketing (Inti Megah) pada 16 Februari 2015 bagi penyewaan tapak Dataran Merdeka (Underground). Sewaan ini adalah bagi aktiviti perbukuan PKB yang dijangka diadakan setiap hujung minggu daripada 28 Februari 2015 sehingga 27 Disember 2015 (20 hari). Berdasarkan salinan cek PKB kepada Inti Megah serta baucar bayaran bertarikh 10 Februari 2015, sejumlah RM85,726.40 telah dibayar oleh

PKB sebagai pembayaran penuh sewa bagi pelaksanaan aktiviti sepanjang tahun 2015. Berdasarkan rekod pelaksanaan aktiviti, adalah didapati aktiviti yang dijangka diadakan daripada 27 Jun 2015 hingga 27 Disember 2015 (14 hari) telah dibatalkan dan baki bayaran sewaan sebanyak 50% bagi tarikh acara yang dibatalkan tersebut tidak dipulangkan oleh Inti Megah. Pihak Audit juga mendapati pengurusan PKB telah membuat pembayaran penuh sewaan tapak 6 hari sebelum *Venue Confirmation Form* ditandatangani tanpa meneliti kandungan terma yang membenarkan bayaran sebanyak 50% dibuat 7 hari sebelum acara diadakan. Kesannya, PKB menanggung kerugian berjumlah RM30,347.80 atas pembatalan aktiviti yang dijangka diadakan daripada 27 Jun 2015 hingga 27 Disember 2015 (14 hari).

Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 10 Mac 2016

Penempahan penggunaan Dataran Merdeka (Underground) untuk tujuan aktiviti Buku Dan Bazar dibuat secara pukal bagi membolehkan PKB mendapat diskaun yang lebih besar. Ini memberikan penjimatan sehingga 39% kepada PKB. Namun perkara di luar jangka seperti pembatalan acara disebabkan oleh beberapa penganjuran demonstrasi haram telah menjejaskan perjalanan acara bahkan PKB telah menerima arahan pihak berkuasa untuk menangguhkan acara berkenaan pada saat akhir. Terma pembayaran deposit memperuntukkan tempoh 7 hari pembatalan sebelum pembayaran boleh dikembalikan. PKB tidak memenuhi syarat 7 hari berkenaan kerana arahan pembatalan dibuat hanya sehari sebelum pembatalan. Pihak PKB sudah merundingkan untuk mendapatkan bayaran balik dari pihak Dataran Merdeka (Underground).

Pada pendapat Audit, pihak pengurusan PKB perlu membuat perancangan aktiviti dengan teliti dan tidak membuat pembayaran penuh sewaan tapak aktiviti sepanjang tahun berdasarkan perancangan awal. Kandungan terma dan syarat penyewaan tapak perlu diteliti terlebih dahulu di mana bayaran penuh yang dijelaskan perlu mengambil kira kepentingan PKB.

e. Aktiviti Penerbitan Digital

i. Projek Pembangunan e-Book - Sasaran Muat Naik e-Book Ke Portal Tidak Dicapai

Portal e-Book telah dibangunkan pada tahun 2013 oleh Syarikat MSD Digital Intelligence Sdn. Bhd. (MSD) tanpa sebarang kos dikenakan. Pengurusan PKB menetapkan sasaran untuk memuat naik 3,000 judul buku dalam tempoh setahun iaitu, antara bulan Julai 2013 hingga bulan Julai 2014. Bagaimanapun, sehingga bulan Disember 2015, adalah didapati PKB hanya memuat naik sebanyak 1,308 (43.6%) judul e-Book untuk penjualan secara *online* kepada orang awam. Hal ini kerana PKB tidak memperoleh hak cipta versi elektronik daripada pemilik asal.

Kesannya, platform penerbitan digital yang dikendalikan oleh PKB berkemungkinan kurang kompetitif dilawat oleh orang awam bagi mencari pelbagai bahan ilmiah disebabkan jumlah e-Book yang dimuat naik adalah kecil dan terhad berbanding pengendali penerbitan digital lain dan memberi kesan tidak langsung kepada perolehan hasil PKB.

Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 10 Mac 2016

Terdapat beberapa judul yang masih belum dimuat naik kerana urusan perjanjian hak cipta dengan penerbit sedang berlangsung. Selain itu, keperluan mempercepat dan memperbanyak usaha memuat naik ini dipergiatkan melalui kaedah outsourcing (freelance online editor) yang sedang digiatkan. Proses ini akan melipatgandakan jumlah judul yang dimuat naik. Tarikh jangkaan siap pemurnian hak cipta adalah pada 30 Ogos 2016.

ii. Dokumen Kontrak Tidak Ditandatangani Dengan Penerbit/Penulis Asal

Dokumen kontrak adalah penting dalam pelaksanaan tanggungjawab serta menjaga kepentingan pihak yang terlibat. Berdasarkan senarai buku portal e-Book yang disediakan oleh Jabatan Harta Intelek Pembangunan Portal, sebanyak 956 karya telah diterbitkan sehingga 15 Oktober 2015. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati hanya terdapat 19 perjanjian bagi 524 buah karya ditandatangani antara PKB dan penerbit/penulis asal manakala bagi 432 karya, tiada kontrak ditandatangani dengan penerbit/penulis asal. Hal ini disebabkan tiada Manual Operasi Standard disediakan bagi aktiviti utama dan kelemahan pemantauan pengurusan PKB menyebabkan kepentingan kedua-dua pihak berkaitan tidak dilindungi.

Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 10 Mac 2016

PKB telah menyemak status dan jumlah perjanjian di mana semua karya akan mempunyai kontrak antara PKB dan penerbit/penulis menjelang Sistem Pengurusan Hak Cipta siap dibangunkan pada 30 Ogos 2016. Latihan pengurusan hak cipta juga sedang giat dilakukan secara in house.

iii. Data Berkaitan Bayaran Royalti Tidak Diselenggara

Perkara 4 Perjanjian Lesen Penerbitan Elektronik berkenaan Royalti menyatakan sebagai balasan bagi semua hak yang diberi oleh penerbit asal seperti yang dinyatakan dalam Perkara 1 (lesen mutlak menerbitkan dalam bentuk penerbitan elektronik) dan Perkara 2 (lain-lain hak), PKB bersetuju membayar royalti kepada penerbit asal mengikut kadar iaitu 60% atau 70% daripada harga jualan karya dalam bentuk penerbitan elektronik yang dijual bagi cetakan pertama. Jadual kepada Perkara 5 berkaitan sistem pembayaran royalti bagi Perkara 1 adalah berdasarkan

harga jualan tahunan karya pada 31 Disember setiap tahun bagi perjanjian tahun 2013 dan 2014. Manakala bagi perjanjian tahun 2015, Perkara 1 menyatakan pembayaran akan dibuat pada bulan Jun dan bulan Disember. Sekiranya jumlah royalti melebihi RM300 sebulan, PKB boleh membuat pembayaran berdasarkan jumlah royalti terkumpul. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada PKB pernah membuat bayaran royalti berdasarkan terma kontrak memandangkan tiada rekod diselenggara berkaitan pembayaran royalti bagi e-Book yang telah dijual mulai dari tahun 2013 hingga Ogos 2015. Hal ini kerana Manual Operasi Standard tidak disediakan bagi aktiviti utama dan kelemahan pemantauan pengurusan PKB menyebabkan pengurusan PKB tidak dapat mengesahkan sama ada bayaran royalti adalah teratur atau sebaliknya.

Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 10 Mac 2016

Pembayaran royalti belum dibuat kerana jumlah purata royalti masih kecil iaitu di bawah nilai ambang (threshold) RM300. Namun demikian, PKB akan melunaskan jumlah royalti bagi hak cipta yang melebihi 2 tahun pada selewat-lewatnya 30 Ogos 2016 meskipun ianya tidak mencecah nilai ambang bagi tujuan memperkemas pelaporan kewangan.

f. Penyelidikan Dan Runding Cara

Antara aktiviti utama penubuhan PKB adalah untuk menguruskan kajian dan penyelidikan terhadap industri perbukuan Malaysia, menyediakan maklumat berkenaan industri perbukuan kepada para penerbit dan pembaca, bekerjasama dengan pusat penyelidikan yang diiktiraf seperti universiti, Jabatan Kerajaan dan organisasi bukan Kerajaan, mengaturkan kajian lapangan, kumpulan sasar dan temu duga dengan penggiat industri perbukuan dan menguruskan kelompok penyelidikan dalam industri perbukuan. Pada 27 November 2014, Lembaga Pengarah telah meluluskan peruntukan belanjawan berjumlah RM215,000 bagi aktiviti kajian dan penyelidikan. Sehingga bulan Ogos 2015, terdapat 2 laporan kajian penyelidikan telah dikeluarkan iaitu:

i. Laporan Industri Perbukuan Malaysia 2014 yang telah ditulis oleh Profesor Dr. Md Sidin Ahmad Ishak. Laporan ini antaranya memfokuskan dasar berkaitan perbukuan, agensi pembangunan buku, persatuan industri perbukuan, aktiviti utama perbukuan dan dana industri perbukuan.

ii. Artikel bertajuk *Country Spotlight* – Malaysia telah disiarkan dalam Publishers Weekly di Amerika Syarikat bertarikh 21 September 2015.

Pihak Audit juga mendapati PKB ada menawarkan khidmat runding cara secara *online* yang ditawarkan melalui laman sesawang Kota Buku sebagai satu nilai tambah. Namun sehingga kini perkhidmatan tersebut belum lagi dilaksanakan.

Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 10 Mac 2016

Khidmat dalam talian ini berfungsi sebagai pelengkap dan akan terus dikekalkan untuk manfaat pelanggan khususnya dari luar negara. Fungsi ini sedang diperkasakan untuk menarik lebih ramai pelanggan. Namun demikian, khidmat runding cara dan nasihat terus dilakukan oleh PKB secara 'offline', melalui email, telefon dan hadir terus ke pejabat dan kaedah ini menarik ramai pelanggan sejak ia mula diperkenalkan.

g. Akademi Kota Buku

Asas penubuhan Akademi Kota Buku (AKB) adalah bagi mewujudkan pusat latihan kepada penggiat industri perbukuan dengan mengetengahkan 20% kandungan kursus untuk bidang konvensional perbukuan dan 80% kandungan kursus untuk penghasilan buku masa depan. Objektif penubuhan AKB adalah sebagai penjenamaan program latihan iaitu untuk menyediakan kandungan latihan yang relevan kepada keperluan dunia perdagangan buku semasa, menyediakan program latihan secara khusus bergantung kepada keperluan pasaran dan menjadikan latihan sebagai teras penting dalam agenda pembinaan kapasiti perbukuan negara. Pada 19 Jun 2014, Lembaga Pengarah PKB telah meluluskan cadangan penubuhan AKB sebagai pusat latihan dengan peruntukan berjumlah RM50,000 untuk aktiviti di bawah AKB yang meliputi perbelanjaan tenaga pengajar, makan dan minum, peralatan dan lain-lain. Adalah didapati:

i. Aktiviti latihan menggunakan ruang pejabat PKB yang terdiri daripada 3 bilik seminar dan satu bilik mesyuarat.

ii. Unit/Bahagian/Fungsi AKB tidak ditunjukkan dalam Carta Organisasi PKB sungguhpun Lembaga Pengarah pada 10 September 2015 menyatakan PKB perlu mewujudkan sebuah jabatan berasingan bagi menjalankan aktiviti AKB yang akan ditadbir oleh seorang pengurus dan seorang eksekutif kanan.

Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 10 Mac 2016

Pada peringkat ini, operasi Akademi Kota Buku (AKB) diletakkan di bawah seliaan Jabatan Dagang. AKB akan diwujudkan dalam carta organisasi sebagai sebuah unit.

h. Kompleks Kota Buku

Pada 19 Mei 2009, Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan untuk menubuhkan Kompleks Kota Buku (kompleks) dalam majlis anjuran Institut Terjemahan & Buku Malaysia. Objektif pembinaan kompleks ini adalah untuk menyediakan kemudahan dan tempat bagi menyelaras aktiviti perbukuan negara. Lembaga Pengarah PKB telah meluluskan cadangan pembentukan Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan Kompleks Kota Buku dalam mesyuarat yang diadakan pada 12 Oktober 2012. Seterusnya dalam mesyuarat Lembaga Pengarah pada 17 Mei 2013, pengurusan PKB memaklumkan bahawa Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan Kompleks Kota Buku telah mengemukakan Laporan Penyediaan Analisis Keperluan kepada KPM. Perbincangan telah diadakan antara PKB dengan pihak KPM dan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) berkenaan pembinaan kompleks tersebut sepanjang tahun 2014.

Berdasarkan mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada 12 Februari 2015, pihak KPM menyatakan proses perbincangan berada dalam peringkat akhir sebelum Memorandum Jemaah Menteri disediakan. Bagaimanapun, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) berpendapat bahawa PKB merupakan syarikat berhad menurut jaminan (SBMJ) dan PKB perlu mempunyai kewangan yang kukuh bagi mengendalikan perbelanjaan operasi, kos penyenggaraan dan kos bayaran pajakan. Sekiranya PKB tidak mampu untuk membuat pembayaran dan menguruskan kos penyenggaraan pada masa akan datang, Kerajaan terpaksa menanggung beban tersebut.

Sehubungan itu, PKB telah mengeluarkan surat pada 3 September 2015 kepada KPM berhubung justifikasi yang membolehkan PKB menanggung kos pajakan, kos operasi, kos penyenggaraan serta kos yang lain. Bagaimanapun, sehingga bulan Ogos 2015, pembinaan kompleks masih belum dapat dilaksanakan.

Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 10 Mac 2016

Berdasarkan surat bertarikh 17 November 2015 ruj. No. KPM.BPP.200 -1/1/21/2(70) "YB Menteri Pendidikan telah memutuskan supaya cadangan oleh SSHSB tersebut hanya akan diteruskan tertakluk kepada urusan yang ada kaitan dengan projek RoL (River of Life). Seterusnya di perenggan 5 halaman 3, "dengan ini, dimaklumkan bahawa cadangan pihak YBhg. Dato' sebelum ini tidak dapat diteruskan di atas tapak SK (L) dan SK (P) Jalan Batu tersebut sehingga 31 Disember 2020 sejajar dengan keputusan Jemaah Menteri yang telah diputuskan berkenaan. PKB kini menunggu panggilan susulan pihak Unit Kerjasama Awam Swasta untuk tujuan meneruskan mesyuarat Jawatankuasa pembinaan Kompleks Kota Buku.

i. Susulan Isu Pengauditan Oleh Jabatan Audit Negara Dan Bahagian Audit Dalam Kementerian Pendidikan Malaysia

Pada tahun 2012, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap penyaluran dana kepada syarikat berhad menurut jaminan manakala Bahagian Audit Dalam, KPM pula telah menjalankan semakan terhadap pengurusan kewangan PKB. Butiran lanjut berkenaan isu yang dibangkitkan serta status terkini adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 24.8
ISU PENGAUDITAN YANG DIBANGKITKAN OLEH JABATAN AUDIT NEGARA DAN BAHAGIAN AUDIT DALAM KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA SERTA STATUS TERKINI TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN

ISU YANG DILAPORKAN OLEH JABATAN AUDIT NEGARA	STATUS TERKINI
Kementerian tidak memeterai sebarang perjanjian/ memorandum persefahaman dengan PKB yang menyatakan syarat yang perlu dipatuhi berkaitan penggunaan dana yang disalurkan serta laporan yang perlu disediakan dan dikemukakan kepada Kementerian.	**Status Sehingga Bulan Ogos 2015** Pihak PKB telah menyediakan draf perjanjian untuk semakan PUU pada bulan Julai 2013 yang dijangka ditandatangani pada bulan November 2013. Sehingga bulan Ogos 2015, draf perjanjian ini masih belum dimuktamadkan dan ditandatangani. **Maklum Balas PKB pada 10 Mac 2016** ***Draf perjanjian akan dibawa untuk kelulusan Lembaga Pengarah PKB pada 19 April 2016 sebelum dikemukakan kepada PUU KPM untuk tindakan lanjut.***
PKB tidak mengemukakan laporan secara berkala berkaitan pelaksanaan aktiviti dan prestasi kewangan kepada KPM.	**Status Sehingga Bulan Ogos 2015** Laporan sukuan kewangan telah mula dihantar pada bulan Jun kepada Bahagian Kewangan PKB sebagai laporan berkala untuk pemantauan. Sehingga bulan Ogos 2015, tiada bukti yang laporan tersebut telah dihantar kepada KPM bagi tujuan pemantauan. **Maklum Balas PKB pada 10 Mac 2016** ***Laporan berkala yang dihantar adalah Laporan Audit Tahunan.***
ISU YANG DILAPORKAN OLEH BAHAGIAN AUDIT DALAM KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA	**STATUS TERKINI**
PKB telah membuat pembayaran penuh bagi 1 daripada 5 adaptasi novel bertajuk 'Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman' yang berjumlah RM26,741 melalui invois no. 10013 bertarikh 26.08.2013.	**Status Sehingga Bulan Ogos 2015** Syarikat berhasrat memulangkan semua pembayaran berkaitan projek tersebut. JAN tidak dapat mengesahkan sama ada pembayaran balik telah dibuat oleh syarikat tersebut kepada PKB. **Maklum Balas PKB pada 10 Mac 2016** ***Selepas perbincangan lanjut, PKB berpandangan projek tersebut akan diteruskan dan pihak terbabit bersetuju menyiapkan projek tersebut dan bakal siap menjelang 15 Julai 2016.***
PKB telah membuat pembayaran deposit sejumlah RM11,997 melalui invois no 10015 bertarikh 04.12.2013 untuk mengadaptasi novel "Musafir" tetapi sehingga sekarang novel tersebut masih belum disiapkan.	**Status Sehingga Bulan Ogos 2015** Pembayaran bagi buku Musafir telah diminta untuk dipulangkan memandangkan projek ini telah ditangguhkan. JAN tidak dapat mengesahkan sama ada pembayaran balik bagi buku tersebut telah diterima oleh PKB. **Maklum Balas PKB pada 10 Mac 2016** ***Selepas perbincangan lanjut, PKB berpandangan projek tersebut akan diteruskan dan pihak terbabit bersetuju menyiapkan projek tersebut dan bakal siap menjelang 15 Julai 2016.***

24.5.3. Pematuhan Terhadap Peraturan Pengurusan Dan Kewangan Syarikat

24.5.3.1. Manual Operasi Standard

Lembaga Pengarah Syarikat bertanggungjawab dalam menentukan dasar dan operasi syarikat serta memastikan pengurusannya dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan. Adalah didapati PKB telah menyediakan Manual Operasi Standard (manual) untuk Jabatan Kewangan Dan Pentadbiran iaitu Manual Kewangan Dan Sumber Manusia. Manual ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 27 Disember 2012. Bagaimanapun, manual bagi 3 Jabatan iaitu Usahaniaga Sosial, Dagang dan Harta Intelek Pembangunan Portal yang menjalankan 4 aktiviti utama PKB masih belum disediakan menyebabkan kurang pemantauan terhadap proses kerja. **Pada pendapat Audit, PKB perlu menyediakan manual untuk jabatan lain khasnya manual berkaitan operasi syarikat supaya aktiviti yang dijalankan mempunyai garis panduan dan prosedur yang boleh dirujuk untuk memastikan operasi syarikat diuruskan dengan teratur.**

Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 10 Mac 2016

Manual Operasi Standard untuk 3 Jabatan ini akan disiapkan selewat-lewatnya pada 20 Jun 2016.

24.5.3.2. Tadbir Urus Korporat

Akta Syarikat 1965 dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 telah memperincikan elemen penting yang perlu dipatuhi untuk memastikan urus tadbir korporat dan kewangan yang baik. Selain itu, *Memorandum and Articles of Association* PKB juga secara khususnya telah menetapkan perkara yang perlu dipatuhi oleh Lembaga Pengarah syarikat.

a. Elaun Tetap Lembaga Pengarah

Klausa 6 Memorandum dan Artikel PKB menetapkan bahawa syarikat berhad menurut jaminan (SBMJ) tidak dibenarkan untuk membayar gaji dan elaun tetap kepada Pengarah/Ahli selain pembayaran balik daripada perbelanjaan poket. Bagaimanapun, Garis Panduan Syarikat Berhad Menurut yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), pindaan 7 Januari 2011, menyatakan SBMJ dibenarkan untuk memberi gaji dan elaun tetap kepada Pengarah/Ahli tertakluk kepada peruntukan di kluasa 6A, 6B dan 6C seperti yang berikut :

6A : *The member of the Board appointed by the [Foundation/Institute/Chamber/etc] may be paid salary or fixed allowance of not more than RM..... per month but not excessively given shall be approved by the members of the [Foundation/Institute/ Chamber/etc] and Minister charged with the responsibility for companies.*

6B : *The conditions which allow salary and fixed allowance to be given are :*

a) The [Foundation/Institute/Chamber/etc] must be financially sound. [Based on the annual audited financial statements of the (Foundation/Institute/Chamber/etc)];

b) The members of the Board are satisfied, before entering the agreement, that it is in the interest of the [Foundation/Institute/Chamber/etc] for that person to provide those services for that amount; and

c) The maximum amount is reasonable in the circumstances and is set out in the written agreement and should not exceed the amount provided for in the M&A.

6C : *Any change to the amount of the salary and fixed allowance are subject to the approval by the members of the [Foundation/Institute/Chamber/etc] and Minister charged with the responsibility for companies.*

Semakan Audit mendapati, PKB melalui Setiausaha Syarikat telah membuat permohonan kepada SSM untuk membenarkan pembayaran elaun tetap kepada Lembaga Pengarah dan perubahan kepada peruntukan Memorandum dan Artikel berkenaan perkara tersebut. Pada 18 Ogos 2014, Lembaga Pengarah telah dimaklumkan bahawa kebenaran membuat pembayaran elaun tetap telah diberikan oleh SSM dan pindaan ke atas Memorandum dan Artikel PKB telah dibuat pada 12 Ogos 2014 dengan menyatakan bahawa elaun tetap bulanan berjumlah RM5,000 akan dibayar kepada Pengerusi dan sejumlah RM2,000 akan dibayar kepada Ahli Lembaga Pengarah. Pembayaran elaun tetap Lembaga Pengarah ini bermula 1 Mei 2014.

b. Kekerapan Mesyuarat Dan Kehadiran Lembaga Pengarah

i. GLC *Transformation Manual* : *The Green Book – Enhancing Board Effectiveness* menyarankan kekerapan mengadakan mesyuarat Lembaga Pengarah secara purata antara 6 hingga 8 kali setahun serta berdasarkan keperluan persekitaran perniagaan syarikat. Semakan Audit mendapati mesyuarat Lembaga Pengarah PKB bagi tahun 2012 dan 2014 telah diadakan sebanyak 5 kali manakala pada tahun 2013, mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan sebanyak 4 kali berdasarkan keperluan aktiviti PKB. Bagi tahun 2015, Lembaga Pengarah telah mengadakan mesyuarat sebanyak 3 kali bagi tempoh bulan Januari 2015 sehingga September 2015.

ii. Peratusan kehadiran Lembaga Pengarah PKB dalam mesyuarat Lembaga Pengarah bagi tempoh tiga tahun berturut-turut (2012 hingga 2014) adalah memuaskan. Pada tahun 2014, dua orang Lembaga Pengarah hanya menghadiri sekali daripada 4 bilangan mesyuarat Lembaga Pengarah yang perlu dihadiri.

c. Terma Rujukan Lembaga Pengarah

Prinsip 1 - Mewujudkan peranan dan tanggungjawab yang jelas yang digariskan dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012, menyatakan terma rujukan Lembaga Pengarah perlu disediakan sebagai rujukan dan panduan Lembaga Pengarah. Terma rujukan menetapkan matlamat, peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah serta merangkumi pembahagian tanggungjawab dan kuasa antara Lembaga Pengarah dengan pihak pengurusan, jawatankuasa lain yang ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah dan antara Pengerusi dengan Ketua Pegawai Eksekutif. Berdasarkan semakan Audit dan pengesahan dengan pengurusan PKB mendapati tiada terma rujukan disediakan untuk Lembaga Pengarah PKB di mana Lembaga Pengarah mengguna pakai *Article of Association* syarikat sebagai sumber rujukan.

Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 10 Mac 2016

Pihak Setiausaha Syarikat akan menyediakan TOR untuk diluluskan oleh Lembaga Pengarah PKB melalui mesyuarat yang dijadualkan pada 19 April 2016.

d. Unit Audit Dalam

Prinsip 6 - Mengenal dan mengurus risiko yang digariskan dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 menjelaskan bahawa Lembaga Pengarah perlu mewujudkan fungsi audit dalam yang membuat laporan terus kepada Jawatankuasa Audit. Semakan Audit mendapati, tiada Unit Audit Dalam yang diwujudkan di PKB. **Pada pendapat Audit, unit Audit Dalam perlu diwujudkan sebagai salah satu kaedah pemantauan dan kawalan dalaman, seterusnya melaporkan hasil pengauditan tersebut kepada Jawatankuasa Audit untuk makluman dan tindakan Lembaga Pengarah.**

Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 10 Mac 2016

Unit Audit Dalam akan diwujudkan selepas mendapat kelulusan Lembaga Pengarah melalui mesyuarat yang dijadualkan pada 19 April 2016.

24.5.3.3. Pelan Strategik

Prinsip 1 - Mewujudkan peranan dan tanggungjawab yang jelas yang digariskan dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 menyatakan bahawa Lembaga Pengarah perlu mewujudkan peranan dan tanggungjawab yang jelas dalam melaksanakan fungsi fidusiari dan kepimpinannya. Salah satu fungsi Lembaga Pengarah adalah untuk mengkaji dan meluluskan pelan strategik yang diusulkan oleh pihak pengurusan syarikat. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan pelan strategik yang dijalankan oleh pihak pengurusan. Semakan Audit mendapati, PKB ada membentangkan cadangan

Pelan Strategik 2012 hingga 2015 dalam mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada 12 Oktober 2012 namun pelan strategik tersebut tidak dimuktamadkan. Lembaga Pengarah memutuskan supaya pelan strategik tersebut dikaji semula dan perlu dibentangkan pada mesyuarat yang berikutnya untuk kelulusan Lembaga Pengarah. Seterusnya, pada 27 November 2014, Pelan Strategik 5 Tahun (2014 – 2020) telah dibentangkan oleh pengurusan PKB bagi mendapatkan kelulusan Lembaga Pengarah. Kedua-dua pelan strategik tersebut adalah berbeza kerana Pelan Strategik 2012 hingga 2015 dibuat secara dalaman manakala Pelan Strategik 5 Tahun (2014 – 2020) disediakan oleh pihak perunding. Setakat bulan November 2015, Pelan Strategik 5 Tahun (2014 – 2020) masih dalam peringkat perbincangan dan draf. Hal ini menyebabkan tiada penetapan hala tuju serta pengukuran sasaran aktiviti syarikat. **Pada pendapat Audit, PKB perlu menyediakan pelan strategik dengan segera supaya objektif dan hala tuju syarikat dapat dicapai seterusnya dapat meningkatkan prestasi syarikat.**

Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 10 Mac 2016

Pelan Strategik 5 tahun akan disiapkan dalam suku ke-2 tahun operasi PKB bagi tahun 2016.

24.5.3.4. *Key Performance Indicator* (KPI) / Petunjuk Prestasi Utama

Prinsip 1 - Mewujudkan peranan dan tanggungjawab yang jelas yang digariskan dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 menyatakan bahawa Lembaga Pengarah bertanggungjawab memantau prestasi syarikat dan memastikan terdapat langkah atau kaedah pemantauan. KPI yang meliputi pencapaian kewangan, operasi dan pentadbiran perlu diwujudkan sebagai salah satu cara untuk mengukur pencapaian dan prestasi syarikat. Semakan Audit mendapati PKB telah menyediakan elemen KPI yang ada terkandung dalam Pelan Strategik. Bagaimanapun, Pelan Strategik tersebut masih belum dimuktamadkan menyebabkan pengukuran KPI syarikat tidak dilaksanakan. **Pada pendapat Audit, Lembaga Pengarah perlu menyegerakan kelulusan terhadap pelan strategik dan jelas terhadap hala tuju PKB supaya PKB dapat melaksanakan KPI sebagai mekanisme pengukuran produktiviti syarikat secara keseluruhannya.**

Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 10 Mac 2016

PKB menyesuaikan operasi berdasarkan iklim ekonomi semasa. KPI ini akan disesuaikan dengan Pelan Strategik 5 tahun PKB yang akan siap pada suku ke-2 tahun operasi 2016.

24.5.3.5. Pengurusan Kewangan Syarikat

a. Pengurusan Pelaburan Simpanan Tetap

Perbadanan Kota Buku telah melaburkan sejumlah geran yang masih belum digunakan dalam simpanan tetap bagi menjana lain-lain hasil kepada syarikat bermula pada tahun 2012. Pada tahun 2014, sejumlah RM24.04 juta telah didepositkan dalam simpanan tetap di 2 institusi kewangan dan faedah pelaburan yang diterima pada tahun tersebut berjumlah RM0.69 juta. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 24.9
PELABURAN SIMPANAN TETAP DAN FAEDAH YANG DITERIMA
BAGI TAHUN 2012, 2013 DAN 2014

INSTITUSI KEWANGAN	NILAI PELABURAN (RM JUTA)			FAEDAH YANG DITERIMA (RM)		
	2012	2013	2014	2012	2013	2014
Kuwait Finance House	6.0	6.0	6.0	206,277	344,254	693,672
Bank Rakyat	-	4.0	4.0			
	-	1.0	10.0			
	-	-	2.02			
	-	-	2.02			
JUMLAH	**6.0**	**11.0**	**24.04**	**206,277**	**344,254**	**693,672**

Sumber : Penyata Kewangan PKB Yang Diaudit Tahun 2012, 2013 Dan 2014 Serta Sijil Deposit

i. Kelulusan Lembaga Pengarah Bagi Pelaburan Simpanan Tetap Pada Tahun 2014

Perkara 2.0 Prosedur Pelaburan Bahagian Kewangan menyatakan bahawa pihak pengurusan hendaklah mengemukakan kertas kerja cadangan pelaburan dan panel pelaburan kepada Jawatankuasa Kewangan Dan Audit untuk kelulusan dan seterusnya akan dibawa ke mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah bagi kelulusan. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat Lembaga Pengarah mendapati tiada bukti menunjukkan pelaburan dalam simpanan tetap pada tahun 2014 berjumlah RM24.04 juta (pelaburan tambahan dan sedia ada) di dua institusi kewangan telah dibentangkan oleh pengurusan PKB untuk mendapat kelulusan Lembaga Pengarah atau Jawatankuasa Kewangan Dan Audit. Hal ini menunjukkan pengurusan PKB telah melanggar tugas fidusiari dalam memberikan maklumat lengkap dan sempurna bagi Lembaga Pengarah membuat keputusan dan bertindak tanpa kelulusan Lembaga Pengarah.

Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 10 Mac 2016

Bagi pelaburan simpanan tetap yang akan datang, pihak pengurusan akan membawa kepada mesyuarat Lembaga Pengarah sebelum tindakan diambil.

ii. Senarai Pelaburan Tidak Diselenggara Dengan Sempurna

Perkara 3.0 Prosedur Perekodan Pelaburan Bahagian Kewangan menyatakan bahawa pihak pengurusan hendaklah menyediakan senarai pelaburan yang mengandungi maklumat seperti jenis pelaburan, tempoh pelaburan, jumlah pelaburan yang dicadangkan, pulangan yang dijangkakan atas pelaburan dan panel pelaburan bagi tujuan semakan dan penyeliaan. Adalah didapati, Bahagian Kewangan PKB tidak menyelenggara senarai pelaburan dengan sempurna dan maklumat berkaitan simpanan tetap seperti sijil pelaburan dan penyata simpanan tetap tidak difailkan dengan teratur.

Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 10 Mac 2016

Senarai pelaburan ada disediakan dan dibentangkan kepda Lembaga Pengarah setiap kali Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan. Bagaimanapun, maklumat yang dibentangkan tidak menepati kehendak Perkara 3.0 Prosedur Perekodan Pelaburan. Penyelenggaraan senarai pelaburan seperti Prosedur Perekodan Pelaburan sedang dikemas kini.

24.5.3.7. Pengurusan Aset

a. Pelupusan Aset

Perkara 15.0 Prosedur Pelupusan Harta Tetap menyatakan bahawa Pegawai Pentadbiran hendaklah mengemukakan cadangan pelupusan harta tetap kepada kakitangan/Lembaga Pemeriksa Harta bersama dengan alasan pelupusan dan cadangan tersebut perlu dikemukakan untuk kelulusan Lembaga Pengarah. Adalah didapati PKB telah melupuskan 21 buah Ipad dan 13 buah Iphone 5 bernilai RM37,326.16 sebagai hadiah pengunjung bertuah bagi Festival Sastera Kanak-Kanak 2014 dengan hanya mendapat kelulusan Ketua Pegawai Eksekutif dan dua orang pegawai kanan dan tiada kelulusan Lembaga Pengarah berkenaan pelupusan tersebut diperoleh.

Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 7 April 2016

PKB telah melupuskan 21 buah Ipad dan 13 buah Iphone 5 bernilai RM37,326.16 sebagai hadiah pengunjung bertuah bagi Festival Sastera Kanak-kanak 2014 dan cadangan telah di bawa ke dalam Laporan pembelian aset baru dan cadangan pelupusan aset dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah bil. 3/2014 bertarikh 19 Jun 2014. Tetapi ia tidak diminitkan secara terang dan jelas. Semua punca kuasa akan dipastikan diminitkan dengan lebih terang dan jelas.

Pada pendapat Audit, pengurusan PKB perlu memastikan setiap kelulusan pelupusan aset dibuat berdasarkan prosedur yang telah ditetapkan oleh syarikat.

24.6. SYOR AUDIT

Bagi memantapkan keupayaan dan tadbir urus organisasi serta memastikan penubuhan PKB mencapai objektifnya, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan terhadap perkara yang berikut:

24.6.1. Lembaga Pengarah PKB perlu memantau projek/aktiviti utama yang dilaksanakan dari semasa ke semasa dengan rapi bagi memastikan objektif penubuhan syarikat dapat dicapai;

24.6.2. Pengurusan PKB perlu memastikan setiap keputusan serta pelaksanaan aktiviti telah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah PKB; dan

24.6.3. Lembaga Pengarah serta pengurusan PKB perlu memastikan perancangan strategik jangka pendek dan jangka panjang syarikat dimuktamadkan bagi menentukan hala tuju syarikat ini.

KEMENTERIAN KEWANGAN

25. PENGURUSAN MULTIMEDIA DEVELOPMENT CORPORATION SDN. BHD.

25.1. LATAR BELAKANG

25.1.1. Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd. (MDeC) yang diperbadankan pada bulan Jun 1996 bermatlamat untuk menyediakan pelan utama pembangunan Koridor Raya Multimedia Malaysia (MSC Malaysia) serta mengawasi pelaksanaannya. MDeC mempunyai modal saham yang diterbitkan berjumlah RM620.48 juta iaitu 99.99% daripadanya dipegang oleh Kerajaan Persekutuan melalui Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) manakala bakinya 0.01% dimiliki oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

25.1.2. Peranan utama MDeC adalah untuk meningkatkan nilai MSC Malaysia secara keseluruhannya dari segi kemahiran tenaga pekerja, imbangan pembayaran, membantu meningkatkan keluaran negara kasar per kapita dan e-Perniagaan. Pada 19 Oktober 2011, MDeC telah diberi mandat untuk merealisasikan Program Transformasi Digital yang dikenali sebagai Digital Malaysia (DM) secara menyeluruh dalam aspek ekonomi. Berikutan daripada itu, MDeC telah diberi mandat oleh pihak Kerajaan melalui Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No. 2) (Pindaan) (No. 2) (Pindaan) 2014 untuk membangun, menyelaras dan menggalakkan ekonomi digital Malaysia, industri ICT dan penggunaan ICT yang meluas di Malaysia. Selain itu, MDeC telah diberi kuasa untuk melaksanakan 5 projek di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara/*National Key Economic Area* (NKEA) iaitu yang melibatkan Projek Penggerak Ekonomi/*Entry Point Project* (EPP) 2 – *Foreign Outsourcing Market*; EPP3 – *Malaysia As Data Centre*; *Sri-Upskilling and Upgrading Workforce for Business Services*; *Integrated Content Development Programme* (ICON) dan *Creative Industry Life-Long Learning Programme* (CILLP).

25.1.3. MDeC telah menerima peruntukan mengurus dan pembangunan daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM202.95 juta pada tahun 2012, RM229.67 juta pada tahun 2013, RM259.86 juta pada tahun 2014 dan RM269.20 juta pada tahun 2015. Peruntukan pembangunan yang diterima adalah untuk melaksanakan projek dan pemberian dana kepada industri untuk merealisasikan inisiatif-inisiatif MSC Malaysia, DM serta NKEA.

25.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada:

25.2.1. prestasi kewangan MDeC adalah memuaskan atau sebaliknya dan menentukan faktor yang menyumbang kepada prestasi tersebut;

25.2.2. pengurusan aktiviti utama MDeC telah dilaksanakan dengan teratur, berhemat dan mencapai objektif yang ditetapkan; dan

25.2.3. pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat MDeC adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

25.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek pengurusan kewangan, aktiviti utama dan tadbir urus korporat bagi tempoh tahun 2012 hingga 30 Oktober 2015. Analisis prestasi kewangan dijalankan berdasarkan kepada penyata kewangan tahun 2012, 2013 dan 2014 yang telah diaudit. Semakan terhadap dokumen dibuat di pejabat MDeC dan MKD.

25.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan meliputi semakan dokumen secara sampel; fail serta rekod; analisis data syarikat; testimoni melalui temu bual dan pemeriksaan fizikal terhadap aset dan kemudahan yang disediakan. *Exit Conference* bersama Ketua Pengerusi Eksekutif serta pegawai-pegawai kanan MDeC, Ketua Unit Audit Dalam Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM), wakil Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia dan MKD telah diadakan pada 15 Mac 2016.

25.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan terhadap aspek kewangan, aktiviti utama dan tadbir urus korporat bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 antara bulan Julai hingga Oktober 2015 mendapati pada umumnya, MDeC telah menjalankan aktiviti utamanya selaras dengan mandat yang diberikan. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan MDeC adalah memuaskan di mana MDeC telah berjaya mencatat keuntungan bersih sebelum cukai bagi tahun kewangan 2012, 2013 dan 2014 masing-masing sejumlah RM41.64 juta, RM58.62 juta dan RM28.33 juta. Namun begitu, margin keuntungan kasar menurun bagi tahun 2014 berbanding tahun sebelumnya iaitu daripada 6.4% kepada 4.2%. Sementara itu, prestasi dan pengurusan aktiviti; pengurusan tadbir urus serta pengurusan kewangan MDeC adalah pada tahap yang baik. Secara umumnya, MDeC telah berjaya mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dengan baik. Tambahan lagi, program MSC Malaysia, DM dan NKEA telah mencapai objektif yang ditetapkan. Namun, terdapat kelemahan yang telah dikenal pasti iaitu proses pra-permohonan untuk mendapat status MSC Malaysia sehingga penilaian ke atas penerimaan

permohonan dan dokumen sokongan telah mengambil masa yang lama iaitu sehingga 29 bulan.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta ulasan pihak MDeC adalah seperti perenggan berikut:

25.5.1. Prestasi Kewangan

25.5.1.1. Penyata Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi

a. Bagi tahun kewangan 2012, 2013 dan 2014, MDeC telah mencatatkan keuntungan selepas cukai masing-masing berjumlah RM37.88 juta, RM57.07 juta dan RM25.21 juta. Kedudukan prestasi kewangan MDeC bagi tempoh tahun kewangan 2012 hingga 2014 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 25.1
KEDUDUKAN PRESTASI KEWANGAN MDEC
BAGI TEMPOH TAHUN KEWANGAN 2012 HINGGA 2014

BUTIRAN	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
Pendapatan	210.12	208.08	234.93
Kos Perkhidmatan	(196.97)	(194.82)	(225.01)
Pendapatan Kasar	**13.15**	**13.26**	**9.92**
Margin Pendapatan Kasar (%)	**6.30**	**6.40**	**4.20**
Pendapatan Lain	19.23	18.40	18.67
Peruntukan Hutang Ragu Ke atas Pinjaman Kepada Subsidiari	(3.29)	-	-
Peruntukan Hutang Ragu Ke atas Jumlah Terhutang Daripada Subsidiari	(0.37)	-	-
Keuntungan Penjualan Pelaburan Lain	-	27.30	-
Pembalikan Dividen Belum Terima	(1.40)	-	-
Write-back Of Interest Expense	14.80	-	-
Perbelanjaan Faedah	(0.48)	(0.34)	(0.26)
Keuntungan Sebelum Cukai	**41.64**	**58.62**	**28.33**
Perbelanjaan Cukai	(3.76)	(1.55)	(3.12)
Keuntungan Bersih Semasa	**37.88**	**57.07**	**25.21**
Kerugian Terkumpul	**(399.53)**	**(342.47)**	**(317.25)**

Sumber : Penyata Kewangan MDeC Tahun 2012, 2013 Dan 2014 Yang Diaudit

b. Margin pendapatan kasar bagi 3 tahun berkenaan adalah pada kadar 6.3%, 6.4% dan 4.2%. Pengurangan margin pendapatan kasar pada tahun 2014 berbanding tahun 2013 disebabkan oleh peningkatan kos perkhidmatan khususnya perbelanjaan kakitangan berjumlah RM9.75 juta (15.7%) dan perbelanjaan projek RM18.94 juta (16.4%).

c. Selain daripada geran yang diterima daripada Kerajaan, MDeC turut mengutip sewaan daripada 4 fasiliti perkhidmatan iaitu sewaan inkubator, sewaan Pusat Animasi Dan Kandungan Digital MSC Malaysia (MAC3), perkhidmatan *rendering* serta rakaman audio MAC3 dan sewaan Pusat

Pembangunan *Knowledge Workers* (KDC). Berdasarkan penyata kewangan MDeC yang diaudit, hasil sewaan fasiliti ini adalah sejumlah RM942,477, RM360,666 dan RM205,197 bagi tahun 2012, 2013 dan 2014 masing-masing iaitu menurun sejumlah RM581,811 (61.7%) pada tahun 2013 dan RM155,469 (43.1%) pada tahun 2014 berbanding tahun sebelumnya. Trend penurunan hasil sewaan bagi 4 fasiliti ditunjukkan dalam carta berikut:

CARTA 25.1
HASIL SEWAAN BAGI EMPAT FASILITI YANG DISEDIAKAN OLEH MDEC



	Tahun 2012	Tahun 2013	Tahun 2014
Penyewaan Inkubator dan lain-lain caj incubator di MMU	402,254	845	0
Penyewaan MAC3	10,500	20,500	29,250
Perkhidmatan rendering dan rakaman audio MAC3	265,732	181,516	82,244
Penyewaan KDC	263,991	157,805	93,703

Sumber : Penyata Kewangan MDeC Tahun 2012, 2013 Dan 2014 Yang Diaudit

Antara punca utama penurunan drastik hasil sewaan adalah disebabkan oleh inkubator yang diuruskan oleh MDeC sebelum ini iaitu di Universiti Multimedia Malaysia (MMU) telah diserah sepenuhnya kepada MMU pada bulan Disember 2012. Selain itu, penurunan hasil sewaan perkhidmatan *rendering* dan rakaman audio MAC3 serta penyewaan KDC adalah kerana kebanyakan syarikat mampu menyediakan fasiliti tersebut. Bagaimanapun, hasil sewaan MAC3 meningkat dari tahun 2012 ke tahun 2014 kerana perkhidmatan ini masih diperlukan oleh syarikat kecil dan sederhana memandangkan ia memerlukan kos yang sangat tinggi kerana teknologi dan *software* yang diperlukan berubah dari semasa ke semasa.

d. Pihak Audit juga mendapati tiada dividen dibayar kepada pemegang saham bagi tahun 2012 dan 2013. Pihak MDeC telah memohon kepada MKD pada 24 Disember 2013 pengecualian pembayaran dividen tetapi sehingga tarikh pengauditan dijalankan, tiada maklum balas mengenainya. Antara sebab pengecualian dimohon adalah kekurangan peruntukan mengurus yang diperoleh daripada Kerajaan dan MDeC memerlukan dana untuk membayar balik hutang pinjaman dengan Bank Negara berjumlah RM100 juta berserta faedah 0.5% setahun. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati Lembaga Pengarah MDeC telah mengisytiharkan dividen sebanyak 10% berdasarkan

keuntungan tahun 2014, iaitu RM2.52 juta kepada pemegang saham dan telah dibayar pada 29 Jun 2015.

25.5.1.2. Analisis Nisbah

a. Butiran yang ditunjukkan pada penyata Kedudukan Kewangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2012 hingga 2014 digunakan untuk membuat analisis terhadap nisbah kewangan syarikat. Analisis Audit bagi nisbah kewangan MDeC tertumpu pada nisbah semasa yang mengukur keupayaan sesebuah entiti membayar hutang jangka pendek berdasarkan aset semasa yang dimilikinya. Hasil analisis adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 25.2
ANALISIS NISBAH SEMASA MDEC
BAGI TEMPOH TAHUN KEWANGAN 2012 HINGGA 2014

	TAHUN	ASET SEMASA (RM Juta) (a)	LIABILITI SEMASA (RM Juta) (b)	NISBAH SEMASA (a/b)
NISBAH SEMASA	2012	648.02	387.63	1.67 : 1
	2013	633.44	384.55	1.65 : 1
	2014	600.35	342.20	1.75 : 1

Aset semasa dalam tempoh satu tahun meliputi tunai, deposit di institusi kewangan, pelaburan dan deposit terhad. Manakala, liabiliti semasa meliputi geran Kerajaan, pinjaman daripada Bank Negara dan Kementerian Kewangan serta lain-lain pemiutang. Nisbah semasa syarikat menunjukkan syarikat mempunyai aset semasa berbanding liabiliti semasa sebanyak 1.67 kali ganda pada tahun 2012, menurun kepada 1.65 kali pada tahun 2013 dan menaik kepada 1.75 kali pada tahun 2014. Kadar ini menunjukkan MDeC berkemampuan untuk membayar balik hutang jangka pendek berdasarkan aset semasa yang dimilikinya.

Sumber : Penyata Kewangan 2012, 2013 Dan 2014 MDeC Yang Diaudit

25.5.1.3. Aliran Tunai

a. Prestasi aliran tunai MDeC bagi tempoh tahun kewangan 2012 hingga 2014 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 25.3
PENYATA ALIRAN TUNAI MDEC BAGI TEMPOH
TAHUN KEWANGAN 2012 HINGGA 2014

BUTIRAN	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
Aliran Tunai Masuk/(Keluar) Bersih Daripada Aktiviti Operasi	(5.21)	(29.69)	31.56
Aliran Tunai Masuk/(Keluar) Bersih Daripada Aktiviti Pelaburan	(1.05)	(381.60)*	7.40
Aliran Tunai Masuk/(Keluar) Bersih Daripada Aktiviti Pembiayaan	(25.68)	(30.68)	(17.68)
Tambahan/(Kurangan) Bersih Tunai Dan Bersamaan Tunai	**(31.94)**	**(441.97)**	**21.28**
Tunai Dan Bersamaan Tunai Pada Awal Tahun Kewangan	629.70	580.92*	138.95
Tunai Dan Bersamaan Tunai Pada Akhir Tahun Kewangan	**597.76**	**138.95**	**160.23**

Sumber: ***Penyata Kewangan 2012, 2013 Dan 2014 MDeC Yang Diaudit***
Nota: ***(*) - Amaun Dinyatakan Semula (Restated) Pada Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2014***

b. Secara keseluruhannya, aliran tunai MDeC adalah memuaskan bagi tempoh 3 tahun berkenaan. Pada akhir tahun kewangan 2012, 2013 dan 2014,

MDeC mempunyai tunai dan persamaan tunai berjumlah RM597.76 juta, RM138.95 juta dan RM160.23 juta masing-masing yang terdiri daripada baki tunai di tangan dan di bank serta deposit dengan institusi kewangan. Perubahan baki tunai MDeC yang ketara sejumlah RM458.81 juta (76.8%) dari tahun 2012 ke 2013 disumbangkan oleh defisit dalam aktiviti pelaburan yang disebabkan perubahan dalam polisi perakaunan pada tahun 2013. Manakala defisit pada tahun 2012 hingga 2014 bagi aktiviti pembiayaan adalah disebabkan pembayaran balik pinjaman dan faedah.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan MDeC bagi tahun kewangan 2012, 2013 dan 2014 berada pada tahap memuaskan. MDeC telah merekodkan peningkatan keuntungan yang baik pada tahun 2013 iaitu sebanyak 50.7%. Bagaimanapun, prestasinya menurun pada tahun 2014 sebanyak 55.8%. Nisbah semasa pula berada pada tahap yang baik dan MDeC berupaya beroperasi walaupun dengan hanya menggunakan peruntukan daripada Kerajaan. Walaupun berlaku penurunan aliran tunai yang ketara dari tahun 2012 ke tahun 2013, baki tunai dan persamaan tunai MDeC masih menunjukkan kedudukan yang positif bagi ketiga-tiga tahun.

25.5.2. Prestasi Aktiviti

Pada asasnya, MDeC bertanggungjawab untuk mempromosi, memasar dan membangunkan MSC Malaysia serta melaksanakan projek berkaitan ICT untuk Kerajaan. Oleh itu, satu kontrak telah dibuat dengan Kerajaan yang diwakili oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (bagi tahun 2008 hingga 2013) dan KKMM (bagi tahun 2014 dan ke atas). Berdasarkan kontrak tahunan yang dibuat, selain daripada peruntukan operasi, MDeC juga menerima peruntukan pembangunan bagi melaksanakan program MSC Malaysia, DM dan NKEA. Jumlah peruntukan dan perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2012 sehingga 2015 (setakat Jun 2015) adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 25.4
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN YANG DITERIMA BAGI TAHUN 2012 HINGGA BULAN JUN 2015

TAHUN	PROGRAM	MSC MALAYSIA		DIGITAL MALAYSIA		NKEA		JUMLAH (RM Juta)
		PROJEK	DANA KEPADA INDUSTRI	PROJEK	DANA KEPADA INDUSTRI	PROJEK	DANA KEPADA INDUSTRI	
	BIL. PROJEK/DANA	12	5	6	3	4	1	
2012 (RM Juta)	Peruntukan	31.76	59.79	10.90	26.60	22.76	10.00	**161.81**
	Perbelanjaan	31.76	61.89	10.90	24.60	22.76	10.00	**161.91**
	Perbelanjaan (%)	**100.00**	**103.50**	**100.0**	**92.50**	**100.00**	**100.00**	**100.10**
2013 (RM Juta)	Peruntukan	38.72	81.65	4.10	9.75	30.05	12.00	**176.27**
	Perbelanjaan	38.72	82.78	4.10	8.63	30.05	12.00	**176.28**
	Perbelanjaan (%)	**100.00**	**101.40**	**100.00**	**88.50**	**100.00**	**100.00**	**100.00**

TAHUN	PROGRAM	MSC MALAYSIA		DIGITAL MALAYSIA		NKEA		JUMLAH (RM Juta)
		PROJEK	DANA KEPADA INDUSTRI	PROJEK	DANA KEPADA INDUSTRI	PROJEK	DANA KEPADA INDUSTRI	
	BIL. PROJEK/DANA	12	5	6	3	4	1	
2014 (RM Juta)	Peruntukan	57.82	84.50	10.00	16.00	26.31	12.00	**206.63**
	Perbelanjaan	57.82	89.76	10.00	11.24	26.31	12.00	**207.13**
	Perbelanjaan (%)	**100.00**	**106.20**	**100.00**	**70.30**	**100.00**	**100.00**	**100.20**
2015 (RM Juta)	Peruntukan	82.44	80.00	9.50	17.00	26.80	2.20	**217.94**
	Perbelanjaan (setakat Jun 2015)	31.68	65.27	0.57	8.83	6.51	0.30	**113.16**
	Perbelanjaan (%)	**38.40**	**81.60**	**6.00**	**51.90**	**24.30**	**13.60**	**51.90**
JUMLAH (RM Juta)	Peruntukan	210.74	305.94	34.50	69.35	105.92	36.20	**762.65**
	Perbelanjaan	159.98	299.70	25.57	53.30	85.63	34.30	**658.48**
	Perbelanjaan (%)	**75.90**	**98.00**	**74.10**	**76.90**	**80.80**	**94.80**	**86.30**

Sumber : Dokumen Perjanjian antara Kerajaan Malaysia Dengan MDeC Tahun 2012, 2013, 2014 Dan 2015 Dan Rekod Perbelanjaan MDeC

25.5.2.1. Program MSC Malaysia

Program MSC Malaysia merupakan salah satu inisiatif nasional negara Malaysia yang direka bagi menarik syarikat teknologi bertaraf dunia serta membimbing industri ICT tempatan. Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM516.68 juta sepanjang tahun 2012 hingga 2015 yang terdiri daripada RM210.74 juta untuk 12 program di bawah peruntukan Projek dan RM305.94 juta untuk 5 program di bawah peruntukan Dana kepada Industri. MDeC telah membelanjakan 100% peruntukan Projek bagi tahun 2012, 2013 dan 2014. Manakala peruntukan Dana kepada Industri telah dibelanjakan 103.5%, 101.4% dan 106.2% bagi tahun 2012, 2013 dan 2014 masing-masing. Lebihan perbelanjaan Dana kepada Industri merupakan perbelanjaan dari program *High Impact* (HI) iaitu sejumlah RM2.10 juta, RM1.14 juta dan RM5.26 juta bagi tahun 2012, 2013 dan 2014 masing-masing. Lebihan perbelanjaan ini ditampung oleh hasil yang dijana oleh MDeC.

25.5.2.2. Program Digital Malaysia

Digital Malaysia (DM) merupakan program kebangsaan yang mencetuskan ekosistem digital melalui penggunaan ICT secara menyeluruh di dalam semua aspek ekonomi bagi menghubungkan masyarakat global dan membolehkan mereka berinteraksi pada masa sebenar dan seterusnya meningkatkan Pendapatan Negara Kasar, produktiviti dan memperbaiki taraf kehidupan. Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM103.85 juta sepanjang tahun 2012 hingga 2015 yang terdiri daripada RM34.50 juta untuk 6 program di bawah peruntukan Projek dan RM69.35 juta untuk 3 program di bawah peruntukan Dana kepada Industri. MDeC telah membelanjakan 100% peruntukan Projek bagi tahun 2012, 2013 dan 2014. Manakala peruntukan Dana kepada Industri

telah dibelanjakan 92.5%, 88.5% dan 70.3% bagi tahun 2012, 2013 dan 2014 masing-masing. Lebihan peruntukan yang tidak dibelanjakan merupakan peruntukan di bawah Program EPP1 - *Asian E-Fulfillment Hub*.

25.5.2.3. Program *National Key Economic Area* (NKEA)

MDeC turut memainkan peranan dalam pencapaian sasaran NKEA. Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2015, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM142.12 juta yang terdiri daripada RM105.92 juta untuk 4 program di bawah peruntukan Projek dan RM36.20 juta untuk satu program di bawah peruntukan Dana kepada Industri. Pihak Audit mendapati MDeC telah membelanjakan kesemua peruntukan yang diterima bagi tahun 2012 hingga 2014 untuk program di bawah NKEA.

25.5.2.4. Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama MDeC

MDeC telah menetapkan Petunjuk Prestasi Utama/*Key Performance Indicator* (KPI) bagi tempoh tahun 2012 hingga 2015 berdasarkan kepada 6 elemen utama. Antaranya ialah *digital economy subsector growth and development index*, *community digital adoption and usage index, digital economy adoption and ecosystem enhancement index, quality of customer service index, utilization and governance index* dan *employee engagement index.* Semakan Audit mendapati pada umumnya, MDeC telah berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan pada tahun 2012 sehingga 2014 pada tahap 94.5%, 97.5% dan 95% masing-masing. Setakat suku tahun pertama tahun 2015, MDeC telah mencapai 83% daripada sasaran KPI yang ditetapkan. Butiran KPI yang tidak tercapai bagi tahun 2012 adalah jumlah pusat data (organisasi) yang telah diperakui dan diberikan sijil, dan peratus pencapaian penglibatan pekerja. Bagi tahun 2013 pula, butiran KPI yang tidak tercapai adalah peratus pelaksanaan pelan tindakan penglibatan pekerja, manakala bagi tahun 2014 pula adalah peratus penyelesaian terhadap penemuan Audit. Antara pencapaian utama KPI bagi tahun 2014 adalah:

a. sebanyak 229 syarikat baru telah mendapat status MSC Malaysia dengan jumlah pelaburan bernilai RM2.93 juta dan 14,029 pekerjaan diwujudkan dalam tempoh 3 tahun;

b. pembiayaan kewangan bernilai RM171.04 juta telah diberi;

c. syarikat perusahaan kecil dan sederhana telah merekodkan sejumlah RM1.86 juta nilai transaksi digital; dan

d. pendapatan dari komuniti B40 bernilai RM8.3 juta.

Pada pendapat Audit, prestasi aktiviti MDeC telah mencatat prestasi yang baik. Berdasarkan Laporan Tahunan MDeC 2014, program MSC Malaysia

antara penyumbang peningkatan pendapatan kepada RM38.52 bilion iaitu peningkatan 11% dari tahun 2013. Program ini juga telah menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar sejumlah RM13.77 bilion pada tahun 2014 iaitu peningkatan 14% dari tahun 2013. Seterusnya jualan eksport turut meningkat dengan 11% pada tahun 2014 iaitu RM13.73 bilion. Pelaburan baru bagi tahun 2014 mencatat sejumlah RM20.09 bilion dan bilangan pekerja meningkat 7% pada tahun 2014 kepada 9,497 pekerjaan. Selain itu, secara amnya MDeC telah mencapai KPI yang ditetapkan di mana dapat disimpulkan bahawa prestasi MDeC adalah baik secara menyeluruh.

25.5.3. Pengurusan Aktiviti

25.5.3.1. Status MSC Malaysia

a. Status MSC Malaysia adalah pengiktirafan yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia melalui MDeC kepada syarikat yang menyertai dan mengusahakan aktiviti ICT dalam MSC Malaysia. Syarikat yang mempunyai status MSC Malaysia akan menikmati satu set insentif dan manfaat yang disokong oleh Bil Jaminan (Bill of Guarantees - BoGs) Kerajaan Malaysia. Status MSC Malaysia diberikan kepada 3 jenis entiti (Syarikat Sendirian Berhad, Institusi Pengajian Tinggi dan Inkubator) yang kriteria permohonan dan garis panduannya berbeza. Semakan Audit mendapati sejak tahun 1997 hingga 2015, sebanyak 3,778 syarikat telah diluluskan status MSC Malaysia. Daripada bilangan tersebut 2,815 (74.5%) syarikat masih aktif dan menjalankan aktiviti berkaitan dengan ICT. Manakala bakinya sebanyak 963 (25.5%) syarikat tidak dapat mengekalkan statusnya disebabkan 65 syarikat menutup operasi, 160 syarikat dorman, 5 syarikat bergabung, 189 syarikat batal status, 391 syarikat serah kembali sijil dan sebanyak 153 tidak dapat dihubungi.

Pada pendapat Audit, prestasi aktiviti status MSC Malaysia adalah memuaskan kerana 2,815 (74.5%) syarikat masih aktif dan menjalankan aktiviti berkaitan ICT.

b. Syarikat yang berminat boleh memohon status MSC Malaysia melalui *online* (pra-permohonan) yang disediakan oleh MDeC. Seterusnya pegawai MDeC akan menilai terlebih dahulu bagi menentukan aktiviti syarikat berkenaan mematuhi kehendak operasi MSC Malaysia. Syarikat yang diterima dalam pra-permohonan akan diminta mengisi borang permohonan, mengemukakan dokumen sokongan, pelan perniagaan, dokumen pendaftaran perniagaan dan membayar wang proses sejumlah RM2,000. Permohonan ini akan

dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pra-Kelulusan yang dianggotai oleh pegawai dari agensi seperti Kementerian Kewangan Malaysia, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), KKMM dan MDeC. Seterusnya, permohonan akan dipanjangkan kepada Menteri Kewangan dan MITI untuk mendapat kelulusan dan pemberian Sijil Status MSC Malaysia. Semakan telah dijalankan ke atas 51 fail pemohon dari tahun 2012 hingga 2015 dan mendapati perkara yang berikut:

i. MDeC menetapkan supaya pemohon mengemukakan dokumen yang lengkap dalam tempoh 30 hari dari tarikh permohonan. Sekiranya tiada maklum balas dalam tempoh 90 hari, status permohonan akan bertukar kepada tidak aktif. Pemohon perlu memohon untuk diaktifkan semula jika telah bersedia meneruskan permohonannya. Berdasarkan semakan dari peringkat pra-permohonan sehingga peringkat permohonan lengkap diterima, didapati 4 fail diproses kurang 1 bulan, 14 fail diproses antara 1 hingga 3 bulan, 15 fail diproses antara 3 hingga 6 bulan, 7 fail diproses antara 6 hingga 12 bulan, 6 fail diproses lebih 12 bulan dan 5 fail tidak dapat dipastikan kerana maklumat tidak lengkap. Hasil semakan tersebut mendapati tempoh maksimum yang diambil untuk memproses penilaian adalah sehingga 29 bulan. Maklumat lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 25.5
TEMPOH MASA DARI PERINGKAT PRA-PERMOHONAN
STATUS MSC MALAYSIA KEPADA PRA-PERMOHONAN LENGKAP DITERIMA

TEMPOH	BILANGAN FAIL	NO. RUJUKAN FAIL YANG TERLIBAT
< 1 bulan	4	CS/3/7889, CS/3/7483, CS/3/8052, CS/3/8200
1 - 3 bulan	14	CS/3/7705, CS/3/6284, CS/3/7690, CS/3/7612, CS/3/7755, CS/3/7847, CS/3/8071, CS/3/8249, CS/3/8216, CS/3/8552, CS/3/8078, CS/3/8604, CS/3/8640, CS/3/8887
3 - 6 bulan	15	CS/3/7423, CS/3/7693, CS/3/7907, CS/3/8192, CS/3/8286, CS/3/8261, CS/3/8636, CS/3/8299, CS/3/8745, CS/3/8809, CS/3/8956, CS/3/8940, CS/3/8859, CS/3/9093, CS/3/9085
6 - 12 bulan	7	CS/3/7564, CS/3/8083, CS/3/8312, CS/ 3/7898, CS/3/7629, CS/3/8622, CS/3/8674
> 12 bulan	6	CS/3/7121, CS/3/7106, CS/3/6452, KWD-4/126, CS/3/7675, CS/3/6903
Tidak dapat dipastikan	5	CS/3/7138, KWD-4/147, MSC-INC/137/44, CS/3/8408, KWD-4/160

Pada pendapat Audit, tempoh proses dari pra permohonan sehingga syarikat diminta untuk mengisi borang permohonan dan mengemukakan dokumen sokongan telah mengambil masa terlalu lama iaitu melebihi 12 bulan bagi 6 pemohon dengan tempoh maksimum adalah 29 bulan.

Maklum Balas MDeC Yang Diterima Pada 18 Mac 2016

Status MSC Malaysia terbuka kepada semua syarikat ICT dan tertakluk kepada aktiviti yang diluluskan oleh pihak Kerajaan. Permohonan bermula dengan syarikat mengemukakan cadangan ringkas aktiviti perniagaan di mana pihak MDeC akan memberi maklum balas terhadap permohonan tersebut, sama ada aktiviti perniagaan adalah sejajar dengan aktiviti yang diluluskan seperti di atas. Syarikat yang berjaya seterusnya akan mengemukakan pelan perniagaan dan pelan kewangan terperinci untuk proses penilaian di peringkat MDeC. Pada peringkat ini, pihak MDeC dan syarikat tersebut akan berbincang berkenaan dengan butiran permohonan yang mungkin memerlukan penambahbaikan cadangan. Jangka masa yang akan diambil oleh syarikat untuk memberikan permohonan lengkap bergantung sepenuhnya kepada syarikat tersebut. Oleh itu, tempoh masa ini adalah di luar kawalan pihak MDeC.

Bagaimanapun, sebagai langkah penambahbaikan, tempoh bagi memproses kelulusan permohonan syarikat untuk mendapatkan status MSC Malaysia telah ditetapkan selama 90 hari, di mana permohonan akan ditukar menjadi tidak aktif jika melebihi tempoh 90 hari dan tiada maklum balas atau maklumat mengenai permohonan lengkap diterima dari pihak syarikat. Jika ada permintaan untuk mengaktifkan semula permohonan itu oleh pelanggan, kes tersebut dibuka semula dan bermulalah masa 90 hari yang baru.

25.5.3.2. Program MSC Malaysia

Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2015, MDeC telah melaksanakan 17 program MSC Malaysia. Semakan Audit telah dijalankan ke atas Program Pemupukan PKS Peringkat Pre-Tier hingga Tier 4, Dana Pusat Animasi dan Kandungan Digital MSC Malaysia (MAC3 Fund), Dana untuk *Bumiputera Content Industry Initiative* (BCi2), Dana untuk Penyelidikan dan Pembangunan (MGS)/Pembangunan dan Pengkomersialan Produk (PCF), Dana untuk Projek Berimpak Tinggi (High Impact) serta Dana Insentif Khusus bagi Penggalakan Pelaburan MSC Malaysia.

a. Program Pemupukan PKS Peringkat Pre-Tier hingga Tier 4 bertujuan menyediakan akses pasaran dan pembangunan kapasiti syarikat perusahaan kecil dan sederhana untuk meningkatkan keberkesanan dan capaian industri ICT sebagai peneraju daya saing negara. Di bawah program ini, 5 projek telah disemak dan pihak Audit mendapati pengurusan proses perolehan sehingga pembayaran bagi projek tersebut telah dijalankan dengan baik.

b. Dana Pusat Animasi dan Kandungan Digital MSC Malaysia (MAC3) serta Dana untuk *Bumiputera Content Industry Initiative* (BCi2) - MAC3 bertujuan menawarkan bantuan kewangan untuk syarikat tempatan yang mempunyai rakan produksi dari luar negara terlibat dalam aktiviti membangunkan dan menghasilkan bahan animasi, visual efek dan *game*. Berbeza dengan dana MAC3, BCi2 hanya ditawarkan kepada syarikat Bumiputera dengan hasrat

usahawan Bumiputera dapat dibangunkan. Pengauditan terhadap 6 projek di bawah dana ini dari proses permohonan sehingga pengagihan dana kepada penerima mendapati pembayaran telah dibuat berdasarkan *milestone* yang ditetapkan dalam kontrak perjanjian. Pihak MDeC turut membuat penilaian ke atas pencapaian setiap *milestone* sebelum pembayaran diluluskan.

c. Dana untuk Penyelidikan dan Pembangunan (MGS)/Pembangunan dan Pengkomersialan Produk (PCF) bertujuan memberi bantuan kewangan kepada syarikat berstatus MSC Malaysia untuk menggalakkan aktiviti penyelidikan, memangkinkan usaha pembangunan dan pengkomersialan produk yang inovatif, berdaya saing serta mengikut keperluan pasaran. Pengauditan telah dijalankan ke atas 2 projek di bawah dana ini dari proses permohonan sehingga pengagihan dana kepada penerima. Pihak Audit mendapati kedua-dua projek yang disemak mencapai tujuan asal dana ini dan pengurusan projek dilaksanakan dengan baik.

d. Dana untuk Projek Berimpak Tinggi (High Impact Project*)* adalah salah satu strategi Kerajaan untuk membangunkan industri *Shared Services and Outsourcing* dan *Creative Multimedia Content* dari segi peluang pekerjaan, nilai pelaburan langsung, nilai eksport langsung dan pendapatan cukai langsung. Pengauditan telah dijalankan ke atas 2 projek di bawah dana ini dari proses permohonan sehingga pengagihan dana kepada penerima. Semakan Audit mendapati kedua-dua projek ini telah berjaya mencapai KPI yang ditetapkan dalam perjanjian. Penilaian turut dilaksanakan oleh pihak MDeC sebelum pembayaran diluluskan kepada penerima dana mengikut *milestone* yang ditetapkan. Antara KPI yang telah dicapai melalui projek ini adalah 1,826 pekerja mahir telah diwujudkan, pelaburan terkumpul RM3.015 bilion telah dihasilkan dan perbelanjaan aktiviti latihan dan peningkatan kemahiran tenaga manusia dalam bidang kejuruteraan *high end* IT dan kewangan berjumlah RM6 juta telah dilaksanakan.

e. Dana Insentif Khusus bagi Penggalakan Pelaburan MSC Malaysia ataupun *Customised Incentive* (CI) merupakan galakan istimewa melalui pengecualian cukai atau bantuan kewangan untuk mempromosi pelaburan baru atau pelaburan semula syarikat berstatus MSC Malaysia. Objektifnya adalah untuk membantu syarikat tempatan menembusi pasaran antarabangsa, menarik minat syarikat multinasional melabur dalam aktiviti yang mempunyai nilai tambah tinggi di Malaysia dan pemangkin kadar pembangunan produk dan perkhidmatan syarikat multinasional Malaysia kepada pelanggan dari dalam dan luar negeri. Pengauditan telah dijalankan ke atas 2 projek di bawah dana ini dari proses permohonan sehingga pengagihan dana kepada penerima. Pihak Audit mendapati pengurusan permohonan sehingga pembayaran bagi 2 projek yang disemak adalah baik.

Secara keseluruhannya, keberkesanan projek di bawah program MSC Malaysia adalah baik iaitu *milestone* yang ditetapkan dalam kontrak telah dipatuhi oleh penerima dana serta pencapaian *milestone* ini telah dipantau oleh MDeC secara berterusan.

25.5.3.3. Program Digital Malaysia (DM)

Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2015, sebanyak 9 program DM telah dilaksanakan oleh MDeC. Semakan Audit telah dijalankan ke atas Program EPP4 – *Facilitating Society Upliftment* (FSU) dan Program EPP7 – *Grow Embedded System Industry*.

a. FSU merupakan program untuk membangunkan sistem pangkalan data komuniti dan perkhidmatan negeri berpusat. Sistem ini bertujuan menangani masalah serta membantu keperluan pelbagai agensi Persekutuan dan Negeri dalam meningkatkan impak program sosial yang dilaksanakan untuk masyarakat dan memastikan program yang dilaksanakan mencapai sasaran yang betul serta berkesan. Sejak tahun 2012 hingga 2015, program ini telah dilaksanakan di Negeri Pahang, Terengganu, Perlis, Perak dan Johor. Jumlah dana yang diperuntukkan untuk kelima-lima negeri adalah RM15.6 juta. Sehingga bulan September 2015, semua program FSU telah selesai dilaksanakan dan dibelanjakan sepenuhnya kecuali program di FSU di Negeri Johor yang baru dimulakan pada bulan Jun 2015. Jawatankuasa Pemandu Projek FSU telah ditubuhkan di setiap negeri yang bertujuan untuk menyelaras, melaksana, memantau, membincang, melapor dan meluluskan tuntutan bayaran. Pihak Audit mendapati program ini dijalankan dengan berkesan dan cekap. Semua laporan kemajuan program ini telah dibentangkan dan dibincangkan dalam mesyuarat jawatankuasa sebelum kelulusan bayaran dibuat di peringkat MDeC.

b. Dana bagi Projek EPP7 – *Grow Embedded System Industry* adalah skim geran padanan yang bertujuan merangsang pertumbuhan industri sistem terangkum (embedded system) di Malaysia. *Embedded system* merupakan kombinasi perisian dan peralatan komputer, sama ada dengan keupayaan tetap atau mampu diprogram yang direka khusus untuk sesuatu fungsi. Skim ini menyediakan dana untuk penciptaan produk *embedded system* sehingga ke peringkat pra-pengkomersialan. Pengauditan telah dijalankan ke atas dua projek di bawah dana ini dari proses permohonan sehingga pengagihan dana kepada penerima. Semakan Audit mendapati kedua-dua projek ini berjaya disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dalam perjanjian. Pencapaian projek juga telah dinilai oleh pihak ketiga yang mempunyai kepakaran dalam bidang ini yang dilantik oleh MDeC dan mereka turut berpuas hati dengan pencapaian projek seperti yang dinyatakan dalam *Technical Assessor's Quarterly Project Progress Report.*

Pada pendapat Audit, keberkesanan projek di bawah program DM adalah baik iaitu KPI projek telah dicapai dan dilaksanakan mengikut kontrak.

25.5.3.4. Program *National Key Economic Area* (NKEA)

Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2015, MDeC telah melaksanakan sebanyak 5 program NKEA. Semakan Audit telah dijalankan ke atas Projek *Sri-Upskilling and Upgrading Workforce for Business Services* dan Dana *Creative Industry Life-Long Learning Programme* (CILLP).

a. Projek *Sri-Upskilling and Upgrading Workforce for Business Service* – Program MSC Malaysia MyProCert merupakan program utama di bawah projek ini. Program ini berasaskan insentif kewangan untuk profesional yang ingin mendapatkan pensijilan profesional antarabangsa dalam industri ICT. Insentif kewangan akan dibayar balik kepada individu-individu yang mengambil bahagian apabila lulus peperiksaan pensijilan. Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2015, sejumlah RM21.76 juta telah dibelanjakan untuk projek ini. Semakan Audit telah dibuat ke atas proses permohonan sehingga pembayaran dan mendapati kawalan dalaman bagi proses ini adalah baik. Permohonan akan ditolak sekiranya dokumen sokongan tidak mencukupi. Pihak Audit berpendapat program seperti ini perlu diteruskan bagi tujuan meningkatkan kemahiran tenaga kerja sedia ada merangkumi bidang perangkaian, keselamatan dan pengurusan projek.

b. Dana CILLP bertujuan untuk menangani kekurangan dalam keperluan tenaga kerja dalam pembangunan industri kreatif. Program ini akan menggalakkan pembentukan pengetahuan dan kecekapan yang lebih berkesan untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran kreatif dan teknologi semasa. Proses melaksanakan program ini bermula dengan *due diligence*, penilaian oleh jawatankuasa penilai, diluluskan dalam jawatankuasa pemandu CILLP, pengeluaran surat tawaran kepada pemohon yang berjaya dan akhir sekali pembayaran kepada penerima dana mengikut syarat yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap 25 sampel dengan jumlah dana RM5.21 juta mendapati pengurusan permohonan sehingga pembayaran adalah mematuhi *Funding Framework* yang telah ditetapkan. Program ini telah memberi manfaat kepada penerima dana, malah beberapa pencapaian telah diperolehi oleh penerima dana. Antaranya adalah cerita pendek "*On the Streets of London*" oleh salah seorang penerima dana telah memenangi Anugerah Emas Cerita Terbaik, Anugerah Filem Terbaik Antarabangsa, Arahan Terbaik, Lakonan Terbaik, Sinematografi Terbaik dan Suntingan Terbaik; penerima dana untuk kursus *Advanced Music Production* telah menjawat jawatan *Multimedia Specialist* di Taman Tema Legoland; penerima dana *Scholastic Award* telah menerima *Theater Manager Award* daripada *Australian High Commission* dan lain-lain.

Pada pendapat Audit, projek di bawah program NKEA telah dilaksanakan mengikut kontrak dan *funding framework* yang telah ditetapkan dan keberkesanan program adalah baik.

25.5.4. Tadbir Urus Korporat

25.5.4.1. Ahli Lembaga Pengarah

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Syarikat antaranya adalah menentukan dasar dan operasi syarikat serta memastikan pengurusannya dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan. Lembaga Pengarah juga perlu membuat penilaian terhadap prestasi kewangan syarikat dengan mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun. *The Green Book: Enhancing Board Effectiveness* menyarankan Ahli Lembaga Pengarah digalakkan bertemu untuk mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 6 hingga 8 kali setahun. Selain itu, bilangan Ahli Lembaga Pengarah di syarikat berkaitan mestilah tidak melebihi daripada 10 orang dan ahlinya mestilah tidak lebih dari dua orang pengarah eksekutif dan sekurang-kurangnya satu per tiga Ahli Lembaga Pengarah adalah bebas. Semakan Audit mendapati Mesyuarat Lembaga Pengarah MDeC diadakan seperti yang ditetapkan. Bilangan keahlian Lembaga Pengarah MDeC adalah seramai 9, 10, dan 8 orang bagi tahun 2012, 2013 dan 2014 masing-masing sebagaimana ditetapkan iaitu tidak melebihi 10 orang.

25.5.4.2. Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit ditubuhkan bagi syarikat Kerajaan bertujuan untuk meningkatkan lagi kawalan terhadap syarikat. Jawatankuasa ini bertanggungjawab memantau integriti penyata kewangan syarikat termasuk laporan kewangan lain, mengkaji perubahan polisi akaun, tatacara perakaunan, standard perakaunan dan membuat penjelasan pendedahan penyata kewangan syarikat. Jawatankuasa ini perlu bermesyuarat sekali dalam tempoh 3 bulan atau 4 kali setahun serta salah seorang anggotanya perlu mempunyai pengetahuan dan pengalaman di dalam urusan pengauditan dan perakaunan. Keahlian minimum adalah seramai 3 orang dan dua orang ahli mestilah terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif manakala seorang lagi ahli terdiri daripada orang luar iaitu bukan pengarah serta bukan dari pengurusan syarikat. Semakan Audit mendapati sepanjang tempoh tahun 2012 hingga 2014, Jawatankuasa Audit telah bermesyuarat mengikut kekerapan yang ditetapkan. Perkara yang dibincangkan adalah penemuan Juruaudit Luar, penemuan Juruaudit Dalam, menyemak dan meluluskan rancangan tahunan Audit Dalam, menyemak dan menilai keberkesanan prosedur, kewangan serta pengurusan maklumat dan sistem pelaporan MDeC. Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 sebanyak 633 tajuk pengauditan telah dirancang, manakala sebanyak 672 pengauditan termasuk pengauditan secara *ad-hoc* telah dikeluarkan laporan audit oleh Bahagian Audit Dalam MDeC.

25.5.4.3. Jawatankuasa Ganjaran Dan Pencalonan

Ahli Jawatankuasa Ganjaran dan Pencalonan dilantik oleh Lembaga Pengarah. Jawatankuasa ini hendaklah diwakili sekurang-kurangnya 5 orang di kalangan Lembaga Pengarah dan bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun. Antara fungsinya adalah mewujudkan keperluan kepakaran minimum untuk Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif dalam melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 seramai 5 orang ahli Lembaga Pengarah dilantik dan bilangan mesyuarat diadakan seperti yang telah ditetapkan.

Pada pendapat Audit, pengurusan tadbir urus korporat MDeC berada pada tahap yang baik.

25.5.5. Pengurusan Kewangan

25.5.5.1. Pengurusan Baucar Bayaran

Garis Panduan dan Prosedur (SOP) Pembayaran MDeC, Bahagian A4.1 antara lain menyatakan kesemua pembayaran mestilah dibuat menggunakan cek, e-pembayaran (e-payment) atau *Telegraphic Transfer*. Mesyuarat Lembaga Pengarah MDeC telah menetapkan bahawa pembayaran hendaklah diluluskan oleh 2 pegawai tertentu daripada kumpulan tertentu bagi jumlah baucar yang kurang daripada RM10,000, jumlah baucar antara RM10,000 hingga RM1 juta dan jumlah baucar melebihi RM1 juta. Selain itu, pembayaran hendaklah dibuat dalam tempoh 10 hari dari tarikh penerimaan dokumen lengkap di Bahagian Kewangan. Semakan Audit telah dijalankan ke atas 319 baucar bayaran mendapati pembayaran telah dibuat dalam tempoh 10 hari dari tarikh penerimaan dokumen lengkap di Bahagian Kewangan. Selain itu, semua pembayaran dibuat berdasarkan dokumen yang lengkap dan diluluskan oleh pihak yang telah diberi kuasa.

25.5.5.2. Pengurusan Aset Syarikat

Berdasarkan prosedur dalaman mengenai perolehan dan pengurusan aset MDeC, semua aset termasuk aset projek yang dibeli menggunakan peruntukan Rancangan Malaysia perlu didaftarkan di dalam Daftar Utama Aset dan akan diberikan nombor pendaftaran aset bagi memudahkan proses pengesanan. Berdasarkan daftar tersebut, 30 nombor pendaftaran aset telah dipilih untuk tujuan pemeriksaan fizikal. Hasil semakan Audit mendapati semua aset telah diuruskan seperti yang ditetapkan.

Secara keseluruhannya, pengurusan kewangan MDeC berada pada tahap yang baik.

25.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan aktiviti MDeC dijalankan dengan lebih teratur, adalah disyorkan supaya pihak pengurusan MDeC memastikan tempoh bagi meluluskan sesebuah syarikat untuk mendapat status MSC Malaysia dipecahkan kepada 2 peringkat iaitu sebelum dokumen yang lengkap diterima dan selepas dokumen lengkap diterima daripada pemohon. Pengasingan tempoh ini dapat memudahkan pihak pengurusan MDeC untuk mengenal pasti punca kelewatan yang wujud sekiranya ada.

KEMENTERIAN KEWANGAN

26. PENGURUSAN MALAYSIAN AGRIFOOD CORPORATION BERHAD

26.1. LATAR BELAKANG

26.1.1. Malaysian Agrifood Corporation Berhad (MAFC) dimiliki sepenuhnya oleh Khazanah Nasional Berhad dan telah ditubuhkan pada 22 Mac 2006 dengan modal dibenarkan berjumlah RM600 juta serta modal berbayar sejumlah RM430.50 juta. Objektif utama MAFC adalah untuk menggerakkan perniagaan rangkaian bekalan makanan di Malaysia dengan menggunakan teknologi dan sistem logistik yang moden serta amalan terbaik selaras dengan piawaian keselamatan makanan antarabangsa. MAFC juga membantu penyusunan semula untuk menjadikan sektor pertanian sebagai sektor yang moden, berdaya maju dan dinamik selaras dengan hasrat Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) bagi menjadikan sektor pertanian sebagai salah satu teras dalam pembangunan ekonomi negara. MAFC juga turut menitikberatkan keperluan untuk melindungi alam sekitar dalam sektor pertanian dengan cara melindungi sumber semula jadi dan mengoptimumkan penggunaan tanah, air dan tenaga.

26.1.2. Aktiviti utama MAFC adalah menghasilkan sayuran tanah tinggi yang segar dan selamat untuk dimakan dengan menggunakan kaedah perladangan dengan persekitaran yang terkawal (Controlled Environment Farms) di atas 2 bidang tanah di Cameron Highlands, iaitu di Lembah Bertam dan Tanah Rata. Produk yang dihasilkan dan dipasarkan dikenali dengan jenama **Lushious**. Di samping itu, MAFC juga menyediakan perkhidmatan bilik sejuk dan logistik melalui anak syarikatnya iaitu CCN Sdn. Bhd. di Puchong.

26.1.3. MAFC mempunyai 4 orang Ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Mohd. Rafik bin Shah Mohamad. Ahli Lembaga Pengarah yang lain adalah 2 orang wakil Khazanah Nasional Berhad dan Ketua Pegawai Eksekutif MAFC. Senarai lengkap Ahli Lembaga Pengarah adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 26.1
AHLI LEMBAGA PENGARAH

NAMA	JAWATAN	TARIKH LANTIKAN
YBhg. Dato' Mohd. Rafik bin Shah Mohamad	Pengerusi (Bukan Eksekutif)	29.05.2012
YBhg. Dato' Mohamad Hishammudin bin Hamdan	Pengarah	28.02.2012
En. Amran Hafiz bin Affifudin	Pengarah	18.02.2014
En. Harun bin Haji Johari	Pengarah	01.08.2010

Sumber : Fail Ahli Lembaga Pengarah

26.1.4. Pihak Pengurusan MAFC diketuai oleh En. Harun bin Hj. Johari sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO). Butiran lengkap pengurusan tertinggi MAFC adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 26.2
PENGURUSAN TERTINGGI MAFC

NAMA	JAWATAN
En. Harun bin Haji. Johari	Ketua Pegawai Eksekutif
En. Mohamed Zainurin bin Mohamed Zain	Pengarah Operasi & Pembangunan Perniagaan/ MAFC *Company Secretary*
Dr. Baharuddin bin Abdul Ghani	Ketua Jabatan Operasi Hortikultur
En. Lee Lian Eang	Ketua Jabatan Jualan Hortikultur
En. Azman Abu Rais Alnoah	Ketua Jabatan Pemasaran dan Perhubungan Awam
En. Muhamad Noridham bin Nordin	Ketua Jabatan Kualiti, Kesihatan, Sekuriti dan Keselamatan Persekitaran (QHSSE)
Pn. Tan Siew Chu	Ketua Jabatan Kewangan
En. Aliry bin Alias	Ketua Jabatan Pengurusan Akaun dan Perancangan Korporat
Pn. Maswati binti Shah Rudin	Ketua Jabatan Perolehan dan Pentadbiran
Pn. Lilik Harianti binti Saijan	Ketua Jabatan Pengurusan Permodalan Manusia

Sumber : Carta Organisasi MAFC

26.1.5. Sebagai sebuah syarikat milik penuh Khazanah Nasional Berhad yang merupakan syarikat milik penuh Kerajaan, MAFC perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965, *Memorandum and Articles of Association* (M&A) dan peraturan lain berkaitan dengan syarikat Kerajaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dari semasa ke semasa. Penyata Kewangan MAFC bagi tahun 2012, 2013 dan 2014 telah diaudit oleh Tetuan Ernst & Young.

26.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada:

26.2.1. prestasi kewangan syarikat adalah baik atau sebaliknya dan menentukan faktor yang menyumbang kepada prestasi tersebut;

26.2.2. pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan teratur dan berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan; dan

26.2.3. pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

26.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek pengurusan kewangan, tadbir urus korporat dan aktiviti utama MAFC bagi tempoh tahun 2012 hingga 2015. Analisis prestasi kewangan dijalankan berdasarkan kepada Penyata Kewangan bagi tahun 2012, 2013 dan 2014 yang telah diaudit. Semakan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan telah

dibuat di pejabat MAFC. Bagi prestasi aktiviti MAFC, pengauditan dijalankan terhadap proses perolehan dan pajakan tanah serta pengeluaran hasil tanaman.

26.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen, fail dan rekod berkaitan serta menganalisis data maklumat syarikat dan mengadakan perbincangan serta temubual dengan pegawai yang bertanggungjawab di MAFC dan Khazanah Nasional Berhad. Selain itu, pemeriksaan fizikal terhadap ladang MAFC di Cameron Highlands dan Lanchang turut dijalankan. Isu-isu yang ditemui telah dibincangkan dengan Ketua Pegawai Eksekutif MAFC, pegawai-pegawai kanan MAFC, wakil dari Kementerian Kewangan Malaysia, wakil dari Jabatan Peguam Negara dan wakil dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dalam *Exit Conference* pada 8 Februari 2016.

26.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan terhadap aspek kewangan, aktiviti utama dan tadbir urus korporat bagi tempoh tahun 2012 hingga 2015 antara bulan Julai hingga Oktober 2015 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan MAFC adalah kurang memuaskan. Syarikat telah mencatatkan kerugian terkumpul berjumlah RM447.84 juta pada tahun 2014 dan aliran tunai dari aktiviti operasi yang negatif bagi tempoh 3 tahun berturut-turut (2012 - 2014). Namun begitu, kerugian bersih selepas cukai telah berkurang pada tahun 2014 iaitu sejumlah RM1.45 juta menjadikan kerugian selepas cukai berjumlah RM18.49 juta. Secara umumnya, MAFC telah mematuhi peraturan yang telah ditetapkan berkenaan tadbir urus korporat bagi pelantikan Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif. Bagaimanapun terdapat beberapa aspek prestasi dan pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan yang perlu diberi perhatian seperti yang berikut:

i. bilangan pengedar/peruncit yang mengedarkan produk MAFC tidak meningkat sejak tahun 2012;

ii. *Collaboration Agreement on Highland Agriculture* dan *Research Collaboration Agreement* bagi pajakan tanah *Malaysian Agricultural Research and Development Institute* (MARDI) di Tanah Rata masih belum disediakan walaupun MOU telah ditandatangani pada tahun 2008 (7 tahun);

iii. pengurusan aktiviti di Lembah Bertam seperti yang berikut:

- tanah di Lembah Bertam seluas 195.3 hektar yang diperolehi dengan harga RM68.6 juta tidak digunakan secara optimum. Hanya 20 hektar (10.24%) telah diusahakan manakala baki tanah seluas 175.3 hektar (89.76%) masih terbiar;
- beberapa cerun di ladang Lembah Bertam tidak disenggara dengan sempurna dan terdedah kepada risiko tanah runtuh; dan

- status pencapaian peserta mengikut tahap bagi program *Agropreneur* tidak dapat ditentukan berbanding tempoh yang ditetapkan;

iv. kerja penanaman sayuran di beberapa plot di Lembah Bertam dan Tanah Rata mengalami kelewatan dan tidak mengikut *crop calendar*;

v. tiga bidang tanah pajakan di Lanchang tidak digunakan untuk sebarang aktiviti penanaman dan terbiar sehingga tarikh lawatan Audit; dan

vi. pengurusan rekod syarikat dan dokumen kewangan serta aset dan stor adalah kurang memuaskan.

Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan dan aktiviti MAFC serta ulasan MAFC adalah seperti perenggan berikut:

26.5.1. Prestasi Kewangan

26.5.1.1. Analisis Kewangan

a. Syarikat telah merekodkan kerugian bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 dengan kerugian terkumpul berjumlah RM447.84 juta pada tahun 2014. Pada tahun kewangan 2012, kerugian sebelum cukai adalah sejumlah RM114.84 juta. Kerugian sebelum cukai telah berkurang berjumlah RM1.45 juta pada tahun 2014 berbanding tahun 2013 menjadikan kerugian selepas cukai tahun 2014 berjumlah RM18.49 juta. Pengurangan yang ketara ini adalah disebabkan oleh perubahan ke atas polisi perakaunan syarikat berhubung penjejasan nilai aset.

b. Jumlah kerugian sebelum cukai yang tinggi pada tahun 2012 adalah disebabkan penjejasan nilai aset (impairment) syarikat iaitu hartanah, loji dan peralatan berjumlah RM48.54 juta, perisian berjumlah RM1.55 juta dan pelaburan berjumlah RM24.97 juta yang dikelaskan dalam lain-lain perbelanjaan. Faktor lain yang turut menyumbang kepada pengurangan kerugian sebelum cukai syarikat adalah pengurangan belanja susut nilai aset dan manfaat kakitangan. Manfaat kakitangan adalah terdiri daripada gaji dan upah, *social security costs, pension cost* dan *other staff related expenses*.

c. Kedudukan Pendapatan Dan Perbelanjaan serta Untung Rugi Syarikat bagi Tempoh Kewangan tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti jadual dan carta berikut:

JADUAL 26.3
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN SERTA UNTUNG RUGI MAFC
BAGI TAHUN KEWANGAN 2012, 2013 DAN 2014

BUTIRAN	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
Pendapatan	12.22	10.95	10.69
Perbelanjaan Operasi	(9.56)	(9.84)	(9.49)
Untung Kasar	2.66	1.11	1.20
Lain-lain Pendapatan	8.03	6.00	6.79

BUTIRAN	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
Manfaat Kakitangan	(14.06)	(10.19)	(7.52)
Susut nilai dan Pelunasan	(11.75)	(4.95)	(4.61)
Lain-lain Perbelanjaan	(90.29)	(8.63)	(11.35)
Belanja Faedah	(9.43)	(3.27)	(3.01)
Rugi Sebelum Cukai	(114.84)	(19.93)	(18.49)
Cukai	-	-	-
Kerugian Selepas Cukai	(114.84)	(19.93)	(18.49)

Sumber : Penyata Kewangan MAFC Tahun 2012, 2013 Dan 2014 Yang Diaudit

CARTA 26.1
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN SERTA UNTUNG RUGI MAFC
BAGI TAHUN KEWANGAN 2012, 2013 DAN 2014



Sumber : Penyata Kewangan MAFC Tahun 2012, 2013 Dan 2014 Yang Diaudit

d. MAFC telah mencatatkan keuntungan kasar sejumlah RM1.2 juta pada tahun 2014 berbanding RM1.11 juta pada tahun 2013 dan RM2.66 juta tahun 2012. Berdasarkan pengkelasan akaun pada tahun 2013, pendapatan dan kerugian kasar yang dinyatakan semula bagi tahun 2012 adalah RM11.94 juta dan (RM2.76 juta).

e. Analisis nisbah semasa; margin keuntungan bersih; nisbah pulangan ke atas aset dan nisbah pulangan ke atas ekuiti telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Penyata Pendapatan serta Penyata Kedudukan Kewangan MAFC bagi tahun kewangan 2012 hingga 2014. Hasil analisis yang telah dijalankan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 26.4
ANALISIS PENYATA PENDAPATAN SERTA PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN MAFC BAGI TAHUN KEWANGAN 2012 HINGGA 2014

	TAHUN	ASET SEMASA (RM Juta)	LIABILITI SEMASA (RM Juta)	NISBAH SEMASA
NISBAH SEMASA	2012	57.74	30.58	1.89 : 1
	2013	70.88	16.21	4.37 : 1
	2014	5.91	21.35	0.28 : 1
Kecairan MAFC meningkat pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 disebabkan oleh peningkatan dalam tunai dan baki di bank serta pengurangan pinjaman jangka pendek. Manakala pada tahun 2014 kecairan menurun akibat daripada pengurangan drastik dalam tunai dan baki di bank.				
MARGIN KEUNTUNGAN	TAHUN	RUGI SELEPAS CUKAI (RM Juta)	PENDAPATAN (RM Juta)	MARGIN KEUNTUNGAN BAGI SETIAP RM1.00 PENDAPATAN (RM)
	2012	(114.84)	12.22	(9.39)
	2013	(19.94)	10.95	(1.82)
	2014	(18.49)	10.69	(1.72)
Bagi setiap ringgit hasil pendapatan, MAFC telah mengalami kerugian berjumlah RM9.39 pada tahun 2012, kerugian ini menurun kepada RM1.82 pada tahun 2013 dan RM1.72 pada tahun 2014.				
NISBAH PULANGAN KE ATAS ASET	TAHUN	RUGI SELEPAS CUKAI (RM Juta)	JUMLAH ASET (RM Juta)	NISBAH PULANGAN KE ATAS ASET (%)
	2012	(114.84)	155.70	(0.73)
	2013	(19.94)	164.31	(0.12)
	2014	(18.49)	153.31	(0.12)
MAFC tidak mencatatkan keuntungan sepanjang tahun 2012 hingga 2014, sehubungan itu tiada pulangan hasil bagi setiap ringgit aset yang digunakan.				
NISBAH PULANGAN KE ATAS EKUITI	TAHUN	RUGI SELEPAS CUKAI (RM Juta)	JUMLAH EKUITI (RM Juta)	NISBAH PULANGAN KE ATAS EKUITI (%)
	2012	(114.84)	21.09	(5.45)
	2013	(19.94)	41.16	(0.48)
	2014	(18.494)	129.05	(0.14)
Sepanjang tahun 2012 hingga 2014 MAFC tidak mencatat pulangan bagi setiap ringgit modal yang dilaburkan oleh pemegang saham.				

Sumber: Analisis Audit Berdasarkan Penyata Kewangan MAFC Tahun 2012, 2013 Dan 2014 Yang Diaudit

f. Penyata aliran tunai memberikan maklumat berkaitan keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada operasinya serta penggunaan untuk menampung perbelanjaan. Kedudukan aliran tunai MAFC bagi tahun kewangan 2012, 2013 dan 2014 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 26.5
PENYATA ALIRAN TUNAI MAFC
BAGI TAHUN KEWANGAN 2012, 2013 DAN 2014

BUTIRAN	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Operasi			
Rugi Sebelum Cukai	(114.84)	(19.94)	(18.49)
Pelarasan:			
Pelunasan (amotisation) aset tidak nyata	7.98	-	-

BUTIRAN	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
Susut nilai harta, loji dan peralatan	10.95	4.95	4.61
Untung atas pelupusan harta, loji dan peralatan	(0.02)	(0.01)	(0.12)
Harta, loji dan peralatan dihapus kira	0.01	-	-
(Reversal of)/Impairment loss trade receivables	0.33	(1.31)	0.22
Inventori dihapus kira	3.03	-	-
Kerugian kejejasan nilai atas harta, loji dan peralatan	48.54	-	-
Kerugian kejejasan nilai atas aset tidak nyata	1.55	-	-
Unrealised loss/(gain) on forex	(0.21)	-	-
Kerugian kejejasan nilai atas pelaburan dalam subsidiari	24.97	-	-
Unwinding of discount on provision for dismantling	(0.22)	0.20	0.22
Belanja faedah	9.65	3.07	2.79
Pendapatan faedah	(1.91)	(1.96)	(1.86)
Kerugian Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja	**(17.37)**	**(15.00)**	**(12.63)**
Peningkatan dalam inventori	(0.68)	(0.16)	(0.35)
(Peningkatan)/penurunan dalam penghutang	1.60	(2.82)	2.43
Peningkatan/(penurunan) dalam pemiutang	(1.05)	0.00*	(0.68)
Tunai Bersih Aktiviti Operasi	**(17.50)**	**(17.97)**	**(11.24)**
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pelaburan			
Pembelian harta, loji dan peralatan	(1.24)	(0.42)	(0.44)
Pembelian aset tidak nyata	(0.91)	-	-
Pelupusan harta, loji dan peralatan	0.09	0.01	0.12
Faedah diterima	0.02	0.17	0.10
Tunai Bersih Aktiviti Pelaburan	**(2.04)**	**(0.23)**	**(0.22)**
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pembiayaan			
Terbitan saham biasa	8.00	-	-
Terbitan RCPCPS	17.00	40.00	-
Pembayaran sewa beli dan pajakan	(0.09)	(0.07)	(0.04)
Faedah dibayar	(1.76)	(0.33)	(0.64)
Movement in intercompany balances	-	-	(0.59)
Tunai Bersih/(Digunakan) Aktiviti Pembiayaan	**23.15**	**39.61**	**(1.27)**
Peningkatan/(Penurunan) Bersih Tunai	**3.61**	**21.40**	**(12.73)**
Tunai Pada Awal Tahun	**(23.95)**	**(20.34)**	**1.06**
Tunai Pada Akhir Tahun	**20.34**	**1.06**	**(11.66)**

Sumber : ***Penyata Kewangan MAFC Tahun 2012, 2013 Dan 2014 Yang Diaudit***
Nota : ***(*) - RM3,130***

g. Analisis terhadap Penyata Aliran Tunai syarikat mendapati berlaku peningkatan aliran tunai daripada aktiviti operasi meskipun syarikat mengalami kerugian bagi tempoh tiga tahun berturut-turut dengan peningkatan yang ketara sebanyak 37.45% pada tahun 2014 berbanding tahun 2013. Bagaimanapun, trend peningkatan aliran tunai dari operasi ini tidak disokong oleh aliran tunai daripada aktiviti pelaburan dan pembiayaan. Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan mengalami penurunan yang ketara iaitu sebanyak 111.27% pada tahun 2013 berbanding 2012 dan peningkatan

sebanyak 4.35% pada tahun 2014. Manakala aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan mengalami peningkatan sebanyak 100% pada tahun 2013 sebelum menurun sebanyak 103% pada tahun 2014. Penurunan ini adalah disebabkan pada tahun 2012 dan 2013 syarikat menerima suntikan dana dalam bentuk terbitan saham biasa dan saham *Redeemable Convertible Participating Cumulative Preference Shares* (RCPCPS).

Maklum Balas MAFC Yang Diterima Pada 5 April 2016

MAFC telah mengalami kerugian terkumpul berjumlah RM447.84 juta pada tahun 2014 terutama pada tahun-tahun awal penubuhan MAFC adalah disebabkan faktor kos operasi perladangan yang tinggi dan permintaan rendah dari pengguna. MAFC ditubuhkan dengan visi untuk mentransformasi operasi pengedaran dan perladangan sayuran dan buah-buahan di Malaysia yang halal, berkualiti tinggi dan bebas dari bahan kimia di mana inisiatif transformasi ini memerlukan kos yang tinggi merangkumi operasi berikut:

i. ***Upstream - Penerapan pertanian moden CEF (Controlled Environment Farming) dan memenuhi piawaian yang ditetapkan seperti MyGAP (Malaysian Good Agricultural Practices).***

ii. ***Midstream - Integriti di dalam operasi CPPC (Collection, Processing and Packaging Centre) dengan khidmat Halalan Cold Chain Logistics.***

iii. ***Downstream - Pembungkusan, penjenamaan dan promosi secara komersial dengan menekankan sudut kualiti sayuran yang bebas dari bahan kimia merbahaya dan selamat untuk dimakan.***

Di samping kos operasi yang tinggi, jualan MAFC tidak dapat mencapai sasaran awal penubuhan disebabkan oleh:

i. ***Permintaan pasaran tempatan untuk sayur berkualiti tinggi dan bebas dari bahan kimia adalah rendah kerana pengguna lebih berminat kepada harga sayur yang lebih murah.***

ii. ***Penutupan ladang betik iaitu Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan di Lanchang yang disebabkan oleh serangan penyakit serius.***

Jika analisa terperinci dibuat, tahap kerugian selepas operasi sebenarnya berkurangan dari kerugian tanpa kejejasan nilai aset (assets impairment) RM34.8 juta kepada RM19.9 juta bagi tahun 2013 dan RM18.5 juta bagi 2014. MAFC menganggarkan dapat mencapai keuntungan RM2 juta setahun dengan kolaborasi perniagaan bersama rakan strategik pada tahun 2016 dan berikutnya.

26.5.2. Prestasi Dan Pengurusan Aktiviti

26.5.2.1. Prestasi Aktiviti

MAFC telah memasarkan produk Lushious seperti salad, tomato, cili, mentimun dan kacang buncis seperti **Gambar 26.1** ke beberapa peruncit dan pengedar seperti Aeon Big, Cold Storage, Giant dan Mydin. Produk Lushious juga dipasarkan melalui pengedar dan juga terus kepada perkhidmatan penyajian seperti A&W. Selain itu, produk Lushious juga berjaya dipasarkan ke Singapura dan negara Timur Jauh (Hong Kong). Namun begitu, tiada peningkatan ketara sejak tahun 2012 dalam bilangan peruncit/pengedar yang mengedarkan produk. Bilangan peruncit dan pengedar produk Lushious bagi tahun 2012 hingga 2015 adalah seperti jadual berikut:

GAMBAR 26.1

Produk Lushious

JADUAL 26.6
BILANGAN PERUNCIT DAN PENGEDAR PRODUK LUSHIOUS SERTA NILAI JUALAN BAGI TAHUN 2012 HINGGA NOVEMBER 2015

TAHUN	BIL. PERUNCIT/PENGEDAR	JUMLAH JUALAN (RM Juta)
2012	16	7.94
2013	12	7.90
2014	13	9.10
2015 (November)	13	9.83

Sumber : Laporan Pemasaran MAFC

JADUAL 26.7
SENARAI PERUNCIT DAN PENGEDAR PRODUK LUSHIOUS

PERUNCIT/PENGEDAR	2012 (RM)	2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (Setakat November) (RM)
TEMPATAN (Peruncit Langsung)				
Aeon Big (M) Sdn. Bhd.	2,628,964	2,183,954	2,927,739	3,230,240
Cold Storage	632,968	589,673	528,802	839,291
Mercato	20,894	-	-	-
Giant	2,436,970	2,691,624	2,376,587	2,294,435

PERUNCIT/PENGEDAR	2012 (RM)	2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (Setakat November) (RM)
Mydin	602,973	712,409	1,137,066	1,268,890
New Haier Trading	9,949	60,451	66,459	52,733
TS Universal	-	-	93,807	171,533
Eu Yan Sang	4,162	-	-	-
TEMPATAN (Peruncit Tidak Langsung)				
Agri Village	998,953	1,299,856	1,497,920	1,573,738
U-Fresh Marketing	39,850	55,945	87,736	78,577
Khaisen Trading	10,425	-	-	-
TEMPATAN (Pengedaran)				
Best Fresh	44,680	85,555	106,599	142,632
I.H. Loong Enterprise	11,948	21,193	26,921	28,452
TEMPATAN (Penyajian Makanan)				
A&W (M) Sdn. Bhd.	-	-	-	6,745
Cosmo Restaurant	718,665	578,000	468,647	-
SINGAPURA				
SFI	306,369	-	-	-
Food Harvest	3,323	166,150	151,187	136,831
TIMUR JAUH				
Pick & Pack Ltd.	78,850	23,824	84,264	8,298

Sumber : Laporan Pemasaran MAFC

Pada pendapat Audit, penjualan produk Lushious telah berjaya menembusi pasaran dalam dan luar negara. Namun begitu, kempen kesedaran terhadap produk Lushious dan usaha untuk memperluaskan pasaran serta meningkatkan bilangan pasaraya perlu dipergiatkan.

Maklum Balas MAFC Yang Diterima Pada 17 Mac 2016

Terdapat peningkatan dari sudut jualan dan pasaran produk Lushious berjumlah 2.13 juta pek pada tahun 2012 kepada 2.86 juta pek pada tahun 2013 dan seterusnya mencapai 3.01 juta pek pada tahun 2014. Berdasarkan statistik di atas, terdapat peningkatan terhadap produk berkualiti MAFC di pasaran walaupun jumlah peruncit dan pengedar dikekalkan. MAFC juga lebih fokus pada meningkatkan jualan melalui peruncit/pengedar yang sedia ada kerana potensi perkembangan perniagaan masih besar.

Bagi merealiasasikan perkara ini, MAFC telah melancarkan satu projek untuk Retail Market di mana projek ini berhasil meningkatkan pesanan jualan dan mendapatkan perniagaan baru dari 16 cawangan syarikat Giant, Cold Storage, AEON Big dan Mydin. Dalam masa yang sama, MAFC sedang dalam perbincangan dengan peruncit/pengedar baru yang berpotensi seperti dengan syarikat Tesco, AEON dan Giant Singapura.

26.5.2.2. Pengurusan Aktiviti

a. Pajakan Tanah MARDI di Tanah Rata

MAFC juga menjalankan tanaman sayuran dengan menggunakan kaedah perladangan dengan persekitaran yang terkawal di tanah milik MARDI seluas 12.14 hektar yang merupakan sebahagian dari Tanah No. Siri 3397, Tempat Jalan dari Bandar ke Ayer Terjun, Mukim Tanah Rata. MARDI memberi kebenaran kepada MAFC untuk menggunakan tanah ini berdasarkan *Memorandum of Understanding* (MOU) yang ditandatangani pada 21 Mac 2008 di antara Ketua Pengarah MARDI dengan Pengarah MAFC. MOU berkenaan disediakan bagi membolehkan MARDI membenarkan MAFC memasuki kawasan yang dipajak sementara menunggu pelaksanaan *Collaboration Agreement on Highland Agriculture*. MOU ini akan terus berkuat kuasa sehingga pelaksanaan *Collaboration Agreement on Highland Agriculture* dan *Research Collaboration Agreement*, yang mana terkemudian atau pihak terlibat bersetuju secara bersama untuk menamatkan MOU ini. Semakan Audit mendapati selepas 7 tahun MOU ini ditandatangani, *Collaboration Agreement on Highland Agriculture* dan *Research Collaboration Agreement* berkenaan masih belum dilaksanakan dan penggunaan tanah berkenaan oleh MAFC hanya berdasarkan MOU. Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 6/2012-54 bertarikh 24 Oktober 2015 pernah mengambil maklum bahawa pihak MARDI berhasrat untuk menamatkan MOU berkenaan pada tahun 2012 untuk membolehkan tanah berkenaan digunakan untuk aktiviti lain.

Pada pendapat Audit, bagi menjamin pengeluaran hasil ladang yang berterusan dari tanah berkenaan, MAFC sewajarnya berunding dengan pihak MARDI agar kedua-dua perjanjian dilaksanakan dengan segera bagi menjamin penggunaan tanah berkenaan untuk jangka panjang.

Maklum Balas MAFC Yang Diterima Pada 26 Februari 2016

Pihak MAFC telah merujuk MOU tersebut kepada Peguam dan mendapati bahawa MOU tersebut adalah "legally binding" dan sah serta mencukupi sebagai ikatan perjanjian usaha sama untuk jangka masa panjang.

b. Tanah Di Lembah Bertam Tidak Digunakan Secara Optima

Semakan Audit mendapati tanah MAFC seluas 195.3 hektar di Lot 5586, Mukim Ulu Telom yang diperolehi dengan harga RM68.6 juta tidak digunakan sepenuhnya untuk penghasilan tanaman. Semasa pengauditan dijalankan didapati hanya tanah seluas 20 hektar telah dimajukan dan selebihnya masih terbiar. Butiran seperti jadual yang berikut:

JADUAL 26.8
KELUASAN TANAH DIGUNAKAN

LOKASI	PEMILIKAN (RM Juta)	KELUASAN (Hektar)	KELUASAN DIGUNAKAN (Hektar)	KELUASAN TIDAK DIGUNAKAN (Hektar)
Lembah Bertam	68.6	195.3	20 (10.24%)	175.3 (89.76%)

Sumber: Rekod Tanah MAFC

Hasil daripada perbincangan dengan pegawai MAFC, baki tanah yang belum diusahakan seluas 175.3 hektar itu hanya akan digunakan setelah mendapat permintaan pasaran terhadap produk Lushious dan pertambahan bilangan peruncit/pengedar untuk memasarkannya. Bagi meningkatkan prestasi jualan syarikat, aktiviti pemasaran perlu dipergiatkan dan diperluaskan. Setakat bulan November 2015 produk Lushious hanya berjaya dipasarkan kepada peruncit seperti jadual berikut:

JADUAL 26.9
PASARAN PRODUK LUSHIOUS

PERUNCIT LANGSUNG	PERUNCIT TIDAK LANGSUNG	LUAR NEGARA
Aeon Big (M) Sdn. Bhd.	Agri Village	Food Harvest
Cold Storage	U-Fresh Marketing	Pick and Pack LTD
Giant	Best Fresh	-
Mydin	I.H. Loong Enterprise	-
New Haier Trading	-	-
TS Universal	-	-

Sumber : Rekod Jualan MAFC

Kegagalan untuk menggunakan tanah tersebut secara optima telah menyebabkan syarikat tidak mendapat pulangan yang setimpal (economic return) dengan pelaburan yang dibuat bagi mendapatkan tanah berkenaan.

Pihak Audit berpendapat aktiviti pemasaran produk Lushious perlu dipergiatkan dan diperluaskan bagi meningkatkan permintaan dan seterusnya membolehkan penanaman dapat dilakukan di kawasan yang masih belum diusahakan.

Maklum Balas MAFC Yang Diterima Pada 26 Februari 2016

Jumlah pengeluaran produk MAFC adalah berdasarkan permintaan terhadap Lushious di mana peningkatan kepada permintaan Lushious adalah bergantung kepada perancangan dan keseimbangan di antara permintaan dan pengeluaran setelah mengambil kira jualan dan kos bagi mencapai objektif kewangan syarikat. Jika peningkatan pengeluaran dibuat secara drastik dan tidak selaras dengan permintaan pasaran, ianya akan menghasilkan lambakan dan kerugian kepada syarikat. MAFC akan berkembang secara progresif untuk memenuhi peningkatan

permintaan ke atas konsep sayur yang selamat dimakan. Perancangan untuk memperkembangkan keluasan kawasan pertanian melalui perjanjian perniagaan jangka panjang dengan pelanggan adalah salah satu dari strategi utama dalam perancangan tahun 2016. Dalam perancangan untuk tahun 2016 hingga 2020, MAFC menjangkakan peningkatan permintaan di mana pengeluaran dari perkembangan ladang sendiri atau dari contract sourcing

c. Perlindungan Cerun Di Ladang Lembah Bertam

Sebahagian besar plot-plot ladang MAFC terletak di kawasan bercerun yang agak curam. Langkah-langkah perlindungan cerun telah disediakan semasa penyediaan infrastruktur kawasan berkenaan. Setiap cerun mempunyai *berm drain* bagi membolehkan larian air permukaan mengalir secara teratur semasa hujan untuk mengelakkan kejadian tanah runtuh seperti **Gambar 26.2**. *Berm drain* berkenaan hendaklah disenggara secara berkala. Namun begitu, semasa pemeriksaan fizikal pada 9 September 2015 didapati *berm drain* di beberapa kawasan tidak disenggara dengan sempurna. Semakan Audit mendapati penyenggaraan secara berkala tidak dijalankan oleh MAFC. Selain itu, tiada pasukan khusus yang dipertanggungjawabkan untuk menyenggara cerun tersebut. Pada masa ini kerja penyenggaraan hanya dibuat secara *ad-hoc* oleh pekerja ladang dan *berm drain* berkenaan telah dilitupi dengan tanah dan rumput seperti **Gambar 26.3** dan **Gambar 26.4**. **MAFC sewajarnya menyediakan jadual penyenggaraan terhadap *berm drain* berkenaan bagi memastikan longkang sentiasa berada dalam keadaan bersih agar membolehkan larian air permukaan mengalir dengan lancar.**

GAMBAR 26.2



Berm Drain Untuk Perlindungan Cerun

GAMBAR 26.3

Ladang Di Lembah Bertam
- Cerun Tidak Disenggara
(09.09.2015)

GAMBAR 26.4

Ladang Di Lembah Bertam
- Cerun Tidak Disenggara
(19.10.2015)

Maklum Balas MAFC Yang Diterima Pada 26 Februari 2016

Satu syarikat konsultansi yang mempunyai kepakaran yang diperlukan telah dilantik pada 21 Oktober 2015 dengan disokong oleh pasukan MAFC. Syarikat konsultansi akan menyediakan jadual penyeliaan untuk pasukan MAFC menjalankan pemeriksaan berkala bagi tempoh setiap 6 bulan. Pada ketika ini, fokus adalah kepada pembaikan pada lokasi-lokasi tanah runtuh yang kritikal fasa pertama dan dijangka siap pada bulan Mac 2016. Pembaikan pada lain-lain lokasi akan dibuat secara berperingkat sehingga siap sepenuhnya sebelum akhir 2016.

Setakat ini tiada kejadian yang tidak diingini berlaku disebabkan oleh ketiadaan penyelenggaran berm drain. Berm drain berkenaan telah diselenggara seperti gambar-gambar berikut:

d. Penanaman Tidak Mengikut *Crop Calendar*

Perancangan yang teratur perlu disediakan bagi semua jenis tanaman bagi memastikan bekalan yang berterusan di pasaran. MAFC telah menyediakan *crop calendar* bagi setiap jenis tanaman yang bergantung kepada jangkaan permintaan oleh pasar raya yang menjadi peruncit produk Lushious.

Pengagihan plot untuk ditanam dengan pelbagai tanaman telah dibuat dengan teratur. Namun begitu, semasa semakan Audit ke plot-plot berkenaan didapati beberapa kerja penanaman di beberapa plot mengalami kelewatan dan tidak mengikuti perancangan seperti dalam *crop calendar*. Butiran lengkap mengenai kelewatan penanaman adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 26.10
KELEWATAN PENANAMAN MENGIKUT *CROP CALENDAR*

PLOT	TANAMAN	STATUS	KELEWATAN (Minggu)
BV31	Tomato	Penanaman	2
BV16C	Red Cherry Tomato	Penuaian	4
BV16B	Amorosso	Penanaman	4
MA02	Tomato	Penanaman	3

Sumber : Crop Calendar MAFC dan Lawatan Tapak

Berdasarkan semakan dan perbincangan dengan pegawai di ladang, pihak Audit dimaklumkan bahawa kelewatan berkenaan adalah disebabkan kelewatan dalam mendapatkan bekalan sabut kelapa (coco peat) yang merupakan bahan utama bagi penanaman sayuran dari pihak pembekal. Kegagalan untuk menanam tanaman mengikut perancangan seperti dalam *crop calendar* akan menyebabkan pihak MAFC melaksanakan *spot purchase* daripada pembekal yang disenaraikan di bawah *farm sourcing* bagi menampung kekurangan keluaran harian daripada ladang. Jumlah pembelian (kg) melalui *spot purchase* bagi tahun 2014 hingga Jun 2015 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 26.11
PEMBELIAN MELALUI *SPOT PURCHASE*

TAHUN	JUMLAH (KG)
2014	157,892.26
2015 (Jun)	42,335

Sumber: Analisis Audit

Pihak Audit mengesyorkan agar masalah kelewatan mendapatkan bekalan sabut kelapa diatasi dengan segera bagi mengelakkan kelewatan dalam penanaman dan kebergantungan syarikat kepada pelaksanaan *spot purchase*.

Maklum Balas MAFC Yang Diterima Pada 26 Februari 2016

Pihak MAFC bersetuju dengan cadangan Audit dan telah menyelesaikan semua permasalahan dan telah mengambil langkah-langkah pengawasan sejak bulan November 2015.

e. *Farm Sourcing*

Berdasarkan temubual dengan pegawai yang bertanggungjawab, *Farm Sourcing* adalah senarai pembekal yang dilantik oleh MAFC untuk membekalkan tanaman *highland* yang tidak ditanam oleh MAFC tetapi ia wujud dalam *Crop Calendar* serta tanaman yang bersifat *lowland* seperti sayuran berdaun yang tidak diusahakan oleh MAFC. Tanaman utama yang diperoleh daripada pembekal antaranya adalah kategori salad; *iceberg*; tomato; timun jepun; capsicum hijau, merah dan kuning serta terung.

i. Pangkalan Data *Farm Sourcing*

Satu pangkalan data mengenai maklumat pembekal di bawah *Farm Sourcing* perlu disediakan berdasarkan prosedur yang ditetapkan di bawah para B.1, Seksyen B, Polisi dan Prosedur *Sourcing Management*. Ini bagi memastikan keseragaman pemilihan pembekal yang telah dipilih berdasarkan kelayakan, mematuhi GAP serta keperluan keselamatan makanan yang ditetapkan oleh MAFC. Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2015, bilangan pembekal di bawah *Farm Sourcing* yang direkodkan dalam pangkalan data adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 26.13
BILANGAN PEMBEKAL DI BAWAH *FARM SOURCING*

TAHUN	BIL. PEMBEKAL
2012	52
2013	52
2014	52
2015 (September)	17

Sumber : Pangkalan Data Farm Sourcing MAFC

Semakan Audit mendapati bilangan pembekal yang aktif pada tahun 2015 telah menurun sebanyak 35 pembekal berbanding tahun 2012 hingga 2014. Kebanyakan pembekal berada di sekitar Cameron Highlands manakala terdapat satu pembekal berada di Simpang Renggam, Johor yang mengusahakan tanaman yang bersifat *lowland* seperti sayuran berdaun. Semakan lanjut Audit mendapati pangkalan data yang disediakan juga tidak memaparkan maklumat berhubung tempoh perjanjian yang berkuat kuasa. Pada pendapat Audit, maklumat berhubung tempoh perjanjian ini perlu dimasukkan ke dalam pangkalan data tersebut bagi membolehkan pemantauan terhadap pembekal dibuat oleh MAFC.

Maklum Balas MAFC Yang Diterima Pada 26 Februari 2016

Pangkalan Data untuk semua pembekal disimpan di dalam sistem Perakaunan Navision. Pemilihan pembekal untuk Farm Sourcing dilakukan oleh Jabatan Operasi di Cameron Highlands berdasarkan keperluan operasi.

Apabila terdapat sedikit kekurangan bekalan dari ladang MAFC, pembekal-pembekal ini akan dihubungi bagi memberikan sebut harga untuk pembelian secara adhoc.

Bilangan pembekal yang menurun pada tahun 2015 adalah disebabkan keperluan untuk memenuhi standard tinggi dari segi kualiti dan penggunaan bahan kimia yang dibenarkan di mana tidak ramai pembekal yang mampu memenuhi kriteria-kriteria ini. Tambahan pula, perubahan harga setiap hari juga menjadi faktor dalam penilaian pembelian.

f. Program *Agropreneur*

MAFC telah membangunkan satu program yang komprehensif iaitu program *Agropreneur* dengan objektif melahirkan 16 usahawan tani yang kompeten dalam mengendalikan kelompok pertanian moden di Cameron Highlands pada akhir tahun 2016. Program yang dijalankan ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan dalam Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Pertanian. Para peserta yang dipilih untuk menyertai program ini merupakan graduan dalam bidang pertanian dan akan ditawarkan dengan jawatan sebagai *farm supervisor/production supervisor* melalui satu surat yang ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAFC. Tempoh pelaksanaan program adalah selama dua tahun mulai Januari 2014 hingga Disember 2015. Setiap peserta perlu melalui tiga tahap iaitu asas (3 bulan), pertengahan (9 bulan) dan lanjutan (12 bulan) mulai Januari 2014 hingga Disember 2015 seperti **Gambar 26.5**. Setelah itu, kesemua peserta yang berjaya akan diiktiraf sebagai *master growers* dalam bidang penanaman sekaligus dapat memainkan peranan mereka sebagai pemangkin dalam industri pertanian moden di Malaysia.

GAMBAR 26.5
MAKLUMAT MENGENAI PROGRAM *AGROPRENEUR*

Sumber: Laman Sesawang MAFC

i. Pelaksanaan Program *Agropreneur*

Program *Agropreneur* perlu dilaksanakan dalam tempoh dua tahun mulai Januari tahun 2014 hingga Disember tahun 2015. Setiap peserta perlu melalui tiga tahap berkenaan mulai bulan Januari 2014 hingga bulan Disember 2015. Semakan Audit mendapati seramai 12 orang peserta sedang mengikuti program ini di mana tujuh daripada 12 peserta telah menyertai program ini mulai tahun 2009, seorang pada tahun 2010 dan baki empat orang pada tahun 2013. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan tahap pencapaian bagi setiap peserta kerana maklumat berhubung pencapaian tersebut tidak dikemukakan kepada pihak Audit semasa pengauditan dijalankan. Maklumat berhubung peserta program Agropreneur adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 26.14
SENARAI PESERTA PROGRAM *AGROPRENEUR*

NAMA	TARIKH PENYERTAAN
Yusman bin Saat	01.03.2009
Mohd Afizul bin Mohd Yusoff	15.10.2009
Kamariah binti Said	02.11.2009
Mohd Pardi bin Ahmad Norddin	02.11.2009
Hanif Nor bin Ahmad Radzi	02.11.2009
Norlida binti Sidek	02.11.2009
Nur Bayani binti Ariffin	15.10.2009
Muhammad Hatta bin Abdul Samat	12.07.2010
Nur Affah binti Ahmad Zubir	01.10.2013
Abdul Rahim bin Haidzir	01.10.2013
Muhammad Shafiq bin Saari	01.10.2013
Muhammad Azri	01.10.2013

Sumber : Surat Tawaran Oleh MAFC Kepada Peserta Program Agropreneur

Maklum Balas MAFC Yang Diterima Pada 26 Februari 2016

Tahap pencapaian peserta juga dapat dilihat dalam penilaian Performance Management System atau PMS. Di dalam masa yang sama, MAFC juga mengadakan ujian kepada peserta dengan markah pencapaian akan direkodkan bagi penilaian dalam PMS peserta.

Dengan mengikuti program Agroprenuer, peserta akan mendapat latihan dan pengalaman yang dapat memberikan mereka kepakaran sebagai penyelia pertanian. Terdapat juga peserta yang meletakkan jawatan dan berjaya menjadi usahawan yang berjaya dalam penanaman rock melon. Dalam masa yang sama 3 peserta yang meletakkan jawatan menjadi pegawai pertanian di beberapa organisasi.

Program agroprenuer adalah satu program jangka panjang yang memerlukan sokongan bagi memastikan kejayaan yang berkekalan. MAFC dalam proses penilaian PMS untuk peserta Agroprenuer. Penilaian sepenuhnya akan dihantar kepada pihak Audit pada 4 Mac 2016.

MAFC telah mengeluarkan lebih dari 10 juta pek Lushious ke pasaran di mana merupakan hasil tangan dan penglibatan peserta Program Agroprenuer.

ii. Pembiayaan Kepada Peserta Setelah Tamat Program

Satu temubual telah diadakan bersama sembilan daripada 12 peserta Program Agropreneur MAFC bagi mendapatkan maklumat berhubung tugas yang dijalankan serta pandangan mereka terhadap keberkesanan program ini. Secara keseluruhan, kesemua peserta berpendapat penglibatan mereka dalam program ini telah memberi pendedahan yang luas dalam bidang hortikultur terutama dari segi teknik dan pengurusan tanaman. Peserta juga telah dikhususkan dengan beberapa tanaman seperti **Gambar 26.6** dan secara tidak langsung mempunyai kepakaran terhadap tanaman tersebut. Kesemua peserta menunjukkan minat yang mendalam dalam bidang ini. Bagaimanapun, bagi membolehkan mereka terus kekal dalam bidang ini, pembiayaan dalam bentuk modal kewangan serta tanah amat diperlukan terutama selepas tamat tempoh program tersebut. Jika mendapat pembiayaan dan ditawarkan tanah untuk diusahakan, enam daripada sembilan peserta memilih Cameron Highlands sebagai lokasi penanaman seperti jadual berikut:

GAMBAR 26.6
SEBAHAGIAN PESERTA AGROPRENEUR DENGAN HASIL TANAMAN

Mohd Afizul Mohd Yusoff
Ladang Tanah Rata

Norlida Sidek
Ladang Tanah Rata

Mohammad Shafiq bin Saari
Ladang Lembah Bertam

Abdul Rahim Haidzir
Ladang Lembah Bertam

Sumber : Laporan Pencapaian Agropreneur MAFC

JADUAL 26.15
KEPERLUAN PEMBIAYAAN KEPADA PESERTA *AGROPRENEUR*

NAMA PESERTA	PENGKHUSUSAN TANAMAN	PEMBIAYAAN (KEWANGAN & TANAH)	LOKASI PENANAMAN
Mohd Afizul bin Mohd Yusoff	Tomato, Cili & Capsicum	Perlu	Kampung Sendiri
Kamariah binti Said	Green & Red Coral, Iceberg	Perlu	Cameron Highlands
Mohd Pardi bin Ahmad Norddin	Tomato, Cili & Kacang Buncis	Perlu	Cameron Highlands
Hanif Nor bin Ahmad Radzi	Tomato & Capsicum	Perlu	Cameron Highlands
Norlida binti Sidek	Salad, Cili & Tomato	Perlu	Kampung Sendiri
Nur Bayani binti Ariffin	Iceberg	Perlu	Kampung Sendiri
Muhammad Hatta bin Abdul Samat	Tomato	Perlu	Cameron Highlands
Nur Affah binti Ahmad Zubir	Tomato & Timun Jepun	Perlu	Cameron Highlands
Abdul Rahim bin Haidzir	Kacang Buncis	Perlu	Cameron Highlands

Sumber : Analisis Audit

Maklum Balas MAFC Yang Diterima Pada 26 Februari 2016

Kesemua peserta masih menjalani latihan dalam bentuk on-job-training bagi usaha untuk memantapkan pengalaman serta pengetahuan kesemua peserta sebelum peserta menjadi usahawan pertanian sepenuhnya dan mempunyai kepakaran untuk mengusahakan ladang sendiri. Pihak pengurusan juga telah berkongsi maklumat peserta bersama Agro Bank demi usaha untuk mendapatkan pembiayaan kewangan yang sesuai kepada peserta untuk menjadi usahawan pertanian sepenuhnya.

g. Pengurusan Stor Di Lembah Bertam

Stor ladang yang menyimpan inventori yang digunakan di ladang sepatutnya diuruskan dengan teratur. Rekod inventori di stor berkenaan sepatutnya menggunakan sistem Navision. Namun begitu semasa semakan dan pemeriksaan terhadap stor ladang di Lembah Bertam pada 10 September 2015 mendapati stor berkenaan masih belum menggunakan sistem Navision dalam pengurusan stor. Di samping itu didapati stor berkenaan tidak diuruskan dengan teratur dan antara kelemahannya adalah seperti yang berikut:

a) Penerimaan dan pengeluaran barang tidak direkodkan dengan sempurna di dalam buku rekod.

b) Borang permohonan pengeluaran barang tidak diisi dengan lengkap semasa penyelia ladang membuat permohonan pengeluaran barang.

c) Sebahagian barang-barang di dalam stor tidak disusun dengan teratur dan hanya diletakkan di atas lantai seperti **Gambar 26.7** dan **Gambar 26.8.**

GAMBAR 26.7

GAMBAR 26.8

Stor Di Lembah Bertam
- Barang Stor Tidak Disusun Dengan Teratur
(09.09.2015)

MAFC sewajarnya mempertingkatkan pengurusan stor di Ladang Lembah Bertam kerana stor berkenaan menyimpan banyak bahan-bahan berharga seperti baja, racun dan anak benih pokok.

Maklum Balas MAFC Yang Diterima Pada 26 Februari 2016

a. Penyelia Ladang dan kakitangan stor telah diberikan Refreshing Training berkenaan SOP Inventory Management bagi menegaskan perlunya merekod transaksi dan mengisi borang dengan lengkap. Pengemasan dan pembetulan rekod telah dilakukan sejak bulan Disember 2015.

b. Barang-barang di dalam stor MAFC mematuhi syarat-syarat Pengurusan Stor bagi sijil MyGAP. Namun pada ketika audit dijalankan, bahagian operasi dalam proses penimbangan dan pengagihan barang.

c. Sebelum waktu kerja tamat, semua barang-barang akan disusun dan diatur seperti syarat-syarat Pengurusan Stor MyGAP.

Langkah-langkah pembaikan telah diambil. Sistem Navision sudah digunakan semula bermula bulan Oktober 2015. MAFC akan menjalankan audit dalaman untuk memeriksa perlaksanaan cadangan audit dan langkah-langkah pembaikan.

Gambar stor selepas disusun dan diatur adalah seperti yang berikut:

h. Pajakan Tanah di Lanchang

Mulai tahun 2007, MAFC telah menyertai Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di Lanchang, Pahang. Sebagai peserta kepada projek

berkenaan, MAFC telah memajak 3 bidang tanah yang terletak dalam kawasan projek. Butiran bagi ketiga-tiga bidang tanah berkenaan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 26.16
PAJAKAN TANAH DI LANCHANG

LOKASI	KELUASAN TANAH (EKAR)	TARIKH PERJANJIAN	TEMPOH PAJAKAN (TAHUN)	PEMBERI PAJAKAN	KADAR SEWA (RM)	KEGUNAAN
Model Farm	98.8 ekar	2007	TM	Kerajaan Negeri Pahang	100/ekar/tahun	Tanaman betik dan nanas
CPPC	12.36 ekar	22.06.2009	30	Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pahang	1,000/ekar/tahun	Pusat pengumpulan, pemprosesan dan pembungkusan
Anggerik & Bunga Raya Farm	200 ekar	01.04.2011	30	Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pahang	100/ekar/tahun	Tanaman betik dan nanas

Sumber: ***Fail Tanah MAFC***
Nota: ***TM - Tiada Maklumat***

MAFC telah membina Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan (CPPC) di atas tanah-tanah berkenaan yang bernilai RM10 juta untuk bangunan, kerja-kerja mekanikal dan elektrikal serta RM3 juta lagi untuk mesin dan peralatan pengeluaran seperti yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah melalui mesyuarat Bil. 5/2008-17 pada 12 Jun 2008. Selain itu, MAFC juga telah membina kuarters pekerja dan pejabat-pejabat ladang. MAFC mula menanam dan memasarkan betik dengan jenama Paiola dan mula diperkenalkan kepada umum pada 13 Januari 2009 semasa Majlis Pelancaran Projek TKPM yang dirasmikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri di Lanchang serentak dengan pelancaran projek Betik Paiola : From Lanchang to London. Namun begitu, pada tahun 2010 projek ladang betik berkenaan mula diserang penyakit *Bacteria Die Back*. Penyakit berkenaan tidak dapat dikawal dan ladang betik berkenaan terpaksa ditutup pada tahun 2011.

Semakan Audit mendapati tanah di Lanchang tidak digunakan untuk sebarang aktiviti sejak tahun 2011 hingga ke tarikh pengauditan seperti dalam **Gambar 26.9** hingga **Gambar 26.12** Tanah telah terbiar dan menjadi belukar manakala CPPC serta peralatan di dalamnya juga tidak digunakan. Bagi memastikan setiap sumber yang diperolehi digunakan secara optima dan berterusan untuk menghasilkan pendapatan kepada syarikat dan seterusnya meningkatkan kedudukan kewangan syarikat.

GAMBAR 26.9

Ladang Di Lanchang
- Tanah Terbiar
(19.10.2015)

GAMBAR 26.10

CPPC Lanchang
- Ruang Kerja Pemprosesan Tidak Digunakan
(19.10.2015)

GAMBAR 26.11

CPPC Lanchang
- Mesin Tidak Digunakan
(19.10.2015)

GAMBAR 26.12

CPPC Lanchang
- Ruang Pejabat Tidak Digunakan
(19.10.2015)

Maklum Balas MAFC Yang Diterima Pada 26 Februari 2016

Gambar rajah di bawah adalah merupakan ringkasan aktiviti dari tahun 2006 hingga 2016 dan perancangan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh MAFC berkaitan dengan Lanchang.

Berdasarkan aktiviti di atas, MAFC telah berjaya membentuk kolaborasi bersama syarikat Anzeco Plantation dan M10 Plantation Sdn. Bhd. untuk projek tanaman nenas MD2 diatas tanah ladang 500 ekar di Lanchang dan projek pemprosesan durian beku dan pembungkusan nangka di CPPC Lanchang untuk pasaran export.

Perjanjian telah ditandatangani bersama Anzeco Plantation Sdn. Bhd. pada 16 Disember 2015 dan kerja-kerja awal dalam pembersihan tapak dan penyediaan benih sedang giat dijalankan dari bulan Januari 2016.

Manakala untuk CPPC Lanchang, syarikat M10 Plantation Sdn. Bhd. akan menyewa dan mengunapakai CPPC Lanchang bagi pemprosesan durian beku dan nangka khusus untuk pasaran expot. Kerja-kerja pemasangan peralatan dan mesin-mesin akan dibuat pada April 2016 bagi kerja tujuan export pada Julai 2016.

Kedua-dua projek kolaborasi di atas perlu mendapat kelulusan dari Kerajaan Negeri Pahang (UPEN).



26.5.2.3. Tadbir Urus Korporat

Pihak Audit mendapati pada umumnya MAFC telah mematuhi peraturan yang ditetapkan berkenaan tadbir urus korporat bagi pelantikan Pengerusi, Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif. Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan pengurusan syarikat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi memastikan objektif penubuhan syarikat dapat dicapai. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti yang berikut:

a. Mesyuarat Lembaga Pengarah

GLC Transformation Manual : The Green Book – Enhancing Board Effectiveness menyarankan kekerapan mengadakan mesyuarat Lembaga Pengarah secara purata antara 6 hingga 8 kali setahun serta berdasarkan keperluan persekitaran perniagaan syarikat. **Pihak Audit mendapati mesyuarat telah diadakan bagi tahun 2012 ialah sebanyak 7 kali, manakala mesyuarat bagi tahun 2013 telah diadakan sebanyak 5 kali dan bagi tahun 2014, mesyuarat diadakan sebanyak 2 kali. Mesyuarat Lembaga Pengarah disarankan diadakan dengan kerap bagi memastikan pengurusan syarikat berjalan dengan lancar dan teratur.** Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 26.17
KEKERAPAN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH

TAHUN	KEKERAPAN MESYUARAT DIADAKAN	KEKERAPAN SEKURANG-KURANGNYA 6 KALI SETAHUN
2012	7	Ya
2013	5	Tidak
2014	2	Tidak
2015	2	Tidak (Sehingga Tarikh Pengauditan)

Sumber: Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah

Maklum Balas MAFC Yang Diterima Pada 26 Februari 2016

MAFC telah mengambil maklum saranan untuk kekerapan mesyuarat lembaga pengarah bagi syarikat berstatus GLC

b. Unit Audit Dalam

Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012, Prinsip 6 : Mengenal dan Mengurus Risiko, menjelaskan bahawa Lembaga Pengarah perlu mewujudkan fungsi audit dalam yang melapor terus kepada Jawatankuasa Audit. Semakan Audit mendapati jawatan di Unit Audit Dalam MAFC tidak diisi sejak mulai bulan Jun 2014 hingga tarikh pengauditan dijalankan. **Pada pendapat Audit, fungsi Audit Dalam perlu dilaksanakan secara berterusan sebagai salah satu kaedah pemantauan dan kawalan dalaman syarikat.**

Maklum Balas MAFC Yang Diterima Pada 26 Februari 2016

Fungsi Audit Dalam akan diteruskan melalui keputusan dibuat oleh Lembaga Pengarah dimana unit audit dalaman MAFC diserapkan ke dalam syarikat Agrifood Resources Holdings Sdn. Bhd. (ARHSB) bermula bulan Januari 2016.

ARHSB sedang dalam proses pengambilan kakitangan audit dalaman. Pengurus Kanan Audit Dalaman ARHSB telah dilantik pada 1 Mac 2016.

c. Setiausaha Syarikat

Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012, Prinsip 1 : Mewujudkan Peranan Dan Tanggungjawab Yang Jelas, menyatakan Lembaga Pengarah perlu memastikan Setiausaha Syarikat yang dilantik perlu berkelayakan dan kompeten kerana peranan Setiausaha Syarikat adalah penting dalam sesebuah syarikat bagi memastikan dasar dan polisi Lembaga Pengarah dipatuhi.

Semakan Audit mendapati rekod-rekod berkaitan syarikat terutama yang perlu dihantar ke Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) antaranya Borang 49, Borang 48A, ekstrak resolusi Lembaga Pengarah (Borang 11) dan minit mesyuarat tidak dikemas kini daripada tahun 2012 hingga 2014.

Maklum Balas MAFC Yang Diterima Pada 26 Februari 2016

Pelantikan syarikat perunding bagi menyelesaikan masalah rekod dengan SSM telah dibuat pada 3 April 2015 selepas pelantikan En. Mohamed Zainurin Mohamed Zain sebagai Company Secretary. Semua rekod SSM syarikat telah dikemas kini pada bulan November 2015.

26.5.3 Pengurusan Kewangan Syarikat

Pekeliling Perbendaharaan Bil.12 Tahun 1993 menetapkan syarikat perlu mengawal dengan rapi kos operasi dan memperkemaskan peraturan berkaitan dengan perbelanjaan syarikat bagi tujuan mengurangkan kos operasi dan mengelakkan pembaziran. Perbandingan kos operasi perlu dibuat dengan syarikat swasta yang terlibat dalam aktiviti yang sama. Bagi syarikat yang terlibat dalam tanggungjawab sosial, pencapaian objektif dan implikasi kewangannya perlu diperjelaskan. Ini adalah perlu bagi mengimbangi pencapaian objektif. Semakan Audit mendapati berlaku beberapa kelemahan dalam pengurusan kewangan MAFC seperti yang berikut:

26.5.3.1. Pengurusan Perolehan

Sebanyak 9 sampel perolehan secara sebut harga bagi tahun 2012 hingga 2015 telah dipilih sebagai sampel Audit di MAFC. Hasil semakan Audit adalah seperti yang berikut:

a. Tiada Kertas Penilaian Pembekal Bagi Perolehan Secara Sebut Harga Oleh *Quotation Team*

Procurement Management Manual, OPM-FCS-0006 Para 3, menetapkan semua pembelian yang melebihi RM50,000 perlu diputuskan oleh *Quotation Team* yang terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga orang ahli iaitu masing-masing seorang dari wakil bahagian yang memesan pembelian, wakil bahagian perolehan dan wakil daripada bahagian kewangan. Para 4 menyatakan, pembelian di bawah RM50,000 akan diputuskan oleh Ketua Bahagian Perolehan. Semakan Audit mendapati tiada kertas cadangan oleh *Quotation Team* bagi perolehan perkhidmatan seperti jadual berikut:

JADUAL 26.18
PEROLEHAN SEBUT HARGA TIDAK MEMATUHI PROSEDUR DITETAPKAN

NO. PESANAN BELIAN/TARIKH	NO. BAUCAR/TARIKH	NAMA PEMBEKAL	AMAUN (RM)	PEROLEHAN PERKHIDMATAN
PO14000199 17.02.2014	PV14000994 10.09.2014	Dentsu Utama Sdn. Bhd.	63,600.00	*Media Advertisment Luchiuos Campaign (Media Cost)* - The Star & Sin Chew Daily
PO14001491 03.10.2014	PV14-001106 15.10.2014	Brand Consensus Sdn. Bhd.	70,587.60	*Seminar, Roadshow & Workshop (6 Roadshow)* - Oct. to Nov. 2014
	PV14-001197 07.11.2014			
	PV14-001327 16.12.2014			
PO14-001005 26.06.2014	PV14000777 14.07.2014	Mechanikos Sdn. Bhd.	117,000.00	*Multimedia Production - Luchiuos Facebook campaign for 6 month* (June to November 2014)
	PV14000866 12.08.2014			
	PV14000959 03.09.2014			
	PV14001198 07.11.2014			
	PV14001284 03.12.2014			
	PV15000105 11.02.2015			

Sumber : Baucar Bayaran MAFC

b. Dokumen Pesanan Belian Tidak Lengkap

Semakan Audit mendapati bagi 9 sampel pembelian sebut harga yang dipilih, ruangan tandatangan oleh *Head of Procurement* hanya ditandatangani ringkas oleh pegawai berkenaan tanpa menyatakan nama dan jawatan penandatangan. **Bagi mewujudkan kawalan dalaman yang lebih berkesan, pihak Audit mengesyorkan supaya nama dan jawatan penandatangan serta tarikh dinyatakan di dalam dokumen Pesanan Belian bagi mengelakkan risiko dokumen ditandatangani oleh pihak tidak bertanggungjawab dan dengan meletakkan nama pegawai yang menandatangani dokumen tersebut, ia akan memudahkan pihak lain mengetahui pegawai yang bertanggungjawab bagi perolehan tersebut.** Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 26.19
DOKUMEN PESANAN BELIAN TIDAK LENGKAP

NO. PESANAN BELIAN/TARIKH	NAMA PEMBEKAL	PERIHAL BEKALAN/ PERKHIDMATAN	AMAUN (RM)
PO13-000241 02.05.2013	Sky Engineering & Services	*Rewiring Work To MAFC Matering PA*	67,000.00
PO14-000199 17.02.2014	Dentsu Utama Sdn. Bhd.	*Media Advertisment Lushious Campaign*	63,600.00
PO14-000677 30.04.2014	Wink Touch Resources	*Instalation Of Laminated Hardwood Flooring and also Supplying and Installing All Type Of Carpet Tiless Loop Pile In The Office MAFC/CCN*	104,700.00
PO14-001005 26.06.2014	Mechanikos Sdn. Bhd.	*Multimedia Production- Luchiuos Facebook Campaign For 6 Month (June - November 2014)*	117,000.00
P014-001064 02.07.2014	Global Biz Synergy	*Repairing Genset And Supplying Backup Genset*	145,574.00
PO14-001167 24.07.2014	Galuku (M) Sdn. Bhd.	*Cocopeat Tomato Blend Requirement July To December 2014*	99,060.00

NO. PESANAN BELIAN/TARIKH	NAMA PEMBEKAL	PERIHAL BEKALAN/ PERKHIDMATAN	AMAUN (RM)
PO14-001491 3.10.2014	Brand Consensus Sdn. Bhd.	*Seminar, Roadshow & Workshop (6 Roadshow)*	70,587.60
PO14-001715 18.11.2014	Insfasfura Enterprise	*Worker Quarters Renovation*	85,600.00
PO14-001713 18.11.2014			32,000.00
P015-000468 19.06.2015	Lektrik Puncak Jaya	*Supply And Delivery Of Pump Control Panel Da Piston Water Pump C/W 3 Phase Induction Motor Ke Pejabat MAFC Bertam Valley Cameron Highland*	36,380.00

Sumber : Baucar Bayaran MAFC

Maklum Balas MAFC Yang Diterima Pada 26 Februari 2016

a. Kes yang dinyatakan berlaku pada tahun 2014 di bawah pengurusan perolehan lama. MAFC telah melakukan rombakan di dalam jabatan perolehan untuk memperbaiki pematuhan kepada SOP Ketua Jabatan perolehan yang baru telah dilantik pada bulan Mac 2015 dan telah memastikan pematuhan kepada SOP dan keperluan kertas cadangan perolehan mulai April 2015.

b. Jabatan Perolehan MAFC telah melaksanakan cadangan audit bermula dari bulan Disember 2015.

Adalah dimaklumkan, setelah pihak pengurusan melakukan penyemakan, tidak di dapati sebarang salah-laku atau penyalahgunaan berkaitan dengan kes ini.

26.5.3.2. Pengurusan Perbelanjaan

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan telah diluluskan dan dilakukan mengikut maksud yang ditentukan serta diperakaunkan dengan betul dan kemas kini, semakan Audit telah dijalankan terhadap beberapa aspek utama Kawalan Perbelanjaan, iaitu Had Kuasa Belanja dan Pengurusan Bayaran. Hasil semakan Audit adalah seperti yang berikut:

a. *Standard Operating Procedure* (SOP)

MAFC telah menyediakan prosedur kewangan yang jelas dan terperinci menerusi dokumen *Finance & Corporate Service* (OPM-FCS). OPM-FCS ini merangkumi *accounts payable, accounts receivable, fund management, general ledger* dan *credit management*. Para B.4.5(2.4) OPM-FCS-001 *vendor invoice payment* yang dikemas kini pada 1 Februari 2012 menyatakan kelulusan baucar bayaran dan tandatangan cek hendaklah mengikut LOA, manakala para B.1.5(5.2) OPM-FCS-003 *petty cash payment and reimbursement* menyatakan perlu mendapatkan kelulusan bagi baucar bayaran penambahan semula tunai runcit (reimbursement petty cash) dan cek berdasarkan LOA. Semakan Audit terhadap LOA yang dikeluarkan oleh MAFC bertarikh 22 Januari 2009 dan semakan semula pada 23 Jun 2011 mendapati tiada pegawai yang dinyatakan diberi kuasa untuk kelulusan

baucar bayaran, tandatangan cek dan kelulusan penambahan semula tunai runcit dan cek.

Maklum Balas MAFC Yang Diterima Pada 26 Februari 2016

Kelulusan bagi payment voucher adalah berdasarkan cheque signatories yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan bukan berdasarkan LOA. Standard operating Manual (SOP) bagi Para B.4.5 (2.4) OPM-FCS-001 dan Para B.1.5 (5.2) telah dipinda pada 16 Februari 2016 untuk merujuk kelulusan baucar bayaran kepada cheque signatories yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Adalah dimaklumkan, setelah pihak pengurusan melakukan penyemakan, tidak di dapati sebarang salah-laku atau penyalahgunaan berkaitan dengan kes ini.

b. Pengurusan Baucar Bayaran

Semakan Audit terhadap 40 baucar bayaran berjumlah RM741,369.88 bagi tempoh tahun 2012 hingga 2015 mendapati perkara seperti jadual berikut:

JADUAL 26.20
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN BAUCAR BAYARAN

BIL. BAUCAR	JUMLAH (RM)	PENEMUAN AUDIT	KESAN
26 (65%)	414,899.16	Tiada dicop tarikh terima.	Tanpa rekod tarikh terima bil atau invois, pihak pengurusan MAFC tidak dapat memantau keberkesanan proses bayaran yang diuruskan oleh bahagian yang terlibat dengan penyediaan memo bayaran dan bahagian kewangan.
22 (55%)	311,834.06	Tidak dicop "telah dibayar" atau kaedah lain bagi membatalkan dokumen berkenaan.	Perkara ini penting sebagai kawalan dalaman supaya dokumen berkenaan tidak digunakan semula untuk bayaran.
3 (7.5%)	71,607.88	Tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap seperti bil, invois, keterangan kerja dan lain-lain dokumen.	Tanpa dokumen sokongan yang lengkap, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada semua perbelanjaan berkenaan telah benar-benar dibuat.

Sumber : Baucar Bayaran MAFC

Maklum Balas MAFC Yang Diterima Pada 16 Mac 2016

a. Berkuatkuasa mulai dari 11 Februari 2016, MAFC telah melaksanakan perkara berikut:
   i. Setiap bil baucar akan di cop tarikh terima
   ii. Setiap bil baucar akan di cop telah bayar

b. Dokumen sokongan untuk 3 baucar bayaran telah dikemukakan pada 16 Mac 2016. Bagi PV13-00729 (Pek Ong), baucar bayaran disokong oleh Delivery Order (DO) di mana harga dan kuantiti dinyatakan di dalam DO.

c. Bermula dari tahun 2014, pihak MAFC telah menguatkuasakan keperluan untuk pembekal menghantar inbois bersertakan dengan DO di mana semua pembekal termasuk Pek Ong telah mematuhi ketetapan ini. Pada tahun 2015,

MAFC juga telah memperketatkan proses dokumentasi bagi semua pembayaran di bawah pengurusan baru jabatan perolehan.

d. Adalah dimaklumkan, setelah pihak pengurusan melakukan penyemakan, tidak didapati sebarang salah laku atau penyalahgunaan berkaitan dengan kes ini.

c. Pengurusan Tunai Runcit

Para B.1.2 OPM-FCS-0003 *fund management*, pembayaran melalui tunai runcit tidak boleh dibuat bagi tuntutan melebihi RM500, pembelian aset tetap dan pembayaran gaji dan upah. Setiap tuntutan hendaklah disokong dengan dokumen yang berkaitan dan tuntutan hendaklah dibuat dalam tempoh 7 hari selepas tarikh pembelian atau tarikh pendahuluan tuntutan diterima. Pendahuluan tuntutan tunai runcit pula tidak boleh melebihi 75% dari anggaran perbelanjaan penuntut. Bagi memastikan pengurusan tunai runcit dijalankan dengan baik, semakan Audit telah dibuat terhadap transaksi tunai runcit bagi tempoh tahun 2014 hingga 2015. Semakan Audit mendapati perkara yang berikut:

i. Pembayaran bagi 23 transaksi tunai runcit berjumlah RM5,438.60 adalah bagi pembayaran upah dan gaji pekerja. Butiran lengkap adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 26.21
PEMBAYARAN UPAH DAN GAJI MENGGUNAKAN TUNAI RUNCIT

TARIKH	DIBAYAR KEPADA	KETERANGAN BAYARAN	AMAUN (RM)
03.06.2015	Kamal Shrestha	Gaji bulan Februari 2015	704.60
13.03.2015	Hatta	Upah pekerja pemetik kacang buncis	500.00
16.03.2015	Hatta	Upah pekerja pemetik kacang buncis	240.00
18.03.2015	Hatta	Upah pekerja pemetik kacang buncis	200.00
19.03.2015	Yusman	Upah pekerja pemetik kacang buncis	260.00
20.03.2015	Yusman	Upah pekerja pemetik kacang buncis	300.00
23.03.2015	Yusman	Upah pekerja pemetik kacang buncis	150.00
12.06.2015	Hatta	Upah pekerja pemetik kacang buncis pada 12.06.2015	120.00
27.07.2015	Shafik	Upah pekerja pemetik cili pada 28.07.2015	80.00
27.07.2015	Rahim	Upah pekerja pemetik kacang buncis pada 19.07.2015	300.00
28.07.2015	Kandasamy	Upah pekerja pemetik kacang buncis pada 30.07.2015	180.00
28.07.2015	Kandasamy	Upah pekerja pemetik kacang buncis pada 28.07.2015	115.00
31.07.2015	Kandasamy	Upah pekerja pemetik kacang buncis pada 31.07.2015	240.00
31.07.2015	Shafik	Upah pekerja pemetik kacang buncis pada 02.08.2015	240.00
03.08.2015	Kandasamy	Upah pekerja pemetik kacang buncis pada 03.08.2015	300.00
05.08.2015	Kanadasamy	Upah pekerja pemetik kacang buncis pada 05.08.2015	230.00
06.08.2015	Kandasamy	Upah pekerja pemetik kacang buncis pada 06.08.2015	230.00
TM	Hatta	Upah pekerja pemetik kacang buncis	203.00
16.06.2015	Kandasamy	Upah pekerja pemetik kacang buncis pada 16.06.2015	266.00

TARIKH	DIBAYAR KEPADA	KETERANGAN BAYARAN	AMAUN (RM)
17.06.2015	Kandasamy	Upah pekerja pemetik kacang buncis pada 17.06.2015	90.00
18.06.2015	Hatta	Upah pekerja pemetik kacang buncis pada 18.06.2015	135.00
19.06.2015	Kandasamy	Upah pekerja pemetik kacang buncis pada 19.06.2015	68.00
23.06.2015	Rahim	Upah pekerja pemetik kacang buncis pada 23.06.2015	287.00

Sumber : Baucar Tunai Runcit MAFC
Nota: (TM) - Tiada Maklumat

ii. Pembayaran bagi 4 transaksi tunai runcit berjumlah RM4,904.60 adalah tuntutan tunai runcit melebihi RM500. Butiran lengkap adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 26.22
TUNTUTAN TUNAI RUNCIT MELEBIHI RM500

TARIKH	DIBAYAR KEPADA	KETERANGAN BAYARAN	AMAUN (RM)	LOKASI
03.06.2015	Kamal Shrestha	Gaji bulan Februari 2015	704.60	CPPC Cameron Highland
18.03.2015	Maszradi Abdul Manap	Bil pembentungan Indah Water	900.00	
13.06.2014	Zuraini	Projek Lanchang - Penstrukturan	1,000.00	PDC Puchong
03.07.2014	Umi Humaira	Analisa kimia	2,300.00	

Sumber : Baucar Tunai Runcit MAFC

iii. Tuntutan bagi 10 tunai runcit berjumlah RM584 dibuat melebihi dari 7 hari. Butiran lengkap adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 26.23
KELEWATAN MEMBUAT TUNTUTAN TUNAI RUNCIT

DIBAYAR KEPADA	KETERANGAN BAYARAN	AMAUN (RM)	TARIKH PEMBELIAN	TARIKH TUNTUTAN	TEMPOH KELEWATAN (Hari)
Agung Purwanto	*Medical*	15.00	17.11.2014	15.01.2015	59
Miftakhul Huda	*Medical*	60.00	21.11.2014	15.01.2015	55
Hatta	*Pantry item and stationery*	6.00	26.01.2015	05.03.2015	38
		10.00	19.01.2015		45
		25.00	30.10.2015		34
Zuraida	*Refreshment MBM meeting*	58.50	18.03.2015	26.03.2015	8
Zuraida	*Laundry for Parkview apartment*	8.00	08.01.2015	26.03.2015	77
Danti Rullan	*Lushious Salanova*	5.50	01.03.2014	11.03.2014	10
	Cube Ice	4.00	01.03.2014		10
	Squick Lemon	11.70	28.02.2014		11
	Tesco food	11.90	27.02.2014		12
	Cucumber	3.20	12.02.2014		27
Hema Dharishani Sekaran	*Affirmation charges for form 48A*	45.00	20.03.2014	11.04.2014	22
Salimah Ibrahim	*Touch n Go*	50.00	22.04.2014	06.05.2014	14

DIBAYAR KEPADA	KETERANGAN BAYARAN	AMAUN (RM)	TARIKH PEMBELIAN	TARIKH TUNTUTAN	TEMPOH KELEWATAN (Hari)
Masitah	*Paper standard pay slip - 3 ply 2 up (1k)*	180.20	27.04.2015	05.05.2015	8
Hema Dharishani Sekaran	*Affirmation charges for form 48A*	90.00	30.12.2014	08.01.2015	9

Sumber : Baucar Tunai Runcit MAFC

iv. Pendahuluan tunai runcit bagi 21 baucar tunai runcit berjumlah RM5,450.60 melebihi 75% daripada anggaran perbelanjaan. Butiran lengkap adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 26.24
PENDAHULUAN TUNAI RUNCIT MELEBIHI 75%

TARIKH	KETERANGAN BAYARAN	DIBAYAR KEPADA	PENDAHULUAN (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
03.12.2015	*Refreshment TNB break down*	Mohlis	50.00	60.00
18.03.2015	*Repair & Maintenance Scrambler*	Kandasamy	250.00	292.00
19.03.2015	*Medical*	Kamariah	150.00	69.00
24.03.2015	*Repair & Maintenance Scrambler*	Kandasamy	350.00	438.00
26.03.2015	*Repair & Maintenance Scrambler - Tanah Rata*	Kanasin	250.00	229.00
26.03.2015	*Medical*	Milan Gharti Magar	100.00	104.00
30.03.2015	*Refreshment*	Sanusi	50.00	19.60
28.07.2015	*Pantry item - Tanah Rata*	Hazrin	100.00	99.30
29.07.2015	*Repair and Maintenance (brake fluid) WTW 7185*	Kandasamy	12.00	11.60
31.07.2015	*Salary workers - french bean harvest 02.08.15*	Shafik	240.00	69.00
29.09.2015	*Pad lock key & pantry item*	Umi Humaira	348.60	107.72
13.02.2014	*Stamping*	Hema Dharishani Sekaran	500.00	228.00
20.02.2014	*Washable Filter*	Aminuddin Mohamad	300.00	260.00
12.03.2014	*Stamping*	Hema Dharishani Sekaran	300.00	190.00
10.03.2014	*Lunch for 10 pax*	Rishman Rahmad	100.00	100.00
14.03.2014	*Stainless Steel Hanger*	Rishman Rahmad	150.00	166.80
13.04.2014	*Pantry item*	Samsiah Hj Ali	500.00	454.90
08.09.2014	*Labelling Machine*	Shamshul Nizam	500.00	207.90
12.11.2014	*Stamping*	Hema Dharishani Sekaran	500.00	190.00
04.02.2015	*Stamping*	Hema Dharishani Sekaran	500.00	120.00
06.02.2015	*Renewal pass foreign workers*	Ropilah Long	200.00	200.00

Sumber : Baucar Tunai Runcit MAFC

v. Sebanyak 9 tuntutan pendahuluan tunai runcit berjumlah RM3,300 dibuat melebihi 7 hari. Butiran lengkap adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 26.25
KELEWATAN MEMBUAT TUNTUTAN BAGI PENDAHULUAN TUNAI RUNCIT

PERIHAL	NAMA PENERIMA	JUMLAH (RM)	TARIKH PENDAHULUAN	TARIKH BAYARAN BALIK BAKI PENDAHULUAN	TEMPOH KELEWATAN (Hari)
Refreshment TNB break down	Mohlis	50	03.12.2014	26.03.2015	113
Stamping	Hema Dharishani Sekaran	500	13.02.2014	03.03.2014	18
Washable Filter	Aminuddin Mohamad	300	20.02.2014	04.03.2014	12
Stamping	Hema Dharishani Sekaran	300	12.03.2014	28.03.2014	16
Stainless Steel Hanger	Rishman Rahmad	150	14.03.2014	24.03.2014	10
Pantry item	Samsiah Hj Ali	500	13.04.2014	17.06.2014	65
Labelling Machine	Shamshul Nizam	500	08.09.2014	03.10.2014	25
Stamping	Hema Dharishani Sekaran	500	12.11.2014	04.12.2014	22
Stamping	Hema Dharishani Sekaran	500	04.02.2015	28.08.2015	205

Sumber : Baucar Tunai Runcit

vi. Bagi memastikan pengurusan tunai runcit dijalankan dengan baik, pemeriksaan telah dilakukan di CPPC Cameron Highlands pada 7 September 2015 dan PDC Puchong pada 15 Oktober 2015. **Hasil pemeriksaan Audit mendapati baki tunai di tangan tidak sama dengan jumlah tunai runcit yang diluluskan. Baki tunai didapati terlebih sejumlah RM133.74 di CPPC Cameron Highlands dan RM1.55 di PDC Puchong berbanding baki yang sepatutnya.** Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 26.26
BAKI TUNAI RUNCIT DI CPPC CAMERON HIGHLANDS

PERKARA	HASIL PEMERIKSAAN (RM)
Baki Tunai Di Tangan	190.00
Bil-bil Belum Rekup	122.00
Rekupan Belum Diterima	3,821.74
Jumlah	4,133.74
Tolak : Amaun *Petty Cash* Yang Diluluskan	(4,000.00)
Perbezaan	**133.74**

Sumber : Analisis Audit

JADUAL 26.27
BAKI TUNAI RUNCIT DI PDC PUCHONG

PERKARA	HASIL PEMERIKSAAN (RM)
Baki Tunai Di Tangan	1,088.00
Bil-bil Belum Rekup	648.60
Rekupan Belum Diterima	2,764.95
Jumlah	4,501.55
Tolak : Jumlah *Petty Cash* Yang Diluluskan	(4,500.00)
Perbezaan	**1.55**

Sumber : Analisis Audit

Maklum Balas MAFC Yang Diterima Pada 26 Februari 2016

a. MAFC telah mengeluarkan arahan untuk semua pekerja mematuhi manual pengurusan tunai runcit di mana:

i. Semua tuntutan mestilah kurang dari RM500.

ii. Setiap tuntutan mesti dibuat dalam jangka masa 7 hari selepas tarikh pembelian atau pendahuluan.

iii. Pendahuluan tunai runcit tidak boleh melebihi 75% dari anggaran perbelanjaan.

MAFC juga akan memastikan baki tunai ditangan sama dengan transaksi rekod pengurusan tunai runcit

b. Di Cameron Highlands, jumlah baki tunai runcit termasuk dengan jumlah jualan tunai yang menyebabkan baki tunai di tangan melebihi rekod baki tunai runcit. Tindakan telah di ambil untuk mengadakan dua peti tunai simpanan untuk tunai runcit dan jualan tunai bagi memastikan baki tunai runcit dapat diselaraskan dengan rekod tunai runcit.

c. Di PDC Puchong, lebihan baki tunai yang kecil adalah disebabkan penuntut tidak mahu mengambil baki yang terlalu kecil. Arahan telah diberikan untuk memastikan setiap pekerja mengambil semua baki tuntutan walaupun jumlahnya kecil bagi memastikan baki tunai runcit di tangan sama dengan rekod.

Pemeriksaan dan pengawasan terperinci telah diterap pakai dalam aktiviti pengurusan tunai runcit semenjak Disember 2015.

d. Pengurusan Pendahuluan Tunai Perjalanan

i. Polisi dan peraturan kakitangan MAFC menetapkan pendahuluan tunai perjalanan hanya boleh layak/boleh dibuat/dituntut sekiranya perjalanan melebihi tiga hari. Pendahuluan tunai perjalanan hendaklah dibuat dalam tempoh tujuh hari bekerja sebelum perjalanan dan diselesaikan dalam tempoh masa sebulan selepas tarikh perjalanan. Kadar pendahuluan tunai yang diterima adalah berdasarkan kelayakan kakitangan seperti dinyatakan dalam jadual 7.1.3 pendahuluan tunai/elaun. Semakan Audit terhadap baucar pendahuluan tunai mendapati, pendahuluan tunai yang diambil bukan untuk tujuan perjalanan. Sebaliknya pendahuluan tunai ini adalah bagi tujuan selain dari perjalanan. Butiran lanjut pendahuluan tunai yang diambil adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 26.28
PENDAHULUAN TUNAI BUKAN UNTUK TUJUAN PERJALANAN

TARIKH	NO. PV	BAYARAN KEPADA	KETERANGAN BAYARAN	(RM)
17.08.2015	PV15-000666	Salimah Ibrahim	*MAFC Group Grand Annual Dinner 2015*	6,450.00
13.03.2015	PV15-000180	Che Mat Yob	Tambah nilai *Smartpay*	9,000.00
29.01.2015	PV15-000076	Herlinda Hamzah	*Townhall 2015*	3,550.00

TARIKH	NO. PV	BAYARAN KEPADA	KETERANGAN BAYARAN	(RM)
18.12.2014	PV14-001336	Teo Han Toong	*To pay the freelance promoter for sampling activities on Dec 14*	400.00
08.07.2013	PV13-000702	Isfariza Ithanin	Bayaran bil celcom untuk GCFO	1,668.40

Sumber : Baucar Tunai Runcit MAFC

Maklum Balas MAFC Yang Diterima Pada 26 Februari 2016

i. Polisi pendahuluan tunai yang baru telah di luluskan oleh Lembaga Pengarah MAFC untuk dilaksanakan bermula dari 1 Disember 2015.

ii. Standard Operating Procedure (SOP) bagi OPM-FCS-0010 (Cash Advance & Petty Cash Payment/Reimbursement) telah dipinda pada 11 Mac 2016 untut memperketatkan proses pengawasan pendahuluan tunai.

26.5.5. Pengurusan Aset Dan Stor

Prosedur Pengurusan Aset dan Stor adalah perlu dalam memastikan semua aset dan inventori kepunyaan syarikat diakaunkan dan penyesuaian dibuat dengan sewajarnya. Ini adalah untuk memastikan aset syarikat terutamanya yang ditakrifkan sebagai aset tetap diurus dan digunakan dengan sewajarnya. Semakan Audit terhadap pengurusan aset MAFC mendapati beberapa kelemahan yang wujud dalam pengurusan aset seperti yang berikut:

a. Daftar Aset Tidak Lengkap

Pengurusan Aset yang sempurna perlu menyediakan Daftar Aset bagi merekodkan semua aset yang dibeli dan daftar berkenaan perlu mengandungi butiran seperti nama aset, kategori aset, rujukan aset, harga belian, tarikh belian, susut nilai semasa dan terkumpul, nilai buku serta lokasi aset. Daftar Aset yang lengkap perlu dalam penyediaan penyata kewangan tahunan dan untuk tujuan urusan pelupusan aset di akhir hayat aset berkenaan. Daftar Aset yang lengkap juga perlu bagi memantau lokasi aset berkenaan supaya tidak berlaku kehilangan dan salah guna aset. Semakan Audit mendapati MAFC menggunakan sistem Navision untuk merekodkan dan mendaftarkan semua aset yang dibeli (SOP : OPM-FCS-007). Namun begitu Senarai Harta Tetap yang dijana dari sistem berkenaan dan dikemukakan kepada pihak Audit adalah tidak lengkap dan hanya mengandungi ‘kumpulan aset’, ‘keterangan aset’, ‘harga belian’, ‘susut nilai semasa’, ‘susut nilai terkumpul’ dan ‘nilai buku’ sahaja. Pihak Audit mengesyorkan agar sistem berkenaan dipertingkatkan agar ia dapat menjanakan Daftar Aset yang lebih komprehensif.

b. Pelabelan Aset

Aset yang direkodkan di dalam daftar aset syarikat perlulah dilabelkan bagi memudahkan aset dikenal pasti dan mengelak risiko berlaku kehilangan. SOP :

OPM-FCS-007 juga menyatakan semua aset tetap perlu dilabelkan setelah didaftar dalam sistem Navision. Namun begitu pemeriksaan fizikal terhadap beberapa aset tetap yang dibeli pada tahun 2012, 2013 dan 2014 yang dijalankan pada 8 November 2015 di PDC Puchong mendapati aset berkenaan belum dilabelkan. Aset yang diperiksa semasa pemeriksaan fizikal adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 26.29
ASET TIDAK DILABEL

ASET	NO SIRI	TARIKH BELI	NILAI (RM)
Server and SAN Storage	-	28.02.2014	7,350
HP 4440s Business Notebook	2CE2520WR9	09.05.2013	3,250
HP Procurve Switches	CN45FP60GD	01.10.2014	1,950
HP Procurve Switches	CN45FP6075	01.10.2014	1,960
HP Procurve Switches	CN45FP60DF	01.10.2014	1,960
HP Procurve Switches	CN45FP601L	01.10.2014	1,960
HP Procurve Switches	CN45FP60FM	01.10.2014	1,960
HP Procurve Switches	CN45FP6024	01.10.2014	1,960
HP Procurve Switches	CN44FP410J	01.10.2014	1,960
HP Procurve Switches	CN44FP43SQ	01.10.2014	1,960
HP Procurve Switches	CN44FP439W	01.10.2014	1,960
HP Procurve Switches	-	01.10.2014	1,960
HP Procurve Switches	-	01.10.2014	1,960
HP Procurve Switches	-	01.10.2014	1,960

Sumber: Senarai Aset Tetap MAFC

Maklum Balas MAFC Yang Diterima Pada 26 Februari 2016

i. Sistem Perakaunan Navision mempunyai kekurangan dari segi menyediakan laporan daftar aset. Ianya hanya boleh menyediakan maklumat aset deskripsi, tarikh kemasukan inbois, kos aset, susut nilai dan nilai buku aset.

Maklumat lain seperti kategori aset, lokasi, maklumat inbois dan maklumat lain akan masukkan ke dalam maklumat indvidu aset di dalam Navision yang tidak dapat diintegrasikan ke dalam satu laporan.

MAFC sedang dalam proses mengintegrasikan sistem perakaunan di bawah Agrifood Resources Holdings Sdn Bhd (ARHSB) di mana semua syarikat di dalam kumpulan ARHSB akan menggunakan sistem perakaunan yang sama. Salah satu kriteria yang akan di kemukakan kepada ARHSB adalah sistem aset yang lebih berkesan untuk MAFC

ii. MAFC dalam proses melengkapkan daftar aset, pemeriksaan fizikal dan pelabelan aset dalam jangka masa bulan Mac 2016 hingga Mei 2016

26.5.6. Pengurusan Subsidiari MAFC

MAFC mempunyai 3 syarikat subsidiari milik penuh iaitu Lotus Sdn. Bhd. yang berstatus *dormant*, Cameron Fresh Farm Sdn. Bhd. dan MAFC-i. Di samping itu,

MAFC memiliki saham sebanyak 91.1% dalam CCN Sdn. Bhd. MAFC memantau pengurusan syarikat-syarikat berkenaan dengan cara meletakkan pegawai-pegawai dari MAFC di dalam Ahli Lembaga Pengarah dan meminta syarikat-syarikat berkenaan mengemukakan laporan secara berkala kepada MAFC.

26.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan objektif penubuhan MAFC dicapai dan memantapkan keupayaan tadbir urus organisasi, adalah disyorkan pihak pengurusan MAFC memberi pertimbangan dan mengambil tindakan terhadap perkara yang berikut:

26.6.1. memperbanyakkan promosi serta kesedaran kepada pengguna berhubung produk MAFC bagi memperluaskan pasaran terhadap produk MAFC sekali gus meningkatkan pendapatan syarikat;

26.6.2. penggunaan tanah secara optima di Lembah Bertam dan Lanchang;

26.6.3. *Collaboration Agreement on Highland Agriculture* dan *Research Collaboration Agreement* antara pihak MAFC dan MARDI perlu dimeterai dengan segera; dan

26.6.4. pengurusan MAFC perlu meningkatkan pemantauan dan kawalan dalaman agar semua prosedur yang ditetapkan terutama berhubung proses perolehan dan perbelanjaan dipatuhi.

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

27. PENGURUSAN SEPANG INTERNATIONAL CIRCUIT SDN. BHD.

27.1. LATAR BELAKANG

27.1.1. Sepang International Circuit Sdn. Bhd. (SIC) ditubuhkan pada 23 Januari 1998 merupakan syarikat milik penuh Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB). Modal dibenarkan adalah RM50 juta manakala modal berbayar adalah berjumlah RM10 juta. Pada 1 Februari 2002, YAB Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan telah bersetuju supaya Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) mengambil alih SIC daripada MAHB. Pengambilalihan SIC sepenuhnya oleh MKD telah dibuat melalui satu perjanjian Penjualan Saham SIC pada 22 April 2009.

27.1.2. Tujuan SIC ditubuhkan adalah untuk mengembangkan industri sukan bermotor di Malaysia dan mempromosikan industri pelancongan negara. Keluasan litar sepang ini adalah 303 hektar dengan panjang litar 5.543km dan litar ini boleh memuatkan seramai 130,000 penonton pada satu-satu masa. Litar Antarabangsa Sepang juga dilengkapi dengan kemudahan seperti Sepang Circuit Shoppe, Muzium Automotif, restoran dan pusat perubatan. Litar ini telah dibuka secara rasminya pada 9 Mac 1999.

27.1.3. SIC telah menganjurkan perlumbaan F1 sejak tahun 1999 dan telah memeterai 2 kontrak penganjuran F1 dengan Formula One Administration Limited (FOA). FOA adalah merupakan pemegang hak eksklusif penganjuran F1. Tempoh kontrak pertama adalah selama 12 tahun (1999 hingga 2010). Selepas tamat tempoh pertama, kontrak ini telah diperbaharui sebanyak dua kali iaitu tahun 2011 hingga 2015 (5 tahun) dan 2016 hingga 2018 (3 tahun). Manakala penganjuran *Motocycle Grand Prix* (MotoGP) telah dibuat bagi tempoh 8 tahun bermula tahun 1999 hingga 2006 dengan Dorna Sport S.L. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 27.1
PEMBAHARUAN KONTRAK BAGI PENGANJURAN F1 DAN MOTOGP

PEMBAHARUAN KONTRAK	FORMULA ONE (SIC dengan Formula One Administration Limited)	MOTOGP (SIC dengan Dorna Sport)
Kontrak Asal	1999 - 2010 (12 tahun)	1999 - 2006 (8 tahun)
Pembaharuan I	2011 - 2015 (5 tahun)	2007 - 2008 (2 tahun)
Pembaharuan II	2016 - 2018 (3 tahun)	2009 - 2010 (2 tahun)
Pembaharuan III	-	2011 - 2013 (3 tahun)
Pembaharuan IV	-	2014 - 2016 (3 tahun)

Sumber : Kontrak Perjanjian

27.1.4. Kerajaan melalui Kementerian Kewangan Malaysia telah menyalurkan geran kewangan kepada SIC bagi pembayaran yuran hak penganjuran dan hak penyiaran sebagai komitmen Kerajaan untuk penganjuran F1 dan MotoGP. Manakala yuran lain seperti yuran hak pengiklanan, yuran pengurusan *airtime* dan yuran hak hospitaliti ditanggung sepenuhnya oleh SIC. Jumlah keseluruhan perbelanjaan untuk penganjuran F1 dan MotoGP adalah berjumlah RM2.540 bilion untuk tempoh tahun 1999 hingga 2012 di mana pembiayaan Kerajaan adalah berjumlah RM1.880 bilion (73.9%) daripada jumlah perbelanjaan keseluruhan.

27.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada:

27.2.1. prestasi kewangan syarikat adalah baik atau sebaliknya dan menentukan faktor yang menyumbang kepada prestasi tersebut;

27.2.2. pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan teratur, berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan; dan

27.2.3. pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

27.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop Pengauditan ini meliputi aspek kewangan, aktiviti utama dan tadbir urus korporat SIC bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015. Analisis prestasi kewangan dijalankan berdasarkan kepada Penyata Kewangan Tahun 2012, 2013 dan 2014 yang telah diaudit. Pengauditan ini telah dijalankan di pejabat SIC dan MKD, Kementerian Kewangan Malaysia.

27.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak dokumen, fail dan rekod serta mengadakan perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab. Selain itu, analisis telah dijalankan terhadap data kewangan dan operasi syarikat. Pemeriksaan fizikal juga dijalankan bagi pengurusan aset syarikat. Penemuan Audit telah dibincangkan dengan Ketua Pegawai Eksekutif, Pegawai Kanan SIC dan wakil Kementerian Kewangan dalam *Exit Conference* pada 14 Mac 2016 yang turut dihadiri oleh wakil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Peguam Negara.

27.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga November 2015 mendapati prestasi kewangan SIC adalah baik di mana SIC telah mencatat keuntungan bersih

selepas cukai bagi 3 tahun berturut-turut iaitu RM44.54 juta, RM17.15 juta dan RM8.47 juta masing-masing bagi tahun 2012, 2013 dan 2014. Bagaimanapun, keuntungan syarikat telah mengalami penurunan ketara sejumlah RM8.68 juta (50.6%) pada tahun 2014 berbanding tahun 2013. Aktiviti pengurusan acara dan tadbir urus syarikat telah dilaksanakan dengan teratur serta pelaksanaan polisi dan prosedur syarikat telah memperoleh pengiktirafan Sijil ISO 2001: 9008. Selain daripada itu, bilangan penonton perlumbaan MotoGP telah meningkat pada tahun 2015 berbanding tahun 2014 dan 2013. Bagaimanapun, terdapat pengurusan aktiviti, perolehan dan kewangan yang perlu diberi perhatian oleh Ahli Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan seperti yang berikut:

i. bilangan penonton perlumbaan F1 telah mengalami trend penurunan bagi tempoh 2 tahun iaitu antara 4,298 dan 7,143 orang untuk tempoh tahun 2014 dan 2015 berbanding tahun 2013;

ii. aktiviti pemasaran seperti penganjuran konsert yang dilaksanakan masih belum mampu menarik lebih ramai peminat F1 walaupun peruntukan tambahan dana bagi tujuan pemasaran dan promosi berjumlah RM10 juta telah diberikan;

iii. perbezaan bayaran berjumlah RM112,400 dan RM24,313 bagi perkhidmatan produksi konsert F1 dan *creative and design agency* berbanding jumlah dalam kontrak dan Surat Setuju Terima serta jumlah komisen yang dibayar tidak disertakan dengan dokumen sokongan berjumlah RM94,700;

iv. perbezaan butiran dalam kontrak perjanjian sewaan dengan butiran di invois dan sebut harga;

v. perkhidmatan produksi konsert FI belum dimuktamadkan walaupun kerja telah selesai dilaksanakan;

vi. kelewatan kelulusan Jawatankuasa Perolehan dalam meluluskan perolehan perkhidmatan;

vii. pesanan belian lewat dikeluarkan;

viii. kelewatan menandatangani perjanjian perkhidmatan sewaan LED *Giant Screen*;

ix. tiada butiran terperinci kos dan klausa penalti/denda/potongan dimasukkan dalam perjanjian;

x. tiada prosedur mengenai penggunaan kad kredit peribadi bagi membuat perbelanjaan rasmi syarikat dan perbelanjaan Ketua Pegawai Eksekutif tidak disemak oleh Bahagian Sumber Manusia; dan

xi. aset tidak disenaraikan dalam Daftar Aset dan tidak dilabelkan.

Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan dan aktiviti SIC serta maklum balas SIC adalah seperti perenggan berikut:

27.5.1. Prestasi Kewangan

27.5.1.1. Analisis Kewangan

Kedudukan prestasi kewangan SIC bagi tahun kewangan 2012, 2013 dan 2014 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 27.2
PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN KEWANGAN 2012, 2013 DAN 2014

BUTIRAN	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
Pendapatan	77.24	84.19	100.22
Kos Jualan	(39.81)	(52.55)	(77.03)
Pendapatan Kasar	**37.43**	**31.64**	**23.19**
Pendapatan lain	125.39	11.78	16.53
Perbelanjaan Pentadbiran	(4.84)	(6.65)	(7.00)
Perbelanjaan Operasi Lain	(109.32)	(13.32)	(23.34)
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	**48.66**	**23.45**	**9.38**
Belanja Cukai	(4.12)	(6.30)	(0.91)
Untung/(Selepas Cukai)	**44.54**	**17.15**	**8.47**

Sumber : Penyata Kewangan SIC Tahun Berakhir Pada 2012, 2013 Dan 2014 Yang Diaudit

a. Hasil pendapatan SIC terdiri daripada penjualan tiket, pengurusan acara dan tajaan, perkhidmatan dan penjualan barangan. Adalah diperhatikan jumlah pendapatan yang diperoleh oleh SIC pada tahun 2014 telah meningkat dengan sejumlah RM16.03 juta (19.0%) berbanding tahun 2013 dan RM22.98 juta (29.8%) pada tahun 2012. Peningkatan dalam pendapatan ini disebabkan oleh peningkatan dalam pengurusan acara dan tajaan. Analisis pendapatan bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti carta berikut:

CARTA 27.1
ANALISIS TREND PENDAPATAN SIC
BAGI TEMPOH TAHUN 2012 HINGGA 2014



b. Kos jualan telah meningkat kepada RM77.03 juta pada tahun 2014 berbanding RM52.55 juta pada tahun 2013 dan RM39.81 juta pada tahun 2012. Peningkatan kos jualan telah memberi kesan kepada pendapatan kasar SIC di mana peratusan kos jualan pada tahun 2014 adalah sebanyak 76.9% daripada pendapatan berbanding 62.4% pada tahun 2013 dan 51.5% pada tahun 2012. Peningkatan utama dalam kos jualan adalah disebabkan oleh peningkatan dari kos pengurusan acara dan promosi berikutan tambahan acara iaitu Superbike Dunia yang pertama kali diadakan pada tahun 2014.

c. Perbelanjaan pentadbiran yang dicatatkan pada tahun 2014 menunjukkan peningkatan sejumlah RM0.35 juta (5.2%) berbanding tahun 2013 dan RM2.16 juta (44.6%) berbanding tahun 2012.

d. SIC telah mencatatkan keuntungan selepas cukai bagi tahun 2012, 2013 dan 2014 berjumlah RM44.54 juta, RM17.15 juta dan RM8.47 juta masing-masing. Bagaimanapun, keuntungan yang dicatat untuk tempoh 3 tahun tersebut telah mengalami penurunan. Keuntungan selepas cukai yang dicatat oleh SIC bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti carta berikut:

CARTA 27.2
ANALISIS TREND KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI SIC
BAGI TEMPOH TAHUN 2012 HINGGA 2014



27.5.1.2. Analisis Nisbah

Prestasi kewangan SIC diukur melalui analisis terhadap nisbah semasa; margin keuntungan; nisbah pulangan ke atas aset serta nisbah pulangan ke atas ekuiti terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2012, 2013 dan 2014. Hasil analisis yang dijalankan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 27.3
ANALISIS NISBAH BAGI TAHUN KEWANGAN 2012, 2013 DAN 2014

NISBAH SEMASA	TAHUN	ASET SEMASA (RM Juta) (a)	LIABILITI SEMASA (RM Juta) (b)	NISBAH SEMASA (a/b)
	2012	84.64	267.15	0.32 : 1
	2013	360.76	316.36	1.14 : 1
	2014	631.52	588.99	1.07 : 1
Tahap kecairan SIC mengalami sedikit penurunan pada tahun 2014 berbanding dengan tahun 2013 disebabkan oleh peningkatan jumlah pemiutang dan pendahuluan yang diterima untuk pengurusan aktiviti.				
MARGIN KEUNTUNGAN BERSIH	**TAHUN**	**UNTUNG/(RUGI) SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)**	**JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta) (b)**	**MARGIN KEUNTUNGAN BERSIH BAGI SETIAP RM1.00 PENDAPATAN (RM) (a/b)**
	2012	44.54	77.24	0.57
	2013	17.15	84.19	0.20
	2014	8.47	100.22	0.08
Margin keuntungan SIC bagi tahun 2012 hingga 2014 didapati mengalami penurunan. Bagi tahun kewangan 2012, 2013 dan 2014, SIC hanya menjana keuntungan berjumlah antara RM0.08 hingga RM0.57 bagi setiap ringgit hasil pendapatan. Walaupun jumlah pendapatan syarikat meningkat pada tahun 2014, kos jualan yang tinggi telah memberi kesan kepada margin keuntungan syarikat.				
NISBAH PULANGAN KE ATAS ASET	**TAHUN**	**UNTUNG/(RUGI) SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)**	**JUMLAH ASET (RM Juta) (b)**	**NISBAH PULANGAN KE ATAS ASET % (a/b)/100**
	2012	44.54	311.81	14.2
	2013	17.15	377.42	4.5
	2014	8.47	653.59	1.3
Nisbah pulangan terhadap aset bagi SIC menunjukkan penurunan pada tahun 2014 berbanding tahun 2013. Ini adalah disebabkan oleh penurunan pada keuntungan bersih syarikat selepas cukai.				
NISBAH PULANGAN KE ATAS EKUITI	**TAHUN**	**UNTUNG/(RUGI) SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)**	**JUMLAH EKUITI (RM Juta) (b)**	**NISBAH PULANGAN ATAS EKUITI % (a/b)/100**
	2012	44.54	44.65	99.1
	2013	17.15	61.06	28.1
	2014	8.47	66.60	12.7
Nisbah pulangan terhadap ekuiti bagi SIC telah mengalami penurunan bagi tempoh 2 tahun berturut-turut. Sepanjang tempoh tahun 2012 hingga 2014, SIC telah mencatatkan pulangan antara 12.7% hingga 99.1% bagi setiap ringgit modal yang dilaburkan.				

27.5.1.3. Prestasi Aliran Tunai

a. Penyata aliran tunai memberikan maklumat berkaitan keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada operasinya serta penggunaan untuk menampung perbelanjaan. Penyata aliran tunai digunakan untuk tujuan analisis aliran tunai masuk dan aliran tunai keluar. Aliran tunai adalah penting kerana dapat menentukan sejauh mana tahap kecairan syarikat dan kewujudan jangka panjang perniagaan syarikat. Kedudukan aliran tunai SIC bagi tahun kewangan 2012, 2013 dan 2014 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 27.4
PENYATA ALIRAN TUNAI SIC
BAGI TAHUN KEWANGAN 2012, 2013 DAN 2014

BUTIRAN/TAHUN	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
Aliran Tunai Daripada Pengoperasian			
Untung Bersih sebelum cukai	48.66	23.46	9.38
Pelarasan	(28.26)	(5.53)	0.92
Peningkatan Inventori	(0.21)	(0.04)	(0.29)
Peningkatan/(Penurunan) Belum Terima	(195.50)	(37.04)	5.82
Peningkatan Belum Bayar	233.23	52.68	267.34
Cukai	(6.68)	(4.90)	(4.65)
Peningkatan/(Pengurangan) Dalam Baki Syarikat Terdahulu	0.25	(4.24)	(2.18)
Tunai Bersih daripada Aktiviti Pengoperasian	**51.49**	**24.39**	**276.34**
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan			
Faedah Diterima	4.39	8.24	9.16
Pembelian Loji Dan Peralatan	(6.45)	(5.69)	(11.34)
Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pelaburan	**(2.06)**	**2.55**	**(2.18)**
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pembiayaian			
Pembayaran Dividen	-	(0.75)	(1.00)
Placement of Deposit	-	-	(59.80)
Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pembiayaian	**-**	**(0.75)**	**(60.80)**
Penambahan Bersih Dalam Tunai Dan Persamaan Tunai	**49.43**	**26.19**	**213.36**
Tunai Dan Persamaan Tunai Awal Tahun	**35.21**	**84.64**	**110.83**
Tunai Dan Persamaan Tunai Akhir Tahun	**84.64**	**110.83**	**324.19**

Sumber : Laporan Kewangan Beraudit SIC

b. Berdasarkan kepada penyata aliran tunai bagi tahun kewangan 2012, 2013 dan 2014, kedudukan keseluruhannya adalah positif. Aliran tunai yang dicatatkan oleh SIC masing-masing adalah RM84.64 juta, RM110.83 juta dan RM324.19 juta. Aliran tunai SIC mencatat peningkatan sejumlah RM213.36 juta (192.5%) pada tahun 2014 berbanding tahun 2013. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh yuran hak penganjuran tahun 2014 berjumlah RM234.49 juta bagi perlumbaan F1 yang akan dibayar pada tahun 2015.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan SIC bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah baik kerana kedudukan aliran tunai yang positif dengan baki tunai dan persamaan tunai berjumlah RM324.19 juta pada tahun 2014. Di samping itu, aset semasa SIC pada tahun 2014 adalah berjumlah RM631.52 juta dan mampu menampung liabiliti semasanya yang berjumlah RM588.99 juta. Ini menunjukkan SIC mempunyai kecairan satu kali ganda dalam menampung tanggungan semasanya.

27.5.1.4. Pemberian Geran Kewangan Kerajaan

Sejak tahun 1999, Kerajaan melalui Kementerian Kewangan telah bersetuju memberikan geran kewangan untuk membiayai sebahagian kos penganjuran F1 dan MotoGP dalam bentuk pembiayaan yuran iaitu yuran hak penganjuran, yuran hak penyiaran dan *production fee*. Jumlah pembiayaan oleh Kerajaan melalui geran kewangan ini bagi kedua-dua penganjuran ini sejak tahun 1999 hingga 2012 adalah berjumlah RM1.88 bilion (73.9%) daripada jumlah keseluruhan kos penganjuran F1 dan MotorGP. Manakala kos lain bagi penganjuran F1 dan MotorGP seperti yuran hak pengiklanan, yuran hak hospitaliti dan yuran hak pengurusan *airtime* ditanggung oleh SIC sendiri berjumlah RM661.76 juta untuk tempoh tahun 1999 hingga 2012 (26.1%). Mengikut perjanjian antara SIC dan FOA trend kenaikan yuran hak penganjuran adalah antara 5% hingga 10% masing-masing. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, jumlah pembiayaan Kerajaan adalah berjumlah RM789.61 juta. Jumlah ini adalah termasuk pembiayaan bagi acara Superbike Dunia (WSBK) pada tahun 2014 dan 2015. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 27.5
JUMLAH PEMBIAYAAN KEPADA SIC UNTUK YURAN HAK PENGANJURAN PERLUMBAAN F1, MOTOGP DAN WSBK

TAHUN	JUMLAH GERAN KERAJAAN (RM Juta)	JUMLAH PEMBAYARAN			JUMLAH (RM Juta)
		F1 (RM Juta)	MotoGP (RM Juta)	WSBK (RM Juta)	
2013	282.11	200.31	28.59	-	228.90
2014	307.50	224.88	30.18	7.09	262.15
2015	200.00	234.54	32.38	8.98	275.90
JUMLAH	**789.61**	**659.73**	**91.15**	**16.07**	**766.95**

Sumber : Baucer Bayaran Dan Lejer Am, SIC

27.5.2. Prestasi Dan Pengurusan Aktiviti

27.5.2.1. Prestasi Aktiviti

Aktiviti SIC terbahagi kepada aktiviti permotoran, bukan permotoran dan kemudahan sewaan. Aktiviti permotoran merupakan aktiviti utama SIC di mana dua aktiviti permotoran utama yang diadakan setiap tahun ialah penganjuran perlumbaan F1 dan MotoGP. Selain daripada F1 dan MotoGP, SIC juga menganjurkan World Superbike yang mula diperkenalkan pada tahun 2014. Manakala aktiviti bukan permotoran yang dijalankan oleh SIC antaranya penganjuran konsert dan hartanah/sewaan fasiliti. Prestasi penganjuran kedua-dua perlumbaan boleh diukur daripada jumlah bilangan pengunjung dan penjualan tiket. Pencapaian bilangan pengunjung dan penjualan tiket adalah seperti yang berikut:

a. Pencapaian Bilangan Kehadiran Pengunjung

i. Penurunan Bilangan Kehadiran Pengunjung Bagi Perlumbaan F1

Berdasarkan statistik bilangan kehadiran pengunjung ke perlumbaan F1 menunjukkan penurunan untuk tempoh 2 tahun berturut-turut iaitu tahun 2014 hingga 2015. Bilangan pengunjung perlumbaan F1 pada tahun 2015 telah menurun sebanyak 2,845 orang (4.76%) berbanding tahun 2014 dan 7,143 (11.15%) pada tahun 2013. Kajian yang dijalankan oleh PriceWaterHouseCoopers Capital Sdn. Bhd. pada tahun 2011 juga menunjukkan kecenderungan terhadap penurunan bilangan pengunjung yang menyaksikan perlumbaan F1. Pencapaian sasaran bilangan pengunjung yang hadir hanya dicapai pada tahun 2014 berbanding tahun 2013 dan 2015. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 27.6
PENCAPAIAN BILANGAN PENGUNJUNG SEBENAR BERBANDING SASARAN BAGI F1

TAHUN	SEBENAR (Orang)	SASARAN (Orang)	PERBEZAAN (Orang)	PERATUSAN (%)
2013	64,048	90,000	(25,952)	71.16
2014	59,750	53,509	6,241	111.66
2015	56,905	68,000	(11,095)	83.68

Sumber : Dokumen Bahagian Pemasaran (After Event Report)

ii. Peningkatan Bilangan Kehadiran Pengunjung Bagi Perlumbaan MotoGP

Statistik kehadiran pengunjung ke acara MotoGP menunjukkan peningkatan setiap tahun untuk tempoh tahun 2013 hingga 2015. Bilangan pengunjung yang hadir ke acara MotoGP pada tahun 2015 telah meningkat sebanyak 19,063 orang (27.89%) berbanding dengan tahun 2014 dan 29,093 orang (49.9%) berbanding tahun 2013. Pencapaian sasaran bilangan penonton telah hanya dicapai untuk tahun 2015. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.7
PENCAPAIAN BILANGAN PENGUNJUNG SEBENAR BERBANDING SASARAN BAGI MOTOGP

TAHUN	SEBENAR (Orang)	SASARAN (Orang)	PERBEZAAN (Orang)	(%)
2013	58,299	80,000	(21,701)	72.87
2014	68,329	70,000	1,671	97.61
2015	87,392	71,745	15,647	121.81

Sumber : Dokumen Bahagian Pemasaran (After Event Report)

b. Pencapaian Penjualan Tiket

Berdasarkan semakan Audit kepada statistik penjualan tiket untuk F1 dan MotoGP, penjualan tiket F1 telah mengalami penurunan untuk tempoh 3 tahun berturut-turut. Bilangan tiket yang dijual pada tahun 2015 adalah sebanyak 32,647 tiket berbanding 36,383 tiket pada tahun 2014 iaitu penurunan sebanyak 3,736 tiket (10.3%). Penurunan penjualan tiket ini secara tidak langsung memberi kesan kepada jumlah pendapatan penjualan tiket F1. Bagaimanapun, penjualan tiket MotoGP untuk tahun 2015 telah meningkat kepada 64,656 tiket berbanding 48,287 tiket iaitu peningkatan sebanyak 16,369 tiket (33.9%) pada tahun 2014 dan 6,865 tiket (11.9%) pada tahun 2013. Peningkatan jualan tiket ini juga telah membantu meningkatkan pendapatan SIC. Butiran lanjut adalah seperti jadual dan carta berikut:

JADUAL 27.8
BILANGAN TIKET YANG DIJUAL UNTUK TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2015

TAHUN	FORMULA ONE (Tiket)	MOTOGP (Tiket)	WSBK (Tiket)
2010	38,309	42,713	-
2011	43,273	49,709	-
2012	48,611	54,151	-
2013	44,832	57,791	-
2014	36,383	48,287	14,347
2015	32,647	64,656	7,419

Sumber : Penjualan Tiket Dan Post Event Report
Nota : Penjualan Tiket Tidak Termasuk Complimentary Ticket

CARTA 27.3
PENCAPAIAN BILANGAN JUALAN TIKET BAGI TEMPOH 2010 HINGGA 2015



Selain itu, terdapat penurunan dalam bilangan penonton antarabangsa pada tahun 2015 dan 2014 berbanding tahun 2013 bagi perlumbaan F1. Kehadiran penonton antarabangsa merupakan salah satu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) SIC di mana KPI yang telah ditetapkan bagi bilangan penonton antarabangsa adalah 30% daripada jumlah keseluruhan. Untuk tempoh 3 tahun berturut-turut iaitu tahun 2013 hingga 2015, peratusan yang dicatat

bagi kehadiran penonton antarabangsa adalah kurang daripada 30%. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 27.9
BILANGAN KEHADIRAN PENONTON TEMPATAN DAN ANTARABANGSA BAGI PERLUMBAAN F1

TAHUN	F1		JUMLAH (Orang)	PERATUSAN PENONTON ANTARABANGSA (%)
	TEMPATAN (Orang)	ANTARABANGSA (Orang)		
2010	41,733	8,807	50,540	17.4
2011	37,238	11,055	48,293	22.9
2012	25,568	29,222	54,790	53.3
2013	33,929	10,903	44,832	24.3
2014	31,587	11,516	43,103	26.7
2015	29,030	11,266	40,296	28.0

Nota : Kehadiran Penonton Adalah Berdasarkan Kepada Penjualan Tiket Dan Termasuk Complimentary Ticket

CARTA 27.4
BILANGAN KEHADIRAN PENONTON TEMPATAN DAN ANTARABANGSA BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2015



Pada pendapat Audit, SIC perlu merangka strategi pemasaran yang lebih efektif untuk menarik lebih ramai penonton antarabangsa untuk menyaksikan perlumbaan F1. Ini adalah kerana kehadiran lebih ramai penonton antarabangsa dapat memberikan lebih impak ekonomi kepada negara. Selain itu, kerjasama dengan Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan dan Kementerian Belia Dan Sukan dapat membantu untuk menarik lebih ramai penonton antarabangsa serta tempatan.

Maklum Balas SIC Yang Diterima Pada 8 Mac 2016 Dan 11 April 2016

Pihak SIC telah mengkaji sebab penurunan penonton bagi F1 berbanding dengan MotoGP yang meningkat dari tahun ke tahun. Antara faktor-faktor adalah seperti yang berikut:

a. Insiden MH370 yang berlaku dalam tempoh F1. Kesan daripada insiden tersebut telah menyebabkan promosi bagi F1 tergendala. Pihak SIC juga mengikut arahan dari pihak berwajib kepada pihak media untuk tidak mempromosikan acara hiburan bagi menghormati peristiwa tersebut;

b. Penurunan minat terhadap F1 merupakan masalah global dan bukan sahaja di Malaysia. Ini adalah akibat dari perubahan F1 yang telah dibuat oleh Formula One Management (FOM) seperti pertukaran enjin dan undang-undang perlumbaan. Selain itu, kajian menunjukkan bahawa aktiviti-aktiviti perlumbaan F1 agak terhad dalam merapatkan jurang antara pelumba dan penonton;

c. SIC telah memperkenalkan konsep aktiviti kekeluargaan semasa kejohanan F1 di Sepang untuk meninggikan tahap minat penonton dari pelbagai lapisan. Ini terbukti dengan karnival keluarga yang dilancarkan pada 2015 di mana terdapat lebih ramai kanak-kanak dan keluarga hadir ke litar Sepang untuk menonton perlumbaan F1;

d. MotoGP telah membuktikan bahawa penglibatan pelumba anak Malaysia dapat membangkitkan minat rakyat Malaysia dan ini dimanifestasikan dengan kehadiran penonton serta penjualan tiket yang memberangsangkan dari tahun ke tahun. Dari kajian ini, pihak SIC mendapati elemen patriotik adalah unsur yang boleh diwujudkan dalam perlumbaan Formula 1 dan dengan itu, pihak SIC telah bekerjasama dengan pihak FOM untuk menempatkan seorang pelumba negara di perlumbaan GP2 (perlumbaan sampingan F1) pada tahun 2016 sebagai salah satu langkah baru untuk mempromosikan F1 serta dalam usaha meningkatkan jumlah pengunjung. Penglibatan anak muda dalam keseluruhan pusingan GP2 dan MotoGP untuk tahun 2016 dijangka akan dapat menarik lebih ramai pengunjung. Perlumbaan tersebut akan berlangsung pada 2 Oktober 2016 dan 30 Oktober 2016 masing-masing.

c. Strategi Pelaksanaan Pemasaran Bagi Perlumbaan F1

i. SIC dengan kerjasama Kementerian Kewangan telah menjalankan satu kajian impak ekonomi dalam penganjuran perlumbaan F1 di Malaysia. Kajian ini telah dijalankan oleh PriceWaterhouseCoopers Capital Sdn. Bhd. pada 30 Januari 2012. Berdasarkan kajian tersebut, secara keseluruhannya penganjuran F1 mampu menjana ekonomi negara sejumlah RM385 juta pada tahun 2011 iaitu pulangan 3 kali ganda daripada hasil pelaburan Kerajaan terhadap penganjuran F1. Kajian tersebut juga menyatakan terdapat penurunan minat dan jumlah penonton menyaksikan perlumbaan F1 sejak kebelakangan ini dan secara tidak langsung memberi kesan kepada industri pelancongan.

Sehubungan itu, SIC telah merangka 5 strategi pemasaran bagi meningkatkan jumlah kehadiran penonton ke perlumbaan F1 terutamanya penonton antarabangsa. Lima strategi pemasaran tersebut yang merangkumi 5 faktor utama industri pelancongan di Malaysia iaitu membeli belah, hiburan, sukan bermotor F1, konsert artis antarabangsa terkenal dan percutian.

ii. Bagi melaksanakan strategi aktiviti pemasaran tersebut, SIC telah memohon pembiayaan sejumlah RM45 juta untuk tempoh 3 tahun (2013-2015). Bagaimanapun, Kementerian Kewangan bersetuju untuk membiayai sejumlah RM30 juta sahaja. Pembiayaan untuk tahun 2014 dan 2015 pula adalah bergantung kepada peningkatan hasil keseluruhan SIC iaitu peningkatan bilangan penonton dan penjualan tiket F1. Semakan Audit mendapati perbelanjaan sebenar pelaksanaan aktiviti pemasaran tersebut pada tahun 2013 adalah berjumlah RM15.72 juta iaitu RM5.72 juta melebihi daripada pembiayaan oleh Kementerian Kewangan. Pelaksanaan aktiviti pemasaran untuk tempoh tahun 2014 dan 2015 menggunakan peruntukan SIC memandangkan tiada peningkatan bilangan penonton dan bilangan penjualan tiket untuk tempoh tersebut. Butiran lanjut mengenai pelaksanaan aktiviti pemasaran tahun 2013 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 27.10
PERUNTUKAN BAGI PELAKSANAAN AKTIVITI PEMASARAN TAHUN 2013

BIL.	PELAKSANAAN AKTIVITI PEMASARAN	JUMLAH PEMBIAYAAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)
1	*Engagement* berkaitan Penganjuran F1	3.0	2.99
2	Pengiklanan dan Promosi	3.0	4.04
3	Konsert Artis Antarabangsa Terkenal	1.0	6.10
4	Makan Malam Gala (*Sapura Kencana Petroleum Malaysia Grand Prix Charity Gala)*	2.0	2.50
5	Forum Perniagaan Sektor Permotoran/Automotif	1.0	0.09
JUMLAH		**10.0**	**15.72**

Sumber : Surat Kelulusan Kementerian Kewangan Dan Rekod SIC

d. Pencapaian Penganjuran Konsert F1

Penganjuran konsert F1 diadakan selepas perlumbaan acara tersebut berakhir. Penganjuran konsert ini merupakan salah satu strategi aktiviti pemasaran dan melibatkan artis terkenal antarabangsa serta kos penganjuran yang tinggi. Konsert ini telah diadakan di kawasan helipad SIC. Kos penganjuran konsert ini untuk tempoh tahun 2013 hingga 2015 berjumlah RM4.19 juta hingga RM6.10 juta. Manakala peratusan pemegang tiket yang menonton konsert tersebut untuk tempoh 3 tahun adalah antara 10.3% hingga 14.7% sahaja. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 27.11
BILANGAN KEHADIRAN PENONTON KE KONSERT F1

TAHUN	JUMLAH PEMEGANG TIKET F1 (Orang)	BILANGAN KEHADIRAN (Orang)	PERATUSAN (%)	ARTIS ANTARABANGSA	KOS PENGANJURAN KONSERT (RM Juta)
2013	44,832	4,629	10.33	Calvin Harris	6.10
2014	36,383	4,671	12.83	Gun N Roses	4.19
2015	32,647	4,793	14.68	Girl Generation & EXO	5.44

Nota : Kehadiran Penonton Berdasarkan Scan Terhadap Tiket Dan Tidak Termasuk Pas Pekerja Konsert Dan Pas VIP (Tiada Maklumat Daripada SIC)

Pada pendapat Audit, SIC perlu menimbang semula strategi penganjuran konsert bagi menarik perhatian lebih ramai kehadiran penonton menyaksikan perlumbaan F1. Kos yang terlibat boleh digunakan bagi tujuan strategi pemasaran dan promosi yang lain.

Maklum Balas SIC Yang Diterima Pada 18 Mac 2016

a. Konsert adalah salah satu elemen daya tarikan pengunjung dan ia juga disokong oleh kajian impak ekonomi yang dijalankan oleh PriceWaterHouseCoopers sebagai salah satu aktiviti kluster yang dicadangkan untuk menarik lebih ramai pelancong asing yang mengunjungi litar SIC khususnya dan ke Malaysia amnya.

b. Konsert juga dapat menarik peminat-peminat artis tersebut untuk membeli tiket F1 dan seterusnya menyaksikan perlumbaan tersebut pada siang harinya sebelum menghadiri konsert di sebelah malam. Ini secara tidak langsung dapat menyumbang kepada kenaikan jualan tiket.

c. Untuk menambah baik aktiviti-aktiviti kluster ini, pihak SIC merancang untuk mengadakan konsert pada 2016 di Hillstand B di mana tiket konsert akan di jual secara berasingan dan ini sedikit sebanyak akan dapat menampung kos perbelanjaan pengendalian konsert tersebut dan seterusnya membuka peluang penajaan dari syarikat-syarikat korporat.

27.5.2.2. Pengurusan Aktiviti

Pengauditan yang dilakukan terhadap pengurusan aktiviti adalah bagi memastikan bahawa pengurusan penganjuran F1 dan MotoGP dilaksanakan mengikut *Standard Operating Procedure* (SOP) dan peraturan perjanjian yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati perkara yang berikut:

a. Penjualan Tiket Perlumbaan F1 dan MotoGP

Penjualan tiket bagi perlumbaan F1 dan MotoGP dilaksanakan oleh dua bahagian di bawah Ketua Pegawai Pengoperasian iaitu bahagian *Retails Sales Operations* dan *Corporate Business Acquisition* (CBA). Antara kaedah penjualan tiket yang dilaksanakan adalah melalui kaedah *walk in,* telefon,

internet, *tix booth,* ejen, korporat dan Kementerian. Sistem penjualan tiket yang digunakan oleh SIC ialah *Seat Advisor Box Office (*SABO). Berdasarkan kepada maklumat penjualan tiket, kaedah penjualan tiket yang paling tinggi untuk tempoh tahun 2013 hingga 2015 adalah melalui ejen dan penjualan tiket kepada Kementerian. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 27.12
KAEDAH PENJUALAN TIKET

SALURAN PENJUALAN TIKET		F1				MOTOGP			
		2013	2014	2015	JUMLAH	2013	2014	2015	JUMLAH
Retail	*Walk in*	2,891	3,463	2,123	8,477	9,606	6,880	7,468	23,954
	Internet	8,449	8,806	9,372	26,627	9,380	6,961	9,257	25,598
	Tix Booth	6,770	5,587	3,510	15,867	9,997	6,467	8,2567	24,731
	Lain-Lain	511	-	629	1,140	6,936	617	1,224	8,779
Jumlah		**18,621**	**17,856**	**15,634**	**52,111**	**35,919**	**20,927**	**26,216**	**83,062**
Corporate Business Acquisition	Ejen dan Kerajaan	20,408	6,743	6,100	33,251	14,876	19,964	30,478	65,318
	Korporat	859	6,699	5,552	13,120	6,822	6,110	7,475	20,407
	Lain-lain	4,934	5,044	5,353	15,331	174	1,286	487	1,947
Jumlah		**26,211**	**18,486**	**17,005**	**61,702**	**21,872**	**27,360**	**38,440**	**87,672**
Jumlah Keseluruhan		**44,832**	**43,017**	**40,288**	**128,137**	**64,952**	**55,551**	**73,329**	**193,742**

Nota : ***Jumlah Tiket Tidak Termasuk Complimentary Ticket***

b. Pengagihan Pemberian Tiket Percuma (Complimentary Ticket)

SIC juga telah mengagihkan sebanyak 44,493 *complimentary ticket* untuk tempoh 2013 hingga 2015, Pengagihan *complimentary* tiket ini telah mendapat kelulusan daripada Ketua Pegawai Eksekutif. Bilangan *complimentary ticket* yang telah diagihkan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 27.13
PENGAGIHAN TIKET *COMPLIMENTARY*

TAHUN/ACARA	F1	MOTOGP	JUMLAH
2013	7,161	7,161	14,322
2014	6,675	7,264	13,939
2015	7,649	8,583	16,232
JUMLAH	**21,485**	**23,008**	**44,313**

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan penjualan tiket untuk perlumbaan F1 dan MotoGP adalah teratur kerana telah mengikut prosedur yang telah ditetapkan dan setiap diskaun adalah mengikut *rate card* serta mendapat kelulusan daripada Ketua Pegawai Eksekutif.

c. Perbezaan Jumlah Dibayar Berbanding Dengan Yang Dinyatakan Dalam Perjanjian/Surat Setuju Terima

Dua syarikat telah dilantik oleh SIC untuk perkhidmatan menyediakan kelengkapan dan keperluan infrastruktur sementara bagi *Post Race Concert* serta *creative and design agency* bagi perlumbaan F1 pada tahun 2013. Mengikut perjanjian dan Surat Setuju Terima, jumlah yang telah ditetapkan adalah RM1.11 juta dan RM1.0 juta masing-masing. Semakan Audit terhadap baucar bayaran mendapati terdapat perbezaan antara jumlah yang dibayar berbanding dengan jumlah seperti di perjanjian dan Surat Setuju Terima. Jumlah perbezaan tersebut adalah RM112,400 dan RM24,313. Selain itu, semakan Audit juga mendapati komisen agensi berjumlah RM94,700 bagi perkhidmatan *creative and design agency* tidak disertakan/disokong dengan dokumen sokongan oleh pihak ketiga. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 27.14
PERBEZAAN JUMLAH DIBAYAR BERBANDING DENGAN PERJANJIAN DAN SURAT SETUJU TERIMA

SKOP PERKHIDMATAN	JUMLAH SEPERTI DI PERJANJIAN/SURAT SETUJU TERIMA (RM Juta)	JUMLAH YANG DIBAYAR (RM Juta)	PERBEZAAN (RM Juta)
Menyediakan Dan Memasang Kelengkapan Teknikal Dan Keperluan Infrastruktur Sementara Bagi *Post Race Concert* Semasa Grand Prix F1 Petronas Tahun 2013	1.11	1.22	**0.11**
Creative And Design Agency Untuk F1 Tahun 2013	1.0	1.02	**0.02**

Sumber: Baucar Bayaran

Maklum Balas SIC Yang Diterima Pada 11 April 2016

a. Bagi perkhidmatan Menyediakan Dan Memasang Kelengkapan Teknikal Dan Keperluan Infrastruktur Sementara Bagi Post Race Concert Semasa Grand Prix F1 Petronas Tahun 2013, harga pada kontrak adalah harga yang telah dirunding pada awal waktu ketika kontrak telah dikeluarkan, walau bagaimanapun ketika minggu kejohanan F1 dijalankan, pihak syarikat telah bersetuju untuk menambah aktiviti-aktiviti hiburan bagi mempelbagaikan pengalaman dan keriangan penonton-penonton yang hadir ke F1 2013 terutamanya dalam mengisi waktu kelapangan sementara menunggu konsert bermula pada pukul 8 malam. Penambahan kos aktiviti ini tidak melebihi jumlah keseluruhan kelulusan oleh Ahli Lembaga Pengarah sepertimana resolusi yang dilampirkan yang bertarikh 22 March 2013, iaitu RM1.22 juta.

b. Pihak SIC membuat bayaran secara berperingkat kepada syarikat Creative And Design Agency tersebut dan untuk bayaran terakhir terdapat kekurangan berjumlah RM6,550 (tidak termasuk GST) dari surat pelantikan. Kontrak yang dirundingkan dan ditawarkan juga adalah tidak termasuk Cukai Perkhidmatan sebanyak 6%. Pihak SIC telah mengambil kira perkara ini dan bagi meningkatkan kawalan dalaman, pihak SIC telah mengambil langkah mengeluarkan Purchase Order (PO) dari sistem akaun bagi memantau jumlah

pembayaran secara berperingkat mengikut jumlah surat pelantikan yang dijalankan semenjak tahun 2014. SIC juga telah menukar sistem perakaunan berkomputer Enterprise Resource Planning pada tahun 2016 sebagai langkah penambahbaikan.

c. Perjanjian yang ditandatangani antara SIC dan syarikat Creative And Design Agency tersebut adalah tidak melibatkan pihak ketiga. Perjanjian yang telah ditandatangani adalah antara kedua-dua pihak sahaja dan tidak melibatkan pihak ketiga yang berurusan dengan syarikat syarikat Creative And Design Agency. Bagaimanapun, bagi penambahbaikan pada masa hadapan, pihak SIC akan mengambil kira klausa penglibatan pihak ketiga mengikut keperluan pembayaran dan perjanjian yang dimeterai.

d. Aktiviti Bukan Permotoran : Perbezaan Butiran Kontrak Sewa Workshop Di Kompleks SIC Dengan Invois/Sebut Harga

Pada tahun 2015, SIC telah membina 40 unit workshop dengan kos pembinaan berjumlah RM14.36 juta. Workshop yang baru dibina ini terletak di SIC Commercial Park dan siap sepenuhnya pada 5 Jun 2015. SIC telah menyediakan sewaan workshop yang merupakan salah satu aktiviti non-motor. Semakan Audit terhadap 8 kontrak sewaan yang telah ditandatangani antara penyewa dan SIC mendapati terdapat perbezaan butiran kadar diskaun sebanyak 10% dan *Goverment Service Tax* sebanyak 6% antara kontrak dan invois/sebut harga. Selain itu, adalah didapati tarikh kontrak tidak dinyatakan; tarikh mula sewaan bagi 3 kontrak penyewa tidak dinyatakan dalam Jadual 1 Perjanjian Sewa Premis , perbezaan tempoh sewaan dan klausa duti setem tidak dinyatakan dalam kontrak. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 27.15
PERBEZAAN BUTIRAN KONTRAK SEWAAN WORKSHOP DENGAN INVOIS/SEBUT HARGA

UNIT	JUMLAH SEWA BULANAN (RM)	TARIKH TANDA TANGAN	TEMPOH SEWAAN	JUMLAH SEWA BERDASARKAN SEBUT HARGA (RM Juta)
A34	6,500	X	2 tahun (Tarikh Dinyatakan)	0.15
A35	7,700	X	2 tahun (Tarikh Tidak Dinyatakan)	0.18
A31	6,500	X	3 tahun *Commencement Date* Pada 01.10.2015	0.22
A24	6,500	X	2 Tahun *Commencement Date* Tidak Dinyatakan	0.15
A25	6,500	X	2 Tahun *Commencement Date* Tidak Dinyatakan	0.15

UNIT	JUMLAH SEWA BULANAN (RM)	TARIKH TANDA TANGAN	TEMPOH SEWAAN	JUMLAH SEWA BERDASARKAN SEBUT HARGA (RM Juta)
A13	6,500	X	1 Tahun *Commencement Date* Tidak Dinyatakan (Sepatutnya 2 Tahun)	0.15
B4	10,000	X	2 + 1 Tahun *Commencement Date* Pada Bulan Julai 2015	0.24
A1	7,000	X	2 Tahun	0.16

Sumber: Kontrak, Invois Dan Sebut Harga

Maklum Balas SIC Yang Diterima Pada 18 Mac 2016

Mengikut template kontrak-kontrak SIC, tarikh perjanjian yang dinyatakan pada muka surat pertama adalah sama dengan tarikh perjanjian ditandatangani atau dimenterai. Mengikut prosedur syarikat, duti setem terhadap kontrak tidak diamalkan sebagai langkah penjimatan kos. Kedua-dua amalan ini boleh diterima pakai dalam panduan lazim penyediaan kontrak. Pada permulaan kontrak sewa dikeluarkan Goverment Service Tax (GST) dan diskaun masih tidak ditetapkan. GST berkuat kuasa bermula dari 1 April 2015 dan diskaun diberikan setelah penyewa mengesahkan mereka akan menyewa unit tersebut. Satu Memo dalaman dikeluarkan bagi mendapat kelulusan dari Ketua Pegawai Eksekutif SIC untuk diskaun sewaan.

27.5.2.3. Tadbir Urus Korporat

a. Ahli Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan pengurusan syarikat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi memastikan objektif penubuhan syarikat dapat dicapai. Semakan Audit terhadap amalan tadbir urus SIC mendapati perkara berikut:

i. GLC Transformasi Manual : *Green Book – Enhancing Board Effectiveness* menyarankan kekerapan mengadakan mesyuarat Lembaga Pengarah secara purata antara 6 hingga 8 kali setahun serta berdasarkan kepada keperluan persekitaran perniagaan syarikat. Bagi tempoh 2012 hingga 2014 mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan antara 3 hingga 5 kali sahaja setahun.

ii. Bilangan keahlian Lembaga Pengarah SIC adalah seramai 7 orang bagi tahun 2012 dan 2013. Manakala pada tahun 2014 adalah seramai 11 orang. Secara keseluruhannya kehadiran Ahli Lembaga Pengarah ke mesyuarat Lembaga Pengarah bagi tempoh 2012 hingga 2014 adalah memuaskan di mana peratus kehadiran untuk tempoh tersebut adalah antara 75% hingga 90%.

iii. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan ditubuhkan dalam syarikat Kerajaan adalah untuk memastikan kawalan dalaman dan kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham dapat dipelihara sepenuhnya. Unit Audit Dalam pula berfungsi sebagai mekanisme kawalan dalaman yang bertindak membantu pihak pengurusan atasan mencapai objektif yang telah ditetapkan. Semakan Audit mendapati SIC telah melantik firma BDO Binder sebagai Juruaudit Dalaman. Antara aspek pengauditan yang dijalankan oleh juruaudit dalaman ini adalah pengauditan pengurusan kewangan, pengurusan sumber manusia, pengurusan perolehan dan pengurusan aktiviti. Semakan Audit mendapati kesemua tugasan Audit dalam SIC telah dirancang secara tahunan. Sepanjang tempoh 2012 hingga 2014, sebanyak 3 tugasan telah dirancang. Laporan Audit Dalam disediakan oleh juruaudit dalaman dan telah dibentangkan dalam Jawatankuasa Audit. Sepanjang tempoh tahun 2012 hingga 2014, Jawatankuasa Audit telah bermesyuarat mengikut kekerapan yang ditetapkan dan minit mesyuarat Jawatankuasa Audit juga telah disediakan. Pihak pengurusan SIC telah mengambil tindakan susulan terhadap syor oleh juruaudit dalaman.

Pada pendapat Audit, pada keseluruhannya tadbir urus korporat SIC adalah memuaskan.

Maklum Balas SIC Yang Diterima Pada 8 Mac 2016

Mengikut saiz dan keperluan SIC di mana Ahli Lembaga Pengarah telah bersetuju mengadakan mesyuarat mengikut kadar kekerapan sekurang-kurangnya sekali untuk setiap suku tahun dan tambahan mesyuarat pada bila-bila masa sekiranya ada keperluan yang penting/mendesak.

b. Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) disediakan bagi mengukur tahap pencapaian dalam pengurusan operasi syarikat. Semakan Audit terhadap *corporate scorecard* mendapati SIC telah menetapkan 5 kategori utama iaitu kewangan operasi, pengoperasian, pengurusan perhubungan pelanggan, peningkatan perniagaan dan peningkatan dalam proses yang berterusan untuk tempoh tahun 2012 hingga 2014. Terdapat 10 elemen telah ditetapkan sebagai mekanisme pengukuran prestasi SIC adalah seperti berikut:

i. Keuntungan keseluruhan;
ii. Keberkesanan pengoperasian;
iii. Kecemerlangan Perkhidmatan Pelanggan;
iv. Pengaktifan Pelan Utama SIC;

v. Pertumbuhan dan pengekalan perniagaan;
vi. Peningkatan fasiliti semasa
vii. Pembelajaran dan Pertumbuhan;
viii. *Employee Engagement Index;*
ix. Memperkemaskan polisi Modal Insan; dan
x. Kejayaan Perancangan dan Pembangunan.

Pada keseluruhannya untuk tempoh tahun 2012 hingga 2014 SIC telah berjaya mencapai skor keseluruhan 87% hingga 113%. Semakan Audit seterusnya mendapati KPI ada dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah dan telah mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah serta dikemukakan kepada Kementerian Kewangan. Butiran pencapaian KPI untuk tempoh 2012 hingga 2014 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 27.16
PENCAPAIAN SEBENAR KPI PADA TAHUN 2012, 2013 DAN 2014

BUTIRAN/TAHUN	2012		2013		2014	
	Pemberat (%)	Pencapaian (%)	Pemberat (%)	Pencapaian (%)	Pemberat (%)	Pencapaian (%)
a. Kewangan						
Keuntungan Keseluruhan	40.0	39.0	30.0	30.0	30.0	40.0
b. Pengoperasian						
Keberkesanan Pengoperasian	-	-	-	-	10.0	10.0
c. Pengurusan Perhubungan Pelanggan						
Kecemerlangan Perkhidmatan Pelanggan	20.0	17.8	30.0	29.0	25.0	20.0
d. Peningkatan Perniagaan						
Pengaktifan Pelan Utama SIC	10.0	10.0	10.0	10.0	10.0	13.0
Pertumbuhan dan Pengekalan Perniagaan	-	-	10.0	4.0	5.0	8.0
Peningkatan Fasiliti Semasa	10.0	10.0	-	-	-	-
e. Peningkatan Proses Berterusan						
Pembelajaran dan Kemajuan	10.0	10.0	10.0	10	10.0	17.0
Indeks Penglibatan Majikan	10.0	0	5.0	5.0	5.0	-
Memperkemaskan Polisi Modal Insan	-	-	5.0	5.0	-	-
Kejayaan Perancangan Dan Pembangunan	-	-	-	-	5.0	5.0
SKOR KESELURUHAN	**100.00**	**87.0**	**100.0**	**91.0**	**100.00**	**113.0**

Pada pendapat Audit, SIC telah berjaya mencapai KPI yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, pihak Audit berpendapat SIC perlu mengambil kira kehadiran penonton tempatan secara keseluruhan yang hadir untuk menyaksikan perlumbaan F1 sebagai salah satu KPI SIC. Ini memandangkan kehadiran pengunjung tempatan juga memberi impak yang besar kepada penjualan tiket dan imej negara.

Maklum Balas SIC Yang Diterima Pada 8 Mac 2016

Mengikut perbincangan pada tahun 2013 dengan pihak Bahagian Pelaburan Syarikat Kerajaan (BPSK), Kementerian Kewangan, pihak Kerajaan telah menitik beratkan kehadiran pelancong luar negara bagi meningkatkan perbelanjaan domestik dan seterusnya dapat menyumbang di dalam peningkatan pendapatan negara. Oleh yang demikian, pihak BPSK telah menyarankan pihak SIC untuk memasukkan kehadiran pelancong asing ke acara-acara perlumbaan di SIC sebagai salah satu kayu ukur pencapaian prestasi syarikat. Pihak pengurusan juga sentiasa melaporkan kehadiran keseluruhan berserta pecahan penonton antarabangsa dan tempatan yang telah dimuat masuk ke dalam laporan keseluruhan setiap perlumbaan sewaktu pembentangan laporan tersebut di mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah.

27.5.3. Pengurusan Kewangan Syarikat

Syarikat perlu mengawal dengan rapi kos operasi dan peraturan berkaitan dengan perbelanjaan syarikat supaya dapat mengurangkan kos operasi syarikat dan mengelakkan pembaziran. Perbandingan perlu dibuat dengan kos operasi syarikat lain sebagai penanda aras kecekapan syarikat. Lembaga Pengarah Syarikat bertanggungjawab dalam menentukan dasar dan operasi syarikat serta memastikan pengurusannya dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan. SIC telah menyediakan SOP terkini yang berkuat kuasa pada 11 Mei 2015. Semakan Audit terhadap pengurusan kewangan syarikat mendapati perkara berikut:

27.5.3.1. Pembayaran Dividen

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 11 Tahun 1993 menetapkan bahawa syarikat perlu membayar dividen daripada sebahagian keuntungan yang diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan pada kadar sekurang-kurangnya 10% setiap tahun kepada Kerajaan selaku pemegang saham syarikat. Syarikat perlu mengemukakan kepada Kementerian Kewangan sebab-sebab yang munasabah sekira ia gagal membayar dividen kepada Kerajaan. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, SIC telah membayar dividen berjumlah RM2.75 juta dengan kadar dividen sebanyak 10%.

27.5.3.2. Pengurusan Perolehan

a. Dokumen Perjanjian Tidak Dimuktamadkan

Dokumen perjanjian merupakan suatu dokumen penting yang merekodkan terma-terma perjanjian bagi menjelaskan hak dan tanggungjawab pihak yang menandatangani kontrak secara bertulis dan sangat penting dalam pelaksanaan tanggungjawab oleh pihak yang terlibat. Pihak Audit mendapati satu perjanjian perkhidmatan berjumlah RM1.11 juta tidak dimuktamadkan walaupun perkhidmatan telah dilaksanakan. Perjanjian perkhidmatan

tersebut adalah perkhidmatan membekal dan memasang peralatan infrastruktur sementara untuk konsert selepas acara perlumbaan F1 tahun 2013. Bagaimanapun, sehingga kini didapati kontrak tersebut masih belum ditandatangani.

Pada pendapat Audit, setiap dokumen kontrak hendaklah dimuktamadkan sebelum kerja atau perkhidmatan dilaksanakan bagi menjaga kepentingan kedua-dua pihak dari aspek perundangan.

Maklum Balas SIC Yang Diterima Pada 11 April 2016

Keputusan atau butir-butir perincian produksi konsert hanya diperolehi daripada syarikat pengurusan artis dalam masa 2 minggu sebelum acara tersebut. Namun, kontrak tidak dapat disiapkan dalam waktu yang singkat (6 hari daripada acara dilangsungkan iaitu pada 29 Mac 2013) memandangkan pada ketika itu SIC menggunakan khidmat guaman luar (tiada eksekutif perundangan dalaman). Setiap kontrak di masa hadapan akan dimenterai sebelum kerja-kerja dilaksanakan.

b. Kelewatan Kelulusan Perolehan Perkhidmatan Oleh Jawatankuasa Perolehan

i. Mengikut SOP, kelulusan Jawatankuasa Perolehan (Sepang Procurement Committee - SPC) hendaklah diperoleh terlebih dahulu sebelum perolehan barangan/perkhidmatan dilaksanakan. Jawatankuasa Perolehan SIC terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Kewangan dan Ketua Pegawai Komersial.

ii. Semakan terhadap 4 kerja penyenggaraan berjumlah RM1.31 juta mendapati kesemua kerja tersebut telah pun dilaksanakan oleh sebuah syarikat penyenggaraan bangunan walaupun tiada kelulusan daripada Jawatankuasa Perolehan SIC. Setakat tarikh pengauditan dijalankan sehingga bulan November 2015, kelulusan oleh Jawatankuasa Perolehan masih belum diperoleh. Selain itu, jenama yang dibekalkan oleh kontraktor yang dilantik bagi pemasangan 20 unit penyaman udara baru 1.5 hp *split unit inverter* di *booth commentator* 1-9 *dan* 32-42 adalah berlainan seperti mana dalam sebut harga. Mengikut sebut harga tersebut, jenama yang sepatutnya dibekalkan adalah jenama acson/york. Bagaimanapun, semasa lawatan ke *booth commentator* tersebut, jenama yang dibekalkan adalah jenama *sharp* dengan harga seunit RM1,500. Selain itu, pihak Audit mendapati 20 unit penyaman udara yang lama telah dilupuskan. Bagaimanapun, tiada maklumat mengenai kelulusan

pelupusan aset diperoleh daripada pihak pengurusan SIC. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 27.17
PEROLEHAN TANPA KELULUSAN DARIPADA JAWATANKUASA PEROLEHAN SIC

SKOP KERJA	TARIKH SEBUT HARGA	TARIKH INBOIS	JUMLAH (RM Juta)
Upgrade chiller panel 1,2 & 3 and sensors at plant room, SIC	20.01.2015	23.04.2015	0.47
To supply and install new 40amp steel weatherproof 3 phase DB c/w accesories and power cable replacing the existing distribution board at all commentary booth, Sepang International Circuit	20.01.2015	23.04.2015	0.31
Proposal to upgrade chiller panel 1,2, and 3 and sensor at plant room, Sepang International	22.01.2015	23.04.2015	0.18
Revised Quotation to lay new 70mm2 XPLE/SWA/PVC LV Underground cable to replace the existing faulty cable from MSB Welcome Centre to hillstand prayer room, Sepang International Circuit	13.11.2014	23.12.2014	0.35
JUMLAH			**1.31**

Maklum Balas SIC Yang Diterima Pada 11 April 2016

a. Kelulusan secara bertulis daripada jawatankuasa perolehan telah diperolehi secara lisan sebelum kerja-kerja dilaksanakan. Namun, pembaikan kerja kerja kelulusan yang memakan masa panjang disebabkan oleh kemasukan ketua unit yang baru untuk meneliti dan memahami kerja-kerja yang dirancang atau dijalankan serta penambahbaikan kertas kerja yang dirangka. Setiap kelulusan akan diperolehi seawal mungkin sebelum kerja-kerja dijalankan.

b. Setelah menerima kelulusan dari pihak SIC melalui email untuk pelaksanaan kerja pemasangan 20 unit hawa dingin baru, pihak kontraktor telah memaklumkan bahawa jenama seperti dalam sebut harga mempunyai stok yang terhad pada masa itu. Walau bagaimanapun pihak kontraktor telah mencadangkan jenama Sharp dan jenama ini mempunyai ciri-ciri kelebihan lain berbanding dengan jenama York/Acson iaitu penggunaan R401 Gas (Environmental Friendly). Pihak kontraktor telah mengambil langkah proaktif dengan memasang jenama Sharp walaupun harga jenama Sharp adalah lebih tinggi dari jenama seperti dalam sebut harga. Pihak kontraktor juga telah menyerap kos lebihan sebagai tanggungjawab dalam melaksanakan kerja-kerja pemasangan diselesaikan dalam tempoh masa seperti ditetapkan oleh pihak SIC supaya tidak ada kelewatan semasa perlumbaan FI tahun tersebut (tempoh pelaksanaan dan penyiapan kerja seperti arahan SIC adalah sebelum 7 Mac 2015). Sebagai langkah penambahbaikan, kelulusan pertukaran jenama akan dilakukan secara bertulis.

c. Kesemua 20 unit lama telah dihantar ke site office pada 7 Mac 2015. Semasa pemeriksaan oleh Jabatan Kesihatan pada 7 Oktober 2015 telah memberi saranan agar kesemua barang-barang yang disimpan di kawasan terbuka site office dilupuskan / dibuang kerana berpotensi menjadi kawasan pembiakan nyamuk aedes. Pihak kontraktor telah merekodkan jumlah dan nombor siri unit lama tersebut dalam borang Rekod Pergerakan Peralatan/Equipment

Movement Record. Sebanyak 13 unit telah dilupuskan dan baki 7 unit masih dalam simpanan pihak kontraktor. Kesemua unit lama mempunyai kerosakan serta hakisan dan tidak boleh diguna pakai. Sebagai langkah penambahbaikan, proses pelupusan akan dikemas kini di mana kelulusan diperoleh terlebih dahulu dari pihak pengurusan.

c. Pesanan Belian Lewat Dikeluarkan

Pesanan Belian hendaklah dikeluarkan dan diluluskan terlebih dahulu sebelum perolehan sesuatu barangan/ perkhidmatan dibuat. Semakan Audit mendapati pesanan belian bagi 12 perolehan berjumlah RM0.33 juta telah dikeluarkan selepas barangan diterima atau perkhidmatan selesai dilaksanakan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 27.18
PESANAN BELIAN LEWAT DIKELUARKAN

NO. PO/ TARIKH PO	NO. INBOIS	TARIKH INBOIS	KETERANGAN PEROLEHAN	JUMLAH (RM)
12399/08.02.2013	2012/12/2103	04.12.2012	*Starting Grid And Pit Overhead Sticker*	8,500
12765/28.03.2013	2012/03/2012	04.03.2013	*Jaguar Branding*	44,440
13075/10.07.2013	2012/03/0024	22.03.2013	*F1 Additional Traffic Flow*	56,583
13109/19.07.2013	2013/05/0028	06.05.2013	*MSS – Alpine Star Branding*	10,200
12946/23.05.2013	2013/05/0027	06.05.2013	*MSS 2013*	5,000
13110/19.07.2013	2013/06/0039	17.06.2013	*Podium Super GT*	5,000
13111/19.07.2013	2013/07/0045	01.07.2013	*MSS Podium Car 2013*	2,500
13412/02.10.2013	2013/08/0059	30.08.2013	Acara MMER	2,700
13605/0H1.11.2013	2013/10/0068	14.10.2013	*MotoGP Paddock*	11,900
15590/16.01.2015	SIC/20010	25.08.2014	*Michelin Branding*	40,700
15042/08.10.2014	I-1409-002	17.09.2014	Insurans	3,439
15042/08.10.2014	I-1409-004	19.09.2014	Sewaan Trak	31,075
15650/23.01.2015	I-1410-009	24.10.2014	*Additional Sticker Work*	5,900
15570/07.01.2015	SIC303/14	28.10.2014	*Shell Flag – MotoGP 2014*	40,000
16108/24.04.2015	I-1502-005	18.02.2015	Insurans	6,600
15993/30.03.2013	I-1503-004	19.03.2015	F1 Zoomers 2015	11,480
0001647/20.08.2015	0000218	30.07.2015	Drive M7 Mineral Water	16,695
0001647/20.08.2015	0000217	30.07.2015	Drive M7 Mineral Water	16,695
0001647/20.08.2015	0000219	30.07.2015	Drive M7 Mineral Water	11,130

Sumber : Baucar Bayaran

Maklum Balas SIC Yang Diterima Pada 11 April 2016

Pesanan ini di buat pada masa atau ketika kejohanan berlangsung mengikut permintaan terakhir yang di buat oleh badan piawaian kejohanan seperti Federal International Automobile (FIA) dan Federal International Motorcycle (FIM). Perubahan ini juga tertakluk kepada pemilik kejohanan seperti Formula One Managament, Dorna mahupun pelanggan-pelanggan SIC dan dengan demikian pesanan belian lewat dikeluarkan. Penglibatan SIC dalam industri perkhidmatan sukan permotoran kebanyakannya tertakluk kepada permintaan pelanggan yang

mempunyai kuasa belian yang tinggi. Namun, pihak syarikat akan sentiasa bersifat pro-aktif untuk mendapatkan pengesahan seawal mungkin.

d. Kelewatan Menandatangani Perjanjian

Semakan Audit terhadap perjanjian perkhidmatan sewaan *LED Giant Screens* di Litar Antarabangsa Sepang berjumlah RM5.4 juta mendapati tarikh perjanjian tersebut dimeterai pada 22 Mei 2013 antara SIC dengan syarikat Nova Spectra Sdn. Bhd.. Mengikut terma tempoh perkhidmatan pula, tarikh mula perkhidmatan bermula pada 1 Januari 2012 sehingga 31 Disember 2015. Adalah didapati tempoh masa satu tahun diambil oleh SIC untuk memeterai perjanjian tersebut.

Maklum Balas SIC Yang Diterima Pada 11 April 2016

Kelewatan disebabkan oleh proses perundingan harga, aktiviti nilai tambah dan pilihan untuk membeli LED Giant Screen untuk ditempatkan di kawasan paddock yang berlarutan serta penggunaan khidmat guaman luar bagi penyediaan kontrak tersebut Sebagai langkah menambah baik proses perolehan, pihak SIC akan berusaha memastikan semua kontrak ditandatangani sebelum perkhidmatan dimulakan. Setiap kontrak pada masa hadapan akan dimenterai sebelum kerja dilaksanakan.

e. Tiada Butiran Terperinci Kos dan Klausa Penalti/Denda/Potongan

Semakan Audit terhadap dua perjanjian mengenai kerja penyenggaraan dan landskap mendapati perjanjian tersebut tidak menjelaskan secara terperinci mengenai kos setiap kerja. Perincian kos boleh digunakan sebagai asas bagi tujuan pemotongan sekiranya kontraktor tidak melaksanakan kerja. Selain daripada itu adalah didapati klausa penalti/denda/potongan tidak dimasukkan dalam perjanjian tersebut. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 27.19
PERJANJIAN PERKHIDMATAN YANG TIADA BUTIRAN TERPERINCI MENGENAI KOS KERJA DAN KLAUSA PENALTI/DENDA

SKOP KERJA	TEMPOH PERKHIDMATAN	JUMLAH (RM Juta)
Kerja penyenggaraan Mekanikal Dan Elektrik	01.07.2013 - 30.06.2016	1.92
Kerja Landskap	01.01.2014 - 31.12.2015	1.89

Sumber : Perjanjian Perkhidmatan Antara SIC Dengan Syarikat

Maklum Balas SIC Yang Diterima Pada 18 Mac 2016

Pihak SIC telah pun mengamalkan klausa penalti ini dalan kontrak-kontrak yang dimeterai mulai tahun 2015. Pihak SIC menyambut baik cadangan ini serta

mengambil kira pandangan Audit untuk memastikan klausa butiran penalti dimasukkan dalam setiap perjanjian yang dirangka pada masa hadapan. Langkah ini akan memastikan kelangsungan kontrak-kontrak yang dikeluarkan oleh SIC.

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan SIC masih boleh dipertingkatkan dengan mengadakan pemantauan yang lebih berkesan dan pematuhan kepada SOP yang sedia ada.

27.5.3.3. Pengurusan Perbelanjaan

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan telah diluluskan dan dibelanjakan mengikut maksud yang telah ditetapkan serta diperakaunkan dengan betul dan kemas kini, semakan Audit telah dijalankan terhadap aspek utama pengurusan bayaran. Hasil semakan Audit adalah seperti berikut:

a. Baucar Bayaran Tidak Dicop Telah DiBayar

SIC telah menetapkan polisi mengenai baucar bayaran di mana setiap baucar bayaran hendaklah disemak dan dilampirkan dengan dokumen sokongan yang lengkap. Semakan Audit terhadap baucar bayaran mendapati pematuhan kepada peraturan dan polisi. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati setiap baucar bayaran dan inbois tidak dicop telah dibayar.

Pada pendapat Audit, walaupun polisi syarikat tidak menetapkan supaya setiap baucar bayaran dan inbois dicop telah dibayar namun ia berfungsi sebagai unsur kawalan dalaman bagi mengelakkan kemungkinan pembayaran dua kali.

Maklum Balas SIC Yang Diterima Pada 8 Mac 2016

Baucar pembayaran yang ditandatangani oleh penerima adalah bukti pembayaran dan semua inbois berkaitan pembayaran dilampirkan bersama baucar pembayaran bagi mengelakkan kemungkinan pembayaran dua kali. Pihak SIC tidak merasakan keperluan setiap inbois dan baucar pembayaran dicop "telah dibayar atau paid". Walau bagaimanapun, pihak SIC akan menimbang pendapat Audit dan pada masa yang sama memastikan pengurusan yang cekap dan berkesan dengan sumber tenaga yang terhad.

b. Penggunaan Kad Kredit Persendirian Bagi Perbelanjaan Rasmi Syarikat

Lembaga Pengarah telah meluluskan penggunaan kad kredit korporat atas nama Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Akaun pada 3 Disember 2012. Semakan Audit terhadap sampel baucar bayaran tuntutan perjalanan

mendapati perbelanjaan rasmi telah dibuat menggunakan kad kredit peribadi oleh Ketua Pegawai Operasi dan Ketua Pegawai Kewangan. Semakan lanjut mendapati tiada SOP yang menetapkan penggunaan kad kredit peribadi bagi perbelanjaan rasmi. Selain itu, sampel perbelanjaan Ketua Pegawai Eksekutif untuk tempoh tahun 2013 dan 2014 menunjukkan tiada semakan dibuat oleh Bahagian Sumber Manusia/Bahagian Pentadbiran. Antara perbelanjaan yang dibuat menggunakan kad kredit peribadi adalah pembelian tiket kapal terbang, pembelian *door gift* dan pembayaran penginapan. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

JADUAL 27.20
PERBELANJAAN PEMBELIAN TIKET OLEH KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF DAN KETUA PEGAWAI KEWANGAN MENGGUNAKAN KAD KREDIT PERIBADI

TAHUN	PERBELANJAAN OLEH	JUMLAH (RM Juta)
2013	Ketua Pegawai Eksekutif	0.08
2014		0.15
2015		0.04
2013	Ketua Pegawai Kewangan	0.15
2014		0.16
2015		0.14

Sumber : Baucar Bayaran

Pada pendapat Audit, SIC sepatutnya memohon dan menggunakan kad kredit korporat untuk kegunaan perbelanjaan rasmi syarikat dan menetapkan jenis perbelanjaan seperti mana yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Maklum Balas SIC Yang Diterima Pada 18 Mac 2016

Penggunaan kad kredit Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan SIC telah mendapat kelulusan Ahli Lembaga Pengarah pada 3 Disember 2012 untuk urusan perbelanjaan syarikat apabila pembayaran perlu dibuat secara tunai atau kad kredit seperti pembelian tiket penerbangan dan penginapan hotel. Semua perbelanjaan yang dibuat menggunakan kad kredit adalah mengikut prosedur pembelian atau perolehan syarikat. Ketua Pegawai Eksekutif telah mengkhususkan kad kredit bagi penggunaan pembayaran perbelanjaan syarikat. Walau bagaimanapun, pihak SIC mengambil kira pendapat Audit sebagai salah satu langkah yang akan dipertimbangkan dengan membuka akaun korporat dengan agensi pelancongan bagi pembelian tiket penerbangan dan pembayaran penginapan hotel untuk semua tenaga pekerja SIC apabila diperlukan. Aspek penjimatan kos juga akan diambil kira dengan perbandingan harga yang ditawarkan oleh agensi dan pembelian melalui atas talian atau internet.

27.5.3.4. Pengurusan Aset

Menurut Akta Syarikat 1965, Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan tindakan sewajarnya diambil bagi memastikan aset syarikat diuruskan dengan cekap dan teratur serta mematuhi peraturan yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap SOP, SIC yang berkuat kuasa mendapati prosedur mengenai penyerahan aset ada diwujudkan. Bagaimanapun, perkara yang berikut tidak dilaksanakan oleh SIC:

a. Daftar Aset Tidak Lengkap Dan Kemas kini

Daftar Aset yang diwujudkan adalah tidak lengkap kerana butiran seperti tarikh pembelian, no baucar, nombor pesanan belian, butiran dan penjenisan mengenai aset, penempatan, pemeriksaan, pelupusan / hapus kira dan tandatangan tidak dinyatakan.

b. Aset Tidak Dilabelkan

Pihak Audit telah menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap aset yang telah dipilih dan mendapati aset tersebut tidak dilabelkan. Bagi memudahkan aset syarikat dikesan dan dipantau pergerakannya adalah disyorkan setiap aset yang dibeli oleh SIC dilabelkan dengan menggunakan nombor siri pendaftaran dan lokasi aset. Antara aset yang tidak dilabelkan adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 27.1

Televisyen Samsung
Lokasi : Ruang Tamu, Tingkat 2 Bangunan SIC
(04.01.2016)

GAMBAR 27.2

Visitor Traffic Analyzer
Lokasi : Bilik Stor ICT
(04.01.2015)

GAMBAR 27.3

Hyper Simulation
Lokasi : Tingkat 1, Bangunan SIC
(04.01.2016)

GAMBAR 27.4

Komputer Riba
Lokasi : Bilik Stor ICT
(04.01.2016)

GAMBAR 27.5

Kerusi Mesyuarat
Lokasi : Bilik Mesyuarat, Tingkat 2, Bangunan SIC
(04.01.2016)

GAMBAR 27.6

Penyaman Udara
Lokasi : Bilik Stor ICT
(04.01.2016)

Maklum Balas SIC Yang Diterima Pada 18 Mac 2016 dan 11 April 2016

Pihak SIC mengambil kira pandangan audit dan akan memastikan daftar aset dipertingkatkan dengan butir-butiran seperti yang dinyatakan. Daftar aset yang sediaada mempunyai butiran yang lengkap dan mencukupi mengikut keperluan yang diterimapakai oleh Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia atau Antarabangsa bagi penyediaan akaun syarikat. Pihak SIC sedang dalam rangka kerja untuk mencari sistem (Aset Tagging System) yang sesuai bagi pengurusan aset dengan mengambil kira saiz syarikat dan kos perlaksanaan yang akan memakan belanja yang besar. Pembelian dan persediaan untuk pelaksanaan dijangka siap pada 31 Disember 2016.

Pada pendapat Audit, daftar aset yang lengkap perlu diselenggarakan. Daftar Aset yang lengkap dan kemas kini penting bagi tujuan kawalan dan penyelenggaraan dan pengurusan aset di lokasi masing-masing. Selain itu, aset-aset yang dimiliki oleh SIC hendaklah dilabelkan. Pemeriksaan aset hendaklah dijalankan serta daftar pergerakan aset juga perlu disediakan bagi mengelakkan kehilangan dan salah guna aset.

27.6. SYOR AUDIT

Bagi memantapkan pengurusan perolehan, kewangan dan aktiviti syarikat, adalah disyorkan supaya pihak pengurusan SIC yang terlibat mengambil tindakan terhadap perkara yang berikut:

27.6.1. merangka pelan strategi pemasaran yang lebih efektif bagi menarik lebih ramai penonton antarabangsa hadir menyaksikan perlumbaan F1. SIC juga hendaklah menilai semula penganjuran konsert supaya bajet untuk penganjuran konsert digunakan bagi tujuan promosi pemasaran; dan

27.6.2. meningkatkan kawalan dalaman bagi setiap proses perolehan, pembayaran dan pengurusan aset.

PENUTUP

PENUTUP

Pada umumnya, Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan mempunyai perancangan yang baik untuk melaksanakan program/aktiviti/projek. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaannya masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu ditangani segera bagi memastikan sesuatu program/aktiviti/projek dilaksanakan dengan cekap, ekonomi, dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan. Sehubungan ini, diberikan beberapa cadangan bagi mengelakkan kelemahan-kelemahan di dalam Laporan ini daripada berulang:

a. memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan kepada pensampelan dan skop tertentu, Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Ketua Pegawai Eksekutif perlu menjalankan pemeriksaan secara menyeluruh untuk menentukan sama ada program/aktiviti/projek lain juga mempunyai kelemahan yang sama dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan. Sehubungan ini, Unit Audit Dalam selain daripada menjalankan penilaian terhadap sistem kawalan dalaman, perlu juga diminta menjalankan pengauditan perolehan dan pengauditan prestasi terhadap pengurusan program/aktiviti/projek untuk menentukan sejauh mana program/aktiviti/projek dilaksanakan dengan cekap, ekonomi, berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan;

b. berdasarkan pengauditan yang dijalankan, adalah didapati kelemahan dalam pelaksanaan program/aktiviti/projek yang berpunca daripada kurang pemantauan/penyeliaan oleh pihak yang dipertanggungjawabkan, kurang kepakaran teknikal dan bergantung sepenuhnya kepada perunding/kontraktor, ketiadaan penyelarasan antara agensi yang terlibat serta masalah dalaman yang dihadapi oleh kontraktor. Kelemahan ini menyebabkan program/aktiviti/projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, kualiti kerja tidak memuaskan, kos program/aktiviti/projek meningkat dan Kerajaan tidak mendapat nilai faedah terbaik (best value for money) bagi perbelanjaan yang telah dibuat. Objektif pelaksanaan program/aktiviti/projek juga tidak dapat dicapai sepenuhnya dan kurang memberi impak kepada kumpulan sasaran. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya:

    i. kajian terperinci dijalankan terlebih dahulu terhadap sesuatu projek Kerajaan sebelum ia diluluskan untuk pelaksanaan. Bagi tujuan ini, selaras dengan Arahan Perbendaharaan 182.1, agensi perlu mengemukakan maklumat lengkap seperti kedudukan status tapak projek, ringkasan projek, siling projek, peruntukan tahunan dan jadual pelaksanaan projek kepada jabatan

teknikal. Langkah ini perlu untuk memastikan semua projek dilaksanakan mengikut jadual dan Kerajaan mendapat nilai faedah terbaik (best value for money);

ii. *integrated planning* antara agensi terlibat perlu dilakukan di peringkat awal pelaksanaan projek terutama bagi projek yang besar. Contohnya Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Bomba Dan Penyelamat, pembekal utiliti seperti air, elektrik dan telekomunikasi, Pejabat Tanah serta Kerajaan Negeri perlu dibawa berunding sebelum sesuatu projek dilaksanakan supaya semua kemudahan asas dapat disediakan dan kelancaran projek tidak terjejas;

iii. Kementerian/Jabatan hendaklah mematuhi Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Kecil Piawaian Dan Kos bagi rujukan Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara semasa merancang sesuatu perolehan kerja bagi memastikan bangunan yang akan dibina mematuhi standard dan kos yang telah ditetapkan;

iv. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlulah mahir dalam prosedur Perolehan Kerajaan dan memberi latihan yang secukupnya kepada pegawai-pegawai yang terlibat dalam pengurusan perolehan. Langkah ini penting untuk mengelakkan salah laku, ketirisan dan kepentingan Kerajaan terpelihara serta Kerajaan mendapat *best value for money* bagi setiap perolehan.

v. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mempertingkatkan pengurusan aset Kerajaan untuk mengelakkan pembaziran dan memandang serius terhadap tugas penyenggaraan, pemantauan dan penyeliaan. Rekod mengenai aset perlulah sentiasa dikemas kini sebagai persiapan Kerajaan Persekutuan ke arah pelaksanaan perakaunan akruan;

vi. Ketua Perkhidmatan/Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah menubuhkan Jawatan kuasa Siasatan terhadap isu-isu yang ada unsur penyelewengan, pembaziran dan pemborosan. Tindakan yang tegas seperti mengenakan tindakan tatatertib atau surcaj perlu diambil terhadap pegawai yang didapati cuai/gagal melaksanakan tanggungjawabnya tanpa sebab-sebab yang munasabah sehingga menyebabkan Kerajaan menanggung kerugian;

vii. Syarikat Kerajaan hendaklah memastikan prestasi kewangannya sentiasa dalam keadaan yang baik, pengurusan aktivitinya dilaksanakan dengan teratur, berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan, dan pengurusan kewangan dan tadbir urus korporatnya selaras dengan peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan; dan

viii. Sebagai bukti komitmen yang tinggi, Pegawai-Pegawai Pengawal di Pejabat Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan hendaklah mengambil tindakan terhadap teguran Ketua Audit Negara dan membuat laporan yang benar dengan segera kepada Bahagian Susulan Audit, Jabatan Audit Negara agar segala tindakan dapat dikemas kini dalam Sistem Dashboard Jabatan Audit Negara.

c. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan lagi usaha penambahbaikan serta meningkatkan akauntabiliti dan integriti. Laporan ini juga penting dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti, kreativiti dan inovasi dalam perkhidmatan awam serta mewujudkan budaya kerja yang cepat, tepat dan integriti. Secara tidak langsung, ia akan menyumbang ke arah pencapaian **Program Transformasi Kerajaan 2.0 bagi Inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) untuk membanteras rasuah**.

Jabatan Audit Negara
Putrajaya
20 April 2016

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2016
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773
WJD007495

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
No 15, Aras 1-5
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62518 Putrajaya

www.audit.gov.my